736 - 371

KESULTANAN MELAYU MELAKA

KESULTANAN MELAYU MELAKA

Kajian Beberapa Aspek tentang Melaka pada Abad ke-15 dan Abad ke-16 dalam Sejarah Malaysia

Muhammad Yusoff Hashim Ph.D

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1990

KK 959 – 4019 4102
ISBN 983-62-0756-2

Cetakan Pertama 1989
Cetakan Kedua 1990
© Hakcipta Muhammad Yusoff bin Hashim 1989

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diatur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Muka Taip Teks: Bodoni (Kod 5041)
Saiz Taip Teks: 11/13 poin

M
959 · 5118
MYH

Dicetak oleh
Maziza Sdn. Bhd.
No. 9, Jalan 111, Kepong Baru,
52100 Kuala Lumpur.
$20.00

678010

24 DEC. 1989
[Perpustakaan Negara
Malaysia

... untuk Tun Seri Lanang, Ma Huan,
Tom Pires dan para bijak pandai
yang amat arif tentang Melaka.

Kandungan

Senarai Peta ix
Senarai Lampiran xi
Epigraf xiii
Sekapur Sirih xv
Prakata xix
Pendahuluan xxiii
Singkatan xxxiii

BAHAGIAN I – PERSEJARAHAN

1: Sumber Sejarah Kesultanan Melayu Melaka, 1400–1511 T.M. 3
2: *Sejarah Melayu*: Hasil Kreatif dan Sejarah Melayu tentang Kesultanan Melayu Melaka dan Permasalahan Naskhahnya 19
3: Sultan Mahmud Syah (Marhum Kampar): Penelitian Interpretatif daripada *Sejarah Melayu* 39
4: Hubungan Tradisional Melaka-Siak dilihat Melalui Penulisan *Hikayat Siak* atau *Sejarah Raja-Raja Melayu* 58

BAHAGIAN II – SEJARAH

5: Sultan-Sultan Melaka: Permasalahan Salasilah 95
6: Misteri Sultan Alauddin Riayat Syah 1 Melaka 113
7: Seri Bija Diraja dalam Tradisi Pembesar-pembesar Melayu Melaka pada Abad ke-15 dan Abad ke-16 128
8: Sistem Pentadbiran dan Politik Melaka 136
9: Pemikiran tentang Undang-undang dalam Kesultanan Melayu Melaka 198

10: Islam dalam Sejarah Perundangan Melaka 219
11: Perdagangan dan Perkapalan Melayu Melaka 236
12: Masyarakat Melaka 1400–1511 T.M. 272
13: Epilog: Melaka dalam Tradisi Sejarah Serantau dan Sejarah Negara 333

Lampiran 373
Bibliografi 397
Bibliografi Khas 409
Indeks 411

Senarai Peta

1. Tradisi Empayar-Empayar Serantau Mengikut Kronologi xxxvii
   - Empayar Funan xxxvii
   - Empayar Sriwijaya xxxviii
   - Empayar Melaka xxxix
   - Sebahagian daripada Empayar Johor-Riau xl
2. Melaka Sebagai Pusat Perdagangan Melayu di Timur xli

Senarai Lampiran

A. Berbagai-bagai Naskhah *Sejarah Melayu* mengenai Kesultanan Melayu Melaka 1400–1511 375
- Naskhah *COD.OR.1703* 375
- Naskhah *HS 587* 376
- Naskhah *COD.OR.1704* 377
- Naskhah *COD.OR.1716* 378
- Naskhah *HS 631* 379

B. Salinan Sebenar daripada Naskhah *Hikayat Siak, COD.OR. 7304*, hlm 1, di Perpustakaan Universiti Leiden 380

C. Salinan Sebenar daripada Naskhah *Hikayat Siak, W.191*, hlm 10, di Muzium Pusat Jakarta 381

D. Critera Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan [Cod.Or. 3199(3) part 4] 382

E. Susunan Raja-Raja Awal Melaka 386

F. Susunan Raja-Raja Awal Melaka 387

G. Salasilah Raja-Raja Melaka daripada Keturunan Palembang hingga Zaman Awal Johor 388

H. Salasilah Ringkas Sultan Mansor Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah Berdasarkan *Sejarah Melayu* 390

I. Salasilah Ringkas Sultan Mansor Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah Berdasarkan Catatan Tome Pires, *The Suma Oriental of Tome Pires*, hlm 251 dan hlm 252 391

J. Fasal-Fasal dalam *Undang-Undang Laut Melaka* dan *Hukum Kanun Melaka* yang Berunsurkan Undang-undang Islam 392

K. Hubungan Kekeluargaan antara Raja Melaka dengan Bendahara 395

"... Aku (Allah) lebih mengetahui apa yang kamu sembunyikan dan apa yang kamu nyatakan ..."
(Terjemahan al-Quran surah al-Mumtahanah 60:1)

Sekapur Sirih

Kesultanan Melayu Melaka merupakan permulaan suatu tradisi yang menjadi dasar pembentukan budaya politik Melayu. Kesultanan-kesultanan yang wujud di Malaysia sekarang mengakui adanya hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan kerajaan tua itu. Melalui Kesultanan Melayu Melaka, suatu paduan dalam sejarah Malaysia yang agak unik akan dapat dilihat. Oleh sebab itu, dalam penulisan sejarah Malaysia, Melaka biasanya diberikan tempat yang utama.

Menurut catatan orang Eropah pula, Melaka pada zaman dahulu adalah pelabuhan yang terkemuka. Duarte Barbosa (Portugis) misalnya, menyifatkan Melaka sebagai;

> "... the richest trading port and possesses the most valuable merchandise, and most numerous shipping and extensive traffic that is known in all the world."

Melaka menjadi pusat pertemuan antara Asia Barat dengan Asia Timur. Menurut Francois Valentijn (Belanda), pada abad ke-17 masih banyak kapal yang datang ke Selat Melaka terutamanya dari Benggala, Coromandel, Surat, Parsi, Ceylon, Jawa, Sumatera, Siam, Tonkin dan China.

Kepentingan Kesultanan Melayu Melaka dalam sejarah Malaysia tidak dapat dipertikaikan lagi dan banyak tulisan tentangnya telah ditulis oleh orang luar, tetapi penyelidikan tentang Kesultanan Melayu Melaka memang belum sempurna lagi. Masalah yang agak sukar untuk diatasi ialah mendapatkan bahan rujukan. Adanya rekod-rekod Dinasti Ming tentang kesultanan ini memang sudah lama diketahui dan beberapa orang sarjana seperti Willem P. Groeneveldt, Hsu Yun-tsiao dan Wang Gungwu telah menulis tentang Kesultanan Melayu Melaka berasaskan rekod Ming itu.

Walau bagaimanapun, rekod Ming tentang Melaka hanya terhad pada tiga puluh tahun pertama abad ke-15. Selepas itu negeri China mengasingkan diri daripada dunia luar dan keadaan ini sangat merugikan dari

segi persejarahan Kesultanan Melayu Melaka. Walaupun para sarjana sekarang dapat menggunakan rekod yang disimpan oleh Portugis, tetapi catatan orang Portugis banyak bergantung pada maklumat sekunder kerana orang Portugis hanya tiba di Melaka pada awal abad ke-16.

Namun demikian bilangan kajian yang menggunakan rekod Portugis juga amat terbatas. Tulisan yang berwibawa dan penting pernah dihasilkan oleh Ian A. MacGregor, pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya (Singapura), pada pertengahan tahun 1950-an. Tetapi beliau telah meninggal dunia di Afrika sebelum berusia 30 tahun dan tidak sempat untuk menyelesaikan penyelidikannya. Tambahan pula, MacGregor lebih memberikan tumpuan pada kuasa Portugis di Melaka daripada tumpuan pada kerajaan Melaka tua tersebut.

Justeru itu bagi mereka yang berminat dalam sejarah Malaysia, Kesultanan Melayu Melaka masih merupakan suatu bidang yang memerlukan huraian yang lebih mendalam. Secara umum, ramai yang mengetahui bahawa Kesultanan Melayu Melaka menduduki tempat yang istimewa dalam sejarah Malaysia. Zaman itu dianggap sebagai zaman gilang-gemilang dalam sejarah negara ini, tetapi persepsi mereka tentang masyarakat Melaka terhad pada cerita-cerita yang menarik tentang tokoh-tokoh seperti Sultan Alauddin, Tun Perak dan Hang Tuah.

Yang anehnya hingga sekarang belum ada sebuah buku ilmiah tentang Kesultanan Melayu Melaka. Tulisan R.J. Wilkinson dalam jurnal *Royal Asiatic Society* dan *Malayan Branch*, masih kerap digunakan sebagai bahan rujukan utama. Tulisan-tulisan yang diselenggarakan lebih kurang 40 tahun kebelakangan ini tidak banyak dibaca oleh guru dan murid di sekolah kerana tulisan yang berbentuk ilmiah biasanya diterbitkan dalam majalah akademik yang jarang-jarang dibaca oleh orang ramai.

Lantaran itu persepsi umum tentang Kesultanan Melayu Melaka lebih tertumpu pada perkara-perkara yang agak menonjol seperti perang dan pemerintah atau peristiwa-peristiwa yang dramatis. Kesultanan Melayu Melaka diingati kerana kesultanan tersebut dibanggakan oleh generasi sekarang. Tidak ramai yang menyoal tentang kaitan antara kerajaan tua itu dengan masyarakat Malaysia masa kini.

Sedikit sebanyak ahli sejarah Barat generasi dahululah yang bertanggungjawab mewujudkan salah faham tentang latar belakang sejarah negara ini. Dalam buku-buku sejarah Malaysia dahulu, pengarang-pengarang Barat memberikan tempat yang sewajarnya pada sejarah Kesultanan Melayu Melaka, tetapi bagi zaman selepas jatuhnya negeri Melaka, perkara yang diutamakan ialah hadirnya kuasa-kuasa Barat di negara ini – Por-

tugis, Belanda dan British. Mereka hanya kembali kepada masyarakat peribumi menjelang kemerdekaan.

Tidak banyak disebutkan tentang sejarah kerajaan-kerajaan Melayu kecuali apabila ada pertembungan antara kerajaan Melayu dengan kuasa-kuasa asing, misalnya, Kedah dengan Francis Light, Johor dengan Stamford Raffles dan Negeri-negeri Melayu Utara dengan kuasa Siam. Sejarah Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang pula dibincangkan dalam konteks campur tangan British. Orang yang cuba meneliti dan menganalisis masyarakat Melayu dahulu ialah ahli antropologi sosial dan bukan ahli sejarah.

Oleh yang demikian, penuntut sejarah mempunyai pengetahuan yang cetek tentang sifat dan proses perkembangan masyarakat. Mereka menganggap sejarah sebagai suatu kumpulan cerita yang menarik tetapi tidak begitu berguna kerana cerita hanya bertujuan untuk menghibur. Sebenarnya sejarah bukanlah disiplin yang remeh-temeh. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan memang ada ahli sejarah yang bermutu dan ahli sejarah yang sederhana. Sejarah merupakan asas bagi manusia untuk memahami alam sekitarnya. Tanpa pengetahuan sejarah, mustahil untuk manusia memahami segala-gala yang berlaku di sekelilingnya sama ada gejala-gejala itu bersifat politik, ekonomi atau sosial.

Masyarakat di dunia ini hanya dapat difahami berasaskan peradabannya. Sambutan sesebuah masyarakat terhadap sesuatu yang baru sama ada ideologi, sistem ekonomi atau amalan budaya banyak dipengaruh oleh sifat peradaban aslinya. Yang membezakan orang Jepun dengan orang Thai bukanlah teknologi tetapi peradaban. Sehingga sekarang cara hidup orang Jerman berbeza daripada cara hidup orang Inggeris kerana pengaruh peradaban walaupun kedua-dua negara tersebut telah lama mengalami revolusi perindustrian.

Oleh yang demikian, untuk memahami masyarakat Melayu zaman sekarang, peradaban Melayu yang awal perlu diambil berat. Harus diakui bahawa peradaban Melayu bermula lebih awal daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Tetapi pada zaman itu banyak perubahan penting telah berlaku. Yang penting sekali ialah kedatangan Islam. Agama Islam telah membentuk semula masyarakat Melayu. Amalan kebiasaan yang lama tidak sama sekali dihapuskan. Suatu proses sintesis berlaku. Kesan-kesannya agak kekal. Ini bukan pula bererti bahawa apabila teknologi moden bermula di sini pada abad ke-19, masyarakat Melayu masih bertahan dengan peradaban lama.

Tetapi sejauh mana masyarakat Melayu terpengaruh dalam budaya teknologi moden tidak akan dapat diukur sekiranya pengetahuan sekarang

tentang peradaban Melayu dan proses perkembangannya tidak mendalam. Apa yang berubah atau yang tidak berubah hanya jelas jika sesuatu perbandingan yang rapi dapat dilakukan antara yang lama dengan yang baru. Tuntutan akan lebih bererti jika zaman dahulu diutamakan dan bukannya zaman hadapan kerana hakikatnya bahawa zaman dahulu telah diketahui tetapi zaman hadapan masih kabur. Manusia dapat mengambil iktibar daripada perkara yang diketahui bukan perkara yang tidak diketahui. Dan segala perancangan untuk masa depan seharusnya berasaskan perkara yang sudah diketahui.

Buku ini, karangan Dr. Muhammad Yusoff Hashim, merupakan suatu usaha untuk meneliti sejarah Kesultanan Melayu Melaka dari pelbagai sudut. Walaupun buku ini bukan kata pemutus tentang aspek-aspek kerajaan Melayu tua itu, pengarang cuba memberikan jawapan yang kemaskini tentang beberapa perkara yang biasanya ditimbulkan tentang Kesultanan Melayu Melaka. Keseluruhannya, jawapan-jawapan itu dapat mewujudkan gambaran yang jelas tentang kesan-kesan budaya Melaka tua terhadap budaya masyarakat Malaysia sekarang.

Dr. Muhammad Yusoff Hashim bukanlah sarjana baru. Bagi ahli sejarah yang berminat dalam kajian sejarah masyarakat Melayu, tulisan-tulisan beliau khususnya yang bersifat ilmiah, sudah lama dikenali. Setiap karya beliau memperlihatkan ketelitian dan penyelidikan yang sangat meyakinkan. Tidak ramai para sarjana generasi sekarang yang mempunyai ketinggian tingkat kesabaran dan kerajinan yang sama seperti beliau.

Mudah-mudahan karya ini akan memberikan ilham kepada para sarjana yang lebih muda agar memberikan perhatian yang lebih berat terhadap sejarah peradaban Melayu. Tidaklah memadai dengan hanya mengetahui tentang orang yang memerintah dan tokoh-tokoh zaman dahulu. Sama ada generasi sekarang berasa bangga atau sebaliknya dengan kerajaan tua adalah satu soal yang berbeza. Di sini bukanlah tujuan Dr. Muhammad Yusoff Hashim untuk menjawab soalan itu. Yang lebih penting ialah soal tradisi dan budaya; inilah yang membentuk keperibadian sesuatu bangsa dan negara. Memang banyak lagi yang dapat ditulis tentang peradaban Melayu dan tidaklah menghairankan jika pada masa akan datang orang yang tetap memberikan sumbangan yang utama dalam hal ini ialah Dr. Muhammad Yusoff Hashim sendiri.

Profesor Dato' Khoo Kay Kim
Jabatan Sejarah Universiti Malaya

Prakata

Pesan Tun Seri Lanang,

> "... supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingatkannya oleh segala mereka itu, syahadan, adalah beroleh faedah ia daripadanya".
>
> (*Sejarah Melayu*, Singapura, 1961, hlm 2)

Pembesar dan ahli sejarah Melayu ini tentu beralasan untuk meninggalkan pesan kepada anak cucunya ketika beliau merawikan teks *Sejarah Melayu*. Teks ini memerihalkan kerajaan Melayu Melaka yang dirawikan dari sudut pandangan Melayu totok. Amat banyak rahsia sejarah yang tersembunyi di sebalik kerajaan ini yang wujud kira-kira seabad lebih itu. Tempoh tersebut sebenarnya tidaklah terlalu panjang dan lama. Tetapi kekesanan sejarah, warisan kebudayaan, adat istiadat Melayu, falsafah dan konsep bermasyarakat dan institusi politik yang ditinggalkan oleh kerajaan ini dalam ruang dan perspektif prasejarah Malaysia, dari dulu sampai sekarang, amatlah bermakna dan besar ertinya.

Sebagai seorang yang mempunyai kesedaran sejarah mengenai masa-masa lalu (dirawikan *Sejarah Melayu* pada tahun 1612), dan sebagai seorang yang mempunyai pandangan yang tajam tentang hal-ehwal semasanya (sekitar penghujung abad ke-16 dan beberapa dekad awal abad ke-17), serta juga sebagai seorang yang berpandangan jauh tentang masa hadapan bangsanya, pesanan Tun Seri Lanang ini memanglah relevan. Beliau menulis segala maklumat yang diperolehnya (secara lisan) dan pengetahuan yang dimilikinya mengenai Melaka dan Johor Lama sebelum tahun 1612 di dalam teksnya. Tetapi maklumat dan pengetahuan ini tidaklah mencukupi untuk kita melihat dan mendapatkan pengetahuan yang jelas dan luas tentang berbagai-bagai bidang sejarah kesultanan ini. Ini disebabkan teks sejarah ini dikongkong oleh matlamat dan etos yang menjadi asas semasa kerja merawikannya.

Berbagai-bagai sumber lain (sejarah ataupun bukan sejarah) yang ber-

kaitan dengan Melaka pada abad ke-15 dan awal abad ke-16 secara langsung ataupun tidak langsung digunakan setanding dengan beberapa sumber peribumi yang boleh didapati pada masa ini. Sumber terpilih yang digunakan haruslah ditafsirkan bagi mendapatkan fakta sejarah yang setepat dan sewajar mungkin tentang Melaka pada abad-abad yang dibincangkan. Sebenarnya proses memperoleh, memilih, meneliti secara intrinsik sumber-sumber ini merupakan suatu jurusan dan sains dalam ilmu persejarahan, sebelum sesuatu hal sejarah itu dibahas dan dituliskan.

Maklumat dan tafsiran daripada sumber-sumber inilah yang dituliskan dalam buku ini, bagi melihat dan memperkatakan secara menyeluruh pelbagai aspek sejarah Kesultanan Melayu Melaka. Daripada corak kajian dan penulisan, buku ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian persejarahan dan bahagian sejarah – sejarah Melaka itu sendiri dan Melaka dalam persejarahan Malaysia serta persejarahan serantau. Ini disebabkan selama ini kita beranggapan bahawa sejarah Kesultanan Melayu Melaka ialah sejarah yang bertumpu hanya di sekitar pelabuhan Melaka dan di sekeliling kota kosmopolitan Melaka sebenar sahaja. Akibatnya, pemahaman dan pemerhatian kita selama ini tentang kesultanan tersebut hanya dikhususkan dan disempitkan di persekitaran kawasan yang kecil. Secara tidak langsung, hubungan secara fizikal, politik, ekonomi dan kebudayaan kawasan kecil ini dengan kawasan, kerajaan dan masyarakat sekeliling dan sejiran, seperairan dan serantau, amat sedikit diperkatakan. Kita hanya mengetahui, bahawa Melaka hanya sebuah empayar.

Persoalan tentang hubungan kebudayaan dan masyarakat di sebuah rantau budaya yang luas, tetapi yang berpusat dan berlandaskan di Melaka sebenar, falsafah sejarah dan erti persejarahan yang diberikan oleh kesultanan ini bagi persejarahan Malaysia dan persejarahan rantau ini, mulai tahun 1400 sehingga sekarang, sukar untuk difahami sebab amat sedikit atau tiada ahli sejarah yang sanggup atau mampu untuk memikirkannya sehingga ke peringkat atau ke tahap itu. Akibatnya, pemahaman sejarah dan persejarahan Melaka dalam konteks sejarah negara dan rantau ini menjadi amat sempit sifatnya seperti yang terdapat pada hari ini.

Memuji pencapaian dan keagungan sesuatu yang lepas dalam semangat nostalgia semata-mata adalah merugikan dan tidak bermakna. Tetapi memahami hal-ehwal masa yang lalu itu dengan penuh kesedaran dan keinsafan sejarah, dan menghubungkannya dengan hal-ehwal masa kini bagi pedoman dan panduan untuk menentukan perihal masa hadapan pula, boleh menguntungkan masyarakat dan bangsa. Ini disebabkan sejarah Kesultanan Melayu Melaka pada masa lepas, dengan sejarah Malaysia

pada masa sekarang dan masa akan datang mempunyai kesinambungannya. Selama kesinambungan ini terjalin, selama itulah masyarakat Melayu wujud dan akan bertahan terus.

Di sinilah natijah pesanan Tun Seri Lanang tadi. Beliau membekalkan banyak maklumat dan pengetahuan kepada kita tentang Kesultanan Melayu Melaka, untuk dihayati dan dijadikan iktibar pada hari ini, sekaligus untuk kita memperoleh faedah daripadanya. Sesuatu pengalaman dan pengetahuan tentang hal-hal yang lepas adalah 'guru' kita. Semuanya adalah mutiara maklumat yang tidak ternilai harganya untuk dipelajari, sebab sejarah itu mengajar!

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang membantu saya untuk menyelenggarakan dan menerbitkan buku ini, terutamanya kepada para pelajar sejarah dan Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Puan Rahimah binti Harun dan Encik Baharin bin Aiyob dari Bahagian Buku Pelajaran, Dewan Bahasa dan Pustaka, khususnya dalam kerja-kerja penyuntingan. Ucapan terima kasih yang istimewa saya tujukan kepada Profesor Dato' Dr. Khoo Kay Kim yang memberikan 'sekapur sirih' untuk buku ini, selepas beliau mendorong dan menggalak saya menulis secara kritis berbagai-bagai aspek tentang sejarah Kesultanan Melayu Melaka. Akhirulkalam, penghargaan saya kepada semua pihak yang turut membantu.

Prof. Madya Dr. Muhammad Yusoff Hashim
Ketua Jabatan Sejarah
Universiti Malaya

(Oktober 1988)

Pendahuluan

Kajian dan penulisan tentang Kesultanan Melayu Melaka telah banyak dibuat sama ada oleh sarjana tempatan mahupun oleh sarjana luar. Kajian dan penulisan yang paling diminati ialah sejarah kesultanan tersebut. Oleh sebab itu, hasil-hasil kesusasteraan dalam bidang dan disiplin sejarah seperti inilah yang paling banyak kita temui dalam berbagai-bagai bahasa seperti Melayu-Indonesia, Inggeris, Portugis, Belanda, Perancis, Cina, Tamil dan Jepun. Apabila membahaskan bahasa Melayu klasik, linguistik, Islam dan berbagai-bagai genre kesusasteraan dan kebudayaan *per se* untuk jangka masa kesultanan berkenaan, maka bahasa Polish dan Rusia juga termasuk.[1] Hal ini menggambarkan betapa popularnya kesultanan ini dalam ruang lingkup sejarah dan kebudayaan Melayu. Walau bagaimanapun, kebanyakan hasil tulisan ini adalah dalam bentuk rencana yang dimuatkan dalam jurnal, majalah berkala, bab atau sebahagian daripada buku dan kertas kerja.[2] Tiada suatu pun penulisan yang pertaliannya baik, berbentuk buku, yang khusus membahaskan berbagai-bagai bidang sejarah dan persejarahan kesultanan yang wujud sekitar tahun 1400 sehingga tahun 1511 yang dari segi geopolitiknya disebut Melaka sekarang.

Mulai dari tahun 1536, apabila terdapatnya teks *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* (yang dipercayai sebagai resensi terawal dan pertama wujud yang memperkatakan secara naratif dan secara 'berhikayat' tentang

---

[1]Penelitian *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Tuah* dalam bahasa Polish terdapat dalam koleksi Robert Stiller, *Antologia Literatury Malajskiej* (Anthology of Malay Literature), Zaktad Norodowy im Ossolinskkh, Wroctaw, 1971, hlm 238 – 262; Dalam bahasa Perancis, Devic L. Marcel memperkatakan *Sejarah Melayu* dalam bukunya *Legendas et Traductions Historiques de l'archipel Indien (Sadjerat Malayou): Traduit pour la Premiere fois du Malais en Francais par...* (Legends and Historical Translations of the Indian Archipelago (Sejarah Melayu); Translated for the first time from Malay into French by...), Paris , VIII, 1878; Di Rusia, teks ini dibahaskan oleh Boris B. Parnickel, "An insufficiently Studied Work of Malay Literature", dalam *Revue d'Histoire de la Civilisation modiale*, Moscow, 11, xiv, 1959, hlm 87 – 105.

[2]Kertas-kertas kerja yang terakhir membincangkan berbagai-bagai aspek sejarah dan kebudayaan Melaka, ditampilkan pada awal tahun 1987, di bandar Melaka, anjuran Kerajaan Negeri Melaka, dalam *Konvensyen Antarabangsa Pengisytiharan Melaka Sebagai Bandaraya Bersejarah*, 13 – 15 April 1987. Kertas kerja yang berkenaan dibahagikan kepada tahap-tahap Kesultanan Melayu Melaka, zaman Portugis, Belanda, Inggeris dan selepas merdeka.

'sejarah' sebuah kerajaan atau kesultanan Melayu di pinggiran timur pantai Selat Melaka dan yang terletak di bahagian barat tebing sebuah muara sungai di Semenanjung Tanah Melayu. Dengan adanya teks tersebut, maka wujudlah secara dokumentasi dan bukti bertulis tentang berbagai-bagai bidang bagi disiplin sejarah kerajaan atau kesultanan tersebut. *Sejarah Melayu* telah dapat membuktikan kewujudan kesultanan ini, walaupun sebagai dokumentasi sosial, teks ini bercorak dalaman. Sebaliknya, sebagai penulisan sastera yang bercorak sejarah, *magnum-opus* Melayu ini telah menjadi pembekal sumber maklumat yang paling berharga untuk kita pada masa sekarang, iaitu tentang kesultanan Melayu yang telah wujud selama lebih kurang 111 tahun, sepanjang abad ke-15 dan pada awal abad ke-16. Pembuktian sejarah ini diperkuat dan disokong pula oleh hasil penulisan semasa yang wujud seperti hasil kesusasteraan Melaka yang bercorak undang-undang.[3] Oleh itu, sejarah dan kewujudan kesultanan ini telah mula diketahui ramai.

Maklumat tentang Melaka beberapa dekad awal abad ke-15, sebenarnya diperkayakan oleh laporan pelawat dan pedagang yang menyertai misi diplomat China ke Melaka, mewakili pihak Maharaja Yung-lo daripada Dinasti Ming. Tetapi hanya di sekitar penghujung tahun 1960-an, barulah maklumat daripada laporan ini timbul dan seterusnya diselidik, kemudian digunakan sebagai sumber rujukan.[4] Kewujudan laporan China ini sebenarnya telah disedari sejak lebih daripada setengah abad sebelum itu. Pada dekad akhir abad ke-19, Willem P. Groeneveldt, ketika menulis nota tentang Gugusan Kepulauan Melayu, Indonesia dan Tanah Melayu, menyebut bahawa rujukan untuk penulisannya diambil daripada sumber China[5]

---

[3]Rujuk Bab 1, Bab 9 dan Bab 10 buku ini. Seawal yang diketahui Ph. S. van Ronkel menulis salah sebuah teks perundangan Kesultanan Melayu Melaka dengan judul *Risalat Hoekoem Kanoen, Iaitoe Oendang-oendang Melaka*, Leiden, 1919. Pada tahun 1976, teks ini dihuraikan dengan kritis oleh Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Melaka* (The Laws of Melaka), The Hague, 1976. Setakat ini hanya R.O. Winstedt dan Josselin de Jong yang telah mengedit salah sebuah versi teks *Undang-undang Laut Melaka*, dalam rencananya "The Maritime Laws of Malacca", dalam *JMBRAS*, Vol 29, Pt 3, 1956, hlm 22 – 59.

[4]Kira-kira sedekad sebelum itu, W.W. Rockhill telah mengkaji hubungan dagang antara China dengan beberapa kawasan di bahagian timur Nusantara dan Lautan Hindi. Kajiannya diterbitkan dalam siri-siri *Toung Pau*, dari tahun 1913 hingga tahun 1915. Kajian untuk bidang yang sama dengan merujuk laporan-laporan China di sepanjang tahun 1960-an, telah dibuat oleh Wang Gungwu dan salah sebuah hasil tulisannya yang menarik perhatian ialah "The Opening of Relations between China and Malacca, 1403 – 05", dalam J. Bastin and R. Roolvink, (ed), *Malayan and Indonesian Studies*, Clarendon Press, Oxford, 1964, hlm 87 – 104.

[5]Willem P. Groeneveldt telah menulis sekurang-kurangnya tiga buah rencana yang berhubung dengan pertalian antara kegiatan perdagangan China dengan Gugusan Kepulauan Melayu dan gambaran alam Melayu yang dirujuk pada laporan-laporan China. Salah sebuah hasil tulisannya ialah "Notes on the Malay Archipelago and Malacca, Compiled from Chinese Sources", dalam *VBG*, Vol 39, Batavia, 1880.

yang turut menyebut tentang Melaka. Apabila diketahui adanya sumber dari China ini, seterusnya digunakan untuk rujukan dan tafsiran, maka berbagai-bagai masalah tentang sejarah Melaka yang selama ini menimbulkan persoalan dan kekeliruan sejarah, telah dapat diperjelaskan. Salah satu aspek masalah sejarah yang menonjol ialah perihal salasilah Kesultanan Melayu Melaka. Apabila sumber peribumi daripada tradisi hikayat dan sumber Portugis gagal menghuraikan masalah salasilah ini, maka sumber China telah menjadi alternatif yang amat membantu untuk menghuraikannya.

Hanya beberapa tahun selepas tahun 1511, terbit pula sebuah buku tentang Melaka, iaitu *The Suma Oriental*. Penulisnya, Tome Pires, yang berbangsa Portugis, melakarkan suatu gambaran yang jelas, khusus tentang masyarakat Melaka dari tahun 1400 sehingga tahun 1515, walaupun didakwa mengikut sudut pandangannya. Lakaran sejarah tersebut dibuat ketika beliau berada di kota kosmopolitan Melaka dari tahun 1512 sehingga tahun 1515, iaitu tahun-tahun awal penaklukan dan pendudukan (bangsa Portugis Eropah yang pertama ini di Melaka). Mungkin disebabkan Tome Pires menyaksikan sendiri suasana pada dekad-dekad awal zaman peralihan, iaitu daripada penguasaan Melayu kepada penguasaan Portugis, maka beliau bersikap condong ke arah Portugis, sambil cuba mempertahan, mengekal dan memuji(?) nilai-nilai tulen keportugisannya, dari segi etos, agama, kepercayaan dan pandangannya tentang dunia.

Tome Pires telah menyaksikan suatu suasana baru yang mungkin asing baginya dalam sebuah bandar pelabuhan, iaitu suasana keruntuhan secara geopolitik sebuah kuasa politik Melayu yang didakwanya lemah. Sekiranya kita pertemukan dua watak manusia, yang telah menggambarkan atau menaratifkan tentang Melaka selama lebih seabad itu, iaitu antara watak Tome Pires dengan watak Tun Seri Lanang atau perawi* *Sejarah Melayu*, iaitu salah satu daripada versi yang tertua, kita akan dapat melihat perbezaan hitam dan putih antara kedua-duanya. Satu watak dengan sifat kemelayuan dan yang satu watak lagi dengan sifat keportugisan! Dalam konteks inilah maka sumber dari China tadi memainkan peranan sebagai 'pihak tengah' yang cukup penting.

Walau bagaimanapun, keistimewaan lakaran Tome Pires terletak pada kedudukan individunya, iaitu beliau mengamati sesuatu yang paling hampir dengan masa hidupnya. *The Suma Oriental* merupakan sumber primer dalam salah satu bahasa Eropah yang pertama tentang Melaka.

*Seseorang yang menyalin semula sebuah naskhah lama dan dengan sesuka hati menokok tambah atau membuang kandungan naskhah yang disalin mengikut matlamat dan citarasanya.

Oleh itu semasa menulis tentang Melaka, mungkin Tome Pires masih dapat menyaksikan kepulan asap yang telah menghanguskan istana Melaka, masih dapat melihat air mata wanita Melayu Melaka yang belum kering sebab meratapi suami mereka yang gugur dalam peperangan, dan masih dapat melihat sisa-sisa dan kesan peninggalan sebuah kesultanan Melayu. Oleh yang demikian, dengan sendirinya sumber primer Portugis yang lain tentang Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16 menjadi kurang penting. Braz de Albuquerque, iaitu anak Alfonso de Albuquerque, telah menulis buku yang bertajuk *The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque, Second Viceroy of India* (diselenggarakan oleh Walter de Gray Birch) tentang Melaka dan kegiatan ayahnya di sana, sedangkan beliau sendiri tidak pernah ke Timur. Beliau menulis berdasarkan catatan diari ayahnya sahaja. Beliau memuji ayahnya dengan menggunakan daya imaginasi yang sungguh keterlaluan. De Eredia telah menulis perihal Kesultanan Melayu Melaka kira-kira seratus tahun selepas kuasa Melayu ini lenyap daripada bumi Melaka, walaupun beliau lahir dan dibesarkan di Melaka pada abad ke-17. Francois Valentyn yang berbangsa Perancis menuliskan hal yang sama hampir dua ratus tahun selepas tahun 1511, iaitu pada dekad-dekad awal abad ke-18. Begitu juga dengan hasil tulisan orang Portugis yang lain tentang Melaka pada abad ke-15. Penulis seperti Joao de Barros, de Castanheda, de Diogo de Couto, Duarte Barbosa dan de Correa (catatannya dalam *Lendas da India*), semuanya berlandaskan sumber sekunder belaka, dengan tafsiran masing-masing tentang masyarakat Melayu di Melaka yang beraneka ragam.[6]

Ketiga-tiga kelompok sumber yang saling berasingan tentang Melaka ini, iaitu sumber peribumi Melayu, sumber China dan sumber Portugis, merupakan landasan sumber bagi membahaskan berbagai-bagai aspek sejarah kebudayaan dan Kesultanan Melayu Melaka. Kesemuanya menjadi sumber primer. Bermula daripada ketiga-tiga kelompok sumber inilah maka lahir dan muncul hasil tulisan yang lain tentang Melaka, sama ada dalam bahasa tempatan mahupun dalam bahasa asing. Oleh sebab hampir kesemuanya dicetak dan diterbitkan, maka hasil tulisan ini menjadi sumber sekunder. Apabila sumber primer dan sumber sekunder digabungkan, maka sekarang terdapatlah berbagai-bagai hasil tulisan semasa tentang Kesultanan Melayu Melaka. Ada juga penulis dan pengkaji yang dapat menampilkan sumber primer yang baru dan sumber yang belum

---

[6]Karya Joao de Barros telah diselenggarakan oleh H. Cicades dan M. Murais dalam *Asia de Joao de Barros*, 4 jilid. Lisbon, 1945–6. *Decada* kedua, hlm 250. Rujuk tentang sumber Portugis dalam Bab 1 buku ini.

pernah diketahui selama ini. Perbezaan hasil tulisan penulis ini hanya disebabkan oleh kaedah yang mereka gunakan untuk mendekati bidang masing-masing. Ini termasuklah cara penyampaian mereka berdasarkan disiplin yang digunakan dengan tafsiran yang berlainan, merujuk pada pemahaman masing-masing terhadap sumber primer yang sedia ada dan bahan-bahan sekunder yang pernah ditulis dan yang mereka peroleh.[7]

Kesan-kesan dan bahan tinggalan purba yang bukan bercorak tulisan dapat menambah koleksi sumber primer tentang Melaka. Sumber primer yang bercorak demikian yang terdapat pada hari ini termasuklah batu-batu nisan beberapa orang raja Melaka, keping-kepingan wang logam yang tercatat nama raja dan jangka masa pemerintahan mereka, dan berbagai-bagai jenis keris Melayu yang terdapat di Muzium Lisboa di Portugal.

Daripada bahan-bahan rujukan seperti inilah berbagai-bagai aspek sejarah Kesultanan Melayu Melaka dapat dihuraikan dalam buku ini. Huraiannya, secara relatif, terbahagi kepada tiga bahagian yang umum, iaitu pertama, bahagian sumber yang membekalkan pengetahuan kepada kita tentang kesultanan tersebut; kedua, bahagian sejarah yang dibina dan ditafsirkan daripada nilai, pendapat dan pengamatan penulis buku ini sendiri, dengan merujuk pada maklumat dan fakta daripada sumber yang dibekalkan tadi; dan ketiga, bahagian persejarahan Melaka dalam konteks persejarahan negara ini, persejarahan Selat Melaka dan persejarahan alam Melayu ini secara umumnya.

Bahagian sumber dan tafsiran sejarah sumber-sumber tersebut ada dibincangkan dalam Bab 1, Bab 2, Bab 3 dan Bab 4. Bagi sumber sastera daripada jenis sejarah, penulis menjurus kepada aspek yang lebih kompleks, iaitu aspek filologi dan interpretasi naskhah. Penulis berpendapat bahawa bukanlah semudah dan sewenang-wenangnya bahan-bahan ini dapat digunakan sebagai sumber sejarah Kesultanan Melayu Melaka. Saringan mesti dilakukan terlebih duhulu. Gejala filologi yang terselindung antara sumber-sumber ini perlu dipertimbangkan. Begitu juga terhadap sumber-sumber asing dari China dan Eropah (Portugis). Etos sejarahnya haruslah pula dilihat dan dianalisis secara kritis. Daripada proses analisis dan penyaringan inilah, maka, fakta-fakta (besar dan kecil)

---

[7]Pada tahun 1964, C.H. Wake telah menulis darihal Raja-Raja Melaka yang awal dan tentang Islam di Melaka dalam tulisannya, "Malacca's Early Kings and the Reception of Islam", dalam *JSEAH*, Vol 5, No 2, 1964, hlm. 106–116. Tulisan yang lain tentang Kesultanan Melayu Melaka telah terkumpul dalam beberapa bab dalam buku Kernial S. Sandhu and Paul Wheatley, (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital, cir. 1400 – 1980*, Oxford University Press, 1983. Dalam Bab 5 buku berkenaan, C.H. Wake mengulangi lagi pendapatnya tentang Kesultanan Melayu Melaka, dalam bab yang berjudul, "Melaka in the Fifteenth Century: Malay Historical Traditions and the Politics of Islamization", hlm 128 – 161.

diperhitungkan bagi percubaan membina suatu panorama sejarah Melaka pada abad yang dibahaskan.

Pelbagai aspek sejarah Melaka yang sebenarnya, ada dibincangkan dalam Bab 5, Bab 6, Bab 7, Bab 8, Bab 9, Bab 10, Bab 11 dan Bab 12 buku ini. Antara bidang-bidang sejarah yang dikaji ialah tentang kesultanannya, perihal beberapa orang tokoh yang telah mengukir sejarah dalam persejarahan Melaka itu sendiri, hal-ehwal undang-undangnya, isu tentang tradisi politik dan sistem pentadbiran Melaka yang selalu dibincangkan itu dan nilai-nilai Islam yang terdapat dalam perundangan Melaka serta aspek-aspek kemasyarakatan Melaka itu secara umumnya.

Kota Melaka pada abad ke-15 adalah sebuah entrepot. Sebagai kota atau bandar pelabuhan, kekuatan dan ketahanannya dapat dikekalkan sebab adanya kegiatan dan usaha-usaha berdagang secara besar-besaran. Malah apabila diambil kira kedudukan Melaka sebagai kuasa kelautan Melayu, kegiatan dan usaha inilah yang mendasari faktor ekonominya. Faktor inilah juga yang menjadikan Melaka sebagai kuasa di bahagian barat laut Nusantara yang cukup unggul. Melaka sebenarnya menjadi penyambung rantaian laluan perdagangan di laut di antara bahagian Timur dengan bahagian Barat dunia. Melaka menjadi sebahagian daripada sistem perjalanan dan perdagangan dunia yang amat penting sepanjang abad ke-15 dan beberapa abad selepas itu. Tome Pires pernah menyebut bahawa sesiapa yang dapat menguasai Melaka, mereka juga akan dapat menguasai Venice di Eropah. Oleh itu, matlamat ekonomilah yang menyebabkan Portugis bersungguh-sungguh mahu menguasai dan menakluk Melaka. Alasan dan sebab yang lain diada-adakan sahaja.

Bab 11 buku ini cuba menghuraikan beberapa hal tentang perdagangan dan perkapalan orang Melayu yang telah menguasai sebahagian besar daripada kegiatan ekonomi di Melaka di samping bangsa-bangsa pendatang yang lain. Pengetahuan kita tentang tajuk ini akan dapat membantu kita untuk memahami keadaan Melaka yang sebenarnya. Kita juga akan dapat memahami pergolakan sejarah yang terjadi di Melaka menjelang tahun 1511 dan keadaan selepasnya.

Sehingga sekarang, memang tidak banyak para pengkaji yang meneliti tentang perdagangan dan perkapalan orang Melayu. Para pengkaji itu tidak berani untuk menghuraikan hal ini dalam konteks dan keseluruhan sistem masyarakat dan kegiatan ekonomi di Melaka. Bukan sahaja maklumat tentang perkara ini terbatas, malah gambaran tentang perkara ini dalam sumber tempatan dan sumber peribumi adalah kabur dan sukar untuk ditafsirkan. Teks undang-undang Melayu seperti *Hukum Kanun Melaka* atau *Undang-undang Melaka* dan *Undang-undang Laut*

Melaka memang amat penting untuk menjadi sumber sejarah, tetapi soal filologi dan penggunaan bahasa klasik dan bahasa praklasik, kerap membingungkan pembaca. Walau bagaimanapun, apabila digabungkan semua sumber, iaitu sumber peribumi, sumber Portugis dan laporan pelawat dari China, maka gambaran tentang perdagangan dan perkapalan Melayu pada keseluruhan panorama sejarah ekonomi Melaka semakin jelas dan meyakinkan.

Salah sebuah hasil tulisan yang terawal dan kritis tentang hal ini dalam bahasa Eropah telah ditulis oleh sarjana Belanda, Meilink-Roelofsz.[8] Sarjana wanita ini merujuk secara kritis pada ketiga-tiga kelompok sumber tersebut. Anehnya, apabila beliau menilai dan merumuskan pendapat tentang perdagangan dan perkapalan Melayu, beliau kerap merujuk dan membandingkan dengan sistem perdagangan yang terdapat di kalangan masyarakat pedagang di Eropah atau dengan sistem perdagangan yang terdapat di Parsi atau di India. Ini mungkin bertujuan untuk meyakinkan lagi pembaca tentang sistem perdagangan yang dibahaskan, tetapi sistem tersebut belum pernah diperkatakan sebelum tahun 1960-an. Mengapakah harus membandingkan keadaan, suasana dan masyarakat serta tempat yang berbeza? Apabila ini dilakukan, dikhuatiri kelak, sesuatu dan setiap yang terjadi dan yang terdapat di Timur, akan didakwa sebagai pengaruh langsung atau tidak langsung dari luar dan dari Barat. Bagaimanakah pula kelak corak perdagangan tempatan atau Melayu?

Kemuncak perbincangan buku ini terdapat dalam Bab 13. Bab ini membincangkan tentang Melaka dari konteks sejarah serantau dan sejarah negara Malaysia. Bab ini adalah hasil rujukan penulis buku ini daripada sumber-sumber tentang Melaka. Sekarang ada dua pendapat tentang tradisi Melaka di kalangan para sarjana tanahair, Pertama, sarjana yang melihat Melaka sebagai asas bagi persejarahan Malaysia; dan kedua, sarjana yang memerhatikan Melaka sebagai sebahagian daripada sistem kesinambungan sejarah umat dan kebudayaan Melayu di sekitar Selat Melaka.

Sekiranya diperhatikan persejarahan Malaysia dengan lebih khusus, akibat perkembangan dan norma serta keadaan politik selepas tahun 1824, pendapat sarjana yang pertama mungkin berkaitan. Namun demikian, apabila giat melakukan kaji selidik berhubung dengan tradisi persejarahan Malaysia sebelum tahun 1400, pendapat demikian masih terbuka untuk perbincangan. Haruskah persejarahan Malaysia bertolak dan mengundur lebih daripada tahun 1400?

---

[8]Rujuk Meilink-Roelofsz, M.A.P., *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and About 1630*, The Hague, 1962.

Bab yang akhir ini akan cuba menjawab soalan tersebut. Tradisi persejarahan umat Melayu Melaka tidak harus dilihat daripada konteks geopolitik Melaka (atau Melaka sebenar) itu sendiri. Tradisi persejarahan itu patut diteliti dalam konteks kesinambungan kuasa, kebudayaan dan politik Melayu dari zaman-zaman sebelumnya, iaitu, zaman Singapura dan zaman Palembang dan Jambi dalam tradisi Sriwijaya.[9] Melaka hanya merupakan tapak peralihan petempatan daripada tapak petempatan sebelumnya, iaitu di Singapura dan di Palembang dan Jambi. Selepas tahun 1511 dan menjelang penghujung abad ke-16, tapak petempatan kuasa dan politik ini berpindah di Melaka dan bertapak pula di Johor Lama. Apabila empayar Melayu yang akhir ini mula retak di sekitar tahun-tahun 1720-an (akibat pengaruh politik Minangkabau, Bugis dan Melayu yang masih bertahan)[10] akhirnya pada awal abad ke-19, empayar ini telah berpecah. Kerajaan Melayu tradisional ini bertapak pula di Pahang, Johor, Selangor, Riau dan Lingga.

Oleh yang demikian, kesinambungan tradisinya jelas kelihatan. Segala-galanya bermula dari Palembang-Jambi atau mungkin bermula dari sebarang kerajaan Melayu yang lebih tua daripada itu, iaitu lebih awal dari abad ke-7. Apabila kita memperkatakan pula kuasa dan politik tradisional Melayu dalam konteks dan konsep kelautan serantau, pendapat ini semakin menonjol dan kukuh. Hampir seluruh kuasa politik dan kerajaan Melayu tradisional ini berlandaskan kelautan, iaitu kawasan perairan di sekitar Selat Melaka. Kerajaan Melayu tradisional ini menjadi ejen pencorak, perubah kebudayaan dan politik dan menjadikan kegiatan ekonomi sebagai kegiatan yang sangat berperanan dan bermakna.

Mungkin Melaka merupakan suatu pengetahuan dan pengalaman yang baru bagi persejarahan Malaysia, hanya sebab akibat pengalaman dan perubahan politik yang dialaminya selepas Perjanjian Inggeris-Belanda 1824. Perjanjian itu adalah ciptaan orang asing, Inggeris dan Belanda,

---

[9]Dua buah karya yang cuba melihat perkembangan sejarah Melayu dalam konteks kesinambungan budaya dan politik di Selat Melaka ialah *Early Indonesian Commerce*, Ithaca, 1967 dan *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Ithaca, 1970 oleh O.W. Wolters. Konsep ini telah diteruskan oleh Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya dalam buku terbarunya, *A History of Malaysia*, The Macmillan Press Ltd., Hong Kong, 1982, Bab 1, Bab 2 dan Bab 3.

[10]Untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang isu ini, sila rujuk Leonard Y. Andaya, *The Kingdom of Johor 1641 – 1728, Economic and Political Developments*, Oxford University Press, 1975; untuk meneliti hal yang sama tetapi setelah kemasukan pengaruh politik dan ekonomi Eropah sepanjang abad ke-18 di Selat Melaka, sila lihat Dianne Lewis, *The Dutch East India Company and the Straits of Malacca, 1700–784; Trade and Politics in the Eighteenth Century*, (Tesis Doktor Falsafah), Australian National University, Canberra, 1970. Daripada sumber peribumi, gambaran tentang perpecahan ini dapat dilihat dengan jelas dalam naratif *Peringatan Sejarah Negeri Johor*, yang diselenggarakan oleh E.U. Kratz, Wiesbaden, 1973; naskhah *Sejarah Raja-raja Riau* (Klinkert 37) dan naskhah *Sejarah Raja-raja Melayu* atau *Hikayat Siak* [Cod. Or. 7304 (Sn. H. 78)].

bukan dilakukan oleh bangsa dan umat Melayu sendiri. Sentimen kemelakaan dan ikatan kemelayuan yang berteraskan zaman Kesultanan Melayu Melaka masih terus kukuh di kalangan penduduk peribumi di persekitaran Selat Melaka. Ikatan ini disimpulkan oleh proses dan tradisi persejarahan yang telah pun berlaku.

Singkatan

B.A.	=	Latihan Ilmiah (Academic Exercise) untuk peringkat Sarjana Muda Sastera atau Bachelor of Arts (Kepujian Honours).
BKI	=	Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde Koninklijk Instituut.
BSOAS	=	Bulletin of the School of Oriental and African Studies.
ed atau eds	=	diedit atau disunting oleh.
hlm	=	halaman.
JIA	=	Journal of the India Archipelago and Eastern Asia.
Jil	=	Jilid.
JMBRAS	=	Journal of the Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
JRAS	=	Journal of the Royal Asiatic Society.
JSBRAS	=	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society.
JSEAH	=	Journal of Southeast Asian History.
lk	=	lebih kurang.
M.A.	=	Master of Arts atau Sarjana Sastera.
MBRAS	=	Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
No	=	Nombor.
Pt	=	Part.
TBG	=	Tijdschrift voor Indische Taal-, Land-en Volkenkunde Uitgegeven door het Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen.
T.M.	=	Tahun Masihi.
Vol	=	Volume.
VKI	=	Verhandelingen van het Koninklijk Instituut voor Taal-, Land-en Volkenkunde.

PETA

1. Tradisi Empayar-Empayar Serantau Mengikut Kronologi

EMPAYAR FUNAN



EMPAYAR SRIWIJAYA



EMPAYAR MELAKA

SEBAHAGIAN DARIPADA EMPAYAR JOHOR-RIAU

2. Melaka Sebagai Pusat Perdagangan Melayu di Timur



Bahagian I – PERSEJARAHAN

1

Sumber Sejarah Kesultanan Melayu Melaka, 1400 – 1511 T.M.

SEBAGAI sebuah kuasa pesisir, tradisi persejarahan Melaka sepanjang abad ke-15 hingga awal abad ke-16, pada umumnya dikatakan hampir sama dengan tradisi persejarahan di beberapa buah kerajaan pesisiran di Nusantara. Oleh sebab desakan kehendak tempatan dan faktor ekologi serta kosmologi bagi memenuhi kehendak dan keperluan tempatan tersebut, maka terjadilah variasi di kalangan sesama kuasa dan kerajaan pesisiran itu. Walau bagaimanapun, variasi ini sebenarnya dirujuk pada prinsip, teras dan norma kebudayaan yang sama dalam konteks perkembangan proses sejarah rantau budaya yang sama dan selingkung.

B.J.O. Shrieke dalam kajiannya tentang sejarah kemasyarakatan di Indonesia,[1] telah menjadikan faktor budaya sebagai teras untuk menentukan perubahan dan perkembangan sejarah Indonesia. Malangnya, semua pendapat beliau tidak memberikan perhatian terhadap faktor variasi dan perbezaan corak serta jenis masyarakat setempat yang terdapat di Nusantara. Tradisi persejarahan Kedah umpamanya, tentulah berbeza daripada tradisi persejarahan Melaka, walaupun kedua-dua kerajaan ini terletak di semenanjung yang sama, sekurang-kurangnya di peringkat penganutan dan pengamalan agama yang pra-Islam dan zaman Islam. Tradisi persejarahan Melaka pula mungkin berbeza daripada tradisi persejarahan di beberapa buah kerajaan Islam di pelabuhan Jawa Utara. Walaupun kedua-dua kerajaan Islam ini wujud pada zaman yang sama, menganut agama yang sama, dan mengalami proses perubahan sejarah di kawasan perairan yang sama, tetapi berbeza dari segi penggunaan bahasa dan adat resam.

Pengamatan yang secara umum sahaja terhadap corak dan bentuk masyarakat di Nusantara, sering mengelirukan pengkaji ketika memahami dan menganalisis perkembangan dan perubahan sejarah masyarakat tersebut. Pengamatan yang secara umum ini mungkin terpaksa dilakukan kerana terlalu sukar untuk memahami dengan mendalam tentang adat

[1] B.J.O. Shrieke, *Indonesian Sociological Studies, Selected Writings*, von Hoeve – Bandung, 1961.

resam, realiti dan hati budi sesuatu masyarakat setempat itu.

Pengkaji sering menghadapi masalah untuk mendapatkan bahan dan sumber untuk mengkaji masyarakat tersebut kerana kurang atau tidak memahami sudut pandangan masyarakat setempat itu. Ini disebabkan sudut pandangan masyarakat si pemerhati dan si pengkaji berbeza dari sudut pandangan masyarakat yang dikaji. Perbezaan agama, alam sekitar dan tata-cara hidup antara masyarakat si pengkaji dan si pemerhati dengan masya-rakat yang dikaji dan diperhati juga akan menyebabkan perbezaan sudut pandangan masing-masing. Akibatnya, pengkaji terpaksa menggunakan sudut pandangan Barat atau sudut pandangan dari daerah lain yang terasing daripada masyarakat di Nusantara. Pengkaji juga sering menggunakan ber-bagai-bagai teori tentang masyarakat di Barat terhadap masyarakat di Nusantara dengan melakukan sedikit penyesuaian. Ini menyebabkan peng-analisisan itu menjadi tidak asli dan sering mengelirukan.

Pandangan sejarah Tun Seri Lanang dalam *Sejarah Melayu* tentang masyarakat Melaka, yang dilihat dengan visi yang amat elit dan amat totok ciri keperibumiannya itu tentulah berbeza daripada pandangan orang yang muncul daripada kalangan kuasa penakluk seperti Tome Pires dari Portugal yang melihat masyarakat yang sama melalui bukunya yang bertajuk *The Suma Oriental*. Ini belum termasuk jumlah perbezaan dan kelainan visi serta sudut pandangan di kalangan sesama anggota masyarakat setempat di rantau ini. Corak dan sudut pandangan dalam *Sejarah Melayu* adalah pandangan orang daripada kalangan keluarga Bendahara. Bagaimanakah pula corak dan sudut pandangan jika *Sejarah Melayu* itu dihasilkan oleh seseorang daripada kalangan keluarga Laksamana Melayu totok atau daripada kalangan keluarga Penghulu Bendahari Melaka yang berketurunan Melayu-Tamil? Sumber-sumber seperti ini tentunya akan menimbulkan berbagai-bagai masalah dari segi penilaian, justifikasi dan juga dari aspek interpretasi *Sejarah Melayu* itu.

Pada umumnya, terdapat tiga kelompok tentang sumber mengenai tradisi persejarahan Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16. Ketiga-tiga kelompok tersebut ialah sumber Melayu, Cina dan Eropah. Daripada ketiga-tiga kelompok itu, dapat pula dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu sumber tempatan dan sumber asing.

SUMBER TEMPATAN

Sumber tempatan diertikan sebagai sumber tentang Melaka yang ditulis dalam bahasa Melayu dan telah menjadi klasik dalam korpus kesusasteraan Melayu tradisional. Sumber tempatan itu tidak semestinya bercorak sejarah seratus peratus dalam konteks pengertian sejarah seperti yang kita fahamkan

pada hari ini. Dalam konteks yang lebih khusus, sumber tempatan membentuk genre (jenis) dalam kesusasteraan tradisional tadi. Dua daripada genre tersebut ialah sejarah dan undang-undang.

Teks tunggal yang mewakili genre sejarah ialah *Sejarah Melayu* dengan pelbagai versinya. Dua buah teks daripada genre undang-undang ialah *Undang-undang Melaka* atau *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* yang dengan pelbagai versinya juga. *Undang-undang Melaka* ialah tentang hukum dan peraturan hal-ehwal di daratan. *Undang-undang Laut Melaka* pula ialah tentang hukum dan peraturan di laut yang berkaitan dengan tatacara dan undang-undang pelayaran serta penggunaan kapal. Salah satu daripada versi *Undang-undang Laut Melaka* dikenali sebagai *Hukum* atau *Undang-undang Pebian Melaka*.

Sehingga kini, terdapat sekurang-kurangnya 29 buah naskhah salinan *Sejarah Melayu* yang terdiri daripada pelbagai versi.[2] Hal ini amat kompleks. Versi-versi tersebut memancarkan isi, corak dan sudut pandangan yang berbeza walaupun teras dan induk naratifnya adalah serupa, iaitu tentang raja-raja Melaka. Versi-versi ini berkait dengan soal dan permasalahan filologi, walaupun ada sarjana masa kini yang menyebut ilmu filologi sebagai tidak penting untuk mengkaji *Sejarah Melayu*.[3]

Kelainan isi dan kandungan dalam ruang lingkup ilmu filologi menyebabkan ahli sejarah yang menggunakan *Sejarah Melayu* untuk mengetahui tradisi persejarahan Melaka menjadi kebingungan. Sebagai contoh, ada versi yang menyebut institusi Laksamana muncul di Melaka sejak zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah (Raja Kecil Besar). Ada pula versi yang mengatakan institusi Laksamana telah wujud ketika pemerintahan Sultan Mansor Syah. Ada versi yang menyebut Hang Tuah berasal dari Duyung, Melaka. Ada juga versi yang mendakwa Hang Tuah berasal dari tanah Bugis di Sulawesi,[4] dan ada pula versi yang mengambil jalan mudah, langsung tidak memberikan asal usul Hang Tuah.

Menggunakan *Sejarah Melayu* dengan sebaik cara dan seobjektif yang mungkin dalam ruang lingkup ilmu dan kaedah persejarahan serta memahami permasalahan filologi yang dihadapkan olehnya adalah sebaik dan seunggul kaedah yang patut dilakukan. Walau bagaimanapun ini sebenarnya adalah tugas ilmiah yang amat berat dan kompleks. Ada ahli sejarah yang memahami dan menyedari fenomena ini. Oleh yang demikian, mereka

---

[2]Rujuk Bab 2 buku ini.

[3]Umar Yunus, *Sejarah Melayu, Menemukan Diri Kembali*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1984.

[4]A. Samad Ahmad, (ed), *Sulalatus Salatin*, (*Sejarah Melayu*), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, hlm 295–311.

merujuk pada naskhah *Sejarah Melayu* versi *Raffles MS.18*, perawian tahun 1536, yang diselenggarakan oleh R.O. Winstedt pada tahun 1938.[5] Ini disebabkan Winstedt mendakwa bahawa naskhah *Sejarah Melayu* versi *Raffles MS. 18* merupakan naskhah salinan yang paling tua dan yang paling hampir dengan naskhah asal *Sejarah Melayu*, serta dapat mengekalkan ciri-ciri asal teks ini. Oleh itu, kandungan dan naratif sejarahnya dianggap lebih tepat kerana dapat mengekalkan identiti naskhah asal *Sejarah Melayu*.

Sejarah Melayu versi tahun 1612 yang diselenggarakan oleh W.G. Shellabear berbeza dengan *Sejarah Melayu* versi *Raffles MS. 18* kerana ia telah 'diperbaiki semula'. *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 mungkin telah banyak mengalami perubahan (tambah dan buang semasa 'diperbaiki semula'). Ini belum termasuk kesilapan yang mungkin dilakukan oleh perawi versi tahun tersebut secara tidak sengaja seperti yang sering dilakukan oleh perawi naskhah Melayu yang lain.[6] Oleh itu, ahli sejarah berpendapat adalah merbahaya jika menggunakan *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 untuk tujuan dan kaedah sejarah. Walau bagaimanapun, *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 lebih popular di kalangan pembaca dan lebih menarik jika pembaca ingin mengetahui permasalahan filologi *Sejarah Melayu*.

Ini bukanlah pula bererti *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 itu tidak berguna langsung untuk dijadikan sumber sejarah. *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 harus dirujuk dan digunakan dengan berhati-hati. Malahan apabila kita menyedari sepenuhnya tentang masalah naskhah dan filologi yang ditampil dan dipancarkan oleh *Sejarah Melayu*, iaitu apabila hampir semua naskhahnya mengandungi unsur-unsur *corrupt* secara tersendiri, maka tidak ada satu naskhah dan versi *Sejarah Melayu* pun yang paling tepat dari segi fakta sejarah untuk kita gunakan dengan penuh keyakinan sejarah. Setiap satu naskhah memiliki latar belakang dan tradisi kemunculannya yang tersendiri. Apabila hal ini menjadi satu fenomena dalam kesusasteraan dan membentuk gejala persejarahan *Sejarah Melayu*, seorang sarjana pernah mengatakan bahawa:

> "No one text (of Sejarah Melayu) can be accepted as being, a periori, more accurate a reflection of the body of tradition, lying behind the Sejarah Melayu, or closer to the historical truth. The historical value of

---

[5]R.O.Winstedt, (ed), "The Malay Annals or the Sejarah Melayu", dalam *JMBRAS*, Vol 16, No 3, 1938, hlm 1–226.

[6]Teuku Iskandar, "Some Aspect Concerning the Work of Copyists of Malay Historical Writings", dalam *Peninjau Sejarah*, Vol. III, No 2, 1968, hlm 1–10; lihat juga H.J. Cowan (ed), *de Hikayat Malem Dagang*, Desertasi Utretcht, 1938, hlm 17–18.

the Malay sejarah traditions lies not in any particular text, but in the comparative study of all the variant versions".[7]

R. Roolvink menerusi pendekatan diakronis,[8] telah membentangkan secara analitik masalah perbezaan berbagai-bagai variasi pada versi-versi *Sejarah Melayu* dan hubungan sesama versi dan naskhah yang terdapat pada hari ini.[9] Selain pendekatan R. Roolvink itu hingga sekarang masih belum terdapat penyelenggaraan yang lengkap, kritis dan definitif terhadap teks tersebut. Walhal masalah perbezaan berbagai-bagai variasi pada versi *Sejarah Melayu* dan hubungan sesama versi dan naskhah telah diperkatakan sejak tahun 1726. Pelajar sejarah di Malaysia dan di Indonesia hari ini harus menyedari supaya tidak sewenang-wenangnya menggunakan teks *Sejarah Melayu* itu sebagai sumber penyelidikan dan rujukan sejarah, dan tradisi persejarahan Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16. Dua buah teks undang-undang, iaitu *Undang-undang Melaka* dan *Undang-Undang Laut Melaka*, yang sebagai genre kesusasteraan Melayu tradisional di Melaka, memang amat membantu untuk mengkaji tentang sejarah masyarakatnya. Disebabkan oleh genrenya itu sendiri, maka tentulah kedua-duanya tidak dapat membekalkan data dan fakta tentang persejarahan Melaka secara langsung dan secara kaedah manual sejarah seperti *Sejarah Melayu*. Tetapi kedua-duanya amat bermanfaat untuk maklumat sejarah dari segi pemikiran dan konsep tentang kemasyarakatan itu sendiri.

Daripada teks *Undang-undang Melaka* contohnya, kita dapat mengetahui tentang status kesedaran masyarakat Melaka ketika itu. Hukuman kepada seseorang amat bergantung pada kedudukan sosial dan politik orang itu dalam masyarakat. Makin rendah kedudukan seseorang anggota masyarakat, makin berat hukuman yang dikenakan jika sabit kesalahan. Sebaliknya, makin tinggi dan istimewa kedudukan seseorang anggota masyarakat itu, makin berpeluang orang itu untuk terlepas daripada hukuman, walaupun sebesar mana kesalahan dan 'dosa' yang telah

---

[7]C.H. Wake, "Melaka in the Fifteenth Century: Malay Historical Traditions and the Politics of Islamization", dalam P. Wheatley and K.S. Sandhu, (ed), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital, cir. 1400–1980*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1983, hlm 140.

[8]Pendapat A.E. Teeuw tentang hal ini ditampilkan dalam sebuah kertas kerjanya, *Some Remarks on the Study of So-called Historical Texts in Indonesian Languages*, untuk Konferensi IAHA, Jogjakarta, 1974, hlm 3–26.

[9]R. Roolvink, "The Variant Versions of the Malay Annals", dalam *BKI*, No 123, 1967, hlm 300–311. Rencana ini kemudiannya diterbitkan semula, dimuatkan ke dalam pendahuluan buku C.C. Brown, (ed), *Sejarah Melayu*, 'Malay Annals', Oxford University Press, 1970, hlm xv–xxvii.

dilakukan. Sekiranya seseorang itu menjadi kesayangan raja, dia mungkin terlindung daripada undang-undang, sebab raja Melaka sendiri mengatasi undang-undang. Unsur-unsur dan pengaruh nepotisme serta mengampu amat berperanan dalam sejarah masyarakat tersebut.

Begitulah juga perkara dan fasal yang ditentukan dalam kedua-dua buah teks undang-undang tadi. Kita dapat menimba konsepsi dan manual teks tentang sumber *Undang-undang Melaka* itu sendiri, iaitu gabungan antara unsur hukum adat dan resam (teras daripada pengaruh tempatan dan pengaruh Hindu) dengan hukum syariah Islam mazhab Syafie. Pengamalan hukum-hukum adalah mengikut keadaan. Sekiranya hukum memotong tangan bagi kesalahan jenayah mencuri mengikut syariat Islam difikirkan berat terhadap seorang pesalah, sedangkan hukum tersebut telah termaktub dan terkanun dalam undang-undang, maka digantikan dengan hukuman denda dalam bentuk pembayaran emas. Walau bagaimanapun, hukuman tersebut adalah mengikut budi bicara hakim, sama ada hakim akan mengamalkan hukum Allah atau membuat keputusan mengikut hukum kanun atau hukum pada adatnya (hukum adat). Seorang kaya yang didapati bersalah kerana menampar orang lain akan didenda sesekian banyak, sedangkan bagi jenis kesalahan yang sama yang dilakukan oleh orang 'tidak berada', sebagai hukumannya orang itu mesti menjadi hamba kepada pihak yang ditampar jika tidak mampu membayar denda.

Daripada semua sumber, Melaka digambarkan sebagai bandar pelabuhan yang sentiasa sibuk dengan urusniaga, perdagangan dan perkapalan. Tetapi teks *Undang-undang Melaka* memberi maklumat bahawa Melaka juga bergiat dalam bidang pertanian walaupun tidak sampai ke peringkat mengusahakan bidang tersebut untuk tujuan eksport.

Seorang sarjana,[10] pernah mengatakan bahawa *Sejarah Melayu* mengandungi, "... a melange of different elements ... accounts of memorable events, anecdotes of incidents and personalities, and functional myths ... narrative of the history and descent of the kings and their court ceremonial". *Undang-undang Laut Melaka* pula menjelaskan secara eksplisit tentang peranan nakhoda dalam urusan dan urusniaga Melaka serta kegiatan perkapalan Melaka. Secara tidak langsung, ini menunjukkan betapa pentingnya kalangan pegawai dan profesional yang digelar nakhoda dalam sejarah kemasyarakatan awal Melaka.

Hikayat Hang Tuah, hasil karya klasik Melayu yang agung itu bukanlah bercorak sejarah, tetapi bukan bererti tidak berguna untuk dijadikan sumber penulisan sejarah. Kaedah interpretasi sejarah dan memahami

[10]C.H. Wake, *op. cit.*, hlm 129.

ilmu kaji masyarakat pada masa itu serta semangat zaman penghasilan hikayat tersebut perlu untuk tujuan kajian. Kandungan teks ini sebenarnya dapat memberi kita idea tentang konsep masyarakat Melayu abad ke-15 dan abad ke-16. Walaupun hikayat ini ditulis pada beberapa abad selepas kemusnahan Kesultanan Melayu Melaka di Melaka, namun hikayat tersebut masih berjaya mengekal, memancar dan mencerminkan beberapa idea tentang masyarakat Melaka sendiri. Tradisi kemasyarakatan mungkin masih belum banyak berubah dan penulis *Hikayat Hang Tuah* itu sendiri mungkin merupakan seorang *literary genius* yang dapat memahami etos masyarakat pada abad ke-15 dan abad ke-16 serta mewarisi sambil mengongsi pula etos masyarakat Melayu pada masa itu.

Seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah* juga jelas mendefinisikan Melayu sebagai mempunyai ikatan etnik, tradisi dan politik yang amat kuat dengan beberapa kawasan pantai timur Sumatera seperti Palembang, Jambi, Asahan dan sebagainya. Tome Pires menyebut semua kawasan ini sebagai 'Tanah Melayu'.

Perwatakan dalam *Hikayat Hang Tuah* itu sendiri memancarkan banyak idea dan boleh menggambarkan sejarah keunggulan masyarakat Melayu yang berkerajaan. *Hikayat Hang Tuah* menjelaskan bagaimana anggota masyarakat yang berkerajaan tadi harus beroperasi sesama sendiri seperti keunggulan seorang raja yang adil, taat setia rakyat yang tidak berbelah bagi kepada rajanya, dan unsur, keperluan serta nilai kepahlawanan dalam tradisi masyarakat lama yang berkerajaan.

Konsep 'kebal' dalam unsur dan nilai masyarakat yang dilambangkan kepada beberapa tokoh dan watak dalam teks ini, terutama kepada Hang Tuah, sebenarnya adalah pancaran realiti dan manifestasi keadaan masyarakat Melaka itu sendiri. *Hikayat Hang Tuah* adalah hasil kreatif sastera, maka keagungan para tokoh dan watak memang diberi keutamaan dan ditonjol-tonjolkan sebagai asas sebuah penghasilan sastera yang bercorak kepahlawanan agar sesuai dengan sifat dan tujuan pengarangnya.[11] Oleh itu hilanglah sifat persejarahan Hang Tuah, lalu bertukar menjadi mitos atau legenda sahaja. Ada sarjana yang menamakannya sebuah hasil penulisan epik.

Kesedaran dan visi sejarah kita serta penganutan agama Islam yang luhur dan kukuh dari segi akidah, mungkin tidak dapat menerima unsur manusia dan konsep kebal seperti itu. Tetapi realiti kewujudan anggota masyarakat seperti ini di Melaka amat jelas dilaporkan oleh Tome Pires,

---

[11]Teuku Iskandar, "Some Historical Sources Used by the Author of Hikayat Hang Tuah", dalam *JMBRAS*, Vol XLII, No 1, 1960, hlm 39–47.

Alfonso de Albuquerque, de Barros dan de Eredia. Anggota masyarakat tersebut dikatakan datang dari Pahang, Lingga dan Brunei, dan disebut oleh penulis Portugis ini sebagai *The cabaees*, yang merupakan kalangan bangsawan Melaka.[12]

Selain sumber tempatan yang bercorak tulisan terdapat juga sumber lisan dan kesan-kesan tinggalannya di Melaka. Sumber lisan masih dipertuturkan di kalangan orang-orang tua di negara ini. Keagungan kerajaan dan sejarah lama Melaka itu sendiri mungkin banyak meninggalkan tradisi sastera lisan mengenainya, tentang kisah raja-rajanya, pembesar dan pahlawannya, serta kisah-kisah menarik yang didakwa telah terjadi sepanjang sejarah kesultanan ini. Jika sumber tersebut bukan merupakan sastera lisan yang diperturunkan daripada satu generasi ke generasi yang lain sehinggalah ke hari ini, atau bukan diperoleh daripada pembacaan versi tertulis yang sedia ada, tentulah sumber itu 'ciptaan' si penutur yang sengaja mengada-adakannya kerana keghairahan tentang hal-ehwal masa yang lalu itu. Walau bagaimanapun, ia boleh membentuk dan mempelbagaikan lagi versi daripada versi-versi tertulis mengenai sesuatu maklumat tentang Melaka. Cuma segelintir orang sahaja yang meminati kesahihan atau kepalsuannya untuk nostalgia semata-mata bukan untuk matlamat ilmiah, kerana orang yang tidak mempeduli dan menghiraukan lagi sejarah dan permasalahan Melaka masa lalu itu lebih ramai bilangannya. Penggunaan tradisi dan sumber lisan ini memerlukan kaedah yang khusus.

Hal yang serupa juga boleh dirujuk daripada kesan-kesan tinggalan yang mungkin masih wujud dalam bentuk dakwaan dan andaian belaka, tanpa bukti yang jelas. Proses untuk mensahihkan kesan seperti kubur, perigi, ekologi, batu nisan dan sebagainya memerlukan penelitian yang kompleks. Masyarakat Melaka mendakwa Hang Tuah berasal dari Duyung, Melaka, kerana terdapat sebuah periginya di situ. Masyarakat di Sumatera Timur juga berhak membuat dakwaan yang sama kerana di wilayah Pekan Baru, Riau, terdapat sebuah kampung bernama Duyung. Di kampung itu terdapat sebuah perigi yang didakwa sebagai perigi Hang Tuah. Oleh sebab itulah mereka mendakwa Hang Tuah berasal dari sana. Sekarang, semasa masyarakat sedang ghairah mencari dan menentukan tapak dan kesan sejarah di negara ini, terdapat pula dakwaan yang mengatakan bahawa kubur (makam) Tun Teja terdapat di dua tempat, iaitu di Melaka dan di Johor. Apabila dakwa-mendakwa seperti ini terjadi, maka sumber untuk tujuan penulisan sejarah menjadi kecoh dan membingungkan. Sekiranya ketetapan

---

[12]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental of Tome Pires*, The Hakluyt Society, London, 1944, hlm 266.

fakta tentang sumber seperti ini tidak dapat dicapai maka terpaksa dan keraplah kita menggunakan istilah 'mungkin' dalam penulisan dan banyak andaian terpaksa dibuat untuk menghayati sejarah Melaka zaman silam itu.

SUMBER ASING

Terdapat empat sumber dari negeri China tentang Melaka, iaitu *Ming Shih, Ming Shih-lu, Ying-yai Sheng-lan dan Hsing-cha Sheng-lan.*[13] *Ming Shih* dan *Ming Shih-lu* telah dikumpulkan pada tahun 1742 daripada rekod Dinasti Ming. *Ying-yai Sheng-lan* dan *Hsing-cha Sheng-lan* pula sebenarnya merupakan laporan naratif dua orang penulis Cina, iaitu Ma Huan (beragama Islam) dan Fei Hsin yang menyertai ekspedisi Laksamana Cheng Ho ke Melaka pada awal abad ke-15. Mereka adalah pegawai ekspedisi tersebut. Ma Huan mempunyai tugas khusus sebagai penterjemah bahasa Arab. *Ying-yai Sheng-lan* telah diterbitkan pada tahun 1451, sementara *Hsing-cha Sheng-lan* pula diterbitkan pada tahun 1436.

Ming Shih dan *Ming Shih-lu* amat penting untuk membantu para sarjana untuk menjelaskan masalah nama, susunan dan tempoh pemerintahan raja-raja Melaka yang awal. Sumber-sumber inilah yang digunakan dengan berkesan oleh Profesor Wang Gungwu ketika menyelesaikan masalah tentang salasilah beberapa orang raja dan pemerintah awal Melaka apabila sumber tempatan dan sumber dari Portugis kelihatan membingungkan beliau.[14]

Sebagai orang Islam, Ma Huan tertarik dengan keadaan-keadaan semasa yang wujud di Melaka ketika itu, iaitu berhubung dengan hal-ehwal agama

---

[13]Sumber-sumber terjemahan ke bahasa Inggeris daripada dokumen-dokumen China dirujuk daripada tulisan W.P. Groeneveldt, "Notes on the Malay Archipelago and Malacca Copied from Chinese Sources", dalam *VBG*, Vol 29, 1880, hlm 1–44, iaitu sumber karya yang dipetik daripada *Ming Shih* dan *Ying-yai Sheng-lan*. Sementara hasil terjemahan dan nukilan daripada *Hsing-cha Sheng-lan* boleh dirujuk daripada tulisan W.W. Rockhill, "Notes on the Relations and Trade of China with the Eastern Archipelago and the Coast of the Indian Ocean During the Fourteenth Century", Bhg II dalam *Tung Pao*, Jil 16, 1915, hlm 117–118. Suatu perbincangan yang jelas tentang sumber-sumber China ini didapati dalam tulisan Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", dalam *JMBRAS*, Vol 41, Bhg II, 1968, hlm 11–22. Juga kajian Wang Gungwu dalam rencananya, "The Opening of Relations Between China and Malacca, 1403–1405", dalam J. Bastin and R. Roolvink, (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Claredon Press, Oxford, 1964, hlm 87–104 dan rencananya, "China and South-East Asia, 1402–1424" dalam J. Chien dan N. Tarling, (eds), *Studies in the Social History of China and South-East Asia: Essays in memory of Victor Purcell*, Cambridge University Press, Cambridge, 1970, hlm 375–401. Rujuk juga Wang Gungwu, "Malacca in 1403", dalam *Malaysia in History*, Journal of the Malaysian Historical Society, Vol 22, Mei 1979, hlm 158–163.

[14]Rujuk Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", *ibid.*; Rujuk juga Bab 5 buku ini.

Islam. Dalam teks *Ying-yai Sheng-lan*, Ma Huan menyebut bahawa Megat Iskandar Syah, pengganti Parameswara, memeluk agama Islam ketika usianya telah lanjut. Ma Huan juga melaporkan bagaimana Megat Iskandar Syah amat dipengaruhi oleh keadaan semasa di Melaka apabila Melaka didatangi oleh para saudagar Islam dari negeri Arab, India dan Pasai. Kemudian, Melaka pun menjadi sebuah pusat perdagangan orang Islam.

Pada tahun 1433, ketika Ma Huan ke Melaka bersama-sama ekspedisi Laksamana Cheng Ho, beliau melaporkan keadaan masyarakat Melaka dalam teksnya. W. P. Groeneveldt telah memetik dan menterjemahkan laporan Ma Huan tersebut seperti berikut;

> "The king (of Melaka) and the people are all Mohammedans and they carefully observe the tenets of this religion".[15]

Dalam keadaan yang sama jugalah mungkin penyalin *Sejarah Melayu* telah diberitahu perihal kedatangan ramai pedagang Islam ke Melaka pada awal abad ke-15. Asal usul nama Melaka cuba dihubungkan dengan keadaan semasa ini dengan menggunakan istilah Arab, iaitu *Malakat* yang diertikan sebagai 'perhimpunan segala dagang'.[16] Pengertian ini mungkin sesuai dengan istilah Arab yang sebenarnya, *mulāqah* yang bermaksud 'pertemuan'. Hal ini telah menjadi salah satu daripada versi tentang tradisi asal usul nama Melaka. Versi induk orang peribumi pula melaporkan bahawa asal usul nama Melaka adalah sempena nama sepohon kayu Melaka di tebing muara Sungai Melaka. Sebenarnya versi ini banyak dipengaruh dan merujuk pada tradisi mitos Hindu tentang nama dan pohon buah Amalaka (emblic myrobalan). Pohon ini dipercayai pertama sekali tumbuh di dunia dan dipercayai mempunyai kuasa ghaib berhubung dengan kekayaan, kesihatan dan kekuatan fizikal serta spirituil manusia.[17]

Pada asasnya, laporan sumber dari China adalah merupakan koleksi laporan rasmi daripada ekspedisi dan misi politik Laksamana Cheng Ho yang telah diutuskan ke Melaka oleh Maharaja China, Yung-lo. Ekspedisi ini bermula pada tahun 1404, diikuti kemudian oleh ekspedisi yang lain sepanjang tahun 1413 – 1415, 1421 – 1422, dan 1431 – 1433.

Sudut pandangan tulisan yang dilapor dan diterapkannya tentulah

---

[15]C.H. Wake, *op.cit.*, hlm 142.

[16]W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu (The Malay Annals)*, Malayan Publishing House Ltd., Singapore, 1961, hlm 82.

[17]B. Walker, *Hindu World*, Jil II, George Allen and Unwin, London, 1968, hlm 215–216; Lihat juga S. Singaravelu, *Tradisi India dan Sastera Melayu*, iaitu kertas kerja untuk Hari Sastera, 1985, P.Pinang, 1985, hlm 6.

berbeza dari sudut pandangan tulisan orang peribumi tentang Melaka. Laporan sumber dari China meninjau dari sudut politik dan lebih mengutamakan matlamat kedatangan ekspedisi dan misi orang Cina ke Melaka. Laporan tersebut menyenaraikan nama raja-raja Melaka yang ditemui oleh ketua misi tadi dari tahun 1404 hingga tahun 1433, suasana kosmopolitan Melaka, corak dan komoditi perdagangannya, dan ekologi Melaka sendiri.

Melaka dilaporkan mempunyai suhu yang tinggi, tanahnya berpasir, dan tidak sesuai untuk kegiatan pertanian. Tentunya apa yang disebut berpasir dan kering ini ialah hasil tinjauan yang dibuat oleh penulisnya terhadap tanah di sepanjang pesisir pantai sahaja, mungkin dari utara ke selatan, bukan peninjauan terhadap ekologi di bahagian pedalaman Melaka. Laporan seperti ini tentulah bertentangan dengan 'semangat' tulisan yang ditunjukkan oleh teks *Undang-undang Melaka*. *Undang-undang Melaka* menunjukkan dengan jelas beberapa fasal peraturan dan undang-undang yang berhubung dengan syarat bertani, jenis pertanian yang diusahakan, undang-undang menternak binatang dan kesalahan-kesalahan awam yang berhubung dengan usaha pertanian dan penternakan.[18]

Sekiranya sahih laporan sumber dari China tentang jenis tanah-tanih yang terdapat di Melaka ketika itu, tentulah tanah tersebut tidak sesuai untuk pertanian dan penternakan. Oleh itu, tidak akan tercatat dan tidak wujudlah fasal tentang pertanian dan penternakan dalam teks *Undang-undang Melaka* tadi. Selepas tahun 1433, tidak ada laporan lagi tentang Melaka dalam sumber dari China.

Sekurang-kurangnya terdapat lima sumber primer Portugis tentang Melaka yang dihasilkan oleh lima orang penulis atau pelapor dari Portugal. Penulis dan hasil karya mereka ialah seperti berikut:

(a) Tome Pires dengan karyanya yang berjudul *The Suma Oriental*,[19] tulisan yang paling awal tentang Kesultanan Melayu Melaka yang ditulis oleh orang Barat.

(b) Joao de Barros dengan karyanya berjudul *de Asia*.[20]

(c) Tulisan naratif mengenai Melaka oleh Alfonso de Albuquerque dalam karya tunggalnya berjudul, *The Commentaries of the Great*

---

[18]Fasal-fasal 11:2, 11:4, 15:4, 15:7, 15:8, 20:1, 20:2, 21:2, 21:3, dan lain-lain dalam *Undang-undang Melaka*. Rujuk Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Melaka* (The Laws of Melaka), The Hague, 1976, (passim).

[19]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, 1944.

[20]H. Cicade and M. Murians (ed), *Asia de Joao de Barros*, 4 Jilid, Losbon, 1945–1946, (Second Decada).

Alfonso Dalboquerque Second Viceroy of India yang diterbitkan pada tahun 1557 oleh Braz de Albuquerque, diterjemah dan diselenggarakan pada tahun 1875 – 1884 oleh Walter de Gray Birch.[21]

(d) Dua buah karya oleh Manuel Godinho de Eredia, yang menerangkan darihal Melaka dan Gugusan Kepulauan Melayu pada penghujung abad ke-16 dan awal abad ke-17, berjudul:

i. *Report on the Golden Chersonese* (judul asalnya *Informacao da Aurea Chersoneso, ou Peninsula, e das Ilhas Auriferas, Carbunculas, e Aromaticas.*)

ii. *Description of Malacca, Meridional India and Cathay* (judul asalnya *Declaracam de Malacca e India Meridional com a Cathay.*)[22]

(e) Sebuah karya yang berjudul *Decada* oleh Diogo do Couto.

Sumber dan penulis Portugis tentang Melaka dan alam Melayu yang lain telah pun diperkatakan oleh I.A. Macgregor dalam sebuah rencananya.[23]

Pada umumnya, sumber-sumber ini melaporkan keadaan di Melaka dan sekitarnya selepas tahun 1511. Laporan hal-ehwal tentang Melaka sebelum kedatangan orang Portugis ke Nusantara ini dan kegiatan orang Portugis di rantau ini lebih banyak merujuk pada dua jenis sumber, iaitu pertama, secara lisan daripada pihak yang berkuasa; dan kedua, hasil laporan dan rekod rasmi yang terdapat di Arkib Lisbon. Kedua-dua bentuk sumber ini tentunya mempunyai beberapa kekuatan dan kelemahan yang tersendiri berdasarkan pandangan penulis atau pelapor kelima-lima sumber primer Portugis seperti yang telah disebutkan.

Tome Pires menerangkan tentang hal-ehwal Melaka pada zaman kesultanannya, iaitu hanya beberapa tahun selepas penaklukan Melaka oleh Portugis. Sumber tentang hal-ehwal Melaka diperoleh daripada para informan di bandar Melaka, iaitu daripada mula-mula penubuhan Melaka hinggalah kepada kedatangan beliau pada tahun 1520-an. *The Suma Oriental*, iaitu hasil dari sudut pandangan orang dari Barat, mungkin

---

[21]Walter de Gray Birch, (ed), *The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque*, 4 Jilid, Siri Kedua No 53, 55, 62 dan 69, The Hakluyt Society, London, 1875–1884.

[22]J.V. Mills, "Eredia's Description of Malacca Meridional India and Cathay", dan "Report on the Golden Chersonese", dalam *JMBRAS*, Vol VIII, Pt. 1, 1930, hlm 1–288; M.L. Dames, (ed), *The Book of Duarte Barbosa*, 2 Jilid, Siri Kedua No 44 dan 45, The Hakluyt Society, London, 1918–1921.

[23]I.A. Macgregor, "Some Aspects of Portuguese Historical Writing of the Sixteenth and Seventeenth Centuries on South-East Asia", dalam D.G.E. Hall (ed) *Historians of South East Asia*, Oxford University Press, London, 1961, hlm 172–199.

merupakan sumber asing bercorak bukan peribumi yang paling hampir sezaman dengan abad ke-15.

Tome Pires tidak melibatkan sepenuhnya maklumat yang diterima daripada para informan untuk sumber tulisannya. Ini disebabkan para informan tersebut adalah pihak ketiga dan menerima maklumat daripada pihak kedua. Dalam hal ini, Tome Pires mengambil jalan tengah dengan hanya menyebut, seperti, "they said .., they call .., is said .., ... and the people say that, dan ... they say that".[24] Menurut Tome Pires kesahihan dan kebenaran maklumat bukanlah terletak pada bahan yang dinaratif dan diriwayatkan tetapi terletak pada pendapat ramai yang dirakamkan dalam bukunya, *The Suma Oriental*. Tome Pires setakat memberi maklumat kesimpulan setelah beliau yakin bahawa kesimpulan itu adalah, "... from what the majority affirm".[25] Tome Pires menyebut perolehan sumbernya daripada informan yang dikatakannya "... according to various authors", itu.[26]

Dengan cara dan sikap Tome Pires yang demikian, maka penilaian dan justifikasi beliau terhadap sesuatu pihak atau isu akan dipulangkan kepada sumber rujukan yang diberi oleh para informannya itu, walaupun mungkin pihak dan isu yang beliau justifikasikan itu adalah sebenarnya penilaian peribadi beliau sendiri. Penilaian Tome Pires terhadap peribadi Sultan Mahmud yang disebutnya sebagai, "... was less just than any of the previous ones, very luxurious, intoxicated with opium everyday ... was presumptuous ... arrogance ...", dan lain-lain adalah penilaiannya setelah dikatakan *majority affirm* tadi. Setelah mendapat maklumat tentang Sultan Mahmud, maka Tome Pires pun membuat kesimpulan bagi pihak informannya itu, bukan kesimpulannya sendiri dengan mengatakan, " ... and the people say that it was on account of the arrogance of this sin that he was lost, and all bore him ill-will".[27]

Masalah utama, sumber *The Suma Oriental* ialah bentuk sumber lisan yang dibina untuk naratif Tome Pires tadi. Sekiranya pihak informan memberitahu beliau tentang peribadi Sultan Mahmud, iaitu terdapat pihak yang memusuhi dan tidak menyukai baginda, maka begitulah kelak corak sumber yang diperoleh, diambil dan dituliskan oleh Tome Pires, dan begitulah sebaliknya. Walau bagaimanapun, dapat kita rasakan terdapatnya ciri-

---

[24]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*., (passim).
[25]*Ibid.*, hlm 229.
[26]*Loc cit.*
[27]*Ibid.*, hlm 254.

ciri "berpijak di bumi nyata" tentang fakta penulisan beliau berbanding dengan penulisan *Sejarah Melayu*.

Begitulah juga sanjungan bagi naratif tentang Sultan Iskandar Syah yang ditulis oleh beliau. Tome Pires mengatakan Sultan Iskandar Syah sebagai, "... was a man of justice and liberal to the merchants".[28] Tome Pires juga melaporkan tentang Sultan Muzaffar Syah sebagai, "... was a better king than all those who had gone before",[29] dan perihal Sultan Mansor Syah sebagai, "... was chivalrous and very luxurious, just ... was a sociable man, liberal, a gambler and luxurious; but withal he was just".[30] Kesemuanya ini adalah daripada hasil laporan lisan yang didengar dan yang diperolehnya. Tome Pires menyebut mereka sebagai berkata sebagai , "they had heard", dan "they say that". Tome Pires membuat sanjungan sedemikian kerana para penutur dan informannya menyukai raja-raja tadi, "they liked him".[31]

Joao de Barros pula telah menulis buku yang berjudul *de Asia*. Buku ini adalah hasil rujukan beliau daripada dokumen dan maklumat yang diperoleh secara lisan daripada para penterjemah Arab dan Parsi. Beliau melengkapkan karangan ini pada tahun 1539 dan diterbitkan pada tahun 1553. Sekiranya tiada sumber tempatan tentang zaman awal Melaka, maka bahan tulisan untuk zaman itu dirujuk daripada tradisi semasa.

Ini wajar kerana belum banyak terjadi perubahan dalam tradisi antara sebelum tahun 1511 dengan periode antara tahun 1511 hingga tahun 1530-an, iaitu jangka masa jangkauan naratifnya. Sudut pandangan dan semangat penulisan de Barros juga hampir sama dengan tulisan Tome Pires. Perbezaan hanya pada peringkat lanjutan tulisan kerana menggunakan sumber yang berbeza.

Hal yang serupa juga berlaku pada tulisan Alfonso de Albuquerque dalam bukunya *The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque Second Viceroy of India*. Laporan beliau tentang Melaka adalah hasil pengamatan beliau sendiri, bukan menerusi pembacaan sumber sekunder yang lain. Walau bagaimanapun, sebagai orang Portugis yang menjadi ketua angkatan penakluk 'Benggali Putih', sikap dan sudut pandangan beliau yang condong ke arah Portugis adalah melampau. Sifat keperwiraan beliau lebih banyak dan kerap ditimbulkan dalam penulisannya.

Dan apabila sifat dan semangat keperwiraannya ini dikagumi oleh Francois de Sa de Menesses, iaitu penyair Portugis yang hidup lewat dari

---

[28] *Ibid*., hlm 241.
[29] *Ibid*., hlm 243.
[30] *Ibid*., hlm 249.
[31] *Ibid*., hlm 241.

zaman Alfonso de Albuquerque sendiri, maka terbinalah watak Albuquerque sebagai anak watan, wira dan hulubalang Portugis yang pintar, dan yang tidak ada bandingannya sehingga dapat mengalahkan sebuah kuasa Melayu. Begitulah condongnya arah semangat tulisan beliau terhadap Portugis. Beliau dapat menukarkan watak Albuquerque daripada tokoh biasa menjadi tokoh legenda yang sukar lagi difikirkan kesahihannya. Karangan berangkap beliau tentang Albuquerque ini bertajuk *The Conquest of Malacca*.[32]

Sementara itu, de Eredia telah berada di Melaka dari tahun 1563 hingga tahun 1605. Naratif de Eredia tentang Melaka ditulis hampir satu abad selepas Portugis menaklukinya. Perubahan tradisi telah banyak terjadi dalam tempoh itu. Hasil tulisan de Eredia tentang Kesultanan Melayu Melaka dalam dua buah bukunya, tidaklah begitu menarik kerana de Eredia menggunakan sumber-sumber sekunder, iaitu *de Asia* dan *Commentaries*. de Eredia juga menyebut sumber *Malaio annals* tentang Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Indonesia. Adakah *Sejarah Melayu* yang dimaksudkan oleh de Eredia tadi? Ini sukar dipastikan.

Hal yang demikian didapati sama dengan tulisan do Couto dalam bukunya yang berjudul *Decada* tentang sejarah awal Melaka. do Couto selesai menulis *Decada* pada tahun 1597, iaitu hampir sezaman dengan penulisan de Eredia. de Eredia juga merujuk berdasarkan dokumen yang terdapat di Lisbon dan sumber lisan daripada orang Portugis dan orang tempatan di Nusantara serta sedikit dokumen peribadi. Sejarah ringkas dalam buku de Eredia tentang Kesultanan Melayu Melaka didapati mengandungi kisah naratif yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*, khasnya tentang pemerintah Melaka yang pertama, yang dikatakan berasal dari dinasti Melayu Raja-raja Singapura, sama seperti naratif *Sejarah Melayu*. Dipercayai bahawa do Couto telah merujuk pada salah satu tradisi sejarah peribumi yang menyerupai *Sejarah Melayu*[33] untuk menulis sejarah Kesultanan Melayu Melaka.

Secara keseluruhannya, semangat dan corak tulisan orang Portugis ini tentang Kesultanan Melayu Melaka banyak didorong oleh dua faktor, iaitu pertama, para penulis ini muncul daripada kalangan pihak penakluk yang menerangkan perihal pihak orang Melayu yang ditakluk, dan yang kedua, semangat yang condong ke arah agama Kristian, berbanding dengan keadaan masyarakat yang beragama Islam yang dinaratifkan oleh mereka. Makin jauh

---

[32]Edgar C. Knowlton Jr. (Terjemahan). *The Conquest of Malacca*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1970.

[33]C.H. Wake, "Melaka in the Fifteenth Century...", dalam P. Wheatley and K.S. Sandhu, (eds), *op. cit.*, 1982, hlm 156.

para penulis tadi hidup dari zaman yang dinaratifkan, mungkin semakin jauhlah mereka menyimpang daripada tradisi asal sejarahnya, terutama sekiranya sumber penulisan tadi bercorak lisan.

Apatah lagi seandainya mereka merupakan orang asing yang tidak memahami serta mengetahui budaya dan sejarah tempatan, maka bahan-bahan, gambaran dan sejarah tempatan yang dinaratifkan sering menjadi *at their mercy* serta kerap melihat masyarakat Islam di Melaka dengan gaya permusuhan. Akibatnya, perbezaan dalam sudut pandangan dan etos penulisan pun terjadilah. Apabila berlaku perbezaan ini dan bertentangan pula dengan realiti yang sebenarnya dalam dimensi sejarah yang serupa, kekeliruan untuk memahami realiti masyarakat tersebut tidak dapat dielakkan lagi.

Walau bagaimanapun, untuk matlamat persejarahan, bahan-bahan Portugis ini penting untuk menjadi bahan bantu dan perbandingan dengan sumber tempatan dan sumber dari negeri China, Siam (sekiranya ada), dan Jawa. Bahan-bahan Portugis ini dapat menjelaskan lagi berbagai-bagai aspek persejarahan Melaka antara tahun 1400 hingga tahun 1511 dengan sewajarnya, dan dalam perspektif sejarah yang tepat.

2

Sejarah Melayu: Hasil Kreatif dan Sejarah Melayu tentang Kesultanan Melayu Melaka dan Permasalahan Naskhahnya

KEMUNCULAN *Sejarah Melayu* kira-kira dua setengah abad yang lalu telah menarik minat ramai orang. *Sejarah Melayu* kerap diperkata dan dibahaskan sama ada oleh penyelidik tempatan ataupun ilmiawan asing. Ini disebabkan dalam gedung kepustakaan Melayu, *Sejarah Melayu* sehingga ke hari ini dianggap sebagai karya Melayu yang terpenting dalam deretan karya-karya klasik Melayu yang lain, khasnya karya-karya yang sejenis dengannya, dan daripada kelompok genre yang sama seperti *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Hikayat Acheh*, *Hikayat Patani*, *Turunan Asal Raja-raja Gowa* dan *Tuhfat al-Nafis*.[1]

Kemasyhuran dan keunggulan *Sejarah Melayu* sebagai hasil kreatif dapat dibuktikan daripada kekerapan *Sejarah Melayu* disalin semula sehingga melahirkan sebanyak 29 buah naskhah salinan daripada teks induknya. Para penterjemah asing juga telah menunjukkan minat untuk menterjemahkannya ke bahasa Inggeris, Jerman, Belanda, Jepun, Perancis, Polish (sebenarnya hanya terjemahan sebahagian dan *excerpt* sahaja), Tamil dan Cina.[2] *Sejarah Melayu* menjadi sumber rujukan yang paling lumrah untuk ahli sejarah yang membincangkan sejarah masyarakat dan kebudayaan Melayu awal. Kaedah dan daripada naskhah mana teks *Sejarah Melayu* yang

---

[1]Pada tahun-tahun 60-an, hasil-hasil naskhah yang bercorak sejarah dianggarkan berjumlah sekitar 50 buah. Tetapi pada masa ini dengan terjumpanya naskhah-naskhah yang baru, bilangannya tentu telah meningkat lebih daripada itu. Rujuk Ismail Hussein, *The Study of Traditional Malay Literature with a Selected Bibliography*, Kuala Lumpur, 1972.

[2]Terjemahan ke bahasa Perancis telah dilakukan oleh A. Mersier (1878); ke bahasa Belanda oleh C. Hooykaas; ke bahasa Jerman oleh Paul Bruch; ke bahasa Jepun oleh Asahi Tairo; ke bahasa Tamil oleh Rama Subbiah; ke bahasa Cina oleh Tsu Yun-tsiao. Terjemahan dalam bahasa Tamil diterbitkan oleh Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya, 1968. Dan terjemahan dalam bahasa Cina diterbitkan oleh Youth Book Company, Singapura, 1966.

digunakan hanya menjadi persoalan sekunder buat para penyelidik seperti ini. *Sejarah Melayu* juga boleh digunakan untuk tujuan rujukan bagi berbagai-bagai disiplin ilmu dan penyelidikan tentang orang Melayu seperti bahasa, sosiologi, antropologi, filologi Melayu, kebudayaan, politik dan ekonomi. Daripada pengkajian terhadap *Sejarah Melayu*, suatu perspektif sejarah tentang kemunculannya dapat diberikan.

PENGETAHUAN AWAL MENGENAI *SEJARAH MELAYU*

Kali pertama dan seawal kemunculannya (daripada bukti-bukti dokumen tertulis yang diketahui) lantas kemudiannya digunakan sebagai suatu sumber rujukan ialah pada tahap pertama awal abad ke-18. Seorang penyelidik Barat bernama Petrus van der Vorm telah menulis sebuah buku yang berintikan tentang perkamusan Melayu yang berjudul *Collectania Malaica Vocabularia of Maleische Woordboeksameling* (dalam 2 jilid), kemudian diterbitkan di Batavia antara tahun 1707–1708. Petrus menyebut bahawa beliau banyak merujuk pada hasil naskhah Melayu klasik dan salah sebuah daripadanya ialah *Penurunan Segala Raja-raja*.[3]

Petrus bukan hanya menyebut malah memberikan 'ikhtisar' dan kandungan naskhah tersebut. Istilah 'Penurunan ...' yang dinyatakan oleh Petrus nampaknya bertentangan pula dengan istilah 'Peraturan' sebagaimana yang pernah diberikan oleh R.O. Winstedt, yang merujuk pada *Sejarah Melayu* daripada sebuah naskhah *Raffles MS. 18* pula.[4] Kira-kira dua puluh tahun kemudian, penulis lain, iaitu Francois Velentyn (seorang peminat naskhah-naskhah Melayu), menulis sebuah buku yang berjudul *Oud en New Oost-Indien*, iaitu tentang sejarah ringkas Hindia-Timur (dahulu dan sekarang). Buku yang diterbitkan pada tahun 1726 ini menyenaraikan juga sumber-sumber rujukan yang digunakan oleh Francois. Francois juga menyebut tentang raja-raja Melaka yang dirujuk pada sumber, iaitu *Soelalet Essalatina, or the Geneology of the Kings of the Malay Coast and of Malacca*. Perkara yang menghairankan ialah kedua-dua naskhah *Sulalatus Salatin* yang disebut sebagai judul asal *Sejarah Melayu* yang digunakan oleh kedua-dua penulis Barat ini hanya muncul sebagai satu daftar nama segala

---

[3]Rujuk *Collectania* ..., Batavia 1707–1708; *Cf. Pararaton*, edisi kedua, *VBG*, LXII, hlm 154. Ada naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* yang lain yang dirawikan oleh penyalinnya sebagai 'peraturan segala raja-raja'; 'pertuturan segala raja-raja', dan lain-lain.

[4]R.O. Winstedt, (ed), *The Malay Annals or Sejarah Melayu* (The Earliest Recension from MS. No. 18 of the Raffles Collection, in the Library of the Royal Asiatic Society, London), dalam *JMBRAS*, Jil XVI, iii. 1938, hlm 226.

raja-raja[5] sahaja; bukan seperti *Sejarah Melayu* yang wujud dan yang kita gunakan pada hari ini.

Berikutnya pada tahun 1811, sarjana William Marsden menulis pula buku yang berjudul *History of Sumatera*. Dalam membincangkan tentang kesultanan Melayu awal, beliau merujuk pada sebuah naskhah Melayu yang juga berjudul *Sulalatus Salatin* yang dalam bahasa Melayunya bererti *Penurunan Segala Raja-raja*. Besar kemungkinan bahawa naskhah *Sejarah Melayu* yang pernah digunakan oleh Petrus kira-kira seratus tahun mendahuluinya itulah yang dirujuknya. Buku Marsden ini telah diterbitkan di London.

Selepas itu kedudukan *Sejarah Melayu* semakin bertambah cerah dan kerap digunakan. Suatu perbincangan yang bersangkutan dengan disiplin terjemahan dan filologi tentang *Sejarah Melayu* semakin banyak dan lumrah dibincangkan berbanding dengan karya-karya lain yang sejenis dengannya. Sarjana dan penyelidik sastera mula memberikan perhatian terhadapnya. Ada sarjana dan penyelidik yang memperkatakan *Sejarah Melayu* sebagai hasil kreatif yang terbesar di rantau ini. Ada juga sarjana dan penyelidik yang cuba menyingkap-nyingkap sahaja tentang masalah-masalah naskhah yang terdapat mengenainya,[6] dengan harapan (mungkin) semoga permasalahan filologi *Sejarah Melayu* dapat diselesaikan dengan segera supaya boleh digunakan dengan cara yang lebih meluas dan definitif lagi.

VERSI DAN EDISI *SEJARAH MELAYU*

Sejarah Melayu begitu berpengaruh kepada para penyelidik. Sehingga pada masa ini terdapat sekurang-kurangnya enam versi yang telah diselenggarakan. Pertamanya pada 1938, apabila R.O. Winstedt mengambil naskhah *Raffles MS. 18*, lalu lahirlah *The Malay Annals* atau *Sejarah Melayu*.[7] Winstedt mendakwa bahawa naskhah yang diselenggarakannya ini merupakan naskhah *Sejarah Melayu* resensi tertua tahun 1536. Edisi Winstedt inilah yang kemudiannya diterjemahkan ke bahasa Inggeris oleh C.C.

---

[5]Rujuk *Oud en New*....., Jil 7, 1726, hlm 316–320; Yusoff Iskandar & Abd. Rahman Kaeh, *Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Kritis daripada Pelbagai Bidang*, Kuala Lumpur, 1978, hlm 3.

[6]Antara kalangan penulis ini termasuklah C.O. Blagden, "An Unpublished Variant Version of the 'Malay Annals', dalam *JMBRAS*, Jil III, i, 1925, hlm 10–25; R.O. Winstedt "The Malay Annals Again, Goa and Kings of Singapore", *JMBRAS*, XXII, i, 1949, hlm 178–180.

[7]Dalam penulisannya yang lain tentang kesusasteraan Melayu klasik, Winstedt turut memperkatakan tentang naskhah ini. Lihat 'A History of Classical Malay Literature', (edisi yang disemak semula), dalam *JMBRAS*, XXXI, iii, 1958.

Brown, dan dianggap sebagai terjemahan ke bahasa asing yang paling sempurna pada masa kini.[8]

Tetapi pada tahun 1821, iaitu satu abad terdahulu daripada itu, Munsyi Abdullah menjadi orang yang pertama menyelenggara dan menyunting *Sejarah Melayu*. *Sejarah Melayu* ini diterbitkan dalam tulisan jawi di Singapura, iaitu kira-kira 20 tahun selepas *Sejarah Melayu* dirujuk oleh William Marsden. Edisi Munsyi Abdullah ini telah diterbitkan semula oleh H.C. Klinkert di Leiden pada tahun 1884. Edisi ini telah diselenggarakan semula (perumian, anotasi, indeks, pengenalan dan seterusnya) oleh A.E. Teeuw dan T.D. Situmorang pada tahun 1952 di Jakarta-Amsterdam.[9]

Selepas itu pada tahun 1849–1856, untuk kali kedua *Sejarah Melayu* diselenggara dan telah diterbitkan di Paris oleh Edouard Dulaurier dengan judul *Collection Des Principales Chroniques Malayes*, tetapi edisi ini didapati tidak lengkap.[10]

Kemudian pada tahun 1896, muncullah *Sejarah Melayu* daripada naskhah yang paling popular masa ini, kali pertama dirumikan dengan pengenalan ringkas oleh Rev. W.G. Shellabear. Tiga belas tahun kemudian (1909) teks Shellabear ini disemak semula menjadi *Second Romanised Edition* dan telah diulang cetak beberapa kali. Kini ia dijadikan teks rujukan sastera bagi para calon Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. Selaras dengan ini, maka lahirlah *Sejarah Melayu*, tetapi dalam berbagai-bagai bentuk seperti perbincangan, ulasan dan bimbingan yang diterbitkan seperti 'cendawan tumbuh'. Kesemuanya bersandarkan kepada teks Shellabear tersebut.

Di Jakarta, iaitu pada tahun 1959 terbit pula *Sejarah Melayu* yang diselenggarakan oleh Datuk Madjoindo, dalam 2 jilid. Tetapi yang aneh ialah ia diterbitkan dalam tulisan jawi dan nampaknya mengandungi sebahagian daripada versi Munsyi Abdullah. Usaha Datuk Madjoindo ini menunjukkan ada kesanggupan untuk menerbitkan *Sejarah Melayu* tetapi menghadapi risiko penerbitan dan pemasaran. Mereka mempunyai tujuan yang murni untuk menghasilkan *Sejarah Melayu* tetapi daripada versi lain.

Pada tahun 1821, muncullah pula John Leyden. Beliaulah orang pertama yang menterjemahkan *Sejarah Melayu* ke bahasa Inggeris. Buku terjemahannya itu telah diterbitkan di London dengan judul *Malay Annals:*

---

[8]C.C. Brown, *Sejarah Melayu* 'Malay Annals', (An Annotated Translation by ...), Kuala Lumpur, 1970.

[9]A.E. Teeuw & T.D. Situmorang (eds), *Sedjarah Melaju* (Menurut Terbitan Abdullah ibn Abdulkadir Munsyi), Djambatan, 1952.

[10]Rujuk *Collection des Principales* ..., Paris, 1849–1856. Naskhah penyelenggaraan ini tidak lengkap kerana kependekan umur Dulaurier.

Translated from the Malay Language. Apabila terjemahan ke bahasa asing ini diterbitkan bererti para pembaca *Sejarah Melayu* (yang tidak tahu berbahasa Melayu) bertambah ramai. Leyden kelihatan menterjemah dengan secara bebas daripada versi Munsyi Abdullah atau mungkin daripada versi Datuk·Madjoindo, kerana ketiga-tiga versi ini ditamatkan dengan episod kematian atau pembunuhan Tun Ali Hati.[11]

Aristide Marre, penterjemah Perancis, mengambil langkah seterusnya dengan menterjemahkan pula *Sejarah Melayu* ke bahasa Perancis dengan tajuk *Le Sadjaret Malayou (L'arbre Genealogique Malais)*. Terjemahan Marre ini telah diterbitkan di Paris pada tahun 1896.[12]

Setelah Munsyi Abdullah, Edouard Dulaurier, W.G. Shellabear, R.O. Winstedt dan Datuk Madjoindo menyelenggarakan *Sejarah Melayu* dan melahirkan lima edisi daripada teks yang berlainan, maka pada tahun 1979 muncul pula tokoh veteran sastera Melayu tanahair yang tidak asing lagi, iaitu A. Samad Ahmad. Beliau mengetengahkan teksnya yang bertajuk *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*[13] yang diterbitkan di Kuala Lumpur. Perkembangan mutakhir ini menyebabkan sekarang terdapat enam edisi *Sejarah Melayu*. Sepanjang yang diketahui, hal seperti ini tidak pernah terjadi terhadap sebarang teks Melayu klasik yang bercorak sejarah. Edisi-edisi daripada naskhah yang berbagai-bagai tadi menunjukkan pelbagai kelainan corak dan varians, tetapi semuanya masih tertumpu dan berlandaskan Kesultanan Melayu Melaka dan berbagai-bagai episod serta anekdot yang menjangkau dari zaman awal Melaka sehinggalah ke periode awal Johor.

Persoalannya sekarang ialah apakah kita telah berpuas hati terhadap teks *Sejarah Melayu* setelah lahir enam penyelenggaraan tadi? Jawapannya tentu mudah walaupun tidak sesingkat itu untuk dijelaskan. Oleh sebab begitu banyak naskhah salinan *Sejarah Melayu* yang berbagai-bagai rupa yang terangkum ke dalamnya berbagai-bagai versi seperti versi panjang dan versi pendek, versi lengkap dan yang kurang lengkap, berbagai-bagai versi bercorak 'serpihan' (fragmentary character), versi yang diperpanjang (enlarged) daripada sebuah versi yang sedia lengkap (seperti yang muncul daripada versi Palembang, dikenali dengan judul *Hikayat Siak* atau *Hikayat Raja Akil*), maka teks *Sejarah Melayu* telah menimbulkan permasalahan

---

[11]Lihat edisi Teeuw & Situmorang, *op. cit.*, hlm 305.

[12]Aristide Marre, *Le Sadjaret Malayou* (L'Arbre genealogique Malais) ou Histoire des Radjas et des Sultans Malais Depuis les Origines Jusqu'a la Conquete de Malaka ... en 1511 (par Toun Bambang de patani), Tom. 1., Vaucresson 1896.

[13]A. Samad Ahmad (ed), *Sulalatus Salatin* (*Sejarah Melayu*), Kuala Lumpur, 1979.

filologi yang amat kompleks.[14] Oleh itu, usaha dan tanggungjawab yang amat berat diperlukan sekiranya sarjana filologi ingin menyelenggarakan *Sejarah Melayu* untuk mencari suatu teks yang paling definitif kerana adanya sifat kompleks seperti ini. Apatah lagi untuk menyelenggarakan satu teks yang standard untuk rujukan semua pihak dan untuk penyesuaian semua disiplin penyelidikan, ia memerlukan penggemblengan tenaga mental dan fizikal yang besar.

Kini muncul suatu pandangan yang baru terhadap *Sejarah Melayu*. Ini terjadi seiring dengan berkembangnya ilmu dan teori sastera moden di kalangan para ilmuan sastera, dalam percubaan yang terjadi dengan tidak secara langsung dan bidang filologi yang menjadi korban. Dalam usaha untuk mengasak-asak beberapa teori moden (seperti strukturilisme, fungsionalisme dan lain-lain) terhadap beberapa hasil kesusasteraan Melayu tradisional, teks *Sejarah Melayu* sering menjadi 'scapegoat' untuk rujukan para ilmuan ini. Akhirnya, peranan dan sumbangan ahli filologi terdahulu dalam mengkaji dan mencari kedudukan sastera dan sejarah yang paling tepat dan definitif terhadap teks ini dipencilkan. Pendapat mereka ialah semua 29 buah naskhah *Sejarah Melayu* (atau teks yang telah diselenggara) boleh digunakan kerana ia adalah hasil 'fiction'.

Setelah lebih kurang dua setengah abad munculnya *Sejarah Melayu*, hingga setakat ini belum lagi terdapat sebarang penyelenggaraan yang benar-benar ilmiah, kritis dan yang memuaskan. Bidang filologinya (termasuk masalah teks, naskhah, versi, resensi, asal usul dan lain-lain) masih lagi diperbahaskan, bahasanya belum diselidik dengan mendalam, dan tentang isu kesejarahannya, masih terdapat para penyelidik yang meragui kebenarannya. Bagaimanakah ini terjadi? Ini disebabkan ahli bahasa atau budaya dan ahli kaji masyarakat lebih cenderung atau amat kerap mempelajari soal bahasa dan kebudayaan Melayu pada abad ke-15 dengan merujuk dan 'bergantung' pada *Sejarah Melayu* daripada resensi 1612 atau teks W.G. Shellabear tetapi tidaklah begitu halnya dengan ahli sejarah. Ahli sejarah lebih 'mempercayai' *Sejarah Melayu* daripada edisi Winstedt resensi 1536 (naskhah *Raffles MS. 18*) untuk matlamat rujukan dengan alasan termudah bahawa resensi ini diandaikan yang tertua dan paling hampir dengan naskhah asal. Justeru itu, si penyalin lebih berjaya mengekal dan mempertahan isi dan identiti *Sejarah Melayu* yang asal tadi. Penyalin berpendapat bahawa

---

[14]Satu senarai naskhah *Sejarah Melayu* yang lengkap mungkin telah ditulis oleh R. Roolvink, 'The Variant Versions of the Malay Annals', dalam *BKI*, Jil 123, Bhg iii, kemudian diterbitkan semula sebagai lampiran pendahuluan untuk edisi *Sejarah Melayu* terjemahan C.C. Brown, *op. cit.*, hlm xv–xxxv.

naskhah dan versi-versi yang lain adalah *corrupt* dari segi kesahihan fakta (akibat banyak pengubahan, tokok tambah, pengguguran, sisipan atau apa saja istilah yang berkaitan hasil perbuatan penyalin atau perawi terkemudian).

Sikap seperti ini sebenarnya bukan merupakan perkara baru. Ia dapat dirujuk pada pandangan Munsyi Abdullah. Munsyi Abdullah tertarik dengan *Sejarah Melayu* kerana tarikan bahasa yang terdapat di dalamnya. Telitikan sahaja petikan pendapatnya yang berikut yang menjadi bahagian pengenalan teksnya itu;

> Arakian maka jikalau orang mendapat akan kitab Sejarah Melayu ini, maka katanya, "Mengapakah maka hikayat-hikayat dan Sejarah Melayu yang tiada berguna ini dicapkan? Membuang belanja dan penat sahaja. Apakah faedahnya yang ada di dalamnya?" Maka kami memberi jawab kepadamu, "Bahawa, sungguhpun tiada banyak perkara yang berguna dalamnya seperti kata orang yang mengarang sejarah ini dalam khutbahnya, tetapi bahawa sesungguhnya, ketahuilah olehmu, adapun sebabnya aku mengusahakan diriku mengecapkan kitab ini, sebab bahasanya!"

Jelaslah, selain nilai bahasa yang menarik hati Munsyi Abdullah, beliau juga mengatakan bahawa *Sejarah Melayu* sebagai tiada berguna, sama ada dari segi apa pun. Tetapi Munsyi Abdullah telah memberikan sumbangan yang besar terhadap keilmuan *Sejarah Melayu*.

Apabila teksnya diterbitkan pada tahun 1831, Munsyi Abdullah memberi judul naskhah tersebut sebagai *Sulalatus Salatin*, iaitu *Sejarah Melayu*. Sepuluh tahun sebelum itu, iaitu pada tahun 1821, John Leyden mendahulukan penjudulannya dalam bahasa Inggeris, iaitu *Malay Annals*. Semenjak itu hinggalah ke hari ini, *Sulalatus Salatin* dikenali sebagai *Sejarah Melayu* dalam bahasa tempatan dan sebagai *Malay Annals* dalam bahasa Inggeris.[15]

FILOLOGI DAN NASKHAH

John Leyden dan T.S. Raffles (yang menuliskan pengenalan untuk teks yang diterjemahkan oleh Leyden), nampaknya menghargai *Sejarah Melayu* dari segi kreatif, tetapi cuba menjauhkan diri daripada membincangkan permasalahan filologi dan penaskhahan. Mereka juga tidak pernah mempersoalkan kandungan dan nilainya sama ada dalam apa sahaja disiplin pengaji-

---

[15]John Leyden, *Malay Annals* (translated from the Malay language) with an Introduction by Sir Thomas Stamford Raffles, F.R.S., London, 1921.

an. Malahan apa yang diperkatakan sebagai *translation* itu adalah *translation* daripada *Sejarah Melayu* yang amat bebas coraknya.[16] Walau bagaimanapun, sebelum kemunculan edisi-edisi yang lain, para sarjana pernah berpendapat bahawa naskhah-naskhah yang digunakan oleh Leyden dan Munsyi Abdullah boleh dianggap sebagai naskhah (kemudiannya menjadi teks) yang standard.

Tetapi antara tahun 1849–1856, pendapat tersebut telah tercabar. Ia muncul secara tidak sengaja, iaitu apabila Edouard Dulaurier cuba menggunakan teks Munsyi Abdullah (dan mungkin juga naskhah-naskhah yang lain, tetapi tidak dinyatakannya secara eksplisit) bagi penyelenggaraannya yang didakwanya kritis itu. Malahan dalam satu nota kaki bukunya telah disebut pula satu versi *Sejarah Melayu* daripada *Cod. Or. 1716* (tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden). Versi ini didapati berlainan daripada edisi Munsyi Abdullah yang digunakannya. Bagaimanakah Dulaurier mengetahui bahawa naskhah dalam catatan nota kakinya tadi kurang baik daripada edisi Munsyi Abdullah yang dirujuknya itu sedangkan naskhah tersebut amat bererti untuk penelitian filologi?

Selepas itu W.G. Shellabear mengambil daya usaha seterusnya. Beliau menyelenggarakan *Sejarah Melayu* dengan menggunakan edisi Munsyi Abdullah dan Dulaurier. Tetapi yang lebih penting ialah beliau menggunakan juga beberapa naskhah lain yang belum pernah dinyatakan sebelumnya itu. Dalam edisi 1896 Shellabear ini dinyatakan secara eksplisit tentang versi-versi lain yang dipergunakannya, yang lebih panjang daripada teks Munsyi Abdullah dan Dulaurier (yang hanya setakat kisah kematian Tun Ali Hati). Tetapi sebenarnya bahagian tentang selepas kematian Tun Ali Hati itu diperbina daripada versi-versi campuran yang tidak serupa. Teks Munsyi Abdullah dan Dulaurier tadi tidak lagi dapat dianggap standard selepas itu.

Sekarang kita melihat pada sumbangan yang telah diberikan oleh R.O.

---

[16]Lihat sahaja terjemahan beliau daripada satu contoh petikan di bawah ini:

> Dan pada suatu masa bahawa fakir duduk pada suatu majlis dengan orang besar, terlebih mulianya dan terlebih besar martabatnya daripada yang lain, maka berkata ia kepada fakir, "Hamba dengan ada hikayat Melayu yang dibawa oleh orang dari Goa ...."

Terjemahannya ialah;

> The occasion of the composition of the work is stated by the author to be the following: "I happened to be present at an assembly of the learned and the noble when one of the principal persons of the party observed to me, that he had heard of a Malay story, which had been lately brought by a nobleman from the land of Gua ...."

Ibid. hlm 1.

Winstedt pada tahun 1938 bila mana beliau menyelenggarakan *Sejarah Melayu*, bukan daripada edisi Munsyi Abdullah, Dulaurier, mahupun Shellabear. Beliau merujuk pada versi C.O. Blagden yang pernah memperkatakannya pada tahun 1925. Usaha Winstedt ini bolehlah dianggapkan sebagai satu pertemuan atau penyebaran naskhah-naskhah *Sejarah Melayu*. Beliau meneliti bahagian mukadimah yang terdapat dalam edisi Munsyi Abdullah, Dulaurier dan Shellabear kemudian membandingkannya dengan mukadimah dalam versi Blagden tadi. Beliau lantas membuat suatu kesimpulan bahawa apabila dibandingkan *Sejarah Melayu* daripada kumpulan edisi yang pertama tadi dengan beberapa buah hasil kesusasteraan Melayu Islam dari Acheh, ternyata mukadimah tersebut diambil daripada mukadimah kitab *Bustan'us-Salatin*, hasil tulisan Syeikh Nuruddin ar-Raniri yang dikarangkan pada tahun 1638. Si penyalin naskhah ketiga-tiga edisi tadi tentunya telah tertarik hati dengan bahasa Nuruddin, lantas diterapkan ke dalam naskhah salinannya itu.

Mukadimah yang panjang lebar tadi,[17] amat berbeza daripada mukadimah versi Blagden yang lebih ringkas yang berbunyi;

> "Bismillahir-Rahmanir-Rahim .... sudah memuji Allah dan mengucap salawat akan Rasulullah s.a.w. seribu dua puluh esa tahun dhu-al-awwal pada dua belas haribulan Rabiulawal pada hari Ahad pada waktu doha, pada zaman kerajaan Paduka Seri Sultan Alauddin Riayat Syah, dhulillah fil-alam, sedang bernegeri di Pasir Raja".

Begitu juga dengan versi Blagden yang sama sekali tidak menyebut bahawa *Sejarah Melayu* tadi telah 'dibawa orang dari Goa'. Winstedt juga telah membuat beberapa kesimpulan lain, antaranya ialah, pertama, bahawa teks daripada versi Blagden (atau daripada *Raffles MS. 18*) adalah suatu salinan paling hampir dengan *Sejarah Melayu* yang asli. Tetapi sebenarnya selepas tahun 1612, seorang penyalin lain berpeluang menyalin semula daripada naskhah salinan yang pertama tadi dengan menyadur semula (seperti mengubah beberapa susunan bab, menyisipkan perkara-perkara baru, menghilangkan salasilah raja-raja Perak tetapi telah menonjolkan pula salasilah raja-raja Johor). Dengan pengertian lain, bahawa catatan mukadimah versi Blagden tadi adalah sisipan baru oleh penyalin terkemudian. Kedua ialah naskhah asli yang dikarang oleh seorang Melaka yang dapat menyaksikan kedatangan dan penaklukan Portugis di Melaka. Oleh yang demikian

---

[17]Kita mengambil *Sejarah Melayu* daripada edisi W.G. Shallabear, contohnya *Sejarah Melayu*, Malayan Publishing House, Singapura, 1961, hlm 1.

Sejarah Melayu versi Blagden itulah yang sebenarnya mengandungi teras *Sejarah Melayu* daripada teks asli tadi. Tetapi pada tahun 1612, naskhah tersebut telah diselenggarakan semula oleh Tun Seri Lanang. Beliau menyebut kononnya naskhah asal itu dibawa dari Goa, dan telah ditokok tambah dan dibuang pada bahagian-bahagian yang tertentu. Akhirnya wujudlah naskhah baru yang hari ini muncul sebagai versi atau edisi Shellabear itu.

Kesimpulan yang diberikan oleh Winstedt nampaknya telah meruntun minat dua penulis lain pada tahun 1947 dan tahun 1956, iaitu W. Linehan dan C.A. Gibson-Hill. Kedua-dua penulis ini memberikan pandangan yang serius tentang masalah naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* yang mula menemui jalan buntu itu. Linehan, yang mungkin didorong oleh pengetahuannya yang agak luas tentang Pahang (ketika menjadi pentadbir kolonial di situ), telah cuba mengandaikan bahawa istilah 'Goa' (g-w-a) dimaksudkan sebagai nama satu tempat yang terdapat di Pahang. Winstedt memberikan reaksi yang segera dengan kenyataan Linehan tadi. Winstedt menentang dengan kenyataan bahawa sekiranya Goa di Pahang yang dimaksudkan oleh Linehan, maka nama Goa yang lain, sama ada di India, ataupun di Sulawesi Selatan, juga akan menimbulkan kekeliruan. Gibson-Hill yang memberikan alasan-alasan sejarahnya cara tersendiri, tanpa memahami masalah naskhah dan filologi yang dihadapi oleh *Sejarah Melayu*, terus berpendapat bahawa Goa di sini ialah di India, memandangkan hubungan yang rapat di antara Melaka dengan India pada masa pemerintahan Portugis selepas tahun 1511.

TEKS KACUKAN DAN RESENSI

Perkara Goa yang ditimbulkan oleh Linehan dan Gibson-Hill, kemudian oleh Winstedt tadi sebenarnya hanya merupakan satu isu yang remeh. Ini disebabkan kekeliruan yang ditimbulkan oleh *Sejarah Melayu* daripada edisi Shellabear itu sendiri. Ia sebenarnya merupakan satu teks campuran-kacukan (*hybird* menurut istilah R. Roolvink),[18] banyak varians yang terjadi terhadap naskhah-naskhah kacukan tadi tetapi telah ditinggalkan sama sekali oleh Shellabear. Malahan untuk merujuk pada edisi Shellabear bagi mengkaji perkembangan dan masalah naskhah *Sejarah Melayu* adalah suatu yang mustahil sama sekali. Untuk memperkuatkan hujah tentang dakwaannya bahawa versi Blagden itu asli, dan bahawa edisi yang diselenggarakan oleh Munsyi Abdullah, Dulaurier dan Shellabear adalah merupakan

[18]R. Roolvink, *op.cit.*, hlm xxiii; rujuk rencana W. Linehan, 'Notes on the Text of the Malay Annals', dalam *JMBRAS*, Jil XX,ii, 1947, hlm 107–112; C.A.Gibsn Hill, 'The History Brought fromGoa', dalam *JMBRAS*, XXIX, i, 1956, hlm 185–188.

penyalinan terkemudian dengan berbagai-bagai tokok tambah, Winstedt telah memperbandingkan kedua-dua versi ini;[19] lalu membuat kesimpulan bahawa naskhah daripada versi Blagden telah dibawa ke India dan kemudian ke Goa. Dan dari situlah didapati naskhah tersebut kemudian disalin semula (seperti diperbaiki dan disadur) pada tahun 1612.

Di tengah-tengah kekacauan pendapat ini tampil pula R. Roolvink. Dalam satu ceramahnya kepada siswa-siswa lanjutan di Koninklijk Instituut, Leiden pada Januari 1981, beliau melakarkan bahawa hingga setakat ini *Sejarah Melayu* terbahagi dua, iaitu resensi 1 dan resensi 2. Corak resensi 1 seperti berikut:

(a) Tidak terdapat mukadimah yang panjang lebar dalam bahasa Arab.

(b) Dimulakan dengan periode purba menjangkau ke tahun 1550 (l.k.).

(c) Ada "ciri" (dalam bahasa Sanskerta?)

(d) Penyalinnya ialah Raja Bongsu (yang memperkitabkannya ialah Raja Bongsu).

Corak resensi 2 pula seperti berikut:

(a) Ada dua versi daripadanya (versi panjang dan versi pendek).

(b) Kedua-dua versi dan mukadimah yang panjang lebar, menyebut bahawa *Hikayat Melayu* dibawa dari Goa, dan menyebut juga bahawa ia telah diperbaiki pada tahun 1612.

(c) Versi pendek daripada resensi ini menamatkan episod setakat kematian Tun Ali Hati, selepas tahun 1611 dan tidak terdapat "ciri".

(d) Versi panjangnya meliputi kisah dari periode purba hingga ke tahun 1612; terdapat berbagai-bagai sisipan di dalamnya seperti peristiwa yang terjadi pada tahun 1720; terdapat "ciri" dalamnya; bahagian penghujungnya terdapat episod tentang serangan terhadap Johor oleh Jambi.

Sebagai lanjutan, perbincangan tentang kedua-dua resensi tersebut seperti berikut. Yang dimaksudkan dengan resensi 1 ialah naskhah daripada versi Blagden yang terdapat satu sahaja. Di dalamnya mengisahkan episod datuk nenek raja-raja Melaka yang berasal dari Sumatera (Bukit Siguntang Mahamiru?), diakhirkan dengan episod sejarah yang terjadi sekitar pertengahan abad ke-16. Penyebutan tahun 1612 dalam mukadimah versi ini adalah suatu sisipan terkemudian setelah disalin lebih awal daripada itu, iaitu tahun 1536, daripada satu naskhah *Sejarah Melayu* yang asal.

---

[19]R.O.Winstedt, *The Malay Annals ..., op. cit.*, hlm 1-26.

Kedudukan resensi 2 amat kompleks. Versi panjang daripada resensi ini sekarang lahir sekurang-kurangnya dalam sepuluh buah naskhah *Sejarah Melayu*.[20] Ia mengisahkan tentang sejarah raja-raja Melaka dari zaman awal (sebagaimana juga yang terdapat dalam versi Blagden) tetapi kemudian dilanjutkan kisah ini sehingga tahun 1612, bukan tahun 1536. Banyak sisipan dan tambahan yang dilakukan terhadap versi panjang ini. Salah satu daripadanya ialah peristiwa serangan Jambi terhadap Johor, walhal peristiwa ini tidak ada kena-mengena langsung dengan 'persejarahan' *Sejarah Melayu*. Perkara yang lebih menarik ialah tentang penghantaran suatu misi kerajaan Makassar di Sulawesi ke Melaka. Bersama-sama dengan misi itu terdapat satu persembahan raja, iaitu seorang budak bernama Daeng Mempawah, yang kemudiannya menjadi pahlawan besar Melaka, iaitu Laksamana Hang Tuah. Memang tidak dapat diragukan lagi bahawa ini adalah sisipan terkemudian oleh seorang penyalin daripada kalangan Bugis di istana Riau-Lingga, iaitu selepas tahun 1700 pengaruh Bugis memang kuat di istana raja-raja Melaka Johor-Riau. Mungkin versi inilah yang telah digunakan dan dirujuk oleh Raja Ali Haji apabila menulis teks *Tuhfat al-Nafis* pada tahun 1865, kerana terdapat episod yang serupa. Tujuan utamanya berbuat demikian ialah untuk mengagung dan memperbesar-besarkan orang Bugis di kalangan raja-raja Melayu. Naskhah daripada versi yang panjang inilah yang diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad dari Dewan Bahasa dan Pustaka. A. Samad memang menyedari hakikat ini, tetapi beliau melihat dengan cara di sebaliknya, iaitu sebarang naskhah *Sejarah Melayu* daripada salah satu versi dan daripada resensi kumpulan kedua yang tidak menyebut tentang Daeng Mempawah – Hang Tuah, adalah akibat 'pengguguran' yang dilakukan oleh penyalin terkemudian dengan sengaja dan dengan muslihat tertentu.[21] Walau bagaimanapun A. Samad Ahmad pasti nama Goa yang terdapat dalam versi panjang dan pendek daripada resensi 2 adalah Goa di Sulawesi Selatan, bukan di India ataupun di Pahang.

Pada dasarnya 'bentuk' resensi 1 dan 2 (panjang dan pendek) hampir serupa. Namun, jika diteliti dengan lebih lanjut, perbezaan memang agak nyata, sama ada dari segi latar belakang kemunculan naskhah ataupun teks itu sendiri. Mukadimah resensi 2 'diambil' (diterapkan) daripada kitab *Bustan'us-Salatin*, dan ini tidak terjadi pada resensi 1. Mukadimah resensi 2 sebenarnya, menurut kenyataan Linehan, semestinyalah merupakan suatu mukadimah yang tersendiri dan langsung tidak serupa dengan mukadimah

[20]Voorhoeve, 'List of Malay Manuscripts in the Library of the Royal Asiatic Society', dalam *JRAS*, Bhg 1 dan 2, 1963.

[21]A. Samad Ahmad, (ed). *op. cit.*, hlm 244.

yang asli seperti yang wujud dalam resensi 1 akibat daripada tambahan dan perubahan (sesuka hati?) yang dilakukan oleh penyalin terkemudian. Sedangkan naskhah daripada resensi 1 yang terdapat pada hari ini (tersimpan di perpustakaan Royal Asiatic Society, London, kemudian diusahakan oleh R.O. Winstedt pada tahun 1938 itu) sebenarnya merupakan sebuah naskhah salinan yang disalin (beberapa kali disalin?) daripada satu naskhah asal *Sejarah Melayu* hasil penulisan atau perawian Raja Bongsu atau Sultan Abdullah di Pasir Raja, Johor untuk T.S. Raffles pada tahun 1812. Begitulah juga halnya dengan penyebutan nama Goa, iaitu tempat dibawa sebuah daripada naskhah *Sejarah Melayu* itu. Jika A. Samad Ahmad mengatakan bahawa Goa adalah Goa yang terdapat di Sulawesi Selatan (hinggakan kulit buku untuk edisinya pun dipilih gambar peta Nusantara dengan penonjolan lokasi Goa), adakah ini suatu fakta sejarah? Tidak mungkinkah, seperti hal yang berlaku terhadap resensi 2 versi panjang *Sejarah Melayu* apabila dikatakan bahawa episod tentang misi dari Makassar dan asal usul manusia Hang Tuah, yang hanya merupakan sisipan semata-mata oleh penyalin terkemudian, terjadi juga terhadap penyebutan kalimat "... Hamba dengar ada hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa. Barang kita perbaiki ...." – sisipan sahaja, dengan matlamat untuk mengagungkan keluarga Bugis yang memang berpengaruh di alam Melayu ini sejak awal abad ke-18.

UNSUR KEBUGISAN

Hal yang demikian bukan tidak beralasan. Kita mengetahui melalui proses asimilasi dan 'persemendaan' keluarga Bugis yang datang dari Ujung Pandang ke kawasan kerajaan Johor-Riau (secara perkahwinan antara kerabat Bugis dengan kerabat Johor, menerusi penyerapan politik dan sistem kerajaan, pemerintahan serta perajaan (kingship) bila mana diwujudkan tradisi pembesar pemerintah serta Yang Dipertuan Muda dan Raja Tua, dan lain-lain) telah berlaku satu pertalian etnik yang erat dan melahirkan satu entiti masyarakat Melayu-Bugis yang jelas di Kesultanan Johor-Riau. Mungkin orang Bugis tidak menganggap diri mereka sebagai orang asing lagi dalam konteks kemelayuan Nusantara dan rantau budaya yang serupa. Ini dibuktikan daripada hasil kesusasteraan sejarahnya.

Kisah dan naratif dalam teks *Hikayat Johor* bermula dari tahun 1673,[22] walhal pada masa itu pengaruh Bugis masih belum wujud. Tetapi *Hikayat*

---

[22]Ismail Hussein, 'Hikayat Negeri Johor – Satu Penyelenggaraan Teks', Tesis Sarjana Sastera, Universiti Malaya, 1962; Ulrich Kratz, *Peringatan Sejarah Negeri Johor* ..., Wiesbaden, 1973; R.O. Winstedt, 'A History of Johor (1365 – 1895 A.D.)', dalam *JMBRAS*, X, ii, 1932, hlm 5 – 9.

Johor meneruskan lagi naratifnya sehingga awal abad ke-19, apabila pengaruh politik sosial Bugis telah pun amat berkesan dan tidak wujud sebarang 'pemisah' fizikal antara Melayu-Johor dengan Melayu-Bugis. Jadi, *Hikayat Johor* merupakan semacam 'penyambungan' tradisi *Sejarah Melayu* daripada resensi 2 versi panjang tadi. Malahan tidak setakat ini sahaja. Unsur penggabungan Melayu-Bugis dilaksanakan juga dalam dua buah tradisi hikayat-sejarah popular yang lain, iaitu *Salasilah Melayu dan Bugis dan Sekalian Raja-rajanya* yang menaratifkan episod-episod sejarah kegiatan Bugis di Johor apabila bertembung dengan Melayu-Johor tahun 1700 sehingga tahun 1740-an, dan sebuah lagi, *Tuhfat al-Nafis*. Malahan dalam *Tuhfat al-Nafis*, naratif tentang kekeluargaan dan kegiatan Bugis di Johor sehinggalah abad ke-19 dimulakan terlebih dahulu dengan naratif tentang kesultanan atau perajaan Melayu hinggalah ke zaman kegiatan Bugis. Ia seolah-olah (tanpa memahami latar belakang sejarah yang sebenarnya) wujud dalam satu penerusan rangkaian sejarah dan budaya. Oleh itu, sukar dilihat sebarang pemisahan atau perbezaan antara Melayu-Melaka dengan Melayu-Johor-Bugis.

Hakikat dan *perceptual concept* inilah juga yang wujud pada seorang perawi Melayu dari Siak. Perawi itu telah menyalin semula *Sejarah Melayu* daripada resensi 2 versi panjang dari awal hingga ke akhir. Kemudian meneruskan dengan menyambung naratif episod-episod yang terjadi di Siak pada zaman Raja Kecil dan anak-anaknya hingga pertengahan abad ke-19. Oleh itu, lahirlah *Hikayat Siak* yang pada asalnya merupakan satu daripada naskhah *Sejarah Melayu* versi Palembang. Ia ditulis daripada pandangan seorang Melayu-Siak dengan menerapkan sudut pandangan penulisan dan pensejarahan yang amat bertentangan dengan *Tuhfat al-Nafis*.[23] Dalam katalog, ia diberi judul sama ada *Sejarah Melayu* atau *Sejarah Raja-raja Melayu* oleh Muzium Pusat Jakarta dan juga diberi judul *Hikayat Raja Akil*.[24]

---

[23]Muhammad Yusoff Hashim, *Naskhah-naskhah Kesusasteraan Melayu Tradisional yang Bercorak Sejarah dan Pensejarahan Malaysia*, kertas kerja untuk International Simposium of Traditional Malay Literature, Bangi, 1982. Kertas ini diselenggarakan oleh Siti Hawa Salleh, (ed), *Cendekia Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hlm 36–566.

[24]Ph. S. van Ronkel, 'Catalogues der Maleische Handschriften in het Museum van het Bataviaasche Genootschap ...', dalam *VBG*, 57, 909, hlm 274 di bawah nombor CCCLIV. Sekarang ada tiga naskhah mengenainya, senaskhah terdapat di Museum Pusat Jakarta, iaitu *KBG 191W* dan dua naskhah terdapat di Leiden, iaitu *Cod. Or. 6342* dan *Cod. Or. 7304*. Nashah yang di Jakarta telah rosak sama sekali akibat kesilapan teknik. Rujuk *Katalogus Koleksi Naskhah Melayu*, Museum Pusat, Dept., P dan K, 1972, hlm 202. Lihat Bab 4 buku

Persoalan yang mungkin timbul ialah mengapakah dalam kedua-dua resensi dan daripada versi-versi yang sedemikian, Raja Bongsu dan Tun Seri Lanang menamatkan kisahnya sehingga tahun 1612? Sedangkan secara kebetulan juga pada tarikh itu *Sejarah Melayu* dikarang (susun semula). Hal ini bersangkutan dengan perkembangan sejarah yang berlaku di Johor ketika itu. Sebelum menghadapi ancaman dari Jambi (sebagaimana yang dimanifestasikan dalam bahagian tambahan hujung versi panjang daripada resensi 2), Johor menghadapi persaingan kuasa Acheh pula. Serangan bertubi-tubi terhadap Johor oleh Iskandar Muda Mahkota Alam Syah, termasuklah satu siri peperangan yang bermula pada tahun 1613. Besar kemungkinan peristiwa serangan ini memaksa menamatkan tugas perawian semula *Sejarah Melayu* yang hanya setakat tahun 1612 oleh kedua-dua perawi istana tadi.

Begitulah lebih kurang hubungan naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* di antara dua resensi yang berbeza, iaitu resensi 1 daripada versi C.O. Blagden (*Raffles MS.18*) yang mengandungi isi naratif yang lebih tua berbanding dengan resensi 2 tetapi dianggap sebagai versi panjang (dengan berbagai-bagai sisipan terkemudian) yang popular diselenggarakan oleh Shellabear dan A. Samad Ahmad. Walau bagaimanapun, masalah filologi *Sejarah Melayu* tidaklah berakhir setakat ini sahaja. Bagaimanakah pula tentang kedudukan versi pendek daripada resensi 2?

VERSI PANJANG DAN VERSI PENDEK *SEJARAH MELAYU*

Hingga setakat ini, dianggarkan jumlah naskhah daripada versi pendek ini ialah lima buah. Ini adalah bilangan paling kecil yang diketahui. Apa yang telah disebutkan lebih awal tadi bahawa versi ini telah pun dikerjakan oleh Munsyi Abdullah. Kemudiannya dengan berpandukan edisi Munsyi Abdullah ini, tampil pula Dulaurier untuk melahirkan teksnya. Daripada versi ini jugalah John Leyden menterjemahkan *Sejarah Melayu*. R. Roolvink berpendapat bahawa walaupun terdapat banyak perbezaan antara versi pendek ini dengan versi panjang, namun semua naskhah daripada versi pendek ini dapat diletakkan di bawah satu kategori resensi yang sama dengan versi panjang itu.[25] Kenyataan Roolvink ini ada juga kebenarannya. Ini disebabkan semua versi tersebut mempunyai naskhah yang bahagian muka-

---

ini. Muhammad Yusoff Hashim, *Hikayat Siak: Di Antara Mitos dan Realiti Sejarah*, kertas kerja dalam Siri Seminar Jabatan Sejarah, Januari 1986, Universiti Malaya. Kertas ini diterbitkan dalam Jurnal *Sejarah*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Jil 1, 1988, hlm 45–67.

[25]R. Roolvink, 'Ceramah Mengenai Sejarah Melayu iaitu Naskhah dan Versi yang Berlainan' (tidak diterbitkan). Penulis mengikut siri ceramah ini ketika menghadiri Kursus Filologi di KITLV, Leiden, pada Januari 1981.

dimahnya serupa (atau hampir-hampir sama). Perbezaan di sana sini nampaknya setakat terletak kepada varians pembacaan dan ejaan atau perkataan. Hal ini merupakan perkara yang amat lumrah antara naskhah yang berlainan tetapi terletak di bawah satu kumpulan versi atau dalam satu kelompok resensi.

Antara kandungan mukadimah yang sama tadi termasuklah; pertama, *doxology* mukadimah dengan penggunaan kalimah dan ayat-ayat Arab; kedua, penyebutan nama Tun Seri Lanang sebagai perawi, "... Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannya, Paduka Raja gelarannya, Bendahara, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Nara Wangsa, piut Bendahara Seri Maharaja, anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindan – qaddasallahu-sirrahum!" Bandingkanlah dengan versi panjang daripada edisi Shellabear di bawah kumpulan resensi yang sama;

> "... Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannya, Paduka Raja gelarannya, Bendahara, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Nara Wangsa, piut bendahara Seri Maharaja, anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindam, qaddasallahusirrahum ....".[25]

Ketiga, penyebutan tentang "Hamba dengan ada hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa ...."; keempat, penerangan judul *Sejarah Melayu* sebagai, "*Sulalatus Salatin* yakni Peraturan Segala Raja-raja ...."; dan kelima, mukadimah kesemuanya diakhirkan dengan kalimat, "... yakni dibicarakan olehmu pada segala kebesaran Allah, dan jangan kamu fikirkan pada zat Allah".

Perbezaan besar adalah seperti berikut, pertama, vesi pendek diakhir-kan setakat kematian Tuan Ali Hati dengan kalimat;

> ... Melainkan Tun Ali Hati juga yang tiada mahu datang .... minta dibunuh juga. Maka beberapa pun Sultan Mahmud hendak menghidupi Tun Ali Hati, tiada juga Tun Ali Hati mahu hidup, minta bunuh ia. Maka disuruh oleh Sultan Mahmud, "Bunuhlah Tun Ali Hati itu." Wallahu a'lam bissawab wailaihilmarji'u walma'ab.

Versi panjang (ambil contoh edisi W.G. Shellabear) menerangkan episod yang sama dengan bahasa yang sama juga. Tetapi selepas itu disambung lagi naratifnya yang berbunyi;

---

[25]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 2.

> "Alkisah maka tersebutlah perkataan Raja Kampar yang bernama Raja Abdullah, anak Raja Munawar, jadi saudara Sultan Mahmud Syah. Setelah ia mendengar negeri Melaka alah oleh Feringgi, maka dalam hati baginda ....".[27]

Sekiranya versi pendek tadi mengakhirkan naratifnya dengan tiba-tiba sahaja, tetapi versi panjang meneruskannya dengan lebih lanjut lagi hingga ke tahun 1612; serta mempunyai struktur kepengarangan tamat al-kalam yang lengkap, yang berbunyi;

> "Pada zaman itu hingga inilah yang dapat oleh pacal yang daif dibaca di dalam hikayat ayahanda itu Rahimullahi Taala ... tajalli dari Bukit Siguntang turun ke Palembang, dari Palembang lalu ke Bentan, dari Bentan lalu ke Singapura, maka alah Singapura oleh Majapahit, lalu ke Melaka, alah Melaka oleh Feringgi, berbalik pula ke Bentan, dari Bentan lalulah ke Johor. Had itulah yang terbaca oleh pacal datuk. Wallahu aklam".

Kedua, tidak terdapat langsung episod tentang pengiriman misi dan budak Bugis Daeng Mempawah dari raja Makassar ke Melaka, walhal dalam beberapa naskhah versi panjang (contohnya daripada edisi A. Samad Ahmad) hal sedemikian memang jelas terdapat; dan ketiga, bahawa hadirnya banyak varians pembacaan antara sesama naskhah tetapi daripada berlainan versi yang menjadi satu kelumrahan filologi. Sehingga pada masa ini, sebab-musabab versi pendek itu mengakhirkan hikayatnya dengan secara *abrupt* masih lagi menjadi suatu persoalan yang agak *mysterious*. Setakat ini belum ada orang yang cuba memecahkan persoalan ini. Walhal, itulah satu-satunya versi daripada *Sejarah Melayu* yang pertama dicetak dalam tulisan jawi, yang menyebabkan peminat sasteranya bertambah ramai; dan versi itulah juga yang pertama diterjemahkan ke bahasa asing.

Soal hubungan antara versi panjang dengan versi pendek yang dapat digolongkan ke bawah suatu resensi masih menjadi tanda tanya yang belum pernah terjawab. Walau bagaimanapun, sebarang penyelidikan tentangnya amat bergantung pada adanya naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* yang lain di samping kebolehan untuk memahami secara mendalam tentang permasalahan naskhah; apatah lagi jika ada percubaan untuk membina suatu hipotesis tentang kedua-dua versi ini. Walaupun pendek, melalui versi inilah pada awalnya masyarakat mengetahui tentang wujudnya *Sejarah Melayu*

---

[27] *Ibid.*, hlm 281.

dalam bentuk sebuah teks yang lengkap setelah beberapa tahun terdahulu, sejak tahun 1707–1708 ia hanya disebut dan dirujuk secara sepintas lalu serta diketahui secara umum sahaja sebagai sebuah naskhah Melayu yang belum tentu coraknya bertajuk *Sulalatus Salatin*. Apabila penyuntingan dilakukan oleh Munsyi Abdullah pada tahun 1831, maka naskhah itu dikenali sebagai *Sejarah Melayu*.

Selepas itu diketemukan pula naskhah-naskhah yang lebih panjang daripada versi pendek ini. Naskhah-naskhah daripada versi seperti inilah yang paling banyak diketahui wujud dalam sejarah kepustakaan *Sejarah Melayu*. Ia sebenarnya lebih merupakan campuran atau kacukan versi panjang dan versi pendek. Oleh itu, persoalan tentang naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* menjadi bertambah kompleks sehinggalah ke hari ini. Penyelesaiannya, jika adapun masih lagi 'terawang-awang'. Belum ada orang yang mahu mengambil risiko untuk menceburi bidang ini bagi tujuan profesionalisme, umpamanya untuk ijazah-ijazah universiti.

Dalam hal ini, beberapa kemungkinan memang boleh diduga. Sekiranya pendapat tersebut boleh digunakan maka andaian yang sehubungan dengannya ialah bahawa naskhah-naskhah daripada versi yang panjang itu sebenarnya adalah berasal daripada versi pendek tadi yang telah diperpanjangkan lagi ketika proses penyalinan *Sejarah Melayu* dilakukan, dengan menambah episod lain yang menyangkuti hal-ehwal selepas kematian Tun Ali Hati. Sekiranya andaian ini tidak mungkin diterima, maka di sebaliknya ialah naskhah-naskhah daripada versi panjang itulah yang wujud dahulu. Kemudian, ketika mengalami proses penyalinan semula, si penyalin dengan sesuatu sebab yang tidak diketahui, menamatkan penyalinan setakat yang ditemui, yang wujud dalam versi pendek pada hari ini. Sehingga kini terdapat sembilan naskhah *Sejarah Melayu* daripada versi panjang ini, iaitu lima di Perpustakaan Koninklijk Instituut, Leiden (*Cod. Or. 1716, 1736, 1703, 3210* dan *Cod. Or. 631*), dua buah terdapat di Jakarta, iaitu *KBG 188W* dan *190W*, senaskhah di Manchester dan sebuah naskhah Maxwell 26 di Perpustakaan Royal Asiatic Society, London.

Di samping itu, perbezaan fizikal lain antara kedua-duanya ialah Cetera ke-2 dan Cetera ke-3 tentang Melayu–Minangkabau dalam versi panjang dipadatkan hanya menjadi satu cetera, iaitu Cetera ke-2 dalam versi pendek. Selepas itu versi panjang melanjutkan lagi ke Cetera ke-4 tentang episod Citaram Syah yang tidak ada dalam edisi Shellabear dan dalam versi pendek. Perkara yang menarik juga ialah tentang episod penderhakaan hulubalang Melayu terhadap raja Melaka. Versi panjang menamakannya sebagai Hang Kasturi tetapi versi pendek pula menyebut tokoh penderhaka ini sebagai Hang Jebat. Mungkin naskhah daripada versi pendek inilah yang dirujuk

oleh pengarang *Hikayat Hang Tuah* untuk membina watak Hang Jebat dalam episod dramatik penderhakaan dan pertikaman antara Hang Tuah dengan Hang Jebat.

Sekiranya kita bersetuju dengan A.E. Teeuw yang menggunakan 'pendekatan diakronis' dalam usaha mencari penyelesaian filologi melalui penelitian dan pembongkaran terperinci terhadap naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* yang wujud pada hari ini, maka hubungan antara versi panjang dengan versi pendek dapat menentukan sedikit sebanyak tentang bagaimana naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* berkembang dari zaman awal hinggalah ke pengetahuan kita tentangnya pada masa ini.[28] Seandainya tepat jangkaan R. Roolvink tentang sebuah naskhah tua *Sejarah Melayu* yang dijumpainya, iaitu *Cod. Or. 3198* Bhg. (3) dan (4) di Universiti Leiden, yang mengandungi rakaman tentang satu senarai nama raja-raja Melaka (lengkap dengan tarikh dan lama pemerintahan seseorang raja) berjudul *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* dan beliau melaporkan ia sebagai naskhah yang mempunyai ciri persamaan dengan naskhah *Sulalatus Salatin* yang telah disebut dan dirujuk oleh Petrus van der Vorm dan Francois Valentyn dahulu, maka pada asalnya teks *Sejarah Melayu* sebenarnya muncul dalam bentuk suatu *kinglist* (senarai raja-raja) sahaja. Pendapat Roolvink ini disokongnya sendiri dengan menggunakan suatu sumber tentang senarai raja-raja Melayu oleh E. Netscher, Residen Belanda di Riau. Netscher telah mengaku bahawa senarai raja-raja Melayu tadi, ".... is based upon the Malay historical works *Sulalatus Salatin*", milik seorang Sultan Lingga.[29]

Pendapat seperti ini pernah juga diketengahkan oleh Linehan dalam rencananya,[30] menyebut senarai yang berupa salasilah raja-raja Melayu Melaka yang merupakan, "... the first written material (pedigree etc.) which formed the basis for the chronicle that ultimately emerged as the Malay Annals". Daripada bentuk seperti ini, *kinglist* tadi diperkembangkan dengan memasukkan cerita atau episod lain yang berkaitan, yang kemudiannya menjadi *Sejarah Melayu* seperti yang terdapat pada bentuk *Sejarah Melayu* daripada naskhah *Maxwell 105* (di Perpustakaan Royal Asiatic Society).

Peringkat ketiga perkembangannya ialah kemasukan isi-isi dan tambahan episod-episod baru, yang akhirnya muncul seperti yang ditunjukkan oleh

---

[28]A.E. Teeuw, *Some Remarks on the Study of So-Calld Historical Texts in Indonesian Languages*, kertas kerja untuk Vth. IAHA Conference, Yogyakarta, 1974.

[29]E. Netscher, "Beschrijving van een Gedoelte der Residentie Riouw", dalam *TBG*, 2, 1854, hlm 144.

[30]W. Linehan, "Notes on the Text...", *op. cit.*, hlm 107, nota 1.

naskhah *Sejarah Melayu* daripada naskhah *Raffles MS. 18*, versi C.O. Blagden, atau versi tahun 1536, yang merupakan versi tertua yang ditemui pada hari ini. Penggubahan dan tokok tambah terkemudian melahirkan *Sejarah Melayu* resensi 2 yang membentuk versi-versi pendek (seperti yang dibuktikan oleh *Sejarah Melayu* edisi Munsyi Abdullah dan Dulaurier – berepisodkan setakat kematian Tun Ali Hati) dan versi-versi panjang (sebagaimana yang dibuktikan oleh edisi Shellabear dan edisi A. Samad Ahmad). Peringkat akhir perkembangannya ialah apabila terjadi tokok tambah terkemudian, serta kemasukan berbagai-bagai episod sehingga menjangkau abad ke-19, seperti yang diperlihatkan oleh *Sejarah Melayu* daripada naskhah *KBG 191W* (ada tiga naskhah sekarang), dan dinamakan *Hikayat Siak*.

Sama ada saranan tentang perkembangan 'persejarahan' naskhah-naskhah ini dapat diterima atau tidak, bergantung pada pandangan ahli filologi terhadap permasalahan naskhah yang wujud. Mungkin apabila ditemui nanti naskhah-naskhah lain daripada teks *Sejarah Melayu*, saranan tersebut akan menghadapi cabaran dan tidak boleh digunakan lagi.

Walau bagaimanapun, satu hal adalah pasti. Setakat ini belum terdapat satu penyelenggaraan dan perbincangan filologi yang kritis tentang *Sejarah Melayu*. Perbincangan tentang naskhah dan penerbitan untuk sesuatu edisi (seperti penyelenggaraan, penterjemahan dan anotasi) kelihatannya masih di peringkat awalan, berbanding dengan kebesaran *Sejarah Melayu* sendiri sebagai, "... the most famous, distinctive and best of all Malay literary works".[31]

[31]R.O. Winstedt, *History of Classical Malay literature*, (edisi semakan semula), Kuala Lumpur, 1969, hlm 138–166.

3

Sultan Mahmud Syah (Marhum Kampar): Penelitian Interpretatif daripada *Sejarah Melayu*

ZAMAN Kesultanan Melayu Melaka merupakan zaman kegiatan kepahlawanan dalam tradisi kesultanan–kerajaan di Tanah Melayu khususnya dan di Nusantara umumnya. Kesultanan ini kekal selama lebih kurang satu abad, iaitu dari tahun 1400 hingga tahun 1511 di Melaka. Tetapi kesultanan ini tidak terhenti setakat itu sahaja kerana Johor telah mewarisi tradisi kesultanan tersebut di samping beberapa kerajaan takluk Melaka yang lain. Kesultanan Melayu Melaka yang gemilang itu telah diasaskan oleh Parameswara, seorang putera raja dari Palembang, kemudian berpindah ke Singapura dan seterusnya menubuhkan sebuah kerajaan di Melaka. Pada dekad akhir kesultanan ini, Melaka diperintah oleh Sultan Mahmud Syah. Pada masa pemerintahan baginda, Portugis telah menyerang Melaka. Seterusnya Portugis dapat menakluk Melaka daripada Sultan Ahmad, iaitu putera Sultan Mahmud. Dalam bab ini, penekanan diberikan kepada ketokohan Sultan Mahmud Syah yang merupakan pemerintah bagi Kesultanan Melayu Melaka, di Melaka sebelum pemerintahan Sultan Ahmad tadi.

LATAR BELAKANG SULTAN MAHMUD

Nama asal baginda sebelum menjadi sultan ialah Raja Muhamad, anakanda Raja Hussain (Sultan Alauddin Riayat Syah I). Kakanda Sultan Mahmud ialah Raja Menawar yang menjadi raja di Kampar. Bonda Sultan Mahmud ialah Tun Senaja (anakanda Seri Nara Diraja).[1] Baginda ditabalkan menjadi raja semasa kecil lagi dengan gelaran Sultan Mahmud Syah. Oleh sebab baginda masih kecil maka pemerintahan terletak di bawah Bendahara dan juga Laksamana serta pembesar-pembesar yang lain. Tetapi ada pihak yang tidak

[1]Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *Sejarah Melayu*, edisi disemak tahun 1981, Kuala Lumpur, hlm 206.

menerima Sultan Mahmud sebagai sultan Melaka.[2] Ini jelas dilihat semasa baginda masih kecil lagi, Seri Bija Diraja telah memberikan bayangan terhadap penolakan baginda sebagai sultan.[3] Seri Bija Diraja berkata, "Beta tidak mendengar amanat", seolah-olah beliau tidak menghiraukan kenyataan Bendahara yang mengatakan Sultan Alauddin beramanat bahawa Sultan Mahmud adalah pengganti baginda. Bendahara menyatakan kepada Seri Bija Diraja, "Orang Kaya, telah amanat Marhum Yang Dipertuan ini ganti kerajaan".[4] Apabila Sultan Mahmud mendengar kata-kata Seri Bija Diraja, maka baginda merasa terhina dan menaruh dendam, tetapi apakan daya kerana pada masa itu baginda masih kecil.

"Maka Baginda berdendam akan Seri Bija Diraja",[5] kata *Sejarah Melayu*. Pada awal pemerintahan baginda ada seorang yang bersalah dibawa masuk menghadap baginda, maka Seri Maharaja menyuruh Sultan Mahmud menjatuhkan hukuman bunuh, walaupun kesalahan yang dilakukan kecil sahaja. Oleh itu, Bendahara berkata;

> "Hei, hei, lihatlah Seri Maharaja, anak harimau diajar makan daging, maka kelak ditangkapnya".[6]

Peristiwa tersebut telah menunjukkan kepada kita bahawa semasa kecil lagi Sultan Mahmud telah diajar bersifat zalim, maka tidak hairanlah jika semasa baginda dewasa, sifat begitulah yang diamalkan oleh baginda.

Seri Bija Diraja menolak perlantikan Sultan Mahmud kerana ini bertentangan dengan tradisi penggantian sultan. Sepatutnya, putera yang lebih tua, Raja Menawar yang menaiki takhta. Tetapi komplot istana, maka tradisi penggantian ini dinafikan.

Tidak lama selepas pertabalan Sultan Mahmud, baginda diserang penyakit buang air besar (*dysentery*). Bendahara dan Laksamana sentiasa menjaga baginda. Ini terbukti apabila baginda mahu santap, maka Bendaharalah yang akan menyuapkan baginda; sekiranya baginda membuang air

---

[2]Tidak diturunkan salasilah dari zaman Palembang dan Singapura. Salasilah ini dipetik daripada buku Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Kritis daripada Pelbagai Bidang*, edisi yang telah disemak pada tahun 1981, Kuala Lumpur; lihat juga Muhammad Yusoff Hashim, "Salasilah Raja-Raja Melaka, Suatu Penilaian Semula", dalam *Jurnal Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, Bil 4, 1979, hlm 11–21.

[3]W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu*, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, Edisi ke-3, 1977, hlm 139.

[4]W.G. Shellabear, *loc cit.*

[5]W.G. Shellabear, *loc cit.*

[6]W.G. Shellabear, *loc cit.*

besar, maka Laksamanalah yang akan menyucikan baginda. Ini menunjukkan betapa kasih dan taatnya Bendahara dan Laksamana kepada Sultan Mahmud. Pada masa itu nenda Sultan Mahmud yang digelar Raja Tua masih lagi hidup. Raja Tua sangat menyayangi Raja Menawar berbanding dengan Sultan Mahmud. Apabila Raja Tua mendengar Sultan Mahmud gering, maka baginda berdoa agar Sultan Mahmud mangkat. Ini disebabkan Raja Tua ingin menaikkan Raja Menawar sebagai sultan Melaka. Raja Tua berpura-pura menangis apabila menziarahi Sultan Mahmud. Raja Tua cuba menghampiri Sultan Mahmud dan meniarapkannya agar Sultan Mahmud segera mati. Tetapi Bendahara Paduka Raja dapat mengagak muslihat Raja Tua itu, lalu menghalangnya daripada menghampiri Sultan Mahmud dengan mengancam untuk mengamuk dan membunuh Raja Tua sekiranya Raja Tua menghampiri Sultan Mahmud. Oleh itu, kata Raja Tua, "Syahidlah, anak Melayu hendak derhaka".[7] Maka disabut oleh Bendahara dan Laksamana;

> "Sekali-kali tiada anak Melayu bernama derhaka; jikalau Tuanku hendak bergagah juga mendekati paduka cunda sahaja patik amuklah".[8]

Dengan itu Raja Tua tidak berani untuk menghampiri Sultan Mahmud. Tidak berapa lama kemudian baginda sembuh dan memberikan hadiah usungan kepada Bendahara dan Laksamana. Ini menunjukkan baginda mengenang jasa orang yang telah berbakti kepada baginda. Sikap Bendahara yang tidak mahu menggunakan usungan yang telah diberi oleh sultan menunjukkan bahawa beliau tidak mahu dilihat lebih besar daripada sultan. Tidak berapa lama selepas itu, Bendahara pun sakit dan meninggalkan pesan kepada Sultan Mahmud supaya jangan memerintah dengan terlalu mengikut hawa nafsu dan jangan mendengar fitnah seseorang.[9]

Bendahara yang berkhidmat dengan Sultan Mahmud ialah:

i. Tun Perak.
ii. Tun Perpatih Putih.
iii. Tun Mutahir (Bendahara Seri Maharaja).

Laksamana yang berkhidmat dengan Sultan Mahmud pula ialah:

i. Laksamana Hang Tuah.
ii. Laksamana Khawaja Hassan.
iii. Laksamana Hang Nadim (menantu Hang Tuah).

---

[7] W.G. Shellabear, *loc cit.*
[8] *Ibid.*, hlm 140.
[9] *Ibid.*, hlm 142.

PEMECAHAN TRADISI DAN SIFAT-SIFAT NEGATIF

Dalam buku *Sejarah Melayu* susunan Tun Seri Lanang dan juga catatan dalam *The Suma Oriental* karangan Tome Pires, jelas menggambarkan bahawa Sultan Mahmud adalah sultan Melaka pertama yang banyak memecahkan tradisi perjanjian atau *Magna Carta* Melayu yang termaktub sejak persetiaan Demang Lebar Daun dengan Sang Sapurba Taram Seri Tribuana dulu.[10] Pencabulan ini mengikut kepercayaan, mengakibatkan keruntuhan kerajaan Melaka kerana telah dipersetujui dalam perjanjian itu bahawa sultan tidak boleh menganiaya rakyat dengan sewenang-wenangnya. Sedangkan inilah yang dilakukan oleh Sultan Mahmud. Namun demikian, kita tidak boleh menyatakan Sultan Mahmud secara total yang telah memecahkan tradisi *Magna Carta* kerana sebelum ini ada disebutkan bahawa tewasnya Singapura di tangan Majapahit adalah kerana perbuatan kejam Raja Iskandar Syah yang telah menghukum sula gundiknya, iaitu anak Sang Rajuna Tapa. Berikutan daripada itu Sang Rajuna Tapa telah belot. Jadi dapat dilihat bahawa Raja Iskandar Syah yang seolah-olah mula-mula sekali memecahkan tradisi *Magna Carta* tersebut. Manakala Sultan Mahmud pula paling banyak melakukan pemecahan tradisi itu.

Kekalahan Singapura itu adalah balasan kekejaman raja ditambah pula apabila raja membunuh seorang kanak-kanak yang dikatakan cerdik yang mencadangkan supaya serangan todak ditahan dengan batang pisang. Raja takut kanak-kanak itu akan menggoncang keutuhan Singapura.

Banyak sifat negatif yang dapat dilihat terhadap Sultan Mahmud yang membayangkan kekejaman ataupun pemecahan tradisi *Magna Carta* yang dilakukan oleh Sultan Mahmud pada zamannya. Tetapi kekejaman baginda tidak digambarkan secara eksplisit oleh *Sejarah Melayu*, sebaliknya ia digambarkan secara simbolik. Bendahara Paduka Raja mungkin telah merasakan sifat negatif atau sifat yang tidak sihat yang ada pada Sultan Mahmud. Ini jelas kelihatan apabila buat pertama kalinya Bendahara mengingatkan baginda terhadap tugas dan pemerintahannya. Sebelum ini tidak pernah didapati berlaku hal tersebut. Anggapan Bendahara ini dirasakan tepat sekali apabila kita lihat sifat-sifat dan peribadi Sultan Mahmud yang akan ditunjukkan seterusnya.

Walaupun Sultan Mahmud telah berkahwin dengan anak Sultan Mahmud (Raja Pahang), namun salah satu sifat negatifnya ialah gemar berfoya-foya dengan perempuan lain. Contohnya, Sultan Mahmud telah membuat hubungan sulit dengan isteri Tun Biajid (anak Laksamana Hang Tuah). Pada

---

[10]Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *op. cit.*, hlm 207.

suatu malam ketika Tun Biajid pergi ke Merba, Sultan Mahmud telah berangkat ke rumah Tun Biajid. Ketika hendak pulang baginda terserempak dengan Tun Biajid yang baru pulang bersama-sama pengikutnya. Tun Biajid mengetahui bahawa sultan telah membuat hubungan sulit dengan isterinya, maka Tun Biajid pun menimang-nimang lembingnya, tetapi sebab adat pantang Melayu menderhaka, maka sultan tidak dibunuhnya. Oleh sebab itu, Tun Biajid pun menceraikan isterinya, lalu dia meletakkan jawatannya dan tidak sekali-kali ke majlis. Memandangkan keadaan tersebut maka sultan pun memberikan gundiknya Tun Iram Sendari kepada Tun Biajid supaya dijadikan isteri.

Satu lagi peristiwa ialah sultan telah berangkat ke rumah seorang perempuan yang bernama Tun Dewi. Tetapi disebabkan Tun Ali Sandang ada di sana, maka baginda pun murka. Baginda melihat Tun Isap yang berjalan di belakangnya, lalu mengambil sirih daripada puan dan diberikan kepada Tun Isap. Oleh itu, Tun Isap tahulah hajat sultan. Tun Isap pergi ke rumah Tun Dewi dan membunuh Tun Ali Sandang. Hal ini telah diberitahu kepada Seri Dewa Raja dan dia pun bertindak untuk membunuh Tun Isap, tetapi Tun Isap dihantar oleh sultan ke Pasai, kemudian ke Aru dan Brunei. Akhirnya Tun Isap kembali ke Melaka. Sultan pun menyerahkan Tun Isap kepada Seri Dewa Raja untuk dimaafkan. Tetapi Tun Isap dibunuh juga. Jelas di sini sultan tidak bertimbang rasa dan bersikap pilih kasih dengan mengutamakan Seri Dewa Raja. Ini jelas disebut dalam *Sejarah Melayu* yang menyatakan;

> "Maka Sultan Mahmud pun diam mendengar kata hamba raja tu, kerana amat kasih baginda akan Seri Dewa Raja".[11]

Peristiwa ini juga, menunjukkan bahawa Sultan Mahmud membela penjenayah. Satu lagi contoh yang menunjukkan kegemaran Sultan Mahmud sedemikian dan kuat nafsu serta menganiaya rakyat ialah peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang. Peristiwa mitos ini berlaku apabila isteri baginda, iaitu bonda Raja Ahmad mangkat. Sultan Mahmud amat sedih. Sultan ingin berkahwin lagi lalu dikumpulkan semua pembesarnya untuk membincangkan tentang bakal permaisuri Melaka. Ego Sultan Mahmud jelas daripada titahnya;

> "Jikalau beristeri dengan anak raja ini, adalah raja-raja lain pun demikian juga; yang kita kehendaki barang yang tiada pada raja lain, itulah

[11]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 145.

kita peristeri. Akan sekarang kita hendak meminang Puteri Gunung Ledang; Laksamana dan Sang Setia kita titahkan".[12]

Laksamana, Sang Setia dan Tun Mamat pergilah ke Gunung Ledang. Setelah tiba di tengah-tengah gunung, Laksamana dan Sang Setia tidak berdaya lagi. Tun Mamat yang meneruskan perjalanan itu. Akhirnya Tun Mamat bertemu dengan sebuah taman yang indah dan terdapat sebuah balai. Di atasnya terdapat seorang perempuan dengan empat orang perempuan yang lain duduk menghadapinya. Tun Mamat menerangkan hajat kedatangannya kepada perempuan tersebut. Perempuan itu kemudian ghaib dan keluar seorang perempuan bongkok yang menyatakan bahawa Puteri Gunung Ledang meminta sultan membuat sebatang jambatan emas dan sebatang jambatan perak dari Melaka ke Gunung Ledang. Syarat-syarat peminangannya ialah tujuh dulang hati nyamuk, tujuh dulang hati kuman, setempayan air mata, setempayan air pinang muda, semangkuk darah raja dan semangkuk darah Raja Ahmad. Tun Mamat kembali ke Melaka dan memberitahu Sultan Mahmud tentang syarat yang dikenakan oleh Puteri Gunung Ledang itu. Akhirnya Sultan Mahmud membatalkan rancangan itu kerana tidak sanggup untuk memberikan darahnya dan juga darah puteranya. Jadi, daripada peristiwa tersebut jelas menunjukkan bahawa Sultan Mahmud kalah terhadap tuntutan Puteri Gunung Ledang. Walau apa pun interpretasi simbolik yang diberikan terhadap episod mitos ini, mungkin juga sindiran secara kreatif sastera yang diberikan kepada sultan yang mempunyai cita-cita yang tinggi serta kuat nafsu.

Contoh seterusnya yang menunjukkan bahawa Sultan Mahmud sentiasa menginginkan perempuan-perempuan yang cantik ialah peristiwa Tun Teja Ratna Benggala. Baginda mendengar kecantikan Tun Teja yang tidak ada tolok bandingnya daripada Seri Dewa Raja yang baru pulang dari Pahang. Baginda ingin mengahwini Tun Teja walaupun baginda mengetahui bahawa Tun Teja adalah tunangan Sultan Abdul Jamil. Baginda menitahkan sesiapa juga yang boleh membawa Tun Teja ke Melaka akan dianugerahkan hadiah yang lumayan walaupun hadiah itu separuh daripada negeri Melaka. Hang Nadim bersedia pergi kerana inginkan pengampunan daripada sultan. Hang Nadim yang mendapat bantuan seorang pelulut dengan menggunakan ubat guna-guna telah membawa pulang Tun Teja ke Melaka. Sultan Abdul Jamil murka dan bercadang untuk menyerang Melaka. Sultan Mahmud pula sanggup untuk menyuruh Laksamana Khawaja Hassan mencuri gajah I Kepayang yang akan digunakan oleh Sultan Abdul Jamil untuk menyerang

[12]W.G. Shellabear, *loc cit.*

Melaka. Daripada naratif tersebut jelas menunjukkan bahawa Sultan Mahmud seorang yang bermata keranjang. Sultan Mahmud akan berusaha sedaya tanpa mempertimbangkan sifat-sifat kemanusiaan untuk memenuhi nafsu dan kehendaknya.

Peristiwa perampasan Tun Fatimah dan pembunuhan terhadap semua keluarga Tun Fatimah (kecuali Tun Fatimah) hanya kerana tidak dapat memperisterikan Tun Fatimah, adalah satu contoh dorongan emosi, nafsu, ingin membalas dendam, tindakan yang terburu-buru dan fitnah Kitul dan Raja Mendaliar tanpa usul periksa. Peristiwa ini bermula apabila Bendahara Seri Maharaja ingin atau merancang untuk mengahwinkan puterinya, Tun Fatimah yang jelita itu dengan Tun Ali (anak Seri Nara Diraja). Raja di Baruh menegur Bendahara kerana tidak mempersembahkan anaknya itu kepada sultan, menurut Raja di Baruh;

> "Akan anakanda terlalu baik parasnya, pada hati beta tiada patut ia diberi suami orang keluaran ini... janganlah anakanda ini diberi dahulu, baik juga dipertunjukkan pada yang Dipertuan, kerana sekarang ini negeri Melaka tiada beraja perempuan anak Bendahara yang akan menjadi Raja Perempuan".[13]

Bendahara tetap meneruskan rancangan untuk mengahwinkan Tun Fatimah dengan Tun Ali. Sultan Mahmud dijemput dalam istiadat perkahwinan tersebut. Apabila baginda melihat kecantikan paras Tun Fatimah, maka baginda telah murka kerana Bendahara tidak menunjukkan anaknya itu kepada baginda, baginda pun menyimpan dendam terhadap Bendahara.

Ketika Bendahara duduk di balairung hendak menjunjung duli Sultan Melaka, datang Raja Mendaliar hendak menyembah Bendahara. Bendahara amat marah kerana bukan masa dan tempatnya Raja Mendaliar berbuat demikian. Pada suatu petang Raja Mendaliar telah didakwa oleh Nina Sura Dewana di hadapan Bendahara. Oleh sebab hari telah petang maka ditangguhkan perbicaraan itu pada hari esoknya. Nina Sura Dewana tidak senang hati kerana memikirkan Raja Mendaliar itu seorang yang kaya dan bila-bila masa sahaja dia boleh memberi rasuah kepada Bendahara. Nina Sura Dewana segera menemui Bendahara dan menghadiahkan emas sepuluh kati. Raja Mendaliar pula ditemui oleh Kitul yang berhutang dengannya sekati emas. Kitul memberitahu kepada Raja Mendaliar bahawa Nina Sura Dewana telah memberi rasuah kepada Bendahara agar Raja Mendaliar dihukum bunuh. Kemudian, Raja Mendaliar telah pergi ke rumah Laksamana Khawaja Hassan

---

[13] *Ibid.*, hlm 189.

dan memberikan sebahara emas, pakaian yang cantik dan memfitnah bahawa Bendahara cuba menderhaka serta ingin menjadi pemerintah Melaka.

Oleh sebab tertawan dengan harta, Laksamana telah memberitahu kepada sultan tentang 'komplot' ini. Apabila sultan mendengar komplot ini, dengan perasaan dendam yang membara, baginda menitahkan Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara supaya membunuh Bendahara dan keluarganya, kecuali Tun Fatimah. Setelah itu, baginda telah menyedari bahawa sembah Laksamana Khawaja Hassan itu fitnah semata-mata. Baginda kesal lalu menyuruh supaya Kitul dan Raja Mendaliar dibunuh. Tun Fatimah tetap bersedih dengan tragedi yang berlaku terhadap keluarganya. Apabila sultan menyedari keadaan itu, baginda pun turun takhta dan memencilkan diri ke Hulu Melaka. Daripada naratif tersebut dapat dilihat dengan jelas bahawa sifat kemanusiaan Sultan Mahmud telah ditewaskan oleh kehendak nafsu seks dan kebuasannya sendiri.

Apabila dipandang dari sudut yang lain pula, Bendahara Seri Maharaja juga patut dipersalahkan. Bendahara Seri Maharaja telah memecahkan tradisi dan norma sosial Melayu. Ini disebabkan pada masa itu memang telah menjadi adat bahawa sekiranya Melaka tidak mempunyai permaisuri, maka anak perempuan Bendahara patut menjadi permaisuri. Walaupun Bendahara Seri Maharaja mengetahui hal ini, tambahan pula telah dinasihatkan oleh Raja di Baruh, dia tetap berdegil; sudah semestinyalah sultan murka. Ini ditambah pula oleh perbuatan Raja Mendaliar dan Kitul. Apabila Raja Mendaliar mengadu kepada Laksamana dan Laksamana pula mengadu kepada sultan tentang perbuatan Seri Maharaja menerima rasuah, sudah semestinya sultan akan terkejut dan baginda terus mempercayai kata-kata yang dikeluarkan oleh salah seorang daripada pembesarnya (Laksamana). Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya Sultan Mahmud mengambil tindakan yang keras dengan membunuh Seri Maharaja. Sifat zalim dan pendendam Sultan Mahmud dapat juga dilihat daripada peristiwa pembunuhan Seri Bija Diraja. Sultan menitahkan supaya dibunuh Seri Bija Diraja dari Singapura hanya kerana terlewat sampai ke Melaka semasa hari raya. Ini juga dilakukan kerana dendam baginda terhadap kata-kata Seri Bija Diraja dahulu, iaitu semasa pertabalan baginda sebagai sultan. *Sejarah Melayu* menyebut;

> "Arakian pada sekali hari raya, Seri Bija Diraja tiada mudik dari Singapura, sudah hari raya maka Seri Bija Diraja datang, maka Sultan Mahmud pun murka akan Seri Bija Diraja ... maka ia pun dibunuh oranglah".[14]

---

[14] *Ibid.*, hlm 150.

Sultan juga menuduh Seri Bija Diraja tidak suka menyembahnya, sebaliknya lebih taat kepada Raja Kampar.

Sifat pilih kasih dan diskriminasi juga terdapat pada Sultan Mahmud. Contohnya dapat dilihat daripada naratif tentang kelakuan dan gelagat Seri Dewa Diraja. Sekiranya sultan menyuruh hambanya memanggil Seri Dewa Diraja, dia akan balik ke rumah, berbaring-baring, bangun, buang air, mandi, bersalin pakaian dan sebagainya yang memakan masa yang panjang. Walaupun demikian tabiat Seri Dewa Raja, dia masih disayangi oleh sultan. Sultan Mahmud juga tidak bertindak terhadap Seri Dewa Raja yang telah membunuh Tun Isap, walaupun kesalahan itu telah pun diampunkan oleh sultan. *Sejarah Melayu* menyebutkan orang yang dikasihi oleh sultan, pertama, Seri Dewa Raja; kedua, Tun Umar; ketiga, Hang Isa Pantas dan keempat ialah Hang Husin Jong.

Sultan Mahmud juga bersifat pemboros dan suka membazir. Contohnya baginda sanggup memberikan berbagai-bagai hadiah kepada orang yang disayanginya seperti Hang Isa Pantas dan Hang Husin Jong. *Sejarah Melayu* menggambarkan hal ini seperti berikut;

> Maka titah Sultan Mahmud Syah kepada kedua mereka, "Berdatang sembahlah engkau; apa kehendakmu kepadaku?" Sembah Hang Isa Pantas, "Tuanku, jikalau ada kurnia Tuanku Duli Yang Dipertuan, patik memohon emas barang dua tiga kati dan lain barang dua tiga banian ...".[15]

Maka, pada masa itu juga Hang Isa Pantas dianugerahkan oleh baginda barang-barang yang dipohonnya. Hang Husin Jong pula berdatang sembah;

> "Tuanku, jikalau ada kurnia Yang Dipertuan, patik hendak pohonkan kerbau, barang dua tiga belas ibu dengan barang empat lima orang".[16]

Itu pun dianugerahkan oleh baginda. Walaupun memberi derma itu baik, namun ia hanya untuk orang yang tertentu dan dan hanya untuk orang yang disayangi oleh baginda.

Sultan Mahmud juga sering tergesa-gesa untuk membuat sesuatu keputusan. Contohnya, baginda telah menitah Hang Nadim dan Hang Isap untuk membeli kain serasah 40 bagai, satu bagai 40 helai dan satu helai mesti 40 perkara bunganya. Tetapi orang 'Keling' tidak dapat melukiskan bunga

---

[15] *Ibid.*, hlm 145.
[16] W.G. Shellabear, *loc cit.*

itu. Hang Nadim sendiri yang melukiskan contohnya. Dalam masa itu Hang Isap tidak mengaku berhutang dengan seorang Sayyid. Hang Isap dan Hang Nadim telah mendapat bencana di laut. Tidak berapa lama kemudian Hang Nadim sampai ke Melaka dari benua dan menghadap sultan. Sultan amat murka hanya disebabkan oleh sedikit kesilapan yang tidak sengaja yang dilakukan oleh Hang Nadim.

Baginda tidak pernah memikirkan betapa susahnya Hang Nadim untuk menyelamatkan dirinya daripada maut di laut. Apabila dipandang dari sudut yang lain, sultan berhak untuk memurkai Hang Nadim dan Hang Isap. Kejadian ribut dan taufan di laut itu mungkin disebabkan oleh kesalahan yang telah dilakukan oleh Hang Isap yang tidak membayar hutangnya kepada Sayyid. Jadi, Sultan Mahmud tidak harus dijadikan sasaran untuk menilai sifatnya tatkala baginda sedang murka. Sultan juga murka kerana kain-kain yang telah dibeli itu tenggelam bersama-sama dengan kapal yang ditumpangi oleh Hang Nadim.

Sultan Mahmud juga sering cemburu dengan kekacakan orang lain yang melebihinya. Baginda sanggup untuk membunuh siapa sahaja walaupun kerabatnya sendiri. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui episod peristiwa Raja Zainal mati dibunuh. Raja Zainal adalah saudara Sultan Mahmud. Rupa parasnya amat baik dan kacak. Suatu hari dengan berkuda dan memakai pakaian yang cantik, bau-bauan harum dan berdandan, Raja Zainal melalui lebuh pekan. Melihatkan telatah Raja Zainal ini, segala anak bini orang dan anak dara, keluar mengintip-intip untuk melihat Raja Zainal. Ramai antara mereka yang menggubah bunga untuk diberikan kepada Raja Zainal. Sultan amat murka apabila mengetahui gelagat Raja Zainal ini sehingga sultan berkata, "Jikalau demikian binasalah negeri Melaka ini".[17]

Tetapi murka baginda hanya setakat dalam hati sahaja. Namun demikian, baginda telah menitahkan Hang Berkat untuk membunuh Raja Zainal dengan cara sembunyi. Raja Zainal kemudiannya dibunuh dengan penuh misteri dan rahsia. Selepas kejadian ini sultan amat kesal dengan Hang Berkat. Apabila melihat dari sudut yang lain, Sultan Mahmud tidak harus dipersalahkan atas titahnya supaya Raja Zainal dibunuh. Baginda sanggup membunuh saudara tirinya itu kerana untuk menjaga keselamatan dan keamanan Melaka. Ini disebabkan *Sejarah Melayu* menerangkan bahawa akibat paras Raja Zainal yang kacak dan digilai wanita, "Maka cabullah negeri Melaka pada masa itu".[18] Jadi, berdasarkan inilah baginda sanggup

[17] *Ibid.*, hlm 176.
[18] W.G. Shellabear, *loc cit.*

untuk menitahkan supaya Raja Zainal dibunuh.

Daripada contoh naratif dan sifat-sifat baginda yang telah disebutkan itu, maka tidak hairanlah pada masa akhir pemerintahan Sultan Mahmud Syah, akibat daripada berbagai-bagai skandal dan nepotisme yang berlaku dengan sewenang-wenangnya, masyarakat menjadi kucar-kacir, perselisihan peribadi kalangan anggota istana, fitnah-memfitnah antara satu sama lain, dan juga perselisihan antara orang dagang dengan pembesar tempatan, telah menyebabkan pihak Portugis mudah untuk mencucukkan jarum politiknya dan melemahkan penyatuan orang Melaka.

Tome Pires menggambarkan Sultan Mahmud sebagai seorang yang bersifat buruk. Ini jelas terlihat dalam bukunya, *The Suma Oriental*:

> "... intoxicated with opium everyday ... was a great eater and drinker, brought up to live well and viciously .... He was called Sultan Mafamud".[19]

Oleh itu, dalam konteks pembinaan watak ini, iaitu antara naratif secara anekdot dengan kaedah simbolik kreatif *Sejarah Melayu* adalah saling melengkapi dengan laporan *The Suma Oriental*.

DARJAT MENURUN

Boleh dikatakan bahawa semua sifat yang telah disebutkan tadi merupakan satu tanda yang menunjukkan kemerosotan darjat Sultan Mahmud. Kewibawaan dan darjat Sultan Mahmud didapati semakin menurun setelah Melaka diserang oleh Portugis. Pembesar-pembesar Melaka ada yang tidak lagi menghormati baginda sebagai sultan.[20] Baginda ternyata tidak mengambil tahu tentang disiplin pembesar yang semakin merosot itu. Kelemahan Raja Melaka ini juga ketara di peringkat untuk menjatuhkan hukuman. Baginda bersikap sambil lewa sahaja apabila menjatuhkan hukuman dengan tidak mengira atau menimbangkan sama ada kesalahan itu ringan atau berat. Kesilapan ini bukan sahaja dilakukan oleh Sultan Mahmud tetapi juga oleh Sultan Mansor Syah dan beberapa sultan yang lain.[21] Dan tidak hairanlah jika Wilkinson menyatakan bahawa Sultan Mahmud tidak dapat menandingi Sultan Mansor Syah dari segi ramainya bilangan isteri.[22] Terdapat raja-raja

---

[19]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental of Tome Pires*, Hakluyt Society, London, 1944, hlm 253.

[20]Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *op. cit.*, hlm 209.

[21]*Ibid.*, hlm 210.

[22]R.J. Wilkinson, 'The Malacca Sultanate', dalam *JMBRAS*, XIII (ii), 1935, hlm 56.

Melaka yang tidak bersikap kritis terhadap soal-soal yang berhubung dengan pemerintahan. Mereka selalu melepaskan tugas terus kepada pembesar-pembesar negeri untuk mencorakkan sesuatu keputusan atau tindakan. Bendahara, Laksamana dan Seri Nara Dirajalah orang yang paling dipercayai oleh sultan Melaka pada masa itu. Walau bagaimanapun sudah semestinyalah sultan menyerahkan tugas-tugas kerajaan kepada pembesar-pembesarnya, jika tidak, kepada siapa lagi?

PENERUSAN TRADISI DAN SIFAT-SIFAT POSITIF

Walaupun Sultan Mahmud memiliki sifat-sifat yang negatif seperti zalim, gemarkan perempuan, cepat murka, pendendam, terburu-buru dan ikut nafsu apabila menghukum, pilih kasih, pemboros dan cemburu, namun baginda masih lagi mempunyai sifat-sifat positif sebagai insan yang perlu kita sanjung. Baginda masih lagi mempunyai kekuatan peribadi yang tersendiri.

Sebagaimana sultan-sultan Melaka yang lain, Sultan Mahmud juga adalah penakluk yang berikhtiar untuk meluaskan tanah jajahannya. Contohnya, baginda menitahkan Paduka Tuan untuk menyerang Manjong dan Seri Maharaja pula menyerang Kelantan. Melaka menyerang Manjong kerana pada masa dahulu Manjong tidak bermuafakat dengan Beruas. Paduka Tuan dengan sepuluh orang hulubalangnya menyerang Manjong. Akhirnya Paduka Tuan menang. Manjong kemudiannya diserahkan kepada Beruas. Raja Beruas dinobatkan dan bergelar Tun Aria Bija Diraja oleh Sultan Mahmud.

Setelah menakluk Manjong, Sultan Mahmud menitahkan Seri Maharaja menyerang dan menakluk Kelantan pula. Pada masa itu Kelantan lebih besar daripada Patani. Nama rajanya ialah Sultan Mansor Syah. Sultan ini tidak menyembah ke Melaka. Akhirnya Seri Maharaja menyerang Kelantan dan mencapai kejayaan. Seri Maharaja membawa pulang ketiga-tiga puteri tawanan Sultan Mansor Syah. Puteri Onang Kening dijadikan isteri oleh Sultan Mahmud.

Sultan Mahmud juga berperanan sebagai penabal sultan dan juga sebagai penaung. Sultan Mahmud Pahang mangkat dengan meninggalkan tiga orang putera, iaitu Sultan Abdul Jamil, Raja Mudzaffar dan Raja Ahmad. Sultan Abdul Jamil telah dilantik untuk mengetuai kerajaan ayahandanya. Baginda telah menitahkan Seri Wangsa Diraja menghadap Melaka dengan membawa 'rahap',[23] dan memberitahu Melaka tentang kemangkatan ayahanda baginda. Sultan Mahmud menitahkan Seri Dewa Diraja supaya meng-

[23]Rahap = kain penutup mayat.

hantar dian dan setanggi serta melantik Sultan Abdul Jamil menjadi raja di Pahang serta dengan nobatnya. Sultan Mahmud sangat gembira dengan kelakuan Seri Dewa Diraja tatkala berada di Pahang.

Sesuai dengan taraf Pahang sebagai kerajaan ketuanan Melaka di bawah pemerintahan Sultan Mahmud, Melaka juga adalah penyelamat dan pelindung kepada kerajaan-kerajaan kecil dan juga takluknya yang lain. Contohnya, Sultan Mahmud menolong Pahang untuk menghadapi serangan daripada raja Siam, iaitu Maharaja Dewa Sura dari Legur. Seri Maharaja telah diutus untuk membantu mempertahankan Pahang. Pahang telah mencapai kejayaan *Sejarah Melayu* menyebutkan bahawa;

> "Maka Raja Legur pun datang ke Pahang dengan segala rakyat tiada terhisabkan banyaknya maka berperanglah dengan Pahang dan orang Melaka ...".[24]

Jelaslah di sini bahawa Sultan Mahmud yang menjadi pelindung kepada Pahang telah dapat menyelamatkan kerajaan tersebut daripada serangan kuasa asing.

Seorang lagi raja Siam yang bernama Cau Seri Bangsa terdengar sebuah negeri yang bernama Kota Mahligai. Cau Seri Bangsa berniat jika Kota Mahligai dapat dikalahkan, dia akan memeluk Islam. Ditakdirkan bahawa Kota Mahligai telah dapat dikalahkan. Oleh itu, dia pun memeluk Islam. Cau Seri Bangsa kemudiannya telah membuka suatu tempat yang diberi nama Patani dan menghantar Ukon Pola ke Melaka dengan membawa surat sembah. Oleh itu, Raja Patani pun dinobatkan dengan gelaran Sultan Ahmad Syah. Sultan Mahmud juga telah menobatkan Raja Abdullah dari Kampar dan juga Raja Kedah.

Daripada contoh tersebut, kita boleh fikirkan betapa besar berdaulat dan sahih kuasa kesultanan Melaka pada masa itu. Melaka berperanan sebagai pelantik atau penabal sultan yang lain. Antara tahun 1488 hingga tahun 1511 Sultan Mahmudlah yang bertanggungjawab kepada keadaan ini. Baginda juga mengambil berat tentang keselamatan dan kebajikan kerajaan kecil yang lain.

Sultan Mahmud juga seorang *humanist*. Contohnya, Tun Biajid anak Bendahara Lubuk Batu suka mempermainkan orang berniaga di pasar. Dia seorang yang sasar bahasa dan selalu diikat oleh bapanya sebagai balasan kenakalannya itu. Tetapi dengan perasaan belas kasihan, Sultan Mahmud telah melepaskannya.[25] Ada juga sifat Sultan Mahmud yang menakjubkan.

---

[24]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 180.
[25]*Ibid.*, hlm 197.

Setelah begitu lama menunjukkan egonya yang melampau – ego kuasa dan ego nafsu, tiba-tiba tabiat baginda berubah. Baginda sanggup membunuh Raja Zainal dan Sultan Ahmad puteranya sendiri. *Sejarah Melayu* menyebutkan tentang sifat Sultan Ahmad yang muda ini seperti berikut;

> "Adapun Sultan Ahmad itu, semuanya baik, lagi murah tetapi satu celanya, sebab tiada kasih akan segala pegawai dan segala orang besar, melainkan orang-orang muda dan hamba raja yang tersebut itu juga yang dikasihi baginda".[26]

Pendirian Sultan Ahmad tidak disukai oleh Sultan Mahmud lantaran ini akan memporak-perandakan institusi pentadbiran. Untuk menjaga keselamatan berkerajaan, baginda sanggup berkorban. Sultan Ahmad bertitah supaya baginda dibunuh dan dikebumikan di Bukit Batu. Dilihat daripada peristiwa tersebut, nyatalah rasa kenegaraan baginda, cintakan rakyat dan kerajaan mengatasi segala-galanya walaupun baginda terpaksa mengorbankan rasa kemanusiaan dengan membunuh saudara dan puteranya sendiri.

Sultan Mahmud juga pemurah kerana setiap kali ada orang yang berjasa kepadanya atau kepada kerajaan, baginda akan menganugerahkan persalinan. Ini dapat dilihat dalam peristiwa Hang Nadim yang berjaya membawa pulang Tun Teja Ratna Benggala dari Pahang;

> "Maka baginda pun terlalu hairan melihat rupa Tun Teja, maka diucap baginda Subhanallah, dan beberapa puji baginda akan Hang Nadim, dan dipersalin seperti adat pakaian raja-raja dan dianugerahi emas perak harta terlalu banyak tiada terkira lagi banyaknya".[27]

Walaupun ini menunjukkan keborosan Sultan Mahmud, namun itu adalah satu penghargaan kepada rakyat. Rakyat pula menganggap ini sebagai penghargaan yang besar.

Walaupun Sultan Mahmud sering ditonjolkan dengan sifat-sifat yang negatif, namun baginda masih lagi bersedia untuk mempelajari agama. Baginda belajar agama daripada Maulana Yusof dan sanggup tunduk kepada kehendak-kehendaknya. Ini disebabkan pada satu ketika baginda berangkat ke rumah Maulana Yusof dengan menaiki gajah tetapi baginda tidak dilayan. Kemudian baginda datang dengan berjalan kaki dan seterusnya belajar ilmu-ilmu agama.[28] Pernah dinyatakan bahawa;

---

[26] *Ibid.*, hlm 201.
[27] *Ibid.*, hlm 172.
[28] *Ibid.*, hlm 150.

"Pires and Eridia reported that Sultan Mansor and Sultan Mahmud adhered strictly to Islam. Most of their habitants were said to be Muslims".[29]

Baginda juga mempelajari agama daripada Maulana Sadar Jahan yang datang dari Jeddah, di samping memerintahkan puteranya, Raja Ahmad, 'mengaji' dengan Sadar Jahan.[30]

Pada suatu ketika, Sultan Mahmud pernah menghantar rombongan ke Pasai untuk menyelesaikan masalah agama, iaitu masalah perkataan antara Ulama Mawaran-Nahar dengan Ulama Khurassan dan Ulama benua Irak. Baginda telah menghantar Orang Kaya Tun Muhamad untuk ke Pasai.[31]

ZAMAN KEJATUHAN MELAKA SEBENAR

Selepas Sultan Mahmud turun takhta, baginda telah digantikan oleh puteranya, iaitu Sultan Ahmad. Sebelum itu, semasa Sultan Mahmud masih memerintah, orang Portugis telah menyerang Melaka. Orang Melaka seperti kehairanan apabila melihat orang Portugis itu. Kapten kapal itu telah diberi persalinan dan sebagai balasannya, kapten itu memberikan rantai emas yang dikalungkannya sendiri ke leher Bendahara. Kemudian kapten kapal tersebut belayar pulang ke Goa dan memberitahu wazirnya, Alfonso de Albuquerque tentang Melaka. Alfonso kemudiannya telah mengarahkan Gonzalo Pereira supaya menyerang Melaka, tetapi kecundang. Semasa pemerintahan Sultan Ahmad, Alfonso sendiri yang datang menyerang Melaka, dan Melaka telah dapat ditewaskan. Selepas itu didapati bahawa Sultan Mahmudlah satu-satunya raja Melaka yang mempunyai ketabahan politik yang kuat dan bersemangat. Jika pada penghujung abad ke-14 atau awal abad ke-15, sifat ketabahan ini diamalkan oleh Raja Iskandar yang membuka Melaka setelah diusir oleh Majapahit dari Singapura, maka pada awal abad ke-16, Sultan Mahmudlah yang mewarisi tabiat ketabahan itu.[32] Serangan demi serangan telah dilancarkan oleh pihak Portugis terhadap rombongan pengunduran Melayu Melaka yang diketuai oleh Sultan Mahmud, namun baginda tidak mudah untuk menyerah kalah. Baginda dengan semangat yang cekal terus meng-

---

[29]Muhammad Yusoff Hashim, "Legal Codes of the Malacca Sultanate", dalam *Malaysia in History*, Vol 26, 1983, hlm 84–103.

[30]Menurut edisi Raffles daripada versi *Sejarah Melayu* versi 1536, orang yang mengaji itu ialah Sultan Ahmad (dipetik daripada C.C. Brown, *Sejarah Melayu or Malay Annals: A Translation of Raffles*, London, hlm 161). Tetapi menurut edisi Shellabear, orang yang mengaji itu ialah Sultan Mahmud Syah.

[31]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 186–187.

[32]Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *op. cit.*, hlm 208.

arahkan bala tentera Melaka yang diketuai oleh Laksamana Hang Nadim, Tun Hamzah yang menjadi Penghulu Bendahari, Temenggung Seri Udani, Tun Umar, Tun Mai Ulat Bulu dan ratusan hulubalang Melaka yang lain untuk menangkis serangan Portugis ini di samping cuba merampas semula Melaka.[33]

Dalam masa pengunduran ini, baginda dengan gigihnya menghadapi berbagai-bagai cubaan. Salah satu daripadanya ialah cercaan terhadap baginda yang dilemparkan oleh pembesarnya sendiri. Cercaan yang pertama datangnya daripada Seri Nara Diraja yang menyindir baginda kerana membunuh ayahnya, iaitu Bendahara Seri Maharaja dua bersaudara ketika di Melaka dulu;

> Maka kata Seri Nara Diraja kepada Seri Wak Raja, "Benar bicara diri melihatkan isteri, hai Seri Wak Raja, siapa yang bunuh bapa kita dua bersaudara yang mati di Melaka itu, raja mana? Bukankah raja ini? Pada masa inilah kita membalas kasihnya akan bapa kita mati empat beranak itu ...".[34]

Cercaan yang kedua juga datang daripada Seri Nara Diraja kerana Sultan Mahmud enggan santap nasi yang disediakan olehnya. Kedua-dua cercaan ini dilemparkan di hadapan baginda sendiri. Begitu lancang mulut Seri Nara Diraja sehingga dikatakannya kepada Sultan Mahmud;

> "Jikalau Tuanku tiada mendengar sembah patik, Tuanku patik amuk, sekali inilah Melayu derhaka".[35]

Naratif ini jelas menunjukkan songsangan konsep (reversal of concept), daripada konsep yang telah tertanam tentang daulat dan derhaka sebelumnya. Jika zaman keagungan Melaka dahulu dan kalimat terhadap konsep ini ialah 'anak Melayu pantang derhaka kepada tuannya (raja)', tetapi sekarang ini ialah 'anak Melayu akan derhaka jika tuannya tidak mengikut kata-kata mereka'. Jika Sultan Mahmud memecahkan tradisi persetiaan antara Sang Sapurba bahawa raja tidak akan berlaku zalim kepada rakyat, maka Seri Nara Dirajalah yang melanjutkan perbuatan Hang Kasturi yang berada di pihak Demang Lebar Daun (rakyat) yang berjanji bahawa rakyat tidak akan menderhaka. Ertinya Seri Nara Diraja akan menderhaka.[36] Cabaran dan celaan yang diterima oleh Sultan Mahmud dihadapi dengan perasaan tenang tetapi

---

[33]Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *loc. cit.*
[34]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 214.
[35]W.G. Shellabear, *loc cit.*
[36]Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *op. cit.*, hlm 211.

penuh rasa kesal – kesal dengan tingkah lakunya yang lalu. Pada ketika itu baginda mungkin telah menyedari bahawa baginda tidak mempunyai kuasa lagi walaupun wibawa sebagai seorang raja dapat terus dikekalkan. Semua suasana gugatan politik dan perubahan tradisi sosial dihadapi oleh baginda dengan rasa tabah dengan harapan bahawa sifat ketabahan ini akan memberikan kekuatan dan jalan meneruskan institusi dan zuriat Kesultanan Melayu Melaka yang telah hidup lebih daripada 100 tahun dalam sejarah itu. Dengan membawa semangat gigih inilah kemudiannya baginda berangkat dan bersemayam di Kampar.

Detik kemangkatan baginda meninggalkan satu kesan sejarah yang amat penting. Dengan kegigihan baginda menghadapi cabaran, cubaan dan pancaroba menyebabkan waris-waris baginda berjaya untuk menubuhkan satu kesultanan baru di sekitar Johor Lama dan kemudiannya bertapak pula di Pasir Raja pada zaman Sultan Alauddin Riayat Shah III. Waris ini meneruskan tradisi kesultanan daripada darah raja Melaka hingga lebih kurang dua abad lamanya, iaitu, apabila Sultan Mahmud II mangkat dijulang pada tahun 1699.[37] Oleh itu, dapat kita katakan bahawa dengan wataknya yang gigih itu Sultan Mahmud menjadi jambatan penyambung antara Kesultanan Melayu Melaka dengan Kesultanan Melayu Johor daripada warisan Melaka. Bagindalah yang menjadi unsur penting pembinaan Kesultanan Melayu Johor kerana keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka.[38]

Sifat baginda yang pada mulanya pemarah, mudah dipengaruhi oleh emosi tanpa membuat pertimbangan yang rasional, akhirnya bertukar menjadi seorang yang sangat bertimbang rasa, bertanggungjawab terhadap keluarga, pengasih dan penuh dedikasi terhadap kerabat diraja serta gigih mempertahankan institusi kesultanan. Hal ini digambarkan dalam Sejarah Melayu bahawa pada ketika Sultan Mahmud hampir mangkat di Kampar, baginda menampakkan sifat-sifat kebapaan, menasihati penggantinya supaya berperikemanusiaan, adil dan bertakwa terhadap Allah *Sejarah Melayu* melakarkan;

> "Hei anakku dan cahaya mataku, engkau kerajaan, hendaklah sangat sabarmu, barang sesuatu bicaramu jangan meninggalkan Bendahara dan sekalian hulubalang, sangat-sangat adil saksama dan hukum atas bala tenteramu, jangan engkau dengar-dengaran barang sembah orang yang tiada sebenarnya, sangat ampun periksamu akan mereka itu sekalian, kerana ia bernaung kepada keadilan dan kemurahanmu; dan jangan tak-

[37]Terkenal juga dengan nama Marhum Mangkat Dijulang.
[38]Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *op. cit.*, hlm 212.

sir daripada manafahus dan memeriksai atas rakyatmu supaya sentosa kerajaan engkau".[39]

Dari segi naratif, petikan ini mungkin hanya merupakan suatu kreatif kesusasteraan dengan sifat *Sejarah Melayu* sebagai sebuah karya yang bercorak sejarah, didaktik, bernilai moral dan etika. Maka fungsi moral dan kemasyarakatannya juga haruslah dipertimbangkan. Ia disebut sebagai diucapkan oleh Sultan Mahmud, seperti untuk memberikan *attribution* terhadap peribadi baginda sebagai pemerintah yang berpengalaman, adil, berperikemanusiaan dan bertimbang rasa pada masa akhir hayatnya.

Pada akhir-akhir pemerintahan Sultan Mahmud di Melaka, ketika takhta kerajaan telah pun diserahkan kepada Sultan Ahmad, puteranya, ketokohan Sultan Mahmud seperti diselubungi oleh misteri. Baginda dinaratifkan oleh *Sejarah Melayu* sebagai duduk dan mengasingkan diri di Kayu Ara, di Hulu Melaka, sehinggalah apabila Melaka didatangi, diserangi dan ditakluki oleh Portugis pada tahun 1511.

Setelah 'patah arang' orang Melaka, Sultan Mahmud dan pengikutnya yang menurut *Sejarah Melayu* sebagai 'berlepas diri' dan berundur ke Batu Hampar, kawasan di pedalaman Melaka. Dari sini, mereka ke Hulu Muar, dan menyusur Sungai Muar lantas ke Penarikan. Dari Penarikan mereka pergi ke Pahang untuk berlindung buat seketika. Dari Pahang, baginda menyeberang Selat Bulang untuk mendarat di Pulau Bentan. Di situ baginda 'bernegeri' di kawasan yang bernama Kopak. Di sinilah baginda bertahan untuk mengekalkan kekuasaan politik terhadap kerajaan-kerajaan Melayu yang masih tunduk ke bawah taklukan Kesultanan Melayu Melaka yang telah berpindah ke Bentan itu selama hampir dua belas tahun. Di sinilah juga sering tercetusnya peperangan sengit antara Melayu dengan Portugis, namun kewibawaan politik Melayu di situ masih utuh. Baginda menghadapi serangan kuasa asing ini dengan gigih dan tabah sebab falsafah baginda ialah 'negeri alah hanya selepas rajanya mati". Oleh itu, dalam konsep dan tradisi politik berkerajaan Melayu, 'raja' dan 'kerajaan' adalah bertalian dan saling melengkap. Kerajaan wujud hanya setelah hadirnya 'raja' (yang didaulati), maka baharulah wujudnya *negeri*.[40]

Dari Bentan baginda berpindah pula ke Kampar, Sumatera. Di Kampar

---

[39]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 219.

[40]Lihat bagaimana Raja Ali Haji mentafsirkan konsep berpolitik Melayu ini dalam kitabnya, *Thamarat al-Muhemmah al-Dhiafah* ... (naskhah tercetak), Lingga, 1890, hlm 4–10; Muhammad Yusoff Hashim, *Riwayat Terengganu Darul Iman: Tradisi Persejarahan Terengganu, 1881–1936*, (Tesis Ph. D), 1985.

raja perempuan Tun Fatimah telah mangkat, lalu 'ditanamkan di Kampar itu', menurut *Sejarah Melayu*. Kampar menjadi tempat baginda untuk bertahan, bersemayam, mengekalkan terus wibawa politik Melayu tadi dan menghabiskan sisa-sisa hidupnya untuk meneruskan lagi tradisi Kesultanan Melayu Melaka dahulu hinggalah ke suatu ketika apabila disebut;

> "... datanglah peredaran dunia, maka baginda pun sakit terlalulah sangat ... maka Sultan Mahmud Syah pun kembalilah ke rahmatullahi-taala, dari negeri yang fana ke negeri yang baqa".

Selepas itu baginda digelar sebagai Marhum Kampar.

Warisan takhta diserahkan kepada Sultan Alauddin Riayat Syah III ibnu Sultan Mahmud Syah I, untuk meneruskan zuriat pemerintah Melayu keturunan Bukit Siguntang Mahamiru ini di Johor-Riau dalam tradisi kerajaan-pemerintah Empayar Melayu tradisional.

4

Hubungan Tradisional Melaka-Siak Dilihat melalui Penulisan *Hikayat Siak* atau *Sejarah Raja-Raja Melayu*

NASKHAH *HIKAYAT SIAK*

HIKAYAT SIAK ialah teks tradisional Melayu yang bercorak sejarah. Pada masa ini terdapat sekurang-kurangnya tiga buah naskhah teks tersebut. Satu daripada naskhah yang dianggap terbaik ada disimpan di Perpustakaan Muzium Pusat di Jakarta. Naskhah ini diberikan kod *W. 191* dan dikatalogkan ke dalam *Katalogus Koleksi Naskhah Melayu Museum Pusat Dept. P dan K (1972)* dengan nombor *ML. 44*, dan berjudul *Sejarah Raja-raja Melayu* (hlm 202). Kadangkala naskhah ini dinamakan juga sebagai *Sejarah Melayu* atau *Hikayat Raja Akil.*

Dua buah naskhah yang lain ada disimpan di Perpustakaan Universiteit Bibliotheek, Leiden dan kodnya ialah *Cod. Or. 6342* dan *Cod. Or. 7304.* Naskhah *Cod. Or. 7304* ini masih dalam bentuk tulisan tangan, sementara naskhah *Cod. Or. 6342* adalah dalam bentuk tulisan Jawi bertaip dan dipercayai telah diusahakan oleh R.O. Winstedt dengan berpandukan naskhah *W. 191* di Jakarta. Salah satu daripada salinan naskhah *Cod. Or. 6342* telah diserahkan dan disimpan pula di Perpustakaan Royal Asiatic Society, London, dikodkan sebagai *Mal. 13B.* Ketiga-tiga naskhah teks *Hikayat Siak* ini terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya dalam bentuk salinan mikrofilem.

Mengapakah *Hikayat Siak* disebut juga sebagai *Sejarah Raja-raja Melayu* atau *Sejarah Melayu* atau *Hikayat Raja Akil*?

Pada dasarnya, *Sulalatus Salatin* daripada versi panjang menyebut dan mengakhirkan naratif tentang bagaimana Sultan Alauddin Riayat Syah III membuka 'negeri' baru di Pasir Raja, di Kuala Sungai Riau, Johor. Kemudian disambung pula naratifnya tentang permulaan dan asal usul sejarah Raja Kecil yang didakwa sebagai putera Sultan Mahmud Syah II ibni Sultan

Ibrahim di Johor yang sememangnya berasal daripada raja-raja Melaka. Naratif yang disambung ini diteruskan dengan pengisahan sejarah dan peranan politik Raja Kecil [yang dituntut sebagai ibni Sultan Mahmud II (?)] serta anak cucunya, bermula daripada tahap pertama awal abad ke-18 sehinggalah ke tahap kelima pertengahan abad ke-19.

Kandungan *Hikayat Siak* terbahagi dua, iaitu periode Melaka-Johor (yang sebenarnya merupakan naratif yang disalin semula daripada teks *Sejarah Melayu*) dan periode selepas itu, iaitu tentang kisah raja-raja Siak atau Minangkabau yang didahului dengan naratif tentang Raja Kecil serta diikuti dengan naratif tentang anak cucunya, dan tentang peranan politik mereka di sekitar Selat Melaka.

Oleh itu, periode naratif *Hikayat Siak* menjangkau suatu jangka masa yang amat panjang, berabad-abad, bermula dengan hal-ehwal mitos dan legenda raja-raja sebelum zaman Empayar Melaka, sebelum tahun 1400 (seperti yang terakam dalam *Sejarah Melayu* itu) dan berakhir pada tahun-tahun 1850-an apabila disebut Tengku Anum ibni Raja Akil, iaitu piut Raja Kecil dilantik menjadi Penambahan Sikudana, di Borneo Selatan.

Dalam banyak hal, naratif tentang Raja Akil ibni Tengku Musa, cicit Raja Kecil itulah yang amat dititikberatkan. Oleh itu, *Hikayat Siak* dinamakan dan dikenali juga sebagai *Hikayat Raja Akil*.

Dari segi fungsi naratif dan kepengarangan *Hikayat Siak*, pengarang hikayat ini sebenarnya cuba membina suatu salasilah raja-raja Siak atau Minangkabau yang dikaitkan secara 'langsung' (sama ada suatu mitos atau bukan) dengan raja-raja Melaka-Johor dan keturunannya. Tokoh-tokoh yang menjadi 'jambatan' penghubung salasilah ini ialah Sultan Mahmud Syah II (Marhum Mangkat Dijulang), keturunan langsung kerabat Melaka dan Raja Kecil [didakwa sebagai putera Sultan Mahmud II (?)] yang beribukan Encik Apong (anak Laksamana Johor yang menjadi gundik Sultan Mahmud).

Oleh yang demikian, sama ada secara disedari atau sebaliknya, disengajakan atau tidak, maka terbinalah semacam sebuah salasilah raja-raja Melayu di Selat Melaka yang lengkap. Dan terciptalah suatu kesinambungan persejarahan yang bertalian antara zaman pra-Melaka, diikuti dengan zaman Empayar Melaka, disambung pula dengan era Johor, diterus dan diakhirkan dengan periode Siak-Johor, pada pertengahan abad ke-19 di bahagian barat Selat Melaka. Oleh itu, didapati bahawa Tengku Anum, tokoh penamat dalam naratif *Hikayat Siak* sebenarnya adalah titisan 'darah putih' secara langsung dari raja-raja Melaka dan yang bernasabkan kerabat dari Bukit Siguntang Mahamiru di Palembang. Oleh yang demikian, *Hikayat Siak* juga didakwa sebagai naskhah teks *Sejarah Melayu* daripada versi Palembang.

HUBUNGAN AWAL MELAKA-SIAK

Aru, Rokan, Siak, Kampar, Inderagiri dan Tungkal adalah kawasan di pantai timur Sumatera yang menjadi takluk Melaka. Kawasan ini membentuk bahagian barat zon empayar yang kemudiannya dilengkapkan dengan zon bahagian timur seluruh Semenanjung Tanah Melayu, Johor-Riau dan seluruh kepulauan yang kecil sekitarnya seperti Buru, Suir, Sarapung, Kundur, menganjur sehingga ke Brunei untuk membentuk zon empayar bahagian selatan. Dengan perkataan lain, penaklukan dan pengawalan seluruh kawasan di ketiga-tiga zon ini membolehkan Melaka untuk mengawal sepenuhnya kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka sebagai jalan perhubungan di antara Timur dengan Barat. Ini adalah suatu kedudukan dan pengawalan geografi yang amat strategik.

Oleh sebab perhubungan dengan kawasan-kawasan takluknya bercorak memusat, maka Melaka sangat sesuai berada di tengah-tengah sebuah empayar *thalassocarcy* (kuasa kelautan), apabila jalan laut menjadi unsur yang amat perlu bagi kehidupan harian.

Untuk mengawal jalan perdagangan di Selat Melaka itulah, seperti juga kerajaan yang setaraf dengannya di sepanjang pantai timur Sumatera, maka Siak ditundukkan dan ditakluki. Ini sebenarnya merupakan satu skema dalam rangka strategi sosiopolitik yang mudah tetapi amat praktikal untuk matlamat ekonomi dan *survival* Melaka.

Dalam konteks inilah juga teks *Sejarah Melayu* menerangkan hubungan Melaka-Siak dalam lingkungan hubungan politik-sosial sebuah kerajaan yang menakluk dengan kerajaan yang ditakluk.

Seawal yang diketahui, hubungan ini bermula ketika Melaka diperintah oleh Sultan Mansor Syah. Dalam teks *Sejarah Melayu* Cetera Ke-17 (*Sejarah Melayu* versi 1612) menyebut bahawa, "Sultan Mansor Syah hendak menyuruh menyerang Siak" (1961, hlm 146). Ketika itu Siak disebut telah pun mempunyai kerajaan, "Siak itu dahulunya negeri besar, Maharaja Permaisura nama rajanya, asalnya daripada raja Pagar Ruyung, tiada menyembah ke Melaka; sebab itulah maka baginda suruh serang". Panglima dari Melaka, Seri Udani, mengetuai ketumbukan hulubalang Melaka. Peperangan Melaka-Siak meletus dan Siak kecundang. Rajanya terbunuh dalam peperangan itu. Putera Raja Permaisura, Megat Kudu dan pembesarnya, Tun Jana Pakibul dapat ditawan dan dibawa ke Melaka. Megat Kudu dijadikan menantu oleh Sultan Mansor (setelah dikahwinkan dengan Raja Mahadewi). Kemudian beliau dilantik menjadi raja di Siak dengan gelaran Sultan Ibrahim. Tun Jana Pakibul menjawat Mangkubuminya. Siak pun menjadi salah sebuah kerajaan uftian Melaka. Selepas itu bermulalah hubungan politik kekeluargaan di antara Melaka dengan Siak.

Naratif hubungan ini disambung lagi pada Cetera ke-26 teks yang sama, yang menyebut tentang kemarahan Melaka terhadap Siak kerana membunuh seorang pesalah di luar pengetahuan istana Melaka. Hukuman membunuh pada masa itu adalah hak perundangan Melaka sahaja. Hal ini dikatakan terjadi ketika Melaka diperintah oleh Sultan Alauddin Riayat Syah I (1477–1488). Ini menjelaskan bahawa hubungan politik yang intim antara kuasa penakluk dengan kerajaan yang tertakluk.

Keintiman ini terus berkekalan, hatta selepas kerajaan Melayu berpindah dari Melaka sebenar ke Johor. Malah dari segi kekeluargaan kerabat, hubungan ini semakin erat apabila Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Syah II (1570–1597) melantik puteranya, Raja Hassan menjadi raja di Siak (Cetera ke-34, hlm 322). Selepas itu kisah tentang Siak daripada perspektif *Sejarah Melayu* tidaklah diketahui lagi. Namun yang jelas ialah sekiranya Siak ditakluki pada salah satu tahun antara tahun 1456–1477 semasa Melaka diperintah oleh Sultan Mansor Syah, bererti Siak berada di bawah taklukan kuasa Melayu-Melaka dan Johor selama seabad lebih. Selama itulah juga hilangnya (dari tahun tahun 1600 hingga pada awal abad ke-18), sumber-sumber tempatan tentang hubungan politik kekeluargaan kerabat di antara Melayu-Johor-Riau dengan Siak.

Hubungan politik kekeluargaan ini muncul semula apabila *Hikayat Siak* menyebut bahawa Raja Kecil (kemudian menjadi Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah, 1718–1722) yang kononnya diberitakan 'terbuang' dan dijadikan anak angkat oleh Ratu Minangkabau, kemudian dilantik menjadi raja di Siak adalah putera Sultan Mahmud Syah II, Johor. Raja Kecil memulakan percaturan politiknya di Selat Melaka, yang dengan sendirinya mendakwa juga bahawa bagindalah yang berhak untuk mewarisi takhta kerajaan Johor-Riau selepas kemangkatan ayahandanya (?), Sultan Mahmud II yang berketurunan dari Melaka tadi, bukan Bendahara Abdul Jalil (Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV, 1699–1718).

Senario sejarah Selat Melaka bermula pada awal abad ke-18 hingga pertengahan abad ke-19 itulah yang diceritakan dalam bahagian kedua *Hikayat Siak*. Bahagian ini menggambarkan nasib politik yang diperjudikan oleh Raja Kecil dan keturunan serta protagonisnya yang 'didakwa' sebagai berasal daripada kerabat Melayu-Melaka-Johor. Oleh yang demikian, tuntutan politik dan pewarisan takhta kerajaan Johor-Riau oleh Raja Kecil dapatlah 'diperhalalkan' secara kepercayaan semata-mata.

Inilah sebenarnya tujuan dan fungsi *Hikayat Siak* dicipta. Ia menghubungkan nasab keturunan Melaka-Johor-Siak ini secara ciptaan sastera dan mitologi.

Dalam suatu kenyataan ringkasnya tentang *Hikayat Siak*, R.O. Wins-

tedt menyifatkan hikayat ini sebagai *A variant appendix in a Batavia MS. gives an account of Siak in the eighteenth century*,[1] tetapi R. Roolvink pula berpendapat bahawa hikayat ini sebenarnya adalah;

> "... an enlarged version brought up to date until well into the nineteenth century is found in one manuscript, KBG 191 W (Djakarta), of which there are two copies in the Leiden University Library, Cod. Or. 7304 and Cod. Or. 6342, the latter presented to the Library by Sir Richard Winstedt. This enlarged version is a Malay history which is an edited and in several places abbreviated text of the Sejarah Melayu followed by an eighteenth century history of the Straits of Malacca told from the Siak point of view".[2]

Oleh itu jelaslah bahawa *Hikayat Siak* itu sebenarnya adalah sebuah versi yang telah diperpanjangkan daripada teks *Sejarah Melayu*, yang telah disunting oleh seorang pengarah atau penyalin dari Siak, Sumatera Timur. Dan teks tersebut telah dinamakan sebagai *Hikayat Siak*. Memandangkan terdapatnya penyisipan pada bahagian penghujung hikayat ini, R. Roolvink pun berpendapat bahawa, "It is a highly important text which could perhaps best be characterized as a Hikayat Raja Akil".[3] Oleh yang demikian, hikayat ini memaparkan tiga kriteria fizikal; pertama, hikayat ini merupakan salah satu daripada versi teks *Sejarah Melayu* yang telah diperpanjangkan; kedua, hikayat ini lebih dikenali dengan nama *Hikayat Siak;* dan ketiga, kadangkala hikayat ini dinamakan juga sebagai *Hikayat Raja Akil*. Mengenai kriteria yang pertama, pengarang atau penyalin telah memperpanjangkan 'kisah-kisah' daripada teks *Sejarah Melayu* dengan memasuk dan menambahkan peristiwa bersejarah tentang raja-raja dan masyarakat Melayu selepas periode Melaka pada sekitar abad ke-18 dan awal abad ke-19, di Selat Melaka.

Salinan asal naskhah *Hikayat Siak* tersimpan di Muzium Pusat di Jakarta.[4] Salinan yang digunakan untuk kajian ini ialah salinan foto dalam

---

[1]R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969, hlm 159.

[2]R. Roolvink, "The Variant Versions of the Malay Annals", kata pengenalan yang terlampir pada C.C. Brown (sunting dan terjemahan), *Sejarah Melayu, Malay Annals*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm xxiii.

[3]*Ibid.* Suatu deskripsi tentang hal ini dapat dilihat dalam Katalog van Ronkel di Djakarta, *VBG* 57, hlm 274, di bawah nombor *CCCLIV*. Sementara itu Raja Ali Haji dalam menerangkan sejarah orang Minangkabau dalam bukunya, *Tuhfat al-Nafis*, menyebut sumber yang digunakannya sebagai siarah atau sejarah Siak, Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, Singapura, 1965, (passim).

[4]Naskhah salinan ini saya temui di Perpustakaan Muzium Pusat, Jakarta ketika melakukan kajian tentang naskhah-naskhah Melayu bercorak sejarah di sana, sekitar bulan

tulisan Jawi dari Universiti Leiden yang mengandungi 60 halaman, iaitu dari halaman 402 hingga halaman 461. Setakat ini masih belum terdapat suatu kajian teks yang lengkap tentang *Hikayat Siak*, sama ada dari segi sejarahnya mahupun dalam bidang kesusasteraan, walaupun pada tahun-tahun kebelakangan ini terdapat ahli sejarah yang menggunakannya sebagai sumber rujukan peribuminya,[5] untuk menulis tentang sejarah orang Melayu di Johor dan Sumatera. Sejak lebih kurang sepuluh tahun yang lalu, Doktor R. Roolvink dari Faculteit der Letteren, Universiti Leiden, telah berusaha untuk menyelenggarakan teks ini. Tetapi hingga ke saat ini usaha itu masih menghadapi masalah.[6] Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa tokoh sejarah yang pertama memperolehi, mengutip dan menggunakan *Hikayat Siak* sebagai sumber rujukan penulisannya ialah Raja Ali Haji ibnu Raja Ahmad apabila beliau menulis *magnum-opus Tuhfat al-Nafis* pada awal abad ke-19 yang lalu.

Apabila diteliti tentang peristiwa, unsur kebudayaan, pandangan dunia dan gaya bahasa dalam *Hikayat Siak*, besar kemungkinan hikayat ini telah ditulis di salah sebuah kabupaten Minangkabau, khususnya di Siak. Hal ini dapat dibuktikan daripada catatan dan peristiwa yang begitu banyak tertumpu kepada Raja Kecil dan keluarga diraja Siak. Pengetahuan yang menarik dan mendalam seperti ditunjukkan dalam teks ini, iaitu tentang adat dan istiadat raja-raja di istana, dapat memperlihatkan daripada kalangan mana penulis hikayat ini muncul.

Oleh sebab kandungan *Hikayat Siak* lebih banyak mencatatkan huraian tentang raja dan salasilah raja-raja Minangkabau, maka nyatalah hikayat ini ditulis dan disusun dengan cara sedar. Hikayat ini lahir kerana arahan raja-raja Siak sendiri. Buktinya amat jelas. Ketika hikayat ini ditulis, berkemungkinan kedudukan politik raja-raja Siak telah merosot. Taat setia rakyat semakin berkurangan. Dan untuk tujuan moral bagi memulihkan semula taat setia dan mengembalikan kuasa politik raja-raja Siak yang di-

---

Jun 1979. Dari Perpustakaan Universiti Leiden, salinan naskhah ini diberikan nombor *KGB 191W* (Djakarta) – *Hikayat Siak* (Batavia MS), *Cod. Or. 7304* dan *Cod. Or. 6342*. Di Muzium Pusat, ia dikenali sebagai *on de Wall 191*. Lihat Lampiran B dan Lampiran C.

[5]L.Y. Andaya, "The Structure of Power in Seventeenth Century Johor", dalam *Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, No 6, 1975, hlm 1–11; L.Y. Andaya, *The Kingdom of Johore, 1641–1728: A Study of Economic and Political Developments in the Straits of Malacca*, O.U.P., Kuala Lumpur, 1975: I.A. MacGregor "Johore Lama in the Sixteenth Century", *JMBRAS*, 28:2, 1955; Ernst Ulrich Kratz, (ed), *Peringatan Sejarah Negeri Johor, Eine Malaiische Quelle zur Geschichte Johor im 18. Jahrhundert*, (Wiesbaden, 1973), dan lain-lain.

[6]Warkah Dr. R. Roolvink kepada saya bertarikh November 1978 dan Julai 1979.

warisi secara temurun itu, sebuah piagam yang lahir dalam bentuk tulisan dan dokumen perlu dicipta. Ciptaan ini lahir dalam suatu bentuk penyusunan semula salasilah raja-raja Siak yang berkenaan. Perkara yang penting ditonjolkan oleh *Hikayat Siak* ialah tentang kegiatan politik dan sosial, kebolehan, semangat gigih dan keberanian raja-raja Siak menentang musuh-musuh mereka. Lantaran itu, keunggulan semangat suatu suku bangsa Melayu telah diagung-agungkan. Sewajarnyalah pengagungan semula ini dilakukan dengan melahirkan sebuah piagam tertentu yang bertulis.

Dalam pengertian yang khusus, *Hikayat Siak* lahir sebagai sebuah piagam untuk memulih dan menguatkan semula identiti orang Minangkabau sebagai suatu suku yang bertamadun. Sebagaimana lahirnya teks seperti *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu), Hikayat Hang Tuah,*[7] *Hikayat Patani,*[8] *Hikayat Johor, Misa Melayu, Syair Perang Mengkasar,*[9] dan *Syair Sultan Maulana*[10] dalam deretan khazanah tradisi budaya Melayu di rantau ini, maka *Hikayat Siak* sebenarnya adalah sebuah dokumen sosial yang berfungsi (*functional social document*).Profesor A.E. Teeuw, menyifatkan *Hikayat Siak* sebagai *historical or referential literature,*[11] manakala Profesor C. Skinner pula mengatakan ia sebagai sebuah hasil sastera klasik yang termasuk ke dalam kumpulan *sacred (serious) in a political sense.*[12] Hal ini sebenarnya telah disarankan oleh Profesor Teuku Iskandar yang mengatakan bahawa sebuah hasil sastera yang sedemikian mempunyai motif psikologi-sosial dan berperanan untuk membangkitkan semangat orang Melayu, seperti kata beliau;

> "It is very striking that always at crucial moments the Malays need a literary work to boost the morale of the people".[13]

---

[7] Teks Sejarah Melayu versi tahun 1612 lahir di Pasir Raja, Johor, ketika kerajaan ini sedang menghadapi ancaman Portugis dan Aceh. Teks *Hikayat Hang Tuah* pula disarankan lahir di sekitar penghujung abad ke-17, pada masa Johor diancam oleh kuasa Jambi dan Bugis. Rujuk T. Iskandar, "Some Historical Sources Used by the Author of Hikayat Hang Tuah", dalam *JMBRAS*, 43:1, 1970, hlm 1–47.

[8] Lihat bahagian "Commentary" teks yang diselenggarakan oleh A.E. Teeuw dan D.K. Wyatt, (ed), *Hikayat Patani* (The Story of Patani), *VKI*, No 5, The Hague – Martinus Nijhoff, 1970.

[9] C. Skinner, (ed), *Sjair Perang Mengkasar by Entjik Amin*, *VKI*, No 40,'s-Gravenhage, 1963, bahagian "Introduction", hlm 1–42.

[10] Muhammad Yusoff Hashim, (ed), *Syair Sultan Maulana: Suatu Kajian Sebagai Hasil Pensejarahan Melayu Tradisional*, tesis Sarjana Sastera, Universiti Malaya, 1975, rujuk Bab 3 dan Bab 4.

[11] A.E. Teeuw, *Some Remarks on the Study of so-called Historical Texts in Indonesian Languages*, kertas kerja yang dibentangkan di Konferensi IAHA, Yogyakarta, 1974, hlm 6.

[12] C. Skinner, *Ahmad Rijaluddin and* 'Transitional' Malay Literature, skripsi kertas kerja dibentangkan di Konferensi IAHA, Bangkok, 25 Mei, 1977, hlm 2.

[13] T. Iskandar, *ibid*, hlm 45.

Oleh itu dalam pengertian dan konteks susila inilah kita dapat meneliti kedudukan sebenar dan peranan *Hikayat Siak* itu.

Mengkaji *Hikayat Siak* sebagai sebuah dokumen sejarah bererti kita menelitinya sebagai sebuah teks Melayu klasik dalam pengertian dan konsep penghasilan kesusasteraan Melayu yang lebih luas lagi.[14] Fahaman kita mengenainya sebagai sebuah dokumen yang berfungsi akan meletakkan *Hikayat Siak* sebagai sebuah hasil 'ciptaan sastera' kerana sebelum munculnya penggunaan istilah 'tarikh', 'tawarikh' atau 'sejarah' yang lebih khusus, tidak terdapat suatu pembahagian konsep yang jelas antara sebuah hasil 'sastera' dengan sebuah karya 'sejarah'.[15]

Cuma apa yang wujud dalam arena kesusasteraan ialah sejarah sebagai salah satu daripada genre sastera Melayu. Soal kebenaran sejarah (*historical truth*) atau seperti yang difahamkan pada hari ini sebagai 'fakta-fakta' sejarah dalam sebuah hikayat seperti ini tidak timbul sama sekali. Kebenaran yang terdapat pada *Hikayat Siak* adalah kebenaran yang subjektif,[16] iaitu kebenaran yang dilihat daripada pandangan dan pengamatan penulis atau penyusun teks, justeru untuk mencapai matlamat dan fungsi penulisan teksnya.

Dalam konteks ini, dengan menggabungkan 'fakta' sejarah dengan unsur yang dinamakan 'mitos sejarah' dalam *Hikayat Siak* sebenarnya bukanlah suatu 'gejala' dalam penulisan sejarah; bahkan ia merupakan suatu proses daya cipta kreatif, sesuai dengan keadaan dan sudut pandangan masyarakat Melayu-Siak yang sezaman dengan penulis. Fungsi peristiwa 'mitos' tidak semestinya dilihat secara terasing daripada fungsi peristiwa 'bersejarah' yang "berpijak di bumi nyata". Kedua-duanya saling berkaitan. Tentang naratif seperti Raja Abdul Jalil Syah beristerikan seorang peri, tentang Cik Pong yang memakan mani baginda sultan, perihal rumput yang tumbuh di celah kaki Megat Seri Rama yang luka, tentang kebolehan Raja Kecil menawarkan air laut yang masin, dan meriam musuh Raja Kecil yang

---

[14]Sehubungan dengan ini ada pihak yang berpendapat bahawa sastera sejarah itu perlu dilihat melalui teori dan konsep sastera, bukan dari segi sejarah, antropologi atau ilmu yang lain. Lihat A.E. Teeuw, *Sastera Sejarah Sebagai Jenis Sastera Malindo*, kertas kerja di Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, 8–10 September 1979, hlm 1.

[15]Khoo Kay Kim, *Panji-Panji Gemerlapan–Suatu Kajian Mengenai Persejarahan Melayu*, skripsi dibentangkan untuk ucapan 'inaugeral' penerimaan kursi di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Julai 1979.

[16]Sartono Kartodhirjo, "Segi-segi Strukturil Historiography Indonesia", dalam *Lambaran Sedjarah*, No 3, Bab 3, 1968, Jakarta. Rujuk juga A.H. Hill, "Hikayat Raja-raja Pasai, A Revised Romanised Version of Raffles MS. 67, Together with an English Translation", dalam *JMBRAS*, 33:ii, 1960, hlm 1–33.

tidak berbunyi tetapi mengeluarkan air sahaja adalah merupakan suatu ciptaan dan daya penulisan untuk membina unsur karismatik seseorang raja. Dan sebagai bersetuju dengan pendapat Pitono Hardjowardojo tentang teks *Pararaton*,[17] teks-teks seperti ini berfungsi sebagai unsur sosiopolitik bagi memberikan suatu hak pengabsahan atau penghalalan undang-undang terhadap raja tersebut dalam erti kata yang tersendiri, walaupun ada kemungkinan bahawa teks-teks yang berbahasa Melayu itu tidak begitu melampau seperti teks-teks sejarah yang terdapat dalam bahasa Jawa.[18]

Oleh sebab amat terpengaruh dengan sifat fizikal dan gejala struktur yang terdapat dalam teks yang sedemikian tanpa menyedari dan memahami tenaga-tenaga sosial,[19] dan proses politik yang bergerak pada latar belakang penulisan teks tersebut, J.C. Bottoms terus membuat andaian terhadap teks-teks Melayu yang bercorak sejarah sebagai;

> " ... a mixture of truth and legend, fantasy and fact, entertainment and instructions".[20]

Sementara itu dalam rencana lain tetapi pada tajuk yang sama, beliau mengulang;

> "... many Malay histories start with seemingly fantastic accounts of legendary beginnings and slowly grow more useful and accurate as they approach the writer's own period".[21]

Kenyataan Bottoms ini adalah dilihat dari sudut pandangan persejarahan yang unggul bahawa legenda, fantasi atau yang *seemingly fantastic* merupakan suatu gejala yang lazim terdapat pada hampir seluruh persejarahan berbagai-bagai bangsa di dunia ini sebelum munculnya pengaruh pendidikan sekular dari Barat. Beliau tidak menyedari bahawa unsur-unsur tersebut merupakan suatu ciri *archetypal*.[22]

---

[17]R. Pitono Hardjowardojo, *Pararaton*, Penerbitan Bhratara, Djakarta, 1962, hlm 5.

[18]Walau bagaimanapun, Profesor Mohd. Taib Osman berpendapat bahawa memang terdapat sedikit persamaan dalam fungsi antara karya-karya berbahasa Melayu dengan yang berbahasa Jawa ini. Rujuk Mohd. Taib Osman, "Mythic Elements in Malay Historiography", dalam *Tenggara*, 2:11, 1968, hlm 80–89; Lihat juga C.C. Berg, "Javanese Picture of the Past", dalam *Soedjatmoko*, et. al., (eds), *An Introduction to Indonesia Historiography*, Ithaca, 1965, hlm 87–116; C.C. Berg, *De Evolutie der Javaanese Geschiedshrijving, Nieuwe Reeks*, deel 14, No 2, Amsterdam, 1951, hlm 121–146.

[19]Mohd. Taib Osman, *op. cit.*, hlm 87.

[20]J.C. Bottoms, "Malay Historical Works (A Bibliographical Note on Malay Histories as Possible Sources for the History of Malaya)", dalam K.G. Tregonning, (ed), *Malaysia Historical Sources*, Singapore, 1962, hlm 42.

[21]J.C. Bottoms, "Some Malay Historical Sources: A Bibliographical Note", dalam *Soedjatmoko*, et. al., (eds), *op. cit.*, hlm 156–193.

[22]Sartono Kartodhirdjo, *op. cit.*, hlm 18–19; Rujuk juga J.J. Ras, (ed), *Hikajat-Bandjar*, Martinus-Nijhoff, 1968, bahagian "Introduction", hlm 2–15.

Jika benar dakwaan Bottoms bahawa unsur persejarahan seperti *legendary beginnings* itu diketemukan pada bahagian sebelum hidupnya pengarang atau penyusun teks,[23] maka unsur yang ditafsirkan sebagai berfungsi itu sebenarnya diambil daripada tradisi lisan atau sumber warisan temurun yang akan tertulis. Kadangkala kesahihannya sukar dipertanggungjawabkan kerana kebenaran fakta sejarah bukan menjadi matlamat akhir dan tujuan utama pengarang. Dengan perkataan lain, legenda dan mitos adalah ciptaan kreatif dalam konteks penulisan persejarahan yang dijelmakan oleh penulis dalam suasana yang sama ada sedar atau di bawah sedar supaya mempunyai fungsi-fungsi tertentu.

Begitulah halnya tentang bahagian awal yang terdapat dalam *Hikayat Siak*. Asal usul dan keturunan Raja Kecil yang menjadi protagonis hikayat ini digambarkan dengan suasana mitos yang aneh sekali;

> "Syahadan Yang Dipertuan Sultan Abdul Jalil Syah kepada malam itu baginda minta buatkan nasi rendam. Dan kepada itu malam baginda hendak beradu, lalu memanggil Cik Pong, anak Laksamana, disuruh memicit kaki baginda. Kepada masa itu bini peri itu sudah pergi. Diketahuinyalah akan baginda itu mangkat dan kepada waktu dinihari baginda datang berahi. Maka terpancarlah mahnikam itu ke tikar dan baginda bertitah, hai Apong, jikalau engkau hendak berputera dengan kita telanlah olehmu dan kandunglah rahsiaku supaya adalah benih Raja Iskandar Zulkarnain di dalam Tanah Melayu ini, jangan putus nasabku .... Dengan takdir Allah S.W.T. pada hambanya, dengan seketika Cik Apong pun hamillah".[24]

Menurut Raja Ali Haji dalam *Tuhfat al-Nafis* bahawa ada tiga pendapat berhubung dengan masalah keturunan Raja Kecil. Daripada ketiga-tiga pendapat itu, beliau kelihatan lebih menekankan kebenaran sejarah pendapat daripada 'sejarah pihak Terengganu' yang mengatakan bahawa Raja

---

[23]Antara contoh yang paling menarik dapat dilihat dalam *Hikayat Aceh*. Unsur-unsur *prowess* dan *post-eventum* yang muncul sebelum hidupnya Raja Iskandar Muda merupakan suatu ciptaan kreatif oleh pengarangnya, dijadikan suatu latar belakang tentang keagungan Iskandar. Naratif seperti ini juga diwujudkan semasa hidupnya pengarang teks. Raja Ali Haji umpamanya, memberikan perlukisan semasa dengan memasukkan beberapa unsur mitos tentang asal usul sesuatu tentang unsur alam. Rujuk T. Iskandar, (ed), *De Hikajat Atjeh*, *VKI*, 's-Gravenhage-Martinus Nijhoff, 1958, hlm 66–91; Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, Malaysian Publication, Singapura, 1965, (passim); Hans Overbeck, "Silsilah Melayu dan Bugis dan Sekelian Raja-rajanya", 4:3, 1957, hlm 339–381. Untuk mendapatkan suatu pandangan ilmiah 'sementara' yang lengkap di sini digunakan teks Arena Wati (ed), *Silsilah Melayu dan Bugis*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur; 1973.

[24]*Hikayat Siak*, hlm 408.

Kecil adalah anak gundik Sultan Mahmud, Cik Pong, yang telah berdamping rapat dengan baginda.[25] Walaupun unsur mitos ini merupakan warisan tinggalan daripada komponen "... realm of folk-lore" Melayu yang diwarisi secara lisan dan amat konvensional sifatnya oleh penulis sastera Melayu daripada genre sejarah, namun unsur ini telah digunakan dengan sebaik-baiknya untuk tujuan politik. Unsur tersebut bertujuan untuk memperoleh dan memenuhi keperluan karismatik untuk meninggikan taraf peribadi dan mendaulatkan Raja Kecil, justeru untuk diterima sebagai raja yang sah daripada kaca mata masyarakat tempatan. Jelaslah bahawa proses fungsional bergerak di belakang penulisan *Hikayat Siak*.

Dari sudut penelitian teks, kaedah ilmiah yang paling diterima untuk menetapkan *Hikayat Siak* sebagai sebuah hasil sejarah Melayu ialah kaedah kaji banding. Banyak catatan tentang peristiwa yang penting dari segi sejarah dalam *Hikayat Siak* yang memerlukan penggunaan kaedah ini. Sumber-sumber tempatan, terutama yang masih tergolong dalam keluarga hikayat tetapi bercorak sejarah dalam bahasa Melayu, kesan-kesan tinggalan (batu nisan), tentang Johor dan Siak sezaman, dan sumber-sumber dari Barat sebenarnya merupakan sumber bandingan yang tidak boleh ditinggalkan.

Tentang salasilah Raja Kecil yang hingga sekarang ini pun masih lagi kabur, Raja Ali Haji berpendapat, bahawa "Maka Raja Kecil ini, asal kejadiannya itu banyaklah khilaf, bersalah-salahan setengah salasilah dan siarah".[26] Mengikut *Hikayat Siak* pula, salasilah raja-raja Johor dari keturunan Melaka sebelum keluarga Bendahara (Abdul Jalil) menjadi raja ialah sebanyak tiga keturunan. Hikayat ini menjelaskan bahawa;

> "Sebermula beberapa lamanya Sultan Alauddin Riayat Syah di atas takhta kerajaan maka baginda pun mangkatlah. Maka Raja Abdullah menjadi raja bergelar Sultan Hammat Syah. Tidak berapa lamanya, Sultan Hammat pun mangkatlah. Tengku Besar Muda mengganti akan kerajaan bergelar Sultan Abdul Jalil Syah".[27]

Susunan salasilah ini sangat jelas bertentangan dengan *Hikayat Johor* yang menjelaskan bahawa sejak pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah III (1597–1613) hingga ke pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1685–1699) terdapat sekurang-kurangnya tiga orang lagi pemerintah Melayu-Johor daripada keturunan kerabat Melaka tadi di antara kedua-duanya, iaitu Sultan

---

[25]Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm 13–14.
[26]*Ibid.*
[27]*Hikayat Siak*, hlm 402.

Abdullah Maayat Syah (1613/15 – 1623), Sultan Abdul Jalil Syah III (1623–1677) dan Sultan Ibrahim Syah (1677 – 1685).[28]

Ada dua kemungkinan yang agak pasti tentang masalah ini. Pertama, dalam *Hikayat Siak*, Sultan Abdul Jalil Syah yang disebut sebenarnya adalah orang yang sama dengan Sultan Mahmud Syah. Oleh itu, susunan salasilah dan nama raja-raja dalam *Hikayat Siak* telah menimbulkan kekeliruan, mungkin akibat kesalahan penyalin. Kedua, yang merupakan suatu kesilapan yang sengaja dilakukan.[29] Ini disebabkan orang Minangkabau menganggap bahawa Sultan Ibrahim dan Sultan Mahmud Syah kurang berdaulat dan ketinggian karismanya sebagai seorang raja tidak dikagumi. Hal ini berlaku kerana latar belakang sejarah Johor sendiri. Johor mengalami kekalahan yang amat teruk akibat serangan Jambi pada tahun 1670. Kekuasaan politiknya merosot. Sewajarnyalah kemerosotan itu menyebabkan orang Minangkabau dan penulis *Hikayat Siak* menganggap Sultan Ibrahim dan Sultan Mahmud tidak penting, bahkan semacam menafikan kewujudan mereka.

Hikayat Siak juga menerangkan tentang kemangkatan Sultan Mahmud atau Sultan Abdul Jalil ketika dijulang adalah kerana kemarahan Megat Seri Rama akibat pembunuhan isterinya setelah memakan seulas nangka kepunyaan raja. Mitos sejarah yang amat masyhur itu dicatat juga oleh Raja Ali dalam *Tuhfat al-Nafis*.[30] Tetapi menurut keterangan sumber luar sezaman, Alexander Hamilton, seorang pelaut dari Barat yang telah mendengar tragedi pembunuhan Sultan Mahmud itu, mengatakan bahawa pembunuh Sultan Mahmud ialah Orang Kaya apabila;

> "... he passed a lance through his (Sultan Mahmud's) heart, ... thus made and end to the beast".[31]

---

[28]Lihat "Hikayat Negeri Johor", dalam *JMBRAS*, 10:1, 1932; R.O. Winstedt, "A History of Johore (1365–1895)", dalam *JMBRAS*, 10:3, 1932, hlm. 165; Haji Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, hlm 65–81; E.U. Kratz (ed), *op. cit.*, bahagian "Pengenalan".

[29]Kesengajaan ini terjadi bukan sahaja dalam penyalinan semula patah atau patah-patah perkataan, kisah atau kisah-kisah dalam sesuatu para, bahkan kependekan atau pengolahan semula sesuatu anekdot atau episod bersejarah. T. Iskandar menamakan hal ini sebagai "International Alteration". Rujuk T. Iskandar, "Some Aspects Concerning the Work of Copyists of Malay Historical Writings", dalam *Peninjau Sejarah*, 3:2, 1968, hlm 1–10.

[30]*Hikayat Siak*, hlm 408–9; Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm 10. Raja Ali mencatat, "Sebermula adalah mangkat Sultan Mahmud itu; iaitu sebab terbunuh oleh seorang hulubalang yang bernama Megat Seri Rama, Sultan Mahmud itu membunuh isteri Megat Seri Rama itu, sebab makan seulas nangka pada ketika raja itu lagi tengah beradu. Adalah terbunuhnya di Kota Tinggi di Makam Tauhid namanya di dalam Johor".

[31]Alexander Hamilton, *A New Account of the East Indies*, Jilid ke-2, The Argonut Press, London, 1930, hlm 52.

Tragedi ini berlaku kerana baginda telah menitahkan penjaga istananya mematahkan tangan anaknya sendiri yang telah disuruh oleh ibunya tidur bersama-sama baginda.

Walaupun terdapat perbezaan episod yang menjadi sebab kemangkatan raja keturunan Melaka itu, namun motif dan matlamat perawi *Tuhfat al-Nafis* dan *Hikayat Siak* serta pencatat *A New Account* ... itu adalah serupa. Kedua-dua hikayat peribumi tersebut mungkin mendapat sumbernya daripada tradisi lisan yang sama, ia berlaku lebih daripada satu abad yang lampau, dan Hamilton pun mendapat kisahnya secara lisan juga. Ketiga-tiganya juga memaparkan ciri episod yang amat ringan, semata-mata untuk menunjukkan kezaliman Sultan Mahmud. *Hikayat Siak* dan *Tuhfat al-Nafis* menerangkan hal ini dengan nada yang amat halus lagi lembut tetapi penuh simbolik. Hamilton pula menyelar Sultan Mahmud secara berterus terang dengan menggunakan istilah seperti *beast* (haiwan) dan *tyrant* (orang yang zalim).

Dari sudut sejarah, keterangan *Hikayat Siak* tentang keturunan Raja Kecil yang dikatakan berasal daripada keturunan Sultan Mahmud II atau Sultan Abdul Jalil itu telah menarik perhatian beberapa orang pengkaji. Menurut pendapat Winstedt, dakwaan ini tidak munasabah, "That he was more than a swashbuckling pretender seems impossible". Ini disebabkan kedudukan baginda yang mewujudkan, "... suspicious connections with the Laksamana family"; juga tentang "... chronologically difficulty. If he was the son of Sultan Mahmud, he was born in 1699 or 1700 and conquered, Johore at the age of 17". Menurut Winstedt, laporan Belanda sezaman, "... on 15 February 1745, speaks of Raja Kecil as 'now in extreme old age suffering from madness'."[32]

Seorang penulis lain, Dianne Lewis, mengatakan bahawa, "This prince was most probably of Minangkabau origin, though a rumour was circulated that he was the posthmous son of the murdered Sultan Mahmud." Sementara itu dalam suatu nota kaki rencananya, Lewis mengutarakan lagi, "Contemporary Dutch records refer to the rumour that he was the son of the murdered King of Johore, but give no indication that they believed this story".[33] Penggunaan istilah *rumour* (khabar angin) oleh Lewis sudah cukup untuk memastikan sikapnya terhadap tuntutan sahihnya keturunan Raja Kecil dalam *Hikayat Siak* itu, walhal beliau bersetuju dengan catatan Belanda

---

[32]R.O. Winstedt, "A History of Johore", *op. cit.*, hlm 55.

[33]Dianne Lewis, "The Dutch East India Company and the Straits of Malacca, 1700–1784" (tesis untuk Ph.D, A.N.U. 1970), didapati dalam bentuk salinan ofset, di Perpustakaan Universiti Malaya, hlm 133.

yang tidak memberikan sebarang petanda untuk mempercayai dakwaan tersebut.

Sementara itu, seorang penulis semasa yang lain, L.Y. Andaya, yang berpegang kuat pada laporan Belanda telah menyarankan bahawa keterangan yang terdapat dalam *Hikayat Siak* itu adalah 'helah' politik sahaja. Benarnya saranan ini memang dapat dipastikan kerana selepas Raja Kecil dikalahkan oleh orang Bugis, baginda tidak pernah menyebut atau membangkit-bangkitkan lagi soal keturunannya.[34]

Tentang perkara ini kita patut kembali semula kepada punca dan permasalahan penulisan *Hikayat Siak*. Sebagai sebuah dokumen yang berfungsi, menggunakan Sultan Mahmud II sebagai sumber bagi nasab keturunan Raja Kecil adalah suatu faktor yang paling sesuai untuk meraih unsur karisma bagi putera raja dari Minangkabau ini. Inilah sebenarnya suatu helah politik yang paling unggul untuk menanamkan kepercayaan dan memperolehi 'daulat duniawi', dengan cara menghubungkan wibawa dan tokoh peribadi Raja Kecil dengan salasilah raja-raja Melaka yang diakhirkan dengan Sultan Mahmud II tadi. Oleh itu, isu ini pun diterapkan secara tertulis dalam *Hikayat Siak*. Ini disebabkan Orang Laut yang masih menjadi tulang belakang kekuatan tentera kerajaan Johor hanya mempercayai dan mendaulati tokoh raja yang bernasabkan raja-raja Melaka sahaja.[35] Dengan berbuat demikian, Raja Kecil pasti akan mendapat sokongan politik daripada kalangan Orang Laut. Oleh itu, *Hikayat Siak* telah digunakan secara dokumentasi untuk tujuan politik orang Minangkabau dengan sebaik-baiknya.

Dalam konteks ini, teks *Tuhfat al-Nafis* tidak mungkin dijadikan pegangan kerana Raja Ali sendiri menggunakan sumber mitos sejarah ini daripada 'sejarah sebelah Siak' (lisan atau tertulis), yang berkemungkinan penyusun *Hikayat Siak* memperoleh dan menggunakan sumber yang sama. Oleh sebab Raja Ali juga tidak dapat membuat kepastian (asal kejadiannya itu mengandungi banyak kesalahan salasilah dan siarah), tentang sumber asal usul Raja Kecil, maka dalam hal ini adalah kurang wajar menganggap *Tuhfat al-Nafis* dan *Hikayat Siak* sebagai sumber dan fakta sejarah yang sahih.

Satu lagi peristiwa sejarah yang penting dan perlu diteliti ialah tentang peperangan antara orang Minangkabau dengan orang Bugis di Kedah. Peperangan meletus kerana gara-gara dua orang putera raja Kedah merebut takhta kerajaan pada awal abad ke-18. Putera yang tua meminta bantuan

---

[34]L.Y. Andaya, *The Kingdom of Johore*, hlm 65–72.

[35]*Ibid.* (passim); untuk mendapat keterangan lanjut sila rujuk O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Singapore, 1969, hlm 154–170.

Bugis. Sementara putera yang muda pula mencari bantuan tentera daripada orang Minangkabau.[36] Mengikut keterangan dalam *Hikayat Siak*, orang Minangkabau telah berjaya untuk menewaskan orang Bugis. Daeng Parani telah ditembak mati oleh Raja Kecil dalam suatu episod pertarungan. Tetapi mengikut Raja Ali Haji dalam *Tuhfat al-Nafis*, Daeng Parani tertembak sahaja, "Maka dengan takdir Allah Ta'ala serta sudah sampai janjinya, maka Upu Daeng Parani pun kenalah peluru meriam tentang dadanya. Maka ia pun mangkatlah di atas beranda ghurabnya dengan nama laki-laki ..."[37] Sementara itu teks *Salasilah Melayu dan Bugis* menuduh Raja Kecil telah melakukan 'pukul-curi' dengan menembak perahu Daeng Parani secara bersembunyi dari arah serambi rumahnya.[38] Akhirnya kedua-dua teks karya Raja Ali Haji ini menekankan bahawa pihak Bugis telah menang.

Oleh yang demikian, tentulah ketiga-tiga sumber peribumi ini menunjukkan kecondongan (bias) masing-masing. *Hikayat Siak* cuba memegahkan kecemerlangan pihak Minangkabau sementara *Tuhfat al-Nafis* dan *Salasilah Melayu dan Bugis* pula berikhtiar menegakkan kebenaran pihak Bugis; dan sekaligus juga berikhtiar membina keagungan tokoh-tokoh suku Melayu ini.

Pada kita, soal bagaimana Daeng Parani ditimpa takdir itu tidaklah penting. Perkara yang perlu diteliti di sini ialah bagaimana episod bersejarah itu disampaikan dengan menggunakan *centricity* dan sudut pandangan pengarang atau penyusun ketiga-tiga teks tersebut berdasarkan matlamat penciptaannya untuk mewakili pihak masing-masing. Walau bagaimana caranya sekalipun, Daeng Parani tetap mati dalam peperangan. Siapakah yang menang? Pihak Bugis ataupun Minangkabau?

Oleh sebab terdapat unsur 'condong' tadi, maka kita patut merujuk pula pada sumber asing sezaman, khususnya sumber Belanda. Sumber Barat ini melaporkan bahawa tidak ada sebarang kemenangan di kalangan pihak-pihak yang terlibat. Kesemua pihak telah menanggung kerugian dan kecederaan. Walau bagaimanapun Raja Kecil dilaporkan telah mengerahkan

---

[36]Lihat penerangan R. Booney dalam bukunya *Kedah, 1771–1821: The Search for Security and Independence*, Oxford University Press, 1971, hlm 12–19; Dianne Lewis, "Kedah – The Development of a Malay State in the 18th and 19th Centuries", dalam *Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia*, hlm 36–43. Untuk mendapatkan keterangan lanjut tentang hal ini daripada sumber primer asing, lihat warkah rasmi F. Light kepada W. Hastings, 17/1/1772 (BM. Add. 29133, f.10); warkah Monkhton kepada Fort St. George Lewis, "The Growth of the Country Trade to the Straits of Malacca, 1760-1777", dalam *JMBRAS*, 43:2, 1970, hlm 120; *Naskhah Tarikh Peringatan Raja-raja Kedah* (salinan mikrofilem di Perpustakaan Universiti Malaya).

[37]Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm 67–68.

[38]Arena Wati, (ed), *op. cit.*, hlm 122–23.

pengikutnya supaya mengundurkan diri dengan menggunakan jalan darat dan laut untuk kembali ke Siak. Raja Siak mungkin merasa amat puas hati dengan kematian Daeng Parani yang menjadi musuhnya sejak dari zaman Johor dulu. Dalam hal ini, Dianne Lewis mengambil jalan tengah, katanya, "This chronicle, the Salasilah Bugis is decidedly biased and claims for the Bugis a more triumphant record than the Dutch sources indicate".[39]

Suatu hal lain yang juga penting dalam persejarahan Melayu tentang kajian *Hikayat Siak* ialah tentang peranan Pagar Ruyung di alam Minangkabau dan tindakan politik Raja Kecil di alam Melayu ini. *Hikayat Siak* menerangkan bahawa Raja Kecil yang dikenali sebagai Tuan Bujang telah dibawa ke Pagar Ruyung sejak umurnya tujuh tahun. Puteri Jenilan telah membela dan membesarkannya sehingga beliau dewasa. Kemudian 'anak raja' ini mengembara pula ke Batang Hari, Palembang, Rawas dan Jambi.

Catatan ini kelihatan ditetapkan dan disokong pula oleh *Syair Perang Siak*, sebuah lagi naskhah Melayu lama bercorak sejarah yang mengisahkan darihal raja-raja Siak pada abad ke-18.[40] Dalam beberapa rangkap syairnya, naskhah ini menerangkan bahawa Raja Kecil memang sengaja dihantar ke Palembang untuk menemui Adipatinya;

> ... sudah berfikir adik dan abang
> baginda dihantar ke tanah Palembang
> . kepada Adipati raja terbilang
> baharulah hilang hati yang bimbang.
>
> Adipati Palembang raja yang b (p) okta
> baginda disuruh menjawat senjata
> tidak diketahui asal mahkota
> menjadilah ia beroleh leta.[41]

Dari Palembang, Tuan Bujang telah pergi semula ke Pagar Ruyung untuk bertemu lagi dengan Puteri Jenilan. Sementara itu *Syair Perang Siak* pula menegaskan bahawa pemergian Tuan Bujang ke Pagar Ruyung adalah sengaja dihantar oleh Adipati Palembang seperti dalam rangkap berikut;

---

[39]Dianne Lewis, *The Dutch East India Company*, hlm 133.

[40]Naskhah salinan syair ini saya dapati di Kampar, Koleksi 130 F milik Tengkoe Nazir, disalin daripada sebuah naskhah yang lain pada tahun 1337 Hijrah (1918). Naskhah syair ini mengandungi 699 rangkap yang dimulakan dengan mukadimah sejarah ringkas Johor pada abad ke-19 dan diakhiri dengan khatimah tentang kekalahan perang orang Siak di tangan Belanda. Naskhah asal syair ini tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden dalam *Von Ronkel Supplement Catalogue Leiden MSS.* Nos 195 dan 196; c.f. MS. no CDLXX dalam *Von Ronkel Catalogue Batavia Gen. MSS*, tetapi di sini diberikan judul Syair Raja-raja Siak.

[41]*Syair Perang Siak*, rangkap 14–15, hlm 2.

... asal baginda mahkota limbong
intan gemala patut dijunjung
Adipati berfikir di dalamnya hati,
"Mengapakah mula demikian pekerti,
sungguhnya dia raja yang sakti,
maka demikian lakunya pasti?"
Ia berfikir hati peribau,
"Baiklah dihantar ke Minangkabau",
lalu dihantar ke Minangkabau,
baginda tu asal di Gunung Hijau.[42]

Berikutnya *Hikayat Siak* pula menerangkan;

> Baginda pun bertanya tuan Bujang, "Akan sekarang apakah kehendak engkau?" ... maka kata Puteri Jenilan, "Kutahu kehendak engkau. Baiklah engkau turun ke laut ke Siak, ambil olehmu negeri Johor, tuntut kematian ayahandamu." Maka tiada berapa lamanya Tuan Bujang pun dinobatkan Yam Tuan Sakti .... "Aku ini hendak menguji pesaka Minangkabau, betulkah anak saudara punya pesaka itu" ... setelah sudah maka Tuan Bujang bersandarlah tiang teras kayu jelatang, dan mahkota kerajaan pun diletakkan oleh Yang Dipertuan Sakti di kepalanya. Maka Tuan Puteri Jenilan pun berdiri sambil beryang-yang, "Jikalau engkau asal putera saudaraku di Johor salasilah daripada Sultan Iskandar Zulkarnain, nasab Nusruan Adil, Pancar Nabi Allah Sulaiman Alaihassalam, tiadalah dapat satu apa-apa dan pesaka Minangkabau Si Buyonglah yang lebih ...." Dan adalah muka Tuan Bujang seperti bunga raya kembang pagi tiada dapat dipandang, bercahaya .... Segala pegawai menteri semuanya sujud menyembah mengatakan, "Daulat Tuanku Yang Maha Mulia ... kekallah dalam Tanah Melayu menjadi raja besar". Dan lalu diberi nama gelaran Yang Dipertuan Raja Kecil .... Puteri Raja Jenilan dan Yang Dipertuan Sakti membawa pedang kerajaan .... Puteri Jenilan memberi cap dan tersebut di dalamnya, "Anak kita Yang Dipertuan Raja Kecil turun ke laut dan hendaklah segala anak Melayu yang di laut taat setia ... pulangkan malunya anak kita yang menanggung malu anak Minangkabau. Dan jika anak Minangkabau tiada mahu menyertai ia baik dan jahat Yang Dipertuan Kecil, kena sumpah kena bisa kawi ...".[43]

Tentang peristiwa yang sama dengan tujuan untuk menguji sama ada Raja Kecil berdaulat atau tidak, *Syair Perang Siak* yang tentunya condong ke Siak melukiskan;

---

[42]*Ibid.*, rangkap 16–18.
[43]*Hikayat Siak*, hlm 422–424.

... setelah sampai dia ke situ
lalu dipeliharakan baginda ratu (Jenilan)
jikalau sudah teruji ke batu
laksana emas sepuluh mutu.

Tidak berapa lamanya selang
lalu digelar raja terbilang
dikenakan mahkota yang cemerlang
disandarkan pula di tiang jelatang.

Hendak dicuba raja terjumlah
jikalau bukan pastilah tulah
dengan puteranya disamakanlah
putera baginda kepalanya gelagah.

Di sanalah konon baginda dilantik
laku dan kholok terlalu cantik
paras laksana kuntum dipetik
lalu digelar Yang Dipertuan Cantik.[44]

Setelah selesai upacara pertabalan itu Raja Kecil dan pengikut-pengikutnya berpindah ke Siak, kemudian ke Bengkalis dan lantas ke Johor. Pada pihak lain, Raja Ali Haji yang tentunya pula pro-Bugis, melihat peristiwa ini antara percaya dengan tidak, dengan berulang-ulang kali menggunakan istilah 'konon' dalam *Tuhfat al-Nafis*.[45] Dan dalam teks *Salasilah Melayu dan Bugis*, beliau dengan tidak teragak-agak menegaskan bahawa, "... Raja Kecil itu bukannya asal raja betul, kerana Cik Pong itu (tatkala) dipakai oleh marhum sudah (pun) bunting ...".[46]

Walau bagaimanapun, perkara yang penting dilihat dalam *Hikayat Siak* dengan sokongan teks *Syair Perang Siak* (yang muncul daripada kumpulan versi naratif yang sama dengan *Hikayat Siak* tadi ialah bagaimana sebenarnya Pagar Ruyung boleh menjadi pusat memberi dan menentukan kedaulatan serta penganugerahan kuasa dan wibawa bagi raja-raja yang terletak di bawah 'Alam Minangkabau'. Dari Pagar Ruyunglah Raja Kecil direstui karismanya, mendapat kuasa dan inspirasi untuk mengembangkan pengaruh politik Minangkabau di alam Melayu, pada saat-saat terjadinya kemerosotan kuasa-kuasa Melayu di rantau ini dan di Selat Melaka khususnya. Dari segi kepercayaan dan tradisi, Puteri Jenilan tentu tidak teragak-agak untuk mengiktiraf Raja Kecil dengan berbagai-bagai dakwaan mitosnya

[44] *Syair Perang Siak*, rangkap 19–23, hlm 2.
[45] Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm 13–14.
[46] Arena Wati (ed), *op. cit.*, hlm 43.

kerana telah terbukti bahawa dia tidak ditimpa 'tulah' dalam upacara ritualistik di tiang jelatang tadi.

Daripada beberapa bukti dan perkara yang telah dihuraikan, dapatlah kita tentukan ciri-ciri fizikal khusus tentang hikayat dari Minangkabau ini. Cara penghuraian dan pemaparan episod tentu sekali diterapkan dari sudut pandangan orang Minangkabau. Oleh yang demikian, hadirnya unsur tokok tambah oleh penyalin-penyalin, justeru untuk mengagung-agungkan Raja Kecil yang menjadi protagonis teks ini dan keturunan raja-raja Siak memang telah dijangkakan. Selain sumber lisan, teks inilah yang telah digunakan oleh Raja Ali Haji sebagai bahan rujukan tertulisnya yang penting untuk mendapatkan pengetahuan dan maklumat sejarah tentang Raja Kecil dan pengikút Minangkabaunya. Daripada teks tersebut beliau menyatakan bahawa;

> "Syahadan akan tetapi aku terjumpa dengan siarah sebelah Siak, akan tetapi sejarah dan siarah Siak itu dari awal hingga akhirnya tiada bertahun dan tiada bertarikh, apalagi bulan dan harinya. Tiada sekali-kali aku bertemu, dan suratannya pun terlalu kopi dan karangannya pun banyak kurang sedap dibaca, sebab banyak berpindah-pindah agaknya daripada tangan seorang ke tangan seorang serta yang menyurat pun kurang selidik pada mengesahkan, demikian sangkaku".[47]

Pada dasarnya, kenyataan ini hanyalah sangkaan. Sebenarnya Raja Ali Haji telah dapat menggunakan banyak bahan dan naratif daripada *Hikayat Siak*. Kekurangan karangan dan penyelidikan tidak menyekat beliau daripada mendapatkan sumber-sumber sejarah seperti itu.

Pada keseluruhannya, walaupun *Hikayat Siak* tidak mempunyai sebarang tarikh, tetapi peristiwa-peristiwa bersejarah telah disusun dengan teratur mengikut aturan yang tertentu. Susunan tertib tarikh berdasarkan aturan tersebut hanya dapat dibina setelah proses kaji banding dengan sumber-sumber lain dilakukan. Selain beberapa buah karya sejarah tempatan yang wujud, *Hikayat Johor* juga merupakan antara salah sebuah sumber bandingan yang menarik.

Untuk tujuan ini, sumber-sumber dari Barat tentang Siak-Johor mungkin dapat dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, sumber yang berbentuk penteraan daripada *eye-witness* merupakan laporan pengembara semasa. Antara hasil karya yang paling hampir dalam kategori ini ialah *The Journey* yang dihasilkan oleh Captain J. Tavares, pengembara Portugis.

Menurut pendapat T.D. Hughes dalam rencananya *A Portuguese*

---

[47]Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm 104.

Account of Johore, catatan Tavares ini penting kerana;

> "... it throws light at a momentous time when the fate of the Sultanate (of Johore) was in the balance. It supports the tradition that the Raja Kecil who usurped the Johore throne in 1717, was a son of the Sultan Mahmud and a very young man at this time of his conquest".[48]

Laporan Tavares ini amat ringkas tetapi menarik dalam erti kata ia menyanggah dengan sendirinya andaian Winstedt yang merujuk pada sumber Belanda bahawa pada awal abad ke-18, usia Raja Kecil telah pun lanjut. Sumber kategori yang lain ialah *A New Account of the East Indies*, oleh Alexander Hamilton, pedagang Inggeris. Catatan Hamilton yang telah diterbitkan sebanyak dua jilid itu menarik kerana terdapat catatan ringkas dan ulasan beliau tentang sifat-sifat fizikal dan peribadi Sultan Mahmud Syah, Raja Muda dan Raja Abdul Jalil. Walau bagaimanapun pengkaji yang lain, iaitu Dianne Lewis, telah mengulas catatan Hamilton tadi dengan mengatakan bahawa, "Alexander Hamilton is, however, frequently unreliable in reporting such details", dan beliau mengatakan bahawa keterangan dalam laporan Hamilton itu sebagai, "... rather muddles".[49] Bagaimana dan kenapa kesimpulan yang dibuat oleh Lewis tentang catatan Hamilton itu masih belum diketahui.

Tergolong juga ke dalam kategori yang pertama ini ialah laporan-laporan rasmi Syarikat Hindia Timur Belanda (V.O.C.) tentang Johor sepanjang abad ke-17 dan abad ke-18. Laporan-laporan rasmi ini adalah sumber awalan. Kajian-kajian masa kini tentang sejarah Johor-Siak banyak bergantung pada laporan ini. Walau bagaimanapun, sumber ini ada masalahnya. Pandangan laporan ini (meminjam istilah Profesor Skinner) amat 'Batavian/Dutch centric'[50] dan tentulah bertentangan pula dengan *Hikayat Siak* yang 'Minangkabau-centric' ini.

Sumber daripada kategori yang kedua merupakan penulisan yang bercorak sekunder tetapi berasaskan sumber daripada kategori yang pertama tadi. Penulisannya boleh dikatakan ilmiah. Seawal-awal abad ini kita ditemukan dengan dua buah karya yang penting, iaitu *The History of Johore* (1365–1800) oleh R.O. Winstedt[51] dan *The Dutch East India Company and the Straits of Malacca* oleh Dianne Lewis. Hasil-hasil kajian mutakhir yang

---

[48]J. Tavares yang terdapat pada Lampiran T.D. Hughes, "The Journey ..." dalam T.D. Hughes, "A Portuguese Account of Johore", *JMBRAS*, 13:2, 1935, hlm 112.

[49]Dianne Lewis, *The Dutch East India Company* hlm 151 dan 181.

[50]C. Skinner, (ed), *op. cit.*, hlm 18–19.

[51]R.O. Winstedt, "A History of Johore", *op. cit.*

lain yang juga penting ialah seperti *The Kingdom of Johore* oleh Leonard Y. Andaya,[52] *Sejarah Johor* oleh Haji Buyong Adil dan *Tawarikh Johor* oleh Shahrom Hussain. Pendekatan kedua-dua penulis peribumi yang terakhir ini lebih merupakan 'beriwayat'. Pendekatan Winstedt dan Lewis pula berlainan. Winstedt lebih banyak meninjau dari segi politik di samping menggunakan sumber-sumber tempatan peribumi. Lewis pula lebih tertumpu pada sejarah ekonomi dan banyak bergantung pada sumber Belanda dan sumber Inggeris tentang Johor yang telah diterbitkan.

Walau bagaimanapun, *Hikayat Siak* yang termasuk ke dalam kategori sumber peribumi dan sumber-sumber asing yang bukan Melayu ini mempunyai keistimewaan dan kelemahannya. Namun, dari segi persejarahan dan kaedah pengkajian *Hikayat Siak*, sumber-sumber peribumi dapat membekalkan suatu rangka kerja yang unggul dan sahih sementara itu sumber-sumber asing pula dapat mengisi keperluan yang terperinci tentang sejarah Siak-Johor secara keseluruhannya, dengan mencari kelemahan-kelemahan yang tipikal dalam *Hikayat Siak* sebagai hasil persejarahan Melayu sebelum tahun 1900.

Pengkajian teks *Hikayat Siak* perlu dilihat daripada pendekatan dan pemahaman bahawa ia adalah sebuah penghasilan kreatif. Tujuannya bukan sahaja untuk mengungkapkan peristiwa-peristiwa sejarah yang terjadi semata-mata malah juga untuk tujuan dan fungsi literaire. Tetapi dari segi persejarahan, *Hikayat Siak* memang penting ditinjau dengan ukuran pertalian sejarah dalam rangka dan konteks kebudayaan Melayu-Indonesia dan Weltanschaung orang Melayu-Siak yang lebih luas. Menurut pendapat sejarawan R.G. Collingwood[53] bahawa ukuran sejarah atau apa yang disebutkan *norms of the study of history* akan memberi makna suatu kajian yang disebut *a systematic examination of authorities in order to determine their relative credibility*. *Hikayat Siak* tentunya dapat dijadikan sumber utama peribumi walaupun di dalamnya terkandung unsur-unsur sejarah yang bertentangan dengan konteks dan konsep ilmu sejarah masa kini.

Namun demikian, unsur-unsur ini tidak boleh diketepikan begitu sahaja kerana Collingwood sendiri pernah menegaskan bahawa, "It might be a way, perhaps a well established way, according to the custom of the time when it was written, of saying something which you, through ignorance of

---

[52]Selain rencana, "The Structure of Power in Seventeenth Century Johore", juga lihat rencana seperti oleh J.R. Logan, "The Ethnology of the Johore Archipelago", dalam *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, 1847 dan rencana oleh Virginia Matheson, "Concepts of State in the Tuhfat al-Nafis (The Precious Gift)", dalam *Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, No 6, 1975. 12–21, dan lain-lain.

[53]R.G. Collingwood, *The Idea of History*, London, 1961, hlm 259.

that custom did not recognise as its meaning".[54] Collingwood menambah lagi, "The important question about any statement contained in a source is not whether it is true or false, but what it means ... and coming to your own conclusion".

KESIMPULAN

Hikayat Siak sebenarnya adalah hasil kreatif sastera sejarah. Daya penciptaannya lebih tertumpu kepada semangat zaman, etos dan sudut pandangan Melayu Malaysia-Nusantara zaman tradisional tentang pergelutan politik satu keluarga kerabat diraja Melayu-Siak. Hikayat ini didahului dengan suatu naratif latar belakang sejarah alam Melayu yang amat panjang, menjangkau daripada awal abad ke-15 semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka sehinggalah pada abad ke-19. Naratif sejarah Kesultanan Melayu Melaka ini pula didahului dengan suatu naratif-mitos yang relatif dengan tradisi dan sejarah kesultanan itu sendiri, iaitu tradisi purba Palembang. Ini dapat dilihat apabila hikayat ini menyebut berbagai-bagai nama tempat seperti Bukit Siguntang Mahamiru, Muara Batang Hari, Andalas, Kuala Sayung, Tanjung Bemban (di Sumatera Timur) serta puluhan nama tokoh legenda seperti Sang Sapurba Taram Seri Tri Buana, Demang Lebar Daun, Wan Empuk dan Wan Malini, Wan Sendari dan Krishna Pendeta.

Sebagai karya yang bercorak *referential*, *Hikayat Siak* tidak menunjukkan sebarang pemisahan konsep sosiopolitik antara Melayu-Malaysia dengan Melayu-Sumatera. Malah apa yang dimaksudkan 'Melayu' di dalamnya dari segi siratan adalah Melayu sebagai suatu etnik yang mendiami seluruh kawasan geopolitik Malaysia dan Nusantara atau Indonesia pada hari ini. Ia hanya dipisahkan oleh suatu lautan panjang tetapi sempit keadaannya yang dikenali sebagai Selat Melaka.

Hikayat Siak jelas memperlihatkan bahawa tradisi politik dan sosial Melayu-Melaka, Melayu-Johor dan Melayu-Siak amat intim. Keintiman yang dipancar dan disuratkan bukanlah tanpa bukti sejarah. Hanya jika kita amat dogmatik terhadap sumber, maka kebenaran daripada bukti sejarah itu sahajalah yang sering dipertikaikan.

Tokoh utama dan yang menjadi protagonis penting pada bahagian awal *Hikayat Siak* ialah Raja Kecil ibnu Sultan Mahmud Syah II. *Hikayat Siak* sebenarnya adalah piagam politik dan diciptakan untuk mencari dan memberikan suatu kesahan politik dan mengesahkan Raja Kecil sebagai raja yang berdaulat, dan keturunannya serta para pengikutnya, iaitu orang Melayu-Siak dan orang Melayu-Minangkabau. Sudut pandangan penulisannya yang

---

[54] *Ibid.*

pro-Melayu-Siak tetapi anti-Melayu-Bugis amat bertentangan dengan sudut pandangan penulisan *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Riau*, *Tradisi Silsilah Melayu dan Bugis dan Sekalian Raja-rajanya* yang hampir keseluruhannya adalah pro-Melayu-Bugis, tetapi anti-Melayu-Siak pula. Antara tokoh yang disebut dalam *Hikayat Siak* daripada 'titisan' langsung Raja Kecil termasuklah Raja Bujang, Raja Alam, Raja Ibrahim dan Raja Akil, kesemuanya menjadi tokoh utama dalam persejarahan Malaysia-Indonesia pada sepanjang abad ke-18 dan abad ke-19. Malah tokoh akhir itu yang pro-Belanda dan bergelar Mejar Raja Akil dalam ketumbukan tentera V.O.C. Belanda itulah yang ditonjolkan oleh teks Melayu dari Siak ini, daripada bahagian pertengahannya sehinggalah ke bahagian akhir.

R. Roolvink yang amat tertarik dengan nama ini, dan secara spontan menamakannya sebagai *Hikayat Raja Akil*. Raja Akil inilah kemudiannya dikisahkan oleh *Hikayat Siak* sebagai dilantik menjadi pemerintah Sukadana, di Borneo Selatan, dengan restu Belanda pada awal abad ke-19.

Sebagai karya yang berfungsi, *Hikayat Siak* sebenarnya bertujuan untuk mencipta suatu unsur dalam tradisi kepercayaan Melayu lama tentang kebenaran terhadap tuntutan politik dan pemberian daulat terhadap Raja Kecil. Oleh itu, ia juga semacam dihasilkan untuk menyokong karisma (to prop up the charisme of) Raja Kecil dari segi dakwaan peribadi sebagai tokoh Melayu dari Siak dan Johor, dan pemerintah yang sah di situ.

Justeru itu, *Hikayat Siak* menuntut bahawa Raja Kecil adalah sebenarnya putera Sultan Mahmud Syah II, Johor, dengan memaparkan mitos sejarah dari segi tradisi dan kepercayaan tentang asal usul beliau. Oleh yang demikian, semasa Johor berada dalam suasana rumit dan kekecohan politik akibat kemangkatan Sultan Mahmud II, Raja Kecil didakwa dan dituntut sebagai satu-satunya waris yang paling sah daripada keturunan Kesultanan Melayu Melaka untuk menuntut dan menaiki takhta kerajaan Melayu-Johor untuk meneruskan tradisi kesultanan Melayu di sekitar Selat Melaka. Secara kronologi sejarah, *Hikayat Siak* menunjukkan perubahan yang dialami oleh masyarakat Melayu dari abad ke-15 sehingga abad ke-19, dari tahap dan abad Kesultanan Melayu Melaka yang secara kebetulan dan bersejarah pula[55] adalah warisan daripada tradisi Palembang atau Jambi sehinggalah ke tradisi persejarahan Borneo.

Hikayat Siak menggambarkan suatu pertalian dan ikatan etnik yang amat kukuh antara orang Melayu-Palembang atau Jambi, Melayu-Melaka, Melayu-Johor-Riau, Melayu-Siak, Malaysia dan Indonesia. Semuanya digam-

[55]Tome Pires, *The Suma Oriental*, London 1944; O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Kuala Lumpur, 1970.

barkan dalam konteks dan semangat kenusantaraan dalam tradisi persejarahan-kebudayaan praperiode kolonial serantau. Sehingga pada hari ini semangat pertalian dan keintiman etnik yang cuma dipisahkan oleh Selat Melaka itu begitu terasa. Semangat ini tercetus dalam lagu bertajuk *Sedarah Sedenyut Nadi* yang sehingga kini masih popular di kalangan masyarakat Melayu Malaysia;

Ombak yang datang bawa berita,
di ombak pergi dikirim pesan,
bukannya luas Selat Melaka,
cuma sejarak batas pandangan.

Ditanam pinang di tanah rata,
tanam kelapa di Bukit Tinggi,
pucuk di awan melambai mesra,
urat bertemu di perut bumi.

Ilmu dituntut sama seguru,
sebentuk rupa senjata disandang,
satu gurindam senada lagu,
sama serentak tingkahan gendang.

Air dicincang putus tiada,
carik bercarik taup kembali,
cubit di kanan kiri terasa,
bukti sedarah sedenyut nadi.

(Ahmad Jais, *Sedarah Sedenyut Nadi*, 1973)

Sesungguhnya dalam konteks inilah *Hikayat Siak* memainkan peranan menaratif anekdot dan mencernakan hubungan sejarah etnik serantau.

Dalam konteks penciptaan dan komposisi pula, pengarang atau perawi *Hikayat Siak* cuba untuk mencipta suatu corak *unity* dengan menggabungkan antara *Sejarah Melayu* dengan *Hikayat Siak*. Pengarang atau perawi berkenaan menamakan teksnya sebagai *Inilah Cetera Raja Iskandar Zulkarnain*. Pengarang atau perawi tersebut tidak memperlihatkan dengan jelas bahagian atau ciri-ciri naratif yang berunsur Siak itu untuk membolehkan pembaca mengecam dan memisah-misahkan bahagian pertama, iaitu naratif tentang Melaka dan empayarnya, dan bahagian yang kedua, iaitu naratif tentang keluarga kerabat Siak di Johor-Riau-Sumatera. Sekiranya kita tidak membaca *Hikayat Siak* dengan berhati-hati, kita akan mengatakan bahawa hikayat ini adalah daripada naskhah atau versi teks *Sejarah Melayu* atau *Sejarah Raja-raja Melayu* seperti yang diberi judul atau dikatalogkan oleh pengkatalog terawal. Bukanlah demikian hakikatnya. *Sejarah Melayu* (versi panjang) adalah naratif persejarahan Melayu tentang

kerajaan Melaka-Johor. Sementara *Hikayat Siak* pula adalah naratif persejarahan hal-ehwal kerajaan Siak dan pengalaman politik para tokoh kerabat di peringkat atasan *per se*.

Walau bagaimanapun, apabila diteliti semula sejarah hubungan antara kerajaan Melaka-Johor dengan kerajaan Siak dalam ruang lingkup persejarahan empayar Melayu di Selat Melaka pada abad ke-15 hingga pada awal abad ke-18, maka percubaan untuk membina *unity* tadi memang beralasan. Ini disebabkan hubungan politik ini telah dieratkan lagi oleh hubungan kekeluargaan antara istana Melaka-Johor dengan istana Siak, dan apabila pada penghujung abad ke-16 dan pada awal abad ke-17, raja Siak sendiri adalah seorang putera Johor-Melaka. Sekiranya demikianlah dakwaan dalam naratif *Sejarah Melayu* dan dalam membentuk naratif tadi benar serta berada dalam landasan sejarah, maka tidak ada sebab pengarang atau perawi *Hikayat Siak* tidak boleh berbuat demikian.

Hikayat Siak menegakkan dakwaannya dengan berlandaskan latar belakang sejarah hubungan politik dan kekeluargaan Melaka-Siak yang telah benar-benar terjadi. Kekaburan mungkin terdapat tentang nasab keturunan dan salasilah kekeluargaan Melaka-Johor-Siak selepas kemangkatan Sultan Alauddin Riayat Syah III (1615). Kekaburan juga terjadi apabila Raja Kecil muncul secara mendadak dalam arena pertokohan *Hikayat Siak* dan akhirnya berjaya pula untuk menjadi raja Johor-Riau (1718). Oleh itu, didapati bahawa pembahagian naratif *Hikayat Siak* antara periode Melaka-Johor dengan periode Johor-Siak adalah terjadi secara tiba-tiba serta penuh dengan pertanyaan.

Hikayat Siak tidak pernah menyebut tentang hubungan Johor-Siak sepanjang pemerintahan empat orang sultan Johor-Riau selepas kemangkatan Sultan Alauddin Riayat Syah III tadi yang menjangkau periode antara tahun 1615 hingga tahun 1699. Dan dengan mudah pula hikayat ini mendakwa bahawa Raja Kecil adalah putera Sultan Mahmud. Periode antara tahun 1615 hingga tahun 1699 dalam *Hikayat Siak* sebenarnya penuh misteri. Oleh yang demikian, dakwaan itu kelihatannya dibina secara mitos akibat dilindungi oleh misteri tadi. Antara tahap kemangkatan Sultan Mahmud II pada tahun 1699 dengan tahun 1718, iaitu tahun Raja Kecil menaiki takhta kerajaan Johor, menunjukkan bahawa Raja Kecil ketika itu baru berusia lebih kurang 19 tahun. Laporan Belanda telah menyebutkan bahawa ketika Raja Kecil menaiki takhta kerajaan Johor, usianya telah pun lanjut.

Apabila Raja Ali Haji merawikan teks *Tuhfat al-Nafis* beliau telah merujuk pada *Hikayat Siak* dan mungkin dapat mengintip dan menghidu bau 'kepalsuan' yang terterap dalam hikayat ini, iaitu tentang asal usul Raja Kecil dalam hubungannya dengan Sultan Mahmud II. Oleh itu, berulang kali

beliau menggunakan istilah 'konon' terhadap naratif ini. Tokoh dari Riau-Lingga ini sendiri seperti tidak percaya dengan laporan dalam hikayat ini kerana Raja Kecil 'bukanlah' putera Sultan Mahmud.

Walau bagaimanapun, dari segi ciptaan dan komposisi sastera, perawi *Hikayat Siak* telah berjaya membina suatu 'jambatan' mitos yang menghubungkan antara Kesultanan Melayu Melaka-Johor dengan Kesultanan Siak menerusi ketokohan Raja Kecil. 'Jambatan' ini telah memberi kesan dan memperkayakan tradisi warisan budaya, sastera dan politik Melayu Selat Melaka.

Sekiranya dilihat pada kedudukan kepengarangan *Hikayat Siak* dalam konteks peranan sosiopolitiknya dalam persejarahan Selat Melaka yang lebih luas lagi, mungkin kita boleh membina suatu tanggapan teks tentang perkara ini. Tanggapan yang pertama dirujuk pada tanggapan pengarang hikayat ini (dalam penelitian penulis buku ini, *Hikayat Siak* telah dikarang oleh Tengku Said ibnu Raja Akil, tokoh yang berketurunan langsung daripada kerabat Raja Kecil) dan tanggapan ini dibina daripada sikap dan konsepsi pengarang sendiri terhadap karya yang dikarangnya serta menggabungkan dengan matlamat dan perskemaan hikayat ini dikarang yang dilakukannya 'secara sedar'. Tanggapan yang kedua ialah dari sudut pengarangannya yang merupakan warisan budaya yang telah diperturunkan dan telah menjadi unsur yang sudah *imbued*. Ia diterima dalam kepercayaan masyarakat serta semangat zaman, sesuai dengan selera masyarakat kerabat Siak bahawa mereka adalah 'titisan' langsung kerabat pemerintah Melaka. Mereka juga mendakwa bahawa kekerabatan dan kedudukan politik mereka adalah bertalian terus pula dengan peranan kedaulatan dan pendaulatan yang dimain dan diberikan oleh wibawa dan kesahan politik Melayu-Minangkabau di Minangkabau.

Sekiranya tanggapan yang kedua ini terjadi maka ia diterap dan dirakamtuliskan ke dalam *Hikayat Siak* dengan 'tanpa disedari' oleh pengarang. Ia terjadi secara *natural* kerana tradisi masyarakat kerabat tempat pengarang berasal, hidup dan berada telah menyatakan sedemikian dan mempercayai begitulah kejadiannya secara sejarah. Tetapi sekiranya tanggapan yang pertama itu berlaku maka nyatalah seperti yang terjadi terhadap banyak tradisi hikayat sejarah dan salasilah Melayu yang dikarang dan dirawikan di rantau ini,[56] pengarang telah cuba, dalam perskemaan komposisinya untuk membina suatu corak mitos persejarahan dengan

[56]H.J. Cowan, *De Hikayat Malek Dagang*, Desertasi Leiden, 1938, hlm 17; Muhammad Yusoff Hashim, *Riwayat Terengganu Dar'ul-Iman: Kajian dan Analisa Teks*, (Tesis Ph.D), 1985, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, (Bahagian Pengenalan).

merujuk pada hubungan intim secara geofizik dan kesesuaian kalangan kerabat Melayu dan kuasa-kuasa besar Melayu yang berdaulat dan berwibawa. Kuasa-kuasa besar Melayu boleh memberikan daulat terhadap pihak lain (seperti Melaka pada abad ke-15 dan Minangkabau mulai abad ke-14)[57] di sekitar Selat Melaka yang wujud sebelumnya, khususnya kesultanan dan kerabat Melayu Melaka.

Pengarang hikayat ini, dalam skema komposisinya telah melihat semula ke zaman Melaka sebagai sumber kuasa dan daulat Melayu yang sah dan halal. Setelah merujuk ke zaman Melaka, pengarang terus mengguna dan menerapkan unsur politik ini untuk membina dan menegakkan kekerabatan dan kedaulatan politik Melayu-Siak dengan menghubungkan secara salasilah antara kerabat dan pemerintah Siak dengan kerabat dan pemerintah Melayu sebelum tahun 1511 dan Melaka-Johor sebelum tahun 1699.

Jambatan penghubung ini ialah Raja Kecil (yang didakwa secara temurun dan dipercayai sebagai ibnu Sultan Mahmud II Johor, keturunan Melaka), yang kemudian 'menitiskan' pula keturunannya di Siak, Johor dan Borneo. Di sini, pengarang kelihatan mengambil kaedah hubungan pengsalasilahan kerabat Siak-Melaka (bahawa kerabat Melaka sehingga tahun 1511 dan awal Johor sehingga tahun 1699 adalah nenek moyang mereka secara salasilah). Matlamatnya ialah untuk memperoleh dan membina kedaulatan politik tadi. Sekiranya tanggapan ini betul dan wajar diterima, maka jelaslah bahawa kaedah ini telah menjadi suatu mekanisme politik untuk mendakwa dan menegakkan kesahan politik bagi keluarga kerabat Siak. Raja Kecil bukan sahaja mewarisi takhta kerajaan Johor warisan Melaka, malah 'menghalalkannya' pula untuk melanjutkan tradisi persejarahan Empayar Melaka dan Johor-Riau, serta terus terlibat dengan pergolakan dan perkembangan politik kawasan Selat Melaka dan perairan di sekitarnya sehingga pada abad ke-19.

Pengarang juga seperti turut mendakwa bahawa keturunan salasilah raja-raja Melaka di Johor tidak tamat setakat kemangkatan Sultan Mahmud Syah II, malah terdapat penerusan warisnya di sebelah pantai barat Selat Melaka, iaitu Melayu-Siak. Penyambung waris ini ialah Raja Kecil. Waris ini harus berjuang terus bagi menegakkan kedaulatan politik dan sosial Melaka selepas tahun 1699 walaupun pada realitinya Raja Kecil kelihatan sering kecundang!

Daripada visi sejarah, menerusi konsep dan matlamat penulisan *Hikayat Siak* pengarang cuba membina suatu bentuk *political slant* untuk

---

[57]Christine Dobbin, *Islamic Revivalism in A Changing Peasant Economy Central Sumatera*, 1884–1947, Curzon Press, London, 1983, hlm 60–71.

memberatkan dan membentuk pengaruh persejarahan Melayu Selat Melaka selepas tahun 1699 ke arah menyebelahi Siak dan Minangkabau. Pengarang juga cuba untuk menafikan persejarahan yang ke arah dan ke sebelah Johor yang telah pun diserapi dan didominasi oleh pengaruh Bugis, iaitu musuh ketat Raja Kecil. Walhal Johor-Riau telah pun mengukir sejarah politik dan kedaulatannya sendiri dengan mengakui dan mengikuti salasilah sebelah keluarga Bendahara selepas perlantikan dan pertabalan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah ibnu Sultan atau Bendahara Abdul Jalil Syah tetapi dengan topangan dan sokongan Bugis. Sebenarnya tradisi persejarahan salasilah Melaka telah pun terputus dengan kekecundangan politik Raja Kecil (sekiranya benar dia adalah putera Sultan Mahmud II) yang sempat menjadi raja kerajaan Johor-Riau setakat tahun 1719 hingga tahun 1722.

Secara sejarah, pengarang juga nampaknya amat sedar tentang tenaga politik dan sumber daulat yang hadir dan terjadi pada awal abad ke-18. Hubungan politik Siak-Melaka dibina secara komposisi dan dokumentasi salasilah serta kepercayaan semata-mata. Hubungan Siak-Minangkabau pula dibangunkan menerusi realiti sejarah dengan meletakkan peranan pendaulatan politik secara fizikal dan spirituil Pagar Ruyung, secara tradisi dan temurun menerusi tokoh Puteri Jenilan yang telah mendaulatkan Raja Kecil.

Pengarang melihat dan menemukan gabungan daulat dalam sebuah dunia Melayu daripada dua buah wilayah serantau yang menjadi pembekal sumber daulat tadi, iaitu daulat Melaka dan daulat Pagar Ruyung. Bertolak dari sini, pengarang membina secara mitologi kreatif, suatu kedaulatan di kalangan kerabat *Melayu Siak* pula. Dengan cara ini pengarang mendakwa bahawa Raja Kecil dan keturunannya berhak 'menghalalpolitikkan' diri daripada kalangan mereka untuk terlibat secara langsung dan menceburi hal-ehwal sosiopolitik Johor-Riau. Seterusnya selepas tahun 1722, Raja Kecil dan keturunannya terlibat dan memasuki gelanggang sosiopolitik Melayu di alam Melayu dan di persekitaran Selat Melaka. Pengarang semacam melihat daulat Melaka dan Pagar Ruyung bukan dari segi keasingan fizikal dan geopolitiknya tetapi dari segi keseragaman dan keseiringan kepercayaan temurun serta etos Melayu serantau. Ini disebabkan Melaka dan Pagar Ruyung berada dalam konteks pengalaman sejarah yang hampir serupa dan saling bertalian. Kedua-duanya wujud dalam lingkungan rantau budaya yang tunggal dan sealam; tiada berbeza di antara kedua-duanya walaupun mungkin dicorakkan oleh berbagai-bagai variasi tempatan. Usaha pembinaan daulat ini dapat dilihat dalam rajah pada muka surat 86.

Terbuktilah di sini betapa penting, relevan dan bermaknanya Kesultanan Melayu Melaka dalam sejarah pendaulatan dan berkerajaan Melayu dalam konteks budaya politik Melayu di alam Melayu, khasnya dalam tradisi

persejarahan Selat Melaka sehingga ke pertengahan pertama abad ke-19. Hal yang demikian terjadi bukan sahaja dari segi geopolitik di Malaysia malah seluruh bahagian barat Nusantara.

SINOPSIS HIKAYAT SIAK

Bahagian kedua hikayat ini menyatakan bahawa sebahagian daripada salasilah raja di Johor bermula dengan Sultan Alauddin Riayat Syah. Apabila mangkat, baginda digantikan pula oleh Raja Besar Muda, yang bergelar Sultan Abdul Jalil Syah.

Sultan Abdul Jalil Syah tidak boleh lagi untuk beristeri kerana baginda telah beristerikan peri, dan berasa benci apabila melihat wanita cantik. Baginda tidak menghiraukan kerajaannya. Oleh itu, Bendaharalah yang menjalankan urusan pentadbiran. Orang yang menjaga baginda ialah Datuk Seri Bija Wangsa.

Kisah kemangkatan baginda seperti berikut. Pada suatu hari ada seorang membawa nangka untuk baginda. Isteri Megat Seri Rama mengidam hendak memakan nangka dan memintanya daripada penghulu istana. Baginda amat murka dan telah membelah perut wanita itu. Megat Seri Rama

mengetahui yang isterinya telah mati akibat dibunuh oleh baginda. Apabila beliau mendapat tahu yang Bendahara juga hendak membunuh sultan, beliau pun menghasut Bendahara supaya bekerjasama. Bendahara bersetuju dengan tindakan itu. Bendahara telah bermesyuarat dengan orang besarnya untuk membunuh Datuk Seri Bija Wangsa dahulu sebelum membunuh sultan. Datuk Seri Bija Wangsa difitnah cuba menderhaka dan sultan memerintahkan supaya beliau dibuang negeri. Datuk Seri Bija Wangsa ingin berjumpa dengan sultan untuk mengetahui kesalahannya tetapi Bendahara berjaya menahannya. Datuk Seri Bija Wangsa kemudian menyerahkan dirinya untuk disalang.

Seperti yang telah dirancangkan, Sultan Abdul Jalil Syah akan dibunuh ketika baginda pergi ke masjid untuk sembahyang Jumaat. Pada waktu malamnya, apabila baginda hendak beradu, baginda telah memanggil Cik Pong memicit badannya. Apabila telah berahi, baginda menyuruh Cik Pong memakan maninya yang telah terpancar keluar itu kerana hendak menyambung nasabnya. Cik Pong pun mengandung. Sultan Mahmud atau Sultan Abdul Jalil Syah dibunuh oleh Megat Seri Rama ketika baginda dijulang ke masjid untuk bersembahyang Jumaat. Sultan Mahmud atau Sultan Abdul Jalil Syah telah sempat membaling kerisnya kepada Megat Seri Rama dan beliau telah merana selama empat tahun kerana rumput telah tumbuh pada luka di celah kakinya.

Apabila sultan mangkat, Bendahara dilantik menjadi Sultan Johor. Temenggung menjadi Raja Muda. Anak Bendahara menjadi Bendahara Pekok. Anak yang tengah menjadi Temenggung. Anak bongsunya menjadi Raja Indera Bongsu.

Berikut ialah kisah kelahiran Raja Kecil. Cik Pong telah melahirkan seorang anak lelaki secara sulit supaya anak itu tidak diketahui oleh Raja Muda. Bayi tadi telah dibawa keluar dari Johor. Laksamana, ayah Cik Pong meminta Raja Negeri Selat membawa anaknya kepada saudaranya, Temenggung Muar untuk dipelihara. Setelah berumur tujuh tahun, Temenggung Muar pun membawa anak itu berjumpa Laksamana. Apabila berita tentang kanak-kanak ini (yang suka menziarah makam baginda Sultan Mahmud) didengar oleh Raja Muda, Laksamana menyuruh Nakhoda Malim membawa kanak-kanak itu ke Sumatera.

Nakhoda Malim telah membawa kanak-kanak itu ke Pagar Ruyung untuk menemui raja di situ yang bernama Yam Tuan Sakti. Di situ beliau diberi nama Tuan Bujang, dan Yam Tuan Sakti bersetuju membelanya kerana kanak-kanak itu didakwa mempunyai pertalian darah dengannya. Apabila Tuan Bujang berumur 13 tahun, beliau telah pergi mengembara ke Batang Hari, ke Rawas dan terus ke Hilir Palembang. Di situ, beliau telah

berkhidmat dengan Sultan Lama Abang. Baginda telah bergaduh dengan Sultan Anum, lalu berundur dari Palembang dan belayar ke Johor kerana hendak meminang anak raja Johor. Ketika itu Raja Muda telah berpeluang melihat Tuan Bujang yang seiras rupa dengan Marhum Mangkat Dijulang. Lamaran Sultan Lama Abang tidak diterima dengan alasan puteri raja Johor masih kecil lagi. Beliau belayar ke Batangan. Tuan Bujang berkhatan di situ. Sultan Lama Abang berkahwin di Siantan dan selepas itu belayar ke Bangka Kota. Baginda hendak melanggar Palembang dan apabila berjumpa dengan Daeng Parani dan Daeng Celak, mereka berbincang tentang rancangan itu. Orang Besar Wira Sinteh tidak bersetuju dengan Sultan Lama Abang untuk mendapatkan bantuan Bugis. Sebaliknya beliau sanggup memberi bantuan. Sultan Lama Abang masuk ke Palembang tanpa sebarang bantuan saudara-saudaranya. Kedua-dua beradik itu meminta bantuan Belanda. Belanda telah membantu Sultan Lama Abang dan membuat perjanjian untuk mendirikan lojinya di Palembang.

Tuan Bujang pergi ke Rawas dan berkahwin dengan anak Dipati Batu Kucing. Mereka mendapat anak bernama Raja Alam. Kemudian Tuan Bujang pergi ke Jambi dan membantu Sultan Jambi untuk berperang di Kedah, dan beliau mendapat luka di pahanya.

Setelah tamat pengembaraannya, Tuan Bujang berkelana ke Pagar Ruyung. Pada ketika itu Puteri Jenilan menitahkan Tuan Bujang supaya menuntut bela di atas kematian ayahnya (Sultan Mahmud) serta untuk mendapatkan semula mahkota Johor. Sebelum itu, Tuan Bujang dinobatkan sebagai Raja Johor dan baginda diberi nama Raja Kecil. Beliau diberi pedang kerajaan, mohor, surat pengenalan dan hulubalang. Sebelum ke Johor, baginda berniaga di Siak, bergelar Nakhoda Pekok ke Melaka, kemudian ke Bengkalis. Setelah berjumpa dengan penghulunya, Raja Kecil pergi ke Batu Bahara untuk mendapatkan bantuan. Secara kebetulan, anak-anak raja Bugis, Daeng Parani, Daeng Celak dan Raja Tua telah datang berbicara dengan Raja Kecil untuk memberi bantuan untuk melanggar Johor.

Sepucuk surat telah dihantar ke Johor supaya bersedia. Raja Negeri Selat pula datang dengan rakyatnya; Raja Kecil dan angkatannya belayar ke Johor. Apabila sampai ke Selat Johor, suku Laksamana telah datang menghadap baginda. Raja Kecil telah diminta menawarkan air laut untuk membuktikan kedaulatannya. Setelah diduga kedaulatannya, segala orang Johor pun memberi taat setia kepada Raja Kecil. Meriam dibedil tidak berbunyi, hanya air yang keluar. Tidak ada tentangan langsung.

Sultan Johor dan anak-anaknya berundur. Apabila Raja Kecil masuk ke istana, baginda pun melarikan diri. Raja Muda telah mengamuk dan membunuh isterinya. Beliau enggan melarikan diri dan dihukum bunuh kerana

zalim terhadap isterinya. Cik Pong, bonda Raja Kecil telah meninggal dunia. Tidak lama kemudian Raja Kecil bertunang dengan Tengku Tengah tetapi telah berkahwin pula dengan Tengku Kamariah. Raja Kecil pun ditabalkan sebagai Sultan Abdul Jalil Syah dan Tengku Kamariah menjadi permaisurinya.

Daeng Parani telah datang menuntut janji daripada Raja Kecil supaya dijadikan Yam Tuan Muda, tetapi Raja Kecil tidak bersetuju kerana Bugis tidak memberi sebarang bantuan ketika serangan terhadap Johor. Tengku Tengah yang berasa malu sanggup menyerahkan dirinya kepada Daeng Parani sekiranya beliau menolongnya. Raja Sulaiman telah menjemput Daeng Parani ke rumahnya dan telah bermuafakat sesama mereka. Raja Sulaiman berjanji jika berjaya mengalahkan Raja Kecil, Daeng Parani akan dijadikan Yam Tuan Muda. Selepas perjumpaan itu, Tengku Tengah telah melarikan Tengku Kamariah dari rumah Raja Kecil.

Raja Kecil terlalu murka, lalu menyuruh orang melanggar Datuk Bendahara (bekas sultan) yang lari ke Pahang. Daeng Parani pergi ke Langat. Raja Kecil menitahkan Laksamana dan Seri Bijaya Wangsa mengekori Bendahara ke Pahang dan bertemu dengan beliau di Kuala Pahang. Laksamana dan Seri Bijaya Wangsa lantas menjemput Bendahara balik ke Johor tetapi beliau enggan. Beliau meminta supaya beliau dibunuh sahaja. Pada waktu yang sama Tengku Tengah dibawa balik ke Johor. Raja Sulaiman bersembunyi ke Hulu Pahang lalu berjumpa Bendahara Pekok. Oleh sebab Raja Kecil merasakan Johor sebagai kawasan celaka, baginda pun berpindah ke Riau.

Setahun selepas itu, Daeng Parani dan Raja Sulaiman menyerang Raja Kecil yang lari ke Lingga. Apabila diikuti oleh Bugis, Raja Kecil balik ke Riau dan mengamuk di situ. Orang Minangkabau dan Bugis telah berperang di Riau. Pada masa itu datang seorang Makasar bernama Encik Yahya yang ingin berhamba dengan Raja Kecil.

Oleh sebab orang Bugis hampir tewas, Daeng Parani telah pergi menakluki Linggi. Raja Kecil juga telah pergi ke sana untuk menolong orang Minangkabau, tetapi Bugis telah balik ke Riau dan menaklukinya semula. Apabila Raja Kecil mendapat tahu Riau telah jatuh ke tangan Bugis, baginda pula ke Siak dan berutus surat kepada Raja Sulaiman supaya isterinya diberikan kepadanya. Ketika itu Tengku Kamariah telah mendapat seorang putera bernama Tengku Buang. Tengku Tengah telah mengugut Tengku Kamariah supaya berkahwin dengan Daeng Celak tetapi beliau enggan. Tengku Kamariah berutus warkah dengan Raja Kecil supaya datang mengambilnya dengan cara berperang.

Raja Kecil datang melanggar Riau dan mengambil Tengku Kamariah.

Kemudian Raja Kecil belayar ke Siak bersama-sama dengan Tengku Kamariah dan anaknya, Tengku Buang (Mahmud). Apabila sampai ke Siak, Raja Kecil telah bertemu pula dengan anaknya yang seorang lagi dari Rawas yang bernama Raja Alam.

Berikutnya, Raja Kecil telah pergi ke Kedah kerana hendak menolong adik Raja Kedah merebut takhta daripada abangnya yang dibantu pula oleh Daeng Parani. Dengan bantuan Encik Yahya, Raja Kecil telah berperang selama dua tahun dan akhirnya dapat menewaskan Bugis. Daeng Parani telah ditembak mati oleh Raja Kecil dengan lelanya. Adik Raja Kedah telah berjaya merebut takhta kerajaan Kedah.

Apabila Tengku Kamariah mangkat, Raja Kecil menjadi gila. Raja Alam menjadi Raja Muda. Tetapi Tengku Tengah mahukan agar anak saudaranya, Tengku Mahmud mengambil tempat itu. Orang Riau dengan bantuan Terengganu, datang melanggar Siak. Dengan helah orang Siak, orang Riau tewas. Walau bagaimanapun, selepas itu Tengku Mahmud telah diangkat menjadi Raja Muda kerana beliau adalah anak gahara, lagipun telah diwasiatkan oleh Raja Kecil. Perang berlaku lagi dan Raja Alam telah berundur ke Batu Bahara, kemudian ke Palembang dan ke Deli kerana hendak bersedia untuk menyerang Siak. Raja Alam telah berjaya menewaskan Tengku Mahmud (saudaranya) dan baginda telah lari ke Riau untuk mendapatkan bantuan Raja Sulaiman. Tidak lama kemudian Tengku Mahmud melanggar Siak dan berjaya menghalau Raja Alam. Raja Alam pergi ke Pagar Ruyung dan bermuafakat dengan Raja Beralih. Beliau bersetuju menyerahkan Siak ke Pagar Ruyung sekiranya mendapat kemenangan. Sekali lagi Raja Alam dengan bantuan Raja melanggar Siak dan beroleh kemenangan. Tengku Mahmud berundur ke Riau, kemudian berlepas ke Terengganu dan ke Pahang.

Lantaran Tengku Akil, anak Raja Alam telah membunuh orang Riau, Tengku Mahmud dan Raja Sulaiman telah ke Siak untuk menuntut bela. Tengku Mahmud dan Raja Sulaiman telah membuat satu rancangan menyerang, tetapi gagal. Tengku Mahmud telah kalah dan menyuruh Raja Sulaiman balik ke Riau, kerana beliau tidak berpuas hati dengan bantuan yang diberikan oleh orang Bugis dan Melayu dari Riau. Selepas itu, Tengku Mahmud melanggar Siak sekali lagi tanpa bantuan Riau. Pada kali ini beliau telah menewaskan Raja Alam. Raja Alam pula berundur ke Batu Bahara.

Pergelutan kuasa antara Tengku Mahmud dengan Raja Alam dilanjutkan lagi oleh Raja Akil, cucu Tengku Mahmud. Suasana politik bertambah hebat kerana penglibatan kuasa-kuasa Belanda dan Inggeris di timur Sumatera dan pantai barat Semenanjung Tanah Melayu, menganjur ke bahagian selat Pulau Borneo, sepanjang abad ke-18 dan beberapa dekad abad ke-19.

Perebutan kuasa di kalangan saudara-saudara daripada darah keturunan Raja Kecil ini menyebabkan secara tidak disedari masing-masing terjebak ke dalam perangkap politik kuasa Syarikat Hindia Timur Belanda dan Inggeris yang semakin kukuh di sekitar Selat Melaka dan sekeliling Laut Jawa. Pihak yang menang dan berjaya menjadi pemerintah sesuatu kawasan bukanlah kerana disokong dan didaulati oleh tradisi dan adat resam Melayu temurun, tetapi kerana dibantu dan 'diletakkan' sebagai pemerintah oleh salah satu kuasa Barat tadi.

Dalam konteks dinamika dan perubahan budaya, mereka sekarang memperoleh daulat daripada tenaga bantu dan senjata pihak asing, Belanda atau Inggeris, bukan lagi memperolehinya secara sokongan dan tenaga kolektif orang tempatan menerusi tradisi temurun tadi.

Demikianlah, naratif teks ini diakhiri dengan kejayaan Raja Anum ibnu Raja Akil, iaitu piut Raja Kecil, sebagai pemerintah (Penambahan) di Sikudana, Borneo, setelah memperoleh sokongan tentera Belanda, dengan dilantik oleh Gabenor Jeneral Belanda di Betawi (Jakarta).

Bahagian II – SEJARAH

5

Sultan-Sultan Melaka: Permasalahan Salasilah

TAJUK ini sebenarnya bukanlah tajuk baru. Perkara ini telah ditulis sejak orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu menulis sejarah pada abad ke-15. Tajuknya mungkin telah basi dan kaku tetapi isinya masih menjadi perdebatan sehingga ke hari ini. Orang ramai masih berminat dengan ceritanya. Tetapi para sarjana lebih menumpukan pada permasalahan dalam cerita itu, soal-soal sumber terhadapnya dan penafsiran terhadap sumber-sumber itu. Pendek kata, permasalahan salasilah ini masih lagi dibincangkan sehingga ke hari ini.[1]

MASALAH DALAM BUKU TEKS SEKOLAH

Buku sejarah untuk sekolah terutama buku teks untuk Darjah Lima dan Tingkatan Satu yang terbaru di Malaysia masih menekankan tentang masyarakat Melayu tradisional. Sejarah Kesultanan Melayu Melaka masih mendapat keutamaan. Salasilah raja-raja Melaka tetap mendapat perhatian.[2] Buku tersebut tentunya disusun dan dikarang mengikut dasar sukatan pelajaran baru yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Ramai penulis dan pakar sejarah tanahair yang tampil untuk menulis buku tersebut. Begitu juga ramainya para pengkritik yang mengemukakan pendapat terhadap buku teks ini, terutamanya tentang teks untuk Darjah Lima khususnya yang berhubung dengan salasilah raja-raja Melaka. Hakikat ini menggambarkan yang masyarakat umum memang berminat dengan sejarah awal Melaka di samping amat sensitif terhadapnya.

---

[1]Perbincangan di peringkat tempatan tentang Kesultanan Melayu Melaka diadakan di Seminar Sejarah Melaka pada 14–18 Disember 1976. Kertas kerja berhubung dengan 'Islam di Melaka', 'Pembukaan Melaka', Undang-undang Lama di Melaka' dan 'Masyarakat Melaka' adalah bersabit.

Kali terakhir perbincangan di peringkat antarabangsa diadakan ketika *International Conference of Malay Sultanate*, di Universitas Hassanuddin, Makasar, pada 4–7 Disember 1978. Kertas kerja *An Aspect of Malay Malacca Sultanate* oleh Profesor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid dan *Legal Aspect in the History of Malacca Sultanate* oleh Muhammad Yusoff Hashim adalah berhubungan. Konferensi ini dianjurkan oleh UNESCO.

[2]Contohnya buku susunan Asraf, et-al., (ed), *Sejarah Baru Negara Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka untuk Kementerian Pelajaran Malaysia, 1978, pada Bab-bab 1–7.

Kritikan pada umumnya adalah di sekitar raja-raja Melaka yang awal.[3] Pertama, tentang salasilah tiga atau empat orang raja yang paling unggul dalam sejarah awal Melaka. Kedua, darihal raja Melaka pertama yang memeluk Islam. Terdapat penulis teks yang menyusun salasilah raja Melaka seperti berikut;

PARAMESWARA/ISKANDAR SYAH ATAU SULTAN MEGAT
(l.k. 1400–1424 T.M.)
SERI MAHARAJA/SULTAN MUHAMMAD SYAH (1424–1444 T.M.)
PARAMESWARA DEWA SYAH/RAJA IBRAHIM
(1444–1445/6 T.M.)[4]

Ada pula yang menulis salasilah berikut;

PARAMESWARA/ISKANDAR SYAH (l.k. 1400–1414 T.M.)
MEGAT ISKANDAR SYAH (1414–1424 T.M.)
SERI MAHARAJA/SULTAN MUHAMMAD SYAH/
RAJA TENGAH/RAJA KECIL BESAR (1424–1444 T.M.)
SERI PARAMESWARA DEWA SYAH (1444–1445/6 T.M.)[5]

Oleh itu, jelaslah bahawa terdapat perbezaan salasilah di kalangan buku teks ini. Dan dengan sendirinya juga timbul masalah tentang raja Melaka pertama yang memeluk Islam. Ada yang mengatakan Parameswara dan ada pula yang mengatakan Megat Iskandar Syah. Manakah yang betul? Hal yang demikian bukan sahaja merumitkan fikiran murid-murid, bahkan mengelirukan peminat sejarah serta para ibu bapa khususnya!

Untuk menentukan fakta-fakta zaman awal sejarah Melaka atau Malaysia yang paling tepat bukanlah suatu perkara yang mudah. Bahan-bahan rujukan yang paling sahih sukar diperolehi. Kadang-kadang penulis terpaksa 'mengagak atau meneka' sahaja. Inilah masalahnya!

Kita mempunyai bahan sejarah peribumi, iaitu *Sejarah Melayu*. Selain naskhah versi tahun 1536, naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* yang lain, 29 buah jumlahnya itu,[6] tidak dapat memberikan jawapan yang terang dan

---

[3]Lihat 'Saturday Forum', *New Straits Times*, 10 March 1979; *Utusan Malaysia*, 25 Mei 1979, dan seterusnya.

[4]R.O. Winstedt, 'The Malay Founder of Medieval Malacca', dalam *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, xii/3 dan 4, 1948, hlm 762–769 dan buku Winstedt juga, 'Malay History from Chinese Sources', dalam *BSOAS*, xiii/1, 1949, hlm 182–183; Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu 1400–1959*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970, hlm 8.

[5]Wang Gungwu, 'The First Three Rulers of Malacca', dalam *JMBRAS*, XLI, i, 1968, hlm 11–22; C.H. Wake, "Malacca's Early Kings and the Reception of Islam", dalam *JSEAH*, Jil 5 Bhg iii, 1964, hlm 119–121.

[6]Untuk keterangan lanjut tentang hal ini, lihat R. Roolvink, 'The Variant Versions of the Malay Annals' dalam *BKI*, Jil 123, Bhg iii, kemudiannya dilampirkan pada *Pengenalan dalam Sejarah Melayu*

definitif tentang salasilah raja-raja Melaka terawal itu. Masing-masing menunjukkan kenyataan yang berbeza-beza. Jika diambil sumber peribumi dalam bahasa Melayu yang lain seperti teks *Bustan 'us-Salatin* karangan Nuruddin ar-Raniri dari Acheh yang tentunya menggunakan salah sebuah daripada naskhah awal *Sejarah Melayu* sebagai sumber rujukannya dan sebagai sumber bandingan, kepastian masih lagi belum didapati.

PENGKAJI-PENGKAJI SEMASA

Dengan mengambil kaedah kajian filologi yang ada, kita tidak dapat menyalahkan tentang adanya kekaburan salasilah awal di kalangan naskhah-naskhah *Sejarah Melayu*. Ini disebabkan masing-masing mempunyai 'tradisi' penulisannya sendiri. *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 dan *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 adalah disalin dan disusun serta diperbaiki oleh pengarang atau penyalin daripada suatu *Hikayat Melayu* (h-k-a-y-t m-l-a-y-w). Oleh itu, besar kemungkinan hal-hal yang berlaku di Melaka yang lebih daripada satu abad lampau diambil daripada tradisi lisan yang diperturunkan daripada mulut ke mulut, disalin menerusi tulisan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Semakin banyak kali ia disalin dan semakin jauh tarikh penyalinannya dari tarikh berlakunya peristiwa itu, maka semakin banyak 'pengelencongan' fakta sejarah yang sebenarnya boleh terjadi.

Selagi tidak atau belum selesai masalah filologi *Sejarah Melayu*, selagi itulah ia belum dapat dirujuk seratus peratus sebagai sumber tersahih tentang raja-raja Melaka terawal.

Sebagai alternatif, kaedah perbandingan telah diambil. Sumber-sumber asing digunakan. Oleh itu, tampillah pengkaji seperti R.O. Winstedt (1935), yang kemudiannya mengubah pula pendiriannya pada tahun 1947–1948, G.P. Rouffaer (1925), R.J. Wilkinson (1935) dan C. Wake (1964). Sarjana terakhir yang berbuat demikian adalah Wang Gungwu (1968),[7] di samping rencana-rencana lain yang secara langsung atau sebaliknya menyentuh tentang Kesultanan Melayu Melaka.[8] Selepas itu perbincangan tentang

---

'Malay Annals' terjemahan oleh C.C. Brown, Oxford Universiti Press, 1970, hlm xv-xxxv; lihat juga Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *Sejarah Melayu: Perbincangan kritis dari Pelbagai Bidang*, Heinemann Educational Books Intern. 1978, hlm 5–14,

[7]R.O. Winstedt, *A History of Malaya*, 3rd. Revised Edition, Merican and Sons, Malaysia Ltd. Kuala Lumpur-Singapore, 1968, hlm 44–59 . Kali pertama Winstedt menerbitkan rencananya ini dalam *JMBRAS*, tahun 1935; G.P. Rouffaer, 'Was Malaka Emporium voor 1400 A.D. Genaamed Malajoer?' dalam *BKI*, deel 77, 1921, hlm 359–604; R.J. Wilkinson, 'The Malacca Sultanate', dalam *JMBRAS*, XIII, ii, 1935, Wang Gungwu, *op. cit.*, 1968.

[8]Beberapa rencana mengenainya telah ditulis dalam P. Wheatley and K.S. Sandhu (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital, cir. 1400–1980*. Kuala Lumpur, 1983.

salasilah raja Melaka semacam telah tertutup, seolah-olah pendapat Wang Gungwu itu muktamad.

Terdapat dua faktor yang meyakinkan kita terhadap kajian Wang Gungwu. Pertama, beliau menggunakan sumber yang paling maksimum di samping kaedah dan interpretasinya yang tegas. Kedua, beliau dapat meyakinkan kita tentang sahih dan munasabahnya sumber bandingan yang paling banyak membantunya, iaitu sumber dari China yang sezaman dengan Melaka dengan alasan yang lojik dan sebagai alternatif terhadap *Sejarah Melayu* versi 1536 dan 1612, serta sumber Portugis dan sumber Siam, di samping penyangkalannya terhadap penafian Winstedt tentang sahihnya sumber-sumber China itu. Tetapi yang mendukacitakan ialah masih lagi terdapat penulis masa kini yang merujuk dan mengakui pendapat Winstedt itu.[9]

Hal ini tentunya dapat membantu kita menyelesaikan ciri kekaburan dalam susunan salasilah awal raja-raja tadi sama ada dalam *Sejarah Melayu* mahupun pada laporan Tome Pires dan pada catatan Alfonso de Albuquerque.[10] Tome Pires dan Alfonso de Albuquerque menulis dengan agak emosi serta condong kepada Portugis. Begitupun sumber Tome Pires bukanlah sumber *man on the spot*. Laporannya bercorak *second-hand* yang diperolehi daripada pihak kedua. Dalam banyak maklumatnya, beliau hanya mendengar 'kisah' daripada orang lain, terutama tentang raja-raja Melaka. Buktinya, amat kerap didahulukan pernyataannya dengan penggunaan, "... they say that the king, they all say that this," dan berbagai-bagai "say that" serta "say this" lagi. Manakah *say* Tome Pires sendiri?

Berdasarkan inilah Wang Gungwu mencadangkan;

> "It is essential that all history books now in use in the country be corrected and Megat Iskandar Syah be restored to his rightful place as the second ruler of Malacca. The list should now read:
>
> Parameswara (Iskandar Syah) 1390–1413/14
>
> Megat Iskandar Syah, 1414–1423/24
>
> Seri Maharaja (Sultan Muhammad Syah), 1424–1444."[11],

Dan jika sabit dakwaan Tome Pires yang agak saling melengkapi laporan Yung-lo dalam *Ming Shih-lu* itu, Parameswara dan Megat Iskandar Syah

---

[9]Lihat Joginder Singh Jessy, *op. cit.*, hlm 8–9.

[10]Armando Cortesao (ed), *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil 1/11, The Hakluyt Society, London, 1944; W.D.G. Birch, (ed), *The Commentaries of the Great Afonso Dalbouquerque* III, No LXII, The Hakluyt Society, London, 1880. Selain itu dirujuk juga J.V. Mills (ed), 'Eredia's Description of Malacca, Maridional India and Cathay', dalam *JMBRAS*, VIII, i, 1930, hlm 1–228 dan D.F.A. Harvey, (ed), 'Valentyn's Account of Malacca', dalam *JMBRAS*, No 14, Disember 1884, hlm 120–138.

[11]Wang Gungwu, *op. cit.*, hlm 22

adalah orang yang berlainan. Oleh itu, raja Melaka yang pertama memeluk Islam adalah Megat Iskandar Syah, ketika baginda berusia 72 tahun, bukannya Parameswara.

Pembinaan semula dan penetapan salasilah oleh Wang Gungwu itu mungkin dapat disokong lagi dengan terjumpanya salah satu naskhah *Sejarah Melayu*. Pada tahun 1970, R. Roolvink, sarjana sastera Indonesia yang tidak asing lagi cuba menyelenggarakan pelbagai naskhah *Sejarah Melayu* di Universiti Leiden. Beliau telah menjumpai naskhah yang berjudul *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan*,[12] yang dipercayai merupakan sebuah daripada naskhah *Sejarah Melayu* yang tertua dan terawal pernah diketahui wujud. Menurut Roolvink, kandungannya sama dengan kandungan naskhah *Sejarah Melayu* yang pernah diperkatakan dan yang digunakan oleh Petrus van der Vorm pada tahun 1707–1708 bila menulis bukunya, *Collectania Malaica Vocabularia of Malaische Woordboeksameling*.[13] Vorm menyebut bahawa *Sulalat'l Salatina* atau *Penurunan Segala Raja-raja* merupakan sumber Melayu yang dirujuknya.

Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan amat menarik dari segi bagaimana ia menyenaraikan salasilah raja-raja Melaka daripada yang pertama hingga terakhir serta lengkap dengan tarikh dan tempoh pemerintahan raja-raja tersebut. Bahagian tentang Johor selepas tahun 1511, ditambah oleh penyalin yang terkemudian. Roolvink menegaskan bahawa besar kemungkinan inilah suatu naskhah daripada versi salinan *Hikayat Melayu* yang telah dikarang sebelum tahun 1511.[14] Oleh yang demikian, mungkin hikayat tersebut adalah naskhah yang paling hampir dengan versi asal *Sejarah Melayu* dan masih mengekalkan ciri-ciri dan kandungan versi asal tersebut. Tentang tiga orang raja Melaka yang pertama, naskhah tersebut mengatakan bahawa;

> "Maka Seri Iskandar Syah bila sudah memegang perintah dua puluh lima tahun iaitu tiga tahun di Singapura, dua puluh dua tahun di Melaka waktu itu mangkat baginda itu, maka diganti oleh Sultan Megat pada

---

[12]Naskhah tersebut tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda bertanda *Cod. Or. 3199* (3) Bhg 4. Salinannya dalam bentuk mikrofilem terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Transkripsi dan terjemahannya secara bebas ke bahasa Inggeris terdapat pada Lampiran R. Roolvink dalam C.C. Brown, (ed), *op. cit.*, hlm xxviii– xxxv.

[13]Inilah kali pertama dalam sejarah penulisan orang-orang Melayu di rantau ini dilakukan oleh seorang Barat. Apabila mengisahkan sejarah Kesultanan Melayu Melaka, der Vorm menggunakan satu daripada naskhah *Sejarah Melayu* yang tertua ini yang menurutnya mengandungi senarai raja-raja Melayu Melaka lengkap dengan tarikh, dipercayai menyerupai naskhah *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* itu. Buku der Vorm itu mengandungi 2 jilid, diterbitkan di Batavia (Jakarta sekarang) antara tahun 1707–1708.

[14]Warkah Profesor R. Roolvink kepada saya bertarikh 15 Mei 1979, hlm 2.

> sanat 678. Maka baru dua tahun diangkat raja maka ia mangkat pula. Maka diganti oleh Sultan Mahmud (tentunya Muhammad di sini) Syah. Baginda itu terlalu kuasa kerana waktu dia raja segala tempat-tempat yang dekat-dekat di situ dibawa(h) perintahnya ...."[15]

Salasilah dalam hikayat ini amat sama dengan salasilah yang terdapat dalam *Sejarah Melayu* versi tahun 1536,[16] iaitu versi salinan yang dikatakan oleh beberapa sarjana sejarah sebagai versi yang dapat mengekalkan identiti dan kandungan *Sejarah Melayu* yang paling asal.[17] Kenyataan 'dua tahun' pemerintahan Sultan Megat atau Megat Iskandar Syah dalam *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* dan *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 berbanding dengan lebih kurang 'dua puluh tahun' (mangkat tahun 1423 atau 1424) dalam sumber China[18] dan Portugis adalah kerana kemungkinan kesilapan menyalin oleh penyalin kedua-dua naskhah Melayu itu.

Jika sahih dan benar kedudukan *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* seperti yang didakwa oleh Roolvink dan dapat digunakan sebagai rujukan sejarah, maka dengan sendirinya cadangan Wang Gungwu itu dapat diterima dan dipertahankan.

Sekarang timbul pula 'sikap' kita sebagai penulis buku-buku teks itu. Apakah kita masih mahu menggunakan sumber sekunder yang terlebih awal tetapi telah ketinggalan zaman, tanpa menyedari (tidak tahu, jahil, malas menyelidik dan lain-lain) bahawa telah ada kajian terakhir dan terbaru yang, pertama, dapat menafikan serta mengatasi fakta dan interpretasi terhadap kajian yang terdahulu; dan kedua penggunaan sumber dan interpretasinya lebih objektif dan kritis?

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (Pusat Perkembangan Kurikulum dan Biro Buku Teks), juga pihak penerbit janganlah dibebankan dengan tuduhan dan kesalahan. Masalah sebenarnya berpunca daripada sikap (pembacaan, rujukan, tafsiran dan yang terpenting keilmiahan) penulis buku teks itu sendiri.

Selepas pemerintahan Parameswara Dewa Syah (Raja Ibrahim atau Sultan Abdul Syahid), yang disebut oleh sumber China sebagai *Hsi-li-pa-mi-hsi-wa-er-tiu-pa-sya* (1445/1446), iaitu pengganti Seri Maharaja, salasilah raja-raja Melaka tidak menimbulkan sebarang masalah lagi. Fakta berkenaannya adalah jelas, sama ada dalam sumber peribumi *Sejarah Melayu* dan

---

[15]C.C. Brown. (ed). *op. cit.*, hlm xxix.

[16]Lihat Lampiran D, iaitu contoh *ceritera* yang telah ditranskripsikan oleh Profesor R. Roolvink.

[17]Paul Wheatley. *Impressions of the Malay Peninsula in Ancient Times*. Singapore. 1964, hlm 126.

[18]Lihat Lampiran E, Lampiran F dan Lampiran G.

Hukum Kanun Melaka,[19] ataupun dalam sumber Portugis dan China. Tetapi telah timbul kontroversi pula berkenaan dengan Raja Melaka yang akhir.

SULTAN MAHMUD DAN SULTAN AHMAD

Penulis-penulis tempatan dan juga sumber-sumber Barat kerap meletakkan Sultan Mahmud Syah (1488–1511 T.M.) sebagai Raja Melaka yang akhir. Kita tidak mungkin bergantung pada sumber China lagi kerana kegiatan ekspedisi China ke seberang laut telah dihentikan mulai tahun 1434. Alternatifnya ialah sama ada *Sejarah Melayu* ataupun laporan Portugis. Sekali lagi masalah sikap pengkaji timbul semula. Dalam konteks ini, "Kita mengatakan demikian kerana laporan asing berkata begitu." Itulah lazimnya. Kita mengatakan bahawa Sultan Mahmud sebagai raja Melaka terakhir kerana Tome Pires dan Albuquerque berkata demikian. Keterangan berkenaan Sultan Ahmad dalam *Sejarah Melayu* sering sama ada sengaja dilupakan atau dengan tidak sengaja dikesampingkan.

Akhirnya, peranan politik dan kedudukan sosial putera Sultan Mahmud ini menjadi kabur dalam sejarah.

HAK KEDAULATAN

Terjemahan Inggeris daripada *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 kali pertama menyebut Sultan Ahmad sebagai berikut;

> "Sultan Mahmud Syah begot three children: the son was called Sultan Ahmad and it was he who was to succeed his father on the throne: the other two are daughters."[20]

Sejarah Melayu versi tahun 1612 pula menyebutkan;

> "Maka Sultan Mahmud beristerikan anak Raja Mahmud, raja Pahang, beranak tiga orang, yang tua laki-laki Raja Ahmad namanya yang dua lagi itu perempuan."[21]

Setelah beberapa tahun memerintah, Sultan Mahmud Syah pun menyerahkan takhta kerajaan kepada puteranya, Raja Ahmad yang kemudiannya bergelar Sultan Ahmad. Ini disebabkan baginda dilaporkan terlalu sedih dan

---

[19]Rujuk Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-Undang Melaka*, The Hague-Martinus Nijhoff, 1976, Fasal 0:1 hlm 62.

[20]C.C. Brown, (ed), *op. cit.*, hlm 118.

[21]W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu*, M.P.H., Singapura, 1961, hlm 192.

menyesal dengan tragedi pembunuhan keluarga bendahara.

Sejarah Melayu versi tahun 1536 dengan jelas menggambarkan;

> "As was her sadness, so was the king's; and he bitterly repented what he had done. And he abdicated from the throne in favour of his son Sultan Ahmad, to whom he made over his officers and the regalia. And Sultan Mahmud Syah (went and) took up his abode at Kayu Ara ...."[22]

Sejarah Melayu versi tahun 1612 pula mencatatkan;

> "Maka Sultan Mahmud terlalu menyesal dirinya oleh membunuh Bendahara Seri Maharaja itu. Bermula oleh Sultan Mahmud anakanda baginda Sultan Ahmad itulah gawai dan segala adat kerajaan dirajakan baginda, dan segala pesekaliannya diserahkan baginda kepada Sultan Ahmad."[23]

Sementara itu, *Tuhfat al-Nafis* yang tentunya menggunakan salah satu daripada versi *Sejarah Melayu* tadi sebagai rujukan, mengatakan bahawa;

> "Maka adalah pada masa itu Sultan Mahmud sudah menurunkan dirinya daripada kerajaan. Maka dijadikannya raja puteranya yang bernama Raja Ahmad bergelar Sultan Ahmad Syah."[24]

Dengan terserahnya 'segala pegawai' dan 'segala alat kerajaan' (officers and the regalias), Sultan Ahmad dengan berlandaskan tradisi Kesultanan Melayu Melaka telah mewarisi hak kehalalan politik dan hak kedaulatan[25] sebagai sultan atau Yang Dipertuan, sama ada dari segi fizikal ataupun adat temurun.

Keadaan yang berbeza telah timbul dalam laporan Portugis. Dengan menekankan keadaan sifat-sifat keburukan seperti *fickleman, less just, arrogance* dan *presumptious* terhadap Sultan Mahmud, Tome Pires sama ada sengaja atau tidak, nampaknya tidak sedar atau tidak tahu tentang perubahan kuasa politik dan penggantian takhta pada tahun 1511 itu. Tome Pires terlalu asyik dengan personaliti Sultan Mahmud dan memberikan gambaran secara imbasan sahaja terhadap Sultan Ahmad, *With a kris he also killed Raja Falim's sister who was his wife, mother of King Amet, his (Mahmud) son.*[26] Pengkaji-pengkaji tersebut terus mengatakan bahawa Sultan Mahmud sebagai Sultan Melaka yang terakhir.

---

[22]C.C. Brown, (ed), *op. cit.*, hlm 160.

[23]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 270.

[24]Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, M.P.H., Singapura, hlm 7.

[25]Tentang konsep 'daulat' ini, sila lihat Timothy Moy, 'The Sejarah Melayu Tradition of Power and Political Structure: An Assessment of Relevent Sections of the Tuhfat al-Nafis', dalam *JMBRAS*, XLVIII, ii, 1975, hlm 64–79; Khoo Kay Kim, *Aspects of Crowning of Malay Sultanate*, kertas kerja untuk *Conference of Malay Sultanate*, Makassar, 1978.

[26]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 253.

WIRA MELAKA

Tome Pires juga nampaknya tidak mengetahui (tidak mendapat laporan?) bahawa ketika menangkis serangan Portugis pada tahun 1511 itu, Sultan Ahmadlah yang menjadi tokoh utama mengetuai bala tentera Melaka. *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 dengan terang mencatatkan;

> "When day dawned, the Franks landed and attacked. And Sultan Ahmad mounted his elephant Juru Demang ... And the king fought with Franks pike to pike, and he was wounded in the palm of the hand ...."[27]

Sementara itu, *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 pula menjelaskan;

> "Maka baginda (Sultan Ahmad) pun keluarlah dengan segala hulubalang, maka peranglah dengan Feringgi beramuk-amukan. Maka tampil Alfonso d'Albuquerque dengan seribu rakyat soldadu beristinggar, menempuh pada segala orang Melaka .... Daripada sangat tempuh anak Portugal, maka pecahlah perang orang Melaka, lalu undur."[28]

Sejarah Melayu versi tahun 1536 dan versi tahun 1612 langsung tidak menyebut peranan dan kedudukan Sultan Mahmud dalam kekecuhan perang antara dua bangsa ini. *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* menerangkan Sultan Ahmad sebagai;

> "Maka diganti Sultan itu (Mahmud) oleh anaknya Ahmad Syah pada sanat 918. Maka sultan itu berdamailah dengan Portugis; pada sanat 919 sampai kepada sanat 922 Sultan Ahmad Syah angkat perang pula memukul orang Portugis ...."[29]

Ketokohan Sultan Ahmad tetap menonjol hatta selepas baginda berundur ke Hulu Muar, Pagoh dan Bentayan. Oleh sebab untuk mempertahankan falsafah tentang tanggungjawab raja-raja, "... kerana istiadat raja-raja itu, negeri alah rajanya mati,"[30] Sultan Ahmad sebenarnya adalah wira dan raja yang pragmatik.

Walau bagaimanapun, *Sejarah Melayu* cuba mengaburkan watak dan ketokohan sultan muda ini. Semuanya ini semata-mata kerana baginda antigolongan atau pembesar tua, iaitu kemungkinannya golongan penyalin atau penyusun *Sejarah Melayu* itu. Jadi, terdapat semacam gejala 'condong'

---

[27]C.C. Brown, (ed), *op. cit.*, hlm 163.
[28]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 274.
[29]R. Roolvink pada lampiran C.C. Brown, (ed), *op. cit.*, hlm xxx.
[30]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm. 287.

di sini. Akibatnya, sepanjang sejarah pemerintahan baginda telah di'selimut-kan' dengan kekaburan. Tetapi memanglah tidak wajar sekiranya kekaburan itu dijadikan alasan untuk menafikan peranan dan kedudukan politik serta sosialnya.

Tuhfat al-Nafis menyebut bahawa terdapat, "... enamlah keturunan raja-raja Melayu kerajaan di dalam Melaka"[31] (daripada Parameswara hingga Sultan Mahmud). Seperti juga kedudukan Parameswara Dewa Syah (Raja Ibrahim) yang walaupun tidak meninggalkan sebarang keturunan tetapi dimasukkan ke dalam senarai salasilah raja atau pemerintah Melaka. Oleh yang demikian sewajarnyalah Sultan Ahmad Syah dikembalikan pada kedudukannya yang sebenar dalam perspektif salasilah dan sejarah Melaka yang lebih jelas, walaupun baginda memerintah Melaka hanya beberapa bulan sebelum penaklukan Portugis. Dalam penyusunan kronologi terhadap peristiwa sejarah yang sering dibuat secara *artificial* itu[32] kedudukan Sultan Ahmad harus dipisahkan daripada kedudukan Sultan Mahmud.

Susunannya adalah seperti berikut;

PARAMESWARA/ISKANDAR SYAH (1390–1414 T.M.)
MEGAT ISKANDAR SYAH (1414–1423/4 T.M.)
SERI MAHARAJA/SULTAN MUHAMMAD SYAH
(1424–1444 T.M.)
PARAMESWARA DEWA SYAH/SULTAN ABU SYAHID
(1444/5–1446 T.M.)
SULTAN MUZAFFAR SYAH (1446–1456 T.M.)
SULTAN MANSOR SYAH (1456–1477 T.M.)
SULTAN ALAUDDIN RIAYAT SYAH (1477–1488 T.M.)
SULTAN MAHMUD SYAH (1488–1511 T.M.)
SULTAN AHMAD SYAH
(1511 T.M. – antara 1516 hingga 1528 T.M.)

Dari segi 'kehalalan' politik dan hak warisan takhta, Sultan Ahmad Syah adalah raja Melaka yang terakhir. Dan jika sahih dakwaan *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* bahawa Parameswara memerintah Melaka selama 'dua puluh dua tahun' dan mangkat pada tahun 1414, nyatalah baginda mula menjadi raja pada tahun 1392 bukan pada tahun 1390.

Nama Sultan Mahmud disebut-sebut semula dalam sejarah raja-raja Melaka di Johor Lama selepas tahun 1511 bukan kerana kelemahan Sultan

---

[31]Raja Ali Haji, *op. cit.*, hlm 7.

[32]Contoh yang paling menarik untuk rujukan terdapat dalam buku Haji Buyong Adil, *Sejarah Melaka dalam Zaman Kerajaan Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973. Lihat bagaimana Haji Buyong Adil menyusun isinya mengikut kronologi berdasarkan pemerintahan raja-raja.

Ahmad memerintah, tetapi takdir telah menentukan. Dengan menunjukkan bakat kepimpinan dalam usia yang masih muda itu, naratif baginda selepas tahun 1511 dari zaman perpindahan hingga kepada penubuhan kerajaan Johor Lama mungkin akan secemerlang bapanya sendiri. Tetapi bakatnya mati di tengah jalan kerana baginda dibunuh. Selepas itu, *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 melaporkan;

> "Upon the death of Sultan Ahmad, his father Sultan Mahmud Syah, became Raja. And he called together all the young nobles and the slaves of Sultan Ahmad and said to them, 'Let none of you be afraid. As you were with Ahmad, so shall you be with me ...."[33]

Sultan Mahmud menaiki semula takhta kerajaan Melayu yang berpindah itu.

Sekiranya benar dakwaan *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* bahawa pada sanat 922 (bersamaan l.k. tahun 1516) Sultan Ahmad terus berperang dengan Portugis, nyatalah baginda menjadi raja atau pemerintah kerajaan Melayu warisan Melaka tersebut dari tahun 1511 hinggalah sekurang-kurangnya antara tahun 1516 dengan tahun 1528, apabila Sultan Mahmud mangkat di Kampar.[34] Tentulah tidak wajar tahap-tahap pemerintahannya selama sekurang-kurangnya lima tahun itu dilupakan begitu sahaja.

Sebab dan alasan pembunuhannya amat mudah. Menurut adat Melayu, baginda dilaporkan sebagai cuba mengamalkan diskriminasi antara golongan tua yang tidak begitu digemari dengan golongan muda yang diminati. Kemunasabahan dan alasan paling tepat tentang pembunuhan ini masih sukar dikaji dan belum pasti ditentukan lagi.

KAJIAN MUTAHIR

Kajian berikutnya tentang salasilah raja-raja Melaka, terutama tentang raja-rajanya yang awal dilanjutkan lagi pada tahun 1970, 1979 dan 1984 oleh sarjana seperti O.W. Wolters, Mohd. Dahlan Mansoer dan C. Wake.[35] C.

---

[33]C.C. Brown, (ed), *op. cit.*, hlm 164.

[34]Untuk keterangan lanjut, lihat naskhah *Hikayat Siak* (salinan mikrofilem di Perpustakaan Universiti Malaya), hlm 112–116.

[35]O. W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Cornell University Press, 1970; Mohd. Dahlan Mansoer, *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*, Kuala Lumpur, 1979, hlm 203–263; C. Wake, "Melaka in the Fifeenth Century: Malay Historical Traditions and the Politics of Islamization", dalam K.S. Sandhu and P. Wheatley, (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital cir. 1400–1980*, Kuala Lumpur, 1983, hlm 128–161. Sementara itu pada tahun 1982, Barbara dan Leonard Andaya menulis tradisi sejarah Melaka secara umum sahaja dalam *A History of Malaysia*, The Macmillan Press, London.

Wake menumpukan pada tradisi persejarahan raja-raja Melaka yang awal, iaitu lanjutan daripada kajiannya pada tahun 1964. Wolters pula merujuk pada teks *Sejarah Melayu* dan cuba memberikan tafsirannya terhadap hubungan salasilah awal raja-raja Melaka dengan salasilah raja-raja Singapura. Beliau membuat kesimpulan bahawa salasilah raja-raja Melayu Singapura, iaitu tempat asal Iskandar Syah, diandaikannya sebagai 'ciptaan' pengarang *Sejarah Melayu* semata-mata, bukan suatu realiti sejarah. Hal ini terjadi kerana tujuan yang tertentu.

O.W. Wolters membuat andaian ini dengan berdasarkan hakikat bahawa tidak ada suatu laporan pun daripada sumber China dan Portugis yang menyebut tentang kisah awal tentang Singapura (Temasik), sebagai rangka untuk menyusurgalurkan asal usul Iskandar Syah, juga untuk mencadangkan terdapatnya kaitan antara sejarah pemerintahan Iskandar Syah di Melaka dengan zaman pemerintahannya di Singapura. Walau bagaimanapun, berdasarkan naratif *Sejarah Melayu*, Wolters percaya bahawa peranan politik Iskandar di Singapura masih penting. Sambil menyokong pendapat Wang Gungwu, Wolters menyusun sejarah pemerintahan Iskandar Syah di Singapura dan Melaka seperti berikut;

1388/9–1390/1: Tiga tahun menjadi Raja Palembang.
1390/1–1391/2: Lebih kurang setahun berkelana dari Palembang ke Singapura.
1391/2–1396/7: Selama lebih kurang lima tahun menjadi raja Singapura.
1396/7–1399/1400: Selama lebih kurang tiga tahun berkelana dari Singapura ke Melaka.
1399/1400–1413: Selama empat belas tahun menjadi raja Melaka.

Pendapat Wolters ini diperkatakan semula oleh Mohd. Dahlan Mansoer pada tahun 1974 dengan menyebut bahawa matlamat kedua penulisan *Sejarah Melayu* ialah untuk 'menutup masa kemunduran Sriwijaya (Palembang)', walhal asal usul keluarga Iskandar Syah adalah dari Palembang. Pada tahun 1984, C. Wake sekali lagi berpendapat bahawa motif penulisan *Sejarah Melayu* oleh Tun Seri Lanang (1612) ialah untuk menunjukkan perbezaan yang cukup jelas antara periode Melaka yang telah pun menjadi Islam dengan periode pra-Melaka, iaitu Palembang dan Singapura yang mendahului Melaka dan pra-Islam. Malah Islam telah menjadi suatu unsur politik yang penting di Melaka ketika itu. Hal yang demikian pernah juga dibahaskan oleh Mohd. Taib Osman pada tahun 1980.[36] Untuk menyokong pendapat Wol-

[36]Mohd. Taib Osman, "Sejarah Kebudayaan Melaka Mengikut Sejarah Melayu", dalam *Malaysia daripada Segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, No 9, 1980, hlm 1–9.

ters, Mohd. Dahlan Mansoer mengatakan bahawa "... diciptalah sejarah dan asal mula raja-raja Singapura oleh Tun Seri Lanang."

Persoalannya sekarang ialah mengapakah perlu 'diciptakan' suatu sejarah asal usul dan perkembangan salasilah tentang pendudukan Iskandar Syah di Singapura justeru untuk 'melindungkan' tradisi-tradisi persejarahan yang bukan Islam dan praperiode Islam, sama ada zaman Hindu atau Buddha? Walhal kisah sejarah yang dinaratifkan tentang Singapura dan hal-ehwal sebelumnya adalah periode dan zaman Hindu atau Buddha terutama di bahagian selatan Selat Melaka (Perlak, Pasai dan Samudera telah memulakan tradisi Islam sejak tahun 1292).

Sejarah Melayu tidak pernah menyebutkan istilah Sriwijaya secara teknik untuk menerangkan suatu kerajaan atau tradisi persejarahan Selat Melaka sebelum abad ke-15. Secara perspektif, Selat Melaka dikuasai oleh kerajaan Sriwijaya dari segi geopolitiknya (dari abad ke-7 hingga abad ke-13), dan secara kebetulan Palembang menjadi tempat berasalnya nenek moyang Iskandar Syah dari segi salasilah itu. Secara bayangan, tradisi persejarahan yang dinaratifkan oleh Tun Seri Lanang dalam *Sejarah Melayu* tentang periode sebelum pembentukan Melaka, sebenarnya ialah tradisi sejarah Sriwijaya yang disebut oleh pelapor Arab sebagai *Sribuza*, dan dicatat oleh tradisi China sebagai *Kan Da-li*. Tradisi sejarah Sriwijaya itu mungkin hanya tinggal dalam bentuk serpihan-serpihan tradisi dan kuasa politik Sriwijaya yang telah berpindah ke Jambi. Malah istilah Palembang yang kerap disebutkan dalam *Sejarah Melayu* itu sewajarnya adalah konotasi kepada tradisi sejarah Sriwijaya semasa ibu negerinya berpusat di Palembang dan semasa kerajaan Jawa Majapahit, mengikut catatan *Negarakertagama*, menguasai Palembang dari segi politik pada abad ke-14.

Oleh itu, soal cuba menyusun *Sejarah Melayu* sama ada untuk 'menutup' atau 'melindungkan' tradisi sejarah tempatan yang bercorak Hindu-Buddha pada periode pra-Melaka ataupun untuk menunjukkan perbezaan yang cukup jelas antara tradisi sejarah Islam dengan yang bukan Islam tidak timbul sama sekali di sini. Ini hanyalah andaian kita sahaja. Apabila kurang atau tidak ada sumber untuk memperkatakan sesuatu, kita pun mulalah tercari-cari dengan mengagak, mengandai dan meneka berbagai-bagai hal.

Sejarah Melayu daripada semua versi menyebut bahawa Iskandar Syah memang berasal dari Singapura, dan berketurunan langsung daripada nasab Sang Nila Utama yang 'membuka' Singapura. Iskandar Syah yang didakwa sebagai bernasab terus daripada kerabat Diraja Palembang. Sementara itu, Tome Pires secara eksplisit pula mengatakan bahawa Parameswara (Iskandar Syah) adalah berasal dari Palembang dan dalam tradisi Jawa, bergelar *Sam Agy Palimbao* (Sang Aji Palembang). Secara kebetulan, Palembang pada

masa itu berada dalam kawalan politik Majapahit. Setelah tiga tahun menjadi raja Palembang (yang bermula pada tahun 1388/9), Parameswara telah cuba untuk menafikan kewibawaan Majapahit terhadap Palembang. Ini disebabkan antara tahun 1377 dengan tahun 1397 wibawa politik Majapahit di rantau ini telah merosot. Ini menyebabkan tentera laut Majapahit telah menyerang Palembang atas perintah ratu Majapahit, iaitu ipar Parameswara sendiri. Parameswara telah kecundang dan terus berundur ke Singapura. Parameswara menjadi raja di pulau itu untuk beberapa tahun sebelum datang ke Melaka.

Mungkin juga terjadi *dual characterization* dan anakronisme di sini. Menurut sumber Portugis, keberangkatan Parameswara ke Singapura itulah yang dimaksudkan sebagai kedatangan dan pembukaan Singapura oleh Sang Nila Utama atau Seri Tri Buana. *Sejarah Melayu* menyebut bahawa tokoh dari Palembang ini sebagai 'bermain-main di laut'. Soal anakronisme seperti ini memang biasa ditemui dalam tradisi persejarahan Melayu tradisional seperti tradisi persejarahan Jawa yang sering menyebut nama Patih Gajah Mada. Sedangkan bukanlah tokoh Patih Gajah Mada yang agung dalam kerajaan Majapahit itu yang dimaksudkan oleh para pembabad Jawa, secara sejarah.

Mungkin memang ada suatu tradisi lisan atau mitos popular tentang asal usul Singapura dan pembukaannya yang dikaitkan dengan sebarang unsur kekerabatan dari Palembang, ketika keagungan kerajaan Sriwijaya. Tetapi perawi *Sejarah Melayu* telah menggabungkan tradisi lisan ini, yang entah bila terjadinya pembukaan itu, dengan sejarah sebenar kedatangan Parameswara ke situ. Sedangkan Singapura ketika itu telah pun mempunyai seorang *Sam Agy* Singapuranya sendiri, sama ada di bawah naungan Majapahit seperti yang didakwa oleh *Negarakertagama* dan *Sejarah Melayu* ataupun Siam, seperti yang diperkatakan oleh Tome Pires dan beberapa tradisi babad Sejarah Siam pada abad ke-14.

Fenomena ini terjadi disebabkan oleh faktor yang saling berkaitan. Mitos asal usul pembukaan Singapura dan kisah Parameswara mula menjadi raja di Melaka (sekitar tahun 1399–1400) dengan masa perawian *Sejarah Melayu* mengambil masa berpuluh-puluh tahun, menjangkau seabad lebih lamanya (136 tahun bagi versi panjang tahun 1536 dan lebih kurang 211 atau 212 tahun bagi versi panjang tahun 1612). Kurangnya tradisi bertulis yang bercorak sejarah dalam erti kata yang sebenar-benarnya menyebabkan masyarakat tradisi merakamkan kebanyakan peristiwa bersejarah yang terjadi pada zaman-zaman awal dalam bentuk ingatan sahaja, lalu menjadi tradisi lisan. Ia diperturunkan daripada mulut ke mulut, dan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain. Proses tokok tambah dan pengguguran

isi naratif sering terjadi. Semakin banyak orang yang menuturkan dan semakin jauh generasi ia diperturunkan, maka (kemungkinannya) semakin jauhlah ia menyimpang daripada kisah dan tradisi asal, dan awal yang sebenarnya terjadi. Oleh itu, semakin banyaklah pula muncul versi daripada kisah-kisah tadi.

Mungkin tiada siapa pun yang mempersoalkan kebenaran kejadiannya kerana tidak ada catatan atau rekod. Oleh yang demikian, ia menjadi hak dan prioriti si penutur yang mewarisi tradisi lisan tadi – hak sahib'ul-hikayat (yang empunya hikayat). Apabila sampai kepada perawi Sejarah Melayu tahun 1536 dan tahun 1612, mereka merujuk pada sumber lisannya, dengan kenyataan eksplisit yang diperolehi daripada 'kata sahib'ul-hikayat' yang berbagai-bagai versi itu.

Tradisi dan peristiwa bersejarah yang telah pun lama terjadi disusun mengikut skema perawian atau penciptaan *Sejarah Melayu* supaya sesuai dengan selera, bentuk dan tujuan ia dikarang, tanpa memperhitungkan faktor atau kronologi yang sebenarnya terjadi. Tujuannya ialah supaya dapat melicinkan naratif yang disusun tadi. Tradisi asal usul dan ketokohan peribadi ditonjolkan bagi meninggikan lagi karisma Parameswara atau Iskandar Syah dan nenek moyangnya dari Palembang dan Singapura itu. Oleh itu, faktor mitos dan keistimewaan kalangan kerabat itulah yang sengaja dinaratifkan.[37] Dengan skema dan fenomena pengarangan yang sedemikian, maka terjadilah perbezaan yang amat besar antara naratif *Sejarah Melayu* dengan catatan sumber-sumber asing tentang ketokohan Parameswara atau Raja Iskandar Syah yang dianggap bermisteri itu.

Hal ini berkaitan juga dengan tradisi asal usul dan pemerintahan beberapa orang raja terawal Melaka. Jika kita dapat memahami konsep sejarah dan tradisi persejarahan serta penulisan sejarah Melayu tradisional di rantau ini, kita akan dapat menampilkan kemungkinan sebab terjadinya 'kelam-kabut' dalam penyusunan salasilah raja-raja awal Melaka dalam *Sejarah Melayu* itu. Kemungkinan yang pertama telah pun disebut, iaitu berhubung dengan tradisi dan sumber lisan ('kata sahib-ul-hikayat') yang digunakan oleh semua perawi *Sejarah Melayu* yang berkaitan dengan tokoh, nama yang tepat, tarikh dan susunan tempoh pemerintahan raja-raja awal itu. Akibatnya, penyimpangan atau fakta yang bertentangan dengan kebenaran sering

---

[37]R. Roolvink, "Hikayat Radja-radja Pasai", dalam *Bahasa dan Budaya*, II, iii, 1954, hlm 3–17; Mohd. Taib Osman, "Mythic Elements in Malay Historiography", dalam *Tenggara*, II, ii, 1968, hlm 80–89; Muhammad Yusoff Hashim (ed), *Syair Sultan Maulana: Suatu Penelitian Kritis Tentang Hasil Pensejarahan Melayu Tradisional*, Penerbit Universiti Malaya, 1980, hlm 1–70; Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu Nusantara*, (Bab tentang "Anakronisme dalam Tradisi Persejarahan Melayu Klasik"), Teks Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1988.

terjadi. Oleh itu, terdapatlah naratif yang berbagai-bagai di kalangan sesama naskhah *Sejarah Melayu* tentang satu isu yang serupa.

Nama Parameswara tidak pernah disebut dalam *Sejarah Melayu*, tetapi yang disebut ialah Raja Iskandar Syah yang tentunya berwatakkan Islam. Sedangkan nama sebenar tokoh tersebut ialah Parameswara, watak yang masih berbau Hindu. Perawi mungkin keliru antara nama Parameswara dengan nama Megat Iskandar Syah (*Mu-kan-sa-yu-ti-er-sha* menurut sumber China dan *Chaquem Darxa* menurut laporan Tome Pires), raja Melaka yang kedua dan memeluk Islam dalam usia yang telah lanjut itu. Perawi telah mencampuradukkan antara watak Raja Iskandar Syah dengan tokoh Megat Iskandar Syah (putera Parameswara) yang sebenar.

Hal ini berlaku mungkin kerana pengaruh keislaman perawi *Sejarah Melayu*. Oleh sebab perawi itu beragama Islam, sama ada sedar atau tidak, perawi itu telah menonjolkan seorang tokoh politik diraja yang pertama di Melaka dengan meletakkan kepadanya perwarnaan Islam. Tokoh ini telah diberi nama yang bercorak Islam, 'Iskandar Syah', walaupun secara realiti tidak semestinya dia seorang Islam. Oleh itu, secara tidak langsung telah 'melenyapkan' perwarnaan Hindu dan menggugurkan sama sekali nama Parameswara yang mungkin difikirkan amat kehinduan itu.

Bukanlah kerana naratif dan isu peristiwa tentang hal-ehwal Singapura yang didakwa oleh Wolters dan Mohd. Dahlan Mansoer sebagai sengaja 'di-ada-adakan' oleh perawi *Sejarah Melayu*. Sebab nama Raja Iskandar Syah digunakan, bukan Parameswara, adalah untuk melindungi tradisi Hindu bagi menunjukkan tradisi dan pengaruh Islam kerana *Sejarah Melayu* diciptakan setelah Islam bertapak kuat di sini. Tujuannya juga untuk 'menutup masa kemunduran Sriwijaya (Palembang)'. Oleh itu, akhirnya mereka menyebut, 'episod yang tidak terhormat (masa Melayu atau Jambi) dilewati atau diperkecil', tetapi saya berpendapat, yang sebenarnya ialah perawi, atau mungkin, penyalin *Sejarah Melayu* yang melakukan kesilapan. Bukanlah disebabkan oleh episod ini yang terhormat dan episod itu tidak terhormat maka ia menjadi bahan pilihan naratifnya, tetapi kerana fakta dan tradisi lisan yang diperolehi menerusi pihak "yang empunya hikayat" atau yang didengar daripada "bapanya dan datuknya" adalah begitu, rupa sehingga sukar diduga atau diuji kesahihannya, telah dicampuradukkan. Dengan tidak disedari, nama Parameswara telah menjadi mangsa campur aduk dan muncullah nama Raja Iskandar Syah, tokoh penduaan daripada Megat Iskandar Syah, putera Parameswara.

Cadangan sebab ini boleh dibuktikan dengan melihat susunan salasilah raja-raja Melaka terawal versi *Sejarah Melayu* tahun 1536 dan tahun 1612. Dan tentulah naskhah *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 itulah yang dirujuk

oleh Syeikh Nuruddin ar-Raniri apabila mengarang *Bustan'us Salatin* pada tahun 1638, bagi Bab II, Fasal XII; apatah lagi secara eksplisit perawi menyebut bahawa Syeikh ini mengenali Tun Seri Lanang secara peribadi. Tokoh bangsawan dari Johor-Riau inilah yang didakwa oleh perawi sebagai, "... yang mengarang kitab masirat *Sulalatus Salatin* (*Sejarah Melayu*)".

Bukti yang kedua ialah perawi tidak perlu dan tidak semestinya menonjolkan nama Raja Iskandar Syah (bagi menggantikan nama Parameswara) sekiranya beliau bertujuan untuk menampilkan perwarnaan Islam. *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 dan *Bustan'us-Salatin* dengan jelas menyebut bahawa raja Melaka yang keempat, iaitu Raja Kecil Besar, sebagai yang pertama memeluk Islam. Tetapi *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 menyebut bahawa Raja Kecil Besar sebagai raja Melaka yang kedua memeluk Islam.

Secara struktur, *Sejarah Melayu* terbahagi kepada dua, iaitu pertama, naratif tentang perkara-perkara yang mungkin terjadi puluhan atau ratusan tahun sebelum hidupnya pengarang dan diperolehi secara lisan. Secara tradisi, perkara ini diperturunkan daripada mulut ke mulut. Bahagian yang kedua ialah naratif sejarah yang terjadi semasa hidupnya pengarang dan mungkin disaksikan oleh pengarang itu sendiri, maka lebih sahihlah kejadiannya. Oleh itu, naratif bahagian yang pertama itulah yang sering dipenuhi oleh misteri, yang diselang-selikan dengan mitos dan legenda, dikaitkan dengan kejadian yang aneh. Kesemua faktor ini telah menyebabkan susunan peristiwa menjadi kacau, anakronisme terjadi, dan akibatnya fakta dan mitos (atau dongeng) tidak dapat dipisahkan.

Perawi menerima sahaja sumber dan tradisi lisan untuk membina naratif bahagian yang pertama kerana perawi tidak menyaksikan sendiri peristiwa yang menjadi naratif induk bahagian itu. Tetapi apabila ia diterapkan menjadi sebuah hasil penulisan kreatif (atau sekiranya dipertuturkan), perawi harus sedar dan berhati-hati dengan kelicinan atau *smooth* naratif yang disampaikan agar dapat meyakinkan pembaca atau pendengar yang naratifnya itu adalah betul dan benar, dan tidak meragukan. Ini disebabkan tujuan *Sejarah Melayu* dikarang bukan seperti tujuan, konsep, bentuk dan corak penulisan sesebuah hasil sejarah pada masa ini. *Sejarah Melayu* bukan untuk mencari suatu realiti atau kesahihan fakta dan bukan pula untuk menerapkan peristiwa sejarah yang benar-benar terjadi. Tetapi yang penting ialah untuk mencipta atau memberikan suatu bentuk kekudusan kepada kalangan kerabat dan raja-raja awal Melaka apabila unsur mitos, peristiwa ajaib dan ketokohan yang luar biasa dijadikan rempah-ratus dan mekanisme kepada inti penulisan sejarahnya.

Melalui penciptaan sejarah Singapura, kegiatan raja-raja yang menjadi

nenek moyang raja-raja Melaka semakin dapat diperhebat dan semakin tinggilah karisma mereka. Walhal, sebenarnya Parameswara (Raja Iskandar Syah menurut *Sejarah Melayu*) bukanlah berketurunan dari Singapura. Tokoh besar politik Melayu ini adalah secara langsung berasal dari Palembang, keturunan terus daripada tokoh-tokoh besar politik Melayu tradisi Sriwijaya. Parameswara kemudian meninggalkan Palembang, daerah asalnya, dan menjadi raja Singapura selama beberapa tahun. Berikutnya baginda membuka, meneroka dan menanamkan tunjang sistem politik Melaka bermula dari tahun 1399/1400.

Permasalahan fakta *Sejarah Melayu*, terutama tentang bahagian-bahagian awal naratifnya hanya mungkin dapat diselesaikan menerusi pendekatan filologi. Dan apabila pendekatan ini disedari amat penting dan sesuai dengan kajian salasilah tentang raja-raja Melaka, maka C. Wake mengatakan bahawa, "The historical value of the Malay sejarah traditions lies not in any particular text (of Sejarah Melayu), but in the comparative study of all the variant versions". Walau bagaimanapun, menggunakan *Sejarah Melayu* sahaja didapati tidak mencukupi bagi menelaah tajuk yang dibincangkan. Sumber-sumber asing pula mesti difikir dan digerakkan bersama-sama untuk mendapatkan sejarah susunan salasilah raja-raja Melaka yang sesahih-sahihnya.

6

Misteri Sultan Alauddin Riayat Syah I Melaka

SALASILAH raja-raja Melaka yang lebih kurang lengkap telah digalurkan dalam bab yang lalu.[1] Sultan Alauddin Riayat Syah menduduki tempat ketujuh dalam *kinglist* raja-raja atau sultan-sultan Melaka yang berjumlah sembilan orang. Baginda memerintah dari tahun 1477–1488 T.M.

Ramai orang mengetahui bahawa putera Sultan Mansor Syah ini ada keistimewaan peribadinya. Zaman pemerintahan baginda dipenuhi dengan beberapa peristiwa sejarah yang trajis. Terdapat tiga peristiwa besar yang menarik perhatian. Pertama, peperangan Melaka dengan Aru yang berkesudahan dengan kekalahan Aru. Kedua, kematian Bendahara Tun Perak, Bendahara Melaka yang termasyhur. Dan ketiga, yang paling menarik, iaitu perihal kebuasan pencuri-pencuri di bandar Melaka. Kebuasan pencuri ini ditumpaskan oleh Sultan Alauddin sendiri dengan bantuan orang-orang kanannya, iaitu Hang Isap dan Hang Siak. Baginda mempunyai keistimewaan fizikal yang mengagumkan. Baginda sendiri yang meronda di pekan Melaka pada waktu malam dan berjaya membunuh beberapa orang pencuri.

Wajarlah sekiranya teks *Sejarah Melayu* daripada kedua-dua versi tahun 1536 dan tahun 1612 melaporkan bahawa "Adapun akan Sultan Alauddin itu terlalu perkasa, (tiada berbagai) pada zaman itu".[2] Tindakan perseorangan baginda yang drastik, 'mengatasi atau memperkecilkan' beberapa orang pembesar Melaka lain yang bertanggungjawab menjaga keamanan negeri. Baginda adalah raja yang *action-oriented*.

RAJA HUSSAIN, RAJA AHMAD DAN RAJA RADEN

Siapakah sebenarnya Sultan Alauddin? Semua pengkaji mengetahui bahawa baginda adalah putera Sultan Mansor Syah. Tetapi kita mungkin tertanya-tanya pula siapakah bonda baginda? Pengetahuan kita yang amat cetek

---

[1]Rujuk "Sultan-sultan Melaka–Permasalahan Salasilah" Bab 5 buku ini.

[2]R.O. Winstedt, (ed). "The Malay Annals or Sejarah Melayu", dalam *JMBRAS*, XVI, iii, 1938, hlm 137. Dalam versi tahun 1612 pula kenyataan yang sama berbunyi, "Adapun Sultan Alauddin itu terlalu perkasa, tiada berbagai pada zaman itu". Lihat W.G. Shellabear, (ed). *Sejarah Melayu*, Malayan Publishing House, Singapura, 1961, hlm 171.

tentang hal ini tentu disebabkan oleh kekaburan dalam berbagai-bagai sumber lama tentang Melaka. *Sejarah Melayu* versi tahun 1612, edisi W.G. Shellabear telah menyebut bahawa baginda asalnya bernama Raja Hussain, beribukan saudara Bendahara Paduka Raja (yang diperisterikan oleh Sultan Mansor), di samping saudara-saudara lain yang berlainan ibu;

> "Hatta berapa lamanya maka Sultan Mansor Syah pun beranak dengan "... isteri baginda, saudara Bendahara Paduka Raja pun ada juga baginda beranak seorang laki-laki, Raja Hussain namanya, terlalu baik sikapnya lagi perkasa ...".[3]

Sejarah Melayu edisi A. Samad Ahmad yang tentunya merupakan salah sebuah versi panjang tahun 1612, memberikan keterangan yang sama dengan edisi Shellabear,[4] tetapi berbeza dengan kedua-dua versi tahun 1536 yang tidak langsung menyebut asal usul Sultan Alauddin. Versi ini hanya membayangkan;

> "... Sultan Abdul itu naik raja menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Mansor Syah ... sudah beristerikan saudara Seri Nara Diraja tetapi belum beranak; ada beranak seorang dengan gundik bernama Puteri Bakal".[5]

Begitulah juga tentang penggantian dan perlantikan raja Melaka yang baharu untuk menggantikan Sultan Mansor Syah (1456–1477 T.M.), kedua-dua edisi Shellabear dan A. Samad Ahmad dengan jelas menyebut wasiat Sultan Mansor Syah ketika hampir mangkat;

> Telah datang sekaliannya, maka titah Sultan Mansor Syah pada segala mereka itu, "Ketahui oleh kamu sekalian .... Adapun pertaruhkulah anak kita Hussain kepada Bendahara dan segala orang besar-besar sekalian; ialah ganti kita pada tuan-tuan sekalian ...".[6]

---

[3]W.G. Shellabear, *ibid*., hlm 125.

[4]Edisi ini menuliskan, "Dengan isteri baginda saudara Bendahara Paduka Raja yang bongsu beranak seorang lelaki bernama Raja Hussain, terlalu baik sikapnya lagi perkasa. Maka dikahwinkan dengan Tun Naja, saudara Tun Tahir". Lihat A. Samad bin Ahmad, (ed) *Sulalatus Salatin* (*Sejarah Melayu*), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, hlm 121.

[5]R.O. Winstedt, (ed). *op. cit*., hlm 100

[6]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit*., hlm 169.

dan,

> "Adapun pertaruhkulah pada Bendahara dan segala orang kaya-kaya sekalian, anak kita Ahmad ialah ganti kita pada tuan-tuan sekalian. Jikalau barang sesuatu salahnya hendaklah dimaafkan oleh tuan-tuan sekalian ...".[7]

Raja Ahmad yang disebut oleh edisi terbaharu yang diselenggarakan ini sebenarnya ialah Raja Hussain seperti yang dikatakan, "... anakanda baginda, Raja Ahmad, timang-timangan Raja Hussain".[8] Kemudian perlantikan secara rasmi pun dilakukan.

> "Maka dikerjakan orang seperti adat raja-raja. Telah sudah maka Raja Hussain kerajaan, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Alauddin Riayat Syah".[9]

Sedangkan edisi A. Samad Ahmad pula menjelaskan;

> "Maka dikerjakan orang seperti adat raja-raja. Telah sudah maka Raja Hussainlah kerajaan, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Alauddin Riayat Syah".[10]

Dalam suasana yang sama tetapi dengan pembentangan watak yang amat berlainan, *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 edisi R.O. Winstedt pula menulis wasiat Sultan Mansor terhadap seorang tokoh yang bukan Raja Hussain ataupun Raja Ahmad, tetapi Raja Raden;

> "... maka baginda (Sultan Mansor Syah) pun geringlah. Maka baginda menyuruh memanggil anak-anak baginda .... Maka titah Sultan Mansor Syah pada segala mereka itu. "Ketahuilah olehmu sekalian .... Adapun petaruh kita pada Bendahara Paduka Raja dan orang kaya-kaya sekalian anak kita Raja Raden, ialah akan ganti (kita) pada tuan sekalian, jikalau ada barang sesuatu salahnya, hendaklah dimaafkan oleh tuan-tuan sekalian ...".[11]

Seterusnya dilaporkan tentang perlantikan pengganti Sultan Mansor Syah;

> "... dikerjakan oranglah seperti istiadat raja-raja yang telah lalu itu.

---

[7] A. Samad Ahmad, (ed), *op. cit.*, hlm 159.
[8] *Ibid.*, hlm 159.
[9] W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 171.
[10] A. Samad Ahmad, *op. cit.*, hlm 161.
[11] R.O. Winstedt, *op. cit.*, hlm 137.

> Setelah itu, maka Raja Radenlah kerajaan oleh Bendahara Paduka Raja gelar baginda di atas kerajaan Sultan Alauddin Riayat Syah".[12]

Sedangkan laporan daripada sumber asing sezaman, iaitu catatan Tome Pires, pencatat Portugis yang tidak asing lagi itu, berbunyi;

> "The king Mamsursa had two sons and two daughters. The eldest son was called Alaodin, who succeeded him ...".[13]

Masalahnya, siapakah Raja Raden yang tersebut dalam *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 ini? Adakah nama ini juga merupakan nama timang-timangan yang lain untuk Raja Hussain atau Raja Ahmad yang kemudian bergelar Sultan Alauddin Riayat Syah? Walhal nama Raja Raden langsung tidak disebut dalam kedua-dua edisi Shellabear dan A. Samad Ahmad, mahupun daripada sebarang naskhah atau edisi yang muncul sekumpulan dengannya. Sebaliknya juga, sama ada nama Raja Hussain ataupun Raja Ahmad tidak tercatat sama sekali dalam *Sejarah Melayu* edisi R.O. Winstedt tadi.

KONVENSI DAN CIPTAAN SASTERA

Sejarah Melayu yang merupakan sebuah dokumen sosial, adalah sebuah ciptaan dan komposisi kreatif dalam pengertian sekarang. Rangka reatifnya dirujuk pada peristiwa-peristiwa yang dianggap bersejarah dengan berlandaskan kronologi, dari zaman awal hingga tahun 1612 (versi panjang), lalu disesuaikan dengan skema komposisi tadi. Oleh itu apabila meneliti, mengkaji dan menggunakan *Sejarah Melayu* sebagai bahan sumber bagi sejarah Melayu lama, tidaklah dapat dipencilkan peranan teks ini sebagai suatu hasil konvensi kesusasteraan dan sudut pandangan tentang penulisannya yang intrinsik. Adalah suatu gejala yang membahayakan mengambil 'fakta-fakta' (sekiranya dapat dikonsepsikan sedemikian) besar ataupun kecil, yang tercatat dalam *Sejarah Melayu* walau daripada versi, resensi dan edisi mana sekalipun, tanpa memahami dengan jelas *Weltanschaung* (pandangan tentang kehidupan) dan etos atau dengan kata-kata mudah, latar belakang dan tentang hakikat (fenomena) penulisannya.

Kita dapat pastikan bahawa *Sejarah Melayu* jika dikaji dari segi leksikal, semantik dan hakikat bahasa yang dikatakan sebagai praklasik,

---

[12]*Loc cit.*

[13]Lihat Armando Cortesao, (ed & tsd), *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil 1/11, The Hakluyt Society, London, 1944, hlm 250.

maka *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 yang diselenggarakan oleh R.O. Winstedt itulah dapat dianggap sebagai yang tertua dan terpanjang serta merupakan versi yang dapat mengekalkan ciri-ciri keaslian *Sejarah Melayu* kerana versi ini paling hampir dengan naskhah *Sejarah Melayu* yang paling asal. Namun ia tidak semestinya yang terbaik. Terdapat sebuah versi lain yang juga dipercayai tertua tetapi amat pendek bentuknya. Versi ini terdapat di Universiti Leiden dengan kod *Cod. Or. 3199*, (3) Bahagian 4.[14] Walaupun lahir dalam bentuk salinan sahaja, tetapi versi inilah yang dipercayai dapat mengekalkan identiti (seperti kandungan dan ciri) serta *preserves an earlier draft*, menurut seorang sarjana sastera Barat.[15] Begitu juga naskhah *Sejarah Melayu* yang terawal yang mungkin pernah wujud dalam masa Kesultanan Melayu Melaka yang terkenal dengan judul *Hikayat Melayu* itu.

Penelitian ini juga melibatkan bidang filologi kerana hingga setakat ini masih belum terdapat suatu penyelenggaraan teks *Sejarah Melayu* yang paling lengkap untuk memberikan suatu pembacaan yang definitif. Sekiranya *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 dianggap pincang atau kurang memuaskan dari segi sejarah, suatu langkah yang alternatif perlu diambil. *Sejarah Melayu* daripada versi yang lain terutama kumpulan daripada versi tahun 1612 (seperti edisi Shellabear, edisi Munsyi Abdullah[16] dan edisi A. Samad Ahmad) yang mungkin dianggap lengkap tetapi tidak semestinya baik untuk tujuan sejarah, dirujuk dan diperbandingkan. Maksud 'tidak semestinya baik' di sini ialah kerana kumpulan versi tahun 1612 telah banyak mengalami perubahan, (fikirkan sahaja perkembangan proses penyalinannya dari tahun 1536 hingga tahun 1612 dan seterusnya disalin semula sehingga penghujung abad ke-19, seperti dilakukan tokok tambah dan pembuangan daripada naskhah yang lebih awal, juga kecuaian penyalinan, sama ada dengan sengaja ataupun sebaliknya).[17]

Perkara yang terpenting untuk difikirkan ialah bagaimana penyalin seperti Tun Seri Lanang yang menjadi penyusun atau pengarang semula (telitikan ungkapan 'barang kita perbaiki kiranya'), memasukkan isi-isi baru (terutama sumber lisan yang 'didengar daripada datuknya, neneknya', dan

---

[14]Judul yang diberikan untuk versi ini ialah *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan*.

[15]Lihat Paul Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsula in Ancient Times*, Eastern University Press Ltd., Singapore, 1964, hlm 154.

[16]Edisi Munsyi Abdullah ini kemudian telah diedit dan dianotasi semula pada tahun 1952 di Jakarta. Sila lihat T.D. Situmorang & A.E. Teeuw, (eds), *Sedjarah Melaju*, menurut terbitan Abdullah (Ibn Abdulkadir Munsji), Penerbitan Djambatan, 1952.

[17]T. Iskandar menamakannya sama ada *alteration by ignorance* ataupun *intentional alteration*. Rujuk T. Iskandar, "Some Aspects Concerning the Works of Copyists of Malay Historical Writing", dalam *Peninjau Sejarah*, III, 2, 1968, hlm 1–10.

lain-lain untuk meminjam kata-kata Syeikh Nuruddin ar-Raniri yang mengetahui benar Tun Seri Lanang sebagai pengarang teks *Sulalatus Salatin*),[18] ataupun di sebaliknya membuangkan sahaja perkara-perkara yang difikirkan tidak perlu.[19] Hal ini semua mungkin berlaku akibat persoalan pokok berhubung dengan sudut pandangan dan *Weltanschaung* (pandangan tentang kehidupan) penyusun teks *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 tadi.

Dalam proses 'diperbaiki' itu, besar kemungkinan Tun Seri Lanang didorong oleh matlamat *group-feeling* (untuk meminjam kata-kata Ibn Khaldun daripada bukunya) bagi mencemerlangkan atau memuji keluarga dan nenek moyangnya. Dalam konteks ini, keluarga atau nenek moyang Tun Seri Lanang yang pernah mewarisi tradisi bendahara-bendahara Melaka sepanjang 1400–1511 T.M. itulah yang dimaksudkan. Dalam penyusunan ini, Tun Seri Lanang "... as a rule approach *great and high ranking person with praise and encomiums*"[20] di kalangan kebanyakan great and high ranking person keluarga dan keturunannya sendiri. Kebijaksanaan mereka (walaupun mungkin mereka bodoh), kecantikan, kemuliaan dan 'kecerdikan' (walaupun mungkin mereka tidak sebegitu cerdik)[21] keluarga dan suku-suku ini, menjadi rempah-ratus penulisan *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 yang agak dominan. Semua hal yang membawa kepada *prejudice in historicity* inilah yang mungkin menyebabkan tidak kerap hadirnya, "... conditions conform with historical reality".[22]

---

[18]Pernyataan oleh Syeikh Nuruddin ini terdapat dalam kitabnya *Bustan'us-Salatin*. Antara petikan yang dapat dibaca tentang hal ini ialah;

> "Kata Bendahara Paduka Raja yang mengarang kitab masirat Sulalatus-Salatin, ia mendengar daripada neneknya dan datuknya tatkala pada Hijrah al-Nabi Salallahu 'alaihi wa sallam dua puluh esa pada bulan Rabi-ul-awwal pada hari Ahad ia mengarang hikayat pada menyatakan segala raja-raja yang kerajaan di negeri Melaka, Johor dan Pahang ...".

Naskhah *Bustan'us-Salatin*, Bab II Fasal 12 (hlm 88) tersimpan di Perpustakaan Universiti Malaya. Lihat juga rencana T. Iskandar, "Tun Seri Lanang Pengarang Sejarah Melayu", dalam *Dewan Bahasa*, VIII, ii, 1964, hlm 484; T. Iskandar, (ed), *Bustan'us-Salatin*, Bab II Fasal 13, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1966, hlm 6–7.

[19]Satu petikan jelas dapat dilihat dalam *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 suntingan A. Samad Ahmad yang berbunyi;

> "Adapun hikayatnya terlalu amat lanjut; jika kami hikayatkan semuanya, jemu orang yang mendengar dia; maka kami simpankan juga, kerana perkataan yang amat lanjut itu tiada gemar bagi orang yang berakal, adanya".

[20]Ibn Khaldun, *The Muqaddimah, An Introduction to History*, Routledge and Kegan Paul, London, 1967, hlm 36.

[21]Untuk perbincangan lanjut tentang tajuk ini, sila lihat Syed Zulfilda, "Wit and Humor dalam Sejarah Melayu", dalam *Dewan Bahasa*, 20, 4, 1976, hlm 197–218.

[22]Ibn Khaldun, *op. cit.*, hlm 35.

Kebenaran sejarah cuma berada dalam lingkungan pemikiran (*circle of thought*) Tun Seri Lanang sendiri, sesuai dengan matlamat penyusunan semula *Sejarah Melayu* yang dilakukannya. Mungkin kerana sedar dengan gejala inilah maka ahli sastera sosiologi semasa, Profesor Josselin de Jong melihat matlamat dan objektif *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 tadi sebagai;

> "... not merely to draw up a court chronicle. A more fundamental purpose was to vindicate a claim to greatness: of the dynasty, the Bendahara and the realm as a whole ... by which this greatness could be retained or restored".[23]

Ciri kecondongan (bias) terhadap keluarga Bendahara amat jelas. Bagi ahli sejarah yang sentiasa mencari kebenaran sejarah, hakikat ini wajib dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, unsur- unsur *Sejarah Melayu* yang sering dianggap *nonsensical element*,[24] tidak semestinya *nonsence* dalam pemikiran Tun Seri Lanang sendiri.

PUTERA DAN WANITA JAWA

Sejarah Melayu versi tahun 1536 nampaknya lebih sahih walaupun tidak semestinya lengkap untuk memberikan butir-butir sejarah tentang bab kecil ini jika dibandingkan dengan versi-versi sejenis tahun 1612 yang lain.

Perwatakan sebenar Raja Raden sebelum bergelar Sultan Alauddin amat kabur. Kita hanya diberitahu bahawa terdapat seorang putera Sultan Mansor (di samping putera-puterinya yang lain) bernama Ratu di Kelang, beribukan Puteri Galuh dari Majapahit(?);

> "Setelah beberapa lamanya, maka Sultan Mansor Syah pun beranak dengan Raden Galoh Cendera Kirana seorang laki-laki, maka dinamai baginda Ratu di Kelang".[25]

Sementara itu *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 menyebut putera tersebut sebagai Raden Kelang,[26] edisi A. Samad Ahmad menyebut sebagai Raden di Kelang,[27] sementara edisi A.E. Teeuw dan T. Situmorang mencatat Raden Kelang[28] atau sebaliknya Raden Digelang.[29]

---

[23]P.E. Josselin de Jong, "The Character of the Malay Annals", dalam J. Bastin & R. Roolvink (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Oxford, 1964, hlm 235–241.
[24]Ibn Khaldun, *op. cit.*, hlm 36.
[25]R.O. Winstedt, (ed), *op. cit.*, hlm 111.
[26]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 125 dan 168.
[27]A. Samad Ahmad, (ed), *op. cit.*, hlm 121 dan 158.
[28]A.E. Teeuw dan T.D. Situmorang, (eds), *op. cit.*, hlm 136.
[29]*Ibid.*, hlm 184.

Besar kemungkinan, lantaran terdapat kesamaan (kaitan?) gelaran dan nama Raden Kelang dengan Ratu di Kelang atau sebaliknya antara Raden Digelang dengan Raja Raden, maka R.J. Wilkinson dan Wheatley tanpa teragak-agak menyatakan bahawa Raja Raden itulah yang sebenarnya menjadi Sultan Alauddin Riayat Syah I.[30] Sebelum menjadi raja di Melaka, baginda pernah dilantik menjadi raja atau ratu di Kelang. Hal yang demikian biasa terjadi terhadap Raja Menawar, putera Sultan Alauddin sendiri yang dihantar sebagai *apprentice* (membiasakan diri) di Kampar sebelum menjadi raja di Melaka. Langkah Sultan Alauddin ini telah dieksploit dan dipolitikkan oleh Bendahara Seri Maharaja untuk melantik anak saudara sendiri, iaitu Raja atau Sultan Mahmud sebagai permintaan Melaka. Perkara yang sama dialami juga oleh Paduka Seri China, putera Sultan Mansor (dengan isterinya Hang Li Po?) yang menjadi raja Jeram, di Langat.

Seandainya benar dakwaan tersebut, maka nyatalah dalam konteks penteraan dan naratif asal usul Sultan Alauddin, Tun Seri Lanang telah memanipulasikan kebenaran sejarah melalui daya penciptaan sastera dan komposisi semula *Sejarah Melayu*. Beliau dengan sedar, mematikan watak Raden Kelang dengan memitoskan bahawa putera raja yang masih muda ini terbunuh di Kampung Keling.

> "Maka tersebutlah perkataan Raden Kelang, anak baginda Sultan Mansor Syah dengan Raden Galoh Cendera Kirana anak Betara Majapahit itu ... hendak dirajakan baginda, kerana Raden Galoh itu menjadi Raja Perempuan Besar Melaka ... Maka orang pun mengamuk ... maka Raja Kelang pun berdiri menghunus keris; menantikan orang mengamuk itu ... lalu tertikam dengan Raden Kelang; maka sama menikam sama kena pada dada keduanya mati, seorang rebah ke kiri, seorang rebah ke kanan".[31]

---

[30]Paul Wheatley, *op. cit.*, hlm 149; R.J. Wilkinson, *A History of the Peninsular Malaya*, 3rd. Edition, Singapore, 1923, Bab 5. Sila lihat juga rencana Wilkinson, "The Malacca Sultanate", dalam *JMBRAS*, 13, ii, 1935, hlm 22–67.

[31]Sementara itu edisi A. Samad pada episod yang sama menyebut:

> "Alkisah maka tersebutlah perkataan Raden Kelang, anak Sultan Mansor Syah dengan Raden Galoh Cendera Kirana anak Betara Majapahit .... Raden Kelanglah hendak diraja baginda ... pada suatu hari Raden Kelang pergi bermain di Kampung Keling, maka orang pun mengamuk ... maka Raden Kelang berdiri menghunus kerisnya, menantikan orang mengamuk itu ... lalu bertikam dengan Raden Kelang; sama datang mata keris itu, maka keduanya kena dada, lalu sama mati; seorang rebah ke kanan dan seorang rebah ke kiri ...."

A. Samad Ahmad, (ed), *op. cit.*, hlm 158–159

Ini sengaja dilakukannya untuk memberi jalan kepada penglahiran *imagery* dan kewujudan watak Raja Hussain atau Raja Ahmad yang dikatakan putera Sultan Mansor dan beribukan saudara Bendahara Paduka Raja (yang tentunya adalah nenek moyang Tun Seri Lanang).

KEUNIKAN WATAK SULTAN ALAUDDIN

Kebolehan fizikal dan mental Sultan Alauddin berbanding dengan raja-raja Melaka yang lain adalah unik (mungkin selain Sultan Ahmad, putera Sultan Mahmud). Mungkin tidak ada raja Melaka yang sanggup menyamar dan meronda pekan Melaka pada waktu malam selain baginda sendiri. Seperti yang telah diketengahkan oleh Tome Pires, "say that at night he used to go about the city in person; they say that he slept little ..."[32] sehingga sanggup pula bertindak bersendirian menghapuskan kecurian yang berleluasa. Tindakannya mengatasi kebolehan dan tanggungjawab Seri Maharaja yang menjadi Temenggung ketika itu dan yang bertanggungjawab mengawasi keselamatan pekan Melaka. Temenggung Seri Maharaja tentunya merasa terhina dengan tindakan Sultan Alauddin seperti itu. Ini merupakan suatu contoh tindakan nekad baginda di samping kemungkinan terdapat tindakan-tindakan nekad yang lain.

Sikap dan tindakan yang mencabar ini mungkin tidak disenangi atau tidak diterima oleh pembesar-pembesar Melayu yang lain, terutama pembesar yang mempunyai kepentingan politik di Melaka seperti golongan Melayu-Tamil dan lebih daripada satu abad selepas itu munculnya Tun Seri Lanang. Apatah lagi didapati bahawa susur-galur pihak sebelah ibu Sultan Alauddin adalah terasing daripada corak permintaan (polity) kekeluargaan kalangan elit bangsawan Melaka yang mana pengaruh kalangan Melayu-Tamil telah semakin kuat.

Sama ada disengajakan ataupun tidak, satu langkah yang drastik telah diambil untuk menghapuskan baginda, iaitu dengan meracunnya. Sekiranya hujah seperti ini bersabit, maka dakwaan sumber Portugis tentulah tidak dapat diragukan lagi terutama seperti yang dilaporkan oleh de Eredia, seorang pembabad Portugis yang hadir di Melaka pada masa yang paling hampir dengan tahap-tahap Kesultanan Melayu Melaka.[33] Sebenarnya laporan de Eredia memang dapat diselaraskan dengan laporan Tome Pires. Selain amat praktikal dan pragmatik dalam tindakannya, baginda juga dilaporkan sebagai seorang yang warak dalam Islam, "They say that this

---

[32]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 249.

[33]Rujuk J.V. Mills, (ed), "Eredia's Description of Malacca, Meridional India, and Cathay", dalam *JMBRAS*, VIII, i, 1930, hlm 182–185.

King (Alauddin) was more devoted to the affairs of the mosque than to anything else".[34] Baginda juga dilaporkan telah membuat persediaan untuk menunaikan fardu haji ke Mekah, "This King (Alauddin) having decided to go to Macca and being in Bretam he wanted to come to Malacca to complete his preparations ...". Tetapi dengan tiba-tiba, sebelum semua persediaan dibuat untuk berangkat, "... and in seven or eight days he died ...".[35] Laporan Tome Pires ini membuatkan kita tertanya-tanya, bagaimanakah baginda mangkat (selain hukum Allah), mengapakah baginda mangkat dengan terkejut dalam masa beberapa hari sahaja, walhal baginda rancak membuat persediaan untuk berangkat ke Mekah dalam beberapa hari terakhir sebelum kemangkatannya?

Semua persoalan ini merupakan kemungkinan yang patut difikirkan untuk menolak dakwaan Tun Seri Lanang bahawa baginda mangkat secara biasa sahaja, "Hatta berapa lamanya, datanglah peredaran dunia; maka Sultan Alauddin pun geringlah. Maka baginda menyuruh memanggil anakanda baginda Raja Mahmud, Bendahara dan segala orang kaya-kaya sekaliannya datang menghadap .... Setelah itu maka Sultan Alauddin pun mangkatlah".[36] Justifikasinya mudah sahaja. Sekiranya *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 dengan jelas menuliskan umur dan pemerintahan Sultan Alauddin yang amat singkat sahaja, "Setelah tiga puluh tiga tahun umur baginda di atas kerajaan, datanglah kepada peredaran dunia ...".[37] *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 pula langsung tidak menyebutkan umur dan tahap pemerintahan baginda, kebenarannya seperti disorok-sorokkan. Dan tiga tahap yang amat pendek ini memang sesuai dengan laporan Portugis yang mengatakan bahawa baginda mangkat ketika berumur dalam lingkungan 30-an setelah memerintah selama lebih kurang sebelas tahun.

Berbagai-bagai pendapat untuk menuduh pihak yang bertanggungjawab melakukan kecelakaan ini. Ada yang menuduh Raja Inderagiri atau Raja Pahang (saudara sebapa tetapi berlainan ibu);[38] ada pula yang

---

[34]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 251.

[35]*Loc cit.*

[36]Mungkin Paul Wheatley menempatkan pengertian 'mangkat secara biasa' ini sebagai, "... subscribe to it on his deathbed", lihat Paul Wheatley, *op. cit.*, hlm 149; Shellabear *op. cit.*, hlm 184–186.

[37]R.O. Winstedt, (ed), *op. cit.*, hlm 149.

[38]R.J. Wilkinson, *op. cit.*, hlm 37–39. Sementara itu Haji Buyong Adil yang tentunya banyak bergantung pada sumber Wilkinson ini juga dan sumber Portugis cuba menggalurkan kesalahan yang mungkin dilakukan oleh Raja Merlang yang beripar-duai dengan Raja Melaka di samping kemungkinan Raja Inderagiri dan Raja Pahang tadi. Lihat Buyong Adil, *Sejarah Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1976, hlm 51.

mentohmah Bendahara Melaka sendiri.[39] Tetapi bagaimanakah pula dengan anasir daripada golongan Melayu-Tamil yang memang sedia mempunyai perasaan sakit hati terhadap baginda sama ada dari segi kekeluargaan ataupun daripada pada bidang *physical relationship* di kalangan sesamanya? Adakah mereka terkecuali daripada sebarang tuduhan setelah kita mengetahui latar belakang sosial yang wujud?

Tetapi Tun Seri Lanang, dengan mengambil pendekatan sudut pandangannya sendiri dan daya konvensi kesusasteraan yang diwarisi sejak penulisan *Hikayat Raja-raja Pasai* pada awal abad ke-13 dahulu, seolah-olah cuba melindungkan elit bangsawan Melaka yang menganggotai sebilangan besar golongan Melayu-Tamil[40] ketika Sultan Alauddin mangkat dahulu.

---

[39]Paul Wheatley, *op. cit.*, hlm 151.

[40]Menurut keterangan *Sejarah Melayu*, salasilah beliau lebih kurang dapat disusun seperti berikut;

> "Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannya, Paduka Raja gelarannya, Bendahara, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Nara Wangsa, piut Bendahara Seri Maharaja, anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindan ..."

Kenyataan ini mungkin merupakan sisipan terkemudian yang dilakukan oleh seorang penyalin terkemudian di samping beberapa sisipan yang lain. Penyalin tersebut mengetahui bahawa Tun Seri Lanang adalah penyusun *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 ini. Lihat Shellabear, *op. cit.*, hlm 2; Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *Sejarah Melayu: Suatu Perbincangan Kritis daripada Pelbagai Bidang*; Heinemann Education Books (Asia), Ltd., Kuala Lumpur, 1978, hlm 218.

Dalam senarai salasilahnya, Mani Purindan yang berasal dari benua Keling dikatakan berkahwin dengan puteri Seri Nara Diraja, Tun Rana Sandari dan mendapat anak bernama Tun Ali. Keluarga inilah selepas itu memulakan tradisi memegang jawatan pembesar-pembesar Melaka yang penting seperti jawatan Bendahara, Penghulu Bendahari dan Temenggung sepanjang hayat Kesultanan Melayu Melaka hingga ke tahun 1511 dan tahun-tahun selepasnya. C.O. Blagden meletakkan enam susunan keturunan Tun Seri Lanang daripada jurai Mani Purindan seperti berikut:

VI – Baginda Mani Purindan
V – Seri Nara Diraja Tun Ali
IV – Bendahara Seri Maharaja
III – Bendahara Tun Nara Wangsa
II – Bendahara Seri Maharaja
I – Orang Kaya Paduka Raja

Tun Muhammad, Tun Seri Lanang,
Paduka Raja, Bendahara.

Tradisi Tamil daripada istilah dan gelaran Mani Purindan bermaksud "penyimpan batu permata". Rujuk "The Geneologis Given in the Sejarah Melayu", dalam *Mal. 297496*, (Naskhah Perpustakaan SOAS), hlm 1–22. Blagden dan semua versi panjang *Sejarah Melayu* memberikan rajah kekeluargaan Sultan Alauddin I. Lihat Lampiran H dan Lampiran I.

Sebagaimana andaian Paul Wheatley, beliau tidak bersimpati terhadap seorang sultan yang memegang terlampau banyak kuasa. Hal ini tentulah bertentangan dengan tradisi corak pemerintahan temurun Melayu-Melaka yang kuasa fizikal lebih banyak terserah kepada Bendahara dan pembesar-pembesar yang lain. Kedua, ibu Sultan Alauddin adalah wanita Jawa, tetapi Tun Seri Lanang meletakkannya sebagai saudara perempuan Bendahara Paduka Raja pula dengan alasan yang mudah. Dengan membentangkan fakta 'ibunya seorang wanita Jawa' (tidak semestinya Raden Galoh Cendera Kirana) tentulah akan bertentangan dengan matlamat Tun Seri Lanang menyusun semula *Sejarah Melayu*, iaitu untuk memperbesar dan

BATU NISAN MAKAM SULTAN ALAUDDIN RIAYAT SYAH
DI KAMPUNG RAJA PAGUH, MUAR, JOHOR

BATU NISAN MAKAM SULTAN MANSOR SYAH

mencemerlangkan nenek moyang Bendahara sejak dari zaman purba lagi!

Episod kemangkatan Sultan Alauddin dilukiskan dengan keadaan biasa seperti yang muncul dalam tradisi hasil kesusasteraan yang semididaktik sifatnya seperti ini. Baginda dilaporkan sebagai memberikan nasihat dan 'khutbah' yang panjang lebar sebagai penerusan tradisi berpegang pada

prinsip selok-belok kenegaraan Melayu yang unggul.

Apabila memperkatakan watak dan kewujudan Sultan Alauddin dalam *Sejarah Melayu* (terutama versi yang sekumpulan), sebenarnya adalah menghubungkan antara realiti dengan ideologi kepengarangan. Tun Seri Lanang semacam telah menukilkan *historical truth* dalam konteks realiti yang berlaku dengan ideologi tentang matlamat dan motif penyusunan semula *Sejarah Melayu*. Antara konvensional itu pula, tidak ternampak sebarang jurang pemisah yang ketara sehinggakan jika kita tidak berhati-hati, kita akan menerima dengan sepenuhnya apa yang diceterakan oleh Tun Seri Lanang dalam *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 dari Johor itu sebagai mempunyai kebenaran sejarah. Dari sudut yang lain, beliau berbuat demikian kerana untuk melindungi gejala dan keburukan sosial yang telah dilakukan oleh nenek moyangnya dahulu dengan harapan untuk mencapai matlamat yang di sebaliknya pula.

Oleh yang demikian, seandainya apa yang dibabadkan oleh *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 itu sahih, benar pula pernyataan sumber Portugis yang melaporkan kemangkatan Sultan Alauddin kerana diracun dan mangkat dalam umur yang sangat muda dan dibuktikan pula lagi oleh etos Tun Seri Lanang ketika 'memperbaiki' teksnya pada tahun 1612, jelaslah sebenarnya Sultan Alauddin adalah putera Sultan Mansor Syah. Baginda 'berdarah' Jawa kerana beribukan wanita Jawa, bukan beribukan saudara Bendahara Paduka Raja. Dalam pembinaan semula asal usul ini, kita sukar menghubungkan dan menentukan nama-nama Raja Hussain, Raja Ahmad dan Raja Raden. Adakah mereka orang yang sama ataupun tokoh yang berlainan sama sekali? Atau adakah Raja Hussain (yang wujud dalam edisi Shellabear dan nama Raja Ahmad hanya merupakan interpolasi penyalin terkemudian, ataupun kebalikannya?) hanya hadir dalam metos fikiran Tun Seri Lanang sahaja? Oleh itu, Paul Wheatley berpendapat bahawa Sultan Alauddin sebagai;

> "... a shadowy figure in Malay literature".[41]

Antara Tun Seri Lanang yang mewarisi darah keturunan Bendahara Melaka dengan ibu Sultan Alauddin yang bersuku bangsa Jawa itu, memang tidak ada hubungan darah sama sekali.

Melaka adalah pelabuhan perdagangan yang didiami oleh berbagai-bagai bangsa dengan pelbagai profesion. Dalam keadaan yang begitu rupa dan corak kekosmopolitanan masyarakatnya, kemungkinan terjadinya per-

[41]Paul Wheatley, *Sejarah Melayu* hlm 151.

kahwinan campur antara orang-orang Melayu tempatan (sama ada yang kerabat ataupun yang bukan kerabat) dengan berbagai-bagai bangsa ataupun suku bangsa yang lain atau asing dalam sejarah sosial Mel emang tidak dapat ditolak. Tome Pires sendiri, semasa hadir di Melaka hanya beberapa tahun sahaja selepas raja-raja Melaka berundur dari bandar Melaka pernah menyatakan, "... and this custom or marrying people of different sects causes no surprise in Malacca".[42]

Walau bagaimanapun, pendapat dan interpretasi ini tidak semestinya muktamad. Selagi ada pendapat dan interpretasi yang lain yang lebih meyakinkan, selama itulah ketokohan Sultan Alauddin terus berada dan menjadi satu misteri! Tuhan sahaja Yang Maha Mengetahuinya.

[42]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 249.

7

Seri Bija Diraja dalam Tradisi Pembesar-pembesar Melayu Melaka pada Abad ke-15 dan Abad ke-16

SERI BIJA DIRAJA adalah salah satu daripada gelaran pembesar Melayu Melaka yang penting pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Tentang jawatan pembesar tradisional ini, Tun Seri Lanang dalam memetik kata-kata rawi dalam teks *Sejarah Melayu* menyebut;

> "... dan hulubalang muda-muda berdiri di ketapakan balai memikul pedang ... dan kepada Bentara yang di kanan itu daripada anak cucu hulubalang yang akan patut menjadi Laksamana dan Seri Bija Diraja".[1]

Semasa Melaka diperintah oleh Sultan Muhammad Syah (Seri Maharaja, 1424–1444 T.M.), iaitu raja ketiga Melaka yang kedua memeluk agama Islam,[2] taraf dan kedudukan Seri Bija Diraja di balairung istana raja Melaka diletakkan ke taraf yang ketiga selepas taraf empat orang pembesar terkanan di Melaka Seri Bija Diraja duduk di seri balai dan selepas taraf anak-anak raja yang duduk di kelekan balai. Seri Bija Diraja berdiri di ketapakan balai bersama-sama dengan hulubalang Melaka yang muda-muda. Tugas Seri Bija Diraja dilaporkan sebagai bersamaan dengan tugas Laksamana Melaka seperti yang diterangkan oleh *Sejarah Melayu*;

> "Adapun segala perkakas raja, seperti ketur dan kendi, kipas dan barang sebagainya diselang-selang duduknya, melainkan puan dan pedang dikelek-kelekkan kiri kanan; pedang kerajaan itu Laksamana atau Seri Bija Diraja memikul pedang itu".[3]

---

[1]Lihat W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu*, Singapura, 1961, hlm 72.

[2]Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", dalam *JMBRAS*, Jil XLI, Bhg i, 1968, hlm 18.

[3]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 72.

Jelaslah bahawa Seri Bija Diraja sebenarnya merupakan suatu gelaran. Jawatan yang dipegang oleh orang atau tokoh yang membawa gelaran tersebut dinamakan juga sebagai Hulubalang Besar, jawatan keempat yang penting selepas jawatan Bendahara, Penghulu Bendahari dan Temenggung, sebelum Melaka diperintah oleh Sultan Mansor Syah (1456–1477 T.M.), dan sebelum munculnya tradisi jawatan Laksamana.

Melihat pada nama jawatan itu sendiri, di samping menyaksikan fungsi ketenteraan yang dipegangnya. nyatalah bahawa Seri Bija Diraja adalah ketua segala hulubalang di Melaka. Seri Bija Diraja memikul segala tanggungjawab yang bersabit dengan masalah ketenteraan kerajaan Melaka pada zaman kesultanannya.

SERI BIJA DIRAJA DAN LAKSAMANA

Sepanjang pengetahuan kita tentang konsep Empat Lipatan Pembesar dalam sistem pembesar dalam kerajaan Melaka, dan juga dalam kerajaan Melayu tradisional lain yang muncul selepas Melaka serta mewarisi tradisi pembesar-pembesar Melaka, maka ahli sejarah dan ahli kaji masyarakat cenderung meletakkan Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana sebagai empat pembesar Melaka utama yang terkanan.[4] Dan bukan Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Syahbandar seperti yang pernah dicadangkan oleh pengkaji-pengkaji.[5] Akibatnya, peranan dan kedudukan politik Seri Bija Diraja sering dipencilkan.

---

[4]Lihat rencana yang bersangkutan seperti oleh R.O. Winstedt, "A History of Malaya", dalam *JMBRAS*, XIII, i, 1935, hlm. 1–270; R.J. Wilkinson, "The Malacca Sultanate", dalam *JMBRAS*, XIII, ii, 1935; J.M. Gullick, *Indigenous Political System of Western Malaya*, London, 1958, (passim), dan seterusnya.

[5]Cadangan ini sebenarnya diasaskan kepada bukti daripada catatan *Undang-undang Melaka* yang memperuntukkan bahawa, "Adapun pada segala raja-raja itu, pertama-tamanya menjadikan Bendahara, kedua menjadi Temenggung, ketiga menjadi Penghulu Bendahari, keempat menjadikan Syahbandar, maka terpeliharalah segala raja-raja itu dengan segala rakyat".

Kenyataan *Undang-undang Melaka* ini patut diteliti semula. Pertama, draf asal *Undang-undang Melaka* ini 'dibuat' semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, apabila institusi Laksamana belum lagi muncul di Melaka ketika itu. Kedua, jika sahih dakwaan Tome Pires, seorang pencatat dari Portugal, yang mengatakan bahawa di Melaka terdapat sekurang-kurangnya empat orang Syahbandar, bagaimana hendak ditempatkan empat orang Syahbandar ini ke taraf pembesar yang empat sekaligus? Memang pernah dilantik orang asing seperti Raja Mendeliar, menjadi Syahbandar Melaka tetapi orang asing memang tidak mungkin menjadi salah seorang pembesar empat terkanan di Melaka.

Untuk rujukan lanjut, sila lihat Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Melaka, Bibliotheca Indonesica*, The Hague, Martinus, Nijhoff, Leiden, 1976, Bab :1, hlm 620. Lihat juga Armando Cortesao, (ed & tsd), *The Suma Oriental of Tome Pires*, The Hakluyt Society, London, 1944, hlm 284–6.

Masalahnya sekarang ialah jika Seri Bija Diraja dikatakan memegang jawatan Hulubalang Besar dan menjadi ketua segala hulubalang Melaka yang sepatutnya dipegang oleh Laksamana, di manakah taraf sebenar dan kedudukan Seri Bija Diraja dalam sistem Pembesar Empat tadi?

Hingga kajian-kajian akhir dilakukan, kita hanya dapat mengetengahkan andaian bahawa sebelum muncul institusi Laksamana dalam tradisi pembesar Melayu di Melaka, besar kemungkinan Seri Bija Diraja menduduki taraf pembesar keempat dalam lipatan pembesar empat yang pertama lalu menjadi Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Seri Bija Diraja. Andaian ini dibuat dengan beberapa bukti catatan. Pertama, ketika Sultan Mansor Syah berangkat ke tanah Jawa, *Sejarah Melayu* melaporkan bahawa pemerintahan Melaka dipangku oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Beliau dibantu oleh beberapa orang pembesar kanan Melaka yang antara lain termasuklah Penghulu Bendahari Tun Ali dan Seri Bija Diraja.[6] Dalam beberapa siri peperangan Melaka dengan kuasa-kuasa lain seperti Siam, Pahang, Siak dan Tungkal, Bendahara Paduka Raja atau Seri Nara Diraja yang akan menjadi ketua ketumbukan angkatan perang Melaka dan biasanya dibantu oleh Seri Bija Diraja.[7]

Dalam naskhah *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan*, iaitu rangka naskhah *Sejarah Melayu* yang dipercayai terawal, tertua dan yang dapat mengekalkan nilai kesejarahannya,[8] melaporkan bahawa tokoh politik dan ketenteraan yang amat berpengaruh di Melaka adalah Seri Nara Diraja Tun Ali dan Seri Bija Diraja, iaitu sebelum kemunculan Bendahara Tun Perak dan Laksamana Hang Tuah.

Tetapi selepas munculnya institusi Laksamana, yang kali pertamanya disandang oleh Hang Tuah pada zaman Sultan Mansor Syah, kedudukan dan taraf Seri Bija Diraja didapati semakin menurun, walaupun fungsi politik dan sosialnya tetap sama. Dari segi taraf dan kedudukan pembesar-pembesar Melayu di balairung istana Melaka, Laksamana diletakkan setaraf dengan Seri Bija Diraja sebagaimana *Sejarah Melayu* melaporkan;

"Telah itu Hang Tuah dilekatkanlah gelar 'Laksamana' itu dan diarak

---

[6]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 116.

[7]*Ibid.*, (passim).

[8]R.Roolvink, "The Variant Version of the Malay Annals". Rencana ini dilampirkan sebagai lampiran tambahan kepada buku C.C. Brown, (ed & tsd), *The Malay Annals or Sejarah Melayu*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm xv-xxxv. Naskhah asal teks tersebut tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda. Salinannya dalam bentuk mikrofilem terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Di Leiden, kodnya ialah *Cod. Or. 3199 (3) Part 4.*

keliling negeri, seperti adat anak raja-raja, didudukkan tara Seri Bija Diraja; kerana adat dahulu kala".[9]

Akibatnya timbul dua masalah berhubung dengan sistem Empat Lipatan Pembesar di Melaka. Pertama, bahawa sekiranya fungsi dan taraf Seri Bija Diraja diletakkan bersamaan dengan fungsi dan taraf Laksamana, bagaimanakah kedudukan pembesar yang keempat dalam susunan empat orang pembesar terkanan di Melaka, Laksamana atau Seri Bija Diraja? Tidak mungkin kedua-dua orang pembesar tersebut sama-sama menduduki tempat pembesar yang keempat tadi. Kedua, mungkin akibat daripada timbulnya masalah untuk menentukan kedudukan Laksamana dan Seri Bija Diraja dalam sistem tersebut, maka Syahbandar telah diletakkan sebagai salah seorang pembesar terkanan, bukan Laksamana atau Seri Bija Diraja.

TIMBALAN LAKSAMANA

Apabila mengkaji salasilah keluarga Laksamana Melaka yang pertama dan salasilah Seri Bija Diraja, jelaslah bahawa kedua-duanya adalah keturunan keluarga Melayu jati. Walaupun kita kurang mendapat sokongan daripada bukti-bukti sejarah namun fungsi-fungsi sosial dan politiknya adalah jelas. Besar kemungkinan Seri Bija Diraja berketurunan Melayu daripada suku Orang Laut yang pada asalnya tinggal di Bentan dan Singapura.[10] Orang Laut pada hakikatnya menjadi tulang belakang kekuatan ketumbukan dan tentera laut kerajaan Melaka.[11] Mungkin kerana telah biasa dengan peranan Orang Laut, adalah wajar Seri Bija Diraja yang berasal daripada kumpulan suku kaum Melayu ini dilantik untuk mengetuai bidang ketenteraan, terutama di bahagian laut. Dan sewajarnyalah juga Singapura menjadi kawasan 'pegangan' Seri Bija Diraja kerana secara politik dan tradisi, Singapura telah diserahkan kepada Seri Bija Diraja.[12]

Oleh sebab Laksamana dan Seri Bija Diraja berasal daripada keturunan Melayu serta memainkan peranan politik serta ketenteraan yang sama, maka

---

[9]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 137.

[10]Untuk keterangan lanjut berkenaan hal ini, sila lihat buku Alfred Rubih, *International Personality of the Malay Peninsula*, Kuala Lumpur, 1974, hlm 3–28. Lihat juga C.A. Gibson-Hill, "The Orang Laut of the Singapore River and the Sampan Panjang", dalam *JMBRAS*, XXV, i, 1952.

[11]Lihat Sherard Osborn, *The Blockade of Kedah*, Edisi Kedua, London, 1960, hlm 255–60; O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Kuala Lumpur, 1969, (passim); Shellabear, (ed), *op. cit.*, (passim).

[12]Kawasan Bentan pula diserahkan untuk pegangan Bendahara. Lihat Shellabear, *ibid.* hlm 202; buku saya berjudul *Sejarah Melayu; Perbincangan Kritis dari Berbagai Bidang*, Heinemann Educational Book International, Kuala Lumpur, 1977, hlm 172–173.

tidak berlaku sebarang masalah pergeseran peribadi dan perlantikan kepegawaian berhubungan dengan kedudukan pegawai-pegawai tersebut. Selepas Hang Tuah menjadi Laksamana Melaka secara rasmi, Seri Bija Diraja mungkin dilantik sebagai Timbalan Laksamana. Apabila Raja Melaka menghantar Bendahara untuk memerangi kuasa asing seperti Pasai, Rokan dan Inderagiri, Laksamana dan Seri Bija Diraja dilantik seiring sebagai pengiring Bendahara, seorang di sebelah kanan dan seorang di sebelah kiri. Dalam tradisi penulisan *Sejarah Melayu*, cara Tun Seri Lanang mencatatkan pembesar-pembesar Melaka juga nampaknya ditentukan. Gelaran Seri Bija Diraja sering disebut serentak dengan penyebutan jawatan Laksamana, seolah-olah menunjukkan bahawa Laksamana dan Seri Bija Diraja merupakan dua orang pembesar Melayu yang sama penting dari segi fungsi, iaitu:

BENDAHARA

PENGHULU BENDAHARI

TEMENGGUNG

LAKSAMANA

atau

SERI BIJA DIRAJA

Hakikat ini tentulah merupakan suatu fenomena perkembangan masyarakat dan kepegawaian Melaka yang menarik. Dan fenomena ini mungkin berbeza dengan fenomena hubungan sejarah antara dua orang pembesar Melaka, iaitu Bendahara Paduka Raja Tun Perak dan Penghulu Bendahari (Seri Nara Diraja) Tun Ali. Tun Ali adalah berketurunan Melayu-Tamil. Perlantikan Tun Perak sebagai Bendahara telah mencetuskan pergeseran peribadi yang hebat antara beliau dengan Tun Ali. Orang Melayu-Melaka berpecah kepada dua puak. Mereka saling bertentangan.[13] Puak yang pertama terdiri daripada orang yang menyokong Tun Perak. Sementara orang yang pro-Tun Ali membentuk puak yang kedua.

[13]Rencana saya, "Malacca Society - 1400–1511, Some Critical Observations", dalam Paul Wheatley and K. S. Sandhu (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital, cir. 1400–1980*, terbitan Oxford Universiti Press, Kuala Lumpur, 1983.

Fenomena masyarakat ini mengingatkan kita kepada perkembangan sejarah hubungan suku kaum dalam masyarakat Melaka yang lebih luas lagi. Bendahara Seri Wak Raja II, Bendahara Melaka daripada keturunan Melayu jati menunjukkan reaksinya menolak rancangan Sultan Muzaffar Syah yang menyerapkan Seri Nara Diraja Tun Ali yang berketurunan Tamil ke dalam institusi pembesar Melaka dengan cara membunuh diri dengan memakan racun.[14] Isu pertentangan antara puak Melayu dengan puak Tamil-Melayu ini berlanjutan sehingga ke tahun 1511. Akhirnya perkara ini menjadi seperti unsur 'duri dalam daging' yang menjadi faktor jangka panjang yang meruntuhkan kerajaan Melaka.[15]

Sebagai seorang pembesar yang berketurunan dan berkeluarga Melayu, Seri Bija Diraja juga nampaknya 'sebulu' dengan Seri Wak Raja II yang membunuh diri itu. Seri Bija Diraja Tun Kerutup menunjukkan sikap dan pendiriannya dengan enggan mengiktiraf Sultan Mahmud Syah yang berdarah Tamil, di pihak sebelah ibu, sebagai raja Melaka. Sentimen pro-Melayunya amat ketara apabila beliau dikatakan lebih mendaulati Raja Menawar Syah di Kampar, putera Sultan Alauddin Riayat Syah dengan isterinya seorang anak pembesar Melayu jati di Melaka. Beliau nampaknya lebih rela mati daripada memberikan taat setia kepada Sultan Mahmud. Beliau akhirnya mati juga dibunuh oleh Sultan Mahmud Syah.

SALASILAH SERI BIJA DIRAJA

Tidak terdapat sebarang sumber peribumi tentang salasilah keluarga Seri Bija Diraja yang paling tepat. *Sejarah Melayu* mencatatkan bahawa Seri Bija Diraja muncul dalam tradisi pembesar-pembesar di Melaka sejak zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah lagi. Dan sehingga ke tahun 1511, Melaka nampaknya mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang tokoh yang memegang gelaran Seri Bija Diraja. Tokoh Melayu terawal yang dikatakan memegang gelaran tersebut ialah Tun Hamzah[16] yang dikenali dengan panggilan Datuk Bongkok. Pembesar inilah yang dikatakan sama pentingnya dengan Seri Nara Diraja (Penghulu Bendahari) dalam kedudukan dan fungsinya sebelum institusi Laksamana muncul, dan sebelum Tun Perak

---

[14]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 89; lihat juga Paul Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsula in Ancient Times*, Singapore, 1964, hlm 149; Tetapi penyusun teks *Sejarah Melayu* versi 1612 yang boleh dikatakan berketurunan Melayu-Tamil itu juga nampaknya cuba melindungkan hakikat yang sebenarnya lalu mengatakan bahawa pembesar Melaka ini membunuh diri kerana malu yang ditanggungnya di istana raja Melaka.

[15]Rencana saya, *Masyarakat Melaka, 1400–1511, dengan Tumpuan Khusus tentang Orang-orang Asing*, kertas kerja yang belum diterbitkan dalam Kongres Sejarah Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Mac, 1978.

[16]Lihat Josselin de Jong, "Who's Who in the Malay Annals", dalam *JMBRAS*, Jil 24, Bhg ii, 1961, hlm 1–89.

dilantik menjadi Bendahara Melaka. Beliau meninggal dunia ketika Melaka diperintah oleh Sultan Alauddin Riayat Syah.[17]

Tun Hamzah digantikan oleh anaknya, Tun Kerutup. Tokoh inilah yang dilaporkan mati dibunuh oleh Sultan Mahmud lantaran sentimen kemelayuannya tadi.

Tun Kerutup digantikan oleh anak saudaranya, Sang Setia Tetayan,[18] cucu almarhum Tun Hamzah dan anak Tun Bija Diraja.[19] Tokoh ini telah mati di medan pertempuran ketika mempertahankan Pagoh daripada serangan Portugis selepas tahun 1511.

RAJAH SALASILAH

*tokoh yang bergelar Seri Bija Diraja

Secara ringkasnya seperti juga gelaran dan jawatan Laksamana, gelaran Seri Bija Diraja atau jawatan Hulubalang Besar adalah dimonopoli oleh satu keluarga sahaja secara keturunan.

PERUBAHAN GELARAN

Peranan sosial dan politik Seri Bija Diraja sebagai ketua hulubalang dan kedudukannya sebagai Timbalan Laksamana dalam sistem pentadbiran kebangsawanan Melayu mungkin diteruskan dalam tradisi pembesar-pembesar Melayu di Johor. Tetapi suatu perubahan telah berlaku. Di Johor, gelaran Seri Bija Diraja diubah kepada gelaran Seri Bija Wangsa. Tokoh ini dilaporkan sebagai bertanggungjawab menjadi ketua angkatan Orang Laut yang menjadi sebahagian besar daripada ketumbukan angkatan laut kerajaan

[17]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 178.

[18]Dalam naskhah *Sejarah Melayu* versi tahun 1536, nama tokoh ini disebut sebagai Sang Setia Bentayan. Lihat C.C. Brown, (ed & tsd), *op. cit.*, hlm 186–187.

[19]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 178; Haji Buyong Adil, *Sejarah Melaka*, Kuala Lumpur, 1973, hlm 158; Wilkinson, *op. cit.*, hlm 196.

Melayu-Johor.[20] Pada tahun 1699 dan 1718 tokoh inilah yang memainkan manipulasi politik Johor dalam gara-gara menolak pengaruh politik orang Bugis di Johor. Menurut naskhah *Hikayat Siak* pula dan laporan semasa *Dagh Register* Belanda, tokoh inilah yang menjadi pengawal peribadi Sultan Mahmud Syah II dan memainkan peranan utama mempertahankan kedudukan Sultan Mahmud Syah II daripada diderhakai dan digulingkan oleh Bendahara Tun Abdul Jalil dan Laksamana Megat Seri Rama pada tahun 1699.[21]

Dalam gara-gara komplot politik ini, Seri Bija Wangsa dinaratifkan oleh *Hikayat Siak* sebagai mempunyai ilmu kebal, tidak lut senjata. Beliau mati selepas kerisnya sendiri diludahi dan dibenamkan ke dalam perutnya; darah putih mengalir daripada tubuhnya. Seri Bija Wangsa pun kecundang.[22] Perkembangan Sejarah Melayu-Johor, warisan Melaka, selepas itu berubah haluan mengambil corak yang berlainan, dengan peranan Seri Bija Diraja (Seri Bija Wangsa di Johor) yang tidak kurang pentingnya.

---

[20]Lihat Leonard Yuzon Andaya, *The Kingdom of Johor: A Study of Economic and Social Development 1614–1728*, Ithaca, 1976, hlm 58–77; lihat juga rencananya "The Structure of Power in Seventeenth Century Johore," dalam *MBRAS*, No 6, 1975, hlm 1–11.

[21]Naskhah *Hikayat Siak*, *Cod. Or. 7304*, hlm 504–408. Hikayat ini menyebut ketokohan Seri Bija Wangsa sebagai, "Hulubalang yang tiada bandingannya di tanah Johor", hlm 405.

[22]*Ibid*, hlm 406–407. Kata hikayat ini lagi, dengan memetik kenyataan Seri Bija Wangsa, "Lain daripada kerisku ini, tiada besi di dalam Johor ini makan dagingku ini".

8
Sistem Pentadbiran dan Politik Melaka

SECARA umum istilah "sistem" diertikan sebagai;

> "A set of arrangement of things so related or connected as to form a unity or organic whole ... a set of facts, principles, rules, etc. Classified or arranged in a regular, orderly form so as to show a logical plan linking the various parts".[1]

Sekiranya dirujuk pada pengertian ini, maka secara khusus, istilah sistem bererti sesuatu set fakta, prinsip dan peraturan yang wujud itu tersusun dan teratur bentuknya. Apabila fakta, prinsip dan peraturan tadi digabung dan dihubungkan dengan bahagian-bahagian yang lebih kecil sesamanya, maka ia boleh membentuk sesuatu penyatuan yang menyeluruh, yang kewujudannya boleh diterima akal, boleh diikuti dan difahamkan susunannya, tidak bersimpang-siur dan tidak tunggang-langgang. Dalam konteks ilmu kemasyarakatan, dengan adanya sistem maka anggota masyarakat boleh hidup dengan teratur dan tersusun kerana mereka dipandu oleh fakta, prinsip dan peraturan hidup bermasyarakat. Begitulah juga dalam hal-ehwal pentadbiran dan politik. Ada bahagian-bahagian dan organ dalam bidang pentadbiran dan politik itu yang wujud dengan tersusun dan berperaturan mengikut fakta dan prinsip tertentu. Apabila susunan dan peraturan tadi boleh difikirkan dan diikuti lojiknya, serta perjalanannya dapat diterima oleh masyarakat maka ia akan menjadi suatu sistem.

Oleh sebab Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16 mempunyai masyarakat yang hidup tersusun dan berperaturan maka wujudlah bidang pentadbiran dan politik bersistem yang menjadi fakta dan prinsip terhadap peraturan-peraturan tadi. Dengan adanya sistem bagi kedua-dua bidang itu jugalah, Melaka berjaya wujud dan mengekalkan identitinya sebagai sebuah organisasi bermasyarakat daripada mula ia terbina pada awal abad ke-15 sehingga-

---

[1]Lihat *Webster's New Twentieth Century Dictionary, Unabridge Second Edition*, New York, 1979, hlm 1853.

lah awal abad ke-16. Organisasi ini wujud di peringkat Melaka sebagai sebuah kerajaan dan sebagai sebuah kuasa penakluk dan empayar Melayu yang bercorak kelautan.

Walau bagaimanapun, norma sistem yang wujud dalam kedua-dua bidang tersebut patut dirujuk pada keadaan semasa pada abad ke-15 dan abad ke-16 dan selaras pula dengan pemikiran serta sosiobudaya masyarakat tersebut berbanding dengan norma dan nilai serta taraf pemikiran masyarakat pada abad ke-20 ini. Untuk meneliti sistem bagi kedua-dua bidang tersebut, kita janganlah bersikap anakronistik kerana abad yang lalu berbeza dengan abad sekarang.

PERINGKAT AWALAN

Sering dikatakan bahawa Melaka banyak meninggalkan kesan dalam bentuk tradisi berkerajaan dan memberikan warisan kepada sosiopolitik dalam lingkungan dan konsep kesultanan di Malaysia masa kini. Malah apabila kita memperkatakan beberapa bidang dalam institusi kesultanan beberapa buah negeri dan pemerintahan beraja di negara ini, Melakalah yang kerap dijadikan tradisi induk rujukan terhadap berbagai-bagai bidang institusi tadi. Kenyataan seperti ini tentulah mempunyai asasnya. Dan jika ditinjau daripada visi sejarah, ia tentulah beralasan.

Mungkin disebabkan oleh pengertian sejarahnya yang tersendiri bilamana hubungan politik tradisional antara sebuah kuasa ketuanan yang kuat seperti Majapahit pada abad ke-14 dapat menundukkan sebuah kuasa di bawah ketuanan yang semakin lemah seperti Sriwijaya, maka Paul Wheatley menganggap Parameswara, iaitu tokoh kerabat dari Palembang yang telah pun ditundukkan oleh Majapahit, sebagai pembelot terhadap kedaulatan kuasa pusat di Jawa.[2] Percubaan Parameswara yang berani ini telah gagal. Beliau meninggalkan Palembang, dan pergi ke Singapura, dan sekali lagi menjadi pembelot apabila beliau membunuh pemerintah Singapura pula.

Ada pula ahli sejarah yang bukan begitu pandangannya. Profesor Wang Gungwu dan O.W. Wolters misalnya amat menekankan unsur-unsur kesinambungan dalam konsep sejarah. Mereka memandang semua peristiwa dan pengalaman politik yang telah dilalui oleh Parameswara itu, dengan pendekatan dan visi sejarah yang lebih luas dalam konteks perkembangan sejarah dan politik Melayu di rantau ini.

Mereka mendakwa bahawa Parameswara merupakan tokoh politik

---

[2]Paul Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsular in Ancient Times*, Eastern University Press, Singapore, 1964, hlm 28.

Melayu yang amat istimewa, malah ketokohan dan kebolehannya tidak ada tolok bandingnya di Nusantara.

Setelah berjaya mengasas dan mendirikan kerajaan di Melaka sekitar tahun 1399/1400, Parameswara meninggalkan dua orang pengganti yang tidak kurang juga handalnya. Kedua-dua pengganti Parameswara ialah Megat Iskandar Syah dan Seri Maharaja yang sama-sama berkebolehan dari segi politik dan pentadbiran untuk meneraju sebuah kerajaan yang baru ditubuhkan itu. Ketiga-tiga tokoh tersebut telah menanamkan tradisi berkerajaan dan mengasaskan tunjang persejarahan Melayu untuk dijadikan warisan bukan sahaja oleh pengganti mereka sehingga tahun 1511, malah tradisi ini terus diamalkan dalam bentuk semangat dan amalan sistem, dan sosiopolitik serta kerajaan pada institusi kesultanan di beberapa buah negeri di negara ini. Mohd. Dahlan Mansoer yang bersetuju dengan pendapat kedua-dua tokoh sejarawan tadi, telah mengatakan dengan tegas bahawa;

> "Tidak banyak orang Melayu yang layak diingat dengan penuh penghormatan yang lebih besar daripada Iskandar Syah, anak baginda dan cucu baginda. Ketiga-tiga orang raja (Melaka terawal) itu telah memperlihatkan tentang kebulatan tekad dan kebolehan yang luar biasa dalam periode sejarah Tanah Melayu yang penuh dengan bahaya. Iskandar Syah berkelayakan mendapat tempat kepujian yang istimewa dalam sejarah. Baginda bukan saja telah berjaya mendirikan Melaka tetapi juga telah berjasa menghidupkan semula tradisi gemilang orang Melayu di laut".[3]

Kebolehan politik dan keistimewaan kepimpinan Parameswara dalam konteks penubuhan kerajaan Melaka bukanlah suatu hal yang aneh, malah berkebetulan. Keberanian Parameswara telah menafikan kewibawaan kuasa besar Majapahit. Setelah diusir dari Palembang,[4] Parameswara telah pergi ke Singapura dan membunuh pemerintahnya. Parameswara menjadi raja di pulau itu untuk beberapa tahun sebelum membuka Melaka pula. Seperti yang telah didakwa oleh Tome Pires[5] ini merupakan pengalaman dan

---

[3]Mohd. Dahlan Mansoer, *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm 221.

[4]O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm 80–81; Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", *JMBRAS*, XLI, i, 1968, hlm 11–22.

[5]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental of Tome Pires*, The Hakluyt Society, London, 1944, hlm 232–234; lihat juga R.J. Wilkinson, "The Malacca Sultanate", dalam *JMBRAS*, XIII, ii, Alfonso Dalboquerque, Siri 2, No 53, Hakluyt Society, London, 1875–1884; C.H. Wake, "Raffles and the Rajas", dalam *JMBRAS*, 48, i, 1975.

intrigue politik semula jadi bagi seorang yang berbakat dan yang berpotensi pada masa itu untuk menjadi seorang pengasas sebuah kerajaan dan yang tabah untuk menghadapi sebarang risiko.

Pengalaman Parameswara semasa menjadi pemerintah untuk beberapa tahun di tanah asalnya Palembang dan lima tahun berikutnya di Singapura, telah memberikan pengalaman yang amat praktis dan memberikan pengetahuan kepada beliau untuk berpolitik. Ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang aneh kerana pengetahuan itu adalah warisan yang diturunkan dan telah dipusakai oleh Parameswara daripada kalangan kerabatnya sendiri dan keluarga ahli politik Palembang. Palembang adalah tempat asal Parameswara dan tempat bakat kepemimpinan beliau dipupuk untuk menerajui empayar Melayu–Sriwijaya.

Pengalaman berpolitik dan mentadbir yang diperoleh ketika menjadi raja di Palembang dan Singapura itulah yang menjadi landasan kebolehan Parameswara untuk memerintah dan merancang skema untuk memajukan Melaka. Kemudian, pengganti Parameswara hanya meneruskan sahaja usaha yang telah dirintisnya itu. Dasar dan prinsip berpolitik di Palembang (Sriwijaya) dan di Singapura dijadikan model oleh beliau untuk bergerak cergas di Melaka pula.

Ketika di Palembang, kejayaan beliau mengawal Selat Melaka menjadi faktor dan unsur penentu yang terpenting bagi *survival* ekonomi dan keutuhan kerajaan Sriwijaya[6] sehingga kalangan kerabat baginda sendiri terpaksa berhadapan dengan kuasa Majapahit (sepanjang abad ke-14). Di Singapura, Parameswara terpaksa pula berhadapan dengan kuasa gergasi dari Siam yang ingin menawan Selat Singapura.[7] Di Melaka, sekali lagi Parameswara dan penggantinya terpaksa berhadapan dengan Siam dan Portugis untuk mengawal Selat Melaka yang menjadi faktor terpenting bagi *survival* ekonomi dan keutuhan Melaka. Perspektif dan perkembangan sejarahnya didapati sejajar dan saling berulang-ulang. Hal ini terjadi kerana Sriwijaya, Singapura dan Melaka, amat bergantung pada keperluan selat dan jalan perairan di sekitarnya, iaitu Selat Melaka dan Selat Singapura. Ketiga-tiga kerajaan ini adalah kuasa kelautan yang amat memerlukan sistem perjalanan dan lalulintas perairan kerana kegiatan ekonomi perdagangan adalah teras ekonomi mereka dengan disokong oleh kegiatan dan hasil-hasil pertanian tetapi bercorak sekunder.

---

[6]O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce – A Study of the Origins of Srivijaya*, Ithaca, New York, 1967, hlm 22.

[7]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 232; O.W. Wolters, "Studying Srivijaya", *JMBRAS*, 52, ii, 1979, hlm 1–32.

Faktor-faktor yang sepatutnya diambil kira dan yang boleh menentukan kejayaan Parameswara menjadi pemerintah di Melaka ialah faktor karisma beliau sebagai tokoh yang mewarisi daulat raja-raja Melayu–Palembang atau Sriwijaya, faktor kehadiran para pembesar Melayu yang telah bersama-sama beliau semenjak dari Palembang dan faktor sokongan Orang Laut (Orang Selat) semenjak dari Palembang dan Singapura, sehinggalah ke tahap sepanjang pendudukan awal Parameswara di Melaka. Kesemua faktor ini menjadi faktor induk yang membantu untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang mempunyai sistem pentadbiran dan politik yang tersusun kelak.

Sekiranya semua faktor ini dapat diterima, maka sebenarnya Parameswara adalah tokoh yang menjadi pelopor yang menghubungkan tradisi persejarahan agung Melayu di persekitaran Selat Melaka, iaitu antara tradisi Melayu empayar Sriwijaya yang secara geopolitiknya berpusat sama ada di Palembang atau Jambi, dengan tradisi Melayu empayar Melaka yang secara geopolitiknya pula berpusat di Melaka sebenar. Apabila membincangkan unsur kesinambungan dalam tradisi persejarahan dari zaman awal abad ke-7 Masihi hinggalah ke zaman berpecahnya empayar Johor-Riau pada abad ke-19, maka Parameswaralah yang menjadi penghubung kesinambungan sejarah untuk selama 12 abad tadi. Pada hakikatnya, tradisi persejarahan Melaka di Semenanjung Tanah Melayu adalah penerusan tradisi persejarahan Sriwijaya dari Sumatera. Faktor utama yang mungkin menjadi asas perbezaan antara kedua-dua tradisi persejarahan ini ialah agama, iaitu agama Hindu-Buddha dan agama Islam.

Dengan perkataan lain, pengalaman politik dan pentadbiran yang dimiliki oleh Parameswara dan para penyokong serta pengikutnya yang terdiri daripada para menteri dan pembesar sejak berada di Singapura dan Palembang dahulu itu merupakan landasan penting dan sumber pengetahuan yang asas dan berguna untuk membentuk sebuah kerajaan di Melaka. Selain sumber prasasti yang telah dijumpai, sehingga ke hari ini tidak ada sumber tertulis yang menjelaskan tentang tradisi politik dan pentadbiran kerajaan tua Sriwijaya di Palembang–Jambi. Oleh itu, untuk melakukan kajian perbandingan antara kedua-dua buah kerajaan Melayu itu dari segi kesamaan dan kelainan dalam bidang yang berkaitan menjadi agak mustahil.[8]

Konsep 'daulat' (yang dipinjam daripada istilah Arab/Osmaniyyah iaitu 'daulah') dalam konteks politik berkerajaan yang menjadi lambang

[8]Rujuk suatu percubaan bagi perbandingan umum tentang perkara ini dalam G. Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, Honolulu, 1968; Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, University of Malaya Press, 1961, hlm 88–90; B. Shrieke, *Indonesian Sociological Studies*, Jil 2, The Hague, 1957, hlm 12–15.

kedaulatan seseorang raja yang memerintah, tidak semestinya bermula dan diwujudkan di Melaka. Ia juga harus dilihat dari segi tradisi penerusan institusi berkerajaan Melayu pra-Melaka dan pra-Islam dalam periode Sriwijaya. Seseorang tokoh yang memerintah dan digelar raja akan di"attribute"kan kepadanya unsur kudus, luhur dan suci, dan mungkin juga seperti kedudukan raja-raja Jawa dahulu kala, unsur yang luar biasa 'ditempelkan' kepadanya. Unsur kekudusan, keluhuran, kesucian dan unsur yang luar biasa menjadi sesuatu yang penting dalam kepercayaan rakyat atau orang kebanyakan dalam tradisi politik berkerajaan. Oleh yang demikian, wujudlah konsep 'dewa-raja'.[9] Konsep 'dewa-raja' ialah kepercayaan dan salasilah raja-raja yang diwujudkan secara 'ciptaan' tadi (secara lisan ataupun tradisi tulisan) dikaitkan dengan dewa-dewa dari kayangan; penjelmaan daripada Shiva, Vishnu atau Brahma, lelembut, mambang atau makhluk-makhluk halus yang tidak dapat dipandang mata dari sudut asal usul dan tradisi keturunan nenek moyang mereka. Ini sebenarnya adalah warisan dari tradisi Melayu-Hindu.

Sebuah prasasti lama yang telah dijumpai di Telaga Batu, Sumatera yang menjadi bukti penting tentang wujudnya sistem berkerajaan pada zaman Sriwijaya di Palembang, dapat menjelaskan sama ada 'dewa-raja' merupakan unsur berpolitik peribumi yang leluhur atau 'dewa-raja' adalah penyerapan dan gabungan pengaruh Hindu dalam tradisi berkerajaan. Menurut prasasti tersebut, rakyat yang mengaku taat setia kepada raja dikehendaki mengangkat sumpah dengan meminum air yang dituangkan pada sebilah keris. Sesiapa yang mengingkari sumpah taat setia ini dan menentang raja, orang itu akan menjadi gila.

Ini dapat menjelas dan membuktikan idea tentang konsep perajaan dan kedudukan politik raja Sriwijaya yang memerintah. Ia adalah bayangan secara eksplisit tentang 'daulat' di kalangan rakyat yang menafikan kedaulatan tadi setelah melanggar sumpahnya dan memungkiri janji taat setia. Seseorang yang menjadi gila mungkin adalah 'tulah' akibat melanggar sumpah yang telah dimeterai dengan raja. Ini adalah suatu usaha orang peribumi memperbina 'daulat' (secara kepercayaan dan spirituil) dalam kegiatan berkerajaan untuk mewujudkan dan memanifestasikan hubungan politik di antara orang yang memerintah (dipanggil 'raja') dengan orang yang diperintah.

Prasasti yang telah dijumpai di hulu Sungai Batang Hari, berhampiran Jambi, iaitu pusat kerajaan Sriwijaya yang kedua selepas Palembang juga

---

[9]G. Coedes, *Ibid.*, A. Reid and L. Castles, (eds), "Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia", dalam *JMBRAS*, Monograf No. 6, 1975.

menyenaraikan jawatan-jawatan pembesar seperti datuk-datuk, para pemungut cukai, pegawai yang bertugas mengawal perbendaharaan, para hakim, jurutulis, arkitek, para saudagar dan pegawai yang menjaga pakaian raja. Butir-butir daripada prasasti tersebut menggambarkan bahawa sistem pentadbiran yang kompleks telah wujud pada zaman Palembang.

Secara lojik, Parameswara yang pernah menjadi raja di Palembang untuk beberapa tahun itu, tentunya telah dilambang dan diberikan unsur sosiopolitik tradisi yang istimewa terhadapnya sebagai tokoh pemerintah yang dianggap berdaulat terhadap rakyat. Karisma beliau sebagai raja dan pemerintah telah sedia ada. Pengalaman menyusun sistem pentadbiran untuk menubuhkan penubuhan sebuah kerajaan dalam suatu institusi politik telah pun dimiliki oleh Parameswara sejak berada di Palembang lagi. Karisma Parameswara sebagai raja yang berdaulat di Palembang, dan daya kepimpinan yang telah sedia dimilikinya sejak era Palembang dan Singapura sebelum tahun 1400, telah menjadi pendorong utama untuk menggerak dan menggagaskan eksploitasi politik yang lebih besar di Selat Melaka pada awal abad ke-15 atau sekitar penghujung abad ke-14.

Faktor-faktor inilah sebenarnya yang membolehkan beliau untuk menerokai dan menubuhkan sebuah kerajaan di Melaka. Unsur politik-budaya 'darah putih' telah sedia wujud dalam dirinya.

Seterusnya, karisma dan daya kepimpinan Parameswara tentu tidak bererti jika tanpa para pembesar. Premis kewibawaan politik dan kepimpinan yang dimiliki oleh Parameswara disokong pula oleh para pembesar dan menterinya. Sama ada mereka ini sama-sama berkongsi nasib dengan Parameswara ketika terhambat dari Palembang dahulu dan masih lagi memberikan taat setia kepadanya ataupun sebaliknya (kerana ketiadaan sumber bagi menyokong pendapat ini), *Sejarah Melayu*[10] dengan jelas mengatakan bahawa semasa memerintah Singapura, Parameswara (beberapa orang raja termasuk Iskandar Syah atau Parameswara?) dibantu oleh para pembesarnya sebagai jentera pemerintah bagi menjalankan; "... adatnya pada zaman purbakala". Secara umum, hierarki para pembesar ini adalah seperti berikut:

(a) *Bendahara*

Bendahara yang pertama dilaporkan sebagai adik raja yang memerintah. Ketika ketiadaan raja, Bendaharalah yang memangku sebagai pemerintah, ini menunjukkan taraf dan wibawa politiknya yang

[10]W. G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu (The Malay Annals)*, Malaya Publishing House Limited, Singapura, 1961, hlm 43.

begitu penting. Dua orang Bendahara Singapura yang disebut adalah bergelar,

i. Tun Perpatih Permuka Berjajar.
ii. Tun Perpatih Tulus.

Mengikut adat dan tradisi, Bendahara selalunya adalah bapa mentua raja kerana beliau berkahwin dengan anaknya.

(b) *Perdana Menteri*
Agak sukar untuk menentukan taraf dan peranan politiknya. Di balairung, Perdana Menteri dikatakan duduk berhadapan dengan Bendahara. Seorang daripada Perdana Menteri Singapura bergelar Tun Perpatih Permuka Segalar.

(c) *Penghulu Bendahari*
Pegawai ini disebut 'duduk di bawah Bendahara'. Ini menunjukkan taraf politiknya yang lebih rendah selepas Bendahara. Seorang Penghulu Bendahari Singapura digelar Tun Jana Bunga Dendang. Di bawahnya terdapat beberapa orang Bendahari. Seorang daripada Bendahari yang masyhur bergelar Sang Rajuna Tapa, tokoh utama yang mencetuskan kemelut politik dalam peperangan Melayu-Jawa di Singapura.

(d) *Hulubalang Besar*
Pegawai ini disebut duduk selepas Penghulu Bendahari dan menjadi ketua segala hulubalang. Gelarannya ialah Tun Tempurung Gemerentak.

(e) *Para menteri kecil yang lain, terdiri daripada:*
i. Orang Kaya-kaya
ii. ceteria
iii. sida-sida
iv. bentara
v. hulubalang

Para pembesar ini dikatakan telah sama-sama mengiringi Parameswara ketika berundur dari Singapura ke Melaka. Ketika berada di Sening Hujung, seorang menteri telah ditinggalkan di situ. Ketika berada di Bertam, Melaka, beliau dinyatakan dikelilingi oleh 'segala orang besar-besar'. Kehadiran bekas para pembesar dan menteri dari Singapura membolehkan Parameswara (*Sejarah Melayu* menyebut Raja Besar Muda, putera

Parameswara) menyusun suatu pentadbiran bagi mewujudkan sebuah kerajaan setelah Melaka dibuka, kata *Sejarah Melayu* "... memerintahkan istiadat takhta kerajaan baginda." Parameswara juga diterangkan sebagai orang yang pertama melantik menteri-menteri yang bertanggungjawab tentang hal-ehwal balairung, melantik empat puluh orang bentara untuk menjalankan perintah raja dan melantik para Biduanda Kecil untuk membawa alat-alat kebesaran diraja.[11]

Di Melaka, susunan para menteri dan sistem pentadbiran semakin kompleks akibat kompleksnya sistem politik dan kedudukan sosioekonomi Melaka sendiri.

Tome Pires mengatakan bahawa istana persemayaman Parameswara terletak di Bertam, bahagian hulu Melaka. *Sejarah Melayu* mencatatkan bahawa Bertam dan tepian pantai Melaka dihubungkan oleh Sungai Melaka. Sungai Melaka telah digunakan oleh Parameswara, para kerabat dan pembesar kanan kerajaan sebagai jalan perhubungan. Hal-ehwal negeri yang rasmi dirundingkan di bandar Melaka. Di sana terdapat balairung dan para pedagang serta senteri asing. Menurut C. Wake, langkah ini sebagai strategik dan paling praktis untuk mengelakkan daripada ancaman dan serangan luar.[12] Sementara itu Orang Laut atau Orang Selat (Tome Pires menyebut orang ini sebagai Celates), menjadi teras untuk keselamatan.

Berbalik ke era Sriwijaya, O.W. Wolters mempercayai bahawa kekuatan dan perkembangan kerajaan nenek moyang Parameswara ini adalah kerana wujudnya hubungan yang erat antara para pemerintah yang berwibawa dengan Orang Laut yang sentiasa memberikan taat setia dan sokongan ketenteraan kepada pemerintah.[13] Kerjasama yang erat antara dua pihak ini telah berjaya untuk mengatasi kegiatan lanun yang mengganas di sepanjang Selat Melaka. Apabila keselamatan terjamin, para pedagang asing pun bebaslah untuk datang berdagang ke Palembang. Kerajaan Sriwijaya telah dapat untuk mengawal dan "menjinakkan" kegiatan Orang Laut supaya hidup berperaturan dan tidak melakukan keganasan terhadap para pedagang. Jadi, keselamatan para pedagang yang menggunakan lalulintas Selat Melaka

---

[11] *Ibid.*, hlm 72–73.

[12] C. Wake, "Melaka in the Fifteenth Century: Malay Historical Tradition dan the Politics of Islamization", dalam P. Wheatley and K.S. Sandhu (eds), *Melaka: The Transformation of a Malay Capital, cir. 1400–1980*. Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1983, hlm 128–161; C.H. Wake, "Malacca's Early Kings and the Reception of Islam", dalam *JSEAH*, Vol 5, No 2, 1964, hlm 106–116.

[13] O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya*, hlm 159; L.Y. Andaya, "The Structure of Power in 17th Century Johor", dalam A. Reid and L. Castle, (eds), *op. cit.*, hlm 1–12

adalah terjamin. Menurut L.A. Andaya, inilah sebenarnya kejayaan besar kerajaan Sriwijaya.

Parameswara sebenarnya sensitif dan menyedari tentang peranan Orang Laut ini. Malah di Melaka, kedudukan dan peranan Orang Laut ini menjadi formal kerana Parameswara menjadikannya sebahagian daripada institusi dan sistem kerajaan. Taat setia mereka terhadap pemerintah yang berketurunan dari Palembang dan Sriwijaya berterusan hingga abad ke-18, apabila muncul ketua puak Orang Laut yang bernama Raja Negara di Laut Singapura. Tenaga mereka dari segi ketenteraan dapat digerakkan dengan mudah oleh raja-raja Sriwijaya apabila terjadi krisis keselamatan. Peranan Orang Laut begitu penting sehingga beberapa orang pemerintah Sriwijaya menggelarkan mereka sebagai *King of the Ocean lands.*[14]

Tome Pires sendiri melaporkan bahawa ketika Parameswara dan rombongannya berundur dari Palembang ke Singapura dan dari Singapura ke Melaka, baginda diiringi oleh tiga puluh Orang Laut, *protecting his life.*[15] Ketika berada di Muar, merekalah yang mencadangkan supaya Parameswara datang dan menetap di Melaka. Apabila bersetuju dengan cadangan mereka, Orang Laut berjanji untuk memberi dan mengaku taat setia kepada Parameswara dan kerajaannya. Tome Pires melaporkan bahawa mereka pernah berkata;

> "We too belong to thy ancient lordship of Palembang; we have always gone with thee; if the land seem good to thee, it is right that thous shouldst give us alms for our good intention, and that our work should not be without reward".[16]

Parameswara mengatakan pula mereka sebagai "... could give them honour and assistance .... He agreed to this and said that it was his wish to do this for them".[17]

Petikan ini dapat menggambarkan rangkaian kerjasama yang telah dipersetujui antara kedua belah pihak yang akan memerintah dan yang diperintah. Orang Laut mengakui kedaulatan Parameswara sebagai waris pemerintah dari Palembang dan akan melindungi keselamatannya, sebaliknya Parameswara pula akan melindungi kehormatan dan kebajikan

---

[14]Rujuk F. Hirth and W.W. Rockhill, (eds), *Chau Ju-Kua on the Chinese and Arab Trade*, St. Petersburg, 1966, hlm 60; lihat juga O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya*, hlm 1.

[15]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 233.

[16]*Ibid.*, hlm 234.

[17]*Loc-cit.*

mereka. Oleh itu, Orang Laut sedia untuk menjadi anggota angkatan laut Melaka untuk mengawal keselamatan dan keamanan Melaka bagi menggalakkan kedatangan para saudagar asing ke pelabuhannya. Oleh yang demikian, sumber tenaga yang paling penting untuk menjaga sistem keamanan dalam pentadbiran telah dapat disediakan.

Dari segi sosiopolitik, Parameswara memang telah memiliki daulat sejak dari Palembang dan Singapura lagi. Dengan sokongan para pembesar yang sedia ada, kedaulatan ini dapat dilanjutkan di Melaka. Perubahan hanya terjadi pada perpindahan geopolitiknya sahaja, iaitu dari Palembang, ke Singapura dan seterusnya ke Melaka, sedangkan karisma dan daulat masih kekal dipegangnya. Di Melaka, kedaulatan ini semakin kukuh. Pengukuhan ini semakin terjamin dengan pengakuan taat setia yang telah diberikan oleh Orang Laut, iaitu sumber dan unsur keselamatan berkerajaan yang penting. Pusat penempatan Orang Laut seperti yang telah dilaporkan oleh Tome Pires dan de Barros ialah di Bentan, Singapura dan Lingga.[18]

Jika benar dan sahih kenyataan dalam *Sejarah Melayu* yang mengatakan bahawa telah terdapat jawatan-jawatan pembesar yang penting dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan Parameswara (Raja Iskandar Syah) di Singapura seperti yang telah diterangkan, maka pada umumnya tidak banyak perbezaan jawatan-jawatan pembesar dalam kedua-dua sistem tersebut pada peringkat awal penubuhan Melaka. Jawatan-jawatan pembesar yang penting dan terus dikekalkan untuk diwarisi di Melaka ialah:

(a) *Bendahara*
Bendahara adalah bapa mentua raja. Tokoh yang pertama menjadi Bendahara Melaka bergelar Seri Wak Raja.

(b) *Perdana Menteri*
Penyandang jawatan ini adalah kerabat diraja juga, iaitu Raja Anum. Gelarannya ialah Seri Amar Diraja. *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 menyebut bahawa tokoh yang kedua menyandang jawatan ini ialah Tun Perpatih Besar anak Tun Perpatih Permuka Bejajar, Bendahara Singapura yang pertama.

(c) *Penghulu Bendahari*
Penghulu Bendahari adalah menantu Bendahara. Penyandangnya juga adalah daripada kalangan kerabat diraja, iaitu Raja Kecil Muda dan bergelar Seri Nara Diraja.

---

[18]*Ibid.*, hlm 233.

Seperti yang telah disebutkan lebih awal, pembesar-pembesar utama ini dibantu oleh pembesar-pembesar yang lebih kecil dan rendah tarafnya seperti bentara, sida-sida dan para biduanda.

Kemuncak sistem berkerajaan ini ialah raja. Baginda digelar Raja atau Duli Yang Dipertuan. Gelaran Sultan mula digunakan apabila Seri Maharaja menjadi raja Melaka yang ketiga dengan gelaran Sultan Muhammad Syah. Baginda dikelilingi oleh kerabatnya sendiri yang termasuk keluarganya, seorang Bendahara dan Penghulu Bendahari terawal yang merupakan adinda raja. Kerabat yang dimaksudkan mungkin termasuk anak, isteri dan keluarga yang terhampir. Tome Pires melaporkan bahawa ketika Parameswara berangkat dari Muar ke Melaka, baginda pernah berkata, "... with my wife and house."[19]

PERKEMBANGAN SISTEM PENTADBIRAN

Sistem pentadbiran Melaka semakin berkembang dan kompleks, selaras dengan perkembangan dan kekompleksan kerajaannya. Daripada sebuah perkampungan nelayan yang didiami oleh Orang Laut tetapi amat strategik kedudukan geografinya seperti yang telah dilaporkan oleh Tome Pires dengan memetik kata-kata Orang Laut sendiri, "... it seemed to them a good place where the said lord (Parameswara) would be able to rest", Melaka berkembang menjadi sebuah petempatan yang 'berkerajaan'. Landasan berkerajaan di situ ialah apabila hadirnya seorang raja yang berdaulat dan berkuasa serta mempunyai kesan dalam melaksanakan kuasanya. Kuasa yang ada, didukung pula oleh daulat (secara karismatik dan kepercayaan) yang dimiliki, menjadikan raja tadi berwibawa pula. Di sekitarnya terdapat para pembesar dan berbagai-bagai peringkat pegawai yang menyokong kedaulatan raja yang memerintah. Di luarnya pula terdapat rakyat yang menyokong raja yang berdaulat dan diberikan wibawa kepada pembesar yang menjalankan pentadbiran. Kesan kerjasama dan sokongan antara satu sama lain inilah yang menjadikan sistem masyarakatnya semakin kompleks dan wujudlah sebuah kerajaan di peringkat yang paling asas.

Pada mulanya kerajaan Melaka bertumpu di sekitar bandar Melaka sahaja, tetapi kemudian berkembang menjadi sebuah kuasa penakluk dan empayar. Sistem dan corak pentadbirannya juga bertambah lengkap, sesuai dengan sebuah kerajaan yang bercorak empayar itu.

Bilangan para pembesar yang paling asas yang diwarisi sejak zaman Singapura dahulu bertambah dari semasa ke semasa supaya sesuai dengan

[19] *Ibid.*, hlm 234.

keadaan dan kehendak sosial, politik dan ekonomi semasa. Raja Melaka yang kedua, Raja Besar Muda (Megat Iskandar Syah?) disebut oleh *Sejarah Melayu* sebagai 'memerintah istiadat takhta kerajaan baginda'.[20] Antara peraturan yang ditentukan oleh baginda ialah mewujudkan menteri yang bertanggungjawab menyusun istiadat di balairung, melantik para bentara yang bertugas di balairung dan melantik para biduanda.

Tokoh yang memainkan peranan untuk melengkapkan lagi istiadat dan sistem pentadbiran ialah Raja Kecil Besar (Sultan Muhammad Syah, 1424–1444 T.M.). Beliau dikatakan telah 'mengatur takhta kerajaan baginda.'[21] *Sejarah Melayu* telah menerangkan dengan terperinci beraneka jenis peraturan, tanggungjawab individu di istana, memastikan berbagai-bagai bidang kuasa para pembesar, menentukan hak serta bidang kuasa raja Melaka, memformalkan amalan adat serta istiadat yang berhubung dengan peraturan berkerajaan dan penentuan protokol.[22]

Dua pembesar atau menteri utama yang diwujudkan pada ketika itu ialah Temenggung dan Seri Bija Diraja. Keadaan pada masa itu memerlukan kedua-dua jawatan ini diwujudkan kerana masyarakat serta corak bandar Melaka yang semakin kompleks. Oleh sebab keamanan Melaka perlu diberi perhatian yang wajar maka wujudlah jawatan Temenggung untuk mengawasi keamanan di samping mengawal perjalanan urusniaga negeri. Dengan kehadiran Orang Laut sebagai tenaga utama untuk mengawal keselamatan di perairan Melaka bagi menggalakkan perdagangan maka diwujudkanlah jawatan Seri Bija Diraja sahaja ketua ketumbukan hulubalang di darat dan di laut ini.

Kewujudan jawatan Syahbandar sukar untuk ditentukan. Jawatan yang penting ini muncul selari dengan kemunculan Melaka sebagai pelabuhan perdagangan dan entrepot. Hal-ehwal pelabuhan yang semakin kompleks dengan urusniaga, dan menjadi nadi kehidupan Melaka ketika itu menyebabkan *Undang-undang Melaka* meletakkan taraf jawatan Syahbandar ke taraf Pembesar Empat, sedangkan hal yang demikian tidak semestinya boleh terjadi.

Jawatan dan institusi Laksamana pula wujud semasa pemerintahan Sultan Mansor Syah, (1456–1477). Jawatan ini pada awalnya 'ditempelkan' oleh Ratu Majapahit, kemudian diformalkan oleh Sultan Mansor Syah. Orang yang pertama menyandang jawatan ini ialah Hang Tuah. Kedudukan jawatan ini di istana adalah setara dengan Seri Bija Diraja kerana kedua-duanya memikul pedang kerajaan secara bergilir-gilir. Oleh yang demikian

[20] *W.G. Shellabear, (ed), op. cit.*, hlm 72.
[21] *Ibid.*, hlm 75.
[22] *Ibid.*, hlm 75–82.

tugas dan bidang kuasa Laksamana adalah sama dengan tugas Seri Bija Diraja. Tetapi apabila institusi Laksamana ini semakin kukuh dan berpengaruh di Melaka, taraf jawatan Seri Bija Diraja pula didapati semakin menurun.

Pada ketika tertentu terdapat juga jawatan kadi dan fakih. Pemegang jawatan ini dikatakan duduk setara dengan para pembesar utama Melaka ketika sultan amat gering. Mereka juga dikatakan berjalan seiring dengan pembesar-pembesar utama ketika sultan berangkat menunggang gajah. Hal tersebut dapat membayangkan betapa pentingnya golongan ulama, terutama fungsinya dalam hal-ehwal yang bersangkutan dengan hukum-hakam Islam dalam sistem pemerintahan dan berkerajaan seluruhnya. Malah terdapat sarjana masa kini yang secara eksplisit menyebut soal pengislaman sebagai unsur penting dalam hal-ehwal politik Melaka.[23]

Sejarah Melayu juga ada menyebutkan kalimat 'Menteri Empat' dalam sistem pembesar Melaka.[24] Siapakah 'Menteri Empat' ini? Walaupun *Sejarah Melayu* tidak menyebutkan secara khusus tentang mereka, namun apa yang difahamkan tentang sistem Pembesar Empat Lipatan di Melaka selama ini adalah pembinaan semula secara konstruktif dan interpretasi dari segi fungsi para pembesar Melaka yang dibentangkan secara naratif sahaja oleh *Sejarah Melayu*.

Dalam buku Tome Pires yang bertajuk *Native Administration*, ada mencatatkan dengan jelas tentang fungsi dan bidang kuasa para pembesar utama Melaka. Beliau menyebutkan hierarki secara menurun para pembesar tersebut, iaitu *Bemdara* (Bendahara) yang dicampuradukkannya dengan gelaran *Paduca Raja* (Paduka Raja), *Lasemana* (Laksamana), *Tumunguo* (Temenggung) dan *Xabandares* (Syahbandar) yang dilaporkannya seramai empat orang yang menyandangnya. Mungkin terpengaruh dengan kenyataan Tome Pires dan kenyataan R.O. Winstedt yang lebih awal, maka ada ahli sejarah yang cenderung untuk meletakkan susunan para pembesar utama Melaka sebagai Bendahara, Laksamana, Temenggung dan Syahbandar. Perkara yang tentunya dipersoalkan ialah jika terdapat beberapa orang Syahbandar Melaka yang terdiri daripada orang asing, adakah orang itu yang bukan peribumi dibolehkan menyandang jawatan pembesar utama yang empat dalam tradisi pembesar-pembesar Melaka?

Sumber daripada *Undang-undang Melaka* juga nampaknya mengeli-

---

[23]C. Wake, *op. cit.*, 1982, hlm 132–135; lihat juga A.H. Johns, "Islam in Southeast Asia: Reflections and New Directions", dalam *Indonesia*, 19, 1975, hlm 41–2.

[24]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 80.

rukan. Fasal 1 undang-undang ini menyebutkan empat pembesar utama ini sebagai berikut;

> Adapun pada segala raja-raja itu,
> pertama-tama menjadikan bendahara,
> kedua menjadikan temenggung,
> ketiga menjadikan penghulu bendahari,
> keempat menjadi syahbandar,
> maka terpelihara segala raja-raja itu dengan segala rakyatnya.[25]

Sumber yang pertama, iaitu dari Portugis menggugurkan sama sekali gelaran Penghulu Bendahari yang secara tradisi dan sejak zaman-berzaman kukuh institusinya. Sumber undang-undang peribumi tadi pula telah melenyapkan langsung tradisi Laksamana yang penting itu. Besar kemungkinan kelenyapan ini berlaku kerana dua faktor, pertama, kesilapan penyalin (?); kedua, naskhah *Undang-undang Melaka* yang wujud ketika ini adalah salinan versi teks tersebut yang lahir sebelum wujudnya institusi Laksamana di Melaka sebelum tahun 1450-an.

Pengumpulan fasal atau perkara-perkara dalam teks undang-undang tersebut tidak menjadi masalah kerana pengumpulan itu telah dilakukan sejak awal tahap penubuhan kerajaan Melaka. Fasal atau perkara-perkara itu dikumpulkan daripada para menteri kanan dan tua yang sedia ada seperti yang disebut, "... terhimpun pada segala menteri.[26] Dari semasa ke semasa fasal undang-undang itu ditokok tambah sehinggalah ke pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Tetapi yang anehnya, gelaran Laksamana langsung tidak disebut.

Tome Pires pula mencampuradukkan peranan Bendahara dengan peranan Penghulu Bendahari seperti yang dikatakannya sebagai; "... has charge of the king's revenue". Ini tentunya kerana beliau tidak dapat membezakan antara peranan Bendahara, sebagai bertanggungjawab mengumpul khazanah kerajaan dengan tugas Penghulu Bendahari yang sepatutnya bertanggungjawab dalam tugas tersebut. Oleh itu, gelaran Penghulu Bendahari pun lenyaplah daripada senarai nama dan tugas pembesar-pembesar Melaka yang utama tadi.

Walau bagaimanapun sekiranya kita menggabungkan berbagai-bagai sumber tempatan dan sumber luar tentang sistem pentadbiran peribumi Melaka dengan melihat pada fungsi-fungsi fizikal, bidang kuasa dalam men-

---

[25]Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Melaka*, (*The Laws of Melaka*), The Hague, 1976, hlm 62.

[26]*Ibid.*, hlm 64.

jalankan fungsi dan kedudukan serta taraf para pembesar ini, nyatalah bahawa suatu struktur hubungan yang berbentuk vertikal antara raja yang memerintah, dengan Bendahara dan para pembesar lain memang dapat diperhatikan. Struktur hubungan tiga orang pembesar dan seterusnya membentuk empat pembesar dalam sistem Pembesar 'Empat Lipatan' didapati wujud dalam bentuk horizontal. Rajah berikut dapat menjelaskan keadaan tersebut:



Pembesar Empat set yang pertama seharusnya adalah Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Mereka yang memegang jawatan ini terdiri daripada peribumi yang dilantik secara tersusun mengikut tradisi dan adat ataupun dilantik di kalangan tokoh baru yang telah berjasa besar kepada raja. Perlantikan secara temurun adalah di sekitar keluarga sendiri, terutama jawatan yang penting yang telah diwarisi zaman-berzaman seperti Bendahara, Penghulu Bendahari dan Perdana Menteri.

Sementara itu, penjawatan bagi set Pembesar Lapan amat sukar untuk ditentukan kerana tidak ada sumber yang menerangkan hal ini secara khusus. Oleh itu, jawatan Perdana Menteri dan Seri Bija Diraja yang diletakkan ke dalam set ini adalah secara andaian sahaja. Taraf mereka yang sebenar sukar untuk dipastikan kerana apabila ditinjau kedudukan mereka di balairung, Perdana Menteri dilaporkan duduk bersetentang dengan Bendahara. Seri Bija Diraja pula memikul pedang kerajaan di balairung secara bergilir-gilir dengan Laksamana ketika mengiringi keberangkatan raja. Dan apabila

raja bergajah, Laksamana ataupun Seri Bija Diraja akan duduk dibuntut gajah.[27]

FUNGSI POLITIK DAN PENTADBIRAN

Raja yang memerintah kerajaan Melaka disebut sebagai sumber dan pusat kuasa secara sekular. Dengan kedudukan raja yang istimewa dalam sistem berkerajaan, sumber kuasa yang dimiliki oleh raja, iaitu restu daripada daulat yang dimiliki oleh raja tadi, disalurkan pula bagi menggerakkan jentera serta tenaga-tenaga pemerintahan dan pentadbiran.

Daulat yang dikonsepsikan di sini mungkin berbeza dengan daulat yang difahamkan pada hari ini. Daulat (*sovereign*) pada hari ini lebih dirujuk pada kerajaan yang memerintah serta negara yang diperintah. Tokoh dan peribadi raja yang memerintah hanya merupakan simbol kepada kedaulatan tadi. Apabila 'undang-undang tertinggi' yang menjadi sumber penggerak pemerintahan dan pentadbiran dituliskan dan menjadi suatu perlembagaan, maka raja yang memerintah tadi cuma menjadi raja yang berperlembagaan.

Pada zaman tradisi di Melaka, daulat dirujuk dan dihubungkan terus dengan peribadi dan tubuh badan raja yang memerintah. Walau di mana sekalipun raja itu memerintah (dari segi geopolitiknya) bukanlah negeri atau kawasan pemerintahan yang didaulatkan, tetapi peribadi dan tubuh badan raja yang memerintah dan menubuhkan kerajaan itulah yang didaulati. Kerajaan hanya wujud selepas adanya raja. *Sejarah Melayu* kerap menyebut seperti, 'maka Raja Radinlah kerajaan', dan 'maka Raja Husinlah kerajaan', lalu diinstitusikanlah kalimat 'daulat tuanku' bukanlah 'daulat negaraku'. Dalam peperangan, sesebuah negeri dan kerajaan dengan mudah sahaja mengaku kalah apabila 'raja mati'. Dalam *Sejarah Melayu* ada menerangkan hal ini dengan merujuk pada titah Sultan Mahmud Syah, "... kerana istiadat raja-raja itu, negeri alah (apabila) rajanya mati".[28]

Daulat juga dihubungkan dengan karisma raja dan 'tuah' yang dimiliki oleh raja. Apabila keadaan negeri menjadi aman, makmur dan kaya-raya; orang dagang dan senteri sibuk berdagang, tanam-tanaman dan tumbuh-tumbuhan di ladang hidup dengan subur dan banyak mengeluarkan hasil; ternakan membiak, rakyat bertambah ramai, maka raja yang memerintah dianggap bertuah dan tinggi pula daulatnya. Demikianlah pula jika sebaliknya. Keselamatan negeri, kemakmuran kerajaan, keamanan yang dinikmati oleh hamba rakyat bukan dirujuk pada kecekapan dan kebijaksanaan para pegawai dan pentadbir yang memerintah, bukan dilihat pada para

[27] W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 80.
[28] *Ibid.*, hlm 287.

pengusaha yang rajin dan gigih, bukan pada tanah yang memangnya subur tetapi sebagai disebabkan oleh tuah raja yang memerintah dan adil walaupun kadangkala tidak semestinya demikian.

Oleh yang demikian dari segi falsafah dan pada peringkat teorinya raja pun dikatakan sebagai adil dan bijaksana, sangat bertuah dan berdaulat; serta memiliki berkat, maka timbullah kalimat "... dengan berkat dan daulat tuanku," bukan kerana berkat cendekiawan dan keintelektualan para pembesar dan rakyat yang secara praktisnya telah berusaha bertungkus-lumus itu.

Sebagai individu yang merupakan *the source of both order and prosperity in society* dan yang dianggap sebagai, *the centre of patterned or formulatic behaviour*, seperti pendapat seorang sarjana Barat,[29] maka kedudukan raja sungguh tinggi dan istimewa dalam sistem kerajaannya sehingga titah dan perintahnya juga adalah undang-undang, gerak-gerinya mungkin boleh jadi arahan untuk bertindak, malah perbuatan dan tabiatnya tidak boleh ditegur. Sekiranya wujud undang-undang dalam kerajaannya, raja boleh mengatasi undang-undang tersebut. Raja yang memerintah itu sendiri sebenarnya undang-undang. Oleh itu, raja dan kerajaan adalah sinonim, sebab dari segi idea, raja dipercayai seperti pohon yang rimbun, tempat rakyat tumpang berteduh. Anggapan rakyat terhadap raja yang sedang berkerajaan begitu tinggi sehinggakan *Sejarah Melayu* mengatakan bahawa;

> "... adat hamba Melayu itu tiada dapat menyalahi kehendak tuannya (raja)".[30]

Peribadi dan tokoh raja yang memerintah dikaitkan pula dengan unsur kekudusan yang dikatakan dimiliki oleh raja tersebut. Menafikan titah raja dan enggan mengakui kedaulatannya akan dianggap 'menderhaka'. Penderhaka dipercayai akan ditimpa mudarat dalam dua bentuk. Mudarat yang pertama, si penderhaka akan ditimpa tulah raja (mungkin dalam bentuk sumpahan). Misalnya, Sang Rajuna Tapa, pembesar Raja Iskandar Syah di Singapura, dan isterinya dilaporkan menjadi batu akibat terkena tulah kerana membenarkan orang Majapahit masuk ke Singapura. Pada abad ke-18 dan abad ke-19, rakyat Kesultanan Johor-Riau daripada keturunan Kesultanan Melayu Melaka didakwa akan terkena tulah dimakan sumpah

---

[29]S. Elizabeth Errington, *A Study of Genre: Meaning and Form in the Malay Hikayat Hang Tuah*, Tesis Ph.D, Cornell University, 1975, hlm 15 dan 63.

[30]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 293.

bisa kawi, dan tidak akan selamat di dunia dan di akhirat jika cuba menderhaka dan menafikan kedaulatan raja yang memerintah.

Mudarat yang kedua muncul dalam bentuk balasan fizikal daripada pihak kerajaan sendiri, iaitu pihak yang didapati telah menderhaka akan 'dibelasah' dalam berbagai-bagai bentuk, bukan sahaja si penderhaka tadi yang 'dibelasah', malah keluarga dan suku-sakatnya turut 'dibelasah' agar tidak meninggalkan zuriatnya.

Mungkin telah menjadi tradisi temurun yang menanamkan kepercayaan tersebut secara batiniah ke dalam mental seseorang supaya gerun dengan balasan yang mungkin menimpanya, maka tiada siapa yang mahu dirinya menjadi batu. Tidak seorang pun yang sanggup menanggung derita akibat dimakan sumpah bisa kawi, hidup melarat dan merana sepanjang hayat. Tentulah tiada pihak yang sanggup berhadapan untuk 'dibelasah' oleh suatu tenaga kolektif yang besar yang datang daripada pihak pemerintah atas arahan raja yang mungkin akan menghadapi maut ataupun cedera fizikal, cuma kerana kesalahan melanggar peraturan kerajaan atau dikatakan telah menderhaka kepada raja, iaitu kesalahan jenayah yang paling berat dalam kerajaan tersebut.

Membunuh adalah kesalahan yang amat berat di Melaka. Perintah dan hukuman membunuh adalah suatu hak diraja (royal sanction), apatah lagi di Melaka sendiri, menurut *Sejarah Melayu* yang memetik titah Sultan Alauddin Riayat Syah, bahawa anak Melayu pantang dibunuh walau sebesar mana pun dosanya. Tetapi pembunuhan dibolehkan jika dosanya itu adalah menderhaka kepada raja.[31] Tentulah orang tidak suka dibunuh dengan semudah itu sekiranya menderhaka dianggap bukan suatu perbuatan jenayah yang berat!

Percubaan mencipta daulat secara batiniah yang diturunkan secara kepercayaan dan tradisi semata-mata itu, mungkin merupakan usaha awal peribumi yang paling sejati dan mudah tetapi amat unggul dan praktis sebagai ganti sebelum terciptanya perlembagaan bertulis dalam sesebuah negeri (atau negara) dan kerajaan, yang disimbolkan dengan kehadiran seorang raja yang berdaulat. Ia diserapkan secara tidak sedar tetapi amat berkesan ke dalam kepercayaan serta pemikiran rakyat jelata. Penerimaan secara persetujuan itu akhirnya menjadi suatu konvensyen dan institusi dalam politik berkerajaan tradisional di Melaka.

Mungkin terdapat beberapa tokoh legenda sejarah tempatan yang sanggup memecahkan tradisi daulat seperti ini, seperti Hang Jebat (Hang

[31]Titah Sultan Alauddin, "Dan segala anak Melayu, bagaimanapun besar dosanya jangan kau bunuh, melainkan dosanya derhaka ...". *Ibid.*, hlm 186.

Kasturi?) di Melaka, orang Kampar di Kedah,[32] Sang Rajuna Tapa di Singapura dan Laksamana Megat Seri Rama di Johor. Tetapi pada umumnya mereka kecundang untuk mencipta sejarahnya sendiri dan pupus daripada bumi akibat ditimpa daulat!

Walau apa dan bagaimana cara pun konsep dan institusi daulat tadi dicipta, matlamat politiknya ialah untuk mewujudkan suatu institusi untuk hidup bermasyarakat dan berkerajaan. Matlamat juga ialah untuk melahirkan sistem dalam hidup yang bercorak normatif, tetapi seboleh-bolehnya dalam keadaan yang bertolak ansur walaupun dalam suasana sistem pentadbiran yang didapati longgar. Tujuannya ialah untuk mewujud, memelihara dan mengawal keselamatan anggota-anggota masyarakat dan kesejahteraan hidup berkerajaan.

Dalam usaha *setting a standard* hidup bermasyarakat itu, perlulah ada suatu kelompok kecil pemimpin untuk mengawal sistem tadi dan untuk mentadbirkan kelompok masyarakat yang lebih besar bilangan yang dipimpinnya. Dalam keadaan yang sedemikian, perlulah ada suatu unsur dan nukleus kuasa sekular tertinggi yang amat dihormati, disegani, diberikan kepercayaan dan mandat kepadanya, mungkin juga ditakuti (?) kerana kepercayaan temurun yang dilambangkan kepadanya (asal usulnya, salasilahnya dan ketokohan peribadinya), di kalangan satu anggota pucuk kepimpinan tadi. Unsur dan nukleus itu ialah daulat. Pemegang daulat (yang sukar dilihat dengan mata kasar itu) ialah raja yang memerintah. Daripada situlah sumber tenaga batiniah bagi menggerakkan jentera untuk bermasyarakat yang bersistem itu berpunca, bergerak dan berjalan.

Proses daulat berkembang selari dengan perkembangan budaya politik dan sejarah masyarakat tempatan itu sendiri. Walaupun amat kurang sumber yang dapat membekalkan pengetahuan kepada kita tentang konsep kedaulatan periode pra-Melaka, namun ia dapat digalurkan dari sudut perspektif budaya sejarah pra-Islam dan zaman Islam. Budaya antara dua perspektif tersebut ialah budaya peribumi.

Konsep daulat tentu bermula daripada peringkat kepimpinan yang amat asas, iaitu 'ketua' atau *katuha* (Sanskrit). Dalam era Hindu-Buddha, mungkin pada zaman Sriwijaya, konsep daulat ini berkembang apabila ketua tadi dilambang serta dikaitkan secara budaya politik dengan pelbagai mitos Hindu dari segi asal usul, keturunan dan salasilahnya, juga dikaitkan dengan kebolehan fizikal dan kerohanian yang mungkin dimiliki oleh ketua atau raja itu. Keturunan dan nenek moyang tokoh raja ini dikatakan sebagai penjel-

[32]Siti Hawa Saleh (ed), *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur, 1970, hlm 52–55.

maan dewa dalam tradisi Hindu-Buddha yang amat kudus, suci dan luhur. Raja disembah secara istiadat dan peraturan tetapi bukan bercorak agama. Dari semasa ke semasa istiadat dan peraturan tadi semakin kukuh dan diterima menjadi amalan rasmi dan akhirnya membentuk suatu doktrin politik beraja dalam sebuah kerajaan. Tokoh yang disembah dianggap suci seperti sucinya dewa-dewa tadi. Ketokohan yang bersifat suci, spirituil dan ghaib ini dihubung kait dengan tenaga fizikal dan biologi pihak yang disembah. Unsur ghaib dan suci digabungkan dengan unsur fizikal dan biologi itu. Akhirnya terjelmalah konsep dewa-raja. Tiap-tiap ucapan, gerak-geri, perbuatan dan tindak tanduk tokoh tersebut dilambangkan sebagai ucapan dan tindak tanduk makhluk-makhluk suci. Oleh itu, perintahnya mesti dihormati dan harus dipatuhi.

Secara tradisi dan pengaruh daripada budaya Hindu, beberapa unsur asing telah diterap untuk menjadi landasan politik tempatan. Raja yang memerintah diiktiraf sebagai pemilik bumi dan air, dan menjadi pemerintah bagi seluruh kosmos alam sekelilingnya.[33]

Kedatangan agama Islam telah mengubah cara masyarakat berfikir. Tetapi konsep politik berhubung dengan dewa-raja yang telah tertanam dengan kuat dalam kepercayaan dan mental tradisi tidak mudah untuk dikikis dengan cepat. Malah di atas landasan kepercayaan spirituil yang diwarisi temurun itu, ia 'dibawa ke hadapan' untuk dirasionalisasikan dengan doktrin kepimpinan dalam Islam. Raja Islam yang memerintah akan dilenyapkan tradisi hubungan batiniahnya dengan para dewa tetapi dihubungkaitkan pula dengan Allah dan Rasulullah serta kekudusan tokoh para aulia dan anbia. Sama ada dicipta secara sedar atau tidak, salah atau benar, pada hari ini masih kita dapati naskhah-naskhah Melayu dalam bentuk salasilah yang menghubungkan raja-raja Melaka terus dengan keluarga dan para kerabat Rasulullah di Mekah.[34]

Ketika perawi *Sejarah Melayu* merakamkan hubungan antara raja-raja Melayu–Melaka dengan Allah dan Rasulullah bagi memancarkan doktrin kepimpinan dalam Islam tadi, dia memetik kata-kata wasiat Bendahara Tun Perak yang berbunyi;

> "... dan jangan kamu sekalian lupa pada berbuat kebaktikan kepada raja kamu. Oleh itu kata hukama, adalah raja yang adil itu dengan Nabi Sallahahu-'alaihi wassalam umpama dua buah permata pada sebentuk

---

[33]A.L. Basham, *The Wonder that was India*, London, 1954; G. Coedes, *The Indianised States of Southeast Asia*, Honolulu, 1968.

[34]Sebuah naskhah yang terkemudian berjudul *Silsilah Keturunan Raja-Raja Melaka*, diperoleh daripada Tengku Ahmad Rafei bin Tengku Abd. Hamid, Melaka, 1982.

> cincin; lagipun raja itu umpama ganti Allah di dalam dunia, kerana ia zulillahi-fil'l-'alam; apabila berbuat kebaktian kepada raja seperti berbuat kebaktian kepada Allah Subhanahu-wa-Taala. Yakni berbuat kebaikan kamu akan Allah dan Rasul-Nya dan akan raja ... hendaklah jangan kamu lupai, supaya kebesaran dunia akhirat kamu perolehi".[35]

Petikan doktrin di atas merupakan pengambilan, terjemahan dan tafsiran bebas daripada beberapa petikan ayat al-Quran, tetapi pada bahagian-bahagian tertentu, konsep kepimpinan tadi telah disesuaikan dengan keadaan.

Terdapat tiga isu utama dalam petikan tersebut;

(a) tentang raja yang adil,
(b) hubungan antara raja yang memerintah dengan Allah. Raja disebut sebagai 'ganti Allah di dalam dunia', dan
(c) manusia wajib berbuat kebajikan kepada Allah, Rasul dan raja.

Sekiranya sabit andaian kita bahawa petikan tersebut adalah adaptasi bebas konsep dan doktrin kepimpinan dalam Islam menurut landasan al-Quran, maka ia dapat dirujuk pada al-Quran surah an-Nisa' ayat 58 dan ayat 59. Surah An-Nisa' ayat 58 menerangkan tentang konsep hak dan adil dalam undang-undang di kalangan sesama manusia;

> "Sesungguhnya Allah memerintah kamu menunaikan amanat-amanat kepada yang berhak; dan (Allah memerintah) apabila kamu menghukum di antara manusia, supaya kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah menasihat kamu dengan sebaik-baik perkara, kerana sesungguhnya Allah itu adalah Pendengar, Pelihat".[36]
>
> (Terjemahan al-Quran surah An-Nisa' 4:58)

Surah An-Nisa' ayat 59 pula menerangkan tentang tanggungjawab taat setia orang Islam yang beriman kepada Allah, Rasul dan pucuk pimpinan;

> "Hai orang-orang yang beriman! Taatilah kepada Allah dan taatilah kepada Rasul dan kepada orang-orang yang berkuasa di antara kamu. Oleh itu sekiranya kamu berbantahan di satu perkara hendaklah kamu kembalikan dia kepada Allah dan Rasul, jika adalah kamu beriman

[35]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 190.
[36]A. Hassan, al-Furqan, *Tafsir Quran*, Kota Bharu, Kelantan, 1975, hlm 170.

kepada Allah dan Hari Kemudian. Yang demikian itu sebaik dan sebagus ta'wil".[37]

(Terjemahan al-Quran surah An-Nisa' 4:59)

Surah An-Nisa' ayat 59 juga menerangkan sekiranya berlaku perbalahan di kalangan orang yang beriman maka hendaklah merujuk pada undang-undang Islam dan hukum Allah. Ini tentunya ditujukan kepada sebuah negara dan kerajaan Islam.

Menurut catatan dalam *Sejarah Melayu*, memandangkan Melaka di bawah pimpinan tokoh Islam maka beberapa amalan dalam institusi pentadbirannya pun berlunaskan Islam. Undang-undangnya (secara teori) yang telah ditetapkan dalam *Undang-undang Melaka* atau *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* banyak yang berlandaskan undang-undang Islam. Oleh itu Melaka mungkin memenuhi doktrin kepimpinan dalam Islam tadi.

Walau bagaimanapun, terjadi beberapa *substitution* dan adaptasi bebas di sini. Konsep pemimpin atau 'orang-orang yang berkuasa di antara kamu' (al-imam) dalam Islam adalah kalangan raja dan para pentadbir Melaka yang mengelilinginya. Konsep dan doktrin ini nampaknya dirasionalisasikan oleh tradisi tempatan. Raja yang dipilih untuk memerintah tidak semestinya berkebolehan untuk memimpin dan adil untuk menjalankan undang-undang di kalangan orang ramai, sedangkan pemimpin yang berkebolehan dan adil seperti yang dituntut oleh Islam, tidak semestinya muncul daripada kalangan 'darah putih'.

Tetapi tradisi politik budaya Melayu-Melaka yang telah diwarisi sejak dari era Palembang dahulu lagi telah dijadikan norma dan landasan kepimpinan apabila seorang raja dilantik secara temurun dan mengikut keturunan sebelah lelaki. Peralihan hanya terjadi dari segi kepercayaan dan penganutan agama serta doktrin kepimpinan Hindu ke Islam dengan bersendikan adat resam dan tradisi tempatan. Ini nampaknya amat berjaya dan berkesan untuk beberapa abad. Keadilan mungkin tidak dicapai dengan berpandukan dan merujuk pada individu raja yang memerintah sahaja. Oleh itu, para pembesar, terutama Bendahara akan memainkan peranan untuk membantu raja supaya memerintah dan mentadbir dengan adil. Keputusan secara kolektif biasanya lebih afdal daripada keputusan secara perseorangan. Oleh yang demikian konsep musyawarah dan berbincang akan dapat dicapai untuk diamalkan. Dengan adanya hubungan kuasa yang bertimbal balik,

[37] *Loc-cit.*

menunjukkan wujudnya imbangan dalam proses pemerintahan dan pentadbiran.

Konsep musyawarah, berbincang dan bermuafakat antara raja yang memerintah dengan para pegawai dan pembesar merupakan teras yang penting untuk mencapai keadilan. Malah apabila amalannya dibuktikan menerusi penulisan, ia merupakan persetiaan yang standard tentang hubungan antara kedua-dua pihak ini. *Sejarah Melayu* pernah mengatakan tentang hal ini dengan memetik titah Sultan Mansor Syah yang berbunyi;

> "... dan hendaklah engkau muafakat dengan segala menteri dan segala orang besar-besarmu, kerana raja itu, jikalau bagaimana sekalipun bijaksananya dan tahunya, jikalau tiada muafakat dengan segala pegawainya di mana akan dapat ia melakukan bijaksananya itu?"[38]

Hal demikian mungkin dikaitkan secara langsung pula dengan tradisi temurun dan budaya politik masyarakat Melayu itu sendiri, iaitu kerjasama dan tolak ansur antara pihak pemerintah dan raja, dengan pihak yang diperintah dan rakyat sejak dari zaman purba lagi. *Sejarah Melayu* telah merakamkan sumpah setia (waadah) antara Sang Sapurba Taram Seri Tri Buana (pemerintah) dengan Demang Lebar Daun (yang diperintah) dalam tradisi asal usul kepimpinan politik Melayu;

> "Itulah sebabnya dianugerahkan Allah Subhanahu wa Taala pada segala raja-raja Melayu, tiada pernah memberi aib pada segala hamba Melayu; jikalau sebagaimana sekalipun besar dosanya, tiada dilihat dan digantung dan difadhilatkan dengan kata-kata yang jahat. Jikalau ada seorang raja memberi aib seorang hamba Melayu alamat negerinya akan binasa; Syahdan segala anak Melayu pun dianugerahkan Allah Subhanahu wa Taala tiada pernah derhaka dan memalingkan muka pada rajanya, jikalau jahat pekerti sekalipun serta aniaya".[39]

Hubungan yang bertimbal balik ini wujud antara satu pihak (raja) sebagai pelindung dengan satu pihak lagi (rakyat) sebagai penyokong kepada yang melindunginya tadi. Adat dan resam dalam berkerajaan yang mungkin diamalkan pada zaman Sriwijaya, masih terus dikekalkan. Dalam budaya politik, sekali lagi unsur bertimbal balik yang berteraskan kerjasama rapi dan bersistem serta saling perlu memerlukan antara raja yang memerintah dengan rakyat yang diperintah, dapat dilihat melalui adaptasi sebuah bidalan

---

[38]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 170.
[39]*Ibid.*, hlm 27.

Parsi yang juga diterapkan ke dalam falsafah kepimpinan dan sistem berkerajaan di Melaka. Ditentukan oleh budaya dan pemikiran politik Melayu-Islam yang mungkin telah bertapak kukuh di Melaka pada masa pemerintah Sultan Mansor Syah, maka perawi *Sejarah Melayu* telah mengatakan hal ini dengan memetik titah Sultan Mansor Syah, sekali lagi yang berbunyi;

> "Seperti kata Parsi, 'Ar'ayat juna bakhsanat sultan Khasad' yakni rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya".[40]

Kerjasama dan hubungan antara sepohon pokok dengan akar menjadi analogi yang amat asas dalam tradisi dan falsafah kepimpinan Melayu-Melaka dan mudah untuk difikirkan keunggulannya tetapi cukup praktikal – tanpa akar pokok tidak akan berdiri, tanpa pokok pula, akar tentu tidak dapat hidup! Oleh itu, barulah masyarakat dapat hidup dan kerajaan dapat ditegakkan.

Walau bagaimanapun, kerana masih kuat berpegang kepada landasan tradisi dan proses pembudayaan yang diwarisi serta sejarah kebudayaan peribumi itu sendiri maka unsur kudus, luhur dan suci tetap terus menjadi intisari untuk membina dan menegakkan daulat untuk meletakkan taraf raja sebagai mengatasi undang-undang sekular tadi. Etos tempatan dalam kepimpinan mungkin menganalogikan raja dan Rasul sebagai 'dua buah permata', kedua-duanya saling bergandingan untuk membina keindahan dan melengkapkan sebentuk cincin. Seorang raja diumpamakan sebagai 'ganti Allah' untuk memerintah manusia di dunia ini – *zulillahi fi'l'alam* atau *zulillahi fil'l ardh*. Secara langsung bererti jika kita beribadat kepada Allah, dan taat kepada sunah Rasul maka kita juga wajib berbakti dan taat setia kepada raja. Jika kita derhaka dan enggan patuh kepada perintah Allah dan sunah Rasul, kita juga akan dianggap menderhaka kepada raja. Ini adalah interpretasi yang utama.

Mungkin ini menjadi alasan dan diayah politik orang peribumi yang paling halus tetapi berkesan untuk mempengaruhi kepercayaan dan untuk memenangi hati rakyat supaya mendaulati rajanya.

Tokoh yang paling kuat menyokong, mendokong dan mempertahankan daulat ialah Bendahara. Ini wajar kerana Bendahara adalah orang tua yang berpengalaman dan selalunya merupakan sama ada bapa mentua raja atau ayah saudara raja yang memerintah. Walau bagaimana dan apa pun interpretasi dan pendapat penyelidik tentang ketokohan dan sifat para

[40] *Ibid.*, hlm 170–171.

Bendahara dalam kesusasteraan *Sejarah Melayu*, terdapat beberapa naratif dan episod yang menerangkan darihal beberapa orang Bendahara Melaka yang kerap mempertahankan 'adat' dan falsafah politik ini walaupun terpaksa mengorbankan nyawanya sendiri, seperti yang telah terjadi kepada Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir. Asas bagi menegakkan daulat ini ialah norma yang berbunyi 'pantang anak Melayu menderhaka kepada rajanya'.

Pendek kata, konsep dan hak kuasa memerintah yang dimiliki oleh seorang raja lebih bercorak spirituil dan merupakan tradisi temurun yang lahir dalam bentuk kepercayaan semata-mata yang telah diwarisi sejak zaman-berzaman dan tradisi itu mengikut perubahan budaya dan perspektif kepercayaan serta agama.

Konsep dan hak kuasa ini kemudian diwujud, disalur dan diamalkan menerusi wibawa fizikal dan tindak tanduk para pembesar negeri dan pentadbir yang menyokong serta menjadi sebahagian daripada keseluruhan institusi perajaan tadi. Wibawa fizikal dan tindak tanduk ini menekankan yang antara lain bertujuan untuk menentu, mengawal dan mengawasi amalan adat istiadat beraja yang lebih bercorak tradisi dan adat resam supaya dipelihara rapi; menentu dan menjalankan peraturan berkerajaan dan pentadbiran; menentu dan mencorakkan sistem perjalanan kerajaan; mengawal, memelihara serta memastikan perjalanan undang-undang (yang berupa adat resam atau pengaruh asing, Hindu dan Islam); mengawal dan merapikan sistem bermasyarakat serta pengawasan protokol berkerajaan seluruhnya; memastikan keamanan dan kesejahteraan anggota masyarakat.

Oleh sebab para pembesar ini menjadi tonggak yang menyokong dan memelihara institusi perajaan dan menegakkan institusi serta sistem berkerajaan dan pentadbiran, mereka dibekalkan dengan wibawa tertentu dalam lingkungan bidang kuasa masing-masing berdasarkan fungsi-fungsi sosial, politik dan pentadbiran tertentu di istana, di darat dan laut di sekitar Melaka sebenar dan di jajahan takluk.

Hubungan dan kerjasama antara raja yang memerintah dengan para pembesar yang menjadi jentera pemerintahan untuk menyokong sistem perajaan dan berkerajaan juga dilihat sebagai aspek budaya politik yang amat asas. Malah dalam falsafah politik tradisional Melaka, kerjasama yang rapi dan hubungan fungsional politik sosial antara raja dengan para pembesarnya adalah penting untuk menjayakan sistem berkerajaan tadi.

Kelicinan, kesentosaan dan kejayaan untuk menjalankan sistem ini amat bergantung pada sikap saling sokong-menyokong di antara kedua-dua belah pihak. Oleh yang demikian, maka untuk menjayakan sistem itu, tertanamlah falsafah berpolitik di Melaka tentang kerjasama antara raja yang

dianalogikan sebagai 'api' dengan para pembesar yang dianalogikan pula seperti 'kayu', kedua-duanya saling memerlukan. *Sejarah Melayu* membincangkan hal ini dengan memetik ucapan Bendahara Tun Perak yang berbunyi;

> "Dan lagi tiada akan sentosa kerajaannya, kerana raja-raja itu umpama api, akan segala menteri itu umpama kayu; jikalau tiada kayu, di manakah api itu bernyala?"[41]

Keseluruhan konsep kerjasama yang erat antara raja yang berkerajaan dengan rakyat yang diperintah adalah seperti sokong-menyokong antara sebatang pokok dengan akarnya dan konsep saling memerlukan antara raja yang memerintah dengan para pembesar, yang diibaratkan sebagai kerjasama antara api dengan kayu untuk menjayakan pemerintahan. Perkara itulah yang membentuk falsafah dan teori asas dalam sistem berpolitik, berkerajaan dan pemerintahan empayar Melayu Melaka seluruhnya.

Menurut pendapat seorang sarjana, contoh yang paling menarik tentang konsep hubungan yang saling memerlukan tetapi *indispensable* coraknya antara kedua-dua pihak ini dalam sebuah jentera politik berkerajaan seperti itu, dapat dilihat daripada konsep dan sudut pandangan penulisan *Hikayat Hang Tuah*, sebuah hasil 'roman sejarah yang bercorak simbolik'. Di peringkat operasional, teks ini memancarkan hubungan raja Melaka dengan Hang Tuah yang merupakan lambang hubungan antara pihak yang berwibawa, pemegang dan pengamanah kuasa dengan pihak yang menerima, menyokong dan mengakui wibawa dan amanah tadi, yang dioperasikan kepada mereka. Penerimaan dan pengakuan pengoperasian ini dilakukan secara *submisif* dan *in toto* secara lazimnya, dan tanpa berbelah bagi supaya tidak menjadi konflik dan berkecamuk semasa menjalan serta melaksanakan operasi wibawa dalam pemerintahan.

Ia merupakan lambang keunggulan tentang cara dan bagaimana sebuah 'kerajaan' Melayu itu harus beroperasi dan berfungsi; dan menjadi lambang hubungan yang unggul antara pihak pemerintah (raja Melaka dalam konteks ini) dengan pihak yang diperintah (Hang Tuah).

Mungkin begitulah konsepsi dan pendapat pengarang hikayat yang agung ini. Titah, kerah, dan perintah suruhan raja adalah perintah daripada pihak pemerintah tadi. Dan perintah ini (menerusi penerimaan dan kesanggupan untuk menjalankan suruhan yang ditunjuk dan dimanifestasikan menerusi watak, perbuatan dan tindak tanduk Hang Tuah) wajib dipatuhi

[41] *Loc-cit.*

walaupun terpaksa mengorbankan nyawa, dengan tanpa persoalan dan kerenah. Secara tradisi, perintah yang telah dijalankan dan dilaksanakan akan menerima balasan dan penghargaan. Ganjaran adalah dalam berbagai-bagai bentuk material dan simbol sosial, yang disebut anugerah. Oleh yang demikian, wujudlah implikasi undang-undang terhadap istilah ini, sama ada dari segi pengucapan ataupun perbuatan menganugerah. Raja yang memerintah sahaja yang dibenarkan untuk menyebut anugerah dan melakukan penganugerahan terhadap seseorang. Ini menjadikan anugerah hak diraja. *Hukum Kanun Melaka* (Fasal 2:1) menyebut, bahawa sesiapa yang mempersendakan (menutur dan melakukannya) anugerah, di samping istilah-istilah titah, patik, murka dan kurnia, maka 'dibunuh hukumnya'. Antara anugerah atau kurnia yang lumrah ialah pemberian gelaran kebesaran kerajaan dan pangkat yang berfungsi seperti Laksamana, Seri Bija Diraja dan sebagainya, yang dapat menyumbang dan menentukan kedudukan dan status sosial serta politik seseorang sehingga membolehkannya mencapai taraf nikmat sosial dan bergelar 'Orang kaya' (kerana ketinggalan pangkat tetapi mempunyai kedudukan ekonomi yang istimewa); pemberian tanah untuk berhuma atau berladang; dan pemberian kawasan yang berpenghuni (dusun, teluk atau anak sungai). Menurut Fasal 44:11 teks *Hukum Kanun Melaka* bahawa menjadi 'raja' (ketua) di situ ialah sebagai pentadbir dan pemungut hasil atau cukai; dan pemberian manusia (lelaki atau wanita) untuk dijadikan pengikut dan hamba. Sekecil-kecil anugerah ialah sepasang persalinan (pakaian istiadat yang lengkap), sebagai simbol penghargaan daripada pihak yang berkuasa dan yang diakui kedaulatan politiknya.

Oleh itu, hubungan dua hala dapat dijalinkan antara pemerintah (yang memberi perintah) dengan yang diperintah (yang melaksana dan menjalankan perintah) dan pemberi dengan penerima supaya berurusan dan bekerjasama secara harmoni. Di sinilah terletak dan terjadinya teras dan landasan untuk berkerajaan itu. Dalam konteks dan konsep yang disebut *primus inter pares* ini semangat saling bekerjasama, saling memberi dan menerima, bertolak ansur, saling perintah dan sedia menerima perintah yang dipancarkan oleh watak raja Melaka dengan watak Hang Tuah itulah yang difalsafahkan oleh *Sejarah Melayu* persis kerjasama 'antara pohon dengan akar'. Jika akar kuat menyokong atau menopang maka kuat dan teguhlah pohon. Oleh yang demikian, analoginya sama dengan penubuhan kerajaan. Sebaliknya, pohon akan layu dan mati sekiranya akar lemah dan enggan menyokong atau menopang. Untuk menegak atau menyokong pohon, maka akar ditradisikan supaya sentiasa menyokong atau menopang pohon. Semangat yang sentiasa menegak inilah yang dicernakan oleh *Hikayat Hang Tuah*, menerusi jalinan watak Hang Tuah sebagai 'pantang anak Melayu derhaka kepada tuannya

(raja)!' Di peringkat yang lebih mendalam, mengerah tenaga manusia secara kolektif untuk berbagai-bagai tujuan awam dan ketenteraan (seperti perang, membina istana, dan membaiki kota) adalah merupakan konsep dan institusi lama bagi 'perkhidmatan atau kerahan negara' pada masa itu. Penglibatan tenaga yang begitu besar dan banyak menyebabkan timbulnya masalah ganjaran (melainkan raja yang memerintah itu kaya dan dermawan); betapa pula ia amat berkait rapat dengan tanggungjawab dan tugas moral para individu–maka sesuatu yang bersifat moral, tidak akan mengharapkan balasan dan ganjaran material, dan juga status. Tugas mempertahan dan melindungkan kerajaan adalah seperti menyokong gagasan dan cita-cita pemerintah, menjaga keselamatan anggota masyarakat, kerja-kerja pembangunan dan kemajuan bandar atau pekan untuk kebaikan bersama, membina parit dan tali air bagi keperluan dan kehendak ramai, dan menghadiri pesta-pesta kerajaan dan istiadat diraja bagi memenuhi ruangan konsep dan institusi ini. Kesemuanya termasuk ke dalam tugas dan tanggungjawab kolektif (secara gotong-royong) untuk kerajaan. Kesediaan dan kesanggupan untuk menyahut perintah kerah (terlepas daripada prasangka kita tentang unsur paksaan yang ada) menandakan sokongan moral dan fizikal terhadap kerajaan. Ia juga merupakan simbol sebagai pengakuan terhadap kedaulatan raja yang memerintah daripada pihak rakyat. Susah kerajaan, sukarlah hidup rakyat. Derita kerajaan, rakyat melarat. Makmur kerajaan, mungkin mewahlah rakyat. Siri peperangan yang diketuai oleh Hang Tuah telah disertai oleh ribuan tentera yang setia. Mereka sentiasa akur dengan perintah raja dan sentiasa patuh dengan arahan Hang Tuah tanpa banyak persoalan yang kerenah.

Daulat juga dibina dan dihubungkan dengan konsep dan peranan simbol dalam tradisi perajaan. Simbol ini wujud untuk memberikan beberapa taraf dan hak istimewa kepada raja yang memerintah berbanding dengan taraf dan hak rakyat. Antara simbol itu ialah:

(a) Peralatan budaya
(b) Bahasa
(c) Undang-undang
(d) Warna
(e) Protokol dan adat istiadat

Peralatan budaya merupakan alat-alat yang boleh dilihat, dan diadakan untuk menjadi 'penyokong' kepada karisma raja yang sedang memerintah. Dengan adanya alat-alat ini di samping kehadiran raja bagi semua upacara rasmi ialah untuk menunjukkan ia mempunyai nilai dan unsur kebesaran secara simbolik. Oleh itu alat-alat ini dinamakan sebagai alat kebesaran raja.

Rakyat dilarang untuk menggunakan alat-alat tersebut melainkan 'dengan anugerah raja'. Antara peralatan yang dapat ditemui ialah seperti ketur (tempat berludah), kendi, kipas, cogan, sirih puan, pawai, berbagai-bagai jenis senjata seperti keris dan pedang, tombak dan lembing, ceper, kerikal, tetampan dan payung. Semuanya disebut sebagai "segala perkakas raja".[42]

Peralatan kerajaan juga termasuklah alat muzik tradisional yang dibunyikan untuk acara-acara dan adat rasmi yang berkaitan dengan istana dan yang berhubungan dengan peristiadatan kerajaan. Peralatan ini digunakan sebagai "alat kerajaan".[43] Alat bunyi-bunyian ini ialah seperti gendang, gong, serunai, nafiri, negara dan medeli. Alat-alat inilah yang membentuk kumpulan nobat. Raja sahaja yang berhak untuk memiliki dan menggunakan alat-alat tersebut untuk semua upacara yang bercorak peribadi dan yang berhubungan dengan istiadat istana dan kerajaan.

Alat kebesaran yang agak sekunder sifatnya ialah usungan (tanduan), yang digunakan semasa raja berangkat. Peranan simbolik alat kebesaran ini tidak begitu menonjol kerana alat ini juga dianugerahkan penggunaannya kepada Bendahara dan Laksamana. Cuma yang berbeza ialah keberangkatan raja dengan usungan ini akan disertai oleh para pembesar yang telah ditentukan kedudukan mereka. Ini bertujuan supaya rakyat dapat mengetahui bahawa keberangkatan usungan yang disertai oleh para pembesar itu adalah raja atau sultan yang sedang memerintah Melaka.

Gajah yang menjadi kenderaan di darat dan perahu yang menjadi kenderaan di air juga menentukan kaedah simbolik ini. Apabila raja menaiki gajah, Laksamana dan Temenggung akan turut bersama-sama untuk mengawal keselamatan raja dengan diiringi oleh paluan gendang nobat. Perahu raja juga mesti berbeza daripada perahu biasa. Hanya perahu yang dinaiki oleh raja dibenarkan mempunyai tingkap berpenghadapan. Sebahagian daripada alat kebesaran raja dan alat kerajaan ini masih lagi diwarisi dan terus kekal digunakan oleh raja-raja Melayu dalam sistem perajaan dewasa kini.

Ada juga peralatan yang dikaitkan dengan pembentukan 'undang-undang' sekular negeri. Tujuannya ialah untuk membezakan antara hak raja dengan hak yang dimiliki atau diamalkan oleh rakyat. Rakyat tidak boleh menggunakan peralatan yang tertentu dalam bentuk 'larangan' kerana peralatan tersebut ialah untuk kegunaan raja dan kerabatnya sahaja. Contohnya, warna kuning adalah hak diraja. Rakyat tidak dibenar untuk menggunakan kain berwarna kuning untuk menyulam sapu tangan, tepi tabir, ulas bantal

[42] *Ibid.*, hlm 77.
[43] *Loc-cit.*

dan tilam; dan sebarang ciptaan seni untuk perhiasan rumah. Rakyat hanya boleh menggunakan kain tersebut untuk dibuat kain, baju dan destar. Payung berwarna putih dikhaskan untuk kegunaan raja sahaja. Payung kuning pula dikhaskan untuk anak raja. Hanya raja yang berhak menggunakan rumah berperanjungan, bertiang gantung dan rumah berperanginan.

Untuk menunjukkan sifat aristokrat dan juga elit raja dan kerabatnya, 'orang keluaran' (rakyat) tidak dibenarkan untuk memakai penduk, teterapan keris dan gelang kaki daripada emas kerana raja dan kerabatnya sahaja yang berhak dan dibenarkan untuk memakainya. Rakyat hanya boleh memakainya bila mendapat anugerah dan keizinan raja.

Penggunaan bahasa (lisan dan tulisan) juga turut terangkum ke dalam aspek ini. Contohnya, menurut Fasal 2:1 *Hukum Kanun Melaka* terdapat lima patah perkataan dan amalan yang boleh digunakan oleh raja sahaja, iaitu titah (bagi raja), patik (bagi rakyat kepada raja), murka (bagi raja), kurnia dan anugerah (bagi raja). Rakyat yang mempersenda dan menuturkan bahasa serta amalan kelima-lima patah perkataan ini akan dihukum bunuh atau sekurang-kurangnya mulutnya 'digocoh'. Fasal 2:2 undang-undang ini juga menentukan hanya raja yang berhak menerima istiadat menjunjung duli.

Untuk upacara pengebumian, tidak seorang pun dibenarkan untuk memayungi si mati, berpuadai dan menabur wang. Hanya raja yang diberikan hak untuk berbuat demikian. Tujuan asas mewujudkan keistimewaan dan perbezaan hak ini ialah 'supaya bermulia tuannya (raja) pada hukum ...' dan untuk menunjukkan perbezaan antara raja dengan orang lain, walaupun di kalangan pembesarnya sendiri.

Semua bidang ini tidak termasuk pengamalan dan penentuan sistem istana serta peraturan protokol kerajaan dalam menegakkan konsep dan institusi perajaan dalam lingkungan daulat tadi. Seorang raja mesti mengikut lunas-lunas protokol tertentu ketika bergaul dengan rakyat. Rakyat pula bukanlah mudah untuk bertemu dengan rajanya. Ketika menghadap dan bertemu raja, rakyat harus mematuhi dan mengamalkan peraturan serta tatatertib, tatacara dan adat-adat tertentu yang telah ditetapkan seperti penggunaan bahasa istana (seperti patik, gering, pacal, bersiram, dan santap): gaya dan peraturan duduk ketika menyembah raja, penggunaan pakaian (yang boleh dan yang dilarang) ketika menghadap raja di balairung; dan tertib, kaedah dan peraturan ketika menjunjung duli raja di istana. Semuanya ini diperadat, diperatur, ditentukan dan diistiadatkan supaya dapat memberikan karisma kepada konsep daulat yang dicipta dan ditegakkan itu terhadap keperibadian raja yang memerintah.

Penentuan dan corak petempatan penduduk dan penghuni Melaka dalam konteks pembentukan pola demografi Melaka sebenar itu sendiri, sama

ada disedari atau tidak, secara langsung juga berperanan menyokong konsep daulat tadi. Menurut laporan Portugis dan China, kawasan yang paling elit sifatnya ialah Bukit Melaka (Bukit Seri Melaka sekarang). Di bahagian kemuncaknya, dibina kompleks istana raja Melaka dengan pelbagai jenis balai (seperti balai pendapa, balai menghadap dan balai nobat) di dalamnya.

Mungkin kompleks diraja ini dibina pada awal pemerintahan raja-raja Melaka kerana di situlah kehadiran raja diperlukan untuk menjalankan urusan pemerintahan dan organisasi kerajaan (dengan cara berunding, bermusyawarah, bermuafakat dan berbicara). Para pembesar dan pegawai kerajaan akan menghadap baginda secara rasmi tetapi tidak berkala. Tome Pires mengatakan bahawa istana persemayaman raja dan kalangan kerabat yang terhampir ialah di Bertam, bahagian hulu dan pedalaman Melaka.

Di persekitaran lereng bukit mengelilingi kompleks ini ialah rumah para pembesar dan pegawai negeri. Di sekeliling kaki bukit, terutama yang menghadap pantai dan laut Melaka, terdiri kediaman para hulubalang, perajurit dan Orang Laut Melaka.

Susunan petempatan seperti ini adalah strategik dan amat berfungsi dengan keadaan semasa. Keselamatan raja dan para pembesar akan sentiasa terlindung daripada sebarang ancaman serangan bahagian hadapan yang bertentangan dengan Selat Melaka. Jika serangan terjadi, maka raja dan pengikutnya dengan mudah boleh berundur ke kawasan pedalaman arah ke hulu.

PEMBESAR EMPAT YANG PERTAMA

Bendahara

Bendahara merupakan pemilik wibawa fizikal yang terbesar di kalangan pembesar-pembesar Melaka dalam hierarki pentadbiran, mungkin sama tarafnya dengan ketua eksekutif sesebuah kerajaan masa kini. Raja adalah berkuasa dan berdaulat secara teori, spirituil dan kepercayaan temurun, Bendahara pula memiliki wibawa pentadbiran dalam organisasi berkerajaan secara amalan dan pelaksanaannya. Di samping menjadi tokoh penyokong yang paling utama dan penegak kepada konsep daulat dalam institusi kerajaan serta kuat mempertahankan konsep itu, kepentingan wibawanya dapat dilihat daripada peraturan kerajaan, iaitu ketika ketiadaan raja, Bendaharalah yang memangku pemerintahan. Walaupun terdapat tokoh politik yang bertaraf kerabat, namun kewibawaan dan ketokohan Bendahara serta pembesar kanan kerajaan lebih dihormati dan mendapat kepercayaan raja.

Ketika Sultan Mansor Syah dan rombongannya berangkat ke Majapahit, *Sejarah Melayu* ada menyebutkan bahawa;

"Maka bendahara Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dan Seri Bija Diraja dan segala menteri hulubalang yang besar-besar sekaliannya ditinggalkan oleh Sultan Mansor Syah menunggui negeri".[44]

Kedudukan dan fungsi Bendahara dapat dilihat dari sudut tugas awam sebagai ketua pentadbir dan tugas tentera sebagai ketua turus hulubalang di darat dan laut Melaka. Taraf kebesarannya dalam beberapa aspek lagi ditunjukkan oleh *Sejarah Melayu*. Istiadat menghadap raja dan bersirih nobat hanya boleh dilakukan sekiranya Bendahara turut hadir. Bendahara akan menjalankan istiadat sirih nobat selepas anak raja-raja,[45] dan kemudian menteri-menteri utama yang lain. Dalam upacara menghadap raja di balairung, Bendahara akan duduk di hadapan sekali daripada para menteri yang utama di seri balai.[46] Dalam istiadat perlantikannya, Bendahara dikurniakan oleh sultan lima persalinan bagi satu 'set' anugerah, iaitu baju, kain, destar, sebai dan ikat pinggang, sedangkan anak raja-raja kerabat pun hanya dikurnia empat persalinan bagi setiap 'set'.[47]

Menggunakan usungan untuk tujuan rasmi adalah hak mutlak raja. Tetapi usungan juga dikurniakan kepada Bendahara dan Laksamana dengan tujuan untuk menunjukkan hak sosial dan taraf kebesarannya.[48]

Cara hidangan yang dimakan oleh Bendahara dalam istiadat rasmi di istana juga menunjukkan taraf istimewanya. Bendahara memakan sehidang hanya untuk dirinya ataupun sehidang dengan anak raja-raja[49] tetapi para pembesar yang lain memakan sehidang empat orang. Prosedur memakan pula ialah Bendahara dahulu yang menjamah hidangan, kemudian barulah diikuti oleh pembesar dan tetamu yang lain.

Sistem penggantian Bendahara selalunya mengikut keturunan, daripada ayah kepada anak atau abang kepada adik. Ini adalah amalan tradisi. Tun Perak, Bendahara yang masyhur itu adalah anak Seri Wak Raja, Bendahara Melaka yang mati akibat meminum racun. Tun Perpatih Putih (Bendahara Putih) yang menggantikan Tun Perak adalah adik Tun Perak. Bendahara Melaka yang terakhir, Paduka Tuan (Bendahara Tepok) yang menggantikan Tun Perpatih Putih adalah anak almarhum Bendahara Tun Perak. Tun Mutahir ibni Seri Nara Diraja Tun Ali pula adalah anak saudara Tun Perak, kerana ibu Tun Mutahir, Tun Kudu adalah anak kakak sulung Tun Perak.

---

[44] *Ibid.*, hlm 116.
[45] *Ibid.*, hlm 80.
[46] *Ibid.*, hlm 76.
[47] *Ibid.*, hlm 79.
[48] *Ibid.*, hlm 188–189.
[49] *Ibid.*, hlm 81.

Terdahulu daripada ini, ayah Tun Perak, yang mulanya bergelar Tun Perpatih Sedang, juga menggantikan ayahnya yang menjadi Bendahara, bergelar Seri Wak Raja. Pada masa itulah Seri Nara Diraja Tun Ali dikatakan sebagai tokoh pentadbir Melaka yang paling berpengaruh dan berwibawa daripada Bendahara sendiri. Mungkin inilah alasan paling tragis yang menyebabkan Bendahara Seri Wak Raja Tun Perpatih Sedang membunuh diri dengan meminum racun.[50] Bakal Bendahara pula akan digelar Tun Pikrama.[51]

Tiada kenyataan eksplisit daripada *Sejarah Melayu* yang menerangkan tentang fungsi-fungsi utama Bendahara. Naratif yang disusun tentang ketokohan Bendahara sendiri memerlukan suatu pembinaan semula dan interpretasi tentang fungsi politik dan sosialnya.

Peranan Bendahara dalam ketenteraan, kali pertamanya ditampilkan dalam *Sejarah Melayu* yang mengatakan bahawa Bendahara Tun Perak mematahkan serangan laut Siam, pimpinan Awi Dicu (Okya Tejo) di Batu Pahat. Peranan seperti ini ditunjukkan lagi ketika Melaka mengembangkan sayap untuk menjadi kuasa penakluk. Bendahara dan pembesar yang lain akan mengepalai angkatan tentera Melaka untuk menyerang Pahang, Kampar dan Siak. Tome Pires yang menyebut tentang jawatan *captains-general whom they call Paduca Raja* itulah sebenarnya peranan dan fungsi ketenteraan seseorang Bendahara Melaka.[52] Hal yang demikian menjelaskan bahawa peranan Bendahara sebagai ketua turus hulubalang Melaka bukanlah nominal coraknya. *Sejarah Melayu* menyebut tentang suatu episod serangan Melaka terhadap Pasai yang diketuai oleh Bendahara;

> Maka kata Bendahara pada segala orang kaya-kaya itu, "Adapun kita ini akan pergi berperang ..." Maka Bendahara dan Tun Pikrama, Laksamana, Seri Bija Diraja, Tun Telanai ... dan segala hulubalang rakyat sekalian naiklah ke darat melanggar Pasai ....[53]

Dalam pentadbiran awam, wibawa dan bidang kuasa Bendahara ditentukan oleh Fasal 1 *Undang-undang Melaka* yang menyebut secara eksplisit bahawa;

> "Apa pun hukum yang diserahkan kepada Bendahara itu, seperti hukum orang yang berjabatan dan segala tuan-tuan dan segala sida-sida dan segala anak orang besar-besar.[54]

---

[50]*Ibid.*, hlm 89–90.
[51]*Ibid.*, hlm 77.
[52]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 264.
[53]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 164.
[54]Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, hlm 62.

Begitulah juga tentang bidang kuasa, kedudukan sosiopolitik dan tugas awam Bendahara dalam kerajaan, Tome Pires menjelaskan lagi seperti berikut;

> "... Paduca Raja. These are a kind of viceroy, who is next to the king. To this man all the mandarins do reverence .... When there is no afore said official, Bemdara is the highest in the kingdom. The Bemdara is a kind of chief-justice in all civil and criminal affairs .... He can order any person to be put to death, of whatever rank and condition, whether nobleman or foreigner; but first of all he informs the king, and both decide the matter in consultation with the Laksamana and the Tumunguo".[55]

Sebagai *chief justice*, Bendaharalah yang menjalankan tugas pendakwaan dalam kes-kes pembicaraan awam dan jenayah di peringkat negeri.[56]

Adalah tidak lengkap dan cukup kebolehan seseorang Bendahara jika hanya dibuktikan dengan bakat kepimpinannya dalam tugas awam dan adil pula semasa menjalankan serta melaksanakan undang-undang, juga *by virtue* secara keturunan dan tradisi kekeluargaan semata-mata. Bendahara harus juga dilengkapkan dengan kebolehan kehulubalangan atau keperwiraannya yang bijak dalam ilmu peperangan. Tun Perpatih Putih, adik Bendahara Tun Perak, merasa malu terhadap pengikutnya kerana semasa menjadi Bendahara, beliau tidak pernah mengepalai peperangan. *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa;

> "Dari kakak hamba Bendahara Paduka Raja, besar hamba, kerana Bendahara Paduka Raja sekali dititahkan mengeluari Siam, sekali dititahkan menyerang Pasai, sekali dititahkan menyerang Pahang, (tetapi) akan hamba jadi Bendahara, bergerak pun tiada".[57]

Sebagai ketua eksekutif dalam pentadbiran (hukum orang yang berjabatan, disebut oleh *Undang-undang Melaka*), tugasnya disimbolisasikan

---

[55]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 264.

[56]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 243–244. Ia dapat dirujuk daripada satu episod *Sejarah Melayu* yang menyebut bagaimana Bendahara Seri Maharaja menjalankan acara 'bercerca' (membicarakan seseorang), antara Tun Perpatih Hitam dengan seorang pedagang Melaka. Seri Maharaja disertai oleh Laksamana dan Temenggung yang menjaga keselamatan Bendahara.

[57]*Ibid.*, hlm 206.

dengan pengurniaan sebuah kebak dan bekas dakwat raja. *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa;

> "Adapun akan adat dahulu kala, apabila orang jadi Bendahara ... dianugerahi baju sakhlat dan keris dengan selengkap alatnya ... akan Bendahara berkebak, dan buli-buli dakwat ..."[58]

Tugas Bendahara dalam organisasi berkerajaan adalah sebagai pelaksana wibawa fizikal serta menjadi wakil raja yang memerintah. Hal ini dapat dilihat daripada satu petikan dalam *Sejarah Melayu* yang merakamkan titah Sultan Mahmud;

> "... kerana, biadab di hadapan Bendahara itu rasa-rasa di hadapan kita".[59]

Walaupun urusan penting dalam perniagaan dan jual beli di bandar Melaka dikendalikan oleh Syahbandar, Bendahara juga seperti memainkan peranan secara tidak langsung untuk melicinkan lagi urusan dan transaksi perniagaan. Sudah menjadi kebiasaan, walaupun bukan kemestian, Bendahara turut menerima hadiah daripada pedagang asing, selain pembesar-pembesar Melaka yang utama, dengan tujuan untuk mendapatkan kemudahan dan hak berdagang di Melaka.

Undang-undang dan peraturan milik harta juga diwujudkan secara bersistem. Rumah, tanah sendiri dan dusun diberikan nilai ekonomi. Tome Pires mengatakan bahawa hanya raja yang sedang bertakhta dan Bendahara sahaja yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan *licence* atau surat kebenaran transaksi menjual dan membeli harta-harta tetap itu.[60]

Penyandang jawatan Bendahara mempunyai gelaran tertentu seperti gelaran Seri Wak Raja, Seri Paduka Raja, Seri Maharaja dan Seri Paduka Tuan. Gelaran ini bergantung pada gelaran kebesaran asal yang disandangnya sebelum menjadi Bendahara.

Jawatan-jawatan pentadbiran kanan juga dibentuk untuk seseorang itu sebelum menjadi Bendahara (Tun Perak contohnya, memulakan kariernya sebagai Penghulu di Kelang, Bentara dan Perdana Menteri di Melaka). Seseorang yang menjadi Bendahara, mestilah berpengalaman dalam bidang pentadbiran awam dan ketenteraan, orang yang tua yang dianggap berpengeta-

[58] *Ibid.*, hlm 207.
[59] *Ibid.*, hlm 244.
[60] Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 274.

huan dan berpengalaman dan juga orang yang dihormati dan disegani oleh masyarakat luar dan dalam istana.

Ikatan kekeluargaan dengan raja yang memerintah menerusi talian keluarga ataupun melalui perkahwinan, menambahkan lagi karisma Bendahara sebagai pentadbir dan ahli politik. Sebagai orang yang tua dan matang dalam selok-belok berkerajaan, sewajarnyalah Bendahara menjadi 'penasihat' raja. Malah dalam etika dan keadilan sistem berkerajaan, Tun Perak pernah menasihatkan Sultan Mahmud dengan berkata;

> "Adapun tuanku ... yang kehendak nafsu itu daripada waswas syaitan 'alaihilaknat. Banyak raja-raja yang besar-besar dibinasakan Allah kerajaannya sebab menurut hawa nafsunya".[61]

Penghulu Bendahari

Secara terminologi, Penghulu Bendahari diertikan sebagai Ketua Bendahari. Pada asal penubuhan Melaka pemegang jawatan tradisi ini ialah kerabat diraja yang bernama Raja Kecil Muda yang diberikan gelaran kebesaran secara temurun, iaitu Seri Nara Diraja. Gelaran ini digunakan sehinggalah ke tahun 1511. Jawatan ini kemudiannya telah disandang oleh orang yang bukan Melayu tulen dan bukan di kalangan kerabat ketika pemerintahan Sultan Muhammad Syah.

Taraf Penghulu Bendahari di kalangan Pembesar Empat yang kanan dapat dilihat daripada susunan kedudukannya dalam berbagai-bagai istiadat rasmi. Di balairung seri, ketika menjunjung duli, menghadap nobat dan menjalankan istiadat sirih nobat, Penghulu Bendahari mengambil tempat yang kedua selepas Bendahara. Ketika raja berangkat dengan usungan, Penghulu Bendahari berjalan dengan memegang kepala usungan di sebelah kanan. Dalam semua upacara rasmi kerajaan, *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa Penghulu Bendahari sebagai orang yang kedua selepas Bendahara di kalangan kelompok Pembesar Empat. Ini mencerminkan taraf sosialnya dalam birokrasi pentadbiran. Malah ketika Sultan Muzaffar Syah memerintah Melaka, Tun Perpatih Sedang (anak Bendahara Seri Wak Raja) menjawat jawatan Bendahara tetapi wibawa pentadbiran terletak di tangan Penghulu Bendahari, seperti yang terdapat dalam *Sejarah Melayu* yang berbunyi;

> "Bermula, akan Seri Nara Diraja; terlalu sangat dikasihi raja, barang suatu katanya dipersembahkannya, tiada dilalui baginda ... tetapi sung-

[61]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 191.

guhpun (Seri Wak Raja) jadi Bendahara, sekadar nama saja, yang orang besarnya Seri Nara Diraja juga: barang suatu katanya tiada dilalui raja".[62]

Pada masa Tun Perak mula menjadi Perdana Menteri, masyarakat Melayu Melaka dikatakan telah berpecah kepada dua, iaitu pihak yang pro-Tun Perak dan pihak yang pro-Penghulu Bendahari. Ini menunjukkan bahawa pengaruh politik Penghulu Bendahari ini masih kuat, sehinggalah suatu penyelesaian politik dicapai.

Sebagai orang kuat istana dan penyokong adat istiadat Melayu, Penghulu Bendaharilah yang menjadi ketua istiadat dan acara rasmi diraja di istana. Tugasnya termasuklah mengerah orang membentang tikar, menghias balairung, menggantung tabir langit-langit, mengendalikan hidangan dan makanan untuk para tamu dan mendapatkan tenaga rakyat untuk urusan pekerjaan diraja tadi.

Tugas dan bidang kuasa awam Penghulu Bendahari ialah menjadi ketua kepada semua Bendahari raja, mengetuai para pegawai yang menguruskan hasil mahsul kerajaan, mengepalai semua Syahbandar yang terdapat di Melaka dan bertanggungjawab mengendalikan hamba-hamba raja.[63]

Seperti Bendahara, Penghulu Bendahari juga mempunyai tugas dalam bidang ketenteraan, justeru itu Penghulu Bendahari harus bersifat hulubalang dan pintar pula dalam ilmu peperangan. Ketika dilancarkan kerahan tenaga untuk menundukkan Kampar atas titahan Sultan Mansor Syah, Penghulu Bendahari Seri Nara Diraja Tun Tahirlah yang ditugaskan sebagai ketua angkatan perang Melaka dan telah mencapai kejayaan.

Temenggung

Taraf kebesaran dan kekananan Temenggung di kalangan pembesar utama Melaka dapat dirujuk pada kedudukannya di balairung ketika istiadat menghadap dan ketika istiadat sirih nobat. Temenggung duduk di tempat ketiga selepas Penghulu Bendahari dan Bendahara. Tidak terdapat bukti tentang wujudnya pembesar ini di Singapura. Mungkin ia adalah suatu tradisi pembesar yang baru di Melaka. Temenggung bertugas dalam hal-ehwal awam dan dalam bidang ketenteraan. Untuk menjaga keamanan dan mengawal keselamatan serta perjalanan undang-undang seluruh Melaka turut menjadi tugas utamanya. Bidang kuasa Temenggung yang diperuntuk-

[62] *Ibid.*, hlm 89.
[63] *Ibid.*, hlm 80.

kan dalam *Hukum Kanun Melaka* adalah;

> "Adapun hukum yang diserahkan kepada Temenggung itu barang yang dihukumkan di dalam negeri seperti tahafus menafahus dan tangkap menangkap orang yang jahat di dalam negeri."[64]

Menjaga keselamatan raja, juga turut menjadi sebahagian daripada tugas utamanya. Ketika raja berangkat dengan gajah, Temenggung akan duduk di kepala gajah dengan memegang pedang kerajaan. Di istana, tugas istiadatnya juga adalah penting. Temenggunglah yang mengatur dan menentukan orang yang bekerja ketika sesuatu istiadat diraja diadakan di istana, setelah Penghulu Bendahari mendapat dan mengumpul tenaga pekerja daripada kalangan rakyat. Temenggung juga bertugas untuk menyusun istiadat menghidang makanan tetamu di istana itu.

Tome Pires menyebut gelaran Temenggung sebagai *Tumunguo*. Tome Pires mengatakan pembesar ini sebagai;

> "He ... is the chief megistrate in the city. He has charge of the guard and has many people under his jurisdiction. All prison cases go first to him and from him to the Bendahara, and this office always falls to person of great esteem. He is also the person who receives the dues on the merchandise".[65]

Sebagai ketua majistret di Kota Melaka, bidang kuasa undang-undang Temenggung saling melengkapi dengan tugas 'tafahus menafus' (menyelidik dan memeriksa, mendakwa kes undang-undang) dan 'tangkap-menangkap' seperti yang dijelaskan oleh *Hukum Kanun Melaka* tadi. Pesalah akan didenda, didera atau dipenjara. Pengadilan yang dibuat kemudiannya akan diserah kepada Bendahara untuk memutuskannya. Bendahara kemudian akan bertindak sebagai Ketua Hakim.

Tugas awam Temenggung termasuklah menyertai Bendahara ketika menjalankan pendakwaan dan pembicaraan dan memungut cukai perdagangan di bandar Melaka. Menurut *Sejarah Melayu*;

> "... adat Bendahara Melaka, apabila menyerca orang, Temenggung ... tiada bercerai dengan Bendahara ... jika yang patut ditangkap dan dipasung Temenggung menangkap dia; demikianlah adat zaman dahulu kala".[66]

---

[64] *Ibid.*, hlm 62.
[65] Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 265.
[66] W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 243.

Seperti Bendahara dan Penghulu Bendahari, Temenggung juga haruslah seorang hulubalang. Apabila Seri Maharaja Tun Mutahir menjawat jawatan ini, beliau dititahkan oleh Sultan Mahmud Syah untuk mengetuai angkatan Melaka menyerang Pahang dan Kelantan. Beliau telah mencapai kejayaan. Apabila Temenggung dilantik oleh sultan, beliau akan dianugerahkan melengkap pakaian dengan keris dan tombak bertetampan, sebagai lambang kehulubalangan.

Sepanjang pemerintahan Sultan Mahmud Syah, pengaruh Temenggung kelihatan amat mencengkam istana. Mungkin kerana kekayaan dan pengaruh keluarga (Tun Senaja, bonda Sultan Mahmud iaitu kakak Tun Mutahir), Temenggung Tun Mutahir dilantik menjadi Bendahara Melaka menggantikan Bendahara Perpatih Putih. Jawatan Temenggung kemudian diturunkan kepada anaknya, Tun Hassan.

Laksamana

Ini merupakan suatu jawatan baru di Melaka. Ketika di Singapura dahulu terdapat jawatan Hulubalang Besar yang duduk di taraf selepas Penghulu Bendahari dan Bendahara. Di Melaka, sebelum zaman Sultan Mansor Syah terdapat gelaran Seri Bija Diraja yang dikatakan berdiri di ketapakan balai sambil memikul pedang kerajaan ketika raja bertakhta di balairung.

Apabila Tun Perak berperang dengan angkatan Siam di laut Batu Pahat ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, Seri Bija Diraja dikatakan telah mengiringi beliau. Tarafnya jelas kelihatan apabila Sultan Mansor Syah berangkat ke tanah Jawa, Seri Bija Diraja ditinggalkan bersama-sama Bendahara dan Seri Nara Diraja untuk mentadbir Melaka.

Taraf Seri Bija Diraja telah berubah apabila muncul institusi Laksamana. Menurut *Sejarah Melayu*, orang yang pertama menyandang jawatan yang baru ini ialah Hang Tuah. Beliau menerima gelaran ini semasa berada di Jawa. Institusi Laksamana menjadi formal di Melaka selepas Hang Tuah berjaya membunuh Hang Kasturi, lalu digelar Laksamana Hang Tuah. Institusi Laksamana sama ada ditempatkan setaraf dengan Seri Bija Diraja ataupun kadangkala mengambil alih tugas dan tempat pembesar tradisi ini.

Dalam istiadat menghadap di balairung, Laksamana dan Seri Bija Diraja ataupun salah seorang daripadanya yang memikul pedang kerajaan. Apabila raja menaiki gajah, salah seorang daripada mereka akan duduk di buntut gajah sambil memikul pedang kerajaan. Semasa istiadat menghadap dan bersirih nobat, kedua-dua atau salah seorang daripadanya duduk di taraf selepas Temenggung, Penghulu Bendahari dan Bendahara. Setelah rasmi menjadi Laksamana, ketika diadakan istiadat menghadap di balairung, *Sejarah*

Melayu menyebut tugasnya;

> "Hang Tuahlah yang pertama jadi Laksamana, memikul pedang kerajaan berganti-ganti dengan Seri Bija Diraja, kerana adat dahulu kala".[67]

Di balairung, kedua-duanya duduk di kelek-kelekan balai kiri dan kanan.

Sebagai Pembesar Empat yang kanan, Laksamana mempunyai tugas rasmi dalam ketenteraan dan awam, juga sebagai pengawal protokol dan kedutaan. Tugas utama Laksamana ialah dalam bidang ketenteraan.

Dalam *Hukum Kanun Melaka*, Laksamana dikatakan sebagai 'raja di laut'. Ini menunjukkan bidang kuasanya sebagai ketua 'armada' laut Melaka, bersama-sama dengan Seri Bija Diraja. Terdapat banyak contoh yang boleh dirujuk tentang fungsinya ini. Salah satu contoh ialah apabila Seri Paduka Tuan dititahkan untuk menyerang Aru, Laksamanalah yang mengiringinya. Istilah yang lazim digunakan dalam *Sejarah Melayu* apabila menerangkan penglibatan dan fungsi Laksamana ialah 'memayar', yang bererti meronda atau mengawal laut. Hal yang demikian adalah wajar kerana kegiatan di laut adalah nadi penggerak kepada kegiatan perdagangan dan perniagaan di Melaka.

Seperti tradisi Sriwijaya, keamanan laut akan dapat menjamin kegiatan perdagangan. Orang yang menjadi tulang belakang kekuatan tentera Melaka ialah Orang Laut. Oleh itu, sesuailah Laksamana diberikan tugas untuk menjaga keamanan laut, di samping itu juga beliau mengepalai angkatan perang Melaka untuk mengalahkan kerajaan-kerajaan di pesisir pantai Selat Melaka. Usaha mengkonsolidasikan tenaga Orang Laut adalah penting. Seorang ketua daripada kalangan mereka wajar dilantik. Oleh itu, sangat sesuailah Hang Tuah yang mungkin muncul daripada kalangan suku Melayu ini diberikan jawatan tersebut. Perkara ini menepati tujuan dan dasar kerajaan Melaka serta selari pula dengan kebolehan dan kesesuaian fungsinya di laut.

Di darat, tugas utama Laksamana ialah mengawal keselamatan raja apabila berangkat, dan mengawal keselamatan Bendahara apabila *chief justice* ini menjalankan perbicaraan. Apabila raja berusung, Laksamana dikatakan memegang usungan raja sebelah kiri. Apabila Bendahara mengadili pembicaraan, Laksamana dikatakan sebagai;

> "Laksamana tiada bercerai dengan Bendahara. Jikalau ada orang biadab pada Bendahara, Laksamana membunuh dia ...."[68]

---

[67] *Ibid.*, hlm 137.
[68] *Ibid.*, hlm 243.

Taraf dan fungsi Laksamana didapati semakin tinggi dan penting ketika pemerintahan Sultan Mahmud Syah, mungkin selari dengan pentingnya kedudukan empayar Melaka dan peranan kelautan yang sedang memuncak dan gemilang itu. Ketika inilah Laksamana dianugerahkan sebuah usungan untuk menjalankan tugas rasmi, seolah-olah setaraf dengan raja dan Bendahara seperti yang dikatakan dalam *Sejarah Melayu*;

> "... Laksamana, dianugerahi pula seorang sebuah usungan, barang ke mana ia berjalan disuruh usung. Maka oleh Laksamana dipakainya usungan itu".[69]

Menurut Tome Pires, bidang kuasa, tugas rasmi dan kedudukan Laksamana adalah seperti berikut;

> "The Lasemana is a kind of admiral. He is the chief of all the fleet at sea. Everybody at sea, and junks and lancharas are under this man's jurisdiction. He is the king's guard. Every knight (and) mandarin is under his orders. He is almost as important as the Bemdara – in war matters he is much more important and more feared".[70]

Tugas dan fungsi Laksamana di laut dan di darat memanglah jelas digambarkan oleh sumber Portugis ini. Ternyata sifat saling melengkapinya dengan beberapa naratif *Sejarah Melayu* tentang Laksamana Melaka, di lautan dan di daratan, untuk menunjukkan taraf sosial dan peranan kehulubalangannya. Telitikan contoh naratif *Sejarah Melayu* yang berikut;

> Maka oleh Laksamana dipakainya usungan itu, barang ke mana ia berjalan berusunganlah; segala anak buahnya di bawah usungan .... Adapun adat Bendahara Paduka Raja, apabila beroleh perahu yang baik; atau senjata yang baik, maka diberikannya pada Laksamana, lalu diambilnya; demikianlah sediakala .... Maka kata Bendahara ....- "Akan pekerjaan demikian itu .... kerana Laksamana itu hulubalang besar; sebab itulah maka Laksamana, apabila musuh datang, supaya ialah kita adu berperang dengan musuh raja itu kerana ia hulubalang Duli Yang Dipertuan, penaka hulubalang kita".[71]

---

[69] *Ibid.*, hlm 188.
[70] Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 264–265.
[71] W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 188–189.

Usungan, perahu dan senjata adalah lambang status yang tinggi (hanya raja dan Bendahara yang dibolehkan berusung); lambang kenderaan di air dan laut; serta lambang kuasa dan kehulubalangan. Oleh yang demikian, lengkaplah kedudukan Laksamana sebagai seorang yang berstatus tinggi; tokoh yang mengepalai dan berkuasa di laut; serta sebagai ketua hulubalang dan pahlawan. Konteks 'hulubalang besar' dan 'hulubalang Duli Yang Dipertuan' adalah warisan tradisi jawatan Hulubalang Besar yang telah dipusakai dari Singapura yang kedudukannya adalah selepas Penghulu Bendahari. Oleh itu, asas peranan politik, sosial dan pentadbirannya adalah serupa. Hanya gelarannya di Melaka diubah kepada Laksamana sedangkan sebelum itu peranan dan fungsi ini diserahkan kepada Seri Bija Diraja.

Laksamana juga dijangka berfungsi sebagai ahli pengutus dan diplomatik, pengawal dan pemerhati perjalanan protokol kerajaan. *Sejarah Melayu* mendakwa bahawa Laksamana Hang Tuah dihantar oleh Raja Melaka sekurang-kurangnya dua kali ke Pahang dan Siak. Di Pahang, atas perintah Raja Melaka, Laksamana telah membunuh orang suruhan Sultan Pahang yang telah membunuh Telanai Terengganu. Ini adalah kesalahan jenayah yang amat berat kerana kata Laksamana, "... kerana salah Seri Akar Raja, ke bawah duli paduka adinda membunuh Telanai Terengganu tiada memberitahu ke Melaka!"[72]

Laksamana dihantar pula ke Siak untuk memarahi dan menghina Tun Jana Pakibul yang telah melakukan pembunuhan atas titah Raja Siak. *Sejarah Melayu* melaporkan bahawa Laksamana telah mencaci Tun Jana Pakibul di hadapan Raja Siak, seolah-olah menyindir pemerintah jajahan takluk Melaka ini untuk menunjukkan kemurkaan raja Melaka;

> Maka Laksamana menghadap Tun Jana Pakibul ... ditunjukkan Tun Jana Pakibul dengan tangan kirinya, katanya, "Tiada berbudi, tuan hamba orang hutan, maka tiada tahu cara adat bahasa; benarkah membunuh orang tiada memberitahu ke Melaka?"[73]

Suatu sumber Jepun pula pernah menyebut bahawa penduduk Pulau Ryukyu di Jepun telah menyelamatkan anak-anak kapal dan seorang Laksamana Melaka yang terdampar di pulau itu pada abad ke-15.

Kemuncak peranan Laksamana dapat dilihat dalam tradisi sejarah Kesultanan Melayu Melaka, tetapi yang berpusat di Johor-Riau-Lingga sele-

---

[72] *Ibid.*, hlm 182.
[73] *Ibid.*, hlm 183.

pas tahun 1511. Laksamana yang pernah memangku sebagai pemerintah Kesultanan Johor-Riau, waris Melaka pada abad ke-17 ialah Tun Abdul Jamil. Institusi Laksamana di Melaka juga kelihatan dimonopoli oleh satu keluarga. Hang Tuah telah digantikan oleh menantu-menantunya, Laksamana Khawaja Hassan dan Laksamana Hang Nadim yang memainkan peranan penting dalam persejarahan awal Johor-Riau kelak.

Pembesar-pembesar Lain

Memang sukar untuk menentukan dengan pasti kedudukan dan fungsi tertentu para pembesar Melaka lain yang mungkin membentuk Pembesar Lapan, Enam Belas dan seterusnya. Tidak ada sebarang sumber tempatan tentang hal ini. *Sejarah Melayu* dan *Hukum Kanun Melaka* menampilkan beberapa gelaran yang kelihatannya berfungsi, tetapi kurang jelas tentang kedudukan taraf pembesar ini.

Antaranya ialah jawatan Perdana Menteri yang pernah disandang oleh Tun Perak sebelum menjadi Bendahara; Seri Bija Diraja, hulubalang yang menjadi timbalan dan bertugas secara bergilir-gilir dengan Laksamana; Syah-bandar, Kepala Bentara Kanan; Kepala Bentara Kiri; para Ceteria; para Sida-sida; anak raja-raja dan akhirnya disebut sahaja, "dan segala menteri dan orang besar-besar ... dan tentera hulubalang ... masing-masing dengan jawatannya." Susunan para pembesar ini kelihatan kompleks. Pada dasarnya, semua pembesar Melaka bermula daripada Bendahara, secara praktisnya adalah 'hulubalang' belaka. Para pembesar kanan menggunakan gelaran Orang Kaya pada pangkal namanya.

Antara pembesar-pembesar yang bukan Pembesar Empat ini, Syahbandarlah yang kelihatan terpenting, malah kedudukan dan fungsinya dirakamkan menjadi fasal undang-undang. Kedudukannya menonjol dalam sistem pembesar Melaka. Tome Pires telah sedar tentang hakikat ini. Dan apabila menuliskan fungsi dan bidang kuasa Syahbandar Melaka, ia menjadi sumber rujukan yang terang dan meyakinkan. Tome Pires mengatakan bahawa institusi Syahbandar berkait dengan organisasi Perbandaran Melaka. Syahbandar mungkin dapat ditarafkan sebagai 'raja pelabuhan' kerana mengendalikan organisasi dan sistem perkapalan, pengendalian cukai, pengawal bagi urusniaga dan urusan dagang, pentadbir anak-anak yatim, menjadi ketua para nakhoda dan sebagai pegawai kebajikan di bandar Melaka. Meilink-Roelofsz yang merujuk pada beberapa sumber Portugis yang bukan daripada laporan Tome Pires telah menambah bahawa tugas awam Syahbandar yang lain termasuklah mengawas perjalanan dan organisasi pasar dan gudang-gudang simpanan barangan dagang serta keselamatan-

nya.[74] Syahbandarlah yang diberikan tugas mengawal sistem timbangtara dalam berat dan ukuran bagi semua transaksi perniagaan, serta juga menjaga nilai mata wang. Oleh itu Syahbandarlah yang mengawal turun naik nilai mata wang dan mengawal daripada berlakunya inflasi.

Terdapat empat orang Syahbandar Melaka. Ini menunjukkan peri penting dan besarnya kegiataan perdagangan dan perniagaan di sana. Tiap-tiap Syahbandar mewakili khidmat dan kebajikan para saudagar, nakhoda dan pedagang kaum atau bangsa masing-masing. Menurut *Hukum Kanun Melaka*, fungsi Syahbandar adalah penting, malah telah menempatkannya dalam lingkungan Pembesar Empat yang keempat selepas Penghulu Bendahari, Temenggung dan Bendahara. *Hukum Kanun Melaka* ini menentukan bidang kuasa Syahbandar seperti berikut;

> "Adapun hukum yang diserahkan kepada Syahbandar itu, iaitu menghukumkan segala dagang dan anak yatim dan segala yang teraniaya dan adat segala jong dan baluk dan barang sebagainya".[75]

Keterangan ini tentunya boleh dilengkapkan lagi dengan merujuk pada kenyataan Tome Pires yang menerangkan tentang konsep, tugas dan bidang kuasa Syahbandar Melaka seperti berikut;

> "There are in Malacca four Xabandares, which are municipal officers. They are the men who receive the captains of the junks, each one according as he is under his jurisdiction. These men present them to the Bemdara, allot them warehouses, dispatch their merchandise, provide them with loading if they have documents, and give orders fot the elephants. There is a Xabandar for the Gujaratees, the most important of all; there is a Xabandar for the Bunuaqujlim, Bangalees, Pegus, Pase; there is a Xabandar for the Javanese, Moluccans, Banda, Palembang, Tamjompura and Lucoes; there is a Xabandar for the Chinese, Lequeos, Chancheo and Champa. Each man applies to (the Xabandar) of his nation when he comes to Malacca with merchandise or messages".[76]

Suatu kelompok masyarakat yang membentuk kelasnya secara tersendiri ialah nakhoda. Mereka kurang terlibat dalam organisasi dan pentadbiran awam. Tetapi dengan munculnya Melaka sebagai sebuah

---

[74]Meilink-Roelofsz. *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago Between 1500 and About 1630*, The Hague, 1962, hlm 36–40.

[75]Liaw Yock Fang, (ed). *op. cit.*, hlm 63–64.

[76]Armando Cortesao, (ed). *op. cit.*, hlm 265.

pelabuhan entrepot dan pusat perdagangan antarabangsa; dan wujudnya masyarakat pedagang tempatan dan asing di Melaka, fungsi nakhoda dalam organisasi perdagangan dan perkapalan di Melaka menjadi amat penting,[77] malah menjadi satu sistem dan ketentuan kepada kegiatan perdagangan dan perniagaan dalam sebuah kerajaan yang amat bergantung pada kegiatan ini. Kedudukan nakhoda sangat penting dalam kedua-dua sektor tersebut sehingga taraf, bidang kuasa dan tugas nakhoda dirakamkan sebagai undang-undang dalam *Undang-undang Laut Melaka*.

Susunan, taraf dan kedudukan, fungsi-fungsi sosiopolitik dan ekonomi yang diketuai oleh para pembesar ini, telah membentuk asas dan memenuhi keperluan umum untuk menjenterai dan membentuk sistem dalam urusan, peraturan dan organisasi berkerajaan. Walau bagaimanapun, pengkhususan tugas dan fungsi masih terlalu kabur. Laksamana boleh bertugas sebagai ketua hulubalang di darat dan di laut, boleh menjadi pegawal peribadi raja, boleh ditugaskan menjadi duta dan pembawa utusan, sehinggalah dikehendaki membasuh berak raja! Bendahara pula, di samping menjalankan tugas formal dalam sektor awam dan ketenteraan, boleh juga menjadi hakim; serta boleh menguruskan perniagaan peribadi secara langsung atau tidak langsung, sehinggalah dikehendaki menyuapkan santap raja!

Sumber organisasi dan penggerak jentera kerajaan adalah berbagai-bagai, antaranya:

(a) Tradisi dan sistem resam temurun yang diwarisi daripada sistem organisasi kerajaan di Singapura dan Palembang periode pra-Islam. Pewaris dan pengamanahnya ialah raja sendiri, para pembesar dan para menteri tua yang berpengalaman dan berpengetahuan.

(b) Undang-undang dan hukum Islam yang dirasionalisasikan dengan tradisi dan resam. Contohnya, konsep pemimpin (al-imam) dalam Islam dirasionalisasikan dengan konsep perajaan Melayu, penggantian secara turun-temurun daripada bapa ke anak dan seterusnya, berlandaskan keluarga sebelah bapa dan adat Temenggung. Panduan dan syarat utama kepimpinan ialah adil dan saksama, sabar, jangan tamakkan harta dunia, dahulukan tugas kepada Allah

[77]Muhammad Yusoff Hashim, "Perdagangan dan Perkapalan Melayu: Rujukan Khusus kepada Bentuk Perdagangan dan Perkapalan Melaka di abad ke-15/ke-16", dalam *Kapal dan Harta Karam (Ships and Sunken Treasures)*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1986 hlm 1–26.

daripada tugas dunia dan bermuafakat. (Fasal 1:3) *Hukum Kanun Melaka* menentukan lagi empat syarat tentang kepimpinan, iaitu raja mestilah pengampun sifatnya; murah hatinya; bertenaga (mental dan fizikal); dan tegas untuk membuat keputusan.

(c) Adat, istiadat, *mores* dan peraturan yang menjadi undang-undang walaupun mungkin pada teorinya sahaja. Undang-undang Islam, sama ada diamalkan sepenuh-penuhnya ataupun dialternatifkan dengan undang-undang negeri dan hukum adat. Kalimat setempat dan terminologi yang digunakan untuk sumber seperti ini ialah majlis, cara, adat, hukum dan bahasa (tutur dan amalan).

(d) Keadaan semasa yang wujud, lalu menjadi adat dan tatacara yang dapat diterima dan diamalkan seperti tradisi jawatan Laksamana, peraturan dan undang-undang tentang bercucuk tanam, undang-undang, peraturan dan tugas nakhoda.

(e) Titah raja, selalunya diimbangkan dengan budi bicara para pembesar dan menteri kanan sebagai usaha untuk mencapai rasionalnya. Ini dilakukan secara muafakat dan bicara sesama mereka.

Apabila kesemua hal tersebut dirujuk pada hukum-hakam, perundangan, norma dan rasionalisasi Islam, sesuai dengan fitrah dan sudut pandangan masyarakat yang beragama, maka diletakkan para intelek dan mualim Islam untuk memainkan peranan penting. Di sinilah mereka berfungsi dalam sistem dan jentera berkerajaan tadi. Menurut *Sejarah Melayu*, dalam beberapa istiadat rasmi istana dan kerajaan, para ahli fiqah dan kadi didapati hadir dan duduk sebaris dengan menteri dan Pembesar Empat. Ini menunjukkan status sosial mereka yang begitu tinggi dalam kelas pemerintah dan pentadbir peribumi Melaka.[78] Antara tokoh fuqaha' ialah Sayyid Abdul Aziz r.h.m. (yang mengislamkan Melaka), Kadi Munawar, Kadi Yusoff dan Tun Muhammad (ahli saraf dan nahu Islam, anak Melayu tempatan).

RAKYAT

Telah menjadi adat, norma dan tradisi yang diterima di kalangan rakyat bahawa raja adalah berdaulat. Raja adalah sebagai nukleus berpolitik dan tampuk berkerajaan. Tanpa raja, institusi kerajaan tidak mungkin wujud.

[78]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 185.

Menurut *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* (yang memancarkan suasana masyarakat Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16), kata seorang penulis, raja adalah "... stood at the heart of all meaningful activity".[79] Raja telah kukuh menjadi suatu budaya politik tradisional. Apabila kedudukan raja demikian maka secara politik juga, diletakkan tanggungjawab rakyat terhadap raja, persis akar yang bertanggungjawab menegak dan menunjangi pokoknya. Dalam konteks saling sokong menyokong ini, apabila raja dan pemerintah (pentadbir) diberikan nilai dan tanggungjawab kepimpinan, rakyat pula dipertanggungjawabkan dengan nilai tertentu sebagai pihak yang dipimpin dan yang menyokong kepimpinan tadi. Oleh itu, nilai ini telah dijadikan undang-undang dalam *Hukum Kanun Melaka*;

> "Adapun segala syarat (*qualities*) segala hamba raja (*ruler's subjects*) itu atas tiga perkara: satu benar kepada barang af'atnya (*behaviour*); kedua, menurut barang titah rajanya, mau ia zalim, mau ia tiada, fardu (wajib) menuruti titahnya; ketiga, ada ia menghadapkan ampun tuannya".[80]

Walaupun terdapat kalimat seperti "mesti mematuhi perintah raja walaupun raja tersebut zalim", namun ia diimbangi dengan kalimat, "rakyat sentiasa mengharap keampunan raja." Begitulah unggulnya bagaimana kerajaan Melaka itu harus berfungsi, dan kemudian menjadi, "... an integral part of the Malay world-view".[81]

Secara umum, rakyat yang diperintah terbahagi dua, iaitu yang merdeka (bebas) dan yang menjadi hamba, Walaupun pengkhususan dalam tugas tidak wujud, namun fungsi sosial, politik dan tanggungjawab tertentu dari segi pembahagian kerja diberikan kepada mereka bagi menggerakkan jentera berkerajaan dan menyelaraskan sistem pemerintahan serta menyokong institusi perajaan.

Rakyat yang merdeka mempunyai pengertian yang tersendiri. Dari segi kedudukan sosial, mereka tidak terikat kepada suatu pihak, berbanding dengan hamba yang terikat kepada pemiliknya. Pekerjaan yang dilakukan oleh hamba adalah atas kerahan dan perintah tuan (pemiliknya). Tugas hamba ialah menjalankan kerja sebagai kuli atau orang suruhan, seperti memanjat dan memetik kelapa, dan mengayuh sampan, sehinggalah kepada kerja membersihkan perahu tuannya. Mereka menjadi harta pemiliknya; sebaliknya pemilik mesti bertanggungjawab kepada mereka. Kesalahan

---

[79]Barbara and L.Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Macmillan, London, 1982, hlm 45.
[80]Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, hlm 66.
[81]Barbara and L.Y. Andaya, *op. cit.*, 1982, hlm 44.

awam dan jenayah yang mereka lakukan adalah menjadi tanggungan tuannya.[82]

Hamba juga adalah simbol status pemiliknya. Semakin ramai hamba yang dimiliki maka semakin tinggilah status sosial seseorang pemilik. Bendahara Tun Mutahir dikatakan memiliki ramai hamba. Ini juga menunjukkan kekayaannya. Hamba mempunyai kaitan dengan tenaga manusia. Semakin ramai hamba, maka semakin besarlah tenaga manusia dan semakin kuatlah pengaruh sosial dan ekonomi pemiliknya. Akhirnya ia melibatkan soal politik. Tun Mutahir yang kaya dan ramai hamba itu didakwa cuba mengatasi taraf raja. Oleh itu beliau dikatakan menderhaka yang akhirnya dibunuh.

Pemilik hamba ialah raja dan kerabatnya, para pembesar dan menteri, orang kaya atau 'orang berada', dan terutamanya para pemiutang. Tiga jenis hamba yang penting terdapat di Melaka, iaitu pertama, hamba raja (mereka menikmati hak sosial yang istimewa); kedua, hamba berhutang; dan ketiga, hamba biasa (terdiri daripada jenis hamba, abdi, dengan dan biduanda). Oleh sebab hamba mempunyai nilai dan implikasi ekonomi dan sosial, maka mereka menjadi bahan dagangan. Oleh sebab kepentingannya itu jugalah hamba telah menjadi suatu institusi dalam masyarakat Melaka.

Hal yang demikian mungkin tidak dialami oleh orang merdeka, walaupun yang dimaksudkan orang merdeka itu sebenarnya ialah kalangan mereka yang berada. Kalangan yang tidak berada mungkin dengan mudah boleh menjadi hamba kerana beberapa sebab, seperti melakukan jenayah dan tidak mampu membayar hutang. Orang merdeka ini boleh juga menjadi hamba apabila menjadi pengikut atau 'anak buah' kepada para pembesar. Oleh itu, terdapatlah 'anak buah' Bendahara, 'anak buah' Laksamana, 'anak buah' Temenggung, dan seterusnya. Para 'anak buah' ini mudah untuk dikenali kerana penempatan mereka disebut kampung iaitu tempat mereka berkampung (berkumpul) seperti 'kampung Bendahara', 'kampung Laksamana' dan 'kampung Temenggung'.

Sejarah Melayu memberikan pertanda tentang kewujudan kampung ini secara umumnya iaitu apabila terdapat sebuah balai di sesuatu kawasan penempatan. Oleh itu, terdapatlah 'balai Bendahara', 'balai Laksamana', dan 'balai Temenggung'. Balai itu menjadi tempat pembesar berbicara dengan 'anak buah' masing-masing (seperti untuk berunding, bermesyuarat, dan menjalankan keadilan). *Sejarah Melayu* mengatakan bahawa ketika Bendahara Tun Perak hampir meninggal dunia, beliau berwasiat dan

---

[82]Rujuk Fasal 2 teks *Undang-undang Melaka* dalam Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, hlm 66–68.

menyerahkan nasib 'anak buahnya' kepada Sultan Mahmud, "... dan segala anak buah patik pertaruh patiklah ke bawah duli tuanku," katanya.[83] Bendahara Tun Mutahir pula disebut sering bersuka ria dengan 'anak buah' di kampungnya, " Adapun Bendahara Seri Maharaja ... jika Bendahara asyik-asyik, dikampungkan segala anak buahnya.[84]

Tenaga para 'anak buah' ini amat besar ertinya untuk memperkuatkan pengaruh politik dan sosial pembesar masing-masing. Dan apabila hal ini berlaku, ia kerap menjadi isu politik yang sensitif. 'Anak buah' sanggup menderhaka untuk mempertahankan maruah pembesar atau keluarga pembesar masing-masing. Sebenarnya mekanisme yang menjadi penghubung antara 'anak buah' dengan raja yang memerintah ialah para pembesar; sebaliknya pembesar jugalah yang menjadi pengekal dan pelindung daulat-derhaka.

Secara praktisnya, hubungan antara 'anak buah' (rakyat) dengan pembesar masing-masing adalah hubungan secara fizikal dan langsung. Tetapi hubungan antara 'anak buah' ini dengan raja terjadi dalam bentuk spirituil dan tidak langsung, serta amat formal. Raja diiktiraf dan dihormati (mungkin secara paksaan) kerana kepercayaan, dan wujudnya daulat secara tradisi itu. Raja dianggap amat kudus dan suci (bukan dalam bentuk agama, tetapi kepercayaan temurun semata-mata). Sebenarnya faktor inilah yang menjadi teras politik berkerajaan.

Berserta dengan hamba yang melakukan tugas-tugas berat, tenaga para 'anak buah' inilah yang dengan mudah digerakkan untuk kegiatan tentera dan peperangan. Sekiranya orang asing yang merdeka itu (seperti Naina Isahak, Khawaja Baba dan Akhtiar Muluk) sanggup berperang untuk Melaka, maka tidak ada sebab mengapa para 'anak buah' yang merdeka dan para hamba terkecuali dalam soal peperangan dan pertahanan. Oleh itu,

[83]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 181.
[84]*Ibid.*, hlm 256.

secara langsung atau tidak langsung, mereka yang merdeka dan juga hamba (termasuk sekalian batin, penghulu dan sakai) terlibat terus dengan kegiatan ketenteraan dalam jentera pemerintahan. Secara umum mereka dikenali sebagai hulubalang.

Rakyat (merdeka dan hamba) juga dikerah untuk melakukan tugas awam. Antara tugasnya ialah menyumbang tenaga kerja untuk semua upacara istana atas kerahan Penghulu Bendahari, membina istana raja dan memperbaiki jalan raya kota Melaka yang diawasi oleh Syahbandar sendiri.



TETAWAK BESAR YANG TERDAPAT DI KANDIL RIAU, TANJUNG PINANG, SUMATERA. DIPERCAYAI MENJADI PESAKA SALAH SEBUAH PERALATAN NOBAT WARISAN KERAJAAN MELAKA PADA ABAD KE-15 DAN ABAD KE-16.

Orang yang termasuk dalam kelas rakyat ialah berbagai-bagai suku Orang Laut. Taat setia mereka kepada raja dan kerajaan Melaka adalah secara tradisi dan temurun, berakar umbi sejak dari era Palembang. Selagi salasilah raja-raja Melaka dapat mengekalkan identiti dan rantaian keturunan dengan kerabat Palembang, selama itulah taat setia mereka kepada kerajaan Melaka diberikan. Sentimen tradisi hubungan 'kemelakaan' dan 'kepalembangan' begitu intim dan kukuh dalam kepercayaan mereka. Di laut, merekalah yang menjadi tulang belakang pasukan laut Melaka, di samping menjadi pengayuh

atau pendayung kapal perang yang dipimpin oleh Laksamana atau Seri Bija Diraja.

Keseluruhannya, raja yang memerintah; pembesar yang menyokong pemerintahan dan mentadbirkan kerajaan; rakyat (merdeka dan hamba) yang bernaung di bawah pembesar dan pemiliknya tetapi bertuankan raja; semuanya menjadi sebahagian daripada keseluruhan komponen yang saling kait-mengait, berfungsi menggerakkan jentera kerajaan dan sistem pemerintahan seluruhnya.

Daripada manakah sumber pendapatan diperolehi untuk membiayai penggerakan jentera kerajaan ini?

Sumber tenaga percuma dan kerahan yang diperolehi daripada rakyat adalah mengikut tradisi dan menjadi salah satu daripada sistem masyarakat. Pihak yang bertanggungjawab membekalkan sumber jenis ini ialah pembesar-pembesar sendiri.

Sumber pendapatan ialah dari bandar Melaka sendiri dalam bentuk pungutan cukai pelabuhan, cukai perdagangan, dan cukai pelesenan jual beli. Hasil kerajaan jenis inilah yang paling besar.

Para pembesar memperolehi hasil daripada kawasan 'pegangan' atau kawasan 'habuan' yang dianugerahkan kepada mereka. Ini tidak termasuk hasil daripada usaha mereka sendiri seperti usaha berdagang secara proksi[85] dan habuan yang diterima daripada para pedagang untuk menguruskan perdagangan mereka yang dianggap oleh Tome Pires sebagai rasuah itu.

Semua kawasan takluk dikehendaki untuk menyerahkan sebahagian daripada hasil pendapatan mereka ke Melaka yang dinamakan sebagai ufti. Di samping itu kawasan ini juga dikehendaki untuk mengeksport hasil mereka melalui pelabuhan Melaka. Semakin banyak kawasan taklukan, maka semakin banyaklah ufti yang diperolehi.

Hasil ini dijadikan milik dan khazanah kerajaan. Sekiranya benar dakwaan Tome Pires bahawa tugas Bendahara antara lain ialah, "... has charge of the king's revenue", maka kemungkinannya ialah Bendahara bertanggungjawab menguruskan pendapatan kerajaan, terutama hasil ufti dari kawasan taklukan. Seterusnya hasil pendapatan ini dikhazanahkan dan menjadi tanggungjawab Penghulu Bendahari pula untuk menguruskannya.

KAWASAN LUAR DARI MELAKA SEBENAR

Gaya politik Sriwijaya praperiode Melaka telah dijadikan model dan ilham cara berpolitik yang amat baik oleh raja-raja Melaka terawal untuk menggiat-

[85]Muhammad Yusoff Hashim, "Perdagangan dan Perkapalan ...," *op. cit.*, Meilink-Roelofsz, *op. cit.*, hlm 42.

kan lagi kegiatan diplomatiknya. Sebagaimana raja-raja Sriwijaya yang menjadi nenek moyang Parameswara dan para penggantinya, raja-raja Melaka awal ini juga sedar tentang peranan dan nilai sistem ufti dengan mengiktiraf China sebagai 'kuasa besar' di rantau ini, untuk tujuan politik dalam negeri dan juga untuk matlamat ekonomi. Perlindungan politik yang diterima dari China secara teori itu adalah penting untuk menolak sebarang kemungkinan ugutan politik dari Ayuthia (Siam) dan ancaman Majapahit yang semakin menurun kuasanya itu.

Galakan kepada para saudagar dari China untuk berdagang ke Melaka pula dapat meraih jaminan spekulasi ekonomi bercorak perdagangan yang boleh menguntungkan. Inilah prinsip dan dasar luar politik serta ekonomi yang diamalkan oleh Parameswara dan pengganti-penggantinya pada awal abad ke-15. Ini disebabkan sehingga pada pertengahan abad ke-13 perdagangan dengan China hanya dibenarkan melalui pertukaran misi perdagangan antara China dengan negeri-negeri uftian di seberang laut. Dari tahun 960 hingga 983 Masihi, Sriwijaya dilaporkan telah menghantar sekurang-kurangnya lapan misi perdagangan untuk menghadap Maharaja China, yang disertai oleh para saudagarnya.[86]

Dengan gaya dan tradisi politik Sriwijaya inilah Melaka berkembang. Semasa pemerintahan Parameswara, beberapa misi perdagangan dari Melaka juga dihantar ke China serentak dengan berlakunya perubahan dasar ekonomi seberang laut kerajaan Maharaja Yung-lo pada awal abad ke-15. Kegiatan perdagangan ke negeri asing hanya dibenarkan atas gagasan dan perlindungan pemerintah atau kerajaan serta atas prinsip pertukaran misi politik, antara sebuah 'kuasa besar' dengan kerajaan-kerajaan tempatan di rantau ini, seperti yang terjadi sebelum ini, diikuti oleh pertukaran misi Melaka-China. Peristiwa sejarah ini begitu penting dan sangat berpengaruh sehinggakan kisah sejarah itu bertukar corak menjadi kisah legenda rakyat. Sultan Mansor Syah telah berkahwin dengan seorang wanita Cina bernama Hang Li Po, yang didakwa oleh *Sejarah Melayu* sebagai Puteri Maharaja China. Tujuan *Sejarah Melayu* ialah untuk merakamkan hubungan kekerabatan yang erat dalam tradisi sejarah Melaka-China. Dan ini tentunya dirujuk daripada episod bersejarah dalam hubungan diplomatik Melaka–China sepanjang pemerintahan Parameswara itu.

Hubungan ini meninggalkan dua kesan politik dan ekonomi yang penting. Pertama, kewujudan Melaka mendapat pengiktirafan sebuah kuasa agung di rantau ini. Pengiktirafan ini disimbolisasikan dengan penghantaran

[86]O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya*, hlm. 33–40; Paul Wheatley, *Impressions*, 1964, hlm 85; F. Hirth and W. Rockhill, (eds), *op. cit.*, hlm 23.

sebuah prasasti yang memahatkan suatu moral dan falsafah Dinasti Ming. Melaka merupakan kerajaan seberang laut yang pertama mendapat pengiktirafan dan penghormatan seperti itu.[87] Pengiktirafan ini semacam memberikan jaminan politik kepada Melaka bukan sahaja untuk tujuan penubuhan dan matlamat daulatnya di peringkat antarabangsa, malah menjadi dorongan pula untuk Melaka menjadi sebuah kuasa penakluk di rantau ini selepas itu.

Matlamat ini saling berkait dengan kesan yang kedua, iaitu ekonomi. Dalam pengamalan dan pelaksanaan 'sistem uftian', China memerlukan sebuah pelabuhan di rantau Nan Yang (Samudera Selatan) untuk menyalurkan dagangannya. Oleh sebab itulah Maharaja Yung-lo telah menghantar misi politiknya yang pertama ke Melaka pada tahun 1404.[88] Pengawalan terhadap seluruh kawasan Pantai Timur dan Pantai Barat Selat Melaka bererti jaminan pengawalan terhadap kawasan lalulintas perdagangan di selat tersebut. Ini akan meningkatkan lagi kegiatan dan keuntungan perdagangan Melaka sendiri. Pengawalan politik secara langsung terhadap kerajaan-kerajaan tempatan di sekitar selat dalam bentuk penaklukan dan pengawalan hasil dagang daripada seluruh Gugusan Kepulauan Melayu oleh suatu kuasa tunggal seperti Melaka tentu memudahkan China untuk menukar hasil dagangannya dengan pihak Barat melalui Melaka. Dalam konteks politik dan ekonomi, Melaka dan China saling memerlukan. Ini sebenarnya adalah formula politik dan ekonomi yang paling asas tetapi amat unggul untuk diamalkan oleh kedua-duanya. Dalam konteks dan keadaan semasa yang timbul di China dan suasana eksploitasi di persekitaran Selat Melaka itulah, maka Melaka pun mengambil peluang.

TAKLUK

Sumber China melaporkan bahawa kegiatan untuk meluaskan kawasan Melaka telah bermula sejak pemerintahan Megat Iskandar Syah, Raja Melaka yang kedua.[89] Sempadan Melaka sebenar berjaya diperluaskan sehingga ke Kuala Linggi di utara dan ke Kuala Kesang di selatan. *Sejarah Melayu* dengan memetik sumber daripada pihak rawi mengatakan bahawa ketika Sultan Muhammad Syah (Raja Kecil Besar atau Seri Maharaja) memerintah,

---

[87]Rujuk Wang Gungwu, "The Opening of Relations Between China and Malacca, 1403–1405", dalam John Bastin and R. Roolvink, (eds), *Malayan dan Indonesian Studies: Essays Presented to Sir Richard Winstedt on his Eighty–fifth Birthday, Oxford*, 1964, hlm 101.

[88]*Ibid.*, O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya*, hlm 37.

[89]F. Hirth and W. Rockhill, (eds), *op. cit.*, hlm 32; Rujuk juga Barbara and L.Y. Andaya, *op. cit.*, hlm 50.

"jajahan Melaka makin banyak. Yang arah ke barat hingga Beruas, Hujung Karang; arah ke timur had Terengganu".[90]

Sehingga pada tahun 1459, kawasan-kawasan Dinding, Selangor, Muar, Singapura, Bentan, Pahang, Inderagiri dan Kampar (di Sumatera Timur) telah ditakluki oleh Melaka. Sehingga pada masa kemangkatan Sultan Mansor Syah (1477), ditakluki pula Bernam dan Perak di Semenanjung Tanah Melayu serta Siak, Rupat dan Rokan di Sumatera. Inderagiri, Kampar dan Pahang ketika itu cuba membebaskan diri, tetapi ditindas oleh Melaka. Ketika Sultan Alauddin Riayat Syah memerintah, kawasan penguasaan Melaka dikembangkan lagi ke kawasan petempatan Orang Laut di selatan, iaitu seluruh Kepulauan Riau-Lingga. Sehingga pada tahun 1511, seluruh kawasan Semenanjung termasuk Patani, Kelantan, Kedah dan Terengganu (yang mengiktiraf ketuanan Ayuthia) menjadi taklukan Melaka.

Di Sumatera Timur, hanya kawasan Aru dan Pasai yang gagal untuk dikuasai. Oleh itu kedua-duanya dianggap setara dengan Melaka. Selain Majapahit, *Sejarah Melayu* mendakwa bahawa Melaka, Aru dan Pasai 'sama besarnya'.[91]

Apabila kawasan-kawasan di sekitar Selat Melaka ini dapat dikuasai maka Melaka dapat membentuk sebuah empayar kelautan untuk mengawal lalulintas perdagangan yang menjadi penghubung antara Timur dengan Barat walaupun penguasaan kawasan tidaklah selengkap Sriwijaya dahulu. Corak pemerintahan dan pentadbiran Melaka sebenar adalah berbeza daripada kaedah pemerintahan dan pentadbiran kawasan-kawasan taklukan. Walaubagaimanapun, hubungan politik dua hala yang dijalinkan secara langsung, dijadikan teras hubungan politik antara Melaka sebenar dengan kawasan taklukan tadi.

Alat dan mekanisme politik yang paling berkesan untuk mengawal dan mengekalkan hubungan antara kuasa penakluk dengan kuasa yang ditakluk ialah kerana adanya bala tentera dan angkatan laut Melaka yang kuat dan besar. Selain alat dan mekanisme politik ini, terdapat juga beberapa perkara lain yang perlu untuk dipatuhi oleh kawasan taklukan tadi. Perkara tersebut adalah seperti dalam bentuk adat, protokol dan undang-undang. Kuasa yang ditakluk dikehendaki supaya patuh terhadap 'kuasa besar' serantau yang menaklukinya pada zaman tradisional seperti menunaikan tanggungjawab material, moral, fizikal dan protokol atau undang-undang politik dua hala itu.

Kawasan-kawasan takluk yang telah disebutkan itu tidak termasuk

[90]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 82.
[91]*Ibid.*, hlm 77; 95–96.

kawasan-kawasan kecil yang mungkin belum mempunyai identiti politik kenegerian dan pemerintahan, tetapi telah berpenghuni dan berpengetuan serta dengan mudah sahaja 'terserap' ke dalam identiti dan wibawa politik yang lebih besar seperti Melaka. Kawasan ini dinamakan pegangan kerana ia dipegang (diserah untuk ditadbir dan dikuasai) oleh pembesar dari Melaka sendiri. Kawasan pegangan adalah anugerah sultan sebagai membalas perkhidmatan cemerlang pembesar atau pegawai Melaka tadi. Pegawai tersebut tidak semestinya bermastautin di kawasan pegangannya itu. Ketua pentadbir kawasan pegangan digelar raja (ertinya ketua), tetapi tidak semestinya daripada kalangan kerabat. Ketua pentadbir tersebut dan bertanggungjawab kepada pembesar dari Melaka yang memegangnya. Ini juga bererti bahawa di samping menjadi pentadbir di peringkat pusat, para pembesar Melaka ini bertanggungjawab mentadbir kawasan pegangannya. Dengan adanya kawasan seperti ini maka bertambahlah bilangan 'anak buah' para pembesar berkenaan yang bermastautin di 'kampung' pembesar tadi di kota Melaka. Oleh yang demikian, semakin besarlah pengaruh sosial dan politik pembesar tersebut.

Antara kawasan yang menjadi unit politik kecil ini ialah:

Siantan, Sungai Raja : dipegang oleh Laksamana

Merba : dipegang oleh Seri Udani

Sening Hujung, Kampar : dipegang oleh Seri Nara Diraja

Inderagiri : dipegang oleh Tun Bija Sura

Bentan, Muar : dipegang oleh Bendahara

Buru : dipegang oleh Paduka Tuan

Singapura : dipegang oleh Seri Bija Diraja

Dengan itu terdapat tiga kategori kawasan pentadbiran empayar Melaka, iaitu:

(a) Melaka sebenar yang menjadi pusat pentadbiran atau pemerintahan. Di sinilah tempat raja dan para pembesar menetap. Ia menjadi pusat pentadbiran dan pemerintahan seluruh kerajaan.

(b) Kawasan takluk yang disebut jajahan, pertama, yang paling hampir dengan Melaka sebenar, dan kedua, yang jauh dari Melaka.

(c) Kawasan uftian yang disebut pegangan.

Tiga kategori kawasan ini tidak termasuk beberapa kerajaan tempatan yang mengiktiraf kedaulatan raja Melaka tetapi tidak dinaungi secara politik. *Sejarah Melayu* menyebut salah satu daripadanya, iaitu Brunei.

Pentadbir bagi Melaka sebenar adalah jelas. Pentadbir bagi 'jajahan takluk' pula ialah:

(a) 'Raja' atau 'pemerintah' kawasan itu sendiri yang memerintah dengan restu istana Melaka. Mereka mengakui kedaulatan raja Melaka selepas dikalahkan dalam peperangan ataupun mereka tunduk di bawah penguasaan Melaka secara sukarela. Contohnya ialah pemerintah Beruas, Tun Aria Bija Diraja yang didakwa oleh *Sejarah Melayu* bahawa selepas beliau disembah nobat oleh rakyat Beruas, beliau akan mengarahkan mukanya ke Melaka lalu menyebut "Daulat Sultan Mahmud!"[92] Selalunya, selepas tertakluk, pemerintah asal kawasan berkenaan dikehendaki supaya menjalani istiadat nobat di istana Melaka sebagai lambang pengiktirafan politik oleh suatu kuasa penakluk dan ketuanan terhadap satu kuasa lain yang ditakluk. Raja dan pemerintah Kedah yang mungkin lebih awal muncul daripada kerajaan Melaka dinobatkan semula di Melaka selepas ia ditakluki.[93] Istilah politik peribumi bagi merujuk pada kawasan yang tertakluk ini disebut, "... menyembah ke Melaka".

Selain ini, Tome Pires menyebutkan bahawa pemerintah Tungkal dan Purjm (kawasan kediaman Orang Laut) dikenali sebagai syeikh. Kesemuanya dikatakan, ".... obedient to the said king of Malacca".

(b) Ada antara kawasan ini yang sering membebankan Melaka kerana ancaman politik mereka yang kerap untuk memberontak, seperti Pahang dan Kampar. Setelah ditundukkan semula melalui tindakan tentera maka dihantar anak-anak raja dari Melaka sendiri untuk memerintah di situ. Langkah politik seperti ini dan usaha sosial mengahwinkan anak-anak raja dari Melaka dengan anak-anak pemerintah kawasan takluk akan mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan di kalangan sesama kerabat Melaka dengan kerabat kawasan taklukan tadi. Ketegangan politik mungkin dapat dikendurkan.

---

[92] *Ibid.*, hlm 204.
[93] *Ibid.*, hlm 247.

Apabila dikaji hubungan kekeluargaan kerabat ini, didapati bahawa raja Melaka, pemerintah Pahang, Kampar dan Inderagiri semuanya saling bersepupu. Pemerintah-pemerintah kawasan taklukan ini dikatakan oleh Tome Pires sebagai, "... is also related to the said king of Malacca."[94] Begitulah juga dengan contoh yang lain. Raja Siak, iaitu Sultan Ibrahim (Megat Kudu) adalah putera tawanan bekas raja Siak (Maharaja Permaisura) yang dikalahkan oleh Melaka. Sultan Ibrahim yang menggantikan ayahnya sebagai raja di Siak, telah dijadikan menantu oleh Sultan Mansor Syah.

Puteri Raja Kelantan yang bernama Onang Kening dijadikan isteri oleh Sultan Mahmud Syah setelah Kelantan dikalah, ditawan dan ditakluki oleh angkatan Seri Maharaja Tun Mutahir dari Melaka.

(c) Terdapat kawasan yang mengeluarkan hasil bijih yang menganjur dari Kuala Linggi ke Kedah. Kawasan ini dikatakan oleh Tome Pires sebagai sebahagian daripada, "the Kingdom of Malacca.[95] Pemerintah kawasan ini disebut *mamdaliqua* (mendelika) yang bertanggungjawab terus kepada raja Melaka. Kawasan seperti ini ialah Kelang, Selangor, Bernam, Jugera, Beruas, Manjong dan Perak.[96] *Sejarah Melayu* menyebut pemerintah di kawasan ini sebagai Penghulu. Kawasan ini termasuk dalam kategori kawasan takluk yang disebut jajahan yang paling hampir dengan Melaka sebenar dalam kawasan pentadbiran empayar Melaka.

Isu imbangan kuasa di sekitar Selat Melaka dalam menghadapi saingan politik dengan Aru dan Pasai yang setaraf dengan Melaka juga perlu diawasi. Campur tangan politik pemerintah Melaka dalam kedua-dua kerajaan tersebut bermula apabila meletusnya kekecohan politik di situ. Di Pasai contohnya, pemerintah yang berdaulat, Sultan Zainal Abidin cuba digulingkan oleh adiknya, Raja Muda. Melaka turut terlibat untuk membantu Sultan Zainal Abidin dan telah mencapai kejayaan.[97] Apabila Aru berperang dengan Pasai, Melaka berpihak kepada Pasai. Aru mengaku kalah dan meminta berdamai.[98]

---

[94]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 263.
[95]*Ibid.*, hlm 260.
[96]*Ibid.*, hlm 260–261.
[97]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 263.
[98]*Ibid.*, hlm 174–178.

Hubungan politik antara Melaka dengan dua kategori kawasan pentadbiran tadi kelihatan wujud dalam bentuk memusat tetapi dengan keadaan yang agak longgar; dan diikat menerusi dua konsep politik tradisi, iaitu:

i. Mengakui kedaulatan raja Melaka sebagai kuasa ketuanan, walaupun dalam keadaan dipaksa dan takut kerana adanya unsur tekanan tentera daripada pihak pusat. Tome Pires berulang kali menyebut ikatan politik ini dengan kalimat, "... tributary to the kingdom of Malacca .... They are obedient to Malacca".[99]

ii. Pengekalan dan penggunaan istilah rasmi 'sembah' daripada kedua-dua kategori kawasan berkenaan terhadap Melaka. Istilah rasmi 'salam' dan 'kasih' hanya digunakan untuk kerajaan yang setaraf dan bersahabat dengan Melaka sahaja, seperti Aru dan Pasai.

Kecenderungan menumpukan kuasa ke arah pusat dalam hubungan dua hala di antara kuasa penakluk dan ketuanan dengan kuasa yang ditakluk mengambil bentuk hubungan politik yang bertimbal balik di antara kedua-duanya. Hubungan ini dikaitkan dengan ikatan dan matlamat ekonomi. Pihak yang ditakluk mempunyai obligasi dan tanggungjawab kepada pihak pusat; sebaliknya pula pihak pusat bertanggungjawab memerhati perjalanan politik dan keamanan pihak yang ditakluk.

Kelonggaran corak hubungan dua hala ini dapat dilihat apabila kawasan taklukan diberikan hak pemerintahan dan autonomi kuasa perjalanan dan amalan undang-undang awam dan jenayah tersendiri serta mengikut peraturan, adat dan resam tempatan masing-masing.[100] Tetapi hukuman membunuh adalah kuasa dan hak raja Melaka. Pembunuhan tanpa kebenaran dan pengetahuan Melaka dimasukkan dalam kategori 'menderhaka' kepada raja Melaka; ia dianggap satu kesalahan jenayah.

Ikatan dan tanggungjawab kawasan takluk atau jajahan kepada pihak pusat diringkaskan seperti berikut:

(a) Menyerahkan ufti dalam bentuk material untuk memenuhi keperluan perbendaharaan Melaka. Umpamanya para Mendelika

[99]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 262–264.
[100]*Ibid.*, hlm 261.

dikehendaki untuk menyerahkan setimbangan berat bijih ke Melaka. Tome Pires melaporkan bahawa Kelang, Bernam, Perak dan Jugera contohnya, dikehendaki menyerahkan sebanyak empat ribu *calains* setahun ke Melaka. Selangor dan Beruas pula dikehendaki menyerahkan sebanyak enam ribu *calains* setahun, dan seterusnya.[101]

Kampar yang rajanya bersepupu dengan raja Melaka, Inderagiri dan Pahang dikehendaki untuk menyerahkan empat kati emas setahun ke Melaka sebagai ufti. Lingga, Rokan, Tungkal dan Rupat dikehendaki untuk menyediakan sebanyak empat puluh buah perahu dan lancar yang lengkap dengan hulubalangnya untuk Melaka sekiranya meletus peperangan. Dalam mengungkapkan amalan penyerahan dua bentuk ufti tradisional daripada jenis material dan tenaga manusia dari kawasan yang menjadi, "... tributary to the kingdom of Malacca"[102] ini, Tome Pires mengatakan bahawa "some of them pay tribute and some supply men".[103]

(b) Seperti yang telah dikatakan oleh Tome Pires, kawasan takluk dikehendaki untuk menyediakan tenaga manusia tanpa upah untuk memenuhi kehendak 'kerah' bagi tugas-tugas awam yang besar dan tugas ketenteraan serta pertahanan. Mungkin kekalahan Melaka dalam peperangan dengan Portugis adalah akibat daripada kelewatan menerima tenaga bantu dari kawasan-kawasan takluk ini.

Pembinaan istana Sultan Mansor Syah dilaporkan sebagai menggunakan kerahan tenaga kolektif para pekerja dan tenaga mahir dari ceruk rantau jajahan Melaka seperti Ungaran, Tungkal, Buru, Suir, Pancor, Sarapung, Merba, Sawang, Kundur, Suntai, Malai, Upang, Bentan dan Muar.

(c) Mematuhi adat istiadat dan peraturan yang ditentukan oleh istana Melaka:

i. Untuk memastikan dan menjamin taat setia yang berterusan dari kawasan taklukan. Pemerintah (ketua) kawasan ini dikehendaki untuk menghadap raja Melaka secara berkala, terutama ketika merayakan sambutan hari kebesaran diraja, sambutan adat dan perayaan agama. Ketika itu istiadat

[101] *Ibid.*, hlm 260–261.
[102] *Ibid.*, hlm 263.
[103] *Ibid.*, hlm 262.

'menghadap nobat' dan 'menjunjung duli' akan dijalankan.

Seri Bija Diraja yang memerintah di Singapura tidak menghadap Sultan Mahmud ketika sambutan Hari Raya. Beliau dihukum bunuh setelah baginda merasakan bahawa Seri Bija Diraja mencabar kesetiaannya terhadap raja Melaka.

ii. Untuk tujuan melambangkan *political superiority* sebagai sebuah kuasa ketuanan, maka diadat dan ditentukan bahawa ketika raja Melaka berangkat ke negeri-negeri lain, raja atau pemerintah kawasan takluk dikehendaki untuk datang mengiringi keberangkatan diraja tadi. Dengan ini mungkin taraf kebesaran dan kedaulatan raja Melaka dapat ditingkatkan, sekaligus dapat menguji dan mengukur taat setia raja atau pemerintah kawasan takluk tadi.

Apabila Sultan Mansor Syah berangkat ke Majapahit *Sejarah Melayu* melaporkan bahawa baginda telah mengerahkan raja atau pemerintah Inderagiri, Palembang, Jambi, Lingga dan Tungkal datang ke Melaka untuk mengiringi baginda bersama-sama dengan 'segala raja-raja itu, dan segala hulubalang yang muda-muda'.[104]

(d) Penaklukan politik secara automatik, secara tidak langsung akan melibatkan penaklukan ekonomi. Hasil dagangan kawasan takluk dikehendaki untuk diperdagang dan dipasarkan ke Melaka atau melalui Melaka. Oleh itu, amalan monopoli dagangan oleh Melaka pun berlaku. Contohnya, ikan terubuk dari Siak dan Inderagiri dikehendaki untuk diperdagangkan ke pihak asing melalui Melaka sahaja.

Menurut undang-undang tradisional Melaka, semua tanah kawasan yang membentuk empayar Melaka ini dalam istilah peribuminya disebut sebagai;

> "... daripada suatu negeri ke suatu negeri, daripada suatu dusun ke suatu dusun, daripada suatu teluk ke suatu teluk, daripada suatu anak sungai ke suatu anak sungai sekaliannya".[105]

Melaka bertanggungjawab untuk memberikan perlindungan politik dan menjamin keselamatan serta perjalanan dan peraturan berkerajaan dan pen-

[104]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 117.
[105]Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, hlm 105.

tadbiran di kawasan taklukan ini. Ada beberapa orang raja dan pemerintah kawasan ini yang menetap di Melaka dan dilaporkan 'hilang' (mangkat) di situ.

Suatu ketika, *Sejarah Melayu* melaporkan bahawa Semerluki, anak raja Mengkasar telah mengganas dan merosakkan banyak kawasan dan tanah jajahan Melaka di Hujung Tanah. Laksamana dan angkatannya dititahkan oleh Sultan Mansor Syah untuk mengalahkan Semerluki di laut Melaka serta melindungkan tanah jajahan ini.[106] Pemerintah Pahang dan Kampar 'dihukum' oleh raja Melaka kerana membunuh tanpa pengetahuan dan kebenaran Melaka. Walaupun autonomi undang-undang kawasan ini diberikan, namun kes-kes jenayah berat seperti membunuh adalah menjadi hak perundangan Melaka. Sebarang perubahan dasar luar negeri kawasan ini juga wajib dirujuk dan ditentukan oleh Melaka.

[106]W.G. Shellabear, (ed), *op.cit.*, hlm 151–153.

9

Pemikiran tentang Undang-undang dalam Kesultanan Melayu Melaka

DARI sudut ilmu antropologi, undang-undang sering dilihat daripada dua pendekatan. Pertama, undang-undang dilihat sebagai suatu sistem yang berfungsi. Fungsi ini bergerak (operate) di berbagai-bagai peringkat di kalangan kelompok-kelompok masyarakat dan dengan berbagai-bagai cara pula. Tujuan undang-undang yang paling asas ialah untuk menentukan peraturan kerana untuk menjaga dan mengawal keamanan dan keselesaan sosial serta keharmonian masyarakatnya.[1] Kedua, undang-undang dilihat sebagai suatu sistem yang berkonsep (conceptual system), iaitu berbagai-bagai kategori sistem yang tersusun secara formal (formally organised system of categories).[2]

PENGERTIAN DAN KONSEP

Sebagaimana yang pernah diajukan oleh Mac Gluckman bahawa undang-undang dalam rangka pengajian antropologi adalah merupakan suatu penegasan. 'Undang-undang' atau sistem perundangan adalah suatu cara (means) untuk menyelesaikan berbagai-bagai bentuk konflik dan kekecohan dalam masyarakat (antara sesama individu, di kalangan sesama kelompok atau antara individu dan kelompok dengan sistem keadilan yang telah pun ditentukan dalam masyarakat tersebut).[3] Bagi ahli sejarah-sosiologi pula, undang-undang sering dilihat sebagai satu daripada hakikat (fenomena) masyarakat. Undang-undang merupakan sebahagian daripada keseluruhan sistem masyarakat yang bergerak, mengawal tindak tanduk manusia dan yang sering membentuk unsur-unsur dinamik selaras dengan dinamiknya kebudayaan dalam masyarakat tadi. Undang-undang tersebut mempunyai sejarah per-

---

[1]Levi-Strauss, "Social Structure", dalam A.L. Kroeber, (ed), *Anthropology Today* (Chicago and London, 1953), hlm 524–553.

[2]David S. Moyer, *The Logic of Laws* (Verhandelingen, The Hague, Matinus Nijhoff, 1975), hlm 258.

[3]Max Gluckman, *The Ideas in Barotse Jurisprudence* (New Haven and London, 1965), hlm 17–18.

mulaannya, kemudian ia berkembang sesuai dengan perkembangan dan perubahan masyarakatnya. Kemudian undang-undang itu diwarisi dari semasa ke semasa dan dari zaman ke zaman. Ahli sejarah mungkin memerlukan dua lagi kriteria untuk membuktikan fungsionalnya undang-undang tadi dalam sesuatu masyarakat atau kebudayaan. Yang pertama, bukti kewujudan dan penggunaan undang-undang tersebut, dan yang kedua, dari segi kesinambungannya (continuity) bahawa undang-undang tersebut tidak terasing atau 'luput' dengan begitu sahaja dalam suatu ruang atau suatu masa yang tertentu.

Dari segi geografi, Kesultanan Melayu Melaka wujud lebih kurang dari tahun 1400 hingga tahun 1511 Masihi. Dari segi sejarah, kewujudannya telah mendapat pengiktirafan oleh sesiapa sahaja. Malahan pada dan sekitar tahap atau jangka masa tertentu, pencapaiannya ke peringkat keagungan dan kecemerlangan kebudayaan sejarah Melayu di Selat Melaka telah diakui oleh semua pihak. Daripada sebuah petempatan yang wujud tanpa nama (?), ia mendapat nama Melaka dengan asal usul mitosnya yang bermacam-macam. Kemudian ia membentuk sebuah kerajaan dengan 'memegang' kawasan daripada berbagai-bagai negeri, anak sungai dan dusun. Semua kawasan ini menjadi 'takluk' Melaka di kemuncak kewujudan sebuah Empayar Melayu Melaka yang meneruskan tradisi Empayar Palembang-Sriwijaya.[4]

Penduduk Melaka adalah bercorak kosmopolitan. Bilangan bahasa yang dipertuturkan oleh penduduk ini berjumlah 84 semuanya.[5] Penduduknya dianggarkan seramai 190 000 orang menjelang kedatangan Portugis[6] dengan jumlah hulubalangnya seramai lebih kurang 100 000 orang.[7] Oleh itu, amatlah mustahil jika Melaka tidak mempunyai undang-undang atau sesuatu yang dapat mengawal tindak tanduk (behaviour) anggota masyarakatnya sama ada di bandar atau kota Melaka itu sendiri, atau di luar Melaka. Undang-undang bertujuan untuk melahirkan sebuah masyarakat yang bersistem. Tome

---

[4]O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce, A Study of the Origin of Srivijaya* (Ithaca, 1967), (passim); Buku Wolters juga yang berjudul *The Fall of Srivijaya in Malay History* (Kuala Lumpur, 1970), (passim); Dalam tradisi persejarahan teks *Sejarah Melayu*, hubungan Melaka-Sriwijaya disimbolisasikan dengan berbagai-bagai unsur seperti jurai keturunan Raja Iskandar di Melaka dari Bukit Siguntang Mahamiru, Muara Tatang, tradisi hubungan Melaka-Singapura-Bentan-Palembang, tradisi Sang Sapurba dan Demang Lemar Daun dan lain-lain. Rujuk *Sejarah Melayu* versi W.G. Shellabear (Singapura 1961), hlm 21–71 dan *Sejarah Melayu, Raffles MS.18* daripada versi R.O. Winstedt, dalam *JMBRAS*, Jil XVI, iii, 1938, hlm 57–77.

[5]Laporan Tome Pires dalam Armando Cortesao (ed), *The Suma Oriental of Tome Pires*, Vol 2 (London, The Hakluyt Society, 1944), hlm 261. Pires juga pernah melapor bahawa, "They have civil and criminal (jurisdiction) in their lands ..."

[6]Disebut dalam *Sejarah Melayu* sebagai. "... rakyat Melaka sembilan belas laksa banyaknya yang di dalam negeri juga". (Selaksa = 10 000), 19 × 10 000 = 190 000.

[7]D.F.A. Hervey, "Valentyn's Description of Malacca", dalam *JMBRAS*, No 16, 1884, hlm 301; E. Koek, "Portuguese History of Malacca", dalam *JMBRAS*, No 17, 1886, hlm 117–138.

Pires, pelapor Portugis sezaman yang lebih berminat pada keadaan ekonomi dan perdagangan Melaka, pernah juga menyebut tentang wujudnya *the law of Malacca*, iaitu unit kalimat yang dirujukkannya kepada organisasi sistem dan urusan perdagangan.[8]

Ada kalangan yang memerintah dan ada pula pihak yang diperintah. Tiap-tiap anggota masyarakat adalah berfungsi. Fungsi ini yang disokong oleh undang-undang tertentu telah menyebabkan Melaka berjaya hidup lebih daripada satu abad lamanya. Dengan perkataan lain, undang-undang itu sendiri merupakan suatu, "... system that operates in conjunction with other systems to regulate and control the social order".[9] Apabila dicorakkan oleh masa, masyarakat dan zaman yang berbeza, dan juga oleh keperluan masyarakat atau kelompok masyarakat tadi maka yang sering kita fahamkan dan ertikan sebagai undang-undang (*laws* dalam bahasa Inggeris atau *wet* serta *recht* dalam bahasa Belanda),[10] pada hari ini adalah berbeza daripada fahaman tentang undang-undang pada masa Kesultanan Melayu Melaka dahulu.

Salah satu daripada kriteria undang-undang pada hari ini ialah undang-undang tersebut haruslah tertulis (codified/documented). Beberapa contoh dapat ditunjukkan. Seorang penunggang basikal pada waktu malam yang tidak memasang lampu adalah salah di sisi undang-undang. Dia boleh didakwa dan dihukum jika sabit kesalahan, sebab peraturan ini telah dituliskan oleh penggubal undang-undang. Tetapi sekiranya peraturan tadi tidak dituliskan, si penunggang basikal berkenaan mungkin tidak boleh didakwa, malahan dia tidak bersalah di sisi undang-undang.

Berbanding dengan ini ialah tentang seorang gadis Melayu yang mengingkari janji pertunangannya. Gadis ini dikehendaki membayar ganda (seperti harga cincin tanda pertunangan). Sekiranya si gadis tadi tidak berbuat demikian, dia dianggap bersalah dari segi adat, tetapi tidak mungkin pula menyalahi undang-undang negeri. Cuma adat yang menghukumnya. Dia tidak semestinya menggadai cincin tanda pertunangannya itu sekiranya dia tidak menghormati adat; justeru tidak pula dapat didakwa oleh badan penggubal undang-undang.

Oleh itu, kesalahan si penunggang basikal yang tidak memasang lampu adalah berbeza dengan kesalahan si gadis yang mengingkari janji pertunangannya. Begitulah juga halnya dengan undang-undang sekular negeri (tetapi ia mungkin wujud dalam undang-undang syariah dan Jabatan Hal-Ehwal

[8]Armando Cortesao, *op. cit.*, hlm 257.

[9]David S. Moyer, *op. cit.*, hlm 261.

[10]Kata majmuk untuk *wet* ialah *wetten*. Lihat G.J. Visser, *Nederlands Engels Woordenboek* (Utrecht/Antwerpen, Prisma – Boeken, 1975), hlm 178.

Agama Islam Negeri) yang tidak membenarkan untuk menangkap atau mendakwa orang Islam yang tidak bersembahyang Jumaat di masjid. Hanya di Kedah dalam undang-undang tradisional di Kedah telah tertulis peruntukan untuk mendakwa orang Islam yang enggan menunaikan sembahyang Jumaat. Hukumannya ialah memakan rumput di sekitar masjid di dalam kariahnya.[11] Oleh itu, secara ringkas R.J. Wilkinson mengertikan undang-undang sekarang sebagai, "... made by a legislature and not based on ancestral custom (adat) or religion (hukum)".[12] Wilkinson juga tidak memasukkan adat dalam lingkungan undang-undang adat dan hukum dalam lingkungan undang-undang Islam sebagai undang-undang.[13] Tetapi dalam konteks Kesultanan Melayu Melaka, apa sahaja unsur tradisional yang mengawal tindak tanduk individu kerana untuk menjaga sistem dan ketenteraman sosial masyarakatnya, maka ia boleh dianggap sebagai undang-undang. Walau bagaimanapun, ia hanya merupakan undang-undang yang substantif kerana ia diertikan dan dilafazkan secara eksplisit sahaja. Undang-undang yang wujud dalam Kesultanan Melayu Melaka berbeza daripada undang-undang yang terdapat pada hari ini kerana ia tidak semestinya menerangkan peraturan yang tertulis sahaja. Ia menjangkau peraturan dan resam (regulations and rules), adat yang diistiadatkan (officiated customs), etika (ethics), norma (norms) dan akhlak (mores and moral).

TEKS UNDANG-UNDANG DI MELAKA

Terdapat dua buah teks undang-undang tradisional (sebagai genre sastera) di Melaka. Teks yang pertama ialah *Hukum Kanun Melaka*. Ia dikenali juga sebagai *Undang-undang Darat Melaka* dan *Risalat Hukum Kanun* di samping 46 naskhah salinan daripadanya yang diberi berbagai-bagai judul seperti *Undang-undang Melaka, Undang-undang Negeri dan Pelayaran, Surat Undang-undang, Kitab Undang-undang, Undang-undang Melayu, Undang-undang Raja Melaka, Undang-undang Sultan Mahmud Syah, Kitab Hukum Kanun* dan *Surat Hukum Kanun*.[14] Teks yang kedua ialah *Undang-undang Laut Melaka*. Ia dikenali juga sebagai *Adat Pelayaran Melaka, Kitab Peraturan Pelayaran* dan *Hukum Undang-undang Laut*.

---

[11] R.O. Winstedt, "Kedah Laws", dalam *JMBRAS*, Jil VI, ii, 1928, hlm 5.

[12] R.J. Wilkinson, *A Malay-English Dictionary*, 2 Jilid, Mytilene, 1932, hlm 632.

[13] *Loc cit.*

[14] 46 naskhah ini terkumpul pula ke dalam beberapa versi, iaitu versi *Undang-undang Melaka* yang tulen, versi Acheh, versi Patani, versi yang 'panjang' yang termasuk ke dalamnya lima buah naskhah (iaitu *Von de Wall 50(3), Cod. Or. 1725, Farquhar I, Singapura No. 299* dan *Farquhar 10*), Undang-undang Islam dan Johor, versi yang 'pendek' yang terdiri daripada enam buah naskhah (*Singapura No. 40, KL 67c, Bat. Gen. 154, British Museum No. 12395, Von de Wall 14, dan Bat. Gen. 152*), dan versi daripada naskhah-naskhah *fragmen* seperti *SOAS 7124* dan *Maxwell 11a*.

Teks ini diterjemahkan sebagai *The Maritime Laws of Malacca.*[15] Ia mengandungi tatacara jual beli di atas kapal, peraturan pelayaran, bidang kuasa nakhoda dan tanggungjawab pelbagai pegawai kapal seperti kiwi, maula kiwi, malim, tukang gantung, jurubatu dan serang. Di samping itu terdapat sebuah *long-lost manuscript* yang disebut sebagai *Undang-undang Pebian Melaka* (mengandungi hal-ehwal peraturan dan sistem perkastaman, cukai, tanggungjawab dan bidang kuasa Syahbandar Melaka, tatacara jual beli dan seterusnya).[16]

Daripada tradisi sejarah dalam teks *Sejarah Melayu*, beberapa data dan keterangan tentang undang-undang di Melaka dapat juga digariskan walaupun pada banyak bahagian keterangan mengenainya kurang lengkap dengan data dan berbagai-bagai peruntukan undang-undang yang sedia terdapat dalam kedua-dua teks undang-undang di atas.

Bagaimana dan daripada mana undang-undang tradisional Melaka berpunca dan terbentuk?

Jawapan untuk soalan ini memerlukan penelitian sejarah undang-undang itu sendiri. Hanya teks *Sejarah Melayu* yang dapat membekalkan pengetahuan tersebut kepada kita. Versi tertua *Sejarah Melayu* tahun 1536 menyebut bahawa sejak masa pemerintahan Iskandar Syah lagi, baginda disebut telah "... memerintahkan istiadat kerajaan baginda".[17] Sekiranya istiadat yang dimaksudkan oleh *Sejarah Melayu* tadi sebagai peraturan yang dicipta untuk tujuan ketenteraman sosial dari segi pemerintahan maka ia bermaksud undang-undang. Ini bererti bahawa undang-undang telah wujud sejak terdirinya kerajaan Melaka pada awal abad ke-15. Teks *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 pula menyatakan Raja Melaka yang ketiga, Raja Kecil Besar (Sultan Muhammad Syah) telah, "... mengatur takhta kerajaan baginda".[18], Pengaturan ini diterakan dengan terperinci tentang larangan memakai kain berwarna kuning, rumah yang berperanjung, bergelang kaki emas, memakai penduk, memakai kain khasa dan bentuk hulu keris dan lain-lain. Jikalau sabit kesalahan orang yang melanggar peraturan ini maka ada hukuman tertentu yang dikhaskan. Contohnya, orang yang memakai kain khasa di balairung akan dirobekkan pakaiannya di khalayak ramai; orang yang bergelang kaki emas (walau sekaya mana pun dia) akan dirampas gelang kakinya. Begitulah juga peraturan masuk ke istana, hanya dibolehkan

---

[15]R.O. Winstedt & Josselin de Jong, "The Maritime laws of Malacca", dalam *JMBRAS*, Jil XXIX. iii, 1956, hlm 28–49.

[16]Sumber daripada temuramah dengan Allahyarham Haji Yusoff Harun, Melaka pada 12 Jun 1982.

[17]Versi yang tertua ini adalah daripada naskhah *Raffles MS. 18* yang diselenggarakan oleh R.O. Winstedt (rujuk Catatan 4). W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 82.

[18]*Ibid.*, hlm 75.

apabila orang berkenaan berkain pancung, berkeris di hadapan dan bersebai. Di sini, peraturan dan larangan tersebut yang ditentukan telah menjadi undang-undang–ada pembuat undang-undang dan ada hukuman kepada mereka yang melanggarnya.

Begitu juga tentang adat yang telah diistiadatkan; tergolong ke dalamnya adat raja bergajah. Telah diistiadatkan bahawa apabila raja bergajah, "... Temenggung di kepala gajah, Laksamana atau Seri Bija Diraja di buntut, memikul pedang kerajaan".[19] Ini juga termasuk adat memberi gelaran kepada Bendahara, anak raja-raja, para menteri, para ceteria, para bentara, telah diistiadatkan bahawa bilangan persalinan adalah, "... jika Bendahara, lima ceper persalinan–baju seceper, kain seceper, dester seceper, sebai seceper, ikat pinggang seceper; jikalau anak raja-raja dan para menteri ceteria, empat ceper juga ... jikalau bentara, sida-sida, hulubalang tiga ceper–kain seceper, baju seceper, destar seceper."[20]

Keterangan ini dapat dilengkapkan lagi dengan kenyataan dalam *Hukum Kanun Melaka* sendiri yang menyebut bahawa semua peraturan, larangan dan adat yang diistiadatkan yang membentuk unsur undang-undang tadi dikumpulkan melalui tradisi lisan, diingati atau dimiliki oleh para menteri Melaka yang kanan "... terhimpun pada segala menteri".[21] Ini adalah lojik. Para menteri tua yang sama-sama membina kerajaan Melaka di peringkat pengasasannya adalah mereka yang bersama-sama Parameswara yang berundur dari Singapura dan mungkin berasal dari Palembang. Oleh yang demikian, tradisi undang-undang tadi adalah berpunca dan diwariskan dari Singapura dan Palembang. Di Melaka, undang-undang yang terkumpul dan diwarisi tadi telah disesuaikan dengan kehendak dan keadaan setempat.

Beberapa bukti dapat diajukan. Sekiranya tradisi Laksamana dirujuk daripada *Sejarah Melayu*, ia hanya muncul beberapa tahun setelah terbinanya kerajaan Melaka. Oleh itu, kedudukan Laksamana dalam peraturan atau undang-undang pembesar Melaka nampaknya disesuaikan dan didudukkan setara dengan Seri Bija Diraja. Mereka bertugas untuk memikul pedang kerajaan secara berganti-ganti; sedangkan sebelum ini menurut 'adat dahulu kala', Seri Bija Dirajalah yang diperaturkan berbuat demikian. Begitu juga tentang adat atau peraturan apabila raja berangkat untuk bersembahyang raya di masjid, diperaturkan bahawa, "... Penghulu Bendahari memegang kepala usungan yang di kanan, dan yang di kiri Laksamana, dan di belakang Menteri keduanya memegang dia, dan pada rantai dekat kaki raja Seri Bija

[19] *Ibid.*, hlm 80.
[20] *Ibid.*, hlm 79.
[21] Sebarang rujukan terhadap *Hukum Kanun Melaka* adalah dirujuk daripada edisi Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Melaka* (The Hague, Martinus Nijhoff, 1976), hlm 64.

Diraja memegang dia; dan Bentara Hulubalang berjalan dahulu di hadapan raja, masing-masing dengan jawatannya".[22] Begitu juga tentang keberangkatan raja ke masjid pada bulan Ramadan, ada peraturan tertentu yang telah ditetapkan.[23]

Kedua-dua istiadat ini tentunya tidak terdapat pada periode pra-Islam. Tetapi setelah Raja Kecil Besar memeluk Islam, peraturan atau yang asalnya diwarisi dari Singapura dan Palembang tadi telah mengalami perubahan corak untuk menunjukkan kedinamikan undang-undang itu sendiri supaya selari dengan perubahan kebudayaan Melayu dan perkembangan sejarah antara periode pra-Islam dengan periode selepas Islam. Adat dan segala hukum yang terdapat pada para menteri tadi akhirnya disebut secara jelas dan ungkapan sebagai undang-undang.

Hal yang demikian telah dibuktikan oleh *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 yang menyatakan bahawa Sultan Muzaffar Syah sebagai, "... ialah menyuruh membuat undang-undang, supaya jangan lagi bersalahan adat segala hukum menterinya".[24] Kemudian kenyataan ini disokong pula oleh *Hukum Kanun Melaka*, dalam Fasal 44.4 yang menerangkan secara bersahaja sekali bahawa Sultan Muzaffar Syahlah yang mengumpulkan undang-undang yang sedia diwarisi dari zaman bapanya, Sultan Muhammad Syah,[25] lalu membentuk *Hukum Kanun Melaka* sebenar.

Keadaan demikian tidak berakhir setakat ini sahaja. Zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah nampaknya lebih mencabar lagi. Selaras dengan kedinamikan dan perubahan kebudayaan yang terjadi sehingga lewat penghujung abad ke-15, *Hukum Kanun Melaka* sebenar tadi juga mengalami perubahan dan menjalani proses pertumbuhan yang berterusan. Daripada 19 Fasal sahaja, ia menjadi 44 Fasal dan ia dikatakan lengkap seperti yang terdapat pada teks *Hukum Kanun Melaka* yang ditemui pada hari ini.

PENGARUH UNDANG-UNDANG ISLAM

Perubahan sejarah daripada periode Melayu-Hindu ke Melayu-Islam, sebenarnya menjadi titik tolak yang amat besar dan bermakna sekali dalam sejarah pertumbuhan kebudayaan dan masyarakat itu sendiri, Menurut pendapat Profesor Doktor Mohd. Taib Osman, "... kebudayaan atau peradaban Melayu yang telah mengalami pasang surutnya".[26] Sebelum Sultan Muham-

---

[22]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 79–80.
[23]*Ibid.*, hlm 81.
[24]*Ibid.*, hlm 88–89.
[25]Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, hlm 170.
[26]Mohd. Taib Osman, "Sejarah Kebudayaan Melaka Mengikut Sejarah Melayu", dalam *Malaysia Daripada Segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, No 9, 1980, hlm 4.

mad Syah, undang-undang hanya dalam bentuk titah perintah bercorak lisan dan resam tentang larangan, hak-hak keistimewaan raja (royal prerogative), tanggungjawab raja dan pembesar-pembesar negeri; tidak pernah terterap hal-hal yang bersangkutan dengan undang-undang serta hukum Islam dalam *Hukum Kanun Melaka*. Tetapi selepas itu, keadaan yang terjadi adalah sebaliknya. Bersembahyang raya di masjid, mengarak serban raja ke masjid, raja berangkat ke masjid untuk bertarawih pada malam bulan Ramadan dan lain-lain telah dijadikan acara adat dan diformalkan, walaupun tidak semestinya ia mempunyai 'makna' undang-undang sepenuhnya.

Mungkin sebelum pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah, hukuman ke atas penjenayah (mencuri, merompak, menyamun) ditentukan berdasarkan hukum adat setempat, tetapi pada masa pemerintahan baginda, penjenayah yang sabit kesalahannya akan dihukum potong tangan. *Sejarah Melayu* menyebut hal ini sebagai 'kudung tangannya'. Tentunya hal yang demikian dirujuk dan didasarkan pada hukuman *hadd* dalam kesalahan jenayah pada hukum Islam yang dikenakan terhadap para penjenayah yang tertangkap.[27] Nampaknya hukum Islam dapat dirasionalisasikan dengan keperluan sekular demi untuk menjaga dan mengawal ketenteraman sosial dalam masyarakat tadi. *Sejarah Melayu* menjelaskan bahawa akibat perbuatan merompak yang berlaku dengan berleluasa, masyarakat telah menjadi kucar-kacir; rakyat Melaka, "... kehilangan ...tiada berhenti lagi setiap malam".[28] Mungkin hukum adat tidak banyak memberikan kesan untuk membendung perbuatan mencuri, lalu digantikan dengan hukum Islam. Ini menampakkan perubahan dan kedinamikan undang-undang itu sendiri. Buktinya, selepas penguatkuasaan hukum *hadd* oleh Sultan Alauddin tadi, maka Melaka, "... daripada hari itulah datang kepada akhirnya tiada pencuri lagi ...". Masyarakat Melaka hidup dengan tenteram dan aman.[29]

Isu hukum 'kudung tangan' jelas memberikan kesan dan memang wajar

---

[27]Teks yang sepenuhnya daripada *Sejarah Melayu* berbunyi, "Oleh itu, titah baginda kepada Seri Maharaja, jikalau orang mendapat harta orang, jika tiada dipulangkan kepada yang empunya, disuruh baginda kudung tangannya; dan jikalau tiada bertemu dengan yang punya harta, ke balai itulah dihantarkan". Lihat W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 174. Dari segi istilah, *hadd* bererti 'halangan', atau 'kungkuman', atau 'sekatan'. Dari segi undang-undang, *hadd* dimaksudkan sebagai hukuman-hukuman terhadap kesalahan jenayah yang telah pun ditetap dan ditentukan, iaitu:

(a) hukuman bunuh dengan cara dilontar batu terhadap penzina.

(b) hukuman bunuh dengan cara disalang terhadap pesalah yang merompak dan membunuh.

(c) memotong tangan atau kaki penjenayah yang merompak tetapi tanpa membunuh.

(d) mendera orang yang berzina, seratus kali dera terhadap orang yang telah pun berkahwin dan 80 kali dera terhadap orang bujang. Hukuman dera juga terhadap orang yang meminum arak dan orang yang menuduh orang lain berzina tanpa bukti.

[28]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 32.

[29]*Ibid.*, hlm 174.

diterapkan secara bertulis ke dalam *Hukum Kanun Melaka*. Hal yang demikian ditegaskan dengan jelas berulang-ulang kali pada beberapa fasal *Hukum Kanun Melaka* bahawa seorang yang mencuri akan dipotong tangan mereka. Fasal 7:2 *Hukum Kanun Melaka* menyebut;

> "Adapun jikalau ia mencuri, maka tertangkap lalu dibunuhnya maka kenalah denda akan dia setengah harganya .... Adapun pada hukum Allah orang yang mencuri itu tiada harus dibunuh, melainkan dipotong tangannya".

Peruntukan seperti ini diulang lagi pada Fasal 11:1 *Hukum Kanun Melaka*;

> "Dan jikalau ia mencuri di dalam rumah, dipotong tangannya hukumnya ...",[30]

Berikutnya, apabila undang-undang dan hukum Islam memberikan kesan dalam perjalanan undang-undang negeri, maka banyaklah perkara lain yang bersangkutan dengan hal-ehwal Islam tetapi bukan bercorak jenayah telah diterapkan menjadi sebahagian besar daripada undang-undang negeri seperti hukum-hukum syarak, muamalat, munakahat (tatacara bernikah kahwin, soal wali, masalah pembatalan perkahwinan, hak suami dan isteri, dan seterusnya ...), ibadat, berjual beli, hukum faraid, hukum *khiyyar*, hukum *fuduli*, dan hak berkeluarga sehinggalah menjangkau hak fardu 'ain bagi individu yang beragama Islam. Walau bagaimanapun satu kajian yang kritikal menunjukkan bahawa pada banyak tempat penerapan tadi dilakukan secara bebas dan secara sembarangan sahaja. Pendek kata, selepas kedatangan Islam, undang-undang Islam memberikan kesan yang besar pada perkembangan intelektual Melayu bagi pertumbuhan dan seterusnya perkembangan undang-undang dalam Kesultanan Melayu Melaka. Malahan, pada beberapa fasal *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*, kalimat ayat dan istilah Arab atau Parsi digunakan terus sebagai bahasa dan ungkapan undang-undang.[31]

---

[30]Dalam *Undang-undang Laut Melaka*, kesalahan orang yang berzina ditentukan pada Fasal 2 yang berbunyi, "Bermula hukum atas segala orang yang berzina dalam jong atau baluk. Jikalau ia merdeheka (ada beristeri sama ada merdeheka atau tiada, maka ia berbuat zina dengan isteri sama merdeheka dalam jong itu, maka) dibanyak-banyaki oleh nakhoda, dibunuh keduanya. Dan jika laki-laki dan perempuan keduanya pun merdeheka lagi bujang maka dipalu seratus kali akan dia (kemudian) dikahwinkan. Jika tiada ia mahu kahwin maka dihukumkan dipintai kesalahannya itu setahil sepaha emas ..."
Lihat R.O. Winstedt & Josselin de Jong, (eds), *op. cit.*, hlm 32–33.

[31]Contoh, dalam *Hukum Kanun Melaka* disebut *Wallahu khalaqakum wa ma ta' maluna Ilahi bi barakati Jibrail wa Mikail wa Israfil wa Izrail, tayyib, mujbir, akrab, Qabiltu tazwijha bain, raj'i*, dan seterusnya. Dalam *Undang-undang Laut Melaka* pula disebut alim wassalawat, al-anbiya walmursalin, Allah Rabbi'l arsy al-karim, Khalifatu'l mukminin, ta'ziz, zadah, dan lain-lain.

TRADISI SETEMPAT

Walau bagaimanapun, kedatangan Islam bukan bererti penyingkiran secara total unsur-unsur dan nilai peribumi. Malahan adat dan resam serta hukum setempat yang meliputi resam, norma dan etika menjadi *part and parcel* seluruh undang-undang tadi.

Adalah wajar dan lojik ketika mengawal dan membela hak individu dalam masyarakat atau ketika menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang terhadap individu yang melanggar hak-hak tadi dengan merujuk semula pada hukum dan norma alam. Juga berbalik kepada sifat semula jadi (nature) manusia sendiri, mungkin dianggap sesuatu yang paling berkesan. Hukuman boleh dijatuhkan dalam dua bentuk, iaitu pertama, secara fizikal (physical punishment) dan kedua, secara moral (moral punishment). Bentuk yang pertama lebih mendekati kesan fizikal yang ditanggung oleh seseorang yang melanggar hak-hak tadi (seperti mendatangkan kesakitan, penyeksaan tubuh badan dan ketidakselesaan fizikal) bertujuan untuk 'menyerikkan' pihak yang melanggar hak orang lain supaya jangan mengulangi perbuatannya. Telitikan hukuman mengikut undang-undang seperti itu yang terdapat pada Fasal 8:3 *Hukum Kanun Melaka*;

> "Adapun hukum orang memaki orang: Jikalau abdi memaki merdeka, digocoh hukumnya atau ditanggalkan giginya, itulah hukumnya .... kerana hukum anak isteri itu tiada dapat dipermudah-mudah pada hukum kanun; tetapi pada hukum Allah bersalahan: yang membunuh itu fardu dibunuh pula, supaya jangan tertanggung haknya itu kepada kita."

Ada beberapa perkara yang dapat dilihat daripada petikan fasal di atas. Orang yang memaki (abuse) seorang lain boleh dihukum 'gocoh' atau 'dicabut' giginya. Bayangkan sahaja betapa sakitnya mulut ketika digocoh, dan betapa azabnya apabila gigi yang tidak rosak dicabut semuanya, menjadi rompong hodoh dan sukar untuk mengunyah makanan.

Hal hukum yang serupa disebut tentang seorang yang 'berjual titah' (memalsukan arahan dan cakap raja sama ada melalui lisan atau penyalahgunaan cap mohor) dihukum seperti berikut;

> "... Dan hukum orang yang berjual titah itu dibunuh atau dibelah lidahnya atau dikupas kulit kepalanya ..."

Fasal 13:3 *Hukum Kanun Melaka* menyatakan bahawa 'berjual titah' adalah satu kesalahan. Tiga jenis hukuman boleh dikenakan, iaitu dibunuh, dibelah lidah atau dikupas (dikelengsetkan) kulit kepala. Bayangkanlah bagaimana sakit yang tertanggung akibat lidah seseorang dibelah, selepas kulit kepala

dikoyakkan! Jika dibandingkan dengan undang-undang masa kini, hukuman tersebut mungkin dianggap zalim, tetapi etos masyarakat tempatan pada zaman itu mengharuskan berbuat demikian dan ia boleh diterima kerana merosakkan hak individu dalam masyarakat dan memalsukan titah raja yang mempunyai wibawa dianggap kesalahan yang amat berat seperti yang terdapat pada Fasal 8:3 tersebut, "... tiada dapat dipermudah-mudahkan". Oleh itu, hukuman yang dikenakan terhadap pesalah memanglah wajar dan setimpal agar ketenteraman sosial tadi dapat dijaga, diawasi dan dikekalkan.

Hukuman yang berteraskan peribumi seperti ini disebut hukum adat. Tetapi akhir ayat pada Fasal 8:3 tadi, terdapat pula hukuman yang berteraskan Islam, iaitu "... pada hukum Allah". Dalam sejarah perkembangan dan perubahan kebudayaan peribumi, apabila Islam menjadi faktor terpenting dalam kedinamikan kebudayaan tersebut selepas pemerintahan Sultan Muhammad Syah, hukuman yang bercorak Islam tadi merupakan tambahan atau alternatif kepada undang-undang peribumi. Dalam hukum Islam, konsep qisas merupakan perkara yang utama. Perubahan hukum memang jelas – daripada hukum adat peribumi berubah kepada hukum Islam. Walau bagaimanapun, alternatif penghukuman masih diberikan tempat sama ada hendak mengikut hukum yang bercorak peribumi (hukum adat) atau hendak mengikut hukum Islam, iaitu bergantung pada budi bicara hakim (kadi atau pembesar-pembesar yang berkenaan). Tetapi hukum bunuh masih menjadi hak istimewa (prerogative) raja. *Sejarah Melayu* menyebut bahawa hanya raja yang berhak menjatuhkan hukuman bunuh.

Apabila hukuman dera yang bercorak fizikal difikirkan masih mengandungi unsur penafian hak dan maruah individu dalam masyarakat atau hak individu tadi masih perlu lagi dihormati maka dicari pula satu alternatif lain terhadap konsep untuk menjatuhkan hukuman, iaitu berdasarkan denda yang mengambil bentuk nilai dari segi kebendaan. Di Melaka, nilai tersebut diletakkan pada berat emas. Contohnya, lihat corak alternatif hukuman kesalahan terhadap orang yang tampar-menampar yang terdapat dalam Fasal 8:4 *Hukum Kanun Melaka* seperti berikut;

> "... jikalau ditikam oleh yang kena tampar itu, mati yang menampar itu, tiadalah salahnya lagi kepada adatnya. Adapun dapat dibunuh yang menampar itu hingga tiga hari lamanya, jikalau lepas daripada tiga hari, tiadalah dapat lagi dibunuh juga maka didenda akan dia sekati lima .... Adapun pada hukum Allah dibunuh juga hukumnya, kerana pada Allah Taala hak segala manusia itu amat besar atas negeri, itulah hukum kanun namanya."

Alternatif kepada hukuman bunuh tersebut ialah denda sebanyak sekati lima tahil emas. Nilai ini bukanlah kecil. Namun apalah erti pada tingginya nilai

denda tersebut berbanding dengan peruntukan tentang menghormati hak manusia, bukan sahaja di sisi Tuhan malahan pada undang-undang negerinya. *Hukum Kanun Melaka* amat menekankan hak individu dalam masyarakat.

HAK DAN MARUAH INDIVIDU

Hak individu juga melibatkan kesalahan yang bersabit dengan seks. Tiada hukuman peribumi yang paling rasional dan praktis terhadap pesalah lelaki dan wanita yang terlibat dalam kesalahan seks (khasnya berzina) selain menyuruh kedua-dua pihak berkahwin. Kesalahan yang dilakukan itu sebenarnya adalah akibat daripada tekanan dan kehendak naluri semula jadi hidup manusia berhubung dengan seks. Cuma cara pelaksanaan seks itu sahaja agak bertentangan dengan hukum alam serta tabii manusia dan amat bersalahan di sisi agama Islam, dan mungkin boleh menggugat ketenteraman sosial. Dengan perkahwinan, maka pelaksanaan seks anggota masyarakat yang berbudaya dan beragama Islam tadi dapat ditempatkan semula secara wajar. Dari segi Islam, si pelaku terlebih dahulu akan dijatuhkan hukuman mengikut hukum Islam yang setimpal, contohnya si pesalah akan direjam dengan batu atau didera dengan bilangan yang tertentu.

Walau bagaimanapun dari segi undang-undang negeri, hak individu si penjenayah seks tadi masih lagi dihormati. Si lelaki tidak akan dipaksa untuk berkahwin dengan wanita yang menjadi mangsa nafsunya (sekiranya wanita itu dirogol). Ketika menjatuhkan hukuman, si pesalah akan diberikan alternatif sama ada didenda sebanyak tiga paha emas ataupun sekiranya hakim mahu mematuhi undang-undang Islam, si perogol akan didera 80 kali. Telitikan alternatif hukuman dengan mengambil bentuk penyatuan idea penghukuman pada Fasal 12:2 yang berikut;

> "Adapun tiada dapat ia menangkap dan menggagahi orang. Jikalau ada orang merdeka yang ditangkapnya itu, maka lalu diwatinya perempuan itu, maka diberinya tahu kepada hakim maka dipanggil oleh hakim, disuruh kahwinkan. Jikalau tiada ia mahu kahwin, didenda tiga tahil sepaha dengan isi kahwinnya adat hamba raja. Adapun pada hukum Allah, jikalau ia muhsan direjam .... Jikalau ghair muhsan, dipalu delapan puluh palu dengan hukum dera. Itulah hukumnya dengan tiada bersalah lagi."

Bentuk hukuman yang kedua ialah hukum moral. Ia agak berlainan daripada yang pertama tadi. Hukum moral lebih relatif dengan unsur psikologi dan unsur mental. Ia dirujukkan juga pada asas etos dan nilai anggota masyarakat peribumi Melaka itu sendiri. Maka terbentuklah satu lagi corak

hukum adat yang lain, iaitu hukum yang bernilai moral. Salah satu daripada nilai moral ini ialah malu ataupun aib. Nilai moral jelas diterapkan secara *implicit* tetapi ditentukan pada corak-corak hukuman yang disusun ke dalam fasal-fasal dalam *Hukum Kanun Melaka* yang eksplisit pula. Contoh yang paling relevan dengan nilai tersebut dapat dilihat dalam *Hukum Kanun Melaka*, iaitu dalam Fasal 11:1 mengenai hukuman orang yang mencuri; dalam Fasal 12:1 mengenai orang yang memperkosa anak isteri orang lain; dan dalam Fasal 13 berkenaan dengan orang yang berbuat bohong dengan Bendahara dan yang memalsukan alat-alat kebesaran pembesar dan Syahbandar Melaka. Hukuman kerana kesalahan mencuri secara beramai-ramai ialah;

> "... kena takzir, ertinya, dinaikkan di atas kerbau balau, dibubuh bunga raya dan berpayung tudung saji, dicoreng mukanya dengan kapur dan arang dan kunyit, maka dicanangkan berkeliling negeri. Jikalau dapat (semula) hak orang itu maka digantungkan di lehernya."

Hukuman kerana kesalahan memperkosa anak isteri orang dikatakan seperti berikut;

> "... maka disuruh oleh hakim menyembah lakinya itu di hadapan majlis orang banyak. Jikalau tiada ia mahu menyembah didenda ia sepuluh tahil sepaha, hukumnya."

Dan hukuman kerana kesalahan berbuat bohong dengan Bendahara dan memalsukan alat-alat kebesaran pembesar dan Syahbandar Melaka jika bersabit ialah seperti berikut;

> "... hukum orang berdusta ... dicoreng mukanya atau didenda dua tahil. Adapun jikalau orang berjual kata orang besar-besar atau Syahbandar didenda setahil sepaha atau disuruh maki di hadapan orang banyak. Jikalau ia melawan, dibunuh."

Dalam konteks penghukuman undang-undang hari ini, perbuatan mengarak seorang pencuri mengelilingi bandar, mukanya diconteng dengan arang, lehernya dikalung dengan bunga raya dan kepalanya diserkup dengan tudung saji; si pesalah yang memperkosa isteri orang dipaksa supaya menyembah suami perempuan tersebut di hadapan khalayak ramai; dan menyuruh orang ramai supaya memaki seseorang yang didapati bersalah kerana berdusta dengan Bendahara dan pembesar-pembesar negeri mungkin tidak membawa sebarang kesan moral dan bukanlah implikasi hukuman yang berat. Tetapi di kalangan masyarakat tradisi yang agak 'tertutup' itu, perbuatan dan bentuk hukuman tersebut pasti menyentuh maruah dan

sahsiah pihak yang tertuduh. Pesalah akan diletakkan terhadapnya isbat moral dia akan mendapat malu!

Ada berbagai-bagai kesan malu. Antaranya, si pesalah akan tersisih atau terpencil, juga terpulau daripada masyarakat ramai. Kesalahan dan hukuman yang diterimanya (di hadapan orang banyak) mungkin akan menjadi 'repekan dan buah mulut' anggota masyarakat, dan akan disebut sehingga ke anak cucunya nanti. Bayangkanlah sahaja bagaimana si pesalah akan di'senyumkambing'kan oleh orang ramai ketika hadir di majlis kenduri. Fikirkan sahaja bagaimana ahli jemaah masjid enggan duduk di sampingnya atau berpindah tempat jika dia berada di masjid untuk bersembahyang Jumaat. Mungkin daripada etos dan nilai inilah juga maka muncullah etimologi 'kemaluan' dalam bahasa Melayu!

Hal sebegini juga bersangkutan dengan isu tentang perbalahan antara dua pihak seperti tuduh-menuduh, sangkal-menyangkal, fitnah-memfitnah dan penafian terhadap tuduhan. Perkara ini juga jelas diterapkan dalam Fasal 4:1 *Hukum Kanun Melaka*.[32] Cara penyelesaian menurut undang-undang ialah dengan melalui ujian (ordeal).[33] Antara cara penyelesaian melalui ujian ini ialah menyelam di dalam air oleh kedua pihak yang terlibat, dan mencelupkan tangan ke dalam minyak atau timah yang sedang menggelegak. Walaupun secara lojik, tidak dapat dikatakan bahawa pihak yang tidak tahan menyelam lama dan orang yang melecur tangannya akibat mencelupkan tangannya ke dalam minyak atau timah panas itu adalah bersalah, namun cara ini sebenarnya bukanlah bertujuan untuk mencari jalan penyelesaian siapa yang bersalah dan siapa yang benar. Ini disebabkan pihak yang tahan menyelam lama dan orang yang tidak melecur tangannya belum tentu dapat menjamin bahawa dia adalah benar dan tidak bersalah. Ini semata-mata untuk menjamin keadilan agar si hakim tidak akan membuat keputusan dengan sewenang-wenangnya, malahan akan merujuk dan memulangkan sahaja isu pengadilan tadi kepada kedua-dua pihak yang terlibat – mereka sendiri yang akan menanggung penyeksaannya. Dan sama ada

---

[32] *Hukum Kanun Melaka* menyebut;

> "... pada menyatakan hukuman orang bertuduh-tuduh dan sangka-menyangkal. Adapun seorang itu menuduh dan seorang itu bersangkal, maka ditanyai oleh hakim. Jikalau ia mahu berlawan, diperlawankan; itu pun jikalau tiada syaksi berdiri .... Adapun pada hukum kanun, disuruh ia berlawan berselam air atau bercelur minyak atau timah .... Barang siapa salah, maka dihukumkan atas hukum negeri atau dusun, jikalau besar salahnya patut dibunuh, maka dibunuh akan dia. Jikalau tiada besar salahnya, didenda akan dia mana patut dengannya; jikalau yang patut dimaafkan, dimaafkan oleh hakim."

Rujuk Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, hlm 88.

[33] *Ordeal* diertikan sebagai "in former times method of deciding sb's quilt or innocence by requiring him to pass a physical test such as passing through fire unharmed or fighting his accuser". A.S. Hornby, *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English* (Oxford University Press, 1974), hlm 600.

ujian tadi adalah pengaruh undang-undang asing ataupun bukan, corak pengadilannya adalah amat *indigenous* dengan tujuan asasinya yang dilafazkan secara eksplisit dalam *Undang-undang Laut Melaka* sebagai;

> "... supaya jangan berkelahi dan jangan berbantah dan jangan menurut kehendak nafsu sendiri, supaya sentosa kita daripada kesukaran dan kesakitan ..."[34]

Cara penyelesaian konflik yang memuaskan antara pihak-pihak yang terlibat lebih diutamakan daripada perlaksanaan idea dan prinsip undang-undang itu sendiri. J.F. Holleman pernah menegaskan bahawa; "... they are illustrations of an indigenous administration of justice in which a satisfactory solution of the conflict between the parties often matters more than a correct interpretation of the legal principles involved".[35]

Dalam *Undang-undang Laut Melaka* edisi tahun 1956 yang mengandungi 25 fasal yang dikatakan sebagai undang-undang, sebenarnya adalah merupakan, pertama peraturan seperti tatacara berniaga di atas kapal, dan larangan, tegahan dan hukuman kerana melanggar peraturan ketika belayar; kedua, tanggungjawab dan bidang kuasa moral serta undang-undang pegawai dalam sebuah kapal.

Matlamat kedua-dua perkara tersebut adalah sama dengan matlamat 'undang-undang' yang termaktub dalam *Hukum Kanun Melaka*, iaitu bertujuan untuk mengekalkan ketenteraman sosial khusus yang berkaitan dengan hal-ehwal pelayaran dan kelautan. Secara kebetulan pula, ia diwujudkan demikian kerana Melaka adalah sebuah kerajaan kelautan dari segi struktur kuasa dan kawasan. Namun demikian, kedudukan kelautan itu tidak pula dapat mengenepikan peraturan yang perhubung dengan isu dan hal-ehwal tanah (pertanian, perhumaan dan penternakan). Terdapat banyak fasal dalam *Hukum Kanun Melaka* yang merupakan undang-undang tentang pemilikan tanah dan pertanian seperti Fasal 11:2, Fasal 19:1, Fasal 19:2 dan Fasal 19:3, Fasal 20:1, Fasal 20:2 dan Fasal 20:3, dan Fasal 22:1. Tujuan utama fasal-fasal tersebut ialah untuk mengadakan suatu peraturan yang tidak akan menimbulkan konflik masyarakat dalam isu pemilikan tanah, perhumaan dan pemilikan harta yang berdasarkan tanah. Walau bagaimanapun semua peraturan tersebut tidak semestinya dapat menjamin satu sistem tetap dalam prinsip undang-undang tanahnya. Contoh-contoh tersebut yang hampir keseluruhannya adalah merupakan peraturan-peraturan sahaja, hukum-hukum adat setempat, kebiasaan, moral, norma dan

---

[34]R.O. Winstedt & Josselin de Jong. (ed). *op. cit.*. hlm 30.
[35]J.F. Holleman. *Shona Customary Law* (Manchester. Impresi kedua. 1952). hlm X.

etika yang secara tidak disedari telah dirasionalisasikan dengan hukum dan doktrin Islam. Ia dibentuk dengan tujuan untuk mewujudkan keharmonian hidup dan masyarakat yang mempunyai peraturan dan sistem.

PELAKSANAAN HUKUM DAN UNDANG-UNDANG

Pada suatu tahap tertentu, peraturan-peraturan dan hukum Islam yang didakwa lengkap itu telah dituliskan. Oleh itu, terbentuklah *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* dalam bentuk yang didokumentasikan. Dengan penulisan dan pendokumentasian itu tidaklah bererti bahawa peruntukan yang telah ditentukan dan disediakan dalam *Hukum Kanun Melaka* itu 'wajib' digunakan bagi semua rujukan penghukuman. Ia hanya merupakan salah satu daripada perlafazan eksplisit dan bukti tentang hakikat wujudnya undang-undang dalam sebuah kerajaan Melayu lama yang matlamat asasnya ialah, "... supaya jangan lagi bersalahan adat segala hukum menterinya".[36] Ia hanya dirujuk sekiranya diperlukan, atau ia hanya menjadi bahan dokumentasi yang berbentuk manual kerana hakim (kadi untuk hukum-hukum Islam, balai untuk Bendahara, Laksamana dan Syahbandar; dan Penghulu Bendahari untuk undang-undang awam) masih dengan sewenang-wenangnya atau bergantung pada 'titah' raja yang secara tersendiri memang menjadi 'sumber' undang-undang,[37] walaupun



[36]W.G. Shellabear, *op. cit*, hlm 88–89.

[37]Rujuk Muhammad Yusoff Hashim, *Legal Aspect in the Social History of Malacca Sultanate*, kertas kerja yang tidak diterbitkan untuk International Colloqium of Malay Sultanate, Jakarta, anjuran UNESCO, 1977; Muhammad Yusoff Hashim, "Legal Codes of the Malacca Sultanate", dalam *Malaysia in History*, Vol 26, 1983, hlm 84–103.

kesemuanya tidak lahir dalam bentuk tulisan. Oleh itu, undang-undang tadi sebenarnya berpusat pada keseluruhan unsur yang berkaitan dengannya.

Beberapa bukti tentang perlaksanaan undang-undang tersebut dapat ditampilkan. Pada masa Melaka diperintah oleh Sultan Alauddin Riayat Syah, penguatkuasaan undang-undang potong tangan yang bersabit dengan kesalahan mencuri adalah jelas. Ini memang selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* yang sering menyebut, antara lain, "... mencuri di dalam rumah, dipotong tangannya, hukumannya".[38] Hukuman ini sejajar dengan hukum Allah yang terdapat dalam al-Quran yang menentukan bahawa, "Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri itu, hendaklah kamu potong tangan-tangan mereka, sebagai balasan bagi apa yang telah mereka lakukan (dan) sebagai contoh yang menakutkan daripada Allah: dan adalah Allah itu Maha Kuasa (lagi) Bijaksana".[39] Tetapi tidak terdapat bukti sejarah yang menunjukkan bahawa penguatkuasaan hukuman mencuri ini berlaku juga pada masa pemerintahan raja-raja Melaka yang lain.

Kita mungkin dapat menduga bahawa jika tidak ada hukum adat [seperti pembayaran denda oleh si pencuri, hukuman memberi malu dan aib kepada pesalah yang tertangkap, dan memulangkan semula barang kecurian kepada yang empunya, pencuri akan *masuk ulur* (menjadi hamba kepada si empunya),[40] dan lain-lain], yang menjadi hukum untuk pesalah sebagai alternatif kepada hukum Islam, hukum apakah pula yang dikenakan terhadap pesalah tadi?

Begitulah juga perihal penguatkuasaan hukuman bunuh. Dalam *Hukum Kanun Melaka* peruntukan mengenainya hanya dikuatkuasakan kepada mereka yang melakukan jenayah membunuh, sekira sabit kesalahan-

---

[38]Walau bagaimanapun, hukuman 'memotong tangan' tidaklah dijatuhkan terhadap semua kesalahan mencuri, malahan ia bergantung juga pada jenis barang yang dicuri, lalu digunakan hukuman secara setempat. Contoh, pada Fasal 11:2, hukuman terhadap orang yang mencuri hasil tani seperti tebu, pisang, sirih, pinang dan buah-buahan akan dihukum "... tiada dipotong (tangan) hukumnya ... maka didenda oleh hakim sepuluh emas dan segala yang dicurinya itu digantungkan pada lehernya, dibawa berkeliling negeri itu. Jikalau habis dimakannya segala buah-buahan itu atau tebu dan pisang, maka disuruh ganti oleh hakim kepada yang mencuri tanaman itu harga yang dicurinya, lagi kena denda sepuluh emas."

Hal yang serupa termaktub juga pada Fasal 11:3 berkenaan dengan hukuman orang yang mencuri perahu; dan pada Fasal 11:4 tentang hukuman orang yang mencuri kerbau, lembu dan kambing. Hukuman terhadap kesalahan kedua-duanya ialah sama ada si pencuri dikehendaki membayar harga nilaian barang yang dicuri atau didenda dengan berat emas yang tertentu.

[39]Al-Quran (surah al-Ma'idah, ayat 38); lihat juga teks A. Hassan al-Furqan, terjemahan dan tafsiran (Kota Bharu, Kelantan, 1975), hlm 220.

[40]Hukuman 'masuk ulur' (menjadi hamba) dapat dirujuk pada Fasal 11:1 dalam *Hukum Kanun Melaka* yang berkaitan dengan orang yang mencuri harta orang di dalam rumah disebut sebagai, "Dan jikalau ia mencuri ... jikalau ia (si pencuri) merdeheka masuk ulur kepada yang empunya harta itu". Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, hlm 80.

nya. Perkara ini jelas terdapat pada Fasal 8:2 dan Fasal 8:3; dan Fasal 5:1 dan Fasal 5:3. yang diterapkan secara eksplisit berdasarkan hukum Islam. Contohnya seperti yang terdapat pada Fasal 5:3 yang menyatakan bahawa, "... pada hukum Allah, yang membunuh itu dibunuh juga hukumnya, kerana menurut dalil Quran dan menurut amr bi'l-ma'ruf wa nahy 'anil-munkar". Hal yang demikian memang sesuai dengan doktrin qisas dalam Islam.[41] Selain itu, hukum adat juga menentukan bahawa hukum bunuh boleh juga dijatuhkan kerana:

(a) Mereka yang menggunakan bahasa larangan seperti titah, patik, murka, kurnia dan anugerah, (Fasal 2:1).

(b) Mereka yang memalsukan perintah dan titah raja, (Fasal 2:2).

(c) Mereka yang membunuh tanpa pengetahuan raja atau pembesar, (Fasal 5:1).

(d) Kesalahan dari segi hukum adat yang lain seperti membunuh, menikam atau menetak orang, merampas harta orang, mendustakan hakim dan menafikan perintah raja, (Fasal 4).

Hukum Kanun Melaka tidak mendokumentasi dan menentukan bahawa perbuatan memfitnah juga harus dibunuh. Tetapi bukti sejarah dalam *Sejarah Melayu* menunjukkan bahawa orang yang memfitnah, seperti perbuatan Kitul dan Raja Mendeliar dalam skandal pembunuhan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, juga dihukum bunuh kerana perintah atau hukuman tersebut keluar daripada mulut raja, ".. maka Raja Mendeliar pun disuruh baginda bunuh ...."[42] Malahan cara pembunuhan juga adalah mengikut tradisi dan hukum adat setempat apabila Kitul, "... disuruh sulakan melintang dengan segala anak bininya".[43] Rumah dan tanah tapak rumah kedua-dua pesalah ini juga dititah supaya digali dan dibuangkan ke laut semuanya.

Hukuman 'sula' (membunuh dengan cara mencucuk alat yang tajam ke dalam dubur orang yang dibunuh) adalah suatu kaedah membunuh mengikut hukum adat yang terdapat di Melaka dan beberapa buah kerajaan Melayu di rantau ini. Ia tidak terdapat dalam tradisi membunuh mengikut hukum Islam. Terdapat tiga kesan yang jelas daripada kaedah membunuh seperti ini, iaitu malu (fikirkan sahaja betapa dubur ditontonkan kepada orang ramai); sakit yang amat sangat dan maut. Matlamatnya adalah sama dengan hukum Islam, iaitu orang yang dipersalahkan itu dikehendaki mati.

---

[41]Rujuk al-Quran (surah al-Baqarah, ayat 178); A. Hassan, *op. cit.*, hlm 48.
[42]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 264.
[43]*Loc cit.*

Undang-undang qisas dalam Islam tidak pernah menuntut bahawa seluruh anggota keluarga si pesalah yang membunuh harus juga dibunuh. Tetapi hukum adat mengharuskan untuk berbuat demikian, inikan pula sekiranya penguatkuasaannya dititahkan oleh raja sendiri. Dalam *Sejarah Melayu*, hukum sedemikian juga dikenakan terhadap Hang Jebat (atau Hang Kasturi daripada versi lain) yang dianggap menderhaka (kerana perbuatan angkaranya kepada raja Melaka). Oleh yang demikian, memfitnah jua dalam konteks ini mempunyai tahap dan taraf kesalahan yang serupa dengan menderhaka. Kesemua alasan ini membuktikan bahawa hubungan yang harmoni dan saling melengkapi, dan tidak menunjukkan 'pertentangan' dalam perjalanan dan perlaksanaan undang-undang tadi, iaitu antara hukum adat, hukum Islam, titah raja, keputusan para hakim dan pembesar, dan dokumen atau naskhah undang-undang yang dituliskan bertujuan semata-mata untuk, "... to regulate and control the social order" tadi.

Hakikat ini menjelaskan mengapa *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* itu mengandungi bidang yang amat luas, meliputi berbagai-bagai peraturan, hukum-hakam dan undang-undang Islam, hukum dan peraturan berkeluarga, undang-undang awam dan jenayah, tugas-tugas pegawai dan pembesar negeri, hak-hak keistimewaan raja, peraturan bertani dan berhuma, peraturan kontrak, peraturan berhamba, dan tatacara perlembagaan. Semuanya merangkumi konsep yang disebut sebagai undang-undang yang diguna dan dirujuk sebagai kaedah dan matlamat formal dan informal bagi mewujudkan suatu masyarakat yang bersistem dan berorganisasi.

Oleh sebab dipengaruhi oleh ciri-ciri undang-undang masa kini, ada penulis yang cuba mencari suatu bentuk dan pembahagian antara berbagai-bagai jenis undang-undang tradisional Melaka tadi, antara undang-undang awam dengan jenayah, antara undang-undang keluarga dengan undang-undang agama dan seterusnya. Sebenarnya hal demikian tidak relevan dengan penciptaan dan kewujudan undang-undang tersebut.[44] Ini disebabkan apa yang cuba dijelmakan oleh penyusun undang-undang tadi bukanlah pembahagiannya tetapi bagaimana tiap-tiap jenis undang-undang ini saling

[44]Untuk mencari pembahagian ini, R.O. Winstedt menulis, "The Malacca digest exhibits no clear division between constitutional, criminal and civil law. It jumbles regulations for court etiquette, criminal law, the jurisdiction of the ruler and his ministers, the law for fugitive slaves, the law of libel, the law of contract affecting the hire of slaves and animals, the penalties lese-mejeste and the breach of bethrothal agreement ... the penalties for stealing the slaves of owners of various ranks." Lihat R.O. Winstedt, "Digest of Law", dalam *JMBRAS*, Jil XXXI, iii, 1958, hlm 136; Sikap yang serupa ditunjukkan juga oleh orientalis yang lain, iaitu R.J. Wilkinson, "Law, Pt. 1, Introductory Sketches", dalam *Papers on Malay Subjects* (Kuala Lumpur, 1908), hlm 3.

berhubungan antara satu sama lain bersama-sama dengan sistem-sistem lain yang wujud dalam masyarakat lama Melaka itu sendiri.

Hukum Kanun Melaka dan *Undang-undang Laut Melaka* dicipta di istana Melaka. Pihak-pihak yang terlibat secara langsung untuk menyusun kedua-dua undang-undang tersebut ialah raja sendiri dan para pembesar kerajaan yang berkaitan. Rakyat jelata yang luar daripada kalangan istana, mungkin tidak tahu tentang wujudnya undang-undang tersebut. Pada teori dan penyataan yang tercatat dalam kedua-duanya, ia didakwa sebagai undang-undang bagi seluruh kerajaan. Fasal 44:11 *Hukum Kanun Melaka* menyatakannya sebagai undang-undang, "... segala negeri, daripada suatu negeri kepada suatu negeri, daripada satu dusun kepada suatu dusun, daripada suatu teluk kepada suatu teluk, daripada suatu sungai kepada suatu anak sungai sekaliannya". Tetapi dari segi praktis, bentuk undang-undang itu sendiri menunjukkan terdapat pemisahan yang nyata antara undang-undang raja dengan undang-undang yang terdapat di peringkat pembesar anak sungai. Raja dianggap sebagai 'wakil' Tuhan di dunia (*dhulillahi fil'ardh* atau *dhulillahi fil'alam*). Oleh itu, *Hukum Kanun Melaka* itu sendiri sebenarnya memperkuatkan kedudukan raja dari segi *status quo* dan penguasaan politik. Undang-undang tersebut juga secara tidak langsung dan secara perlembagaan tradisional mengabsahkan taraf raja berkenaan sebagai pemerintah (ruler) di peringkat seluruh kerajaan. Hak pengabsahan ini tentulah berbeza dari segi undang-undang yang dimiliki oleh pembesar-pembesar anak sungai yang amat terhad di kawasannya sendiri.[45]

Di kalangan ahli sejarah, 'kesinambungan' menjadi satu ciri yang penting untuk menentukan bahawa sesuatu itu adalah bersejarah. Maka selain dinamisme yang dimiliki oleh undang-undang Melaka tadi, ia tidak hanya wujud setakat penghujung abad ke-15 dan awal abad ke-16 sahaja. Hampir seluruh peruntukan yang terkandung dalam *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* diwarisi terus pada zaman Kesultanan Melayu Johor selepas abad ke-17. Undang-undang Melaka ini memberi jalan ke arah penciptaan *Undang-undang Johor* tetapi telah disesuaikan dan ditumpukan dengan kehendak dan keperluan tempatan yang berbeza dan ber-

[45]Rujuk Muhammad Yusoff Hashim, *Legal Position of Traditional Malay Sultanate; A Comparative Study of Legal Codes of the Sultanates of Malacca, Johore, Perak and Kedah Prior to 1900*, kertas kerja yang tidak diterbitkan untuk International Colloqium on Malay Sultanate, anjuran UNESCO, Kuala Lumpur, 11–15 Disember 1982; Lihat juga M.B. Hooker, *Adat Laws in Modern Malaya* (Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1972), hlm 88–90.

bagai-bagai.[46] Begitu juga kesannya terhadap *Undang-undang Pahang*[47] dan *Undang-undang Brunei*. Malahan apa yang disebut *Undang-undang Johor* tadi sebenarnya adalah *Undang-undang Melaka* (tetapi daripada versi Johor). *Undang-undang Kedah* juga merupakan satu versi lain daripada *Undang-undang Melaka*.[48] *Undang-undang Melaka* juga didapati telah disesuaikan ke dalam tradisi undang-undang yang perundangannya lahir dalam Kesultanan Riau dan Pontianak. Bahkan semangat perundangan di Melaka terus terterap ke dalam beberapa buah undang-undang negeri di Semenanjung Malaysia. Ini menjelaskan betapa pentingnya hubungan persejarahan Kesultanan Melayu Melaka yang lalu dengan persejarahan beberapa buah negeri di Malaysia masa kini.

---

[46]Muhammad Yusoff Hashim, *Ibid.*, hlm 5; J.R. Logan, "A Translation the Malay Laws of the Principality of Johore", dalam *JIA*, No 9, 1855, hlm 71–95.

[47]R.W. Jakeman, "The 'Pahang Kanun' of the Sultan Abdul Ghaffur, Another Text", dalam *JMBRAS*, XXIV, iii, 1951, hlm 150–1; J.E. Kempe & R.O. Winstedt, "A Malay Legal Digest", dalam *JMBRAS*, XXI, i, 1948, hlm 1–24; R.O. Winstedt, "A Malay Legal Miscellany", dalam *JMBRAS*, XXV, i, hlm 1–19; Abu Hasan bin Mohd. Sham, *Undang-udang Melaka* dan *Undang-undang yang di Bawah Pengaruhnya*, (Tesis M.A.), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1972.

[48]R.O. Winstedt, "Kedah Laws", *op. cit.*; R.O. Winstedt, G. "History of Kedah", dalam *JMBRAS*, No 81, 1920, hlm 29–35; R.O. Winstedt, "Notes on the History of Kedah", dalam *JMBRAS*, XIV, iii, 1936, hlm 155–189; T.S. Raffles, "The Maritime Code of the Malays", dalam *JSBRAS*, No 3, 1879, hlm 62–84; T.S. Raffles, "The Maritime Code of the Malays", dalam *JSBRAS*, No 4, 1879, hlm 1–20.

10
Islam dalam Sejarah Perundangan Melaka

SEBAGAIMANA yang telah disebutkan oleh seorang pakar undang-undang (dan ini memang diketahui umum) bahawa, "Di negeri-negeri Melayu sebelum masuknya pengaruh kerajaan British, undang-undang asas atau undang-undang negeri ialah undang-undang Islam bersama adat Melayu".[1]

Apabila kita membincangkan tentang keadaan negeri-negeri Melayu sebelum dipengaruhi oleh British di Semenanjung Tanah Melayu, terlebih dahulu kita perlu melihat ke zaman kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15 dan awal abad ke-16. Daripada bukti-bukti dokumen sahih yang didapati, jelas bahawa Melaka merupakan kerajaan Melayu tua di Semenanjung Tanah Melayu yang pertama mempunyai undang-undang bertulis. Andaian ini dibuat dengan mengetepikan seketika permasalahan Batu Bersurat Kuala Terengganu yang mengatakan bahawa Islam telah sampai dan dipraktikkan perundangannya di Terengganu hampir seratus tahun lebih awal dari Melaka.[2] Hakikat ini terbukti dengan wujudnya teks Melayu lama daripada genre undang-undang dan catatan di sana sini oleh *magnum-opus* sejarah tradisional Melaka, iaitu *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin*, dan juga catatan yang amat terhad dalam laporan penulis-penulis Portugis.[3]

---

[1]Lihat Profesor Ahmad Ibrahim, *Kedudukan Undang-undang Islam dalam Masyarakat Melayu*, kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Islam dan Kebudayaan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1976, hlm 1.

[2]Untuk rencana terakhir berkenaan tajuk ini, lihat Mohd. Salleh Hj. Awang, "Islam Sebagai Sumber Sastera", Hari Sastera '78, Terengganu; lihat juga MISBAHA, *Pesaka Suci atau Batu Bersurat Terengganu*, Singapura, al-Ahmadiah Press, 1959; H.S. Peterson, "An Early Malay Inscription from Kuala Terengganu", *JMBRAS*, II (iii), 1924, hlm 253; Blagden, "A Note on the Terengganu Inscription", *JMBRAS*, II (iii), 1924, hlm 239–252; Fred Morrais, "If only the Terengganu Stone Could Speak", *New Sunday Times*, 15 Feb 1974; Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Preliminary Statements on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*, Kuala Lumpur, 1969.

[3]Umpamanya laporan Tome Pires, Valentyn dan E.G. de Eredia. Lihat Armando Cortesao (ed), *The Suma Oriental of Tome Pires*, London, The Hakluyt Society, 1944, hlm 219–45; J.V. Mills (ed), "Eredia's Description of Malacca, Maridional India and Cathay", *JMBRAS*, VIII, i, 1939, hlm 1–288; D.F.A. Hervey (ed), "Valentyn's Account of Malacca", *JSBRAS*, No 14, 1884, hlm 120–138; W.D.G. Birch (ed), *The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque*, III, No LXII, The Hakluyt Society, London, 1880.

Dari tahap pemerintahan Parameswara hinggalah ke tahun 1511, zaman awal Melaka dihadapkan dengan tradisi temurun Melayu-Hindu atau Buddha[4] (menurut laporan seorang pengembara China bernama I-Tsing, tradisi ini diwarisi dari Palembang-Jambi) dan kemudiannya Islam (ketika pemerintahan Megat Iskandar Syah).[5] Tradisi dan budayalah yang melahirkan sesuatu penciptaan masyarakat. Oleh yang demikian, kedua-duanya telah mengalami proses rasionalisasi (menurut pendapat Rassers, T.G. Th. Pigeaud, Syed Muhammad Naguib al-Attas, juga G.W.J. Drewes).[6] Dalam konteks undang-undang tradisionalnya yang berupa warisan dari zaman pra-Islam, secara longgarnya kerap dinamakan sebagai hukum adat. Hukum adatlah yang dicernakan dengan hukum-hukum Islam sama ada dalam bidang 'muamalat' dan ibadah, mahupun yang merangkumi sudut jenayah dan 'munakahat'.

SUMBER UNDANG-UNDANG MELAKA

Undang-undang di Melaka dapat dirujuk melalui teks undang-undangnya selain teks sejarah. Setakat yang diketahui, teks undang-undang di Melaka terbahagi dua. Pertama ialah tentang undang-undang negeri atau undang-undang kerajaan yang dikenali sebagai *Hukum Kanun Melaka* atau *Undang-undang Melaka*.[7] Bidang kuasa undang-undang ini merangkumi negeri Melaka pusat sendiri termasuk anak sungai dan dusun yang menjadi takluk negeri itu. Kandungannya antara lain meliputi tanggungjawab raja serta pembesar, pantang larang di kalangan anggota masyarakat, perhukuman sebab kesalahan jenayah dan awam, undang-undang keluarga, permasalahan ibadah dan muamalat yang amat jelas, dan hukum perhumaan.[8]

---

[4]Lihat M.B. Hooker, "A Note on the Malay Legal Digest", *JMBRAS*, LXI 1968; hlm 157–160; Ahmad Ibrahim, "Islam, Customary Law in Malaysia", *Intisari*, 2, ii, 1965–66; Muhammad Yusoff Hashim, *Legal Aspect in the History of the Malacca Sultanate*, kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kesultanan Melayu, UNESCO, Ujung Pandang, Sulawesi, Disember 1978.

[5]Saya mengandaikan Megat Iskandar Syah sebagai Raja Melaka yang pertama memeluk Islam. Rujuk Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", *JMBRAS*, XLI, i, 1968, hlm 11–22; C. Wake, "Malacca's Early Kings and the Reception of Islam", *JSEAH*, 5, iii, hlm 119–121.

[6]W.H. Rassers, *Panji, The Cultural Hero*, The Hague, 1959, hlm 127–135; T.G. Th. Pigeaud, *Java in the Fourteenth Century* (Bahagian Pengenalan), The Hague, 1962; Syed Muhammad Naguib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, 1972, hlm 12–28; A.H. Johns, 'Malay Sufism', *JMBRAS*, XXX, ii, 1957; G.W.J. Drewes, "New Light on the Coming of Islam to Indonesia?", Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde, deel 124, 4e aflevering, 's-Gravenhage, 1968, hlm 433–59; G.W.J. Drewes, "Nur Al-Din Al-Raniri's Hujjat Al-Siddiq Li-Daf 'Al-Zindiq Re-examined", *JMBRAS*, XLVII, ii, 1974, hlm 83–104.

[7]Teks undang-undang yang digunakan di sini ialah teks penyelenggaraan terbaharu oleh Liaw Yock Fang (ed), *Undang-undang Melaka*, The Hague, 1976.

[8]*Ibid*, Fasal 0.1, hlm 62.

Kedua ialah *Undang-undang Laut Melaka*.[9] Peruntukannya adalah bersabit dengan hal-hal di laut seperti tanggungjawab pegawai-pegawai kapal, tatacara pelayaran dan perniagaan, hukuman terhadap kesalahan 'jenayah' atau 'syariah' Islam, dan juga bidang kuasa nakhoda kapal. Oleh sebab terlalu banyak hal-hal yang tidak selaras dengan perkara-perkara yang diperuntukkan dalam kedua-dua undang-undang tersebut, maka isu hukuman yang dijatuhkan itu selalu bercampur aduk. Hukuman pada kesalahan 'syariah' berzina umpamanya, dicampuradukkan dengan tatacara berjual beli menurut 'muamalat' Islam. Oleh yang demikian, jika tidak diteliti setiap fasal dalam kedua-dua undang-undang tersebut dengan terperinci, memanglah sukar untuk dibuat pembahagian yang umum antara hukum adat dengan undang-undang Islam. Dasar hukum adat yang nampaknya digunakan adalah adat Temenggung. Hukum Islam pula jelas menampakkan unsur undang-undang Syafie.

Asal usul undang-undang yang wujud dalam kedua-dua teks tersebut masih belum dapat dipastikan. Pembentukannya mungkin berlaku di sepanjang zaman pemerintahan Iskandar Syah, Sultan Muhammad Syah dan Sultan Muzaffar Syah. Walau bagaimanapun, adalah jelas bahawa hukum-hakam Islam telah dijadikan sebahagian besar daripada *Undang-undang Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* selepas pemerintahan Megat Iskandar Syah apabila proses rasionalisasi berlaku dengan undang-undang temurun yang "... terhimpun pada segala menteri",[10] yang ditulis semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah.[11] Dari semasa ke semasa, *Undang-undang Melaka* telah ditokok tambah. Daripada sembilan belas fasal yang asal, undang-undang ini menjadi dua puluh dua fasal dan berkembang lagi sehingga menjadi empat puluh empat fasal seperti yang terdapat pada hari ini. *Undang-undang Laut Melaka* pula terdiri daripada dua puluh lima fasal. Secara am, fasal-fasal yang bersabit dengan hukum dan undang-undang Islam dapat dilihat daripada kenyataan teks-teks itu sendiri yang antara lain menyebut " ... mengikut hukum Allah" atau "... mengikut dalil Allah" dan "... pada hukum Tuhan". Walau bagaimanapun pada banyak tempat perkara yang disebut sebagai 'hukum' atau 'dalil' Tuhan itu sebenarnya bukanlah undang-undang Allah atau undang-undang Islam.

---

[9]Naskhah yang digunakan di sini adalah yang diselenggarakan oleh R.O. Winstedt dan Josselin de Jong (eds), "The Maritime Laws of Malacca", *JMBRAS*, XXIX, iii, 1956, hlm 25–77.

[10]*Undang-undang Melaka*, Fasal 0.1.

[11]Hakikat ini dapat dirujuk daripada teks *Sejarah Melayu* yang menjelaskan bahawa "... ialah (Sultan Muzaffar Syah) menyuruh membuat (menyurat?) undang-undang, supaya jangan lagi bersalahan adat segala hukum menterinya". Lihat W.G. Shellabear (ed), *Sejarah Melayu*, Singapura, 1961, hlm 88–9.

Undang-undang keluarga dalam *Hukum Kanun Melaka* (judul lain untuk *Undang-undang Melaka*) kerap dikatakan sebenarnya adalah terjemahan terus daripada undang-undang Islam.[12] Tetapi untuk hukuman kesalahan 'jenayah' yang berat seperti membunuh, memotong tangan atau kaki, pelaksanaannya sering disesuaikan atau dialternatifkan antara hukum Islam dengan hukum adat. Hal ini terkecuali pada bahagian tentang ibadah, muamalat dan undang-undang keluarga yang terangkum dalam aspek munakahat Islam sebagaimana yang terdapat pada bahagian pertengahan dan penghujung *Hukum Kanun Melaka*. Hukum terhadap kesalahan 'jenayah' yang mengikut undang-undang Islam sering dialternatifkan dengan hukum adat. Umpamanya pada Fasal 14.2 yang bersabit dengan tuduhan dan pembunuhan kepada seseorang pesalah. *Hukum Kanun Melaka* menentukan bahawa;

> "Adapun jikalau menuduh orang mengambil isteri orang, maka menang yang dituduh itu, dibunuh orang yang menuduh itu, sebab hukum mengambil isteri orang itu mati hukumnya. Jikalau tiada dibunuh, didenda sepuluh tahil sepaha. Di dalam pada itu melainkan syafaat segala hakim juga; sebab mati hukumnya mati. Adapun kepada *hukum Allah* tiada demikian, hanya disuruhkan hakim bersumpah atau bertaubat daripada perbuatan itu. Demikianlah *hukum Allah*".

Hakim mempunyai kuasa penentuan sama ada memilih hukum adat atau menjatuhkan hukuman menurut hukum Islam.

UNDANG-UNDANG ATAU HUKUM ADAT DAN HUKUM ISLAM

Dalam konteks persejarahan Malaysia, perhukuman Islam sejak dari zaman Melaka lagi telah dijadikan tunjang terhadap undang-undang negeri Melayu yang lain.[13] Di Melaka, pengaruh Islam dalam undang-undangnya begitu kuat sehinggakan dalam *Undang-undang Laut Melaka*, seorang malim dalam sebuah kapal dianalogikan sebagai 'imam' dan anak buah kapal pula diibaratkan sebagai 'makmum'.[14] Sementara asas peruntukan yang bersangkutan dengan hukum Islam dalam *Hukum Kanun Melaka* ditegaskan di sana sini sebagai "... kerana menurut dalil al-Quran dan menurut 'amr bi al-ma'ruf wa nahyu 'an al-munkar".

---

[12]Liaw Yock Fang (ed). *op-cit.*, hlm 33.

[13]Lihat Ahmad Ibrahim, *Islamic Law in Malaya*, M.S.R.I., Singapura, 1965, hlm 35-8 dan rencananya, "Islam, Customary Law in Malaysia", *op. cit.*, hlm 47-74.

[14]Lihat Winstedt dan de Jong, *op. cit.*, Fasal 9, hlm 38. Fasal tersebut berbunyi,

> "Kerana maalim itu umpama imam kepada segala orang yang di dalam jong itu, dan orang di dalam jong itu umpama makmum".

Dalam *Undang-undang Laut Melaka*, hukum yang menurut undang-undang Islam hanya jelas pada satu fasal sahaja, iaitu berhubung dengan kesalahan zina. Pesalah sama ada dihukum bunuh ataupun didera atau sebat, mengikut perkelaminan seseorang.[15] Hukuman dan tatacara undang-undang yang lain lebih banyak bertradisikan adat, resam dan undang-undang setempat. Tetapi dalam *Hukum Kanun Melaka* daripada jumlah empat puluh empat fasal yang diperuntukkan, lapan belas fasal atau hampir 40.95% daripada perhukumannya adalah menurut undang-undang Islam.[16]

Undang-undang Islam dalam beberapa fasal terawal *Hukum Kanun Melaka* kelihatan jelas, terutama yang berhubung dengan kesalahan 'jenayah'; umpamanya membunuh orang. Antara lain hukuman yang diperuntukkan kerana membunuh orang berbunyi demikian;

> "Fasal yang kelima menyatakan orang membunuh dengan tiada setahu raja-raja atau orang besar-besar. Jikalau dibunuhnya dengan tiada dosanya sekalipun, dibunuh pula ia pada hukum Allah, maka adil namanya".[17]

Peruntukan ini amat nyata disusun berdasarkan hukum 'jenayah' Islam bersabit dengan soal *qisas* atau 'nyawa atau darah dibalas nyawa atau darah'. Dalam al-Quran ada menyebutkan bahawa;

> "Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu (hukum qisas) buat membela orang-orang yang mati dibunuh (iaitu) orang merdeka dengan orang merdeheka dan hamba dengan hamba dan perempuan dengan perempuan. Tetapi barang siapa dapat sebahagian kempunan daripada saudaranya (yang membela si mati) maka (hendaklah) ia dibalas kebaikan serta serahkan (diyat) kepadanya dengan cara baik ...".[18]
>
> (Terjemahan al-Quran surah al-Baqarah 2:178)

Walau bagaimanapun, nampaknya peruntukan dalam *Hukum Kanun Melaka* di sini agak 'ketat' cirinya. Pengambilan hukum Islam dilakukan dengan sewenang-wenangnya dan tidak terdapat sifat 'tolak ansur' sebagai-

---

[15]Antara lain, fasal pada undang-undang tersebut mengatakan, "Bermula hukum atas segala orang yang berzina di dalam jong atau baluk. Jikalau ia merdeka (ada beristeri sama merdeka atau tiada, maka ia berzina dengan isteri sama merdeka di dalam jong itu) hendaklah dibanyak-banyaki oleh nakhoda, dibunuh kedua-duanya. Dan jika laki-laki dan perempuan kedua-duanya pun merdeka lagi bujang maka dipalu seratus kali akan dia, kemudian dikahwinkan". Winstedt dan de Jong (ed), *op. cit.*, Fasal 2, hlm 32.

[16]Lihat Lampiran J.

[17]*Undang-undang Melaka*, Fasal 5:1.

[18]Lihat A. Hassan, al-Furqan, *Tafsir Quran*, Kota Bharu, Kelantan, 1975, hlm 48. Lihat juga al-Quran surah al-Baqarah ayat 178.

mana yang terdapat dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 178 yang bermaksud, "... Tetapi barang siapa dapat sebahagian keampunan daripada saudaranya (yang membalas si mati) maka (hendaklah) ia balas kebaikan serta serahkan (diyat) kepadanya dengan (cara) baik ..." Al-Quran juga menegaskan konsep 'balas hak' individu di sisi undang-undang Islam dalam masyarakat[19] tetapi nampaknya hal ini digugurkan sama sekali oleh *Hukum Kanun Melaka*.

Perkara yang menarik di sini ialah tentang masalah 'membunuh' sebab hukum adat nampaknya masih diberikan perhatian. Perihal fasal yang lain dalam *Hukum Kanun Melaka*, hukum adat melarang dikenakan hukuman bunuh sekiranya si pembunuh tadi didapati membunuh sebab empat keadaan, iaitu membunuh madu, membunuh pencuri yang lari dengan syarat-syarat tertentu, membunuh orang yang memberi aib atau malu dan membunuh orang yang membuat angkara. Berkenaan hal ini *Hukum Kanun Melaka* menyebut bahawa;

> "Adapun yang membunuh tiada setahu raja dan menteri itu atas empat perkara. Pertama, membunuh madu, kedua membunuh orang yang angkara, tetapi hendaklah ia ditangkap dahulu maka dibawa kepada hakim, akan adatnya setahil sepaha. Jikalau tiada tertangkap, sebab ia dengan makarnya, maka patutlah ia mati. Ketiga membunuh orang mencuri yang tiada dapat ditangkap. Keempat, membunuh orang yang memberi aib seperti menampar orang atau barang yang memberi aib: itu pun jikalau belum sampai kepada menteri. Jikalau sudah sampai kepada menteri, maka diperbuat juga, maka ia didenda sepuluh tahil sepaha, inilah hukumnya".[20]

Jelaslah bahawa hukum adat menentukan orang membunuh dalam kategori ini didenda sahaja.

Contoh seterusnya dapat dibuktikan daripada kesalahan mencuri. *Hukum Kanun Melaka* telah menetapkan bahawa;

> "Adapun jikalau ia mencuri, maka tertangkap lalu dibunuhnya, maka kenalah denda akan dia setengah harganya, dan setengah akan menteri,

---

[19]Tentang hukum 'balas hak' ini terdapat suatu firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud, "Dan kami telah mewajibkan atas mereka dalam (Taurat) itu, bahawa jiwa (dibalas) dengan jiwa; mata dengan mata; hidung dengan hidung, telinga dengan telinga; gigi dengan gigi dan luka-luka itu (ada) balasannya. Tetapi barang siapa dermakan (hak membalas)nya, maka (adalah yang demikian) itu jadi penebus dosa baginya; dan barang siapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka (adalah) mereka itu orang yang zalim". Rujuk al-Quran surah al-Maidah ayat 45; A. Hassan, *op. cit.*, hlm 223.

[20]*Undang-undang Melaka*, Fasal 5:2.

dan setengah akan tuannya, sebab taksirnya tiada setahu menteri. Adapun pada hukum Allah orang mencuri itu tiada harus dibunuhnya, melain dipotong tangannya".[21]

Fasal ini juga memberikan alternatif terhadap kesalahan mencuri. Si pencuri akan didenda sama ada mengikut lunas hukum adat atau dihukum mengikut undang-undang 'syariah', iaitu dipotong tangannya. Hukuman memotong tangan yang menurut perintah Allah ini amat jelas diterangkan dalam al-Quran;

"Laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri itu, hendaklah kamu potong tangan-tangan mereka, sebagai balasan bagi apa yang mereka telah lakukan (dan) sebagai contoh yang menakutkan daripada Allah; dan adalah Allah itu Mahakuasa (lagi Bijaksana)".[22]

(Terjemahan al-Quran surah al-Maidah 5:38)

Terdapatnya ciri alternatif yang menunjukkan bahawa pihak hakim tidak semestinya wajib menjatuhkan hukuman memotong tangan si pencuri, walaupun bukti-bukti jelas dalam teks *Sejarah Melayu* menunjukkan ketika Melaka diperintah oleh Sultan Alauddin, suatu undang-undang dikeluarkan supaya memotong tangan pencuri yang dapat ditangkap dan sabit kesalahannya.[23]

Pihak penyusun *Hukum Kanun Melaka* sedar tentang manfaatnya menjatuhkan hukuman mengikut hukum adat dan sebaliknya, dengan meneliti kesan sosial yang mungkin timbul sekiranya mematuhi seratus peratus hukum Islam. Mereka mengambil sikap berkecuali dengan harapan supaya hakim yang bijaksana dapat memberikan pertimbangan dengan seadil-adilnya. Oleh yang demikian, sewajarnyalah sikap adil ini didasarkan pada konsep 'hak' (haq) dan adil atau saksama ('adl) antara individu dalam masyarakat dengan pihak hakim menurut pandangan Islam. Jelas sebagaimana Allah berfirman dalam al-Quran;

"Sesungguhnya Allah memerintah kamu menunaikan amanat-amanat kepada yang berhak dan (Ia memerintah) apabila kamu menghukum di antara manusia, supaya kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya

---

[21]Ibid, Fasal 7:2.

[22]Rujuk al-Quran surah al-Maidah ayat 38; A. Hassan, *op. cit.*, hlm 220.

[23]Satu daripada petikan *Sejarah Melayu* menyebut, "Maka titah baginda kepada Seri Maharaja, jikalau orang mendapat harta orang, jika tiada dipulangkan pada yang empunya, disuruh baginda kudung(kan) tangannya; dan jikalau tiada bertemu dengan yang empunya harta, ke balai itulah dihantarkan". Lihat Shellabear, *op. cit.*, hlm 174.

> Allah menasihati kamu dengan sebaik-baik perkara, sebab sesungguhnya Allah itu adalah Mendengar (dan) Melihat".[24]
>
> (Terjemahan al-Quran surah An-Nisa' 4:58)

Suatu hal yang agak menghairankan ialah tentang peruntukan hukum adat yang bersabit dengan kesalahan yang melibatkan jantina. Pada asasnya, undang-undang Islam memanglah dipatuhi, lalu disalurkan mengikut hukum *hadd* dalam Islam.[25] Hukuman terhadap orang yang berzina umpamanya, *Hukum Kanun Melaka* jelas mengambil terus daripada undang-undang Islam. Jika si pelaku itu seorang yang telah berkahwin (muhsan) hukumannya ialah direjam sampai mati, jika yang belum berkahwin (ghair-muhsan) disebat sebanyak lapan puluh kali.[26] Hukuman ini sebenarnya diambil terus daripada al-Quran;

> "Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang daripada mereka seratus kali dera, dan janganlah kamu dikalahkan dengan (menjalankan) agama Allah oleh kasihan kamu kepada mereka berdua, jika (benar) kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian; dan azab mereka itu hendaklah disaksikan oleh segolongan daripada mukmin".[27]
>
> (Terjemahan al-Quran surah An-Nur 24:2)

Hukuman mengikut hukum adat masih tetap diperuntukkan sebagai pilihannya. Walau bagaimanapun, hukuman berdasarkan tradisi adat setempat ini nampaknya amat ringan. Seorang lelaki (yang sabit) melakukan rogol (wati') terhadap seorang dara, dia cuma dikehendaki untuk membayar sedikit denda kemudian diminta berkahwin dengan mangsanya tadi. Yang anehnya, *Hukum Kanun Melaka* bukan meletakkan pada kesalahan kerana

---

[24]Rujuk al-Quran surah An-Nisa' ayat 58; A. Hassan, *op. cit.*, hlm 170.

[25]Hukum *hadd* (hudud) yang dimaksudkan ialah kesalahan-kesalahan jenayah yang hukumannya telah ditetapkan oleh Islam, termasuklah, (i) direjam dengan batu sampai mati terhadap orang yang berzina, (ii) hukuman mati dengan cara disalang kerana kesalahan merompak di lebuh raya sambil membunuh, (iii) memotong tangan atau kaki kerana kesalahan merompak di lebuh raya tanpa membunuh, (iv) hukuman sebat dengan jumlah tertentu kerana kesalahan yang ringan seperti menuduh orang berzina atau meminum arak. Untuk keterangan yang lanjut sila lihat "*Encyclopedia of Islam*, edisi baharu, Leiden London, 1960, di bawah tajuk 'hadd'. Rujuk juga Liaw Yock Fang (ed), *op. cit.*, hlm 189.

[26]*Undang-undang Melaka* pada Fasal 12:2 menyebut, "Adapun pada hukum Allah, jika ia muhsan, direjam. Adapun erti muhsan itu, perempuan yang berlaku; jikalau lelaki, yang ada isteri. Jikalau ghair-muhsan dipalu delapan puluh palu dengan hukum dera. Itulah hukumannya dengan tiada bersalahan lagi."

[27]Rujuk al-Quran surah An-Nur ayat 2; A. Hassan, *op. cit.*, hlm 678.

perbuatan merogol itu, tetapi kesalahan sebab 'memaksa' orang.[28]

Begitu juga pada kesalahan menawar (menceroboh) kehormatan wanita, jika isteri orang yang diceroboh, si penceroboh cuma dikehendaki sujud menyembah suami wanita berkenaan di khalayak ramai. Sekiranya enggan, dia dikehendaki membayar denda sepuluh tahil sepaha sahaja. Jika yang diceroboh itu seorang gadis, dendanya ialah dua tahil sepaha; dendanya kurang sedikit jika yang diceroboh itu seorang hamba, iaitu lima emas sahaja; tetapi meningkat menjadi sepuluh emas sekiranya dara si abdi itu hilang.[29]

Hukum syarak dalam undang-undang nampaknya lebih banyak mempengaruhi bahkan diambil sepenuhnya dalam bahagian akhir *Undang-undang Melaka*, terutama yang berhubung dengan undang-undang keluarga dan peribadi seperti 'muamalat' dan 'munakahat'. Umpamanya, telah dijadikan undang-undang tentang orang yang berwali. Wali seorang perempuan itu menurut *Hukum Kanun Melaka*, 'mengikut tertib' adalah bapanya, datuk sebelah bapanya dan saudara lelakinya.[30] Wali-wali yang sedemikian jika merujuk pada hukum Islam, dikenali sebagai wali *aqrab* dan wali *mujbir*. Diterangkan juga bahawa tidak seorang wali pun dibenar untuk mengahwinkan si perempuan yang belum baligh. Pengertian baligh dihuraikan sebagai genap umur lima belas tahun, telah datang haid dan telah tumbuh bulu air-ari (ikhtilam).

Fasal 25:2 *Hukum Kanun Melaka* juga memperuntukkan syarat dan tatacara ijab dan kabul dalam nikah dan kahwin serta hukum dan syarat menjadi saksi dalam tatacara tersebut yang dijelaskan pada Fasal 26. Hukum tentang hak pembatalan (khiyyar), hukum bertalak sama ada talak *raji'i* atau talak *ba'in* serta syarat-syarat yang berhubungan dengannya, termasuklah masalah melakukan "cina buta", terangkum ke dalam Fasal 27 dan Fasal 28:1 teks *Hukum Kanun Melaka*.

Contoh yang menarik tentang 'muamalat' Islam berhubung dengan soal 'bunga' atau 'faedah' atau 'riba' dalam tatacara berniaga terdapat dalam Fasal 30. Telah ditegaskan bahawa;

> "... pada menyatakan hukum orang yang berniaga itu dan haram atas segala yang mengambil riba' .... hukum berniaga itu tiada sah berniaga

---

[28] *Undang-undang Melaka* pada fasal 12:2 memperuntukkan, "Demikian lagi menangkap orang, maka lalu diwati'nya perempuan itu, pun sepuluh emas dendanya, kerana menggagahi orang .... Adapun tiada dapat ia menangkap dan menggagahi orang. Jikalau ada orang merdeka yang ditangkapnya itu, maka lalu diwati'nya perempuan itu .... disuruh kahwinkan. Jikalau tiada ia mahu kahwin, didenda tiga tahil sepaha dengan isi kahwinnya adat hamba raja".

[29] *Ibid*, Fasal 12:1

[30] *Ibid*, Fasal 25:1.

melainkan daripada 'akil, tiada sah berniaga itu bagi orang yang gila, kanak-kanak yang belum baligh."

Hukum haram melakukan 'riba' adalah diasaskan terus daripada hukum dalam al-Quran yang menerangkan bahawa;

"Orang yang memakan riba itu tidak akan berdiri melainkan sebagaimana pendirian orang yang diharu syaitan dengan tamparannya. Yang demikian, lantaran mereka berkata, 'Perdagangan itu tidak lain melainkan seperti riba'. Dan Allah halalkan perdagangan dan haramkan riba. Lantaran itu, barang siapa kedatangan nasihat dari Tuhannya, lalu ia berhenti, maka baginyalah apa yang telah lalu dan urusannya (terserah) kepada Allah, tetapi barang siapa kembali lagi, maka mereka itu (jadi) ahli neraka yang mereka (akan) kekal di dalamnya".[31]

(Terjemahan al-Quran surah al-Baqarah 2:275)

Selain kesalahan jenayah, *Hukum Kanun Melaka* juga menekankan kesalahan-kesalahan *hadd* yang jelas terpengaruh dengan hukum Islam. Antara bentuk kesalahan *hadd* yang dimaksudkan termasuklah kesalahan minum arak, mencuri, membunuh, menyamun, *qisas* pada nyawa dan murtad. Bagi semua kesalahan itu, Fasal 37:2 *Hukum Kanun Melaka* menentukan supaya mestilah ada dua orang saksi yang baligh dan tidak gila bagi membuktikan sahih atau tidaknya perbuatan itu. Selain itu, penyelarasan pelaksanaan hukum Islam dan hukum adat diperuntukkan juga pada fasal tentang kesalahan menuduh orang berzina tanpa saksi. Orang itu mestilah dirotan sebanyak lapan puluh kali. Hukuman seperti ini jelas diambil daripada hukum Islam sebagaimana yang ditentukan oleh Allah dalam al-Quran;

"Dan orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan yang baik-baik (berzina), kemudian mereka tiada dapat hadirkan empat saksi, maka deralah mereka delapan puluh kali deraan; dan janganlah kamu terima persaksian mereka (yang didera) itu selama-lamanya, sebab mereka itu orang-orang yang fasiq".[32]

(Terjemahan al-Quran surah An-Nur 24:4)

[31]Rujuk al-Quran surah al-Baqarah ayat 275; A. Hassan, *op. cit.*, hlm 91.
[32]Rujuk al-Quran surah An-Nur ayat 4; A. Hassan, *op. cit.*, hlm 679.

Walau bagaimanapun hukum adat masih tetap diberi pertimbangan. Jika sabit kesalahan pihak yang menuduh, ia akan didenda mengikut taraf sosial si pesalah.[33]

Pada fasal-fasal yang lain dalam *Hukum Kanun Melaka*, diperuntukkan juga undang-undang menurut 'muamalat' Islam seperti dalam Fasal 32:2 *Hukum Kanun Melaka* menentukan hukuman sah tuntutan atas harta (sulh) yang dikanunkan daripada ayat, "Sah sulh kemudian daripada ikrar di dalam segala harta, tiada sah sulh di dalam mungkir dan pada orang yang tiada bertentu", hinggalah ke ayat, "Tiada sulh melainkan pertama hendak bertentukan". Undang-undang berjual beli yang dibentuk juga adalah berlandaskan undang-undang Islam. Fasal 30 *Hukum Kanun Melaka* juga menentukan barang-barang yang boleh diperniagakan serta yang dilarang oleh Islam seperti arak, babi, anjing dan tuak.

Peruntukan yang berteraskan hukum-hakam dan *'aqaid* Islam jelas terdapat dalam Fasal 25:1 hingga Fasal 30 yang menyentuh tentang masalah "lafaz ijab dan qabul dalam acara nikah", "saksi-saksi dalam acara nikah", "hukum 'iddah dalam perceraian", juga pada Fasal 34:1 tentang 'hukum amanah'. Undang-undang pada 'hukum ikrar' pula ditentukan;

> "... pada menyatakan hukum ikrar itu dua perkara; suatu pada hak Allah S.W.T. seperti minum arak dan tuak dan zina; kedua pada hak manusia. Adapun hak Allah S.W.T itu dikabulkan, jikalau ia kembali daripada ikrarnya. Bermula pada hak manusia tiada harus dikabulkan, jikalau ia kembali daripada ikrarnya."[34]

Begitulah juga undang-undang Islam sebagai syarat sah seorang menjadi saksi;

> "... harus di atas empat martabat. Pertama, tahu ia akan halal dan haram, kedua tahu ia akan sunat dan fardu, ketiga tahu ia akan baik dan jahat".[35]

Dan syarat yang membolehkan seseorang itu menjadi saksi adalah;

> "... lima perkara. Pertama Islam, kedua baligh, ketiga akil, keempat adal ('adl), kelima hendaklah menjauhi daripada dosa yang besar dan dosa yang kecil".

---

[33]Fasal 12:3 *Undang-undang Melaka* menyebut, "Adapun akan hukum orang yang menuduh orang zina itu, pada hukum Allah didera delapan puluh kali deranya. Jikalau pada Hukum Kanun didenda sepuluh tahil. Jikalau yang menuduh itu abdi didenda dua tahil sepaha atau setengah harganya. Jikalau ada sungguh tuduhannya itu suatu pun tiada lagi hukumannya atas yang menuduh itu. Demikianlah menuduh anak hamba zina itu setengah harga juga adanya".

[34]Lihat Fasal 35, *Undang-undang Melaka*.

[35]*Ibid*, Fasal 37:1 dan 37:2.

Perkara yang paling menarik ialah struktur dan sebahagian daripada kandungan *Hukum Kanun Melaka* itu sendiri. Ada hukum dan undang-undang fiqah Islam yang diserap dan diperundangkan terus dalam undang-undang negerinya, seolah-olah teks tersebut menjadi sumber rujukan hukum-hakam Islam pula. Umpamanya tentang hukum ibadat sembahyang, dituliskan pada Fasal 36:2;

> "Bermula orang yang sembahyang itu atas dua perkara, meninggalkan dan tiada iktikadnya pada fardu sembahyang. Dalam iktikadnya bahawa sembahyang fardu itu disuruh ia sembahyang. Jika tiada ia sembahyang oleh kesakitan, tiada ia mungkar, disuruh taubat murtad tiga kali. Jikalau sembahyang, baik jalan itu".

Begitu berkesan dan berpengaruh sekali hukum Islam terhadap *Hukum Kanun Melaka* sehingga terdapat bentuk ekspresinya dipetik terus daripada ayat al-Quran, contohnya pada Fasal 43:2 yang berbunyi;

> "Bismi'l Lahi al-Rahman al-Rahim. Qala' ILahu Ta'ala: Ati'u Allaha wa ati'u ur-rasula wa uli'l amri minkum ..."

Dan di sana sini diambil terus hadis Nabi S.A.W. yang antara lain pada fasal yang sama menyebut;

> "... sebab sabda Nabi salla'i Lahu 'alai wa sallam: kulluhum rain wa kulluhum mas'ulun 'an ra'iyatihi ..."

Begitulah juga suatu ekspresi dalam bahasa Melayu pada ayat yang berbunyi "Bermula sama dihukumnya ikrar pada hal sihat dan sakit". Setelah dikaji ayat ini, nyatalah ia merupakan terjemahan terus daripada sepotong ayat Arab yang mengatakan bahawa, "wa huwa fi hali al-sihati wa al-marad suwan."[36] Beberapa ayat bersabit dengan beberapa peruntukan hukum juga digunakan terus dalam bahasa Arab, umpamanya pada Fasal 14:1,

> "Wa'lLāhu khalaqakum wa mā ta'malūn. ILāhi bi barakati Jibrā'īl wa Mikā'īl Isrāfīl wa 'Izrā'īl".

Fasal 25:2 pula menyatakan;

> "Qabiltu tazwījahā".

serta pada Fasal 38:1 yang menyatakan;

> "Albayyinatū 'alā'l-mudda'ī wa alyamīnu 'alā man ankar".

---

[36]Liaw Yock Fang (ed), *op. cit.*, hlm 188 dan teks pada Fasal 35.

Sewajarnyalah sumber daripada al-Quran dan Hadis ini diserap serta digunakan sebagai panduan dan untuk kekuatan rohaniah. Sumber ini boleh dijadikan sebagai tunjang pada peraturan, adat dan undang-undang tempatan supaya selaras dengan aspirasi dan tanggungjawab raja, pembesar dan rakyat Melayu yang telah pun beragama Islam. *Hukum Kanun Melaka* sendiri telah menentukan hal ini,

> "... [ayat al-Quran] bermula pada segala menteri dan sida-sida dan bala tentera sekalian itu, hendaklah seperti firman Allah dan al-Quran itu hendaklah diturut amr bi al-ma'ruf wa nahyu 'an al-munkar.
>
> Inilah yang dikerjakan oleh segala menteri dan segala yang memegang pekerjaan itu. Hendaklah kami dari pagi-pagi hari duduk di balai, sebab segala hamba Allah banyak diserahkannya pada segala raja-raja dan menterinya sebab sabda Nabi S.A.W. [hadis] ...".

BEBERAPA KELAINAN

Walaupun undang-undang dan hukum Islam diambil terus daripada hukum syarak, namun terdapat juga beberapa kelainan atau 'penyimpangan' di sana sini apabila hukum-hukum ini dirakamkan secara tulisan dalam teks *Undang-undang Melaka*.

Antara hal yang amat jelas adalah berkenaan hukum hak pembatalan atas nikah atau *khiyyar*. Pada Fasal 27 *Hukum Kanun Melaka* ditegaskan bahawa hak *khiyyar* pada lelaki dan perempuan adalah disebabkan oleh lima faktor, iaitu aib, gila atau *judzam*, baras (penyakit sopak atau kedal), *rataq* (tumbuh daging yang aneh di faraj perempuan), aib sebab *qaran* (tumbuh tulang dalam rahim peranakan wanita) dan kembiri (lemah zakar pada lelaki). Dengan keaiban seperti ini menurut *Hukum Kanun Melaka* menyebabkan "... tiada sah nikahnya kahwin dengan orang demikian itu".[37]

Hal ini nampaknya berlainan dengan hukum Islam yang sebenarnya. Ahli tafsir Islam, Abu Sujak, menerangkan bahawa terdapat lima jenis penyakit yang mengaibkan sehingga dapat membatalkan perkahwinan, iaitu gila, sakit untut dan sakit kusta. Tiga penyakit ini biasa terdapat di kalangan lelaki dan wanita. Dalam hukum Islam ditunjukkan dua jenis penyakit sahaja yang dapat mengesahkan hukum tersebut, dan kedua-duanya dimiliki oleh wanita sahaja, iaitu *rataq* dan *qaran*; dua penyakit sahaja pada lelaki, iaitu *jabb* (kembiri) dan *unna* (mati pucuk).[38] Tetapi dalam *Hukum Kanun*

---

[37] *Ibid.*, Fasal 27.

[38] Untuk keterangan lanjut rujuk Abu Sujak, *al-Taqrib* (dalam lampiran Sachau), Stuttgard dan Berlin, 1897, Nos 13, hlm 3; juga lihat ibn Qassim al-Ghazzi, *Fath al-Qarib*, Leiden, 1895, hlm 146–166; rujuk juga Liaw Yock Fang (ed), *op. cit.*, hlm 184.

Melaka semua penyakit itu dikumpulkan sekaligus, ditujukan kepada lelaki dan wanita.

Hal yang sama terdapat pada Fasal 37:1 *Hukum Kanun Melaka* yang menerangkan syarat sah menjadi saksi;

> "Saksi tiada dikabulkan melainkan berhimpun pada saksi itu lima perkara. Pertama Islam, kedua baligh, ketiga akil, keempat adil, kelima hendaklah menjauhi daripada dosa yang besar dan kecil, dan baik kelakuannya dan jangan ia penggusar dan memeliharakan lakunya dan namanya".

Lima syarat sah menjadi saksi yang terdapat dalam *Hukum Kanun Melaka* di atas nampaknya menyimpang daripada hukum Islam yang sahih. Ulama Abu Sujak menerangkan bahawa adil, jauh daripada dosa dan berkelakuan baik serta tidak gusar adalah syarat yang keempat yang sama sahaja ertinya. *Hukum Kanun Melaka* langsung tidak menyebut *huriyaa*, iaitu syarat kelima yang bermakna 'merdeka'.

Kekacauan dalam penerapan hukum seperti ini berlaku juga pada fasal tentang syarat seorang hakim yang tidak boleh membuat keputusan hukuman dalam lima suasana, iaitu cuaca dan iklim yang amat panas dan amat dingin, hakim sangat lapar dan sangat kekenyangan dan mengantuk.[39]

Berdasarkan hukum Islam yang sahih dan penganalisisan ahli fiqah, terdapat sekurang-kurangnya sepuluh keadaan yang seseorang hakim itu tidak digalakkan untuk mengadili dan menjatuhkan hukuman. Selain empat perkara yang telah dinyatakan dalam *Hukum Kanun Melaka*; terdapat enam perkara lain, iaitu dahaga, sakit, sedih, terlampau suka, memerlukan rehat dan juga beringinkan sesuatu adalah keadaan yang boleh menyebabkan seseorang hakim itu tidak digalakkan untuk mengadili dan menjatuhkan hukuman.[40] *Hukum Kanun Melaka* meninggalkan langsung enam perkara ini. Syarat terlampau kenyang dalam *Hukum Kanun Melaka* itu tidak tercatat dalam sebarang kitab tafsir hukum Islam. Oleh itu, nyatalah bahawa syarat ini dengan sengaja atau tidak, telah ditambah oleh penyusun undang-undang tersebut.

Begitu juga tentang jenayah bunuh-membunuh di kalangan orang Islam dan bukan Islam, dimasukkan juga orang Yahudi, Nasrani dan Majusi. Oleh itu, jelas bahawa hukum ini diambil terus daripada hukum Islam kerana kehadiran bangsa-bangsa seperti ini di Melaka diragukan. Penyimpangan

---

[39] *Undang-undang Melaka*, Fasal 38:4.
[40] Abu Sujak, *op. cit.*, No 5, hlm 21.

hukum ternyata apabila *Hukum Kanun Melaka* menyebut;

> "Bermula jikalau Yahudi membunuh Nasrani atau kafir Majusi sekalipun dibunuhnya itu, tiada setahu orang banyak, di dalam antara itu, maka tahu orang, jikalau ia menjadi Islam sekalipun dihukumkan ia seperti hukum Allah ...".[41]

Lihatlah bagaimana konsep dan perhukuman Islam itu ditekankan. Tetapi di sini kelainan telah berlaku. *Hukum Kanun Melaka* telah menyatukan dua hukum yang sewajarnya terpisah, iaitu pembunuhan di kalangan orang Yahudi dan Islam sekaligus. Sedangkan hukum Islam menyatakan bahawa;

> "Seseorang yang bukan Islam membunuh orang lain yang bukan Islam juga akan dihukum mengikut hukum qisas, tanpa mengira sama ada kedua-dua pihak ini Majusi ataupun Nasrani. Seorang kafir (yang tidak percaya kepada sebarang agama) membunuh orang lain yang sedarjat dengannya akan juga dibalas dengan hukum qisas, hatta sekalipun si pembunuh tadi kemudiannya memeluk Islam".

Demikianlah juga diperundangkan hal peribadi dan taraf seorang Islam dalam undang-undang negeri kerajaan Melaka diberikan kedudukan undang-undang yang lebih tinggi daripada kedudukan orang yang bukan Islam, sesuai dengan sifatnya sebagai sebuah kerajaan yang kuat mengamalkan perhukuman Islam. Undang-undang menentukan;

> "Bermula, tiada harus Islam dibunuh sebab membunuh kafir, dan tiada harus merdeheka dibunuh sebab membunuh abdi dan tiada harus bapa dibunuh sebab membunuh anaknya ...".[42]

Selain itu terdapat sekurang-kurangnya dua lagi kelainan antara undang-undang negeri yang dikatakan undang-undang Islam itu dengan hukum Islam yang sebenarnya. Pertama, bersabit dengan 'muamalat' berniaga antara barangan, Fasal 30 *Hukum Kanun Melaka* memperuntukkan;

> "... Dan tiada sah berniaga emas dengan emas dan perak dengan perak melainkan (dengan) suatu jenis lain iaitu emas dengan suatu jenis lain yakni perak tunai dan berniaga makanan janji tunai, maka sah".

Di sini pun, *Hukum Kanun Melaka* menyalurkan kedua-dua syarat perniagaan antara emas dengan perak, sedangkan dalam hukum Islam yang

---

[41] *Undang-undang Melaka*, Fasal 39.
[42] *Ibid*, Fasal 39.

sewajarnya memperuntukkan dua syarat yang terpisah itu, iaitu bahawa:

(a) tidaklah sah berniaga antara emas untuk emas dan perak untuk perak, melainkan berat kedua-duanya adalah sama dan transaksi tersebut berjalan dengan serta-merta.

(b) adalah berniaga emas ditukarkan dengan perak dengan timbangan yang berlainan dan dilakukan transaksi ini dengan serta-merta juga.[43]

Penyusunan dalam syarat dan peruntukan perniagaan tersebut dalam *Hukum Kanun Melaka* nampaknya dilakukan dengan sewenang-wenang-nya.

Bukti yang kedua dapat dikesan daripada Fasal 32:2 *Hukum Kanun Melaka* berhubung dengan hukum sah *Sulh* iaitu hukum sah atau tidaknya tatacara berniaga, dicampuradukkan syarat-syarat pengesahan tersebut tanpa mengikut lunas hukum Islam yang sewajarnya. Begitu juga pada Fasal 49:1 yang memperuntukkan tentang konsep atau pengertian *muhsan* dalam Islam. *Hukum Kanun Melaka* memberikan empat kriteria *muhsan*, iaitu Islam, baligh, berakal dan tidak gila. Kriteria yang ketiga dan keempat itu sebenarnya serupa sahaja. Tetapi menurut pendapat ahli fiqah Islam, undang-undang tidak semestinya memasukkan kriteria Islam itu, bahkan sewajarnya adalah merdeka.[44]

Adalah sukar untuk mencari sebab berlakunya kelainan dan penyim-pangan ini. Tidak mungkin hendak dibebankan kesalahan kepada penyusun atau penggubal undang-undang negeri ini kerana penyusun itu adalah tokoh dalam bidang perhukuman Islam yang mengguna dan berpeluang merujuk pada kitab-kitab yang berkaitan. Zaman yang patut disalahkan dalam hal ini kerana undang-undang ini digubal ketika masyarakat Melaka masih melalui zaman awal terhadap agama Islam. Atau sebagaimana nasib yang menimpa naskhah-naskhah Melayu lama, kerana hampir kesemuanya disalin dengan kesalahan (yang sengaja atau tidak) yang dilakukan oleh penyalin-penyalin naskhah undang-undang ini.

---

[43]Dalam bahasa Arabnya kedua-dua syarat ini berbunyi demikian,

"Walā yajūzu bai'i adh-dhahabi bi'-dhahab, walā'l-fiḍḍa kadhālika illā ma thalan naqdan".

dan

"Wa yajūzu bai'i adh-dhabab bi'-dhahab mutafadala naqdan".

Untuk keterangan lanjut lihat Ibn Qassim al-Ghazzi, *op. cit.*, hlm 314–316; Abu Sujak, *op. cit.*, No 4 dan 6, hlm. 12; Liaw Yock Fang (ed), *op. cit.*, 185.

[44]*Ibid.*

Walau bagaimanapun, peranan kadi[45] dalam sejarah perundangan Melaka amatlah penting. Hampir separuh daripada fasal-fasal yang diperuntukkan dalam *Hukum Kanun Melaka* adalah bercorak dan berasaskan perhukuman Islam. Ini membuktikan bahawa semasa kecemerlangan Kesultanan Melayu Melaka dahulu, undang-undang Islam telah diamalkan dengan luasnya di kalangan masyarakat tempatan dan jajahan takluk, dusun serta anak Sungai Melaka. Walaupun begitu tidak ada bukti yang jelas bahawa di Melaka pada masa itu telah wujud institusi syariah untuk mengendalikan halehwal agama Islam dan penganutnya seperti yang terdapat pada hari ini. Namun demikian, jelas bahawa raja atau sultan ialah penaung undang-undang tersebut. Tokoh yang memelihara undang-undang ini adalah kadi ataupun hakim. Pendapat mereka akan dirujuk apabila timbul sebarang pembicaraan dan masalah pengadilan, terutama terhadap undang-undang Islam di kalangan masyarakat tempatan itu.

Begitu bermakna dan berkesan sekali *Hukum Kanun Melaka* serta ciri-ciri dan perundangan Melayu-Islam yang termaktub di dalamnya sehinggakan banyak undang-undang negeri Melayu sebelum penghujung abad ke-19 terpengaruh dengannya. *Undang-undang Johor, Undang-undang Pahang, Undang-undang Kedah* dan *Hukum Kanun Datuk Setar* serta *Undang-undang 99 Perak* adalah secara langsung ataupun tidak langsung dimodelkan daripada *Hukum Kanun Melaka*, sama ada yang bercorak adat ataupun yang berbentuk Islam.

---

[45]Dalam teks Sejarah Melayu, antara nama kadi yang pernah disebut-sebut adalah Kadi Yusoff dan Kadi Munawwar. Sementara sumber-sumber Portugis menyebut jawatan agama ini sebagai Kadli, Kajee dan Cashises. Lihat Shellabear (ed), *op. cit., passim*; Armando Cortesao (ed), *op. cit.*, hlm 180–1; J.V. Mills, (ed), *op. cit.*, hlm 176; Muhammad Yusoff Hashim, "Masyarakat Melaka Zaman Kesultanan dan Sifat Kosmopolitannya" dalam P. Wheatley and K.S. Sandhu (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital, cir. 1400–1980*, Oxford Universiti Press, 1983, hlm 113–127.

11

Perdagangan dan Perkapalan Melayu Melaka

> "MAKA segala dagang atas angin dan bawah angin sekaliannya datang ke Melaka; terlalu ramai bandar Melaka pada zaman itu. Maka segala orang Arab dinamainya Malakat, ertinya perhimpunan segala dagang, kerana banyak jenis dagangan ada di sana .... Maka Hang Nadim perginya naik kapal Hang Isap, kerana pada masa itu orang Melaka ratalah berkapal belaka ...."
>
> (*Sejarah Melayu*, versi tahun 1612, edisi 1961, hlm 82, 220)

Kegiatan perdagangan bukanlah perkara baru bagi penduduk Melayu di Melaka. Kegiatan perdagangan merupakan warisan dan penerusan tradisi kegiatan ekonomi orang peribumi yang telah berjalan sejak dari zaman awal Kerajaan Melayu Langkasuka dan Sriwijaya, iaitu dari abad ke-7 hingga abad ke-13. Kerajaan-kerajaan kelautan yang terdapat di pesisir pantai Selat Melaka ini mempunyai kelebihan dan keistimewaan geografi dan perairan bagi memudahkan kedatangan para pedagang asing dari Timur dan Barat ke Nusantara.

Kemudahan-kemudahan dan keistimewaan ini termasuklah; pertama, kedudukan Selat Melaka sebagai kawasan lalulintas di antara Timur dengan Barat. Pada mulanya, Melaka seperti juga pelabuhan yang setaraf dengannya memainkan peranan sebagai pelabuhan *transit* bagi kapal-kapal yang berulang-alik melalui Selat Melaka; kedua, pengumpulan, penyaluran dan pertukaran barang-barang dagangan menerusi sistem entrepot; ketiga, terdapat dua jenis angin monsun yang menentukan panduan dan arah pergerakan kapal; dan keempat, kemudahan-kemudahan fizikal dan material yang disediakan di pelabuhan-pelabuhan entrepot oleh kerajaan-kerajaan Melayu tradisional tadi.

Oleh sebab kedudukan geografi yang begitu strategik serta amat bergantung pada perdagangan, kerajaan-kerajaan tersebut sensitif terhadap kedudukan dan segala perubahan kegiatan di laut yang dihadapinya. Perubahan kegiatan di laut sering menentukan perubahan dan perkembangan persejarahannya. Pengalaman ketidakstabilan dalam persejarahan ini pernah

dirasakan oleh kerajaan-kerajaan Melayu seperti Langkasuka, Sriwijaya (yang berpusat di Palembang dan Jambi), Perlak, Pasai, Samudera dan Aru, sebelum abad ke-15.[1] Dengan keadaan yang sedemikian, penglibatan langsung penduduk peribumi terhadap usaha perdagangan, sebagai reaksi terhadap kedatangan dan penglibatan para pedagang asing dari Timur dan Barat ke rantau ini memanglah dijangkakan. Ini diikuti pula dengan terdapatnya hasil keluaran tempatan (tanaman atau galian) yang diusahakan oleh penduduk peribumi sendiri.

Kerap dikatakan bahawa tradisi Melaka adalah penerusan atau warisan tradisi Sriwijaya.[2] Ini berlaku secara kebetulan. Parameswara, iaitu pemerintah Melaka yang pertama adalah daripada keturunan kerabat diraja Palembang. Beliau diusir dari keraton Palembang akibat desakan pengaruh Jawa di sana. Mungkin pengalaman politik dan proses ekonomi yang dialami oleh Parameswara semasa berada di Palembang dan Jambi telah membantu beliau untuk menyusun strategi memaju serta menjadikan Melaka sebagai sebuah 'emporium' Melayu pada abad ke-15.[3] Dengan kehadiran Orang Laut yang mengiringi Parameswara ketika berundur dari Singapura ke Melaka sebelum tahun 1400, telah dapat membantu untuk menjaga pertahanan dan perairan. Tenaga Orang Laut jugalah yang telah digunakan oleh pemerintah Sriwijaya sebelum ini untuk meningkatkan kegiatan ekonomi dan perdagangan mereka.[4]

---

[1]Rujuk O.W Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Kuala Lumpur, 1970; O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce. A Study of the Origin of Srivijaya*, Ithaca, 1967; Nilakanta Sastri, *History of Sri Vijaya*, Madras, 1949; Nilakanta Sastri, "Sri Vijaya", dalam *Bulletin de I 'Ecole Francaise d' Extreme Orient, XL*, 1940, hlm 239–313.

[2]O.W. Wolters, "Studying Śrivijaya", dalam *JMBRAS*, LXII, ii, 1944, hlm 1–32; Rouffaer, G.P., "Was Malacca an Emporium Called Malayur Before 1400 A.D.? And Where Wuraweri, Ma-Hasin, Langka, and Batusawar Located?", dalam *BKI*, LXXVII, 1921, hlm 1-174, 359–640; Francois Valentijn, *Oud en Nieuw Osst Indien*, Amsterdam 1724–1726, L.Y. Andaya, *The Kingdom of Johor, 1941 – 1728*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975, hlm 1 –9.

[3]Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", dalam *JMBRAS*, XLI, i, 1968, hlm 11–22; Wang Gungwu, "The Opening Relations between China and Malacca 1403–1405", dalam J. Bastin and R. Roolvink, (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Kuala Lumpur, 1970, hlm 147; P. Wheatley, "Desultry Remarks on the Ancient History of the Malay Peninsula", dalam J. Bastin and R. Roolvink, (eds), 1970.

[4]Ferrand, "Malay and Malayur", *Journal Asiatique*, Siri Ke-11, 1918, hlm 391–484; C.O. Blagden, "Notes on Malay History", dalam *JSBRAS*, Jil 153, 1909, hlm 139–162; C.O. Blagden, "Shahbandar and Bendahara", dalam *JRAS*, 1921, hlm 246 –248; O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce ...*; W. Linehan, "The Kings of the 14th Century Singapore", dalam *JMBRAS*, XX, ii. 1947, hlm 117 –127; L.Y. Andaya menamakan mereka sebagai: "The Aquatic People". Rujuk L.Y. Andaya, "Historical Links between Aquatic Populations and the Coastal Peoples on Political Fragmentations and Cultural Change", dalam Muhammad Abu Bakar et. al., (eds) *Historia*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1984, hlm 34–51.

SUMBER KAJIAN

Sumber untuk kajian tentang perdagangan dan perkapalan orang peribumi di Melaka bukanlah suatu perkara yang mudah untuk diperoleh. Keterangan dan data sejarah yang tepat tentang kegiatan perdagangan di kalangan anggota masyarakat ini sukar untuk diberikan. Apabila sumber peribumi *Sejarah Melayu* menyebut bahawa, "orang Melaka ratalah berkapal belaka ...", sukar juga untuk kita menentukan 'orang Melaka' ini. Adakah 'orang Melaka' ini terdiri daripada orang peribumi dan penduduk tempatan? Atau adakah orang asing sama ada yang telah menetap di Melaka ataupun yang hanya berdagang dengan Melaka?

Walau bagaimanapun, kemunculan Melaka sebagai 'emporium' dan pusat perdagangan antarabangsa pada abad ke-15 dan abad ke-16 di rantau ini, harus dilihat daripada bentuk penghuni dan perspektif kegiatan perdagangan. Kita harus sedar bahawa Melaka sebenarnya menjadi waris kepada tradisi sejarah dan lanjutan Sriwijaya di pinggir Selat Melaka pada abad sebelum tahun 1400. Pengalaman sejarah yang berkaitan dengan kegiatan laut ini bukanlah satu perkara baru bagi penduduk peribumi di Melaka.

Segala kemudahan untuk pedagang asing telah disediakan oleh pentadbir Melaka. Pengalaman sejarah dan ekonomi yang mereka peroleh hasil daripada hubungan erat dengan Palembang dan Jambi mungkin telah memberi contoh dan panduan kepada mereka dalam hal ini.

Pertemuan dan perhubungan antara dua masyarakat ini telah menyebabkan penduduk peribumi terdedah kepada perubahan dalam proses ekonomi secara besar-besaran. Anggapan bahawa mereka amat pasif, memencilkan diri dan enggan melibatkan diri dalam segala perubahan semasa, tentulah sukar untuk diterima. Oleh sebab terdapat ramai pedagang asing yang terus menetap di Melaka, asas anggota masyarakatnya telah terbahagi kepada tiga jenis. Pertama, penduduk peribumi; kedua, kalangan pedagang asing yang menetap di Melaka; dan yang ketiga, para pedagang dan senteri yang kerap datang ke Melaka.[5] Akibatnya terjadilah kegiatan perdagangan antara penduduk peribumi dengan pedagang asing yang menetap di Melaka.

---

[5]Di kalangan para penduduk Jawa contohnya, terdapat golongan Priayi, iaitu golongan yang berpangkat tinggi dalam birokrasi Jawa tradisional yang datang ke Melaka bersama-sama dengan seorang Pangeran dari Surabaya, iaitu Patih Adam, apabila *Sejarah Melayu* menggambarkan naratif secara anekdot darihal Patih Adam dengan Tun Manda, anak angkat Seri Nara Diraja. Rujuk W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu*, Malayan Publishing House, Singapura, 1961, hlm 212–215; Muhammad Yusoff Hashim, "Masyarakat Melaka Zaman Kesultanan dan Sifat Kosmopolitannya", dalam K.S. Sandhu and P. Wheatley, (eds), Melaka: *The Transformation of A Malay Capital cir. 1400–1980*, Oxford, Kuala Lumpur, 1983, hlm 113–128.

Kegiatan yang dijalankan oleh para pedagang dan senteri di peringkat tempatan dan antarabangsa itu pula, telah melahirkan masyarakat bercorak kosmopolitan.

Dalam proses transformasi kemasyarakatan, iaitu daripada hanya menjadi nelayan dan pelaut kepada masyarakat pedagang peribumi, maka seorang penulis mengatakan bahawa;

> "The original Malay population which consisted largely of fisherman, had become mixed with a great many foreign elements .... besides the seamen, there were the actual traders, merchants in a large way of business who had undertaken the journey with considerable capital or valuable cargo ...."

Dengan perubahan sejarah, diikuti oleh faktor kepicikan kegiatan pertanian yang dijalankan oleh penduduk peribumi di Melaka, maka, kegiatan pertanian tidak mungkin dapat dilakukan secara besar-besaran.[6] Ini ditambah pula apabila pencatat Cina, Ma Huan melaporkan bahawa iklim dan keadaan tanah di Melaka tidak sesuai untuk kegiatan pertanian. Oleh itu, pilihan yang terbaik ialah menjalankan kegiatan perdagangan.

Selain menyebut beberapa jawatan penting yang berkait dengan kegiatan perdagangan seperti Syahbandar dan Penghulu Bendahari, di samping mendakwa secara imbasan, "Adapun zaman itu negeri Melaka terlalu sekali ramainya, segala dagang pun berkampung ...", sedikit sahaja data dan keterangan sejarah tentang sistem dan struktur kegiatan perdagangan dan ekonomi Melaka yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*.[7]

Pada awal abad ke-16, pencatat Portugis yang tidak asing lagi, iaitu Tome Pires pernah mengatakan bahawa pada setiap tahun terdapat sekurang-kurangnya 100 buah kapal yang besar dan kira-kira 30 hingga 40 buah kapal-kapal kecil datang ke pelabuhan Melaka. Menurut Tome Pires lagi, pelabuhan Melaka begitu besar sehingga boleh menampung hampir dua ribu buah kapal yang berbagai-bagai saiz untuk sesuatu masa.[8]

---

[6]Kegiatan pertanian secara kecil-kecilan oleh penduduk peribumi hanya diusahakan di sekitar pinggiran bandar di kawasan pedalaman, seperti yang dikatakan oleh Ma Huan. Rujuk W.W. Rockhill, "Notes on the Relations and Trade of China with the Eastern Archipelago and the T'oung Pao: Archives of the Study of History, Philology, Geography and Ethnology of Eastern Asia", Bahagian I, 1915, hlm 61–159; Lihat juga W.P. Groeneveldt, "Notes on the Malay Archipelago and Malacca compiled from Chinese Sources", dalam *VBG*, XXXIX, 1880, hlm 1–144; J.V.G. Mills (ed dan tsd), Ma Huan, *Ying Yai Sheng-lan; The Overall Survey of the Ocean's Shores*, London, 1970.

[7]W.G. Shellabear (ed), *Sejarah Melayu*, 1961, hlm 247.

[8]Armando Cortesao, (ed dan tsd.), *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil II, Hakluyt Society, London, 1944, hlm 254–255.

Dalam keadaan yang demikian adalah mustahil tidak wujudnya suatu sistem dan struktur tertentu bagi mengawasi dan menentukan proses serta sistem perdagangan (sistem penerimaan kapal yang masuk untuk berlabuh, sistem cukai, tatacara dan urusan jual beli. Para pegawai yang mengawas dan mengendalikan sistem tersebut terdiri daripada kalangan tokoh peribumi).

Sistem ini sebenarnya terdapat dalam dua buah teks undang-undang tradisional di Melaka, iaitu *Undang-undang Melaka (Hukum Kanun Melaka)* dan *Undang-undang Laut Melaka*.[9] Kita mungkin ragu-ragu sama ada peruntukan yang tertera dalam dua buah teks tradisional itu diamal dan digunakan. Ahli sejarah juga mungkin mempunyai persoalan yang sama. Soalnya, apakah sistem dan undang-undang sedemikian tidak diikuti sepanjang kewujudan Melaka itu?

Dalam hal ini, sumber dari negeri China juga menyebut tentang kegiatan perdagangannya di seberang laut, juga kurang membantu untuk menyelesaikan masalah ini.[10] Sumber ini hanya menggambarkan secara umum tentang ciri-ciri petempatan awal Melaka dan sistem pemerintahan primitif penduduk peribumi.

Kita harus merujuk pada laporan Tome Pires dalam bukunya, *The Suma Oriental*, tentang masyarakat dan kegiatan perdagangan orang peribumi yang disaksikan oleh beliau sendiri pada awal abad ke-16. Walau bagaimanapun, besar kemungkinan objek dan sistem perdagangan Melaka pada masa itu tentulah lanjutan daripada tradisi dan sistem perdagangan orang peribumi yang berjalan hampir seabad sebelumnya.[11]

Laporan Tome Pires mungkin merupakan sumber terbaik, walaupun laporan tersebut bukan tulisan ilmiah yang unggul. Namun, keterangan yang diberikan oleh Tome Pires itu amat baik. Walaupun keterangan tentang kegiatan perdagangan Melaka yang disaksi dan diketahui oleh beliau itu tidak begitu jelas, namun sekurang-kurangnya laporan itu dapat menjadi sumber luar yang menyokong dan memperjelaskan lagi fahaman kita. Selama ini keterangan yang diberikan oleh dua buah teks undang-undang peribumi tadi telah menyulitkan lagi pemahaman para pengkajinya.

Selain sumber daripada laporan Tome Pires, terdapat juga laporan daripada sumber luar yang menggunakan bahasa yang sama, iaitu tulisan Alfonso

---

[9]Dua buah teks hasil 'dokumentasi sosial' ini telah diselenggarakan oleh Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Melaka* (The Law of Malacca), *Bibliotheca Indonesica, 13* The Hague 1976; R.O. Winstedt and Josselin de Jong, (ed), "The Maritime Laws of Malacca", dalam *JMBRAS*, Jil XXIX, iii. 1956, hlm 22–49.

[10]W.W. Rockhill, *VBG*; W.P. Groeneveldt, T'oung Pao.

[11]J. Wilkinson, "The Malacca Sultanate", dalam *JMBRAS*, Jil XIII, ii, 1935, hlm 22–69; R.J. Wilkinson, "The Fall of Malacca", dalam *JMBRAS*, Jil XIII, ii, 1935, hlm 68–69.

de Albuquerque dalam buku yang diselenggarakan oleh anaknya Braz de Albuquerque yang bertajuk *The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque Second Viceroy of India.*[12] Naratif Albuquerque ini nampaknya tidak begitu jelas berbanding dengan naratif Tome Pires. Keterangan Albuquerque terhadap seluruh sistem masyarakat dan kegiatan ekonomi orang peribumi di Melaka yang agak beremosi telah menyebabkan sumber ini menjadi agak lemah berbanding dengan sumber yang ditulis oleh Tome Pires.[13]

Terdapat sekurang-kurangnya tiga sumber Portugis lain yang menerangkan secara tidak langsung tentang kegiatan perdagangan orang peribumi di Melaka, iaitu *The Book of Duarte Barbosa, An Account of the Countries Bordering on the Indian Ocean and their Inhibitants, A.D. 151813,* (diterjemahkan), *Declaracam de Malacca, 1618* dan *Description of Malacca and Meridional India and Cathay* (diterjemahkan) oleh M.G. de Eridia.[14]

Malangnya, ketiga-tiga buah sumber asing ini telah ditulis selepas beberapa lama Portugis menakluki Melaka, iaitu apabila kegiatan perkapalan dan perdagangan Melayu secara besar-besaran telah berpindah ke Johor, Acheh, Brunei dan pelabuhan-pelabuhan Jawa Utara. Sisa-sisa kegiatan ekonomi orang peribumi di Melaka itulah yang digambarkan oleh Barbosa dan de Eridia. Gambaran yang diberikan oleh kedua-dua penulis ini agak negatif apabila mereka mengatakan bahawa teknologi perkapalan orang peribumi amat rendah kerana menggunakan kapal-kapal yang kecil. Oleh itu, kegiatan perdagangan orang peribumi juga disebut sebagai kecil-kecilan sahaja.

Kegiatan ekonomi yang digambarkan oleh Barbosa dan de Eredia yang tidak berlandaskan faktor masa dan ruang ini, dengan sendirinya menjadikan teks undang-undang peribumi di Melaka yang menyebut tentang sistem perdagangan, tatacara, urusan dan urusniaga sebagai sumber rujukan yang kukuh. Begitu juga dengan laporan Tome Pires tentang hal yang sama.

---

[12]Walter de Gray Birch, (tsd), "The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque, Second Viceroy of India", dalam *Works Issued* by The Hakluyt Society, Jil LV, LXII, XLIX London, 1875–1884.

[13]Mansel L. Dames, (tsd), "The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque, Second Viceroy of India", dalam *Works Issued* by The Hakluyt Society, Jil XLIX, London, 1919.

[14]L. Janssen, (tsd), *Manuel Godinho de Eridia, Declaracam de Malacca,* 1618, Brussels, 1882; J.V. Mills, (tsd and notes), "Description of Malacca, and Meridional India and Cathay", dalam *JMBRAS,* Jil VIII, i. 1930, hlm 1–287; J.V. Mills, (tsd) "Manuel Godinho de Eridia, Report on the Golden Chersoness", dalam *JMBRAS,* Jil VIII, i, 1930, hlm 227–255.

KEGIATAN PERDAGANGAN PADA AWAL ABAD KE-15

Laporan semasa dari negeri China yang ditulis oleh pengembara bernama Ma Huan dan Fei Hsin tentang institusi pentadbiran orang peribumi dan kegiatan perdagangan di Melaka pada awal abad ke-15, telah membantu kita untuk memahami kedudukan dan kegiatan ekonomi orang peribumi. Ma Huan dan Fei Hsin telah menyanjung kebijaksanaan dan pemerintahan raja-raja Melaka yang awal. Penulis yang terkemudian seperti Gibson-Hill mengakui kebenaran laporan ini. Gibson-Hill membuat andaian bahawa raja-raja Melaka yang awal itulah yang bertanggungjawab mewujudkan suasana perdagangan di Melaka sehingga menjadi sebuah 'emporium' Melayu yang agung untuk tahap-tahap seterusnya bagi memenuhi ruang masa sepanjang abad ke-15 dan awal abad ke-16.

Wang Gungwu telah merujuk hal ini pada kepintaran Parameswara yang menyedari hakikat dan tuntutan tradisi bahawa Melaka adalah waris Sriwijaya. Sriwijaya ialah kuasa kelautan Melayu yang kuat dan telah meraih segala keuntungan hasil daripada kegiatan perdagangan dan perkapalan di Selat Melaka sepanjang beberapa abad sebelum kemunculan Melaka.[15] Gibson-Hill membuat kesimpulan bahawa perubahan dan perkembangan Melaka daripada hanya perkampungan nelayan yang kecil telah menjadi pusat perdagangan antarabangsa adalah dengan 'dirancang'. Ini semua adalah berkat pengetahuan dan pengalaman raja-raja awal Melaka tentang kegiatan sosioekonomi Sriwijaya dahulu dan bukan secara kebetulan.[16]

Kenyataan yang demikian tentunya selari dengan laporan Ma Huan dan Fei Hsin. Ma Huan dan Fei Hsin telah menyebut bahawa perancangan ekonomi mesti terlebih dahulu dilengkapkan dengan perancangan pemerintahan dan pentadbiran yang tersusun. Idea tentang pemerintahan dan pentadbiran mungkin diperoleh daripada pembesar-pembesar berpengalaman yang sama-sama memperjudikan nasib dengan Parameswara ketika berundur dari Singapura dan Palembang. *Undang-undang Melaka* menyebut bahawa, "... padahal memerintahkan segala adat yang tersebut ini, terhimpun pada segala menteri."[17] Dalam masyarakat Melayu tradisi, adat atau istiadat juga meliputi sistem dan kaedah memerintah, undang-undang serta norma hidup

---

[15]Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca".

[16]Gibson-Hill berpendapat bahawa walaupun para Sultan Melaka tidak memainkan peranan yang penting secara langsung untuk kemajuan perdagangan Melaka, namun merekalah yang dikatakan oleh Gibson-Hill sebagai orang yang bertanggungjawab mewujudkan suasana untuk menggalakkan para pedagang bertumpu di Melaka dengan menyediakan berbagai-bagai kemudahan. Lihat C.A. Gibson-Hill, "Johor Lama and Other Ancient Sites on the Johor River", dalam *JMBRAS*, Jil XXVIII, ii, 1955, hlm 127–197.

[17]Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Melaka*, hlm 64.

bermasyarakat. Hal ini juga mungkin meliputi sistem dan kaedah berniaga serta berdagang.

Ini disebabkan laporan awal dari negeri China tadi ada mengatakan bahawa peruntukan dan peraturan khusus telah disediakan oleh pemerintah atau pentadbir peribumi untuk menggalakkan para pedagang asing datang ke Melaka. Menerusi tindakan politik, pemerintah peribumi menakluk kawasan asing yang strategik dan mempunyai potensi ekonomi yang baik di sekitar Selat Melaka. Tome Pires pula mendakwa dengan perkahwinan Sultan Iskandar Syah dengan puteri Pasai yang beragama Islam telah menyebabkan semakin ramai saudagar Islam dari pelabuhan Pasai datang ke Melaka. Ini telah menyebabkan perdagangan Melaka di Selat Melaka mencapai keuntungan.

Apabila Sultan Iskandar Syah menyedari hakikat ini, baginda telah menyediakan kemudahan dan layanan yang istimewa terhadap para pedagang, seperti yang dikatakan oleh Tome Pires;

> "... and some rich Moorish merchants moved from Pasai to Malacca, Parsees, as well as Bengalees and Arabian Moors, for at that time there were a large number of merchants belonging to these three nations, and they were very rich with large business and fortunes."[18]

Akibat peralihan tumpuan pusat perdagangan ini, Tome Pires berkata lagi;

> Trade began to grow greatly-chiefly because they said Moors were rich and Xageum Darxa, King of Malacca, derived great profit and satisfaction from it, and he gave them jurisdiction over themselves ... and obtained whatever they wanted."[19]

Rancangan perdagangan yang sempurna dan teratur sejak dari tahap-tahap awal abad ke-15 dapat dilihat daripada keterangan Ma Huan dan Fei Hsin. Ma Huan dan Fei Hsin menyebut bahawa para saudagar China telah mendapati bahawa Melaka telah membina gedung yang dikelilingi oleh pagar kayu dan mempunyai pintu-pintu yang berkunci. Gedung ini dikawal oleh penjaga yang bersedia untuk membunyikan loceng sekiranya terjadi sesuatu kekecohan dan kecemasan.

Eksport Melaka pada masa itu ialah bijih timah yang telah dicair dan dijadikan kepingan jongkong.[20] Selain bijih timah yang diperoleh secara melombong di kawasan pedalaman, Melaka juga mengumpulkan bijih timah

---

[18]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 240.

[19]*Ibid.*, hlm 241.

[20]R.O. Winstedt, "History of Malaya", dalam *JMBRAS*, Jil XIII, i, 1935, hlm 42; W.W. Rockhill, "Notes on the Relations ...", T'oung Pao, Jil XVI, 1915, hlm 117.

dari kawasan yang menjadi jajahan takluk seperti Kelang, Selangor, Bernam, Manjung, Beruas dan Kedah.

Penguasaan atau penaklukan kawasan lain juga mempunyai matlamat asas, iaitu perdagangan dan ekonomi. Penguasaan terhadap Siak bermakna Melaka boleh mengawal pengeluaran emasnya untuk dibawa ke Melaka bagi tujuan tukaran bahan perdagangan dengan saudagar asing. Penaklukan terhadap Kampar pula penting untuk mengawal eksport lada dan emas yang dikeluarkan oleh daerah-daerah pedalaman Minangkabau. Kedua-dua bahan ini juga dikeluarkan oleh Rokan, Tungkal dan Inderagiri, selain pengeluaran ikan. Penguasaan terhadap ketiga-tiga daerah ini sama pentingnya dengan penguasaan terhadap Siak dan Kampar, selain daerah Purinam dan Arkat, seperti yang dikatakan oleh Tome Pires.[21]

Penguasaan Melaka terhadap Gugusan Riau-Lingga pula mempunyai matlamat perdagangan secara tidak langsung, iaitu supaya bahan-bahan keluarannya dapat dieksportkan ke Melaka. Gugusan Riau-Lingga juga dapat membekalkan Orang Laut sebagai pendayung kapal perang tentera laut Melaka untuk tujuan penaklukan. Orang Laut juga dapat membantu menentang lanun di Selat Melaka kerana lanun boleh menjejaskan keselamatan di perairan dan keselamatan para pedagang. Oleh itu, kawalan keselamatan menjadi perkara yang utama bagi Melaka untuk menjamin kegiatan perdagangan dan kedatangan pedagang asing.



LANCAR MELAYU

[21]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 273.

Kawasan-kawasan lain yang tidak menjadi jajahan takluk di pantai barat dan timur Sumatera adakalanya mempunyai hubungan perdagangan dengan Melaka. Bahan-bahan eksport dari kawasan ini dihantar ke Melaka melalui pelabuhan yang menjadi jajahan takluk atau sahabat. Pedir contohnya, menghantar lada dan beras menerusi Pasai ke Melaka. Bengkalis membekalkan ikan kering dan ikan terubuk. Jambi dan Palembang menyediakan bahan-bahan makanan lain seperti beras, halia, bawang, daging, arak, madu lebah, sedikit besi dan emas. Kapur barus dari Acheh dibawa ke Melaka oleh saudagar perantaraan (orang tengah).

Palembang juga membekalkan hamba untuk didagangkan di Melaka. Semua bahan ini ditukarkan dengan kain-kain belacu yang dibawa dari Gujerat dan Kalingga.

HUBUNGAN PERDAGANGAN PADA ABAD KE-15 DAN AWAL ABAD KE-16

Sebagai sebuah pelabuhan entrepot, kekuatan perdagangan Melaka bergantung pada pedagang-pedagang asing. Sumber yang paling menarik tentang hal ini ialah *The Suma Oriental*, di samping sedikit laporan Barbosa. Bukti yang menunjukkan Melaka menjadi pusat tumpuan perdagangan asing dapat dilihat daripada tiga aliran lalulintas laut.

Di bahagian timur, hubungan perdagangan dengan negeri China begitu rapat. Hal ini mendapat tindak balas yang besar daripada kerajaan Ming sehingga mereka mengubah dasar perdagangan dengan menghapuskan dasar tutup pintu. Melaka menjadi tumpuan para pedagang China untuk memasarkan barang-barang dari negeri China ke Eropah. Seorang pelapor Portugis, Ruy Araujo menganggarkan saban tahun, antara lapan hingga sepuluh buah jong China datang ke Melaka dengan membawa barang-barang seperti bahan-bahan wangian, permata, sutera, satin, belerang, besi, alat masak-memasak, tembikar mewah dan peluru. Di Melaka, barangan utama yang ditukar untuk dibawa balik ke negeri China ialah lada, gaharu, candu, rempah dan bahan-bahan hutan dari Nusantara. Permintaan yang tinggi terhadap lada dari negeri China menguntungkan Melaka, kerana Melaka bertindak sebagai orang tengah yang mengimport bahan ini dari Patani, Pasai dan Pedir. Tome Pires melaporkan, satu *quintal* (bersamaan 100 paun) lada yang dibeli dengan 4 *cruzados**, di Melaka, dijual dengan harga 15 atau 16 *cruzados* di negeri China.[22]

*Sejenis mata wang

[22] *Ibid.*, hlm 274.

Selain dari China, terdapat juga saudagar dari Kepulauan Liu Kiu. Tome Pires menyebut mereka sebagai 'Gores', yang kemudian ditafsirkan oleh Boxer sebagai Jepun.[23] Barangan yang mereka bawa dari Jepun ialah seperti kain, sutera, tembikar, pedang, habuk emas dan perak, kipas, kertas dan sedikit makanan seperti bawang, sawi kering dan beras. Di Melaka, bahan ini ditukar dengan rempah, arak dan kain yang didapati dari Benggala.

Di Melaka, pedagang dari negeri China dan Kepulauan Liu Kiu ini dikenakan cukai yang tinggi. Tetapi keuntungan perdagangan yang didapati di negeri China sendiri tidak menghalang mereka daripada membayar cukai yang tinggi di Melaka. Tome Pires juga menyebut, terdapat kapal-kapal besar orang Melaka sendiri yang pergi ke negeri China dengan membawa bahan-bahan yang diperlukan.[24] Sukar untuk ditentukan sama ada mereka ini adalah pedagang Melayu atau bukan Melayu yang datang dari Melaka.

Dari bahagian barat, kalangan saudagar yang penting yang datang ke Melaka ialah saudagar dari Koromandel. Tome Pires dan Ruy de Brito menganggarkan terdapat antara empat hingga lima buah kapal besar datang ke Melaka setiap tahun dengan nilai dagangan antara 12 ribu hingga 15 ribu *cruzados*.[25] Mereka bertumpu di Melaka dari bulan Oktober hingga bulan Januari. Barangan yang dibawa dari Koromandel ditukar ataupun digunakan untuk membeli gaharu, permata, lada, cengkih, kayu manis dan buah pala. Saudagar-saudagar dari Kalingga pula membeli perak, emas, bijih dan sutera mentah yang dibawa dari negeri China.

Para saudagar dari pelabuhan Benggala yang terdiri daripada pedagang Arab dan Parsi, Turki dan Absinia membentuk sebuah syarikat untuk datang ke Melaka. Dengan empat hingga lima buah kapal besar setiap tahun, dan nilai dagangan antara lapan puluh hingga sembilan puluh ribu *cruzados*, mereka membawa barang-barang seperti bahan-bahan makanan, beras, gula, daging kering, berbagai-bagai jenis buah-buahan, kain India dan sayur-sayuran kering. Bahan-bahan ini kemudiannya ditukar dan digunakan di Melaka untuk membeli lada, jagung, cengkih, sutera dari negeri China, tembikar dari Jepun, senjata dari Jawa, tembaga, bijih, kapur barus, gaharu dan berbagai-bagai bahan dagangan mentah dari Nusantara.[26]

---

[23] *Ibid.*, hlm 276–277; C.R. Boxer, *Fidalgos in the Far East, 1550–1770, Facts and Fancy in the History of Macao*, The Hague, 1845, hlm 1.

[24] Armando Cortesao (ed), *The Suma Oriental*, hlm 273.

[25] *Ibid.*, hlm 271–272; Lihat juga Ruy de Brito, *Alguns Documentos*, Lisbon 1892, hlm 347.

[26] *Ibid.*, hlm 271; Mansel L. Dames, (ed dan tsd), "The Book of Duarte Barbosa ...", *Works*, hlm 139, 142, 145.

Sebaliknya, saudagar Melayu turut berdagang ke India. Dalam *Sejarah Melayu*, terdapat hal ini;

> "Hatta maka Sultan Mahmud, raja Melaka, hendak menyuruh ke benua Keling membeli kain serasah empat puluh bagai .... Maka Hang Nadim dititahkan baginda ke benua Keling, membeli kain itu .... Maka Hang Nadim pergilah naik kapal Hang Isap .... Maka belayarlah ia ke Keling .... Adapun Hang Isap itu ada berniaga dengan seorang Sayyid, hamba Allah."[27]

Barbosa juga mengatakan terdapat kapal dari Melaka yang pergi ke Ceylon untuk membeli gajah dan permata.[28]

Di kalangan para saudagar dari bahagian barat, saudagar Gujeratlah yang penting. Para saudagar dari Pelabuhan Diu, Randir, Surat dan Daman menjadi perantara untuk memperdagangkan barang-barang dari pelabuhan Arab seperti Iskandariah, Mekah, Ormuz, Aden dan Jeddah. Sebaliknya, pelabuhan ini pula menjadi perantara untuk memperdagangkan bahan-bahan dari Eropah ke Melaka seperti logam, senjata, cermin, manik, paku, kain berbulu dan arak. Mereka kemudian membeli berbagai-bagai jenis rempah, jagung dan emas dari Nusantara yang terdapat di Melaka selain membawa balik barangan dari Timur Jauh seperti tembikar, wangi-wangian, sutera dan belerang untuk diperdagangkan ke India, ke pelabuhan-pelabuhan Arab dan seterusnya ke Eropah. Dalam konteks ini, 'nadi' perdagangan Eropah yang bermula dari pelabuhan Venice amat bergantung pada kepentingan Melaka, seperti yang didakwa oleh Tome Pires;

> "Whoever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice."[29]

Cambay, iaitu salah sebuah pelabuhan perdagangan Gujerat, dan Melaka saling memerlukan. Cambay tidak mungkin dapat meneruskan kegiatan tanpa Melaka, dan begitulah sebaliknya, seperti yang dicatatkan oleh Tome Pires;

> "Malacca cannot live without Cambay, nor Cambay without Malacca, if they are to be rich and prosperous.... if Cambay were cut off from trading with Malacca, it could not live, for it would have no outlet for its merchandise."[30]

---

[27]W.G. Shellabear, (ed), *op, cit.*, hlm 219–221.

[28]Mansel L. Dames, (ed dan tsd), *op. cit.*, hlm 117.

[29]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 287.

[30]Dalam hal ini Tome Pires juga menulis, "Cambay chiefly stretches out two arms, with her right arm she reaches out towards Aden and with the other towards Malacca as the most important places to sail to and the other places are held to be less important."

Dianggarkan bahawa sekurang-kurangnya empat buah kapal dari Gujerat datang ke Melaka pada tiap-tiap tahun di sepanjang bulan Mac dengan membawa barang dagangan yang bernilai antara lima belas hingga tiga puluh ribu *cruzados* bagi sebuah kapal. Ini belum termasuk sebuah kapal besar dari Cambay yang membawa barang dagangan yang bernilai antara tujuh ribu hingga lapan puluh ribu *cruzados*.[31]

Kegiatan perdagangan antara Melaka dengan Pegu (Burma) pula amat penting dari dua segi, iaitu pertama, membekalkan barangan mewah seperti nilam dan berlian, perak, wangi-wangian, makanan mentah seperti beras dan gula, garam, minyak, bawang dan halia. Kedua, Pegu dapat membekalkan kapal-kapal untuk dijual di Melaka. Pegu amat terkenal di Timur dengan perusahaan membina kapal. Sering terjadi apabila bahan dagangan habis diniagakan, kapal pun akan dijual kepada saudagar-saudagar Melaka. Tome Pires menganggarkan sepanjang bulan Februari dan Mac setiap tahun terdapat antara dua puluh hingga tiga puluh buah kapal kecil datang ke Melaka. Sama ada menerusi tukaran dagangan ataupun proses belian, bahan-bahan yang dibawa balik ke Pegu ialah berbagai-bagai jenis dagangan dari China, permata, tembaga, pelbagai jenis rempah, emas dan bijih. Dalam perjalanan balik, mereka membeli lada di Pasai atau Pedir dengan banyaknya. Ramai juga saudagar dari Melaka sendiri yang dikatakan pergi ke Pegu untuk berdagang.[32] Perkara yang utama, hubungan dagangan antara Melaka dengan Pegu adalah hubungan terus, bukan dengan perantaraan.

Walaupun Melaka dengan Siam bermusuhan, tetapi disebabkan keperluan ekonomi, Melaka dan Siam meneruskan hubungan. Seperti Pulau Jawa, menurut Tome Pires dan Ruy de Brito, hubungan dagangan dua hala ini dilihat dari segi kepentingan dan keperluan bahan-bahan makanan yang diperlukan oleh Melaka dari Siam. Dianggarkan terdapat kira-kira 30 buah jong besar dari Siam yang datang ke pelabuhan Melaka dengan membawa beras, ikan kering, garam dan sayur-sayuran tiap-tiap tahun.[33] Di Melaka, selain membeli barangan dari negeri China dan Nusantara, saudagar Siam juga membeli hamba abdi. Siam juga membawa barang dagangan seperti kayu jati, tembaga, bijih, emas, perak, gading gajah, *cassia fistula* dan berbagai-bagai jenis kain Siam.[34]

Melaka juga mengadakan hubungan perdagangan secara langsung dan tidak langsung dengan pelabuhan yang terletak di selatan. Kebanyakan

---

[31] *Ibid.*, hlm 270.
[32] Ibid., hlm 268, 273.
[33] *Ibid*, hlm 273, 274; Ruy de Brito, *Alguns* ..., hlm 345.
[34] *Ibid.*

kawasan ini membekalkan dua jenis bahan dagangan, iaitu makanan dan berbagai-bagai jenis hasil tumbuhan, terutama lada dan rempah-ratus ke Melaka. Saudagar Palembang contohnya, membawa antara sepuluh hingga dua belas buah jong tiap-tiap tahun yang penuh dengan bahan makanan seperti beras, halia, bawang, daging dan madu lebah. Di Melaka, bahan-bahan ini ditukar dengan kain belacu yang didapati dari India. Pertukaran barang dagangan seperti ini sangat penting sehingga Tome Pires dengan jelas menyebutkan bahawa;

> "When things were in the order they used to be, they all (the Sumatrans) came to Malacca, mostly to bring the merchandise from the whole island, and to take the cloth and other merchandise to their own countries according to the custom of each."[35]

Jiran serantau lain yang terhampir dan yang memainkan peranan penting dalam kegiatan perdagangan dengan Melaka ialah Pulau Jawa. Hubungan perdagangan antara Melaka dengan Pulau Jawa ini dijalankan melalui pelabuhan Sunda Kelapa. Seperti juga Siam, Pulau Jawa menjadi pembekal utama bahan makanan seperti beras, gula, berbagai-bagai jenis rempah dan juga kayu-kayan ke Melaka. Saudagar dari Melaka menghantar antara dua hingga tiga buah jong tiap-tiap tahun ke Sunda Kelapa bagi mendapatkan bahan-bahan makanan tadi.[36] Di samping itu, terdapat juga jong-jong besar dari Pulau Jawa yang datang terus ke Melaka. Hubungan perdagangan antara Melaka dengan Pulau Jawa juga bertambah erat apabila munculnya pelabuhan-pelabuhan baru di utara Pulau Jawa seperti Demak, Japara, Ceribon, Grisik dan Tuban.

Hubungan yang erat ini jelas kelihatan apabila ramai para pedagang dan senteri dari Pulau Jawa datang ke Melaka. Para pedagang tersebut ialah seperti Patih Adam, Patih Kadir, Patih Yusoff, Patih Yunus dan Utimuti-raja. Penerapan unsur Melayu-Jawa juga dapat dilihat dalam tradisi sastera budaya *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*.[37] Tome Pires menyebut orang Melaka sebagai;

> "Both men and women are fond of mimes after the fashion of Java."[38]

Pelabuhan-pelabuhan di utara Pulau Jawa juga menjadi pengantaraan perdagangan antara Melaka dengan Kepulauan Rempah yang lain seperti

---

[35]*Ibid.*, hlm 271.

[36]*Ibid.*, hlm 273.

[37]Teks klasik Melayu ini dianggap oleh R.O. Winstedt sebagai, "... A Malayo-Javanese romance .... modellied upon the Panji tales." Rujuk R.O. Winstedt, *A Histotory of Classical Malay Literature*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969, hlm 62–69.

[38]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 268.

Kepulauan Maluku, Bima, Banda dan pelabuhan Grisik. Tome Pires melaporkan bahawa hubungan dagangan dua hala ini adalah dalam bentuk runcit dan borong. Ramai pedagang dari Melaka belayar ke Jawa sebagai saudagar borong dan penumpang. Bahan dagangan utamanya ialah kain dari India untuk dijual di Jawa. [39] Dari Jawa mereka terus ke Kepulauan Rempah yang lain untuk menukarkan kain murah yang dibeli dari Jawa dengan lada dan rempah. Oleh itu, bentuk laluan perdagangannya ialah Melaka dengan Jawa, dan Melaka dengan Jawa dengan Kepulauan Rempah, yang berulang-alik.[40]

Kegiatan perdagangan Melaka itulah yang memberi sumbangan besar ke arah kebangkitan dan kemajuan pelabuhan-pelabuhan Jawa Utara pada penghujung abad ke-15, termasuk Demak, Japara, Ceribon, Grisik, Surabaya dan Tuban. Ini telah memberikan kesan terhadap pola politik tradisional Jawa-Majapahit.

Tome Pires mengatakan bahawa Melaka juga menjalankan hubungan perdagangan dengan Burney atau Brunee. Adakah 'Brunei' yang dimaksudkan oleh Tome Pires? Kenyataan Tome Pires ini disokong oleh laporan Ruy de Brito yang menyebut bahawa terdapat sekurang-kurangnya tiga buah jong dari Brunei datang ke Melaka dengan membawa bahan-bahan mentah seperti beras, ikan, daging, hasil ternakan, madu lebah, sagu, kulit-kulit kekerang, emas dan kapur barus.[41] Dari Melaka, bahan-bahan ini dibawa pula ke Pegu.[42] Bahan-bahan yang dibeli dan dibawa balik oleh pedagang-pedagang Brunei ialah kain dari India, cermin serta alat perhiasan dari Asia Barat.

Beberapa buah pulau di bahagian timur Pulau Jawa sememangnya penting bagi Melaka untuk tujuan berdagang. Pulau Timor dengan hasil kayu gaharu, Maluku dengan cengkih, Flores dengan belerang, Banda dengan buah pala, dan Bima dengan Sumbawa dengan hasil kayu pencelup. Semua barang ini dibeli atau ditukar oleh para pedagang luar dari Nusantara melalui Melaka.

Hubungan perdagangan Melaka ini terjadi hinggalah ke Sulawesi. Tome Pires mengatakan bahawa terdapat pedagang dari Sulawesi di Melaka yang memperdagangkan hasil-hasil makanan dan emas. Di Melaka, para pedagang ini membeli berbagai-bagai jenis kain dari Benggala, Koromandel dan bahan-bahan dagangan dari Gujerat.

---

[39] *Ibid.*, hlm 246.

[40] B. Shrieke, *Indonesian Sociological Studies, Selected Writings of B. Shrieke*, Bahagian II, 1957, hlm 230–1.

[41] Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 232.

[42] *Ibid.*, hlm 233–4.

Kehadiran para saudagar asing dari kawasan serantau dan dari kawasan lain seperti dari China dan dari Semenanjung Arab menyebabkan Melaka menjadi pusat perdagangan antarabangsa. Tome Pires mengatakan bahawa terdapat sekurang-kurangnya 61 bangsa dan suku bangsa di Melaka[43] serta terdapat lapan puluh empat bahasa yang dituturkan oleh para pedagang itu.[44] Tome Pires yang menyaksikan sendiri hal ini telah mengatakan;

> "There is no doubt that the affairs of Malacca are of great importance, and of much profit and great honour. It is a land that cannot depreciate, on account of its position, but must always grow. No trading port as large as Malacca is known, nor any where they deal in such fine and highly-prized merchandise. Goods from all over the East are found here; goods from all over the West are sold here. It is at the end of the monsoons, where you find what you want and sometimes more than you are looking for."[45]

Seorang pengkaji semasa, Meilink-Roelofsz sangat kagum dengan kenyataan Tome Pires serta laporan-laporan umum yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*. Beliau juga kagum dengan kenyataan Ruy de Brito, de Araujo dan Duarte Barbosa. Meilink-Roelofsz mengatakan saudagar-saudagar ini sebagai;

> "... flocked together every year in Malacca, which was then the centre of inter-Asian trade. Like a rich and colourful pageant under the blazing tropical sun, this busy eastern market made an indelible impression on the first Europeans who visited Malacca."[46]

CORAK PERNIAGAAN DI MELAKA

Sumber yang menarik tentang hal ini terdapat dalam *Undang-undang Laut Melaka*. Laporan Tome Pires pula amat berguna untuk melengkapkan data-data yang terdapat dalam *Undang-undang Laut Melaka* ini.

Dengan kedudukan pelabuhannya yang bertaraf entrepot, Melaka dapat mengendalikan dua fungsi asas dalam urusniaganya. Pertama, Melaka menjadi pusat pengumpulan bahan dagangan; dan kedua, Melaka menguruskan penyebaran bahan tersebut ke berbagai-bagai tempat. Selain menjadi perantara dalam proses mengumpul dan menyebar ini, proses jual beli juga di-

---

[43]*Ibid.*, hlm 268.
[44]*Ibid.*, hlm 269.
[45]*Ibid.*, hlm 286.
[46]M.A.P. Meilink-Roelofsz, *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1 500 and About 1 630*, The Hague, 1962, hlm 36.

lakukan di Melaka. Dengan taraf dan peranan Melaka yang sedemikian, maka mestilah wujud satu bentuk 'sistem' perdagangan dan urusniaga yang teratur dan dapat diterima oleh semua pihak.

APAKAH ERTI ENTREPOT?

Dari segi bahasa, entrepot bererti "meletakkan di antara" (to place between). Dari segi ekonomi, ia bererti "A warehouse or place for the storage of goods". Tempat ini berikutnya menjadi, "A distributing point for goods, as a seaport or large inland city."[47] Adakah bandar dan pelabuhan Melaka berkedudukan seperti ini? Jawapannya tentulah 'ya'. Kedudukannya sedemikian adalah kerana keadaan alam semula jadi. Para pedagang amat bergantung pada tiupan angin musim, iaitu Monsun Timur Laut dan Monsun Barat Daya yang bertiup selama enam bulan, dalam giliran tahunan.

Pada umumnya, di Melaka pedagang dari Timur dan Barat tidak pernah berjumpa akibat tiupan angin yang berlainan musim tadi. Barang-barang dagangan yang dibawa, ditinggal dan diniagakan di Melaka. Sebelum dagangan ini sampai ke tangan pihak yang kedua, dagangan tersebut disimpan untuk sementara di gudang-gudang yang dikawal rapi, untuk tujuan keselamatan. Apabila sampai keenam bulan bagi monsun yang satu lagi, barang dagangan tadi pun diniaga dan disebarkanlah di kalangan pembeli. Dalam konteks ini, pihak Melaka memainkan tiga peranan, iaitu:

(a) Sebagai penerima, pembeli dan pengendali barang-barang dagangan untuk disimpan dalam gudang sebelum barang-barang tersebut disebar untuk dijual.

(b) Menjadi pihak perantara, iaitu perantara bagi pedagang dari Timur, Barat dan dari Nusantara.

(c) Sebagai 'seaport', Melaka menjadi pusat bagi menyebarkan barang-barang dagangan ini ke seluruh pelosok kawasan perdagangan. Di peringkat ini, Melaka juga berperanan seolah-olah sebagai penjual barang dagangan tadi.

Pendek kata, keuntungan yang diperoleh adalah fungsinya yang dipegang dan dimainkan di tiga-tiga peringkat ini. Melaka bukan sebagai pengeluar barang-barang dagangan. Melaka meraih keuntungan setakat 'by virtue' kedudukan geografinya yang amat strategik itu, di samping peranan penting yang disumbangkan oleh para pentadbir dan pemerintahnya, bagi mencapai matlamat keuntungan tersebut.

---

[47] *Webster's New Twentieth Century Dictionary*, Unabridged, Second Edition, Simon and Schuster, New York, 1983, hlm 608.

Tome Pires berulang kali menggunakan istilah *custom* dalam catatannya. *Custom* ialah seperti undang-undang yang diamalkan dan yang diketahui ramai serta tersusun coraknya;

> "And through this custom the land lived in an orderly way and they carried on their business. And that was done thus orderly, so that they did not favour the merchant from the ship, nor did he go away displeased; for the law and the prices of merchandise in Malacca are all known."[48]

Custom and law yang dimaksudkan oleh Tome Pires meliputi peraturan, sistem dan undang-undang berniaga.

Undang-undang Melaka adalah sebagai 'undang-undang di darat'. Oleh itu, terdapat lima fasal sahaja daripada 44 fasal dalam *Undang-undang Melaka* yang menerangkan tentang peraturan-peraturan di laut.[49] Tetapi terdapat 24 fasal daripada 25 fasal dalam *Undang-undang Laut Melaka* yang menerangkan tentang peraturan di laut seperti peraturan dan tertib berniaga, tatacara berjual beli, larangan-larangan dan tanggungjawab Nakhoda serta Syahbandar.

Kekuatan dan ketahanan Melaka sebenarnya terletak pada kegiatan ekonomi perdagangan. Dua jawatan dalam birokrasi pentadbiran peribumi yang penting berkaitan dengan kegiatan perdagangan ialah Temenggung dan Syahbandar (ada juga bukan peribumi), Nakhoda pula memainkan peranan penting dalam kapal yang berurusniaga dari Melaka ke tempat-tempat lain. Peraturan, tertib berniaga dan sistem yang tetap harus diadakan untuk menjaga keselesaan para peniaga dan untuk menghadapi perubahan musim pada setiap tahun. Sementara itu, pada pedagang asing juga disediakan dengan berbagai-bagai kemudahan.[50]

Apabila sebuah kapal dagang asing masuk ke pelabuhan Melaka, pegawai-pegawainya dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan tempatan. Tome Pires mengatakan bahawa nakhoda kapal berkenaan terlebih dahulu perlu memohon daripada Syahbandar untuk menemui Bendahara untuk meminta kebenaran berniaga. Sementara itu, Syahbandar yang mewakili

---

[48]Armando Cortesao, (ed and tsd), *The Sume Oriental*, hlm 274.

[49]Ini ialah Fasal 9:2, Fasal 11:3, Fasal 23:3; Fasal 23:4 dan Fasal 23:5. Rujuk Liaw Yock Fang (ed), *Undang-undang Laut Melaka*, hlm 45–48.

[50]Tome Pires merujuk pada Sultan Muzzafar Syah yang disebutnya sebagai "... dealth kindly and reasonably with them (the foreigners). He took pleasure in being in the city much more often than he went hunting .... on account of its great position and trade". Armando Cortesao, (ed dan tsb), *The Suma Oriental*, hlm 246; lihat juga J.V. Mills, (tsd and notes), "Description", hlm 32–33.

bangsa nakhoda tersebut (terdapat empat orang Syahbandar yang mewakili bangsa dan suku bangsa pedagang) memberikan gajah untuk mengangkut barang dagangan yang dibawa masuk untuk disimpan sementara waktu di gudang-gudang yang telah disediakan. Urusniaga belum boleh dijalankan sehinggalah berbagai-bagai cukai dibayar oleh nakhoda berkenaan. Semua ukuran dan timbangan dalam urusniaga yang dijalankan adalah mengikut *old custom* peribumi.[51]

Pada umumnya, terdapat dua jenis bayaran bagi urusan import barangan tadi. Pertama, bayaran rasmi (tetap?) yang dinamakan sebagai *custom duties;* dan yang kedua, bayaran tidak rasmi atau *present* yang harus diberikan kepada raja, Bendahara, Temenggung dan Syahbandar yang mewakili bangsa nakhoda berkenaan. Nilai bayaran yang kedua ini ditetapkan oleh Syahbandar; selalunya antara satu peratus hingga dua peratus sahaja daripada nilai barang dagangan yang diimport. Walau bagaimanapun, nilai ini boleh meningkat akibat adanya persaingan untuk mendapatkan keistimewaan hubungan dengan pembesar-pembesar peribumi tadi. Bayaran yang kedua ini dianggap oleh Tome Pires sebagai perbuatan memeras oleh pihak atasan.[52] Kadangkala Tome Pires juga bertindak seperti jurucakap untuk para pedagang asing. Tome Pires mengatakan bahawa para pedagang tersebut menganggap bayaran yang kedua ini sebagai suatu penindasan.[53]

Nilai bagi bayaran yang pertama juga telah ditentukan. Semua pedagang dari India, Ceylon, tanah Arab, Siam dan Pegu dikenakan cukai import sebanyak enam peratus daripada jumlah barang yang dibawa. Pedagang dari China dan Jepun dikenakan cukai import sebanyak lima peratus. Walau bagaimanapun, Tome Pires mengatakan bahawa selalunya pedagang dari China memberi *present* atau 'bonus' dengan nilai yang lebih tinggi kerana terdapat ramai bilangan saudagar China di dalam sesebuah jong yang datang ke Melaka.

Import bagi bahan-bahan makanan mendapat keistimewaan, iaitu bebas daripada cukai. Malah bayaran bagi bahan-bahan makanan ini seharusnya termasuk ke dalam lingkungan *present* sahaja, iaitu pada kategori bayaran yang kedua. Namun, nilai bayaran ini seakan serupa dengan nilai pada kategori bayaran yang pertama. Saudagar yang dimestikan untuk mematuhi peraturan ini ialah saudagar yang datang dari bahagian timur dan selatan Melaka, Gugusan Kepulauan Melayu, Filipina, pantai barat Tanah Melayu, Pasai, Pedir, Pegu dan Siam (sekiranya kapal-kapal mereka membawa

---

[51] Armando Cortesao, *ibid*., hlm 273.
[52] *Ibid*, hlm 270.
[53] *Ibid*., hlm 270.

bahan-bahan makanan).[54] Dasar cukai terhadap bahan import seperti ini harus diadakan selaras dengan keadaan Melaka yang kurang sesuai untuk pertanian.

Terdapat juga satu jenis cukai bagi mereka yang tinggal atau menetap di Melaka. Tome Pires mengatakan bahawa saudagar yang datang dari Gugusan Kepulauan Melayu dan saudagar asing yang datang dari Barat yang ingin menetap bersama keluarga mereka di Melaka dikenakan cukai bernilai tiga peratus. Suku-suku Melayu Nusantara dikenakan juga *royal tax* sebanyak tiga peratus dan sebanyak enam peratus bagi saudagar dari barat Asia.[55]

Selepas semua cukai dibayar, urusan jualan barangan pun bermula di sepanjang jambatan Melaka, di jalan raya berhadapan bangunan lama sekarang dan di bazar-bazar. Kerajaan telah mengeluarkan sejenis lesen kebenaran berniaga kepada para peniaga dan penjual. Pengeluaran lesen kebenaran berniaga juga menjadi sebahagian daripada pendapatan kerajaan. Pegawai yang mengawal ukuran dan timbangan ialah Syahbandar.

Urusan perniagaan mempunyai dua bentuk, iaitu pertama, melalui sistem tukar barang; dan kedua, menerusi proses penjualan dan pembelian. Tome Pires menyebut wang logam di Melaka diperbuat daripada *calains* dalam bentuk timah. Pada kepingan timah ini terpahat nama Sultan Melaka yang memerintah. Wang logam ini yang digunakan untuk urusan jual beli dagangan tadi. Tome Pires juga mendakwa bahawa pengenalan dan penggunaan wang logam ini adalah pengaruh langsung dari tradisi perniagaan Pasai. Emas dan perak juga digunakan untuk urusniaga, bukan sebagai kepingan wang tetapi bagi barang pasaran. Kepingan-kepingan wang dari Pasai, Hormuz dan Cambay juga terdapat di Melaka. Wang ini digunakan untuk ditukarkan dengan mata wang tempatan. Seratus *calains* dikatakan bersamaan dengan tiga *cruzados*.[56]

Timbangan diukur dengan unit tahil dan kati. Sekati pada masa itu bersamaan dengan 20 tahil atau disebut *tundaya*. Setahil bersamaan dengan 16 *mas*. Satu *mas* bersamaan dengan 20 *cumduryns* atau 4 *cupoes*. Empat *mas* dikira bersamaan dengan satu *pau*. Satu *pau* bersamaan dengan empat *cumduryns*. Satu tahil bersamaan dengan sebelas setengah *drams*. Sekati dalam nilai emas bersamaan dengan dua puluh lapan setengah *aunces*. Emas,

---

[54] *Ibid.*, hlm 273–274.

[55] *Ibid.*, Tome Pires menyebut bahawa Malayans or from other nations, who have their wives and settle in Malacca. They pay three per cent, and besides this a royal due of six per cent in the case of a foreigner, and three in the case of a native".

[56] *Ibid.*, hlm 275.

KEPINGAN WANG PADA ZAMAN KESULTANAN MELAYU MELAKA

'Muzaffar Shah al-Sultan'

'Nasir al-Dunia Wa'l-Din'

Rajah 1

'Mansur Shah ibnu Muzaffar Shah al-Sultan'

'Nasir al-Dunia Wa'l-Din'

Rajah 2

'Ahmad ibnu Mahmud Shah'

'Al-Sultan al-Adil'

Rajah 3

perak, bahan wangian, kapur, kelembak dan permata ditimbang dengan menggunakan ukuran kati. Tome Pires telah memperkatakan tentang sistem timbangan ini dengan amat terperinci.[57]

Satu bahara disebut bersamaan dengan 205 kati. Ukuran bahara digunakan khas untuk menimbang bahan-bahan seperti rempah, lada, cengkih, jagung, buah pala, belerang dan pacak. Alat timbangnya dikenali sebagai *dachim* (dacing).

Terdapat satu sistem untuk mengawal inflasi dan mencegah harga barangan daripada melambung tinggi. Tome Pires mengatakan bahawa satu kumpulan saudagar Melaka sendiri terlebih dahulu akan berunding dengan para pembeli dan saudagar tempatan (pemborong) tentang harga dan menilai barangan import yang hendak dijual. Kumpulan saudagar Melaka mewakili pihak penjual yang terdiri daripada nakhoda, saudagar atau pemilik kapal asing yang terdapat di Melaka. Setelah harga ditetapkan, maka barangan tadi pun dijual di kalangan pembeli (seramai sepuluh hingga dua puluh orang) menurut bahagian yang telah ditentukan. Harga barangan yang dijual oleh pembeli-pembeli di kedai-kedai pula akan ditentukan dengan persetujuan para pemborong tadi.[58]

Layanan adil dan sama rata diberikan kepada semua pedagang. Seluruh urusan jual beli ini mesti dijalankan dengan segera kerana untuk menghadapi perubahan musim monsun. Pentadbiran peribumi sentiasa memerhati dan mengawas serta menentukan urusan jual beli ini agar barangan import yang tersimpan di gudang tidak menjadi rosak dan untuk mengelakkan proses jual beli menjadi lembap. Apabila hal ini berlaku harga barangan akan terjejas. Oleh itu, penentuan suatu sistem urusniaga yang tetap dan penglibatan suatu kelompok saudagar bagi menentukan harga barangan adalah amat wajar. Tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa para penjual asing sentiasa mengalami kerugian dengan harga yang telah ditentukan,[59] walaupun Tome Pires ada mendakwa bahawa penyelewengan dan pemalsuan sering terjadi. Kumpulan saudagar yang menjadi penilai dan pembicara antara para pengimport asing dengan para pembeli dan pemborong tempatan, selalu menerima sogokan daripada salah satu pihak atau kedua-dua pihak sekaligus.[60]

Peringkat urusniaga yang kedua ialah penjualan dan penyebaran barangan yang diimport. Tome Pires telah mengatakan bahawa hampir ke-

---

[57]Lihat penerangan hal ini dalam *ibid.*, hlm 276–277.

[58]*Ibid.*

[59]Meilink-Roelofsz mengulas hal ini sebagai, "The Malaccan method meant that business was transacted quickly .... the vendors had no cause for dissatisfaction either .... the sellers .... were not under paid either." Rujuk *Asian Trade*, hlm 45.

[60]Armando Cortesao, *The Suma Oriental*, hlm 273.

seluruhannya dijalankan oleh pedagang Melayu.[61] Peniaga yang telah memperoleh lesen perniagaan dibenarkan membeli barangan daripada para pemborong dan menjualkan barangan itu sama ada di kedai, bazar ataupun sistem 'lambakan' di tepi jalan.

Proses dan sistem penyebaran pula mempunyai bentuk yang agak kompleks. Barangan yang diimport akan disebarkan ke Gugusan Kepulauan Melayu dengan menggunakan kapal-kapal untuk dijual. Dalam proses inilah nakhoda (kapten) memainkan peranan urusniaga yang paling penting. Sesuai dengan taraf nakhoda sebagai 'raja' dalam sebuah kapal seperti yang tercatat dalam *Undang-undang Laut Melaka*, "... hukum segala jong dan baluk daripada segala nakhoda kerana ia seumpama rajanya",[62] bahawa nakhodalah yang bertanggungjawab untuk mengendalikan hal-ehwal perniagaan bagi dagangan dalam sebuah kapal yang berdagang ke tempat-tempat lain. Tetapi sekiranya pemilik kapal sendiri yang menguruskan perniagaan dan mengikuti pelayaran, maka peranan nakhoda akan menjadi kecil. Sekiranya pemilik kapal tidak sama-sama belayar, nakhoda akan dilantik menjadi 'wakil' (proxy) bagi pihak pemilik.[63]

Dalam tradisi tempatan Melaka, saudagar yang menghantar dan menyebarkan barangan mereka untuk diperdagangkan akan disebut sebagai Kiwi.[64] Saudagar yang menjadi wakil Kiwi untuk berdagang ke tempat lain pula disebut sebagai Maula Kiwi (sekiranya Kiwi tidak belayar bersama).

Dalam sesuatu pelayaran, nakhoda akan berkuasa di kapal (milik sendiri mahupun milik orang lain). Walau bagaimanapun, dalam urusan perdagangan, nakhoda harus menerima arahan daripada pemilik kapal tentang pelabuhan yang harus dituju. Dalam hal urusan perdagangan dan proses urusniaga pula, nakhoda harus berunding dengan Maula Kiwi.

Nakhoda juga boleh terlibat dalam perniagaan sebagai penjual barangannya sendiri atau sebagai 'wakil' untuk memperdagangkan barangan kepunyaan Kiwi. Fasal 20 *Undang-undang Laut Melaka* tentang 'hukum berniaga' menyatakan bahawa apabila sebuah kapal dagang Melaka sampai ke sebuah pelabuhan asing, maka hak berniaga akan menjadi bertingkat-tingkat. Nakhoda berhak untuk memperniagakan barang dagangannya terlebih dahulu selama empat hari yang pertama. Selepas nakhoda akan diikuti pula oleh Kiwi yang akan berniaga selama dua hari selepasnya, kemudian

---

[61] *Ibid.*, hlm 273–274.

[62] Winstedt dan de Jong, (eds), *Maritime Laws*, hlm 32.

[63] Meilink-Roelofsz, *Asian Trade*, hlm 37.

[64] Hal ini diterangkan dengan jelas dalam Fasal 10, *Undang-undang Laut Melaka*. Winstedt dan de Jong (eds), *Maritime Laws*, hlm 39.

barulah diikuti oleh pegawai dan anak-anak kapal yang lain.[65]

Nakhoda berhak untuk menawarkan barangannya dengan harga yang tertinggi. Sesiapa yang membuat tawaran harga lebih tinggi daripada nakhoda, maka nakhoda berhak untuk merampas barang-barang tersebut setelah membayar kepada pemilik dengan harga kos sahaja seperti yang telah disebutkan dalam *Undang-undang Laut Melaka*, "... dipulangkan kepada nakhoda seperti harga beliannya itu juga".

Kapal dagangan akan dibahagikan kepada ruang-ruang muatan. Fasal 10 *Undang-undang Laut Melaka* pula menyebut ruang-ruang ini sebagai 'petak'. Tome Pires mengatakannya sebagai *peitaca*. Petak-petak inilah yang akan menjadi sebagai asas penentu hak dan saiz bahagian seseorang pedagang yang memperdagangkan barangannya dalam sesebuah kapal.

Fasal 10 *Undang-undang Laut Melaka* juga menyebut bahawa selalunya nakhoda, Kiwi atau Maula Kiwi itulah yang memiliki banyak petak. Kiwi menjalankan perniagaannya dengan menggunakan kapal melalui empat cara yang mengikut 'hukum kiwi', iaitu;

(a) Kiwi membeli hak terhadap petak-petak kapal.

(b) Kiwi tidak membeli hak terhadap petak tetapi menambahkan modal nakhoda kapal berkenaan dengan nilai tiga atau empat tahil emas. Sekiranya dinilai dari segi dagangan biji-bijian, Kiwi berkenaan diberikan hak 'share' dua atau tiga koyan oleh pemilik kapal berkenaan.

(c) Kiwi tersebut mengambil tujuh atau lapan petak sebagai 'share' pada ruang muatan kapal.

(d) Kiwi tidak membeli petak tetapi berjanji akan menyerahkan 3/10 daripada bahagiannya sebagai cukai kepada nakhoda.

Petak dalam sebuah kapal di Melaka mungkin besar. Tome Pires mengatakan bahawa dua atau tiga orang akan bertugas untuk menjaga suatu petak.[66] Maula Kiwi yang dianggap sebagai 'penghulu Kiwi' akan diberi hak berniaga sebelah atau setengah petak.

Fasal 10 *Undang-undang Laut Melaka* juga menyebut bahawa Kiwi dikehendak untuk memberikan sumbangan dalam persediaan untuk belayar, "... hendaklah ia mesyuarat dengan nakhoda ... pada barang suatu pekerjaan baik dan jahat". Di samping itu Kiwi juga mesti membayar cukai

[65] *Ibid.*, hlm 44–45.

[66] Tome Pires menyebut bahawa, "If you want a cabin (peitaca), or two, you set two or three men to look after and manage it, and note what you take". Armando Cortesao, *The Suma Oriental*, hlm 283.

pelabuhan bagi tujuh atau lapan petak yang dimilikinya.

Fasal 9 *Undang-undang Laut Melaka* juga menyebut bahawa seorang Malim akan diberi bahagian sebelah atau setengah petak ruang muatan kapal selain diberi kebenaran untuk menanam modal dengan nakhoda, yang bernilai satu setengah atau tiga tahil emas. Petak Malim ialah di bahagian 'angin sebelah pelimasan'.[67] Tetapi sekiranya Malim meninggalkan kapal sebelum sampai ke pelabuhan yang dituju bererti Malim telah melanggar kontraknya dengan nakhoda, iaitu 'belum sampai janjinya'. Oleh sebab itu, modal Malim itu akan dianggap luput.

Pegawai dan kakitangan kapal yang lain juga diberikan sebahagian daripada bahagian perdagangan dalam bentuk muatan (kargo) kapal, tetapi bukan petak ruang kapal (tonnage). Dalam sebuah kapal yang kecil, seorang yang merdeka akan mendapat bahagian 600 gantang. Seorang hamba pula akan mendapat bahagian sebanyak 300 gantang sahaja. Dalam kapal yang besar pula, seorang yang merdeka akan mendapat bahagian dua koyan, dan pihak seorang hamba pula akan mendapat bahagian satu koyan. Mereka menikmati bahagian dalam perniagaan kerana khidmat tenaga mereka di atas kapal tidak dibayar.[68]

Sebuah kapal yang belayar kerap dilanda ribut dan ombak besar. Untuk menghadapi masalah ini, muatan kapal itu harus dikurangkan dengan cara membuangkan sebahagian daripada muatan itu ke laut. Ini dilakukan mengikut kadar dan nilai barangan yang dimiliki oleh penumpang dan pemegang-pemegang bahagian. Fasal 11 *Undang-undang Laut Melaka* menyebut bahawa;

> "Hukum membuang di laut sebab kerana ribut yang besar. Maka tatkala itu hendaklah dimesyuaratkan dengan orang yang banyak, kerana membuang itu atas modalnya juga; jikalau banyak modalnya (maka) banyaklah dibuangnya; jikalau sedikit modalnya (maka) sedikitlah dibuangkan".

Mesyuarat harus diadakan terlebih dahulu antara semasa pemodal atau peniaga sebelum membuang muatan. Jika mesyuarat tidak diadakan, nakhoda akan menghadapi kesalahan yang besar kerana nakhoda yang memilik atau yang mengendalikan jong tersebut.

Berdasarkan teks *Undang-undang Laut Melaka* dan disokong pula oleh laporan Tome Pires, maka dapatlah digambarkan tentang pola asas per-

---

[67]Hal ini disebut dalam bab 'hukum malim' pada Fasal 9 *Undang-undang Laut Melaka*. Rujuk Winstedt dan de Jong, (eds), *Maritime Laws*, hlm 37–39.

[68]*Ibid.*, hlm 39. Rujuk Fasal 10 *Undang-undang Laut Melaka* dalam bab 'hukum kiwi'.

dagangan Melaka. Pertama, bahawa nakhoda adalah bermakna sama ada pemilik kapal itu sendiri ataupun hanya menjadi nakhoda sebuah kapal tersebut semasa menjalankan urusniaga perdagangan, sedangkan pemilik kapal tersebut tidak ikut belayar. Nakhoda seperti ini tidak akan dibayar tetapi akan diberi bahagian berdagang untuk mendapat keuntungan.

Yang kedua, nakhoda juga boleh menjadi wakil saudagar untuk memperniagakan dagangan dalam kapal yang dikendalikannya. Dalam hal ini seorang nakhoda yang bijak dan cekap tentunya akan mengambil kesempatan dengan menyewakan ruang-ruang muatan kepada pemilik barang-barang dagangan.

Selain menjadi wakil nakhoda untuk memperdagangkan barangan, saudagar juga boleh menanam modal dalam bentuk wang atau emas kepada nakhoda berkenaan.

Tome Pires telah menggariskan dengan lebih mendalam tentang keuntungan yang diperoleh oleh nakhoda dan saudagar Melayu Melaka dalam lingkungan pola kegiatan perdagangan seperti ini ketika nakhoda itu berdagang ke tempat-tempat lain. Hubungan perdagangan di antara Melaka dengan pelabuhan di Gugusan Kepulauan Melayu seperti yang disebut oleh Tome Pires ialah:

(a) Tanjung Pura di Borneo boleh memberi keuntungan perdagangan sebanyak 50 peratus. Sebarang kerugian akan ditanggung oleh penanam modal atau pembekal barang dagangan.[69]

(b) Kedah, Pasai dan Pedir memberi keuntungan perdagangan sebanyak 35 peratus.

(c) Pelabuhan-pelabuhan di Jawa Utara memberi keuntungan perdagangan sebanyak 20 peratus daripada barang dagangan yang diniagakan oleh Melaka untuk pemilik kapal. Perniagaan di pelabuhan ini paling menguntungkan kerana nilai perdagangan 100 *cruzados* boleh berlipat ganda sehingga ke-200 peratus. Kapal dari Melaka mengambil masa antara lima hingga sembilan bulan untuk berniaga di pelabuhan ini. Penanam modal boleh mendapat keuntungan sehingga 140 peratus.[70]

(d) Pelabuhan Sunda boleh memberikan keuntungan dagang sehingga

---

[69]Tome Pires menyebut nama tempat ini sebagai Tamjompura di samping tempat-tempat lain yang disebut sebagai Macassar, Brunei dan Lucoes di Gugusan Kepulauan Melayu. Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 283.

[70]*Ibid.*, hlm 284; Seiichi Iwao, "Jan Joosten, The Forerunner of the Dutch-Japanese Relation", dalam *Bulletin of the Japanese-Netherlands Society*, No 1, Tokyo, 1958, hlm 84–85.

50 peratus. Ketika kembali semula ke Melaka, saudagar Melaka boleh membawa bersama-sama mereka lada dan abdi untuk diperdagangkan pula di Melaka.[71]

Tome Pires mengatakan bahawa berdagang ke pelabuhan-pelabuhan ini lebih menguntungkan daripada menanam modal dalam bentuk wang atau emas. Ini disebabkan apabila terjadinya perubahan tiupan angin, bahan dagangan yang diperlukan di pelabuhan tersebut mungkin akan berkurangan. Kapal-kapal lain tidak akan datang ke sana untuk beberapa waktu. Harga barangan dagangan yang diperlukan akan meningkat. Ini tentulah menguntungkan seperti yang dikatakan oleh Pires bahawa, "... when he pays in merchandise it is more profitable".[72]

Perdagangan dengan negeri China juga dilaporkan amat menguntungkan. Kadangkala kerana permintaan barangan terlalu tinggi keuntungan boleh mencapai sehingga 300 peratus. Dalam hal ini penyewaan petak amat popular.[73] Keuntungan berdagang dengan pantai Koromandel dan kawasan Teluk Benggala pula tidak tentu keadaannya. Kadang-kadang keuntungannya antara 80 peratus hingga 90 peratus tetapi kadang-kadang meningkat sehingga 100 peratus. Keuntungan selalu juga menjadi berlipat ganda sehingga mencapai 300 peratus. Sementara perdagangan dengan Pegu dan Siam mencapai keuntungan setakat 50 peratus sahaja, tetapi kadangkala meningkat sehingga mencapai 200 peratus.[74] Perdagangan dengan kawasan tersebut adalah dalam bentuk menanam modal wang atau emas, ataupun menjalankan kegiatan perdagangan secara besar-besaran.

Meilink-Roelofsz yang meneliti tentang pola dan bentuk perniagaan tradisional yang dilakukan secara besar-besaran di Asia dengan mengatakan bahawa, "... cannot be entirely free from European influence."[75] Beliau merujuk perkara ini pada kegiatan perdagangan oleh para pedagang dari Asia Barat yang terdapat di Melaka. Beliau menamakan corak perdagangan tersebut sebagai *commenda* yang berupa, "luxurious in character, took up very little space, and were transported over various routes. It forms a richly

---

[71]Tome Pires menyebut bahawa, "For Sunda they gave you fifty per cent, because they can bring black pepper and slaves, it is a land of merchandise and trade; the profit is greater." *Ibid.*, hlm 284.

[72]*Ibid.*, hlm 285.

[73]*Ibid.*, hlm 284. Tome Pires menyebut bahawa, "China is a profitable voyage, and moreover whoever loads up, hiring cabins (peitacas), sometimes make three for one, and in good merchandise which is soon sold".

[74]*Ibid.*, hlm 48–49.

[75]Meilink-Roelofsz, *Asian Trade*, hlm 48.

variegated pattern in which huge quantities of bulk goods such as foodstuffs and textiles alternate with smaller."[76]

Bertentangan dengan *commenda* ialah berjaja, iaitu kegiatan perniagaan dan perdagangan tradisional yang dilakukan secara kecil-kecilan.

Tetapi soalnya, bagaimanakah pula pengaruh corak perdagangan *commenda* boleh berkesan terhadap pedagang Melayu? Adakah *commenda* itu telah diperkenal dan disebarkan di Melaka secara tidak langsung oleh pedagang Arab atau Parsi?

Siapakah pedagang atau peniaga Melayu Melaka yang menjalankan corak perdagangan yang disebut *commenda* sekiranya pendapat Roelofsz ini dapat diterima? Tome Pires telah melaporkan beberapa kali bahawa corak perdagangan *commenda* telah dilakukan oleh masyarakat bangsawan Melayu daripada kelas atasan. Beliau menyebut Sultan Muzaffar Syah sebagai contohnya, "... he devoted much care to the improvement to Malacca; he bought and built jinks and sent them out with merchants."[77] Tentang Sultan Alauddin pula, beliau mengatakan bahawa, "... the king of the country puts his share in each junk that goes out, that is a way for the kings of Malacca to obtain large amounts of money; and hence there is no doubt that the kings of Malacca are very rich indeed."[78] Harta Sultan Alauddin dikatakan bernilai 140 *quintals* dalam timbangan emas. Sementara harta Sultan Mansor Syah pula dianggarkan oleh Tome Pires bernilai 120 *quintals* emas.

Pada tahun 1511, pihak Portugis telah menawan salah sebuah daripada kapal Sultan Mahmud. Bahan dagangan yang terdapat dalam kapal tersebut dilaporkan terdiri daripada kain yang bermutu tinggi yang bernilai 15 ribu *cruzados*. Nakhoda kapal tersebut ialah saudagar Cetiah dari Melaka.[79] Keuntungan daripada hasil perdagangan inilah yang menjadikan sultan-sultan Melaka kaya-raya.

Para pembesar dan Bendahara turut juga melakukan hal yang sama. Cukai pelabuhan dan hadiah-hadiah untuk berdagang juga menjadi sumber kekayaan mereka. Jika tiada kegiatan perdagangan dan hasil-hasil cukai, bagaimanakah Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir boleh menjadi kaya-raya? Tiap-tiap hari Tun Mutahir bergaya dengan pakaian yang mahal berjumlah seribu pakaian dan akan bercermin mata. Anak cucu Tun Mutahir pula bermain dengan guli emas. *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa beliau

---

[76] *Ibid.*

[77] Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 243.

[78] *Ibid.*, hlm 251.

[79] Ruy de Brito, *Alguns Dokumentos*, hlm 245; Rujuk juga Alfonso Dalboquerque, *The Commentaries ...*, hlm 80; Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 250.

begitu aktif dan berminat dalam kegiatan perdagangan, "... terlalu sangat pada memeliharakan segala dagangan."[80] Oleh sebab itu, kegiatan perdagangan dan perniagaan Melaka disinonimkan dengan ketokohan Bendahara keturunan Keling ini;

> "Dan adat kapal dari atas angin, apabila akan ke Melaka, serta membongkar sauh, maka selawat malimnya, disahut nakhoda dan saudagar sekalian, 'Bandar Melaka, pisang jarum, air Bukit China, Bendahara Seri maharaja'."[81]

Bendahara Tun Mutahir dikatakan orang yang paling kaya di seluruh Melaka, "...demikianlah hal Bendahara Seri Maharaja pada zaman itu, seorang pun tiada taranya."[82] Selain berdagang, para sultan dan pembesar ini juga memiliki kapal yang besar kerana seperti yang dikatakan oleh Tome Pires bahawa kapal itu merupakan "a very profitable matter .... the kings of Malacca derived great profit from it".[83]

Raja-raja lain di bawah taklukan Melaka juga terlibat dalam kegiatan urusniaga dan berdagang di Melaka. Tome Pires mengatakan bahawa sekurang-kurangnya Raja Pahang, Kampar dan Inderagiri berbuat demikian. Mereka menanam modal dan memilik faktor niaga di situ serta berdagang secara *commenda* di kapal-kapal besar. Tome Pires mengatakan bahawa, "This is very important for anyone with capital, because Malacca sends junks out, and others come in, and they are so numerous that the kings could not help but be rich."[84]

Tome Pires juga mengatakan bahawa, para sultan dan pembesar Melayu tidak semestinya belayar untuk berdagang. Mereka menggunakan orang perantaraan, iaitu Kiwi atau Maula Kiwi, atau sekurang-kurangnya nakhoda daripada berbagai-bagai bangsa sebagai wakil urusan perdagangan mereka untuk berdagang ke pelabuhan asing. Tokoh yang terlibat secara langsung di kalangan golongan elit ini tentu merasa bangga dengan peranan yang sedemikian, kerana mereka dapat menikmati segala kemudahan untuk berdagang seperti cukai dan keistimewaan dalam urusniaga. Mereka juga dapat sama-sama mengongsi bahagian dalam sesebuah kapal dagang yang dimilik oleh golongan elit.

Selain golongan elit ini, Melaka juga dikatakan dipenuhi oleh saudagar yang kaya-raya. Tome Pires mengatakan saudagar ini sebagai pedagang-

---

[80]W.G. Shellabear, (ed). *Sejarah Melayu*, hlm 208.
[81]*Ibid.*
[82]*Ibid.*, hlm 209.
[83]Armando Cortesao, (ed). *The Suma Oriental*, hlm 284.
[84]*Ibid.*, hlm 285.

pedagang yang mahir. Barbosa,[85] pula mengatakan bahawa tiap-tiap seorang berkemampuan untuk menghantar antara tiga hingga empat buah kapal besar ke tempat asing. Tome Pires mengatakan mereka sebagai, "...capable of sending each year a junk to China, and another to Benggal, and another to Pulicat, and another to Pegu, and the merchants of Malacca and for the ports took shares in these."[86] Saudagar yang kaya-raya ini termasuk juga peribumi Melaka dan para saudagar Hindu dan Jawa. De Barros menganggap saudagar ini dalam bukunya *de Asia* sebagai sangat kaya dan sangat berkuasa.[87] Barbosa juga mengatakan saudagar ini sebagai, "... wealthy and well-fed .... who are very corpulent with big bellies, they go bare above the waist and wear cotton clothes below .... possessing many slaves, with women and children in separate quarters led a very pleasant life there ... Cultured and well-educated, they practised music and the arts of love."[88]

Di peringkat berjaja, de Eredia, Barbosa dan de Albuquerque menyatakan bahawa urusniaga banyak dijalankan oleh pedagang peribumi sama ada sebagai peniaga di bazar dan di pasar Melaka, ataupun berdagang ke tempat lain dengan menggunakan, "small coastal praos and light ships".[89] Jadi, pedagang Melayu terbahagi kepada, pertama, pedagang yang berdagang secara kecil-kecilan; dan kedua, pedagang yang berdagang secara besar-besaran. Hal ini dapat disaksikan menerusi pola penempatan pedagang ini di Melaka.

De Eredia mengatakan bahawa kalangan pedagang yang pertama banyak tertumpu di Sabak, iaitu sepanjang tebing sungai Melaka. Kalangan pedagang yang kedua pula yang terdiri daripada para pemerintah dan pentadbir peribumi Melaka banyak bertumpu di kawasan-kawasan elit di atas dan di lereng bukit. Sementara pihak yang satu lagi ialah para pedagang atau saudagar sepenuh masa dan kaya-raya tetapi dari segi fungsi tidak termasuk ke dalam kelompok elit pemerintah. Mereka terdiri daripada kalangan Melayu dari berbagai-bagai daerah di Nusantara seperti sukuan Jawa dari Tuban, Japara, Grisik dan Jawa Barat; Melayu-Palembang, Kampar, Pahang, Brunei dan Inderagiri. Menurut catatan de Eridia, mereka bertumpu dan menetap di kawasan Upeh atau Iler[90] Walaupun de Eridia membuat laporan

---

[85]Mansel L. Dames (tsd), "The Book of Duarte Barbosa ...", II, hlm 176.
[86]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 285.
[87]Joao de Barros, *De Asia*..., bahagian VI, 1777–1778, hlm 86.
[88]Mansel L. Dames (tdsd), "The Book of Duarte Barbosa ...", II, hlm 176.
[89]Meilink Roelofsz, *Asian Trade*, hlm 29.
[90]J.V. Mills, "Eridia's Description of Malacca", hlm 19–20; G.P. Rouffear, "Was Malaka Emporium voor 1400 ...", hlm 408–9; Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 259–260.

pada abad ke-17, namun "... this arrangement clearly goes back to the days of the sultan"[91] menurut kenyataan Reolofsz, bolehlah diterima.

PERKAPALAN MELAYU MELAKA

Sebagai masyarakat kelautan yang dikelilingi kawasan selat,[92] masyarakat peribumi tentulah mahir dengan selok-belok kegiatan di laut, terutama dalam usaha untuk membina alat pengangkutan di laut. Istilah teknikal yang sering digunakan dalam *Sejarah Melayu*, *Undang-undang Laut Melaka* dan *Undang-undang Melaka* tentang alat pengangkutan di laut ini ialah perahu, sampan, ghurab, penjajab, sagur, payar, baluk, lancang, kapal dan jong serta bahtera. Tome Pires menambah dengan istilah yang lain seperti lancar dan nadih. Penggunaan istilah ini berpandukan pada ukuran alat-alat pengangkutan tersebut. Alat pengangkutan yang terbesar ialah jong dan bahtera.

Fasal 23.5 *Undang-undang Melaka* mengatakan bahawa perahu yang paling kecil di Melaka ialah sepanjang lima depa.[93] *Sejarah Melayu* pula menggambarkan bahawa sebuah kapal Melaka boleh memuatkan antara 40 hingga 100 penumpang dan anak kapalnya terdiri daripada Orang Laut. Selalunya kapal ini digunakan dalam peperangan. Kapal yang digunakan sebagai alat pengangkutan adalah kecil saiznya supaya mudah untuk dikendalikan. Tetapi untuk tujuan berdagang, terutama sekiranya para pedagang peribumi terlibat dalam perdagangan yang berbentuk *commenda*, alat pengangkutan yang besar akan digunakan. Ini termasuklah kapal, jong dan bahtera.

Industri perkapalan Melaka adalah sempurna ditambah lagi dengan kehadiran dan pembelian kapal-kapal besar yang baik mutunya dari Pulau Jawa dan Pegu seperti yang dikatakan oleh Tome Pires.[94] Tome Pires juga mengatakan bahawa sepanjang abad ke-15, kegiatan para pedagang peribumi yang menggunakan kapal bukan sahaja terdapat di sekitar Semenanjung Tanah Melayu, malah telah pergi sehingga ke pantai Koromandel termasuk ke Tenasserim, Teluk Benggala, Pegu dan Ceylon. Kemudian para pedagang pergi ke Timur sehingga ke negeri China. Para pedagang pergi juga ke persekitaran Gugusan Kepulauan Melayu di Nusantara dan juga ke Kepulauan Maluku. Malah terdapat juga raja-raja Melaka yang cuba untuk belayar

---

[91]Meilink-Roelofsz, *Asian Trade*, hlm 37.

[92]Dalam konsepsi yang telah umum mereka juga dinamakan sebagai 'equatic people'. Rujuk L.Y. Andaya, "Historical Links ...", dalam Muhammad Abu Bakar (eds), *Historia*.

[93]Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Laut Melaka* hlm. 120.

[94]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 249–250; Alfonso Dalboquerque, *commentaries* III, hlm 142.

ke Mekah dengan menggunakan kapal yang besar ini.[95]

Reolofsz juga mengatakan bahawa perdagangan secara besar-besaran ke seberang laut adalah dengan menggunakan kapal yang dibeli dari Pegu dan Jawa. Beliau mengatakan bahawa kapal buatan Melaka sebagai "... must have been chiefly small, light, fast-sailing vessels .... not capable of constructing deep-sea vessels .... most of these junks must have been of foreign construction."[96]

Tetapi ini bukan bermakna kapal buatan Melaka adalah inferior coraknya. Pendapat yang mengatakan bahawa berdagang ke tempat-tempat yang jauh hanya dengan menggunakan kapal-kapal yang diimport dari Jawa dan Pegu, tanpa memikirkan nilai dan *superiority* kapal-kapal buatan tempatan, tidak boleh diterima sepenuhnya. Ini disebabkan kapal-kapal buatan tempatan mungkin juga digunakan. Apatah lagi jika andaian Roelofsz dibuat tanpa bukti sumber untuk menyokongnya.

Kegiatan ekonomi perdagangan dan perkapalan yang besar dan kompleks telah menyebabkan wujudnya sistem tertentu dalam organisasi perkapalan dari segi aturan atau undang-undang untuk menggunakan kapal, sehinggalah kepada urusan kakitangan yang terlibat. Hal ini amat jelas dinyatakan dalam *Undang-undang Laut Melaka.*

Undang-undang Melaka hanya memperuntukkan lima fasal daripada 44 fasal tentang peraturan berperahu dan berkapal. Tetapi *Undang-undang Laut Melaka* telah menyediakan seluruh 25 fasal mengenainya.[97]

Sebuah jong atau baluk yang belayar dianggap sebagai sebuah 'kerajaan'. Jong atau baluk itu perlu dilengkapkan dengan para pegawai, pentadbir dan organisasi birokrasi walaupun secara ringkas. Fasal 1 *Undang-undang Laut Melaka* telah menggariskan gelaran pegawai dan tugas-tugas serta bidang kuasa masing-masing, mengikut tingkat tertinggi ke tingkat yang paling rendah. Hal ini dapat dilihat pada gambarajah di muka surat 268.

Fasal 1 *Undang-undang Laut Melaka* telah menerangkan adalah menjadi kesalahan jika pegawai menentang atau menafikan arahan pihak atasan. Seorang awak-awak yang enggan mengikut perintah tukang agung boleh disebat dengan tujuh kali sebatan oleh jurubatu. Seorang awak-awak

---

[95]*Ibid.* Tome Pires menyebut Sultan Mansor Syah sebagai, " ... and that he had decided to go to Mecca with a large amount of gold in a junk which he had ordered to be build in Java, and another in Pegu of great size, and that if his illness had not prevented him he would have gone there".

[96]Meilink-Roelofsz, *Asian Trade*, hlm 39.

[97]Fasal 25 hanya merupakan catatan nama perawi naskhah *Undang-undang Laut Melaka* ini. Rujuk R.O. Winstedt dan Josselin de Jong, (eds), *Maritime Laws*, hlm 47–48.

nakhoda : 'raja' di dalam kapal.

jurumudi (malim) : 'bendahara' di dalam kapal.

jurubatu : 'temenggung' di dalam kapal, menjadi hakim. Bertanggung-jawab kepada nakhoda.

tukang kanan, tukang kiri, tukang agung : 'sida-sida' di dalam kapal.

jurubatu kanan, jurubatu kiri, gantung layar, senawi, tukang : bertanggungjawab terus kepada nakhoda

awak-awak : bertanggungjawab kepada tukang.

yang melawan perintah gantung layar atau senawi pula dihukum dengan disebat sebanyak tiga kali.

Dalam pelayaran, beberapa peraturan dan undang-undang dikuat-kuasakan. Kuasa penuh terletak di tangan nakhoda. Semua kakitangan kapal dan penumpang dikehendaki supaya patuh pada peraturan dan undang-undang ini. *Undang-undang Laut Melaka* menerangkan peraturan ini sebagai 'adat'. Kuasa membunuh jika sabit kesalahan terletak di tangan nakhoda sahaja.

Fasal 2 *Undang-undang Laut Melaka* mengatakan bahawa antara larangan yang ditentukan ialah berzina sesama penumpang. Berzina antara pasangan yang telah berkahwin, jika sabit kesalahan akan dihukum bunuh. Bagi pasangan yang masih bujang, akan disebat sebanyak seratus kali atau didenda dengan nilai emas sebanyak setahil sepaha. Bagi pasangan sesama abdi pula akan dihukum dengan dipukul oleh para penumpang.

Fasal-fasal lain dalam *Undang-undang Laut Melaka* telah menggariskan peraturan dan tatacara berurusniaga. Fasal 3 dan 4 contohnya, menerangkan tentang tatacara pembahagian untung yang diperolehi daripada sesuatu perniagaan. Fasal 5(b) ialah tentang syarat penumpang yang turun separuh jalan. Penumpang tersebut dikehendak supaya membayar kepada nakhoda setengah tahil emas. Fasal 7 pula mencatatkan tentang pesalah yang dikenakan hukuman bunuh:

(a) Penumpang mengkhianati nakhoda.
(b) Penumpang yang berkomplot sesama mereka untuk mengkhianati nakhoda, kiwi, tukang dan malim.
(c) Penumpang yang menyisipkan keris di pinggang sedangkan penumpang lain tidak berbuat demikian.

(d) Penumpang yang melakukan kejahatan, agitasi dan 'biadab' sehingga menyusahkan penumpang yang lain.

Fasal 9 *Undang-undang Laut Melaka* menerangkan dengan jelas tanggung-jawab dan hak malim (jurumudi). Malim harus mengetahui seluruh ilmu dan selok-belok pelayaran seperti keadaan ombak, arus, ukuran laut, kedudukan bulan dan bintang, tahun dan musim, teluk dan rantau, kedudukan tanjung, beting, karang, terumbu, busung, gunung, bukit, "... maka sekaliannya itu hendak diingat malim itu baik-baik supaya ia selamat sempurna dalam pelayaran, lepaslah malim itu daripada taksirnya."[98]

Fasal-fasal yang lain ada menerangkan tentang kesalahan melanggar kapal orang lain dan peraturan duduk di bahagian-bahagian tertentu di dalam kapal seperti di balai lintang, di balai bujur, di peterana lawang dan di anjung-anjung. Peterana lawang hanya boleh dididuduki oleh nakhoda dan tukang agung. Sekiranya awak-awak kapal duduk di peterana tersebut, awak-awak boleh dihukum sebat sebanyak enam kali. Kesalahan dan hukum berkelahi sesama anak kapal terdapat dalam Fasal 19. Fasal 20 pula menghuraikan tentang tatacara berurusniaga sesama nakhoda, jurumudi, kiwi dan pegawai-pegawai kapal yang lain. Adalah menjadi kesalahan berat sekiranya tatacara berniaga ini dilanggar.

Dalam seluruh peruntukan peraturan dan undang-undang, walaupun nakhoda mempunyai kuasa utama, kuasanya tidaklah mutlak. Nakhoda harus mengamal dan menggunakan prinsip musyawarah di kalangan sesama penumpang dan anak-anak kapal yang lain untuk menentukan sesuatu keputusan. Contohnya, Fasal 20 telah menerangkan bahawa nakhoda haruslah berunding dengan anak-anak kapal dan penumpang jika ingin berlabuh di pelabuhan yang tidak termasuk dalam jadual pelayaran. Adalah menjadi kesalahan jika berlabuh di pelabuhan yang tidak termasuk dalam jadual pelayaran dengan sesuka hati sahaja;

> "Jika belayar di laut, jikalau nakhoda hendak singgah di teluk, atau di rantau atau di pulau, maka hendaklah mesyuarat nakhoda itu dengan segala orang banyak dan berwaad teguh-teguh, maka dapatlah singgah. Jika tiada nakhoda itu mesyuarat, (maka) salah atas nakhoda itu."

Dalam Fasal 9:1 *Undang-undang Laut Melaka* pula mengatakan bahawa, walaupun seorang nakhoda boleh membunuh tetapi apabila sampai semula ke Melaka, nakhoda akan dibicara sama ada perbuatan membunuh itu sah atau tidak. Sekiranya nyata tidak sah, si nakhoda itu sendiri akan dibunuh

[98] *Ibid*, hlm 37–39.

atau didenda 'sekati lima tahil'. Di laut, menurut Fasal 9:2 pula, sebelum hukuman bunuh dijatuhkan terhadap pesalah yang berzina dengan isteri orang, si pesalah haruslah dibela oleh warisnya, jika ada.

Undang-undang Laut Melaka juga ada mengandungi peruntukan tentang kesalahan mencuri perahu. Fasal 11:3 menyatakan bahawa pencuri perahu yang sabit kesalahannya dikehendak supaya 'diganti harga perahu itu oleh orang yang mencuri itu kepada yang 'empunya perahu.' Sekiranya tidak berbuat demikian, pesalah dikehendak supaya membayar ganti rugi sepuluh emas kepada si pemilik.

Undang-undang apabila menjumpai perahu orang juga ada peruntukannya. Fasal 23:5 menerangkan bahawa orang yang menjumpai perahu orang lain berhak mendapat pampasan yang bernilai setengah daripada harga perahu tersebut. Sekiranya perahu tersebut baru sahaja hanyut dan saiz perahu itu ialah lima depa, maka harga tebusnya ialah satu kupang. Bagi perahu yang lebih kecil nilai terbusannya ialah dua kenderi. Syarat-syarat tebusan juga ada dinyatakan dengan jelas dalam fasal ini.

Fasal 23:3 pula ialah peruntukan undang-undang apabila menyelamatkan orang yang karam di laut. Si mangsa akan menjadi hamba kepada si penyelamat. Jika si mangsa mempunyai harta, si mangsa boleh menebus kes 'penyelamat' tadi dengan membayar sejumlah daripada nilai hartanya kepada si penyelamat.

Fasal 1: *Undang-undang Laut Melaka* dengan jelas menerangkan bahawa semua hal-ehwal perdagangan, peraturan dan sistem serta organisasi berkapal, berjong dan berbaluk adalah terletak di bawah bidang kuasa Syahbandar. Syahbandar yang bertanggungjawab mengenainya. Tujuan diadakan 25 Fasal dalam *Undang-undang Laut Melaka* tentang sistem, peraturan dan organisasi sesebuah kapal, jong atau baluk yang sedang belayar pula ialah untuk;

> "... supaya sentosa kepada pekerjaan di dalam pelayaran, supaya jangan bersalahan dan jangan membinasakan adat dalam pelayaran, supaya selamat pekerjaan di laut .... supaya jangan (ber) soal (ber) bantah di laut .... jangan bersalahan pada kata dan perbuatan dengan segala handai taulannya, dengan segala sahabatnya yang ada bersama-sama dengan dia dan supaya jangan menitiskan darah rakannya yang sama-sama selama (belayar) dengan dia."[99]

Suasana masyarakat kosmopolitan yang diawasi oleh organisasi dan birokrasi pentadbiran peribumi yang tersusun sama ada di darat ataupun di laut, telah

[99] *Ibid*, bahagian 'pembukaan', hlm 31.

menjamin keamanan Melaka. Fungsi Laksamana itu sendiri ialah sebagai 'raja di laut'. Ini menggambarkan betapa pentingnya kegiatan di laut kerana perdagangan dan perniagaan adalah teras kepada kegiatan ini. Melaka telah berjaya untuk menarik ramai saudagar asing datang ke Melaka. Malah, kegiatan perniagaan dan kegiatan perkapalan telah menjadi asas kepada kemakmuran Melaka. Meilink-Roelofsz telah membayangkan betapa Melaka berjaya untuk menikmati kemakmuran ini serta betapa sibuknya penduduk Melaka seperti dalam kenyataan beliau;

> "... bureaucracy seems to have worked efficiently and led to quite a considerable degree of legal security. The foreign merchants felt safe .... But Malaccan trade was so lucrative that the merchants could well afford the extra costs with which they were confronted in the way of bribes, extra levies, gifts and other forms of corruption. These abuses were certainly no worse in Malacca than in other ports and therefore were not in themselves a reason for the merchants to avoid Malacca."[100]

Kenyataan ini mungkin telah diyakinkan terlebih dulu oleh Tome Pires dalam catatannya tentang Melaka yang berbunyi;

> "Men cannot estimate the worth of Malacca, on account of its greatness and profit. Malacca is a city that was made for merchandise, fitter than any other in the world; the end of monsoons and the beginning of others."[101]

Penilaian Tome Pires ini tentu tidak keterlaluan sekiranya sumber peribumi *Sejarah Melayu* juga menerangkan Melaka dengan nada yang serupa, "... terlalu sekali ramainya, segala dagangan pun berkampung. Maka dari Air Leleh datang ke Kuala Muar, pasar tiada berputusan lagi. Dari kampung Keling datang ke Kuala Penajuh itu pun tiada berputusan."[102]

---

[100]Meilink-Roelofsz, *Asian Trade*, hlm 42.
[101]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 286.
[102]W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu*, hlm 247.

12

Masyarakat Melaka 1400–1500 T.M.

SEHINGGA kajian akhir tentang masyarakat Melaka dibuat, amat ketara kita masih menghadapi kekurangan bahan-bahan sejarah tentang masyarakatnya. Secara am, Bab 1 buku ini telah menjelaskan bahawa bahan-bahan ini dapat dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori yang pertama ialah bahan awalan peribumi. Oleh sebab bilangan bahan ini amat terhad menyebabkan kita menumpukan perhatian pada sumber sejarah yang tidak asing lagi, iaitu *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin* dan sumber yang bercorak undang-undang seperti *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*.[1] Kategori yang kedua ialah bahan-bahan awalan dari Eropah yang ditulis oleh pelawat-pelawat awal dari Barat seperti Tome Pires, Eredia, Francois Valentyn, Alfonso de Albuquerque dan sebagainya.[2] Bahan-bahan

---

[1]Naskhah terakhir daripada suatu penyelenggaraan ilmiah telah dilakukan oleh Liaw Yock Fang, kemudian diterbitkan dan diberi judul *Undang-undang Melaka*. Hasil penyelenggaraan ini agak berbeza daripada hasil penyelenggaran yang pernah diusahakan oleh Ph. S van Ronkel umpamanya. Teks suntingan Liaw dan Ronkel menggambarkan undang-undang di darat. Sementara undang-undang yang berhubung dengan laut dirujuk pada teks yang diselenggarakan oleh R.O. Winstedt dan Josselin de Jong. Sila lihat Liaw Yock Fang (ed), *Undang-undang Melaka*, The Hague, 1976; R.O. Winstedt dan P.E. de Josselin de Jong (eds), "The Maritime Laws of Malacca", dalam *JMBRAS*, Jil 29 Bhg 3, 1956, hlm 25–7. Kajian tentang perdagangan Melaka dengan merujuk pada *Undang-undang Laut* di Melaka telah pun dilakukan oleh M.A.P. Meilink-Roelofsz dalam *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and About 1630*, The Hague, 1962, Bab 2 dan Bab 3.

Untuk tujuan rujukan, teks yang digunakan ialah *Sejarah Melayu* versi tahun 1612. Dan untuk tujuan perbandingan digunakan *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 daripada naskhah *Raffles MS. 18* serta teks terjemahan oleh C.C. Brown. Lihat W.G. Shellabear (ed), *Sejarah Melayu*, Malayan Publishing House, Singapore, 1961; R.O. Winstedt (ed), "The Malay Annals or *Sejarah Melayu*", dalam *JMBRAS*, 16, 3, 1938, hlm 1–226; C.C. Brown (ed & tsd), *Sejarah Melayu or Malay Annals*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970. Ada sebuah naskhah tentang undang-undang perniagaan yang ditemui di Melaka berjudul *Undang-undang Pebian* yang mungkin merupakan salah satu versi daripada *Undang-undang Laut Melaka*.

[2]Lihat Armando A. Cortesao (ed & tsd), *The Suma Oriental of Tome Pires*, The Hakluyt Society, London, 1944; J.V. Mills (ed & tsd), "Eredia's Description of Malacca, Meridional India and Cathay", dalam *JMBRAS*, 8, 1, 1930, hlm 1–288; D.F.A. Hervey (ed with notes), "Valentyn's Account of Malacca", dalam *JSBRAS*, No 14, Dis 1884, hlm 120–138; W.D.G. Birch, (ed and annotated), "*The Commentaries of the Great Afonso D'Alboquerque*", III, No LXII, The Hakluyt Society, London, 1880. Untuk keterangan ringkas tentang sumber-sumber Portugis yang belum terselenggara, sila lihat Fr. M.J. Pintado, *Unexplored Portuguese Sources*, kertas kerja yang belum diterbitkan dalam Seminar Sejarah Melaka, Melaka, Disember, 1976.

seperti ini ditambah lagi dengan sumber dari negeri China seperti catatan Ma Huan dalam *Ying-yai Sheng-lan* dan catatan Chao Ju-kua serta sedikit catatan Arab yang menyebut Melaka sebagai *Malakat* atau *Mala'qa*.[3] Sementara itu, bahan-bahan yang tergolong dalam kategori yang ketiga ialah bahan-bahan kajian lanjutan yang ditulis berdasarkan sumber daripada kategori yang pertama dan kedua tadi, di samping beberapa sumber dan tradisi lisan yang longgar dan berselerak sifatnya yang didapati daripada orang tua yang mendiami Melaka.[4]

Walaupun sumber luar ini dapat membekalkan maklumat tentang Melaka sebagai sebuah pelabuhan entrepot tradisional Melayu, tentunya laporan tentang hal ini bersesuaian dengan matlamat ekonomi orang asing yang datang ke Melaka untuk berdagang dan memberikan kesan pula terhadap gambaran sejarah masyarakat Melaka itu sendiri. Dari sudut pandangan orang yang datang berniaga, Melaka digambarkan sebagai sebuah pelabuhan dagang, sebuah pelabuhan *feeder* yang secara langsung atau sebaliknya memencilkan nilai-nilai kemasyarakatan yang telah wujud di situ yang lebih daripada satu abad. Oleh sebab itulah Melaka sering dilihat dari segi kepentingan ekonominya sahaja.

Kenyataan orang asing tentang bentuk masyarakat Melaka yang dibuat secara umum itu menimbulkan berbagai-bagai tanggapan yang berbeza-beza di kalangan pengkaji-pengkaji masyarakat Melaka sendiri.[5] Apabila gejala seperti ini timbul, perhatian kita yang selama ini tertarik kepada sumber sejarah peribumi, dengan secara langsung ataupun tidak langsung, tertarik juga kepada bentuk masyarakat yang digambarkan oleh sumber seperti ini. Tentulah masyarakat ini merupakan orang peribumi Melaka yang terdiri daripada orang Melayu tempatan. Akibatnya, peranan sosiobudaya masya-

---

[3]Nukilan Paul Wheatley daripada nota-nota Shihab al-Din Ahmad ibn Majid daripada *MS Arabe 2292*, Bibliotheque Nationale, Paris. Sebahagian daripadanya telah pun diselenggara dan dianotasi oleh G.R. Tibetts dalam *The Malayan Journal of Tropical Geography*, Jil 9, 1956. Lihat Paul Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsula in Ancient Times*, Singapore, 1964, hlm 125–126.

[4]Sebagai contoh lihat R.J. Wilkinson, "The Malacca Sultanate", dalam *JMBRAS*, 13, 2, 1935, hlm 22–67; R.O. Winstedt, "A History of Malaya", dalam *JMBRAS*, XIII, i, 1935, Bab 3; Wang Gungwu, "The Opening of Relations between China and Malacca 1403–1405" dalam J. Bastin dan R. Roolvink (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Oxford, 1964, hlm 87–104; Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", dalam *JMBRAS*, 41: 1, 1968, hlm 11–22; P.E. de Josselin de Jong dan H.L.A. van Wijk, "The Malacca Sultanate", dalam *JSEAH*, 1, 2, 1960, hlm 20–29; Hsu Yun-Tsiao, *Notes on the Relations between Ryukyu Islands and the Malacca Sultanate during 1464–1511*, kertas kerja yang tidak diterbitkan, kertas kerja No 84, dalam *International Conference on Asian History*, 5th–10th August, Kuala Lumpur, 1968, dan seterusnya.

[5]Walaupun selama ini dikatakan bahawa keterangan Tome Pires tentang masyarakat tempatan di Melaka adalah condong ke pihak Portugis, namun Tome Pires nampaknya memberikan keterangan yang baik dalam mauduknya tentang perlakuan anggota masyarakat, ditinjau daripada pandangan orang asing yang sezaman. Lihat A. Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 229–249.

rakat 'asing' yang datang dan bermastautin di Melaka, yang akhirnya meresap ke dalam berbagai-bagai bidang institusi peribumi yang wujud, selain peranan mereka dalam kegiatan ekonomi, telah dipencilkan begitu sahaja.[6] Walhal sebagai sebuah kuasa kelautan, Melaka adalah bandar pelabuhan kosmopolitan. Ia didiami oleh berbagai-bagai kaum atau suku kaum. Orang Melayu tempatan yang menjadi teras anggota masyarakat jenis ini mengekalkan perpaduan dan persefahaman sewajar dengan yang dituntut kerana Melaka bergantung pada kepentingan laut dan saudagar-saudagar asing yang datang dan berniaga di situ. Oleh sebab adanya peluang sosial tertentu, ada juga orang asing ini yang turut sama terlibat dalam proses dan sejarah perkembangan masyarakatnya.

Sejak wujudnya institusi kesultanan, Orang Laut[7] yang sama-sama mengiringi Parameswara meninggalkan Singapura dan Muar, telah diserapkan ke dalam institusi ini. Integrasi antara kelas Melayu daripada kalangan diraja dan bangsawan dari Palembang ini dengan Orang Laut dan suku-sukunya, telah melahirkan perpaduan masyarakat yang sungguh kukuh.[8] Kekukuhan ini menjadi sumber tenaga yang sangat besar untuk meningkatkan kegiatan dan cabaran ekonomi, politik, ketenteraan dan sosial pada tahap-tahap yang berikutnya. Cabaran ini menjadi kompleks pula setelah datang dan bertapaknya agama Islam.

Iskandar Syah yang didakwa bersikap liberal dan adil[9] telah menggalakkan orang dan saudagar asing datang dan bertumpu di Melaka.[10] Maka

---

[6]Suatu kajian pendahuluan yang khusus bertumpu kepada bentuk kelas dalam masyarakat peribumi Melaka dilakukan oleh Muhd. Yusof Ibrahim, *Some Observations on Social Classes during the Malacca Sultanate, (1400–1511)*, dalam *Conference on the Malay Sultanate and Culture*, kertas kerja yang tidak diterbitkan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1977.

[7]Sering juga dikenali sebagai Orang Selat atau Cellates (Selat) dan Seletar di kalangan pengembara Barat. Lihat Paul Wheatley, *op. cit.*, O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Kuala Lumpur, 1970; L.Y. Andaya, *The Kingdom of Johor 1641–1728*, Kuala Lumpur, 1975; C.A. Gibson-Hill, "The Orang Laut of the Singapore River and the Sampan Panjang", dalam *JMBRAS*, 25, 1, 1952, hlm 161–174; J.V. Mills, *op. cit.*, dan lain-lain. Orang Laut ini juga terdiri daripada berbagai-bagai puak dan suku.

[8]Konsep 'kelas' di sini digunakan dalam erti yang longgar dengan merujuk pada peranan sosial dan politik serta faktor milikan ekonomi seseorang individu dalam masyarakat Melaka. Secara langsung ataupun sebaliknya, individu tadi sedar dalam kategori masyarakat yang ia duduki. Beberapa implikasi terhadap kewujudan fenomena masyarakat ini boleh dilihat dengan penggunaan bahasa dan soal taraf anggota masyarakat Melaka sila lihat Liaw Yock Fang, *op. cit.*, Fasal 2:1, 7:1, 7:3; 8:1 dan lain-lain; Rujuk Muhd Yusof Ibrahim, *op. cit.*, 8–8; Lihat juga Muhammad Yusoff Hashim, *Aspect in the Social History of Malacca Sultanate, 1400–1511*, kertas kerja yang tidak diterbitkan, dibentangkan pada Bengkel Kesultanan dan Kebudayaan Melayu, Ujung Pandang, Makassar, Indonesia 1978.

[9]Untuk gambaran lanjut tentang perkara ini, sila rujuk rencana oleh Wang Gungwu dalam J. Bastin dan R. Roolvink, *op. cit.*, 1964; dan penulisannya, "The First Three Rulers of Malacca", *op. cit.*, 1968; Armando Cortesao, *op. cit.*, hlm 234–238; rencana Hsu Yun-Tsiao yang bertajuk, "Note on the Relations to Admiral Cheng Ho's Expedition" dalam *JMBRAS*, 40: 1, 1967, hlm 154–160; dan O.W. Wolters, *op. cit.*, Bab 7.

[10]*Ibid.*

wujudlah sejenis masyarakat yang bercorak kosmopolitan – bukan kaum dan pelbagai etnik dari Nusantara sahaja, bahkan berbagai-bagai bangsa daripada berbagai-bagai tempat di dunia ini seperti dari China, India dan Parsi, dan dari Semenanjung Arab. Pada awal pemerintahan Iskandar Syah, masyarakat Melaka yang berjumlah lebih daripada satu ribu orang[11] dengan cepat meningkat menjadi lebih kurang empat puluh ribu orang semasa pemerintahan Sultan Alauddin dan menjadi 190 000 orang sebelum Portugis menyerang Melaka.[12] Bilangan hulubalangnya dilaporkan seramai 100 000 orang.[13] Penduduknya tentulah terdiri daripada bumiputera Melayu, sama ada Melayu tempatan dari Melaka ataupun Melayu dari Nusantara.

Kehadiran berbagai-bagai bangsa dan suku kaum ini[14] menyebabkan munculnya 84 jenis bahasa yang dipertuturkan oleh anggota masyarakatnya. Bahasa perantaraan mereka (lingua franca) tentulah bahasa Melayu.[15] Bahasa Melayu juga menjadi bahasa kebudayaan, kesusasteraan dan digunakan di istana dan luar istana, bahasa rasmi untuk surat-menyurat dalam hubungan diplomatik Melaka dengan negeri-negeri asing.[16] Kemunculan masyarakat yang sedemikian adalah kerana kedudukan dan peranan sosio-ekonomi tradisional Melaka itu sendiri, sebagaimana Tome Pires melaporkan;

> "Whoever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice ... for in Malacca they prize garlic and onions more than musk, benzoin and other precious things".[17]

Dan juga bagaimana *Sejarah Melayu* secara umum mendakwa, "... maka negeri Melaka pun makin makmurlah lagi dengan ramainya".[18]

Dari semasa ke semasa, kemunculan berbagai-bagai jenis institusi kebudayaan dalam sistem pentadbirannya, terdapat bukti yang menunjukkan

---

[11]Menurut keterangan Tome Pires, selepas kemangkatan Parameswara, jumlah penduduk Melaka bertambah kepada 6 000 orang. Rujuk Armando Cortesao, *op. cit.*, hlm 234–236.

[12]Lihat rencana W.D.G. Birch, *op. cit.*, 1980, hlm 99. Rencana ini dirujuk oleh R.O. Winstedt dalam rencananya bertajuk, "History of Malaya", *op. cit.*, hlm 52; dan W.G. Shellabear, *op.cit.*, hlm 234–236.

[13]W.G. Shellabear, hlm 241.

[14]A. Cortesao, hlm 269; menurut keterangan Hervey, bahasa Melayu juga menjadi bahasa perdagangan. Lihat Hervey, "*Valentyn's Account ...*", 1884, hlm 52–53.

[15]*Ibid.*

[16]Dalam *Sejarah Melayu* beberapa peristiwa berhubung dengan perkara ini kerap ditulis apabila Melaka menghantarkan utusan ke negeri asing seperti ke Siam, China, Brunei, Jawa dan seterusnya. Surat utusan dikatakan ditulis dalam bahasa Melayu oleh Bendahara Melaka sendiri di bawah naungan Raja Melaka. Lihat W.G. Shellabear, *passim.*

[17]A. Cortesao, hlm 287.

[18]W.G. Shellabear, hlm 82.

bahawa telah muncul golongan masyarakat yang mempunyai peranan tertentu dalam sistem kemasyarakatan. Kelahiran golongan masyarakat inilah yang menyebabkan wujudnya 'kelas-kelas' dalam masyarakat. Sebenarnya pengelasan ini bukanlah bergantung pada ciri pemisah dan kerenggangan anggota masyarakat dan peranan sosial anggota tadi serta hak-hak keistimewaan yang dinikmati oleh individu. Suasana seperti ini terjadi kerana wujudnya sesuatu kelas masyarakat yang kaku dan terpisah jauh antara satu sama lain, tidak mungkin melahirkan sebuah masyarakat yang dinamik dan membangun dalam konteks perkembangan kebudayaan Melayu sejak zaman awal lagi. Suasana ini tentulah berbeza daripada bentuk masyarakat yang terdapat di negeri-negeri Melayu Semenanjung selepas keruntuhan Empayar Melaka itu.[19]

Secara langsung ataupun tidak langsung, pengelasan ini wujud bermula daripada tradisi kepercayaan dan persetiaan antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun di Palembang yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*.[20] Tradisi tersebut secara *de facto* meletakkan Sang Sapurba sebagai lambang kelas pemerintah dan menempatkan Demang Lebar Daun pula sebagai lambang kelas yang diperintah. Hakikat ini diperkuatkan lagi dengan kehadiran pengaruh tradisi Hindu yang meletakkan raja-raja yang memerintah ke taraf dewa-raja.[21] Apabila Islam menjadi dominan dalam kebudayaan Melayu di Melaka, raja yang memerintah dianggap sebagai *Khalifatullah fi al-ard* (khalifah Allah di dunia). Tradisi masyarakat dan kepercayaan turun-temurun seperti ini tentu mencukupi untuk mewujudkan suatu kelas 'suci' yang bertugas untuk memerintah, dan satu kelas lain yang ditentukan untuk diperintah.

Perkembangan institusi budaya ini dapat dijelaskan lagi dengan melihat ciri kerajaan Melaka itu sendiri. Dalam sebuah masyarakat yang ramai anggotanya, kewujudan suatu golongan masyarakat yang mentadbir dan yang memerintah kerana untuk menjaga dan mengawal nilai, norma dan sistem masyarakat yang ada, tentulah tidak dapat dielakkan. Kehadirannya

---

[19]Lihat catatan oleh pengkaji seperti J.M. Gullick dalam *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, London 1958, hlm 15–35, juga rencananya, "Selangor 1876–1882; the Bloomfield Douglas Diary", dalam *JMBRAS*, 48, 2, 1975, hlm 1–51; Frank Sweettenham, British Malaya, London, 1908; P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula* ..., Kuala Lumpur, 1967.

[20]W.G. Shellabear, hlm 26–27; C.C. Brown, hlm 16; Untuk keterangan ringkas terhadap konsep politik dalam tradisi Melayu ini, sila lihat Timothy J. Moy, "*The Sejarah Melayu Tradition of Power and Political Structure* ...", dalam *JMBRAS*, 48, 2, 1975, hlm 64–78; Lihat juga Barbara Watson Andaya, "The Nature of the State in 18th Century Perak", dalam *MBRAS* No 6, 1975, hlm 22–35; Zainal Abidin Abdul Wahid, "Sejarah Melayu", dalam *Asian Studies*, 4, 3, 1966, hlm 448–451, diterjemah dan dicetak kembali dalam Dewan Bahasa, 18, 5, 1974, hlm 201–213.

[21]Lihat R.M. MacIver, *The Web of Government*, The Free Press, Clencoe, Ill., 1965, hlm 11.

dan peranannya adalah *indispensable*. Pihak pemerintah yang tertinggi ialah raja, yang kerapkali juga digelar Sultan atau Yang Dipertuan, dengan penggunaan ganti nama, iaitu baginda atau 'duli tuanku'. Raja didaulatkan; daulat kerajaannya bergantung pada kekuatan daulat rohaniah dan fizikal yang dimiliki oleh raja tadi (seperti pemilikan *tuah* badan, gagah dan berani, petah bercakap, pintar, alim dan berilmu agama atau duniawi).

Sementara itu, golongan yang menjalankan sistem bermasyarakat seperti kakitangan kerajaan yang menjadi pentadbir dan melaksanakan undang-undang, mengendalikan hal-ehwal dalam negeri dan seumpamanya adalah pembesar yang tergolong ke dalam kelas bangsawan Melaka. Mereka disebut sebagai Menteri, Orang Kaya dan Datuk-datuk. Kelas yang paling bawah ialah rakyat.

Ini sebenarnya adalah gambaran masyarakat Melaka yang dilihat secara umum. Sedangkan jika diteliti dengan terperinci pasti akan muncul ciri-ciri masyarakat yang lebih kompleks.

Dalam bentuk kun pada stratifikasi sosial masyarakat Melaka, raja dan golongan kerabatnya menduduki strata yang teratas, diikuti oleh kelas pentadbir yang terdiri daripada pembesar-pembesar. Kemudian disusuli oleh rakyat yang merdeka dan yang menjadi hamba. Di kalangan pembesar dan rakyat yang merdeka, terdapat para intelek dan alim ulama yang pakar dalam hal-ehwal agama Islam. Bilangan mereka agak kecil tetapi amat berfungsi. Di kalangan rakyat yang merdeka jugalah terdapatnya pedagang dan saudagar yang kaya-raya. Hasil usaha berdagang dan berniaga melalui jalan laut dengan menggunakan kenderaan air secara besar-besaran inilah lahirnya para nakhoda. Mereka menjadi suatu kelompok anggota masyarakat yang agak eksklusif di Melaka.

Setiap anggota masyarakat sedar akan kelas yang mereka duduki. Hamba tentu tidak akan dapat mengakui dirinya sebagai orang merdeka. Begitu juga pembesar yang bukan daripada kalangan kerabat pasti tidak akan mendakwa dirinya sebagai golongan diraja. Hakikat ini terbukti secara bertulis dalam *Hukum Kanun Melaka* atau *Undang-undang Melaka*. Peruntukan undang-undang yang disediakan terhadap hamba berbeza dengan peruntukan dan undang-undang yang ditentukan untuk rakyat yang merdeka,[22] dan semakin berbeza pula jika dibandingkan dengan peruntukan kepada pembesar-pembesar.[23] Dengan perkataan lain, masyarakat Melaka adalah masyarakat yang *class-conscious*. Tetapi lantaran adanya interaksi di

[22]Sila rujuk Liaw Yock Fang, *op. cit.*, *passim*.
[23]*Ibid.*, Fasal 7:1–3, Fasal 8:1–3 dan Fasal 9:1–2.

kalangan anggota masyarakat tadi melalui berbagai-bagai kegiatan sosial dan ekonomi, unsur *consciousness* ini sukar dipastikan dengan mata kasar.

Perbezaan kedudukan dan taraf anggota masyarakat ini juga ditentukan oleh pola demografi yang wujud. Tome Pires, Valentyn dan *Sejarah Melayu* memberitahu bahawa raja dan kaum kerabatnya tinggal di atas bukit[24] yang amat strategik dari segi pandangan ke arah laut dan pertahanan. Pembesar-pembesar bertumpu di sekitar lereng bukit berdekatan istana raja di samping mempunyai 'kampung' (kumpulan) masing-masing seperti kampung Bendahara, kampung Laksamana dan kampung Seri Nara Diraja. Sebilangan besar orang Melayu yang tinggal di rumah kayu beratap rumbia, bertumpu di kaki bukit dan di seberang sungai berhadapan dengan bukit. Orang Laut lebih gemar tinggal di tepi pantai,[25] sesuai dengan kegiatan harian mereka.

Ada juga orang Melayu yang bertumpu di beberapa buah kampung di pedalaman, berselerak di sana sini dengan menjalankan kegiatan pertanian secara kecil-kecilan. Sementara itu, di bahagian utara bandar Melaka lebih padat lagi penduduknya. *Sejarah Melayu* melaporkan bahawa di sepanjang kawasan utara Melaka, merentang dari Kampung Keling menganjur ke Linggi dipenuhi dengan rumah.[26] Arah ke hilir muara sungai pula terdapat kawasan berniaga yang paling sibuk. Saudagar yang kaya-raya dilaporkan menduduki bahagian utara tebing Sungai Melaka yang dilingkungi oleh kebun bunga dan buah-buahan.[27] Di bahagian selatan bandar Melaka pula padat dengan rumah, menganjur dari Air Leleh sehinggalah ke Muar.

Golongan masyarakat peribumi kelihatan memonopoli pemerintahan, hal-ehwal pentadbiran dan sosiopolitik Melaka.[28] Golongan ini dianggotai oleh aristokrat Melayu yang meliputi anggota kelas kerabat dan kelas pentadbir yang bukan kerabat.

DAULAT DAN DERHAKA

Raja yang memerintah dianggap berdaulat. Daulat juga dihubungkan dengan konsep spirituil dan kepercayaan tradisi tentang derhaka. Daulat saling berhubungan dengan derhaka. Sesiapa yang ingkar titah dan perintah

---

[24] A. Cortesao, hlm 242–43; J.V. Mills, 1930, hlm 16–17; W.G. Shellabear, hlm 149.

[25] *Ibid.*

[26] Diterangkan juga bahawa tanah yang merentang dari Air Leleh, sebuah kampung yang terletak di bahagian tenggara bandar Melaka menganjur ke Muar dipenuhi oleh rumah. Lihat W.G. Shellabear, hlm 247.

[27] J.V. Mills, 1930, hlm 19–21; Lihat juga G.P. Rouffaer, "Was Melaka emporium voor 1400 A.D. genaamed Malajoer?", dalam *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde van Nederlandsch-Indie, deel 77*, 1921, hlm 359–604; W.P. Groeneveldt, *Notes on the Malay Archipelago Compiled from Chinese Sources*, Batavia, 1874.

[28] Rujuk A. Cortesao, hlm 264–268.

raja dianggap menderhaka kepada raja tersebut. Mereka akan ditimpa daulat raja. Daulat dihubungkan pula dengan kepercayaan 'tulah'. *Hikayat Malim Dagang* mencatatkan bahawa tulah mengambil bentuk tertimpa 'bisa kawi'.[29] Ini suatu ketulahan. Akhirnya terdapat pepatah Melayu yang berbunyi, 'Pantang anak Melayu menderhaka kepada rajanya'. Derhaka boleh dikatakan terjadi dalam beberapa bentuk. *Hukum Kanun Melaka* menyebut bahawa antara perbuatan menderhaka ialah membunuh orang yang membawa titah raja,[30] menyangkal titah raja,[31] bermaharajalela dan cuba menentang perbuatan raja. Si penderhaka sama ada dibunuh dengan cara disalang atau disula (selalunya seluruh keluarga si penderhaka juga turut dibunuh), atau lambat-laun dipercayai akan ditimpa tulah raja dan merana sepanjang hayat. *Sejarah Melayu* menyebut bahawa Sang Rajuna Tapa, iaitu Penghulu Bendahari kepada Raja Iskandar di Singapura, telah ditimpa daulat dan ketulahan dengan menjadi batu, lantaran bersubahat dengan orang Majapahit menyerang Singapura. Walau bagaimanapun, ini sebenarnya merupakan sumber lisan dan kepercayaan tentang Sang Rajuna Tapa yang telah ditimpa daulat Raja Iskandar.[32]

Walaupun pada teorinya dikatakan bahawa dalam konteks daulat dan hubungan rohaniah serta fizikal antara raja dengan rakyat adalah mutlak,

---

[29]Dari segi bahasa, 'tulah' bererti kemalangan, fizikal mahupun rohaniah atau mental yang menimpa seseorang akibat dipercayai kesalahannya kepada orang-orang tua, raja atau tempat-tempat keramat. Kedua-dua *Sejarah Melayu* versi tahun tahun 1612 dan tahun 1536 menerangkan kepada kita tentang suatu peristiwa apabila Maharaja China dihinggapi penyakit kedal seluruh tubuhnya, lantaran baginda menerima 'sembah' Sultan Mansor Syah dari Melaka. Cuma apabila selepas tabib menyuruh supaya Maharaja China itu meminum dan mandi air basuh kaki Sultan Mansor Syah, barulah penyakit tadi sembuh. Raja China disebut tertimpa 'tulah' raja Melaka. Lihat kamus T. Iskandar, *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hlm 1 287.

[30]Liaw Yock Fang, *op. cit.*, hlm 70–71, Fasal 5:4.

[31]*Ibid*, hlm 68–69, Fasal 4. Ringkasnya, peruntukan itu berbunyi, "Adapun yang pertama pada menyatakan orang berbunuh-bunuhan ... menuduh atau berdustakan hakim atau berjual titah, atau menyangkal titah raja, dibunuh hukumnya pada hukum kanun."

[32]Sebagaimana kes yang dideritai oleh Hang Kasturi yang bersalah kerana menderhaka. Menurut *Sejarah Melayu*, di bawah titah dan perintah raja, bukan Hang Kasturi sahaja yang dibunuh, seluruh keluarganya termasuk isteri dan anak-anaknya juga turut dibunuh. Kesan tanah tapak tiang rumahnya digali dan dibuang bersama-sama 'bangkai' Hang Kasturi ke laut. Lihat C.C. Brown, hlm 76–77. Mayat Hang Kasturi disebut 'bangkai'. Perkataan 'bangkai' selalunya untuk binatang yang mati sahaja.

Dalam konteks dan tradisi sosiopolitik Melayu, seorang penulis dari Barat, memahamkan konsep daulat' sebagai;

> "... daulat, as a concept of general Malay tradition, comprised several related ideas. Daulat was the supreme expression of the quality of the 'majesty', and its possession by a ruler constitute divine sanction of his reign. It was a stable, impersonal quality, beyond the influence of its holder's character or abilities. It could be arbitrarily and offensively to protect the ruler, his command and his dignity, and enable him to accomplish acts of great magic. In short, daulat was a foundation of the ideology of legitimation".

Lihat Timothy J. Moy, The *Sejarah Melayu Tradition of Power and Political Order*, sebuah tesis Sarjana Sastera, di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978, hlm 134–135.

tetapi di Melaka kemutlakan daulat ini sering dipersoalkan. Hang Kasturi yang bermaharajalela dianggap oleh Hang Tuah sebagai "... orang derhaka".[33] Contoh yang jelas juga dapat dilihat pada episod pembunuhan Tun Hussein, pembesar Sultan Mahmud. Beliau dibunuh kerana dituduh cuba menderhaka, walhal beliau bertindak atas dasar hak kemanusiaan dan hak individu yang cuba menegakkan kebenaran untuk menuntut bela kerana kematian ayahnya.[34] Sebenarnya perbuatan kedua-dua tokoh sejarah ini mencabar kedaulatan raja Melaka. Dalam kes Hang Kasturi, mungkin dia menyedari bahawa perbuatannya itu bertentangan dengan norma, tradisi daulat dan hukum adat, namun dia tetap mahu menentang raja. Terdapat konflik antara hak individu dengan amalan tradisi dan turun-temurun di sini. Oleh itu, pengarang teks *Hikayat Hang Tuah*, iaitu hasil roman sejarah yang bercorak simbolik[35] itu cuba memanifestasikan perbuatan menderhaka dengan percubaan menegakkan keadilan dan hak kemanusiaan.

Dalam *Sejarah Melayu*, perkataan 'derhaka' sering diucapkan apabila timbul kecenderungan untuk menentang raja. Pihak yang gigih mempertahankan tradisi ini dan menentang penderhakaan selalunya ialah pembesar-pembesar Melaka sendiri, khasnya Bendahara. Pada hakikatnya, kepercayaan adanya daulat dan gentarkan derhaka itulah yang menjadi teras (essence) kuasa dan hak mutlak raja Melaka sebagai pemerintah dalam hubungannya dengan anggota masyarakat lain yang diperintah.

Jawatan Raja Muda tidak jelas di Melaka. Pengganti raja selalunya dilantik apabila seorang raja hampir mangkat. Sebenarnya dalam konteks ini, penyusun *Sejarah Melayu* lebih cenderung menunjukkan gaya penulisan sebuah hasil sastera tradisi yang biasa terdapat, tidak seratus peratus bercorak sejarah. Motifnya menyusun teks tersebut ialah untuk mencemerlangkan keluarga Bendahara. Tetapi penyusun tersebut tidak mungkin dapat menyangkal kenyataan bahawa dalam suasana dan wujudnya kelonggaran dalam sistem penggantian inilah Bendahara kerap memainkan peranannya. Tradisi sejarah Melaka jelas menunjukkan bahawa seorang raja baru yang dilantik ialah putera raja yang mempunyai pertalian darah secara langsung atau tidak langsung dengan Bendahara. Umpamanya, Sultan Mansor beribukan anak Bendahara Seri Amar Diraja.[36] Anak gahara jua tidak semestinya dapat mewarisi takhta kerajaan Melaka seperti pengalaman

---

[33] *Ibid*; lihat juga W.G. Shellabear, hlm 36.

[34] W.G. Shellabear, hlm 244; C.C. Brown, hlm 136.

[35] T. Iskandar, "Some Historical Sources Used by the Author of Hikayat Hang Tuah", dalam *JMBRAS*, 43, 1, 1970, hlm 1–47.

[36] W.G. Shellabear, hlm 98–99; C.C. Brown, hlm 132.

Paduka Mimat, iaitu putera Sultan Mansor dengan isterinya, wanita kerabat (?) China; juga pengalaman Raja Raden, iaitu putera baginda dengan isterinya, wanita kerabat (?) Jawa. Menurut keterangan *Sejarah Melayu* versi tahun 1612, Raja Raden telah terbunuh ketika remaja. Walau bagaimanapun fakta tersebut sering diragui berbanding dengan keterangan teks yang serupa daripada versi *Raffles MS. 18* yang menerangkan kedudukan putera raja yang sama, yang kemudian menjadi Sultan Alauddin Riayat Syah I.[37]

Oleh sebab tidak ada sistem penggantian yang tetap, seringlah tercetus pergeseran peribadi antara kalangan putera-putera raja Melaka dengan raja-raja jajahan takluk yang ada hubungan kekeluargaan dengan Melaka.[38] Di Melaka, perbalahan politik pernah terjadi antara Raja Ibrahim yang beribukan kerabat dari Rokan Sumatera dengan Raja Kassim yang beribukan keluarga Melayu-Tamil daripada kalangan Bendahara. Kemudian didapati bahawa Sultan Ahmad, putera Sultan Mahmud dengan isteri baginda, iaitu puteri Raja Pahang dibunuh atas alasan yang amat pincang, setelah Tun Fatimah, anak Bendahara Seri Maharaja yang dikahwini oleh Sultan Mahmud melahirkan Raja Ali (Sultan Alauddin Riayat Syah II). Bagindalah yang pertama sekali memakai gelaran Sultan Muda di Johor.[39] Raja Menawar di Kampar, iaitu anak gahara sentiasa bermusuhan dengan adiknya, iaitu Sultan Mahmud yang beribukan adik Bendahara, walhal secara tradisi, Raja Menawarlah yang sepatutnya menjadi raja Melaka.

Sistem warisan dalam masyarakat yang menjadi asas tradisi kekeluargaan Melaka adalah sistem patrimonial, iaitu jurai dan 'perut' sebelah bapa lebih dipentingkan. Dengan istilah lain, Adat Temenggung, pesaka dari Palembang menjadi asas pembentukan hukum adat Melaka. Anak lelakilah yang berhak dalam semua hal berhubung dengan pengwarisan. Dari segi politiknya, sistem ini juga mewujudkan suatu corak hubungan yang *imperative* dan selaras, iaitu rakyat dituntut supaya mengesahkan dan mengiktiraf

---

[37]Adalah penting juga dilihat bahawa R.J. Wilkinson dalam menyenaraikan nama raja-raja Melaka, juga menempatkan Raja Raden sebagai nama peribadi untuk Sultan Alauddin Riayat Syah III yang memerintah Johor antara tahun 1597 hingga tahun 1612. Walhal *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 meletakkan Raden Kelang sebagai putera Sultan Mansor Syah dengan isterinya wanita Jawa, kemudian terbunuh oleh seorang yang mengamuk. Sebagai gantinya versi tahun tersebut menerangkan bahawa Sultan Alauddin yang menggantikan Sultan Mansor adalah putera Sultan Mansor dengan isterinya, anak Seri Wak Raja yang tentunya menjadi anak saudara Tun Perak.

Apa yang jelas ialah nama yang dicatatkan oleh *Sejarah Melayu* versi tahun tahun 1536, menurut pendapat Profesor Paul Wheatley, adalah benar dalam erti kata bahawa versi tahun inilah yang dapat mengekalkan rangka asal teks tersebut, yang kemudiannya disusun semula untuk mencemerlangkan semula taraf dan kebesaran keluarga-keluarga Bendahara. Lihat C.C. Brown, hlm 103; W.G. Shellabear, hlm 169–171; Paul Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsula*, hlm 149.

[38]Lihat Lampiran K.

[39]W.G. Shellabear, hlm 279; C.C. Brown, hlm 166.

pemerintahan raja Melaka berdasarkan keluhuran yang sedia dimiliki dan dipusakai oleh raja-raja lelaki Melaka sejak dari zaman Palembang. Justeru itu, dakwaan *Sejarah Melayu* yang mengatakan bahawa raja-raja lelaki Melaka berketurunan Iskandar Dzulkarnain dari Macedonia, Nusyruan Adil dari Parsi dan Seri Tri Buana dari Palembang, dengan sendirinya menegak dan mempertahankan sistem kepercayaan dalam tradisi perajaan Melaka.[40] Kepercayaan ini didapati wujud sehingga pada abad ke-19.

Kalangan kerabat, terutama raja yang memerintah dilengkapkan dengan berbagai-bagai keistimewaan istiadat dan hukum adat. Cuma raja yang berhak menikmati tradisi dan amalan menjunjung duli. Anggota masyarakat yang lain dilarang. Cuma raja yang berhak menggunakan payung berwarna kuning dan anak raja sahaja yang dibenarkan menggunakan payung warna putih. Antara larangan lain yang dikenakan terhadap rakyat ialah membuat rumah berpermanjungan, berperahu dengan tingkap berpenghadapan, memakai penduk, berteterapan keris, bergelang kaki emas, memakai segala jenis perhiasan daripada emas walau bagaimana kaya seseorang itu dan memakai kain nipis, khasa(h) di balai penghadapan.[41] Semua jenis dan alat ini dilarang digunakan tanpa kebenaran atau anugerah raja.[42]

Rasional dalam perlaksanaan berbagai-bagai larangan dan hukum adat ini mungkin dapat dirujuk daripada sejarah dan kebudayaan sendiri. Emas adalah unsur peralatan budaya yang hakiki dalam sistem kepercayaan Hindu-Buddha yang diwarisi sejak dari zaman Palembang lagi dan ia memegang fungsi tertentu dalam tradisi perajaan.[43] Emas bertalian dengan kepercayaan suci yang normatif agama tersebut. Emas juga melambangkan kekayaan. Menggunakan emas mungkin menyebabkan berlakunya persaingan taraf antara yang kerabat dengan yang bukan kerabat dari segi hakmilik ekonomi. Memakai khasa(h) tentulah bertentangan dengan moral, etika dan akidah agama Islam. Rumah istirahat juga lazimnya melambangkan ketinggian taraf dalam sistem sosial dan pemilikan ekonomi. Golongan kerabat sahaja yang

---

[40]Rujuk bahagian awal *Sejarah Melayu*. W.G. Shellabear, hlm 1–6; C.C. Brown, Bab 1–4.

[41]Dalam *Hukum Kanun Melaka*, kesalahan seperti ini amat jelas dinyatakan, sebagaimana hukum tersebut menentukan:

> "Dan demikian lagi tiada dapat memakai kain yang nipis berbayang-bayang seperti khasa(h) pada balai raja-raja atau pada pagar raja-raja itu melainkan dengan kurnia titah raja atau di luar boleh dipakai".

Lihat Liaw Yock Fang, *op. cit.*, hlm 65. Fasal 1:1.

[42]*Ibid.*

[43]Untuk analisis lanjut berkenaan hal ini, sila lihat O.W. Wolters, *op. cit.*, Bab 6–8.

memiliki rumah istirahat di Bertam dan di Tanjung Keling.[44] Anggota masyarakat lain tidak dibenarkan memiliki rumah seperti ini tanpa keizinan raja.

Perbezaan kelas juga dilambangkan dalam penggunaan bahasa. Golongan kerabat atau 'orang dalam' mempunyai bahasanya sendiri, kerap dikenali sebagai 'bahasa dalam'. Antara bahasa jenis ini yang lazim diketahui ialah 'beta', 'santap', 'beradu', 'murka' dan 'gering', berbanding dengan 'bahasa luar' yang digunakan oleh golongan yang bukan kerabat atau 'orang luaran' seperti 'saya', 'makan', 'tidur', 'marah' dan 'sakit'. Hakikat sejarah seperti ini terjadi kerana teras pemerintahan Melaka adalah bercorak kebangsawanan.

Perkembangan masyarakat seperti ini berlaku juga kerana kesan daripada tradisi budaya dan sejarah. Kelas pemerintah, khasnya mereka daripada golongan kerabat, berusaha memperkukuhkan hak dan penghalalan politik melalui unsur kepercayaan dan anutan mistik Melayu-Hindu-Islam yang termudah, dengan matlamat mencipta suatu kelompok eksklusif dalam masyarakat dengan memberikan kedudukan dan hak istimewa kepadanya. Warna kuning diperuntukkan khas untuk raja sahaja. Walaupun *Sejarah Melayu* menekankan bahawa warna putih dan kuning mudah kelihatan daripada jauh, namun fakta yang paling sahih dapat dirujuk daripada tradisi budaya sendiri ialah warna kuning sebenarnya adalah warna suci dan warna upacara (ritual) untuk agama Hindu dan Buddha, warna ini dipilih bagi kain 'ihram' yang dipakai oleh sami-sami Hindu dan Buddha. Payung berwarna kuning juga dikhaskan untuk raja mungkin akibat daripada tradisi sejarah bahawa payung berwarna kuning inilah yang dianugerahkan oleh Maharaja Cina kepada Parameswara pada zaman awal Melaka untuk menunjukkan tanda pengiktirafan daulat terhadap baginda. Jadi, alat tersebut telah dipolitikkan dalam proses budaya pemerintahan.[45]

Sebahagian daripada alat kebesaran raja ialah ketur, kendi dan kipas. Pada amnya, alat-alat ini sama ada dibuat ataupun disalut dengan warna

---

[44]Tanjung Keling dikatakan menjadi tempat istirahat Sultan Mahmud selepas baginda turun dari takhta kerajaan untuk memberikan peluang kepada puteranya, Sultan Ahmad, menjadi Raja Melaka. Adalah menarik juga bahawa terdapat sumber lisan yang mengatakan bahawa di samping kedua-dua tempat untuk istirahat ini, rumah-rumah istirahat juga didirikan di Kayu Ara, terletak di daerah Bertam sekarang, dan sebuah tempat lagi di Air Molek, kampung yang terletak kira-kira tujuh batu di bahagian selatan bandar Melaka, boleh didatangi melalui Sungai Duyung sekarang. Wawancara terus dengan Haji Dahlan bin Ahmad dari Permatang Duyung, Melaka bertarikh 29 Ogos 1977 (Umur beliau ialah 98 tahun).

[45]Victor Purcell dalam merujuk sebahagian daripada laporan Ma Huan, *Ying-yai Sheng-lan* berkata, "The [Ming] emperor [of China] spoke to this Mission in laudatory terms of their master, appointed him the King of the Country of Malacca, and gave him a commission, a seal, a suit of silk clothes, and a yellow umbrella". Lihat Victor Purcell, "Chinese Settlement in Malacca", dalam *JMBRAS*, 20, 1, 1947, hlm 116.

keemasan dan kekuningan, seperti juga kain kuning yang mempunyai hubungan tertentu dalam konteks kebudayaan Melayu-Hindu sebagai kesan daripada pengaruh budaya pra-Islam. Dalam tradisi awal *Sejarah Melayu* pada zaman Bukit Siguntang, emas dan padi mungkin dihubungkan sebagai lambang taraf dan kemakmuran. Tradisi ini mengalami proses rasionalisasi pada dekad-dekad pengukuhan agama Islam di Melaka. Selagi tradisi tersebut tidak bertentangan dengan al-'urf serta akidah dan tidak dianggap sebagai bidaah *per se*, selagi itulah tradisi turun-temurun itu dikekalkan dalam budaya yang bercorak Islam di kalangan masyarakat Melayu ketika itu.

HIERARKI FUNGSI DAN STATUS

Anggota masyarakat lain yang paling hampir hubungannya dengan golongan kerabat ini ialah pembesar-pembesar Melaka. Pembesar-pembesar ini bolehlah dianggap sebagai tonggak penyokong kuasa Melaka. Merekalah yang mengendalikan jentera pemerintahan dan pentadbiran Melaka, dan mereka termasuk ke dalam kelas elit. Melaka jelas mengamalkan sistem pembesar 'Empat Lipatan' yang terawal dalam sejarah tradisional Melayu. Empat Pembesar pertama dalam politik berkerajaan yang paling kanan seperti yang telah disebutkan ialah Bendahara,[46] Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Melihat daripada taraf dan fungsi sosiopentadbiran dan sosiopolitiknya, pembesar yang pertama iaitu Bendahara lebih tinggi kedudukannya daripada pembesar yang kedua dan seterusnya.

Pada amnya, Bendahara menjadi ketua eksekutif seluruh mekanisme kerajaan. Raja Melaka mempunyai kuasa secara *divine* dan *spiritual* untuk memerintah. Bendahara pula mempunyai kuasa pemerintahan dan pentadbiran secara fizikal. Taraf sosialnya selepas raja dan kerabat sangat tinggi kerana ketika ketiadaan Raja, Bendaharalah yang mendapat hak memangku raja,[47] dengan dibantu oleh Seri Nara Diraja (Penghulu Bendahari) dan Seri Bija Diraja. Beliau juga menjadi ketua turus tentera, ketua hakim dan ketua 'di balainya sendiri'. Taraf beliau dapat dibuktikan dari segi kedudukannya di balairung istana. Bendahara duduk di sebelah kanan raja.[48] Selain raja

[46]Orang Melayu yang pertama memegang jawatan ini adalah Seri Wak Raja I. Lihat Ismail Ambia dan Ismail Hussein, *Bendahara-bendahara Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1960, hlm 17; Lihat juga A. Cortesao, hlm 264.

[47]Sebagaimana pengalaman Bendahara Tun Perak dengan bantuan beberapa orang pembesar Melaka yang kanan seperti Seri Nara Diraja, Seri Bija Diraja, dan seterusnya menjadi Pemangku Raja Melaka pada masa Sultan Mansor Syah dikatakan berangkat ke Pulau Jawa. Lihat C.C. Brown, hlm 67; W.G. Shellabear, hlm 116–117.

[48]W.G. Shellabear, hlm 80 dan hlm 93–4.

Melaka, Bendahara juga dianugerahkan usungan untuk berjalan-jalan. Jika dibandingkan dengan taraf pembesar-pembesar yang lain, beliau mempunyai keistimewaannya yang tersendiri, sebagaimana *Sejarah Melayu* menerangkan;

> "... jikalau Tun Perpatih Permuka Berjajar (Bendahara) duduk di balai, jikalau anak raja-raja datang, tiada dituruninya, melainkan anak raja yang akan ganti kerajaan maka dituruninya; dan jikalau Bendahara masuk menghadap, tempatnya duduk itu dibentangi permaidani; jikalau raja masuk maka Bendahara pulang, dan segala orang besar-besar dan orang kaya-kaya semuanya pergi menghantar Bendahara kembali ke rumahnya."[49]

Ketika menjunjung duli terhadap raja di balai, keutamaan istiadat menjunjung duli diberikan kepada Bendahara. Kemudian barulah diikuti oleh Penghulu Bendahari, Hulubalang Besar, para menteri, Orang Kaya, ceteria,[50] bentara, sida-sida dan hulubalang. Tidak terdapat sistem yang tetap tentang penggantian Bendahara. Bendahara selalunya dilantik daripada pembesar kanan yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan raja,[51] atau anak lelaki kepada Bendahara yang meninggal dunia.[52] Dalam hal ini, Bendahara yang dilantik selalunya ialah bapa saudara raja sendiri.

Penghulu Bendahari menduduki hierarki yang kedua selepas Bendahara. Tugasnya yang utama ialah memegang harta benda dan hasil mahsul kerajaan. Pembesar-pembesar Melaka yang terletak di bawah bidang kuasanya ialah bendahari-bendahari Melaka, pemegang hasil negeri, syahbandar-syahbandar dan hamba-hamba raja.[53] Sebagai 'Menteri Kewangan', beliau menjadi wakil menerima ufti dari kawasan takluk dan jajahan Melaka. Penghulu Bendahari juga boleh dititahkan untuk mengetuai angkatan perang Melaka menyerang negeri asing seperti Kampar.[54] Keamanan negeri mungkin tidak terjamin hanya dengan kehadiran dua orang pembesar.

---

[49] *Ibid.*, hlm 42.

[50] Pada amnya dikatakan istilah 'ceteria' ini adalah pinjaman daripada istilah Sansekerta *ksatriya*. Dalam bahasa Melayu *kasytria* bererti 'anak raja-raja'. Lihat T. Iskandar, *op. cit.*, hlm 189.

[51] Seperti halnya dengan Bendahara Tun Perpatih Putih dan Bendahara Tun Mutahir adalah adik dan anak saudara Tun Perak. Lihat W.G. Shellabear, hlm 191 dan 207.

[52] Umpamanya dalam kes Tun Perpatih Sedang, anak Seri Wak Raja I yang juga membawa gelaran Seri Wak Raja II. Orang yang pertama itu adalah ayah Tun Perak yang setelah menjadi Bendahara membawa pula gelaran Paduka Raja. Bendahara Melaka yang akhir, Tun Mat juga sebenarnya adalah anak Tun Perak yang membawa gelaran Paduka Tuan. Lihat W.G. Shellabear dan C.C. Brown, *passim*.

[53] Lihat W.G. Shellabear, hlm 80.

[54] Adalah menarik juga diperhatikan bahawa dalam satu naskhah daripada versi terawal teks *Sejarah Melayu* yang berjudul *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* yang ditandai *Cod. Or. 3199* (3) bahagian (4), tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden, membentangkan peranan penting Seri

Justeru itu, diciptalah jawatan Temenggung sebagai Ketua Keamanan Negeri.[55] Dalam tugas awam, Temenggung menjadi 'pengatur' orang makan di balai istana, menghakimkan pembicaraan yang besar sebagai Timbalan Ketua Hakim, menangkap orang salah, membaiki keadaan pasar dan pekan, dan ketua perancang bandar dan jalan raya. Kecuaian Temenggung menjalankan tugas sering mencetuskan huru-hara dalam negeri.[56] *Undang-undang Melaka* menentukan tugas Temenggung sebagai;

> "Adapun hukum yang diserahkan kepada Temenggung itu barang yang dihukumkan di dalam negeri seperti tafahus-mentafahus dan seperti tangkap-menangkap orang yang jahat di dalam negeri itu."[57]

Temenggung Melaka selalunya dilantik daripada kalangan keluarga pembesar-pembesar Melaka itu sendiri. Umpamanya, Tun Mutahir yang menjadi Temenggung Melaka adalah anak Seri Nara Diraja Tun Ali dan anak saudara kepada Tun Perak. Setelah Tun Mutahir dinaikkan pangkat menjadi Bendahara menggantikan Tun Perak, Tun Hassan pula dilantik menjadi Temenggung Melaka. Beliau ialah anak Tun Mutahir.

Akhirnya terdapat jawatan Laksamana. Sebelum muncul jawatan ini, tugas Laksamana sebagai ketua angkatan laut dipegang oleh Hulubalang Besar, suatu jawatan yang dimonopoli oleh keluarga Melayu dari Bentan yang bergelar Seri Bija Diraja. Di kalangan tokoh terkenal yang memegang jawatan ini ialah Tun Hamzah (Datuk Bongkok), Tun Kerutup (yang dibunuh oleh Sultan Mahmud Syah) dan Sang Setia Titayan (mati ketika me-

---

Nara Diraja Tun Ali. Tokoh ini dikatakan menjadi panglima dan duta utama Melaka dalam sejarah awal kerajaan itu. Naskhah tersebut antara lain mencatat;

> "... lagi berani juga dan termasyhur nama waktu itu (ialah) Seri Nara Diraja panglima Sultan Mudafar Syah kerana bila dikirim oleh Raja Siam Buwayatnya namanya panglimanya Awi Chakra mau mengambil negeri Melaka dengan beberapa banyak orangnya dan kapal diserangnya oleh Seri Nara Diraja. Kemudian Raja Siam pun mangkat. Maka diganti oleh Saupandan. Maka dia pula berangkat [dari] ke Melaka mahu mengambil negeri itu, tetapi ia pun diserangkan juga seperti ayahnya oleh panglima Seri Nara Diraja".

Lihat hlm 3 naskhah versi ini dalam bentuk mikrofilem di Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Naskhah tersebut telah pun ditranskripsi oleh R. Roolvink berjudul "The Variant Versions of the Malay Annals", terlampir pada buku C.C. Brown (ed & tsd), *op. cit.*, hlm xv–xxxv. Rujuk Lampiran D.

[55]Walau bagaimanapun ini tidaklah muktamad. Seorang Temenggung dapat juga diletakkan bertanggungjawab dalam kegiatan ketenteraan terutama dalam kegiatan meluaskan jajahan Melaka di Semenanjung Tanah Melayu dan di Sumatera. Lihat W.G. Shellabear dan C.C. Brown, *passim*.

[56]Sama halnya dengan Temenggung Tun Mutahir yang dikatakan telah mencuaikan tugas untuk membanteras kegiatan mencuri pada masa Sultan Alauddin memerintah Melaka. Ketika itu Melaka menjadi huru-hara. Lihat W.G. Shellabear, hlm 172–174; C.C. Brown, hlm 106–7.

[57]Rujuk Liaw Yock Fang, *op. cit.*, Fasal O:1, hlm 63.

nentang Portugis di Johor).[58] Orang pertama yang memegang jawatan Laksamana yang dicipta pada masa Sultan Mansor Syah ini ialah Hang Tuah, daripada golongan orang kebanyakan. Taraf Laksamana dan Hulubalang Besar pada mulanya adalah sama. Lama-kelamaan keadaan ini berubah. Dalam acara pembicaraan dan pencercaan, Laksamana dan Temenggung ditugaskan mengawal keselamatan Bendahara. Ini menunjukkan bahawa taraf kedua-dua pembesar ini hampir sama. Orang yang biadap dan menentang keputusan Bendahara akan dibunuh oleh salah seorang daripada pembesar ini. Jawatan pengganti Laksamana juga dibuat mengikut lunas kekeluargaan. Pengganti-pengganti Laksamana Hang Tuah ialah Laksamana Khawaja Hassan, iaitu menantunya, dan kemudian setelah Khawaja Hassan meninggal dunia, dilantik pula Hang Nadim, menantu Hang Tuah juga. Sebagaimana Bendahara, Laksamana juga dianugerahkan usungan. Ini merupakan satu keistimewaan taraf.

Gelaran dan konsep istilah Laksamana berkemungkinan suatu adaptasi tradisi Hindu seperti yang dicadangkan oleh Winstedt. Laksamana merupakan adik tiri dan wira kedua dalam tradisi sastera Hindu, Ramayana.[59] Tetapi di Melaka, gelaran Laksamana yang diberikan pada seseorang, telah diwarnai dengan suasana tempatan dan fungsinya dalam masyarakat adalah sebagai ketua organisasi angkatan laut, pembawa utusan diraja dan pengawal peribadi Bendahara.

Maklumat sedemikian membuktikan bahawa ikatan kekeluargaan amat mempengaruhi tradisi pemilihan dan perlantikan seseorang pembesar Melaka. Mungkin untuk mengelakkan sebarang konflik peribadi di kalangan anggota masyarakat untuk memperolehi dan merebutkan jawatan ini, maka pertimbangan tentang kebolehan pastinya akan melibatkan pergeseran di kalangan dan antara keluarga. Kesannya secara langsung ialah terhadap mutu kerja, kecekapan, kebolehan dan prestasi mekanisme dalam sistem dan organisasi jentera pentadbiran dan berkerajaan. Nepotisme mungkin menjadi amalan biasa.

Sementara Syahbandar pula, yang bererti 'pemerintah pelabuhan' dalam istilah Parsi, merupakan seorang lagi pembesar penting Melaka yang menjadi ketua organisasi pelabuhan dan wakil saudagar-saudagar asing daripada kalangan pelbagai kumpulan etnik peniaga. Syahbandar ditempatkan di bawah bidang kuasa Penghulu Bendahari.

---

[58]Cabutan daripada ringkasan sejarah keluarga dan salasilah Seri Bija Diraja ini telah saya tulis dengan judul, "Seri Bija Diraja dalam Tradisi Pembesar-pembesar Melayu Melaka di abad ke-15 dan 16". Lihat Muhammad Yusoff Hashim dalam *Jurnal Sejarah Melaka*, Persatuan Sejarah Malaysia, Bil 3, Oktober 1978, hlm 7–12. Lihat juga tentang hal ini pada Bab 7 buku ini.

[59]R.O. Winstedt, *Classical Malay Literature*, hlm 62–69.

Kehadiran empat orang Syahbandar di Melaka, menurut catatan Tome Pires,[60] menandakan kehadiran ramai pedagang daripada berbagai-bagai kumpulan etnik di Melaka. Gelaran Syahbandar mungkin dibawa dan diperkenalkan ke Melaka oleh pedagang Parsi.

Sebenarnya jawatan Laksamana dan Syahbandar adalah dua jawatan baru yang dicipta mengikut keperluan semasa di Melaka. Fungsi-fungsi sosial dan sosioekonomi mereka banyak dihubungkan dengan suasana ekologi Melaka yang banyak bergantung pada kegiatan laut, terutama perdagangan dan perniagaan.

Institusi Laksamana dicipta justeru untuk memenuhi keperluan laut ini. Sementara pelabuhan pula menjadi sumber dan asas kekuatan ekonomi Melaka. Penciptaan dan perlantikan Syahbandar[61] juga penting untuk memberikan kepimpinan dan organisasi di pelabuhan tadi, sehinggakan Laksamana dan Syahbandar dianggap sebagai 'raja di laut' dan 'raja di pelabuhan'. Kemudian institusi tersebut diwarisi oleh beberapa buah kuasa Melayu kelautan di Semenanjung seperti Johor dan Kedah.

Apabila diikaji dari segi kedudukan, taraf, fungsi dalam bidang awam dan ketenteraan dalam masyarakat serta hak-hak keistimewaan yang dinikmati oleh pembesar-pembesar ini, nyatalah bahawa mereka menduduki kelas yang kedua dalam susun lapis masyarakat Melaka selepas kelas kerabat. Antara pembesar-pembesar lain, yang secara terus ataupun tidak, terletak di bawah bidang kuasa Empat Pembesar dan menduduki kelas yang sama termasuklah Perdana Menteri, satu jawatan yang sangat sukar ditentukan peranannya walaupun dikatakan duduk di tempat yang istimewa di balairung seri.

Pembesar-pembesar ini diberikan kawasan-kawasan *pegangan* di luar wilayah Melaka. Contohnya, Seri Nara Diraja memegang Sungai Ujung (Senin Ujung), Laksamana memegang Siantan dan Sungai Raya, Paduka Tuan memegang Buru dan Tun Bija Sura memegang Inderagiri. Selain Seri Nara Diraja, Syahbandar dan Bendahari yang mendapat sebahagian daripada hasil negeri yang dipungut sebagai punca pendapatan mereka, pendapatan pembesar-pembesar lain berpunca dari kawasan pegangan masing-masing. Di negeri-negeri Melayu Semenanjung abad ke-18 dan abad ke-19, kawasan-

---

[60] A. Cortesao, hlm 265.

[61] *Hukum Kanun Melaka* menyebut;

"Adapun hukum yang diserahkan kepada syahbandar itu iaitu menghukumkan segala dagang dan anak yatim dan segala yang teraniaya dan adat segala jung dan baluk dan barang sebagainya".

Lihat Liaw Yock Fang, *op. cit.*, Fasal 0:1, hlm 63–65.

kawasan geopolitik seperti ini dikenali sebagai 'kawasan permakanan', iaitu kawasan punca hasil pendapatan. Di kawasan-kawasan pegangan ini mereka dibantu oleh Mendelika,[62] penghulu-penghulu tempatan dan Adipati di Kampar.[63] Semua pembesar dan menteri ini diberikan gelaran kebesaran seperti Paduka, Tun, Seri, Sang, Raja dan Hang. Umpamanya, Bendahara memakai dua gelaran, iaitu Paduka dan Raja, dan Penghulu Bendahari digelar Seri Nara Diraja. Bendahara Lubuk Batu Tun Mat digelar Paduka Tuan. Gelaran Tun diberikan pada Hassan yang menjadi Temenggung, dan pada Abu Isahak dan Hamzah (cucu Bendahara Seri Amar Diraja) yang memegang jawatan Perdana Menteri. Kedua-duanya bergelar Tun Abu Isahak dan Tun Hamzah.

Di Melaka, pembesar-pembesar ini mempunyai pengikut dan 'anak buah' masing-masing. Pengikut-pengikut ini mungkin datang dari kawasan-kawasan 'pegangan' tadi dan tinggal di kawasan atau perkampungan pembesar yang berkenaan. Jadi, pengikut Bendahara bertumpu di kampung Bendahara, pengikut Laksamana bertumpu ke kampung Laksamana dan pengikut Temenggung bertumpu di kampung Temenggung. Penempatan penduduk berdasarkan ciri 'pengikutan' ini seolah-olah menggambarkan tentang wujudnya *demographical segregation*. Walaupun tiada bukti yang menunjukkan bahawa pergeseran telah berlaku di kalangan pengikut-pengikut ini.

Secara peribadinya, pembesar-pembesar ini dikawal oleh hulubalang-hulubalang, dan dalam konteks Melaka berhubung rapat dengan kegiatan ketenteraan. Bilangan hulubalang yang begitu ramai tidak semestinya telah melahirkan suatu kelas hulubalang seperti yang terdapat dalam kelas samurai di kalangan masyarakat tradisional Jepun. Mereka secara longgar telah diistilahkan sebagai hulubalang Melaka. Sesiapa sahaja boleh menjadi hulubalang walaupun dia seorang pembesar. Beberapa orang pembesar Melaka seperti Bendahara Tun Perak, Paduka Tuan dan Seri Nara Diraja adalah ketua hulubalang ketika berperang dengan kawasan-kawasan asing di Sumatera dan di Semenanjung Tanah Melayu. Sebenarnya konsep hulubalang di sini lebih dicorakkan oleh fungsi individu dalam masyarakat itu sendiri, yang mana tiap-tiap anggota masyarakat tempatan Melaka pada hakikatnya tertakluk pada tradisi 'kerah'. Oleh sebab peperangan termasuk ke dalam tradisi kerah, jadi dapat dikatakan bahawa setiap individu lelaki

[62]Lihat A. Cortesao, hlm 261. Tome Pires menamakan jawatan ini sebagai *mamduliquas*.

[63]Ini adalah masa ketika Kampar melantik ketuanya sendiri sebelum perlantikan Raja Menawar Syah, putera Sultan Alauddin daripada Melaka untuk menjadi raja Kampar dan ketika Kampar menjadi sebahagian daripada empayar Melaka.

di Melaka yang berkeupayaan fizikal adalah hulubalang belaka.

Kesimpulannya secara umum, dapat dikatakan bahawa pembesar dan pentadbir ini merupakan kelas yang paling terpenting untuk menegakkan konsep serta mendukung institusi perajaan di Melaka dan memberikan 'kehalalan' raja dalam sistem berkerajaan. Secara perlembagaannya, hakikat ini diakui sendiri oleh *Hukum Kanun Melaka* bahawa tugas raja yang paling utama selepas dilantik menjadi raja ialah;

> "Adapun pada segala raja-raja itu, pertama-tama menjadikan bendahara, kedua menjadikan temenggung, ketiga menjadikan penghulu bendahari, keempat menjadikan syahbandar, maka terpeliharalah segala raja-raja itu dengan segala rakyatnya. Adapun maka dibahagi hukum itu atas tiga bahagian. Pertama, pada bendahara, kedua pada teme gung, ketiga pada syahbandar".[64]

Sebenarnya tuntutan perlembagaan dan hak undang-undang ini bersesuaian dengan falsafah dan etos politik masyarakat Melayu tentang peranan dan kedudukan raja dalam hubungannya dengan pembesar dalam masyarakat, sebagaimana yang dituntut oleh *Sejarah Melayu*;

> "Dan lagi tiada akan sentosa kerajaannya (raja), kerana raja-raja itu umpama api, akan segala menteri itu umpama kayu jikalau tiada kayu, di manakan api itu bernyala?"[65]

Secara lojiknya, mengadili kedudukan politik dan peranan sosial kelas aristokrat ini dalam pengertian politik yang longgar, mereka adalah anggota elit masyarakat peribumi Melaka.

UNSUR KEBUDAYAAN DALAM MASYARAKAT PERIBUMI

Selain peralatan budaya, unsur nombor juga menunjukkan kepentingan tersendiri dalam fungsi kerajaan. Apabila seseorang dilantik menjadi Bendahara secara rasmi, beliau dianugerahkan dengan 'lima' persalinan yang mengandungi baju, kain, destar, tetampan dan sebai. Sekiranya seseorang dilantik menjadi Ceteria, Bentara dan Hulubalang, bilangan alat anugerah dikurangkan pada 'empat' dan 'tiga'. Jangka masa hari perayaan juga ditentukan. Umpamanya, upacara pertabalan raja dan upacara perkabungan negeri dijalankan selama 'tujuh' hari.

Pada amnya, penggunaan berbagai-bagai peralatan budaya, amalan-amalan adat dalam kebudayaan ini telah dirasionalisasikan dengan budaya

---

[64]Liaw Yock Fang, *op. cit.*, Fasal 0:1, hlm 64.
[65]W.G. Shellabear, hlm 70; C.C. Brown, hlm 117.

Hindu-Islam serta pengwarnaan corak tempatan. Memakan sirih mungkin berasal daripada amalan Hindu. Orang Hindu percaya bahawa sirih adalah personifikasi Dewa Mahalakshmi (Tuhan kemakmuran, kemewahan dan kesucian). Tetapi apabila peradaban berkembang, fungsi sirih pinang dan puan dalam masyarakat Melayu di Melaka bertukar menjadi *ritual* budaya pula dan mengambil bentuk yang lebih sofistikated, formal dan dihormati dalam hukum adat. Sirih dinyatakan mempunyai fungsi istimewa seperti yang diterangkan oleh *Sejarah Melayu*;

> "Kerana pada zaman dahulu kala sirih daripada puan raja itu terlalu mulia; tiada barang-barang orang dianugerahkan raja; barang siapa dianugerahi raja sirih daripada puan itu, tanda kurnia akan orang itu".[66]

Sehingga kini, puan dan sirih masih mempunyai fungsi masyarakat dalam konteks adat Melayu.

Alat-alat senjata tradisional diwarisi bagi menunjukkan lambang kuasa. Gendang nobat diraja pula mungkin suatu unsur pencernaan Hindu dan Parsi yang biasanya dimainkan untuk tujuan-tujuan *ritual* dalam perayaan agama. Oleh itu, ini dapat mengesahkan pertabalan seorang raja, yang sekaligus ia mempunyai fungsi politik dan spirituil. Oleh yang demikian, unsur spirituil pun menjadi sebahagian daripada politik dalam organisasi berkerajaan tadi.

Unsur pernomboran seperti 'tiga', 'lima' dan 'tujuh' agak penting juga dalam masyarakat Melaka, mungkin sebagai kesan numerologi Hindu dan mistik Islam seperti kepercayaan dan konsep tiga bidadari (Suprabha, Tilotamma dan Manakha) dalam syurga Hindu,[67] rukun yang lima dalam prinsip Islam, sistem deria yang lima dalam tubuh manusia, sains tentang 'bintang tujuh' dalam ilmu astrologi Hindu Sanskerta dan kepercayaan iman tentang tujuh lapis bumi dan tujuh lapis langit dalam Tauhid Islam.[68]

---

[66]C.C. Brown, hlm 118. W.G. Shellabear, hlm 194.

[67]Rujuk R.O. Winstedt, "The Malay Annals ...," hlm 2; Lihat juga R.O. Winstedt, *The Malays, A Cultural History*, London, 1947, hlm 64–65. R.O. Winstedt nampaknya menghubungkan pancaragam nobat sebagai sebahagian daripada syamanisme Melayu-Islam dalam budaya Melayu tradisional.

[68]Tauhid, dalam erti ringkas dihubungkan dengan pengetahuan tentang keesaan Allah. 'Tujuh' nampaknya dihubungkan sebagai simbol kewujudan syurga, sebagaimana firman Allah;

> "Allah yang menyediakan tujuh langit, dan seperti itu juga daripada bumi; berlaku perintah (Allah) di antaranya, supaya kamu ketahui bahawa Allah itu Berkuasa atas tiap-tiap suatu; dan bahawasanya Allah meliputi tiap-tiap suatu dengan pengetahuan-Nya".
>
> (Terjemahan al-Quran surah al-Talaq 65:12)

Rujuk al-Quran, terjemahan ke bahasa Melayu oleh A. Hassan, al-Furqan, Kota Bharu, 1975, hlm 1, 115; Untuk terjemahan Inggeris, sila lihat A. Yusuf Ali, *The Holy al-Quran*, (teks terjemahan, anotasi dan analisa), Lahore, 1934, hlm 1 567.

Nombor-nombor magis asing ini dihubungjalinkan dengan kepercayaan tempatan yang akhirnya membentuk suatu rupa dan 'warna' baru dalam masyarakatnya.

RAKYAT

Anggota masyarakat Melaka yang lain, selain dua kelas ini ialah rakyat. Bilangan mereka secara lojiknya dari segi sejarah tentulah ramai. Fungsi utama mereka dari segi moral, fizikal dan tradisi kemasyarakatan ialah menyokong institusi raja dan pembesar dalam seluruh rangka sistem dan organisasi kerajaan tadi. Sebilangan besar daripada mereka terdiri daripada orang-orang Melayu daripada seluruh Nusantara yang menetap di Melaka. Dalam kelas ini termasuklah juga Orang Laut dan orang asing dari luar Nusantara yang bertumpu di Melaka, khasnya untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi sebagai pedagang dan peniaga atau dalam kes tertentu menjadi pedagang-mubaligh, senteri dan priayi serta ahli sufi Islam untuk menanam dan menyebarkan pengaruh Islam di kalangan anggota masyarakat, tentera-tentera upahan orang Jawa dan Pasai yang tinggal di Melaka. Dalam proses menyokong institusi-institusi sosial tadi, sebenarnya ahli masyarakat daripada kelas ini mempunyai fungsi-fungsi fizikal tertentu. Maka, secara langsung ataupun tidak langsung, muncullah dua jenis rakyat. Pertama, rakyat yang bebas (merdeka); dan kedua, rakyat yang menjadi hamba. Sebenarnya istilah hamba kerapkali disebut-sebut dalam *Sejarah Melayu* berhubung dengan tugas mereka dalam berbagai-bagai kegiatan masyarakat untuk kepentingan tuannya. Dalam *Hukum Kanun Melaka*, hak dan kedudukan sosial hamba sememangnya telah dimasukkan dalam undang-undang.[69]

Walaupun bukti-bukti sejarah tempatan kurang memberi penjelasan, namun pada amnya dapat dikatakan bahawa sebilangan besar anggota masyarakat kelas ini terdiri daripada orang Melayu tempatan dan juga orang asing. Kesemua mereka tertakluk secara longgarnya di bawah pentadbiran tentera yang diketuai oleh Bendahara, Laksamana dan Hulubalang Besar ataupun sebaliknya di bawah pentadbiran awam. Pihak yang pertama tadi selalunya menjadi pengikut atau pengiring pembesar-pembesar dan raja sebagai hulubalang. Mereka terlibat dalam peperangan. *Sejarah Melayu* memberitahu kita bahawa orang asing juga terlibat dalam kumpulan ini. Antara mereka

---

[69]Semua peruntukan berhubung dengan kedudukan dan fungsi sosial mereka, boleh dirujuk pada Fasal 2:1, 6:4, 7:1, 7:3, 8:1, 8:2, 8:3, 12:2, 13:1, 15:1, 15:2, 15:5, 15:6 dan 18:3. Lihat Liaw Yock Fang, *op. cit., passim.*

ialah Khawaja Baba, Naina Isahak dan Sayyid Ahmad.[70] Tome Pires mencatat bilangan mereka mencapai angka seratus ribu orang pada masa pemerintahan Sultan Mahmud Syah.[71] Tenaga mereka boleh digerakkan bila-bila masa sahaja untuk memerangi negeri-negeri seperti Kampar, Rokan, Siak, Inderagiri, Pahang dan Beruas atau untuk tujuan pertahanan seperti mempertahankan Melaka daripada serangan Siam di Pahang dan di Batu Pahat, juga menentang serangan Portugis pada tahun 1511. Ciri-ciri ketenteraan ini tidak mungkin menolak pendapat bahawa ajaran-ajaran batin dan mistik seperti ilmu kebal, silat, pencak dan berbagai-bagai ilmu mempertahankan diri memang menjadi tradisi kalangan hulubalang ini.[72]

Dalam konteks keamanan, mereka menjadi anggota masyarakat yang penting. *Sejarah Melayu* membuktikan bahawa Melaka menjadi huru-hara angkara perbuatan Hang Kasturi, kerana ketiadaan Hang Tuah yang gagah. Kecurian dan rompakan berleluasa semasa Melaka diperintah oleh Sultan Alauddin kerana kecuaian Temenggung dan hulubalang-hulubalang di bawah jagaannya. Kawasan takluk Melaka menjadi kacau-bilau kerana gangguan Kraeng Semarluki dari Mengkasar yang dikatakan segagah Hang Tuah. Tragedi yang menimpa Melaka pada tahun 1511 juga mengakibatkan kematian ramai hulubalang yang handal.

Di pihak yang lain, orang awam kebanyakannya terdiri daripada peniaga dan saudagar. Mereka yang mempunyai taraf ekonomi yang lebih rendah terdiri daripada buruh kasar dan tukang mahir mengukir dan membuat berbagai-bagai jenis alat perhiasan dan senjata. Dalam hal ini, orang Melayu daripada berbagai-bagai daerah Nusantara adalah yang paling

---

[70]W.G. Shellabear, *passim*; C.C. Brown, *passim*.

[71]A. Cortesao hlm 226.

[72]Adalah menarik juga dinyatakan bahawa Tome Pires dengan tidak teragak-agak mencatatkan tentang kehadiran segolongan orang Melayu Melaka jenis ini yang dinamakannya sebagai *nobleman* yang tidak mati (lut) oleh senjata. Menurut Tome Pires, mereka dinamakan sebagai *Cabees*, saya jangkakan maksud Tome Pires itu ialah kebal. Mereka datang dari Brunei, Lingga dan Pahang. Mereka dilaporkan oleh Tome Pires sebagai pahlawan Melaka yang sering dihubungkan dengan perbuatan amuk (amoquos).

Sementara itu Eredia pula memberitahu tentang kehadiran segolongan orang yang disebut *Banuas* (Benua) yang mengabdikan diri dengan mempelajari ilmu-ilmu ghaib dan ilmu peperangan. Pusat pengajian mereka ialah di Gunung Ledang (Ophir) yang kemudian dihubungkan dengan tradisi penulisan *Hikayat Hang Tuah* di mana dikatakan hulubalang-hulubalang Melaka memperoleh ilmu ghaib di situ dan tempat terjadinya kisah mitos Puteri Gunung Ledang. Menurut Tome Pires dan de Eredia, bilangan orang jenis ini di Melaka adalah ramai.

Untuk rujukan lanjut sila lihat W.G. Shellabear, Bab 27; C.C. Brown, Bab XII yang menerangkan kisah Puteri Gunung Ledang bukan berlaku dengan Sultan Mahmud, bahkan terjadi dengan Sultan Mansor. Lihat juga J.V. Mills, *Eredia's Description* ... hlm 40–41; A. Cortesao, hlm 266–267; Kassim Ahmad, (ed), *Hikayat Hang Tuah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1964, (passim); Lihat juga T. Iskandar, "Some Sources Used by the Author of Hikayat Hang Tuah", *op. cit.*, hlm 38–41.

ramai. *Sejarah Melayu* semasa dalam menerangkan pembinaan istana Sultan Mansor bagi menggantikan istana yang terbakar menjelaskan;

> Maka Sultan Mansor Syah memberi titah pada Bendahara menyuruh berbuat istana dan balairung, "Di dalam sebulan juga kita kehendaki sudah". Maka Bendahara pun mengerahkan orang berbuat istana dan balairung. Maka orang Ungaran berbuat istana besar, dan orang Tungkal berbuat istana kecil, dan orang Buru berbuat sebuah istana, orang Suir berbuat sebuah istana, orang Pancor Serapong membuat sebuah balairung, orang Buru membuat balai pendapa, orang Merba membuat penanggahan, orang Sawang membuat balai Jawa di sisi balairung itu, orang Kundur membuat balai apit pintu keduanya, orang Suntai membuat balai kendi, orang Malai membuat permandian, orang Upang membuat bangsal, orang Tungkal membuat masjid, orang Bentan berbuat pagar istana, orang Muar membuat kota awang. Adapun istana itu baik pula daripada istana dahulu.[73]

Hasil ukiran ini dikatakan telah melahirkan unsur seni yang amat halus dan menarik.

Petikan ini memberikan pengetahuan kepada kita tentang amalan kerjasama yang mungkin setaraf dengan amalan dan konsep berderau, bergotong-royong, berseraya atau bersambatan[74] yang lazim terdapat di kalangan masyarakat peribumi Nusantara, telah menjadi salah satu unsur asas persefahaman dan permuafakatan di kalangan anggota masyarakat Melaka di samping unsur lain seperti bermusyawarah, berjemaah dan berbicara.

Hal yang menarik perhatian kita ialah anggota masyarakat perempuan. Wanita daripada golongan kerabat diberikan gelaran Raja, sementara daripada golongan bangsawan yang dapat menaiki taraf ke peringkat kerabat diberikan gelaran Tun seperti Tun Fatimah anak Bendahara Seri Maharaja, Tun Senaja, Tun Kudu dan Tun Sirah. Anak perempuan seorang biduanda diberikan gelaran Dang seperti Dang Bunga anak biduanda Muar dan Dang Bibah.[75] Sementara itu, wanita di kelas rakyat pula nampaknya turut terlibat

---

[73]C.C. Brown, hlm 79, W.G. Shellabear, hlm 140–141.

[74]Untuk analisa yang menarik tentang konsep gotong-royong dalam masyarakat peribumi di Nusantara, sila lihat Koentjaraningrat dalam *Social Anthropological Observation of Gotong-Royong Activities in Two Villages in South Central Java*, Ithaca, New York, Cornell Modern Indonesian Project, 1962, hlm 65–75; Lihat juga rencana beliau, "Gotong-Royong System and the Spirit of Gotong-Royong", dalam *Berita Antropologi*, Rawamangun, Jakarta, Tahun IX, No 30, Februari, 1977, hlm 4–16; Syed Husin Ali, *Malay Peasant Society and Leadership*, Oxford University Press, 1975, hlm 55–63; Rosmini Shaari, *Susunan dan Organisasi Ekonomi Masyarakat Mukim Kerdau*, Latihan Ilmiah B.A. (Hons), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1968, hlm 15–35.

[75]W.G. Shellabear, hlm 155.

dalam kegiatan ekonomi seperti berniaga dan membuka kedai.

Dalam masyarakat yang sedemikian, apabila hak dan keistimewaan amat bergantung pada taraf sosial dan pemilikan ekonomi, agak sukar ditentukan taraf perkahwinan seorang lelaki. Namun demikian adalah biasa bagi kaum lelaki, terutama mereka daripada kelas kerabat dan aristokrat, mempunyai sekurang-kurangnya dua isteri di samping menyimpan gundik, sebagaimana biasa walaupun tidak kerap berlaku di kalangan orang Timur tradisional yang berada. Hakikat ini meyakinkan kita tentang wujudnya amalan poligami dalam masyarakat Melaka kerana Islam membenarkan seorang lelaki Islam mempunyai empat orang isteri serentak, jika mampu.[76] Tome Pires melaporkan bahawa wanita yang menjadi isteri pembesar pula jarang kelihatan di khalayak ramai.

Rakyat tempatan juga terlibat dalam kegiatan pertanian di peringkat sara diri. Di sekitar Melaka, terdapat seribu lima ratus dusun dengan berbagai-bagai jenis buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan, walaupun Groeneveldt dan beberapa laporan China menyatakan bahawa tanah Melaka berpasir di sepanjang pantai dan pamah pula di daerah pedalaman dengan perbezaan suhu antara siang dengan malam yang melampau.[77] Kehadiran dusun menyebabkan terbentuknya hukum adat dan undang-undang tentang hakmilik tanah, tatacara dan undang-undang berdusun serta undang-undang jual beli tanah dan hasil tanaman serta soal buruh dalam kegiatan pertanian dalam *Hukum Kanun Melaka*.[78] Kegiatan ekonomi yang lain untuk golongan ini ialah melombong bijih. Ini termasuklah penglibatan orang asing terutama orang Cina. Kegiatan ini tidak dapat dinafikan kerana Pires dan

---

[76]Allah berfirman:

> "Dan jika kamu takut, bahawa kamu tidak akan boleh berlaku adil tentang (perkahwinan kamu dengan) anak-anak yatim, maka kahwinlah beberapa perempuan yang kamu sukai, dan dua tiga dan empat; tetapi jika kamu takut bahawa kamu tidak boleh berlaku adil(pula), maka (kahwinlah), seorang sahaja atau hamba-hamba yang dimiliki oleh tangan-tangan kanan kamu. Yang demikian itu, lebih hampir buat kamu terhindar daripada berlaku aniaya".
>
> (Terjemahan al-Quran surah al-Nisa' 4:3)

Lihat al-Quran, A. Hassan, *op. cit.*, hlm 150; A. Yusuff Ali, *op. cit.*, hlm 179.

[77]Di samping mengisahkan keadaan ekologi dan geografi Melaka, laporan China juga menerangkan tentang keadaan taraf hidup yang tinggi di Melaka, barang-barang dan binatang sembelihan terpaksa diimport, sebagaimana Victor Purcell memetik laporan dari China yang menulis, "... the cost of living in Malacca was high, about five times the cost of living in China, that fowl, dogs, geese and ducks were imported". Lihat Victor Purcell, *Chinese Settlement ..., op. cit.*, hlm 117. Lihat juga W.P. Groeneveldt, *Note on the Malay Archipelago ...*, hlm 123–124.

[78]Liaw Yock Fang, *op. cit.*, hlm 106–116 merangkumi Fasal 19:1, 19:2, 19:3, 20:1, 20:2, 22:1, 22:2 dan 22:3

de Eredia serentak berpendapat bahawa kawasan utara Melaka, menganjur dari Kuala Linggi hingga ke Kedah yang menjadi taklukan Melaka dipenuhi oleh lombong bijih.

HAMBA

Kemunculan institusi perhambaan di Melaka, sering dikaitkan dengan tradisi perhambaan dalam masyarakat Arab atau Islam dan wujudnya sistem kasta dalam masyarakat Hindu. Di Melaka, institusi ini diberikan corak dan pengwarnaan tempatan. Institusi perhambaan muncul akibat didorong oleh keperluan dan kepentingan sosial serta ekonomi masyarakat Melaka sendiri. Secara fizikalnya, fungsi hamba ialah untuk menyediakan tenaga manusia bagi menyokong dan menjalankan berbagai-bagai kerja yang wujud dalam masyarakat. Hamba dapat meninggikan taraf individu yang menjadi pemilik mereka. Makin ramai hamba yang dimiliki, makin tinggilah taraf sosial seseorang sebagai anggota masyarakat dan mungkin semakin kukuhlah kedudukan ekonomi pemilik. Hal seperti ini pernah dinikmati oleh Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, salah seorang pembesar Melaka yang terkaya pada zamannya, memiliki ratusan hamba.

Dengan adanya hamba ini, maka usaha menggerakkan tenaga manusia untuk semua keperluan sosial dan ekonomi tidak akan menjadi masalah lagi. Ada hamba lelaki dan ada hamba perempuan. Hamba lelaki dijangkakan membuat semua jenis pekerjaan dan menggunakan tenaga untuk kerja memanjat pokok kelapa sehinggalah kerja menjadi pengayuh jong yang besar. Hamba perempuan yang disebut *beti-beti* bertugas menjalankan kerja di rumah, membuat kerja di ladang sehinggalah kadangkala 'dipakai' oleh tuannya.

Peruntukan-peruntukan (provisions) juga disediakan oleh *Hukum Kanun Melaka* khas tentang tugas dan taraf seorang hamba. Hamba di Melaka dapat dibahagikan pada tiga golongan yang besar. Pertama ialah hamba biasa. Mereka dikenali sebagai 'biduanda', 'dengan', 'abdi' dan 'hamba'. Biduanda dikatakan bertaraf lebih tinggi daripada yang lain. Manakala ketiga-tiga hamba lain itu mempunyai erti yang sama, di mana sebenarnya 'dengan' adalah istilah lama untuk 'hamba' dan 'abdi'. Kedua ialah hamba berhutang, iaitu orang yang menjadi hamba kerana tidak dapat membayar hutangnya pada si piutang. Seorang pencuri yang ditangkap tetapi tidak dapat memulangkan barang yang dicuri pada empunya barang, juga boleh 'masuk ulur' (menjadi hamba) pada si empunya barang tadi. Orang ini juga dinamakan hamba berhutang kerana sebagaimana yang diterangkan oleh *Hukum Kanun Melaka*;

> "Jikalau habis (barang yang dicuri) dimakannya, tuannya memberi ganti. Adapun jikalau ia menderheka (menjadi) masuk ulur pada yang empunya harta".[79]

Golongan yang akhir sekali ialah hamba raja. Mereka yang menjadi hamba raja ialah orang merdeka yang telah melakukan kesalahan jenayah, kemudian tertangkap, lalu mendapat pengampunan raja. Di kalangan jenis hamba-hamba ini, hamba rajalah yang mendapat hak yang istimewa dalam masyarakat sehingga diperundangkan bahawa sesiapa membunuh hamba raja akan menerima hukuman yang berat seperti *Hukum Kanun Melaka* menjelaskan;

> "Adapun jikalau hamba rajin dan segala hartanya (si pencuri) itu dirampas. Jikalau nakhoda sekalipun demikian juga hukumnya".[80]

Layanan yang diberikan pada golongan hamba berbanding dengan orang merdeka, di sisi amalan undang-undang amat berbeza. Umpamanya kerana kesalahan mencederakan orang. *Hukum Kanun Melaka* menentukan;

> "Fasal yang kedelapan pada menyatakan menetak orang. Jikalau abdi menetak merdeheka, maka iaitu masuk ulur. Adapun jikalau merdeheka menetak 'abdi', kenalah denda setengah harganya. Jikalau ia miskin, kenalah sepuluh emas akan dendanya itu".[81]

Hukuman menjadi lebih berat jika si hamba tadi mencederakan pula seorang pembesar. Hal yang sama terjadi jika si hamba tadi menampar pula seorang pembesar. *Hukum Kanun Melaka* menyebut;

> "Adapun jikalau 'abdi menampar merdeheka, hukumnya dipotong tangannya. Adapun jikalau merdeheka menampar 'abdi tiada dengan salahnya, kena sepuluh emas. Adapun hamba orang itu, jikalau dengan judah mulutnya, seperti memaki, mana suatu pun tiada salahnya lagi merdeheka itu".[82]

Hak undang-undang yang sedemikian, ditentukan pula oleh fungsi dalam masyarakat, meletakkan golongan hamba ini ke dalam kelas masyarakat yang paling bawah. Ada dua jenis hamba di Melaka. Ada hamba yang menjadi hamba turun-temurun seperti hamba, abdi dan biduanda. Ada juga hamba yang menjadi hamba untuk sementara waktu sahaja seperti hamba berhutang

---

[79] *Ibid.*, Fasal 11:1, hlm 121–122.
[80] *Ibid.*, Fasal 24:1, hlm 121–122.
[81] *Ibid.*, Fasal 24:1, hlm 75.
[82] *Ibid.*, Fasal 8:2, hlm 75.

dan hamba raja. Hamba raja akan dilepaskan oleh raja dengan relanya atau hamba berhutang akan dibebaskan setelah membayar hutang berdasarkan jangka masa tertentu yang dijanjikan untuk berkhidmat dengan si pemiutang tadi. Hamba perempuan yang berkhidmat di istana raja selalunya dipanggil dayang-dayang. Sebagaimana hamba raja, dayang-dayang ini juga nampaknya mempunyai hak yang istimewa dalam masyarakat. Kedudukannya menjadi lebih istimewa jika dia dijadikan gundik oleh raja kerana anak yang dilahirkannya akan menduduki kelas kerabat dengan memakai gelaran raja.

Walau bagaimanapun, hamba masih mempunyai hak-hak kemasyarakatannya sendiri. Gambaran daripada *Hukum Kanun Melaka* menunjukkan bahawa hamba adalah terlindung daripada kezaliman. Walaupun mereka dimiliki oleh tuannya, tetapi hamba masih mempunyai kebebasan untuk bergerak seperti mengambil upah daripada orang lain.[83] Hasil pendapatan boleh disimpan sendiri ataupun diserahkan pada tuannya. Mereka juga dilindungi oleh undang-undang jenayah dalam erti kata jika dia ditampar orang, orang yang menampar tadi akan didenda.[84] Begitu juga jika seseorang menjatuhkan maruah hamba, *Hukum Kanun Melaka* menetapkan;

> "Adapun jikalau menawar hamba orang, didendanya lima emas; itu pun jikalau dengan tiada perbuatan zina(h) dengan dia. Dan apabila diambil daranya abdi orang itu, maka didenda akan dia sepuluh emas".[85]

Hak seperti ini juga dinikmati oleh anggota masyarakat yang lain, sama ada mereka orang bebas ataupun hamba. Umpamanya isu berhubung dengan hak kebebasan individu, undang-undang menentukan;

> "Demikian lagi menangkap orang, maka lalu diwati'nya perempuan itu, pun sepuluh emas dendanya, kerana menggagahi orang. Demikianlah hukumnya atas pihak kanun hukumnya".[86]

Jadi, denda yang dikenakan itu bukanlah kerana dia merogol tetapi kerana menggunakan paksaan.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa teks undang-undang ini hanya merupakan, "... a book of reference"[87] sahaja, soal pengamalannya boleh diragukan. Perkara yang penting untuk dilihat di sini ialah gambaran dan falsafah yang diberikan oleh undang-undang ini sebagai tatacara dan panduan pada anggota masyarakatnya yang hidup dalam suatu masyarakat

---

[83] *Ibid.*, Fasal 3, 10, 15:1, 2, hlm 68, 78, 88–92.
[84] *Ibid.*, Fasal 8:2, 3 dan 4, hlm 74–76.
[85] *Ibid.*, Fasal 12:1, hlm 82 dan 84.
[86] *Ibid.*, Fasal 12:2, hlm 84.
[87] Lihat R.O. Winstedt, *Classical Malay Literature* ..., hlm 167.

dan organisasi kerajaan. Teks undang-undang ini mencatatkan bahawa; "Barang siapa melalui seperti yang tertentu di dalam undang-undang ini durhakalah ia ke bawah Duli Yang Dipertuan ..."[88] Dengan perkataan lain, sesiapa yang tidak mematuhi undang-undang tersebut di anggap menderhaka, dan orang yang menderhaka tidak dikehendaki dalam masyarakat tersebut.

PEDAGANG DAN PENGUSAHA

Kemunculan Melaka sebagai pelabuhan dagang telah mewujudkan golongan usahawan pedagang dan peniaga daripada kaum peribumi dan pendatang. Golongan ini seperti golongan hulubalang juga, tidak mungkin dapat membentuk sesuatu kelas yang khusus dari segi profesionalisme kerana kegiatan perniagaan dan sektor perdagangan boleh dilibati dan dilakukan oleh sesiapa sahaja, sama ada oleh raja, pembesar mahupun rakyat, lelaki dan perempuan dalam masyarakat tadi. Mengikut catatan Tome Pires, beberapa orang Sultan Melaka sendiri mengambil bahagian yang cergas dalam sektor ini sehinggakan baginda dikatakan menjadi kaya-raya. Bukti ini tidak mungkin dapat menolak kenyataan bahawa pembesar-pembesar Melaka juga turut berniaga. Antara mereka ialah Bendahara Tun Mutahir, yang kemudiannya menjadi Seri Maharaja dan Tun Isap. Berkenaan pembesar yang akhir ini, *Sejarah Melayu* menyebut;

> "Adapun Hang Isap itu ada berniaga dengan seorang Saiyid hamba Allah. Pada kira-kira Saiyid itu ada emasnya sedikit lagi pada Hang Isap ...".[89]

Namun demikian, dalam banyak hal, orang asinglah yang nampaknya lebih banyak terlibat dalam usaha perdagangan secara besar-besaran.

Usaha berdagang dengan negeri-negeri asing mengakibatkan kemunculan tokoh-tokoh usahawan dalam masyarakat tadi. Di kalangan tokoh usahawan yang dikenali ialah nakhoda, jurumudi, kiwi, maula (ketua) kiwi dan orang banyak. Sebenarnya merekalah yang menjadi 'orang tengah' dalam semua transaksi perniagaan. Nakhoda mendapat tempat yang istimewa dalam masyarakat kerana kedudukan dan peranan ekonomi serta kegiatan perkapalan Melaka itu sendiri. Tugas dan kedudukan nakhoda diperundangkan.

---

[88]Liaw Yock Fang, *op. cit.*, Fasal 44:10, hlm 177.
[89]W.G. Shellabear, *passim*; C.C. Brown, *passim*.

Undang-undang Laut Melaka menyebut;

> "Adapun yang dinamai khalifatu'l mu'minin itu, di dalam negeri: demikian lagi nakhoda itu di dalam laut ... kerana segala nakhoda itu ganti raja dalam laut ... maka dapat ia menjadi raja di laut: jikalau kanak-kanak sekalipun, rajalah".[90]

Dari segi bidang kuasa pentadbiran, nakhoda, sama ada daripada golongan peribumi mahupun golongan orang asing, terletak di bawah Syahbandar di pelabuhan. Untuk mengawal tingkah laku penumpang dan peniaga dalam sebuah kapal yang menjalankan perniagaan, maka kerajaan Melaka menyediakan pula undang-undang dan tatacara tertentu yang wajib mereka patuhi. Undang-undang yang terjelma dalam *Undang-undang Laut Melaka* ini juga meliputi tatacara berniaga. Daripada kenyataan Pires tentang hadirnya empat orang Syahbandar Melaka membuktikan bahawa bilangan masyarakat Melaka yang mengambil bahagian dalam perniagaan adalah besar.

MOBILITI SOSIAL

Kewujudan kelas dalam masyarakat tidak bererti bahawa mobiliti sosial tidak dapat berlaku sekiranya dirujuk kepada fungsi dan kedudukan ekonomi anggota masyarakat tadi. Dalam banyak hal, proses mobiliti yang sering terjadi ialah dalam bentuk mendatar (horizontal). Ini mungkin terjadi dalam kelas yang bukan kerabat.

Cara yang paling menarik bagaimana mobiliti menegak (vertical) dapat berlaku ialah melalui perkahwinan. Jika benar Pires dan *Sejarah Melayu* melaporkan bahawa Tun Fatimah, anak Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir yang dikahwini oleh Sultan Mahmud Syah, kemudian dilantik menjadi Raja Perempuan Melaka, maka mobiliti bentuk ini memanglah dapat dibuktikan. Tetapi proses mobiliti sedemikian memang amat jarang berlaku. Memang ramai perempuan, kebanyakan (merdeka atau hamba) dan anak pembesar-pembesar Melaka sendiri, juga anak orang asing daripada kaum China, Keling dan Parsi yang dikahwini atau dijadikan gundik oleh raja Melaka. Dan walaupun wanita-wanita tadi melahirkan anak yang boleh menduduki kelas kerabat dengan memakai gelaran 'raja' ataupun 'raden' dan 'paduka' seperti Paduka Seri China dan Paduka Mimat, iaitu dua orang putera Sultan Mansor Syah dengan isterinya seorang wanita China, juga Raden Kelang, iaitu putera Sultan Mansor juga dengan isterinya anak seorang Jawa. namun kemungkinan wanita-wanita tadi tidak dapat menduduki kelas kera-

[90]R.O. Winstedt dan Josselin de Jong, "The Maritime Laws of Malacca", *op. cit.*, hlm 28.

bat memang tidak dapat dinafikan. Lantaran sistem masyarakat peribuminya bercorak patrimonial, soal warisan keluarga tentu tidak menjadi masalah, walaupun wanita yang dikahwini ini bukan kerabat.

Episod-episod bersejarah yang dibentangkan oleh *Sejarah Melayu* segera menarik perhatian kita kepada kekerapan berlakunya mobiliti menegak di kalangan yang bukan kerabat. Contoh yang paling unggul dapat kita perhatikan ialah daripada pengalaman Hang Tuah, iaitu tokoh sejarah yang kemudiannya telah dilegendakan itu. Pada asalnya beliau adalah orang kebanyakan, yang tentunya menduduki kelas ketiga dalam stratifikasi sosial dengan panggilan Si Tuah sahaja. Selepas memberikan khidmat cemerlangnya kepada pembesar dan raja Melaka dalam bidang ketenteraan melalui keistimewaan dan kebolehan fizikal, Hang Tuah berjaya mencapai kelas aristokrat dan bangsawan Melayu Melaka dengan menjawat pangkat Laksamana. Beliaulah yang mengasaskan tradisi kebangsawanan keluarga Laksamana ini sehinggalah ke periode Johor. Gelaran Laksamana selepas ini diwarisi oleh keluarga dan menantunya sendiri. Walaupun Hang Tuah tidak pernah diberikan gelaran kebesaran berbanding dengan pembesar-pembesar Melaka yang sezaman dengannya,[91] namun demikian, gelaran Tun diberikan kepada anak-anaknya seperti Tun Biajid, Tun Sirah dan Tun Sabariah.

Orang asing juga nampaknya berpeluang menikmati mobiliti jenis ini. Contoh yang jelas dapat kita lihat kepada Khawaja Baba dan Sayyid Muhammad. Khawaja Baba berasal dari Parsi dilaporkan sama-sama terlibat dalam peperangan semasa Melaka mengalahkan Kampar, dan akhirnya beliau dianugerahkan dengan gelaran yang istimewa, iaitu Akhtiar Muluk[92] Keturunan Akhtiar Muluk bergelar Khawaja dan Tun yang akhirnya termasuk dalam kelas bangsawan Melayu. Sementara Sayyid Muhammad pula yang asalnya adalah nakhoda sahaja telah dianugerahkan dengan gelaran kebesaran oleh Sultan Mahmud sebagai Syah Andika Menteri setelah beliau membantu Hang Nadim 'melarikan' Tun Teja dari Pahang. Beliau dimasukkan ke dalam golongan pembesar dengan tugas istimewanya di istana Melaka yang

---

[91] Adalah menghairankan juga jika dilihat kedudukan Hang Tuah yang sejak awal dilantik menjadi Laksamana dan secara automatik menjadi Pembesar Empat tidak membawa sebarang gelaran kebesaran sekiranya dibandingkan dengan pegawai-pegawai dan pembesar-pembesar yang sezaman dengannya. Fakta yang mengatakan bahawa Hang Tuah menggunakan gelaran Tun dalam *Hikayat Hang Tuah* sebenarnya lebih bercorak anakronistik daripada bersejarah. Lihat Kassim Ahmad, *op. cit., passim.* Secara rasmi Hang Tuah lebih kerap dipanggil 'Orang Kaya' sahaja.

[92] Ini sebenarnya pinjaman bahasa Arab "malik" yang dalam bentuk banyaknya disebut "muluk".

dilaporkan oleh *Sejarah Melayu* sebagai;

> "... dianugerahi keris bersalut dan pedang berikat emas, disuruh berdiri di ketapakan (balai), sama-sama dengan segala bentara".[93]

Perubahan taraf keanggotaan dalam kelas juga mungkin terjadi di kalangan hamba. Perubahan ini berlaku selalunya melalui perkahwinan juga. Hamba perempuan yang dikahwini oleh lelaki yang merdeka secara sah, dengan sendirinya wanita itu akan bebas. Orang yang menjadi hamba kerana berhutang dan kerana membuat kesalahan kepada orang yang merdeka, akan dengan sendirinya terkeluar daripada golongan hamba setelah hutangnya selesai.

Selain contoh mobiliti tersebut, Melaka juga membuka peluang kepada orang asing untuk menikmati mobiliti kerana taraf dan pemilikan ekonomi seseorang. Beberapa gambaran dalam *Sejarah Melayu* membuktikan bahawa Raja Mendeliar, iaitu saudagar asing yang sangat kaya, telah dilantik menjadi Syahbandar Melaka, salah satu jawatan pentadbiran peribumi yang penting;

> "Maka tersebutlah perkataan ada seorang Keling (a) diam di Melaka, jadi Syahbandar, Raja Mendeliar namanya, terlalu kaya pada zaman itu tidaklah taranya di dalam negeri Melaka itu".[94]

Seorang lagi tokoh ialah Patih Adam dari Jawa. Beliau diberikan layanan 'taraf menteri' kerana kekayaannya. Walaupun ini mungkin cuma merupakan satu kes yang terpencil, namun kes-kes tersebut dapatlah dijadikan rujukan sebagai bukti berlakunya proses mobiliti di kalangan orang asing yang tinggal di Melaka. Dan mobiliti, berdasarkan rujukan di atas terjadi me-

---

[93]Dalam naskhah *Sejarah Melayu* terjemahan dan anotasi C.C. Brown daripada *Raffles MS. 18*, gelaran yang dianugerahkan kepada nakhoda ini ialah "Tun Stia 'draja" yang lebih kerap didengar dan dipakai dalam tradisi pembesar-pembesar di Melaka berbanding dengan gelaran yang dianugerahkan kepada orang asing ini sebagai yang terjelma dalam *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 yang besar kemungkinan merupakan penyisipan atau kesalahan yang dibuat oleh penyalin terkemudian. Apatah lagi gelaran 'syah' selalunya digunakan oleh raja atau pemerintah Islam sahaja. Lihat C.C. Brown, hlm 142; W.G. Shellabear, hlm 233.

[94]W.G. Shellabear, hlm 256. Dalam teks *Undang-undang Melaka* fungsi pentadbiran Syahbandar disamatarakan dengan fungsi Bendahara, Penghulu Bendahari dan Temenggung, sehingga jika dilihat sekali imbas nyata Syahbandar menduduki taraf Pembesar Empat.

Hal yang demikian berlaku kerana besar kemungkinan draf di awal *Hukum Kanun Melaka* dicipta sebelum muncul institusi Laksamana dalam sejarah Melaka pada masa Melaka diperintah oleh Sultan Mansor Syah. Sehingga draf awal itu disalin beberapa kali, tidak ada perubahan atau pindaan yang dilakukan. Adalah mustahil empat orang Syahbandar yang ada di Melaka membolehkan mereka semua menduduki taraf Pembesar Empat sekaligus. Dan adalah tidak mungkin juga seorang yang benar-benar asing seperti Raja Mendeliar dilantik menjadi salah seorang Pembesar Empat dalam tradisi pentadbiran peribumi yang penting itu. Lihat Liaw Yock Fang, *op. cit.*, Fasal 0:1, hlm 64.

lalui perkahwinan, khidmat fizikal dan mental yang cemerlang kepada raja dan akhir sekali kedudukan ekonomi individu dalam masyarakat.

ISLAM DAN MASYARAKAT

Telah kerap dikatakan bahawa agama Islam memberikan kesan budaya dan pemikiran yang besar di kalangan penduduk Melaka, khususnya mereka daripada golongan peribumi yang beragama Islam.[95] Pada asasnya, gagasan yang mengatakan "Bahawa semua umat Islam yang beriman bersaudara"[96] menjadi prinsip ke arah perpaduan anggota masyarakat Islam sama ada kalangan mereka yang peribumi Islam, mahupun orang Islam dari Arab, Parsi dan India Selatan.

Walau bagaimanapun, Islam nampaknya kurang memberikan kesan kepada khurafat dan tahyul, yang sama ada secara disedari atau tidak, menjadi sebahagian kebiasaan di kalangan penganutnya, sekiranya ditinjau dari sudut pandangan dan perspektif yang negatif dalam konteks perkembangan masyarakat berbanding dengan ajaran Islam yang sebenar dan sahih yang bersumberkan al-Quran, hadith dan sunnah Rasulullah. Amalan-amalan salah yang tergolong ke dalam kesalahan *hadd* dalam Islam seperti meminum arak, membunuh sesama insan,[97] membunuh diri; juga perbuatan yang bertentangan dengan hukum Islam seperti menggugurkan anak dalam kandungan, amalan menyimpan gundik, iktikad dan isu bidaah walau-

---

[95]Untuk rujukan lanjut berkenaan mauduk ini, sila lihat Syed Muhammad Naguib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972; A.H. Johns, (tds.), "Daka'ik al-Huruf by Abdul Rauf of Singkel", dalam *Journal of the Royal Asiatic Society*, Pts. i and ii, 1955, hlm 65–73, 139–158; R. Le R. Archer, *Muhammadan Mysticism in Sumatera*, Hartford Seminar Foundation, 1935; M. Najeeb Saleeby, *Studies in Moro History, Law and Religion*, Manila, 1905; Sutan Takdir Alisyahbana, *Sumbangan Islam kepada Kebudayaan Dunia*, dan *Muhammad Uthman al-Muhammady, Peranan Islam dalam Pembentukan Kebudayaan Melayu*, kertas-kertas kerja yang tidak diterbitkan, dibentangkan dalam Seminar Kebudayaan Islam dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1976 dan lain-lain.

[96]Dalam bentuknya yang asal, gagasan ini adalah merupakan sedutan terus daripada kitab al-Quran;

> "Sesungguhnya orang-orang Mukmin itu tidak lain melainkan bersaudara; lantaran itu, damaikanlah antara dua saudara kamu, dan berbaktilah kepada Allah, supaya kamu diberi rahmat".
>
> (Terjemahan al-Quran surah al-Hujarat 49:10)

Lihat juga A. Hassan, *op. cit.*, hlm 1 016; A. Yusuff Ali, *op. cit.*, hlm 1 405.

[97]Hukum *hadd* dalam Islam berasal daripada istilah *hadd* dalam bahasa Arab yang bererti kongkongan, batasan atau sempadan. Dalam hukum Islam, *hadd* adalah sejenis undang-undang yang telah pun ditentukan hukuman terhadap kesalahan-kesalahan jenayah tertentu yang antara lain termasuklah;

(a) Kesalahan berzina, dihukum bunuh.

(b) Kesalahan kerana menuduh orang melakukan zina dan kesalahan minum arak. Kedua-dua kesalahan ini dihukum sebat beberapa kali.

pun dirujuk dan dibuktikan daripada kes-kes yang agak terpencil, namun ia terus terjadi.[98]

Di kalangan masyarakat kelas atasan, terutama raja atau pemerintah, Islam memberikan kekuatan keyakinan yang lebih berkesan dan bermakna terhadap undang-undang tertinggi kerajaan dan kedaulatan, dalam erti kata kepercayaan mengenai hak suci raja-raja (divine rights of kings) yang dipusakai daripada tradisi Hindu berhubung dengan konsep 'dewa-raja', menjadikan bentuk baru tetapi masih berlandaskan sistem kepercayaan dan semangat temurun yang serupa. Raja dalam masyarakat Melaka yang beragama Islam dianggap sebagai khalifah Tuhan di dunia untuk memerintah ummah Islam, sebagaimana *Sejarah Melayu*, dalam merujuk pada ucapan Bendahara yang mengatakan bahawa;

> "Maka Bendahara pun berwasiat pada segala anak cucunya, katanya, Hei anak-cucuku, jangan kamu tukarkan agama dengan dunia. Adapun dunia itu tiada kekal adanya, kerana hidup itu sahaja akan mati juga kesudahannya; hendaklah tuluskan hatimu pada berbuat kebaikan kepada *Allah subhanahu wa Ta'ala dan Rasul-Nya*, dan jangan kamu sekalian lupa berbuat kebaktian kepada raja kamu". Maka kata hukuman, "Adalah raja yang adil itu dengan Nabi salla'lLahu 'alaihi wa sallam *umpama dua buah permata pada sebentuk cincin*; lagi pun raja itu *umpama ganti Allah di dalam dunia*, kerana ia zulli'lLahu fi al-'alam; apabila berbuat kebaktian kepada raja, seperti berbuat kebaktian kepada Allah subhanahu wa Ta'ala. Yakni berbuat kebaikan kamu akan Allah dan Rasul-Nya dan akan raja ...".[99]
> [huruf condong dihasilkan oleh penulis]

(c) Kesalahan merompak di lebuh raya serta membunuh pula mangsa rompakan itu. Hukumannya ialah si perompak dibunuh dengan pedang ataupun disalang (salib). Kesalahan mencuri dan merompak di lebuh raya tanpa membunuh mangsa kecurian atau perompakan. Hukumannya ialah dipotong tangan atau kaki si pesalah.

Untuk rujukan lanjut, sila lihat Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, Fasal 37:2, hlm 159–160; Lihat juga *Encyclopaedia of Islam*, edisi baharu, Leiden, 1953, di bawah tajuk *hadd*.

[98]Di Melaka, kesalahan seperti ini dapat dirujuk kepada beberapa peristiwa, umpamanya Seri Wak Raja II membunuh diri dengan memakan racun; Tun Ali Hati yang meminta dirinya dibunuh oleh Sultan Mahmud untuk menunjukkan taat setianya kepada Sultan Ahmad yang telah dibunuh; seorang tokoh Melaka yang bernama Seri Rama yang menghabiskan masa hidupnya dengan meminum arak; Tun Fatimah, isteri Sultan Mahmud yang menggugurkan anak dalam kandungan kerana sebab-sebab peribadi. Berkenaan hal ini lihat W.G. Shellabear, *passim*; C.C. Brown, *passim*.

[99]Lihat C.C. Brown hlm 110–111; W.G. Shellabear, hlm 189–190. Naskhah terjemahan C.C. Brown yang dirujuk daripada *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 menyelitkan pula sepotong ayat al-Quran selepas daripada ayat "When you do your duty towards the Prophet of God it is though you were doing it to God Himself, as says the Word of God in the Koran 'Ati 'ullaha wa 'ati 'u'r- rasula wa' ulu'l-amri minkum, that is to say 'Do your duty towards God and the Apostle of God".

Kepercayaan sejagat terhadap Tuhan dan Rasul dihubung dan dirasionalisasikan dengan konsep daulat, derhaka dan tulah yang wujud dalam masyarakat setempat. Menderhaka kepada raja, bererti menderhaka kepada Rasul dan seterusnya menderhaka kepada Allah. Oleh itu, diindoktrinasikan bahawa sesiapa yang menderhaka kepada raja bererti menafikan kedaulatan raja. Maka janganlah menderhaka kepada raja sebab ia juga menderhaka kepada Allah dan Rasul.

Tradisi politik yang dibayangkan oleh *Sejarah Melayu* di sebaliknya menunjukkan bahawa rakyat tidak harus menentang atau menderhaka kepada raja, walau bagaimana zalim seseorang raja itu. Konsep 'raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah' jangan diamalkan. Raja yang zalim akan menerima hukuman, bukan daripada pihak ummah atau rakyatnya, tetapi menerima terus hukuman daripada Allah.

Hakikat sosial ini diselaraskan daripada perbuatan Sultan Mahmud; raja yang dianggap oleh Pires sebagai, "... less just", kehilangan kuasa di tangan orang Portugis. Baginda bolehlah dikatakan telah dihukum oleh Allah.[100] Dalam keadaan yang sama, penyusun *Sejarah Melayu* juga berikhtiar mencipta dan menyusun gaya penulisannya sendiri. Dalam konteks konvensi dan tradisi penulisan Melayu tradisional, *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa tiap-tiap raja Islam di Melaka akan mengucapkan semacam *ethical exortation* dalam bentuk wasiat kepada penggantinya apabila mereka hampir mangkat, walaupun kita sedar bahawa fenomena sastera ini dimodelkan daripada gaya penulisan *Hikayat Raja-raja Pasai*. Dengan perkataan lain, penyusun teks tersebut, secara tidak langsung mengatakan bahawa dari segi hakikat dan praktiknya, kuasa politik seorang raja Melaka tidaklah mutlak.

Semangat keislaman yang ditunjukkan oleh Sultan Mansor, Sultan Alauddin dan Sultan Mahmud, tambahan pula Melaka adalah sebuah pusat perkembangan Islam, tentu tidak dapat menolak andaian bahawa majoriti orang Melayu di Melaka adalah beragama Islam. Islam juga adalah agama sebahagian daripada orang Cina yang menetap di Melaka, terutama mereka

---

Dalam tradisi Melayu-Islam, soal hubungan seorang raja yang memerintah dengan Allah itu sebenarnya adalah dipadankan terus daripada sebuah ayat dalam al-Quran yang berbunyi;

> "Hai orang-orang yang beriman! Taatilah kepada Allah dan taatilah kepada Rasul dan kepada orang berkuasa daripada antara kamu. Maka sekiranya kamu berbantahan di satu perkara, hendaklah kamu kembalikan dia kepada Allah dan Rasul, jika adalah kamu beriman kepada Allah dan hari Kemudian. Yang demikian itu sebaik-baik dan sebagus-bagus, ta'wil".
>
> (Terjemahan al-Quran surah al-Nisa' 4:59)

Untuk penelitian lanjut, sila lihat A. Hassan, *op. cit.*, hlm 107; A. Yusuff Ali, *op. cit.*, hlm 198; sila lihat juga Raja Ali Haji bin Raja Ahmad, *Thamrat al-Muhemmah dhiafah lil-umara wal-kubra li ahlil-Mahkamah*, Langga, 1886; Nuruddin ar-Raniri, *Bustan'us-Salatin*, (naskhah), Bab 2 dan Bab 3.

[100]A. Cortesao, hlm 252–256.

yang ada hubungan kekeluargaan dengan kelas kerabat melalui perkahwinan. Begitulah juga halnya di kalangan orang Tamil-Islam, Parsi dan seterusnya yang telah berkahwin dengan wanita-wanita tempatan yang beragama Islam. Sejarah tentu tidak boleh menyangkal pendapat bahawa perkembangan sosial seperti ini tentu memberikan kesan mental dan pemikiran yang baharu, nilai dan norma budaya, etos, juga sikap dan fitrah anggota masyarakat Melaka yang berlunaskan ajaran atau cara pemikiran Islam.

Agama Islam juga memberikan warna baru terhadap institusi setempat dan hukum-hukum adat dalam berbagai-bagai institusi tempatan setelah proses rasionalisasi terjadi. Jelas juga, Islam menyumbangkan perkembangan mental serta intelektual terhadap golongan elit dalam masyarakat, apabila tulisan Jawi diperkenalkan ke Melaka. Hakikat sejarah ini tentu mengakibatkan munculnya intelek-intelek istana di kalangan pembesar-pembesar dan tokoh agama yang berbangsa Melayu.[101] Perkembangan peradaban melalui dan yang berlunaskan Islam memberi jalan kepada kemunculan berbagai-bagai hasil kesusasteraan Melayu Islam,[102] di samping terdapat berbagai-bagai bentuk sastera, prosa dan puisi yang berbentuk lisan, masyhur di kalangan kelas rakyat, antara lain termasuklah ikat-ikatan, syair, gurindam, bait, nyanyi, seloka, asyik-asyik, pantun dan hikayat.[103]

Unsur undang-undang dan syariat Islam jelas telah diserapkan dengan berkesan ke dalam tatacara undang-undang Melaka justeru untuk membentuk peruntukan dalam *Hukum Kanun Melaka* dan dalam beberapa hal ke dalam *Undang-undang Laut Melaka*. Dalam *Hukum Kanun Melaka* umpamanya, hukum-hukum Islam jelas mempengaruhi berbagai-bagai peruntukan bersabit dengan hukuman terhadap kesalahan jenayah, hal-hal yang berkait dengan hukuman jenis *hadd* dalam Islam, undang-undang keluarga, hukuman berhubung dengan bunuh yang termasuk dalam lingkungan qisas atau 'balas darah', hukuman terhadap kesalahan mencuri, menyamun, kesalahan-kesalahan seks bersabit dengan perbuatan zina, dan liwat dan

---

[101]Contoh terbaik di kalangan pembesar Melaka dalam hal ini ialah Tun Perak sendiri dan beberapa orang Bentara. Kebenaran sejarah juga dapat dipertahankan, berdasarkan hadirnya beberapa buah kitab agama Islam dan beberapa buah hasil sastera Melayu Islam yang dibincangkan secara perinci pada bahagian-bahagian akhir *Sejarah Melayu*.

[102]Hasil sastera Melayu yang bercorak Islam ialah seperti *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*, *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Iskandar Dzulkarnain* dan seterusnya. Ada beberapa buah hikayat ini dibacakan kepada umum pada malam Portugis menyerang Melaka untuk membangkitkan semangat hulubalang-hulubalang Melaka agar gigih menentang Portugis. W.G. Shellabear, hlm 273–274; C.C. Brown, hlm 162–163.

[103]Terdapat suatu contoh dalam *Sejarah Melayu* apabila dikatakan seorang Melayu berasal dari Pasai bernama Tun Bahara sangat bijak bersyair, berbait, bergurindam, berseloka. Lihat W.G. Shellabear, hlm 150–151.

hubungan seks yang haram antara jantina yang berlainan.[104]

Reaksi positif orang tempatan terhadap agama Islam tentu menarik perhatian ramai ulama dan mubaligh Islam yang terdiri daripada para pedagang-mubaligh dan para ahli sufi yang menjalankan kegiatan dakwah Islamiyyah. Di kalangan tokoh tasawuf dan sufi terkenal yang datang ke Melaka ialah Sayyid Abdul Aziz r.a.w. (penyebar Islam di Melaka), Abu Bakar, Yusoff, Menawar, Sadar Jahan, Jalaluddin, Muhammad Kabungsuan dan Karim al-Makhdum.

Mereka semua memakai gelaran Arab dan gelaran agama seperti Kadi, Maulana, Makhdum, Awliya, Syarif dan Sayyid, yang menurut etimologi Portugis dikenali sebagai *Casis*, *Cazee*, *Kajee* dan *Mula* atau *Mollah*.[105] Mereka adalah orang asing yang mempunyai pengaruh agama yang kuat di kalangan penduduk tempatan. Orang Melayu sendiri, khasnya golongan atasan memang cergas dalam pengajian dan kegiatan agama. Telah terjadi beberapa siri polemik tentang agama bersabit dengan analisis terhadap beberapa aspek Tasawuf dan perbincangan tentang berbagai-bagai mazhab dalam Islam, juga pentafsiran terhadap kandungan kitab agama, Dar'ul-Mazlum atau Dar'ul-Manzum, antara Melaka dengan Pasai. Hal-hal ini memancarkan perkembangan dan peningkatan keintelektualan di kalangan

---

[104]Dalam masyarakat Melayu "qisas" dihubungkan dengan konsep "berhutang darah" yang muncul dalam peribahasa Melayu berbunyi 'hutang darah dibayar darah' atau 'hutang jiwa dibayar jiwa'. Dalam *Hukum Kanun Melaka* undang-undang berhubung dengan "qisas" dinyatakan dengan jelas dalam hal-hal yang berhubung dengan hukuman membunuh;

> "Fasal yang kelima ada menyatakan orang membunuh dengan tiada setahu raja-raja atau orang besar-besar. Jikalau dibunuhnya dengan tiada dosanya sekalipun, dibunuh pula ia pada hukum Allah, maka adil namanya".

Sila rujuk karya Liaw Yock Fang, *op. cit.*, Fasal 5:1, hlm 69. Dalam hal yang sama "qisas" juga terjadi terhadap kesalahan-kesalahan jenayah yang kecil seperti menampar atau menjatuhkan maruah seseorang. Lihat Liaw Yock Fang, Fasal 8:2 dan 8:3. Pada asasnya "qisas" adalah sebahagian daripada pengaruh undang-undang Islam dalam budaya Melayu. Firman Allah dalam al-Quran berbunyi;

> "Hai orang-orang yang beriman! Diwajibkan atas kamu (hukum) qisas buat (membela) orang-orang yang mati dibunuh, (iaitu) orang merdeka dengan orang merdeka, dan hamba dengan hamba dan perempuan dengan perempuan. Tetapi barang siapa dapat sebahagian keampunan daripada saudaranya (yang membela si mati), maka ia hendaklah balas kebaikan, serta serahkan (diyat) kepadanya dengan cara baik. Yang tersebut itu suatu kelonggaran dan rahmat daripada Tuhan kamu. Lantaran itu, barang siapa melanggar batas (lagi) sesudah yang demikian, maka ia mendapat seksaan yang pedih".

A. Hassan, *op. cit.*, hlm 48–49; A. Yusuff Ali, *op. cit.*, hlm 70–71. Sementara itu kes-kes yang melibatkan perzinaan haram diperundangkan juga dalam *Undang-Undang Laut Melaka*. Lihat R.O. Winstedt dan Josselin de Jong, *op. cit.*, Fasal 4:2, hlm 32; Lihat juga Liaw Yock Fang, op. cit., Fasal 12:1 dan 2, Fasal 12:2 dan 3, hlm 83–85.

[105]Sila lihat J.V. Mills, *op. cit.*, hlm 176. Tome Pires menyebut orang seperti ini sebagai Kashises dan Mollahs. Lihat A. Cortesao, hlm 180.

sebahagian daripada anggota masyarakat dalam bidang-bidang agama serta metafizik walaupun terjelma dalam bentuk esoterik. Hakikat ini telah menarik beberapa orang senteri dari Pulau Jawa untuk datang mempelajari dan mentelaah agama Islam, yang akhirnya didakwa menjadi wali.[106] Sunan Giri dan Sunan Bonang adalah antara contoh kalangan senteri yang hadir di Melaka pada pertengahan kedua abad ke-15.

Kehadiran tokoh-tokoh agama daripada berbagai-bagai tempat seperti dari Asia Barat, India dan Pulau Jawa ini tentu dapat meyakinkan kita tentang Melaka pada abad ke-15. Masyarakatnya bercorak heterogen. Sebagai pengembang agama yang gigih di rantau ini, Melaka telah melahirkan tokoh agama dan pengkaji Islam yang terdiri daripada peribuminya sendiri. Contoh yang terbaik ialah Tun Muhammad yang dilaporkan sebagai berjaya menguasai dan fasih dalam nahu Arab dan ilmu *sarf* (etimologi) dengan memiliki pengetahuan fikah (undang-undang Islam) yang mendalam.[107]

Semangat keislaman yang ditunjukkan oleh penganut-penganut Islam di Melaka telah berjaya untuk menempatkan ulama-ulama bukan Melayu ini dalam kedudukan yang istimewa dalam masyarakat. Di samping menjadi guru dan pendakwah agama, mereka mempunyai pertalian yang erat dan bergaul bebas dengan kelas bangsawan Melaka. Kedudukan Melaka sendiri, yang menerima Islam pada abad ke-15 telah menjadi pendorong kepada fenomena masyarakat jenis ini. Dengan kedudukan yang sedemikian, muamalat dan sufisme, lazimnya mudah mendapat tempat dan tapak di kalangan penganut Islam yang baru.[108] Dalam konteks agama, ulama asing lebih dihormati daripada raja-raja Melaka. Peranan sosial mereka tidak mungkin boleh menolak kenyataan bahawa mereka telah berkahwin dengan wanita tempatan seperti pengalaman Syarif Muhammad Kabungsuan yang dikatakan berkahwin dengan puteri raja Melaka dalam tahun 1475. Ada juga pembesar Melaka yang berkahwin dengan anak perempuan keluarga ulama asing ini. Antaranya ialah Seri Dewa Raja yang berkahwin dengan anak Kadi

---

[106]Untuk keterangan lanjut sila lihat A. Mukti Ali, *The Spread of Islam in Hindia Belanda*, Bharatara, Jakarta, 1973, hlm 14; J.C. Van Leur, *Indonesia, Trade and Society*, edisi kedua, Bandoeng, 1960, hlm 92–3; D.G.E. Hall, *A History of Southeast Asia*, London, 1964, hlm 198–201; Syed Muhammad Naguib al-Attas, *Preliminary Statements* ..., hlm 9–23; M.Ramlan, *Babad Tanah Jawi*, Kuala Lumpur, 1975, hlm 11–19.

[107]W.G. Shellabear, hlm 192. Menurut keterangan naskhah *Sejarah Melayu* yang diterjemahkan ke bahasa Inggeris, Tun Muhammad dikatakan cucu Bendahara Tun Perpatih Putih, dan cucu saudara Tun Perak. Lihat C.C. Brown, hlm 112.

[108]Van Leur, *op. cit.*, hlm 92–95; Syed Muhammad Naguib al-Attas, *op. cit.*, *passim*; W.F. Wertheim, *Indonesian Society in Transition*, The Hague, 1955, hlm 195–235; A.H. Johns, "Sufism as a Category in Indonesian Literature and History", dalam *JSEAH*, Jil 2, No 2, Julai 1961.

Menawar dan melahirkan keturunan yang bergelar Datuk, Tun dan Paduka.[109]

Di istana Melaka, fungsi ulama ini penting bukan sahaja sebagai guru dan ketua agama kepada anggota kerabat, bahkan yang lebih berkesan ialah untuk memenuhi keperluan rohaniah raja-raja ke arah mencapai dan mengukuhkan daulat serta hak-hak asasi politik dalam sistem pemerintahan; bahawa raja adalah 'bayangan' atau khalifah Tuhan di dunia ini.

Fungsi rohaniah dan agama golongan ulama dan ahli sufi di istana Melaka ketika itu mungkin bersesuaian, walaupun tidak sama pentingnya dengan golongan pujangga dan rahib agama di keraton dalam masyarakat Jawa tradisional.[110] Mereka penting untuk menyokong dan menegakkan institusi perajaan Melaka dari segi mental dan kebatinan. Di istana, mereka adalah intelek tradisional yang minoriti dan yang mempunyai pengaruh yang kuat. Kadi dan fakih daripada golongan ulama ini ditempatkan bersama-sama dengan pembesar istana peribumi yang lain dan mendapat taraf kedudukan selepas Temenggung, mendahului Laksamana. Kepentingan fungsi sosial para ulama ini dapat ditunjukkan apabila penyusun *Sejarah Melayu*, dengan menggunakan gaya konvensi sasteranya yang tersendiri, meletakkan kadi sebagai tokoh pembesar yang kedua selepas Bendahara, dengan khusyuk hadir di sebelah raja Melaka yang hampir mangkat.[111] Bayangkan sahaja bagaimana gambaran potret berkumpul raja-raja Melayu dengan pembesar-pembesarnya pada abad ke-19 dan abad ke-20 di istana raja-raja Melayu Semenanjung, yang akan disertai oleh seorang yang berserban besar dan berjubah labuh. Tentunya tokoh ulama ini mempunyai kedudukan yang istimewa dan bermakna pada institusi perajaan dalam kesultanan negeri-negeri Melayu ini. Ini adalah warisan Melaka.

Dalam konteks hubungan sosial di kalangan anggota masyarakat, bukti ini menunjukkan bahawa hubungan etnik dan integrasi ras antara orang peribumi dengan 'orang asing' yang beragama Islam tidak menampakkan sebarang masalah. Mobiliti cara menegak dalam stratifikasi sosial terutama

---

[109]W.G. Shellabear, hlm 199–200; Dalam naskhah terjemahan C.C. Brown daripada *Raffles MS. 18*, gelaran pembesar Melaka ini muncul sebagai Seriwa Raja, bukan Seri Dewa Raja. Lihat C.C. Brown, *op. cit.*, hlm 119–120.

[110]Untuk keterangan lanjut tentang peranan pujangga Jawa, sila lihat F.D.K. Bosch, *Selected Studies in Archaeology*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1961, hlm 10–13; Lihat juga B.H.M., Vlekke, *Nusantara: A History of Indonesia*, The Hague-Bandoeng, Van Hoeve, 1959, hlm 53–55; Mohd. Taib Osman, "Mythic Elements in Malay Historiography", dalam *Tenggara*, Jil 2, 1968, hlm 80–89.

[111]W.G. Shellabear, hlm 185; Dalam naskhah terjemahan C.C. Brown, kadi dilaporkan sebagai menduduki tempat keempat selepas Bendahara, Penghulu Bendahari dan Temenggung. Tokoh agama yang dikatakan duduk bersampingan Sultan Alauddin yang hampir mangkat ialah Kadi Menawar. Lihat C.C. Brown, hlm 116.

di kalangan ulama, menyebabkan ulama yang hanya bertaraf orang kebanyakan boleh mencapai kelas aristokrat.

'ORANG ASING' DI MELAKA

Pada amnya, 'orang asing' yang secara tradisinya diistilahkan sebagai 'orang dagang' atau 'orang perantau', terdiri daripada dua jenis. Pertama, mereka yang terlibat dalam berbagai-bagai kegiatan sosial seperti menjadi tentera upahan kerajaan Melaka yang kebanyakannya terdiri daripada orang Jawa dan Pasai. Mengikut laporan Portugis pada tahun 1511, bilangan mereka ramai. Sebagaimana yang telah diterangkan, ada juga yang terlibat dalam hal agama Islam, menjadi ulama dan guru kepada orang Melaka yang beragama Islam dan kalangan senteri dari negeri asing. Kedua, mereka yang terlibat dalam berbagai-bagai kegiatan ekonomi, menjadi pedagang secara kecil-kecilan sehinggalah ke peringkat pemborongan dan perniagaan secara besar-besaran dan menjadi saudagar yang kaya-raya. Pelombong bijih yang mungkin ramai adalah terdiri daripada orang Cina, pekerja mahir dan sebagainya tergolong juga ke dalam pihak yang kedua ini. Objektif pendudukan mereka berhubung dengan potensi sosial dan ekonomi perdagangan yang terdapat di Melaka untuk mereka bertumpu di Melaka memanglah jelas. Secara umum, mereka terdiri daripada dua kategori, iaitu pertama, yang menetap terus di Melaka; dan kedua, yang menjadi pengunjung sekali-sekala sebagai peniaga. Apabila mengkaji hubungan di kalangan masyarakat yang bercorak kosmopolitan di Melaka, pemerhatian kita secara langsung atau tidak langsung akan tertumpu kepada golongan yang pertama. Mereka terdiri daripada orang Cina, Keling (Tamil), Gujerat, berbagai-bagai suku bangsa dari Tanah Arab, Ghori, Parsi, Jawa, Burma, Siam, kepulauan Ruykyu dan sebagainya. Kehadiran mereka menambahkan lagi bilangan kumpulan etnik yang telah sedia terdapat di kalangan masyarakat berbagai-bagai suku Melayu daripada seluruh Nusantara.

Penduduk yang ramai bertumpu di tiga bahagian negeri Melaka, iaitu Upeh (Trenquera sekarang) di bahagian utara yang mempunyai penduduk paling ramai, Iler (Bandar Hilir) menganjur hingga ke Tanjopacer (iaitu Ujong Pasir sekarang), di selatan dan Sabac, kawasan sungai Melaka yang menganjur hingga ke arah hulu sungai, yang dilaporkan oleh Tome Pires, juga de Eredia pada masa selepas tahun 1511,[112] berkemungkinan adalah kesan daripada taburan penempatan penduduk dari zaman kesultanan

[112]A. Cortesao, hlm 278–289; J.V. Mills, *op. cit.*, hlm 103, 153.

sendiri. Umpamanya, *Sejarah Melayu* dalam keadaan yang sama tentang taburan masyarakat Melaka yang secara umum melaporkan bahawa;

> "Adapun zaman itu negeri Melaka terlalu sekali ramainya, segala dagang pun berkampung; maka dari Air Leleh datang ke Muar pasar tiada berputusan lagi, dari Kampong Keling datang ke Kuala Penajoh (Linggi) itu pun tiada berputusan; jika orang dari Melaka datang ke Jugra tiada membawa api lagi, barang di mana berhenti di sana adalah rumah orang; daripada sebelah sini hingga datang ke Batu Pahat demikian juga ...".[113]

Sejak zaman awal penubuhan Melaka lagi hubungan masyarakat Cina dengan masyarakat Melaka ditentukan oleh dua faktor sejarah. Pertama, mereka datang ke Melaka sebagai pedagang sesuai dengan dasar perdagangan asing yang diamalkan oleh kerajaan China sendiri.[114] Bilangan mereka yang telah menetap di Melaka tidak ramai berbanding dengan orang peribumi. Kedua, sejarah hubungan melalui perkahwinan yang berlaku antara wanita Cina yang telah menetap itu dengan orang Melaka sendiri.

Adalah lojik bahawa golongan *occassional traders* tidak semestinya mengamalkan dan mematuhi tradisi kebudayaan tempatan yang wujud, sebagaimana laporan Hai Yu tentang anggota masyarakat Cina jenis ini;

> "According to their customs (those of the natives of Melaka), it is forbidden to eat pork; when the Chinese live here eat it, the others are indignant and say it is a filthy habit".[115]

Sementara itu saudagar-saudagar Cina pula tinggal di hotel-hotel yang berasingan daripada penduduk tempatan, dilayan oleh hamba-hamba perempuan pagi dan petang.[116] Layanan baik dan segala kemudahan yang diberikan mungkin selari dengan amalan ekonomi Melaka sendiri untuk menggalakkan saudagar asing datang dan berniaga di sana.

Hakikat sejarah perkahwinan antara dua golongan masyarakat dapat diteliti daripada sejarah perkahwinan raja-raja Melaka dengan orang Cina tadi. Sebagai hasil kreatif *Sejarah Melayu* yang bertujuan semata-mata untuk meyakinkan kepada kita tentang kebesaran raja-raja Melaka, men-

---

[113]C.C. Brown, hlm 151; W.G. Shellabear, hlm 247.

[114]Untuk penerangan lanjut tentang perkara ini, lihat Wang Gungwu, *The Opening of Relation...*, *op. cit.*, hlm 87–90; W.P. Groeneveldt, *Notes on the Malay Archipelago ...*, hlm 121–125; O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya ...*, hlm 154–183; Kernial Singh Sandhu, "Chinese Colonization of Malacca", dalam *The Journal of Tropical Geography*, Jilid 15, Jun, 1961, hlm 4–6.

[115]Purcell dalam menyebut memetik laporan dan petikan daripada sumber Hai Yu. Lihat Victor Purcell, *Chinese Settlements ...*, *op. cit.*, hlm 117.

[116]*Loc cit.*

dakwa bahawa Sultan Mansor Syah telah berkahwin dengan Hang Li Po yang dikatakan seorang puteri Maharaja Cina. Laporan dari Barat pula mencatatkan bahawa perkahwinan ini telah berlaku lebih awal lagi, iaitu pada masa pemerintahan Iskandar Syah; bukan dengan puteri raja Cina tetapi dengan anak seorang Kapitan Cina. Victor Purcell mentafsirkan tentang Kapitan ini; "... had authority over a more or less permanent Chinese community in Malacca".[117] Bagi kita, bukan soal siapa mengahwini siapa, tetapi yang penting ialah perkahwinan antara dua masyarakat ini telah berlaku dalam sejarah masyarakat Melaka. Orang Cina yang dikatakan mengiringi 'wanita Cina' yang berkahwin dengan Sultan Mansor ialah seramai 500 orang. Dengan adanya peristiwa sejarah ini tetapi telah dimitoskan oleh *Sejarah Melayu*, maka tidak dapat ditolak kenyataan dalam teks ini yang menyatakan bahawa orang Cina telah memeluk agama Islam. Apabila telah memeluk agama Islam, soal integrasi sosial antara kaum tidak akan menjadi masalah. Keturunan darah campuran Melayu-Cina ini menurut laporan Dinasti Ming; "... wear their hair in a knot [tocang] but some are of lighter colour, being descedants of Chinese". Jika sahih dakwaan Pires bahawa Iskandar Syah telah berkahwin dengan anak Kapitan Cina yang dihantar ke Melaka bagi pihak Maharaja Cina, nyatalah yang Kapitan tersebut telah menyebabkan terciptanya jawatan Kapitan sebagai ketua masyarakat Cina di Melaka.[118]

Di peringkat kalangan masyarakat atasan, hubungan ras antara dua kaum ini memberikan satu gambaran yang menarik. Pada satu pihak, kita menyaksikan Sultan Mansor telah mendapat seorang anak lelaki dengan 'wanita Cina' tadi dan diberi nama Paduka Mimat. Paduka Mimat mendapat anak bernama Paduka Seri Cina, iaitu ayah Paduka Ahmad dan datuk Paduka Isap.[119] Seperti Paduka Seri Cina, mereka dijadikan 'raja' Jeram, di Langat. Pada pihak yang lain, lantaran kerana mereka bukanlah anak gahara,[120] walaupun anak bukan gahara mungkin dapat menjadi raja Melaka, terutama mereka yang mempunyai pertalian saudara dengan Bendahara Melaka, mereka nampaknya dianggap sebagai golongan kerabat 'darjat kedua' sahaja. Mereka cuma dilantik menjadi raja di satu daerah kecil dalam sebuah empayar Melayu Melaka yang besar.

---

[117] *Ibid.*, hlm 118.

[118] Purcell mengandaikan bahawa jika institusi 'Kapitan China' ini pernah muncul, besar kemungkinan bahawa Kapitan China ini adalah ejen yang menjadi penduduk tetap Melaka. Victor Purcell, *ibid.*, hlm 119.

[119] W.G. Shellabear, hlm 130, C.C. Brown, hlm 82.

[120] Gahara bererti seseorang anak raja yang beribubapakan anak-anak raja. Lihat T. Iskandar, *op. cit.*, hlm 282.

Jika benar dakwaan Pires bahawa Raja Pute, anak Iskandar Syah dengan seorang wanita Cina yang *not a woman or rank* atau dikatakan sebagai *concubine*, nyatalah bahawa Raja Pute juga mempunyai taraf yang sama dengan putera raja keturunan Cina tadi. Beliau cuma diberikan wibawa di Bretao (Bertam), daerah kecil tempat istirahat raja-raja Melaka dan tempat didirikan istana persemayaman tidak rasmi raja-raja Melaka, walhal putera tersebut lebih tua daripada Muzaffar Syah dan Mansor Syah dan, "... the people of Malacca already believed greatly in Raja Pute".[121] Walaupun kenyataan ini berbeza tetapi corak isi yang dikemukakan oleh *Sejarah Melayu* dan Pires saling melengkapi. Melainkan Raja Pute yang masih diberikan panggilan 'raja' dan gelaran 'paduka' (Paduka Raja) sesuai dengan tarafnya sebagai wizurai, anak-anak raja lain yang berbapakan Sultan Mansor Syah dengan wanita Cina ini hanya diberikan panggilan 'paduka' sahaja, bukan 'raja'. Ini berbeza dengan putera-putera yang lain yang bukan juga anak gahara seperti Raja Kassim, Raja Abdullah, Raja Hussain dan Raja Mahmud walaupun dalam konteks terminologi, 'paduka' dan 'raja' tidak membayangkan sebarang perbezaan makna kerana mereka beribukan bukan kerabat juga.[122]

Keadaan yang aneh juga terdapat pada masyarakat Jawa. Perkahwinan Sultan Mansor dengan puteri Raja Jawa, Raden Galuh seperti yang didakwa oleh *Sejarah Melayu*,[123] yang sebenarnya bersifat anakronistik, meyakinkan kita bahawa perkahwinan orang Melaka dengan wanita Jawa memang berlaku. Perkahwinan Sultan Mansor dengan seorang wanita Jawa melahirkan seorang putera. Tetapi berbeza dengan darjat adik-beradiknya yang beribukan wanita Cina, anak raja ini diberikan gelaran raden; Raden Kelang mengikut versi *Shellabear 1612* dan Raja Raden menurut versi *Raffles MS 18*. Beliaulah yang mewarisi takhta kerajaan dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah I.

---

[121]Lihat A. Cortesao, hlm 246.

[122]Paduka bererti kasut. Tetapi dalam konteks sosial, paduka adalah panggilan hormat untuk pemerintah atau ketua negara, juga ganti nama untuk seorang yang dihormati. Sementara raja adalah gelaran tetap untuk orang yang berketurunan raja, walhal paduka tidak semestinya berketurunan raja. Lihat T. Iskandar, *op. cit.*, hlm 793 dan 917; Lihat juga R.J. Wilkinson, *A Malay English Dictionary*, Mytilene, 1932, hlm 1321.

[123]Perkahwinan antara dua tokoh diraja ini menurut *Sejarah Melayu* yang sebenarnya, seperti yang diandaikan oleh T. Iskandar adalah suatu penyisipan penyalin terkemudian yang mendapat fakta tersebut daripada sumber lisan dan tradisi rakyat, walaupun berkemungkinan bahawa episod tersebut didasarkan pada peristiwa sejarah tertentu tentang perkahwinan salah seorang pemerintah Melaka dengan seorang wanita Jawa yang bukan kerabat. Lihat T. Iskandar, *Anachronism in Classical Malay Literature*, kertas kerja yang tidak diterbitkan dalam *International Congress of Orientalist*, Paris, Jun, 1973: Lihat juga rencana saya "Anakronisme dalam Historiografi Melayu", dalam *Dewan Bahasa*, Jil 20, No ii, 1976, hlm 90–101; Muhammad Yusoff Hashim, *Persejarahan Melayu Nusantara*, Teks Publishing Company, Kuala Lumpur, 1988, hlm 75–85.

Di kalangan golongan pendatang ini, masyarakat Tamil laporkan sebagai orang asing yang paling ramai tinggal di Melaka. Mereka mendapat perhatian yang istimewa terutama mereka yang beragama Islam. Sekiranya sahih dakwaan *Sejarah Melayu* bahawa menantu Seri Nara Diraja, ketika Sultan Muhammad Syah (1424–1444) memerintah, ialah seorang Tamil-Islam dari India bergelar Mani Purindan bererti "penyimpan permata", nyatalah bahawa golongan Tamil-Islam ini menduduki kelas bangsawan dan elit Melayu. Walaupun kalangan ini minoriti jumlahnya, tetapi amat berpengaruh. Dan seterusnya menjadi unsur pembentukan masyarakat dalam institusi budaya Melaka. Tun Ali, anak Mani Purindan, telah dilantik menjadi Seri Nara Diraja menggantikan datuknya, kemudian melahirkan pula beberapa tokoh bangsawan atau pembesar Melayu yang lain. Menurut naskhah *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan*,[124] iaitu salah sebuah versi *Sejarah Melayu* yang paling awal, Tun Ali adalah tokoh yang kedua pentingnya dalam sosiopentadbiran Melaka, selepas raja sendiri, sebelum munculnya institusi Bendahara dan sebelum perlantikan Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Cucu beliau, Raja Kassim kemudiannya menjadi Sultan Muzaffar Syah dan dikatakan sangat mengasihani Tun Ali. Daripada keturunan keluarga ini juga muncul tokoh-tokoh bangsawan Melaka yang penting seperti Temenggung Tun Tahir, Bendahara Tun Mutahir dan Temenggung Tun Hassan.

Kehadiran unsur masyarakat seperti ini menyebabkan beberapa tokoh asing dari India terlibat sama dalam institusi pentadbiran. Umpamanya, oleh sebab Raja Mendeliar mempunyai taraf ekonomi yang tinggi, beliau dilantik menjadi Syahbandar Melaka ketika pemerintahan Sultan Mahmud (1488–1500). Beliau adalah seorang Keling(a). Kehadiran pengaruh mereka seolah-olah memberikan peluang kepada beberapa orang pedagang asing untuk berdamping rapat dengan golongan bangsawan Melayu seperti Naina Sura Dewana yang dikatakan menjadi penghulu semua saudagar Melaka, Kitul (menurut *Sejarah Melayu*) dan seorang lagi, Naina Chatu (Cheti?), (menurut Tome Pires).

Keturunan Tamil-Islam yang lain ialah Naina Isahak yang menjadi hulubalang Melaka ketika berperang dengan Pasai dan Mia Ruzul, iaitu

---

[124]Lihat naskhah *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan*, hlm 3. Lihat juga R. Roolvink, "The Variant Versions ...," dalam *Bijdragen tot Josselin de Taal-, Land- en Volkenkun de*, Vol 123, pt 3, atau dalam lampiran C.C. Brown, (ed & tsd), op. cit., hlm xxix. Di samping itu rujuk juga sebuah lagi naskhah tertua daripada versi *Sejarah Melayu* ini bertanda *Maxwell 105*, di Perpustakaan Royal Asiatic Society, London, hlm 48–52. Salinannya dalam bentuk mikrofilem terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

anggota tentera Melaka yang menyerang Aru. Terdapat juga orang Benggali, iaitu Miasam yang mencederakan Tun Hamzah dalam tragedi pembunuhan keluarga Tun Mutahir.

Sebahagian daripada orang asing ini sama ada berasal dari Parsi atau India Utara dan menetap di Melaka sebagai pedagang yang bergaul bebas dengan orang peribumi, kemudiannya akan memperolehi jawatan terhormat dalam masyarakat. Lumrahnya mereka membawa gelaran khawaja.[125] Contohnya ialah Khawaja Hassan yang dilaporkan telah berkahwin dengan anak Laksamana Hang Tuah, iaitu Tun Sirah. Oleh sebab beliau telah berkhidmat dalam tentera Raja Melaka dengan cemerlang, beliau dilantik menggantikan Hang Tuah memegang jawatan Laksamana. Berikutan daripada itu lahirlah keturunan yang membawa gelaran kebesaran Tun, contohnya Tun Abdul. Seorang lagi orang Parsi ialah Ali Manu Nayan, iaitu seorang biaperi.

Hubungan mereka dengan kelas bangsawan Melayu agak intim, sehingga pada akhir pemerintahan Sultan Mahmud, mereka nekad melibatkan diri dalam hal-ehwal tempatan. *Sejarah Melayu* secara anekdot deskriptif memberitahu kita bahawa angkara fitnah Naina Sura Dewana, Raja Mendeliar dan Kitul, dan perbuatan rasuah sebahagian daripada pembesar Melaka, maka seluruh keluarga Bendahara Seri Maharaja (termasuk adiknya Seri Nara Diraja Tun Tahir, anaknya Temenggung Tun Hassan, menantunya Tun Ali suami Tun Fatimah) dibunuh oleh Sultan Mahmud Syah dengan alasan cuba 'menderhaka'.[126]

Hubungan etnik antara kaum dalam masyarakat yang sedemikian tentu memberi peluang pada kaum-kaum lain untuk terlibat sama dalam institusi masyarakat. Kita diberitahu bahawa pada awal penubuhan Melaka, orang Arab diketuai oleh Maulana Jalaluddin pernah memainkan peranan subversifnya dalam politik Melaka dengan membantu Raja Kassim untuk menggulingkan Sultan Abu Syahid yang didakwa menjadi boneka Raja Rokan. Hal yang sama terdapat pada masyarakat Jawa, yang menurut Hervey, berjumlah antara 25 000 hingga 6 000 orang.[127] Ada sebilangan mereka yang berdampingan rapat dengan pembesar-pembesar Melaka seperti seorang pangeran yang kaya-raya dari Surabaya, bernama Patih Adam dan diberikan layanan bertaraf menteri. Peristiwa lucu yang berlaku antara Patih Adam dengan Tun Manda, anak Seri Nara Diraja, menunjukkan

---

[125]Biaperi adalah suatu istilah Melayu klasik untuk saudagar atau pedagang. Khawaja atau khojah pula adalah istilah Parsi yang juga bererti pedagang.

[126]W.G. Shellabear, hlm 262–264; C.C. Brown, hlm 156–158, A. Cortesao, hlm 158–159.

[127]Dipetik daripada *D.F.A. Hervey* oleh E. Koek dalam, "Portuguese History of Malacca", dalam *JSBRAS*, No 17, Jun, 1886, hlm 181, nota 3.

bahawa orang Jawa menghormati adat setempat.[128] Adanya pembesar dari Jawa ini, memberikan peluang kepada golongan minoriti Jawa yang bergelar priayi untuk bercampur dengan anggota masyarakat peribumi. Menurut laporan Pires[129] golongan pedagang Jawa juga diberi peluang untuk sama-sama terlibat dalam perkembangan sosial Melaka seperti Kyai Terambulum dan Utamutarraja serta anaknya Patih Acoo. Tokoh utama orang asing ini adalah juga ketua kumpulan etnik masing-masing. Dengan adanya fungsi sosial dan taraf pemilikan ekonomi menyebabkan mereka berpeluang berhubung rapat dengan kelas aristokrat dan kerabat Melaka.

Kita juga diberitahu bahawa orang Cina telah diberikan penempatan di sekitar Bukit Cina sekarang. Menurut laporan Eredia,[130] terdapat sebuah kampung yang dinamakan Kampung Cina. Dikatakan juga bahawa Hang Tuah telah dikebumikan di Tanjung Keling. Eredia juga melaporkan bahawa terdapat sebuah kampung, iaitu Kampung Keling yang dikatakan sebagai kawasan penempatan *Chelis of Coromandel*.[131] Berhampiran dengan kampung-kampung ini terdapat pula *Bazar of the Jaos* yang terletak di kuala sungai tempat orang Jawa dari Pulau Jawa menjalankan perniagaan tiap-tiap hari. Kawasan ini kemudian muncul sebagai Kampung Jawa. Besar kemungkinan penempatan seperti ini yang wujud pada zaman Portugis adalah lanjutan daripada bentuk penempatan yang wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kawasan-kawasan tersebut dinamakan demikian kerana berasaskan kaum majoriti yang tinggal di kawasan itu. Dengan perkataan lain, kawasan yang terdapat ramai orang Cina akan dinamakan Kampung Cina atau Bukit Cina. Di kawasan yang terdapat ramai orang Melayu Pasai dinamakan sebagai Kampung Pasai. Seterusnya demikianlah halnya dengan Kampung Keling dan Kampung Jawa. Pola demografi yang sedemikian terbentuk kerana dua faktor asas, iaitu pertama merujuk pada etnik, dan yang kedua merujuk pada profesionalisme dan kegiatan ekonomi. Kewujudannya yang sedemikian bukanlah kerana dirancang, tetapi akibat naluri dan tabii manusia serta anasir alam yang tidak disedari.

Oleh yang demikian, pembentukan kelompok penempatan berasaskan suatu kaum dalam masyarakat adalah disebabkan oleh faktor ekonomi, pandangan darat dan kemudahan perhubungan yang sedia ada. Kelompok

---

[128]Dalam adat Melayu terdapat suatu jenis 'kahwin paksa' yang dinamakan sebagai "panjat-adat". Si jejaka akan menaiki rumah si dara dan memegang dara tersebut, kemudian memaksa kedua ibu bapa dara tadi supaya mengahwinkannya dengan si dara yang telah dipegang itu. Lihat R.O. Winstedt, *The Malays* ..., hlm 64; W.G. Shellabear hlm 213–215; C.C. Brown, 125–126.

[129]A. Cortesao, hlm 280.

[130]Untuk nota lanjut sila rujuk J.V. Mills, *op. cit.*, hlm 87 dan 104.

[131]*Ibid.*, hlm 99.

penempatan ini berkembang di sekitar dan di sepanjang muara Sungai Melaka atau beberapa rantai arah ke hulu sungai tersebut, iaitu tempat kegiatan perniagaan dijalankan setiap hari. Kemudian, wujudlah jawatan Syahbandar yang akan mewakili kaum pedagang masing-masing. Dari segi sosial, polarisasi etnik yang sedemikian akan mewujudkan fenomena dan perkembangan masyarakat yang tidak sihat.

Kemungkinan wujudnya fenomena dan perkembangan masyarakat yang seperti ini amat jelas kerana terdapat anggota masyarakat asing yang menyerapkan diri mereka ke dalam berbagai-bagai budaya dan *way of life* tempatan. Sementara pada pihak orang asing yang lain masih terus mengekalkan cara hidup leluhur dan identiti masing-masing.

Orang asing dari pihak yang pertama ini terlibat dalam proses sosial kerana mereka beragama Islam dan berkahwin dengan wanita tempatan, seperti yang dinikmati oleh orang Arab, Tamil-Islam dan Parsi-Islam. Mereka yang memeluk agama Islam juga tergolong ke dalam kelompok ini, kemudian mereka bergaul bebas dengan masyarakat peribumi. Sultan Mansor Syah dikatakan pernah mengislamkan ramai orang Campa (Kemboja). Ketua mereka, Syah Indera Berma dan isterinya Kini Mertam diserapkan ke dalam kelas bangsawan dan dilantik menjadi salah seorang menteri yang amat disayangi oleh baginda. Sekiranya sahih dakwaan *Sejarah Melayu* maka inilah satu contoh yang menarik di samping contoh yang lain bagaimana anggota masyarakat asing diislamkan, yang kemudiannya dapat bergerak bebas dalam susun lapis masyarakat.

Tome Pires, dalam suasana yang sama mengatakan bahawa seorang Keling(a) kafir dan seorang Melayu Palembang yang juga *cafre* telah diislamkan setelah menjadi orang yang amat berpengaruh di kalangan istana.[132] Dan jika benar dakwaan Tome Pires, walaupun kecondongannya terhadap Portugis amat jelas, bahawa Sultan Mansor telah menjadikan gadis-gadis Keling dan Parsi ini sebagai gundik, sebenarnya wanita ini diislamkan setelah dikahwini secara sah oleh anak tuan-tuan (mandarins) dengan diberikan perbelanjaan kahwin sebagai anugerah daripada raja.[133] Amalan kahwin campur seperti ini biasa berlaku.

---

[132]A. Cortesao, hlm 280.

[133]Adalah suatu penghormatan jika seorang raja atau sultan menganugerahkan hak-hak peribadinya kepada sesecorang walaupun dalam bentuk sisa makanannya. Dalam keadaan yang sama orang Melayu percaya memakan makanan sisa orang tua seperti ibu bapa, ketua-ketua agama, orang ternama dalam masyarakat dan seterusnya boleh memberikan tuah. Dalam *Sejarah Melayu* kita kerap diberitahu tentang beberapa peristiwa seperti Seri Nara Diraja yang telah tua enggan mengahwini wanita-wanita muda yang jelita, justeru untuk mencari jalan menyelesaikan masalah perbalahannya dengan Tun Perak. Cuma kemudiannya nanti apabila Sultan Muzaffar Syah menceraikan isterinya, Tun Kudu, baharulah wanita bekas isteri baginda ini sanggup dikahwini oleh Seri Nara Diraja. Lihat W.G. Shellabear, hlm 94–96;

Fenomena kemasyarakatan ini terjadi adalah akibat daripada suasana yang wujud. Dalam sebuah masyarakat kosmopolitan yang sedemikian, interaksi dan hubungan anggota masyarakat, di kalangan satu kaum dengan kaum yang lain tidaklah dapat dielakkan. Ini diikuti pula oleh dasar ekonomi Melaka yang banyak bergantung kepada kepentingan laut dan menggalakkan saudagar asing datang dan bertumpu ke situ. Dengan berlakunya kahwin campur, perhubungan antara orang yang datang sebagai pedagang dengan orang tempatan, terutama daripada kalangan kerabat atau bangsawan pasti akan terjalin. Ini menambahkan lagi kegiatan serta keuntungan ekonomi negeri. Bagi kalangan kerabat lelaki, perkahwinan dengan wanita asing yang bukan kerabat tidak menjadi masalah sosial, lantaran sistem patrimonial dan adat Temenggung yang diamalkan di Melaka pada masa itu memberikan hak pewarisan sebelah bapa. Seperti yang telah disebut walaupun berkahwin dengan hamba dari negeri asing sekalipun, keturunan mereka mungkin tetap tergolong ke dalam kelas kerabat dan bangsawan. Apatah lagi jika amalan menyimpan gundik menjadi satu kebiasaan masyarakat tradisional kelas bangsawan dan di kalangan minoriti yang berada.

Sementara itu pihak orang asing yang lain tadi nampaknya walaupun kurang disokong oleh sebarang bukti sejarah, terus mengekalkan entiti budaya masing-masing dalam kumpulan etniknya, sama ada yang kaya ataupun yang miskin. Mereka adalah pedagang dan perlombong bijih. Oleh sebab orang lelaki tinggal lama atau terus menetap di Melaka, mereka berkahwin dengan wanita tempatan Islam atau bukan Islam sama ada Melayu, Jawa, Cina atau Batak,[134] tanpa menukar agama mereka. Hubungan mereka dengan golongan atasan memang renggang. Ini terbukti bahawa apabila raja-raja Melayu mengundurkan diri dari Melaka pada tahun 1511, mereka terus menetap di Melaka dengan bertuankan Portugis atau sebaliknya meninggalkan Melaka mencari pelabuhan-pelabuhan dagang lain di sekitar Selat Melaka yang lebih menguntungkan mereka, selamat dan terjamin.

Orang asing ini menghormati tradisi kemasyarakatan dan tempatan yang wujud, sesuai dengan ungkapan Melayu lama, 'masuk ke kandang kambing mengembek, masuk ke kandang kerbau menguak'.[135] Sebagai suatu masyarakat yang *imperatively conscious*, nilai dan norma hidup yang

---

Tome Pires dalam nada yang sama juga menulis, "... made them (the merchants's daughters) turn Moors when he had to give them in marriage, and he married them to mandarin's sons and gave them dowries". Lihat A. Cortesao, *op. cit.*, hlm 249.

[134]J.V. Mills, *op. cit.*, hlm 182–185.

[135]Dalam bahasa yang mudah bererti menyesuaikan diri dengan keadaan setempat yang sedia wujud.

berdisiplin tanpa mengira kaum di kalangan anggota masyarakat mesti diwujudkan, 'yang tua dihormati, yang muda disayangi', 'yang berkuasa dijunjung, yang berpangkat disanjung'. Dalam masyarakat yang sedemikian, pihak yang inferior akan membahasakan dirinya dengan istilah hamba, patik, sahaya dan pacal di samping penggunaan istilah Jawa di kalangan masyarakat Jawa seperti *manira* dan *kulo* terhadap pihak yang superior. Mereka memanggil pihak yang superior ini sebagai tuanku (tuan aku) atau tuan hamba, baginda dan paduka kepada raja dan andika kepada kalangan Jawa. Ganti nama diri daripada pihak yang superior kepada pihak yang inferior pula ditentukan sebagai beta. Raja menggunakan perkataan kita apabila bertitah kepada pegawai-pegawai istana, kerana pegawai-pegawai ini dihormati kerana tuanya. Orang asing tidak dikecualikan daripada tradisi, nilai dan norma setempat ini.

Dalam sumber tempatan, bukti ini amat jelas. Raja Mendeliar, ketua orang Tamil, apabila bercakap dengan Bendahara Seri Maharaja menggunakan panggilan tuanku. Bendahara pula membahasakan dirinya sebagai kita kerana Raja Mendeliar ialah Syahbandar. Ali Manu Nayan membahasakan dirinya sebagai hamba apabila bercakap dengan Temenggung Tun Hassan yang dihormatinya sebagai Orang Kaya. Tetapi pembesar Melayu ini telah menggunakan bahasa yang kasar, iaitu engkau dan mu kepada orang asing ini kerana cuba merendah-rendahkan peribadinya.[136] Orang asing yang tidak menghormati adat, norma susila dan nilai tempatan juga dianggap 'biadab' dan 'tidak tahu adat' atau 'tidak tahu bahasa' seperti yang pernah terjadi antara Raja Mendeliar dengan Bendahara Seri Maharaja. Tidak menghormati adat dan norma tempatan adalah satu unsur yang tidak dikehendaki dalam masyarakat. Adat dan hukumnya merupakan tiang seri pada norma masyarakat. Melanggar adat bererti melanggar hukum adat. Melanggar hukum adat bermakna melanggar undang-undang, sebab hukum adat yang berteraskan adat menjadi sebahagian inti undang-undang Melaka. Dalam suasana yang sedemikian, cuma orang yang menghormati dan yang mengamalkan adat setempat sahaja dapat digolongkan ke dalam kalangan 'rakyat ke bawah duli raja Melaka'. Selagi mereka tidak berbuat demikian secara sedar atau tidak, selagi itulah mereka akan dianggap sebagai 'orang dagang' (foreigner).

Sama ada 'rakyat raja Melaka' ataupun 'orang dagang', mereka tidak dapat melepaskan diri daripada hukum adat dan undang-undang negeri khasnya seperti yang telah ditentukan dalam *Hukum Kanun Melaka* ataupun *Undang-undang Laut Melaka*. Dari segi hak di sisi undang-undang,

[136] W.G. Shellabear, hlm 258–259.

melainkan mereka yang dapat menempatkan diri ke dalam kelas bangsawan atau berdamping rapat dengan orang istana, orang ini dimasukkan ke dalam golongan 'orang yang merdeka'. Raja Mendeliar dan Kitul yang bukan peribumi telah dihukum mengikut hukum adat Melaka kerana provokasi dan fitnah terhadap Bendahara Seri Maharaja. Dengan perkataan lain 'hak-hak wilayah asingan' dari segi undang-undang dan kerajaan tidak ada bagi orang asing. Dari segi teori, suasana ini wujud untuk tujuan mencapai keadilan yang saksama dan secara praktiknya pula ialah untuk mengelakkan berlakunya sebarang kekecohan dalam masyarakat apabila semua individu dianggap sama taraf di sisi undang-undang.

MASALAH DALAMAN DALAM HUBUNGAN SOSIAL

Dilihat daripada peringkat yang *superficial*, dengan berlandaskan norma dan nilai masyarakat Melaka yang wujud selama 111 tahun maka kewujudan kesultanan Melayu ini jelas membuktikan wujudnya suatu masyarakat yang padu (coherent) bentuknya. Terdapat semangat gigih (vibrant) di kalangan anggota masyarakat dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran dan ancaman. Di peringkat ini, tanpa disokong oleh sebarang bukti sejarah yang sahih, sikap tidak toleransi dan prejudis perkauman atau sukuan yang tebal nampaknya kurang berlaku. Unsur saling hormat-menghormati antara sesama individu sentiasa diamalkan. Tidak pernah berlaku unsur kemasyarakatan yang tidak diingini seperti pergaduhan antara kaum dan suku bangsa, pergeseran besar antara pengikut-pengikut Orang Kaya dan antara individu dalam kaum yang sama. Tetapi jika diteliti dengan lebih mendalam dan dinilai dari sudut pandangan yang bercorak negatif dalam konteks hubungan antara anggota dan kalangan masyarakat tersebut, maka wujud keadaan yang berlainan pula.

Di peringkat masyarakat kelas atasan sejak daripada awal lagi kita telah diberitahu tentang kemunculan Tun Ali 'bin' Mani Purindan. Tokoh pemimpin Melaka yang bergelar Seri Nara Diraja dan memegang jawatan Penghulu Bendahari ini berdarah Melayu-Tamil. Penyerapan Mani Purindan, sebagai orang asing ke dalam kelas bangsawan Melayu Melaka dan kemudian perlantikan anaknya, Tun Ali sebagai pembesar yang kedua terpenting di Melaka telah membentuk suatu golongan pembesar Melaka yang berketurunan Melayu-Tamil Islam. Proses penyerapan dan perlantikan ini telah menimbulkan beberapa reaksi daripada pembesar-pembesar Melayu jati dan totok Melaka.

Raja Ibrahim (Sultan Abu Syahid), anak Sultan Muhammad Syah (Seri Maharaja) putera raja Melaka yang berdarah Melayu jati kerana beribukan anak Raja Rokan telah bertelagah dengan abangnya Raja Kassim, putera

darah campuran Melayu-Tamil. Walaupun menurut taraf dan hak hukum adat, Raja Kassim lebih layak dilantik menjadi raja, tetapi kerana pengaruh Raja Rokan dari Sumatera, Raja Ibrahim dapat menjadi raja. Secara politik, Tun Ali sedar perkara ini sebagai satu unsur yang menggugat, kemudian berusaha mengukuhkan kedudukan golongan Melayu-Tamil. Beliau menjadi tulang belakang dalam usaha menggulingkan Raja Ibrahim, dan meletakkan Raja Kassim, anak saudaranya sebagai raja Melaka. Ikhtiar Raja Rokan meletakkan golongan yang berdarah Melayu jati sebagai raja Melaka musnah sama sekali. Beliau sendiri telah terbunuh.

Kemangkatan Sultan Abu Syahid (Seri Parameswara Dewa Syah) membawa makna dan kesan politik Melayu Selat Melaka yang cukup besar. Ia menjelaskan kegagalan suku Melayu daripada pihak Raja Rokan yang berikhtiar untuk menanam dan memantapkan pengaruh politik Melayu totok di Melaka ditinjau daripada salasilah sebelah bapa dan ibu Sultan Abu Syahid, Melayu Palembang dan Melayu Rokan. Dalam tradisi kepimpinan tempatan ia menjadi suatu *political foreboding* dan menjadi 'titik hitam' bagi kalangan Melayu jati; menamatkan usaha sekelompok ahli politik Melayu pimpinan Raja Rokan yang *political conscious* dan sensitif dengan tradisi kepimpinan dan politik tempatan tersebut, dalam percubaan mereka menyekat membiaknya pengaruh kalangan Melayu-Tamil yang telah bermula sejak era Mani Purindan dahulu. Tetapi dalam kekecundangan usaha Raja Rokan ini banyak penulisan tentang tragedi politik tersebut dibuat dengan 'menghitamkan' watak dan ketokohan raja dari Sumatera ini. Raja Rokan dan penyokongnya mungkin cuba mengubah tradisi pengwarisan secara 'melangkah bendul' dengan melangkau Raja Kassim, tetapi mereka melihat dengan wawasan politik serantau kesukuan dan ketotokan Melayu yang lebih luas dan lebih bererti lagi daripada tradisi pengwarisan tadi. Ini wajar kerana selepas Raja Kassim (Sultan Muzaffar Syah) tradisi ini tidak sepenuhnya dipatuhi dan diamalkan. Kesukuan kelompok atau nepotisme keluargalah yang lebih besar dan berkesan memainkan peranannya, di mana para Bendahara yang menerajui pentadbiran menjadi 'dalang' politik dalam proses penggantian raja.

Kejayaan Raja Kassim menaiki takhta juga menunjukkan kejayaan politik Seri Nara Diraja untuk meneruskan lagi dan memperkukuhkan pengaruh kalangan Melayu-Tamil dalam kepimpinan politik Melaka. Apabila sumber tempatan yang terdapat pada hari ini menyebut kononnya Seri Nara Diraja secara anekdot dan tipu helah telah berjaya mempengaruhi Bendahara untuk memihak kepada golongan mereka dalam pergelutan, acuman dan manipulasi politik pada masa itu, maka sehingga pada tahun 1511 kalangan dan suku inilah yang nampaknya berjaya mengekalkan *status*

quo pengaruh dan politik mereka di istana Melaka. Ini disebabkan oleh ibu Raja Kassim dan ibu raja-raja Melaka yang berikutnya adalah daripada kalangan dan berdarah Melayu-Tamil belaka.

Kemenangan Raja Kassim juga bererti kemenangan pihak Melayu-Tamil. Kedudukan Tun Ali semakin kukuh. Tetapi pembesar Melayu yang lain seperti Bendahara Seri Wak Raja, ayah Tun Perak segera menunjukkan reaksi yang negatif terhadap pengukuhan pengaruh Melayu-Tamil, memprotes secara aksi lantas membunuh diri dengan memakan racun, walaupun pengarang *Sejarah Melayu* cuba melindungi hakikat ini dengan memberikan alasan yang kurang wajar dan bersifat anekdot. Jurang pemisahan antara kaum makin menggugat masyarakat Melaka apabila Bendahara Tun Perak dilantik menjadi Bendahara menggantikan Tun Ali yang telah memangku jawatan ini. *Sejarah Melayu* dengan jelas memberitahu;

> "Setelah Paduka Raja [Tun Perak] dan Seri Nara Diraja [Tun Ali] dua orang itu menjadi Orang Besar, maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja, kerana keduanya sama orang berasal, maka Seri Nara Diraja tiada muafakat dengan Paduka Raja, sentiasa bersinggit juga; berapa kali lain [pula orang] Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja".[137]

Apabila Sultan Muzaffar menyedari gejala sosiopolitik yang negatif ini, beliau pun mengahwinkan Tun Kudu, kakak Paduka Raja dengan Tun Ali. Tetapi sebagai raja yang berdarah Melayu-Tamil, langkah menghubungkan kedua-dua pembesar Melaka daripada darah yang berlainan ini adalah langkah yang sementara sahaja. Selagi Tun Perak menjadi Bendahara dan dapat mengekalkan kebijaksanaan diplomasinya, selagi itulah hubungan baik antara kaum ini dapat dikekalkan. Tetapi setelah Tun Perak meninggal dunia, fenomena hubungan kaum ini dengan cepat berubah. Golongan berketurunan Tamil-Islam yang memonopoli jawatan Bendahara dimulakan oleh Tun Mutahir pengganti Tun Perpatih Putih (adik Tun Perak), sentiasa bermusuh-musuhan dengan golongan Melayu, terutama Melayu daripada keturunan Hang Tuah yang memonopoli jawatan Laksamana bersama-sama dengan golongan Melayu daripada keluarga Seri Bija Diraja (Hulubalang Besar). Kekerapan berlakunya insiden kecil yang dibentangkan oleh *Sejarah Melayu* jelas menunjukkan bahawa keluarga Bendahara sering bertelingkah dengan keluarga Laksamana, sehinggakan penyusun teks tersebut Tun Seri

[137] *Ibid.*, hlm 94; C.C. Brown, hlm 57.

Lanang yang berketurunan Tamil-Islam, secara melulu menuduh Laksamana Khawaja Hassan mengamalkan rasuah sehingga mengakibatkan kekecohan sosial dan muncul gejala pilih kasih.[138]

Oleh sebab tidak ada tradisi jawatan Raja Muda dalam sistem penggantian raja-raja Melaka yang sebenarnya telah menimbulkan masalah yang utama dalam masyarakat. Hakikat ini mengingatkan kita kepada punca perselisihan peribadi di kalangan putera-putera raja. Tome Pires melaporkan sejak kelahiran Raja Pute, iaitu putera Iskandar Syah dengan isterinya yang berbangsa Cina, telah menimbulkan keraguan di kalangan putera-putera yang lain kerana putera tersebut lebih dikenali oleh masyarakat Melaka berbanding dengan putera-putera lain tadi. Akhirnya Raja Pute telah dibunuh oleh Sultan Mansor, anak saudaranya sendiri.

Gejala ketidakhadiran sistem penggantian ini sentiasa dieksploit oleh Bendahara dalam menentukan perlantikan seseorang raja Melaka yang baru. Bendahara sentiasa memanipulasi suasana untuk meletakkan putera-putera raja yang ada hubungan kekeluargaan dengannya secara langsung ataupun tidak langsung, dengan pengetahuan sahih kita yang kurang mendalam, untuk mengekalkan *status quo* politik keluarga yang memonopoli jawatan Bendahara ini.

Fakta dapat membuktikan kebenaran. Apabila Raja Muhammad, putera Sultan Mansor membunuh Tun Besar, Bendahara dengan segera mengambil peluang menyingkirkan Raja Muhammad ke Pahang dan dilantik menjadi raja di sana. Apabila Abdul Jamil menggantikan Sultan Muhammad di Pahang, baginda sentiasa bertentangan pendapat dengan Sultan Alauddin dan Sultan Mahmud di Melaka. Begitu juga dengan Raja Kampar. Seorang Putera Sultan Alauddin, iaitu Raja Menawar yang beribukan Melayu anak gahara dan beliau lebih tua serta berhak menjadi raja, telah sengaja dirancang supaya menjadi raja di Kampar. Ini seolah-olah untuk memberi jalan kepada Raja Mahmud menaiki takhta Melaka kerana Raja Mahmud adalah anak saudara bendahara Tun Mutahir, beribukan Tun Senaja, anak Tun Ali, tokoh Melayu-Tamil. Raja Abdullah, putera Raja Menawar sentiasa bertelagah dengan Sultan Mahmud, akhirnya mengambil peluang memihak kepada Portugis menentang Sultan Mahmud setelah Melaka ditewaskan oleh kuasa dari Barat ini. Hubungan kekeluargaan kerabat menjadi kecoh.[139]

---

[138]*Ibid.*, hlm 194–197. Semasa Sultan Mahmud memerintah Melaka, baginda dilaporkan mempunyai sekurang-kurangnya empat orang pembesar yang paling diminatinya iaitu Seriwa Raja, Tun Omar, Hang Isap dan Hang Husain Cengang.

[139]Untuk keterangan lanjut, sila lihat A. Cortesao, hlm 287–289. Tome Pires menamakan Raja Abdullah sebagai Raja Audella; lihat juga E. Koek, *Portuguese History ..., op. cit.*, hlm 128–131; W. de Gray Birch, *The Commentaries ...*, hlm 156–161; W.G. Shellabear, hlm 281–283; C.C. Brown, hlm 166–169.

Apakah yang dapat diharapkan daripada mereka sekiranya sentiasa berlaku pertelagahan di kalangan mereka? Mereka mempunyai bakat dan kebolehan tetapi isu dan prejudis kesukuan serta nepotisme keturunan dan kekeluargaan menjadi penghalang untuk menyatupadukan seluruh masyarakat.

Kemuncak masalah dalam negeri atas isu puak yang pro dan kontra ini berlaku semasa pemerintahan Sultan Mahmud, yang berdarah Tamil di sebelah ibunya. Baginda membunuh Seri Bija Diraja Tun Kerutup, iaitu anak Tun Hamzah (Datuk Bongkok), bapa Tun Setia Titayan, keluarga Melayu jati dari Bentan atas tuduhan cuba memecahkan tradisi adat, sedangkan pembesar Melayu ini sebenarnya adalah proraja Kampar yang Melayu jati. Raja Mahmud juga, yang berjaya dipengaruhi oleh keluarga Laksamana yang Melayu jati, memusuhi bapa saudaranya sendiri, iaitu Tun Mutahir. Kelemahan dan kerenggangan hubungan keluarga kerabat dan pembesar ini diambil peluang oleh orang Melayu jati yang anti-Melayu-Tamil, memfitnahkan keluarga Bendahara kerana tuduhan cuba menderhaka.[140] Penggerak utama tindakan provokasi ini ialah Laksamana. Puncak porak-peranda masyarakat atasan ini berlaku apabila seluruh keluarga Bendahara Tun Mutahir, pembesar daripada keluarga Melayu-Tamil ini dibunuh. Ini bererti, selama Tun Perak dan adiknya Tun Perpatih Putih mentadbir, hubungannya dengan Laksamana adalah baik. Tetapi ketika Tun Mutahir menjadi Bendahara, "penyakit bisul yang selama ini bengkak mula menanah".

Jika sahih pula dakwaan *Sejarah Melayu* versi *Raffles MS. 18*, bahawa Sultan Alauddin (Raja Raden) adalah putera Sultan Mansor dengan isterinya seorang wanita Jawa, ini sebenarnya adalah contoh paling unggul tentang penolakan unsur luar daripada unsur Melayu jati atau Melayu-Tamil yang telah memonopoli kuasa dan politik Melaka sepanjang abad ke-15. Oleh sebab raja yang beribukan Jawa ini terlalu berkebolehan, beliau dikatakan berusia tidak lebih daripada 30 tahun kerana dipercayai mati diracun.[141] Sikap pragmatik dan kebolehannya mentadbir yang luar biasa mengatasi

---

[140]Tome Pires juga menerangkan bahawa Bendahara Seri Maharaja adalah sekuat Raja Melaka sendiri. Rujuk A. Cortesao, hlm 258.

[141]Wawancara dengan Haji Dahlan bin Ahmad, bertarikh 29 Ogos 1977; lihat juga Paul Wheatley yang merasa yakin dengan kebolehan istimewa Sultan Alauddin dan kekagumannya dengan ketokohan Sultan Alauddin yang samar-samar dalam kesusasteraan Melayu. Lihat Paul Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsula* ... hlm 150–151; Naskhah *Critera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan*, memberikan tarikh pemerintahan raja yang gagah ini antara tahun 852 Hijrah hingga tahun 882 Hijrah. Lihat C.C. Brown, hlm xxix; W.G. Shellabear, hlm 171–186. Lihat juga *Berita Minggu*, 30 Oktober 1988, hlm 10.

pembesar-pembesar kanan yang lain sebenarnya tidak diterima oleh masyarakat Melayu jati dan Melayu-Tamil ketika itu. Tetapi penyusun *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 di Johor, cuba melindungi peristiwa yang sebenar kerana beliau adalah daripada keturunan Bendahara dan pembesar Melayu-Tamil yang sangat berpengaruh itu. Walaupun Paul Wheatley dalam konteks ini cuba meyakinkan kita bahawa keganasan tidak menjadi soal dalam masyarakat Melaka sebelum atau sesudah pemerintahan Sultan Alauddin, tetapi hal-hal yang berlaku dalam hubungan di kalangan raja dan kerabat serta pembesar menunjukkan gejala perkembangan sosial yang tidak sihat bergolak dengan hebatnya.

Beban kekecohan sosial yang berpunca daripada kelonggaran hubungan kalangan anggota masyarakat kelas atasan bertambah serius selepas tahun 1488. Andaian Paul Wheatley bahawa Sultan Mahmud yang dikatakan 'ganas' itu tidak dapat disalahkan, kadangkala ada benarnya.[142] Kuasa politik dan pengaruh yang terlalu banyak dipegang oleh keluarga Melayu-Tamil Tun Mutahir dan konco-konconya menyebabkan Sultan Mahmud mencari jalan keluar, iaitu berpoya-poya dengan wanita, anehlaku dan gemar mencetuskan pilih kasih di kalangan pembesar; tambahan pula nepotisme adalah amalan biasa di Melaka ketika itu. Tidak ada sebab juga mengapa Sultan Mahmud tidak murka, kerana Tun Mutahir cuba lari daripada tradisi apabila beliau enggan mengahwinkan anaknya, Tun Fatimah, dengan baginda. Pakatan sulit, Raja Mendeliar dengan Laksamana Khawaja Hassan yang 'memfitnah', kononnya Bendahara cuba menderhaka (merampas kuasa?) patut difikirkan semula kemungkinannya. Sepatah kata Paul Wheatley, jika bapa Bendahara ini dahulu sanggup mencetuskan pergaduhan antara dua anak raja yang sebapa (Raja Kassim dan Raja Ibrahim), tidak ada sebab mengapa gagasan merampas kuasa oleh Tun Mutahir itu tidak boleh dirancang untuk berlaku.

MASALAH KEPIMPINAN

Soal pucuk pimpinan Melayu yang goyah, ketandusan tokoh-tokoh pemimpin Melayu jati dan tradisi pewarisan daripada bapa kepada anak serta prejudis kesukuan di kalangan kelas kerabat dan aristokrat, semuanya menjadi faktor, hendak atau tidak bagi Sultan Mahmud melantik seorang tua yang tepok, tidak ada gigi, lemah berfikir, iaitu Paduka Tuan menjadi Bendahara Melaka. Tetapi sebaliknya jika Sultan Mahmud sengaja melantik seorang ketua pentadbir yang demikian dengan alasan untuk mendapatkan

[142]Paul Wheatley, *Ibid.*, hlm 157–160.

semula kuasa seperti yang diandaikan oleh Paul Wheatley, sebenarnya tindakan Sultan Mahmud adalah silap. Baginda sepatutnya menyedari bahawa hubungan luar Melaka semakin luas dan mencabar. Apabila seorang yang cacat fizikal dilantik menjadi Bendahara setelah berlaku pertelagahan dengan Portugis pada tahun 1509, amatlah bahaya. Apakah yang akan diharapkan daripada orang seperti ini untuk menghadapi sebarang kemungkinan fizikal dan ancaman politik yang lebih besar?

Tun Seri Lanang cuba meyakinkan kita bahawa Tun Mutahir menghadapi kematian dalam gara-gara cuba menegak dan mempertahankan tradisi daulat dan derhaka. Sebenarnya watak Bendahara berdarah Melayu-Tamil ini dalam sejarah masyarakat di Melaka masih lagi kabur. Ketika menjadi Temenggung dahulu, beliau pernah cuai terhadap tugasnya menjaga keamanan Melaka sehingga Sultan Alauddin terpaksa bertindak sendiri. Apabila menjadi Bendahara pula, beliau dikatakan angkuh, suka membesar diri, orang yang paling kaya dan mempunyai banyak pengikut. Selain menjalankan perniagaan sendiri, bagaimanakah lagi caranya beliau boleh menjadi seorang pembesar yang terkaya di Melaka ketika itu? Jika benar kenyataan Tome Pires bahawa Naina Chatu, seorang Tamil yang pernah memberikannya rasuah untuk melepaskan banduan-banduan Portugis,[143] dan jika sahih juga dakwaan *Sejarah Melayu* mengenai episod Laksamana menerima rasuah daripada Raja Mendeliar, walaupun kebenaran kejadian ini perlu difikirkan semula, mungkin dapat diandaikan bahawa Tun Mutahir menjadi kaya-raya sebab rasuah, kerana rasuah jua merupakan kelumrahan masyarakat semasa. Amalan yang menjadi unsur kepincangan masyarakat ini tidak dapat dielakkan lantaran wujudnya bentuk perdagangan dan sistem perniagaan Melaka yang sedemikian coraknya ketika itu.

Apabila kalangan orang asing menyedari tentang kepincangan sosial ini, mereka pun "menangguk di air keruh". Umpamanya Ali Manu Nayan, dengan amat sinis cuba memberi rasuah kepada Temenggung Hassan; pertelingkahan di kalangan ulama-ulama sendiri dan ada orang Melayu yang sanggup bersikap kurang ajar terhadap ulama-ulama ini.[144] Golongan orang asing ini juga menghadapi dilema yang tersendiri. Masalah semasa yang mereka hadapi ialah masalah mempercayai pucuk pimpinan peribumi Melaka kerana untuk menjaga kepentingan ekonomi, kedudukan dan keselamatan mereka.

---

[143]A. Cortesao, hlm 280.

[144]Sebagaimana halnya kes seorang tokoh Melaka bernama Seri Rama yang berani dan lancang mengkritik seorang tokoh agama, Maulana Sadar Jahan yang datang ke Melaka, untuk mencari keuntungan sahaja, katanya. Lihat W.G. Shellabear, hlm 226–227.

Demikianlah hakikat sebenarnya masalah masyarakat yang dihadapi oleh Melaka selepas tahun 1488, iaitu masalah kepimpinan. Pemimpin-pemimpin bertelagah sesama mereka dengan alasan yang mudah, iaitu matlamat peribadi, cuba mencari dan mengekalkan kepentingan pengaruh dan kuasa politik sendiri dan kerana wujudnya kepekaan terhadap isu kesukuan antara keluarga yang berlainan darah keturunan. Apabila Tun Mutahir dan anggota keluarganya mati, Melaka kekeringan pemimpin yang berkaliber. Isu sosiopolitik mengenai daulat dan derhaka mula dipersoalkan. Bendahara yang selama ini menjadi jaguh mempertahankan konsep daulat mula diragukan, bukan sahaja kerana Bendahara muncul daripada keluarga Melayu-Tamil, bahkan juga kerana pemilikan ekonomi dan pengaruh politik peribadi yang besar. Taat setianya kepada raja Melaka sejak zaman Sultan Alauddin dahulu diragui, seolah-olah apabila Sultan Mahmud menaiki takhta kerajaan, baginda telah diberi amaran tentang perkara ini. Baginda terpaksa melantik Tun Mutahir bukan dengan kehendaknya sendiri, dan bukan kerana tradisi penggantian Bendahara, tetapi kerana dihasut dan didesak oleh ibu baginda, iaitu Tun Senaja kakak Tun Mutahir.

Keretakan dalam hubungan kekeluargaan di kalangan pembesar yang mula pecah dapat dibuktikan apabila Melaka diancam oleh Portugis. Bendahara Tun Mutahir, Penghulu Bendahari Tun Tahir serta pengikut-pengikut Melayu-Tamil mahu supaya Melaka berbaik-baik dengan Portugis. Laksamana yang mendapat sokongan majoriti orang Melayu dan beberapa orang Syahbandar menentang cadangan ini. Sementara golongan ulama seperti Maulana Sadar Jahan dan Tun Salehuddin kerana didorong oleh sentimen keagamaan yang berlainan antara Islam dengan Kristian, telah menyokong pihak yang kedua tadi.[145] Perpecahan antara pembesar ini tentu memberi jalan kepada Sultan Ahmad, pengganti Sultan Mahmud untuk mencetuskan pula puak antara golongan muda yang diminatinya dengan golongan tua yang tidak disukainya.

Pendek kata masalah sosial asas yang dihadapi oleh Melaka sejak perlantikan Tun Ali sebagai Penghulu Bendahari yang berpengaruh itu sehinggalah ke tahun 1511 ialah masalah perpaduan anggota masyarakat di peringkat atas. Perpaduan yang jitu dan kental tidak pernah wujud, seolah-olah menjadi semacam 'duri dalam daging' yang menjadi gejala dan ketempangan sosial, dan inilah yang menggoncang sistem masyarakat keseluruhan-

[145]Dalam kata-kata yang jelas, Tome Pires menerangkan, "... the Kashises and their mollahs telling him that he would not make peace; for India was already in the hands of the Portuguese, Malacca should not pass to the infidels". Lihat A. Cortesao, hlm 280.

nya. Gejala sosial ini seolah-olah menjadi rongga kosong untuk memberikan tempat dan ruang kepada anasir luar yang mengancam. Akhirnya, mudah dimasuk dan ditusuk oleh Portugis dan pihak yang pro-Portugis untuk menjadikan musabab besar mengapa dari segi fizikalnya, kerajaan Melaka akhirnya kecundang di tangan kuasa dari Barat ini.

Penyusun *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 cuba menggambarkan peristiwa pembunuhan moyangnya dahulu oleh Sultan Mahmud melalui cara yang sangat kejam di samping menyorokkan pula beberapa fakta yang sahih. Matlamatnya untuk menyalahkan Sultan Mahmud memang jelas. Tetapi di samping penyorokan ini tersirat pula konsepsi sejarah tentang masyarakat dan falsafah kepimpinan Melayu yang sebenarnya. Kezaliman Sultan Mahmud menunjukkan satu simbol dan petanda tidak ada kerjasama lagi antara api (raja) dengan kayu (pembesar) dan tidak terdapat kerjasama lagi, mengikut bidalan Parsi, antara pokok (raja) dengan akarnya (rakyat). Doktrin etika dan politik peribumi ini sengaja diciptakan oleh pengarang secara kreativiti seolah-olah dilafazkan oleh Sultan Mansor ketika hampir mangkat, semata-mata untuk memberi ingatan bahawa kegemilangan dan ketinggian taraf seperti yang dicapai oleh Melaka pada era Sultan Mansor tidak mungkin berlaku lagi pada masa Sultan Mahmud memerintah.

Penyatuan dan perpaduan anggota masyarakat jelas teruji apabila Portugis menyerang Melaka. Ujian taat setia anggota masyarakat ini terhadap pemerintah Melaka ketika itu pula sebenarnya banyak bergantung pada matlamat mereka mendiami Melaka. Di kalangan orang Melayu sendiri, sama ada Melayu tempatan atau Melayu daripada berbagai-bagai tempat di Nusantara terbahagi kepada dua kelompok. Pertama, mereka yang taat setianya pada raja (pemerintah) yang tidak berbelah bagi. Mereka sama-sama membanting tulang memerangi Portugis. Bilangan mereka yang ramai itu juga turut mengundurkan diri dari Melaka bersama-sama dengan rombongan Sultan Mahmud yang berundur. Kedua, mengikut laporan Tome Pires dan Albuquerque, ialah mereka yang mempunyai kepentingan peribadi di Melaka terus menetap di Melaka di bawah ketuanan Portugis.

Sementara itu sikap orang yang bukan Melayu nampaknya banyak bergantung pada kedudukan sosial individu dan kepentingan ekonomi masing-masing. Bagi orang Arab dan Parsi Islam yang mempunyai kedudukan istimewa dan berhubungan rapat dengan kalangan istana, taat setia mereka kepada raja Melaka memang tidak dapat disangsikan. Mereka sama-sama bersuara menentukan dasar luar Melaka terhadap Portugis apabila Melaka menghadapi krisis politik yang genting pada awal tahun 1511. Sikap penglibatan seperti ini juga mungkin terdapat di kalangan golongan etnik bukan Melayu yang lain tetapi telah menyerapkan diri ke dalam entiti sosial

dan masyarakat tempatan melalui perkahwinan ataupun pengislaman, atau tercantum ke dalam berbagai fungsi sosial sebagai gundik, menjadi pengikut pembesar, berkhidmat sebagai tentera upahan raja-raja Melaka dan menjadi berbagai-bagai jenis hamba, ataupun melalui proses mobiliti, mereka menjadi pembesar-pembesar rendah setelah mendapat anugerah raja. Keseluruhan bilangan mereka adalah ramai, menjangkau 20 000 orang yang mengikut rombongan Sultan Mahmud berundur ke Pahang.

Sikap ini nampaknya bertentangan pula dengan sikap anggota masyarakat yang terdiri daripada pedagang asing yang mungkin terasing daripada budaya tempatan tetapi yang paling hampir dengan mereka. Mereka melihat Melaka tidak lebih daripada 'lubuk' yang mempunyai potensi ekonomi yang paling menguntungkan. Dalam sebuah *trading land* seperti Melaka, kedudukan dan pendirian mereka berbanding dengan golongan pertama di atas agak susah dipastikan seperti Tome Pires menyarankan, "... where the people are of different nations, these cannot love their king as do natives without admixture of other nations".[146] Inilah faktor sebenar yang mewajarkan hubungan mereka dengan pemerintah Melayu Melaka. Sikap mereka terhadap raja dan masyarakat peribumi tempatan tidak dapat diukur daripada taat setia mereka kepada pemerintah dan kecengkaman sentimen mereka terhadap tradisi peribumi tetapi cuma boleh diperinci berlandaskan kepentingan dan kedudukan Melaka sebagai emporium perdagangan. Mereka datang dan bertumpu ke Melaka untuk berdagang dan meraih keuntungan, tidak lebih daripada itu.

Mereka tidak mengambil kira soal siapa yang memerintah. Selagi pemerintah tadi (sama ada daripada kalangan apa sekalipun) dapat menjamin keselamatan, kepentingan dan keuntungan dagang mereka, kepada pemerintah itulah yang ditaatinya. Masyarakat Keling yang dikatakan oleh Tome Pires, "brings the most honour to Melaka" dalam pengertian yang lebih sempit tentang penglibatan mereka dalam bidang ekonomi sahaja, anasir-anasir Jawa, Pegu, Parsi, China, berbagai-bagai suku Melayu dari Nusantara dan lain-lain adalah contoh yang baik untuk dimasukkan ke dalam kategori ini. Mereka berpihak kepada Portugis setelah diberikan berbagai-bagai jaminan ekonomi oleh Albuquerque. Utamutarraja dan anaknya yang kayaraya, menjadi ketua masyarakat Jawa dan pernah taat kepada raja Melaka, dilaporkan oleh Portugis telah mengetuai 400 orang Melayu bersama-sama dengan angkatan Portugis dan Pegu, menyerang rombongan Sultan Mahmud yang berundur ke Bertam.[147]

---

[146] *Ibid.*, hlm 279.

[147] Lihat E. Koek, *Portuguese History*, hlm 126.

Oleh sebab didorong oleh kepentingan dan haloba ekonomi dan dilihat pula daripada faktor ras yang mendalam, sikap dan sokongan mereka terhadap siapa yang memerintah sangat susah untuk dipasti dan ditentukan. *Deceitful character*[148] Utamutarraja yang kadangkala taat kepada raja Melayu dan kadangkala taat dan menentang pula Portugis, sama seperti perbuatan orang Jawa yang lain seperti Patih Kadir dan Patih Yunus yang menyerang Portugis di Melaka, bukan untuk membela atau memihak kepada orang Melayu yang telah berundur itu, tidak juga untuk menyokong Portugis, tetapi berusaha merampas Melaka untuk matlamat sendiri kerana dorongan ekonomi, adalah tokoh dan sikap yang menarik untuk dijadikan contoh. Mereka adalah pedagang yang pernah bercampur gaul dengan masyarakat Melaka pada zaman kesultanan dahulu. Mereka juga adalah petualang. Sewajarnyalah anasir petualang seperti ini tidak 'diberi muka' oleh Portugis. Mereka ditentang habis-habisan oleh Portugis. Ada pula yang telah dibunuh, umpamanya Utamutarraja sendiri.

Naina Chatu, saudagar bukan Islam yang kaya itu mungkin dapat dijadikan contoh dan wakil sikap orang Keling dan Chettiar(?) terhadap Melaka. Mereka bermastautin di Melaka. Sikap simpati mereka terhadap Melaka juga banyak bergantung pada kepentingan dagang yang diberikan oleh Melaka itu sendiri. Jika Portugis dapat memberikan jaminan dan spekulasi perdagangan serta ekonomi yang lebih baik dan lebih menguntungkan, mereka akan segera melupakan pelindung mereka yang telah lalu, iaitu kuasa Melayu walaupun dengan cara mengkhianati pelindung ini dan bertindak sebagai pemberi maklumat dan rahsia kepada orang Portugis tatkala konflik Melayu Melaka dengan Portugis sedang memuncak. Matlamat ekonomi dan kepentingan peribadinya tercapai apabila tokoh Keling yang dikatakan; "... a true and loyal servant of his Highness (the King of Portugal)"[149] dilantik menjadi Bendahara (Bemdara) Melaka oleh Portugis.

Agama juga nampaknya tidak dapat dijadikan ukuran ketaatsetiaan mereka yang beragama Islam. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa hubungan mereka yang rapat dengan keluarga istana Melaka dan seterusnya taat kepada golongan pemerintah peribumi terjadi cuma kerana mereka telah menyerapkan diri ke dalam entiti masyarakat Melayu Melaka melalui proses mobiliti. Mereka menjadi guru agama dan kemudiannya dapat menikmati kedudukan istimewa dengan menjadi pegawai-pegawai penting di istana, melalui perkahwinan dengan anak-anak pembesar Islam tempatan dan

[148]*Ibid.*, hlm 127.
[149]A. Cortesao, hlm 288.

khidmat cemerlang kepada pihak pemerintah. Sebaliknya mereka yang tidak dapat meletakkan diri ke dalam proses mobiliti ini terus mengarahkan matlamat hidup mereka kepada cita-cita asal mereka, iaitu datang dan duduk di Melaka sebagai pedagang tanpa menghiraukan orang yang memegang pucuk pimpinan Melaka. Jika mereka pandai berpura-pura dan mengerti di mana letak nilai nepotisme, mereka tentulah beruntung. Pada masa pemerintahan Portugis, mereka inilah yang dilantik menjadi ketua golongan etnik masing-masing atau menjadi pembesar tempatan bagi pihak Portugis seperti yang dinikmati oleh Regimo de Raja, orang Islam yang dikatakan datang dari Lucao (Luzon) yang dilantik menjadi Temenggung serta ketua orang Parsi dan Melayu, bersama-sama dengan Tuan Colaxcar yang menjadi gabenor bagi penduduk sekitar Iler, juga Pate Quidir yang menjadi gabenor di Upeh.

Dengan hal yang demikian, sejarah dan perkembangan masyarakat dengan sendirinya memperlihatkan sifat masyarakat Melaka yang berkelompok, dengan kewujudan semacam *polarity* dalam kelompok tadi tersorok di celah-celah timbunan kebudayaan dan peradaban Melayu yang dinamik, dibina oleh orang Melayu peribumi yang bertahan lebih daripada 100 tahun, bukan oleh orang asing yang berkepentingan dan bermatlamatkan ekonomi. Bagi anggota masyarakat yang melihat Melaka tidak lebih sebagai pusat pelaburan ekonomi yang berpotensi dan tempat "mencari makan yang boleh mengenyangkan", mereka tertakluk dan tertarik kepada kedudukan dan suasana di Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan dan pasar raya yang besar. Selagi Melaka aman serta dapat memenuhi matlamat hidup yang sempurna dari segi hakmilik ekonomi yang lumayan dan keselesaan fizikal mereka, selagi itulah mereka bersikap toleransi dan bekerjasama antara satu sama lain dan taat kepada pemerintah. Tetapi apabila Melaka digugat dan diganggu oleh kuasa asing seperti Portugis, mereka akan berselerak mencari tempat-tempat perlindungan serta kawasan yang lebih selesa, sambil menyelamatkan diri, sebagaimana Paul Wheatley mengandaikan;

> "As long as Malacca was prospering the common aims and mores of commerce held the various groups together, but when trade came to a standstill and cargoes were commandeered, burnt or lay rotting in godowns, the several sections of society each began to seek its own salvation".[150]

[150]Paul Wheatley, *op. cit.*, hlm 175.

Golongan pedagang lari meninggalkan Melaka mencari pelabuhan dagang lain di sekitar Nusantara yang lebih selamat dan terjamin. Anggota masyarakat yang tergolong sebagai 'rakyat raja Melaka', yang telah menjadi sebahagian daripada keseluruhan tradisi kepimpinan, kerajaan dan institusi politik peribumi dan mempunyai keyakinan terhadap kepimpinan raja dan pembesar Melayu terus mempertahankan Melaka daripada diceroboh. Mereka turut sama berundur apabila ketahanan tentera Melayu menjadi goyah dan lemah. Sementara anggota masyarakat yang berada antara kedua-dua golongan masyarakat di atas tadi terus menetap di Melaka, bertuankan Portugis dan mendapat perlindungan dari Portugis, masih mengharapkan Melaka sebagai pusat spekulasi ekonomi rantauan yang penting dan menguntungkan. Sifat masyarakat yang tidak padu dari segi dalaman ini memaksa terjadinya demikian kerana ciri Melaka sendiri sebagai sebuah kota raya perdagangan, melahirkan masyarakat kosmopolitan. Melaka bukan didiami oleh orang Melayu dan peribumi semata-mata, lantas melahirkan cita-cita hidup anggota masyarakat yang berbagai-bagai.

13

Epilog: Melaka dalam Tradisi Sejarah Serantau dan Sejarah Negara

TRADISI sejarah dan persejarahan Melaka serta kesultanannya tidak dimulakan dengan suatu kekosongan.

Pada dasarnya, prinsip sejarah dan perspektif persejarahan ini banyak berlandaskan dan berlatarbelakangkan tradisi persejarahan Selat Melaka dan sekitar khususnya, serta tradisi persejarahan alam Melayu umumnya. Kedua-dua tradisi ini pula saling bertalian dan berkait dengan perubahan sejarah politik serta ekonomi di luar rantau ini khususnya negeri China, Timur Tengah dan India. Agama Islam dan unsur-unsur kebudayaan setempat pula didapati menjadi ejen pencorak yang paling utama dan berkesan, untuk mewarnai dan membentuk tradisi serta sejarah Melaka. Agama Islam telah mencorakkan pelbagai institusi kemasyarakatan.

Berdasarkan keterangan di atas, maka konsep penubuhan, perkembangan dan pengekalan Kesultanan Melayu Melaka, yang selama seabad lebih itu, perlu dilihat dari dua konteks tetapi dalam suatu garis perspektif persejarahan yang selari. Pertama, melihat tradisi Melaka dari konteks persejarahan serantau; dan yang kedua, melihat dari konteks persejarahan tempatan bagi sebuah negara, iaitu Malaysia sekarang.

Konteks yang pertama, iaitu persejarahan serantau termasuk dalam konteks tradisi, proses serta fenomena dan perkembangan sejarah dan hal-ehwal sejarah dan budaya rantau alam Melayu ini, serta kaitannya dengan perkembangan sejarah dan ekonomi di China, Timur Tengah dan India. Sejarah itu berkembang mengikut peredaran zaman, iaitu dimulakan dengan perkembangan sejarah pada zaman entah berentah, hinggalah pada awal abad ke-15 (atau penghujung abad ke-14), lalu diikuti seterusnya oleh zaman-zaman selepas itu hinggalah sekarang. Sekiranya mengikut perspektif sejarah, perkara ini boleh membentuk dan meninggalkan suatu tradisi temurun di kalangan rumpun bangsa Melayu di sekitar Selat Melaka hingga ke utara perairan Pulau Jawa. Dalam hubungan ini, batasan wilayah dan geopolitik seperti yang disaksikan pada hari ini, tidak boleh untuk dijadikan

perhitungan dan tidak timbul dalam ruang konsepsi tentang rumpun bangsa tadi. Oleh sebab itu, persejarahan Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16, perlu dikaji berdasarkan konteks tradisi, proses serta fenomena dan perkembangan sejarah serantau, khususnya di persekitaran Selat Melaka dan di perairan Pulau Jawa. Oleh itu, tradisi tersebut sepanjang abad ke-15 dan abad ke-16 merupakan sebahagian daripada keseluruhan tradisi persejarahan dan kebudayaan Melayu di rantau ini. Tradisi ini menjadi 'jambatan penyambung' yang menghubungkan antara tradisi persejarahan sebelumnya dengan tradisi persejarahan selepasnya, dalam perspektif warisan sejarah tadi.

Oleh itu, hal ini mesti dirujuk dan didasar kepada faktor kesinambungan terhadap persejarahan dan kebudayaan Melayu serantau. Kesinambungan kedua-dua aspek inilah yang menyumbangkan suasana bagi kemunculan dan kekekalan Melaka sebagai suatu entiti politik. Entiti dan tradisi ini seterusnya diwarisi pula oleh kerajaan dan Kesultanan Johor-Riau selepas tahun 1511.

Konteks yang kedua pula berdasarkan realiti sejarah yang kesannya wujud hingga sekarang. Konteks ini mungkin bertentangan dengan konteks yang pertama. Konteks yang pertama telah pun terjadi dan berlaku pada masa lalu. Dalam konteks yang kedua ini batasan wilayah dan geopolitik menjadi petanda dan kriteria penting kerana persejarahan dan budaya rumpun Melayu persekitaran selat dipisahkan secara politik oleh pembatasan wilayah dan geografi. Oleh sebab itu tradisi Melaka dan konsep kemelakaan dalam persejarahan Malaysia menjadi sempit dan amat menjurus. Konteks yang kedua ini terpisah daripada konteks kenegaraan, Malaysia dan Indonesia. Oleh itu, konteks ini patut dibincangkan dalam ruang persejarahan, perkembangan dan perubahan serta dinamisme kebudayaan, politik Melayu di Malaysia sahaja.

Kewujudan Melaka sebagai suatu entiti politik dan kerajaan memberi pengertian sejarah yang cukup besar dan bermakna dalam persejarahan Malaysia. Malah ada sarjana di pelbagai peringkat institusi pendidikan negara yang kerap menyarankan bahawa persejarahan negara harus bermula dengan tradisi Melaka. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa tradisi Melaka pada abad ke-15 itu sendiri sebenarnya adalah penerusan tradisi dan kesinambungan sejarah budaya-politik alam Melayu.

Sekiranya kita merujuk pada kajian terdahulu dan penulisan ilmiah masa kini tentang persejarahan silam rantau budaya alam Melayu ini, pendapat tersebut memang beralasan. Dalam hubungan ini, hasil kajian para sarjana awal seperti G. Coedes, H.J. de Graaf, W.P. Groeneveldt, J.C. van Leur, J.L. Moens, B.J.O. Shrieke, Muhammad Yamin, Slamet Muliyono,

C.C. Berg, Sartono Kartodhirdjo, R.M. Ng Poerbatjaraka, J.G. de Casparis, W.F. Stutterheim, P. Wheatley, J.J. Krom dan O.W. Wolters.[1] Dalam penulisan dan hipotesis masing-masing adalah berkaitan. Suatu hal yang cukup menarik dan meyakinkan ialah semua para sarjana ini merujuk dan berpandukan pada sumber-sumber awal yang terdiri daripada pelbagai jenis tulisan dan secara lisan seperti bahan kertas dan bukan kertas (batu-batu bersurat dan prasasti, arkeologi dan puing-puing, tradisi-tradisi *hikayat*, geografi setempat, serta laporan para pengembara dan pedagang asing dari Timur dan Barat).

Dalam percubaan dan usaha untuk menghubungkaitkan antara tradisi dan pola persejarahan awal Semenanjung Tanah Melayu dan Gugusan Kepulauan Melayu dengan persejarahan tanah besar Asia Tenggara, maka penulis seperti G. Coedes, P. Wheatley, D.G.E. Hall dan N.J. Krom merujuk pada pengaruh dan perkembangan budaya serantau yang berlunaskan kepercayaan daripada pengaruh Hindu-Buddha yang menular ke kawasan ini. Mereka ini juga merujuk pada laporan sumber-sumber China awal daripada Dinasti Tang dan Dinasti Han (dokumen jenis ini amat wajar untuk menjadi bahan rujukan tentang masa dan zaman berkenaan). Ini kemudian disokong oleh puing dan kesan arkeologi yang terdapat di Siam dan di Semenanjung Vietnam. Daripada awal Masihi sehingga sebelum abad ke-5, peranan pengemudian dan jalan di perairan Selat Melaka (apakah nama Selat Melaka sebelum munculnya Melaka?) belumlah begitu penting untuk menjadi laluan antarabangsa dan laluan bagi para pedagang asing. Pada masa itu, kawasan di

---

[1]Rujuk G. Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, Honolulu 1968; H.J. de Graff, "Gusti Pandji Sakti", dalam *TBG*, LXXXIII, 1949; H.J. de Graff, "Resensi Karya Soemarsaid Martoeno, State and Statecraft in Old Java", dalam *BKI*, 125, 1969; H.J. de Graff, *Geschiedenis van Indonesie*, 's-Gravenhage, Bandung, 1949; H.J. de Graff, *Awal Kebangkitan Mataram, Masa Pemerintahan Senapati*, Grafiti Press dan KITLV, Jakarta, 1985; J.L. Moens, "Criwijaya, Iava en Kataha", dalam *TBG*, LXXVII, 1937; B.J.O. Sherieke, *Ruler and Realm in Early Jaya*, Den Haag-Bandung, 1955; B.J.O. Shrieke, *Sociological Studies*, Amsterdam, 1955–1957 (2 jilid); C.C. Berg, "Javanese Picture of the Past", dalam Soedjatmoko, (ed), *An Introduction to Indonesian Historiography*, Ithaca, 1965; C.C. Berg, *De Middle-Javaanche Historische Traditie*, Santpoort, 1927; J.G. de Casparis, "Historical Writing in Indonesia (Early Period)", dalam D.G.E. Hall, (ed), *Historical Writing on the Peoples of Asian Historians of Southeast Asia*, London, 1962; W.F. Stutterheim, *A Javanese Period in Sumatran History*, Soerakarta, 1929; W.F. Stutterheim, *Leerboek der Indische Cultuurgeschiedenis*, Den Haag-Batavia, 1932; Slamet Muliyono, *Sriwidjaja*, Arnoldus, Flores, (tanpa tahun); Slamet Muliyono, *A Story of Majapahit*, Singapore, 1976; Slamet Muliyono, *Kuntala, Sriwijaya dan Suwarnabhumi*, Jakarta, 1981; J.J. Krom, *Hindoe-Javaansche Geshiedenis*, 's-Gravenhage, 1931; J.C. van Leur, *Indonesian Trade and Society*, van Hoeve, Bandung-The Hague, 1955; O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Kuala Lumpur, 1970; O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce, A Study of the Origins of Srivijaya*, Ithaca, 1967.

persekitaran Segenting Kra disebut sebagai jalan perdagangan yang paling utama bagi menghubungkan di antara Timur dengan Barat.

Jalan perdagangan yang begitu jauh, iaitu di antara Timur dengan Barat memerlukan pusat persinggahan sama ada di pesisir atau di daratan. Pusat persinggahan adalah tempat sama ada untuk menukar barang perdagangan (kemudian fungsi dan tarafnya akan berkembang menjadi sebuah entrepot), pusat untuk mengumpul dan mengeluarkan bahan mentah dan komoditi tempatan, atau setakat menjadi pusat persinggahan (transit) bagi memperoleh dan memenuhi segala keperluan perjalanan atau perdagangan. Pusat persinggahan ini akan semakin berfungsi dan berkembang, lalu menjadi bandar-bandar perdagangan. Perkembangan ekonomi di pusat persinggahan tersebut akan mewujudkan kuasa dan politik. Gabungan antara peranan ekonomi dengan peranan politik yang semakin kukuh dan mantap (dengan wujudnya pemegang kuasa dan pemilik wibawa politik seperti ketua, kedatuan dan raja serta berbagai-bagai konsep, tradisi dan falsafah tentang institusi dan organisasi berkerajaan dan perajaan setempat, membolehkan pusat persinggahan itu berkembang sehingga ke status negara kota. Sekiranya pusat persinggahan itu terletak di pesisiran, pusat itu akan dinamakan sebagai bandar pelabuhan.[2]

Keistimewaan dan kekuatan negara kota atau bandar pelabuhan adalah disebabkan oleh kedudukan geografi yang strategik, iaitu di sepanjang jalan perdagangan antarabangsa. Untuk terus kekal, negara kota atau bandar pelabuhan itu amat bergantung pada kegiatan perdagangan dan perniagaan dari luar. Keadaannya lebih terjamin dan menguntungkan sekiranya di situ terjadi eksploitasi tanah untuk matlamat pertanian, pengeluaran hasil bumi atau pengeluaran bahan mentah laut (ikan, obor-obor atau agar-agar dan hidupan laut). Apabila institusi kerajaan dan pemerintahan menjadi teguh, organisasi masyarakat akan menjadi semakin kompleks (dengan tarafnya pada masa itu). Ia akan menjadi tumpuan orang asing seperti para pedagang, senteri, pendakwah dan penghijrahan juga berlaku. Di situ jugalah kebudayaan berkembang dan tamadun manusia menjadi subur. Ia juga menjadi pusat perkembangan agama-agama di dunia.[3]

Bagi bandar-bandar jenis ini, kekayaan dan keutuhan ekonomi akan menjadi faktor kekuatan dan hegemoni politik. Pada prinsipnya, sumber ekonomi didapati daripada berbagai-bagai jenis cukai perdagangan. Ini

---

[2]Ada sarjana yang menamakannya pula sebagai 'kota pelabuhan'. Lihat H.J. de Graff & Th. G. Th. Pigeaud, *Kerajaan-kerajaan Islam di Jawa, Peralihan dari Majapahit ke Mataram*, Grafiti Press, Jakarta, 1985, hlm 18.

[3]Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, 1972.

diperkuat dengan perolehan hasil uftian, sekiranya bandar tersebut adalah kuasa penakluk. Semakin banyak didapati hasil percukaian, 'pembeaan dan uftian', semakin kukuhlah ekonomi dan semakin teguh pula kedudukan politik dan ketenteraan (dari segi keperluan, penanggungan dan penyaraan tenaga manusia) di bandar-bandar tersebut. Selain itu, keluasan dan banyaknya kawasan dan bandar perdagangan yang dikuasai oleh sesuatu pemegang kuasa bandar tersebut juga akan menjadi faktor kekuatan dan hegemoni politik. Oleh itu, biasanya sesebuah negara kota yang terkuat dari segi politik dan ketenteraan (kerana besarnya saiz tenaga manusia yang boleh dimobilisasikan untuk peperangan, dalam konsep Thai tradisional disebut *phrai*)[4] akan cuba menguasai (melalui penaklukan) negara kota yang lebih kecil dan lemah, istimewanya negara kota yang memiliki strategi perdagangan dari segi jalan perdagangan, dan yang berpotensi ekonomi dari segi pengeluaran hasil.

Pusat pemerintahan selalunya bertapak di tempat sumber dan kuasa penaklukan itu bermula. Di sini jugalah lazimnya tempat organisasi pentadbiran beroperasi di peringkat pusat dan di tahap kawasan takluk. Dalam konteks hubungan dua hala untuk mengekalkan penguasaan dan penaklukan ini, ia bergantung pada setakat dan selama mana pihak yang ditakluk itu sanggup mengakui kedaulatan, ketuanan dan kepatuhan terhadap pihak penakluk. Ia juga bergantung pada sejauh mana kuasa pusat berupaya untuk melaksanakan dan mengekalkan *status quo* kuasanya sebagai penakluk terhadap pihak yang ditakluk tadi menerusi operasi ketenteraan atau manipulasi politik. Konsep politik penaklukan yang dimaksudkan di sini mestilah dibezakan dengan konsep penjajahan pada abad ke-19 dan abad ke-20 di Asia Tenggara. Fenomena pengakuan tradisional terhadap pihak penakluk hanya dilambangkan menerusi penghantaran ufti yang berkala dan kesediaan pihak yang ditakluk itu menyahut kehendak kuasa pusat dalam hal-hal yang berkaitan dengan keperluan dan penggunaan tenaga manusia seperti untuk peperangan, pertahanan, pembinaan kubu dan istana. Pengakuan tradisional juga dilambangkan pada kesanggupan pihak yang ditakluk untuk menyedia dan membekalkan berbagai-bagai peralatan material kepada kuasa induk dan kuasa ketuanan seperti makanan, alat pengangkutan dan senjata apabila diperlukan. Sekiranya taraf ekonomi dan pemilikan tenaga manusia oleh pihak yang ditakluk mengatasi pihak penakluk, maka keadaan yang sebaliknya sering terjadi. Oleh itu, hubungan antara dua pihak ini sentiasa dan hanya terjadi, dan berada dalam suatu ikatan dan tahap politik yang longgar.

---

[4]Akin Rabibhadana, *The Organisation of Thai Society in the Early Bangkok Period, 1782–1873*, Cornell-Thailand Project, No 74, Ithaca, 1969; Muhammad Yusoff Hashim, (ed), *Syair Sultan Maulana: Suatu Penelitian Kritis Tentang Hasil Pensejarahan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur, 1980, hlm 425–26.

Pengawalan dan penguasaan secara tidak langsung negara kota dan bandar pelabuhan yang banyak dalam sebuah lingkungan geopolitik yang luas, menggambarkan suatu 'persatuan' negara kota (agglomoration of city-states) di sesuatu rantau yang diterajupolitikkan oleh sebuah kuasa pusat dan penaung yang kuat pada sesuatu zaman. Unsur politik seperti ini, secara disedari atau tidak, akan membawa kepada pembentukan sebuah empayar.

Kekekalan dan hegemoni politik empayar ini terletak pada kekuatan dan kebolehan untuk mengekalkan penundukan serta penguasaan kawasan takluk. Perlaksanaan politik terhadap kawasan takluk dilakukan secara prinsip langsung atau tidak langsung. Kelangsungan selalunya, walaupun bukan mesti, direalisasikan menerusi perkahwinan kerabat antara istana pusat dengan istana pihak yang tertakluk atau yang dinaungi–perkahwinan politik namanya. Oleh sebab pengawalan dan penguasaan jalan perdagangan, sama ada darat atau laut adalah amat penting bagi pengawalan dan pengekalan *status quo* ekonomi, maka bandar pelabuhan dan negara kota yang terdapat di sepanjang jalan perdagangan itulah yang menjadi prioriti pengawalan politik dan fizikal.

Sekiranya ia berada di pesisiran sebagai pelabuhan perdagangan maka ciri dan fungsi utama bagi bandar pelabuhan seperti ini ialah "... tempat-tempat penarikan bea dan cukai terhadap barang-barang yang lewat, yang dilakukan oleh penguasa-penguasa tempatan. Hal ini disebut 'pabean', 'bandar(an)' atau 'rangkah' jika didirikan di jalan-jalan urat nadi perdagangan".[5] Kawasan pedalaman yang berpotensi ekonomi, hasil galian atau pertanian, dihubungkan ke bandar pelabuhan di pesisir melalui sungai. Ini lojik. Dari segi geografi, hampir semua kawasan tanah besar Asia Tenggara dan Gugusan Kepulauan Melayu dipenuhi dengan sungai yang boleh menjadi alat komunikasi antara pedalaman dengan pesisiran. Malah di Malaysia, faktor sungai jugalah yang menjadi asas pembentukan geopolitiknya.[6] Begitu jelas keadaannya, sehingga ada pelawat-pelawat asing pada zaman awal yang melawat sekitar muara sungai di Sumatera memikirkan bahawa Sumatera terdiri daripada penyatuan pulau-pulau kerana 'dipisahkan' oleh sungai-sungai yang besar. Ada yang mengandaikan bahawa Sumatera dipisahkan dari Pulau Jawa oleh Sungai Sunda, bukan Selat Sunda. Oleh itu, pengembara Barat pada abad ke-14, iaitu Marco Polo pun menamakan Sumatera sebagai 'Lesser Jawa'.[7]

---

[5]H.J. de Graff & Th. G. Th. Pigeaud., *op. cit.*, hlm xv.

[6]Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850–1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, Kuala Lumpur, 1984, hlm 1–26.

[7]Marco Polo, *The Travels of Marco Polo*, Great Britain, Penguin Books Ltd., 1980, hlm 256–258.

Naik dan turun empayar-empayar ini teruji dengan keupayaannya menyatukan negara kota yang ditakluki atau dinaungi. Penarikan dan nekad membebaskan diri daripada 'ikatan' kuasa pusat oleh negara kota yang ditakluki menjadi tanda kepada kemerosotan kuasa dan keporak-perandaan empayar. Sebaliknya, zaman keagungan empayar ditunjukkan dengan kebolehannya mengawal bersungguh-sungguh (to exert control) secara politik suatu kawasan taklukan atau naungan yang luas. Ini adalah tahap kekemuncakan politik. Pada tahap inilah kebudayaan, kesenian, bahasa dan kesusasteraan menjadi segar; persoalan metafizik dan agama menjadi kukuh; serta berbagai-bagai unsur pengaruh luar meresap dan bertapak.

Faktor luar yang menjadi dasar kepada kemerosotan atau keruntuhan sebuah kuasa politik yang besar ialah penggunaan dan fungsi jalan perdagangan di laut yang semakin kurang; kegiatan di pelabuhan dagang semakin merosot; dan penggunaan jalan perdagangan (darat dan laut) di sesuatu rantau politik didapati terus menurun. Kegiatan perdagangan antarabangsa semakin merosot adalah akibat langsung daripada sama ada minat para pedagang asing untuk datang ke pelabuhan dagang tadi terus berkurang, atau disebabkan oleh peralihan jalan perdagangan. Faktor-faktor ini sebenarnya merupakan *antitesis* terhadap kemunculan dan kegemilangan sesebuah empayar tadi. Oleh itu, faktor ekonomilah yang menjadi induk kepada politik dan proses politik empayar-empayar ini.

Pembentukan jalan perdagangan di bahagian rantau Nusantara secara langsung membentuk suatu rantaian jalan perdagangan di laut antarabangsa. Oleh itu, rantauan laut Nusantaralah yang menghubungkan lalulintas di antara Timur (China dan Jepun) dengan Barat (India, Timur Tengah, Itali dan seterusnya ke Eropah). Hubungan jalan perdagangan ini sungguh erat, sehingga Tome Pires mengatakan bahawa peranan penting ekonomi Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16 yang telah membangkit dan menyuburkan kegiatan perdagangan Eropah, "Whoever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice".[8] Peranan dan kedudukan Selat Melaka semakin penting apabila dikaitkan pula dengan kedudukannya sebagai 'gerbang' yang menghubungkan di antara dunia luar dengan kawasan perairan Gugusan Kepulauan Melayu, mengarah ke selatan. Secara relatifnya, maka ia juga menggiatkan kegiatan ekonomi kawasan ini dalam soal pemasaran dan perdagangan berbagai-bagai jenis hasil pertanian mentah (yang paling utama ialah rempah dan lada) ke peringkat antarabangsa. Dan secara relatif jugalah ia menjadi faktor kepada kemunculan dan kenaikan puluhan negara kota dan bandar pelabuhan di Pulau Jawa (yang menjadi 'gerbang' hubungan luar

[8]Armando Cortesao (ed), *The Suma Oriental of Tome Pires*, 1944, hlm 287.

kuasa-kuasa setempat Jawa Timur, Airlangga pada abad ke-11, Kediri dan Singosari pada abad ke-9 hingga abad ke-13, Majapahit pada abad ke-13 hingga sekitar abad ke-16) yang pada abad ke-15 dan abad ke-16 dan selepasnya membentuk entiti politiknya sendiri seperti di Demak, Tuban, Grisek, Rembang, Giri, Surabaya, Borneo Selatan dan Brunei, lantas ke Sulu dan Sulawesi. Pertembungan perdagangan di antara Timur dengan Barat telah menyebabkan kerajaan-kerajaan di pesisir Nusantara menjadi tumpuan para saudagar setempat dan asing. Oleh itu, wujudlah sebuah bandar kosmopolitan. Ini menjadi ciri yang standard dalam corak dan sejarah kemasyarakatan bandar pelabuhan di Nusantara.

Akibat terlalu bergantung pada jalan perdagangan di laut untuk matlamat perdagangan, maka negara kota ini (sama ada sebagai pusat persinggahan, pemindahan, pengendalian barang dagangan entrepot, pengumpul bahan dagangan pembekal dan pengeluar hasil-hasil tempatan atau pengimport dan pengedar komoditi barang dagangan dari luar) amat sensitif dengan suasana laut dan jalan perdagangan yang ada di hadapannya.[9] Kemunculan dan kehancuran; kegemilangan dan kemalapan negara kota amat relatif dengan kegiatan dan jalan perdagangan kelautan. Apabila ramai perdagangan asing yang datang, menyebabkan negara kota ini menjadi makmur. Sebaliknya apabila lembap dan kurang pedagang ini yang datang, akan menjadikan negara kota ini malap dari segi ekonomi dan akhirnya sosiopolitik.

Apabila membicarakan soal sosiopolitik, maka peranan kedutaan antara kuasa pusat bagi empayar kelautan ini dengan kuasa tradisional China, haruslah dikaitkan sama. Ia berhubung dengan dasar luar dalam amalan perdagangan kerajaan China yang berselindung di sebalik sistem uftian. Apabila dasar luar dalam sistem ini dikuatkuasakan, para pedagang Cina hanya digalakkan untuk berdagang ke bandar-bandar pelabuhan yang 'dilindungi' oleh kerajaan China. Ini hanya berlaku setelah penguasa bandar-bandar ini atau pemerintah negara-negara kota di Nusantara mendapat pengiktirafan politik daripada kuasa pusat China di Peking. Ini selalunya dilambangkan menerusi dua episod sejarah, iaitu dengan penghantaran siri-siri misi dan rombongan kedutaan daripada pemerintah tempatan kepada maharaja China bagi mengakui ketuanan mereka. Di sebaliknya, kerajaan China mengiktiraf pula secara *de jure* pemerintah tempatan ini dengan penghantaran pelbagai hadiah yang simbolik seperti loceng, sutera, kain kuning dan payung kuning. Episod-episod ini memberikan segala kepentingan politik kepada kerajaan-

[9]O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce* ..., (halaman yang berkenaan); Orang Laut disebut sebagai memainkan peranan utama untuk mengumpulkan bahan-bahan mentah bagi komoditi dagang ini. Rujuk D. Sopher, *The Sea Nomads*, No 5, Singapore, 1965.

kerajaan tempatan tadi, di samping kepentingan dan keuntungan ekonomi yang cukup pasti.[10] Pedagang-pedagang dari kerajaan tempatan yang mempunyai pertalian politik dengan kerajaan China sahaja dibenarkan untuk masuk ke China. Dan hanya bandar-bandar pelabuhan di Nusantara yang telah menjalin hubungan politik dengan China, yang akan didatangi oleh para pedagang China. Oleh itu, kegiatan perdagangan di bandar-bandar pelabuhan seperti itu akan bertambah rancak.

Kita menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat bagi menjelaskan tentang hal tersebut. Permasalahan sumber sering menyebabkan pengkaji menjadi kelam-kabut dan kerap mengakhirkan pendekatannya menerusi, "... only by supposition and informed suggestions", seperti yang dilakukan oleh G. Coedes yang mengkaji tajuk ini. Alternatif lain ialah dengan merujuk pada sumber China tradisional daripada beberapa dinasti awal mereka. Sumber daripada Dinasti Sung, Dinasti Sui, Dinasti Tang dan Dinasti Ming contohnya, menyebut kerajaan-kerajaan tua yang dipastikan wujud di sekitar Semenanjung Tanah Melayu seperti Langkasuka (sekitar utara Semenanjung) pada abad ke-6, Ch'ih-t'u (Tanah Merah) di Kelantan, Tan-Tan (Besut, Terengganu) dan Lo-Yuen (di Johor). Kerajaan-kerajaan setempat yang mempunyai, "... well ordered governments"[11] ini dilapor oleh sumber China sebagai saling menghantar hadiah dan misi muhibah ke China, mulai sepanjang abad ke-7 hingga pada abad-abad yang berikutnya. Hubungan kedutaan ini memberi manfaat pada bidang-bidang ekonomi dan politik tempatan.

Bertentangan dengan dasar ini ialah dasar perdagangan bebas. Pedagang China berhak untuk datang ke mana sahaja bandar pelabuhan yang diminati, tanpa larangan dan tanpa perlindungan kerajaan. Fenomena ini sering mengancam pola perdagangan menerusi sistem uftian, khasnya di negara-negara kota yang kononnya dilindungi oleh China. Setelah negara kota itu menjalankan usaha pertukaran misi kedutaan, mereka dapat pula menikmati kepentingan ekonomi. Perubahan pola ini akan mengancam kuasa kelautan pusat. Dengan meningkatnya kegiatan perdagangan di bandar-bandar pelabuhan yang dikuasai oleh mereka, akan menjadikan saingan malah kadangkala akan mengatasi kuasa kelautan pusat itu. Dalam konteks inilah peranan pokok Orang Laut amat penting. Semacam paksaan, Orang Laut bertugas untuk mengarahkan kapal-kapal pedagang asing supaya menjurus dan bertumpu ke pelabuhan kuasa pusat, bukan ke pelabuhan takluk.

---

[10]P. Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur, 1961, hlm 273; P. Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsula in Ancient Times*, hlm 85. Barbara Watson Andaya and Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, London, 1982, hlm 20–34.

[11]Barbara Watson Andaya, *op. cit.*, hlm 22.

Mulai dari abad ke-5, keperluan perairan di sekitar Nusantara yang merujuk pada lalulintas Selat Melaka dan Laut China Selatan mula memainkan peranan. Ia berkait dengan meningkatnya permintaan bahan-bahan mentah dari Nusantara bagi pasaran dunia.

FUNAN, LANGKASUKA, KAN-T'O-LI DAN SRIWIJAYA

Daripada sumber awal China dari zaman Dinasti Han (abad ke-2), sumber dari India Selatan dan dari prasasti-prasasti kuno, dapat dipastikan bahawa kerajaan di selatan semenanjung Asia Tenggara yang muncul menerusi kepentingan ekonomi, lalu mendapat manfaat untuk matlamat politik ialah empayar tua Funan. Funan muncul dalam ruang kepentingan ekonomi dan geografi lalu membentuk perspektif sejarah mengikut lunas dan ciri-ciri di atas. Mengikut landasan ruang dan perspektif sejarah inilah juga didapati kerajaan-kerajaan dan bandar-bandar pelabuhan yang besar di Nusantara ini muncul dan berkembang.

Funan wujud dari abad pertama hingga abad ke-6 Masihi dan mencapai zaman kemuncaknya di sekitar abad ke-3. Kerajaan Funan berpusat di Wadhapura (wilayah timur Kampuchea sekarang) yang bermaksud "Bandar Pemburu". Sekarang Wadhapura dianggarkan terletak berhampiran bukit Ba Phenom dan Kampong Banam, dalam wilayah Prei Veng, Republik Kemboja. Wadhapura terletak kira-kira 20 batu dari pantai. Empayar Funan berkembang dari Go Oc-Eo (bandar pelabuhannya yang utama) ke negara-negara kota di Ko-lo (Burma timur sekarang), Tambralingga, P'an P'an, Tun Sun, Kataha [dipastikan meliputi kawasan-kawasan serantau, iaitu Kedah, Kelantan, Senggora (Songkhla), Nakhon Si Tammarat (Ligor) dan Patani. Bandar pesisir Go Oc-Eo dihubungkan ke Wadhapura oleh Tasik Tonle dan Sungai Mekong. Sumber-sumber China pada abad ke-3 mendakwa bahawa Funan juga berjaya menaungi Langkasuka yang muncul di sekitar abad ke-2. Ini menyebabkan hampir seluruh bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu berada di bawah naungan Funan. Dakwaan ini berdasarkan sumber China dan Arab pada abad ke-7 yang mengatakan bahawa empayar kecil Langkasuka ini termasuklah seluruh muara Sungai Terengganu, Kedah, Kelantan, Patani, Telubin dan Senggora.[12]

Di sekitar kawasan-kawasan inilah terletaknya jalan perdagangan yang menghubungkan di antara Timur dengan Barat. Dengan keupayaan menakluk dan menaung kawasan-kawasan tersebut bermakna Funan dapat menguasai dan mengawal suatu rentasan geografi yang besar dan luas, iaitu

[12]P. Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm 257, peta 42.

dari bahagian timur Teluk Benggala menganjur ke seluruh jalan perdagangan di Teluk Siam dan Semenanjung Vietnam. Seperti Funan, Langkasuka juga terbentuk daripada penguasaan suatu kawasan yang luas yang meliputi seluruh utara Semenanjung Tanah Melayu. Langkasuka berjaya menghubungkan suatu jalan perdagangan di antara Pantai Barat dengan Pantai Timur utara Semenanjung, sebelum ia menjadi naungan Funan.[13]

Kemerosotan kedua-dua empayar ini adalah akibat kemalapan peranan negara-negara kota dan bandar-bandar pelabuhan dalam bidang ekonomi perdagangan. Ini adalah kesan langsung akibat merosotnya peranan jalan perdagangan di kawasan sekitar timur Teluk Benggala apabila dikatakan bahawa mulai dari abad ke-5, Selat Melaka dan Selat Sunda mula menjadi rentasan dan laluan kelautan bagi pedagang Timur dan Barat. Ia juga berkait dengan permintaan dunia bagi bahan-bahan mentah dari Nusantara yang semakin memberangsangkan. Sementara itu barang-barang dagangan dari Timur, khasnya dari China, merupakan komoditi mewah bagi pasaran Nusantara. Barangan dari India dan Timur Tengah pula mempunyai nilai barangan import dan jenama yang bernilai di rantau ini.

Sumber China pada abad ke-5 dan abad ke-6 Masihi (daripada Dinasti Sung dan Dinasti Liang) mengatakan bahawa sebuah petempatan yang bernama Kan-t'o-li yang terletak di tenggara Sumatera,[14] mengambil peluang dengan keperluan jalan perdagangan di Selat Melaka serta kemunculan pola perdagangan yang baru ini. Kan-t'o-li didakwa sebagai berjaya untuk menguasai sebahagian besar dari muara-muara sungai di sepanjang pantai timur Sumatera, sehinggalah ke Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu. Kan-t'o-li merupakan sebuah kuasa kelautan Melayu yang pertama muncul secara langsung daripada peluang sosioekonomi dan jalan perdagangan laut yang muncul ketika itu. Kelahiran Kan-t'o-li menandakan kemalapan wibawa politik dan keunggulan ekonomi Funan dan Langkasuka. Kan-t'o-li menggantikan kedua-dua kuasa ini. Kan-t'o-lilah yang dianggap memberi jalan ke arah kemunculan kerajaan Sriwijaya.

---

[13]P. Bellwood, *Man's Conquest of the Pacific: The Prehistory of Southeast Asia and Oceania*, Auckland, 1978; A. Lamb, "Miscellaneous Papers on Early Hindu and Buddhist Settlements in North Malaya and Southern Thailand", dalam *Federation Museum Journal, New Series, 6, 1961. Hikayat Merong Mahawangsa* menyebut bahawa petempatan asal 'Langkasuka' ialah di pesisir utara pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Pengasasnya ialah Raja Merong Mahawangsa. Disebut bahawa Langkasuka menjadi tumpuan para pedagang dan senteri, "datang berniaga ke dalam negeri itu". Siti Hawa Saleh, (ed), *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur, 1970. hlm 13–14.

[14]Tempatnya dikatakan terdapat di sekitar Jambi, bermuarakan Sungai Batang Hari. Lihat N.J. Krom, *Hindoe-Javaansche Geschiedenis*, hlm 112; G. Coedes, "A Possible Intrepretation of the Inscription of Kedukan Bukit (Palembang)", dalam J. Bastin and R. Roolvink, (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Kuala Lumpur, 1964.

Melalui prasasti-prasasti yang terdapat di Telaga Batu, Kedukan Bukit dan Talang Tuo di Palembang, dan melalui interpretasi yang dibuat oleh G. Coedes menerusi sumber-sumber China dari abad ke-7 hingga abad ke-9 daripada Dinasti Tang tentang hal ini dinyatakan bahawa pada abad ke-7, kuasa Melayu ini telah pun berwibawa politik, berinstitusi dan berkerajaan.[15] Dengan berpusatkan geopolitik Palembang, Jayanasa, seorang penguasa politik yang sama ada terpengaruh dengan gagasan politik dan tradisi sejarah serta ekonomi kerajaan-kerajaan besar yang mendahuluinya, iaitu Funan dan Langkasuka, Jayanasa mula mengembangkan pengaruh politiknya dengan menguasai dan menakluk kawasan yang strategik dari segi pengawalan jalan perdagangan di Selat Melaka dan Laut China Selatan. Pulau Bangka dapat dikuasai. Dari pulau inilah operasi mengawal lalulintas laut dijalankan. Pengawalan jalan perdagangan laut ini meliputi juga Selat Sunda. Dengan pengawalan ini bermulalah suatu era baru persejarahan Melayu sekitar Selat Melaka, apabila penguasa-penguasa politik selepas Jayanasa, terus menguasai kawasan-kawasan jalan perdagangan yang strategik ini dan membentuk sebuah kuasa laut *thalassocracy*. Sebuah empayar kelautan Melayu, dengan bertulangbelakangkan tenaga manusia dan kemahiran pelbagai suku Orang Laut pun wujud. Ini mungkin merupakan suatu pola dan tradisi persejarahan yang baru di alam Melayu. Tetapi masih dalam ruang dan konteks kerantauan serta kesinambungan tradisi dan penerusan pola persejarahan bagi zaman-zaman sebelumnya seperti Funan dan Langkasuka. Faktor sosioekonomi yang berdasarkan keperluan, kewujudan dan penggagasan politik, telah berulang semula.

Sriwijaya menjadi sebuah empayar Melayu. Pada zaman kemuncaknya dalam abad ke-11, Sriwijaya disebut menguasai jalan perdagangan dan jalan laut yang cukup luas, iaitu dari kawasan Gerahi di timur Teluk Benggala menganjur ke Selat Sunda di selatan, lalu menguasai seluruh geopolitik tradisional pantai timur Sumatera, seluruh Thai Selatan, Semenanjung Tanah Melayu dan barat laut Gugusan Kepulauan Melayu. Sriwijaya yang berpusat di Palembang, kemudian berpindah ke Jambi juga berjaya menundukkan kuasa-kuasa setempat dan bandar-bandar pelabuhan yang lebih kecil. Proses dan pola politik serta penguasaan jalan perdagangan laut oleh Sriwijaya ini berlarutan hingga abad ke-13.

---

[15]G. Coedes, *ibid.*, Disebut oleh sumber China daripada Dinasti Sui (590–618 T.M.) yang dipetik oleh P. Wheatley, mengenai pemerintah Chih-tu bahawa, "The king sits on a three-tiered couch, facing north and dressed in rose-coloured cloth, with a chaplet of gold flowers and necklaces of varied jewels. Four damsels attend on his right hand and on his left, and more than a hundred soldiers mount guard". Lihat P. Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm 28, 254, 255.

Sejarah Melayu, satu daripada sumber peribumi telah menerapkan dengan bersungguh-sungguh tradisi Palembang dan sosiobudaya kepalembangan (unsur mitos dan anasir alam yang ghaib) berhubungan dengan asal usul dan salasilah raja-raja Melaka pada abad ke-15. Mukadimah tentang jurai dan tradisi asal usul ini yang diterapkan dalam teks tersebut atau apa saja unsur *literary fictionality* tentang hal ini, bukanlah disengajakan seperti yang sering didakwa kerana perawi atau penyusun teks tersebut bukan seorang yang jahil atau buta sejarah. Perawi atau penyusun tersebut sebenarnya memahami dan tahu tentang tradisi persejarahan Melayu. Walaupun tidak menyatakan secara eksplisit, namun tradisi kepalembangan yang disebut mendahului tradisi Melaka adalah manifestasi dari proses dan hakikat sejarah Sriwijayalah yang dimaksudkan oleh penyusun atau perawi tersebut. Maka dakwaan bahawa tradisi Sriwijaya pada mulanya berpusatkan Palembang adalah sahih.

Secara *aksen* (folk etimology atau accent), sumber China menyebut Sriwijaya sebagai San-fo-che atau Che-li-fo-che. Sumber Arab menyebutnya sebagai Sarbazza atau Sribuzza, dan diperintah oleh Maharaja Zabej atau Zabag. Tentulah Muara Sabak atau Sebak yang bersungaikan Batang Hari yang disebut oleh *Sejarah Melayu* sebagai Muara Batang (bukan Tatang seperti yang ditranskripsikan) yang dimaksudkan oleh sumber Arab itu. Dari Palembang, kemudian di Jambi dijalankan organisasi politik dan penggerakan serta penggemblengan tenaga Orang Laut bagi menguasai dan mengawal seluruh jalan perdagangan sepanjang Selat Melaka, Selat Singapura hingga ke Laut China Selatan.

Kebangkitan Sriwijaya boleh dikaitkan secara relatif dengan kegiatan perdagangan di luar Nusantara yang aktif dengan kegiatan dan pemasaran barang-barang mentah dari Nusantara. Di China, zaman Dinasti Tang dari abad ke-7 hingga abad ke-10, di Timur Tengah zaman Khalifah Umayyah dari abad ke-7 hingga abad ke-8 dan zaman Khalifah Abasiyyah pada abad ke-8 hingga abad ke-13, kegiatan perdagangan dua hala Timur dan Barat melalui perairan Nusantara adalah cukup giat. Secara tradisi, hubungan perdagangan selatan India dengan kawasan perairan Melayu telah lama berjalan.

Arah ke selatan di Pulau Jawa, muncul pula beberapa buah kerajaan tua pra-Islam yang diketahui dimulakan dengan kerajaan Jawa Timur dan Jawa Tengah pada abad ke-9. Ini diikuti pula oleh kebangkitan kerajaan Kediri, antara tahun 850 hingga tahun 1222, kerajaan Singosari antara tahun 1222 hingga tahun 1290 dan kerajaan agung Majapahit antara tahun 1293 hingga lebih kurang tahun 1520. Walaupun masyarakat dalam kerajaan ini bercorak

agro basis, namun hubungan luar dari Pulau Jawa memerlukan pengawalan dan penggunaan beberapa buah bandar pelabuhan di utara pulau tersebut. Maka persekitaran Laut Jawa hingga ke selatan Selat Melaka, tetap merupakan unsur laluan perairan yang penting untuk kerajaan-kerajaan ini, khusus yang berhubung dengan keperluan sosioekonomi. Kegiatan pengawalan laut bagi matlamat ekonomi dan kegiatan ketenteraan yang serupa, menyebabkan kedua-dua kuasa ini, iaitu Jawa di Pulau Jawa dan Melayu di Sriwijaya bertembung. Perebutan laluan perairan sering terjadi, menyebabkan berlakunya persaingan politik dan budaya. Malah kebangkitan dan kekuatan angkatan laut Majapahit sering dikaitkan dengan salah satu faktor kemalapan kuasa Sriwijaya.

Apabila Kartanagara dari kerajaan Singosari menggagaskan konsep *Pa-Malayu* pada tahun 1275 dalam usaha untuk membina sebuah barisan dan penyatuan politik Jawa-Melayu dalam sebuah rantau politik, perairan dan budaya yang serupa dan sejiran, maka beliau menundukkan Jambi. Kartanagara menghantar tokoh politik yang bernama Adityawarman yang berbapakan tokoh kerabat keraton Jawa, tetapi beribukan Melayu dari istana Jambi, dalam usaha untuk menanamkan pengaruh politik Jawa di Sumatera. Adityawarman yang berdarah Jawa-Melayu itu, kemudiannya menjadi penegak daulat dan pendiri kerajaan Minangkabau di Pagar Ruyung.

Menjelang pertengahan abad ke-13, kegemilangan Sriwijaya mulai luntur. Selain faktor dalaman, faktor luar juga turut memberikan kesan yang besar terutama faktor yang berkaitan dengan hal-ehwal dan keperluan jalan perdagangan Selat Melaka. Jalan perdagangan yang menjadi tunggak ekonomi dan politik Sriwijaya mula diancam oleh kerajaan Chola dari India. Bandar-bandar pelabuhan di bawah penguasaan Sriwijaya diserang kerana kejayaan Sriwijaya menguasai dan mengawal Selat Melaka, dan ini telah menggugat perdagangan India. Keadaan ini bertambah rumit kerana pengubahan dasar perdagangan luar China, zaman Dinasti Sung dan Monggol pada abad ke-12 hingga abad ke-14. Perlaksanaan perdagangan luar yang berselindung di sebalik sistem uftian yang selama ini amat memberi manfaat kepada ekonomi dan didakwa sebagai cukup menguntungkan dari segi politik serta pengiktirafan Sriwijaya, telah dibatalkan dan diubah kepada dasar perdagangan bebas tanpa lindungan. Perubahan dasar ini membolehkan para pedagang China bebas berniaga di bandar pelabuhan yang mereka minati, tidak semestinya ke Palembang atau Jambi sahaja. Ini menyebabkan kemerosotan Palembang dan Jambi. Fenomena perdagangan sedemikian tentulah semakin mengancam wibawa dan kuasa pusat Sriwijaya.

Pada tahap kegemilangan kuasa kelautan Sriwijaya di sekitar Selat Melaka, Selat Singapura dan Laut China Selatan, kerajaan Jawa tua abad ke-

13 dan abad ke-14 melihat kegemilangan ini sebagai satu faktor yang cukup menggugat terutama dari segi pengawalan jalan perdagangan laut. Dalam usaha untuk mengawal jalan ini, maka kerajaan Singosari dan Majapahit berikhtiar untuk menundukkan dan meletakkan Sriwijaya ke taraf yang lebih rendah dari segi fungsi ekonomi dan ketenteraan laut. Maka tercetuslah gagasan politik dan ekspedisi *Pa-Malayu* tadi. Ia dianggap para sarjana masa kini sama ada sebagai suatu peperangan terbuka terhadap sebuah kuasa serantau tetapi merupakan jiran yang cukup mengancam, ataupun suatu gagasan dan rancangan imperialistik tradisional Jawa,[16] yang berselindung di sebalik kalimat dan slogan 'gabungan suci' bagi menyatukan kuasa politik Jawa-Melayu. Pada prinsipnya gagasan ini mempunyai matlamat politik, iaitu untuk menguasai suatu kawasan geopolitik yang luas dan matlamat ekonomi yang besar bagi mengawal jalan perairan yang amat strategik dan menguntungkan di antara Pulau Jawa dengan kawasan luar. Manakala Selat Melaka dapat dianggap sebagai 'gerbang' ke perairan Nusantara.

Proses yang saling berkait ini memberikan kesan terhadap hubungan politik dan budaya Jawa-Melayu yang mungkin tidak disengajakan, bukan sahaja dengan istana dan penguasa pusat di Palembang atau Jambi, malah di semua bandar pelabuhan yang ditakluk oleh Sriwijaya. Proses ini sekurang-kurangnya berlaku melalui hubungan kekeluargaan, iaitu menerusi perkahwinan kerabat keraton Jawa dengan istana Melayu sejak abad ke-9 lagi. Dan apabila Tome Pires merujuk pada seni dan unsur perwayangan Melaka pada abad ke-16 yang dikatanya terpengaruh dengan seni corak Jawa, maka ini sebenarnya terjadi akibat proses hubungan dan penjalaran budaya serantau, iaitu dari Pulau Jawa mengarah ke sekitarnya, tetapi terletak di suatu rantau budaya yang serupa. Dalam abad ke-13 juga, kuasa tradisional Siam, iaitu Sukhotai menerusi Ligor, mula menular ke Selat Melaka hingga ke selatan Selat Singapura, dalam gagasan diplomatik dan matlamat ekonomi yang serupa. Gagasan ini dilanjutkan sehingga pada masa kegemilangan Dinasti Ayuthia dalam tahun 1350-an. Mereka mendakwa dan menuntut ufti dari bandar-bandar pelabuhan Melayu Semenanjung, yang sebelum itu di bawah taklukan Sriwijaya. Suasana politik di sekitar Selat Melaka semakin kompleks, sehingga menjadi Melayu-Jawa-Siam. Ini belum termasuk unsur China dari tentera laut Dinasti Yuen atau Monggol (Kublai Khan), yang dise-

[16]D.G.E. Hall, *History of Southeast Asia*, London, 1947, hlm 71; N.J. Krom, *Hindoe-Javaansche* ...; M.D. Mansoer, et. al., (ed), *Sedjarah Minangkabau*, Bhratara, Djakarta, 1970, hlm 51–52; C.C. Berg, "The Javanese Picture of the Past", dalam Soedjatmoko, (ed), *op. cit.*, hlm 99. Sumber Jawa, *Nagarakartagama*, menyebut ekspedisi tentera laut Jawa ini termasuk juga ke Borneo Selatan dan Pahang.

but dan didakwa merancang untuk menguasai seluruh Nusantara.[17]

Sebagaimana hal tradisi asal usul yang lepas, pengarang atau perawi *Sejarah Melayu* sedar akan proses dan pola politik yang telah terjadi puluhan tahun sebelum pengarangannya. Maka dalam menaratifkan bahagian awal sejarah Melaka yang membentuk episod-episod yang menjadi latar belakang kepada sejarah ini dapat kita lihat bagaimana Jawa Majapahit dan Siam Sukhotai serta Ayuthia diterap sebagai unsur sejarah yang utama, tetapi dicernakan menerusi naratif-anekdot-sejarah yang sering membingungkan pembaca. Unsur ini disebut sebagai unsur politik luar yang dasar, yang sering diterap menerusi ciri-ciri *animosity*, dalam masa pemerintahan raja-raja Melaka di Singapura dan di Melaka pada awal abad ke-15. Ini adalah wajar dan mempunyai kesan kesejarahannya kerana lanjutan tradisi persejarahan Selat Melaka yang telah sebenarnya terjadi, dan mereka merupakan kuasa-kuasa asing yang menjadi penyaing bagi kuasa Melayu, yang mungkin merupakan sisa-sisa tokoh dan kuasa politik Sriwijaya. Kesemunya menjadi latar belakang kepada penubuhan Melaka. Parameswara dan penyokong-penyokongnya berhak berbuat demikian, bukan sahaja cuba membina sebuah kerajaan di Singapura dan berusaha menegakkan sebuah kerajaan di Melaka, bahkan berhak mengeksploitasikan kawasan-kawasan yang pernah dikuasai secara *de jure* oleh nenek moyangnya dulu dalam lingkungan empayar Sriwijaya di rantau ini, sebab kawasan-kawasan berkenaan bukan menjadi milik *de facto* oleh sama ada kuasa Jawa ataupun Siam. Walaupun muncul dalam bentuk sisa-sisa Sriwijaya, hak-hak politik dan wibawa Melayu Sriwijaya nampaknya masih terus diiktiraf. Walaupun mungkin hanya terjadi dalam lingkungan legal temurun sahaja, Parameswara terus didaulati sebagai pemerintah Melayu yang sah oleh suku-suku Orang Laut dalam lingkungan budaya politik, unsur manusia dan tenaga politik yang amat dasar menegakkan kedaulatan Sriwijaya dahulu. Tenaga ini sekarang berpindah dan bergerak ke Singapura untuk sementara (lebih kurang lima tahun, kata Tome Pires), kemudian mengarah, menegak dan kekal terus di Melaka selama seabad lebih.

Di Melaka, bekas 'ahli politik' Melayu dari Palembang atau Jambi (sekarang yang mentuani Jawa Majapahit, lanjutan Jawa Singosari) dan Singapura, berjaya mengekalkan identiti politik Melayu temurun dan tradisi politik kemelayuan, sebagai melanjutkan tradisi politik tanah asal mereka dari pesisir timur Sumatera itu. Oleh itu, dari segi konsep dan tradisi persejarahan, ia bukanlah suatu persejarahan baru dalam lingkungan sosiologi politik dan kebudayaan Melayu di Selat Melaka, malah merupakan penerusan

[17]D.G.E. Hall, *ibid.*, hlm 74–75.

dan kesinambungan proses politik dan tradisi persejarahan Melayu Selat Melaka. Apa yang terjadi hanyalah perpindahan wibawa dan kuasa (dalam konteks semangat kebangkitan semula wibawa dan kuasa Sriwijaya), dan setakat perubahan geopolitik serta geografi yang berlainan tetapi berada dalam lingkungan perairan dan rantau budaya yang serupa. Dari Melaka, tradisi persejarahan ini diteruskan di Johor-Riau, diselangi oleh suatu tempoh peralihan dalam usaha mencari tapak geopolitik yang baru di Johor Lama pada abad ke-16.

Oleh itu, dari segi perspektif, sepanjang abad yang pertama hingga abad ke-16 Masihi, suatu tradisi dan proses persejarahan yang berhubung dengan kebangkitan dan kemerosotan kuasa-kuasa politik ini, dapat dilihat. Ia terjalin dalam suatu rantaian 'naik-turun' atau 'pasang-surut' tradisi. Maknanya, secara umum, kemunculan dan kebangkitan sesebuah kuasa itu, menyusuli kemunduran dan kemalapan sebuah kuasa yang lain, tetapi terletak dalam sebuah rantau atau pinggiran rantau budaya yang serupa. Kebangkitan Kan-t'o-li adalah susulan daripada kemerosotan kuasa Funan. Kemalapan Langkasuka adalah akibat langsung dari kegemilangan Funan, menerusi proses dominasi politik. Kebangkitan Sriwijaya dilihat sebagai susulan peranan sosioekonomi Kan-t'o-li yang semakin pudar. Kebangkitan Majapahit juga merupakan proses penyusulan, setelah lemah dan tumbangnya kuasa-kuasa Singosari dan Kediri. Kebangkitan Melaka adalah penerusan daripada pudar dan lenyapnya tradisi Palembang dan Jambi yang menjadi penguasa induk bagi Sriwijaya. Dan seterusnya kemunculan kerajaan Melayu Johor Lama menjadi faktor pewarisan bagi kerajaan dan tradisi Melayu di Melaka yang telah diduduki oleh kuasa asing yang bukan Melayu.

Ada sarjana yang mengistilahkan bandar-bandar pelabuhan dan negara kota ini sebagai *fluid cities*. Bandar-bandar wujud mengikut pertumbuhan ekonomi dan wibawa politik bandar pelabuhan atau negara kota yang lain. Ciri ini wujud kerana kemunculan mereka berkaitan dengan pola sosioekonomi dan penggunaan jalan perdagangan yang menjadi asas ekonomi masing-masing, sama ada di darat ataupun di laut.

Dalam konteks persejarahan Selat Melaka selepas abad ke-5 khususnya, fenomena sejarah ini berlaku disebabkan faktor keperluan dan kepentingan perdagangan serta permintaan bahan mentah dari Nusantara yang semakin meluas. Permintaan yang besar ini menjadikan perairan Selat Melaka sebagai jalan perdagangan yang penting bagi kegiatan perdagangan tempatan dan antarabangsa. Daripada proses dan fenomena sosioekonomi seperti inilah maka kesan dan perubahan politik serta persejarahannya dapat dilihat. Kerajaan-kerajaan dan kuasa tua ini tumbuh di pesisiran. Pusat pemerintahan kadangkala terletak di kawasan pedalaman, tetapi dihubungkan secara langsung

oleh saliran sungai ke muara, tempat terletaknya sebuah bandar pelabuhan. Dari sinilah proses pengukuhan terjadi. Mereka mula bergiat menundukkan kawasan-kawasan yang penting dari segi ekonomi, untuk mengawal jalan perdagangan di samping mewujudkan monopoli ke atas bahan-bahan mentah dan bahan galian di kawasan yang ditakluk. Keluasan kawasan taklukan, naungan dan pengaruh politik kerap menjamin kebesaran dan kemantapan sebuah kuasa. Keluasan ini juga dikemuncakkan dengan pembentukan dan kewujudan sebuah entiti dan status politik yang bercorak empayar. Maka muncullah empayar Funan, empayar kecil Langkasuka, empayar Sriwijaya, empayar Melaka dan empayar Johor-Riau. Kesemuanya terletak dalam suatu kawasan geografi yang berjiran dan dalam kawasan perairan yang serantau.

PENGULANGAN DAN PENERUSAN TRADISI

Mulai tahun 1400 (atau sekitar 1390-an), rentak sejarah ini berulang lagi. Pusat politik Melayu di Selat Melaka bergerak dari pesisir timur Sumatera ke pesisir barat Semenanjung Tanah Melayu dan menjurus ke Melaka. Selari dengan corak pengaliran tadi, Melaka sebenar telah mengambil alih peranan sosioekonomi dan politik Palembang-Jambi yang telah pudar dan tidak berfungsi lagi itu. Malah tradisi persejarahan Melaka selama seabad lebih itu adalah pengulangan semula tradisi persejarahan Sriwijaya. Cuma faktor asas yang menjadi tunggak pengubahan kedua-dua kuasa *thalassocracy* Melayu dalam lingkungan kedinamikan budaya serantau dan seperairan ini, iaitu faktor agama Islam.

Maka dalam konteks dan proses budaya politik serta fenomena sejarah serantau yang berlegar di Selat Melaka itulah kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15 muncul dan membangun. Proses dan babak-babak sejarah yang terdahulu terjadi hingga abad ke-14 berterusan lagi. Dan kali ini penerusan serta kelanjutan ini terjadi di Melaka pula. Malah semangat politik dan tradisi sosiobudaya Sriwijaya itulah yang mempengaruhi penubuhan dan pembentukan Melaka, dari sebuah petempatan kecil yang didiami oleh suku Orang Laut, berkembang menjadi sebuah empayar seperti pengalaman Palembang-Jambi dahulu. Tambahan pula tokoh yang mengasaskan Melaka adalah keturunan darah dan kerabat langsung dari Palembang, dan berkaitan pula dengan kekerabatan Jawa semenjak tahap-tahap kegemilangan Singosari pada abad ke-13 lagi.

Selepas tahun 1511, fenomena dan tradisi persejarahan Melayu dan kesultanan Melayu Melaka ini diterus dan dilanjutkan pula ke Johor Lama-Riau. Kedaulatan kesultanan dan institusi berkerajaan masih dikekalkan walaupun tertakluk kepada keperluan dan kehendak-kehendak semasa. Maka wujudlah beberapa pengubahan dan pelbagai variasi, tetapi masih

dalam landasan tradisi yang serupa. Setakat contoh asas, dapat dilihat gelaran Seri Bija Diraja yang menjadi timbalan kepada Laksamana di Melaka, diubah kepada gelaran Seri Bija Wangsa, di Johor bukan setakat menjadi timbalan Laksamana malah ditugaskan untuk mengawal keselamatan raja (pengawal peribadi sultan). Peranan politik dan wibawa Laksamana di Johor lebih penting dan menonjol dari peranan politik dan wibawa Bendahara (tidak seperti tradisinya di Melaka), terutama zaman Laksamana Tun Abdul Jamil.[18] Ini terjadi kerana hal-ehwal peperangan, pengawalan laut dan perairan yang terdapat di sekitar empayar Johor pada abad ke-17 dan abad ke-18, menjadi permasalahan politik dan kewibawaan yang amat menonjol. Penglibatan kuasa-kuasa Jambi, Acheh dan Portugis menjadi latar belakang kepada masalah ini.

Masih banyak kerajaan tempatan dan bandar pelabuhan di sekitar Selat Melaka yang menjadi gerbang kepada jalan perairan ke Barat dengan perairan Gugusan Kepulauan Melayu, yang terus mendaulati dan bertuankan Kesultanan Johor-Riau ini. Semua kawasan ini adalah bekas taklukan Kesultanan Melayu Melaka, walaupun terdapat kawasan yang berani mengisytiharkan bebas dari kuasa induk di Johor. Kedaulatan empayar Melayu Melaka dilanjutkan menjadi empayar Johor-Riau pula. Kelanjutan dan pengekalan ini bukan sahaja terjadi dalam bentuk penerusan dan tradisi budaya politik, malah yang penting dan menonjol ialah nasab keturunan kerabat Melaka yang memerintah itu sendiri. Pengaruh dan fungsi soal kenasaban ini (yang secara salasilahnya berakhir pada tahun 1699, setelah mangkat Sultan Mahmud II) begitu kuat sehingga apabila perawi *Hikayat Siak* di Sumatera, pada abad ke-19, telah berusaha untuk mencipta kedaulatan Raja Kecil dari Siak secara karangan dan bertulis, bukan secara lisan semata-mata. Dia menghubungkan terus nasab dan salasilah tokoh dari Minangkabau ini dengan keperibadian Sultan Mahmud II, Johor, secara pengzuriatan keturunan. Walau apa pun tanggapan ilmiah kita tentang aspek kreativiti dan komposisi hikayat yang bercorak sejarah ini, namun dakwaan ini adalah suatu bukti fenomena sejarah mengenai konsep persejarahan dalam hubungan kekerabatan dan *legitimacy* temurun serta pendaulatan antara

[18]Pada masa pemerintahan Sultan Ibrahim Syah sekitar tahun 1670-an, Laksamana inilah yang berjaya menangkis serangan tentera Jambi, memulihkan kegiatan perdagangan Johor dan mengangkat semula taraf politik Johor di alam Melayu. Pada ketika Sultan Mahmud Syah ibni Sultan Ibrahim masih kecil, baginda diriba oleh bondanya, anak Laksamana. Dan keluarga Laksamana sendiri yang memutuskan perbicaraan negeri di balairung, bukan Bendahara yang sepatutnya berbuat demikian, menurut istiadat dan tradisi pemerintahan Melayu. Lihat Barbara Watson Andaya, *op. cit.*, hlm 73–74; Leonard Y. Andaya, *The Kingdoms of Johor 1641–1728*, hlm 63.

pemerintah Melayu Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16 dengan sekalangan pemerintah Melayu di sekitar pesisiran Selat Melaka.

Demikianlah keadaannya sebab masyarakat Melayu tradisional (masa kini juga?) kelihatannya dogmatik dan amat taksub dengan keturunan dan unsur pengsalasilahan.[19] Salasilah dan nasab mempunyai hikmat dan peranan yang tersendiri. Ia berfungsi dalam ruang budaya politik Melayu, khususnya dalam penciptaan wibawa dan politik setempat. Maka, semangat kewibawaan kesultanan dan prinsip kedaulatan raja-raja Melaka tadi nampaknya terus wujud hingga pada abad ke-19, apabila *Hikayat Siak* dikarang atau dirawikan. Manakala realiti semangat ini pula direalisasikan pada tahap pertama dan kedua abad ke-18, dengan penampilan tokoh Raja Kecil yang berjiwa besar itu. Semangat ini tidak lenyap sehingga tahun 1511. Apa yang terjadi hanyalah perpindahan fizikal dan pengubahan geografi, apabila istana, pusat dan sumber wibawa serta kuasa harus bertapak. Dari abad ke-7 hingga abad ke-18, pertapakan wibawa dan kuasa pusat dalam ruang lingkup empayar Melayu ini bermula di Kan-t'o-li, diikuti oleh Palembang dan Jambi, kemudian ke Singapura, berpindah ke Melaka dan bertahan kemudiannya di Johor Lama.

Di Johor, sejarah berulang semula. Banyak unsur persejarahan Melayu dikekalkan. Mengawal kawasan strategik yang menjadi jalan perdagangan di rantau ini dan juga jalan perdagangan antarabangsa menjadi warisan tradisi dalam hal-ehwal perekonomian. Kawasan yang mengandungi pemerintahan setempat dan bandar-bandar pelabuhan ini terus menjadi bahagian geopolitik dalam keseluruhan empayar tersebut. Tenaga berbagai-bagai suku Orang Laut memang amat penting untuk menjadi tentera di laut. Di samping tenaga Orang Laut, tenaga penghulu, batin dan sakai dari darat yang digabungkan sejak abad ke-7 dahulu masih lagi digunakan, dikekalkan dan mempunyai kepentingan politik.

Konsep bandar pelabuhan dan pelabuhan dagang bagi Johor sebenar dan taklukannya masih diteruskan. Maka dengan sendirinya, sejak zaman tradisi lagi, gelaran Syahbandar dan peranan serta konsep kesyahbandaran masih terus berfungsi. Bahasa Melayu seperti yang diamalkan di Melaka masih kekal menjadi *lingua franca*. Jika bukan bahasa ini, (dengan pelbagai sifat klasik dan keprotoan serta kuno), bahasa apakah yang digunakan di bandar-bandar pelabuhan Melayu sebelum era Melaka?

---

[19]Seperti fenomena tuntutan yang terjadi sekarang, di Melaka dan Sabah. Pihak-pihak yang mendakwa dan menuntut pengwarisan kesultanan negeri-negeri ini, menampilkan naskhah salasilah dan jurai keturunan kerabat(?) masing-masing, di samping alat-alat kebesaran yang diwarisi seperti keris, sundang, tekpi dan sebagainya.

Konsep perajaan dalam institusi dan organisasi berkerajaan adalah berlanjutan. Konsep ini berteras dan berbudayakan semangat dan kepercayaan turun-temurun, yang didakwa sebagai cukup suci dan kudus kerana tidak pernah dipersoalkan. Raja yang bertakhta (ditabal dan dilantik setelah dipilih mengikut adat resam, biasanya dimasukkan unsur politik istana) dianggap sebagai, "... the source of both order and prosperity in society ... provided the anchor ... image of bounded and concentrated energy"[20] yang secara *hypothetical* disembah setelah didaulatkan, adalah penerusan tradisi pendaulatan Melayu Melaka, Singapura dan Palembang. Ia tidak pernah disangsikan. Hanya Bendahari Sang Rajuna Tapa di Singapura dan Laksamana Megat Seri Rama di Johor pada tahun 1699 telah mempersoal dan berasa sangsi terhadap kedaulatan raja Melayu ini. Seperti Hang Kasturi (atau Hang Jebat?) di Melaka, soal peribadi lebih banyak mendorong dan menjadi faktor tindakan mereka, bukan didorong dan digalakkan oleh faktor institusi dan organisasi. Ia dikira terpencil sebab Bendahari Sang Rajuna Tapa, Laksamana Megat Seri Rama dan Hang Kasturi tidak mempunyai pengikut. Tindakan mereka tidak diikuti oleh orang Melayu maka tindakan antidaulat itu lenyap di celah-celah resam yang teguh dan hapus ditelan tradisi serta tidak diterima oleh institusi dan konvensi.

KESINAMBUNGAN DAN PERUBAHAN

Sejarah terus berkembang. Unsur-unsur sejarah semakin mengalami perubahan dalam proses penerusan dan pengembangan tadi mengikut rentak masa dan suasana. Tetapi tradisi persejarahan dikekalkan. Pengawalan jalan perdagangan laut masih berfungsi. Tetapi mulai abad ke-17 ia tidak lagi menjadi hak monopoli Empayar Johor-Riau sahaja. Menerusi Sistem Peretiaan Belanda, kuasa Melayu ini terpaksa berkongsi jalan perdagangan ini dengan Belanda untuk menghadapi ancaman Portugis, di samping menghadapi saingan dengan kuasa-kuasa Acheh dan Jambi yang mempunyai matlamat ekonomi yang sama.

Mulai tahun 1720-an, tenaga Orang Laut tidak lagi berfungsi sebagai angkatan laut kerana kehadiran orang Bugis yang bukan sahaja handal mengenai selok-belok laut, malah pintar dan pakar pula dalam hal-ehwal politik. Konsep kerajaan dan tradisi kuasa kelautan Melayu tetap kekal, tetapi peranan dan tokoh yang melaksanakannya berpindah daripada Orang Laut kepada orang Bugis. Apabila Raja Kecil terlibat dalam kancah politik di Johor akibat terjadinya penularan kegiatan ekonomi dan perdagangan

[20]S. Errington, *A Study of Genre: Meaning and Form in the Malay Hikayat Hang Tuah*, Tesis Ph.D, Cornell University, 1975, hlm 15.

orang Minangkabau dari timur pantai Sumatera ke kawasan rantau barat Semenanjung Tanah Melayu (dengan meningkatnya kegiatan dagangan emas, lada dan bijih dari Jambi, Inderagiri, Siak dan Rokan) menjadi cukup serius, maka perpecahan pengaruh politik empayar Melayu yang akhir ini mula kelihatan. Keretakan dari segi geopolitik juga makin jelas. Kawasan-kawasan taklukan Johor kini terbahagi tiga, iaitu pertama di bawah pengaruh Melayu Johor; kedua, Melayu Bugis; dan ketiga, Melayu Minangkabau.

Namun begitu, semangat kedaulatan dan kekudusan perajaan Melaka terus hidup. Pada tahun 1719, Raja Kecil telah berikhtiar untuk merebut takhta kerajaan Johor dengan mendakwa bahawa beliau adalah bernasab dan berketurunan langsung daripada raja-raja Melaka, iaitu zuriat Sultan Mahmud II.[21] Beliau menafikan kedaulatan Sultan Abdul Jalil (yang setakat berdarah Bendahara sahaja), dalam usaha mencari kebenaran dan mengesahkan dakwaan dan tuntutan takhta tadi. Nyatalah hingga ke tahap tersebut kedaulatan raja-raja Melaka masih berfungsi, bersemangat dan terus mempunyai hikmat politiknya lagi. Apabila orang Bugis mempelopori kerajaan dan kesultanan Selangor pada tahun 1750-an, pemerintahannya, iaitu Raja Lumu mendapat restu dan daulat dari istana Perak kerana hanya kerabat Perak sahajalah yang kekal, menasabi salasilah dan zuriat raja-raja Melayu Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16 ini. Begitu juga dengan kalangan keluarga kerabat Bugis di Riau. Apabila mereka mengarang sebuah naskhah yang bertajuk *Keringkasan Sejarah Melayu: Jadual dan Salasilahnya*, mereka mengaitkan salasilah dan kekerabatan mereka dengan salasilah dan kekerabatan Melaka abad ke-15, walhal telah diketahui bahawa tidak ada hubungan kekeluargaan kerabat antara kerabat Melaka dengan kerabat Bugis. Jalinan kekerabatan dan salasilah hanya terjadi mulai tahun 1720-an, iaitu menerusi perkahwinan dengan kerabat pemerintah Johor-Siak. Sedangkan kekerabatan dan nasab salasilah pemerintah Johor-Siak ketika itu telah pun putus dari nasab salasilah kekerabatan Melaka selepas tahun 1699. Jelaslah bahawa pengaruh kedaulatan dan unsur yang mengesahkan pemerintah Melaka di rantau perairan Melayu ini begitu kuat sehingga ia bukan sahaja mempengaruhi kepercayaan dan ingatan orang Melayu dari empayar Johor dan taklukannya, malah berkesan dan mendapat pengiktirafan politik dari suku Minangkabau dan Bugis. Oleh itu, kekudusannya dapat dikekalkan.

---

[21]Virginia Matheson, (ed), *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur, 1982, hlm 44–47; *Hikayat Siak*, (Cod. Or. 7304, Sn. H: 78), hlm 405–407; *Aturan Setia Bugis dengan Melayu atau Hikayat Raja-raja Riau*, (Cod. Or. 1724(2), hlm 5–7; *Hikayat Johor serta Pahang* (MS. No. JQ Mal. 3), Perpustakaan Universiti Singapura, hlm 7–8.

Walau bagaimanapun, ada sarjana yang menyebut fenomena ini hanya merupakan, "... remembered in tradition".[22]

Begitulah keadaannya kerana perajaan tadi menjadi mekanisme politik yang amat dasar dan pokok dalam mencipta sistem-sistem berkerajaan, organisasi pemerintahan dan falsafah politik masyarakat Melayu keseluruhannya pada masa itu.

Demikianlah juga tentang konsep perajaan Melayu dalam institusi berkerajaan dan organisasi pemerintahan tadi. Apabila berlakunya perubahan sistem kepercayaan dalam agama, iaitu daripada pengaruh agama Hindu-Buddha kepada pengaruh agama Islam, maka berubahlah konsep mengenai perajaan, iaitu yang berhubung dengan mitos salasilah raja-raja dan kepercayaan suci turun-temurun untuk matlamat politik dan pembinaan daulat. Tradisi dan kepercayaan asal usul seseorang pemerintah yang kerap dihubungkaitkan dengan spiritualisme dewa-dewi Hindu dan Buddha Padmapani dalam tradisi perajaan Sriwijaya, telah bertukar kepada bentuk tradisi Islam. Ia dikaitkan pula, sama ada dalam bentuk sinkritisme atau penduaan pengaruh (seperti yang digambarkan oleh *Hikayat Acheh* dan *Hikayat Seri Rama* yang menemukan Shiva dengan Nabi Allah Adam), atau ditukarkan secara total dengan tradisi Islam seperti kisah Iskandar Zulkarnain, Nabi Allah Sulaiman dan Nabi Allah Khidir. Perubahan tradisi seperti ini dapat dirujukkan dari teks dan etos kepengarangan serta kreativiti *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Siak*, *Tuhfat al-Nafis* dan *Silsilah Melayu dan Bugis*.

Konsep 'zuli'llahi-fi'l-alam' (ganti Allah dalam dunia)[23] mengambil alih konsep 'dewa-raja' tradisi perajaan Hindu-Buddha. Kalimat keramat, 'Kutukan Sang Dewata Mulia Raya' dalam konsep daulat-derhaka dalam dunia politik berkerajaan Melayu totok berubah menjadi kalimat 'dilaknati Allah'. Di samping itu terdapat gabungan dan pencernaan dengan kepercayaan dan kalimat setempat seperti 'ditimpa atau dimakan sumpah bisa kawi, tiada selamat sampai anak cucu, seperti tembatu dibelah ....[24]

---

[22]Leonard Y. Andaya, *The Kingdom of Johor ...*, hlm 189; naskhah *Keringkasan Sejarah* dikarang oleh Tengku Mohd Salleh, Lingga, tahun 1930.

[23]W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu*, Singapura, 1961, hlm 190.

[24]Virginia Matheson, (ed), *op. cit.*, hlm 94. Dalam suatu perjanjian setia antara Raja Pagaruyung dengan pengikutnya, serta Raja Johor dengan rakyatnya, Raja Ali Haji memetik bunyi sumpah setia tersebut seperti berikut, "Barang siapa anak Minangkabau yang di dalam pertawanan Johor, hendaklah mengikut perintah Johor. Barang siapa tiada mengikut, *dimakan sumpah besi kawi, tiada selamat sampai kepada anak cucunya*".

PROLOG KEPADA TRADISI MELAKA

Dari segi tradisi, persejarahan Melaka 1400-1511 T.M., adalah bertalian erat dengan proses dan perkembangan sejarah Melayu Selat Melaka serta rantaunya. Melaka melanjutkan kesinambungan proses dan perkembangan tersebut secara urutan masa sejak awal Masihi hingga abad ke-18. Perkembangan sejarah ini sebaliknya dilihat relatif dengan perkembangan sejarah perdagangan asing dari Timur Asia Tengah dan Barat. Berdasarkan hipotesis ekonomi dan pola perdagangan itulah juga yang menjadi dasar kepada faktor-faktor hegemoni politik dan perkembangan kebudayaan.

Dari segi politik, sekiranya kita beranggapan bahawa sejak abad yang pertama, Funan adalah kerajaan empayar yang pertama wujud di bahagian utara Nusantara yang tradisi kebangkitannya banyak merujuk pada keperluan dan kepentingan perdagangan serta penguasaan atau pengawalan jalan perdagangan yang luas menghubungkan di antara Timur dengan Barat, maka Sriwijaya, Melaka dan Johor-Riau juga mengulangi dan meneruskan tradisi ini. Penguasaan dan pengawalan satu kawasan yang luas, iaitu apabila bandar-bandar pelabuhan dan negara kota yang didakwa termasuk ke dalamnya dan disebut sebagai 'ditakluk', 'dilindungi' dan 'dinaungi' adalah dilakukan secara prinsip umum tetapi terikat dalam uraian politik yang longgar. Sumber dan kuasa untuk melaksanakan penguasaan dan pengawalan datang daripada peringkat pusat yang menjadi induk politik. Pusat ini seharusnya cukup kuat, amat berwibawa dalam hal ketenteraan dan dapat menggunakan tenaga manusia, kepimpinan serta mempunyai tokoh yang berkarisma yang akan dapat melaksanakan arahan dengan berkesan. Maka unsur paksaan (yang selalunya terselindung di sebalik konsep *kerah*) dengan sendirinya terserlah. Sama ada ia terjadi kerana terpaksa atau secara sukarela, proses penyerahan (politik, ekonomi, tenaga manusia, barangan dan seterusnya) kepada penguasa pusat oleh penguasa dan pemegang wibawa setempat yang lebih lemah, akan berjaya membentuk suatu entiti politik yang cukup luas (kadangkala tanpa batasan geografi) dalam sebuah kawasan rantau. Hubungan dua hala yang bertimbal balik antara kuasa pusat yang menakluk dengan penguasa dan pemegang wibawa setempat yang ditakluk, kelihatannya berjalan dengan lancar dan licin. Kekuatan dan kewibawaan kuasa pusat juga berjaya untuk mengatasi kegiatan seperti perlanunan, perompakan dan pemerasan di jalan perdagangan daripada orang yang anti-institusi.

Apabila kegiatan ini dapat dikawal maka jalan perdagangan menjadi tenteram dan selamat bagi para pedagang. Fenomena dan proses politik seperti ini dengan sendirinya menjadi daya penarik bagi para pedagang, sama ada para pedagang dari China yang sering merujuk kepada 'sistem uftian'

dalam amalan dan dasar perdagangan luar pemerintah dinasti tertentu, atau para pedagang daripada bahagian barat Teluk Benggala yang datang ke Nusantara melalui Selat Melaka tanpa syarat.

Seluruh organisasi masyarakat tidak akan berfungsi jika tidak ada kuasa atau wibawa yang lebih tinggi yang menjadi pengelola bagi segala organisasi masyarakat di berbagai-bagai peringkat. Dari zaman awal sejarah berorganisasi dan berkerajaan rantau ini, pengelola kuasa dan wibawa ini menjurus ke bahagian tengah dan paling atas dalam sistem masyarakat, iaitu pemegang dan pemiliki kuasa atau wibawa yang pada peringkat asas dan Melayu totok, disebut *katuha* atau *ketua* dan *kedatuan*. Akibat proses dan pengalaman budaya Hindu dan Islam, dan kesan daripada sistem bermasyarakat dan berkerajaan yang lebih berinstitusi dan kompleks, gelaran pemegang dan pemilik kuasa berubah menjadi raja atau *susuhunan*, *maharaja* dan *sultan*. Sebagai sumber wibawa dan kuasa, raja haruslah dihormati, malah sebelum periode Islam raja dia akan 'dipuja'. Bagi memantapkan penghormatan dan pemujaan tadi, maka dilambangkan peribadi raja itu dengan unsur-unsur mitologi dan legenda (Hindu dan Islam) yang digabungkan dengan kepercayaan dan tradisi temurun tempatan, terutama mengenai asal usul dan salasilah *katuha*, *raja*, *susuhunan* dan *sultan* tadi.

Kemuncak proses gabungan mitologi dan kepercayaan yang dimasukkan ke dalam pemikiran anggota masyarakat ialah terjelmanya kekudusan dan kesucian terhadap *raja*, terutama dari segi semangat dan fizikal. Maka terjadilah perbezaan semangat dan fizikal *raja* itu dengan anggota masyarakat yang lain. *Raja* dianggap begitu suci sehingga yang disembah bukanlah fizikalnya, tetapi habuk kakinya, dan *duli* menjadi 'duli tuanku'. Daripada karisma semangat, kepercayaan dan fizikal (mungkin mereka juga gagah berani, pintar, berilmu) inilah maka mengalirnya sumber wibawa dan kuasa tadi, bagi melahirkan masyarakat yang berorganisasi dan bersistem. Oleh itu dengan sendirinya pemilik kuasa dan wibawa tadi menjadi *generative* dan menjadi faktor penarik pula. Gabungan spiritualisme dan kepercayaan *daulat* yang ada dalam teori perajaan dengan pemilikan wibawa duniawi yang dilaksanakan, menjadikan seorang raja Melayu dan sultan yang berkerajaan itu, "The sacred lodestone around which the community evolved and gained its meaning and purpose", kata seorang sarjana.

Tetapi mulai beberapa tahun pada awal abad ke-18, pola politik dan tradisi persejarahan Melayu serantau, khusus di persekitaran Selat Melaka dan Laut China Selatan, telah mula berubah. Empayar Johor-Riau yang meneruskan warisan politik dan dalam tradisi asas empayar Melaka mula menunjukkan bibit perpecahan. Wibawa pusat semakin lemah. Dakwaan dan tuntutan politik Raja Kecil dari Siak, tindak tanduk politik Bendahara Abdul Jalil

untuk menjadi raja dan menaiki takhta kerajaan Johor walhal darahnya *tidak putih*, dan tidak bernasab serta berzuriat dari Bukit Siguntang Mahamiru-Palembang mengikut kepercayaan temurun, menyebabkan orang Melayu mula mengecoh dan curiga terhadap pucuk pimpinan dalam ruang kedaulatan kedua-dua orang raja ini. Apabila mempersoalkan kedudukan raja atau sultan sebagai, "... an organizing principle"[25] seperti yang diwarisi sebelum ini, mereka mula hilang pedoman dan akhirnya berpecah-belah. Ada yang menjadi pengikut Raja Kecil kerana percaya dengan dakwaannya; ada yang bersedia mendaulati Bendahara Abdul Jalil serta orang Bugis; dan ada yang berkecuali. Tidak wujud lagi tradisi pendaulatan induk, iaitu daripada suatu kuasa pusat yang gagah, mendaulat kepada suatu rantau geopolitik yang cukup luas (dalam konsep empayar) seperti Wadhapura–Funan, Palembang atau Jambi–Sriwijaya, Melaka sebenar–Melaka dan Johor Lama–Johor-Riau. Tidak ada lagi unsur dan tenaga penyatuan.

Kemangkatan Sultan Mahmud II meninggalkan kesan psikologi-politik yang cukup besar, bukan sahaja pada abad ke-18, bahkan terasa hingga pada abad ke-19. Sebuah teks sejarah Thai, iaitu *Phongsawadan Muang Trangganu* menyebut bahawa, "nasab baginda lenyap dan tidak didengar lagi".[26] Pada tahun 1825, utusan Belanda yang datang ke Johor diberitahu bahawa Sultan Mahmud adalah keturunan Seri Tri Buana yang terakhir, tokoh yang memberikan keturunan untuk salasilah raja-raja Melaka. Bagindalah Raja Johor yang akhir yang mengalir di tubuhnya darah putih, kerabat diraja yang 'asal'. Kelemahan kuasa pusat yang tidak berwibawa sebagai tenaga penyatuan tadi, menyebabkan kerajaan-kerajaan taklukan di pesisir Sumatera seperti Batu Bahara, Deli, Inderagiri dan Rokan dan pesisir barat Tanah Melayu seperti Kelang, Rembau dan Selangor, cuba menafikan penguasaan pusat tadi dan berusaha membebaskan diri masing-masing. Penafian ini telah mencetuskan satu keadaan yang kucar-kacir. Keamanan jalan perdagangan laut Selat Melaka menjadi tidak menentu. Kegiatan perdagangan dan perkapalan amat terjejas. Mulai tahun 1699, penjejasan ini mengakibatkan secara beransur-ansur pelabuhan-pelabuhan entrepot Melayu di bahagian barat laut Nusantara menjadi lumpuh, sehinggalah ke tahap kedua awal abad ke-19. Keadaan ini menyebabkan, "... symptomatic of the 'decay"[27] alam Melayu, kata setengah penulis.

---

[25]S. Errington, *op. cit*, hlm 30.

[26]'Phongsawadan Muang Trangganu', dalam siri *Prachum Phongsawadan*, Bangkok, 1963, Jil 2, Bhg 2, hlm 299; Laporan oleh C. van Angelbeek, dalam *Koninklijk Instituut*, HS. 494.

[27]Barbara Watson Andaya, *op. cit.*, hlm 76.

Kalangan yang ketiga tadi (pihak yang berkecuali), 'membawa nasib' masing-masing. Dalam konteks persejarahan Tanah Melayu penghujung abad ke-18 dan abad ke-19, kawasan-kawasan ini terletak di bawah taklukan kuasa induk dan *bertuankan* istana Johor Lama. Kawasan ini didapati muncul dalam bentuk penubuhan dan kewujudan *order* serta organisasi politik dan pemegang wibawa pemerintahan baru negeri-negeri Melayu, dengan berentitikan politik kenegerian masing-masing, tetapi masih bertaliankan secara tradisi sahaja dengan kuasa induk tadi.[28] Antara entiti politik ini ialah Pahang, Selangor, Terengganu dan Perak. Dalam konteks ini jugalah maka peranan Melaka dapat dilihat relevannya bagi tradisi kemunculan, penerusan dan perkembangan persejarahan setempat, iaitu Malaysia, bukan lagi serantau. Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824 menambahkan lagi jurang pemisahan antara sejarah setempat dengan tradisi persejarahan serantau ini.

Daripada laporan rasmi para pengkelana China dan pedagang Arab, serta prasasti-prasasti yang diketemui, nyatalah bahawa sebelum abad ke-10, telah muncul penguasa-penguasa tempatan (dengan kewibawaan sebagai *katuha* atau raja), di sekitar pesisir Semenanjung Tanah Melayu. Antaranya ialah Ch'ih-t'u (Tanah Merah) yang dikatakan wujud di Kelantan; Tan-Tan yang didakwa berada di Besut, Terengganu; Lo-Yuen yang terdapat di sekitar Johor, sumber China abad ke-9 menyebut sebagai, "a place where traders passing back and forth meet"[29] dan Langkasuka di utara Semenanjung yang dikatakan sebuah pusat agama. Pada abad ke-7, ramai para rahib China datang ke Langkasuka untuk *berpesanteren*. Apabila Selat Melaka digunakan sebagai jalan perdagangan mulai abad ke-5, maka wujudlah pelabuhan-pelabuhan dagang yang berfungsi, sebagai pusat pengumpulan dan pengeluaran bahan-bahan komoditi. Pelabuhan dagang ini didakwa juga telah mempunyai *tradisi berkerajaan*. Dalam konteks ini, *Sejarah Melayu* antara lain menyebut juga kerajaan Gangga Negara di Beruas, Perak; dan Ganggayu atau Klang Kio di hulu Sungai Johor.[30] Pulau Tioman yang terletak di tengah jalan perairan Laut China Selatan dan Selat Melaka juga disebut sebagai pusat persinggahan dagang yang mempunyai peranan yang sama dengan pelabuhan-pelabuhan di atas.

Kuasa-kuasa setempat ini dilaporkan mengadakan hubungan diplomatik dengan kuasa China, sedangkan pada masa yang sama, mereka mungkin berada di bawah *ketuanan* empayar Sriwijaya. Selari dengan proses kerun-

---

[28]Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kemunculan Keluarga Pemerintah Baru dalam Kerajaan Tanah Melayu 1600–1900 – suatu Kajian Awal", dalam *Monograf Sejarah*, Persatuan Sejarah, Universiti Malaya, No 1, 1984/85, hlm 47–75.

[29]*Ibid.*, hlm 22.

[30]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 13.

tuhan kuasa Melayu ini, akibat tidak langsung daripada pola dan kaedah pengagihan kuasa yang bersifat *centrifugal*. Dalam hubungan antara kuasa pusat dengan kuasa taklukan, keadaan dan kedudukan kuasa-kuasa setempat ini tiada lagi dilaporkan oleh sumber China. Sumber China abad ke-7, menyatakan bahawa kuasa-kuasa setempat ini mempunyai sistem pemerintahan yang teratur, mempunyai organisasi undang-undang dan mempunyai protokol yang tersusun,[31] yang berteraskan adat, resam dan norma tempatan. Laporan China ini begitu meyakinkan sehingga ada sarjana yang berpendapat bahawa sistem ini mungkin akan diwarisi kemudian dan menjadi, "... was to become a feature of Malay court protocol".[32]

Masalahnya sekarang ialah sejak penghujung abad ke-12 sehingga pertengahan abad ke-14 (Dinasti Sung dan Monggol), apabila perdagangan menerusi sistem uftian dibatalkan, kedudukan bandar-bandar pelabuhan dan kuasa setempat ini tidak dapat dijejaki lagi kerana sumber China tidak lagi menyebut mengenainya. Kesan-kesan tinggalan yang terdapat berselerak di sana sini telah menimbulkan berbagai-bagai pendapat yang *hyhpothetical* mengenai nasib kuasa-kuasa setempat ini. Mungkin juga budaya kuasa-kuasa ini lenyap dan terputus daripada rantaian dan ruang kesinambungan budaya Melayu Semenanjung. Perkara ini menimbulkan banyak persoalan untuk dijawab oleh ahli kajipurba dan ahli sejarah!

Keadaan ini dengan sendirinya membezakan antara kedudukan dan peranan persejarahan kuasa-kuasa setempat tadi dengan tradisi sejarah Melaka selepas tahun 1400. Kewujudan Melaka dapat dibuktikan dengan sumber sejarah. Melaka bergerak dalam landasan kesinambungan sejarah, dan berjaya mencipta serta meninggalkan tradisi serta berbagai-bagai unsur sejarahnya pula, bukan setakat hingga awal abad ke-18 apabila tradisi keempayarannya yang diwariskan ke Johor itu dilenyapkan daripada tradisi kesinambungan politik Melayu, malah diteruskan hingga ke hari ini. Tradisi persejarahan Melaka berkembang dalam semangat perkembangan tradisi persejarahan Sriwijaya. Tradisi persejarahan Melaka juga adalah pengulangan semula tradisi ekonomi, tradisi corak kuasa kelautan Melayu dan hegemoni politik Sriwijaya. Malah peranan dan status entrepot pelabuhan Melaka, yang wujud kerana adanya tiupan angin musim monsun Timur Laut dan monson Barat Daya, adalah pengulangan semula peranan dan status bandar pelabuhan entrepot Palembang-Jambi.

Sekiranya kita bersetuju dengan hipotesis mengenai proses dan tradisi persejarahan serantau dalam fenomena politik 'serap menyerap' oleh sebuah

[31]P. Wheatley, *Golden Khersonese* hlm 28, 60.
[32]Barbara Watson Andaya, *op. cit.*, hlm 21.

kuasa politik yang besar dan gagah daripada suatu kawasan tertentu terhadap sebuah kuasa dan kawasan yang lebih kecil dan 'inferior', dan juga fenomena 'turun naik' yang silih berganti di kalangan negara kota dan bandar pelabuhan pesisiran rantau Nusantara, maka Melaka tidak mungkin wujud sekiranya penguasaan serta wibawa dan hegemomi politik Sriwijaya berterusan dan kekal hingga abad ke-15. Parameswara (Iskandar Syah, menurut Sejarah Melayu), tidak akan berpeluang untuk mengambil kepentingan politik dengan keadaan seperti ini. Tetapi Parameswara mengasas dan mendirikan Melaka kerana sama ada sebab terjadinya perubahan pola perdagangan luar China yang memberi kesan terhadap jalan dan pola perdagangan Selat Melaka, atau serangan Chola dari India terhadap Palembang, atau penundukan kuasa Sriwijaya oleh kuasa serantau Majapahit pada abad ke-14 (Tome Pires mengatakan bahawa, "... in the time of Batara Tomarill [Jawa] ... he had as tributaries: *Sam Agy Singapura* .... and that *Sam Agy Palimbaao* [Raja Palembang] – which means 'Lord of all' – was also his tributary vassal),[33] lanjutan daripada usaha penundukan kuasa Jawa terhadap kuasa Melayu Sumatera timur, sejak kerajaan-kerajaan Jawa tua yang lalu, yang akhirnya merosot dan melenyapkan kuasa Sriwijaya.

Tujuan Parameswara datang dan menduduki Singapura bukanlah tanpa alasan dan tanpa matlamat politik. Bahagian selatan pulau ini merupakan salah satu penempatan yang strategik (Selat Singapura, yang pada abad ke-10 lagi, sumber Arab, iaitu Harldj, menyebut perairan di sekitarnya sebagai dikuasai oleh keturunan Raja Negara, ketua Orang Laut pada abad ke-17 dan abad ke-18), untuk mengawal jalan perdagangan bagi kapal-kapal dagang yang merentasi Selat Melaka ke Laut China Selatan dan ke Gugusan Kepulauan Melayu. Kebenarannya dapat dilihat daripada kedudukan dan peranan pelabuhan Singapura sekarang. Pelabuhan Singapura terletak ke utara Pulau Bangka sekarang, iaitu kawasan yang dikuasai oleh nenek moyang Parameswara daripada Dinasti Palembang dahulu dan tempat operasi bagi mengawal Selat Melaka, Laut Jawa, Selat Sunda dan Laut China Selatan.

Sekiranya Singapura dan Parameswara tidak diserang oleh kuasa Siam atau Majapahit (kerana alasan pengalaman politik dan strategi ekonomi serta 'political vision' yang dimiliki oleh Parameswara yang dapat membina Singapura seperti beliau berjaya membina Melaka), maka sudah tentu Stamford Raffles tidak akan berpeluang 'membuka' Singapura pada tahun 1819. Tradisi sejarah Singapura sekarang dan tradisi persejarahan Melaka (Malaysia) pada abad ke-15 dan abad ke-16, mungkin tidak akan terjadi seperti yang se-

[33]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 22.

dang terjadi dan telah pun berlaku. Matlamat Stamford Raffles 'membuka' Singapura sama dengan matlamat Parameswara, iaitu matlamat ekonomi dan perdagangan. Ini adalah secara kebetulan kerana pada tahap pendudukan Parameswara di Singapura pada penghujung abad ke-14, 'superemacy' kuasa kelautan di selatan dan utara Selat Melaka berada di bawah kekuasaan sisa-sisa kerajaan Majapahit dan di bawah kekuasaan kuasa Siam yang semakin meningkat. Tetapi pada abad ke-15, sisa-sisa ini semakin pupus dan kuasa kelautan Siam makin terdesak dan tertolak ke bahagian utara Selat Melaka.

Pada abad ke-15, hubungan Melaka-Jawa dibina atas sebab ekonomi, iaitu Melaka mengimport beras dari Pulau Jawa dan Pulau Jawa pula mengeksport bahan-bahan mentah (terutama rempah dan lada) dari Gugusan Kepulauan Melayu ke Melaka. *Sejarah Melayu* menggambarkan hubungan ini menerusi naratif mengenai ramainya terdapat para pedagang, senteri dan orang *priayi* Jawa yang beragama Islam di bandar Melaka. Tome Pires melaporkan bahawa unsur kejawen amat berpengaruh dalam unsur perwayangan, kesenian dan kebudayaan Melayu di istana Melaka. Tome Pires juga mendakwa bahawa perbuatan 'amuk' dan tradisi kehulubalangan Melaka yang disebut sebagai, "... are knights ... men who resolve to die", seperti juga penduduk Melaka, "Both men and women are fond of mimes after the fashion of Jawa", adalah pengaruh langsung dari Pulau Jawa.[34] Sehinggakan cara hubungan individu berkenaan dalam soal hormat-menghormati, sopan berbicara antara orang kebanyakan dengan pembesar, tatatertib berbual antara dan di kalangan orang kebanyakan pun dikatakan, "... they took this custom from there (Jawa).[35]

Pada tahap kedua awal abad ke-16, iaitu zaman permulaan pendudukan Portugis, hubungan Melaka-Jawa ini direalisasikan pula oleh beberapa siri peperangan oleh beberapa orang Jawa yang didakwa mempunyai ramai pengikut terhadap Portugis dalam ikhtiar untuk memiliki dan menguasai Melaka. Menurut sumber Portugis daripada edisi Manuel de Faria Y. Souza, antara

[34] *Ibid.*, hlm 267–268.

[35] *Ibid.*, hlm 268. Rujuk sahaja bagaimana penerapan dan semangat kejawen ini terjadi dan dimanifestasikan menerusi pengarangan *Hikayat Hang Tuah*. 'Setting' teks tersebut dirujuk ke istana Melaka dan keraton Jawa. Walaupun naskhah asal teks ini diciptakan lama selepas tahun 1511 (selepas adanya pengaruh Portugis di perairan Melayu, dan tentunya selepas adanya orang Belanda di perairan Johor-Riau), sumber naratif asalnya, yang dipercayai diperturunkan melalui tradisi lisan, tentulah hampir semasa dengan zaman kesultanan Melayu Melaka. Maka unsur dan semangat kejawen tadi masih kuat dirasakan. Begitu berpengaruh unsur ini dalam beberapa hasil kesusasteraan Melayu klasik, lalu R.O. Winstedt menamakan hikayat tersebut sebagai, *A Malayo-Javanese Romance*, dan kerana pengaruh kepanjian Jawa terhadapnya, dicirikan pula Hang Tuah sebagai, "Malayo-Javanese hero". Lihat R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, Kuala Lumpur, 1969, hlm 62–69.

tokoh Jawa ini ialah Utimuti Rajah, Patih Unus dan Patih Quitir.[36] Orang Jawa Islam yang datang dari pelabuhan-pelabuhan utara Pulau Jawa ini sedar bahawa pada abad itu, Melaka terus dan masih memegang fungsi utama untuk mengawal jalan perdagangan di Selat Melaka. Orang Jawa Islam ini melihat Melaka mempunyai potensi yang baik dalam konteks untuk mengawal secara langsung jalan dan hubungan perdagangan dengan beberapa buah pelabuhan dagang yang terdapat di utara Pulau Jawa tadi. Mulai abad ke-15 dan abad ke-16 pelabuhan dagang di utara Pulau Jawa ini memainkan peranan politik dan ekonomi yang penting dan sangat menguntungkan Pulau Jawa. Tindak tanduk orang Jawa ini adalah akibat langsung daripada tradisi hubungan Melayu atau Melaka-Jawa, iaitu peninggalan kuasa kelautan kerajaan-kerajaan Jawa tua yang lalu.

Maka ketokohan Parameswara dapat dilihat dari dua perspektif, iaitu rantauan dan tempatan. Dari perspektif rantauan, ketokohan Parameswara mungkin tidak menonjol. Sebagai keluarga ahli politik dan kerabat Palembang, peninggalan Sriwijaya, Parameswara setakat meneruskan tindak tanduk dan pergelutan politik di Selat Melaka dan sekitar perairannya, iaitu meneruskan pergelutan atau pejuangan politik nenek moyangnya dahulu. Sama ada Parameswara berasal dari istana Palembang atau 'suku-sakatnya' berasal dari keraton Jawa tidaklah begitu penting kerana tradisi Melayu-Jawa telah terterap dengan kukuh dalam tradisi persejarahan pantai timur Sumatera dengan Pulau Jawa (malah apabila pengkelana Marco Polo dari Eropah singgah di Fansur dan Perlak di Sumatera Utara, beliau menamakan Sumatera sebagai *Lesser Java*)[37] akibat perhubungan dan persaingan di kalangan sesama kuasa-kuasa kelautan Nusantara. Yang penting dan pokok dalam tradisi budaya dan politik Melayu temurun ialah karisma peribadi Parameswara sebagai pemilik 'darah putih' (ini kemudian diwarisi di Tanah Melayu sebelum kemasukan pengaruh politik Barat bahawa kedaulatan dirujuk, dijadikan konsep dan dilambangkan kepada peribadi dan salasilah keturunan, bukan negeri, negara dan geografi) dan berasal daripada orang kerabat yang 'berdarah putih'.

Inilah asas yang menjadi landasan budaya untuk Parameswara membina cita-cita politik, lalu membentuk persejarahan selanjutnya. Faktor inilah juga yang menyebabkan Parameswara berjaya untuk mendapatkan sokongan dan diiktiraf oleh para pengikut seperti (terutama orang tua bekas para pem-

[36]Malah Patih Unus, Sunan dari Sunda ini, dilapor membuat persediaan selama tujuh tahun untuk menakluk Melaka dari penguasaan Portugis, dengan kekuatan 12 ribu pendekar Jawa, dan 90 buah kapal perang, tetapi gagal. Lihat E. Koek, "Portuguese History of Malacca", dalam *JSBRAS*, Jun 1986, No 17, hlm 117–149.

[37]Lihat semula nota 7, bab ini.

besar yang berpengalaman mentadbir, ahli dalam adat istiadat, resam dan undang-undang serta budaya istana dan mungkin faham tentang selok-belok berkerajaan), Orang Laut dalam percubaan untuk menubuhkan kerajaan Melayu di Singapura dan mengasaskan kerajaan tersebut di Melaka pula.

Mengenai perspektif sejarah tempatan pula, Melaka sebenar menyediakan Parameswara dengan berbagai-bagai kepentingan geografi dan ekologi dari segi bentuk, saiz, aras air dan muara Sungai Melaka; dan dari segi strategi pertahanan untuk menyerang dan bagi pertahanan jika diserang. Tempat raja bersemayam di Bertam, bahagian hulu Melaka juga amat strategik, iaitu terpaksa menongkah ke hulu jika air pasang, dan harus memudik ke hilir dan muara apabila air surut. Sekiranya muara Sungai Melaka diserang dari laut, orang kerabat dengan mudah berundur menerusi kawasan pedalaman sebab untuk ke hulu mengambil masa yang lama. Sementara itu, segala urusan rasmi kerajaan dan kegiatan perdagangan dijalankan di persekitaran muara dan tebing Sungai Melaka. Kawasan ini akhirnya berkembang dan menjadi bandar pelabuhan yang bertaraf entrepot. Apabila dilengkapkan dengan urusan pentadbiran dan masyarakatnya diinstitusikan dengan sistem berkerajaan, jadilah kawasan ini sebagai negara kota.

Tradisi sejarah berulang lagi. Taraf Melaka sebagai sebuah bandar pelabuhan sama dengan taraf bandar pelabuhan Sriwijaya yang terletak di sekitar muara dan tebing Sungai Sabak (*Zabej* atau *Zabag*, kata sumber Arab) yang menjadi muara Sungai Batang Hari. Istana raja dan pusat kuasa pemerintah Sriwijaya terletak di Palembang atau Jambi, iaitu puluhan batu arah ke hulu. Bandar pelabuhan kerajaan Funan juga terletak di pesisir, sedangkan pusat pemerintahannya terletak ratusan batu ke hulu sungai, iaitu di Wadhapura. Dari Melaka sebenar bertradisikan muara sungai itulah politik Melayu Melaka berkembang. Tradisi persejarahan Sriwijaya dahulu diulangi semula, iaitu apabila Melaka dapat menguasai kawasan pesisir timur Sumatera dan pesisir barat serta timur Semenanjung Tanah Melayu dan ini membolehkannya mengawal seluruh jalan perdagangan Selat Melaka, Selat Singapura dan menganjur sehingga ke Laut China Selatan. Dari kawasan setempat yang kecil, Melaka berkembang menjadi sebuah empayar. Tradisi politik, ekonomi, konsep kesyahbandaran bagi sebuah bandar pelabuhan dan budaya Melayu ini berlanjutan kemudian sehingga berabad lamanya.

Parameswaralah yang menjadi tokoh dan yang menyingkap tabir tradisi persejarahan tempatan Malaysia ini.

PERMULAAN, KEMUNCAK DAN PENERUSAN

Sejarah Melayu pernah menyebut bahawa ketika pemerintahan raja Melaka yang kedua, iaitu Raja Besar Muda, (Megat Iskandar Syah, 1414–1423/4

Masihi), baginda, "... pun memerintahkan istiadat takhta kerajaan baginda",[38] yang bermaksud menyusun dan mengatur pentadbiran dalam kerajaannya. Kemudian, ketika Raja Kecil Besar (Sultan Muhammad Syah) menjadi raja Melaka yang ketiga, disebut juga dalam *Sejarah Melayu* bahawa, "... pun mengatur takhta kerajaan baginda".[39] Sementara itu raja Melaka yang kelima, iaitu Sultan Muzaffar Syah dilaporkan sebagai, "... menyuruh membuat undang-undang supaya jangan lagi bersalahan adat segala hukum menterinya".[40]

Pada tahap awal proses pengukuhan Melaka sehingga tahun 1440-an, proses menyusun pentadbiran, kerajaan dan undang-undang bagi memperkemaskan dan memantapkan lagi organisasi pemerintahan terus dijalankan. Kemuncak pengamalan organisasi pemerintahan ini ialah ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Syah. Selepas pemerintahan Sultan Muzaffar Syah sehinggalah tahun 1511, sistem ini berjalan dengan lancar. Pengamalan dan perlaksanaannya diteruskan oleh pengganti-pengganti baginda. Sepanjang pemerintahan Parameswara, hal-ehwal penyusunan organisasi ini tidak dinyatakan sama sekali oleh *Sejarah Melayu* ataupun *Undang-undang Melaka*. Ini tentulah wajar sebab selama kira-kira empat belas tahun pemerintahannya, baginda barangkali sibuk dengan soal-soal penubuhan dan pengukuhan tradisi serta pertapakan kerajaan dari segi geografi. Di samping itu, baginda juga terpaksa menghadapi musuh-musuhnya, terutama Siam. Tetapi ini bukanlah bererti bahawa sedekad lebih berkerajaan tadi tidak wujud sistem kerajaan dan peraturan pemerintahan, hanya sistem tersebut yang belum dirasmikan akibat suasana dan persekitaran baru yang dihadapi oleh kerabat dari Palembang ini.

Malah, sekiranya dakwaan *Undang-undang Melaka* yang menyebut bahawa 'adat' dan 'istiadat' (termasuklah peraturan, kaedah, protokol dan cara-cara yang membentuk sistem pemerintahan) Melaka awal adalah diperolehi dan dikumpulkan daripada para pembesar dan menteri tua (yang menyertai Parameswara ke Melaka dari Singapura dan Palembang) maka sejak tahun 1400 lagi, mekanisme yang menjadi sistem untuk berkerajaan tadi telah pun wujud dan dilaksanakan. Mekanisme ini (sistem pembesar, sistem pemerintahan, undang-undang dan sebagainya) 'dibawa' bersama-sama dengan rombongan Parameswara dari Singapura. Ini bermakna mekanisme ini tentulah diwarisi dari Palembang. Mekanisme ini hanya

---

[38]W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu* (The Malay Annals), Malayan Publishing House Limited, Singapura, 1961, hlm 72.

[39]*Ibid.*, hlm 75.

[40]*Ibid.*, hlm 88–89.

diubahsuai dan dikemaskinikan dari semasa ke semasa supaya sesuai dan secocok dengan keadaan yang baru seperti keadaan masyarakat, geografi, politik semasa, kebudayaan, kepercayaan dan agama. Perubahan daripada tradisi Hindu kepada tradisi Islam tentulah akan membawa perubahan yang cukup besar dan bererti dalam fitrah hidup manusia.

Dari segi alam dan tabii tentulah tidak dapat diterima bahawa sesuatu yang baru bermula itu dengan tiba-tiba dan secara mengejut sahaja akan mencapai kemuncak. Cuma terdapat dua sahaja mekanisme dan peraturan berkerajaan yang baru dilaksanakan, dengan tiba-tiba akan mencapai kemuncak di Melaka. Tidak semua mekanisme sedemikian keadaannya. Sesuatu itu ada permulaannya dan ia akan berkembang. Setelah berkembang ia akan mencapai kemuncak. Setelah mencapai kemuncak, baharulah ia sama ada akan terus berkekalan atau menurun yang akhirnya akan pupus. Daripada tradisi Palembang dan Singapura, mekanisme berkerajaan tadi diwarisi ke Melaka. Dari tahun 1400 (atau sekitarnya) ia menjadi kukuh dan diamalkan sehingga mencapai kemuncak pengukuhan dan perlaksanaannya pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah. Selepas itu mekanisme ini dapat dikekalkan di Melaka sehingga tahun 1511. Faktor dan semangat mekanisme berpolitik, pengamalan adat dan pengistiadatan Melayu ini berkekalan sehinggalah sekarang dan ia terus diamalkan di negeri-negeri Melayu yang beraja di Malaysia. Dalam pengertian yang lain, konsep kesinambungan itulah yang menjadi dasar dan landasan perkembangan mekanisme berpolitik dan berkerajaan tadi dalam menghuraikan asal usul kerajaan dan pengistiadatan Melayu Melaka, pengukuhan dan pengamalannya, pencapaian ke kemuncaknya, bertahan dan penerusannya dari tahun 1400 hinggalah sekarang.



TRADISI MELAKA

Abad ke-15 dan abad ke-16 mempunyai kepentingan persejarahan yang tersendiri. Menjelang awal abad ke-18, persejarahan ini terpisah daripada persejarahan pantai timur Sumatera dan persejarahan Kepulauan Riau-Lingga kerana empayar Johor warisan Melaka telah berpecah. Oleh sebab itu, tradisi persejarahan ini berselerak pula ke negeri-negeri Melayu Semenanjung Tanah Melayu yang pada suatu ketika menjadi sebahagian daripada wilayah dan ketuanan Melaka. Kesan daripada keberkesanan pengaruh politik ini ialah banyak unsur-unsur budaya, politik, protokol istana, adat istiadat, bahasa, kesenian, kesusasteraan dan asas serta semangat sistem berkerajaan yang diamalkan di negeri-negeri Melayu ini adalah warisan langsung dari Melaka, dengan mengalami proses pendaerahan dan pengubahan setempat. Pencernaan budaya dari luar kawasan bekas empayar ini, iaitu dari bahagian utara dan selatan Semenanjung seperti Siam, Jawa dan Bugis totok adalah kesan dan musabab daripada perubahan pola-pola politik dan akibat faktor sempadan budaya serantau.

Konsep daulat dalam sistem berkerajaan di negeri-negeri Melayu ini yang merujuk pada keperibadian, fizikal dan karisma raja-raja atau sultan yang memerintah, sebelum wujudnya Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia, adalah warisan dan pengaruh langsung daripada tradisi pendaulatan dan berorientasikan sistem berkerajaan Melayu dari Melaka. Daulat dilambang dan diletakkan pada fizikal dan karisma raja tadi, bukan dirujuk pada kawasan geopolitik, geografi, negeri atau negara (yang merdeka) dan sempadan-sempadan politik seperti yang difahamkan pada hari ini. Di mana tempat raja atau sultan tadi berada maka di situlah kedaulatan sesebuah kerajaan itu wujud. Daulat ini kemudian berkembang dan bertukar kepada bentuk baru, iaitu dalam corak daulat kerajaan berperlembagaan di sebuah negeri atau negara yang terdapat sekarang. Namun demikian, konsep mengenai raja dalam politik pemerintahan terus kekal. Unsur daulat dalam bentuk spiritualisme dan kepercayaan temurun berubah dan bertukar corak kepada kedaulatan dalam undang-undang dan perlembagaan. Pada dokumentasi yang bertulis pula, raja atau sultan akan diterap atau 'dikanunkan' sebagai kuasa tertinggi negeri atau negara, dan bukan lagi wujud di peringkat konvensi lisan atau resam kepercayaan semata-mata. Unsur spiritualisme ini hanya wujud dalam bentuk tradisi temurun dan hanya menjadi kepercayaan di kalangan segelintir masyarakat peribumi yang mahu mempercayainya sahaja!

Selama seabad lebih kewujudannya di Melaka, Kesultanan Melayu Melaka telah menanamkan dengan kukuh tradisi protokol rasmi istana dan kerajaan, adat istiadat rasmi istana dan tatanegara, etika mengenai undang-

undang di darat dan di laut (*Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut Melaka*), sistem pentadbiran tradisional yang berprinsipkan 'Pembesar Empat Lipatan', tatacara berdagang, berniaga, bertani, berurusan dagang serta transaksi jual beli di pebian dan pelabuhan, konsep kenakhodaan dalam sistem perkapalan Melayu,[41] dalam sektor ekonomi Melaka, dan berbagai-bagai 'adat berkerajaan' lagi. Sama ada tradisi dan sistem-sistem ini adalah berteraskan keperibumian totok atau dipengaruhi oleh unsur asing dan luar (seperti istilah dan peranan syahbandar; istilah dan peranan *kiwi* dan *maula kiwi*; dan gelaran *khawajah* dalam institusi pembesar Melaka) ia banyak diwarisi hingga ke tahap-tahap kelumpuhan kerajaan dan entrepot Melayu pada abad ke-18 hingga awal abad ke-19 dan selepas pengawalan dan penguasaan pusat di Kepulauan Riau menjadi lemah selepas tahun 1784.[42] Tetapi unsur-unsur tradisi dan beberapa prinsip amalan berkerajaan ini berkesan hingga sekarang.

Warisan yang paling jelas ialah berhubung dengan protokol istana dan adat istiadat raja-raja Melayu. Apabila sistem beraja yang menjadi teras amalan pemerintahan dan proses berkerajaan hari ini disebut sebagai warisan langsung dari Melaka, maka waris tatacara undang-undang pada zaman sebelum kolonial dan semangat perundangan pada masa selepas kolonial di negeri-negeri Melayu pun dapat dikesan. Perlembagaan negara mengiktiraf institusi dan kerajaan beraja, manakala undang-undang negeri pula meletakkan raja atau sultan yang memerintah sebagai 'above the law', dan mengetuai adat istiadat Melayu dan hal-ehwal agama Islam. Pengaruh Melaka dalam pengistiadatan raja-raja begitu besar. Ini termasuklah tertib dan tataadat dalam amalan dan perlaksanaannya; prinsip, kaedah dan tradisi *penobatan* raja-raja Melayu; peralatan adat dalam kaedah berperajaan dan kebesaran raja-raja [seperti berbagai-bagai jenis senjata, payung obor-obor, tepak atau puan sirih dan ketur, dian dan panji-panji, warna dan perbahasaan *dalam*, yang kesemuanya disebut oleh *Sejarah Melayu* sebagai dirasmi dan diinstitusikan penggunaan dan amalannya oleh Sultan Muhammad Syah (1424–1444) Melaka]. Hanya apabila ditentukan dan mengambil kira faktor

[41]Hal-ehwal mengenai taraf, fungsi dan bidang kuasa nakhoda didapati menjadi faktor dalam pengkanunan *Undang-undang Laut Melaka*. Difalsafah dan dianalogikan bahawa seorang nakhoda dalam sebuah kapal yang sedang belayar dianggap sebagai 'khalifatul-mukmin di dalam negeri'. Ini tentulah selaras dengan semangat dan kedudukan Melaka sebagai sebuah kuasa kelautan dan sebuah pelabuhan dagang yang bertaraf antarabangsa yang menjadi pusat pelabuhan-pelabuhan dagang serantau lain yang ditaklukinya di sekitar Selat Melaka. Perkapalan menjadi asas dan nadi sistem perdagangan Melaka. Sila rujuk R.O. Winstedt and Josselin de Jong (eds), "The Maritime Laws of Malacca", dalam *JMBRAS*, XXIX, ii, 1956, pada Bab-bab I hingga IV, hlm 28–32.

[42]Barbara Watson Andaya, *op. cit.*, hlm 76–79, 109.

proses sejarah dan peralihan masa, perubahan zaman dan kehendak semasa, fenomena ekologi, teknologi dan petempatan, penerimaan dan rasionalisasi pengaruh asing dalam sinkritisme budaya, maka perkara-perkara ini mengalami perubahan dan pengwarnaan corak.[43] Tetapi semangat dan teras amalan dan budayanya masih kukuh. Maka semangat perundangan dan ber-

---

[43]Sekiranya benar bahawa sistem pembesar 'Empat Lipatan' Pahang adalah pengaruh langsung daripada sistem pembesar 'Empat Lipatan' Melaka, maka ciri-ciri pengubahan dan pengwarnaan setempat ini jelas kelihatan. Gelaran pembesar, Bendahara, Laksamana dan Temenggung yang biasanya dipegang oleh 'orang luaran', sekarang dijadikan milik diraja, lalu menjadi Engku Bendahara, Engku Temenggung dan sebagainya. Pada masa pemerintahan Sultan Ahmad Muazzam Syah, (1884–1914), dilantik sepupunya Cik Wan Ngah, menjadi Engku Bendahara Siwa Raja, Pahang. Dan dilantik pula anak saudaranya, Cik Wan Mahmud, memegang jawatan Engku Temenggung Sri Maharaja. Keadaan yang serupa juga terjadi di Selangor. Adinda-adinda sultan atau kerabat terdekat lazimnya dilantik menjadi Tengku Bendahara, Tengku Laksamana dan Tengku Aris Temenggung. Gelaran-gelaran ini sekarang dipegang oleh Tengku Azman Syah (adinda Sultan) Almarhum Tengku Badli Syah (adinda sultan) dan Tengku Mohd Yusoff Syah (ayahanda saudara sultan). Lihat Empat Pembesar yang pertama dikumpulkan ke dalam gelaran *Orang Kaya* Pahang, iaitu Orang Kaya Indera Syahbandar, Orang Kaya Indera Pahlawan, Orang Kaya Indera Segara dan Orang Kaya Maharaja. Kemudian Lapan Pembesar yang kedua ialah Amar Segara, Dewa Hulubalang, Dewa Pahlawan, Setia Perkasa, Setia Muda, Setia Wangsa dan seterusnya. Lihat *Hikayat Johor Serta Pahang*, hlm 12–13; W. Linehan, "A History of Pahang", dalam *MBRAS*, No 2, 1973, (cetakan semula), hlm 127–160; Hikayat Pahang (naskhah dari mikrofilem 204, Perpustakaan Universiti Malaya), hlm. 55–71; A. Samad bin Ahmad (ed), *Pesaka Selangor*, Kuala Lumpur, 1966; Muhammad Yusoff Hashim, *Dua Puluh Lima Tahun Pemerintahan DYMM Di atas Takhta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, 1960–1985*, Kerajaan Negeri Selangor, 1985, hlm 6–7.

Di Perak, pengaruh daripada prinsip pembentukan pembesar seperti ini amat jelas kelihatan walaupun pengubahan hanya terjadi setakat gelaran dan fungsi-fungsi para pembesar itu sahaja. Seperti juga Pahang dan Selangor, jawatan Bendahara yang secara tradisi dan temurunnya dipegang oleh orang kebanyakan, mula dimilikdirajakan pada tahun 1752, ketika Perak diperintah oleh Sultan Muhammad Syah (1744–1750) dan ketika jawatan Raja Muda disandang oleh Raja Iskandar (Sultan Iskandar Zulkarnain) yang berkarismatik itu. Jawatan Raja Bendahara yang baru dinaikkan tarafnya itu diserahkan kali pertama kepada adinda Raja Iskandar dan menjadi tokoh yang ketiga dalam sistem giliran pengwarisan takhta kerajaan Perak, selepas raja sendiri dan Raja Muda.

Sebelum menjadi milik diraja, Empat Pembesar di dalam 'Empat Lipatan' yang pertama ialah Bendahara (yang selalunya dipegang oleh keluarga Megat, di Perak), Orang Kaya Besar Penghulu Bendahari, Temenggung dan Menteri. Lapan Pembesar dalam lipatan yang kedua ialah Orang Kaya-kaya Maharaja Lela, Orang Kaya-kaya Laksamana Raja Mahkota, Seri Andika Raja, Panglima Kinta Seri Amar Bangsa, Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja, Syahbandar Paduka Indera, Setia Bija Diraja dan Imam Paduka Tuan. Untuk melihat gelaran bagi enam belas orang pembesar bagi lipatan yang ketiga sila rujuk Lampiran 'D', *The Perak Chiefs*, oleh R.O. Winstedt dan R.J. Wilkinson, "A History of Perak", dalam *MBRAS*, Reprint No 3, 1974, hlm 134–158; R.O. Winstedt, "Some Perak Pedigrees", dalam *JSBRAS*, LXXIX, September 1918, hlm. 54–63; Barbara Watson Andaya, *Perak, the Abode of Grace: A Study of an Eighteenth Century Malay State*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 155–204; Khoo Kay Kim, "The Perak Sultanate: An Ancient and Modern", dalam *JMBRAS*, LIX, i, 1986, hlm 1–26.

kerajaan serta pengaruh kedaulatan yang berkait dengan institusi raja atau sultan yang telah diamalkan di Melaka, kelihatan terus kekal dan hidup dalam semangat institusi dan organisasi berkerajaan-pemerintahan di peringkat negara dan di beberapa buah negeri di negara ini sekarang.

Pengaruh berbagai-bagai aspek budaya politik dan peristiadatan ini dijangkakan berkembang dan tersebar, selari dan selaras dengan kedudukan Melaka sebagai sebuah kuasa penakluk dan ketuanan pada abad ke-15 sehingga tahun 1511 yang kemudiannya dilanjutkan pula oleh empayar Johor-Riau, pada dekad awal abad ke-18. Di Semenanjung Tanah Melayu, penyebaran dan keberkesanan pengaruh sedemikianlah akibat tidak langsung daripada jalinan kekeluargaan kerabat dalam salasilah raja-raja Melaka dan awal Johor seperti kekerabatan Perak dan Pahang contohnya. Ia juga adalah kesan langsung daripada pengaruh politik, kaedah dan prinsip-prinsip pemerintahan kuasa penakluk-ketuanan Melayu Melaka dan Johor seperti yang terjadi di Pahang, Kelang (Selangor) dan Terengganu. Di Kedah dan Kelantan pula proses yang sedemikian terjadi adalah kesan daripada sama ada kedua-duanya adalah taklukan Melaka dan Johor pada abad ke-15 atau abad ke-16, atau kerajaan dan kesultanannya didaulati oleh istana Melaka. Menurut dakwaan *Sejarah Melayu*,[44] dan laporan oleh Tome Pires bahawa Kedah dan Kelantan mengaku terhadap sumber pendaulatan dan kesahihan daulat raja-raja Melaka dan Johor.

Secara ringkasnya dari segi perspektif, Melaka telah melahir, memula dan meninggalkan suatu tradisi sejarah dalam rantaian dan landasan persejarahan yang berlanjutan sejak awal abad ke-15 sehinggalah sekarang. Semangatnya terus hidup dan menjalar dalam ruang-ruang kesinambungan budaya, lalu menjadi teras dan landasan tradisi dan proses persejarahan negara ini dari dahulu sampai sekarang. Maka di sinilah sumbangan dan peranan Melaka dari segi pengertian dan makna serta *relevance*nya ia dalam persejarahan tadi.

Justeru itu, dalam konteks persejarahan negara hingga setakat ini terpaksalah bermula dengan tradisi Melaka. Ini disebabkan corak dan tradisi persejarahan tempatan belum dapat dipastikan secara ilmiah. Tradisi persejarahan tempatan sekarang lahir hanya dalam bentuk kepercayaan (lantaran *dipercayai* sahaja bahawa ia wujud suatu ketika sebelum periode Melaka) kerana dirujuk daripada catatan dan keterangan rekod-rekod China awal yang maklumatnya masih kabur dan berselerak. Tradisi persejarahan tempatan juga dilihat daripada kesan dan puing tinggalan yang ada tetapi belum

[44]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 205–206; Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 260–264.

dapat dipastikan lagi tentang kesahihan sejarahnya. Tradisi persejarahan negara sebenarnya haruslah dirujuk dan berlandaskan latar belakang tradisi budaya, sosiologi dan proses persejarahan Melayu Selat Melaka dan serantau bagi zaman-zaman sebelum tahun 1400.

LAMPIRAN

LAMPIRAN A

Berbagai-bagai Naskhah *Sejarah Melayu* mengenai Kesultanan Melayu Melaka 1400–1511

NASKHAH COD.OR. 1703

yang menguruengkan tuada terbulang lagie

Ada datang kelandjoeng limbin maka bagiende poin toeroen bermain kemuir maka radja perampoean poin toeroen dengan segala bunu orang besar besar dan orang kaya kaya bermain diepasier itoe mengambil kerang kerangan maka radja perampoean doedoek dibawa pohon pandan diehadip bunu segala orang kaya kaya, maka bagiende terlaloe soeka melihat kelakoean dayang dayang bermain main itoe masing masing, pada kesoekaannya adayang mengambil sipot adayang mengambil koerang adayang mengambil kitim adayang mengambil lokan adayang mengambil daon kayoe kedaman maka terlaloe soekatjeta segala dayang dayang itoe adayang mengambil boenga boenga an diepertoeat sentiung masing masing tiengka lakoenya adayang berlaru berkambat kambatan terseran doeng djatoek ribah rumpa daripada sangat soeka nya itoe.

adapoen sang nila oetama dengan segala manteri penggawa rayat pergi berboeroe maka terlaloela banyak berolih perboeroean, maka laloe seekor roeva diehadipan sang nila oetama maka diteekam bagiende dengan limbung kina belakang roeva itoe diuja poin lari maka diepertambat olih sang nila oetama diteekam bagiende seka bulagu kina roeviknya bisoe laloe malu maka sang nila oetama datang pada sosaloe baloe terlaloe besar dengan tunggunya maka bagiende aa ia kiatis baloe itoe memandang kesabbirang maka dalieat bagiende tanah sabbirang itoe pasiernya terlaloe poelih sipirtu kaun terhimpar maka bagiende poin bertanya pada andira boepala pasier yang kelikatan itoe tanah mana! maka sembe andira boepala itoe ia adjong tana besar tamasiek nawanya, maka lula sang nila oetama mereka kiata pergi kesana, maka sembe andira boepala mana lula koeankoe; maka sang nila oetama poin naikla kepiraoe laloe menyabbirang - selela datang kelenga laot ribot poin toeroen maka kinaeikan itoe poin kemiran maka diepertumbo orang tuada terlumbo air roeang lagie, maka diesoeroh pengodoe kinaeikan membaeang maka beberapa karta yang dibaeangkan tuada berapa lagie yang tiung gol maka kinaeikan itoe kampir kiteloek belang mangkun sangat air naeik

NASKHAH COD. OR. 1704





بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله الذي لا اله الا هو
وكان في الاول ولا شيء
معه سبل فوج ڤجيين
بك يڠ تياد توهن هاي
اي دان اداله اي ڤد ازال
تياد سواة جوا ڤون سرتاڽ
وهو الايدي السر مدي
ربيده ثم خلق الخلايق



ولا حاجة له دان اياله
توهن يڠ ابيدي لاك سنتياس
اداي دان تياد سوات جوا
ڤون كمدينڽ مك دجديكني
سكال مخلوق دان تياد
حجات بكيڽ ولما ارادا
طهار ربوه بيته
فخلق النور جيبه ومن ذلك
النور خلق الانبياء وربته

كمدين دجد بكنڠ مكد دكب ايكانڠ قول اشهد ان لا اله الا الله وحده
لا شريك له واشهد ان محمدا عبده ورسوله تكن اكن بهوين نبي محمد ابت همبڠ اكن
فوهن اللهم صل وسلم على سيدنا محمد صاحب لواء الحمد ومقام المحمود
وعلى اله واصحابه الفائزين ببدر والحنين ولنيل المقصود يا تمنكوا
الكرهاي كراث رحمة دان سجهتر اكن فغهول كام محمد ممفاي لواء الحمد
دان بڠ ممفاي شفاعة دان رحمة الله دان سلامن اتس سكل صحابتن
دغن مبيبا كن سهاس٢ كه لسان فد منجا صاكن معصود دبالث فد كرصان
الله تعالى ولنكاه دافون كمدين دفد ايت تله برجات فقير بڠ انصاف
اكن تمكاه دن دبرن دان نكث فغتهون علموث دفد سوات ماس
بهوفقير ودق فد سوات مجلس دغن اورڠ بسر٣ بركات برسند بركوبر
فد انتارايت اد سورڠ اورڠ بسر تله مليان دان تربسر مرتبتن دفد بلاين
بركان اي كند فقير مجب دڠن حكايت ملايو اوله اورڠ دركوه بلرڠ كيت فرباكي
كران دڠن استعادتن سغاي دكتهوي اوله سكل انق چوچ كيت بڠ كمدين دفد
كيت دابڠكتڠ اوله سكل مريكت شهدان اداله برولة فائدة اي كند دان سنله فقير موك
عوجاهل مك فقير برلمبند دبري فقير كند بڠ اس اكندي شهدان
موهكن توفيق لحضرة توهن حسن الختام دان منتوهارف كند بي سيد
الانام دان منتوافواه كند صحابة بڠ اكرام فقير كرغله حكايت اين ركب سمت
من مندي واي سغاي اكن مكاكن دلي لحضرة بكند مك فقير نماي حكايت اين
سلاله السلطين يعني فرنتورن سكل راج٢ هدة دروالاخبار وعرف
والامثال اينله مني سكل جرنتردان جهماي سكل فراؤ فصاحت مك بارغياف
مساج دبي جاغن دبجار اكن دغن سمون بجار كارن حكايت اين تاهو
كام اكن وكان سبدنبي صلى الله عليه وسلم تفكر واي الا الله واتفكر
في ذات الله يعني بجار اكن اولهم كند سكل كبسارن الله دان جاغن كام فكر

سلطان علاء الدين رعايت ظل الله في الثقلين فرنتورن سلطان الاخلاء
عبد الجليل شاه اغي سلطان مصطفى شاه ابن سلطان علاء الدين رعايت شاه
ابن سلطان محمد شاه اغرجوم وحمد لله مسكنه وسخطانه وابد عدله واحسانه
سدغ ماس بكند برتكوك دكتهوي دبواس ايت دانڠ تمبڠ سري نارو غس
بڠ برتيان تمبڠ انق سري هلوير اج فتاني منجنجفكن تت بغد فرتوند دهلير
سلطان عبد الله يدية مغايبة شاه ابن سلطان الاخلاء عبد الجليل شاه
فن شرف امكان والزمان مك اي ن كملياء تمف دان زمان وزير
بحاش فل الداي ان دان اي فرجين سكل كدودكن اورغ بيرتيان ترقد
فضل والامات دان دتياء الله تعالى كراث اي كمورانن دان كليهن
ماينه عدل في سائر البلدان دان كمكن الله كران اي دغن عادلن كفد سكل
نكري دمكين بوت تت اغن املي ايت بهوبيت منسوء فربوتكن حكايت كفد
بندهار في سواتوت دان فرتورن سكل راج٢ ملايو دغن استعادتن
سكال سغاي دكتهوي اوله سكل انق چوچ كيت بڠ كمدين دفد كيت
دابڠكتڠ اوله مريكت شهدان برولة فائدة اي كند دان سنله فقير موك
عوجاهل مك فقير برلمبند دبري فقير كند بڠ اس اكندي شهدان
موهكن توفيق لحضرة توهن حسن الختام دان منتوهارف كند بي سيد
الانام دان منتوافواه كند صحابة بڠ اكرام فقير كرغله حكايت اين ركب سمت
من مندي واي سغاي اكن مكاكن دلي لحضرة بكند مك فقير نماي حكايت اين
سلاله السلطين يعني فرنتورن سكل راج٢ هدة دروالاخبار وعرف
والامثال اينله مني سكل جرنتردان جهماي سكل فراؤ فصاحت مك بارغياف
مساج دبي جاغن دبجار اكن دغن سمون بجار كارن حكايت اين تاهو
كام اكن وكان سبدنبي صلى الله عليه وسلم تفكر واي الا الله واتفكر
في ذات الله يعني بجار اكن اولهم كند سكل كبسارن الله دان جاغن كام فكر

كمدين دجد بكنڠ مكد دكب ايكانڠ قول اشهد ان لا اله الا الله وحده
لا شريك له واشهد ان محمدا عبده ورسوله تكن اكن بهوين نبي محمد ابت همبڠ اكن
فوهن اللهم صل وسلم على سيدنا محمد صاحب لواء الحمد ومقام المحمود
وعلى اله واصحابه الفائزين ببدر والحنين ولنيل المقصود يا تمنكوا
الكرهاي كراث رحمة دان سجهتر اكن فغهول كام محمد ممفاي لواء الحمد
دان بڠ ممفاي شفاعة دان رحمة الله دان سلامن اتس سكل صحابتن
دغن مبيبا كن سهاس٢ كه لسان فد منجا صاكن معصود دبالث فد كرصان
الله تعالى ولنكاه دافون كمدين دفد ايت تله برجات فقير بڠ انصاف
اكن تمكاه دن دبرن دان نكث فغتهون علموث دفد سوات ماس
بهوفقير ودق فد سوات مجلس دغن اورڠ بسر٣ بركات برسند بركوبر
فد انتارايت اد سورڠ اورڠ بسر تله مليان دان تربسر مرتبتن دفد بلاين
بركان اي كند فقير مجب دڠن حكايت ملايو اوله اورڠ دركوه بلرڠ كيت فرباكي
كران دڠن استعادتن سغاي دكتهوي اوله سكل انق چوچ كيت بڠ كمدين دفد
كيت دابڠكتڠ اوله سكل مريكت شهدان اداله برولة فائدة اي كند دان سنله فقير موك
عوجاهل مك فقير برلمبند دبري فقير كند بڠ اس اكندي شهدان
موهكن توفيق لحضرة توهن حسن الختام دان منتوهارف كند بي سيد
الانام دان منتوافواه كند صحابة بڠ اكرام فقير كرغله حكايت اين ركب سمت
من مندي واي سغاي اكن مكاكن دلي لحضرة بكند مك فقير نماي حكايت اين
سلاله السلطين يعني فرنتورن سكل راج٢ هدة دروالاخبار وعرف
والامثال اينله مني سكل جرنتردان جهماي سكل فراؤ فصاحت مك بارغياف
مساج دبي جاغن دبجار اكن دغن سمون بجار كارن حكايت اين تاهو
كام اكن وكان سبدنبي صلى الله عليه وسلم تفكر واي الا الله واتفكر
في ذات الله يعني بجار اكن اولهم كند سكل كبسارن الله دان جاغن كام فكر

سلطان علاء الدين رعايت ظل الله في الثقلين فرنتورن سلطان الاخلاء
عبد الجليل شاه اغي سلطان مصطفى شاه ابن سلطان علاء الدين رعايت شاه
ابن سلطان محمد شاه اغرجوم وحمد لله مسكنه وسخطانه وابد عدله واحسانه
سدغ ماس بكند برتكوك دكتهوي دبواس ايت دانڠ تمبڠ سري نارو غس
بڠ برتيان تمبڠ انق سري هلوير اج فتاني منجنجفكن تت بغد فرتوند دهلير
سلطان عبد الله يدية مغايبة شاه ابن سلطان الاخلاء عبد الجليل شاه
فن شرف امكان والزمان مك اي ن كملياء تمف دان زمان وزير
بحاش فل الداي ان دان اي فرجين سكل كدودكن اورغ بيرتيان ترقد
فضل والامات دان دتياء الله تعالى كراث اي كمورانن دان كليهن
ماينه عدل في سائر البلدان دان كمكن الله كران اي دغن عادلن كفد سكل
نكري دمكين بوت تت اغن املي ايت بهوبيت منسوء فربوتكن حكايت كفد
بندهار في سواتوت دان فرتورن سكل راج٢ ملايو دغن استعادتن
سكال سغاي دكتهوي اوله سكل انق چوچ كيت بڠ كمدين دفد كيت

LAMPIRAN B

Salinan Sebenar daripada Naskhah *Hikayat Siak, COD.OR. 7304,* hlm 1, di Perpustakaan Universiti Leiden



LAMPIRAN C

Salinan Sebenar daripada Naskhah *Hikayat Siak, W. 191.* hlm 10, di Muzium Pusat Jakarta



LAMPIRAN D

Critera Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan*
[Cod. Or. 3199(3) part 4]

Bahawa, mulanya asal raja Melayu dari Seri Turi Buana. Baginda itu keturunan daripada Raja Iskandar Dhu'l-Qarnain. Telah datang di Pulau Andelas, tempatnya di bawa(h) perintah Demang Lebar Daun. Maka apabila Demang itu berjumpa dengan Seri Turi Buana, sembahlah ia. Maka diserahkan oleh Demang Lebar Daun segala pekerjaan atas negeri yang dibawa(h) perintah Demang itu, adanya.

Syahadan pula, Seri Turi Buana diangkat raja. Maka ialah yang pertama-tama raja Melayu. Maka dijadikan itu kepada sanat 575 dari hijrah nabi, tetapi orang Melayu waktu itu belum masuk agama Islam. Kemudian daripada itu, maka Seri Turi Buana berangkatlah dari Pulau Andelas, berlayar ke seberang tanah, *zirbad* namanya, ertinya kepada bahasa Parsi, dibawa(h) angin. Maka tempat itu namanya juga Ujung Tanah. Di situlah Seri Turi Buana membuat kota. Maka bernama kota itu Singapura. Maka diam baginda itu di sana. Maka memerintah ia atas kaumnya, sampai kepada sanat 623.

Bila itu Seri Turi Buana pun mangkat, maka diganti dalam pekerjaan, Paduka Dikarangwira. Baginda itu memegang perinta(h) atas orang Melayu, sampai kepada sanat 638. Maka dibaikinya kota Singapura, akan jadi kuasa melawan kerajaan Majapahit. Maka diganti Paduka Dikarangwira itu oleh Seri Rama Wikrama itu, muda-muda dan berani. Maka dengan adil memegang perintah selama-lama hidupnya. Tetapi dengan takdir Allah, datang susah atas kaumnya, karena mangkat baginda itu muda, pada sanat 637. Maka diganti oleh Seri Maharaja. Demikian juga Seri Maharaja itu, tiada hidup lama, karena mangkat dia pada sanat 663. Maka diganti oleh Seri Iskandar Shah. Baginda itu pun melawan dengan beraninya, sampai tiada dapat lagi kepada raja Majapahit. Tetapi, kemudian, daripada melawan tiga tahun lamanya, alah dia. Maka berangkatlah dari Singapura, berjalan darat ke barat laut. Maka berhenti pada suatu tempat, maka diperbuatnya pula

---

*Dipetik dan ditranskripsi semula dari R. Roolvink, "The variant versions of the Malay Annals", dalam C.C. Brown, (ed), *Sejarah Melayu* or *Malay Annals*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm xxviii–xxxi.

kota, namanya Melaka. Maka kota itu diperbuatnya halus, sampai termasyhur namanya.

Maka Seri Iskandar Shah, bila sudah memegang perintah dua puluh lima tahun, iaitu tiga tahun di Singapura, dua puluh dua tahun di Melaka, waktu itu mangkat baginda itu.

Maka diganti oleh Sultan Megat, pada sanat 678. Maka baharu dua tahun diangkat raja, maka ia mangkat pula. Maka diganti oleh Sultan Muhammad Shah. Baginda itu terlalu kuasa, karena, waktu dia raja, segala tempat yang dekat-dekat di situ di bawa(h) perintahnya, iaitu negeri Bintan, Lingga, Johor, Patani, Keda(h), Perak dan lain-lainnya, sampai ke seberang di Pulau Andelas dan Kampar dan Haru. Segala orang turut perintahnya. Maka baginda itu pun pula yang pertama masuk agama Islam. Maka dikahwinkan dengan puteri Rekan.

Maka dari nikah itu, jadi kuasa pula akan memegang perintah atas negeri Rekan itu. Maka mangkat baginda itu, pada sanat 747. Maka diganti anak putera, Sultan Abu Said. Sultan itu dibunuh oleh raja Rekan, bila dia sudah memegang perintah belum dua tahun. Maka diganti pula Sultan Mudafar Shah. Baginda itu terlalu budiman dan cerdik. Maka dialah yang mengeluarkan surat adat istiadat dan undang-undang orang Melayu, lagi berani juga dan termasyhur nama waktu itu. Seri Naradiraja, panglima Sultan Mudafar Shah, karena bila dikirim oleh raja Siam Buwayatnya, namanya panglimanya Awi Cakra, mahu mengambil negeri Melaka, dengan beberapa banyak orangnya dan kapal, diserang oleh Seri Naradiraja.

Kemudian, raja Siam pun mangkat. Maka diganti oleh Saupandan. Maka dia pula berangkat [dari] ke Melaka, mau mengambil negeri itu, tetapi ia pun diserang juga seperti ayahnya, oleh panglima Seri Naradiraja.

Kemudian daripada itu, mangkat Sultan Mudafar Shah, maka diganti oleh Sultan Mahmud Shah yang termasyhur nama. Tiada berapa lamanya, mangkat. Maka diganti puteranya, Sultan Mansur Shah, pada sanat 789. Maka Mansur Shah itu kawin dengan puteri raja Majapahit, Raden Galuh Cendera Kirana. Maka dikasi oleh Raden Galuh Cendera Kirana itu negeri Inderagiri yang dia empunya kepada menantunya, Mansur Shah. Maka ditaruh oleh Mansur Shah raja yang memegang perintah atas negeri Inderagiri. Maka raja-raja Inderagiri turut kepada Melaka, dari waktu itu, sampai sekarang. Maka Sultan Mansur Shah memegang perintah dalam negeri Melaka sampai ia mangkat, pada sanat 852. Maka diganti oleh anaknya, Sultan Aludin. Maka Sultan Aludin diganti pula oleh Sultan Mahmud Shah, pada sanat 882. Sultan Mahmud Shah itu pegang perinta(h) dalam Melaka dua puluh sembilan tahun lagi, dia pegang perintah duduk di negeri Johor. Ia raja waktu orang Portugis datang di Melaka, maka diserang oleh Portugis.

Dari Melaka berjalan ke Johor. Maka diganti oleh sultan itu oleh anaknya, Ahmad Shah, pada sanat 918. Maka sultan itu berdamai dengan Portugis pada sanat 919. Sampai kepada sanat 922, Sultan Ahmad Shah angkat perang pula, memukul orang Portugis. Pada sanat 945, maka mangkat Sultan Ahmad Shah, maka diganti oleh Aludin Shah Yang Kedua. Maka sultan itu diganti pada sanat 964 oleh Sultan Abdul Jalil Shah yang memegang perintah sampai pada sanat 996. Waktu itu, mangkat pula Sultan Abdul Jalil Shah, maka diganti oleh Sultan Aludin Shah Yang Ketiga.

Maka waktu itu, Wilanda masuk Johor, membuat surat perjanjian sahabat-bersahabat dengan Sultan Aludin Shah Yang Ketiga, pada sanat 1015.

Maka mangkat Sultan Aludin Shah, maka diganti oleh Sultan Abdullah Shah, yang diganti pula oleh Sultan Mahmud Shah Yang Kedua, bila mangkat ia pada sanat 1026. Maka Sultan Mahmud Shah Kedua mangkat pada sanat 1029. Maka diganti oleh Sultan Abdul Jalil Shah Yang Kedua. Maka dialah sultan yang dapat Melaka dengan penolong Wilanda. Maka ia memegang perintah empat puluh tujuh tahun. Maka mangkat ia pada sanat 1076. Maka diganti oleh Sultan Ibrahim Shah. Maka sultan itu memegang perintah sebelas tahun. Mangkat ia pada sanat 1087. Maka diganti oleh Sultan Mahmud Shah Yang Kedua.

Maka bertakhta Sultan Mahmud Shah sampai pada tahun 1101. Waktu mangkatlah ia, maka diganti oleh Sultan Abdul Jalil Yang Ketiga, pegang perintah ia sampai sembilan tahun. Ia mangkat pada sanat 1138, maka diganti oleh Sultan Sulaiman Shah Yang Pertama, pegang perintah dua puluh satu tahun. Mangkat ia pada sanat 1159. Maka diganti oleh Sultan Abdul Jalil Yang Keempat. Ialah yang membuka Riau tuha. Ia pegang perintah tiga puluh dua tahun, maka mangkat ia pada sanat 1191. Maka diganti oleh Sultan Mahmud Shah Yang Ketiga. Ia menunggu Lingga, memegang perintah tiga puluh enam tahun, mangkat ia pada sanat 1227. Maka ia meninggalkan putera dua orang laki-laki, yang tua bernama Ungku Husain dan yang muda bernama Ungku Abdul Rahman. Pada masa itu, sultan mangkat, Ungku Husain tiada dalam Lingga. Ia pergi ke Pahang. Maka mufakat sekalian Datuk-datuk serta Yang Dipertuan Muda Riau, melantik Ungku Abdul Rahman Shah, akan ganti baginda pada tahun itu. Pada masa itu, sekalian kerajaan dan kebesaran tiada diserahkan oleh emak tirinya, iaitu Ungku Puteri dalam Riau. Maka ia pun merajuklah, membawak diri ke Terengganu, hingga sampai kepada sanat 1235.

Apabila Wilanda menunggu Riau, namanya Admiral Wolterbeek dan Tuan Adriaan Koek dan Kapitan Elout, maka oleh tuan-tuan itu mufakat dengan Yang dipertuan Muda Riau, iaitu Ungku Jaafar, menjemput Ungku

Abdul Rahman Shah, membawak pulang ke Lingga, maka dilantiklah oleh tuan itu pula akan jadi sultan.

Pada masa itu, orang Inggeris bernama Tuan Raffles serta dengan Tuan Major Farquhar pergi ke Selat, hendak membuka negeri. Maka ia pun pergi ke Selat. Maka ia berikanlah tanah Selat itu kepada Inggeris. Maka oleh Inggeris pun mangkatlah Ungku Husain jadi sultan dalam Selat, pada sanat 1236. Maka raja Melaka, Tuan Timmerman Thijssen pergi ke Riau, mengambil segala kerajaan yang di dalam tangan Ungku Puteri. Ia bawak ke Melaka. Ia antarkan ke Betawi, kepada Tuan Jenderal van der Capellen. Maka oleh Tuan Jeneral itu, sekalian kerajaan dan kebesaran itu diantarkannya kepada Sultan Abdul Rahman Shah, dalam Lingga. Maka ia memerintah sehingga sanat 1248. Maka ia mangkat. Maka diganti oleh puteranya, Muhammad Shah, memerintah.

Tamma-t

LAMPIRAN E

Susunan Raja-Raja Awal Melaka*

CERITERA ASAL RAJA-RAJA:	SEJARAH MELAYU versi 1536:	SEJARAH MELAYU versi 1612:	BUSTAN'US-SALATIN naskhah 1638
1. Seri Iskandar Syah, 3 tahun di Singapura, 22 tahun di Melaka.	1. Sultan Iskandar Syah, 3 tahun di Singapura, 20 tahun di Melaka.	1. Iskandar Syah, 32 tahun di Singapura, 3 tahun di Melaka.	1. Seri Rama Adikerma, raja Melaka pertama.
2. Sultan Megat, 2 tahun di Melaka. (Sanat 678)	2. Raja Kecil Besar, Sultan Megat, 2 tahun di Melaka.	2. Raja Besar Muda, Raja Ahmad.	2. Raja Besar Muda, Raja Ahmad.
3. Sultan Mahmud (Muhammad ?) Syah.	3. Raja Tengah, Sultan Muhammad Syah, 57 tahun di Melaka.	3. Radin Tengah/Raja Tengah.	3. Raja Tengah.
4. Sultan Abu Said. (Sanat 747). Memerintah sebelum genap 2 tahun.	4. Raja Ibrahim, Sultan Abu Syahid, 17 bulan di Melaka.	4. Raja Kecil Besar, Sultan Muhammad Syah.	4. Raja Kecil Besar, Sultan Muhammad Syah.
5. Sultan Mudafar Syah.	5. Raja Kassim, Sultan Muzaffar Syah, 40 tahun di Melaka.	5. Raja Ibrahim, Sultan Abu Syahid, 17 bulan di Melaka.	5. Raja Kassim/Sultan Muzaffar Syah.
		6. Raja Kassim/Sultan Muzaffir Syah, 42 tahun di Melaka.	

*Dipadankan dari *Sejarah Melayu* versi 1536 dan 1612: Transkripsi Roolvink dari CERITERA ASAL RAJA-RAJA MELAYU PUNYA KETURUNAN naskhah *Cod. Or. 3199* (3) Bhg. 4; Nuruddin ar-Raniri, *Bustan'us-Salatin*, Bab 2 Fasal 12, 1638 (naskhah tulisan tangan di Perpustakaan Universiti Malaya); Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", *JMBRAS*, XLI, i, 1968.

LAMPIRAN F

Susunan Raja-Raja Awal Melaka*

Yung-lo Shih-lu & *Hsuan-tê Shih-lu* (1425-1430) (1438)	*Winstedt* (1948)	*Wake* (1964) [cf. Wilkinson, Rouffaer and pre-war Winstedt]
I. Pai-li-mi-su-la 拜里迷蘇剌 (died early 1414 or late 1413)	I. Parameswara — later Megat Iskandar Shah (died 1424)	I. Sri Parameswara (ca. 1400-1414)
II. Mu-kan-sa-yu-ti-er-sha 母幹撒于的兒沙 *or* I-ssu-han-ta-er-sha 亦思平荅兒沙 (died late 1423 or early 1424) (s/o I)		II. Megat Iskandar Shah, Raja Besar Muda (1414-1424) (s/o I)
III. Hsi-li-ma-ha-la-che 西里馬哈剌者 (died before 1444) (s/o II)	II. Sri Maharaja (died 1444)	III. Sri Maharajah (?Iskandar Shah) Mohamed Shah, Raja Tengah, Raja Kechil Besar (1424-1445) (s/o II)
IV. Hsi-li-pa-mi-hsi-wa-er-tiu-pa-sha 息力八密息瓦兒丟八沙 (mentioned in 1445)	III. Raja Ibrahim, Sri Parameswara Dewa Shah; (murdered ca. 1446) (s/o II)	IV. Sri Parameswara Dewa Shah, Raja Ibrahim (1445-1446) (s/o III)
V. Su-lu-t'an-wu-ta-fo-na-sha 速魯檀無荅佛哪沙 (mentioned in 1455)	IV. Raja Kasim, Sultan Muzaffar Shah (d. ca. 1456) (half b/o III).	V. Sultan Muzaffar Shah, Raja Kasim (1446-1459) (s/o III)

*Dipetik dari Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", dalam *JMBRAS*, XLI, i, 1967, hlm 14.

LAMPIRAN G

Salasilah Raja-Raja Melaka daripada Keturunan Palembang hingga Zaman Awal Johor*





*Disusun dan disesuaikan dari A. Samad Ahmad (ed), *Sulalatus Salatin; Fasal Ketiga, Bustanu's Salatin*, diperturunkan oleh R.O. Winstedt, "The Genealogy of Malacca's King From a Copy the Bustanu's Salatin," *JSBRAS*, No 81 (Sept. 1920), hlm 39–47; T.D. Situmorang dan A.E. Teeuw, (eds), *Sedjarah Melayu*, Jakarta, 1952; W.G. Shellabear (ed) *Sejarah Melayu*, American Mission, Singapura, 1903; *Hikayat Siak* (Cod. Or. 7304), Universiti Leiden.

LAMPIRAN H

Salasilah Ringkas Sultan Mansor Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah Berdasarkan *Sejarah Melayu*



LAMPIRAN I

Salasilah Ringkas Sultan Mansor Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah Berdasarkan Catatan Tome Pires, *The Suma Oriental Of Tome Pires*, hlm 251 dan hlm 252



LAMPIRAN J

Fasal-Fasal dalam *Undang-Undang Laut Melaka* dan *Hukum Kanun Melaka* yang Berunsurkan Undang-Undang Islam

Undang-undang Laut Melaka:

Fasal 2 : Hukuman bunuh dan rotan terhadap orang *muhsan* dan *ghair-muhsan* yang berzina.

Hukum Kanun Melaka:

Fasal 5:1,3 : Hukuman *qisas*, bunuh dibalas bunuh.

Fasal 7:2 : Hukuman potong tangan kerana kesalahan mencuri.

Fasal 8:2,3 : Hukuman qisas, bunuh dibalas bunuh.
(a) Hukum potong tangan kerana kesalahan mencuri.
(b) Hukuman *ta'zir*, mengikut budi bicara hakim kerana kesalahan mencuri beramai-ramai.

Fasal 12:2 : Hukuman rejam sampai mati terhadap lelaki dan wanita *muhsan* yang berzina. Jika penzina adalah *ghair-muhsan*, disebat sebanyak 80 kali.

Fasal 12:3 : Hukuman rotan sebanyak 80 kali pada orang yang menuduh orang lain berzina tanpa saksi.

Fasal 14:1 : Tatacara tuduh-menuduh. Dikehendaki bersumpah dengan memegang mimbar masjid.

Fasal 14:2 : Hukuman *kadhf*, bersumpah dan bertaubat di hadapan hakim kerana kesalahan mengambil isteri orang.

Fasal 15:7 : Tatacara pinjam-meminjam harta berdasarkan hukum *'iyyan*.

Fasal 16:1, 2 : (a) Hukuman memfitnah orang berdasarkan taksir *fuduli*.
(b) Hukuman bunuh kerana berzina.
(c) Syarat-syarat *fuduli*.

Fasal 18:4 : Hukuman *qisas* kerana kesalahan membunuh.

Fasal 25:1 : Hukum berwali. Hal-hal yang berhubung dengan

syarat-syarat berwali *aqrab*, *wali mujbir*, *qaul azhar*, *safratu'l-qasr*.

Fasal 25:2 : Syarat dan tatacara ijab dan kabul dengan melafazkan kata "Qibiltu tazwijaha".

Fasal 26 : Syarat menjadi saksi yang sah dalam tatacara ijab dan kabul.

Fasal 27 : Hukum *khiyyar* atau hak pembatalan perkahwinan. Syarat yang membolehkan *faskh*.

Fasal 28:1 : Hukum talak, iaitu talak *raji'i* dan talak *ba'in*. Syarat-syarat beridah.

Fasal 30 : Hukum dan tatacara berniaga. Syarat sah berjual beli dan barangan yang sah serta haram diperniagakan. Haraman mengambil riba.

Fasal 32:2 : Hukum sah *sulh* atau tuntut-menuntut harta. Syarat-syarat berhubung dengan *sulh*. Syarat pendakwa dan yang terdakwa atau *mudda'i dengan mudda'i 'alaihi*.

Fasal 32:3 : Syarat sah menjadi penjamin.

Fasal 34:1 : Hukum dan syarat-syarat amanat (amanah).

Fasal 35 : Hukum ikrar. Batasan antara hak Allah dengan hak manusia.

Fasal 36:1 : Hukum orang murtad, sama ada dikehendaki bertaubat atau dibunuh.

Fasal 36:2 : Hukuman bunuh terhadap orang Islam yang enggan bersembahyang.

Fasal 37:1 : (a) Hukum menjadi saksi.
(b) Syarat sah menjadi saksi.

Fasal 37:2 : (a) Syarat sah menjadi saksi pada kesalahan berzina.
(b) Syarat sah menjadi saksi pada kesalahan jenis *hadd*.
Kes-kes berhubung dengan *bikir* dan *thayyi* di kalangan wanita.

Fasal 38:1, 2, 3 : Tatacara mendakwa dan bersumpah di dalam masjid, di hadapan sidang jemaah dan di atas mimbar.

Fasal 38:4 : Tatacara tuntut-menuntut di hadapan hakim. Syarat-syarat hakim menjatuhkan hukuman.

Fasal 39 : (a) Hukum *qisas* kerana kesalahan membunuh.
(b) Hukum orang Islam membunuh orang bukan Islam.
(c) Hukum orang bukan Islam (Yahudi, Nasrani, Majusi) membunuh sesama bukan Islam.

Fasal 40:1 : Hukuman rejam dan sebat kerana kesalahan berzina.

Hukuman mengikut *hadd* terhadap penzina yang *ghair-muhsan*.

Fasal 40:2 : Hukuman pada kesalahan liwat (hubungan sejenis) dan hubungan dengan binatang digolongkan sebagai berzina. Hukuman boleh juga berdasarkan takzir hakim.

Fasal 43:5 : Hukum *qisas* bersabit dengan kes rogol.

LAMPIRAN K

Hubungan Kekeluargaan antara Raja Melaka dengan Bendahara

	Raja	Bendahara	Hubungan antara Raja dengan Bendahara
1.	Raja Iskandar Syah	Tuan Perpatih Tulus	Bapa saudara dan mentua raja
2.	Raja Ahmad (Raja Besar Muda)	Tun Perpatih Tulus	Nenda kepada raja
3.	Raja Tengah	Raden Bagus/Tun Perpatih Permuka Berjajar (Seri Wak Raja)	Abang raja
4.	Raja Kecil Besar (Sultan Muhammad Syah)	1. Raden Bagus/Tun Pepatih Permuka Berjajar (Seri Wak Raja)	Bapa saudara dan mentua raja
		2. Raden Anum (Seri Amar Diraja) (?)	Bapa saudara raja
5.	Raja Ibrahim (Sultan Abu Syahid)	Raden Anum/ (Seri Amar Diraja) (?)	Datuk saudara raja
6.	Raja Kassim (Sultan Muzaffar Syah)	1. Raden Anum (Seri Amar Diraja) (?)	Datuk saudara dan mentua raja
		2. Tun Perpatih Sedang (Seri Wak Raja)	Ipar raja
		3. Tun Ali (Seri Nara Diraja)	Bapa saudara/ berkahwin dengan bekas isteri raja (Tun Kudu)
		4. Tun Perak (Paduka Raja)	Bekas ipar/anak saudara isteri raja
7.	Raja Abdullah (Sultan Mansor Syah)	Tun Perak (Paduka Raja)	Ipar raja

8.	Raja Hussain (Sultan Alauddin Riayat Syah)	Tun Perak		Bapa saudara raja
9.	Raja Mahmud (Sultan Mahmud Syah)	1.	Tun Perak (Paduka Raja)	Datuk saudara raja
		2.	Tun Perpatih Putih (saudara Tun Perak)	Datuk saudara raja
		3.	Tun Mutahir (Seri Maharaja)	Bapa saudara raja
		4.	Paduka Tuan (Bendahara Tepok)	Bapa sepupu raja
		5.	Tun Khoja Ahmad (Paduka Raja)	Dua pupu raja
10.	Raja Ahmad (Sultan Ahmad Syah)		Paduka Tuan (Bendahara Tepok)	Datuk sepupu raja

Bibliografi

A. Samad Ahmad, (ed), *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.

————, *Sejarah Kesusasteraan Melayu, I dan II*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1966.

Abdul Aziz Mohamed, *Perhubungan Negeri Melaka dengan Orang-orang Asing*, B.A., Universiti Malaya, 1962.

Abdul Aziz Monel, *Hikayat Hang Tuah dalam Kesusasteraan Indonesia Lama*, Kuliah Tertulis, Bahasa dan Sastera Indonesia, Universitas Nasional, Jakarta, 1972.

Abdul Aziz Zakaria, *The Portuguese in Malacca, 1511 to 1641*, Diploma of Arts, Raffles College, 1949.

Abdullah bin Musa Lubis, *Sultan-sultan Melaka*, Penang Sinaran, 1964.

Abdul Rahman Rukaini, *Penjiwaan Islam dalam Kesusasteraan Melayu Lama dengan Kajian Intrinsik kepada Kitab Sejarah Melayu*, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975/76.

Abu Hassan Sham, *Undang-undang Melayu Lama: Tumpuan Khas kepada Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang yang di bawah Pengaruhnya*, Tesis M.A. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1972.

————, "Perbandingan antara Hukum Kanun Melaka dan Sejarah Melayu", dalam *Bahasa*, Vol I, No I, 1973, hlm 32–47.

Ahmad Saleh, *Kesultanan Melayu dari segi Pensejarahannya*, B. A., Universiti Malaya, 1962.

Ahmad Sarji Abdul Hamid, *Hang Tuah dalam Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu*, B.A., Universiti Malaya, 1960.

Al-Attas, Syed Naguib, *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of The Malay-Indonesian Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala lumpur, 1969.

————, "Notes on the opening of Relations between China and Malacca, 1403-1405", dalam *JMBRAS*, Vol 38, Pt 1, 1965, hlm 260–264.

Ali Aziz, *Zaman Gemilangnya Kerajaan Melayu: Melaka*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1975.

Andaya, Barbara W., "The Indian 'Saudagar Raja' (The King's Merchants) in Traditional Malay Courts", dalam *JMBRAS*, Vol 51, Pt 1, 1978, hlm 13–55.

Andaya, Barbara Watson dan Leonard Y. Andaya, *A History Malaysia*, Macmillan Asian Histories Series, London, 1982.

Andaya, Leonard, Y., *The Kingdom of Johor, 1641–1728: A Study of Economic and Political Development*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975.

————, "The Structure of Power in 17th Century Johor", dalam Reid, Anthony, and Castles, Lance, (eds), Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia, Monograf *MBRAS*, No 6, 1975.

Andi Zainal Abidin, *Hukum Pelayaran Laut Bugis dalam Perbandingannya dengan Hukum Kanun Melaka*, (kertas bertaip), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, Kuala Lumpur.

Barbosa, Duarte, *The Book of Duarte Barbosa: An Account of the Countries Bordering on the Indian Ocean and their Inhabitants.... Completed About the Year 1518 A D*, M L

Dames, (terjemah dan anotasi), 2 Jilid, Hakluyt Society Works, No 44 dan 49, London, 1918–1921.

Bassett,David K., "European Influence in South East Asia, cir. 1500–1630", dalam *JSEAH*, Vol 4, 1963, hlm 134–165.

————, "European Influence in the Malay Peninsula 1511–1786", dalam *JMBRAS*, Vol 33, Pt 3, 1960, hlm 9–35.

Begbie, Peter J., *The Malayan Peninsula*, (cetakan semula), Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976.

Blagden, C.O., "Notes on Malay History", dalam *JSBRAS*, No 53, 1909, hlm 139–162.

————, "Antiquity of Malacca", dalam *JSBRAS*, No 57, 1911, hlm 189–190.

————, "The Mediaeval Chronology of Malacca", dalam *Actes, Xle Congres International des Orientalistes*, Vol 2, Paris, 1897, hlm 239–253.

Blundell, E.A., "Notices of the History and Present Condition of Malacca", dalam *JIA*, Vol 2, 1848, hlm 726–754.

Bowen, John R., "Cultural Models for Historical Geneologies, The Case of the Melaka Sultanate", dalam Sandhu, K.S., and Wheatley P., (ed), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital, c. 1400–1980*, Oxford University Press, 1983, hlm 162–179.

Boxer, Charles R., *The Portuguese Seaborne Empire, 1415–1825, The History of Human Society*, London, 1969.

Braddell, R., "An Introduction to the Study of Ancient Times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca", dalam *MBRAS* (cetakan semula), No 7, Kuala Lumpur, 1980, hlm 1–129.

————, "Notes on Ancient Times in Malaya", *MBRAS* (cetakan semula), No 7, Kuala Lumpur, 1980, hlm 291–458.

Braddell, Thomas, "Abstract of the Sijara Melayu or Malay Annals", dalam *JIA*, Vol 5, 1851, hlm 125–134, 173–179; Vol 6, 1852, hlm 33–54.

————, "Notes on Malacca", dalam *JIA*, Vol 1, 1956, hlm 43–63.

Brown, C.C., "Malay Annals, Chapter III", dalam *JMBRAS*, Vol 42, Pt 1, 1969, hlm 25–33.

————, *Sejarah Melayu or Malay Annals*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970.

Burne, R.V.H. "Kingdoms and Empires (Malacca)", dalam *Treasury*, Vol 141, 1914, hlm 265–269.

Buyong bin Adil, *Tun Mutahir, Bendahara Seri Maharaja Melaka*, Penerbit Geliga, Singapura, 1959.

————, "Selangor di Bawah Takluk Melaka", dalam *Malaysia in History*, Vol 15, No 1, 1972, hlm 13–17.

————, *Sejarah Melaka dalam Zaman Kerajaan Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973.

Callenfels, P.V. van Stein, "The Founder of Malacca" dalam *JMBRAS*, Vol 15, Pt 2, 1937, hlm 160–166.

Chang, Li-Chien, *Ma-la-chia* (History of Melaka), Shanghai, 1941.

Chang, Tsuen Kung, *Historical Geography of Chinese Settlement in the Malay Archipelago*, Tesis Doktor Falsafah, University of Nebraska, 1954.

Chang, Tien-tse, "Malacca and the Failure of the First Potuguese Embassy to Peking", dalam *JSEAH*, Vol 3, No 2, 1962, hlm 45–64.

Chelvam, Mary A., *The Defence of Malacca*, 1511–1641, B.A., University of Singapore, 1960.

Cheng, Ho-sheng, (ed), *Cheng-Ho-i-shih Lai-pien*, (Anecdotes of Cheng Ho), Shanghai, 1948.

"Cheng Ho's Naval Expedition", dalam Mirsky, Jeannette, (ed), *The Great Chinese Travellers*, New York, 1964, hlm 237–259.

Cheng,Wen-hui, *Ma-la-chia-ku-chin tan*, (Melaka: Past and Present), Batu Pahat, 1962.

Chia, Felix, *The Babas*, Singapore Times Books International, 1980.

Chong, Yock Sin, "Cheng Ho: Hubungan Melaka-China Pada Awal Abad ke-15", dalam *Nusantara*, Vol 4, 1973, hlm 91–96.

Cortesao, Armando (ed), *The Sume Oriental of Tome Pires: An Account of the East, from the Red Sea to Japan, Written in Malacca and India in 1512–1515*, 2 Volumes, Hakluyt Society Works, London, 1944.

Crawfurd, John, *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands and Adjacent Countries*, (cetakan semula), Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.

————, *History of the Indian Archipelago*, 3 Volumes, Edinburgh, 1820. (edisi cetakan semula), 1967.

Dakers, C.H., "The Malay Coins of Malacca", dalam *JMBRAS*, Vol 17, Pt 1, 1939, hlm 1–12.

Dartford, Gerald P., "Malacca: Emporium of the Eastern Trade", dalam *History Today*, Vol 10, 1960, hlm 856–864.

Darus bin Ahmad, *Perang Melaka*, Penerbit Penang Sinaran, 1957.

————, *Laksamana Melayu Tun Tuah*, Penerbit Penang Sinaran, 1960.

Devahuti, D., *India and Ancient Malaya: From the Earliest Times to Circa AD 1400*, Singapore Eastern University Press, 1965.

Di Meglio, Rita R., "Arab Trade with Indonesia and the Malay Peninsula from the 8th to the 16th Century", dalam Richards, D.S., (ed), *Islam and the Trade of Asia*, Oxford, 1970.

Douglas, F.W., *Notes on the Historical Geography of Malaya and Sidelights on the Malay Annals*, Kelang, 1949.

Drewes, G.W.J., "On A Recent Edition of the Undang-undang Melaka", dalam *JMBRAS*, Vol 53, Pt 1, 1980, hlm 23–49.

Duywendak, J.J.L., "Ma Huan Re-examined", dalam *Verslagen en Mededeelingen der Koninklijke Akademie van Wettenschappen*, Vol 32, No 3, 1933, hlm 1–74.

————, "Sailing Directions of Chinese Voyages", dalam *Toung Pao*, Vol 34, 1938, hlm 230–237.

————, "The True Dates of the Chinese Maritime Expeditions in the Early Fifteenth Century", dalam *Toung Pao*, Vol 34, 1938, hlm 341–412.

Emanuels, H.W., "The Undang-undang Melaka", dalam *Journal of the Oriental Society of Australia*, Vol 2, No 2, 1964, hlm 82–89.

Eredia, Emanuel Godinho de, "Eredia's Description of Malacca, Meridional India, and Cathay", J.V. Mills, (terjemahan dan anotasi), dalam *JMBRAS*, Vol 8, Pt 1, 1930, hlm 1–288.

Errington, Shelly Elizabeth, *A Study of Genre: Meaning and Form in the Malay Hikayat Hang Tuah*, Tesis Ph.D, Cornell University, 1973.

Faria Y. Sousa, Manuel de., *The Portuguese Asia, or, The History of the Discovery and Conquest of India by the Portuguese, John Stevens*, (terjemahan), 3 jilid, London (cetakan semula), 1971.

Ferrend, Gabriel., *Melaka, le Malayu et Malayur*, Imprimerie Nationale, Paris, 1918.

Francois, J.P., *Historical Guide to Malacca*, Edisi Kedua, Singapura, 1958.

Franke, Wolfgang, "The Veritable Records of the Ming Dynasty", dalam *Beasley*, W.G., and Pulleyblank, E.G., (eds), *Historians of China and Japan*, London, 1961, hlm 60–77.

————, *An Introduction to the Sources of Ming Dynasty*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968.

————, "Some Remarks of Chinese Historical Sources on Southeast Asia with Particular Consideration of the Ming Period, 1368–1644", dalam *Southeast Asian Archieves*, Vol 2, 1969, hlm 11–20.

Fredrich Hirth and Rockhill W.W., (terjemah dan anotasi), *Chau Ju-kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteen Centuries Entitled Chu Fan-chi*, (cetakan semula), Taipie, 1970.

Gibson-Hill, C.A., "The Malay Annals: The History Brought From Goa", dalam *JMBRAS*, Vol 29, Pt 1, 1956, hlm 185–188.

————, "The Fortification of Bukit China, Malacca", dalam *JMBRAS*, Vol 29, Pt 3, 1956, hlm 156–181.

————, "Notes on the Old Cannon Found in Malaya, and known to be of Dutch Origin", dalam *JMBRAS*, Vol 26, Pt 1, 1953, hlm 145–147.

Groeneveldt, Willem P., *Notes on the Malay Archipelago and Malacca, Compiled From Chinese Sources*, Batavia, 1876, (cetakan semula), dalam *VBG*, Vol 39, 1880.

————, "Supplementary Jottings to the Notes on the Malay Archipelago and Malacca, Compiled From Chinese Sources", dalam *Toung Pao*, Vol 7, 1896, hlm 113–134.

————, *Historical Notes on Indonesia and Malaya, Compiled From Chinese Sources*, Bhratara, Jakarta, 1960.

Gullick, John M., Indigenous Political Systems of Western Malaya, *Monograph on Social Anthropology*, No 17, London, 1958.

————, Malaya, London, 1963.

Hall, D.G.E., "Malacca and the Spread of Islam", dalam *A History of South-East Asia*, edisi kedua, Macmillan, London, 1966.

Hamidah Khamis, "A Hero in Dispute", dalam *ASEAN Review*, No 10, 1976, hlm 72.

Hamilton, Alexander, "A New Account of the East Indies", dalam Pinkerton, John (ed), *A General Election of the Best and Most Interesting Voyages and Travels in All Parts of the World*, Longmans, London, 1811, hlm 258–522.

Hanitsch, R., "On A Collection of Coins from Malacca", dalam *JSBRAS*, No 39, 1903, hlm 183–202.

————, "On A Second Collection of Coins from Malacca", dalam *JSBRAS*, No 44, 1905, hlm 213–216.

Hanna, Willard, A., "The Malaysianization of Malacca", dalam *Reports on Malaysia*, New York, 1957.

Hervey, D.F.A., "Malacca Harbour", dalam *JSBRAS*, No 52 1909, hlm 111–115.

Hilya, Azmira, "Sejarah Melayu Menggambarkan Masyarakat Tradisi", dalam *Diskusi*, Jilid 2, No 5/6, 1977, hlm 16–18.

Historical Guide to Malaca, Malacca Historical Society, Singapore, 1936.

Hooker, M.B., "A Note on the Malayan Legal Digests", dalam *JMBRAS*, Vol 41, Pt 1, 1968, hlm 157–170.

Hooykaas, C., *Over Maleise Literature, J. Brill, Leiden, 1947.*

————, "Laksamana at Malay Courts", dalam *Journal of the Oriental Institute*, University of Baroda, Vol 6, 1957, hlm 1–2.

Hsiung, Chung-sheng, "Ma-lu-chia hai-kang te chin-hsi (The Harbour of Melaka, Past and Present)", dalam *Journal of the South Seas Society*, Vol 7, No 2, 1951, hlm 11–12.

Hsu Yu-hu, (ed), *An Evaluation of the Biography of Cheng Ho*, Taipei Chung-hua, 1958.

Hsu,Yun-tsiao, "Notes on Eunuch Cheng Ho's Voyage", dalam *Journal of South Seas Society*, Vol 5, No 1, 1948, hlm 42–53.

————, "Chinese Sources for the Historical Geography of Southeast Asia", dalam *Journal of South East Asian Researchers*, Vol 1, 1965, hlm 93–106.

————, "Meninjau 'Sejarah Melayu' daripada Segi Nilaian Sejarah", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 10, 1966, hlm 438–453.

————,"The Contribution of the Chinese Sources to the Ancient History of Southeast Asia", dalam *Journal of South East Asian Researchers*, Vol 3, 1967, hlm 9–15.

————, "Notes on the Relations between Ryukyu Islands and Malacca Sultanate during 1464–1511", dalam *Journal of South East Asian Researchers*, Vol 4, 1968, hlm 1–12.

————, "An Examination of the Trade between Melaka and Ryukyu", dalam *Economic Monthly*, No 25, 1969, hlm 27–30; No 26, 1969, hlm 20–22.

———, "Notes Relating to Admiral Cheng Ho's Expeditions", dalam *JMBRAS*, Vol 49, Pt 1, 1976, hlm 134–140.

Husain Ahmad, *Sejarah Tanah Melayu, 1400–1963*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1964.

Husain Yahya, *Sejarah Melayu*, (kuliah tertulis) *Bahasa dan Sastera Indonesia*, Universitas Nasional, Jakarta, 1972.

Idris Tain, *Orang-orang Asing, Yang Bukan Orang Barat, Dipandang daripada Segi Kacamata Penulis Sejarah Melayu*, B.A., Universiti Malaya, 1962.

Ikuta, Shigeru, *The Foundation of the Kingdom of Malacca: Facts and Myths*, (kertas kerja) 6th. International Conference on Asian History, Jogjakarta, 1974.

Irwin, Graham, 'Malacca Fort', dalam *JSEAH*, Vol 3, No 2, 1962, hlm 19–44.

Iskandar, Teuku, "Tun Sri Lanang, Pengarang Sejarah Melayu", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 8, 1964, hlm 484–494.

———, "Sedikit Tentang Susu Sari dalam 'Sejarah Melayu'", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 9, 1965, hlm 4–5.

———, "Three Malay Historical Writings in the First Half of the 17th. Century", dalam *JMBRAS*, Vol 40, Pt. 2, 1967, hlm 38–53.

———, "Some Historical Sources Used by the Author of Hikayat Hang Tuah", dalam *JMBRAS*, Vol 43, Pt. 1, 1970, hlm 35–47.

Ismail Ambia dan Ismail Hussein, *Bendahara-bendahara Melaka dan Hulubalang-hulubalang Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1965.

Ismail Hussein, "Tun Sri Lanang dan Sejarah Melayu", dalam *Mastika*, November, 1957, hlm 40–42.

Izhab Ismail, *Laksamana Melaka dan Indera Pura*, Penerbit Penang Sinaran, 1954.

———, *Raja Melaka*, Penerbit Penang Sinaran, 1961.

Jalil Osman, "Bukit China", dalam *Jurnal Sejarah Melaka*, No 1, 1976, hlm 37–38.

Johns, A.H., "Islam in Southeast Asia: Reflections and New Directions", dalam *Indonesia*, April, 1975, hlm 41–42.

Joseph, K.T., "Some Legends Connected with Malacca", dalam *Historical Annual*, University of Malaya Historical Society, 1952/3, hlm 21–23.

Josselin de Jong, P.E. de and Wijk, H.L.A., van. "The Malacca Sultanate: An Account from a Hitherto Untranslated Portuguese Sources", dalam *JSEAH*, Vol 1, No 2, 1960, hlm 20–29.

Josselin de Jong, P.E. de, "Who's who in the Malay Annals", dalam *JMBRAS*, Vol 34, Pt. 2, 1961, hlm 1–89.

———, "Character of the Malay Annals", dalam Bastin J., and Roolvink, R., (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Clarendon Press, Oxford, 1964, hlm 235–241.

———, "The Rise and Decline of A National Hero", dalam *JMBRAS*, Vol 38, Pt. 2, 1965, hlm 140–155.

———, "Malayan and Sumatran place-names in Classical Malay Literature", dalam *Journal of Tropical Geography*, Vol 9, 1966, hlm 61–70.

Kassim Ahmad, *Characterization in Hikayat Hang Tuah*, B.A. (Hons), University of Malaya, 1959.

———, "Mengkaji Semula Hikayat Hang Tuah", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 3, 1959, hlm 119–122.

———, "Hikayat Hang Tuah", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 7, 1963, hlm 15–21.

———, (ed), *Hikayat Hang Tuah*, menurut Naskhah Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1964.

———, *Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah: Penyelidikan Umum Tentang Cara-cara Penggambaran Watak serta Uraian dan Penafsiran Watak-watak Hang Tuah dan Hang Jebat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1964.

Kemps, J.E., and Winstedt, R.O., "A Malay Legal Miscellany", dalam *JMBRAS*, Vol 25, Pt. 1, 1952, hlm 1–19.

Kennedy, J., *A History of Malaya, AD 1400–1963*, Macmillan, London, 1962.
Kentaro, Yamada, "Whoever is Lord of Malacca Has His Hand on the Throat of Venice", dalam *Momo Yama Gakuen University Keizai Gaku Ron Syu*, Vol 2, Pt. 4, 1961, hlm 45–66.
Khadmi, "Tinjauan Kembali Beberapa Pentafsiran dan Penghargaan Terhadap Hikayat Hang Tuah", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 11, 1967, hlm 244–255.
Khalid Hussein, "Menempatkan Sejarah Melayu dalam Kesusasteraan Melayu Klasik dan Sejarah", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 8, 1964, hlm 266–272.
Khoo Kay Kim, "Sejarah Melaka Secara Umum", dalam *Jurnal Sejarah Melaka*, No 1, 1976, hlm 8–11.
_____, *The Peninsular Malaya Sultanates: Genesis and Salient Features*, (kertas kerja), 2nd. Workshop on Malay Sultanates and Malay Culture, Universitas Ujung Pandang, Indonesia, 1978.
Kitab Shaer Lancang Melaka oleh Abdul Majid & Co., Melaka, Singapura, 1937.
Koek, E., "Portuguese History of Malacca", dalam *JSBRAS*, No 17, 1886, hlm 117–149.
Lach, Donald, F., and Flaumenhaft, C., (ed), *Asia on the Eve of Europe's Expension, Prentice-Hall, 1965.*
Lee, Orient, *Parameswara, the Founder of Malacca*, (kertas kerja), 2nd. Biennial Conference of the International Association of Historians of Asia, Taipei, 1962, hlm 537–544.
Leyden, John, *Malay Annals*, (Dengan Pengenalan oleh Sir, T.S. Raffles), Longmans, London, 1821.
Liang, Chia-pin and Tsai Chen, *Cheng Ho*, Taipei, 1958.
Liaw Yock Fang, "Satu Catitan tentang Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Melayu Lama", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 17, 1973, hlm 420–424.
_____, *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klassik*, Pustaka Nasional, Singapura, 1975.
_____, *Undang-undang Melaka. The Laws of Melaka*, Bibliotheca Indonesica 13, The Hague, 1976.
_____, "The Undang-undang Melaka", dalam Sandhu, K.S., and Wheatley, P., (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital, c. 1400–1980*, Oxford University Press, 1983, hlm 180–194.
Linden, A.L.V.L. van der, *De European in de Maleishce Literature*, Meppel, 1957.
Linehan, W., "Notes on the Texts of the Malay Annals", dalam *JMBRAS*, Vol 20, Pt 2, 1947, hlm 107–116.
_____, "The Sources of the Shellabear Text of the Malay Annals", dalam *JMBRAS*, Vol 20, Pt 2, 1947, hlm 105–106.
_____, "Sources of the Malacca, Johore and Pahang Geneologies in the Bustan al-Salatin", dalam *JMBRAS*, Vol 11, Pt 2, 1933, hlm 144.
_____, "The Kings of 14th. Century Singapore", dalam *JMBRAS*, Vol 42, Pt 1, 1969, hlm 53–62.
Lister, M., "The Putri of Mount Ophir", dalam *JSBRAS*, No 24, 1891, hlm 165–166.
Liu, Li, The Outstanding Navigator in Chinese History: *Cheng Ho*, Hong Kong, 1957.
Long, E.E., "Malacca and Its Memories", dalam *Overseas*, Vol 14, No 159, 1929, hlm 23–26.
Lopez, Fernando, F., "Castodia de S. Francisco de Malacca", dalam *Itinerarium*, Vol 7, 1961, hlm 247–273.
Luckman Sinar, Tengku, *Pengaruh Imporium Melayu di Melaka dan Riau-Johor Terhadap Pengembangan Kebudayaan Melayu di kawasan Kerajaan Baru*, (kertas kerja), Seminar Sejarah Melaka, Melaka, Disember, 1976.
MacGregor, Ian A., "Notes on the Portuguese in Malaya," dalam *JMBRAS*, Vol 29, Pt 2, 1955, hlm 44–47.
_____, "Some Aspects of Portuguese Historical Writing of the Sixteenth and Seventeenth Centuries on South East Asia", di dalam Hall, D.G.E., (ed), *Historians of South East Asia*, Oxford University Press, London, 1962, hlm 172–199.

Mahmud Idris, *Pertembungan Orang-orang Asing (yang bukan orang Barat) dengan masyarakat Melayu Melaka Seperti yang Digambarkan oleh Sejarah Melayu*, B.A. (Hons). University of Malaya, 1962.

Ma, Huan, *Ying-yai Sheng-lan Chiao-chu* (A Critical Edition of Ma Huan's Ying-yai Sheng-lan), oleh Feng Cheng-Chun, Chunghua, Peking, 1955.

———, *Ying-yai Sheng-lan*, "The Overall Survey of the Ocean's Shores" (1433), (Diterjemah oleh Feng Cheng-chun, diperkenal dan dianotasi oleh Mills, J.V.C.), Hakluyt Society Extra Series, No 42, Cambridge, 1970.

"Malaka (Straat)", dalam *Encyclipaedie van Nederlandsch-Indie*, Vol 2, 's-Gravenhage: Nijhof, 1918, hlm 648–649.

Marrison, G.E., "The Siamese Wars with Malacca during the Reign of Muzaffar Shah", dalam *JMBRAS*, Vol 22, Pt 1, 1949, hlm 61–66.

Matheson, Virginia, *The Tuhfat al-Nafis* (The Precious Gift: A 19th. Century Malay History, Critically Examined), Tesis Doktor Falsafah, Monash University, Australia, 1972.

———, "Concepts of State in the Tuhfat al-Nafis (The Precious Gift)", dalam Reid, A., and Castles, L., (eds), *Pre-colonial State Systems in Southeast Asia*, Monograf *MBRAS*, 1975, hlm 12–21.

———, "Concepts of Malay Ethos in Indogenuous Malay Writings", dalam *JSEAH*, Vol 10, No 2, 1979, hlm 351–372.

Maxwell, W.G., "Groeneveldt's Notes on the Malay Archipelago and Malacca", dalam *JSBRAS*, No 52, 1909, hlm 105–110.

———, "An Account of De Siqueira's Voyage to Malacca", dalam *JSBRAS*, No 57, 1911, hlm 193–195.

Meilink-Roelofsz, M.A.P., *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and About 1930*, The Hague, 1962.

———, "Trade and Islam in the Malay-Indonesian Archipelago prior to the Arrival of the Europeans", dalam Richards, D.S. (ed), *Islam and the Trade of Asia, Cassirer*, Oxford, 1970, hlm 137–157.

Mills, J.V., "Three of Eredia's Illustrations", dalam *JMBRAS*, Vol 15, Pt 3, 1937, hlm 1–48.

———, "Malaya in the Wu-pei-chih Charts", dalam *JMBRAS*, Vol 15, Pt 3, 1937, hlm 1–48.

———, "Chinese Navigators in Insulinde About AD 1500", dalam *Archipel*, No 18, 1979, hlm 69–93.

Mohd. Taib Osman, "Tuhfat al-Nafis, Corak Historiografinya, Persamaan dan Persimpangan dari Tradisi Melayu", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 4, No 1, 1964/5, hlm 44–56.

Moquette, J.P., "De Grafteen van Soeltan Munsor Sjah van Malaka, 1458–1477", dalam *TBG*, No 59, 1919/1921, hlm 601–606. Rencana yang serupa berjudul "The Grave-stone of Sultan Mansur Shah of Malacca, 1458–1477 AD" dalam *JMBRAS*, No 85, 1922, hlm 139–145.

Moy, Timothy J., "The *'Sejarah Melayu' Traditions of Power and Political Structures: An Assessment of Relevent Sections of the 'Tuhfat al-Nafis'*", dalam *JMBRAS*, Vol 48, Pt 2, 1975, hlm 64–78.

Muhammad bin Annas, *Geographical Notes to the 'Tuhfat al-Nafis', or, A Malay History of Riau and Johor*, B.A. (Hons), University of Malaya, 1958.

Muhammad Nor Long, "Hikayat Raja-raja Pasai dan Sejarah Melayu, Satu Perbandingan bentuk Persejarahan", dalam *Journal of the Historical Society*, University of Malaya, Vol 7, 1968/9, hlm 58/64.

Muhammad Rahmat, "Latar Belakang Sejarah Adat dan Undang-undang Melaka", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 5, 1961, hlm 551–557.

Muhammad Shaid bin Muhammad Taufek, *Agama Islam dan Kepercayaan di Negeri Melaka: Jabatan Ugama, Organisasi dan Fungsi-fungsinya*, Tesis M.A., Universiti Malaya, 1969/70.

———, *Sejarah Kebudayaan Melaka Mengikut* 'Sejarah Melayu', (kertas kerja), Seminar Sejarah Melaka, 1976.

Muhammad Yusoff Hashim, *Masyarakat Melaka 1400–1511 dengan Tumpuan Khas kepada Masyarakat Asing*, (kertas kerja), Kongres Sejarah Malaysia, Bangi, Selangor, 1978.

———, "Islam dalam Sejarah Perundangan Kerajaan Melaka", dalam *Monograf Islam di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, 1979, hlm 2–21.

———, "Perdagangan dan Perkapalan Melayu: Rujukan Khusus kepada Bentuk Perdagangan dan Perkapalan di Abad 15/16", dalam *Kapal dan Harta Karam*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1985, hlm 1–26.

———, *Persejarahan Melayu Nusantara*, Penerbitan Teks Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1988.

Muhammad Yazid Md. Zin., "Kenapa Hikayat Hang Tuah Bukan Satu Penulisan Sejarah", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 14, 1970, hlm 410–417.

Muhd. Yusof Ibrahim, *Some Observations on Social Clausses during the Malacca Sultanate, 1400–1511*, (kertas kerja), Workshop on Malay Sultanate and Malay Culture, Kuala Lumpur, 1977.

Murizah Jamaluddin, *Persamaan dan Perbezaan Antara Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu*, B.A. (Hons), Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976.

Muray, W., "Historic Malacca", dalam *Straits Chinese Magazine*, Vol 6, 1902, hlm 98–100.

Navarette, "The Empire of China", dalam *A Collection of Voyages and Travels*, 6 Jilid, London, 1745.

Nor Azizah bt Abdul Hamid, *Perbandingan Watak Hang Tuah dalam Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah*, B.A. (Hons), Universiti Malaya, 1962.

Newbold, T.J., "Code of Malacca", dalam bukunya, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, Jilid Kedua, London, 1839, hlm 231–313.

Norris, Harry H., "The Ancient History of Singapore and Malacca", dalam *Straits Chinese Annual, 1909*, hlm 38–44.

Nurul Huda @ Ariffin bin Muda, *Sejarah Kebudayaan di Melaka*, B.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973.

Overbeck, Hans., "Malay Manuscript", dalam *JMBRAS*, Vol 4, No 2, 1926, hlm 233–260.

Pao, Tsen-peng, *On the Ships of Cheng Ho*, (Proceedings); 2nd. Biennial Conference of the International Association of Historians of Asia, Taipei, 1962, hlm 409–428.

Parnickel, B.B., *An Attempt of Interpretation of the Main Characters of the Malay* 'Hikayat Hang Tuah', Oriental Literature Publishing House, Moscow, 1960.

———, "Hikayat Hang Tuah Versi Johor", dalam *Narody Azii i Afrika*, No 1, 1962, hlm 147–155.

———, "An Epic Hero and An 'Epic Traitor' in the Hikayat Hang Tuah", dalam *BKI*, Vol 132, 1967, hlm 403–417.

Pitado, Manuel J., *The Voice of the Ruins ...*, Penerbit Thong Yuen Chan, Malacca, 1970.

———, *Survival Through Human Values of Religion – Culture – Language*, Malacca, 1974.

———, "Some Portuguese Historical Sources on Malacca History", dalam *Heritage*, No 3, 1978, hlm 20–62.

Purcell, Victor, "Chinese Settlement in Malacca", dalam *JMBRAS*, Vol 20, Pt 1, 1947, hlm 115–125.

Rabeendran, R., "Ethno-racial Marginality in West Malaysia: The Case of the Peranakan Hindu Melaka or Malaccan Chitty Community", dalam *BKI*, Vol 133, 1977, hlm 438–458.

———, "The Maritime Code of the Malays", dalam *JSBRAS*, No 3, 1879, hlm 62–84; No 4, 1879, hlm 1–20.

Rafiah bte Zakaria, *Perbandingan, "Sejarah Melayu" dengan "Hikayat Raja-raja Pasai"*, B.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975.

Reid, Anthony and Castles, Lance (eds), "Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia", Monograf *MBRAS*, No 6, 1975.

Resende, P. Bretto de., "Bretto de Resende's Account of Malacca, by W. George Maxwell", dalam *JMBRAS*, No 60, 1911, hlm 1–24.

Rockhill, W.W., "*Notes on the Relations and Trade of China with the Eastern Archipelago and the Coasts of the Indian Ocean during the fourteenth Century*", dalam *Toung Pao*, Vol 14, 1913, hlm 473–6; Vol 15, 1914, hlm 419–447; Vol 16, 1915, hlm 61–159, 324–329, 604–626.

Rohaty bt. Mohd Majzub, "Nilai Sejarah Melayu sebagai Sebuah Karya Sejarah", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 13, 1969, hlm 302–307.

Roolvink, R., "Five Line Songs in the 'Sejarah Melayu'", dalam *BKI*, Vol 122, 1906, hlm 455–457.

_____, "Variant Versions of the Malay Annals", dalam *BKI*, Vol 123, 1967, hlm 309.

_____, "Sejarah Melayu: Masalah-masalah Versi-versi yang Berlainan", dalam *Monograf Sejarah*, No 1, 1984/5, Persatuan Sejarah Universiti Malaya, 1986, hlm 1–12.

_____, "Answer to Pasar", dalam *JMBRAS*, Vol 38, Pt 2, 1965, hlm 129–139.

Rose Arny's, "Historical and non-historical Elements in the 'Sejarah Melayu'", dalam *Diskusi*, Jilid 2, No 10/11, 1977, hlm 16–18.

Ryan, N.J., *Malaya Through Four Centuries: An Anthology 1500–1900*, Oxford University Press, 1959.

_____, *The Making of Modern Malaysia: A History From Earliest Times to 1966*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1968.

Sa de Menezes, Francisco de, *The Conquest of Malacca*, Edgar C. Knowlton, (Terjemahan), Universiti of Malaya Press, 1970.

Sandhu, Kernial S., "Chinese Colonization of Malacca: A Study in Population Change, 1500 to 1957 AD", dalam *Journal of Tropical Geography*, Vol 15, 1951, hlm 1–26.

Scott, Ross, Marcus, *A Short History of Malacca*, Chopmen, Singapore, 1971.

Shaw, William, and Mohd Kassim Ali, "The Malacca Coinage" dalam *Malaysia in History*, Vol 13, No 2, 1970, hlm 15–19.

_____, *Malacca Coins*, Kuala Lumpur, 1970.

Shellabear, W.G., *Sejarah Melayu*, American Mission, Singapura, (edisi kedua), 1903.

Sheppard, Mubin, "Malacca in the Time of Cheng Ho", dalam *Malaysia in History*, Vol 4, No 1, 1958, hlm 18–19.

_____, *The Adventures of Hang Tuah*, Malayan Heritage Series 4, Singapore, 1959.

_____, "Hang Tuah: A Bibliographical Summary", dalam *Malaysia in History*, Vol 8, No 2, 1964, hlm 19–25.

_____, *Tun Perak: Malacca's Great Bendahara*, Longmans, 1969.

Simkin, C.G.F., *The Traditional Trade of Asia*, Oxford, London, 1968.

Silva Rego, Antonio da, "Portuguese Archives and the History of South-east Asia", dalam Tregonning, Kennedy G., (ed), *Malaysian Historical Sources*, University of Singapore, 1962.

Situmorang, T.A., dan Teeuw, (eds), *Sedjarah Melayu Menurut Terbitan Abdullah*, Jakarta, 1952.

Skeat, Walter, W., *Malay Magic: Being An Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*, Macmillan, London, 1900.

Staley, M.E., "Mount Ophir Legends", dalam *JSBRAS*, No 62, 1912, hlm 24–25.

Stone, Horace, *From Malacca to Malaysia, 1400–1965*, Harrap, London, 1966.

Sweeney, Amin, "The Connection between the 'Hikayat Raja-raja Pasai' and the Sejarah Melayu", dalam *JMBRAS*, Vol 40, Pt 2, 1967, hlm 94–105.

Tamelhoa, T., *Hikayat Hang Tuah: Ringkasan dan Kajian*, Dewan Tun Sri Lanang, Singapura, 1968.

Tan, Chee Beng, "Baba Chinese, Non-Baba Chinese and Malays: A Note on Ethnic Interaction in Malacca", dalam *Southeast Asian Journal of Social Science*, Vol 7, 1979, hlm 20–29.

Tan, Jee Ngoh, "Straits Born in the 15th Century", dalam *Jurnal Sejarah Melaka*, No 1, 1976, hlm 39–41.

Tan, Joo Lan, "And So Malacca, at the Height of Its Glory, Fell to the Frankish Fleet", dalam *Straits Times Annual*, 1976, hlm 10–17.

Teeuw, Andries, "Hang Tuah en Hang Djebat: Nationalisme, Ideologie en Literatuurbeschouwing", dalam *Forum der Letteren*, 1961, hlm 37–48.

————, "Tentang Penghargaan dan Pentafsiran Hikayat Hang Tuah", dalam *Dewan Bahasa*, Vol 8, 1964, hlm 339–354.

————, "Hikayat Raja-raja Pasai and Sejarah Melayu", dalam Bastin, J. and Roolvink R., (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Clarendon Press, Oxford, 1964, hlm 22–234.

Teixera, Manuel, *The Influence of the Portuguese on the Malay Language*, 1960.

————, *The Portuguese Mission in Malacca and Singapore, 1511–1553*, Vol 1–2 on Malacca, Lisbon, 1961–63.

"The Maritime Code, and Sir S. Raffles", dalam *JSBRAS*, No 3, 1879, hlm 143–44.

Thomas, Luis, F.F.R., *Malacca: The Town and the Society during the First Century of Portuguese Rule*, (kertas kerja) 8th. Conference, International Association of Historians of Asia, Kuala Lumpur, 1980.

Thomas, John, *The Straits of Malacca, Indo-China and China*, London, 1875.

Tibbetts, G.R., "The Malay Peninsula as Known to the Arab Geographers", dalam *Journal of Tropical Geography*, Vol 9, 1956, hlm 21–60.

Velentijn, Francois, "Valentyn's Description of Malacca", (disumbang oleh) Hervey, D.F.A., dalam *JSBRAS*, No 13, 1884, hlm 49–74. Disambung kemudian, "Valentyn's Account of Malacca", dalam *JSBRAS*, No 15, 1885, hlm 119–138; No 16, 1885, hlm 289–301; No 22, 1890, hlm 225–246.

————, "*Description of Malakka and Our Establishment There*", dalam *JIA*, Vol 4, 1850, hlm 696–703.

Verhoeven, F.R.J., "Ayer Leleh, the Transient River that may have saved Malacca from Siamese Conquest", dalam *Malaysia in History*, Vol 10, No 2, 1967, hlm 3–12.

Wake, Christopher, H., "Malacca's Early Kings and the Reception of Islam", dalam *JSEAH*, Vol 5, No 2, 1964, hlm 104–128.

————, "Melaka in the Fifteenth Century: Malay Historical Traditions and the Politics of Islamization", dalam Sandhu K.S., and Wheatley, Paul. (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital c. 1400–1980*, Oxford University Press, 1983, hlm 128–161.

Walter de Gray Birch, (Anotasi, Terjemahan dan Pengenalan), *Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque, Second Viceroy of India*, 4 Volumes, Hakluyt Society Works, No 53, 55, 62, 69, London, 1875–1884.

Wang Gungwu, "The Opening of Relations Between China and Malacca 1403–1405", dalam Wang Gungwu, *Community and Nation, Essays in Southeast Asia and the Chinese, Asian Studies Association of Australia*, Heinemann Educational Books (Asia), Ltd., Australia, 1981, hlm 81–96.

————, "The First Three Rulers of Malacca", *Ibid.*, hlm 97–107.

————, "Early Ming Relations with Southeast Asia – A Background Essay", dalam John K. Fairbank, (ed), *The Chinese World Order*, Cambridge, Mass., 1968, hlm 34–62.

————, "China and Southeast Asia, 1402–1434", dalam Tarling N., and Chen J., (eds), *Social History of China and Southeast Asia*, Cambridge University Press, 1971.

————, "Malacca in 1403", dalam *Malaysia in History*, Vol 7. No 2, 1962, hlm 1–5.
Wheatley, Paul., *The Golden Khersonese*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1961.
————, *Impressions of the Malay Peninsular in Ancient Times*, Eastern University Press, Singapore, 1964.
————, "A City that was Made For Merchandise: the Geography of fifteenth Century Malacca", dalam *Bulletin of the Institute of Southeast Asia*, Nanyang University, Vol 1, 1959, hlm 1–8.
————, "Desultory Remarks on the Ancient History of the Malay Peninsula", dalam Bastin, John and Roolvink, R, (eds) *Malayan and Indonesian Studies*, Oxford, 1964, hlm 33–75.
————, "A Curious Feature on Early Maps of Malaya", dalam *Imago Mundi*, Vol 11, 1954, hlm 67–72.
Wilkinson, Richard J, *Papers on Malay Subjects*, (selected and introduced) by Burns, P.L, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.
————, *A History of the Peninsular Malays*, Singapore, 1923.
————, "The Malacca Sultanate", dalam *JSBRAS*, No 61, 1912, hlm 67–71. Juga rencana yang sama dalam *JMBRAS*, Vol 13, Pt 2, 1935, hlm 22–67.
————, "The Sri Lanang Pedigree", dalam *JMBRAS*, Vol 11, Pt 2, 1933, hlm 148–150.
————, "The Capture of Malacca, AD 1511", dalam *JMBRAS*, No 61, 1912, hlm 71–76.
————, "The Fall of Malacca", dalam *JMBRAS*, Vol 13, Pt 2, 1935, hlm 68–69.
Willets, William, The Maritime Adventures and Grand Eunuch Ho", dalam *JSEAH*, Vol 5, No 2, 1964, hlm 25–42.
Winstedt, Richard, O., "The Advent of Muhammadanism in the Malay Peninsula and Archipelago", dalam *JSBRAS*, No 77, 1917, hlm 171–175.
————, "The Tomb of Mansor Shah, Sultan of Malacca 1459–1475", dalam *JSBRAS*, No 78, 1918, hlm 47–48.
————, "The Geneology of Malacca's Kings from A Copy of Bustanus-Salatin", dalam *JSBRAS*, No 81, 1920, hlm 39–47.
————, "The Early History of Singapore, Johor and Malacca: An Outline of A Paper, by G.P. Rouffaer", dalam *JSBRAS*, No 86, 1922, hlm 257–260.
————, "The Bendaharas and Temenggongs", dalam *JMBRAS*, Vol 10, Pt 1, 1932, hlm 55–66.
————, "A History of Malaya", *JMBRAS*, Singapore, 1935.
————, "The Malay Annals or Sejarah Melayu: The Earliest Recension from MS No 18 of the Raffles Collection in the Library of the Royal Asiatic Society, London", dalam *MBRAS*, No 16, Pt 3, 1938, hlm 1–226.
————, "Valentijn's Copy of the Sejarah Melayu", dalam *JMBRAS*, No 18 Pt 2, 1940, hlm 151.
————, "Old Malay Legal Digests and Malay Customary Law", dalam *JRAS*, 1945, hlm 17–29.
————, "The Date of the Malacca Legal Codes", dalam *JRAS*, 1953, hlm 31–33.
————, "The Malay Founder of Medieval Malacca", dalam *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, University of London, Vol 12, No 3 dan 4, hlm 726–729.
————, *A History of Classical Malay Literature*, (edisi baru), Oxford University Press, 1969.
————, "Hikayat Hang Tuah", dalam *JSBRAS*, No 83, 1921, hlm 110–122.
————, "Some Malay Mystics, Heretical and Orthodox", dalam *JMBRAS*, Vol 1, No 2, 1923, hlm 312–318.
————, "Alexander the Great and the Mount Meru and Chula Legends", dalam *JMBRAS*, Vol 18, No 2, 1941, hlm 234–237.
————, "Malay History from Chinese Sources", dalam *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, University of London, Vol 13, No 1, 1948, hlm 182–183.

————, "Malay Caronicles from Sumatra and Malaya", dalam Hall, D.G.E. (ed), *Historians of South East Asia*, Oxford University Press, London, 1962, hlm 24–28.

Winstedt, Richard, O, and Josselin de Jong, P.E. de, "The Maritime Laws of Malacca", dalam *JMBRAS*, Vol 29, Pt 3, 1956, hlm. 22–59.

Wolters, O.W., *Early Indonesian Commerce: A Study of the Origins of Srivijaya*, Ithaca, New York, 1967.

————, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Ithaca, New York and London, 1970.

————, "Studying Srivijaya", dalam *JMBRAS*, Vol 52, Pt 2, 1979, hlm 1–32.

Wong, Choon San, "The Chinese Kapitan of Malacca", dalam A *Galley of Chinese Kapitans*, Dewan Bahasa dan Kebudayaan Singapura, 1963, hlm 1–8.

Wong, H.C., "Historical Geography of Malacca", dalam *Raffles College University Magezine*, Vol 4, No 8, 1933, hlm 14–22.

Woodcock, George, "Malacca, the Key to the East", dalam *History Today*, Vol 15, 1965, hlm 221–231.

Yahaya Abu Bakar, *Kemasukan Islam ke Melaka dan Penyebarannya*, (kertas kerja), Seminar Sejarah Melaka, 1976.

————, *Islam di Melaka*, B.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, 1978.

Zainal Abidin Abdul Wahid, "Sejarah Melayu", dalam *Asian Study*, Vol 4, 1960, hlm 445–451.

————, *The Political Characteristics of the Malacca Sultanate*, (kertas kerja), 2nd. Workshop on Malay Sultanates and Malay Culture, Ujung Pandang, Indonesia, 1978.

————, "Glimpses of the Malaccan Empire, I–II", dalam *Glimpses of Malaysian History*, Kuala Lumpur, 1971.

————, "Power and Authority in the Melaka Sultanate: The Traditional View", dalam Sandhu, K.S. and Wheatley. P., (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital c. 1400–1980*, Oxford University Press, 1983, hlm 101–113.

Zainal Abidin Ahmad, "The Grave-stone of Sultan Mansur Shah of Malacca", dalam *JSBRAS*, No 86, 192, hlm 386–388.

Bibliografi Khas

Bastin, John, and Roolvink, R., (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Clarendon Press, Oxford, 1964.

Bastin, John, and Winks, Robin W., (eds), *Malaysia: Selected Historical Readings*, Oxford University Press, 1966.

Bland, Robert N., *Historical Tombstones of Malacca*, E. Stock, London, 1905.

Bottoms, John C., "Some Malay Historical Sources: A Bibliographical Note", dalam Soedjatmoko, et. al., (eds), *An Introduction to Indonesian Historiography*, Cornell University Press, Ithaca, 1965, hlm 156–193.

Howard, Joseph H., *Malay Manuscripts: A Bibliographical Guide*, University of Malaya Library, Kuala Lumpur, 1966.

Ismail Hussein, *Bibliografi Sastera Melayu Tradisi*, Kertas Data No 18, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1978.

Jynboll, H.H., *Catalogus van de Maleische en Sundaneesche Handschriften der Leidsche Universiteits* – Bibliotheek, J. Brill, Leiden, 1899.

Katalogus, Koleksi Naskhah Melayu Museum Pusat, Department Pendidikan dan Kebudayaan, Direktorat Jendral Kebudayaan, Jakarta, 1972.

Linehan, W., "Source of the Malacca, Johor and Pahang Geneologies in the Bustan al-Salatin", dalam *JMBRAS*, Vol II, Pt 2, 1933, hlm 144.

Naskhah *Hikayat Siak* atau *Hikayat Raja Akil* atau *Sejarah Raja-raja Melayu, KBG 191W* (Museum Pusat, Jakarta), dan *Cod. Or. 6342* dan *Cod. Or. 7304* (Perpustakaan University Leiden).

Naskhah *Silsilah Raja-raja Melaka dan Johor-Riau*, kepunyaan Tengku Ahmad Rafai bin Tengku Abdul Hamid, Kampung Bacang, Melaka.

Ricklefs, M.C., and Voorhoeve, P., *Indonesian Manuscripts in Great Britain: A Catalogue of Manuscripts in Indonesian Languages in British Public Collections*, Oxford University Press, London, 1971.

Ronkel, Ph. S. van, "Catalogus der Maleische Handschriften van Net Koninklijk Instituut voor de Taal-, Land-en Volkenkunde van Nederlandsch-Indie", dalam *BKI*, Vol 60, 1908, hlm 181–248.

————, "Catalogus der Maleische Handschriften in het Bataviaasch Ganootschap van Kunsten en Wettenschappen", dalam *VBG*, 57, Batavia, 1909.

————, *Supplement-catalogus der Maleische en Minangkabausche Handschriften in de Leidsche Universiteit-Bibliotheek*, J. Brill, Leiden, 1921.

Tregonning, Kennedy G., (ed), *Malaysian Historical Sources*, Department of History, University of Singapore, 1965.

Zakiah Hanum, *Portuguese Records Relating to Malaysia*, dalam Southeast Asia Miscrofilms Newsletter, No 3, 1973, hlm 7–8.

Indeks

A New Account of the East Indies, 70, 77
A Portuguese Account of Johor, 77
A. Samad Ahmad, 23, 30, 33, 114
Abasiyyah, khalifah, 345
Absinia, pedagang, 246, 254
Abu Bakar, 307
Abu Sujak, 231
Acheh, 33, 97, 241
Adam, Nabi, 355
Adat Pelayaran Melaka, 201
lihat juga Undang-Undang Laut Melaka
Adat Temenggung, 281
Aden, 247
Adipati, 289
Adityawarman, 346
Airlangga, 340
Air Leleh, 271, 278
Akhtiar Muluk, 185, 301
lihat juga Khawaja Baba
Alexander Hamilton, 69, 77
Alfonso de Albuquerque, 10, 13, 16, 17, 53, 98, 240, 272, 328
Ali Manu Nayan, 315, 319, 326
Amsterdam, 22
Andalas, 79
Andaya, L.Y., 71, 78, 145
Arab, pedagang, 246, 296
Arkat, 244
Aru, 43, 60, 113, 190, 193, 237, 315
Aristide Mare, 23,
Asahan, 9
Asia Barat, 250
Asia Tenggara, 335, 338, 342
Awi Dicu, 169
Ayuthia, 188, 190, 348

Bahasa Melayu, 275
Banda, 250
Bandar Hilir, 2, 310
lihat juga Iler
Barat, 4, 14
Bangsawan Melaka, 10
Barbosa, Duarte, 241, 251, 265
Batang Hari, 73, 141, 345, 364
Batavia, 20
Batu Bahara, 358
Batu Bersurat Terengganu, 219
Batu Pahat, 169, 293
Belanda, 19
Bendahara, 4, 39, 125, 129, 142, 146, 167, 253, 280, 284
Bendahara Lubuk Batu, 51, 289
Bendahara Paduka Raja, 121, 126
Bendahara Seri Maharaja, 41, 46, 54, 281, 294, 319
lihat juga Tun Mutahir
Bendahara Tepok, 168
Benggala, 246, 250
Benggali, 315
'Benggali Putih', 16
Bengkalis, 245
Bentan, Pulau, 56, 131, 190, 195, 286
Bentara, 143, 285, 290
Bentayan, 103,
Berg, C.C., 335
Bernam, 190, 193, 244
Bertam, 143, 283, 329
Beruas, 50, 190, 192, 193, 244, 293, 359
Besut, 341, 359
Betawi, 91
lihat juga Jakarta
Biduanda Kecil, 144
Bima, 250
Blagden, C.O., 28
Borneo, 59, 80, 261
Borneo Selatan, 80, 340
Bottoms, J.C., 66
Boxer, 246
Braz de Albuquerque, 14, 241
Brown, C.C., 22
Brunei, 10, 43, 60, 192, 241, 340
Buddha Padmapani, 355
Bugis, 5, 367
Bukit Batu, 52

Bukit Cina, 316
lihat juga Kampung Cina
Bukit Melaka, 167
Bukit Siguntang Mahamiru, 29, 57, 59, 79, 284, 358
Burma, 248, 342
Buru, 60, 288
Bustan' us-Salatin, 27, 30, 111
Buyong Adil, Haji, 78

Cambay, pelabuhan, 247, 255
Campa, 317
Cau Seri Bangsa, 51
Ceribon, 249
Ceritera Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan, 37, 99, 103, 314
Ceteria, 143, 285, 290
Ceylon, 247, 254
Chaquem Darxa, 110
lihat juga Parameswara
Che-li-fo-che, 345
lihat juga Sriwijaya
Cheng Ho, 11, 12
Ch'ih-t'u (Tanah Merah), 341, 359,
China, 11, 242, 248, 333
Chola, 346, 361
Cik Pong, 65, 68, 87
Citaram Syah, 36
Clains, 195
Coedes, G., 334, 335, 341, 344
Collectania Malaica Vocabularia of Maleische Woordboeksameling, 20, 99
Collection Des Principales Chroniques Malayes, 22
lihat juga Sejarah Melayu
Collingwood, R.G., 78
Commenda, 262, 264
Cruzados, 245, 246
Custom and Law, 253

Daeng Mempawah, 30, 35
lihat juga Hang Tuah
Daeng Parani, 72, 73, 88
Dagh Register Belanda, 135
Daman, pelabuhan, 247
Dang Bunga, 294
Dang Dibah, 294
Datuk Bongkok, 133, 286, 324
lihat juga Tun Hamzah
Datuk Seri Bija Wangsa, 87
Daulat, 278–280

de Araujo, Ruy, 245, 251
de Asia, 13, 16, 265
de Barros, Joao, 10, 13, 16
de Brito, R., 246, 248, 251
de Casparis, J.G., 335
de Eredia, Manuel Godinho, 10, 14, 17, 121, 241, 272
de Graff, H.J., 334
de Jong, Josselin, 119
de Menesses, Francisco de Sa, 16,
de Raja, Regimo, 331
Decada, 14, 17
Declaracam de Malacca, 241
Deli, 358
Demak, 249, 340
Demang Lebar Daun, 42, 54, 79, 159, 276
Description of Malacca, Meridional India and Cathay, 14, 241
lihat juga Declaracam de Malacca
Dewa Mahalakshmi, 291
Dianne Lewis, 70, 73, 77
Dinasti Ayuthia, 347
Dinasti Han, 335, 342
Dinasti Liang, 343
Dinasti Ming, 11, 312, 341
Dinasti Palembang, 361
Dinasti Sui, 341
Dinasti Sung, 341, 343, 346, 360
Dinasti Tang, 335, 341, 344, 345
Dinasti Yuen, 347
Dinding, 190
Dipati Batu Kucing, 88
Diu, pelabuhan, 247
do Couto, Diogo, 14, 17
Drewes, G.W.J., 220
Dulaurier, Edouard, 22, 26
Duyung, 5, 10

Ekspedisi *Pa-Malayu*, 347
Empat Lipatan Pembesar, 129, 131
Empayar Johor-Riau, 353
Empayar Melaka, 84, 276
'Emporium Melayu', 237
Encik Apong, 59
lihat juga Cik Pong
Encik Yahaya, 90
Entrepot, perdagangan, 252–254
Eropah, 247, 339

Fansur, 363
Fei Hsin, 11, 242, 243
Filipina, 254

Flores, 250
Francois Valentyn, 20, 272
Funan, 342, 349

Gajah I Kepayang, 44
Gangga Negara, 359
Ganggayu, 359
Gerahi, 344
Gibson-Hill, C.A., 28, 242
Giri, 340
Gluckman, Mac, 198
Go-Oc-Eo, 342
Goa, 28, 30
Golongan pedagang dan pengusaha, 299–300
Gores, 246
Grisek, 249, 250, 340
Groeneveldt, W.P., 12, 295
Gugusan Kepulauan Melayu, 14, 189, 254, 255, 266, 335, 338
Gujerat, 245
Gunung Ledang, 44

Hai Yu, 311
Hall, D.G.E., 335
Hamba, 277, 296-298
Hang Berkat, 48
Hang Husin Jong, 47
Hang Isa Pantas, 47
Hang Isap, 47, 113
Hang Jebat, 37, 154, 353
Hang Kasturi, 36, 54, 280, 353
Hang Li Po, 120, 188, 312
Hang Nadim, 41, 48, 52, 287, 301
Hang siak, 113
Hang Tuah, 5, 148, 280, 287, 301
Hikayat Acheh, 19, 355
Hikayat Hang Tuah, 8, 9, 10, 37, 64, 249, 280
Hikayat Johor, 31, 32, 64
Hikayat Malim Dagang, 279
Hikayat Patani, 19, 64
Hikayat Raja Akil, 23, 32, 58
lihat juga Hikayat Siak
Hikayat Raja-Raja Pasai, 19, 305, 355
Hikayat Riau, 80
Hikayat Seri Rama, 355
Hikayat Siak, 23, 58, 59, 352, 355
Hindu, 283
Hindu-Buddha, 155, 335, 355
History of Sumatera, 21
Hormuz, 255
Hsing-cha Sheng-lan, 11
Hughes, T.D., 76
Hukum Kanun Melaka, 5, 101, 163, 166, 174, 183, 201, 204, 223, 233–235, 294
Hukum Undang-Undang Laut, 201
lihat juga Undang-Undang Laut Melaka
Hulu Melaka, 46
Hulu Muar, 103
Hulubalang, 143, 285, 290
Hulubalang Besar, 129, 130, 143, 178, 285
lihat juga Seri Bija Diraja

Iler, 265, 310
Ilmu astrologi Hindu Sanskerta, 291
Inderagiri, 60, 190, 244, 288, 358
India, 28, 247, 249, 254, 333, 339, 343
India Selatan, 303, 342
India Utara, 315
Indonesia, 3, 79, 334
Inilah Cetera Raja Iskandar Dzulkarnain, 282, 355
Iskandar Muda Mahkota Alam Syah, 33
Iskandar Syah, 16, 106, 274
lihat juga Parameswara
Iskandariah, pelabuhan, 247
Islam, kesan terhadap masyarakat Melaka, 303–309
Itali, 339

Jakarta, 22
Jalaluddin, Maulana, 315
Jambi, 9, 29, 73, 107, 237, 238
Japara, 249
Jawa, 18, 249, 333, 345
Jawa Barat, 265
Jawa Majapahit, 348
Jawa Tengah, 345
Jawa Timur, 340, 345
Jayanasa, 344
Jeddah, 247
Jepun, 246, 254
Jeram, 120
Johor, 10, 23, 29, 341, 359, 370
Johor Lama, 104, 105, 349, 352, 358
Johor-Riau, 60, 84, 349, 358
Jugera, 193
Jurubatu, 267
Jurumudi, 299

Kadi Menawar, 182, 307
Kadi Yusoff, 182

Kalingga, 245
Kampar, 39, 56, 60, 105, 190, 285, 293
Kampuchea, 342
Kampung Cina, 316
Kampung Jawa, 316
Kampung Keling, 120, 271, 316
Kan Da-li, 107
lihat juga Sriwijaya
Kan-t' o-li, 342, 343, 349, 352
Kapitan China, 312
Karim al-Makhdum, 307
Kartanagara, 346
Kataha, 342
Katuha, 155
Kedah, 3, 90, 190, 244, 261, 342
Kediri, 340, 345, 349
Kedukan Bukit, 344
Kegiatan perdagangan, 236–237
eksport lada ke Minangkabau, 244
hamba dari Palembang, 245
hubungan perdagangan pada abad ke-15 dan ke-16, 245
kain belacu dari Gujerat dan Kalingga, 245
perdagangan abad ke-15, 242–244
Kelang, 193, 195, 244, 358
Kelantan, 50, 190, 341, 342, 359
Kementerian Pendidikan Malaysia, 95
Pusat Perkembangan Kurikulum dan Biro Buku Teks, 100
Kepulauan Liu Kiu, 246
Kepulauan Maluku, 250, 266
Kepulauan Rempah, 249, 250
Kepulauan Riau-Lingga, 367
Keringkasan Sejarah Melayu: Jadual dan Salasilah, 354
Kesultanan Johor-Riau, 31, 334
Kesultanan Melayu Johor, 217
Kesultanan Melayu Melaka, 9, 13, 17, 23, 39, 55, 79, 128, 316, 367
Ketua Keamanan Negeri, 286
Khawaja Baba, Laksamana, 185, 293, 301
Khawaja Hassan, Laksamana, 41, 44, 287, 315, 323
Khidir, Nabi, 355
Kini Mertam, 317
Kitab Peraturan Pelayaran, 201
lihat juga Undang-Undang Laut Melaka
Kitab Undang-Undang, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Kitul, 45, 46, 314, 320
Kiwi, 258-259, 264, 299
Klang Kio, 359
Klinkert, H.C., 22
Ko-lo, 342
Konsep tiga bidadari, 291
Kopak, 56
Koromandel, 246, 250
Kota Mahligai, 51
Kraeng Semarluki, 293
Krishna Pendeta, 79
Krom, J.J., 335
Kuala Kesang, 189
Kuala Linggi, 189, 193, 296
Kuala Lumpur, 23
Kuala Penajuh, 271
Kuala Sayung, 79
Kuasa pesisir, 3
Kublai Khan, 347
Kundur, 60, 195
Kyai Terambulum, 316

Laksamana, 4, 5, 40, 44, 128, 131, 271
Langat, 120
Langkasuka, 236, 237, 341, 342, 259
Laut China Selatan, 342, 344, 345, 346, 357, 359
Laut Jawa, 361
Laut Singapura, 145
Legur, 51
Leiden, 36
Leyden, John, 22, 25
Ligor, 342
Linehan, W., 28
Lingga, 10, 146, 195
Lisbon, 14, 17
Lo-Yuen, 341, 359
Lucoa (Luzon), 331

Ma Huan, 11, 12, 239, 242, 273
Macedonia, 282
MacGregor, I.A., 14
Madjoindo, Datuk, 22
Maharaja Dewa Sura, 51,
Maharaja Permaisura, 193
Maharaja Yung-lo, 12, 188
Majapahit, 53, 108, 138, 196, 279, 345
Makassar, 30
Malai, 195
Malakat, 12, 273
lihat juga Melaka

Malaysia, 79, 334, 338, 367
Manchester, 36
Mani Purindan, 34, 314, 320, 321
Manjong, 50, 244
Manuel de Faria Y. Souza, 362
Marco Polo, 338, 363
Masyarakat Melaka, 272–276, 292
Maula Kiwi, 258–259, 264, 299
Mazhab Syafie, 8
Megat Iskandar Syah, 12, 96, 98, 110, 138, 148, 189, 364
lihat juga Raja Besar Muda
Megat Kudu, 60, 193
lihat juga Sultan Ibrahim,
Megat Seri Rama, Laksamana, 65, 155, 353
Meilink-Roelofsz, 179, 251, 271
Mekah, 247, 267
Melaka, 3, 10, 13, 60, 237
Melayu-Minangkabau, 79
Mendelika, 289
Mengkasar, 294
Menteri, 277, 285
Menteri Empat, 149
Merba, 43, 195
Mia Ruzul, 314
Miasam, 315
Minangkabau, 346
Ming Shih, 11
Ming Shih-lu, 11, 98
Misa Melayu, 64
Meons, J.L., 334
Mohd Dahlan Mansoer, 105, 107, 137
Mohd. Taib Osman, 106, 204
Monggol, 346
Muar, 147, 271, 274, 278
Muara Batang Hari, 79, 345
lihat juga Batang Hari
Muara *Sabak*, 345
Muara Sebak, 345
lihat juga Muara *Sabak*
Muhammad Kabungsuan, 307, 308
Muhammad Yamin, 334
Mulaqah, 12, 273
lihat juga Melaka
Munsyi Abdullah, 22, 25
Muzium Pusat Jakarta, 32

Naina Chatu, 314, 326
Naina Isahak, 185, 293, 314
Naina Sura Dewana, 45, 314, 315
Nakhoda, 253, 259, 299
Nakhoda Pekok, 88
Nakhon si-Tammarat, 342
lihat juga Ligor
Nan Yang, 189
Netscher, E., 37
Ng Poerbatjaraka, R.M., 335
Nuruddin ar-Raniri, Syeikh, 27, 97, 111, 118
Nusantara, 3, 4, 14, 17, 79, 246, 248, 275, 332
Nusyruan Adil, 282

Okya Tejo, 169
lihat juga Awi Dicu
Orang Asing, 310–319
Orang Kaya, 69, 143, 277, 285
Orang Laut, 71, 131, 140, 176, 237, 244, 274, 292, 342, 345, 352
Ormuz, 247
Oud en New Oast-Indien, 20

P'an P'an, 342
Paduka Ahmad, 312
Paduka Isap, 312
Paduka Mimat, 281, 300, 312
Paduka Seri China, 120, 300, 312
Paduka Tuan, 50, 288
Pagar Ruyung, 73, 85, 346
Pagoh, 103
Pahang, 10, 28, 51, 190, 192, 359, 370
Palembang, 9, 23, 39, 73, 137, 186, 237, 238, 242, 274
Pancor, 195
Parameswara, 39, 98, 109, 110, 137, 142, 145, 242, 361
Parameswara Dewa Syah, 100, 104, 321
lihat juga Raja Ibrahim
Pararaton, 66
Parsi, pedagang, 246
Pasai, 107, 190, 194, 237, 245, 248
Pasir Raja, 31, 58
Patani, 50, 51, 190, 245, 342
Patih Acoo, 316
Patih Adam, 249, 302, 315
Patih Gajah Mada, 108
Patih Kadir, 249, 320
Patih Quidir, 331, 363
lihat juga Patih Kadir
Patih Unus, 363
lihat juga Patih Yunus
Patih Yunus, 249, 320
Patih Yusoff, 249

Pedir, 245, 248
Pegu, 248, 329
Pekan Baru, 10
Pelabuhan Jawa Utara, 3, 241, 261
Pelabuhan Sunda, 261
Pembesar Empat, 130, 148, 167, 172
Penambahan Sikudana, 59
Penarikan, 56
Penghulu Bendahari, 4, 129, 146, 150, 172, 237, 279, 284
Penurunan Segala Raja-Raja, 20, 99
Perak, 190, 359
Perancis, 19
Perdana Menteri, 143, 146
Perjanjian Inggeris-Belanda 1824, 359
Perlak, 107, 237, 363
Perpustakaan Koninklijk Instituut Leiden, 36
Perpustakaan Muzium Pusat, 58
Perpustakaan Royal Asiatic Society, 31, 36, 37
Perpustakaan Universiteit Bibliotheek, 58
Persekutuan Tanah Melayu, 367
Phongsawadan Muang Trangganu, 358
Pigeaud, T.D., 220
Pitono Hardjawardojo, 66
Pohon Amalaka, 12
lihat juga Melaka
Portugal, 4
Portugis, 11, 14, 241, 287
Pulau Bangka, 344
Pulau Ryukyu, 310
Pulau Timor, 250
Pulau Tioman, 359
Purinam, 244
Purjm, 192
Puteri Galuh, 119
Puteri Gunung Ledang, 43, 44
Puteri Jenilen, 73, 85
Puteri Onang Kening, 50

Quintal, 245, 263

Raden Digelang, 119, 120
lihat juga Raden Kelang
Raden Galuh Cendera Kirana, 124, 313
Raden Kelang, 119, 120, 300, 313
Raffles, T.S., 25, 361, 362
"Rahap", 50
Raja Abdul Jalil Syah, 65
Raja Abdullah, 313
lihat juga Sultan Mansor Syah
Raja Ahmad (Raja Besar Muda), 126
Raja Ahmad (Sultan Ahmad Syah), 43, 50, 115
Raja Alam, 80
Raja Ali Haji, 63, 67
Raja Anum ibnu Raja Akil, 91, 146
Raja Besar Muda, 148, 364
Raja Bongsu, 29, 31, 33
Raja Bujang, 80
Raja Hassan, putera Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Syah II, 61
Raja Hussain, 39, 115, 126, 313
lihat juga Sultan Alauddin Riayat Syah I
Raja Ibrahim, 80, 100, 281, 320
lihat juga Sultan Abu Syahid
Raja Indera Bongsu, 87
Raja Inderagiri, 122
Raja Iskandar, 279
Raja Kampar, 47
Raja Kassim, 281, 313, 320, 321, 322
lihat juga Sultan Muzaffar Syah
Raja Kecil, 58, 72, 351
Raja Kecil Besar, 111, 148, 189, 365
lihat juga Sultan Muhammad Syah
Raja Kecil Muda, 146
Raja Mahmud, 313
lihat juga Sultan Mahmud Syah
Raja Menawar Syah, 39, 40, 120, 281
Raja Mendeliar, 45, 46, 302, 314, 315, 319, 326
Raja Muda, 280
Raja Mudzaffar, 50
Raja Muhammad, 39
lihat juga Sultan Mahmud
Raja Negara, 145, 361
Raja Perempuan Melaka, 300
Raja Permaisura, 60
Raja Pute, 313, 323
Raja Raden, 116, 120, 126, 281, 324
lihat juga Raden Kelang
Raja Sulaiman, 89
Raja Tua, 41
Raja Zainal, putera Sultan Mahmud, 48
Ramayana, 287
Randir, pelabuhan, 247
Rassers, E.H., 220
Ratu di Kelang, 119, 120
Ratu Majapahit, 148
Rawas, 73
Rembau, 358

Rembang, 340
Report on the Golden Chersonese, 14
Riau, 10, 37
Riau-Lingga, 190, 244
Risalat Hukum Kanun, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Rokan, 60, 190, 195, 244, 358
Roolvink, R., 7
Roufaer, G.P., 97
Royal Asiatic Society London, 31
Rupat, 190, 195

Sabac, 310
Sadar Jahan, Maulana, 53, 307, 327
Sam Agy Palimbao (Sang Aji Palembang), 107
lihat juga Parameswara
Samudera, 107, 237
San-fo-che, 345
lihat juga Sriwijaya
Sang Nila Utama, 107, 108
Sang Rajuna Tapa, 42, 143, 153, 279, 353
Sang Sapurba Taram Seri Tri Buana, 42, 79, 159, 276
Sang Setia Tetayan, 44, 134, 286
Sarapung, 60, 195
Sartono Kartodhirdjo, 335
Sawang, 195
Sayyid Abdul Aziz, 182, 307
Sayyid Ahmad, 293
Sayyid Muhammad, 301
Sedarah Sedenyut Nadi, 81
Segenting Kra, 336
Sejarah Johor, 78
Sejarah Melayu, 4, 5, 7, 12, 16, 19, 20, 21, 112
Cod. Or. 631, 36
Cod. Or. 1703, 36
Cod. Or. 1716, 26, 36
Cod. Or. 1736, 36
Cod. Or. 3198, 37
Cod. Or. 3199, 117
Cod. Or. 3210, 36
KBG 188W, 36
KBG 190W, 36
KBG 191W, 58
Le Sadjaret Malayou, 23
Malaio annals, 17
Maxwell 26, 36
Maxwell 105, 37
Raffles MS. 18 (1536), 6, 20, 21, 24, 97, 101, 113, 281, 313, 324
Second Romanised Edition, 22
Shellabear (1612), 6, 22, 24, 97, 101, 113, 313, 328
The Malay Annals: Translated from The Malay Language, 21, 23
Sejarah Raja-raja Melayu, 32
lihat juga Tuhfat al-Nafis
Selangor, 190, 244, 358, 359
Selat Bulang, 56
Selat Melaka, 59, 60, 79, 86, 107, 237, 244, 333, 335, 342, 346
Selat Singapura, 347, 359
Selat Sunda, 338, 344
Semenanjung Arab, 251, 275
Semenanjung Tanah Melayu, 17, 60, 90, 95, 190, 219, 289, 335, 341, 343, 359
Semenanjung Vietnam, 335, 343
Semerluki, 197
Senggora (Songkhla), 342
Sening Hujung, 143
Seri Amar Diraja, 146, 280
Seri Bija Diraja, 40, 46, 128, 130, 131, 148, 284, 349
Seri Bijaya Wangsa, 89, 351
Seri Dewa Raja, 43, 47, 308
Seri Maharaja, 40, 128, 189, 320
lihat juga Sultan Muhammad Syah
Seri Nara Diraja, 39, 146, 284, 321
Seri Teri Buana, 282, 358
lihat juga Sang Nila Utama
Seri Wak Raja, Bendahara Melaka yang pertama, 133, 146, 168
Seri Wangsa Diraja, 50
Shahrom Hussain, 78
Shellabear, W.G., 6, 23, 26, 28, 34
Shiva, 355
Shrieke, B.J.O., 3, 334
Siak, 60, 190, 244, 293
Siam, 248
Siantan, 288
Sida-sida, 143, 285
Silsilah Melayu dan Bugis, 355
Singapura, 39, 106, 190, 237, 274, 351, 362
Singosari, 340, 345, 349
Sistem Empat Lipatan Pembesar, 149, 284, 288
Situmorang, T.D., 22, 119
Slamet Muliyono, 334
Soelalet Essalatina or The Geneology of the Kings of the Malay Coast and of

Malacca, 20
Sribuza, 107, 345
lihat juga Sriwijaya
Sriwijaya, 137, 139, 187, 236, 237, 242, 342, 346
Stutterheim, W.F., 335
Suir, 195
Sukhotai, 347
Sulalat'l Salatina, 99
lihat juga Penurunan Segala Raja-Raja Sulalatus Salatin, 20, 21, 23, 34, 64
lihat juga Sejarah Melayu
Sulaiman, Nabi, 355
Sulawesi, 5, 250, 340
Sulawesi Selatan, 28
Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah, 354
lihat juga Raja Kecil
Sultan Abdul Jalil Riayat Syah III, 69
Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV, 61
lihat juga Bendahara Abdul Jalil
Sultan Abdul Jamil, 44, 51
Sultan Abdullah, 31
lihat juga Raja Bongsu
Sultan Abdullah Maayat Syah, 69
Sultan Abu Syahid, 100, 315, 320
Sultan Ahmad, putera Sultan Mahmud, 39, 281, 327
Sultan Alauddin Riayat Syah I, 61, 113, 120, 263, 275, 281, 313
Sultan Alauddin Riayat Syah II, 281
Sultan Alauddin Riayat Syah III, 55, 57, 58, 68, 82
Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Syah II, 61
Sultan Ibrahim Syah, 60, 69
Sultan Mahmud, Pahang, 42, 50
Sultan Mahmud Syah (Marhum Kampar), 15, 39, 48, 49, 286, 300
Sultan Mahmud Syah II (Marhum Mangkat Dijulang), 58, 59, 68, 80, 101, 351
Sultan Mansor Syah, 5, 49, 60, 113, 114, 129, 159, 263, 294
Sultan Muda, 281
Sultan Muhammad Syah, 5, 128, 147, 189, 314, 320, 365, 368
Sultan Muzaffar Syah, 16, 133, 263, 314, 365, 366
Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah ibnu Sultan Abdul Jalil Syah, 85
Sultan Zainal Abidin, 193
Sulu, 340
Sumatera, 9, 29, 338, 348
Sumatera Timur, 10
Sumatera Utara, 363
Sumbawa, 250
Sumber asing, tentang tradisi persejarahan Melaka, 4, 11, 273
Sumber China, tentang tradisi persejarahan Melaka, 4
Sumber tempatan, tentang tradisi persejarahan Melaka, 4, 273
Sunan Bonang, 308
Sunan Giri, 308
Sunda Kelapa, 249
Sungai Johor, 359
Sungai Mekong, 342
Sungai Melaka, 317, 364
Sungai Muar, 56
Sungai Raya, 288
Sungai Riau, 58
Sungai Sabak, 364
Sungai Sunda, 338
Sungai Terengganu, 342
Sungai Ujung, 288
lihat juga Sening Hujung
Suntai, 195
Surabaya, 340
Surat, pelabuhan, 247
Surat Hukum Kanun, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Surat Undang-Undang, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Syah Andika Menteri, 301
lihat juga Sayyid Muhammad
Syah Indera Berma, 317
Syahbandar, 129, 239, 253, 270
Syair Perang Mengkasar, 64
Syair Perang Siak, 73, 74
Syair Sultan Maulana, 64
Syarikat Hindia Timur Belanda (V.O.C.), 77
Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 220

Talang Tuo, 344
Tan Tan, 341, 359
Tanjopacer, 310
Tanjung Bemban, 79
Tanjung Keling, 283, 316
Tanjung Pura, 261
Tambralinga, 342
Tasik Tonle, 342

Tauhid Islam, 291
Tavares, Captain J., 76
Tawarikh Johor, 78
Teeuw, A.E., 22, 119
Telaga Batu, 344
Telubin, 342
Teluk Benggala, 262, 342, 343, 357
Teluk Siam, 343
Temasik, 106
lihat juga Singapura
Temenggung, 129, 253, 286
Temenggung Hassan, 326
Temenggung Seri Udani, 54
Tenasserim, 266
Tengku Anum, 59
Tengku Kamariah, 89
Tengku Said ibnu Raja Akil, 83
Tengku Tengah, 89
Terengganu, 190, 359, 370
Teuku Iskandar, 64
The Book of Duarte Barbosa, 241
The cabaees, 10
The Conquest of Malacca, 17
The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque, 13, 16, 241
The Dutch East India Company and the Straits of Malacca, 77
The History of Johor (1365–1800), 77
The Kingdom of Johor 1641–1728, 77
The Maritime Laws of Malacca, 202
lihat juga Undang-undang Laut Melaka
The Suma Oriental, 4, 13, 14, 15, 42, 49, 240, 245
Timbalan Ketua Hakim, 286
Timbalan Laksamana, 131
Timur Jauh, 247
Timur Tengah, 333, 339, 343
Tome Pires, 4, 9, 13, 15, 49, 98, 239, 240, 254, 288
Trenquera, 310
lihat juga Upeh
Tuan Bujang, 73, 87
lihat juga Raja Kecil
Tuban 249, 265, 340
Tuhfat al-Nafis, 19, 30, 67, 80, 102, 355
Tun Abdul, 315
Tun Abdul Jamil, 351
Tun Abu Isahak, 289
Tun Ali, 130, 132, 286, 314, 320, 322, 327
Tun Ali Hati, 26, 29, 36
Tun Ali Sandang, 43
Tun Aria Bija Diraja, 50, 134, 192
lihat juga Raja Beruas
Tun Besar, 323
Tun Biajid, 42, 43, 301
Tun Bija Sura, 288
Tun Dewi, 43
Tun Fatimah, 45, 46, 57, 281, 294, 300
Tun Hamzah, 54, 133, 286, 289, 315
Tun Hassan, 175, 286, 314
Tun Hussein, 280
Tun Indera Segara, 46
Tun Iram Sendari, 43
Tun Isap, 43, 47, 299
Tun Jana Bunga Dendang, 143
Tun Jana Pakibul, 60
Tun Kerutup, 133, 134, 286, 324
Tun Mai Ulat Bulu, 54
Tun Kudu, 168, 294, 322
Tun Mamat, 44, 289
Tun Manda, 315
Tun Muhammad, ahli saraf dan nahu Islam, 182
Tun Muhammad, Orang Kaya, 53, 308
Tun Mutahir, 41, 161, 263, 264, 286, 296, 299, 300, 315, 324
Tun Nara Wangsa, 34
Tun Perak, 41, 113, 133, 156, 168, 286, 289
Tun Perpatih Besar, 146
Tun Perpatih Permuka Berjajar, 143, 146
Tun Perpatih Permuka Segalar, 143
Tun Perpatih Putih, 41, 168, 170, 322, 324
Tun Perpatih Sedang, 169, 172
Tun Perpatih Tulus, 143
Tun Pikrama, 169
Tun Sabariah, 301
Tun Salehuddin, 327
Tun Senaja, 39, 175, 323, 327
Tun Seri Lanang, 4, 33, 34, 42, 118, 123
Tun Sirah, 294, 301, 315
Tun Sun, 342
Tun Sura Diraja, 46
Tun Tahir, 173
Tun Teja, 10, 301
Tun Teja Ratna Benggala, 44, 52
Tun Tempurung Gemerentak, 143
Tun Umar, 47, 54
Tungkal, 60, 192, 244
Turki, pedagang, 246
Turunan Asal Raja-Raja Gowa, 19

Ujung Pandang, 31

lihat juga Ganggayu
Ujung Pasir, 310
lihat juga Tanjopacer
Ulama Khurasan, 53
Ulama Mawaran-Nahar, 53
Umayyah, khalifah, 345
Undang-Undang Brunei, 218
Undang-Undang Darat Melaka, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Undang-Undang Johor, 217
Undang-Undang Laut Melaka, 5, 6, 181, 223, 237, 269
Undang-Undang Melaka, 5, 6, 7, 13, 148, 169, 210, 237, 242
Undang-Undang Melayu, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Undang-Undang Negeri dan Pelayaran, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Undang-Undang Pahang, 218
Undang-Undang Pebian Melaka, 5, 202
Undang-Undang Raja Melaka, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Undang-Undang Sultan Mahmud Syah, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Upang, 195
Upeh, 265, 310, 331
Utamutarraja, 249, 316, 329, 330
Utimuti Rajah, 363
lihat juga Utamutarraja

Venice, pelabuhan, 247, 339
Victor Purcell, 312
Vorm, van der, Petrus, 20, 99

Wadhapura, 342, 358, 364
Wake, C., 97, 105
Walter de Gray Birch, 14
Wan Empuk, 79
Wan Malini, 79
Wan Sendari, 79
Wang Gungwu, 11, 97, 137, 242
Wheatley, Paul, 124, 137, 325, 331, 335
Wilkinson, R.J., 97, 201
William Marsden, 21, 22
Winstedt, R.O., 6, 20, 97, 287
Wolters, O.W., 105, 106, 137, 335

Yam Tuan Sakti, 87
Ying-yai Sheng-lan, 11, 12, 273
Yusof, Maulana, 52, 307

Zabag, Maharaja, 345

24 DEC. 1988

... untuk Tun Seri Lanang, Ma Huan,
Tom Pires dan para bijak pandai
yang amat arif tentang Melaka.

Kandungan

Senarai Peta ix
Senarai Lampiran xi
Epigraf xiii
Sekapur Sirih xv
Prakata xix
Pendahuluan xxiii
Singkatan xxxiii

BAHAGIAN I – PERSEJARAHAN

1: Sumber Sejarah Kesultanan Melayu Melaka, 1400–1511 T.M. 3
2: *Sejarah Melayu*: Hasil Kreatif dan Sejarah Melayu tentang Kesultanan Melayu Melaka dan Permasalahan Naskhahnya 19
3: Sultan Mahmud Syah (Marhum Kampar): Penelitian Interpretatif daripada *Sejarah Melayu* 39
4: Hubungan Tradisional Melaka-Siak dilihat Melalui Penulisan *Hikayat Siak* atau *Sejarah Raja-Raja Melayu* 58

BAHAGIAN II – SEJARAH

5: Sultan-Sultan Melaka: Permasalahan Salasilah 95
6: Misteri Sultan Alauddin Riayat Syah 1 Melaka 113
7: Seri Bija Diraja dalam Tradisi Pembesar-pembesar Melayu Melaka pada Abad ke-15 dan Abad ke-16 128
8: Sistem Pentadbiran dan Politik Melaka 136
9: Pemikiran tentang Undang-undang dalam Kesultanan Melayu Melaka 198

10: Islam dalam Sejarah Perundangan Melaka 219
11: Perdagangan dan Perkapalan Melayu Melaka 236
12: Masyarakat Melaka 1400–1511 T.M. 272
13: Epilog: Melaka dalam Tradisi Sejarah Serantau dan Sejarah Negara 333

Lampiran 373
Bibliografi 397
Bibliografi Khas 409
Indeks 411

Senarai Peta

1. Tradisi Empayar-Empayar Serantau Mengikut Kronologi xxxvii
   - Empayar Funan xxxvii
   - Empayar Sriwijaya xxxviii
   - Empayar Melaka xxxix
   - Sebahagian daripada Empayar Johor-Riau xl
2. Melaka Sebagai Pusat Perdagangan Melayu di Timur xli

Senarai Lampiran

A. Berbagai-bagai Naskhah *Sejarah Melayu* mengenai Kesultanan Melayu Melaka 1400–1511 375
- Naskhah *COD.OR.1703* 375
- Naskhah *HS 587* 376
- Naskhah *COD.OR.1704* 377
- Naskhah *COD.OR.1716* 378
- Naskhah *HS 631* 379

B. Salinan Sebenar daripada Naskhah *Hikayat Siak, COD.OR. 7304*, hlm 1, di Perpustakaan Universiti Leiden 380

C. Salinan Sebenar daripada Naskhah *Hikayat Siak, W.191*, hlm 10, di Muzium Pusat Jakarta 381

D. Critera Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan [Cod.Or. 3199(3) part 4] 382

E. Susunan Raja-Raja Awal Melaka 386

F. Susunan Raja-Raja Awal Melaka 387

G. Salasilah Raja-Raja Melaka daripada Keturunan Palembang hingga Zaman Awal Johor 388

H. Salasilah Ringkas Sultan Mansor Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah Berdasarkan *Sejarah Melayu* 390

I. Salasilah Ringkas Sultan Mansor Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah Berdasarkan Catatan Tome Pires, *The Suma Oriental of Tome Pires*, hlm 251 dan hlm 252 391

J. Fasal-Fasal dalam *Undang-Undang Laut Melaka* dan *Hukum Kanun Melaka* yang Berunsurkan Undang-undang Islam 392

K. Hubungan Kekeluargaan antara Raja Melaka dengan Bendahara 395

"... Aku (Allah) lebih mengetahui apa yang kamu sembunyikan dan apa yang kamu nyatakan ..."
(Terjemahan al-Quran surah al-Mumtahanah 60:1)

Sekapur Sirih

Kesultanan Melayu Melaka merupakan permulaan suatu tradisi yang menjadi dasar pembentukan budaya politik Melayu. Kesultanan-kesultanan yang wujud di Malaysia sekarang mengakui adanya hubungan secara langsung atau tidak langsung dengan kerajaan tua itu. Melalui Kesultanan Melayu Melaka, suatu paduan dalam sejarah Malaysia yang agak unik akan dapat dilihat. Oleh sebab itu, dalam penulisan sejarah Malaysia, Melaka biasanya diberikan tempat yang utama.

Menurut catatan orang Eropah pula, Melaka pada zaman dahulu adalah pelabuhan yang terkemuka. Duarte Barbosa (Portugis) misalnya, menyifatkan Melaka sebagai;

> "... the richest trading port and possesses the most valuable merchandise, and most numerous shipping and extensive traffic that is known in all the world."

Melaka menjadi pusat pertemuan antara Asia Barat dengan Asia Timur. Menurut Francois Valentijn (Belanda), pada abad ke-17 masih banyak kapal yang datang ke Selat Melaka terutamanya dari Benggala, Coromandel, Surat, Parsi, Ceylon, Jawa, Sumatera, Siam, Tonkin dan China.

Kepentingan Kesultanan Melayu Melaka dalam sejarah Malaysia tidak dapat dipertikaikan lagi dan banyak tulisan tentangnya telah ditulis oleh orang luar, tetapi penyelidikan tentang Kesultanan Melayu Melaka memang belum sempurna lagi. Masalah yang agak sukar untuk diatasi ialah mendapatkan bahan rujukan. Adanya rekod-rekod Dinasti Ming tentang kesultanan ini memang sudah lama diketahui dan beberapa orang sarjana seperti Willem P. Groeneveldt, Hsu Yun-tsiao dan Wang Gungwu telah menulis tentang Kesultanan Melayu Melaka berasaskan rekod Ming itu.

Walau bagaimanapun, rekod Ming tentang Melaka hanya terhad pada tiga puluh tahun pertama abad ke-15. Selepas itu negeri China mengasingkan diri daripada dunia luar dan keadaan ini sangat merugikan dari

segi persejarahan Kesultanan Melayu Melaka. Walaupun para sarjana sekarang dapat menggunakan rekod yang disimpan oleh Portugis, tetapi catatan orang Portugis banyak bergantung pada maklumat sekunder kerana orang Portugis hanya tiba di Melaka pada awal abad ke-16.

Namun demikian bilangan kajian yang menggunakan rekod Portugis juga amat terbatas. Tulisan yang berwibawa dan penting pernah dihasilkan oleh Ian A. MacGregor, pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya (Singapura), pada pertengahan tahun 1950-an. Tetapi beliau telah meninggal dunia di Afrika sebelum berusia 30 tahun dan tidak sempat untuk menyelesaikan penyelidikannya. Tambahan pula, MacGregor lebih memberikan tumpuan pada kuasa Portugis di Melaka daripada tumpuan pada kerajaan Melaka tua tersebut.

Justeru itu bagi mereka yang berminat dalam sejarah Malaysia, Kesultanan Melayu Melaka masih merupakan suatu bidang yang memerlukan huraian yang lebih mendalam. Secara umum, ramai yang mengetahui bahawa Kesultanan Melayu Melaka menduduki tempat yang istimewa dalam sejarah Malaysia. Zaman itu dianggap sebagai zaman gilang-gemilang dalam sejarah negara ini, tetapi persepsi mereka tentang masyarakat Melaka terhad pada cerita-cerita yang menarik tentang tokoh-tokoh seperti Sultan Alauddin, Tun Perak dan Hang Tuah.

Yang anehnya hingga sekarang belum ada sebuah buku ilmiah tentang Kesultanan Melayu Melaka. Tulisan R.J. Wilkinson dalam jurnal *Royal Asiatic Society* dan *Malayan Branch*, masih kerap digunakan sebagai bahan rujukan utama. Tulisan-tulisan yang diselenggarakan lebih kurang 40 tahun kebelakangan ini tidak banyak dibaca oleh guru dan murid di sekolah kerana tulisan yang berbentuk ilmiah biasanya diterbitkan dalam majalah akademik yang jarang-jarang dibaca oleh orang ramai.

Lantaran itu persepsi umum tentang Kesultanan Melayu Melaka lebih tertumpu pada perkara-perkara yang agak menonjol seperti perang dan pemerintah atau peristiwa-peristiwa yang dramatis. Kesultanan Melayu Melaka diingati kerana kesultanan tersebut dibanggakan oleh generasi sekarang. Tidak ramai yang menyoal tentang kaitan antara kerajaan tua itu dengan masyarakat Malaysia masa kini.

Sedikit sebanyak ahli sejarah Barat generasi dahululah yang bertanggungjawab mewujudkan salah faham tentang latar belakang sejarah negara ini. Dalam buku-buku sejarah Malaysia dahulu, pengarang-pengarang Barat memberikan tempat yang sewajarnya pada sejarah Kesultanan Melayu Melaka, tetapi bagi zaman selepas jatuhnya negeri Melaka, perkara yang diutamakan ialah hadirnya kuasa-kuasa Barat di negara ini – Por-

tugis, Belanda dan British. Mereka hanya kembali kepada masyarakat peribumi menjelang kemerdekaan.

Tidak banyak disebutkan tentang sejarah kerajaan-kerajaan Melayu kecuali apabila ada pertembungan antara kerajaan Melayu dengan kuasa-kuasa asing, misalnya, Kedah dengan Francis Light, Johor dengan Stamford Raffles dan Negeri-negeri Melayu Utara dengan kuasa Siam. Sejarah Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang pula dibincangkan dalam konteks campur tangan British. Orang yang cuba meneliti dan menganalisis masyarakat Melayu dahulu ialah ahli antropologi sosial dan bukan ahli sejarah.

Oleh yang demikian, penuntut sejarah mempunyai pengetahuan yang cetek tentang sifat dan proses perkembangan masyarakat. Mereka menganggap sejarah sebagai suatu kumpulan cerita yang menarik tetapi tidak begitu berguna kerana cerita hanya bertujuan untuk menghibur. Sebenarnya sejarah bukanlah disiplin yang remeh-temeh. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan memang ada ahli sejarah yang bermutu dan ahli sejarah yang sederhana. Sejarah merupakan asas bagi manusia untuk memahami alam sekitarnya. Tanpa pengetahuan sejarah, mustahil untuk manusia memahami segala-gala yang berlaku di sekelilingnya sama ada gejala-gejala itu bersifat politik, ekonomi atau sosial.

Masyarakat di dunia ini hanya dapat difahami berasaskan peradabannya. Sambutan sesebuah masyarakat terhadap sesuatu yang baru sama ada ideologi, sistem ekonomi atau amalan budaya banyak dipengaruh oleh sifat peradaban aslinya. Yang membezakan orang Jepun dengan orang Thai bukanlah teknologi tetapi peradaban. Sehingga sekarang cara hidup orang Jerman berbeza daripada cara hidup orang Inggeris kerana pengaruh peradaban walaupun kedua-dua negara tersebut telah lama mengalami revolusi perindustrian.

Oleh yang demikian, untuk memahami masyarakat Melayu zaman sekarang, peradaban Melayu yang awal perlu diambil berat. Harus diakui bahawa peradaban Melayu bermula lebih awal daripada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Tetapi pada zaman itu banyak perubahan penting telah berlaku. Yang penting sekali ialah kedatangan Islam. Agama Islam telah membentuk semula masyarakat Melayu. Amalan kebiasaan yang lama tidak sama sekali dihapuskan. Suatu proses sintesis berlaku. Kesan-kesannya agak kekal. Ini bukan pula bererti bahawa apabila teknologi moden bermula di sini pada abad ke-19, masyarakat Melayu masih bertahan dengan peradaban lama.

Tetapi sejauh mana masyarakat Melayu terpengaruh dalam budaya teknologi moden tidak akan dapat diukur sekiranya pengetahuan sekarang

tentang peradaban Melayu dan proses perkembangannya tidak mendalam. Apa yang berubah atau yang tidak berubah hanya jelas jika sesuatu perbandingan yang rapi dapat dilakukan antara yang lama dengan yang baru. Tuntutan akan lebih bererti jika zaman dahulu diutamakan dan bukannya zaman hadapan kerana hakikatnya bahawa zaman dahulu telah diketahui tetapi zaman hadapan masih kabur. Manusia dapat mengambil iktibar daripada perkara yang diketahui bukan perkara yang tidak diketahui. Dan segala perancangan untuk masa depan seharusnya berasaskan perkara yang sudah diketahui.

Buku ini, karangan Dr. Muhammad Yusoff Hashim, merupakan suatu usaha untuk meneliti sejarah Kesultanan Melayu Melaka dari pelbagai sudut. Walaupun buku ini bukan kata pemutus tentang aspek-aspek kerajaan Melayu tua itu, pengarang cuba memberikan jawapan yang kemaskini tentang beberapa perkara yang biasanya ditimbulkan tentang Kesultanan Melayu Melaka. Keseluruhannya, jawapan-jawapan itu dapat mewujudkan gambaran yang jelas tentang kesan-kesan budaya Melaka tua terhadap budaya masyarakat Malaysia sekarang.

Dr. Muhammad Yusoff Hashim bukanlah sarjana baru. Bagi ahli sejarah yang berminat dalam kajian sejarah masyarakat Melayu, tulisan-tulisan beliau khususnya yang bersifat ilmiah, sudah lama dikenali. Setiap karya beliau memperlihatkan ketelitian dan penyelidikan yang sangat meyakinkan. Tidak ramai para sarjana generasi sekarang yang mempunyai ketinggian tingkat kesabaran dan kerajinan yang sama seperti beliau.

Mudah-mudahan karya ini akan memberikan ilham kepada para sarjana yang lebih muda agar memberikan perhatian yang lebih berat terhadap sejarah peradaban Melayu. Tidaklah memadai dengan hanya mengetahui tentang orang yang memerintah dan tokoh-tokoh zaman dahulu. Sama ada generasi sekarang berasa bangga atau sebaliknya dengan kerajaan tua adalah satu soal yang berbeza. Di sini bukanlah tujuan Dr. Muhammad Yusoff Hashim untuk menjawab soalan itu. Yang lebih penting ialah soal tradisi dan budaya; inilah yang membentuk keperibadian sesuatu bangsa dan negara. Memang banyak lagi yang dapat ditulis tentang peradaban Melayu dan tidaklah menghairankan jika pada masa akan datang orang yang tetap memberikan sumbangan yang utama dalam hal ini ialah Dr. Muhammad Yusoff Hashim sendiri.

Profesor Dato' Khoo Kay Kim
Jabatan Sejarah Universiti Malaya

Prakata

Pesan Tun Seri Lanang,

> "... supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingatkannya oleh segala mereka itu, syahadan, adalah beroleh faedah ia daripadanya".
>
> (*Sejarah Melayu*, Singapura, 1961, hlm 2)

Pembesar dan ahli sejarah Melayu ini tentu beralasan untuk meninggalkan pesan kepada anak cucunya ketika beliau merawikan teks *Sejarah Melayu*. Teks ini memerihalkan kerajaan Melayu Melaka yang dirawikan dari sudut pandangan Melayu totok. Amat banyak rahsia sejarah yang tersembunyi di sebalik kerajaan ini yang wujud kira-kira seabad lebih itu. Tempoh tersebut sebenarnya tidaklah terlalu panjang dan lama. Tetapi kekesanan sejarah, warisan kebudayaan, adat istiadat Melayu, falsafah dan konsep bermasyarakat dan institusi politik yang ditinggalkan oleh kerajaan ini dalam ruang dan perspektif prasejarah Malaysia, dari dulu sampai sekarang, amatlah bermakna dan besar ertinya.

Sebagai seorang yang mempunyai kesedaran sejarah mengenai masa-masa lalu (dirawikan *Sejarah Melayu* pada tahun 1612), dan sebagai seorang yang mempunyai pandangan yang tajam tentang hal-ehwal semasanya (sekitar penghujung abad ke-16 dan beberapa dekad awal abad ke-17), serta juga sebagai seorang yang berpandangan jauh tentang masa hadapan bangsanya, pesanan Tun Seri Lanang ini memanglah relevan. Beliau menulis segala maklumat yang diperolehnya (secara lisan) dan pengetahuan yang dimilikinya mengenai Melaka dan Johor Lama sebelum tahun 1612 di dalam teksnya. Tetapi maklumat dan pengetahuan ini tidaklah mencukupi untuk kita melihat dan mendapatkan pengetahuan yang jelas dan luas tentang berbagai-bagai bidang sejarah kesultanan ini. Ini disebabkan teks sejarah ini dikongkong oleh matlamat dan etos yang menjadi asas semasa kerja merawikannya.

Berbagai-bagai sumber lain (sejarah ataupun bukan sejarah) yang ber-

kaitan dengan Melaka pada abad ke-15 dan awal abad ke-16 secara langsung ataupun tidak langsung digunakan setanding dengan beberapa sumber peribumi yang boleh didapati pada masa ini. Sumber terpilih yang digunakan haruslah ditafsirkan bagi mendapatkan fakta sejarah yang setepat dan sewajar mungkin tentang Melaka pada abad-abad yang dibincangkan. Sebenarnya proses memperoleh, memilih, meneliti secara intrinsik sumber-sumber ini merupakan suatu jurusan dan sains dalam ilmu persejarahan, sebelum sesuatu hal sejarah itu dibahas dan dituliskan.

Maklumat dan tafsiran daripada sumber-sumber inilah yang dituliskan dalam buku ini, bagi melihat dan memperkatakan secara menyeluruh pelbagai aspek sejarah Kesultanan Melayu Melaka. Daripada corak kajian dan penulisan, buku ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian persejarahan dan bahagian sejarah – sejarah Melaka itu sendiri dan Melaka dalam persejarahan Malaysia serta persejarahan serantau. Ini disebabkan selama ini kita beranggapan bahawa sejarah Kesultanan Melayu Melaka ialah sejarah yang bertumpu hanya di sekitar pelabuhan Melaka dan di sekeliling kota kosmopolitan Melaka sebenar sahaja. Akibatnya, pemahaman dan pemerhatian kita selama ini tentang kesultanan tersebut hanya dikhususkan dan disempitkan di persekitaran kawasan yang kecil. Secara tidak langsung, hubungan secara fizikal, politik, ekonomi dan kebudayaan kawasan kecil ini dengan kawasan, kerajaan dan masyarakat sekeliling dan sejiran, seperairan dan serantau, amat sedikit diperkatakan. Kita hanya mengetahui, bahawa Melaka hanya sebuah empayar.

Persoalan tentang hubungan kebudayaan dan masyarakat di sebuah rantau budaya yang luas, tetapi yang berpusat dan berlandaskan di Melaka sebenar, falsafah sejarah dan erti persejarahan yang diberikan oleh kesultanan ini bagi persejarahan Malaysia dan persejarahan rantau ini, mulai tahun 1400 sehingga sekarang, sukar untuk difahami sebab amat sedikit atau tiada ahli sejarah yang sanggup atau mampu untuk memikirkannya sehingga ke peringkat atau ke tahap itu. Akibatnya, pemahaman sejarah dan persejarahan Melaka dalam konteks sejarah negara dan rantau ini menjadi amat sempit sifatnya seperti yang terdapat pada hari ini.

Memuji pencapaian dan keagungan sesuatu yang lepas dalam semangat nostalgia semata-mata adalah merugikan dan tidak bermakna. Tetapi memahami hal-ehwal masa yang lalu itu dengan penuh kesedaran dan keinsafan sejarah, dan menghubungkannya dengan hal-ehwal masa kini bagi pedoman dan panduan untuk menentukan perihal masa hadapan pula, boleh menguntungkan masyarakat dan bangsa. Ini disebabkan sejarah Kesultanan Melayu Melaka pada masa lepas, dengan sejarah Malaysia

pada masa sekarang dan masa akan datang mempunyai kesinambungannya. Selama kesinambungan ini terjalin, selama itulah masyarakat Melayu wujud dan akan bertahan terus.

Di sinilah natijah pesanan Tun Seri Lanang tadi. Beliau membekalkan banyak maklumat dan pengetahuan kepada kita tentang Kesultanan Melayu Melaka, untuk dihayati dan dijadikan iktibar pada hari ini, sekaligus untuk kita memperoleh faedah daripadanya. Sesuatu pengalaman dan pengetahuan tentang hal-hal yang lepas adalah 'guru' kita. Semuanya adalah mutiara maklumat yang tidak ternilai harganya untuk dipelajari, sebab sejarah itu mengajar!

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang membantu saya untuk menyelenggarakan dan menerbitkan buku ini, terutamanya kepada para pelajar sejarah dan Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Puan Rahimah binti Harun dan Encik Baharin bin Aiyob dari Bahagian Buku Pelajaran, Dewan Bahasa dan Pustaka, khususnya dalam kerja-kerja penyuntingan. Ucapan terima kasih yang istimewa saya tujukan kepada Profesor Dato' Dr. Khoo Kay Kim yang memberikan 'sekapur sirih' untuk buku ini, selepas beliau mendorong dan menggalak saya menulis secara kritis berbagai-bagai aspek tentang sejarah Kesultanan Melayu Melaka. Akhirulkalam, penghargaan saya kepada semua pihak yang turut membantu.

Prof. Madya Dr. Muhammad Yusoff Hashim
Ketua Jabatan Sejarah
Universiti Malaya

(Oktober 1988)

Pendahuluan

Kajian dan penulisan tentang Kesultanan Melayu Melaka telah banyak dibuat sama ada oleh sarjana tempatan mahupun oleh sarjana luar. Kajian dan penulisan yang paling diminati ialah sejarah kesultanan tersebut. Oleh sebab itu, hasil-hasil kesusasteraan dalam bidang dan disiplin sejarah seperti inilah yang paling banyak kita temui dalam berbagai-bagai bahasa seperti Melayu-Indonesia, Inggeris, Portugis, Belanda, Perancis, Cina, Tamil dan Jepun. Apabila membahaskan bahasa Melayu klasik, linguistik, Islam dan berbagai-bagai genre kesusasteraan dan kebudayaan *per se* untuk jangka masa kesultanan berkenaan, maka bahasa Polish dan Rusia juga termasuk.[1] Hal ini menggambarkan betapa popularnya kesultanan ini dalam ruang lingkup sejarah dan kebudayaan Melayu. Walau bagaimanapun, kebanyakan hasil tulisan ini adalah dalam bentuk rencana yang dimuatkan dalam jurnal, majalah berkala, bab atau sebahagian daripada buku dan kertas kerja.[2] Tiada suatu pun penulisan yang pertaliannya baik, berbentuk buku, yang khusus membahaskan berbagai-bagai bidang sejarah dan persejarahan kesultanan yang wujud sekitar tahun 1400 sehingga tahun 1511 yang dari segi geopolitiknya disebut Melaka sekarang.

Mulai dari tahun 1536, apabila terdapatnya teks *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* (yang dipercayai sebagai resensi terawal dan pertama wujud yang memperkatakan secara naratif dan secara 'berhikayat' tentang

---

[1]Penelitian *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Tuah* dalam bahasa Polish terdapat dalam koleksi Robert Stiller, *Antologia Literatury Malajskiej* (Anthology of Malay Literature), Zaktad Norodowy im Ossolinskkh, Wroctaw, 1971, hlm 238 – 262; Dalam bahasa Perancis, Devic L. Marcel memperkatakan *Sejarah Melayu* dalam bukunya *Legendas et Traductions Historiques de l'archipel Indien (Sadjerat Malayou): Traduit pour la Premiere fois du Malais en Francais par...* (Legends and Historical Translations of the Indian Archipelago (Sejarah Melayu); Translated for the first time from Malay into French by...), Paris , VIII, 1878; Di Rusia, teks ini dibahaskan oleh Boris B. Parnickel, "An insufficiently Studied Work of Malay Literature", dalam *Revue d'Histoire de la Civilisation modiale*, Moscow, 11, xiv, 1959, hlm 87 – 105.

[2]Kertas-kertas kerja yang terakhir membincangkan berbagai-bagai aspek sejarah dan kebudayaan Melaka, ditampilkan pada awal tahun 1987, di bandar Melaka, anjuran Kerajaan Negeri Melaka, dalam *Konvensyen Antarabangsa Pengisytiharan Melaka Sebagai Bandaraya Bersejarah*, 13 – 15 April 1987. Kertas kerja yang berkenaan dibahagikan kepada tahap-tahap Kesultanan Melayu Melaka, zaman Portugis, Belanda, Inggeris dan selepas merdeka.

'sejarah' sebuah kerajaan atau kesultanan Melayu di pinggiran timur pantai Selat Melaka dan yang terletak di bahagian barat tebing sebuah muara sungai di Semenanjung Tanah Melayu. Dengan adanya teks tersebut, maka wujudlah secara dokumentasi dan bukti bertulis tentang berbagai-bagai bidang bagi disiplin sejarah kerajaan atau kesultanan tersebut. *Sejarah Melayu* telah dapat membuktikan kewujudan kesultanan ini, walaupun sebagai dokumentasi sosial, teks ini bercorak dalaman. Sebaliknya, sebagai penulisan sastera yang bercorak sejarah, *magnum-opus* Melayu ini telah menjadi pembekal sumber maklumat yang paling berharga untuk kita pada masa sekarang, iaitu tentang kesultanan Melayu yang telah wujud selama lebih kurang 111 tahun, sepanjang abad ke-15 dan pada awal abad ke-16. Pembuktian sejarah ini diperkuat dan disokong pula oleh hasil penulisan semasa yang wujud seperti hasil kesusasteraan Melaka yang bercorak undang-undang.[3] Oleh itu, sejarah dan kewujudan kesultanan ini telah mula diketahui ramai.

Maklumat tentang Melaka beberapa dekad awal abad ke-15, sebenarnya diperkayakan oleh laporan pelawat dan pedagang yang menyertai misi diplomat China ke Melaka, mewakili pihak Maharaja Yung-lo daripada Dinasti Ming. Tetapi hanya di sekitar penghujung tahun 1960-an, barulah maklumat daripada laporan ini timbul dan seterusnya diselidik, kemudian digunakan sebagai sumber rujukan.[4] Kewujudan laporan China ini sebenarnya telah disedari sejak lebih daripada setengah abad sebelum itu. Pada dekad akhir abad ke-19, Willem P. Groeneveldt, ketika menulis nota tentang Gugusan Kepulauan Melayu, Indonesia dan Tanah Melayu, menyebut bahawa rujukan untuk penulisannya diambil daripada sumber China[5]

---

[3]Rujuk Bab 1, Bab 9 dan Bab 10 buku ini. Seawal yang diketahui Ph. S. van Ronkel menulis salah sebuah teks perundangan Kesultanan Melayu Melaka dengan judul *Risalat Hoekoem Kanoen, Iaitoe Oendang-oendang Melaka*, Leiden, 1919. Pada tahun 1976, teks ini dihuraikan dengan kritis oleh Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Melaka* (The Laws of Melaka), The Hague, 1976. Setakat ini hanya R.O. Winstedt dan Josselin de Jong yang telah mengedit salah sebuah versi teks *Undang-undang Laut Melaka*, dalam rencananya "The Maritime Laws of Malacca", dalam *JMBRAS*, Vol 29, Pt 3, 1956, hlm 22 – 59.

[4]Kira-kira sedekad sebelum itu, W.W. Rockhill telah mengkaji hubungan dagang antara China dengan beberapa kawasan di bahagian timur Nusantara dan Lautan Hindi. Kajiannya diterbitkan dalam siri-siri *Toung Pau*, dari tahun 1913 hingga tahun 1915. Kajian untuk bidang yang sama dengan merujuk laporan-laporan China di sepanjang tahun 1960-an, telah dibuat oleh Wang Gungwu dan salah sebuah hasil tulisannya yang menarik perhatian ialah "The Opening of Relations between China and Malacca, 1403 – 05", dalam J. Bastin and R. Roolvink, (ed), *Malayan and Indonesian Studies*, Clarendon Press, Oxford, 1964, hlm 87 – 104.

[5]Willem P. Groeneveldt telah menulis sekurang-kurangnya tiga buah rencana yang berhubung dengan pertalian antara kegiatan perdagangan China dengan Gugusan Kepulauan Melayu dan gambaran alam Melayu yang dirujuk pada laporan-laporan China. Salah sebuah hasil tulisannya ialah "Notes on the Malay Archipelago and Malacca, Compiled from Chinese Sources", dalam *VBG*, Vol 39, Batavia, 1880.

yang turut menyebut tentang Melaka. Apabila diketahui adanya sumber dari China ini, seterusnya digunakan untuk rujukan dan tafsiran, maka berbagai-bagai masalah tentang sejarah Melaka yang selama ini menimbulkan persoalan dan kekeliruan sejarah, telah dapat diperjelaskan. Salah satu aspek masalah sejarah yang menonjol ialah perihal salasilah Kesultanan Melayu Melaka. Apabila sumber peribumi daripada tradisi hikayat dan sumber Portugis gagal menghuraikan masalah salasilah ini, maka sumber China telah menjadi alternatif yang amat membantu untuk menghuraikannya.

Hanya beberapa tahun selepas tahun 1511, terbit pula sebuah buku tentang Melaka, iaitu *The Suma Oriental*. Penulisnya, Tome Pires, yang berbangsa Portugis, melakarkan suatu gambaran yang jelas, khusus tentang masyarakat Melaka dari tahun 1400 sehingga tahun 1515, walaupun didakwa mengikut sudut pandangannya. Lakaran sejarah tersebut dibuat ketika beliau berada di kota kosmopolitan Melaka dari tahun 1512 sehingga tahun 1515, iaitu tahun-tahun awal penaklukan dan pendudukan (bangsa Portugis Eropah yang pertama ini di Melaka). Mungkin disebabkan Tome Pires menyaksikan sendiri suasana pada dekad-dekad awal zaman peralihan, iaitu daripada penguasaan Melayu kepada penguasaan Portugis, maka beliau bersikap condong ke arah Portugis, sambil cuba mempertahan, mengekal dan memuji(?) nilai-nilai tulen keportugisannya, dari segi etos, agama, kepercayaan dan pandangannya tentang dunia.

Tome Pires telah menyaksikan suatu suasana baru yang mungkin asing baginya dalam sebuah bandar pelabuhan, iaitu suasana keruntuhan secara geopolitik sebuah kuasa politik Melayu yang didakwanya lemah. Sekiranya kita pertemukan dua watak manusia, yang telah menggambarkan atau menaratifkan tentang Melaka selama lebih seabad itu, iaitu antara watak Tome Pires dengan watak Tun Seri Lanang atau perawi* *Sejarah Melayu*, iaitu salah satu daripada versi yang tertua, kita akan dapat melihat perbezaan hitam dan putih antara kedua-duanya. Satu watak dengan sifat kemelayuan dan yang satu watak lagi dengan sifat keportugisan! Dalam konteks inilah maka sumber dari China tadi memainkan peranan sebagai 'pihak tengah' yang cukup penting.

Walau bagaimanapun, keistimewaan lakaran Tome Pires terletak pada kedudukan individunya, iaitu beliau mengamati sesuatu yang paling hampir dengan masa hidupnya. *The Suma Oriental* merupakan sumber primer dalam salah satu bahasa Eropah yang pertama tentang Melaka.

*Seseorang yang menyalin semula sebuah naskhah lama dan dengan sesuka hati menokok tambah atau membuang kandungan naskhah yang disalin mengikut matlamat dan citarasanya.

Oleh itu semasa menulis tentang Melaka, mungkin Tome Pires masih dapat menyaksikan kepulan asap yang telah menghanguskan istana Melaka, masih dapat melihat air mata wanita Melayu Melaka yang belum kering sebab meratapi suami mereka yang gugur dalam peperangan, dan masih dapat melihat sisa-sisa dan kesan peninggalan sebuah kesultanan Melayu. Oleh yang demikian, dengan sendirinya sumber primer Portugis yang lain tentang Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16 menjadi kurang penting. Braz de Albuquerque, iaitu anak Alfonso de Albuquerque, telah menulis buku yang bertajuk *The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque, Second Viceroy of India* (diselenggarakan oleh Walter de Gray Birch) tentang Melaka dan kegiatan ayahnya di sana, sedangkan beliau sendiri tidak pernah ke Timur. Beliau menulis berdasarkan catatan diari ayahnya sahaja. Beliau memuji ayahnya dengan menggunakan daya imaginasi yang sungguh keterlaluan. De Eredia telah menulis perihal Kesultanan Melayu Melaka kira-kira seratus tahun selepas kuasa Melayu ini lenyap daripada bumi Melaka, walaupun beliau lahir dan dibesarkan di Melaka pada abad ke-17. Francois Valentyn yang berbangsa Perancis menuliskan hal yang sama hampir dua ratus tahun selepas tahun 1511, iaitu pada dekad-dekad awal abad ke-18. Begitu juga dengan hasil tulisan orang Portugis yang lain tentang Melaka pada abad ke-15. Penulis seperti Joao de Barros, de Castanheda, de Diogo de Couto, Duarte Barbosa dan de Correa (catatannya dalam *Lendas da India*), semuanya berlandaskan sumber sekunder belaka, dengan tafsiran masing-masing tentang masyarakat Melayu di Melaka yang beraneka ragam.[6]

Ketiga-tiga kelompok sumber yang saling berasingan tentang Melaka ini, iaitu sumber peribumi Melayu, sumber China dan sumber Portugis, merupakan landasan sumber bagi membahaskan berbagai-bagai aspek sejarah kebudayaan dan Kesultanan Melayu Melaka. Kesemuanya menjadi sumber primer. Bermula daripada ketiga-tiga kelompok sumber inilah maka lahir dan muncul hasil tulisan yang lain tentang Melaka, sama ada dalam bahasa tempatan mahupun dalam bahasa asing. Oleh sebab hampir kesemuanya dicetak dan diterbitkan, maka hasil tulisan ini menjadi sumber sekunder. Apabila sumber primer dan sumber sekunder digabungkan, maka sekarang terdapatlah berbagai-bagai hasil tulisan semasa tentang Kesultanan Melayu Melaka. Ada juga penulis dan pengkaji yang dapat menampilkan sumber primer yang baru dan sumber yang belum

---

[6]Karya Joao de Barros telah diselenggarakan oleh H. Cicades dan M. Murais dalam *Asia de Joao de Barros*, 4 jilid. Lisbon, 1945–6. *Decada* kedua, hlm 250. Rujuk tentang sumber Portugis dalam Bab 1 buku ini.

pernah diketahui selama ini. Perbezaan hasil tulisan penulis ini hanya disebabkan oleh kaedah yang mereka gunakan untuk mendekati bidang masing-masing. Ini termasuklah cara penyampaian mereka berdasarkan disiplin yang digunakan dengan tafsiran yang berlainan, merujuk pada pemahaman masing-masing terhadap sumber primer yang sedia ada dan bahan-bahan sekunder yang pernah ditulis dan yang mereka peroleh.[7]

Kesan-kesan dan bahan tinggalan purba yang bukan bercorak tulisan dapat menambah koleksi sumber primer tentang Melaka. Sumber primer yang bercorak demikian yang terdapat pada hari ini termasuklah batu-batu nisan beberapa orang raja Melaka, keping-kepingan wang logam yang tercatat nama raja dan jangka masa pemerintahan mereka, dan berbagai-bagai jenis keris Melayu yang terdapat di Muzium Lisboa di Portugal.

Daripada bahan-bahan rujukan seperti inilah berbagai-bagai aspek sejarah Kesultanan Melayu Melaka dapat dihuraikan dalam buku ini. Huraiannya, secara relatif, terbahagi kepada tiga bahagian yang umum, iaitu pertama, bahagian sumber yang membekalkan pengetahuan kepada kita tentang kesultanan tersebut; kedua, bahagian sejarah yang dibina dan ditafsirkan daripada nilai, pendapat dan pengamatan penulis buku ini sendiri, dengan merujuk pada maklumat dan fakta daripada sumber yang dibekalkan tadi; dan ketiga, bahagian persejarahan Melaka dalam konteks persejarahan negara ini, persejarahan Selat Melaka dan persejarahan alam Melayu ini secara umumnya.

Bahagian sumber dan tafsiran sejarah sumber-sumber tersebut ada dibincangkan dalam Bab 1, Bab 2, Bab 3 dan Bab 4. Bagi sumber sastera daripada jenis sejarah, penulis menjurus kepada aspek yang lebih kompleks, iaitu aspek filologi dan interpretasi naskhah. Penulis berpendapat bahawa bukanlah semudah dan sewenang-wenangnya bahan-bahan ini dapat digunakan sebagai sumber sejarah Kesultanan Melayu Melaka. Saringan mesti dilakukan terlebih duhulu. Gejala filologi yang terselindung antara sumber-sumber ini perlu dipertimbangkan. Begitu juga terhadap sumber-sumber asing dari China dan Eropah (Portugis). Etos sejarahnya haruslah pula dilihat dan dianalisis secara kritis. Daripada proses analisis dan penyaringan inilah, maka, fakta-fakta (besar dan kecil)

---

[7]Pada tahun 1964, C.H. Wake telah menulis darihal Raja-Raja Melaka yang awal dan tentang Islam di Melaka dalam tulisannya, "Malacca's Early Kings and the Reception of Islam", dalam *JSEAH*, Vol 5, No 2, 1964, hlm. 106–116. Tulisan yang lain tentang Kesultanan Melayu Melaka telah terkumpul dalam beberapa bab dalam buku Kernial S. Sandhu and Paul Wheatley, (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital, cir. 1400 – 1980*, Oxford University Press, 1983. Dalam Bab 5 buku berkenaan, C.H. Wake mengulangi lagi pendapatnya tentang Kesultanan Melayu Melaka, dalam bab yang berjudul, "Melaka in the Fifteenth Century: Malay Historical Traditions and the Politics of Islamization", hlm 128 – 161.

diperhitungkan bagi percubaan membina suatu panorama sejarah Melaka pada abad yang dibahaskan.

Pelbagai aspek sejarah Melaka yang sebenarnya, ada dibincangkan dalam Bab 5, Bab 6, Bab 7, Bab 8, Bab 9, Bab 10, Bab 11 dan Bab 12 buku ini. Antara bidang-bidang sejarah yang dikaji ialah tentang kesultanannya, perihal beberapa orang tokoh yang telah mengukir sejarah dalam persejarahan Melaka itu sendiri, hal-ehwal undang-undangnya, isu tentang tradisi politik dan sistem pentadbiran Melaka yang selalu dibincangkan itu dan nilai-nilai Islam yang terdapat dalam perundangan Melaka serta aspek-aspek kemasyarakatan Melaka itu secara umumnya.

Kota Melaka pada abad ke-15 adalah sebuah entrepot. Sebagai kota atau bandar pelabuhan, kekuatan dan ketahanannya dapat dikekalkan sebab adanya kegiatan dan usaha-usaha berdagang secara besar-besaran. Malah apabila diambil kira kedudukan Melaka sebagai kuasa kelautan Melayu, kegiatan dan usaha inilah yang mendasari faktor ekonominya. Faktor inilah juga yang menjadikan Melaka sebagai kuasa di bahagian barat laut Nusantara yang cukup unggul. Melaka sebenarnya menjadi penyambung rantaian laluan perdagangan di laut di antara bahagian Timur dengan bahagian Barat dunia. Melaka menjadi sebahagian daripada sistem perjalanan dan perdagangan dunia yang amat penting sepanjang abad ke-15 dan beberapa abad selepas itu. Tome Pires pernah menyebut bahawa sesiapa yang dapat menguasai Melaka, mereka juga akan dapat menguasai Venice di Eropah. Oleh itu, matlamat ekonomilah yang menyebabkan Portugis bersungguh-sungguh mahu menguasai dan menakluk Melaka. Alasan dan sebab yang lain diada-adakan sahaja.

Bab 11 buku ini cuba menghuraikan beberapa hal tentang perdagangan dan perkapalan orang Melayu yang telah menguasai sebahagian besar daripada kegiatan ekonomi di Melaka di samping bangsa-bangsa pendatang yang lain. Pengetahuan kita tentang tajuk ini akan dapat membantu kita untuk memahami keadaan Melaka yang sebenarnya. Kita juga akan dapat memahami pergolakan sejarah yang terjadi di Melaka menjelang tahun 1511 dan keadaan selepasnya.

Sehingga sekarang, memang tidak banyak para pengkaji yang meneliti tentang perdagangan dan perkapalan orang Melayu. Para pengkaji itu tidak berani untuk menghuraikan hal ini dalam konteks dan keseluruhan sistem masyarakat dan kegiatan ekonomi di Melaka. Bukan sahaja maklumat tentang perkara ini terbatas, malah gambaran tentang perkara ini dalam sumber tempatan dan sumber peribumi adalah kabur dan sukar untuk ditafsirkan. Teks undang-undang Melayu seperti *Hukum Kanun Melaka* atau *Undang-undang Melaka* dan *Undang-undang Laut*

Melaka memang amat penting untuk menjadi sumber sejarah, tetapi soal filologi dan penggunaan bahasa klasik dan bahasa praklasik, kerap membingungkan pembaca. Walau bagaimanapun, apabila digabungkan semua sumber, iaitu sumber peribumi, sumber Portugis dan laporan pelawat dari China, maka gambaran tentang perdagangan dan perkapalan Melayu pada keseluruhan panorama sejarah ekonomi Melaka semakin jelas dan meyakinkan.

Salah sebuah hasil tulisan yang terawal dan kritis tentang hal ini dalam bahasa Eropah telah ditulis oleh sarjana Belanda, Meilink-Roelofsz.[8] Sarjana wanita ini merujuk secara kritis pada ketiga-tiga kelompok sumber tersebut. Anehnya, apabila beliau menilai dan merumuskan pendapat tentang perdagangan dan perkapalan Melayu, beliau kerap merujuk dan membandingkan dengan sistem perdagangan yang terdapat di kalangan masyarakat pedagang di Eropah atau dengan sistem perdagangan yang terdapat di Parsi atau di India. Ini mungkin bertujuan untuk meyakinkan lagi pembaca tentang sistem perdagangan yang dibahaskan, tetapi sistem tersebut belum pernah diperkatakan sebelum tahun 1960-an. Mengapakah harus membandingkan keadaan, suasana dan masyarakat serta tempat yang berbeza? Apabila ini dilakukan, dikhuatiri kelak, sesuatu dan setiap yang terjadi dan yang terdapat di Timur, akan didakwa sebagai pengaruh langsung atau tidak langsung dari luar dan dari Barat. Bagaimanakah pula kelak corak perdagangan tempatan atau Melayu?

Kemuncak perbincangan buku ini terdapat dalam Bab 13. Bab ini membincangkan tentang Melaka dari konteks sejarah serantau dan sejarah negara Malaysia. Bab ini adalah hasil rujukan penulis buku ini daripada sumber-sumber tentang Melaka. Sekarang ada dua pendapat tentang tradisi Melaka di kalangan para sarjana tanahair, Pertama, sarjana yang melihat Melaka sebagai asas bagi persejarahan Malaysia; dan kedua, sarjana yang memerhatikan Melaka sebagai sebahagian daripada sistem kesinambungan sejarah umat dan kebudayaan Melayu di sekitar Selat Melaka.

Sekiranya diperhatikan persejarahan Malaysia dengan lebih khusus, akibat perkembangan dan norma serta keadaan politik selepas tahun 1824, pendapat sarjana yang pertama mungkin berkaitan. Namun demikian, apabila giat melakukan kaji selidik berhubung dengan tradisi persejarahan Malaysia sebelum tahun 1400, pendapat demikian masih terbuka untuk perbincangan. Haruskah persejarahan Malaysia bertolak dan mengundur lebih daripada tahun 1400?

---

[8]Rujuk Meilink-Roelofsz, M.A.P., *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and About 1630*, The Hague, 1962.

Bab yang akhir ini akan cuba menjawab soalan tersebut. Tradisi persejarahan umat Melayu Melaka tidak harus dilihat daripada konteks geopolitik Melaka (atau Melaka sebenar) itu sendiri. Tradisi persejarahan itu patut diteliti dalam konteks kesinambungan kuasa, kebudayaan dan politik Melayu dari zaman-zaman sebelumnya, iaitu, zaman Singapura dan zaman Palembang dan Jambi dalam tradisi Sriwijaya.[9] Melaka hanya merupakan tapak peralihan petempatan daripada tapak petempatan sebelumnya, iaitu di Singapura dan di Palembang dan Jambi. Selepas tahun 1511 dan menjelang penghujung abad ke-16, tapak petempatan kuasa dan politik ini berpindah di Melaka dan bertapak pula di Johor Lama. Apabila empayar Melayu yang akhir ini mula retak di sekitar tahun-tahun 1720-an (akibat pengaruh politik Minangkabau, Bugis dan Melayu yang masih bertahan)[10] akhirnya pada awal abad ke-19, empayar ini telah berpecah. Kerajaan Melayu tradisional ini bertapak pula di Pahang, Johor, Selangor, Riau dan Lingga.

Oleh yang demikian, kesinambungan tradisinya jelas kelihatan. Segala-galanya bermula dari Palembang-Jambi atau mungkin bermula dari sebarang kerajaan Melayu yang lebih tua daripada itu, iaitu lebih awal dari abad ke-7. Apabila kita memperkatakan pula kuasa dan politik tradisional Melayu dalam konteks dan konsep kelautan serantau, pendapat ini semakin menonjol dan kukuh. Hampir seluruh kuasa politik dan kerajaan Melayu tradisional ini berlandaskan kelautan, iaitu kawasan perairan di sekitar Selat Melaka. Kerajaan Melayu tradisional ini menjadi ejen pencorak, perubah kebudayaan dan politik dan menjadikan kegiatan ekonomi sebagai kegiatan yang sangat berperanan dan bermakna.

Mungkin Melaka merupakan suatu pengetahuan dan pengalaman yang baru bagi persejarahan Malaysia, hanya sebab akibat pengalaman dan perubahan politik yang dialaminya selepas Perjanjian Inggeris-Belanda 1824. Perjanjian itu adalah ciptaan orang asing, Inggeris dan Belanda,

---

[9]Dua buah karya yang cuba melihat perkembangan sejarah Melayu dalam konteks kesinambungan budaya dan politik di Selat Melaka ialah *Early Indonesian Commerce*, Ithaca, 1967 dan *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Ithaca, 1970 oleh O.W. Wolters. Konsep ini telah diteruskan oleh Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya dalam buku terbarunya, *A History of Malaysia*, The Macmillan Press Ltd., Hong Kong, 1982, Bab 1, Bab 2 dan Bab 3.

[10]Untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang isu ini, sila rujuk Leonard Y. Andaya, *The Kingdom of Johor 1641 – 1728, Economic and Political Developments*, Oxford University Press, 1975; untuk meneliti hal yang sama tetapi setelah kemasukan pengaruh politik dan ekonomi Eropah sepanjang abad ke-18 di Selat Melaka, sila lihat Dianne Lewis, *The Dutch East India Company and the Straits of Malacca, 1700–784; Trade and Politics in the Eighteenth Century*, (Tesis Doktor Falsafah), Australian National University, Canberra, 1970. Daripada sumber peribumi, gambaran tentang perpecahan ini dapat dilihat dengan jelas dalam naratif *Peringatan Sejarah Negeri Johor*, yang diselenggarakan oleh E.U. Kratz, Wiesbaden, 1973; naskhah *Sejarah Raja-raja Riau* (Klinkert 37) dan naskhah *Sejarah Raja-raja Melayu* atau *Hikayat Siak* [Cod. Or. 7304 (Sn. H. 78)].

bukan dilakukan oleh bangsa dan umat Melayu sendiri. Sentimen kemelakaan dan ikatan kemelayuan yang berteraskan zaman Kesultanan Melayu Melaka masih terus kukuh di kalangan penduduk peribumi di persekitaran Selat Melaka. Ikatan ini disimpulkan oleh proses dan tradisi persejarahan yang telah pun berlaku.

Singkatan

B.A.	=	Latihan Ilmiah (Academic Exercise) untuk peringkat Sarjana Muda Sastera atau Bachelor of Arts (Kepujian Honours).
BKI	=	Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde Koninklijk Instituut.
BSOAS	=	Bulletin of the School of Oriental and African Studies.
ed atau eds	=	diedit atau disunting oleh.
hlm	=	halaman.
JIA	=	Journal of the India Archipelago and Eastern Asia.
Jil	=	Jilid.
JMBRAS	=	Journal of the Malayan/Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
JRAS	=	Journal of the Royal Asiatic Society.
JSBRAS	=	Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society.
JSEAH	=	Journal of Southeast Asian History.
lk	=	lebih kurang.
M.A.	=	Master of Arts atau Sarjana Sastera.
MBRAS	=	Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
No	=	Nombor.
Pt	=	Part.
TBG	=	Tijdschrift voor Indische Taal-, Land-en Volkenkunde Uitgegeven door het Bataviaasch Genootschap van Kunsten en Wetenschappen.
T.M.	=	Tahun Masihi.
Vol	=	Volume.
VKI	=	Verhandelingen van het Koninklijk Instituut voor Taal-, Land-en Volkenkunde.

PETA

1. Tradisi Empayar-Empayar Serantau Mengikut Kronologi

EMPAYAR FUNAN



EMPAYAR SRIWIJAYA



EMPAYAR MELAKA

SEBAHAGIAN DARIPADA EMPAYAR JOHOR-RIAU

2. Melaka Sebagai Pusat Perdagangan Melayu di Timur



Bahagian I – PERSEJARAHAN

1

Sumber Sejarah Kesultanan Melayu Melaka, 1400 – 1511 T.M.

SEBAGAI sebuah kuasa pesisir, tradisi persejarahan Melaka sepanjang abad ke-15 hingga awal abad ke-16, pada umumnya dikatakan hampir sama dengan tradisi persejarahan di beberapa buah kerajaan pesisiran di Nusantara. Oleh sebab desakan kehendak tempatan dan faktor ekologi serta kosmologi bagi memenuhi kehendak dan keperluan tempatan tersebut, maka terjadilah variasi di kalangan sesama kuasa dan kerajaan pesisiran itu. Walau bagaimanapun, variasi ini sebenarnya dirujuk pada prinsip, teras dan norma kebudayaan yang sama dalam konteks perkembangan proses sejarah rantau budaya yang sama dan selingkung.

B.J.O. Shrieke dalam kajiannya tentang sejarah kemasyarakatan di Indonesia,[1] telah menjadikan faktor budaya sebagai teras untuk menentukan perubahan dan perkembangan sejarah Indonesia. Malangnya, semua pendapat beliau tidak memberikan perhatian terhadap faktor variasi dan perbezaan corak serta jenis masyarakat setempat yang terdapat di Nusantara. Tradisi persejarahan Kedah umpamanya, tentulah berbeza daripada tradisi persejarahan Melaka, walaupun kedua-dua kerajaan ini terletak di semenanjung yang sama, sekurang-kurangnya di peringkat penganutan dan pengamalan agama yang pra-Islam dan zaman Islam. Tradisi persejarahan Melaka pula mungkin berbeza daripada tradisi persejarahan di beberapa buah kerajaan Islam di pelabuhan Jawa Utara. Walaupun kedua-dua kerajaan Islam ini wujud pada zaman yang sama, menganut agama yang sama, dan mengalami proses perubahan sejarah di kawasan perairan yang sama, tetapi berbeza dari segi penggunaan bahasa dan adat resam.

Pengamatan yang secara umum sahaja terhadap corak dan bentuk masyarakat di Nusantara, sering mengelirukan pengkaji ketika memahami dan menganalisis perkembangan dan perubahan sejarah masyarakat tersebut. Pengamatan yang secara umum ini mungkin terpaksa dilakukan kerana terlalu sukar untuk memahami dengan mendalam tentang adat

[1] B.J.O. Shrieke, *Indonesian Sociological Studies, Selected Writings*, von Hoeve – Bandung, 1961.

resam, realiti dan hati budi sesuatu masyarakat setempat itu.

Pengkaji sering menghadapi masalah untuk mendapatkan bahan dan sumber untuk mengkaji masyarakat tersebut kerana kurang atau tidak memahami sudut pandangan masyarakat setempat itu. Ini disebabkan sudut pandangan masyarakat si pemerhati dan si pengkaji berbeza dari sudut pandangan masyarakat yang dikaji. Perbezaan agama, alam sekitar dan tata-cara hidup antara masyarakat si pengkaji dan si pemerhati dengan masya-rakat yang dikaji dan diperhati juga akan menyebabkan perbezaan sudut pandangan masing-masing. Akibatnya, pengkaji terpaksa menggunakan sudut pandangan Barat atau sudut pandangan dari daerah lain yang terasing daripada masyarakat di Nusantara. Pengkaji juga sering menggunakan ber-bagai-bagai teori tentang masyarakat di Barat terhadap masyarakat di Nusantara dengan melakukan sedikit penyesuaian. Ini menyebabkan peng-analisisan itu menjadi tidak asli dan sering mengelirukan.

Pandangan sejarah Tun Seri Lanang dalam *Sejarah Melayu* tentang masyarakat Melaka, yang dilihat dengan visi yang amat elit dan amat totok ciri keperibumiannya itu tentulah berbeza daripada pandangan orang yang muncul daripada kalangan kuasa penakluk seperti Tome Pires dari Portugal yang melihat masyarakat yang sama melalui bukunya yang bertajuk *The Suma Oriental*. Ini belum termasuk jumlah perbezaan dan kelainan visi serta sudut pandangan di kalangan sesama anggota masyarakat setempat di rantau ini. Corak dan sudut pandangan dalam *Sejarah Melayu* adalah pandangan orang daripada kalangan keluarga Bendahara. Bagaimanakah pula corak dan sudut pandangan jika *Sejarah Melayu* itu dihasilkan oleh seseorang daripada kalangan keluarga Laksamana Melayu totok atau daripada kalangan keluarga Penghulu Bendahari Melaka yang berketurunan Melayu-Tamil? Sumber-sumber seperti ini tentunya akan menimbulkan berbagai-bagai masalah dari segi penilaian, justifikasi dan juga dari aspek interpretasi *Sejarah Melayu* itu.

Pada umumnya, terdapat tiga kelompok tentang sumber mengenai tradisi persejarahan Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16. Ketiga-tiga kelompok tersebut ialah sumber Melayu, Cina dan Eropah. Daripada ketiga-tiga kelompok itu, dapat pula dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu sumber tempatan dan sumber asing.

SUMBER TEMPATAN

Sumber tempatan diertikan sebagai sumber tentang Melaka yang ditulis dalam bahasa Melayu dan telah menjadi klasik dalam korpus kesusasteraan Melayu tradisional. Sumber tempatan itu tidak semestinya bercorak sejarah seratus peratus dalam konteks pengertian sejarah seperti yang kita fahamkan

pada hari ini. Dalam konteks yang lebih khusus, sumber tempatan membentuk genre (jenis) dalam kesusasteraan tradisional tadi. Dua daripada genre tersebut ialah sejarah dan undang-undang.

Teks tunggal yang mewakili genre sejarah ialah *Sejarah Melayu* dengan pelbagai versinya. Dua buah teks daripada genre undang-undang ialah *Undang-undang Melaka* atau *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* yang dengan pelbagai versinya juga. *Undang-undang Melaka* ialah tentang hukum dan peraturan hal-ehwal di daratan. *Undang-undang Laut Melaka* pula ialah tentang hukum dan peraturan di laut yang berkaitan dengan tatacara dan undang-undang pelayaran serta penggunaan kapal. Salah satu daripada versi *Undang-undang Laut Melaka* dikenali sebagai *Hukum* atau *Undang-undang Pebian Melaka*.

Sehingga kini, terdapat sekurang-kurangnya 29 buah naskhah salinan *Sejarah Melayu* yang terdiri daripada pelbagai versi.[2] Hal ini amat kompleks. Versi-versi tersebut memancarkan isi, corak dan sudut pandangan yang berbeza walaupun teras dan induk naratifnya adalah serupa, iaitu tentang raja-raja Melaka. Versi-versi ini berkait dengan soal dan permasalahan filologi, walaupun ada sarjana masa kini yang menyebut ilmu filologi sebagai tidak penting untuk mengkaji *Sejarah Melayu*.[3]

Kelainan isi dan kandungan dalam ruang lingkup ilmu filologi menyebabkan ahli sejarah yang menggunakan *Sejarah Melayu* untuk mengetahui tradisi persejarahan Melaka menjadi kebingungan. Sebagai contoh, ada versi yang menyebut institusi Laksamana muncul di Melaka sejak zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah (Raja Kecil Besar). Ada pula versi yang mengatakan institusi Laksamana telah wujud ketika pemerintahan Sultan Mansor Syah. Ada versi yang menyebut Hang Tuah berasal dari Duyung, Melaka. Ada juga versi yang mendakwa Hang Tuah berasal dari tanah Bugis di Sulawesi,[4] dan ada pula versi yang mengambil jalan mudah, langsung tidak memberikan asal usul Hang Tuah.

Menggunakan *Sejarah Melayu* dengan sebaik cara dan seobjektif yang mungkin dalam ruang lingkup ilmu dan kaedah persejarahan serta memahami permasalahan filologi yang dihadapkan olehnya adalah sebaik dan seunggul kaedah yang patut dilakukan. Walau bagaimanapun ini sebenarnya adalah tugas ilmiah yang amat berat dan kompleks. Ada ahli sejarah yang memahami dan menyedari fenomena ini. Oleh yang demikian, mereka

---

[2]Rujuk Bab 2 buku ini.

[3]Umar Yunus, *Sejarah Melayu, Menemukan Diri Kembali*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1984.

[4]A. Samad Ahmad, (ed), *Sulalatus Salatin*, (*Sejarah Melayu*), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, hlm 295–311.

merujuk pada naskhah *Sejarah Melayu* versi *Raffles MS.18*, perawian tahun 1536, yang diselenggarakan oleh R.O. Winstedt pada tahun 1938.[5] Ini disebabkan Winstedt mendakwa bahawa naskhah *Sejarah Melayu* versi *Raffles MS. 18* merupakan naskhah salinan yang paling tua dan yang paling hampir dengan naskhah asal *Sejarah Melayu*, serta dapat mengekalkan ciri-ciri asal teks ini. Oleh itu, kandungan dan naratif sejarahnya dianggap lebih tepat kerana dapat mengekalkan identiti naskhah asal *Sejarah Melayu*.

Sejarah Melayu versi tahun 1612 yang diselenggarakan oleh W.G. Shellabear berbeza dengan *Sejarah Melayu* versi *Raffles MS. 18* kerana ia telah 'diperbaiki semula'. *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 mungkin telah banyak mengalami perubahan (tambah dan buang semasa 'diperbaiki semula'). Ini belum termasuk kesilapan yang mungkin dilakukan oleh perawi versi tahun tersebut secara tidak sengaja seperti yang sering dilakukan oleh perawi naskhah Melayu yang lain.[6] Oleh itu, ahli sejarah berpendapat adalah merbahaya jika menggunakan *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 untuk tujuan dan kaedah sejarah. Walau bagaimanapun, *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 lebih popular di kalangan pembaca dan lebih menarik jika pembaca ingin mengetahui permasalahan filologi *Sejarah Melayu*.

Ini bukanlah pula bererti *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 itu tidak berguna langsung untuk dijadikan sumber sejarah. *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 harus dirujuk dan digunakan dengan berhati-hati. Malahan apabila kita menyedari sepenuhnya tentang masalah naskhah dan filologi yang ditampil dan dipancarkan oleh *Sejarah Melayu*, iaitu apabila hampir semua naskhahnya mengandungi unsur-unsur *corrupt* secara tersendiri, maka tidak ada satu naskhah dan versi *Sejarah Melayu* pun yang paling tepat dari segi fakta sejarah untuk kita gunakan dengan penuh keyakinan sejarah. Setiap satu naskhah memiliki latar belakang dan tradisi kemunculannya yang tersendiri. Apabila hal ini menjadi satu fenomena dalam kesusasteraan dan membentuk gejala persejarahan *Sejarah Melayu*, seorang sarjana pernah mengatakan bahawa:

> "No one text (of Sejarah Melayu) can be accepted as being, a periori, more accurate a reflection of the body of tradition, lying behind the Sejarah Melayu, or closer to the historical truth. The historical value of

---

[5]R.O.Winstedt, (ed), "The Malay Annals or the Sejarah Melayu", dalam *JMBRAS*, Vol 16, No 3, 1938, hlm 1–226.

[6]Teuku Iskandar, "Some Aspect Concerning the Work of Copyists of Malay Historical Writings", dalam *Peninjau Sejarah*, Vol. III, No 2, 1968, hlm 1–10; lihat juga H.J. Cowan (ed), *de Hikayat Malem Dagang*, Desertasi Utretcht, 1938, hlm 17–18.

the Malay sejarah traditions lies not in any particular text, but in the comparative study of all the variant versions".[7]

R. Roolvink menerusi pendekatan diakronis,[8] telah membentangkan secara analitik masalah perbezaan berbagai-bagai variasi pada versi-versi *Sejarah Melayu* dan hubungan sesama versi dan naskhah yang terdapat pada hari ini.[9] Selain pendekatan R. Roolvink itu hingga sekarang masih belum terdapat penyelenggaraan yang lengkap, kritis dan definitif terhadap teks tersebut. Walhal masalah perbezaan berbagai-bagai variasi pada versi *Sejarah Melayu* dan hubungan sesama versi dan naskhah telah diperkatakan sejak tahun 1726. Pelajar sejarah di Malaysia dan di Indonesia hari ini harus menyedari supaya tidak sewenang-wenangnya menggunakan teks *Sejarah Melayu* itu sebagai sumber penyelidikan dan rujukan sejarah, dan tradisi persejarahan Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16. Dua buah teks undang-undang, iaitu *Undang-undang Melaka* dan *Undang-Undang Laut Melaka*, yang sebagai genre kesusasteraan Melayu tradisional di Melaka, memang amat membantu untuk mengkaji tentang sejarah masyarakatnya. Disebabkan oleh genrenya itu sendiri, maka tentulah kedua-duanya tidak dapat membekalkan data dan fakta tentang persejarahan Melaka secara langsung dan secara kaedah manual sejarah seperti *Sejarah Melayu*. Tetapi kedua-duanya amat bermanfaat untuk maklumat sejarah dari segi pemikiran dan konsep tentang kemasyarakatan itu sendiri.

Daripada teks *Undang-undang Melaka* contohnya, kita dapat mengetahui tentang status kesedaran masyarakat Melaka ketika itu. Hukuman kepada seseorang amat bergantung pada kedudukan sosial dan politik orang itu dalam masyarakat. Makin rendah kedudukan seseorang anggota masyarakat, makin berat hukuman yang dikenakan jika sabit kesalahan. Sebaliknya, makin tinggi dan istimewa kedudukan seseorang anggota masyarakat itu, makin berpeluang orang itu untuk terlepas daripada hukuman, walaupun sebesar mana kesalahan dan 'dosa' yang telah

---

[7]C.H. Wake, "Melaka in the Fifteenth Century: Malay Historical Traditions and the Politics of Islamization", dalam P. Wheatley and K.S. Sandhu, (ed), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital, cir. 1400–1980*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1983, hlm 140.

[8]Pendapat A.E. Teeuw tentang hal ini ditampilkan dalam sebuah kertas kerjanya, *Some Remarks on the Study of So-called Historical Texts in Indonesian Languages*, untuk Konferensi IAHA, Jogjakarta, 1974, hlm 3–26.

[9]R. Roolvink, "The Variant Versions of the Malay Annals", dalam *BKI*, No 123, 1967, hlm 300–311. Rencana ini kemudiannya diterbitkan semula, dimuatkan ke dalam pendahuluan buku C.C. Brown, (ed), *Sejarah Melayu*, 'Malay Annals', Oxford University Press, 1970, hlm xv–xxvii.

dilakukan. Sekiranya seseorang itu menjadi kesayangan raja, dia mungkin terlindung daripada undang-undang, sebab raja Melaka sendiri mengatasi undang-undang. Unsur-unsur dan pengaruh nepotisme serta mengampu amat berperanan dalam sejarah masyarakat tersebut.

Begitulah juga perkara dan fasal yang ditentukan dalam kedua-dua buah teks undang-undang tadi. Kita dapat menimba konsepsi dan manual teks tentang sumber *Undang-undang Melaka* itu sendiri, iaitu gabungan antara unsur hukum adat dan resam (teras daripada pengaruh tempatan dan pengaruh Hindu) dengan hukum syariah Islam mazhab Syafie. Pengamalan hukum-hukum adalah mengikut keadaan. Sekiranya hukum memotong tangan bagi kesalahan jenayah mencuri mengikut syariat Islam difikirkan berat terhadap seorang pesalah, sedangkan hukum tersebut telah termaktub dan terkanun dalam undang-undang, maka digantikan dengan hukuman denda dalam bentuk pembayaran emas. Walau bagaimanapun, hukuman tersebut adalah mengikut budi bicara hakim, sama ada hakim akan mengamalkan hukum Allah atau membuat keputusan mengikut hukum kanun atau hukum pada adatnya (hukum adat). Seorang kaya yang didapati bersalah kerana menampar orang lain akan didenda sesekian banyak, sedangkan bagi jenis kesalahan yang sama yang dilakukan oleh orang 'tidak berada', sebagai hukumannya orang itu mesti menjadi hamba kepada pihak yang ditampar jika tidak mampu membayar denda.

Daripada semua sumber, Melaka digambarkan sebagai bandar pelabuhan yang sentiasa sibuk dengan urusniaga, perdagangan dan perkapalan. Tetapi teks *Undang-undang Melaka* memberi maklumat bahawa Melaka juga bergiat dalam bidang pertanian walaupun tidak sampai ke peringkat mengusahakan bidang tersebut untuk tujuan eksport.

Seorang sarjana,[10] pernah mengatakan bahawa *Sejarah Melayu* mengandungi, "... a melange of different elements ... accounts of memorable events, anecdotes of incidents and personalities, and functional myths ... narrative of the history and descent of the kings and their court ceremonial". *Undang-undang Laut Melaka* pula menjelaskan secara eksplisit tentang peranan nakhoda dalam urusan dan urusniaga Melaka serta kegiatan perkapalan Melaka. Secara tidak langsung, ini menunjukkan betapa pentingnya kalangan pegawai dan profesional yang digelar nakhoda dalam sejarah kemasyarakatan awal Melaka.

Hikayat Hang Tuah, hasil karya klasik Melayu yang agung itu bukanlah bercorak sejarah, tetapi bukan bererti tidak berguna untuk dijadikan sumber penulisan sejarah. Kaedah interpretasi sejarah dan memahami

[10]C.H. Wake, *op. cit.*, hlm 129.

ilmu kaji masyarakat pada masa itu serta semangat zaman penghasilan hikayat tersebut perlu untuk tujuan kajian. Kandungan teks ini sebenarnya dapat memberi kita idea tentang konsep masyarakat Melayu abad ke-15 dan abad ke-16. Walaupun hikayat ini ditulis pada beberapa abad selepas kemusnahan Kesultanan Melayu Melaka di Melaka, namun hikayat tersebut masih berjaya mengekal, memancar dan mencerminkan beberapa idea tentang masyarakat Melaka sendiri. Tradisi kemasyarakatan mungkin masih belum banyak berubah dan penulis *Hikayat Hang Tuah* itu sendiri mungkin merupakan seorang *literary genius* yang dapat memahami etos masyarakat pada abad ke-15 dan abad ke-16 serta mewarisi sambil mengongsi pula etos masyarakat Melayu pada masa itu.

Seperti *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah* juga jelas mendefinisikan Melayu sebagai mempunyai ikatan etnik, tradisi dan politik yang amat kuat dengan beberapa kawasan pantai timur Sumatera seperti Palembang, Jambi, Asahan dan sebagainya. Tome Pires menyebut semua kawasan ini sebagai 'Tanah Melayu'.

Perwatakan dalam *Hikayat Hang Tuah* itu sendiri memancarkan banyak idea dan boleh menggambarkan sejarah keunggulan masyarakat Melayu yang berkerajaan. *Hikayat Hang Tuah* menjelaskan bagaimana anggota masyarakat yang berkerajaan tadi harus beroperasi sesama sendiri seperti keunggulan seorang raja yang adil, taat setia rakyat yang tidak berbelah bagi kepada rajanya, dan unsur, keperluan serta nilai kepahlawanan dalam tradisi masyarakat lama yang berkerajaan.

Konsep 'kebal' dalam unsur dan nilai masyarakat yang dilambangkan kepada beberapa tokoh dan watak dalam teks ini, terutama kepada Hang Tuah, sebenarnya adalah pancaran realiti dan manifestasi keadaan masyarakat Melaka itu sendiri. *Hikayat Hang Tuah* adalah hasil kreatif sastera, maka keagungan para tokoh dan watak memang diberi keutamaan dan ditonjol-tonjolkan sebagai asas sebuah penghasilan sastera yang bercorak kepahlawanan agar sesuai dengan sifat dan tujuan pengarangnya.[11] Oleh itu hilanglah sifat persejarahan Hang Tuah, lalu bertukar menjadi mitos atau legenda sahaja. Ada sarjana yang menamakannya sebuah hasil penulisan epik.

Kesedaran dan visi sejarah kita serta penganutan agama Islam yang luhur dan kukuh dari segi akidah, mungkin tidak dapat menerima unsur manusia dan konsep kebal seperti itu. Tetapi realiti kewujudan anggota masyarakat seperti ini di Melaka amat jelas dilaporkan oleh Tome Pires,

---

[11]Teuku Iskandar, "Some Historical Sources Used by the Author of Hikayat Hang Tuah", dalam *JMBRAS*, Vol XLII, No 1, 1960, hlm 39–47.

Alfonso de Albuquerque, de Barros dan de Eredia. Anggota masyarakat tersebut dikatakan datang dari Pahang, Lingga dan Brunei, dan disebut oleh penulis Portugis ini sebagai *The cabaees*, yang merupakan kalangan bangsawan Melaka.[12]

Selain sumber tempatan yang bercorak tulisan terdapat juga sumber lisan dan kesan-kesan tinggalannya di Melaka. Sumber lisan masih dipertuturkan di kalangan orang-orang tua di negara ini. Keagungan kerajaan dan sejarah lama Melaka itu sendiri mungkin banyak meninggalkan tradisi sastera lisan mengenainya, tentang kisah raja-rajanya, pembesar dan pahlawannya, serta kisah-kisah menarik yang didakwa telah terjadi sepanjang sejarah kesultanan ini. Jika sumber tersebut bukan merupakan sastera lisan yang diperturunkan daripada satu generasi ke generasi yang lain sehinggalah ke hari ini, atau bukan diperoleh daripada pembacaan versi tertulis yang sedia ada, tentulah sumber itu 'ciptaan' si penutur yang sengaja mengada-adakannya kerana keghairahan tentang hal-ehwal masa yang lalu itu. Walau bagaimanapun, ia boleh membentuk dan mempelbagaikan lagi versi daripada versi-versi tertulis mengenai sesuatu maklumat tentang Melaka. Cuma segelintir orang sahaja yang meminati kesahihan atau kepalsuannya untuk nostalgia semata-mata bukan untuk matlamat ilmiah, kerana orang yang tidak mempeduli dan menghiraukan lagi sejarah dan permasalahan Melaka masa lalu itu lebih ramai bilangannya. Penggunaan tradisi dan sumber lisan ini memerlukan kaedah yang khusus.

Hal yang serupa juga boleh dirujuk daripada kesan-kesan tinggalan yang mungkin masih wujud dalam bentuk dakwaan dan andaian belaka, tanpa bukti yang jelas. Proses untuk mensahihkan kesan seperti kubur, perigi, ekologi, batu nisan dan sebagainya memerlukan penelitian yang kompleks. Masyarakat Melaka mendakwa Hang Tuah berasal dari Duyung, Melaka, kerana terdapat sebuah periginya di situ. Masyarakat di Sumatera Timur juga berhak membuat dakwaan yang sama kerana di wilayah Pekan Baru, Riau, terdapat sebuah kampung bernama Duyung. Di kampung itu terdapat sebuah perigi yang didakwa sebagai perigi Hang Tuah. Oleh sebab itulah mereka mendakwa Hang Tuah berasal dari sana. Sekarang, semasa masyarakat sedang ghairah mencari dan menentukan tapak dan kesan sejarah di negara ini, terdapat pula dakwaan yang mengatakan bahawa kubur (makam) Tun Teja terdapat di dua tempat, iaitu di Melaka dan di Johor. Apabila dakwa-mendakwa seperti ini terjadi, maka sumber untuk tujuan penulisan sejarah menjadi kecoh dan membingungkan. Sekiranya ketetapan

---

[12]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental of Tome Pires*, The Hakluyt Society, London, 1944, hlm 266.

fakta tentang sumber seperti ini tidak dapat dicapai maka terpaksa dan keraplah kita menggunakan istilah 'mungkin' dalam penulisan dan banyak andaian terpaksa dibuat untuk menghayati sejarah Melaka zaman silam itu.

SUMBER ASING

Terdapat empat sumber dari negeri China tentang Melaka, iaitu *Ming Shih, Ming Shih-lu, Ying-yai Sheng-lan dan Hsing-cha Sheng-lan.*[13] *Ming Shih* dan *Ming Shih-lu* telah dikumpulkan pada tahun 1742 daripada rekod Dinasti Ming. *Ying-yai Sheng-lan* dan *Hsing-cha Sheng-lan* pula sebenarnya merupakan laporan naratif dua orang penulis Cina, iaitu Ma Huan (beragama Islam) dan Fei Hsin yang menyertai ekspedisi Laksamana Cheng Ho ke Melaka pada awal abad ke-15. Mereka adalah pegawai ekspedisi tersebut. Ma Huan mempunyai tugas khusus sebagai penterjemah bahasa Arab. *Ying-yai Sheng-lan* telah diterbitkan pada tahun 1451, sementara *Hsing-cha Sheng-lan* pula diterbitkan pada tahun 1436.

Ming Shih dan *Ming Shih-lu* amat penting untuk membantu para sarjana untuk menjelaskan masalah nama, susunan dan tempoh pemerintahan raja-raja Melaka yang awal. Sumber-sumber inilah yang digunakan dengan berkesan oleh Profesor Wang Gungwu ketika menyelesaikan masalah tentang salasilah beberapa orang raja dan pemerintah awal Melaka apabila sumber tempatan dan sumber dari Portugis kelihatan membingungkan beliau.[14]

Sebagai orang Islam, Ma Huan tertarik dengan keadaan-keadaan semasa yang wujud di Melaka ketika itu, iaitu berhubung dengan hal-ehwal agama

---

[13]Sumber-sumber terjemahan ke bahasa Inggeris daripada dokumen-dokumen China dirujuk daripada tulisan W.P. Groeneveldt, "Notes on the Malay Archipelago and Malacca Copied from Chinese Sources", dalam *VBG*, Vol 29, 1880, hlm 1–44, iaitu sumber karya yang dipetik daripada *Ming Shih* dan *Ying-yai Sheng-lan*. Sementara hasil terjemahan dan nukilan daripada *Hsing-cha Sheng-lan* boleh dirujuk daripada tulisan W.W. Rockhill, "Notes on the Relations and Trade of China with the Eastern Archipelago and the Coast of the Indian Ocean During the Fourteenth Century", Bhg II dalam *Tung Pao*, Jil 16, 1915, hlm 117–118. Suatu perbincangan yang jelas tentang sumber-sumber China ini didapati dalam tulisan Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", dalam *JMBRAS*, Vol 41, Bhg II, 1968, hlm 11–22. Juga kajian Wang Gungwu dalam rencananya, "The Opening of Relations Between China and Malacca, 1403–1405", dalam J. Bastin and R. Roolvink, (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Claredon Press, Oxford, 1964, hlm 87–104 dan rencananya, "China and South-East Asia, 1402–1424" dalam J. Chien dan N. Tarling, (eds), *Studies in the Social History of China and South-East Asia: Essays in memory of Victor Purcell*, Cambridge University Press, Cambridge, 1970, hlm 375–401. Rujuk juga Wang Gungwu, "Malacca in 1403", dalam *Malaysia in History*, Journal of the Malaysian Historical Society, Vol 22, Mei 1979, hlm 158–163.

[14]Rujuk Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", *ibid.*; Rujuk juga Bab 5 buku ini.

Islam. Dalam teks *Ying-yai Sheng-lan*, Ma Huan menyebut bahawa Megat Iskandar Syah, pengganti Parameswara, memeluk agama Islam ketika usianya telah lanjut. Ma Huan juga melaporkan bagaimana Megat Iskandar Syah amat dipengaruhi oleh keadaan semasa di Melaka apabila Melaka didatangi oleh para saudagar Islam dari negeri Arab, India dan Pasai. Kemudian, Melaka pun menjadi sebuah pusat perdagangan orang Islam.

Pada tahun 1433, ketika Ma Huan ke Melaka bersama-sama ekspedisi Laksamana Cheng Ho, beliau melaporkan keadaan masyarakat Melaka dalam teksnya. W. P. Groeneveldt telah memetik dan menterjemahkan laporan Ma Huan tersebut seperti berikut;

> "The king (of Melaka) and the people are all Mohammedans and they carefully observe the tenets of this religion".[15]

Dalam keadaan yang sama jugalah mungkin penyalin *Sejarah Melayu* telah diberitahu perihal kedatangan ramai pedagang Islam ke Melaka pada awal abad ke-15. Asal usul nama Melaka cuba dihubungkan dengan keadaan semasa ini dengan menggunakan istilah Arab, iaitu *Malakat* yang diertikan sebagai 'perhimpunan segala dagang'.[16] Pengertian ini mungkin sesuai dengan istilah Arab yang sebenarnya, *mulāqah* yang bermaksud 'pertemuan'. Hal ini telah menjadi salah satu daripada versi tentang tradisi asal usul nama Melaka. Versi induk orang peribumi pula melaporkan bahawa asal usul nama Melaka adalah sempena nama sepohon kayu Melaka di tebing muara Sungai Melaka. Sebenarnya versi ini banyak dipengaruh dan merujuk pada tradisi mitos Hindu tentang nama dan pohon buah Amalaka (emblic myrobalan). Pohon ini dipercayai pertama sekali tumbuh di dunia dan dipercayai mempunyai kuasa ghaib berhubung dengan kekayaan, kesihatan dan kekuatan fizikal serta spirituil manusia.[17]

Pada asasnya, laporan sumber dari China adalah merupakan koleksi laporan rasmi daripada ekspedisi dan misi politik Laksamana Cheng Ho yang telah diutuskan ke Melaka oleh Maharaja China, Yung-lo. Ekspedisi ini bermula pada tahun 1404, diikuti kemudian oleh ekspedisi yang lain sepanjang tahun 1413 – 1415, 1421 – 1422, dan 1431 – 1433.

Sudut pandangan tulisan yang dilapor dan diterapkannya tentulah

---

[15]C.H. Wake, *op.cit.*, hlm 142.

[16]W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu (The Malay Annals)*, Malayan Publishing House Ltd., Singapore, 1961, hlm 82.

[17]B. Walker, *Hindu World*, Jil II, George Allen and Unwin, London, 1968, hlm 215–216; Lihat juga S. Singaravelu, *Tradisi India dan Sastera Melayu*, iaitu kertas kerja untuk Hari Sastera, 1985, P.Pinang, 1985, hlm 6.

berbeza dari sudut pandangan tulisan orang peribumi tentang Melaka. Laporan sumber dari China meninjau dari sudut politik dan lebih mengutamakan matlamat kedatangan ekspedisi dan misi orang Cina ke Melaka. Laporan tersebut menyenaraikan nama raja-raja Melaka yang ditemui oleh ketua misi tadi dari tahun 1404 hingga tahun 1433, suasana kosmopolitan Melaka, corak dan komoditi perdagangannya, dan ekologi Melaka sendiri.

Melaka dilaporkan mempunyai suhu yang tinggi, tanahnya berpasir, dan tidak sesuai untuk kegiatan pertanian. Tentunya apa yang disebut berpasir dan kering ini ialah hasil tinjauan yang dibuat oleh penulisnya terhadap tanah di sepanjang pesisir pantai sahaja, mungkin dari utara ke selatan, bukan peninjauan terhadap ekologi di bahagian pedalaman Melaka. Laporan seperti ini tentulah bertentangan dengan 'semangat' tulisan yang ditunjukkan oleh teks *Undang-undang Melaka*. *Undang-undang Melaka* menunjukkan dengan jelas beberapa fasal peraturan dan undang-undang yang berhubung dengan syarat bertani, jenis pertanian yang diusahakan, undang-undang menternak binatang dan kesalahan-kesalahan awam yang berhubung dengan usaha pertanian dan penternakan.[18]

Sekiranya sahih laporan sumber dari China tentang jenis tanah-tanih yang terdapat di Melaka ketika itu, tentulah tanah tersebut tidak sesuai untuk pertanian dan penternakan. Oleh itu, tidak akan tercatat dan tidak wujudlah fasal tentang pertanian dan penternakan dalam teks *Undang-undang Melaka* tadi. Selepas tahun 1433, tidak ada laporan lagi tentang Melaka dalam sumber dari China.

Sekurang-kurangnya terdapat lima sumber primer Portugis tentang Melaka yang dihasilkan oleh lima orang penulis atau pelapor dari Portugal. Penulis dan hasil karya mereka ialah seperti berikut:

(a) Tome Pires dengan karyanya yang berjudul *The Suma Oriental*,[19] tulisan yang paling awal tentang Kesultanan Melayu Melaka yang ditulis oleh orang Barat.

(b) Joao de Barros dengan karyanya berjudul *de Asia*.[20]

(c) Tulisan naratif mengenai Melaka oleh Alfonso de Albuquerque dalam karya tunggalnya berjudul, *The Commentaries of the Great*

---

[18]Fasal-fasal 11:2, 11:4, 15:4, 15:7, 15:8, 20:1, 20:2, 21:2, 21:3, dan lain-lain dalam *Undang-undang Melaka*. Rujuk Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Melaka* (The Laws of Melaka), The Hague, 1976, (passim).

[19]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, 1944.

[20]H. Cicade and M. Murians (ed), *Asia de Joao de Barros*, 4 Jilid, Losbon, 1945–1946, (Second Decada).

Alfonso Dalboquerque Second Viceroy of India yang diterbitkan pada tahun 1557 oleh Braz de Albuquerque, diterjemah dan diselenggarakan pada tahun 1875 – 1884 oleh Walter de Gray Birch.[21]

(d) Dua buah karya oleh Manuel Godinho de Eredia, yang menerangkan darihal Melaka dan Gugusan Kepulauan Melayu pada penghujung abad ke-16 dan awal abad ke-17, berjudul:

i. *Report on the Golden Chersonese* (judul asalnya *Informacao da Aurea Chersoneso, ou Peninsula, e das Ilhas Auriferas, Carbunculas, e Aromaticas.*)

ii. *Description of Malacca, Meridional India and Cathay* (judul asalnya *Declaracam de Malacca e India Meridional com a Cathay.*)[22]

(e) Sebuah karya yang berjudul *Decada* oleh Diogo do Couto.

Sumber dan penulis Portugis tentang Melaka dan alam Melayu yang lain telah pun diperkatakan oleh I.A. Macgregor dalam sebuah rencananya.[23]

Pada umumnya, sumber-sumber ini melaporkan keadaan di Melaka dan sekitarnya selepas tahun 1511. Laporan hal-ehwal tentang Melaka sebelum kedatangan orang Portugis ke Nusantara ini dan kegiatan orang Portugis di rantau ini lebih banyak merujuk pada dua jenis sumber, iaitu pertama, secara lisan daripada pihak yang berkuasa; dan kedua, hasil laporan dan rekod rasmi yang terdapat di Arkib Lisbon. Kedua-dua bentuk sumber ini tentunya mempunyai beberapa kekuatan dan kelemahan yang tersendiri berdasarkan pandangan penulis atau pelapor kelima-lima sumber primer Portugis seperti yang telah disebutkan.

Tome Pires menerangkan tentang hal-ehwal Melaka pada zaman kesultanannya, iaitu hanya beberapa tahun selepas penaklukan Melaka oleh Portugis. Sumber tentang hal-ehwal Melaka diperoleh daripada para informan di bandar Melaka, iaitu daripada mula-mula penubuhan Melaka hinggalah kepada kedatangan beliau pada tahun 1520-an. *The Suma Oriental*, iaitu hasil dari sudut pandangan orang dari Barat, mungkin

---

[21]Walter de Gray Birch, (ed), *The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque*, 4 Jilid, Siri Kedua No 53, 55, 62 dan 69, The Hakluyt Society, London, 1875–1884.

[22]J.V. Mills, "Eredia's Description of Malacca Meridional India and Cathay", dan "Report on the Golden Chersonese", dalam *JMBRAS*, Vol VIII, Pt. 1, 1930, hlm 1–288; M.L. Dames, (ed), *The Book of Duarte Barbosa*, 2 Jilid, Siri Kedua No 44 dan 45, The Hakluyt Society, London, 1918–1921.

[23]I.A. Macgregor, "Some Aspects of Portuguese Historical Writing of the Sixteenth and Seventeenth Centuries on South-East Asia", dalam D.G.E. Hall (ed) *Historians of South East Asia*, Oxford University Press, London, 1961, hlm 172–199.

merupakan sumber asing bercorak bukan peribumi yang paling hampir sezaman dengan abad ke-15.

Tome Pires tidak melibatkan sepenuhnya maklumat yang diterima daripada para informan untuk sumber tulisannya. Ini disebabkan para informan tersebut adalah pihak ketiga dan menerima maklumat daripada pihak kedua. Dalam hal ini, Tome Pires mengambil jalan tengah dengan hanya menyebut, seperti, "they said .., they call .., is said .., ... and the people say that, dan ... they say that".[24] Menurut Tome Pires kesahihan dan kebenaran maklumat bukanlah terletak pada bahan yang dinaratif dan diriwayatkan tetapi terletak pada pendapat ramai yang dirakamkan dalam bukunya, *The Suma Oriental*. Tome Pires setakat memberi maklumat kesimpulan setelah beliau yakin bahawa kesimpulan itu adalah, "... from what the majority affirm".[25] Tome Pires menyebut perolehan sumbernya daripada informan yang dikatakannya "... according to various authors", itu.[26]

Dengan cara dan sikap Tome Pires yang demikian, maka penilaian dan justifikasi beliau terhadap sesuatu pihak atau isu akan dipulangkan kepada sumber rujukan yang diberi oleh para informannya itu, walaupun mungkin pihak dan isu yang beliau justifikasikan itu adalah sebenarnya penilaian peribadi beliau sendiri. Penilaian Tome Pires terhadap peribadi Sultan Mahmud yang disebutnya sebagai, "... was less just than any of the previous ones, very luxurious, intoxicated with opium everyday ... was presumptuous ... arrogance ...", dan lain-lain adalah penilaiannya setelah dikatakan *majority affirm* tadi. Setelah mendapat maklumat tentang Sultan Mahmud, maka Tome Pires pun membuat kesimpulan bagi pihak informannya itu, bukan kesimpulannya sendiri dengan mengatakan, " ... and the people say that it was on account of the arrogance of this sin that he was lost, and all bore him ill-will".[27]

Masalah utama, sumber *The Suma Oriental* ialah bentuk sumber lisan yang dibina untuk naratif Tome Pires tadi. Sekiranya pihak informan memberitahu beliau tentang peribadi Sultan Mahmud, iaitu terdapat pihak yang memusuhi dan tidak menyukai baginda, maka begitulah kelak corak sumber yang diperoleh, diambil dan dituliskan oleh Tome Pires, dan begitulah sebaliknya. Walau bagaimanapun, dapat kita rasakan terdapatnya ciri-

---

[24]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*., (passim).
[25]*Ibid.*, hlm 229.
[26]*Loc cit.*
[27]*Ibid.*, hlm 254.

ciri "berpijak di bumi nyata" tentang fakta penulisan beliau berbanding dengan penulisan *Sejarah Melayu*.

Begitulah juga sanjungan bagi naratif tentang Sultan Iskandar Syah yang ditulis oleh beliau. Tome Pires mengatakan Sultan Iskandar Syah sebagai, "... was a man of justice and liberal to the merchants".[28] Tome Pires juga melaporkan tentang Sultan Muzaffar Syah sebagai, "... was a better king than all those who had gone before",[29] dan perihal Sultan Mansor Syah sebagai, "... was chivalrous and very luxurious, just ... was a sociable man, liberal, a gambler and luxurious; but withal he was just".[30] Kesemuanya ini adalah daripada hasil laporan lisan yang didengar dan yang diperolehnya. Tome Pires menyebut mereka sebagai berkata sebagai , "they had heard", dan "they say that". Tome Pires membuat sanjungan sedemikian kerana para penutur dan informannya menyukai raja-raja tadi, "they liked him".[31]

Joao de Barros pula telah menulis buku yang berjudul *de Asia*. Buku ini adalah hasil rujukan beliau daripada dokumen dan maklumat yang diperoleh secara lisan daripada para penterjemah Arab dan Parsi. Beliau melengkapkan karangan ini pada tahun 1539 dan diterbitkan pada tahun 1553. Sekiranya tiada sumber tempatan tentang zaman awal Melaka, maka bahan tulisan untuk zaman itu dirujuk daripada tradisi semasa.

Ini wajar kerana belum banyak terjadi perubahan dalam tradisi antara sebelum tahun 1511 dengan periode antara tahun 1511 hingga tahun 1530-an, iaitu jangka masa jangkauan naratifnya. Sudut pandangan dan semangat penulisan de Barros juga hampir sama dengan tulisan Tome Pires. Perbezaan hanya pada peringkat lanjutan tulisan kerana menggunakan sumber yang berbeza.

Hal yang serupa juga berlaku pada tulisan Alfonso de Albuquerque dalam bukunya *The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque Second Viceroy of India*. Laporan beliau tentang Melaka adalah hasil pengamatan beliau sendiri, bukan menerusi pembacaan sumber sekunder yang lain. Walau bagaimanapun, sebagai orang Portugis yang menjadi ketua angkatan penakluk 'Benggali Putih', sikap dan sudut pandangan beliau yang condong ke arah Portugis adalah melampau. Sifat keperwiraan beliau lebih banyak dan kerap ditimbulkan dalam penulisannya.

Dan apabila sifat dan semangat keperwiraannya ini dikagumi oleh Francois de Sa de Menesses, iaitu penyair Portugis yang hidup lewat dari

---

[28] *Ibid*., hlm 241.
[29] *Ibid*., hlm 243.
[30] *Ibid*., hlm 249.
[31] *Ibid*., hlm 241.

zaman Alfonso de Albuquerque sendiri, maka terbinalah watak Albuquerque sebagai anak watan, wira dan hulubalang Portugis yang pintar, dan yang tidak ada bandingannya sehingga dapat mengalahkan sebuah kuasa Melayu. Begitulah condongnya arah semangat tulisan beliau terhadap Portugis. Beliau dapat menukarkan watak Albuquerque daripada tokoh biasa menjadi tokoh legenda yang sukar lagi difikirkan kesahihannya. Karangan berangkap beliau tentang Albuquerque ini bertajuk *The Conquest of Malacca*.[32]

Sementara itu, de Eredia telah berada di Melaka dari tahun 1563 hingga tahun 1605. Naratif de Eredia tentang Melaka ditulis hampir satu abad selepas Portugis menaklukinya. Perubahan tradisi telah banyak terjadi dalam tempoh itu. Hasil tulisan de Eredia tentang Kesultanan Melayu Melaka dalam dua buah bukunya, tidaklah begitu menarik kerana de Eredia menggunakan sumber-sumber sekunder, iaitu *de Asia* dan *Commentaries*. de Eredia juga menyebut sumber *Malaio annals* tentang Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Indonesia. Adakah *Sejarah Melayu* yang dimaksudkan oleh de Eredia tadi? Ini sukar dipastikan.

Hal yang demikian didapati sama dengan tulisan do Couto dalam bukunya yang berjudul *Decada* tentang sejarah awal Melaka. do Couto selesai menulis *Decada* pada tahun 1597, iaitu hampir sezaman dengan penulisan de Eredia. de Eredia juga merujuk berdasarkan dokumen yang terdapat di Lisbon dan sumber lisan daripada orang Portugis dan orang tempatan di Nusantara serta sedikit dokumen peribadi. Sejarah ringkas dalam buku de Eredia tentang Kesultanan Melayu Melaka didapati mengandungi kisah naratif yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*, khasnya tentang pemerintah Melaka yang pertama, yang dikatakan berasal dari dinasti Melayu Raja-raja Singapura, sama seperti naratif *Sejarah Melayu*. Dipercayai bahawa do Couto telah merujuk pada salah satu tradisi sejarah peribumi yang menyerupai *Sejarah Melayu*[33] untuk menulis sejarah Kesultanan Melayu Melaka.

Secara keseluruhannya, semangat dan corak tulisan orang Portugis ini tentang Kesultanan Melayu Melaka banyak didorong oleh dua faktor, iaitu pertama, para penulis ini muncul daripada kalangan pihak penakluk yang menerangkan perihal pihak orang Melayu yang ditakluk, dan yang kedua, semangat yang condong ke arah agama Kristian, berbanding dengan keadaan masyarakat yang beragama Islam yang dinaratifkan oleh mereka. Makin jauh

---

[32]Edgar C. Knowlton Jr. (Terjemahan). *The Conquest of Malacca*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1970.

[33]C.H. Wake, "Melaka in the Fifteenth Century...", dalam P. Wheatley and K.S. Sandhu, (eds), *op. cit.*, 1982, hlm 156.

para penulis tadi hidup dari zaman yang dinaratifkan, mungkin semakin jauhlah mereka menyimpang daripada tradisi asal sejarahnya, terutama sekiranya sumber penulisan tadi bercorak lisan.

Apatah lagi seandainya mereka merupakan orang asing yang tidak memahami serta mengetahui budaya dan sejarah tempatan, maka bahan-bahan, gambaran dan sejarah tempatan yang dinaratifkan sering menjadi *at their mercy* serta kerap melihat masyarakat Islam di Melaka dengan gaya permusuhan. Akibatnya, perbezaan dalam sudut pandangan dan etos penulisan pun terjadilah. Apabila berlaku perbezaan ini dan bertentangan pula dengan realiti yang sebenarnya dalam dimensi sejarah yang serupa, kekeliruan untuk memahami realiti masyarakat tersebut tidak dapat dielakkan lagi.

Walau bagaimanapun, untuk matlamat persejarahan, bahan-bahan Portugis ini penting untuk menjadi bahan bantu dan perbandingan dengan sumber tempatan dan sumber dari negeri China, Siam (sekiranya ada), dan Jawa. Bahan-bahan Portugis ini dapat menjelaskan lagi berbagai-bagai aspek persejarahan Melaka antara tahun 1400 hingga tahun 1511 dengan sewajarnya, dan dalam perspektif sejarah yang tepat.

2

Sejarah Melayu: Hasil Kreatif dan Sejarah Melayu tentang Kesultanan Melayu Melaka dan Permasalahan Naskhahnya

KEMUNCULAN *Sejarah Melayu* kira-kira dua setengah abad yang lalu telah menarik minat ramai orang. *Sejarah Melayu* kerap diperkata dan dibahaskan sama ada oleh penyelidik tempatan ataupun ilmiawan asing. Ini disebabkan dalam gedung kepustakaan Melayu, *Sejarah Melayu* sehingga ke hari ini dianggap sebagai karya Melayu yang terpenting dalam deretan karya-karya klasik Melayu yang lain, khasnya karya-karya yang sejenis dengannya, dan daripada kelompok genre yang sama seperti *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Hikayat Acheh*, *Hikayat Patani*, *Turunan Asal Raja-raja Gowa* dan *Tuhfat al-Nafis*.[1]

Kemasyhuran dan keunggulan *Sejarah Melayu* sebagai hasil kreatif dapat dibuktikan daripada kekerapan *Sejarah Melayu* disalin semula sehingga melahirkan sebanyak 29 buah naskhah salinan daripada teks induknya. Para penterjemah asing juga telah menunjukkan minat untuk menterjemahkannya ke bahasa Inggeris, Jerman, Belanda, Jepun, Perancis, Polish (sebenarnya hanya terjemahan sebahagian dan *excerpt* sahaja), Tamil dan Cina.[2] *Sejarah Melayu* menjadi sumber rujukan yang paling lumrah untuk ahli sejarah yang membincangkan sejarah masyarakat dan kebudayaan Melayu awal. Kaedah dan daripada naskhah mana teks *Sejarah Melayu* yang

---

[1]Pada tahun-tahun 60-an, hasil-hasil naskhah yang bercorak sejarah dianggarkan berjumlah sekitar 50 buah. Tetapi pada masa ini dengan terjumpanya naskhah-naskhah yang baru, bilangannya tentu telah meningkat lebih daripada itu. Rujuk Ismail Hussein, *The Study of Traditional Malay Literature with a Selected Bibliography*, Kuala Lumpur, 1972.

[2]Terjemahan ke bahasa Perancis telah dilakukan oleh A. Mersier (1878); ke bahasa Belanda oleh C. Hooykaas; ke bahasa Jerman oleh Paul Bruch; ke bahasa Jepun oleh Asahi Tairo; ke bahasa Tamil oleh Rama Subbiah; ke bahasa Cina oleh Tsu Yun-tsiao. Terjemahan dalam bahasa Tamil diterbitkan oleh Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya, 1968. Dan terjemahan dalam bahasa Cina diterbitkan oleh Youth Book Company, Singapura, 1966.

digunakan hanya menjadi persoalan sekunder buat para penyelidik seperti ini. *Sejarah Melayu* juga boleh digunakan untuk tujuan rujukan bagi berbagai-bagai disiplin ilmu dan penyelidikan tentang orang Melayu seperti bahasa, sosiologi, antropologi, filologi Melayu, kebudayaan, politik dan ekonomi. Daripada pengkajian terhadap *Sejarah Melayu*, suatu perspektif sejarah tentang kemunculannya dapat diberikan.

PENGETAHUAN AWAL MENGENAI *SEJARAH MELAYU*

Kali pertama dan seawal kemunculannya (daripada bukti-bukti dokumen tertulis yang diketahui) lantas kemudiannya digunakan sebagai suatu sumber rujukan ialah pada tahap pertama awal abad ke-18. Seorang penyelidik Barat bernama Petrus van der Vorm telah menulis sebuah buku yang berintikan tentang perkamusan Melayu yang berjudul *Collectania Malaica Vocabularia of Maleische Woordboeksameling* (dalam 2 jilid), kemudian diterbitkan di Batavia antara tahun 1707–1708. Petrus menyebut bahawa beliau banyak merujuk pada hasil naskhah Melayu klasik dan salah sebuah daripadanya ialah *Penurunan Segala Raja-raja*.[3]

Petrus bukan hanya menyebut malah memberikan 'ikhtisar' dan kandungan naskhah tersebut. Istilah 'Penurunan ...' yang dinyatakan oleh Petrus nampaknya bertentangan pula dengan istilah 'Peraturan' sebagaimana yang pernah diberikan oleh R.O. Winstedt, yang merujuk pada *Sejarah Melayu* daripada sebuah naskhah *Raffles MS. 18* pula.[4] Kira-kira dua puluh tahun kemudian, penulis lain, iaitu Francois Velentyn (seorang peminat naskhah-naskhah Melayu), menulis sebuah buku yang berjudul *Oud en New Oost-Indien*, iaitu tentang sejarah ringkas Hindia-Timur (dahulu dan sekarang). Buku yang diterbitkan pada tahun 1726 ini menyenaraikan juga sumber-sumber rujukan yang digunakan oleh Francois. Francois juga menyebut tentang raja-raja Melaka yang dirujuk pada sumber, iaitu *Soelalet Essalatina, or the Geneology of the Kings of the Malay Coast and of Malacca*. Perkara yang menghairankan ialah kedua-dua naskhah *Sulalatus Salatin* yang disebut sebagai judul asal *Sejarah Melayu* yang digunakan oleh kedua-dua penulis Barat ini hanya muncul sebagai satu daftar nama segala

---

[3]Rujuk *Collectania* ..., Batavia 1707–1708; *Cf. Pararaton*, edisi kedua, *VBG*, LXII, hlm 154. Ada naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* yang lain yang dirawikan oleh penyalinnya sebagai 'peraturan segala raja-raja'; 'pertuturan segala raja-raja', dan lain-lain.

[4]R.O. Winstedt, (ed), *The Malay Annals or Sejarah Melayu* (The Earliest Recension from MS. No. 18 of the Raffles Collection, in the Library of the Royal Asiatic Society, London), dalam *JMBRAS*, Jil XVI, iii. 1938, hlm 226.

raja-raja[5] sahaja; bukan seperti *Sejarah Melayu* yang wujud dan yang kita gunakan pada hari ini.

Berikutnya pada tahun 1811, sarjana William Marsden menulis pula buku yang berjudul *History of Sumatera*. Dalam membincangkan tentang kesultanan Melayu awal, beliau merujuk pada sebuah naskhah Melayu yang juga berjudul *Sulalatus Salatin* yang dalam bahasa Melayunya bererti *Penurunan Segala Raja-raja*. Besar kemungkinan bahawa naskhah *Sejarah Melayu* yang pernah digunakan oleh Petrus kira-kira seratus tahun mendahuluinya itulah yang dirujuknya. Buku Marsden ini telah diterbitkan di London.

Selepas itu kedudukan *Sejarah Melayu* semakin bertambah cerah dan kerap digunakan. Suatu perbincangan yang bersangkutan dengan disiplin terjemahan dan filologi tentang *Sejarah Melayu* semakin banyak dan lumrah dibincangkan berbanding dengan karya-karya lain yang sejenis dengannya. Sarjana dan penyelidik sastera mula memberikan perhatian terhadapnya. Ada sarjana dan penyelidik yang memperkatakan *Sejarah Melayu* sebagai hasil kreatif yang terbesar di rantau ini. Ada juga sarjana dan penyelidik yang cuba menyingkap-nyingkap sahaja tentang masalah-masalah naskhah yang terdapat mengenainya,[6] dengan harapan (mungkin) semoga permasalahan filologi *Sejarah Melayu* dapat diselesaikan dengan segera supaya boleh digunakan dengan cara yang lebih meluas dan definitif lagi.

VERSI DAN EDISI *SEJARAH MELAYU*

Sejarah Melayu begitu berpengaruh kepada para penyelidik. Sehingga pada masa ini terdapat sekurang-kurangnya enam versi yang telah diselenggarakan. Pertamanya pada 1938, apabila R.O. Winstedt mengambil naskhah *Raffles MS. 18*, lalu lahirlah *The Malay Annals* atau *Sejarah Melayu*.[7] Winstedt mendakwa bahawa naskhah yang diselenggarakannya ini merupakan naskhah *Sejarah Melayu* resensi tertua tahun 1536. Edisi Winstedt inilah yang kemudiannya diterjemahkan ke bahasa Inggeris oleh C.C.

---

[5]Rujuk *Oud en New*....., Jil 7, 1726, hlm 316–320; Yusoff Iskandar & Abd. Rahman Kaeh, *Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Kritis daripada Pelbagai Bidang*, Kuala Lumpur, 1978, hlm 3.

[6]Antara kalangan penulis ini termasuklah C.O. Blagden, "An Unpublished Variant Version of the 'Malay Annals', dalam *JMBRAS*, Jil III, i, 1925, hlm 10–25; R.O. Winstedt "The Malay Annals Again, Goa and Kings of Singapore", *JMBRAS*, XXII, i, 1949, hlm 178–180.

[7]Dalam penulisannya yang lain tentang kesusasteraan Melayu klasik, Winstedt turut memperkatakan tentang naskhah ini. Lihat 'A History of Classical Malay Literature', (edisi yang disemak semula), dalam *JMBRAS*, XXXI, iii, 1958.

Brown, dan dianggap sebagai terjemahan ke bahasa asing yang paling sempurna pada masa kini.[8]

Tetapi pada tahun 1821, iaitu satu abad terdahulu daripada itu, Munsyi Abdullah menjadi orang yang pertama menyelenggara dan menyunting *Sejarah Melayu*. *Sejarah Melayu* ini diterbitkan dalam tulisan jawi di Singapura, iaitu kira-kira 20 tahun selepas *Sejarah Melayu* dirujuk oleh William Marsden. Edisi Munsyi Abdullah ini telah diterbitkan semula oleh H.C. Klinkert di Leiden pada tahun 1884. Edisi ini telah diselenggarakan semula (perumian, anotasi, indeks, pengenalan dan seterusnya) oleh A.E. Teeuw dan T.D. Situmorang pada tahun 1952 di Jakarta-Amsterdam.[9]

Selepas itu pada tahun 1849–1856, untuk kali kedua *Sejarah Melayu* diselenggara dan telah diterbitkan di Paris oleh Edouard Dulaurier dengan judul *Collection Des Principales Chroniques Malayes*, tetapi edisi ini didapati tidak lengkap.[10]

Kemudian pada tahun 1896, muncullah *Sejarah Melayu* daripada naskhah yang paling popular masa ini, kali pertama dirumikan dengan pengenalan ringkas oleh Rev. W.G. Shellabear. Tiga belas tahun kemudian (1909) teks Shellabear ini disemak semula menjadi *Second Romanised Edition* dan telah diulang cetak beberapa kali. Kini ia dijadikan teks rujukan sastera bagi para calon Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. Selaras dengan ini, maka lahirlah *Sejarah Melayu*, tetapi dalam berbagai-bagai bentuk seperti perbincangan, ulasan dan bimbingan yang diterbitkan seperti 'cendawan tumbuh'. Kesemuanya bersandarkan kepada teks Shellabear tersebut.

Di Jakarta, iaitu pada tahun 1959 terbit pula *Sejarah Melayu* yang diselenggarakan oleh Datuk Madjoindo, dalam 2 jilid. Tetapi yang aneh ialah ia diterbitkan dalam tulisan jawi dan nampaknya mengandungi sebahagian daripada versi Munsyi Abdullah. Usaha Datuk Madjoindo ini menunjukkan ada kesanggupan untuk menerbitkan *Sejarah Melayu* tetapi menghadapi risiko penerbitan dan pemasaran. Mereka mempunyai tujuan yang murni untuk menghasilkan *Sejarah Melayu* tetapi daripada versi lain.

Pada tahun 1821, muncullah pula John Leyden. Beliaulah orang pertama yang menterjemahkan *Sejarah Melayu* ke bahasa Inggeris. Buku terjemahannya itu telah diterbitkan di London dengan judul *Malay Annals:*

---

[8]C.C. Brown, *Sejarah Melayu* 'Malay Annals', (An Annotated Translation by ...), Kuala Lumpur, 1970.

[9]A.E. Teeuw & T.D. Situmorang (eds), *Sedjarah Melaju* (Menurut Terbitan Abdullah ibn Abdulkadir Munsyi), Djambatan, 1952.

[10]Rujuk *Collection des Principales* ..., Paris, 1849–1856. Naskhah penyelenggaraan ini tidak lengkap kerana kependekan umur Dulaurier.

Translated from the Malay Language. Apabila terjemahan ke bahasa asing ini diterbitkan bererti para pembaca *Sejarah Melayu* (yang tidak tahu berbahasa Melayu) bertambah ramai. Leyden kelihatan menterjemah dengan secara bebas daripada versi Munsyi Abdullah atau mungkin daripada versi Datuk·Madjoindo, kerana ketiga-tiga versi ini ditamatkan dengan episod kematian atau pembunuhan Tun Ali Hati.[11]

Aristide Marre, penterjemah Perancis, mengambil langkah seterusnya dengan menterjemahkan pula *Sejarah Melayu* ke bahasa Perancis dengan tajuk *Le Sadjaret Malayou (L'arbre Genealogique Malais)*. Terjemahan Marre ini telah diterbitkan di Paris pada tahun 1896.[12]

Setelah Munsyi Abdullah, Edouard Dulaurier, W.G. Shellabear, R.O. Winstedt dan Datuk Madjoindo menyelenggarakan *Sejarah Melayu* dan melahirkan lima edisi daripada teks yang berlainan, maka pada tahun 1979 muncul pula tokoh veteran sastera Melayu tanahair yang tidak asing lagi, iaitu A. Samad Ahmad. Beliau mengetengahkan teksnya yang bertajuk *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*[13] yang diterbitkan di Kuala Lumpur. Perkembangan mutakhir ini menyebabkan sekarang terdapat enam edisi *Sejarah Melayu*. Sepanjang yang diketahui, hal seperti ini tidak pernah terjadi terhadap sebarang teks Melayu klasik yang bercorak sejarah. Edisi-edisi daripada naskhah yang berbagai-bagai tadi menunjukkan pelbagai kelainan corak dan varians, tetapi semuanya masih tertumpu dan berlandaskan Kesultanan Melayu Melaka dan berbagai-bagai episod serta anekdot yang menjangkau dari zaman awal Melaka sehinggalah ke periode awal Johor.

Persoalannya sekarang ialah apakah kita telah berpuas hati terhadap teks *Sejarah Melayu* setelah lahir enam penyelenggaraan tadi? Jawapannya tentu mudah walaupun tidak sesingkat itu untuk dijelaskan. Oleh sebab begitu banyak naskhah salinan *Sejarah Melayu* yang berbagai-bagai rupa yang terangkum ke dalamnya berbagai-bagai versi seperti versi panjang dan versi pendek, versi lengkap dan yang kurang lengkap, berbagai-bagai versi bercorak 'serpihan' (fragmentary character), versi yang diperpanjang (enlarged) daripada sebuah versi yang sedia lengkap (seperti yang muncul daripada versi Palembang, dikenali dengan judul *Hikayat Siak* atau *Hikayat Raja Akil*), maka teks *Sejarah Melayu* telah menimbulkan permasalahan

---

[11]Lihat edisi Teeuw & Situmorang, *op. cit.*, hlm 305.

[12]Aristide Marre, *Le Sadjaret Malayou* (L'Arbre genealogique Malais) ou Histoire des Radjas et des Sultans Malais Depuis les Origines Jusqu'a la Conquete de Malaka ... en 1511 (par Toun Bambang de patani), Tom. 1., Vaucresson 1896.

[13]A. Samad Ahmad (ed), *Sulalatus Salatin* (*Sejarah Melayu*), Kuala Lumpur, 1979.

filologi yang amat kompleks.[14] Oleh itu, usaha dan tanggungjawab yang amat berat diperlukan sekiranya sarjana filologi ingin menyelenggarakan *Sejarah Melayu* untuk mencari suatu teks yang paling definitif kerana adanya sifat kompleks seperti ini. Apatah lagi untuk menyelenggarakan satu teks yang standard untuk rujukan semua pihak dan untuk penyesuaian semua disiplin penyelidikan, ia memerlukan penggemblengan tenaga mental dan fizikal yang besar.

Kini muncul suatu pandangan yang baru terhadap *Sejarah Melayu*. Ini terjadi seiring dengan berkembangnya ilmu dan teori sastera moden di kalangan para ilmuan sastera, dalam percubaan yang terjadi dengan tidak secara langsung dan bidang filologi yang menjadi korban. Dalam usaha untuk mengasak-asak beberapa teori moden (seperti strukturilisme, fungsionalisme dan lain-lain) terhadap beberapa hasil kesusasteraan Melayu tradisional, teks *Sejarah Melayu* sering menjadi 'scapegoat' untuk rujukan para ilmuan ini. Akhirnya, peranan dan sumbangan ahli filologi terdahulu dalam mengkaji dan mencari kedudukan sastera dan sejarah yang paling tepat dan definitif terhadap teks ini dipencilkan. Pendapat mereka ialah semua 29 buah naskhah *Sejarah Melayu* (atau teks yang telah diselenggara) boleh digunakan kerana ia adalah hasil 'fiction'.

Setelah lebih kurang dua setengah abad munculnya *Sejarah Melayu*, hingga setakat ini belum lagi terdapat sebarang penyelenggaraan yang benar-benar ilmiah, kritis dan yang memuaskan. Bidang filologinya (termasuk masalah teks, naskhah, versi, resensi, asal usul dan lain-lain) masih lagi diperbahaskan, bahasanya belum diselidik dengan mendalam, dan tentang isu kesejarahannya, masih terdapat para penyelidik yang meragui kebenarannya. Bagaimanakah ini terjadi? Ini disebabkan ahli bahasa atau budaya dan ahli kaji masyarakat lebih cenderung atau amat kerap mempelajari soal bahasa dan kebudayaan Melayu pada abad ke-15 dengan merujuk dan 'bergantung' pada *Sejarah Melayu* daripada resensi 1612 atau teks W.G. Shellabear tetapi tidaklah begitu halnya dengan ahli sejarah. Ahli sejarah lebih 'mempercayai' *Sejarah Melayu* daripada edisi Winstedt resensi 1536 (naskhah *Raffles MS. 18*) untuk matlamat rujukan dengan alasan termudah bahawa resensi ini diandaikan yang tertua dan paling hampir dengan naskhah asal. Justeru itu, si penyalin lebih berjaya mengekal dan mempertahan isi dan identiti *Sejarah Melayu* yang asal tadi. Penyalin berpendapat bahawa

---

[14]Satu senarai naskhah *Sejarah Melayu* yang lengkap mungkin telah ditulis oleh R. Roolvink, 'The Variant Versions of the Malay Annals', dalam *BKI*, Jil 123, Bhg iii, kemudian diterbitkan semula sebagai lampiran pendahuluan untuk edisi *Sejarah Melayu* terjemahan C.C. Brown, *op. cit.*, hlm xv–xxxv.

naskhah dan versi-versi yang lain adalah *corrupt* dari segi kesahihan fakta (akibat banyak pengubahan, tokok tambah, pengguguran, sisipan atau apa saja istilah yang berkaitan hasil perbuatan penyalin atau perawi terkemudian).

Sikap seperti ini sebenarnya bukan merupakan perkara baru. Ia dapat dirujuk pada pandangan Munsyi Abdullah. Munsyi Abdullah tertarik dengan *Sejarah Melayu* kerana tarikan bahasa yang terdapat di dalamnya. Telitikan sahaja petikan pendapatnya yang berikut yang menjadi bahagian pengenalan teksnya itu;

> Arakian maka jikalau orang mendapat akan kitab Sejarah Melayu ini, maka katanya, "Mengapakah maka hikayat-hikayat dan Sejarah Melayu yang tiada berguna ini dicapkan? Membuang belanja dan penat sahaja. Apakah faedahnya yang ada di dalamnya?" Maka kami memberi jawab kepadamu, "Bahawa, sungguhpun tiada banyak perkara yang berguna dalamnya seperti kata orang yang mengarang sejarah ini dalam khutbahnya, tetapi bahawa sesungguhnya, ketahuilah olehmu, adapun sebabnya aku mengusahakan diriku mengecapkan kitab ini, sebab bahasanya!"

Jelaslah, selain nilai bahasa yang menarik hati Munsyi Abdullah, beliau juga mengatakan bahawa *Sejarah Melayu* sebagai tiada berguna, sama ada dari segi apa pun. Tetapi Munsyi Abdullah telah memberikan sumbangan yang besar terhadap keilmuan *Sejarah Melayu*.

Apabila teksnya diterbitkan pada tahun 1831, Munsyi Abdullah memberi judul naskhah tersebut sebagai *Sulalatus Salatin*, iaitu *Sejarah Melayu*. Sepuluh tahun sebelum itu, iaitu pada tahun 1821, John Leyden mendahulukan penjudulannya dalam bahasa Inggeris, iaitu *Malay Annals*. Semenjak itu hinggalah ke hari ini, *Sulalatus Salatin* dikenali sebagai *Sejarah Melayu* dalam bahasa tempatan dan sebagai *Malay Annals* dalam bahasa Inggeris.[15]

FILOLOGI DAN NASKHAH

John Leyden dan T.S. Raffles (yang menuliskan pengenalan untuk teks yang diterjemahkan oleh Leyden), nampaknya menghargai *Sejarah Melayu* dari segi kreatif, tetapi cuba menjauhkan diri daripada membincangkan permasalahan filologi dan penaskhahan. Mereka juga tidak pernah mempersoalkan kandungan dan nilainya sama ada dalam apa sahaja disiplin pengaji-

---

[15]John Leyden, *Malay Annals* (translated from the Malay language) with an Introduction by Sir Thomas Stamford Raffles, F.R.S., London, 1921.

an. Malahan apa yang diperkatakan sebagai *translation* itu adalah *translation* daripada *Sejarah Melayu* yang amat bebas coraknya.[16] Walau bagaimanapun, sebelum kemunculan edisi-edisi yang lain, para sarjana pernah berpendapat bahawa naskhah-naskhah yang digunakan oleh Leyden dan Munsyi Abdullah boleh dianggap sebagai naskhah (kemudiannya menjadi teks) yang standard.

Tetapi antara tahun 1849–1856, pendapat tersebut telah tercabar. Ia muncul secara tidak sengaja, iaitu apabila Edouard Dulaurier cuba menggunakan teks Munsyi Abdullah (dan mungkin juga naskhah-naskhah yang lain, tetapi tidak dinyatakannya secara eksplisit) bagi penyelenggaraannya yang didakwanya kritis itu. Malahan dalam satu nota kaki bukunya telah disebut pula satu versi *Sejarah Melayu* daripada *Cod. Or. 1716* (tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden). Versi ini didapati berlainan daripada edisi Munsyi Abdullah yang digunakannya. Bagaimanakah Dulaurier mengetahui bahawa naskhah dalam catatan nota kakinya tadi kurang baik daripada edisi Munsyi Abdullah yang dirujuknya itu sedangkan naskhah tersebut amat bererti untuk penelitian filologi?

Selepas itu W.G. Shellabear mengambil daya usaha seterusnya. Beliau menyelenggarakan *Sejarah Melayu* dengan menggunakan edisi Munsyi Abdullah dan Dulaurier. Tetapi yang lebih penting ialah beliau menggunakan juga beberapa naskhah lain yang belum pernah dinyatakan sebelumnya itu. Dalam edisi 1896 Shellabear ini dinyatakan secara eksplisit tentang versi-versi lain yang dipergunakannya, yang lebih panjang daripada teks Munsyi Abdullah dan Dulaurier (yang hanya setakat kisah kematian Tun Ali Hati). Tetapi sebenarnya bahagian tentang selepas kematian Tun Ali Hati itu diperbina daripada versi-versi campuran yang tidak serupa. Teks Munsyi Abdullah dan Dulaurier tadi tidak lagi dapat dianggap standard selepas itu.

Sekarang kita melihat pada sumbangan yang telah diberikan oleh R.O.

---

[16]Lihat sahaja terjemahan beliau daripada satu contoh petikan di bawah ini:

> Dan pada suatu masa bahawa fakir duduk pada suatu majlis dengan orang besar, terlebih mulianya dan terlebih besar martabatnya daripada yang lain, maka berkata ia kepada fakir, "Hamba dengan ada hikayat Melayu yang dibawa oleh orang dari Goa ...."

Terjemahannya ialah;

> The occasion of the composition of the work is stated by the author to be the following: "I happened to be present at an assembly of the learned and the noble when one of the principal persons of the party observed to me, that he had heard of a Malay story, which had been lately brought by a nobleman from the land of Gua ...."

Ibid. hlm 1.

Winstedt pada tahun 1938 bila mana beliau menyelenggarakan *Sejarah Melayu*, bukan daripada edisi Munsyi Abdullah, Dulaurier, mahupun Shellabear. Beliau merujuk pada versi C.O. Blagden yang pernah memperkatakannya pada tahun 1925. Usaha Winstedt ini bolehlah dianggapkan sebagai satu pertemuan atau penyebaran naskhah-naskhah *Sejarah Melayu*. Beliau meneliti bahagian mukadimah yang terdapat dalam edisi Munsyi Abdullah, Dulaurier dan Shellabear kemudian membandingkannya dengan mukadimah dalam versi Blagden tadi. Beliau lantas membuat suatu kesimpulan bahawa apabila dibandingkan *Sejarah Melayu* daripada kumpulan edisi yang pertama tadi dengan beberapa buah hasil kesusasteraan Melayu Islam dari Acheh, ternyata mukadimah tersebut diambil daripada mukadimah kitab *Bustan'us-Salatin*, hasil tulisan Syeikh Nuruddin ar-Raniri yang dikarangkan pada tahun 1638. Si penyalin naskhah ketiga-tiga edisi tadi tentunya telah tertarik hati dengan bahasa Nuruddin, lantas diterapkan ke dalam naskhah salinannya itu.

Mukadimah yang panjang lebar tadi,[17] amat berbeza daripada mukadimah versi Blagden yang lebih ringkas yang berbunyi;

> "Bismillahir-Rahmanir-Rahim .... sudah memuji Allah dan mengucap salawat akan Rasulullah s.a.w. seribu dua puluh esa tahun dhu-al-awwal pada dua belas haribulan Rabiulawal pada hari Ahad pada waktu doha, pada zaman kerajaan Paduka Seri Sultan Alauddin Riayat Syah, dhulillah fil-alam, sedang bernegeri di Pasir Raja".

Begitu juga dengan versi Blagden yang sama sekali tidak menyebut bahawa *Sejarah Melayu* tadi telah 'dibawa orang dari Goa'. Winstedt juga telah membuat beberapa kesimpulan lain, antaranya ialah, pertama, bahawa teks daripada versi Blagden (atau daripada *Raffles MS. 18*) adalah suatu salinan paling hampir dengan *Sejarah Melayu* yang asli. Tetapi sebenarnya selepas tahun 1612, seorang penyalin lain berpeluang menyalin semula daripada naskhah salinan yang pertama tadi dengan menyadur semula (seperti mengubah beberapa susunan bab, menyisipkan perkara-perkara baru, menghilangkan salasilah raja-raja Perak tetapi telah menonjolkan pula salasilah raja-raja Johor). Dengan pengertian lain, bahawa catatan mukadimah versi Blagden tadi adalah sisipan baru oleh penyalin terkemudian. Kedua ialah naskhah asli yang dikarang oleh seorang Melaka yang dapat menyaksikan kedatangan dan penaklukan Portugis di Melaka. Oleh yang demikian

---

[17]Kita mengambil *Sejarah Melayu* daripada edisi W.G. Shallabear, contohnya *Sejarah Melayu*, Malayan Publishing House, Singapura, 1961, hlm 1.

Sejarah Melayu versi Blagden itulah yang sebenarnya mengandungi teras *Sejarah Melayu* daripada teks asli tadi. Tetapi pada tahun 1612, naskhah tersebut telah diselenggarakan semula oleh Tun Seri Lanang. Beliau menyebut kononnya naskhah asal itu dibawa dari Goa, dan telah ditokok tambah dan dibuang pada bahagian-bahagian yang tertentu. Akhirnya wujudlah naskhah baru yang hari ini muncul sebagai versi atau edisi Shellabear itu.

Kesimpulan yang diberikan oleh Winstedt nampaknya telah meruntun minat dua penulis lain pada tahun 1947 dan tahun 1956, iaitu W. Linehan dan C.A. Gibson-Hill. Kedua-dua penulis ini memberikan pandangan yang serius tentang masalah naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* yang mula menemui jalan buntu itu. Linehan, yang mungkin didorong oleh pengetahuannya yang agak luas tentang Pahang (ketika menjadi pentadbir kolonial di situ), telah cuba mengandaikan bahawa istilah 'Goa' (g-w-a) dimaksudkan sebagai nama satu tempat yang terdapat di Pahang. Winstedt memberikan reaksi yang segera dengan kenyataan Linehan tadi. Winstedt menentang dengan kenyataan bahawa sekiranya Goa di Pahang yang dimaksudkan oleh Linehan, maka nama Goa yang lain, sama ada di India, ataupun di Sulawesi Selatan, juga akan menimbulkan kekeliruan. Gibson-Hill yang memberikan alasan-alasan sejarahnya cara tersendiri, tanpa memahami masalah naskhah dan filologi yang dihadapi oleh *Sejarah Melayu*, terus berpendapat bahawa Goa di sini ialah di India, memandangkan hubungan yang rapat di antara Melaka dengan India pada masa pemerintahan Portugis selepas tahun 1511.

TEKS KACUKAN DAN RESENSI

Perkara Goa yang ditimbulkan oleh Linehan dan Gibson-Hill, kemudian oleh Winstedt tadi sebenarnya hanya merupakan satu isu yang remeh. Ini disebabkan kekeliruan yang ditimbulkan oleh *Sejarah Melayu* daripada edisi Shellabear itu sendiri. Ia sebenarnya merupakan satu teks campuran-kacukan (*hybird* menurut istilah R. Roolvink),[18] banyak varians yang terjadi terhadap naskhah-naskhah kacukan tadi tetapi telah ditinggalkan sama sekali oleh Shellabear. Malahan untuk merujuk pada edisi Shellabear bagi mengkaji perkembangan dan masalah naskhah *Sejarah Melayu* adalah suatu yang mustahil sama sekali. Untuk memperkuatkan hujah tentang dakwaannya bahawa versi Blagden itu asli, dan bahawa edisi yang diselenggarakan oleh Munsyi Abdullah, Dulaurier dan Shellabear adalah merupakan

[18]R. Roolvink, *op.cit.*, hlm xxiii; rujuk rencana W. Linehan, 'Notes on the Text of the Malay Annals', dalam *JMBRAS*, Jil XX,ii, 1947, hlm 107–112; C.A.Gibsn Hill, 'The History Brought fromGoa', dalam *JMBRAS*, XXIX, i, 1956, hlm 185–188.

penyalinan terkemudian dengan berbagai-bagai tokok tambah, Winstedt telah memperbandingkan kedua-dua versi ini;[19] lalu membuat kesimpulan bahawa naskhah daripada versi Blagden telah dibawa ke India dan kemudian ke Goa. Dan dari situlah didapati naskhah tersebut kemudian disalin semula (seperti diperbaiki dan disadur) pada tahun 1612.

Di tengah-tengah kekacauan pendapat ini tampil pula R. Roolvink. Dalam satu ceramahnya kepada siswa-siswa lanjutan di Koninklijk Instituut, Leiden pada Januari 1981, beliau melakarkan bahawa hingga setakat ini *Sejarah Melayu* terbahagi dua, iaitu resensi 1 dan resensi 2. Corak resensi 1 seperti berikut:

(a) Tidak terdapat mukadimah yang panjang lebar dalam bahasa Arab.

(b) Dimulakan dengan periode purba menjangkau ke tahun 1550 (l.k.).

(c) Ada "ciri" (dalam bahasa Sanskerta?)

(d) Penyalinnya ialah Raja Bongsu (yang memperkitabkannya ialah Raja Bongsu).

Corak resensi 2 pula seperti berikut:

(a) Ada dua versi daripadanya (versi panjang dan versi pendek).

(b) Kedua-dua versi dan mukadimah yang panjang lebar, menyebut bahawa *Hikayat Melayu* dibawa dari Goa, dan menyebut juga bahawa ia telah diperbaiki pada tahun 1612.

(c) Versi pendek daripada resensi ini menamatkan episod setakat kematian Tun Ali Hati, selepas tahun 1611 dan tidak terdapat "ciri".

(d) Versi panjangnya meliputi kisah dari periode purba hingga ke tahun 1612; terdapat berbagai-bagai sisipan di dalamnya seperti peristiwa yang terjadi pada tahun 1720; terdapat "ciri" dalamnya; bahagian penghujungnya terdapat episod tentang serangan terhadap Johor oleh Jambi.

Sebagai lanjutan, perbincangan tentang kedua-dua resensi tersebut seperti berikut. Yang dimaksudkan dengan resensi 1 ialah naskhah daripada versi Blagden yang terdapat satu sahaja. Di dalamnya mengisahkan episod datuk nenek raja-raja Melaka yang berasal dari Sumatera (Bukit Siguntang Mahamiru?), diakhirkan dengan episod sejarah yang terjadi sekitar pertengahan abad ke-16. Penyebutan tahun 1612 dalam mukadimah versi ini adalah suatu sisipan terkemudian setelah disalin lebih awal daripada itu, iaitu tahun 1536, daripada satu naskhah *Sejarah Melayu* yang asal.

---

[19]R.O.Winstedt, *The Malay Annals ..., op. cit.*, hlm 1-26.

Kedudukan resensi 2 amat kompleks. Versi panjang daripada resensi ini sekarang lahir sekurang-kurangnya dalam sepuluh buah naskhah *Sejarah Melayu*.[20] Ia mengisahkan tentang sejarah raja-raja Melaka dari zaman awal (sebagaimana juga yang terdapat dalam versi Blagden) tetapi kemudian dilanjutkan kisah ini sehingga tahun 1612, bukan tahun 1536. Banyak sisipan dan tambahan yang dilakukan terhadap versi panjang ini. Salah satu daripadanya ialah peristiwa serangan Jambi terhadap Johor, walhal peristiwa ini tidak ada kena-mengena langsung dengan 'persejarahan' *Sejarah Melayu*. Perkara yang lebih menarik ialah tentang penghantaran suatu misi kerajaan Makassar di Sulawesi ke Melaka. Bersama-sama dengan misi itu terdapat satu persembahan raja, iaitu seorang budak bernama Daeng Mempawah, yang kemudiannya menjadi pahlawan besar Melaka, iaitu Laksamana Hang Tuah. Memang tidak dapat diragukan lagi bahawa ini adalah sisipan terkemudian oleh seorang penyalin daripada kalangan Bugis di istana Riau-Lingga, iaitu selepas tahun 1700 pengaruh Bugis memang kuat di istana raja-raja Melaka Johor-Riau. Mungkin versi inilah yang telah digunakan dan dirujuk oleh Raja Ali Haji apabila menulis teks *Tuhfat al-Nafis* pada tahun 1865, kerana terdapat episod yang serupa. Tujuan utamanya berbuat demikian ialah untuk mengagung dan memperbesar-besarkan orang Bugis di kalangan raja-raja Melayu. Naskhah daripada versi yang panjang inilah yang diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad dari Dewan Bahasa dan Pustaka. A. Samad memang menyedari hakikat ini, tetapi beliau melihat dengan cara di sebaliknya, iaitu sebarang naskhah *Sejarah Melayu* daripada salah satu versi dan daripada resensi kumpulan kedua yang tidak menyebut tentang Daeng Mempawah – Hang Tuah, adalah akibat 'pengguguran' yang dilakukan oleh penyalin terkemudian dengan sengaja dan dengan muslihat tertentu.[21] Walau bagaimanapun A. Samad Ahmad pasti nama Goa yang terdapat dalam versi panjang dan pendek daripada resensi 2 adalah Goa di Sulawesi Selatan, bukan di India ataupun di Pahang.

Pada dasarnya 'bentuk' resensi 1 dan 2 (panjang dan pendek) hampir serupa. Namun, jika diteliti dengan lebih lanjut, perbezaan memang agak nyata, sama ada dari segi latar belakang kemunculan naskhah ataupun teks itu sendiri. Mukadimah resensi 2 'diambil' (diterapkan) daripada kitab *Bustan'us-Salatin*, dan ini tidak terjadi pada resensi 1. Mukadimah resensi 2 sebenarnya, menurut kenyataan Linehan, semestinyalah merupakan suatu mukadimah yang tersendiri dan langsung tidak serupa dengan mukadimah

[20]Voorhoeve, 'List of Malay Manuscripts in the Library of the Royal Asiatic Society', dalam *JRAS*, Bhg 1 dan 2, 1963.

[21]A. Samad Ahmad, (ed). *op. cit.*, hlm 244.

yang asli seperti yang wujud dalam resensi 1 akibat daripada tambahan dan perubahan (sesuka hati?) yang dilakukan oleh penyalin terkemudian. Sedangkan naskhah daripada resensi 1 yang terdapat pada hari ini (tersimpan di perpustakaan Royal Asiatic Society, London, kemudian diusahakan oleh R.O. Winstedt pada tahun 1938 itu) sebenarnya merupakan sebuah naskhah salinan yang disalin (beberapa kali disalin?) daripada satu naskhah asal *Sejarah Melayu* hasil penulisan atau perawian Raja Bongsu atau Sultan Abdullah di Pasir Raja, Johor untuk T.S. Raffles pada tahun 1812. Begitulah juga halnya dengan penyebutan nama Goa, iaitu tempat dibawa sebuah daripada naskhah *Sejarah Melayu* itu. Jika A. Samad Ahmad mengatakan bahawa Goa adalah Goa yang terdapat di Sulawesi Selatan (hinggakan kulit buku untuk edisinya pun dipilih gambar peta Nusantara dengan penonjolan lokasi Goa), adakah ini suatu fakta sejarah? Tidak mungkinkah, seperti hal yang berlaku terhadap resensi 2 versi panjang *Sejarah Melayu* apabila dikatakan bahawa episod tentang misi dari Makassar dan asal usul manusia Hang Tuah, yang hanya merupakan sisipan semata-mata oleh penyalin terkemudian, terjadi juga terhadap penyebutan kalimat "... Hamba dengar ada hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa. Barang kita perbaiki ...." – sisipan sahaja, dengan matlamat untuk mengagungkan keluarga Bugis yang memang berpengaruh di alam Melayu ini sejak awal abad ke-18.

UNSUR KEBUGISAN

Hal yang demikian bukan tidak beralasan. Kita mengetahui melalui proses asimilasi dan 'persemendaan' keluarga Bugis yang datang dari Ujung Pandang ke kawasan kerajaan Johor-Riau (secara perkahwinan antara kerabat Bugis dengan kerabat Johor, menerusi penyerapan politik dan sistem kerajaan, pemerintahan serta perajaan (kingship) bila mana diwujudkan tradisi pembesar pemerintah serta Yang Dipertuan Muda dan Raja Tua, dan lain-lain) telah berlaku satu pertalian etnik yang erat dan melahirkan satu entiti masyarakat Melayu-Bugis yang jelas di Kesultanan Johor-Riau. Mungkin orang Bugis tidak menganggap diri mereka sebagai orang asing lagi dalam konteks kemelayuan Nusantara dan rantau budaya yang serupa. Ini dibuktikan daripada hasil kesusasteraan sejarahnya.

Kisah dan naratif dalam teks *Hikayat Johor* bermula dari tahun 1673,[22] walhal pada masa itu pengaruh Bugis masih belum wujud. Tetapi *Hikayat*

---

[22]Ismail Hussein, 'Hikayat Negeri Johor – Satu Penyelenggaraan Teks', Tesis Sarjana Sastera, Universiti Malaya, 1962; Ulrich Kratz, *Peringatan Sejarah Negeri Johor* ..., Wiesbaden, 1973; R.O. Winstedt, 'A History of Johor (1365 – 1895 A.D.)', dalam *JMBRAS*, X, ii, 1932, hlm 5 – 9.

Johor meneruskan lagi naratifnya sehingga awal abad ke-19, apabila pengaruh politik sosial Bugis telah pun amat berkesan dan tidak wujud sebarang 'pemisah' fizikal antara Melayu-Johor dengan Melayu-Bugis. Jadi, *Hikayat Johor* merupakan semacam 'penyambungan' tradisi *Sejarah Melayu* daripada resensi 2 versi panjang tadi. Malahan tidak setakat ini sahaja. Unsur penggabungan Melayu-Bugis dilaksanakan juga dalam dua buah tradisi hikayat-sejarah popular yang lain, iaitu *Salasilah Melayu dan Bugis dan Sekalian Raja-rajanya* yang menaratifkan episod-episod sejarah kegiatan Bugis di Johor apabila bertembung dengan Melayu-Johor tahun 1700 sehingga tahun 1740-an, dan sebuah lagi, *Tuhfat al-Nafis*. Malahan dalam *Tuhfat al-Nafis*, naratif tentang kekeluargaan dan kegiatan Bugis di Johor sehinggalah abad ke-19 dimulakan terlebih dahulu dengan naratif tentang kesultanan atau perajaan Melayu hinggalah ke zaman kegiatan Bugis. Ia seolah-olah (tanpa memahami latar belakang sejarah yang sebenarnya) wujud dalam satu penerusan rangkaian sejarah dan budaya. Oleh itu, sukar dilihat sebarang pemisahan atau perbezaan antara Melayu-Melaka dengan Melayu-Johor-Bugis.

Hakikat dan *perceptual concept* inilah juga yang wujud pada seorang perawi Melayu dari Siak. Perawi itu telah menyalin semula *Sejarah Melayu* daripada resensi 2 versi panjang dari awal hingga ke akhir. Kemudian meneruskan dengan menyambung naratif episod-episod yang terjadi di Siak pada zaman Raja Kecil dan anak-anaknya hingga pertengahan abad ke-19. Oleh itu, lahirlah *Hikayat Siak* yang pada asalnya merupakan satu daripada naskhah *Sejarah Melayu* versi Palembang. Ia ditulis daripada pandangan seorang Melayu-Siak dengan menerapkan sudut pandangan penulisan dan pensejarahan yang amat bertentangan dengan *Tuhfat al-Nafis*.[23] Dalam katalog, ia diberi judul sama ada *Sejarah Melayu* atau *Sejarah Raja-raja Melayu* oleh Muzium Pusat Jakarta dan juga diberi judul *Hikayat Raja Akil*.[24]

---

[23]Muhammad Yusoff Hashim, *Naskhah-naskhah Kesusasteraan Melayu Tradisional yang Bercorak Sejarah dan Pensejarahan Malaysia*, kertas kerja untuk International Simposium of Traditional Malay Literature, Bangi, 1982. Kertas ini diselenggarakan oleh Siti Hawa Salleh, (ed), *Cendekia Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1982, hlm 36–566.

[24]Ph. S. van Ronkel, 'Catalogues der Maleische Handschriften in het Museum van het Bataviaasche Genootschap ...', dalam *VBG*, 57, 909, hlm 274 di bawah nombor CCCLIV. Sekarang ada tiga naskhah mengenainya, senaskhah terdapat di Museum Pusat Jakarta, iaitu *KBG 191W* dan dua naskhah terdapat di Leiden, iaitu *Cod. Or. 6342* dan *Cod. Or. 7304*. Nashah yang di Jakarta telah rosak sama sekali akibat kesilapan teknik. Rujuk *Katalogus Koleksi Naskhah Melayu*, Museum Pusat, Dept., P dan K, 1972, hlm 202. Lihat Bab 4 buku

Persoalan yang mungkin timbul ialah mengapakah dalam kedua-dua resensi dan daripada versi-versi yang sedemikian, Raja Bongsu dan Tun Seri Lanang menamatkan kisahnya sehingga tahun 1612? Sedangkan secara kebetulan juga pada tarikh itu *Sejarah Melayu* dikarang (susun semula). Hal ini bersangkutan dengan perkembangan sejarah yang berlaku di Johor ketika itu. Sebelum menghadapi ancaman dari Jambi (sebagaimana yang dimanifestasikan dalam bahagian tambahan hujung versi panjang daripada resensi 2), Johor menghadapi persaingan kuasa Acheh pula. Serangan bertubi-tubi terhadap Johor oleh Iskandar Muda Mahkota Alam Syah, termasuklah satu siri peperangan yang bermula pada tahun 1613. Besar kemungkinan peristiwa serangan ini memaksa menamatkan tugas perawian semula *Sejarah Melayu* yang hanya setakat tahun 1612 oleh kedua-dua perawi istana tadi.

Begitulah lebih kurang hubungan naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* di antara dua resensi yang berbeza, iaitu resensi 1 daripada versi C.O. Blagden (*Raffles MS.18*) yang mengandungi isi naratif yang lebih tua berbanding dengan resensi 2 tetapi dianggap sebagai versi panjang (dengan berbagai-bagai sisipan terkemudian) yang popular diselenggarakan oleh Shellabear dan A. Samad Ahmad. Walau bagaimanapun, masalah filologi *Sejarah Melayu* tidaklah berakhir setakat ini sahaja. Bagaimanakah pula tentang kedudukan versi pendek daripada resensi 2?

VERSI PANJANG DAN VERSI PENDEK *SEJARAH MELAYU*

Hingga setakat ini, dianggarkan jumlah naskhah daripada versi pendek ini ialah lima buah. Ini adalah bilangan paling kecil yang diketahui. Apa yang telah disebutkan lebih awal tadi bahawa versi ini telah pun dikerjakan oleh Munsyi Abdullah. Kemudiannya dengan berpandukan edisi Munsyi Abdullah ini, tampil pula Dulaurier untuk melahirkan teksnya. Daripada versi ini jugalah John Leyden menterjemahkan *Sejarah Melayu*. R. Roolvink berpendapat bahawa walaupun terdapat banyak perbezaan antara versi pendek ini dengan versi panjang, namun semua naskhah daripada versi pendek ini dapat diletakkan di bawah satu kategori resensi yang sama dengan versi panjang itu.[25] Kenyataan Roolvink ini ada juga kebenarannya. Ini disebabkan semua versi tersebut mempunyai naskhah yang bahagian muka-

---

ini. Muhammad Yusoff Hashim, *Hikayat Siak: Di Antara Mitos dan Realiti Sejarah*, kertas kerja dalam Siri Seminar Jabatan Sejarah, Januari 1986, Universiti Malaya. Kertas ini diterbitkan dalam Jurnal *Sejarah*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Jil 1, 1988, hlm 45–67.

[25]R. Roolvink, 'Ceramah Mengenai Sejarah Melayu iaitu Naskhah dan Versi yang Berlainan' (tidak diterbitkan). Penulis mengikut siri ceramah ini ketika menghadiri Kursus Filologi di KITLV, Leiden, pada Januari 1981.

dimahnya serupa (atau hampir-hampir sama). Perbezaan di sana sini nampaknya setakat terletak kepada varians pembacaan dan ejaan atau perkataan. Hal ini merupakan perkara yang amat lumrah antara naskhah yang berlainan tetapi terletak di bawah satu kumpulan versi atau dalam satu kelompok resensi.

Antara kandungan mukadimah yang sama tadi termasuklah; pertama, *doxology* mukadimah dengan penggunaan kalimah dan ayat-ayat Arab; kedua, penyebutan nama Tun Seri Lanang sebagai perawi, "... Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannya, Paduka Raja gelarannya, Bendahara, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Nara Wangsa, piut Bendahara Seri Maharaja, anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindan – qaddasallahu-sirrahum!" Bandingkanlah dengan versi panjang daripada edisi Shellabear di bawah kumpulan resensi yang sama;

> "... Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannya, Paduka Raja gelarannya, Bendahara, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Nara Wangsa, piut bendahara Seri Maharaja, anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindam, qaddasallahusirrahum ....".[25]

Ketiga, penyebutan tentang "Hamba dengan ada hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa ...."; keempat, penerangan judul *Sejarah Melayu* sebagai, "*Sulalatus Salatin* yakni Peraturan Segala Raja-raja ...."; dan kelima, mukadimah kesemuanya diakhirkan dengan kalimat, "... yakni dibicarakan olehmu pada segala kebesaran Allah, dan jangan kamu fikirkan pada zat Allah".

Perbezaan besar adalah seperti berikut, pertama, vesi pendek diakhir-kan setakat kematian Tuan Ali Hati dengan kalimat;

> ... Melainkan Tun Ali Hati juga yang tiada mahu datang .... minta dibunuh juga. Maka beberapa pun Sultan Mahmud hendak menghidupi Tun Ali Hati, tiada juga Tun Ali Hati mahu hidup, minta bunuh ia. Maka disuruh oleh Sultan Mahmud, "Bunuhlah Tun Ali Hati itu." Wallahu a'lam bissawab wailaihilmarji'u walma'ab.

Versi panjang (ambil contoh edisi W.G. Shellabear) menerangkan episod yang sama dengan bahasa yang sama juga. Tetapi selepas itu disambung lagi naratifnya yang berbunyi;

---

[25]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 2.

> "Alkisah maka tersebutlah perkataan Raja Kampar yang bernama Raja Abdullah, anak Raja Munawar, jadi saudara Sultan Mahmud Syah. Setelah ia mendengar negeri Melaka alah oleh Feringgi, maka dalam hati baginda ....".[27]

Sekiranya versi pendek tadi mengakhirkan naratifnya dengan tiba-tiba sahaja, tetapi versi panjang meneruskannya dengan lebih lanjut lagi hingga ke tahun 1612; serta mempunyai struktur kepengarangan tamat al-kalam yang lengkap, yang berbunyi;

> "Pada zaman itu hingga inilah yang dapat oleh pacal yang daif dibaca di dalam hikayat ayahanda itu Rahimullahi Taala ... tajalli dari Bukit Siguntang turun ke Palembang, dari Palembang lalu ke Bentan, dari Bentan lalu ke Singapura, maka alah Singapura oleh Majapahit, lalu ke Melaka, alah Melaka oleh Feringgi, berbalik pula ke Bentan, dari Bentan lalulah ke Johor. Had itulah yang terbaca oleh pacal datuk. Wallahu aklam".

Kedua, tidak terdapat langsung episod tentang pengiriman misi dan budak Bugis Daeng Mempawah dari raja Makassar ke Melaka, walhal dalam beberapa naskhah versi panjang (contohnya daripada edisi A. Samad Ahmad) hal sedemikian memang jelas terdapat; dan ketiga, bahawa hadirnya banyak varians pembacaan antara sesama naskhah tetapi daripada berlainan versi yang menjadi satu kelumrahan filologi. Sehingga pada masa ini, sebab-musabab versi pendek itu mengakhirkan hikayatnya dengan secara *abrupt* masih lagi menjadi suatu persoalan yang agak *mysterious*. Setakat ini belum ada orang yang cuba memecahkan persoalan ini. Walhal, itulah satu-satunya versi daripada *Sejarah Melayu* yang pertama dicetak dalam tulisan jawi, yang menyebabkan peminat sasteranya bertambah ramai; dan versi itulah juga yang pertama diterjemahkan ke bahasa asing.

Soal hubungan antara versi panjang dengan versi pendek yang dapat digolongkan ke bawah suatu resensi masih menjadi tanda tanya yang belum pernah terjawab. Walau bagaimanapun, sebarang penyelidikan tentangnya amat bergantung pada adanya naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* yang lain di samping kebolehan untuk memahami secara mendalam tentang permasalahan naskhah; apatah lagi jika ada percubaan untuk membina suatu hipotesis tentang kedua-dua versi ini. Walaupun pendek, melalui versi inilah pada awalnya masyarakat mengetahui tentang wujudnya *Sejarah Melayu*

---

[27] *Ibid.*, hlm 281.

dalam bentuk sebuah teks yang lengkap setelah beberapa tahun terdahulu, sejak tahun 1707–1708 ia hanya disebut dan dirujuk secara sepintas lalu serta diketahui secara umum sahaja sebagai sebuah naskhah Melayu yang belum tentu coraknya bertajuk *Sulalatus Salatin*. Apabila penyuntingan dilakukan oleh Munsyi Abdullah pada tahun 1831, maka naskhah itu dikenali sebagai *Sejarah Melayu*.

Selepas itu diketemukan pula naskhah-naskhah yang lebih panjang daripada versi pendek ini. Naskhah-naskhah daripada versi seperti inilah yang paling banyak diketahui wujud dalam sejarah kepustakaan *Sejarah Melayu*. Ia sebenarnya lebih merupakan campuran atau kacukan versi panjang dan versi pendek. Oleh itu, persoalan tentang naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* menjadi bertambah kompleks sehinggalah ke hari ini. Penyelesaiannya, jika adapun masih lagi 'terawang-awang'. Belum ada orang yang mahu mengambil risiko untuk menceburi bidang ini bagi tujuan profesionalisme, umpamanya untuk ijazah-ijazah universiti.

Dalam hal ini, beberapa kemungkinan memang boleh diduga. Sekiranya pendapat tersebut boleh digunakan maka andaian yang sehubungan dengannya ialah bahawa naskhah-naskhah daripada versi yang panjang itu sebenarnya adalah berasal daripada versi pendek tadi yang telah diperpanjangkan lagi ketika proses penyalinan *Sejarah Melayu* dilakukan, dengan menambah episod lain yang menyangkuti hal-ehwal selepas kematian Tun Ali Hati. Sekiranya andaian ini tidak mungkin diterima, maka di sebaliknya ialah naskhah-naskhah daripada versi panjang itulah yang wujud dahulu. Kemudian, ketika mengalami proses penyalinan semula, si penyalin dengan sesuatu sebab yang tidak diketahui, menamatkan penyalinan setakat yang ditemui, yang wujud dalam versi pendek pada hari ini. Sehingga kini terdapat sembilan naskhah *Sejarah Melayu* daripada versi panjang ini, iaitu lima di Perpustakaan Koninklijk Instituut, Leiden (*Cod. Or. 1716, 1736, 1703, 3210* dan *Cod. Or. 631*), dua buah terdapat di Jakarta, iaitu *KBG 188W* dan *190W*, senaskhah di Manchester dan sebuah naskhah Maxwell 26 di Perpustakaan Royal Asiatic Society, London.

Di samping itu, perbezaan fizikal lain antara kedua-duanya ialah Cetera ke-2 dan Cetera ke-3 tentang Melayu–Minangkabau dalam versi panjang dipadatkan hanya menjadi satu cetera, iaitu Cetera ke-2 dalam versi pendek. Selepas itu versi panjang melanjutkan lagi ke Cetera ke-4 tentang episod Citaram Syah yang tidak ada dalam edisi Shellabear dan dalam versi pendek. Perkara yang menarik juga ialah tentang episod penderhakaan hulubalang Melayu terhadap raja Melaka. Versi panjang menamakannya sebagai Hang Kasturi tetapi versi pendek pula menyebut tokoh penderhaka ini sebagai Hang Jebat. Mungkin naskhah daripada versi pendek inilah yang dirujuk

oleh pengarang *Hikayat Hang Tuah* untuk membina watak Hang Jebat dalam episod dramatik penderhakaan dan pertikaman antara Hang Tuah dengan Hang Jebat.

Sekiranya kita bersetuju dengan A.E. Teeuw yang menggunakan 'pendekatan diakronis' dalam usaha mencari penyelesaian filologi melalui penelitian dan pembongkaran terperinci terhadap naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* yang wujud pada hari ini, maka hubungan antara versi panjang dengan versi pendek dapat menentukan sedikit sebanyak tentang bagaimana naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* berkembang dari zaman awal hinggalah ke pengetahuan kita tentangnya pada masa ini.[28] Seandainya tepat jangkaan R. Roolvink tentang sebuah naskhah tua *Sejarah Melayu* yang dijumpainya, iaitu *Cod. Or. 3198* Bhg. (3) dan (4) di Universiti Leiden, yang mengandungi rakaman tentang satu senarai nama raja-raja Melaka (lengkap dengan tarikh dan lama pemerintahan seseorang raja) berjudul *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* dan beliau melaporkan ia sebagai naskhah yang mempunyai ciri persamaan dengan naskhah *Sulalatus Salatin* yang telah disebut dan dirujuk oleh Petrus van der Vorm dan Francois Valentyn dahulu, maka pada asalnya teks *Sejarah Melayu* sebenarnya muncul dalam bentuk suatu *kinglist* (senarai raja-raja) sahaja. Pendapat Roolvink ini disokongnya sendiri dengan menggunakan suatu sumber tentang senarai raja-raja Melayu oleh E. Netscher, Residen Belanda di Riau. Netscher telah mengaku bahawa senarai raja-raja Melayu tadi, ".... is based upon the Malay historical works *Sulalatus Salatin*", milik seorang Sultan Lingga.[29]

Pendapat seperti ini pernah juga diketengahkan oleh Linehan dalam rencananya,[30] menyebut senarai yang berupa salasilah raja-raja Melayu Melaka yang merupakan, "... the first written material (pedigree etc.) which formed the basis for the chronicle that ultimately emerged as the Malay Annals". Daripada bentuk seperti ini, *kinglist* tadi diperkembangkan dengan memasukkan cerita atau episod lain yang berkaitan, yang kemudiannya menjadi *Sejarah Melayu* seperti yang terdapat pada bentuk *Sejarah Melayu* daripada naskhah *Maxwell 105* (di Perpustakaan Royal Asiatic Society).

Peringkat ketiga perkembangannya ialah kemasukan isi-isi dan tambahan episod-episod baru, yang akhirnya muncul seperti yang ditunjukkan oleh

---

[28]A.E. Teeuw, *Some Remarks on the Study of So-Calld Historical Texts in Indonesian Languages*, kertas kerja untuk Vth. IAHA Conference, Yogyakarta, 1974.

[29]E. Netscher, "Beschrijving van een Gedoelte der Residentie Riouw", dalam *TBG*, 2, 1854, hlm 144.

[30]W. Linehan, "Notes on the Text...", *op. cit.*, hlm 107, nota 1.

naskhah *Sejarah Melayu* daripada naskhah *Raffles MS. 18*, versi C.O. Blagden, atau versi tahun 1536, yang merupakan versi tertua yang ditemui pada hari ini. Penggubahan dan tokok tambah terkemudian melahirkan *Sejarah Melayu* resensi 2 yang membentuk versi-versi pendek (seperti yang dibuktikan oleh *Sejarah Melayu* edisi Munsyi Abdullah dan Dulaurier – berepisodkan setakat kematian Tun Ali Hati) dan versi-versi panjang (sebagaimana yang dibuktikan oleh edisi Shellabear dan edisi A. Samad Ahmad). Peringkat akhir perkembangannya ialah apabila terjadi tokok tambah terkemudian, serta kemasukan berbagai-bagai episod sehingga menjangkau abad ke-19, seperti yang diperlihatkan oleh *Sejarah Melayu* daripada naskhah *KBG 191W* (ada tiga naskhah sekarang), dan dinamakan *Hikayat Siak*.

Sama ada saranan tentang perkembangan 'persejarahan' naskhah-naskhah ini dapat diterima atau tidak, bergantung pada pandangan ahli filologi terhadap permasalahan naskhah yang wujud. Mungkin apabila ditemui nanti naskhah-naskhah lain daripada teks *Sejarah Melayu*, saranan tersebut akan menghadapi cabaran dan tidak boleh digunakan lagi.

Walau bagaimanapun, satu hal adalah pasti. Setakat ini belum terdapat satu penyelenggaraan dan perbincangan filologi yang kritis tentang *Sejarah Melayu*. Perbincangan tentang naskhah dan penerbitan untuk sesuatu edisi (seperti penyelenggaraan, penterjemahan dan anotasi) kelihatannya masih di peringkat awalan, berbanding dengan kebesaran *Sejarah Melayu* sendiri sebagai, "... the most famous, distinctive and best of all Malay literary works".[31]

[31]R.O. Winstedt, *History of Classical Malay literature*, (edisi semakan semula), Kuala Lumpur, 1969, hlm 138–166.

3

Sultan Mahmud Syah (Marhum Kampar): Penelitian Interpretatif daripada *Sejarah Melayu*

ZAMAN Kesultanan Melayu Melaka merupakan zaman kegiatan kepahlawanan dalam tradisi kesultanan–kerajaan di Tanah Melayu khususnya dan di Nusantara umumnya. Kesultanan ini kekal selama lebih kurang satu abad, iaitu dari tahun 1400 hingga tahun 1511 di Melaka. Tetapi kesultanan ini tidak terhenti setakat itu sahaja kerana Johor telah mewarisi tradisi kesultanan tersebut di samping beberapa kerajaan takluk Melaka yang lain. Kesultanan Melayu Melaka yang gemilang itu telah diasaskan oleh Parameswara, seorang putera raja dari Palembang, kemudian berpindah ke Singapura dan seterusnya menubuhkan sebuah kerajaan di Melaka. Pada dekad akhir kesultanan ini, Melaka diperintah oleh Sultan Mahmud Syah. Pada masa pemerintahan baginda, Portugis telah menyerang Melaka. Seterusnya Portugis dapat menakluk Melaka daripada Sultan Ahmad, iaitu putera Sultan Mahmud. Dalam bab ini, penekanan diberikan kepada ketokohan Sultan Mahmud Syah yang merupakan pemerintah bagi Kesultanan Melayu Melaka, di Melaka sebelum pemerintahan Sultan Ahmad tadi.

LATAR BELAKANG SULTAN MAHMUD

Nama asal baginda sebelum menjadi sultan ialah Raja Muhamad, anakanda Raja Hussain (Sultan Alauddin Riayat Syah I). Kakanda Sultan Mahmud ialah Raja Menawar yang menjadi raja di Kampar. Bonda Sultan Mahmud ialah Tun Senaja (anakanda Seri Nara Diraja).[1] Baginda ditabalkan menjadi raja semasa kecil lagi dengan gelaran Sultan Mahmud Syah. Oleh sebab baginda masih kecil maka pemerintahan terletak di bawah Bendahara dan juga Laksamana serta pembesar-pembesar yang lain. Tetapi ada pihak yang tidak

[1]Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *Sejarah Melayu*, edisi disemak tahun 1981, Kuala Lumpur, hlm 206.

menerima Sultan Mahmud sebagai sultan Melaka.[2] Ini jelas dilihat semasa baginda masih kecil lagi, Seri Bija Diraja telah memberikan bayangan terhadap penolakan baginda sebagai sultan.[3] Seri Bija Diraja berkata, "Beta tidak mendengar amanat", seolah-olah beliau tidak menghiraukan kenyataan Bendahara yang mengatakan Sultan Alauddin beramanat bahawa Sultan Mahmud adalah pengganti baginda. Bendahara menyatakan kepada Seri Bija Diraja, "Orang Kaya, telah amanat Marhum Yang Dipertuan ini ganti kerajaan".[4] Apabila Sultan Mahmud mendengar kata-kata Seri Bija Diraja, maka baginda merasa terhina dan menaruh dendam, tetapi apakan daya kerana pada masa itu baginda masih kecil.

"Maka Baginda berdendam akan Seri Bija Diraja",[5] kata *Sejarah Melayu*. Pada awal pemerintahan baginda ada seorang yang bersalah dibawa masuk menghadap baginda, maka Seri Maharaja menyuruh Sultan Mahmud menjatuhkan hukuman bunuh, walaupun kesalahan yang dilakukan kecil sahaja. Oleh itu, Bendahara berkata;

> "Hei, hei, lihatlah Seri Maharaja, anak harimau diajar makan daging, maka kelak ditangkapnya".[6]

Peristiwa tersebut telah menunjukkan kepada kita bahawa semasa kecil lagi Sultan Mahmud telah diajar bersifat zalim, maka tidak hairanlah jika semasa baginda dewasa, sifat begitulah yang diamalkan oleh baginda.

Seri Bija Diraja menolak perlantikan Sultan Mahmud kerana ini bertentangan dengan tradisi penggantian sultan. Sepatutnya, putera yang lebih tua, Raja Menawar yang menaiki takhta. Tetapi komplot istana, maka tradisi penggantian ini dinafikan.

Tidak lama selepas pertabalan Sultan Mahmud, baginda diserang penyakit buang air besar (*dysentery*). Bendahara dan Laksamana sentiasa menjaga baginda. Ini terbukti apabila baginda mahu santap, maka Bendaharalah yang akan menyuapkan baginda; sekiranya baginda membuang air

---

[2]Tidak diturunkan salasilah dari zaman Palembang dan Singapura. Salasilah ini dipetik daripada buku Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *Sejarah Melayu: Satu Perbincangan Kritis daripada Pelbagai Bidang*, edisi yang telah disemak pada tahun 1981, Kuala Lumpur; lihat juga Muhammad Yusoff Hashim, "Salasilah Raja-Raja Melaka, Suatu Penilaian Semula", dalam *Jurnal Sejarah*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Melaka, Bil 4, 1979, hlm 11–21.

[3]W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu*, Penerbit Fajar Bakti, Kuala Lumpur, Edisi ke-3, 1977, hlm 139.

[4]W.G. Shellabear, *loc cit.*

[5]W.G. Shellabear, *loc cit.*

[6]W.G. Shellabear, *loc cit.*

besar, maka Laksamanalah yang akan menyucikan baginda. Ini menunjukkan betapa kasih dan taatnya Bendahara dan Laksamana kepada Sultan Mahmud. Pada masa itu nenda Sultan Mahmud yang digelar Raja Tua masih lagi hidup. Raja Tua sangat menyayangi Raja Menawar berbanding dengan Sultan Mahmud. Apabila Raja Tua mendengar Sultan Mahmud gering, maka baginda berdoa agar Sultan Mahmud mangkat. Ini disebabkan Raja Tua ingin menaikkan Raja Menawar sebagai sultan Melaka. Raja Tua berpura-pura menangis apabila menziarahi Sultan Mahmud. Raja Tua cuba menghampiri Sultan Mahmud dan meniarapkannya agar Sultan Mahmud segera mati. Tetapi Bendahara Paduka Raja dapat mengagak muslihat Raja Tua itu, lalu menghalangnya daripada menghampiri Sultan Mahmud dengan mengancam untuk mengamuk dan membunuh Raja Tua sekiranya Raja Tua menghampiri Sultan Mahmud. Oleh itu, kata Raja Tua, "Syahidlah, anak Melayu hendak derhaka".[7] Maka disabut oleh Bendahara dan Laksamana;

> "Sekali-kali tiada anak Melayu bernama derhaka; jikalau Tuanku hendak bergagah juga mendekati paduka cunda sahaja patik amuklah".[8]

Dengan itu Raja Tua tidak berani untuk menghampiri Sultan Mahmud. Tidak berapa lama kemudian baginda sembuh dan memberikan hadiah usungan kepada Bendahara dan Laksamana. Ini menunjukkan baginda mengenang jasa orang yang telah berbakti kepada baginda. Sikap Bendahara yang tidak mahu menggunakan usungan yang telah diberi oleh sultan menunjukkan bahawa beliau tidak mahu dilihat lebih besar daripada sultan. Tidak berapa lama selepas itu, Bendahara pun sakit dan meninggalkan pesan kepada Sultan Mahmud supaya jangan memerintah dengan terlalu mengikut hawa nafsu dan jangan mendengar fitnah seseorang.[9]

Bendahara yang berkhidmat dengan Sultan Mahmud ialah:

i. Tun Perak.
ii. Tun Perpatih Putih.
iii. Tun Mutahir (Bendahara Seri Maharaja).

Laksamana yang berkhidmat dengan Sultan Mahmud pula ialah:

i. Laksamana Hang Tuah.
ii. Laksamana Khawaja Hassan.
iii. Laksamana Hang Nadim (menantu Hang Tuah).

---

[7] W.G. Shellabear, *loc cit.*
[8] *Ibid.*, hlm 140.
[9] *Ibid.*, hlm 142.

PEMECAHAN TRADISI DAN SIFAT-SIFAT NEGATIF

Dalam buku *Sejarah Melayu* susunan Tun Seri Lanang dan juga catatan dalam *The Suma Oriental* karangan Tome Pires, jelas menggambarkan bahawa Sultan Mahmud adalah sultan Melaka pertama yang banyak memecahkan tradisi perjanjian atau *Magna Carta* Melayu yang termaktub sejak persetiaan Demang Lebar Daun dengan Sang Sapurba Taram Seri Tribuana dulu.[10] Pencabulan ini mengikut kepercayaan, mengakibatkan keruntuhan kerajaan Melaka kerana telah dipersetujui dalam perjanjian itu bahawa sultan tidak boleh menganiaya rakyat dengan sewenang-wenangnya. Sedangkan inilah yang dilakukan oleh Sultan Mahmud. Namun demikian, kita tidak boleh menyatakan Sultan Mahmud secara total yang telah memecahkan tradisi *Magna Carta* kerana sebelum ini ada disebutkan bahawa tewasnya Singapura di tangan Majapahit adalah kerana perbuatan kejam Raja Iskandar Syah yang telah menghukum sula gundiknya, iaitu anak Sang Rajuna Tapa. Berikutan daripada itu Sang Rajuna Tapa telah belot. Jadi dapat dilihat bahawa Raja Iskandar Syah yang seolah-olah mula-mula sekali memecahkan tradisi *Magna Carta* tersebut. Manakala Sultan Mahmud pula paling banyak melakukan pemecahan tradisi itu.

Kekalahan Singapura itu adalah balasan kekejaman raja ditambah pula apabila raja membunuh seorang kanak-kanak yang dikatakan cerdik yang mencadangkan supaya serangan todak ditahan dengan batang pisang. Raja takut kanak-kanak itu akan menggoncang keutuhan Singapura.

Banyak sifat negatif yang dapat dilihat terhadap Sultan Mahmud yang membayangkan kekejaman ataupun pemecahan tradisi *Magna Carta* yang dilakukan oleh Sultan Mahmud pada zamannya. Tetapi kekejaman baginda tidak digambarkan secara eksplisit oleh *Sejarah Melayu*, sebaliknya ia digambarkan secara simbolik. Bendahara Paduka Raja mungkin telah merasakan sifat negatif atau sifat yang tidak sihat yang ada pada Sultan Mahmud. Ini jelas kelihatan apabila buat pertama kalinya Bendahara mengingatkan baginda terhadap tugas dan pemerintahannya. Sebelum ini tidak pernah didapati berlaku hal tersebut. Anggapan Bendahara ini dirasakan tepat sekali apabila kita lihat sifat-sifat dan peribadi Sultan Mahmud yang akan ditunjukkan seterusnya.

Walaupun Sultan Mahmud telah berkahwin dengan anak Sultan Mahmud (Raja Pahang), namun salah satu sifat negatifnya ialah gemar berfoya-foya dengan perempuan lain. Contohnya, Sultan Mahmud telah membuat hubungan sulit dengan isteri Tun Biajid (anak Laksamana Hang Tuah). Pada

---

[10]Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *op. cit.*, hlm 207.

suatu malam ketika Tun Biajid pergi ke Merba, Sultan Mahmud telah berangkat ke rumah Tun Biajid. Ketika hendak pulang baginda terserempak dengan Tun Biajid yang baru pulang bersama-sama pengikutnya. Tun Biajid mengetahui bahawa sultan telah membuat hubungan sulit dengan isterinya, maka Tun Biajid pun menimang-nimang lembingnya, tetapi sebab adat pantang Melayu menderhaka, maka sultan tidak dibunuhnya. Oleh sebab itu, Tun Biajid pun menceraikan isterinya, lalu dia meletakkan jawatannya dan tidak sekali-kali ke majlis. Memandangkan keadaan tersebut maka sultan pun memberikan gundiknya Tun Iram Sendari kepada Tun Biajid supaya dijadikan isteri.

Satu lagi peristiwa ialah sultan telah berangkat ke rumah seorang perempuan yang bernama Tun Dewi. Tetapi disebabkan Tun Ali Sandang ada di sana, maka baginda pun murka. Baginda melihat Tun Isap yang berjalan di belakangnya, lalu mengambil sirih daripada puan dan diberikan kepada Tun Isap. Oleh itu, Tun Isap tahulah hajat sultan. Tun Isap pergi ke rumah Tun Dewi dan membunuh Tun Ali Sandang. Hal ini telah diberitahu kepada Seri Dewa Raja dan dia pun bertindak untuk membunuh Tun Isap, tetapi Tun Isap dihantar oleh sultan ke Pasai, kemudian ke Aru dan Brunei. Akhirnya Tun Isap kembali ke Melaka. Sultan pun menyerahkan Tun Isap kepada Seri Dewa Raja untuk dimaafkan. Tetapi Tun Isap dibunuh juga. Jelas di sini sultan tidak bertimbang rasa dan bersikap pilih kasih dengan mengutamakan Seri Dewa Raja. Ini jelas disebut dalam *Sejarah Melayu* yang menyatakan;

> "Maka Sultan Mahmud pun diam mendengar kata hamba raja tu, kerana amat kasih baginda akan Seri Dewa Raja".[11]

Peristiwa ini juga, menunjukkan bahawa Sultan Mahmud membela penjenayah. Satu lagi contoh yang menunjukkan kegemaran Sultan Mahmud sedemikian dan kuat nafsu serta menganiaya rakyat ialah peristiwa peminangan Puteri Gunung Ledang. Peristiwa mitos ini berlaku apabila isteri baginda, iaitu bonda Raja Ahmad mangkat. Sultan Mahmud amat sedih. Sultan ingin berkahwin lagi lalu dikumpulkan semua pembesarnya untuk membincangkan tentang bakal permaisuri Melaka. Ego Sultan Mahmud jelas daripada titahnya;

> "Jikalau beristeri dengan anak raja ini, adalah raja-raja lain pun demikian juga; yang kita kehendaki barang yang tiada pada raja lain, itulah

[11]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 145.

kita peristeri. Akan sekarang kita hendak meminang Puteri Gunung Ledang; Laksamana dan Sang Setia kita titahkan".[12]

Laksamana, Sang Setia dan Tun Mamat pergilah ke Gunung Ledang. Setelah tiba di tengah-tengah gunung, Laksamana dan Sang Setia tidak berdaya lagi. Tun Mamat yang meneruskan perjalanan itu. Akhirnya Tun Mamat bertemu dengan sebuah taman yang indah dan terdapat sebuah balai. Di atasnya terdapat seorang perempuan dengan empat orang perempuan yang lain duduk menghadapinya. Tun Mamat menerangkan hajat kedatangannya kepada perempuan tersebut. Perempuan itu kemudian ghaib dan keluar seorang perempuan bongkok yang menyatakan bahawa Puteri Gunung Ledang meminta sultan membuat sebatang jambatan emas dan sebatang jambatan perak dari Melaka ke Gunung Ledang. Syarat-syarat peminangannya ialah tujuh dulang hati nyamuk, tujuh dulang hati kuman, setempayan air mata, setempayan air pinang muda, semangkuk darah raja dan semangkuk darah Raja Ahmad. Tun Mamat kembali ke Melaka dan memberitahu Sultan Mahmud tentang syarat yang dikenakan oleh Puteri Gunung Ledang itu. Akhirnya Sultan Mahmud membatalkan rancangan itu kerana tidak sanggup untuk memberikan darahnya dan juga darah puteranya. Jadi, daripada peristiwa tersebut jelas menunjukkan bahawa Sultan Mahmud kalah terhadap tuntutan Puteri Gunung Ledang. Walau apa pun interpretasi simbolik yang diberikan terhadap episod mitos ini, mungkin juga sindiran secara kreatif sastera yang diberikan kepada sultan yang mempunyai cita-cita yang tinggi serta kuat nafsu.

Contoh seterusnya yang menunjukkan bahawa Sultan Mahmud sentiasa menginginkan perempuan-perempuan yang cantik ialah peristiwa Tun Teja Ratna Benggala. Baginda mendengar kecantikan Tun Teja yang tidak ada tolok bandingnya daripada Seri Dewa Raja yang baru pulang dari Pahang. Baginda ingin mengahwini Tun Teja walaupun baginda mengetahui bahawa Tun Teja adalah tunangan Sultan Abdul Jamil. Baginda menitahkan sesiapa juga yang boleh membawa Tun Teja ke Melaka akan dianugerahkan hadiah yang lumayan walaupun hadiah itu separuh daripada negeri Melaka. Hang Nadim bersedia pergi kerana inginkan pengampunan daripada sultan. Hang Nadim yang mendapat bantuan seorang pelulut dengan menggunakan ubat guna-guna telah membawa pulang Tun Teja ke Melaka. Sultan Abdul Jamil murka dan bercadang untuk menyerang Melaka. Sultan Mahmud pula sanggup untuk menyuruh Laksamana Khawaja Hassan mencuri gajah I Kepayang yang akan digunakan oleh Sultan Abdul Jamil untuk menyerang

[12]W.G. Shellabear, *loc cit.*

Melaka. Daripada naratif tersebut jelas menunjukkan bahawa Sultan Mahmud seorang yang bermata keranjang. Sultan Mahmud akan berusaha sedaya tanpa mempertimbangkan sifat-sifat kemanusiaan untuk memenuhi nafsu dan kehendaknya.

Peristiwa perampasan Tun Fatimah dan pembunuhan terhadap semua keluarga Tun Fatimah (kecuali Tun Fatimah) hanya kerana tidak dapat memperisterikan Tun Fatimah, adalah satu contoh dorongan emosi, nafsu, ingin membalas dendam, tindakan yang terburu-buru dan fitnah Kitul dan Raja Mendaliar tanpa usul periksa. Peristiwa ini bermula apabila Bendahara Seri Maharaja ingin atau merancang untuk mengahwinkan puterinya, Tun Fatimah yang jelita itu dengan Tun Ali (anak Seri Nara Diraja). Raja di Baruh menegur Bendahara kerana tidak mempersembahkan anaknya itu kepada sultan, menurut Raja di Baruh;

> "Akan anakanda terlalu baik parasnya, pada hati beta tiada patut ia diberi suami orang keluaran ini... janganlah anakanda ini diberi dahulu, baik juga dipertunjukkan pada yang Dipertuan, kerana sekarang ini negeri Melaka tiada beraja perempuan anak Bendahara yang akan menjadi Raja Perempuan".[13]

Bendahara tetap meneruskan rancangan untuk mengahwinkan Tun Fatimah dengan Tun Ali. Sultan Mahmud dijemput dalam istiadat perkahwinan tersebut. Apabila baginda melihat kecantikan paras Tun Fatimah, maka baginda telah murka kerana Bendahara tidak menunjukkan anaknya itu kepada baginda, baginda pun menyimpan dendam terhadap Bendahara.

Ketika Bendahara duduk di balairung hendak menjunjung duli Sultan Melaka, datang Raja Mendaliar hendak menyembah Bendahara. Bendahara amat marah kerana bukan masa dan tempatnya Raja Mendaliar berbuat demikian. Pada suatu petang Raja Mendaliar telah didakwa oleh Nina Sura Dewana di hadapan Bendahara. Oleh sebab hari telah petang maka ditangguhkan perbicaraan itu pada hari esoknya. Nina Sura Dewana tidak senang hati kerana memikirkan Raja Mendaliar itu seorang yang kaya dan bila-bila masa sahaja dia boleh memberi rasuah kepada Bendahara. Nina Sura Dewana segera menemui Bendahara dan menghadiahkan emas sepuluh kati. Raja Mendaliar pula ditemui oleh Kitul yang berhutang dengannya sekati emas. Kitul memberitahu kepada Raja Mendaliar bahawa Nina Sura Dewana telah memberi rasuah kepada Bendahara agar Raja Mendaliar dihukum bunuh. Kemudian, Raja Mendaliar telah pergi ke rumah Laksamana Khawaja Hassan

---

[13] *Ibid.*, hlm 189.

dan memberikan sebahara emas, pakaian yang cantik dan memfitnah bahawa Bendahara cuba menderhaka serta ingin menjadi pemerintah Melaka.

Oleh sebab tertawan dengan harta, Laksamana telah memberitahu kepada sultan tentang 'komplot' ini. Apabila sultan mendengar komplot ini, dengan perasaan dendam yang membara, baginda menitahkan Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara supaya membunuh Bendahara dan keluarganya, kecuali Tun Fatimah. Setelah itu, baginda telah menyedari bahawa sembah Laksamana Khawaja Hassan itu fitnah semata-mata. Baginda kesal lalu menyuruh supaya Kitul dan Raja Mendaliar dibunuh. Tun Fatimah tetap bersedih dengan tragedi yang berlaku terhadap keluarganya. Apabila sultan menyedari keadaan itu, baginda pun turun takhta dan memencilkan diri ke Hulu Melaka. Daripada naratif tersebut dapat dilihat dengan jelas bahawa sifat kemanusiaan Sultan Mahmud telah ditewaskan oleh kehendak nafsu seks dan kebuasannya sendiri.

Apabila dipandang dari sudut yang lain pula, Bendahara Seri Maharaja juga patut dipersalahkan. Bendahara Seri Maharaja telah memecahkan tradisi dan norma sosial Melayu. Ini disebabkan pada masa itu memang telah menjadi adat bahawa sekiranya Melaka tidak mempunyai permaisuri, maka anak perempuan Bendahara patut menjadi permaisuri. Walaupun Bendahara Seri Maharaja mengetahui hal ini, tambahan pula telah dinasihatkan oleh Raja di Baruh, dia tetap berdegil; sudah semestinyalah sultan murka. Ini ditambah pula oleh perbuatan Raja Mendaliar dan Kitul. Apabila Raja Mendaliar mengadu kepada Laksamana dan Laksamana pula mengadu kepada sultan tentang perbuatan Seri Maharaja menerima rasuah, sudah semestinya sultan akan terkejut dan baginda terus mempercayai kata-kata yang dikeluarkan oleh salah seorang daripada pembesarnya (Laksamana). Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya Sultan Mahmud mengambil tindakan yang keras dengan membunuh Seri Maharaja. Sifat zalim dan pendendam Sultan Mahmud dapat juga dilihat daripada peristiwa pembunuhan Seri Bija Diraja. Sultan menitahkan supaya dibunuh Seri Bija Diraja dari Singapura hanya kerana terlewat sampai ke Melaka semasa hari raya. Ini juga dilakukan kerana dendam baginda terhadap kata-kata Seri Bija Diraja dahulu, iaitu semasa pertabalan baginda sebagai sultan. *Sejarah Melayu* menyebut;

> "Arakian pada sekali hari raya, Seri Bija Diraja tiada mudik dari Singapura, sudah hari raya maka Seri Bija Diraja datang, maka Sultan Mahmud pun murka akan Seri Bija Diraja ... maka ia pun dibunuh oranglah".[14]

---

[14] *Ibid.*, hlm 150.

Sultan juga menuduh Seri Bija Diraja tidak suka menyembahnya, sebaliknya lebih taat kepada Raja Kampar.

Sifat pilih kasih dan diskriminasi juga terdapat pada Sultan Mahmud. Contohnya dapat dilihat daripada naratif tentang kelakuan dan gelagat Seri Dewa Diraja. Sekiranya sultan menyuruh hambanya memanggil Seri Dewa Diraja, dia akan balik ke rumah, berbaring-baring, bangun, buang air, mandi, bersalin pakaian dan sebagainya yang memakan masa yang panjang. Walaupun demikian tabiat Seri Dewa Raja, dia masih disayangi oleh sultan. Sultan Mahmud juga tidak bertindak terhadap Seri Dewa Raja yang telah membunuh Tun Isap, walaupun kesalahan itu telah pun diampunkan oleh sultan. *Sejarah Melayu* menyebutkan orang yang dikasihi oleh sultan, pertama, Seri Dewa Raja; kedua, Tun Umar; ketiga, Hang Isa Pantas dan keempat ialah Hang Husin Jong.

Sultan Mahmud juga bersifat pemboros dan suka membazir. Contohnya baginda sanggup memberikan berbagai-bagai hadiah kepada orang yang disayanginya seperti Hang Isa Pantas dan Hang Husin Jong. *Sejarah Melayu* menggambarkan hal ini seperti berikut;

> Maka titah Sultan Mahmud Syah kepada kedua mereka, "Berdatang sembahlah engkau; apa kehendakmu kepadaku?" Sembah Hang Isa Pantas, "Tuanku, jikalau ada kurnia Tuanku Duli Yang Dipertuan, patik memohon emas barang dua tiga kati dan lain barang dua tiga banian ...".[15]

Maka, pada masa itu juga Hang Isa Pantas dianugerahkan oleh baginda barang-barang yang dipohonnya. Hang Husin Jong pula berdatang sembah;

> "Tuanku, jikalau ada kurnia Yang Dipertuan, patik hendak pohonkan kerbau, barang dua tiga belas ibu dengan barang empat lima orang".[16]

Itu pun dianugerahkan oleh baginda. Walaupun memberi derma itu baik, namun ia hanya untuk orang yang tertentu dan dan hanya untuk orang yang disayangi oleh baginda.

Sultan Mahmud juga sering tergesa-gesa untuk membuat sesuatu keputusan. Contohnya, baginda telah menitah Hang Nadim dan Hang Isap untuk membeli kain serasah 40 bagai, satu bagai 40 helai dan satu helai mesti 40 perkara bunganya. Tetapi orang 'Keling' tidak dapat melukiskan bunga

---

[15] *Ibid.*, hlm 145.
[16] W.G. Shellabear, *loc cit.*

itu. Hang Nadim sendiri yang melukiskan contohnya. Dalam masa itu Hang Isap tidak mengaku berhutang dengan seorang Sayyid. Hang Isap dan Hang Nadim telah mendapat bencana di laut. Tidak berapa lama kemudian Hang Nadim sampai ke Melaka dari benua dan menghadap sultan. Sultan amat murka hanya disebabkan oleh sedikit kesilapan yang tidak sengaja yang dilakukan oleh Hang Nadim.

Baginda tidak pernah memikirkan betapa susahnya Hang Nadim untuk menyelamatkan dirinya daripada maut di laut. Apabila dipandang dari sudut yang lain, sultan berhak untuk memurkai Hang Nadim dan Hang Isap. Kejadian ribut dan taufan di laut itu mungkin disebabkan oleh kesalahan yang telah dilakukan oleh Hang Isap yang tidak membayar hutangnya kepada Sayyid. Jadi, Sultan Mahmud tidak harus dijadikan sasaran untuk menilai sifatnya tatkala baginda sedang murka. Sultan juga murka kerana kain-kain yang telah dibeli itu tenggelam bersama-sama dengan kapal yang ditumpangi oleh Hang Nadim.

Sultan Mahmud juga sering cemburu dengan kekacakan orang lain yang melebihinya. Baginda sanggup untuk membunuh siapa sahaja walaupun kerabatnya sendiri. Ini dapat dilihat dengan jelas melalui episod peristiwa Raja Zainal mati dibunuh. Raja Zainal adalah saudara Sultan Mahmud. Rupa parasnya amat baik dan kacak. Suatu hari dengan berkuda dan memakai pakaian yang cantik, bau-bauan harum dan berdandan, Raja Zainal melalui lebuh pekan. Melihatkan telatah Raja Zainal ini, segala anak bini orang dan anak dara, keluar mengintip-intip untuk melihat Raja Zainal. Ramai antara mereka yang menggubah bunga untuk diberikan kepada Raja Zainal. Sultan amat murka apabila mengetahui gelagat Raja Zainal ini sehingga sultan berkata, "Jikalau demikian binasalah negeri Melaka ini".[17]

Tetapi murka baginda hanya setakat dalam hati sahaja. Namun demikian, baginda telah menitahkan Hang Berkat untuk membunuh Raja Zainal dengan cara sembunyi. Raja Zainal kemudiannya dibunuh dengan penuh misteri dan rahsia. Selepas kejadian ini sultan amat kesal dengan Hang Berkat. Apabila melihat dari sudut yang lain, Sultan Mahmud tidak harus dipersalahkan atas titahnya supaya Raja Zainal dibunuh. Baginda sanggup membunuh saudara tirinya itu kerana untuk menjaga keselamatan dan keamanan Melaka. Ini disebabkan *Sejarah Melayu* menerangkan bahawa akibat paras Raja Zainal yang kacak dan digilai wanita, "Maka cabullah negeri Melaka pada masa itu".[18] Jadi, berdasarkan inilah baginda sanggup

[17] *Ibid.*, hlm 176.
[18] W.G. Shellabear, *loc cit.*

untuk menitahkan supaya Raja Zainal dibunuh.

Daripada contoh naratif dan sifat-sifat baginda yang telah disebutkan itu, maka tidak hairanlah pada masa akhir pemerintahan Sultan Mahmud Syah, akibat daripada berbagai-bagai skandal dan nepotisme yang berlaku dengan sewenang-wenangnya, masyarakat menjadi kucar-kacir, perselisihan peribadi kalangan anggota istana, fitnah-memfitnah antara satu sama lain, dan juga perselisihan antara orang dagang dengan pembesar tempatan, telah menyebabkan pihak Portugis mudah untuk mencucukkan jarum politiknya dan melemahkan penyatuan orang Melaka.

Tome Pires menggambarkan Sultan Mahmud sebagai seorang yang bersifat buruk. Ini jelas terlihat dalam bukunya, *The Suma Oriental*:

> "... intoxicated with opium everyday ... was a great eater and drinker, brought up to live well and viciously .... He was called Sultan Mafamud".[19]

Oleh itu, dalam konteks pembinaan watak ini, iaitu antara naratif secara anekdot dengan kaedah simbolik kreatif *Sejarah Melayu* adalah saling melengkapi dengan laporan *The Suma Oriental*.

DARJAT MENURUN

Boleh dikatakan bahawa semua sifat yang telah disebutkan tadi merupakan satu tanda yang menunjukkan kemerosotan darjat Sultan Mahmud. Kewibawaan dan darjat Sultan Mahmud didapati semakin menurun setelah Melaka diserang oleh Portugis. Pembesar-pembesar Melaka ada yang tidak lagi menghormati baginda sebagai sultan.[20] Baginda ternyata tidak mengambil tahu tentang disiplin pembesar yang semakin merosot itu. Kelemahan Raja Melaka ini juga ketara di peringkat untuk menjatuhkan hukuman. Baginda bersikap sambil lewa sahaja apabila menjatuhkan hukuman dengan tidak mengira atau menimbangkan sama ada kesalahan itu ringan atau berat. Kesilapan ini bukan sahaja dilakukan oleh Sultan Mahmud tetapi juga oleh Sultan Mansor Syah dan beberapa sultan yang lain.[21] Dan tidak hairanlah jika Wilkinson menyatakan bahawa Sultan Mahmud tidak dapat menandingi Sultan Mansor Syah dari segi ramainya bilangan isteri.[22] Terdapat raja-raja

---

[19]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental of Tome Pires*, Hakluyt Society, London, 1944, hlm 253.

[20]Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *op. cit.*, hlm 209.

[21]*Ibid.*, hlm 210.

[22]R.J. Wilkinson, 'The Malacca Sultanate', dalam *JMBRAS*, XIII (ii), 1935, hlm 56.

Melaka yang tidak bersikap kritis terhadap soal-soal yang berhubung dengan pemerintahan. Mereka selalu melepaskan tugas terus kepada pembesar-pembesar negeri untuk mencorakkan sesuatu keputusan atau tindakan. Bendahara, Laksamana dan Seri Nara Dirajalah orang yang paling dipercayai oleh sultan Melaka pada masa itu. Walau bagaimanapun sudah semestinyalah sultan menyerahkan tugas-tugas kerajaan kepada pembesar-pembesarnya, jika tidak, kepada siapa lagi?

PENERUSAN TRADISI DAN SIFAT-SIFAT POSITIF

Walaupun Sultan Mahmud memiliki sifat-sifat yang negatif seperti zalim, gemarkan perempuan, cepat murka, pendendam, terburu-buru dan ikut nafsu apabila menghukum, pilih kasih, pemboros dan cemburu, namun baginda masih lagi mempunyai sifat-sifat positif sebagai insan yang perlu kita sanjung. Baginda masih lagi mempunyai kekuatan peribadi yang tersendiri.

Sebagaimana sultan-sultan Melaka yang lain, Sultan Mahmud juga adalah penakluk yang berikhtiar untuk meluaskan tanah jajahannya. Contohnya, baginda menitahkan Paduka Tuan untuk menyerang Manjong dan Seri Maharaja pula menyerang Kelantan. Melaka menyerang Manjong kerana pada masa dahulu Manjong tidak bermuafakat dengan Beruas. Paduka Tuan dengan sepuluh orang hulubalangnya menyerang Manjong. Akhirnya Paduka Tuan menang. Manjong kemudiannya diserahkan kepada Beruas. Raja Beruas dinobatkan dan bergelar Tun Aria Bija Diraja oleh Sultan Mahmud.

Setelah menakluk Manjong, Sultan Mahmud menitahkan Seri Maharaja menyerang dan menakluk Kelantan pula. Pada masa itu Kelantan lebih besar daripada Patani. Nama rajanya ialah Sultan Mansor Syah. Sultan ini tidak menyembah ke Melaka. Akhirnya Seri Maharaja menyerang Kelantan dan mencapai kejayaan. Seri Maharaja membawa pulang ketiga-tiga puteri tawanan Sultan Mansor Syah. Puteri Onang Kening dijadikan isteri oleh Sultan Mahmud.

Sultan Mahmud juga berperanan sebagai penabal sultan dan juga sebagai penaung. Sultan Mahmud Pahang mangkat dengan meninggalkan tiga orang putera, iaitu Sultan Abdul Jamil, Raja Mudzaffar dan Raja Ahmad. Sultan Abdul Jamil telah dilantik untuk mengetuai kerajaan ayahandanya. Baginda telah menitahkan Seri Wangsa Diraja menghadap Melaka dengan membawa 'rahap',[23] dan memberitahu Melaka tentang kemangkatan ayahanda baginda. Sultan Mahmud menitahkan Seri Dewa Diraja supaya meng-

[23]Rahap = kain penutup mayat.

hantar dian dan setanggi serta melantik Sultan Abdul Jamil menjadi raja di Pahang serta dengan nobatnya. Sultan Mahmud sangat gembira dengan kelakuan Seri Dewa Diraja tatkala berada di Pahang.

Sesuai dengan taraf Pahang sebagai kerajaan ketuanan Melaka di bawah pemerintahan Sultan Mahmud, Melaka juga adalah penyelamat dan pelindung kepada kerajaan-kerajaan kecil dan juga takluknya yang lain. Contohnya, Sultan Mahmud menolong Pahang untuk menghadapi serangan daripada raja Siam, iaitu Maharaja Dewa Sura dari Legur. Seri Maharaja telah diutus untuk membantu mempertahankan Pahang. Pahang telah mencapai kejayaan *Sejarah Melayu* menyebutkan bahawa;

> "Maka Raja Legur pun datang ke Pahang dengan segala rakyat tiada terhisabkan banyaknya maka berperanglah dengan Pahang dan orang Melaka ...".[24]

Jelaslah di sini bahawa Sultan Mahmud yang menjadi pelindung kepada Pahang telah dapat menyelamatkan kerajaan tersebut daripada serangan kuasa asing.

Seorang lagi raja Siam yang bernama Cau Seri Bangsa terdengar sebuah negeri yang bernama Kota Mahligai. Cau Seri Bangsa berniat jika Kota Mahligai dapat dikalahkan, dia akan memeluk Islam. Ditakdirkan bahawa Kota Mahligai telah dapat dikalahkan. Oleh itu, dia pun memeluk Islam. Cau Seri Bangsa kemudiannya telah membuka suatu tempat yang diberi nama Patani dan menghantar Ukon Pola ke Melaka dengan membawa surat sembah. Oleh itu, Raja Patani pun dinobatkan dengan gelaran Sultan Ahmad Syah. Sultan Mahmud juga telah menobatkan Raja Abdullah dari Kampar dan juga Raja Kedah.

Daripada contoh tersebut, kita boleh fikirkan betapa besar berdaulat dan sahih kuasa kesultanan Melaka pada masa itu. Melaka berperanan sebagai pelantik atau penabal sultan yang lain. Antara tahun 1488 hingga tahun 1511 Sultan Mahmudlah yang bertanggungjawab kepada keadaan ini. Baginda juga mengambil berat tentang keselamatan dan kebajikan kerajaan kecil yang lain.

Sultan Mahmud juga seorang *humanist*. Contohnya, Tun Biajid anak Bendahara Lubuk Batu suka mempermainkan orang berniaga di pasar. Dia seorang yang sasar bahasa dan selalu diikat oleh bapanya sebagai balasan kenakalannya itu. Tetapi dengan perasaan belas kasihan, Sultan Mahmud telah melepaskannya.[25] Ada juga sifat Sultan Mahmud yang menakjubkan.

---

[24]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 180.
[25]*Ibid.*, hlm 197.

Setelah begitu lama menunjukkan egonya yang melampau – ego kuasa dan ego nafsu, tiba-tiba tabiat baginda berubah. Baginda sanggup membunuh Raja Zainal dan Sultan Ahmad puteranya sendiri. *Sejarah Melayu* menyebutkan tentang sifat Sultan Ahmad yang muda ini seperti berikut;

> "Adapun Sultan Ahmad itu, semuanya baik, lagi murah tetapi satu celanya, sebab tiada kasih akan segala pegawai dan segala orang besar, melainkan orang-orang muda dan hamba raja yang tersebut itu juga yang dikasihi baginda".[26]

Pendirian Sultan Ahmad tidak disukai oleh Sultan Mahmud lantaran ini akan memporak-perandakan institusi pentadbiran. Untuk menjaga keselamatan berkerajaan, baginda sanggup berkorban. Sultan Ahmad bertitah supaya baginda dibunuh dan dikebumikan di Bukit Batu. Dilihat daripada peristiwa tersebut, nyatalah rasa kenegaraan baginda, cintakan rakyat dan kerajaan mengatasi segala-galanya walaupun baginda terpaksa mengorbankan rasa kemanusiaan dengan membunuh saudara dan puteranya sendiri.

Sultan Mahmud juga pemurah kerana setiap kali ada orang yang berjasa kepadanya atau kepada kerajaan, baginda akan menganugerahkan persalinan. Ini dapat dilihat dalam peristiwa Hang Nadim yang berjaya membawa pulang Tun Teja Ratna Benggala dari Pahang;

> "Maka baginda pun terlalu hairan melihat rupa Tun Teja, maka diucap baginda Subhanallah, dan beberapa puji baginda akan Hang Nadim, dan dipersalin seperti adat pakaian raja-raja dan dianugerahi emas perak harta terlalu banyak tiada terkira lagi banyaknya".[27]

Walaupun ini menunjukkan keborosan Sultan Mahmud, namun itu adalah satu penghargaan kepada rakyat. Rakyat pula menganggap ini sebagai penghargaan yang besar.

Walaupun Sultan Mahmud sering ditonjolkan dengan sifat-sifat yang negatif, namun baginda masih lagi bersedia untuk mempelajari agama. Baginda belajar agama daripada Maulana Yusof dan sanggup tunduk kepada kehendak-kehendaknya. Ini disebabkan pada satu ketika baginda berangkat ke rumah Maulana Yusof dengan menaiki gajah tetapi baginda tidak dilayan. Kemudian baginda datang dengan berjalan kaki dan seterusnya belajar ilmu-ilmu agama.[28] Pernah dinyatakan bahawa;

---

[26] *Ibid.*, hlm 201.
[27] *Ibid.*, hlm 172.
[28] *Ibid.*, hlm 150.

"Pires and Eridia reported that Sultan Mansor and Sultan Mahmud adhered strictly to Islam. Most of their habitants were said to be Muslims".[29]

Baginda juga mempelajari agama daripada Maulana Sadar Jahan yang datang dari Jeddah, di samping memerintahkan puteranya, Raja Ahmad, 'mengaji' dengan Sadar Jahan.[30]

Pada suatu ketika, Sultan Mahmud pernah menghantar rombongan ke Pasai untuk menyelesaikan masalah agama, iaitu masalah perkataan antara Ulama Mawaran-Nahar dengan Ulama Khurassan dan Ulama benua Irak. Baginda telah menghantar Orang Kaya Tun Muhamad untuk ke Pasai.[31]

ZAMAN KEJATUHAN MELAKA SEBENAR

Selepas Sultan Mahmud turun takhta, baginda telah digantikan oleh puteranya, iaitu Sultan Ahmad. Sebelum itu, semasa Sultan Mahmud masih memerintah, orang Portugis telah menyerang Melaka. Orang Melaka seperti kehairanan apabila melihat orang Portugis itu. Kapten kapal itu telah diberi persalinan dan sebagai balasannya, kapten itu memberikan rantai emas yang dikalungkannya sendiri ke leher Bendahara. Kemudian kapten kapal tersebut belayar pulang ke Goa dan memberitahu wazirnya, Alfonso de Albuquerque tentang Melaka. Alfonso kemudiannya telah mengarahkan Gonzalo Pereira supaya menyerang Melaka, tetapi kecundang. Semasa pemerintahan Sultan Ahmad, Alfonso sendiri yang datang menyerang Melaka, dan Melaka telah dapat ditewaskan. Selepas itu didapati bahawa Sultan Mahmudlah satu-satunya raja Melaka yang mempunyai ketabahan politik yang kuat dan bersemangat. Jika pada penghujung abad ke-14 atau awal abad ke-15, sifat ketabahan ini diamalkan oleh Raja Iskandar yang membuka Melaka setelah diusir oleh Majapahit dari Singapura, maka pada awal abad ke-16, Sultan Mahmudlah yang mewarisi tabiat ketabahan itu.[32] Serangan demi serangan telah dilancarkan oleh pihak Portugis terhadap rombongan pengunduran Melayu Melaka yang diketuai oleh Sultan Mahmud, namun baginda tidak mudah untuk menyerah kalah. Baginda dengan semangat yang cekal terus meng-

---

[29]Muhammad Yusoff Hashim, "Legal Codes of the Malacca Sultanate", dalam *Malaysia in History*, Vol 26, 1983, hlm 84–103.

[30]Menurut edisi Raffles daripada versi *Sejarah Melayu* versi 1536, orang yang mengaji itu ialah Sultan Ahmad (dipetik daripada C.C. Brown, *Sejarah Melayu or Malay Annals: A Translation of Raffles*, London, hlm 161). Tetapi menurut edisi Shellabear, orang yang mengaji itu ialah Sultan Mahmud Syah.

[31]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 186–187.

[32]Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *op. cit.*, hlm 208.

arahkan bala tentera Melaka yang diketuai oleh Laksamana Hang Nadim, Tun Hamzah yang menjadi Penghulu Bendahari, Temenggung Seri Udani, Tun Umar, Tun Mai Ulat Bulu dan ratusan hulubalang Melaka yang lain untuk menangkis serangan Portugis ini di samping cuba merampas semula Melaka.[33]

Dalam masa pengunduran ini, baginda dengan gigihnya menghadapi berbagai-bagai cubaan. Salah satu daripadanya ialah cercaan terhadap baginda yang dilemparkan oleh pembesarnya sendiri. Cercaan yang pertama datangnya daripada Seri Nara Diraja yang menyindir baginda kerana membunuh ayahnya, iaitu Bendahara Seri Maharaja dua bersaudara ketika di Melaka dulu;

> Maka kata Seri Nara Diraja kepada Seri Wak Raja, "Benar bicara diri melihatkan isteri, hai Seri Wak Raja, siapa yang bunuh bapa kita dua bersaudara yang mati di Melaka itu, raja mana? Bukankah raja ini? Pada masa inilah kita membalas kasihnya akan bapa kita mati empat beranak itu ...".[34]

Cercaan yang kedua juga datang daripada Seri Nara Diraja kerana Sultan Mahmud enggan santap nasi yang disediakan olehnya. Kedua-dua cercaan ini dilemparkan di hadapan baginda sendiri. Begitu lancang mulut Seri Nara Diraja sehingga dikatakannya kepada Sultan Mahmud;

> "Jikalau Tuanku tiada mendengar sembah patik, Tuanku patik amuk, sekali inilah Melayu derhaka".[35]

Naratif ini jelas menunjukkan songsangan konsep (reversal of concept), daripada konsep yang telah tertanam tentang daulat dan derhaka sebelumnya. Jika zaman keagungan Melaka dahulu dan kalimat terhadap konsep ini ialah 'anak Melayu pantang derhaka kepada tuannya (raja)', tetapi sekarang ini ialah 'anak Melayu akan derhaka jika tuannya tidak mengikut kata-kata mereka'. Jika Sultan Mahmud memecahkan tradisi persetiaan antara Sang Sapurba bahawa raja tidak akan berlaku zalim kepada rakyat, maka Seri Nara Dirajalah yang melanjutkan perbuatan Hang Kasturi yang berada di pihak Demang Lebar Daun (rakyat) yang berjanji bahawa rakyat tidak akan menderhaka. Ertinya Seri Nara Diraja akan menderhaka.[36] Cabaran dan celaan yang diterima oleh Sultan Mahmud dihadapi dengan perasaan tenang tetapi

---

[33]Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *loc. cit.*
[34]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 214.
[35]W.G. Shellabear, *loc cit.*
[36]Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *op. cit.*, hlm 211.

penuh rasa kesal – kesal dengan tingkah lakunya yang lalu. Pada ketika itu baginda mungkin telah menyedari bahawa baginda tidak mempunyai kuasa lagi walaupun wibawa sebagai seorang raja dapat terus dikekalkan. Semua suasana gugatan politik dan perubahan tradisi sosial dihadapi oleh baginda dengan rasa tabah dengan harapan bahawa sifat ketabahan ini akan memberikan kekuatan dan jalan meneruskan institusi dan zuriat Kesultanan Melayu Melaka yang telah hidup lebih daripada 100 tahun dalam sejarah itu. Dengan membawa semangat gigih inilah kemudiannya baginda berangkat dan bersemayam di Kampar.

Detik kemangkatan baginda meninggalkan satu kesan sejarah yang amat penting. Dengan kegigihan baginda menghadapi cabaran, cubaan dan pancaroba menyebabkan waris-waris baginda berjaya untuk menubuhkan satu kesultanan baru di sekitar Johor Lama dan kemudiannya bertapak pula di Pasir Raja pada zaman Sultan Alauddin Riayat Shah III. Waris ini meneruskan tradisi kesultanan daripada darah raja Melaka hingga lebih kurang dua abad lamanya, iaitu, apabila Sultan Mahmud II mangkat dijulang pada tahun 1699.[37] Oleh itu, dapat kita katakan bahawa dengan wataknya yang gigih itu Sultan Mahmud menjadi jambatan penyambung antara Kesultanan Melayu Melaka dengan Kesultanan Melayu Johor daripada warisan Melaka. Bagindalah yang menjadi unsur penting pembinaan Kesultanan Melayu Johor kerana keruntuhan Kesultanan Melayu Melaka.[38]

Sifat baginda yang pada mulanya pemarah, mudah dipengaruhi oleh emosi tanpa membuat pertimbangan yang rasional, akhirnya bertukar menjadi seorang yang sangat bertimbang rasa, bertanggungjawab terhadap keluarga, pengasih dan penuh dedikasi terhadap kerabat diraja serta gigih mempertahankan institusi kesultanan. Hal ini digambarkan dalam Sejarah Melayu bahawa pada ketika Sultan Mahmud hampir mangkat di Kampar, baginda menampakkan sifat-sifat kebapaan, menasihati penggantinya supaya berperikemanusiaan, adil dan bertakwa terhadap Allah *Sejarah Melayu* melakarkan;

> "Hei anakku dan cahaya mataku, engkau kerajaan, hendaklah sangat sabarmu, barang sesuatu bicaramu jangan meninggalkan Bendahara dan sekalian hulubalang, sangat-sangat adil saksama dan hukum atas bala tenteramu, jangan engkau dengar-dengaran barang sembah orang yang tiada sebenarnya, sangat ampun periksamu akan mereka itu sekalian, kerana ia bernaung kepada keadilan dan kemurahanmu; dan jangan tak-

[37]Terkenal juga dengan nama Marhum Mangkat Dijulang.
[38]Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *op. cit.*, hlm 212.

sir daripada manafahus dan memeriksai atas rakyatmu supaya sentosa kerajaan engkau".[39]

Dari segi naratif, petikan ini mungkin hanya merupakan suatu kreatif kesusasteraan dengan sifat *Sejarah Melayu* sebagai sebuah karya yang bercorak sejarah, didaktik, bernilai moral dan etika. Maka fungsi moral dan kemasyarakatannya juga haruslah dipertimbangkan. Ia disebut sebagai diucapkan oleh Sultan Mahmud, seperti untuk memberikan *attribution* terhadap peribadi baginda sebagai pemerintah yang berpengalaman, adil, berperikemanusiaan dan bertimbang rasa pada masa akhir hayatnya.

Pada akhir-akhir pemerintahan Sultan Mahmud di Melaka, ketika takhta kerajaan telah pun diserahkan kepada Sultan Ahmad, puteranya, ketokohan Sultan Mahmud seperti diselubungi oleh misteri. Baginda dinaratifkan oleh *Sejarah Melayu* sebagai duduk dan mengasingkan diri di Kayu Ara, di Hulu Melaka, sehinggalah apabila Melaka didatangi, diserangi dan ditakluki oleh Portugis pada tahun 1511.

Setelah 'patah arang' orang Melaka, Sultan Mahmud dan pengikutnya yang menurut *Sejarah Melayu* sebagai 'berlepas diri' dan berundur ke Batu Hampar, kawasan di pedalaman Melaka. Dari sini, mereka ke Hulu Muar, dan menyusur Sungai Muar lantas ke Penarikan. Dari Penarikan mereka pergi ke Pahang untuk berlindung buat seketika. Dari Pahang, baginda menyeberang Selat Bulang untuk mendarat di Pulau Bentan. Di situ baginda 'bernegeri' di kawasan yang bernama Kopak. Di sinilah baginda bertahan untuk mengekalkan kekuasaan politik terhadap kerajaan-kerajaan Melayu yang masih tunduk ke bawah taklukan Kesultanan Melayu Melaka yang telah berpindah ke Bentan itu selama hampir dua belas tahun. Di sinilah juga sering tercetusnya peperangan sengit antara Melayu dengan Portugis, namun kewibawaan politik Melayu di situ masih utuh. Baginda menghadapi serangan kuasa asing ini dengan gigih dan tabah sebab falsafah baginda ialah 'negeri alah hanya selepas rajanya mati". Oleh itu, dalam konsep dan tradisi politik berkerajaan Melayu, 'raja' dan 'kerajaan' adalah bertalian dan saling melengkap. Kerajaan wujud hanya setelah hadirnya 'raja' (yang didaulati), maka baharulah wujudnya *negeri*.[40]

Dari Bentan baginda berpindah pula ke Kampar, Sumatera. Di Kampar

---

[39]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 219.

[40]Lihat bagaimana Raja Ali Haji mentafsirkan konsep berpolitik Melayu ini dalam kitabnya, *Thamarat al-Muhemmah al-Dhiafah* ... (naskhah tercetak), Lingga, 1890, hlm 4–10; Muhammad Yusoff Hashim, *Riwayat Terengganu Darul Iman: Tradisi Persejarahan Terengganu, 1881–1936*, (Tesis Ph. D), 1985.

raja perempuan Tun Fatimah telah mangkat, lalu 'ditanamkan di Kampar itu', menurut *Sejarah Melayu*. Kampar menjadi tempat baginda untuk bertahan, bersemayam, mengekalkan terus wibawa politik Melayu tadi dan menghabiskan sisa-sisa hidupnya untuk meneruskan lagi tradisi Kesultanan Melayu Melaka dahulu hinggalah ke suatu ketika apabila disebut;

> "... datanglah peredaran dunia, maka baginda pun sakit terlalulah sangat ... maka Sultan Mahmud Syah pun kembalilah ke rahmatullahi-taala, dari negeri yang fana ke negeri yang baqa".

Selepas itu baginda digelar sebagai Marhum Kampar.

Warisan takhta diserahkan kepada Sultan Alauddin Riayat Syah III ibnu Sultan Mahmud Syah I, untuk meneruskan zuriat pemerintah Melayu keturunan Bukit Siguntang Mahamiru ini di Johor-Riau dalam tradisi kerajaan-pemerintah Empayar Melayu tradisional.

4

Hubungan Tradisional Melaka-Siak Dilihat melalui Penulisan *Hikayat Siak* atau *Sejarah Raja-Raja Melayu*

NASKHAH *HIKAYAT SIAK*

HIKAYAT SIAK ialah teks tradisional Melayu yang bercorak sejarah. Pada masa ini terdapat sekurang-kurangnya tiga buah naskhah teks tersebut. Satu daripada naskhah yang dianggap terbaik ada disimpan di Perpustakaan Muzium Pusat di Jakarta. Naskhah ini diberikan kod *W. 191* dan dikatalogkan ke dalam *Katalogus Koleksi Naskhah Melayu Museum Pusat Dept. P dan K (1972)* dengan nombor *ML. 44*, dan berjudul *Sejarah Raja-raja Melayu* (hlm 202). Kadangkala naskhah ini dinamakan juga sebagai *Sejarah Melayu* atau *Hikayat Raja Akil.*

Dua buah naskhah yang lain ada disimpan di Perpustakaan Universiteit Bibliotheek, Leiden dan kodnya ialah *Cod. Or. 6342* dan *Cod. Or. 7304.* Naskhah *Cod. Or. 7304* ini masih dalam bentuk tulisan tangan, sementara naskhah *Cod. Or. 6342* adalah dalam bentuk tulisan Jawi bertaip dan dipercayai telah diusahakan oleh R.O. Winstedt dengan berpandukan naskhah *W. 191* di Jakarta. Salah satu daripada salinan naskhah *Cod. Or. 6342* telah diserahkan dan disimpan pula di Perpustakaan Royal Asiatic Society, London, dikodkan sebagai *Mal. 13B.* Ketiga-tiga naskhah teks *Hikayat Siak* ini terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya dalam bentuk salinan mikrofilem.

Mengapakah *Hikayat Siak* disebut juga sebagai *Sejarah Raja-raja Melayu* atau *Sejarah Melayu* atau *Hikayat Raja Akil*?

Pada dasarnya, *Sulalatus Salatin* daripada versi panjang menyebut dan mengakhirkan naratif tentang bagaimana Sultan Alauddin Riayat Syah III membuka 'negeri' baru di Pasir Raja, di Kuala Sungai Riau, Johor. Kemudian disambung pula naratifnya tentang permulaan dan asal usul sejarah Raja Kecil yang didakwa sebagai putera Sultan Mahmud Syah II ibni Sultan

Ibrahim di Johor yang sememangnya berasal daripada raja-raja Melaka. Naratif yang disambung ini diteruskan dengan pengisahan sejarah dan peranan politik Raja Kecil [yang dituntut sebagai ibni Sultan Mahmud II (?)] serta anak cucunya, bermula daripada tahap pertama awal abad ke-18 sehinggalah ke tahap kelima pertengahan abad ke-19.

Kandungan *Hikayat Siak* terbahagi dua, iaitu periode Melaka-Johor (yang sebenarnya merupakan naratif yang disalin semula daripada teks *Sejarah Melayu*) dan periode selepas itu, iaitu tentang kisah raja-raja Siak atau Minangkabau yang didahului dengan naratif tentang Raja Kecil serta diikuti dengan naratif tentang anak cucunya, dan tentang peranan politik mereka di sekitar Selat Melaka.

Oleh itu, periode naratif *Hikayat Siak* menjangkau suatu jangka masa yang amat panjang, berabad-abad, bermula dengan hal-ehwal mitos dan legenda raja-raja sebelum zaman Empayar Melaka, sebelum tahun 1400 (seperti yang terakam dalam *Sejarah Melayu* itu) dan berakhir pada tahun-tahun 1850-an apabila disebut Tengku Anum ibni Raja Akil, iaitu piut Raja Kecil dilantik menjadi Penambahan Sikudana, di Borneo Selatan.

Dalam banyak hal, naratif tentang Raja Akil ibni Tengku Musa, cicit Raja Kecil itulah yang amat dititikberatkan. Oleh itu, *Hikayat Siak* dinamakan dan dikenali juga sebagai *Hikayat Raja Akil*.

Dari segi fungsi naratif dan kepengarangan *Hikayat Siak*, pengarang hikayat ini sebenarnya cuba membina suatu salasilah raja-raja Siak atau Minangkabau yang dikaitkan secara 'langsung' (sama ada suatu mitos atau bukan) dengan raja-raja Melaka-Johor dan keturunannya. Tokoh-tokoh yang menjadi 'jambatan' penghubung salasilah ini ialah Sultan Mahmud Syah II (Marhum Mangkat Dijulang), keturunan langsung kerabat Melaka dan Raja Kecil [didakwa sebagai putera Sultan Mahmud II (?)] yang beribukan Encik Apong (anak Laksamana Johor yang menjadi gundik Sultan Mahmud).

Oleh yang demikian, sama ada secara disedari atau sebaliknya, disengajakan atau tidak, maka terbinalah semacam sebuah salasilah raja-raja Melayu di Selat Melaka yang lengkap. Dan terciptalah suatu kesinambungan persejarahan yang bertalian antara zaman pra-Melaka, diikuti dengan zaman Empayar Melaka, disambung pula dengan era Johor, diterus dan diakhirkan dengan periode Siak-Johor, pada pertengahan abad ke-19 di bahagian barat Selat Melaka. Oleh itu, didapati bahawa Tengku Anum, tokoh penamat dalam naratif *Hikayat Siak* sebenarnya adalah titisan 'darah putih' secara langsung dari raja-raja Melaka dan yang bernasabkan kerabat dari Bukit Siguntang Mahamiru di Palembang. Oleh yang demikian, *Hikayat Siak* juga didakwa sebagai naskhah teks *Sejarah Melayu* daripada versi Palembang.

HUBUNGAN AWAL MELAKA-SIAK

Aru, Rokan, Siak, Kampar, Inderagiri dan Tungkal adalah kawasan di pantai timur Sumatera yang menjadi takluk Melaka. Kawasan ini membentuk bahagian barat zon empayar yang kemudiannya dilengkapkan dengan zon bahagian timur seluruh Semenanjung Tanah Melayu, Johor-Riau dan seluruh kepulauan yang kecil sekitarnya seperti Buru, Suir, Sarapung, Kundur, menganjur sehingga ke Brunei untuk membentuk zon empayar bahagian selatan. Dengan perkataan lain, penaklukan dan pengawalan seluruh kawasan di ketiga-tiga zon ini membolehkan Melaka untuk mengawal sepenuhnya kapal-kapal yang menggunakan Selat Melaka sebagai jalan perhubungan di antara Timur dengan Barat. Ini adalah suatu kedudukan dan pengawalan geografi yang amat strategik.

Oleh sebab perhubungan dengan kawasan-kawasan takluknya bercorak memusat, maka Melaka sangat sesuai berada di tengah-tengah sebuah empayar *thalassocarcy* (kuasa kelautan), apabila jalan laut menjadi unsur yang amat perlu bagi kehidupan harian.

Untuk mengawal jalan perdagangan di Selat Melaka itulah, seperti juga kerajaan yang setaraf dengannya di sepanjang pantai timur Sumatera, maka Siak ditundukkan dan ditakluki. Ini sebenarnya merupakan satu skema dalam rangka strategi sosiopolitik yang mudah tetapi amat praktikal untuk matlamat ekonomi dan *survival* Melaka.

Dalam konteks inilah juga teks *Sejarah Melayu* menerangkan hubungan Melaka-Siak dalam lingkungan hubungan politik-sosial sebuah kerajaan yang menakluk dengan kerajaan yang ditakluk.

Seawal yang diketahui, hubungan ini bermula ketika Melaka diperintah oleh Sultan Mansor Syah. Dalam teks *Sejarah Melayu* Cetera Ke-17 (*Sejarah Melayu* versi 1612) menyebut bahawa, "Sultan Mansor Syah hendak menyuruh menyerang Siak" (1961, hlm 146). Ketika itu Siak disebut telah pun mempunyai kerajaan, "Siak itu dahulunya negeri besar, Maharaja Permaisura nama rajanya, asalnya daripada raja Pagar Ruyung, tiada menyembah ke Melaka; sebab itulah maka baginda suruh serang". Panglima dari Melaka, Seri Udani, mengetuai ketumbukan hulubalang Melaka. Peperangan Melaka-Siak meletus dan Siak kecundang. Rajanya terbunuh dalam peperangan itu. Putera Raja Permaisura, Megat Kudu dan pembesarnya, Tun Jana Pakibul dapat ditawan dan dibawa ke Melaka. Megat Kudu dijadikan menantu oleh Sultan Mansor (setelah dikahwinkan dengan Raja Mahadewi). Kemudian beliau dilantik menjadi raja di Siak dengan gelaran Sultan Ibrahim. Tun Jana Pakibul menjawat Mangkubuminya. Siak pun menjadi salah sebuah kerajaan uftian Melaka. Selepas itu bermulalah hubungan politik kekeluargaan di antara Melaka dengan Siak.

Naratif hubungan ini disambung lagi pada Cetera ke-26 teks yang sama, yang menyebut tentang kemarahan Melaka terhadap Siak kerana membunuh seorang pesalah di luar pengetahuan istana Melaka. Hukuman membunuh pada masa itu adalah hak perundangan Melaka sahaja. Hal ini dikatakan terjadi ketika Melaka diperintah oleh Sultan Alauddin Riayat Syah I (1477–1488). Ini menjelaskan bahawa hubungan politik yang intim antara kuasa penakluk dengan kerajaan yang tertakluk.

Keintiman ini terus berkekalan, hatta selepas kerajaan Melayu berpindah dari Melaka sebenar ke Johor. Malah dari segi kekeluargaan kerabat, hubungan ini semakin erat apabila Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Syah II (1570–1597) melantik puteranya, Raja Hassan menjadi raja di Siak (Cetera ke-34, hlm 322). Selepas itu kisah tentang Siak daripada perspektif *Sejarah Melayu* tidaklah diketahui lagi. Namun yang jelas ialah sekiranya Siak ditakluki pada salah satu tahun antara tahun 1456–1477 semasa Melaka diperintah oleh Sultan Mansor Syah, bererti Siak berada di bawah taklukan kuasa Melayu-Melaka dan Johor selama seabad lebih. Selama itulah juga hilangnya (dari tahun tahun 1600 hingga pada awal abad ke-18), sumber-sumber tempatan tentang hubungan politik kekeluargaan kerabat di antara Melayu-Johor-Riau dengan Siak.

Hubungan politik kekeluargaan ini muncul semula apabila *Hikayat Siak* menyebut bahawa Raja Kecil (kemudian menjadi Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah, 1718–1722) yang kononnya diberitakan 'terbuang' dan dijadikan anak angkat oleh Ratu Minangkabau, kemudian dilantik menjadi raja di Siak adalah putera Sultan Mahmud Syah II, Johor. Raja Kecil memulakan percaturan politiknya di Selat Melaka, yang dengan sendirinya mendakwa juga bahawa bagindalah yang berhak untuk mewarisi takhta kerajaan Johor-Riau selepas kemangkatan ayahandanya (?), Sultan Mahmud II yang berketurunan dari Melaka tadi, bukan Bendahara Abdul Jalil (Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV, 1699–1718).

Senario sejarah Selat Melaka bermula pada awal abad ke-18 hingga pertengahan abad ke-19 itulah yang diceritakan dalam bahagian kedua *Hikayat Siak*. Bahagian ini menggambarkan nasib politik yang diperjudikan oleh Raja Kecil dan keturunan serta protagonisnya yang 'didakwa' sebagai berasal daripada kerabat Melayu-Melaka-Johor. Oleh yang demikian, tuntutan politik dan pewarisan takhta kerajaan Johor-Riau oleh Raja Kecil dapatlah 'diperhalalkan' secara kepercayaan semata-mata.

Inilah sebenarnya tujuan dan fungsi *Hikayat Siak* dicipta. Ia menghubungkan nasab keturunan Melaka-Johor-Siak ini secara ciptaan sastera dan mitologi.

Dalam suatu kenyataan ringkasnya tentang *Hikayat Siak*, R.O. Wins-

tedt menyifatkan hikayat ini sebagai *A variant appendix in a Batavia MS. gives an account of Siak in the eighteenth century*,[1] tetapi R. Roolvink pula berpendapat bahawa hikayat ini sebenarnya adalah;

> "... an enlarged version brought up to date until well into the nineteenth century is found in one manuscript, KBG 191 W (Djakarta), of which there are two copies in the Leiden University Library, Cod. Or. 7304 and Cod. Or. 6342, the latter presented to the Library by Sir Richard Winstedt. This enlarged version is a Malay history which is an edited and in several places abbreviated text of the Sejarah Melayu followed by an eighteenth century history of the Straits of Malacca told from the Siak point of view".[2]

Oleh itu jelaslah bahawa *Hikayat Siak* itu sebenarnya adalah sebuah versi yang telah diperpanjangkan daripada teks *Sejarah Melayu*, yang telah disunting oleh seorang pengarah atau penyalin dari Siak, Sumatera Timur. Dan teks tersebut telah dinamakan sebagai *Hikayat Siak*. Memandangkan terdapatnya penyisipan pada bahagian penghujung hikayat ini, R. Roolvink pun berpendapat bahawa, "It is a highly important text which could perhaps best be characterized as a Hikayat Raja Akil".[3] Oleh yang demikian, hikayat ini memaparkan tiga kriteria fizikal; pertama, hikayat ini merupakan salah satu daripada versi teks *Sejarah Melayu* yang telah diperpanjangkan; kedua, hikayat ini lebih dikenali dengan nama *Hikayat Siak;* dan ketiga, kadangkala hikayat ini dinamakan juga sebagai *Hikayat Raja Akil*. Mengenai kriteria yang pertama, pengarang atau penyalin telah memperpanjangkan 'kisah-kisah' daripada teks *Sejarah Melayu* dengan memasuk dan menambahkan peristiwa bersejarah tentang raja-raja dan masyarakat Melayu selepas periode Melaka pada sekitar abad ke-18 dan awal abad ke-19, di Selat Melaka.

Salinan asal naskhah *Hikayat Siak* tersimpan di Muzium Pusat di Jakarta.[4] Salinan yang digunakan untuk kajian ini ialah salinan foto dalam

---

[1]R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969, hlm 159.

[2]R. Roolvink, "The Variant Versions of the Malay Annals", kata pengenalan yang terlampir pada C.C. Brown (sunting dan terjemahan), *Sejarah Melayu, Malay Annals*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm xxiii.

[3]*Ibid.* Suatu deskripsi tentang hal ini dapat dilihat dalam Katalog van Ronkel di Djakarta, *VBG* 57, hlm 274, di bawah nombor *CCCLIV*. Sementara itu Raja Ali Haji dalam menerangkan sejarah orang Minangkabau dalam bukunya, *Tuhfat al-Nafis*, menyebut sumber yang digunakannya sebagai siarah atau sejarah Siak, Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, Singapura, 1965, (passim).

[4]Naskhah salinan ini saya temui di Perpustakaan Muzium Pusat, Jakarta ketika melakukan kajian tentang naskhah-naskhah Melayu bercorak sejarah di sana, sekitar bulan

tulisan Jawi dari Universiti Leiden yang mengandungi 60 halaman, iaitu dari halaman 402 hingga halaman 461. Setakat ini masih belum terdapat suatu kajian teks yang lengkap tentang *Hikayat Siak*, sama ada dari segi sejarahnya mahupun dalam bidang kesusasteraan, walaupun pada tahun-tahun kebelakangan ini terdapat ahli sejarah yang menggunakannya sebagai sumber rujukan peribuminya,[5] untuk menulis tentang sejarah orang Melayu di Johor dan Sumatera. Sejak lebih kurang sepuluh tahun yang lalu, Doktor R. Roolvink dari Faculteit der Letteren, Universiti Leiden, telah berusaha untuk menyelenggarakan teks ini. Tetapi hingga ke saat ini usaha itu masih menghadapi masalah.[6] Justeru itu, dapatlah dikatakan bahawa tokoh sejarah yang pertama memperolehi, mengutip dan menggunakan *Hikayat Siak* sebagai sumber rujukan penulisannya ialah Raja Ali Haji ibnu Raja Ahmad apabila beliau menulis *magnum-opus Tuhfat al-Nafis* pada awal abad ke-19 yang lalu.

Apabila diteliti tentang peristiwa, unsur kebudayaan, pandangan dunia dan gaya bahasa dalam *Hikayat Siak*, besar kemungkinan hikayat ini telah ditulis di salah sebuah kabupaten Minangkabau, khususnya di Siak. Hal ini dapat dibuktikan daripada catatan dan peristiwa yang begitu banyak tertumpu kepada Raja Kecil dan keluarga diraja Siak. Pengetahuan yang menarik dan mendalam seperti ditunjukkan dalam teks ini, iaitu tentang adat dan istiadat raja-raja di istana, dapat memperlihatkan daripada kalangan mana penulis hikayat ini muncul.

Oleh sebab kandungan *Hikayat Siak* lebih banyak mencatatkan huraian tentang raja dan salasilah raja-raja Minangkabau, maka nyatalah hikayat ini ditulis dan disusun dengan cara sedar. Hikayat ini lahir kerana arahan raja-raja Siak sendiri. Buktinya amat jelas. Ketika hikayat ini ditulis, berkemungkinan kedudukan politik raja-raja Siak telah merosot. Taat setia rakyat semakin berkurangan. Dan untuk tujuan moral bagi memulihkan semula taat setia dan mengembalikan kuasa politik raja-raja Siak yang di-

---

Jun 1979. Dari Perpustakaan Universiti Leiden, salinan naskhah ini diberikan nombor *KGB 191W* (Djakarta) – *Hikayat Siak* (Batavia MS), *Cod. Or. 7304* dan *Cod. Or. 6342*. Di Muzium Pusat, ia dikenali sebagai *on de Wall 191*. Lihat Lampiran B dan Lampiran C.

[5]L.Y. Andaya, "The Structure of Power in Seventeenth Century Johor", dalam *Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, No 6, 1975, hlm 1–11; L.Y. Andaya, *The Kingdom of Johore, 1641–1728: A Study of Economic and Political Developments in the Straits of Malacca*, O.U.P., Kuala Lumpur, 1975: I.A. MacGregor "Johore Lama in the Sixteenth Century", *JMBRAS*, 28:2, 1955; Ernst Ulrich Kratz, (ed), *Peringatan Sejarah Negeri Johor, Eine Malaiische Quelle zur Geschichte Johor im 18. Jahrhundert*, (Wiesbaden, 1973), dan lain-lain.

[6]Warkah Dr. R. Roolvink kepada saya bertarikh November 1978 dan Julai 1979.

warisi secara temurun itu, sebuah piagam yang lahir dalam bentuk tulisan dan dokumen perlu dicipta. Ciptaan ini lahir dalam suatu bentuk penyusunan semula salasilah raja-raja Siak yang berkenaan. Perkara yang penting ditonjolkan oleh *Hikayat Siak* ialah tentang kegiatan politik dan sosial, kebolehan, semangat gigih dan keberanian raja-raja Siak menentang musuh-musuh mereka. Lantaran itu, keunggulan semangat suatu suku bangsa Melayu telah diagung-agungkan. Sewajarnyalah pengagungan semula ini dilakukan dengan melahirkan sebuah piagam tertentu yang bertulis.

Dalam pengertian yang khusus, *Hikayat Siak* lahir sebagai sebuah piagam untuk memulih dan menguatkan semula identiti orang Minangkabau sebagai suatu suku yang bertamadun. Sebagaimana lahirnya teks seperti *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu), Hikayat Hang Tuah,*[7] *Hikayat Patani,*[8] *Hikayat Johor, Misa Melayu, Syair Perang Mengkasar,*[9] dan *Syair Sultan Maulana*[10] dalam deretan khazanah tradisi budaya Melayu di rantau ini, maka *Hikayat Siak* sebenarnya adalah sebuah dokumen sosial yang berfungsi (*functional social document*).Profesor A.E. Teeuw, menyifatkan *Hikayat Siak* sebagai *historical or referential literature,*[11] manakala Profesor C. Skinner pula mengatakan ia sebagai sebuah hasil sastera klasik yang termasuk ke dalam kumpulan *sacred (serious) in a political sense.*[12] Hal ini sebenarnya telah disarankan oleh Profesor Teuku Iskandar yang mengatakan bahawa sebuah hasil sastera yang sedemikian mempunyai motif psikologi-sosial dan berperanan untuk membangkitkan semangat orang Melayu, seperti kata beliau;

> "It is very striking that always at crucial moments the Malays need a literary work to boost the morale of the people".[13]

---

[7] Teks Sejarah Melayu versi tahun 1612 lahir di Pasir Raja, Johor, ketika kerajaan ini sedang menghadapi ancaman Portugis dan Aceh. Teks *Hikayat Hang Tuah* pula disarankan lahir di sekitar penghujung abad ke-17, pada masa Johor diancam oleh kuasa Jambi dan Bugis. Rujuk T. Iskandar, "Some Historical Sources Used by the Author of Hikayat Hang Tuah", dalam *JMBRAS*, 43:1, 1970, hlm 1–47.

[8] Lihat bahagian "Commentary" teks yang diselenggarakan oleh A.E. Teeuw dan D.K. Wyatt, (ed), *Hikayat Patani* (The Story of Patani), *VKI*, No 5, The Hague – Martinus Nijhoff, 1970.

[9] C. Skinner, (ed), *Sjair Perang Mengkasar by Entjik Amin*, *VKI*, No 40,'s-Gravenhage, 1963, bahagian "Introduction", hlm 1–42.

[10] Muhammad Yusoff Hashim, (ed), *Syair Sultan Maulana: Suatu Kajian Sebagai Hasil Pensejarahan Melayu Tradisional*, tesis Sarjana Sastera, Universiti Malaya, 1975, rujuk Bab 3 dan Bab 4.

[11] A.E. Teeuw, *Some Remarks on the Study of so-called Historical Texts in Indonesian Languages*, kertas kerja yang dibentangkan di Konferensi IAHA, Yogyakarta, 1974, hlm 6.

[12] C. Skinner, *Ahmad Rijaluddin and* 'Transitional' Malay Literature, skripsi kertas kerja dibentangkan di Konferensi IAHA, Bangkok, 25 Mei, 1977, hlm 2.

[13] T. Iskandar, *ibid*, hlm 45.

Oleh itu dalam pengertian dan konteks susila inilah kita dapat meneliti kedudukan sebenar dan peranan *Hikayat Siak* itu.

Mengkaji *Hikayat Siak* sebagai sebuah dokumen sejarah bererti kita menelitinya sebagai sebuah teks Melayu klasik dalam pengertian dan konsep penghasilan kesusasteraan Melayu yang lebih luas lagi.[14] Fahaman kita mengenainya sebagai sebuah dokumen yang berfungsi akan meletakkan *Hikayat Siak* sebagai sebuah hasil 'ciptaan sastera' kerana sebelum munculnya penggunaan istilah 'tarikh', 'tawarikh' atau 'sejarah' yang lebih khusus, tidak terdapat suatu pembahagian konsep yang jelas antara sebuah hasil 'sastera' dengan sebuah karya 'sejarah'.[15]

Cuma apa yang wujud dalam arena kesusasteraan ialah sejarah sebagai salah satu daripada genre sastera Melayu. Soal kebenaran sejarah (*historical truth*) atau seperti yang difahamkan pada hari ini sebagai 'fakta-fakta' sejarah dalam sebuah hikayat seperti ini tidak timbul sama sekali. Kebenaran yang terdapat pada *Hikayat Siak* adalah kebenaran yang subjektif,[16] iaitu kebenaran yang dilihat daripada pandangan dan pengamatan penulis atau penyusun teks, justeru untuk mencapai matlamat dan fungsi penulisan teksnya.

Dalam konteks ini, dengan menggabungkan 'fakta' sejarah dengan unsur yang dinamakan 'mitos sejarah' dalam *Hikayat Siak* sebenarnya bukanlah suatu 'gejala' dalam penulisan sejarah; bahkan ia merupakan suatu proses daya cipta kreatif, sesuai dengan keadaan dan sudut pandangan masyarakat Melayu-Siak yang sezaman dengan penulis. Fungsi peristiwa 'mitos' tidak semestinya dilihat secara terasing daripada fungsi peristiwa 'bersejarah' yang "berpijak di bumi nyata". Kedua-duanya saling berkaitan. Tentang naratif seperti Raja Abdul Jalil Syah beristerikan seorang peri, tentang Cik Pong yang memakan mani baginda sultan, perihal rumput yang tumbuh di celah kaki Megat Seri Rama yang luka, tentang kebolehan Raja Kecil menawarkan air laut yang masin, dan meriam musuh Raja Kecil yang

---

[14]Sehubungan dengan ini ada pihak yang berpendapat bahawa sastera sejarah itu perlu dilihat melalui teori dan konsep sastera, bukan dari segi sejarah, antropologi atau ilmu yang lain. Lihat A.E. Teeuw, *Sastera Sejarah Sebagai Jenis Sastera Malindo*, kertas kerja di Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, 8–10 September 1979, hlm 1.

[15]Khoo Kay Kim, *Panji-Panji Gemerlapan–Suatu Kajian Mengenai Persejarahan Melayu*, skripsi dibentangkan untuk ucapan 'inaugeral' penerimaan kursi di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Julai 1979.

[16]Sartono Kartodhirjo, "Segi-segi Strukturil Historiography Indonesia", dalam *Lambaran Sedjarah*, No 3, Bab 3, 1968, Jakarta. Rujuk juga A.H. Hill, "Hikayat Raja-raja Pasai, A Revised Romanised Version of Raffles MS. 67, Together with an English Translation", dalam *JMBRAS*, 33:ii, 1960, hlm 1–33.

tidak berbunyi tetapi mengeluarkan air sahaja adalah merupakan suatu ciptaan dan daya penulisan untuk membina unsur karismatik seseorang raja. Dan sebagai bersetuju dengan pendapat Pitono Hardjowardojo tentang teks *Pararaton*,[17] teks-teks seperti ini berfungsi sebagai unsur sosiopolitik bagi memberikan suatu hak pengabsahan atau penghalalan undang-undang terhadap raja tersebut dalam erti kata yang tersendiri, walaupun ada kemungkinan bahawa teks-teks yang berbahasa Melayu itu tidak begitu melampau seperti teks-teks sejarah yang terdapat dalam bahasa Jawa.[18]

Oleh sebab amat terpengaruh dengan sifat fizikal dan gejala struktur yang terdapat dalam teks yang sedemikian tanpa menyedari dan memahami tenaga-tenaga sosial,[19] dan proses politik yang bergerak pada latar belakang penulisan teks tersebut, J.C. Bottoms terus membuat andaian terhadap teks-teks Melayu yang bercorak sejarah sebagai;

> " ... a mixture of truth and legend, fantasy and fact, entertainment and instructions".[20]

Sementara itu dalam rencana lain tetapi pada tajuk yang sama, beliau mengulang;

> "... many Malay histories start with seemingly fantastic accounts of legendary beginnings and slowly grow more useful and accurate as they approach the writer's own period".[21]

Kenyataan Bottoms ini adalah dilihat dari sudut pandangan persejarahan yang unggul bahawa legenda, fantasi atau yang *seemingly fantastic* merupakan suatu gejala yang lazim terdapat pada hampir seluruh persejarahan berbagai-bagai bangsa di dunia ini sebelum munculnya pengaruh pendidikan sekular dari Barat. Beliau tidak menyedari bahawa unsur-unsur tersebut merupakan suatu ciri *archetypal*.[22]

---

[17]R. Pitono Hardjowardojo, *Pararaton*, Penerbitan Bhratara, Djakarta, 1962, hlm 5.

[18]Walau bagaimanapun, Profesor Mohd. Taib Osman berpendapat bahawa memang terdapat sedikit persamaan dalam fungsi antara karya-karya berbahasa Melayu dengan yang berbahasa Jawa ini. Rujuk Mohd. Taib Osman, "Mythic Elements in Malay Historiography", dalam *Tenggara*, 2:11, 1968, hlm 80–89; Lihat juga C.C. Berg, "Javanese Picture of the Past", dalam *Soedjatmoko*, et. al., (eds), *An Introduction to Indonesia Historiography*, Ithaca, 1965, hlm 87–116; C.C. Berg, *De Evolutie der Javaanese Geschiedshrijving, Nieuwe Reeks*, deel 14, No 2, Amsterdam, 1951, hlm 121–146.

[19]Mohd. Taib Osman, *op. cit.*, hlm 87.

[20]J.C. Bottoms, "Malay Historical Works (A Bibliographical Note on Malay Histories as Possible Sources for the History of Malaya)", dalam K.G. Tregonning, (ed), *Malaysia Historical Sources*, Singapore, 1962, hlm 42.

[21]J.C. Bottoms, "Some Malay Historical Sources: A Bibliographical Note", dalam *Soedjatmoko*, et. al., (eds), *op. cit.*, hlm 156–193.

[22]Sartono Kartodhirdjo, *op. cit.*, hlm 18–19; Rujuk juga J.J. Ras, (ed), *Hikajat-Bandjar*, Martinus-Nijhoff, 1968, bahagian "Introduction", hlm 2–15.

Jika benar dakwaan Bottoms bahawa unsur persejarahan seperti *legendary beginnings* itu diketemukan pada bahagian sebelum hidupnya pengarang atau penyusun teks,[23] maka unsur yang ditafsirkan sebagai berfungsi itu sebenarnya diambil daripada tradisi lisan atau sumber warisan temurun yang akan tertulis. Kadangkala kesahihannya sukar dipertanggungjawabkan kerana kebenaran fakta sejarah bukan menjadi matlamat akhir dan tujuan utama pengarang. Dengan perkataan lain, legenda dan mitos adalah ciptaan kreatif dalam konteks penulisan persejarahan yang dijelmakan oleh penulis dalam suasana yang sama ada sedar atau di bawah sedar supaya mempunyai fungsi-fungsi tertentu.

Begitulah halnya tentang bahagian awal yang terdapat dalam *Hikayat Siak*. Asal usul dan keturunan Raja Kecil yang menjadi protagonis hikayat ini digambarkan dengan suasana mitos yang aneh sekali;

> "Syahadan Yang Dipertuan Sultan Abdul Jalil Syah kepada malam itu baginda minta buatkan nasi rendam. Dan kepada itu malam baginda hendak beradu, lalu memanggil Cik Pong, anak Laksamana, disuruh memicit kaki baginda. Kepada masa itu bini peri itu sudah pergi. Diketahuinyalah akan baginda itu mangkat dan kepada waktu dinihari baginda datang berahi. Maka terpancarlah mahnikam itu ke tikar dan baginda bertitah, hai Apong, jikalau engkau hendak berputera dengan kita telanlah olehmu dan kandunglah rahsiaku supaya adalah benih Raja Iskandar Zulkarnain di dalam Tanah Melayu ini, jangan putus nasabku .... Dengan takdir Allah S.W.T. pada hambanya, dengan seketika Cik Apong pun hamillah".[24]

Menurut Raja Ali Haji dalam *Tuhfat al-Nafis* bahawa ada tiga pendapat berhubung dengan masalah keturunan Raja Kecil. Daripada ketiga-tiga pendapat itu, beliau kelihatan lebih menekankan kebenaran sejarah pendapat daripada 'sejarah pihak Terengganu' yang mengatakan bahawa Raja

---

[23]Antara contoh yang paling menarik dapat dilihat dalam *Hikayat Aceh*. Unsur-unsur *prowess* dan *post-eventum* yang muncul sebelum hidupnya Raja Iskandar Muda merupakan suatu ciptaan kreatif oleh pengarangnya, dijadikan suatu latar belakang tentang keagungan Iskandar. Naratif seperti ini juga diwujudkan semasa hidupnya pengarang teks. Raja Ali Haji umpamanya, memberikan perlukisan semasa dengan memasukkan beberapa unsur mitos tentang asal usul sesuatu tentang unsur alam. Rujuk T. Iskandar, (ed), *De Hikajat Atjeh*, *VKI*, 's-Gravenhage-Martinus Nijhoff, 1958, hlm 66–91; Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, Malaysian Publication, Singapura, 1965, (passim); Hans Overbeck, "Silsilah Melayu dan Bugis dan Sekelian Raja-rajanya", 4:3, 1957, hlm 339–381. Untuk mendapatkan suatu pandangan ilmiah 'sementara' yang lengkap di sini digunakan teks Arena Wati (ed), *Silsilah Melayu dan Bugis*, Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur; 1973.

[24]*Hikayat Siak*, hlm 408.

Kecil adalah anak gundik Sultan Mahmud, Cik Pong, yang telah berdamping rapat dengan baginda.[25] Walaupun unsur mitos ini merupakan warisan tinggalan daripada komponen "... realm of folk-lore" Melayu yang diwarisi secara lisan dan amat konvensional sifatnya oleh penulis sastera Melayu daripada genre sejarah, namun unsur ini telah digunakan dengan sebaik-baiknya untuk tujuan politik. Unsur tersebut bertujuan untuk memperoleh dan memenuhi keperluan karismatik untuk meninggikan taraf peribadi dan mendaulatkan Raja Kecil, justeru untuk diterima sebagai raja yang sah daripada kaca mata masyarakat tempatan. Jelaslah bahawa proses fungsional bergerak di belakang penulisan *Hikayat Siak*.

Dari sudut penelitian teks, kaedah ilmiah yang paling diterima untuk menetapkan *Hikayat Siak* sebagai sebuah hasil sejarah Melayu ialah kaedah kaji banding. Banyak catatan tentang peristiwa yang penting dari segi sejarah dalam *Hikayat Siak* yang memerlukan penggunaan kaedah ini. Sumber-sumber tempatan, terutama yang masih tergolong dalam keluarga hikayat tetapi bercorak sejarah dalam bahasa Melayu, kesan-kesan tinggalan (batu nisan), tentang Johor dan Siak sezaman, dan sumber-sumber dari Barat sebenarnya merupakan sumber bandingan yang tidak boleh ditinggalkan.

Tentang salasilah Raja Kecil yang hingga sekarang ini pun masih lagi kabur, Raja Ali Haji berpendapat, bahawa "Maka Raja Kecil ini, asal kejadiannya itu banyaklah khilaf, bersalah-salahan setengah salasilah dan siarah".[26] Mengikut *Hikayat Siak* pula, salasilah raja-raja Johor dari keturunan Melaka sebelum keluarga Bendahara (Abdul Jalil) menjadi raja ialah sebanyak tiga keturunan. Hikayat ini menjelaskan bahawa;

> "Sebermula beberapa lamanya Sultan Alauddin Riayat Syah di atas takhta kerajaan maka baginda pun mangkatlah. Maka Raja Abdullah menjadi raja bergelar Sultan Hammat Syah. Tidak berapa lamanya, Sultan Hammat pun mangkatlah. Tengku Besar Muda mengganti akan kerajaan bergelar Sultan Abdul Jalil Syah".[27]

Susunan salasilah ini sangat jelas bertentangan dengan *Hikayat Johor* yang menjelaskan bahawa sejak pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah III (1597–1613) hingga ke pemerintahan Sultan Mahmud Syah (1685–1699) terdapat sekurang-kurangnya tiga orang lagi pemerintah Melayu-Johor daripada keturunan kerabat Melaka tadi di antara kedua-duanya, iaitu Sultan

---

[25]Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm 13–14.
[26]*Ibid.*
[27]*Hikayat Siak*, hlm 402.

Abdullah Maayat Syah (1613/15 – 1623), Sultan Abdul Jalil Syah III (1623–1677) dan Sultan Ibrahim Syah (1677 – 1685).[28]

Ada dua kemungkinan yang agak pasti tentang masalah ini. Pertama, dalam *Hikayat Siak*, Sultan Abdul Jalil Syah yang disebut sebenarnya adalah orang yang sama dengan Sultan Mahmud Syah. Oleh itu, susunan salasilah dan nama raja-raja dalam *Hikayat Siak* telah menimbulkan kekeliruan, mungkin akibat kesalahan penyalin. Kedua, yang merupakan suatu kesilapan yang sengaja dilakukan.[29] Ini disebabkan orang Minangkabau menganggap bahawa Sultan Ibrahim dan Sultan Mahmud Syah kurang berdaulat dan ketinggian karismanya sebagai seorang raja tidak dikagumi. Hal ini berlaku kerana latar belakang sejarah Johor sendiri. Johor mengalami kekalahan yang amat teruk akibat serangan Jambi pada tahun 1670. Kekuasaan politiknya merosot. Sewajarnyalah kemerosotan itu menyebabkan orang Minangkabau dan penulis *Hikayat Siak* menganggap Sultan Ibrahim dan Sultan Mahmud tidak penting, bahkan semacam menafikan kewujudan mereka.

Hikayat Siak juga menerangkan tentang kemangkatan Sultan Mahmud atau Sultan Abdul Jalil ketika dijulang adalah kerana kemarahan Megat Seri Rama akibat pembunuhan isterinya setelah memakan seulas nangka kepunyaan raja. Mitos sejarah yang amat masyhur itu dicatat juga oleh Raja Ali dalam *Tuhfat al-Nafis*.[30] Tetapi menurut keterangan sumber luar sezaman, Alexander Hamilton, seorang pelaut dari Barat yang telah mendengar tragedi pembunuhan Sultan Mahmud itu, mengatakan bahawa pembunuh Sultan Mahmud ialah Orang Kaya apabila;

> "... he passed a lance through his (Sultan Mahmud's) heart, ... thus made and end to the beast".[31]

---

[28]Lihat "Hikayat Negeri Johor", dalam *JMBRAS*, 10:1, 1932; R.O. Winstedt, "A History of Johore (1365–1895)", dalam *JMBRAS*, 10:3, 1932, hlm. 165; Haji Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, hlm 65–81; E.U. Kratz (ed), *op. cit.*, bahagian "Pengenalan".

[29]Kesengajaan ini terjadi bukan sahaja dalam penyalinan semula patah atau patah-patah perkataan, kisah atau kisah-kisah dalam sesuatu para, bahkan kependekan atau pengolahan semula sesuatu anekdot atau episod bersejarah. T. Iskandar menamakan hal ini sebagai "International Alteration". Rujuk T. Iskandar, "Some Aspects Concerning the Work of Copyists of Malay Historical Writings", dalam *Peninjau Sejarah*, 3:2, 1968, hlm 1–10.

[30]*Hikayat Siak*, hlm 408–9; Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm 10. Raja Ali mencatat, "Sebermula adalah mangkat Sultan Mahmud itu; iaitu sebab terbunuh oleh seorang hulubalang yang bernama Megat Seri Rama, Sultan Mahmud itu membunuh isteri Megat Seri Rama itu, sebab makan seulas nangka pada ketika raja itu lagi tengah beradu. Adalah terbunuhnya di Kota Tinggi di Makam Tauhid namanya di dalam Johor".

[31]Alexander Hamilton, *A New Account of the East Indies*, Jilid ke-2, The Argonut Press, London, 1930, hlm 52.

Tragedi ini berlaku kerana baginda telah menitahkan penjaga istananya mematahkan tangan anaknya sendiri yang telah disuruh oleh ibunya tidur bersama-sama baginda.

Walaupun terdapat perbezaan episod yang menjadi sebab kemangkatan raja keturunan Melaka itu, namun motif dan matlamat perawi *Tuhfat al-Nafis* dan *Hikayat Siak* serta pencatat *A New Account* ... itu adalah serupa. Kedua-dua hikayat peribumi tersebut mungkin mendapat sumbernya daripada tradisi lisan yang sama, ia berlaku lebih daripada satu abad yang lampau, dan Hamilton pun mendapat kisahnya secara lisan juga. Ketiga-tiganya juga memaparkan ciri episod yang amat ringan, semata-mata untuk menunjukkan kezaliman Sultan Mahmud. *Hikayat Siak* dan *Tuhfat al-Nafis* menerangkan hal ini dengan nada yang amat halus lagi lembut tetapi penuh simbolik. Hamilton pula menyelar Sultan Mahmud secara berterus terang dengan menggunakan istilah seperti *beast* (haiwan) dan *tyrant* (orang yang zalim).

Dari sudut sejarah, keterangan *Hikayat Siak* tentang keturunan Raja Kecil yang dikatakan berasal daripada keturunan Sultan Mahmud II atau Sultan Abdul Jalil itu telah menarik perhatian beberapa orang pengkaji. Menurut pendapat Winstedt, dakwaan ini tidak munasabah, "That he was more than a swashbuckling pretender seems impossible". Ini disebabkan kedudukan baginda yang mewujudkan, "... suspicious connections with the Laksamana family"; juga tentang "... chronologically difficulty. If he was the son of Sultan Mahmud, he was born in 1699 or 1700 and conquered, Johore at the age of 17". Menurut Winstedt, laporan Belanda sezaman, "... on 15 February 1745, speaks of Raja Kecil as 'now in extreme old age suffering from madness'."[32]

Seorang penulis lain, Dianne Lewis, mengatakan bahawa, "This prince was most probably of Minangkabau origin, though a rumour was circulated that he was the posthmous son of the murdered Sultan Mahmud." Sementara itu dalam suatu nota kaki rencananya, Lewis mengutarakan lagi, "Contemporary Dutch records refer to the rumour that he was the son of the murdered King of Johore, but give no indication that they believed this story".[33] Penggunaan istilah *rumour* (khabar angin) oleh Lewis sudah cukup untuk memastikan sikapnya terhadap tuntutan sahihnya keturunan Raja Kecil dalam *Hikayat Siak* itu, walhal beliau bersetuju dengan catatan Belanda

---

[32]R.O. Winstedt, "A History of Johore", *op. cit.*, hlm 55.

[33]Dianne Lewis, "The Dutch East India Company and the Straits of Malacca, 1700–1784" (tesis untuk Ph.D, A.N.U. 1970), didapati dalam bentuk salinan ofset, di Perpustakaan Universiti Malaya, hlm 133.

yang tidak memberikan sebarang petanda untuk mempercayai dakwaan tersebut.

Sementara itu, seorang penulis semasa yang lain, L.Y. Andaya, yang berpegang kuat pada laporan Belanda telah menyarankan bahawa keterangan yang terdapat dalam *Hikayat Siak* itu adalah 'helah' politik sahaja. Benarnya saranan ini memang dapat dipastikan kerana selepas Raja Kecil dikalahkan oleh orang Bugis, baginda tidak pernah menyebut atau membangkit-bangkitkan lagi soal keturunannya.[34]

Tentang perkara ini kita patut kembali semula kepada punca dan permasalahan penulisan *Hikayat Siak*. Sebagai sebuah dokumen yang berfungsi, menggunakan Sultan Mahmud II sebagai sumber bagi nasab keturunan Raja Kecil adalah suatu faktor yang paling sesuai untuk meraih unsur karisma bagi putera raja dari Minangkabau ini. Inilah sebenarnya suatu helah politik yang paling unggul untuk menanamkan kepercayaan dan memperolehi 'daulat duniawi', dengan cara menghubungkan wibawa dan tokoh peribadi Raja Kecil dengan salasilah raja-raja Melaka yang diakhirkan dengan Sultan Mahmud II tadi. Oleh itu, isu ini pun diterapkan secara tertulis dalam *Hikayat Siak*. Ini disebabkan Orang Laut yang masih menjadi tulang belakang kekuatan tentera kerajaan Johor hanya mempercayai dan mendaulati tokoh raja yang bernasabkan raja-raja Melaka sahaja.[35] Dengan berbuat demikian, Raja Kecil pasti akan mendapat sokongan politik daripada kalangan Orang Laut. Oleh itu, *Hikayat Siak* telah digunakan secara dokumentasi untuk tujuan politik orang Minangkabau dengan sebaik-baiknya.

Dalam konteks ini, teks *Tuhfat al-Nafis* tidak mungkin dijadikan pegangan kerana Raja Ali sendiri menggunakan sumber mitos sejarah ini daripada 'sejarah sebelah Siak' (lisan atau tertulis), yang berkemungkinan penyusun *Hikayat Siak* memperoleh dan menggunakan sumber yang sama. Oleh sebab Raja Ali juga tidak dapat membuat kepastian (asal kejadiannya itu mengandungi banyak kesalahan salasilah dan siarah), tentang sumber asal usul Raja Kecil, maka dalam hal ini adalah kurang wajar menganggap *Tuhfat al-Nafis* dan *Hikayat Siak* sebagai sumber dan fakta sejarah yang sahih.

Satu lagi peristiwa sejarah yang penting dan perlu diteliti ialah tentang peperangan antara orang Minangkabau dengan orang Bugis di Kedah. Peperangan meletus kerana gara-gara dua orang putera raja Kedah merebut takhta kerajaan pada awal abad ke-18. Putera yang tua meminta bantuan

---

[34]L.Y. Andaya, *The Kingdom of Johore*, hlm 65–72.

[35]*Ibid.* (passim); untuk mendapat keterangan lanjut sila rujuk O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Singapore, 1969, hlm 154–170.

Bugis. Sementara putera yang muda pula mencari bantuan tentera daripada orang Minangkabau.[36] Mengikut keterangan dalam *Hikayat Siak*, orang Minangkabau telah berjaya untuk menewaskan orang Bugis. Daeng Parani telah ditembak mati oleh Raja Kecil dalam suatu episod pertarungan. Tetapi mengikut Raja Ali Haji dalam *Tuhfat al-Nafis*, Daeng Parani tertembak sahaja, "Maka dengan takdir Allah Ta'ala serta sudah sampai janjinya, maka Upu Daeng Parani pun kenalah peluru meriam tentang dadanya. Maka ia pun mangkatlah di atas beranda ghurabnya dengan nama laki-laki ..."[37] Sementara itu teks *Salasilah Melayu dan Bugis* menuduh Raja Kecil telah melakukan 'pukul-curi' dengan menembak perahu Daeng Parani secara bersembunyi dari arah serambi rumahnya.[38] Akhirnya kedua-dua teks karya Raja Ali Haji ini menekankan bahawa pihak Bugis telah menang.

Oleh yang demikian, tentulah ketiga-tiga sumber peribumi ini menunjukkan kecondongan (bias) masing-masing. *Hikayat Siak* cuba memegahkan kecemerlangan pihak Minangkabau sementara *Tuhfat al-Nafis* dan *Salasilah Melayu dan Bugis* pula berikhtiar menegakkan kebenaran pihak Bugis; dan sekaligus juga berikhtiar membina keagungan tokoh-tokoh suku Melayu ini.

Pada kita, soal bagaimana Daeng Parani ditimpa takdir itu tidaklah penting. Perkara yang perlu diteliti di sini ialah bagaimana episod bersejarah itu disampaikan dengan menggunakan *centricity* dan sudut pandangan pengarang atau penyusun ketiga-tiga teks tersebut berdasarkan matlamat penciptaannya untuk mewakili pihak masing-masing. Walau bagaimana caranya sekalipun, Daeng Parani tetap mati dalam peperangan. Siapakah yang menang? Pihak Bugis ataupun Minangkabau?

Oleh sebab terdapat unsur 'condong' tadi, maka kita patut merujuk pula pada sumber asing sezaman, khususnya sumber Belanda. Sumber Barat ini melaporkan bahawa tidak ada sebarang kemenangan di kalangan pihak-pihak yang terlibat. Kesemua pihak telah menanggung kerugian dan kecederaan. Walau bagaimanapun Raja Kecil dilaporkan telah mengerahkan

---

[36]Lihat penerangan R. Booney dalam bukunya *Kedah, 1771–1821: The Search for Security and Independence*, Oxford University Press, 1971, hlm 12–19; Dianne Lewis, "Kedah – The Development of a Malay State in the 18th and 19th Centuries", dalam *Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia*, hlm 36–43. Untuk mendapatkan keterangan lanjut tentang hal ini daripada sumber primer asing, lihat warkah rasmi F. Light kepada W. Hastings, 17/1/1772 (BM. Add. 29133, f.10); warkah Monkhton kepada Fort St. George Lewis, "The Growth of the Country Trade to the Straits of Malacca, 1760-1777", dalam *JMBRAS*, 43:2, 1970, hlm 120; *Naskhah Tarikh Peringatan Raja-raja Kedah* (salinan mikrofilem di Perpustakaan Universiti Malaya).

[37]Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm 67–68.

[38]Arena Wati, (ed), *op. cit.*, hlm 122–23.

pengikutnya supaya mengundurkan diri dengan menggunakan jalan darat dan laut untuk kembali ke Siak. Raja Siak mungkin merasa amat puas hati dengan kematian Daeng Parani yang menjadi musuhnya sejak dari zaman Johor dulu. Dalam hal ini, Dianne Lewis mengambil jalan tengah, katanya, "This chronicle, the Salasilah Bugis is decidedly biased and claims for the Bugis a more triumphant record than the Dutch sources indicate".[39]

Suatu hal lain yang juga penting dalam persejarahan Melayu tentang kajian *Hikayat Siak* ialah tentang peranan Pagar Ruyung di alam Minangkabau dan tindakan politik Raja Kecil di alam Melayu ini. *Hikayat Siak* menerangkan bahawa Raja Kecil yang dikenali sebagai Tuan Bujang telah dibawa ke Pagar Ruyung sejak umurnya tujuh tahun. Puteri Jenilan telah membela dan membesarkannya sehingga beliau dewasa. Kemudian 'anak raja' ini mengembara pula ke Batang Hari, Palembang, Rawas dan Jambi.

Catatan ini kelihatan ditetapkan dan disokong pula oleh *Syair Perang Siak*, sebuah lagi naskhah Melayu lama bercorak sejarah yang mengisahkan darihal raja-raja Siak pada abad ke-18.[40] Dalam beberapa rangkap syairnya, naskhah ini menerangkan bahawa Raja Kecil memang sengaja dihantar ke Palembang untuk menemui Adipatinya;

> ... sudah berfikir adik dan abang
> baginda dihantar ke tanah Palembang
> . kepada Adipati raja terbilang
> baharulah hilang hati yang bimbang.
>
> Adipati Palembang raja yang b (p) okta
> baginda disuruh menjawat senjata
> tidak diketahui asal mahkota
> menjadilah ia beroleh leta.[41]

Dari Palembang, Tuan Bujang telah pergi semula ke Pagar Ruyung untuk bertemu lagi dengan Puteri Jenilan. Sementara itu *Syair Perang Siak* pula menegaskan bahawa pemergian Tuan Bujang ke Pagar Ruyung adalah sengaja dihantar oleh Adipati Palembang seperti dalam rangkap berikut;

---

[39]Dianne Lewis, *The Dutch East India Company*, hlm 133.

[40]Naskhah salinan syair ini saya dapati di Kampar, Koleksi 130 F milik Tengkoe Nazir, disalin daripada sebuah naskhah yang lain pada tahun 1337 Hijrah (1918). Naskhah syair ini mengandungi 699 rangkap yang dimulakan dengan mukadimah sejarah ringkas Johor pada abad ke-19 dan diakhiri dengan khatimah tentang kekalahan perang orang Siak di tangan Belanda. Naskhah asal syair ini tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden dalam *Von Ronkel Supplement Catalogue Leiden MSS.* Nos 195 dan 196; c.f. MS. no CDLXX dalam *Von Ronkel Catalogue Batavia Gen. MSS*, tetapi di sini diberikan judul Syair Raja-raja Siak.

[41]*Syair Perang Siak*, rangkap 14–15, hlm 2.

... asal baginda mahkota limbong
intan gemala patut dijunjung
Adipati berfikir di dalamnya hati,
"Mengapakah mula demikian pekerti,
sungguhnya dia raja yang sakti,
maka demikian lakunya pasti?"
Ia berfikir hati peribau,
"Baiklah dihantar ke Minangkabau",
lalu dihantar ke Minangkabau,
baginda tu asal di Gunung Hijau.[42]

Berikutnya *Hikayat Siak* pula menerangkan;

> Baginda pun bertanya tuan Bujang, "Akan sekarang apakah kehendak engkau?" ... maka kata Puteri Jenilan, "Kutahu kehendak engkau. Baiklah engkau turun ke laut ke Siak, ambil olehmu negeri Johor, tuntut kematian ayahandamu." Maka tiada berapa lamanya Tuan Bujang pun dinobatkan Yam Tuan Sakti .... "Aku ini hendak menguji pesaka Minangkabau, betulkah anak saudara punya pesaka itu" ... setelah sudah maka Tuan Bujang bersandarlah tiang teras kayu jelatang, dan mahkota kerajaan pun diletakkan oleh Yang Dipertuan Sakti di kepalanya. Maka Tuan Puteri Jenilan pun berdiri sambil beryang-yang, "Jikalau engkau asal putera saudaraku di Johor salasilah daripada Sultan Iskandar Zulkarnain, nasab Nusruan Adil, Pancar Nabi Allah Sulaiman Alaihassalam, tiadalah dapat satu apa-apa dan pesaka Minangkabau Si Buyonglah yang lebih ...." Dan adalah muka Tuan Bujang seperti bunga raya kembang pagi tiada dapat dipandang, bercahaya .... Segala pegawai menteri semuanya sujud menyembah mengatakan, "Daulat Tuanku Yang Maha Mulia ... kekallah dalam Tanah Melayu menjadi raja besar". Dan lalu diberi nama gelaran Yang Dipertuan Raja Kecil .... Puteri Raja Jenilan dan Yang Dipertuan Sakti membawa pedang kerajaan .... Puteri Jenilan memberi cap dan tersebut di dalamnya, "Anak kita Yang Dipertuan Raja Kecil turun ke laut dan hendaklah segala anak Melayu yang di laut taat setia ... pulangkan malunya anak kita yang menanggung malu anak Minangkabau. Dan jika anak Minangkabau tiada mahu menyertai ia baik dan jahat Yang Dipertuan Kecil, kena sumpah kena bisa kawi ...".[43]

Tentang peristiwa yang sama dengan tujuan untuk menguji sama ada Raja Kecil berdaulat atau tidak, *Syair Perang Siak* yang tentunya condong ke Siak melukiskan;

---

[42]*Ibid.*, rangkap 16–18.
[43]*Hikayat Siak*, hlm 422–424.

... setelah sampai dia ke situ
lalu dipeliharakan baginda ratu (Jenilan)
jikalau sudah teruji ke batu
laksana emas sepuluh mutu.

Tidak berapa lamanya selang
lalu digelar raja terbilang
dikenakan mahkota yang cemerlang
disandarkan pula di tiang jelatang.

Hendak dicuba raja terjumlah
jikalau bukan pastilah tulah
dengan puteranya disamakanlah
putera baginda kepalanya gelagah.

Di sanalah konon baginda dilantik
laku dan kholok terlalu cantik
paras laksana kuntum dipetik
lalu digelar Yang Dipertuan Cantik.[44]

Setelah selesai upacara pertabalan itu Raja Kecil dan pengikut-pengikutnya berpindah ke Siak, kemudian ke Bengkalis dan lantas ke Johor. Pada pihak lain, Raja Ali Haji yang tentunya pula pro-Bugis, melihat peristiwa ini antara percaya dengan tidak, dengan berulang-ulang kali menggunakan istilah 'konon' dalam *Tuhfat al-Nafis*.[45] Dan dalam teks *Salasilah Melayu dan Bugis*, beliau dengan tidak teragak-agak menegaskan bahawa, "... Raja Kecil itu bukannya asal raja betul, kerana Cik Pong itu (tatkala) dipakai oleh marhum sudah (pun) bunting ...".[46]

Walau bagaimanapun, perkara yang penting dilihat dalam *Hikayat Siak* dengan sokongan teks *Syair Perang Siak* (yang muncul daripada kumpulan versi naratif yang sama dengan *Hikayat Siak* tadi ialah bagaimana sebenarnya Pagar Ruyung boleh menjadi pusat memberi dan menentukan kedaulatan serta penganugerahan kuasa dan wibawa bagi raja-raja yang terletak di bawah 'Alam Minangkabau'. Dari Pagar Ruyunglah Raja Kecil direstui karismanya, mendapat kuasa dan inspirasi untuk mengembangkan pengaruh politik Minangkabau di alam Melayu, pada saat-saat terjadinya kemerosotan kuasa-kuasa Melayu di rantau ini dan di Selat Melaka khususnya. Dari segi kepercayaan dan tradisi, Puteri Jenilan tentu tidak teragak-agak untuk mengiktiraf Raja Kecil dengan berbagai-bagai dakwaan mitosnya

[44] *Syair Perang Siak*, rangkap 19–23, hlm 2.
[45] Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm 13–14.
[46] Arena Wati (ed), *op. cit.*, hlm 43.

kerana telah terbukti bahawa dia tidak ditimpa 'tulah' dalam upacara ritualistik di tiang jelatang tadi.

Daripada beberapa bukti dan perkara yang telah dihuraikan, dapatlah kita tentukan ciri-ciri fizikal khusus tentang hikayat dari Minangkabau ini. Cara penghuraian dan pemaparan episod tentu sekali diterapkan dari sudut pandangan orang Minangkabau. Oleh yang demikian, hadirnya unsur tokok tambah oleh penyalin-penyalin, justeru untuk mengagung-agungkan Raja Kecil yang menjadi protagonis teks ini dan keturunan raja-raja Siak memang telah dijangkakan. Selain sumber lisan, teks inilah yang telah digunakan oleh Raja Ali Haji sebagai bahan rujukan tertulisnya yang penting untuk mendapatkan pengetahuan dan maklumat sejarah tentang Raja Kecil dan pengikút Minangkabaunya. Daripada teks tersebut beliau menyatakan bahawa;

> "Syahadan akan tetapi aku terjumpa dengan siarah sebelah Siak, akan tetapi sejarah dan siarah Siak itu dari awal hingga akhirnya tiada bertahun dan tiada bertarikh, apalagi bulan dan harinya. Tiada sekali-kali aku bertemu, dan suratannya pun terlalu kopi dan karangannya pun banyak kurang sedap dibaca, sebab banyak berpindah-pindah agaknya daripada tangan seorang ke tangan seorang serta yang menyurat pun kurang selidik pada mengesahkan, demikian sangkaku".[47]

Pada dasarnya, kenyataan ini hanyalah sangkaan. Sebenarnya Raja Ali Haji telah dapat menggunakan banyak bahan dan naratif daripada *Hikayat Siak*. Kekurangan karangan dan penyelidikan tidak menyekat beliau daripada mendapatkan sumber-sumber sejarah seperti itu.

Pada keseluruhannya, walaupun *Hikayat Siak* tidak mempunyai sebarang tarikh, tetapi peristiwa-peristiwa bersejarah telah disusun dengan teratur mengikut aturan yang tertentu. Susunan tertib tarikh berdasarkan aturan tersebut hanya dapat dibina setelah proses kaji banding dengan sumber-sumber lain dilakukan. Selain beberapa buah karya sejarah tempatan yang wujud, *Hikayat Johor* juga merupakan antara salah sebuah sumber bandingan yang menarik.

Untuk tujuan ini, sumber-sumber dari Barat tentang Siak-Johor mungkin dapat dibahagikan kepada dua kategori. Pertama, sumber yang berbentuk penteraan daripada *eye-witness* merupakan laporan pengembara semasa. Antara hasil karya yang paling hampir dalam kategori ini ialah *The Journey* yang dihasilkan oleh Captain J. Tavares, pengembara Portugis.

Menurut pendapat T.D. Hughes dalam rencananya *A Portuguese*

---

[47]Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm 104.

Account of Johore, catatan Tavares ini penting kerana;

> "... it throws light at a momentous time when the fate of the Sultanate (of Johore) was in the balance. It supports the tradition that the Raja Kecil who usurped the Johore throne in 1717, was a son of the Sultan Mahmud and a very young man at this time of his conquest".[48]

Laporan Tavares ini amat ringkas tetapi menarik dalam erti kata ia menyanggah dengan sendirinya andaian Winstedt yang merujuk pada sumber Belanda bahawa pada awal abad ke-18, usia Raja Kecil telah pun lanjut. Sumber kategori yang lain ialah *A New Account of the East Indies*, oleh Alexander Hamilton, pedagang Inggeris. Catatan Hamilton yang telah diterbitkan sebanyak dua jilid itu menarik kerana terdapat catatan ringkas dan ulasan beliau tentang sifat-sifat fizikal dan peribadi Sultan Mahmud Syah, Raja Muda dan Raja Abdul Jalil. Walau bagaimanapun pengkaji yang lain, iaitu Dianne Lewis, telah mengulas catatan Hamilton tadi dengan mengatakan bahawa, "Alexander Hamilton is, however, frequently unreliable in reporting such details", dan beliau mengatakan bahawa keterangan dalam laporan Hamilton itu sebagai, "... rather muddles".[49] Bagaimana dan kenapa kesimpulan yang dibuat oleh Lewis tentang catatan Hamilton itu masih belum diketahui.

Tergolong juga ke dalam kategori yang pertama ini ialah laporan-laporan rasmi Syarikat Hindia Timur Belanda (V.O.C.) tentang Johor sepanjang abad ke-17 dan abad ke-18. Laporan-laporan rasmi ini adalah sumber awalan. Kajian-kajian masa kini tentang sejarah Johor-Siak banyak bergantung pada laporan ini. Walau bagaimanapun, sumber ini ada masalahnya. Pandangan laporan ini (meminjam istilah Profesor Skinner) amat 'Batavian/Dutch centric'[50] dan tentulah bertentangan pula dengan *Hikayat Siak* yang 'Minangkabau-centric' ini.

Sumber daripada kategori yang kedua merupakan penulisan yang bercorak sekunder tetapi berasaskan sumber daripada kategori yang pertama tadi. Penulisannya boleh dikatakan ilmiah. Seawal-awal abad ini kita ditemukan dengan dua buah karya yang penting, iaitu *The History of Johore* (1365–1800) oleh R.O. Winstedt[51] dan *The Dutch East India Company and the Straits of Malacca* oleh Dianne Lewis. Hasil-hasil kajian mutakhir yang

---

[48]J. Tavares yang terdapat pada Lampiran T.D. Hughes, "The Journey ..." dalam T.D. Hughes, "A Portuguese Account of Johore", *JMBRAS*, 13:2, 1935, hlm 112.

[49]Dianne Lewis, *The Dutch East India Company* hlm 151 dan 181.

[50]C. Skinner, (ed), *op. cit.*, hlm 18–19.

[51]R.O. Winstedt, "A History of Johore", *op. cit.*

lain yang juga penting ialah seperti *The Kingdom of Johore* oleh Leonard Y. Andaya,[52] *Sejarah Johor* oleh Haji Buyong Adil dan *Tawarikh Johor* oleh Shahrom Hussain. Pendekatan kedua-dua penulis peribumi yang terakhir ini lebih merupakan 'beriwayat'. Pendekatan Winstedt dan Lewis pula berlainan. Winstedt lebih banyak meninjau dari segi politik di samping menggunakan sumber-sumber tempatan peribumi. Lewis pula lebih tertumpu pada sejarah ekonomi dan banyak bergantung pada sumber Belanda dan sumber Inggeris tentang Johor yang telah diterbitkan.

Walau bagaimanapun, *Hikayat Siak* yang termasuk ke dalam kategori sumber peribumi dan sumber-sumber asing yang bukan Melayu ini mempunyai keistimewaan dan kelemahannya. Namun, dari segi persejarahan dan kaedah pengkajian *Hikayat Siak*, sumber-sumber peribumi dapat membekalkan suatu rangka kerja yang unggul dan sahih sementara itu sumber-sumber asing pula dapat mengisi keperluan yang terperinci tentang sejarah Siak-Johor secara keseluruhannya, dengan mencari kelemahan-kelemahan yang tipikal dalam *Hikayat Siak* sebagai hasil persejarahan Melayu sebelum tahun 1900.

Pengkajian teks *Hikayat Siak* perlu dilihat daripada pendekatan dan pemahaman bahawa ia adalah sebuah penghasilan kreatif. Tujuannya bukan sahaja untuk mengungkapkan peristiwa-peristiwa sejarah yang terjadi semata-mata malah juga untuk tujuan dan fungsi literaire. Tetapi dari segi persejarahan, *Hikayat Siak* memang penting ditinjau dengan ukuran pertalian sejarah dalam rangka dan konteks kebudayaan Melayu-Indonesia dan Weltanschaung orang Melayu-Siak yang lebih luas. Menurut pendapat sejarawan R.G. Collingwood[53] bahawa ukuran sejarah atau apa yang disebutkan *norms of the study of history* akan memberi makna suatu kajian yang disebut *a systematic examination of authorities in order to determine their relative credibility*. *Hikayat Siak* tentunya dapat dijadikan sumber utama peribumi walaupun di dalamnya terkandung unsur-unsur sejarah yang bertentangan dengan konteks dan konsep ilmu sejarah masa kini.

Namun demikian, unsur-unsur ini tidak boleh diketepikan begitu sahaja kerana Collingwood sendiri pernah menegaskan bahawa, "It might be a way, perhaps a well established way, according to the custom of the time when it was written, of saying something which you, through ignorance of

---

[52]Selain rencana, "The Structure of Power in Seventeenth Century Johore", juga lihat rencana seperti oleh J.R. Logan, "The Ethnology of the Johore Archipelago", dalam *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, 1847 dan rencana oleh Virginia Matheson, "Concepts of State in the Tuhfat al-Nafis (The Precious Gift)", dalam *Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, No 6, 1975. 12–21, dan lain-lain.

[53]R.G. Collingwood, *The Idea of History*, London, 1961, hlm 259.

that custom did not recognise as its meaning".[54] Collingwood menambah lagi, "The important question about any statement contained in a source is not whether it is true or false, but what it means ... and coming to your own conclusion".

KESIMPULAN

Hikayat Siak sebenarnya adalah hasil kreatif sastera sejarah. Daya penciptaannya lebih tertumpu kepada semangat zaman, etos dan sudut pandangan Melayu Malaysia-Nusantara zaman tradisional tentang pergelutan politik satu keluarga kerabat diraja Melayu-Siak. Hikayat ini didahului dengan suatu naratif latar belakang sejarah alam Melayu yang amat panjang, menjangkau daripada awal abad ke-15 semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka sehinggalah pada abad ke-19. Naratif sejarah Kesultanan Melayu Melaka ini pula didahului dengan suatu naratif-mitos yang relatif dengan tradisi dan sejarah kesultanan itu sendiri, iaitu tradisi purba Palembang. Ini dapat dilihat apabila hikayat ini menyebut berbagai-bagai nama tempat seperti Bukit Siguntang Mahamiru, Muara Batang Hari, Andalas, Kuala Sayung, Tanjung Bemban (di Sumatera Timur) serta puluhan nama tokoh legenda seperti Sang Sapurba Taram Seri Tri Buana, Demang Lebar Daun, Wan Empuk dan Wan Malini, Wan Sendari dan Krishna Pendeta.

Sebagai karya yang bercorak *referential*, *Hikayat Siak* tidak menunjukkan sebarang pemisahan konsep sosiopolitik antara Melayu-Malaysia dengan Melayu-Sumatera. Malah apa yang dimaksudkan 'Melayu' di dalamnya dari segi siratan adalah Melayu sebagai suatu etnik yang mendiami seluruh kawasan geopolitik Malaysia dan Nusantara atau Indonesia pada hari ini. Ia hanya dipisahkan oleh suatu lautan panjang tetapi sempit keadaannya yang dikenali sebagai Selat Melaka.

Hikayat Siak jelas memperlihatkan bahawa tradisi politik dan sosial Melayu-Melaka, Melayu-Johor dan Melayu-Siak amat intim. Keintiman yang dipancar dan disuratkan bukanlah tanpa bukti sejarah. Hanya jika kita amat dogmatik terhadap sumber, maka kebenaran daripada bukti sejarah itu sahajalah yang sering dipertikaikan.

Tokoh utama dan yang menjadi protagonis penting pada bahagian awal *Hikayat Siak* ialah Raja Kecil ibnu Sultan Mahmud Syah II. *Hikayat Siak* sebenarnya adalah piagam politik dan diciptakan untuk mencari dan memberikan suatu kesahan politik dan mengesahkan Raja Kecil sebagai raja yang berdaulat, dan keturunannya serta para pengikutnya, iaitu orang Melayu-Siak dan orang Melayu-Minangkabau. Sudut pandangan penulisannya yang

---

[54] *Ibid.*

pro-Melayu-Siak tetapi anti-Melayu-Bugis amat bertentangan dengan sudut pandangan penulisan *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Riau*, *Tradisi Silsilah Melayu dan Bugis dan Sekalian Raja-rajanya* yang hampir keseluruhannya adalah pro-Melayu-Bugis, tetapi anti-Melayu-Siak pula. Antara tokoh yang disebut dalam *Hikayat Siak* daripada 'titisan' langsung Raja Kecil termasuklah Raja Bujang, Raja Alam, Raja Ibrahim dan Raja Akil, kesemuanya menjadi tokoh utama dalam persejarahan Malaysia-Indonesia pada sepanjang abad ke-18 dan abad ke-19. Malah tokoh akhir itu yang pro-Belanda dan bergelar Mejar Raja Akil dalam ketumbukan tentera V.O.C. Belanda itulah yang ditonjolkan oleh teks Melayu dari Siak ini, daripada bahagian pertengahannya sehinggalah ke bahagian akhir.

R. Roolvink yang amat tertarik dengan nama ini, dan secara spontan menamakannya sebagai *Hikayat Raja Akil*. Raja Akil inilah kemudiannya dikisahkan oleh *Hikayat Siak* sebagai dilantik menjadi pemerintah Sukadana, di Borneo Selatan, dengan restu Belanda pada awal abad ke-19.

Sebagai karya yang berfungsi, *Hikayat Siak* sebenarnya bertujuan untuk mencipta suatu unsur dalam tradisi kepercayaan Melayu lama tentang kebenaran terhadap tuntutan politik dan pemberian daulat terhadap Raja Kecil. Oleh itu, ia juga semacam dihasilkan untuk menyokong karisma (to prop up the charisme of) Raja Kecil dari segi dakwaan peribadi sebagai tokoh Melayu dari Siak dan Johor, dan pemerintah yang sah di situ.

Justeru itu, *Hikayat Siak* menuntut bahawa Raja Kecil adalah sebenarnya putera Sultan Mahmud Syah II, Johor, dengan memaparkan mitos sejarah dari segi tradisi dan kepercayaan tentang asal usul beliau. Oleh yang demikian, semasa Johor berada dalam suasana rumit dan kekecohan politik akibat kemangkatan Sultan Mahmud II, Raja Kecil didakwa dan dituntut sebagai satu-satunya waris yang paling sah daripada keturunan Kesultanan Melayu Melaka untuk menuntut dan menaiki takhta kerajaan Melayu-Johor untuk meneruskan tradisi kesultanan Melayu di sekitar Selat Melaka. Secara kronologi sejarah, *Hikayat Siak* menunjukkan perubahan yang dialami oleh masyarakat Melayu dari abad ke-15 sehingga abad ke-19, dari tahap dan abad Kesultanan Melayu Melaka yang secara kebetulan dan bersejarah pula[55] adalah warisan daripada tradisi Palembang atau Jambi sehinggalah ke tradisi persejarahan Borneo.

Hikayat Siak menggambarkan suatu pertalian dan ikatan etnik yang amat kukuh antara orang Melayu-Palembang atau Jambi, Melayu-Melaka, Melayu-Johor-Riau, Melayu-Siak, Malaysia dan Indonesia. Semuanya digam-

[55]Tome Pires, *The Suma Oriental*, London 1944; O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Kuala Lumpur, 1970.

barkan dalam konteks dan semangat kenusantaraan dalam tradisi persejarahan-kebudayaan praperiode kolonial serantau. Sehingga pada hari ini semangat pertalian dan keintiman etnik yang cuma dipisahkan oleh Selat Melaka itu begitu terasa. Semangat ini tercetus dalam lagu bertajuk *Sedarah Sedenyut Nadi* yang sehingga kini masih popular di kalangan masyarakat Melayu Malaysia;

Ombak yang datang bawa berita,
di ombak pergi dikirim pesan,
bukannya luas Selat Melaka,
cuma sejarak batas pandangan.

Ditanam pinang di tanah rata,
tanam kelapa di Bukit Tinggi,
pucuk di awan melambai mesra,
urat bertemu di perut bumi.

Ilmu dituntut sama seguru,
sebentuk rupa senjata disandang,
satu gurindam senada lagu,
sama serentak tingkahan gendang.

Air dicincang putus tiada,
carik bercarik taup kembali,
cubit di kanan kiri terasa,
bukti sedarah sedenyut nadi.

(Ahmad Jais, *Sedarah Sedenyut Nadi*, 1973)

Sesungguhnya dalam konteks inilah *Hikayat Siak* memainkan peranan menaratif anekdot dan mencernakan hubungan sejarah etnik serantau.

Dalam konteks penciptaan dan komposisi pula, pengarang atau perawi *Hikayat Siak* cuba untuk mencipta suatu corak *unity* dengan menggabungkan antara *Sejarah Melayu* dengan *Hikayat Siak*. Pengarang atau perawi berkenaan menamakan teksnya sebagai *Inilah Cetera Raja Iskandar Zulkarnain*. Pengarang atau perawi tersebut tidak memperlihatkan dengan jelas bahagian atau ciri-ciri naratif yang berunsur Siak itu untuk membolehkan pembaca mengecam dan memisah-misahkan bahagian pertama, iaitu naratif tentang Melaka dan empayarnya, dan bahagian yang kedua, iaitu naratif tentang keluarga kerabat Siak di Johor-Riau-Sumatera. Sekiranya kita tidak membaca *Hikayat Siak* dengan berhati-hati, kita akan mengatakan bahawa hikayat ini adalah daripada naskhah atau versi teks *Sejarah Melayu* atau *Sejarah Raja-raja Melayu* seperti yang diberi judul atau dikatalogkan oleh pengkatalog terawal. Bukanlah demikian hakikatnya. *Sejarah Melayu* (versi panjang) adalah naratif persejarahan Melayu tentang

kerajaan Melaka-Johor. Sementara *Hikayat Siak* pula adalah naratif persejarahan hal-ehwal kerajaan Siak dan pengalaman politik para tokoh kerabat di peringkat atasan *per se*.

Walau bagaimanapun, apabila diteliti semula sejarah hubungan antara kerajaan Melaka-Johor dengan kerajaan Siak dalam ruang lingkup persejarahan empayar Melayu di Selat Melaka pada abad ke-15 hingga pada awal abad ke-18, maka percubaan untuk membina *unity* tadi memang beralasan. Ini disebabkan hubungan politik ini telah dieratkan lagi oleh hubungan kekeluargaan antara istana Melaka-Johor dengan istana Siak, dan apabila pada penghujung abad ke-16 dan pada awal abad ke-17, raja Siak sendiri adalah seorang putera Johor-Melaka. Sekiranya demikianlah dakwaan dalam naratif *Sejarah Melayu* dan dalam membentuk naratif tadi benar serta berada dalam landasan sejarah, maka tidak ada sebab pengarang atau perawi *Hikayat Siak* tidak boleh berbuat demikian.

Hikayat Siak menegakkan dakwaannya dengan berlandaskan latar belakang sejarah hubungan politik dan kekeluargaan Melaka-Siak yang telah benar-benar terjadi. Kekaburan mungkin terdapat tentang nasab keturunan dan salasilah kekeluargaan Melaka-Johor-Siak selepas kemangkatan Sultan Alauddin Riayat Syah III (1615). Kekaburan juga terjadi apabila Raja Kecil muncul secara mendadak dalam arena pertokohan *Hikayat Siak* dan akhirnya berjaya pula untuk menjadi raja Johor-Riau (1718). Oleh itu, didapati bahawa pembahagian naratif *Hikayat Siak* antara periode Melaka-Johor dengan periode Johor-Siak adalah terjadi secara tiba-tiba serta penuh dengan pertanyaan.

Hikayat Siak tidak pernah menyebut tentang hubungan Johor-Siak sepanjang pemerintahan empat orang sultan Johor-Riau selepas kemangkatan Sultan Alauddin Riayat Syah III tadi yang menjangkau periode antara tahun 1615 hingga tahun 1699. Dan dengan mudah pula hikayat ini mendakwa bahawa Raja Kecil adalah putera Sultan Mahmud. Periode antara tahun 1615 hingga tahun 1699 dalam *Hikayat Siak* sebenarnya penuh misteri. Oleh yang demikian, dakwaan itu kelihatannya dibina secara mitos akibat dilindungi oleh misteri tadi. Antara tahap kemangkatan Sultan Mahmud II pada tahun 1699 dengan tahun 1718, iaitu tahun Raja Kecil menaiki takhta kerajaan Johor, menunjukkan bahawa Raja Kecil ketika itu baru berusia lebih kurang 19 tahun. Laporan Belanda telah menyebutkan bahawa ketika Raja Kecil menaiki takhta kerajaan Johor, usianya telah pun lanjut.

Apabila Raja Ali Haji merawikan teks *Tuhfat al-Nafis* beliau telah merujuk pada *Hikayat Siak* dan mungkin dapat mengintip dan menghidu bau 'kepalsuan' yang terterap dalam hikayat ini, iaitu tentang asal usul Raja Kecil dalam hubungannya dengan Sultan Mahmud II. Oleh itu, berulang kali

beliau menggunakan istilah 'konon' terhadap naratif ini. Tokoh dari Riau-Lingga ini sendiri seperti tidak percaya dengan laporan dalam hikayat ini kerana Raja Kecil 'bukanlah' putera Sultan Mahmud.

Walau bagaimanapun, dari segi ciptaan dan komposisi sastera, perawi *Hikayat Siak* telah berjaya membina suatu 'jambatan' mitos yang menghubungkan antara Kesultanan Melayu Melaka-Johor dengan Kesultanan Siak menerusi ketokohan Raja Kecil. 'Jambatan' ini telah memberi kesan dan memperkayakan tradisi warisan budaya, sastera dan politik Melayu Selat Melaka.

Sekiranya dilihat pada kedudukan kepengarangan *Hikayat Siak* dalam konteks peranan sosiopolitiknya dalam persejarahan Selat Melaka yang lebih luas lagi, mungkin kita boleh membina suatu tanggapan teks tentang perkara ini. Tanggapan yang pertama dirujuk pada tanggapan pengarang hikayat ini (dalam penelitian penulis buku ini, *Hikayat Siak* telah dikarang oleh Tengku Said ibnu Raja Akil, tokoh yang berketurunan langsung daripada kerabat Raja Kecil) dan tanggapan ini dibina daripada sikap dan konsepsi pengarang sendiri terhadap karya yang dikarangnya serta menggabungkan dengan matlamat dan perskemaan hikayat ini dikarang yang dilakukannya 'secara sedar'. Tanggapan yang kedua ialah dari sudut pengarangannya yang merupakan warisan budaya yang telah diperturunkan dan telah menjadi unsur yang sudah *imbued*. Ia diterima dalam kepercayaan masyarakat serta semangat zaman, sesuai dengan selera masyarakat kerabat Siak bahawa mereka adalah 'titisan' langsung kerabat pemerintah Melaka. Mereka juga mendakwa bahawa kekerabatan dan kedudukan politik mereka adalah bertalian terus pula dengan peranan kedaulatan dan pendaulatan yang dimain dan diberikan oleh wibawa dan kesahan politik Melayu-Minangkabau di Minangkabau.

Sekiranya tanggapan yang kedua ini terjadi maka ia diterap dan dirakamtuliskan ke dalam *Hikayat Siak* dengan 'tanpa disedari' oleh pengarang. Ia terjadi secara *natural* kerana tradisi masyarakat kerabat tempat pengarang berasal, hidup dan berada telah menyatakan sedemikian dan mempercayai begitulah kejadiannya secara sejarah. Tetapi sekiranya tanggapan yang pertama itu berlaku maka nyatalah seperti yang terjadi terhadap banyak tradisi hikayat sejarah dan salasilah Melayu yang dikarang dan dirawikan di rantau ini,[56] pengarang telah cuba, dalam perskemaan komposisinya untuk membina suatu corak mitos persejarahan dengan

[56]H.J. Cowan, *De Hikayat Malek Dagang*, Desertasi Leiden, 1938, hlm 17; Muhammad Yusoff Hashim, *Riwayat Terengganu Dar'ul-Iman: Kajian dan Analisa Teks*, (Tesis Ph.D), 1985, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, (Bahagian Pengenalan).

merujuk pada hubungan intim secara geofizik dan kesesuaian kalangan kerabat Melayu dan kuasa-kuasa besar Melayu yang berdaulat dan berwibawa. Kuasa-kuasa besar Melayu boleh memberikan daulat terhadap pihak lain (seperti Melaka pada abad ke-15 dan Minangkabau mulai abad ke-14)[57] di sekitar Selat Melaka yang wujud sebelumnya, khususnya kesultanan dan kerabat Melayu Melaka.

Pengarang hikayat ini, dalam skema komposisinya telah melihat semula ke zaman Melaka sebagai sumber kuasa dan daulat Melayu yang sah dan halal. Setelah merujuk ke zaman Melaka, pengarang terus mengguna dan menerapkan unsur politik ini untuk membina dan menegakkan kekerabatan dan kedaulatan politik Melayu-Siak dengan menghubungkan secara salasilah antara kerabat dan pemerintah Siak dengan kerabat dan pemerintah Melayu sebelum tahun 1511 dan Melaka-Johor sebelum tahun 1699.

Jambatan penghubung ini ialah Raja Kecil (yang didakwa secara temurun dan dipercayai sebagai ibnu Sultan Mahmud II Johor, keturunan Melaka), yang kemudian 'menitiskan' pula keturunannya di Siak, Johor dan Borneo. Di sini, pengarang kelihatan mengambil kaedah hubungan pengsalasilahan kerabat Siak-Melaka (bahawa kerabat Melaka sehingga tahun 1511 dan awal Johor sehingga tahun 1699 adalah nenek moyang mereka secara salasilah). Matlamatnya ialah untuk memperoleh dan membina kedaulatan politik tadi. Sekiranya tanggapan ini betul dan wajar diterima, maka jelaslah bahawa kaedah ini telah menjadi suatu mekanisme politik untuk mendakwa dan menegakkan kesahan politik bagi keluarga kerabat Siak. Raja Kecil bukan sahaja mewarisi takhta kerajaan Johor warisan Melaka, malah 'menghalalkannya' pula untuk melanjutkan tradisi persejarahan Empayar Melaka dan Johor-Riau, serta terus terlibat dengan pergolakan dan perkembangan politik kawasan Selat Melaka dan perairan di sekitarnya sehingga pada abad ke-19.

Pengarang juga seperti turut mendakwa bahawa keturunan salasilah raja-raja Melaka di Johor tidak tamat setakat kemangkatan Sultan Mahmud Syah II, malah terdapat penerusan warisnya di sebelah pantai barat Selat Melaka, iaitu Melayu-Siak. Penyambung waris ini ialah Raja Kecil. Waris ini harus berjuang terus bagi menegakkan kedaulatan politik dan sosial Melaka selepas tahun 1699 walaupun pada realitinya Raja Kecil kelihatan sering kecundang!

Daripada visi sejarah, menerusi konsep dan matlamat penulisan *Hikayat Siak* pengarang cuba membina suatu bentuk *political slant* untuk

---

[57]Christine Dobbin, *Islamic Revivalism in A Changing Peasant Economy Central Sumatera*, 1884–1947, Curzon Press, London, 1983, hlm 60–71.

memberatkan dan membentuk pengaruh persejarahan Melayu Selat Melaka selepas tahun 1699 ke arah menyebelahi Siak dan Minangkabau. Pengarang juga cuba untuk menafikan persejarahan yang ke arah dan ke sebelah Johor yang telah pun diserapi dan didominasi oleh pengaruh Bugis, iaitu musuh ketat Raja Kecil. Walhal Johor-Riau telah pun mengukir sejarah politik dan kedaulatannya sendiri dengan mengakui dan mengikuti salasilah sebelah keluarga Bendahara selepas perlantikan dan pertabalan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah ibnu Sultan atau Bendahara Abdul Jalil Syah tetapi dengan topangan dan sokongan Bugis. Sebenarnya tradisi persejarahan salasilah Melaka telah pun terputus dengan kekecundangan politik Raja Kecil (sekiranya benar dia adalah putera Sultan Mahmud II) yang sempat menjadi raja kerajaan Johor-Riau setakat tahun 1719 hingga tahun 1722.

Secara sejarah, pengarang juga nampaknya amat sedar tentang tenaga politik dan sumber daulat yang hadir dan terjadi pada awal abad ke-18. Hubungan politik Siak-Melaka dibina secara komposisi dan dokumentasi salasilah serta kepercayaan semata-mata. Hubungan Siak-Minangkabau pula dibangunkan menerusi realiti sejarah dengan meletakkan peranan pendaulatan politik secara fizikal dan spirituil Pagar Ruyung, secara tradisi dan temurun menerusi tokoh Puteri Jenilan yang telah mendaulatkan Raja Kecil.

Pengarang melihat dan menemukan gabungan daulat dalam sebuah dunia Melayu daripada dua buah wilayah serantau yang menjadi pembekal sumber daulat tadi, iaitu daulat Melaka dan daulat Pagar Ruyung. Bertolak dari sini, pengarang membina secara mitologi kreatif, suatu kedaulatan di kalangan kerabat *Melayu Siak* pula. Dengan cara ini pengarang mendakwa bahawa Raja Kecil dan keturunannya berhak 'menghalalpolitikkan' diri daripada kalangan mereka untuk terlibat secara langsung dan menceburi hal-ehwal sosiopolitik Johor-Riau. Seterusnya selepas tahun 1722, Raja Kecil dan keturunannya terlibat dan memasuki gelanggang sosiopolitik Melayu di alam Melayu dan di persekitaran Selat Melaka. Pengarang semacam melihat daulat Melaka dan Pagar Ruyung bukan dari segi keasingan fizikal dan geopolitiknya tetapi dari segi keseragaman dan keseiringan kepercayaan temurun serta etos Melayu serantau. Ini disebabkan Melaka dan Pagar Ruyung berada dalam konteks pengalaman sejarah yang hampir serupa dan saling bertalian. Kedua-duanya wujud dalam lingkungan rantau budaya yang tunggal dan sealam; tiada berbeza di antara kedua-duanya walaupun mungkin dicorakkan oleh berbagai-bagai variasi tempatan. Usaha pembinaan daulat ini dapat dilihat dalam rajah pada muka surat 86.

Terbuktilah di sini betapa penting, relevan dan bermaknanya Kesultanan Melayu Melaka dalam sejarah pendaulatan dan berkerajaan Melayu dalam konteks budaya politik Melayu di alam Melayu, khasnya dalam tradisi

persejarahan Selat Melaka sehingga ke pertengahan pertama abad ke-19. Hal yang demikian terjadi bukan sahaja dari segi geopolitik di Malaysia malah seluruh bahagian barat Nusantara.

SINOPSIS HIKAYAT SIAK

Bahagian kedua hikayat ini menyatakan bahawa sebahagian daripada salasilah raja di Johor bermula dengan Sultan Alauddin Riayat Syah. Apabila mangkat, baginda digantikan pula oleh Raja Besar Muda, yang bergelar Sultan Abdul Jalil Syah.

Sultan Abdul Jalil Syah tidak boleh lagi untuk beristeri kerana baginda telah beristerikan peri, dan berasa benci apabila melihat wanita cantik. Baginda tidak menghiraukan kerajaannya. Oleh itu, Bendaharalah yang menjalankan urusan pentadbiran. Orang yang menjaga baginda ialah Datuk Seri Bija Wangsa.

Kisah kemangkatan baginda seperti berikut. Pada suatu hari ada seorang membawa nangka untuk baginda. Isteri Megat Seri Rama mengidam hendak memakan nangka dan memintanya daripada penghulu istana. Baginda amat murka dan telah membelah perut wanita itu. Megat Seri Rama

mengetahui yang isterinya telah mati akibat dibunuh oleh baginda. Apabila beliau mendapat tahu yang Bendahara juga hendak membunuh sultan, beliau pun menghasut Bendahara supaya bekerjasama. Bendahara bersetuju dengan tindakan itu. Bendahara telah bermesyuarat dengan orang besarnya untuk membunuh Datuk Seri Bija Wangsa dahulu sebelum membunuh sultan. Datuk Seri Bija Wangsa difitnah cuba menderhaka dan sultan memerintahkan supaya beliau dibuang negeri. Datuk Seri Bija Wangsa ingin berjumpa dengan sultan untuk mengetahui kesalahannya tetapi Bendahara berjaya menahannya. Datuk Seri Bija Wangsa kemudian menyerahkan dirinya untuk disalang.

Seperti yang telah dirancangkan, Sultan Abdul Jalil Syah akan dibunuh ketika baginda pergi ke masjid untuk sembahyang Jumaat. Pada waktu malamnya, apabila baginda hendak beradu, baginda telah memanggil Cik Pong memicit badannya. Apabila telah berahi, baginda menyuruh Cik Pong memakan maninya yang telah terpancar keluar itu kerana hendak menyambung nasabnya. Cik Pong pun mengandung. Sultan Mahmud atau Sultan Abdul Jalil Syah dibunuh oleh Megat Seri Rama ketika baginda dijulang ke masjid untuk bersembahyang Jumaat. Sultan Mahmud atau Sultan Abdul Jalil Syah telah sempat membaling kerisnya kepada Megat Seri Rama dan beliau telah merana selama empat tahun kerana rumput telah tumbuh pada luka di celah kakinya.

Apabila sultan mangkat, Bendahara dilantik menjadi Sultan Johor. Temenggung menjadi Raja Muda. Anak Bendahara menjadi Bendahara Pekok. Anak yang tengah menjadi Temenggung. Anak bongsunya menjadi Raja Indera Bongsu.

Berikut ialah kisah kelahiran Raja Kecil. Cik Pong telah melahirkan seorang anak lelaki secara sulit supaya anak itu tidak diketahui oleh Raja Muda. Bayi tadi telah dibawa keluar dari Johor. Laksamana, ayah Cik Pong meminta Raja Negeri Selat membawa anaknya kepada saudaranya, Temenggung Muar untuk dipelihara. Setelah berumur tujuh tahun, Temenggung Muar pun membawa anak itu berjumpa Laksamana. Apabila berita tentang kanak-kanak ini (yang suka menziarah makam baginda Sultan Mahmud) didengar oleh Raja Muda, Laksamana menyuruh Nakhoda Malim membawa kanak-kanak itu ke Sumatera.

Nakhoda Malim telah membawa kanak-kanak itu ke Pagar Ruyung untuk menemui raja di situ yang bernama Yam Tuan Sakti. Di situ beliau diberi nama Tuan Bujang, dan Yam Tuan Sakti bersetuju membelanya kerana kanak-kanak itu didakwa mempunyai pertalian darah dengannya. Apabila Tuan Bujang berumur 13 tahun, beliau telah pergi mengembara ke Batang Hari, ke Rawas dan terus ke Hilir Palembang. Di situ, beliau telah

berkhidmat dengan Sultan Lama Abang. Baginda telah bergaduh dengan Sultan Anum, lalu berundur dari Palembang dan belayar ke Johor kerana hendak meminang anak raja Johor. Ketika itu Raja Muda telah berpeluang melihat Tuan Bujang yang seiras rupa dengan Marhum Mangkat Dijulang. Lamaran Sultan Lama Abang tidak diterima dengan alasan puteri raja Johor masih kecil lagi. Beliau belayar ke Batangan. Tuan Bujang berkhatan di situ. Sultan Lama Abang berkahwin di Siantan dan selepas itu belayar ke Bangka Kota. Baginda hendak melanggar Palembang dan apabila berjumpa dengan Daeng Parani dan Daeng Celak, mereka berbincang tentang rancangan itu. Orang Besar Wira Sinteh tidak bersetuju dengan Sultan Lama Abang untuk mendapatkan bantuan Bugis. Sebaliknya beliau sanggup memberi bantuan. Sultan Lama Abang masuk ke Palembang tanpa sebarang bantuan saudara-saudaranya. Kedua-dua beradik itu meminta bantuan Belanda. Belanda telah membantu Sultan Lama Abang dan membuat perjanjian untuk mendirikan lojinya di Palembang.

Tuan Bujang pergi ke Rawas dan berkahwin dengan anak Dipati Batu Kucing. Mereka mendapat anak bernama Raja Alam. Kemudian Tuan Bujang pergi ke Jambi dan membantu Sultan Jambi untuk berperang di Kedah, dan beliau mendapat luka di pahanya.

Setelah tamat pengembaraannya, Tuan Bujang berkelana ke Pagar Ruyung. Pada ketika itu Puteri Jenilan menitahkan Tuan Bujang supaya menuntut bela di atas kematian ayahnya (Sultan Mahmud) serta untuk mendapatkan semula mahkota Johor. Sebelum itu, Tuan Bujang dinobatkan sebagai Raja Johor dan baginda diberi nama Raja Kecil. Beliau diberi pedang kerajaan, mohor, surat pengenalan dan hulubalang. Sebelum ke Johor, baginda berniaga di Siak, bergelar Nakhoda Pekok ke Melaka, kemudian ke Bengkalis. Setelah berjumpa dengan penghulunya, Raja Kecil pergi ke Batu Bahara untuk mendapatkan bantuan. Secara kebetulan, anak-anak raja Bugis, Daeng Parani, Daeng Celak dan Raja Tua telah datang berbicara dengan Raja Kecil untuk memberi bantuan untuk melanggar Johor.

Sepucuk surat telah dihantar ke Johor supaya bersedia. Raja Negeri Selat pula datang dengan rakyatnya; Raja Kecil dan angkatannya belayar ke Johor. Apabila sampai ke Selat Johor, suku Laksamana telah datang menghadap baginda. Raja Kecil telah diminta menawarkan air laut untuk membuktikan kedaulatannya. Setelah diduga kedaulatannya, segala orang Johor pun memberi taat setia kepada Raja Kecil. Meriam dibedil tidak berbunyi, hanya air yang keluar. Tidak ada tentangan langsung.

Sultan Johor dan anak-anaknya berundur. Apabila Raja Kecil masuk ke istana, baginda pun melarikan diri. Raja Muda telah mengamuk dan membunuh isterinya. Beliau enggan melarikan diri dan dihukum bunuh kerana

zalim terhadap isterinya. Cik Pong, bonda Raja Kecil telah meninggal dunia. Tidak lama kemudian Raja Kecil bertunang dengan Tengku Tengah tetapi telah berkahwin pula dengan Tengku Kamariah. Raja Kecil pun ditabalkan sebagai Sultan Abdul Jalil Syah dan Tengku Kamariah menjadi permaisurinya.

Daeng Parani telah datang menuntut janji daripada Raja Kecil supaya dijadikan Yam Tuan Muda, tetapi Raja Kecil tidak bersetuju kerana Bugis tidak memberi sebarang bantuan ketika serangan terhadap Johor. Tengku Tengah yang berasa malu sanggup menyerahkan dirinya kepada Daeng Parani sekiranya beliau menolongnya. Raja Sulaiman telah menjemput Daeng Parani ke rumahnya dan telah bermuafakat sesama mereka. Raja Sulaiman berjanji jika berjaya mengalahkan Raja Kecil, Daeng Parani akan dijadikan Yam Tuan Muda. Selepas perjumpaan itu, Tengku Tengah telah melarikan Tengku Kamariah dari rumah Raja Kecil.

Raja Kecil terlalu murka, lalu menyuruh orang melanggar Datuk Bendahara (bekas sultan) yang lari ke Pahang. Daeng Parani pergi ke Langat. Raja Kecil menitahkan Laksamana dan Seri Bijaya Wangsa mengekori Bendahara ke Pahang dan bertemu dengan beliau di Kuala Pahang. Laksamana dan Seri Bijaya Wangsa lantas menjemput Bendahara balik ke Johor tetapi beliau enggan. Beliau meminta supaya beliau dibunuh sahaja. Pada waktu yang sama Tengku Tengah dibawa balik ke Johor. Raja Sulaiman bersembunyi ke Hulu Pahang lalu berjumpa Bendahara Pekok. Oleh sebab Raja Kecil merasakan Johor sebagai kawasan celaka, baginda pun berpindah ke Riau.

Setahun selepas itu, Daeng Parani dan Raja Sulaiman menyerang Raja Kecil yang lari ke Lingga. Apabila diikuti oleh Bugis, Raja Kecil balik ke Riau dan mengamuk di situ. Orang Minangkabau dan Bugis telah berperang di Riau. Pada masa itu datang seorang Makasar bernama Encik Yahya yang ingin berhamba dengan Raja Kecil.

Oleh sebab orang Bugis hampir tewas, Daeng Parani telah pergi menakluki Linggi. Raja Kecil juga telah pergi ke sana untuk menolong orang Minangkabau, tetapi Bugis telah balik ke Riau dan menaklukinya semula. Apabila Raja Kecil mendapat tahu Riau telah jatuh ke tangan Bugis, baginda pula ke Siak dan berutus surat kepada Raja Sulaiman supaya isterinya diberikan kepadanya. Ketika itu Tengku Kamariah telah mendapat seorang putera bernama Tengku Buang. Tengku Tengah telah mengugut Tengku Kamariah supaya berkahwin dengan Daeng Celak tetapi beliau enggan. Tengku Kamariah berutus warkah dengan Raja Kecil supaya datang mengambilnya dengan cara berperang.

Raja Kecil datang melanggar Riau dan mengambil Tengku Kamariah.

Kemudian Raja Kecil belayar ke Siak bersama-sama dengan Tengku Kamariah dan anaknya, Tengku Buang (Mahmud). Apabila sampai ke Siak, Raja Kecil telah bertemu pula dengan anaknya yang seorang lagi dari Rawas yang bernama Raja Alam.

Berikutnya, Raja Kecil telah pergi ke Kedah kerana hendak menolong adik Raja Kedah merebut takhta daripada abangnya yang dibantu pula oleh Daeng Parani. Dengan bantuan Encik Yahya, Raja Kecil telah berperang selama dua tahun dan akhirnya dapat menewaskan Bugis. Daeng Parani telah ditembak mati oleh Raja Kecil dengan lelanya. Adik Raja Kedah telah berjaya merebut takhta kerajaan Kedah.

Apabila Tengku Kamariah mangkat, Raja Kecil menjadi gila. Raja Alam menjadi Raja Muda. Tetapi Tengku Tengah mahukan agar anak saudaranya, Tengku Mahmud mengambil tempat itu. Orang Riau dengan bantuan Terengganu, datang melanggar Siak. Dengan helah orang Siak, orang Riau tewas. Walau bagaimanapun, selepas itu Tengku Mahmud telah diangkat menjadi Raja Muda kerana beliau adalah anak gahara, lagipun telah diwasiatkan oleh Raja Kecil. Perang berlaku lagi dan Raja Alam telah berundur ke Batu Bahara, kemudian ke Palembang dan ke Deli kerana hendak bersedia untuk menyerang Siak. Raja Alam telah berjaya menewaskan Tengku Mahmud (saudaranya) dan baginda telah lari ke Riau untuk mendapatkan bantuan Raja Sulaiman. Tidak lama kemudian Tengku Mahmud melanggar Siak dan berjaya menghalau Raja Alam. Raja Alam pergi ke Pagar Ruyung dan bermuafakat dengan Raja Beralih. Beliau bersetuju menyerahkan Siak ke Pagar Ruyung sekiranya mendapat kemenangan. Sekali lagi Raja Alam dengan bantuan Raja melanggar Siak dan beroleh kemenangan. Tengku Mahmud berundur ke Riau, kemudian berlepas ke Terengganu dan ke Pahang.

Lantaran Tengku Akil, anak Raja Alam telah membunuh orang Riau, Tengku Mahmud dan Raja Sulaiman telah ke Siak untuk menuntut bela. Tengku Mahmud dan Raja Sulaiman telah membuat satu rancangan menyerang, tetapi gagal. Tengku Mahmud telah kalah dan menyuruh Raja Sulaiman balik ke Riau, kerana beliau tidak berpuas hati dengan bantuan yang diberikan oleh orang Bugis dan Melayu dari Riau. Selepas itu, Tengku Mahmud melanggar Siak sekali lagi tanpa bantuan Riau. Pada kali ini beliau telah menewaskan Raja Alam. Raja Alam pula berundur ke Batu Bahara.

Pergelutan kuasa antara Tengku Mahmud dengan Raja Alam dilanjutkan lagi oleh Raja Akil, cucu Tengku Mahmud. Suasana politik bertambah hebat kerana penglibatan kuasa-kuasa Belanda dan Inggeris di timur Sumatera dan pantai barat Semenanjung Tanah Melayu, menganjur ke bahagian selat Pulau Borneo, sepanjang abad ke-18 dan beberapa dekad abad ke-19.

Perebutan kuasa di kalangan saudara-saudara daripada darah keturunan Raja Kecil ini menyebabkan secara tidak disedari masing-masing terjebak ke dalam perangkap politik kuasa Syarikat Hindia Timur Belanda dan Inggeris yang semakin kukuh di sekitar Selat Melaka dan sekeliling Laut Jawa. Pihak yang menang dan berjaya menjadi pemerintah sesuatu kawasan bukanlah kerana disokong dan didaulati oleh tradisi dan adat resam Melayu temurun, tetapi kerana dibantu dan 'diletakkan' sebagai pemerintah oleh salah satu kuasa Barat tadi.

Dalam konteks dinamika dan perubahan budaya, mereka sekarang memperoleh daulat daripada tenaga bantu dan senjata pihak asing, Belanda atau Inggeris, bukan lagi memperolehinya secara sokongan dan tenaga kolektif orang tempatan menerusi tradisi temurun tadi.

Demikianlah, naratif teks ini diakhiri dengan kejayaan Raja Anum ibnu Raja Akil, iaitu piut Raja Kecil, sebagai pemerintah (Penambahan) di Sikudana, Borneo, setelah memperoleh sokongan tentera Belanda, dengan dilantik oleh Gabenor Jeneral Belanda di Betawi (Jakarta).

Bahagian II – SEJARAH

5

Sultan-Sultan Melaka: Permasalahan Salasilah

TAJUK ini sebenarnya bukanlah tajuk baru. Perkara ini telah ditulis sejak orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu menulis sejarah pada abad ke-15. Tajuknya mungkin telah basi dan kaku tetapi isinya masih menjadi perdebatan sehingga ke hari ini. Orang ramai masih berminat dengan ceritanya. Tetapi para sarjana lebih menumpukan pada permasalahan dalam cerita itu, soal-soal sumber terhadapnya dan penafsiran terhadap sumber-sumber itu. Pendek kata, permasalahan salasilah ini masih lagi dibincangkan sehingga ke hari ini.[1]

MASALAH DALAM BUKU TEKS SEKOLAH

Buku sejarah untuk sekolah terutama buku teks untuk Darjah Lima dan Tingkatan Satu yang terbaru di Malaysia masih menekankan tentang masyarakat Melayu tradisional. Sejarah Kesultanan Melayu Melaka masih mendapat keutamaan. Salasilah raja-raja Melaka tetap mendapat perhatian.[2] Buku tersebut tentunya disusun dan dikarang mengikut dasar sukatan pelajaran baru yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Ramai penulis dan pakar sejarah tanahair yang tampil untuk menulis buku tersebut. Begitu juga ramainya para pengkritik yang mengemukakan pendapat terhadap buku teks ini, terutamanya tentang teks untuk Darjah Lima khususnya yang berhubung dengan salasilah raja-raja Melaka. Hakikat ini menggambarkan yang masyarakat umum memang berminat dengan sejarah awal Melaka di samping amat sensitif terhadapnya.

---

[1]Perbincangan di peringkat tempatan tentang Kesultanan Melayu Melaka diadakan di Seminar Sejarah Melaka pada 14–18 Disember 1976. Kertas kerja berhubung dengan 'Islam di Melaka', 'Pembukaan Melaka', Undang-undang Lama di Melaka' dan 'Masyarakat Melaka' adalah bersabit.

Kali terakhir perbincangan di peringkat antarabangsa diadakan ketika *International Conference of Malay Sultanate*, di Universitas Hassanuddin, Makasar, pada 4–7 Disember 1978. Kertas kerja *An Aspect of Malay Malacca Sultanate* oleh Profesor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid dan *Legal Aspect in the History of Malacca Sultanate* oleh Muhammad Yusoff Hashim adalah berhubungan. Konferensi ini dianjurkan oleh UNESCO.

[2]Contohnya buku susunan Asraf, et-al., (ed), *Sejarah Baru Negara Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka untuk Kementerian Pelajaran Malaysia, 1978, pada Bab-bab 1–7.

Kritikan pada umumnya adalah di sekitar raja-raja Melaka yang awal.[3] Pertama, tentang salasilah tiga atau empat orang raja yang paling unggul dalam sejarah awal Melaka. Kedua, darihal raja Melaka pertama yang memeluk Islam. Terdapat penulis teks yang menyusun salasilah raja Melaka seperti berikut;

PARAMESWARA/ISKANDAR SYAH ATAU SULTAN MEGAT
(l.k. 1400–1424 T.M.)
SERI MAHARAJA/SULTAN MUHAMMAD SYAH (1424–1444 T.M.)
PARAMESWARA DEWA SYAH/RAJA IBRAHIM
(1444–1445/6 T.M.)[4]

Ada pula yang menulis salasilah berikut;

PARAMESWARA/ISKANDAR SYAH (l.k. 1400–1414 T.M.)
MEGAT ISKANDAR SYAH (1414–1424 T.M.)
SERI MAHARAJA/SULTAN MUHAMMAD SYAH/
RAJA TENGAH/RAJA KECIL BESAR (1424–1444 T.M.)
SERI PARAMESWARA DEWA SYAH (1444–1445/6 T.M.)[5]

Oleh itu, jelaslah bahawa terdapat perbezaan salasilah di kalangan buku teks ini. Dan dengan sendirinya juga timbul masalah tentang raja Melaka pertama yang memeluk Islam. Ada yang mengatakan Parameswara dan ada pula yang mengatakan Megat Iskandar Syah. Manakah yang betul? Hal yang demikian bukan sahaja merumitkan fikiran murid-murid, bahkan mengelirukan peminat sejarah serta para ibu bapa khususnya!

Untuk menentukan fakta-fakta zaman awal sejarah Melaka atau Malaysia yang paling tepat bukanlah suatu perkara yang mudah. Bahan-bahan rujukan yang paling sahih sukar diperolehi. Kadang-kadang penulis terpaksa 'mengagak atau meneka' sahaja. Inilah masalahnya!

Kita mempunyai bahan sejarah peribumi, iaitu *Sejarah Melayu*. Selain naskhah versi tahun 1536, naskhah-naskhah *Sejarah Melayu* yang lain, 29 buah jumlahnya itu,[6] tidak dapat memberikan jawapan yang terang dan

---

[3]Lihat 'Saturday Forum', *New Straits Times*, 10 March 1979; *Utusan Malaysia*, 25 Mei 1979, dan seterusnya.

[4]R.O. Winstedt, 'The Malay Founder of Medieval Malacca', dalam *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, xii/3 dan 4, 1948, hlm 762–769 dan buku Winstedt juga, 'Malay History from Chinese Sources', dalam *BSOAS*, xiii/1, 1949, hlm 182–183; Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu 1400–1959*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970, hlm 8.

[5]Wang Gungwu, 'The First Three Rulers of Malacca', dalam *JMBRAS*, XLI, i, 1968, hlm 11–22; C.H. Wake, "Malacca's Early Kings and the Reception of Islam", dalam *JSEAH*, Jil 5 Bhg iii, 1964, hlm 119–121.

[6]Untuk keterangan lanjut tentang hal ini, lihat R. Roolvink, 'The Variant Versions of the Malay Annals' dalam *BKI*, Jil 123, Bhg iii, kemudiannya dilampirkan pada *Pengenalan dalam Sejarah Melayu*

definitif tentang salasilah raja-raja Melaka terawal itu. Masing-masing menunjukkan kenyataan yang berbeza-beza. Jika diambil sumber peribumi dalam bahasa Melayu yang lain seperti teks *Bustan 'us-Salatin* karangan Nuruddin ar-Raniri dari Acheh yang tentunya menggunakan salah sebuah daripada naskhah awal *Sejarah Melayu* sebagai sumber rujukannya dan sebagai sumber bandingan, kepastian masih lagi belum didapati.

PENGKAJI-PENGKAJI SEMASA

Dengan mengambil kaedah kajian filologi yang ada, kita tidak dapat menyalahkan tentang adanya kekaburan salasilah awal di kalangan naskhah-naskhah *Sejarah Melayu*. Ini disebabkan masing-masing mempunyai 'tradisi' penulisannya sendiri. *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 dan *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 adalah disalin dan disusun serta diperbaiki oleh pengarang atau penyalin daripada suatu *Hikayat Melayu* (h-k-a-y-t m-l-a-y-w). Oleh itu, besar kemungkinan hal-hal yang berlaku di Melaka yang lebih daripada satu abad lampau diambil daripada tradisi lisan yang diperturunkan daripada mulut ke mulut, disalin menerusi tulisan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain. Semakin banyak kali ia disalin dan semakin jauh tarikh penyalinannya dari tarikh berlakunya peristiwa itu, maka semakin banyak 'pengelencongan' fakta sejarah yang sebenarnya boleh terjadi.

Selagi tidak atau belum selesai masalah filologi *Sejarah Melayu*, selagi itulah ia belum dapat dirujuk seratus peratus sebagai sumber tersahih tentang raja-raja Melaka terawal.

Sebagai alternatif, kaedah perbandingan telah diambil. Sumber-sumber asing digunakan. Oleh itu, tampillah pengkaji seperti R.O. Winstedt (1935), yang kemudiannya mengubah pula pendiriannya pada tahun 1947–1948, G.P. Rouffaer (1925), R.J. Wilkinson (1935) dan C. Wake (1964). Sarjana terakhir yang berbuat demikian adalah Wang Gungwu (1968),[7] di samping rencana-rencana lain yang secara langsung atau sebaliknya menyentuh tentang Kesultanan Melayu Melaka.[8] Selepas itu perbincangan tentang

---

'Malay Annals' terjemahan oleh C.C. Brown, Oxford Universiti Press, 1970, hlm xv-xxxv; lihat juga Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *Sejarah Melayu: Perbincangan kritis dari Pelbagai Bidang*, Heinemann Educational Books Intern. 1978, hlm 5–14,

[7]R.O. Winstedt, *A History of Malaya*, 3rd. Revised Edition, Merican and Sons, Malaysia Ltd. Kuala Lumpur-Singapore, 1968, hlm 44–59 . Kali pertama Winstedt menerbitkan rencananya ini dalam *JMBRAS*, tahun 1935; G.P. Rouffaer, 'Was Malaka Emporium voor 1400 A.D. Genaamed Malajoer?' dalam *BKI*, deel 77, 1921, hlm 359–604; R.J. Wilkinson, 'The Malacca Sultanate', dalam *JMBRAS*, XIII, ii, 1935, Wang Gungwu, *op. cit.*, 1968.

[8]Beberapa rencana mengenainya telah ditulis dalam P. Wheatley and K.S. Sandhu (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital, cir. 1400–1980*. Kuala Lumpur, 1983.

salasilah raja Melaka semacam telah tertutup, seolah-olah pendapat Wang Gungwu itu muktamad.

Terdapat dua faktor yang meyakinkan kita terhadap kajian Wang Gungwu. Pertama, beliau menggunakan sumber yang paling maksimum di samping kaedah dan interpretasinya yang tegas. Kedua, beliau dapat meyakinkan kita tentang sahih dan munasabahnya sumber bandingan yang paling banyak membantunya, iaitu sumber dari China yang sezaman dengan Melaka dengan alasan yang lojik dan sebagai alternatif terhadap *Sejarah Melayu* versi 1536 dan 1612, serta sumber Portugis dan sumber Siam, di samping penyangkalannya terhadap penafian Winstedt tentang sahihnya sumber-sumber China itu. Tetapi yang mendukacitakan ialah masih lagi terdapat penulis masa kini yang merujuk dan mengakui pendapat Winstedt itu.[9]

Hal ini tentunya dapat membantu kita menyelesaikan ciri kekaburan dalam susunan salasilah awal raja-raja tadi sama ada dalam *Sejarah Melayu* mahupun pada laporan Tome Pires dan pada catatan Alfonso de Albuquerque.[10] Tome Pires dan Alfonso de Albuquerque menulis dengan agak emosi serta condong kepada Portugis. Begitupun sumber Tome Pires bukanlah sumber *man on the spot*. Laporannya bercorak *second-hand* yang diperolehi daripada pihak kedua. Dalam banyak maklumatnya, beliau hanya mendengar 'kisah' daripada orang lain, terutama tentang raja-raja Melaka. Buktinya, amat kerap didahulukan pernyataannya dengan penggunaan, "... they say that the king, they all say that this," dan berbagai-bagai "say that" serta "say this" lagi. Manakah *say* Tome Pires sendiri?

Berdasarkan inilah Wang Gungwu mencadangkan;

> "It is essential that all history books now in use in the country be corrected and Megat Iskandar Syah be restored to his rightful place as the second ruler of Malacca. The list should now read:
>
> Parameswara (Iskandar Syah) 1390–1413/14
>
> Megat Iskandar Syah, 1414–1423/24
>
> Seri Maharaja (Sultan Muhammad Syah), 1424–1444."[11],

Dan jika sabit dakwaan Tome Pires yang agak saling melengkapi laporan Yung-lo dalam *Ming Shih-lu* itu, Parameswara dan Megat Iskandar Syah

---

[9]Lihat Joginder Singh Jessy, *op. cit.*, hlm 8–9.

[10]Armando Cortesao (ed), *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil 1/11, The Hakluyt Society, London, 1944; W.D.G. Birch, (ed), *The Commentaries of the Great Afonso Dalbouquerque* III, No LXII, The Hakluyt Society, London, 1880. Selain itu dirujuk juga J.V. Mills (ed), 'Eredia's Description of Malacca, Maridional India and Cathay', dalam *JMBRAS*, VIII, i, 1930, hlm 1–228 dan D.F.A. Harvey, (ed), 'Valentyn's Account of Malacca', dalam *JMBRAS*, No 14, Disember 1884, hlm 120–138.

[11]Wang Gungwu, *op. cit.*, hlm 22

adalah orang yang berlainan. Oleh itu, raja Melaka yang pertama memeluk Islam adalah Megat Iskandar Syah, ketika baginda berusia 72 tahun, bukannya Parameswara.

Pembinaan semula dan penetapan salasilah oleh Wang Gungwu itu mungkin dapat disokong lagi dengan terjumpanya salah satu naskhah *Sejarah Melayu*. Pada tahun 1970, R. Roolvink, sarjana sastera Indonesia yang tidak asing lagi cuba menyelenggarakan pelbagai naskhah *Sejarah Melayu* di Universiti Leiden. Beliau telah menjumpai naskhah yang berjudul *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan*,[12] yang dipercayai merupakan sebuah daripada naskhah *Sejarah Melayu* yang tertua dan terawal pernah diketahui wujud. Menurut Roolvink, kandungannya sama dengan kandungan naskhah *Sejarah Melayu* yang pernah diperkatakan dan yang digunakan oleh Petrus van der Vorm pada tahun 1707–1708 bila menulis bukunya, *Collectania Malaica Vocabularia of Malaische Woordboeksameling*.[13] Vorm menyebut bahawa *Sulalat'l Salatina* atau *Penurunan Segala Raja-raja* merupakan sumber Melayu yang dirujuknya.

Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan amat menarik dari segi bagaimana ia menyenaraikan salasilah raja-raja Melaka daripada yang pertama hingga terakhir serta lengkap dengan tarikh dan tempoh pemerintahan raja-raja tersebut. Bahagian tentang Johor selepas tahun 1511, ditambah oleh penyalin yang terkemudian. Roolvink menegaskan bahawa besar kemungkinan inilah suatu naskhah daripada versi salinan *Hikayat Melayu* yang telah dikarang sebelum tahun 1511.[14] Oleh yang demikian, mungkin hikayat tersebut adalah naskhah yang paling hampir dengan versi asal *Sejarah Melayu* dan masih mengekalkan ciri-ciri dan kandungan versi asal tersebut. Tentang tiga orang raja Melaka yang pertama, naskhah tersebut mengatakan bahawa;

> "Maka Seri Iskandar Syah bila sudah memegang perintah dua puluh lima tahun iaitu tiga tahun di Singapura, dua puluh dua tahun di Melaka waktu itu mangkat baginda itu, maka diganti oleh Sultan Megat pada

---

[12]Naskhah tersebut tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda bertanda *Cod. Or. 3199* (3) Bhg 4. Salinannya dalam bentuk mikrofilem terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Transkripsi dan terjemahannya secara bebas ke bahasa Inggeris terdapat pada Lampiran R. Roolvink dalam C.C. Brown, (ed), *op. cit.*, hlm xxviii– xxxv.

[13]Inilah kali pertama dalam sejarah penulisan orang-orang Melayu di rantau ini dilakukan oleh seorang Barat. Apabila mengisahkan sejarah Kesultanan Melayu Melaka, der Vorm menggunakan satu daripada naskhah *Sejarah Melayu* yang tertua ini yang menurutnya mengandungi senarai raja-raja Melayu Melaka lengkap dengan tarikh, dipercayai menyerupai naskhah *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* itu. Buku der Vorm itu mengandungi 2 jilid, diterbitkan di Batavia (Jakarta sekarang) antara tahun 1707–1708.

[14]Warkah Profesor R. Roolvink kepada saya bertarikh 15 Mei 1979, hlm 2.

> sanat 678. Maka baru dua tahun diangkat raja maka ia mangkat pula. Maka diganti oleh Sultan Mahmud (tentunya Muhammad di sini) Syah. Baginda itu terlalu kuasa kerana waktu dia raja segala tempat-tempat yang dekat-dekat di situ dibawa(h) perintahnya ...."[15]

Salasilah dalam hikayat ini amat sama dengan salasilah yang terdapat dalam *Sejarah Melayu* versi tahun 1536,[16] iaitu versi salinan yang dikatakan oleh beberapa sarjana sejarah sebagai versi yang dapat mengekalkan identiti dan kandungan *Sejarah Melayu* yang paling asal.[17] Kenyataan 'dua tahun' pemerintahan Sultan Megat atau Megat Iskandar Syah dalam *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* dan *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 berbanding dengan lebih kurang 'dua puluh tahun' (mangkat tahun 1423 atau 1424) dalam sumber China[18] dan Portugis adalah kerana kemungkinan kesilapan menyalin oleh penyalin kedua-dua naskhah Melayu itu.

Jika sahih dan benar kedudukan *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* seperti yang didakwa oleh Roolvink dan dapat digunakan sebagai rujukan sejarah, maka dengan sendirinya cadangan Wang Gungwu itu dapat diterima dan dipertahankan.

Sekarang timbul pula 'sikap' kita sebagai penulis buku-buku teks itu. Apakah kita masih mahu menggunakan sumber sekunder yang terlebih awal tetapi telah ketinggalan zaman, tanpa menyedari (tidak tahu, jahil, malas menyelidik dan lain-lain) bahawa telah ada kajian terakhir dan terbaru yang, pertama, dapat menafikan serta mengatasi fakta dan interpretasi terhadap kajian yang terdahulu; dan kedua penggunaan sumber dan interpretasinya lebih objektif dan kritis?

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (Pusat Perkembangan Kurikulum dan Biro Buku Teks), juga pihak penerbit janganlah dibebankan dengan tuduhan dan kesalahan. Masalah sebenarnya berpunca daripada sikap (pembacaan, rujukan, tafsiran dan yang terpenting keilmiahan) penulis buku teks itu sendiri.

Selepas pemerintahan Parameswara Dewa Syah (Raja Ibrahim atau Sultan Abdul Syahid), yang disebut oleh sumber China sebagai *Hsi-li-pa-mi-hsi-wa-er-tiu-pa-sya* (1445/1446), iaitu pengganti Seri Maharaja, salasilah raja-raja Melaka tidak menimbulkan sebarang masalah lagi. Fakta berkenaannya adalah jelas, sama ada dalam sumber peribumi *Sejarah Melayu* dan

---

[15]C.C. Brown. (ed). *op. cit.*, hlm xxix.

[16]Lihat Lampiran D, iaitu contoh *ceritera* yang telah ditranskripsikan oleh Profesor R. Roolvink.

[17]Paul Wheatley. *Impressions of the Malay Peninsula in Ancient Times*. Singapore. 1964, hlm 126.

[18]Lihat Lampiran E, Lampiran F dan Lampiran G.

Hukum Kanun Melaka,[19] ataupun dalam sumber Portugis dan China. Tetapi telah timbul kontroversi pula berkenaan dengan Raja Melaka yang akhir.

SULTAN MAHMUD DAN SULTAN AHMAD

Penulis-penulis tempatan dan juga sumber-sumber Barat kerap meletakkan Sultan Mahmud Syah (1488–1511 T.M.) sebagai Raja Melaka yang akhir. Kita tidak mungkin bergantung pada sumber China lagi kerana kegiatan ekspedisi China ke seberang laut telah dihentikan mulai tahun 1434. Alternatifnya ialah sama ada *Sejarah Melayu* ataupun laporan Portugis. Sekali lagi masalah sikap pengkaji timbul semula. Dalam konteks ini, "Kita mengatakan demikian kerana laporan asing berkata begitu." Itulah lazimnya. Kita mengatakan bahawa Sultan Mahmud sebagai raja Melaka terakhir kerana Tome Pires dan Albuquerque berkata demikian. Keterangan berkenaan Sultan Ahmad dalam *Sejarah Melayu* sering sama ada sengaja dilupakan atau dengan tidak sengaja dikesampingkan.

Akhirnya, peranan politik dan kedudukan sosial putera Sultan Mahmud ini menjadi kabur dalam sejarah.

HAK KEDAULATAN

Terjemahan Inggeris daripada *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 kali pertama menyebut Sultan Ahmad sebagai berikut;

> "Sultan Mahmud Syah begot three children: the son was called Sultan Ahmad and it was he who was to succeed his father on the throne: the other two are daughters."[20]

Sejarah Melayu versi tahun 1612 pula menyebutkan;

> "Maka Sultan Mahmud beristerikan anak Raja Mahmud, raja Pahang, beranak tiga orang, yang tua laki-laki Raja Ahmad namanya yang dua lagi itu perempuan."[21]

Setelah beberapa tahun memerintah, Sultan Mahmud Syah pun menyerahkan takhta kerajaan kepada puteranya, Raja Ahmad yang kemudiannya bergelar Sultan Ahmad. Ini disebabkan baginda dilaporkan terlalu sedih dan

---

[19]Rujuk Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-Undang Melaka*, The Hague-Martinus Nijhoff, 1976, Fasal 0:1 hlm 62.

[20]C.C. Brown, (ed), *op. cit.*, hlm 118.

[21]W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu*, M.P.H., Singapura, 1961, hlm 192.

menyesal dengan tragedi pembunuhan keluarga bendahara.

Sejarah Melayu versi tahun 1536 dengan jelas menggambarkan;

> "As was her sadness, so was the king's; and he bitterly repented what he had done. And he abdicated from the throne in favour of his son Sultan Ahmad, to whom he made over his officers and the regalia. And Sultan Mahmud Syah (went and) took up his abode at Kayu Ara ...."[22]

Sejarah Melayu versi tahun 1612 pula mencatatkan;

> "Maka Sultan Mahmud terlalu menyesal dirinya oleh membunuh Bendahara Seri Maharaja itu. Bermula oleh Sultan Mahmud anakanda baginda Sultan Ahmad itulah gawai dan segala adat kerajaan dirajakan baginda, dan segala pesekaliannya diserahkan baginda kepada Sultan Ahmad."[23]

Sementara itu, *Tuhfat al-Nafis* yang tentunya menggunakan salah satu daripada versi *Sejarah Melayu* tadi sebagai rujukan, mengatakan bahawa;

> "Maka adalah pada masa itu Sultan Mahmud sudah menurunkan dirinya daripada kerajaan. Maka dijadikannya raja puteranya yang bernama Raja Ahmad bergelar Sultan Ahmad Syah."[24]

Dengan terserahnya 'segala pegawai' dan 'segala alat kerajaan' (officers and the regalias), Sultan Ahmad dengan berlandaskan tradisi Kesultanan Melayu Melaka telah mewarisi hak kehalalan politik dan hak kedaulatan[25] sebagai sultan atau Yang Dipertuan, sama ada dari segi fizikal ataupun adat temurun.

Keadaan yang berbeza telah timbul dalam laporan Portugis. Dengan menekankan keadaan sifat-sifat keburukan seperti *fickleman, less just, arrogance* dan *presumptious* terhadap Sultan Mahmud, Tome Pires sama ada sengaja atau tidak, nampaknya tidak sedar atau tidak tahu tentang perubahan kuasa politik dan penggantian takhta pada tahun 1511 itu. Tome Pires terlalu asyik dengan personaliti Sultan Mahmud dan memberikan gambaran secara imbasan sahaja terhadap Sultan Ahmad, *With a kris he also killed Raja Falim's sister who was his wife, mother of King Amet, his (Mahmud) son.*[26] Pengkaji-pengkaji tersebut terus mengatakan bahawa Sultan Mahmud sebagai Sultan Melaka yang terakhir.

---

[22]C.C. Brown, (ed), *op. cit.*, hlm 160.

[23]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 270.

[24]Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, M.P.H., Singapura, hlm 7.

[25]Tentang konsep 'daulat' ini, sila lihat Timothy Moy, 'The Sejarah Melayu Tradition of Power and Political Structure: An Assessment of Relevent Sections of the Tuhfat al-Nafis', dalam *JMBRAS*, XLVIII, ii, 1975, hlm 64–79; Khoo Kay Kim, *Aspects of Crowning of Malay Sultanate*, kertas kerja untuk *Conference of Malay Sultanate*, Makassar, 1978.

[26]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 253.

WIRA MELAKA

Tome Pires juga nampaknya tidak mengetahui (tidak mendapat laporan?) bahawa ketika menangkis serangan Portugis pada tahun 1511 itu, Sultan Ahmadlah yang menjadi tokoh utama mengetuai bala tentera Melaka. *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 dengan terang mencatatkan;

> "When day dawned, the Franks landed and attacked. And Sultan Ahmad mounted his elephant Juru Demang ... And the king fought with Franks pike to pike, and he was wounded in the palm of the hand ...."[27]

Sementara itu, *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 pula menjelaskan;

> "Maka baginda (Sultan Ahmad) pun keluarlah dengan segala hulubalang, maka peranglah dengan Feringgi beramuk-amukan. Maka tampil Alfonso d'Albuquerque dengan seribu rakyat soldadu beristinggar, menempuh pada segala orang Melaka .... Daripada sangat tempuh anak Portugal, maka pecahlah perang orang Melaka, lalu undur."[28]

Sejarah Melayu versi tahun 1536 dan versi tahun 1612 langsung tidak menyebut peranan dan kedudukan Sultan Mahmud dalam kekecuhan perang antara dua bangsa ini. *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* menerangkan Sultan Ahmad sebagai;

> "Maka diganti Sultan itu (Mahmud) oleh anaknya Ahmad Syah pada sanat 918. Maka sultan itu berdamailah dengan Portugis; pada sanat 919 sampai kepada sanat 922 Sultan Ahmad Syah angkat perang pula memukul orang Portugis ...."[29]

Ketokohan Sultan Ahmad tetap menonjol hatta selepas baginda berundur ke Hulu Muar, Pagoh dan Bentayan. Oleh sebab untuk mempertahankan falsafah tentang tanggungjawab raja-raja, "... kerana istiadat raja-raja itu, negeri alah rajanya mati,"[30] Sultan Ahmad sebenarnya adalah wira dan raja yang pragmatik.

Walau bagaimanapun, *Sejarah Melayu* cuba mengaburkan watak dan ketokohan sultan muda ini. Semuanya ini semata-mata kerana baginda antigolongan atau pembesar tua, iaitu kemungkinannya golongan penyalin atau penyusun *Sejarah Melayu* itu. Jadi, terdapat semacam gejala 'condong'

---

[27]C.C. Brown, (ed), *op. cit.*, hlm 163.
[28]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 274.
[29]R. Roolvink pada lampiran C.C. Brown, (ed), *op. cit.*, hlm xxx.
[30]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm. 287.

di sini. Akibatnya, sepanjang sejarah pemerintahan baginda telah di'selimut-kan' dengan kekaburan. Tetapi memanglah tidak wajar sekiranya kekaburan itu dijadikan alasan untuk menafikan peranan dan kedudukan politik serta sosialnya.

Tuhfat al-Nafis menyebut bahawa terdapat, "... enamlah keturunan raja-raja Melayu kerajaan di dalam Melaka"[31] (daripada Parameswara hingga Sultan Mahmud). Seperti juga kedudukan Parameswara Dewa Syah (Raja Ibrahim) yang walaupun tidak meninggalkan sebarang keturunan tetapi dimasukkan ke dalam senarai salasilah raja atau pemerintah Melaka. Oleh yang demikian sewajarnyalah Sultan Ahmad Syah dikembalikan pada kedudukannya yang sebenar dalam perspektif salasilah dan sejarah Melaka yang lebih jelas, walaupun baginda memerintah Melaka hanya beberapa bulan sebelum penaklukan Portugis. Dalam penyusunan kronologi terhadap peristiwa sejarah yang sering dibuat secara *artificial* itu[32] kedudukan Sultan Ahmad harus dipisahkan daripada kedudukan Sultan Mahmud.

Susunannya adalah seperti berikut;

PARAMESWARA/ISKANDAR SYAH (1390–1414 T.M.)
MEGAT ISKANDAR SYAH (1414–1423/4 T.M.)
SERI MAHARAJA/SULTAN MUHAMMAD SYAH
(1424–1444 T.M.)
PARAMESWARA DEWA SYAH/SULTAN ABU SYAHID
(1444/5–1446 T.M.)
SULTAN MUZAFFAR SYAH (1446–1456 T.M.)
SULTAN MANSOR SYAH (1456–1477 T.M.)
SULTAN ALAUDDIN RIAYAT SYAH (1477–1488 T.M.)
SULTAN MAHMUD SYAH (1488–1511 T.M.)
SULTAN AHMAD SYAH
(1511 T.M. – antara 1516 hingga 1528 T.M.)

Dari segi 'kehalalan' politik dan hak warisan takhta, Sultan Ahmad Syah adalah raja Melaka yang terakhir. Dan jika sahih dakwaan *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* bahawa Parameswara memerintah Melaka selama 'dua puluh dua tahun' dan mangkat pada tahun 1414, nyatalah baginda mula menjadi raja pada tahun 1392 bukan pada tahun 1390.

Nama Sultan Mahmud disebut-sebut semula dalam sejarah raja-raja Melaka di Johor Lama selepas tahun 1511 bukan kerana kelemahan Sultan

---

[31]Raja Ali Haji, *op. cit.*, hlm 7.

[32]Contoh yang paling menarik untuk rujukan terdapat dalam buku Haji Buyong Adil, *Sejarah Melaka dalam Zaman Kerajaan Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973. Lihat bagaimana Haji Buyong Adil menyusun isinya mengikut kronologi berdasarkan pemerintahan raja-raja.

Ahmad memerintah, tetapi takdir telah menentukan. Dengan menunjukkan bakat kepimpinan dalam usia yang masih muda itu, naratif baginda selepas tahun 1511 dari zaman perpindahan hingga kepada penubuhan kerajaan Johor Lama mungkin akan secemerlang bapanya sendiri. Tetapi bakatnya mati di tengah jalan kerana baginda dibunuh. Selepas itu, *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 melaporkan;

> "Upon the death of Sultan Ahmad, his father Sultan Mahmud Syah, became Raja. And he called together all the young nobles and the slaves of Sultan Ahmad and said to them, 'Let none of you be afraid. As you were with Ahmad, so shall you be with me ...."[33]

Sultan Mahmud menaiki semula takhta kerajaan Melayu yang berpindah itu.

Sekiranya benar dakwaan *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* bahawa pada sanat 922 (bersamaan l.k. tahun 1516) Sultan Ahmad terus berperang dengan Portugis, nyatalah baginda menjadi raja atau pemerintah kerajaan Melayu warisan Melaka tersebut dari tahun 1511 hinggalah sekurang-kurangnya antara tahun 1516 dengan tahun 1528, apabila Sultan Mahmud mangkat di Kampar.[34] Tentulah tidak wajar tahap-tahap pemerintahannya selama sekurang-kurangnya lima tahun itu dilupakan begitu sahaja.

Sebab dan alasan pembunuhannya amat mudah. Menurut adat Melayu, baginda dilaporkan sebagai cuba mengamalkan diskriminasi antara golongan tua yang tidak begitu digemari dengan golongan muda yang diminati. Kemunasabahan dan alasan paling tepat tentang pembunuhan ini masih sukar dikaji dan belum pasti ditentukan lagi.

KAJIAN MUTAHIR

Kajian berikutnya tentang salasilah raja-raja Melaka, terutama tentang raja-rajanya yang awal dilanjutkan lagi pada tahun 1970, 1979 dan 1984 oleh sarjana seperti O.W. Wolters, Mohd. Dahlan Mansoer dan C. Wake.[35] C.

---

[33]C.C. Brown, (ed), *op. cit.*, hlm 164.

[34]Untuk keterangan lanjut, lihat naskhah *Hikayat Siak* (salinan mikrofilem di Perpustakaan Universiti Malaya), hlm 112–116.

[35]O. W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Cornell University Press, 1970; Mohd. Dahlan Mansoer, *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*, Kuala Lumpur, 1979, hlm 203–263; C. Wake, "Melaka in the Fifeenth Century: Malay Historical Traditions and the Politics of Islamization", dalam K.S. Sandhu and P. Wheatley, (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital cir. 1400–1980*, Kuala Lumpur, 1983, hlm 128–161. Sementara itu pada tahun 1982, Barbara dan Leonard Andaya menulis tradisi sejarah Melaka secara umum sahaja dalam *A History of Malaysia*, The Macmillan Press, London.

Wake menumpukan pada tradisi persejarahan raja-raja Melaka yang awal, iaitu lanjutan daripada kajiannya pada tahun 1964. Wolters pula merujuk pada teks *Sejarah Melayu* dan cuba memberikan tafsirannya terhadap hubungan salasilah awal raja-raja Melaka dengan salasilah raja-raja Singapura. Beliau membuat kesimpulan bahawa salasilah raja-raja Melayu Singapura, iaitu tempat asal Iskandar Syah, diandaikannya sebagai 'ciptaan' pengarang *Sejarah Melayu* semata-mata, bukan suatu realiti sejarah. Hal ini terjadi kerana tujuan yang tertentu.

O.W. Wolters membuat andaian ini dengan berdasarkan hakikat bahawa tidak ada suatu laporan pun daripada sumber China dan Portugis yang menyebut tentang kisah awal tentang Singapura (Temasik), sebagai rangka untuk menyusurgalurkan asal usul Iskandar Syah, juga untuk mencadangkan terdapatnya kaitan antara sejarah pemerintahan Iskandar Syah di Melaka dengan zaman pemerintahannya di Singapura. Walau bagaimanapun, berdasarkan naratif *Sejarah Melayu*, Wolters percaya bahawa peranan politik Iskandar di Singapura masih penting. Sambil menyokong pendapat Wang Gungwu, Wolters menyusun sejarah pemerintahan Iskandar Syah di Singapura dan Melaka seperti berikut;

1388/9–1390/1: Tiga tahun menjadi Raja Palembang.
1390/1–1391/2: Lebih kurang setahun berkelana dari Palembang ke Singapura.
1391/2–1396/7: Selama lebih kurang lima tahun menjadi raja Singapura.
1396/7–1399/1400: Selama lebih kurang tiga tahun berkelana dari Singapura ke Melaka.
1399/1400–1413: Selama empat belas tahun menjadi raja Melaka.

Pendapat Wolters ini diperkatakan semula oleh Mohd. Dahlan Mansoer pada tahun 1974 dengan menyebut bahawa matlamat kedua penulisan *Sejarah Melayu* ialah untuk 'menutup masa kemunduran Sriwijaya (Palembang)', walhal asal usul keluarga Iskandar Syah adalah dari Palembang. Pada tahun 1984, C. Wake sekali lagi berpendapat bahawa motif penulisan *Sejarah Melayu* oleh Tun Seri Lanang (1612) ialah untuk menunjukkan perbezaan yang cukup jelas antara periode Melaka yang telah pun menjadi Islam dengan periode pra-Melaka, iaitu Palembang dan Singapura yang mendahului Melaka dan pra-Islam. Malah Islam telah menjadi suatu unsur politik yang penting di Melaka ketika itu. Hal yang demikian pernah juga dibahaskan oleh Mohd. Taib Osman pada tahun 1980.[36] Untuk menyokong pendapat Wol-

[36]Mohd. Taib Osman, "Sejarah Kebudayaan Melaka Mengikut Sejarah Melayu", dalam *Malaysia daripada Segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, No 9, 1980, hlm 1–9.

ters, Mohd. Dahlan Mansoer mengatakan bahawa "... diciptalah sejarah dan asal mula raja-raja Singapura oleh Tun Seri Lanang."

Persoalannya sekarang ialah mengapakah perlu 'diciptakan' suatu sejarah asal usul dan perkembangan salasilah tentang pendudukan Iskandar Syah di Singapura justeru untuk 'melindungkan' tradisi-tradisi persejarahan yang bukan Islam dan praperiode Islam, sama ada zaman Hindu atau Buddha? Walhal kisah sejarah yang dinaratifkan tentang Singapura dan hal-ehwal sebelumnya adalah periode dan zaman Hindu atau Buddha terutama di bahagian selatan Selat Melaka (Perlak, Pasai dan Samudera telah memulakan tradisi Islam sejak tahun 1292).

Sejarah Melayu tidak pernah menyebutkan istilah Sriwijaya secara teknik untuk menerangkan suatu kerajaan atau tradisi persejarahan Selat Melaka sebelum abad ke-15. Secara perspektif, Selat Melaka dikuasai oleh kerajaan Sriwijaya dari segi geopolitiknya (dari abad ke-7 hingga abad ke-13), dan secara kebetulan Palembang menjadi tempat berasalnya nenek moyang Iskandar Syah dari segi salasilah itu. Secara bayangan, tradisi persejarahan yang dinaratifkan oleh Tun Seri Lanang dalam *Sejarah Melayu* tentang periode sebelum pembentukan Melaka, sebenarnya ialah tradisi sejarah Sriwijaya yang disebut oleh pelapor Arab sebagai *Sribuza*, dan dicatat oleh tradisi China sebagai *Kan Da-li*. Tradisi sejarah Sriwijaya itu mungkin hanya tinggal dalam bentuk serpihan-serpihan tradisi dan kuasa politik Sriwijaya yang telah berpindah ke Jambi. Malah istilah Palembang yang kerap disebutkan dalam *Sejarah Melayu* itu sewajarnya adalah konotasi kepada tradisi sejarah Sriwijaya semasa ibu negerinya berpusat di Palembang dan semasa kerajaan Jawa Majapahit, mengikut catatan *Negarakertagama*, menguasai Palembang dari segi politik pada abad ke-14.

Oleh itu, soal cuba menyusun *Sejarah Melayu* sama ada untuk 'menutup' atau 'melindungkan' tradisi sejarah tempatan yang bercorak Hindu-Buddha pada periode pra-Melaka ataupun untuk menunjukkan perbezaan yang cukup jelas antara tradisi sejarah Islam dengan yang bukan Islam tidak timbul sama sekali di sini. Ini hanyalah andaian kita sahaja. Apabila kurang atau tidak ada sumber untuk memperkatakan sesuatu, kita pun mulalah tercari-cari dengan mengagak, mengandai dan meneka berbagai-bagai hal.

Sejarah Melayu daripada semua versi menyebut bahawa Iskandar Syah memang berasal dari Singapura, dan berketurunan langsung daripada nasab Sang Nila Utama yang 'membuka' Singapura. Iskandar Syah yang didakwa sebagai bernasab terus daripada kerabat Diraja Palembang. Sementara itu, Tome Pires secara eksplisit pula mengatakan bahawa Parameswara (Iskandar Syah) adalah berasal dari Palembang dan dalam tradisi Jawa, bergelar *Sam Agy Palimbao* (Sang Aji Palembang). Secara kebetulan, Palembang pada

masa itu berada dalam kawalan politik Majapahit. Setelah tiga tahun menjadi raja Palembang (yang bermula pada tahun 1388/9), Parameswara telah cuba untuk menafikan kewibawaan Majapahit terhadap Palembang. Ini disebabkan antara tahun 1377 dengan tahun 1397 wibawa politik Majapahit di rantau ini telah merosot. Ini menyebabkan tentera laut Majapahit telah menyerang Palembang atas perintah ratu Majapahit, iaitu ipar Parameswara sendiri. Parameswara telah kecundang dan terus berundur ke Singapura. Parameswara menjadi raja di pulau itu untuk beberapa tahun sebelum datang ke Melaka.

Mungkin juga terjadi *dual characterization* dan anakronisme di sini. Menurut sumber Portugis, keberangkatan Parameswara ke Singapura itulah yang dimaksudkan sebagai kedatangan dan pembukaan Singapura oleh Sang Nila Utama atau Seri Tri Buana. *Sejarah Melayu* menyebut bahawa tokoh dari Palembang ini sebagai 'bermain-main di laut'. Soal anakronisme seperti ini memang biasa ditemui dalam tradisi persejarahan Melayu tradisional seperti tradisi persejarahan Jawa yang sering menyebut nama Patih Gajah Mada. Sedangkan bukanlah tokoh Patih Gajah Mada yang agung dalam kerajaan Majapahit itu yang dimaksudkan oleh para pembabad Jawa, secara sejarah.

Mungkin memang ada suatu tradisi lisan atau mitos popular tentang asal usul Singapura dan pembukaannya yang dikaitkan dengan sebarang unsur kekerabatan dari Palembang, ketika keagungan kerajaan Sriwijaya. Tetapi perawi *Sejarah Melayu* telah menggabungkan tradisi lisan ini, yang entah bila terjadinya pembukaan itu, dengan sejarah sebenar kedatangan Parameswara ke situ. Sedangkan Singapura ketika itu telah pun mempunyai seorang *Sam Agy* Singapuranya sendiri, sama ada di bawah naungan Majapahit seperti yang didakwa oleh *Negarakertagama* dan *Sejarah Melayu* ataupun Siam, seperti yang diperkatakan oleh Tome Pires dan beberapa tradisi babad Sejarah Siam pada abad ke-14.

Fenomena ini terjadi disebabkan oleh faktor yang saling berkaitan. Mitos asal usul pembukaan Singapura dan kisah Parameswara mula menjadi raja di Melaka (sekitar tahun 1399–1400) dengan masa perawian *Sejarah Melayu* mengambil masa berpuluh-puluh tahun, menjangkau seabad lebih lamanya (136 tahun bagi versi panjang tahun 1536 dan lebih kurang 211 atau 212 tahun bagi versi panjang tahun 1612). Kurangnya tradisi bertulis yang bercorak sejarah dalam erti kata yang sebenar-benarnya menyebabkan masyarakat tradisi merakamkan kebanyakan peristiwa bersejarah yang terjadi pada zaman-zaman awal dalam bentuk ingatan sahaja, lalu menjadi tradisi lisan. Ia diperturunkan daripada mulut ke mulut, dan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain. Proses tokok tambah dan pengguguran

isi naratif sering terjadi. Semakin banyak orang yang menuturkan dan semakin jauh generasi ia diperturunkan, maka (kemungkinannya) semakin jauhlah ia menyimpang daripada kisah dan tradisi asal, dan awal yang sebenarnya terjadi. Oleh itu, semakin banyaklah pula muncul versi daripada kisah-kisah tadi.

Mungkin tiada siapa pun yang mempersoalkan kebenaran kejadiannya kerana tidak ada catatan atau rekod. Oleh yang demikian, ia menjadi hak dan prioriti si penutur yang mewarisi tradisi lisan tadi – hak sahib'ul-hikayat (yang empunya hikayat). Apabila sampai kepada perawi Sejarah Melayu tahun 1536 dan tahun 1612, mereka merujuk pada sumber lisannya, dengan kenyataan eksplisit yang diperolehi daripada 'kata sahib'ul-hikayat' yang berbagai-bagai versi itu.

Tradisi dan peristiwa bersejarah yang telah pun lama terjadi disusun mengikut skema perawian atau penciptaan *Sejarah Melayu* supaya sesuai dengan selera, bentuk dan tujuan ia dikarang, tanpa memperhitungkan faktor atau kronologi yang sebenarnya terjadi. Tujuannya ialah supaya dapat melicinkan naratif yang disusun tadi. Tradisi asal usul dan ketokohan peribadi ditonjolkan bagi meninggikan lagi karisma Parameswara atau Iskandar Syah dan nenek moyangnya dari Palembang dan Singapura itu. Oleh itu, faktor mitos dan keistimewaan kalangan kerabat itulah yang sengaja dinaratifkan.[37] Dengan skema dan fenomena pengarangan yang sedemikian, maka terjadilah perbezaan yang amat besar antara naratif *Sejarah Melayu* dengan catatan sumber-sumber asing tentang ketokohan Parameswara atau Raja Iskandar Syah yang dianggap bermisteri itu.

Hal ini berkaitan juga dengan tradisi asal usul dan pemerintahan beberapa orang raja terawal Melaka. Jika kita dapat memahami konsep sejarah dan tradisi persejarahan serta penulisan sejarah Melayu tradisional di rantau ini, kita akan dapat menampilkan kemungkinan sebab terjadinya 'kelam-kabut' dalam penyusunan salasilah raja-raja awal Melaka dalam *Sejarah Melayu* itu. Kemungkinan yang pertama telah pun disebut, iaitu berhubung dengan tradisi dan sumber lisan ('kata sahib-ul-hikayat') yang digunakan oleh semua perawi *Sejarah Melayu* yang berkaitan dengan tokoh, nama yang tepat, tarikh dan susunan tempoh pemerintahan raja-raja awal itu. Akibatnya, penyimpangan atau fakta yang bertentangan dengan kebenaran sering

---

[37]R. Roolvink, "Hikayat Radja-radja Pasai", dalam *Bahasa dan Budaya*, II, iii, 1954, hlm 3–17; Mohd. Taib Osman, "Mythic Elements in Malay Historiography", dalam *Tenggara*, II, ii, 1968, hlm 80–89; Muhammad Yusoff Hashim (ed), *Syair Sultan Maulana: Suatu Penelitian Kritis Tentang Hasil Pensejarahan Melayu Tradisional*, Penerbit Universiti Malaya, 1980, hlm 1–70; Muhammad Yusoff Hashim, *Pensejarahan Melayu Nusantara*, (Bab tentang "Anakronisme dalam Tradisi Persejarahan Melayu Klasik"), Teks Publishing Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1988.

terjadi. Oleh itu, terdapatlah naratif yang berbagai-bagai di kalangan sesama naskhah *Sejarah Melayu* tentang satu isu yang serupa.

Nama Parameswara tidak pernah disebut dalam *Sejarah Melayu*, tetapi yang disebut ialah Raja Iskandar Syah yang tentunya berwatakkan Islam. Sedangkan nama sebenar tokoh tersebut ialah Parameswara, watak yang masih berbau Hindu. Perawi mungkin keliru antara nama Parameswara dengan nama Megat Iskandar Syah (*Mu-kan-sa-yu-ti-er-sha* menurut sumber China dan *Chaquem Darxa* menurut laporan Tome Pires), raja Melaka yang kedua dan memeluk Islam dalam usia yang telah lanjut itu. Perawi telah mencampuradukkan antara watak Raja Iskandar Syah dengan tokoh Megat Iskandar Syah (putera Parameswara) yang sebenar.

Hal ini berlaku mungkin kerana pengaruh keislaman perawi *Sejarah Melayu*. Oleh sebab perawi itu beragama Islam, sama ada sedar atau tidak, perawi itu telah menonjolkan seorang tokoh politik diraja yang pertama di Melaka dengan meletakkan kepadanya perwarnaan Islam. Tokoh ini telah diberi nama yang bercorak Islam, 'Iskandar Syah', walaupun secara realiti tidak semestinya dia seorang Islam. Oleh itu, secara tidak langsung telah 'melenyapkan' perwarnaan Hindu dan menggugurkan sama sekali nama Parameswara yang mungkin difikirkan amat kehinduan itu.

Bukanlah kerana naratif dan isu peristiwa tentang hal-ehwal Singapura yang didakwa oleh Wolters dan Mohd. Dahlan Mansoer sebagai sengaja 'di-ada-adakan' oleh perawi *Sejarah Melayu*. Sebab nama Raja Iskandar Syah digunakan, bukan Parameswara, adalah untuk melindungi tradisi Hindu bagi menunjukkan tradisi dan pengaruh Islam kerana *Sejarah Melayu* diciptakan setelah Islam bertapak kuat di sini. Tujuannya juga untuk 'menutup masa kemunduran Sriwijaya (Palembang)'. Oleh itu, akhirnya mereka menyebut, 'episod yang tidak terhormat (masa Melayu atau Jambi) dilewati atau diperkecil', tetapi saya berpendapat, yang sebenarnya ialah perawi, atau mungkin, penyalin *Sejarah Melayu* yang melakukan kesilapan. Bukanlah disebabkan oleh episod ini yang terhormat dan episod itu tidak terhormat maka ia menjadi bahan pilihan naratifnya, tetapi kerana fakta dan tradisi lisan yang diperolehi menerusi pihak "yang empunya hikayat" atau yang didengar daripada "bapanya dan datuknya" adalah begitu, rupa sehingga sukar diduga atau diuji kesahihannya, telah dicampuradukkan. Dengan tidak disedari, nama Parameswara telah menjadi mangsa campur aduk dan muncullah nama Raja Iskandar Syah, tokoh penduaan daripada Megat Iskandar Syah, putera Parameswara.

Cadangan sebab ini boleh dibuktikan dengan melihat susunan salasilah raja-raja Melaka terawal versi *Sejarah Melayu* tahun 1536 dan tahun 1612. Dan tentulah naskhah *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 itulah yang dirujuk

oleh Syeikh Nuruddin ar-Raniri apabila mengarang *Bustan'us Salatin* pada tahun 1638, bagi Bab II, Fasal XII; apatah lagi secara eksplisit perawi menyebut bahawa Syeikh ini mengenali Tun Seri Lanang secara peribadi. Tokoh bangsawan dari Johor-Riau inilah yang didakwa oleh perawi sebagai, "... yang mengarang kitab masirat *Sulalatus Salatin* (*Sejarah Melayu*)".

Bukti yang kedua ialah perawi tidak perlu dan tidak semestinya menonjolkan nama Raja Iskandar Syah (bagi menggantikan nama Parameswara) sekiranya beliau bertujuan untuk menampilkan perwarnaan Islam. *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 dan *Bustan'us-Salatin* dengan jelas menyebut bahawa raja Melaka yang keempat, iaitu Raja Kecil Besar, sebagai yang pertama memeluk Islam. Tetapi *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 menyebut bahawa Raja Kecil Besar sebagai raja Melaka yang kedua memeluk Islam.

Secara struktur, *Sejarah Melayu* terbahagi kepada dua, iaitu pertama, naratif tentang perkara-perkara yang mungkin terjadi puluhan atau ratusan tahun sebelum hidupnya pengarang dan diperolehi secara lisan. Secara tradisi, perkara ini diperturunkan daripada mulut ke mulut. Bahagian yang kedua ialah naratif sejarah yang terjadi semasa hidupnya pengarang dan mungkin disaksikan oleh pengarang itu sendiri, maka lebih sahihlah kejadiannya. Oleh itu, naratif bahagian yang pertama itulah yang sering dipenuhi oleh misteri, yang diselang-selikan dengan mitos dan legenda, dikaitkan dengan kejadian yang aneh. Kesemua faktor ini telah menyebabkan susunan peristiwa menjadi kacau, anakronisme terjadi, dan akibatnya fakta dan mitos (atau dongeng) tidak dapat dipisahkan.

Perawi menerima sahaja sumber dan tradisi lisan untuk membina naratif bahagian yang pertama kerana perawi tidak menyaksikan sendiri peristiwa yang menjadi naratif induk bahagian itu. Tetapi apabila ia diterapkan menjadi sebuah hasil penulisan kreatif (atau sekiranya dipertuturkan), perawi harus sedar dan berhati-hati dengan kelicinan atau *smooth* naratif yang disampaikan agar dapat meyakinkan pembaca atau pendengar yang naratifnya itu adalah betul dan benar, dan tidak meragukan. Ini disebabkan tujuan *Sejarah Melayu* dikarang bukan seperti tujuan, konsep, bentuk dan corak penulisan sesebuah hasil sejarah pada masa ini. *Sejarah Melayu* bukan untuk mencari suatu realiti atau kesahihan fakta dan bukan pula untuk menerapkan peristiwa sejarah yang benar-benar terjadi. Tetapi yang penting ialah untuk mencipta atau memberikan suatu bentuk kekudusan kepada kalangan kerabat dan raja-raja awal Melaka apabila unsur mitos, peristiwa ajaib dan ketokohan yang luar biasa dijadikan rempah-ratus dan mekanisme kepada inti penulisan sejarahnya.

Melalui penciptaan sejarah Singapura, kegiatan raja-raja yang menjadi

nenek moyang raja-raja Melaka semakin dapat diperhebat dan semakin tinggilah karisma mereka. Walhal, sebenarnya Parameswara (Raja Iskandar Syah menurut *Sejarah Melayu*) bukanlah berketurunan dari Singapura. Tokoh besar politik Melayu ini adalah secara langsung berasal dari Palembang, keturunan terus daripada tokoh-tokoh besar politik Melayu tradisi Sriwijaya. Parameswara kemudian meninggalkan Palembang, daerah asalnya, dan menjadi raja Singapura selama beberapa tahun. Berikutnya baginda membuka, meneroka dan menanamkan tunjang sistem politik Melaka bermula dari tahun 1399/1400.

Permasalahan fakta *Sejarah Melayu*, terutama tentang bahagian-bahagian awal naratifnya hanya mungkin dapat diselesaikan menerusi pendekatan filologi. Dan apabila pendekatan ini disedari amat penting dan sesuai dengan kajian salasilah tentang raja-raja Melaka, maka C. Wake mengatakan bahawa, "The historical value of the Malay sejarah traditions lies not in any particular text (of Sejarah Melayu), but in the comparative study of all the variant versions". Walau bagaimanapun, menggunakan *Sejarah Melayu* sahaja didapati tidak mencukupi bagi menelaah tajuk yang dibincangkan. Sumber-sumber asing pula mesti difikir dan digerakkan bersama-sama untuk mendapatkan sejarah susunan salasilah raja-raja Melaka yang sesahih-sahihnya.

6

Misteri Sultan Alauddin Riayat Syah I Melaka

SALASILAH raja-raja Melaka yang lebih kurang lengkap telah digalurkan dalam bab yang lalu.[1] Sultan Alauddin Riayat Syah menduduki tempat ketujuh dalam *kinglist* raja-raja atau sultan-sultan Melaka yang berjumlah sembilan orang. Baginda memerintah dari tahun 1477–1488 T.M.

Ramai orang mengetahui bahawa putera Sultan Mansor Syah ini ada keistimewaan peribadinya. Zaman pemerintahan baginda dipenuhi dengan beberapa peristiwa sejarah yang trajis. Terdapat tiga peristiwa besar yang menarik perhatian. Pertama, peperangan Melaka dengan Aru yang berkesudahan dengan kekalahan Aru. Kedua, kematian Bendahara Tun Perak, Bendahara Melaka yang termasyhur. Dan ketiga, yang paling menarik, iaitu perihal kebuasan pencuri-pencuri di bandar Melaka. Kebuasan pencuri ini ditumpaskan oleh Sultan Alauddin sendiri dengan bantuan orang-orang kanannya, iaitu Hang Isap dan Hang Siak. Baginda mempunyai keistimewaan fizikal yang mengagumkan. Baginda sendiri yang meronda di pekan Melaka pada waktu malam dan berjaya membunuh beberapa orang pencuri.

Wajarlah sekiranya teks *Sejarah Melayu* daripada kedua-dua versi tahun 1536 dan tahun 1612 melaporkan bahawa "Adapun akan Sultan Alauddin itu terlalu perkasa, (tiada berbagai) pada zaman itu".[2] Tindakan perseorangan baginda yang drastik, 'mengatasi atau memperkecilkan' beberapa orang pembesar Melaka lain yang bertanggungjawab menjaga keamanan negeri. Baginda adalah raja yang *action-oriented*.

RAJA HUSSAIN, RAJA AHMAD DAN RAJA RADEN

Siapakah sebenarnya Sultan Alauddin? Semua pengkaji mengetahui bahawa baginda adalah putera Sultan Mansor Syah. Tetapi kita mungkin tertanya-tanya pula siapakah bonda baginda? Pengetahuan kita yang amat cetek

---

[1]Rujuk "Sultan-sultan Melaka–Permasalahan Salasilah" Bab 5 buku ini.

[2]R.O. Winstedt, (ed). "The Malay Annals or Sejarah Melayu", dalam *JMBRAS*, XVI, iii, 1938, hlm 137. Dalam versi tahun 1612 pula kenyataan yang sama berbunyi, "Adapun Sultan Alauddin itu terlalu perkasa, tiada berbagai pada zaman itu". Lihat W.G. Shellabear, (ed). *Sejarah Melayu*, Malayan Publishing House, Singapura, 1961, hlm 171.

tentang hal ini tentu disebabkan oleh kekaburan dalam berbagai-bagai sumber lama tentang Melaka. *Sejarah Melayu* versi tahun 1612, edisi W.G. Shellabear telah menyebut bahawa baginda asalnya bernama Raja Hussain, beribukan saudara Bendahara Paduka Raja (yang diperisterikan oleh Sultan Mansor), di samping saudara-saudara lain yang berlainan ibu;

> "Hatta berapa lamanya maka Sultan Mansor Syah pun beranak dengan "... isteri baginda, saudara Bendahara Paduka Raja pun ada juga baginda beranak seorang laki-laki, Raja Hussain namanya, terlalu baik sikapnya lagi perkasa ...".[3]

Sejarah Melayu edisi A. Samad Ahmad yang tentunya merupakan salah sebuah versi panjang tahun 1612, memberikan keterangan yang sama dengan edisi Shellabear,[4] tetapi berbeza dengan kedua-dua versi tahun 1536 yang tidak langsung menyebut asal usul Sultan Alauddin. Versi ini hanya membayangkan;

> "... Sultan Abdul itu naik raja menggantikan kerajaan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Mansor Syah ... sudah beristerikan saudara Seri Nara Diraja tetapi belum beranak; ada beranak seorang dengan gundik bernama Puteri Bakal".[5]

Begitulah juga tentang penggantian dan perlantikan raja Melaka yang baharu untuk menggantikan Sultan Mansor Syah (1456–1477 T.M.), kedua-dua edisi Shellabear dan A. Samad Ahmad dengan jelas menyebut wasiat Sultan Mansor Syah ketika hampir mangkat;

> Telah datang sekaliannya, maka titah Sultan Mansor Syah pada segala mereka itu, "Ketahui oleh kamu sekalian .... Adapun pertaruhkulah anak kita Hussain kepada Bendahara dan segala orang besar-besar sekalian; ialah ganti kita pada tuan-tuan sekalian ...".[6]

---

[3]W.G. Shellabear, *ibid*., hlm 125.

[4]Edisi ini menuliskan, "Dengan isteri baginda saudara Bendahara Paduka Raja yang bongsu beranak seorang lelaki bernama Raja Hussain, terlalu baik sikapnya lagi perkasa. Maka dikahwinkan dengan Tun Naja, saudara Tun Tahir". Lihat A. Samad bin Ahmad, (ed) *Sulalatus Salatin* (*Sejarah Melayu*), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, hlm 121.

[5]R.O. Winstedt, (ed). *op. cit*., hlm 100

[6]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit*., hlm 169.

dan,

> "Adapun pertaruhkulah pada Bendahara dan segala orang kaya-kaya sekalian, anak kita Ahmad ialah ganti kita pada tuan-tuan sekalian. Jikalau barang sesuatu salahnya hendaklah dimaafkan oleh tuan-tuan sekalian ...".[7]

Raja Ahmad yang disebut oleh edisi terbaharu yang diselenggarakan ini sebenarnya ialah Raja Hussain seperti yang dikatakan, "... anakanda baginda, Raja Ahmad, timang-timangan Raja Hussain".[8] Kemudian perlantikan secara rasmi pun dilakukan.

> "Maka dikerjakan orang seperti adat raja-raja. Telah sudah maka Raja Hussain kerajaan, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Alauddin Riayat Syah".[9]

Sedangkan edisi A. Samad Ahmad pula menjelaskan;

> "Maka dikerjakan orang seperti adat raja-raja. Telah sudah maka Raja Hussainlah kerajaan, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Alauddin Riayat Syah".[10]

Dalam suasana yang sama tetapi dengan pembentangan watak yang amat berlainan, *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 edisi R.O. Winstedt pula menulis wasiat Sultan Mansor terhadap seorang tokoh yang bukan Raja Hussain ataupun Raja Ahmad, tetapi Raja Raden;

> "... maka baginda (Sultan Mansor Syah) pun geringlah. Maka baginda menyuruh memanggil anak-anak baginda .... Maka titah Sultan Mansor Syah pada segala mereka itu. "Ketahuilah olehmu sekalian .... Adapun petaruh kita pada Bendahara Paduka Raja dan orang kaya-kaya sekalian anak kita Raja Raden, ialah akan ganti (kita) pada tuan sekalian, jikalau ada barang sesuatu salahnya, hendaklah dimaafkan oleh tuan-tuan sekalian ...".[11]

Seterusnya dilaporkan tentang perlantikan pengganti Sultan Mansor Syah;

> "... dikerjakan oranglah seperti istiadat raja-raja yang telah lalu itu.

---

[7] A. Samad Ahmad, (ed), *op. cit.*, hlm 159.
[8] *Ibid.*, hlm 159.
[9] W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 171.
[10] A. Samad Ahmad, *op. cit.*, hlm 161.
[11] R.O. Winstedt, *op. cit.*, hlm 137.

> Setelah itu, maka Raja Radenlah kerajaan oleh Bendahara Paduka Raja gelar baginda di atas kerajaan Sultan Alauddin Riayat Syah".[12]

Sedangkan laporan daripada sumber asing sezaman, iaitu catatan Tome Pires, pencatat Portugis yang tidak asing lagi itu, berbunyi;

> "The king Mamsursa had two sons and two daughters. The eldest son was called Alaodin, who succeeded him ...".[13]

Masalahnya, siapakah Raja Raden yang tersebut dalam *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 ini? Adakah nama ini juga merupakan nama timang-timangan yang lain untuk Raja Hussain atau Raja Ahmad yang kemudian bergelar Sultan Alauddin Riayat Syah? Walhal nama Raja Raden langsung tidak disebut dalam kedua-dua edisi Shellabear dan A. Samad Ahmad, mahupun daripada sebarang naskhah atau edisi yang muncul sekumpulan dengannya. Sebaliknya juga, sama ada nama Raja Hussain ataupun Raja Ahmad tidak tercatat sama sekali dalam *Sejarah Melayu* edisi R.O. Winstedt tadi.

KONVENSI DAN CIPTAAN SASTERA

Sejarah Melayu yang merupakan sebuah dokumen sosial, adalah sebuah ciptaan dan komposisi kreatif dalam pengertian sekarang. Rangka reatifnya dirujuk pada peristiwa-peristiwa yang dianggap bersejarah dengan berlandaskan kronologi, dari zaman awal hingga tahun 1612 (versi panjang), lalu disesuaikan dengan skema komposisi tadi. Oleh itu apabila meneliti, mengkaji dan menggunakan *Sejarah Melayu* sebagai bahan sumber bagi sejarah Melayu lama, tidaklah dapat dipencilkan peranan teks ini sebagai suatu hasil konvensi kesusasteraan dan sudut pandangan tentang penulisannya yang intrinsik. Adalah suatu gejala yang membahayakan mengambil 'fakta-fakta' (sekiranya dapat dikonsepsikan sedemikian) besar ataupun kecil, yang tercatat dalam *Sejarah Melayu* walau daripada versi, resensi dan edisi mana sekalipun, tanpa memahami dengan jelas *Weltanschaung* (pandangan tentang kehidupan) dan etos atau dengan kata-kata mudah, latar belakang dan tentang hakikat (fenomena) penulisannya.

Kita dapat pastikan bahawa *Sejarah Melayu* jika dikaji dari segi leksikal, semantik dan hakikat bahasa yang dikatakan sebagai praklasik,

---

[12]*Loc cit.*

[13]Lihat Armando Cortesao, (ed & tsd), *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil 1/11, The Hakluyt Society, London, 1944, hlm 250.

maka *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 yang diselenggarakan oleh R.O. Winstedt itulah dapat dianggap sebagai yang tertua dan terpanjang serta merupakan versi yang dapat mengekalkan ciri-ciri keaslian *Sejarah Melayu* kerana versi ini paling hampir dengan naskhah *Sejarah Melayu* yang paling asal. Namun ia tidak semestinya yang terbaik. Terdapat sebuah versi lain yang juga dipercayai tertua tetapi amat pendek bentuknya. Versi ini terdapat di Universiti Leiden dengan kod *Cod. Or. 3199*, (3) Bahagian 4.[14] Walaupun lahir dalam bentuk salinan sahaja, tetapi versi inilah yang dipercayai dapat mengekalkan identiti (seperti kandungan dan ciri) serta *preserves an earlier draft*, menurut seorang sarjana sastera Barat.[15] Begitu juga naskhah *Sejarah Melayu* yang terawal yang mungkin pernah wujud dalam masa Kesultanan Melayu Melaka yang terkenal dengan judul *Hikayat Melayu* itu.

Penelitian ini juga melibatkan bidang filologi kerana hingga setakat ini masih belum terdapat suatu penyelenggaraan teks *Sejarah Melayu* yang paling lengkap untuk memberikan suatu pembacaan yang definitif. Sekiranya *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 dianggap pincang atau kurang memuaskan dari segi sejarah, suatu langkah yang alternatif perlu diambil. *Sejarah Melayu* daripada versi yang lain terutama kumpulan daripada versi tahun 1612 (seperti edisi Shellabear, edisi Munsyi Abdullah[16] dan edisi A. Samad Ahmad) yang mungkin dianggap lengkap tetapi tidak semestinya baik untuk tujuan sejarah, dirujuk dan diperbandingkan. Maksud 'tidak semestinya baik' di sini ialah kerana kumpulan versi tahun 1612 telah banyak mengalami perubahan, (fikirkan sahaja perkembangan proses penyalinannya dari tahun 1536 hingga tahun 1612 dan seterusnya disalin semula sehingga penghujung abad ke-19, seperti dilakukan tokok tambah dan pembuangan daripada naskhah yang lebih awal, juga kecuaian penyalinan, sama ada dengan sengaja ataupun sebaliknya).[17]

Perkara yang terpenting untuk difikirkan ialah bagaimana penyalin seperti Tun Seri Lanang yang menjadi penyusun atau pengarang semula (telitikan ungkapan 'barang kita perbaiki kiranya'), memasukkan isi-isi baru (terutama sumber lisan yang 'didengar daripada datuknya, neneknya', dan

---

[14]Judul yang diberikan untuk versi ini ialah *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan*.

[15]Lihat Paul Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsula in Ancient Times*, Eastern University Press Ltd., Singapore, 1964, hlm 154.

[16]Edisi Munsyi Abdullah ini kemudian telah diedit dan dianotasi semula pada tahun 1952 di Jakarta. Sila lihat T.D. Situmorang & A.E. Teeuw, (eds), *Sedjarah Melaju*, menurut terbitan Abdullah (Ibn Abdulkadir Munsji), Penerbitan Djambatan, 1952.

[17]T. Iskandar menamakannya sama ada *alteration by ignorance* ataupun *intentional alteration*. Rujuk T. Iskandar, "Some Aspects Concerning the Works of Copyists of Malay Historical Writing", dalam *Peninjau Sejarah*, III, 2, 1968, hlm 1–10.

lain-lain untuk meminjam kata-kata Syeikh Nuruddin ar-Raniri yang mengetahui benar Tun Seri Lanang sebagai pengarang teks *Sulalatus Salatin*),[18] ataupun di sebaliknya membuangkan sahaja perkara-perkara yang difikirkan tidak perlu.[19] Hal ini semua mungkin berlaku akibat persoalan pokok berhubung dengan sudut pandangan dan *Weltanschaung* (pandangan tentang kehidupan) penyusun teks *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 tadi.

Dalam proses 'diperbaiki' itu, besar kemungkinan Tun Seri Lanang didorong oleh matlamat *group-feeling* (untuk meminjam kata-kata Ibn Khaldun daripada bukunya) bagi mencemerlangkan atau memuji keluarga dan nenek moyangnya. Dalam konteks ini, keluarga atau nenek moyang Tun Seri Lanang yang pernah mewarisi tradisi bendahara-bendahara Melaka sepanjang 1400–1511 T.M. itulah yang dimaksudkan. Dalam penyusunan ini, Tun Seri Lanang "... as a rule approach *great and high ranking person with praise and encomiums*"[20] di kalangan kebanyakan great and high ranking person keluarga dan keturunannya sendiri. Kebijaksanaan mereka (walaupun mungkin mereka bodoh), kecantikan, kemuliaan dan 'kecerdikan' (walaupun mungkin mereka tidak sebegitu cerdik)[21] keluarga dan suku-suku ini, menjadi rempah-ratus penulisan *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 yang agak dominan. Semua hal yang membawa kepada *prejudice in historicity* inilah yang mungkin menyebabkan tidak kerap hadirnya, "... conditions conform with historical reality".[22]

---

[18]Pernyataan oleh Syeikh Nuruddin ini terdapat dalam kitabnya *Bustan'us-Salatin*. Antara petikan yang dapat dibaca tentang hal ini ialah;

> "Kata Bendahara Paduka Raja yang mengarang kitab masirat Sulalatus-Salatin, ia mendengar daripada neneknya dan datuknya tatkala pada Hijrah al-Nabi Salallahu 'alaihi wa sallam dua puluh esa pada bulan Rabi-ul-awwal pada hari Ahad ia mengarang hikayat pada menyatakan segala raja-raja yang kerajaan di negeri Melaka, Johor dan Pahang ...".

Naskhah *Bustan'us-Salatin*, Bab II Fasal 12 (hlm 88) tersimpan di Perpustakaan Universiti Malaya. Lihat juga rencana T. Iskandar, "Tun Seri Lanang Pengarang Sejarah Melayu", dalam *Dewan Bahasa*, VIII, ii, 1964, hlm 484; T. Iskandar, (ed), *Bustan'us-Salatin*, Bab II Fasal 13, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1966, hlm 6–7.

[19]Satu petikan jelas dapat dilihat dalam *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 suntingan A. Samad Ahmad yang berbunyi;

> "Adapun hikayatnya terlalu amat lanjut; jika kami hikayatkan semuanya, jemu orang yang mendengar dia; maka kami simpankan juga, kerana perkataan yang amat lanjut itu tiada gemar bagi orang yang berakal, adanya".

[20]Ibn Khaldun, *The Muqaddimah, An Introduction to History*, Routledge and Kegan Paul, London, 1967, hlm 36.

[21]Untuk perbincangan lanjut tentang tajuk ini, sila lihat Syed Zulfilda, "Wit and Humor dalam Sejarah Melayu", dalam *Dewan Bahasa*, 20, 4, 1976, hlm 197–218.

[22]Ibn Khaldun, *op. cit.*, hlm 35.

Kebenaran sejarah cuma berada dalam lingkungan pemikiran (*circle of thought*) Tun Seri Lanang sendiri, sesuai dengan matlamat penyusunan semula *Sejarah Melayu* yang dilakukannya. Mungkin kerana sedar dengan gejala inilah maka ahli sastera sosiologi semasa, Profesor Josselin de Jong melihat matlamat dan objektif *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 tadi sebagai;

> "... not merely to draw up a court chronicle. A more fundamental purpose was to vindicate a claim to greatness: of the dynasty, the Bendahara and the realm as a whole ... by which this greatness could be retained or restored".[23]

Ciri kecondongan (bias) terhadap keluarga Bendahara amat jelas. Bagi ahli sejarah yang sentiasa mencari kebenaran sejarah, hakikat ini wajib dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, unsur- unsur *Sejarah Melayu* yang sering dianggap *nonsensical element*,[24] tidak semestinya *nonsence* dalam pemikiran Tun Seri Lanang sendiri.

PUTERA DAN WANITA JAWA

Sejarah Melayu versi tahun 1536 nampaknya lebih sahih walaupun tidak semestinya lengkap untuk memberikan butir-butir sejarah tentang bab kecil ini jika dibandingkan dengan versi-versi sejenis tahun 1612 yang lain.

Perwatakan sebenar Raja Raden sebelum bergelar Sultan Alauddin amat kabur. Kita hanya diberitahu bahawa terdapat seorang putera Sultan Mansor (di samping putera-puterinya yang lain) bernama Ratu di Kelang, beribukan Puteri Galuh dari Majapahit(?);

> "Setelah beberapa lamanya, maka Sultan Mansor Syah pun beranak dengan Raden Galoh Cendera Kirana seorang laki-laki, maka dinamai baginda Ratu di Kelang".[25]

Sementara itu *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 menyebut putera tersebut sebagai Raden Kelang,[26] edisi A. Samad Ahmad menyebut sebagai Raden di Kelang,[27] sementara edisi A.E. Teeuw dan T. Situmorang mencatat Raden Kelang[28] atau sebaliknya Raden Digelang.[29]

---

[23]P.E. Josselin de Jong, "The Character of the Malay Annals", dalam J. Bastin & R. Roolvink (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Oxford, 1964, hlm 235–241.
[24]Ibn Khaldun, *op. cit.*, hlm 36.
[25]R.O. Winstedt, (ed), *op. cit.*, hlm 111.
[26]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 125 dan 168.
[27]A. Samad Ahmad, (ed), *op. cit.*, hlm 121 dan 158.
[28]A.E. Teeuw dan T.D. Situmorang, (eds), *op. cit.*, hlm 136.
[29]*Ibid.*, hlm 184.

Besar kemungkinan, lantaran terdapat kesamaan (kaitan?) gelaran dan nama Raden Kelang dengan Ratu di Kelang atau sebaliknya antara Raden Digelang dengan Raja Raden, maka R.J. Wilkinson dan Wheatley tanpa teragak-agak menyatakan bahawa Raja Raden itulah yang sebenarnya menjadi Sultan Alauddin Riayat Syah I.[30] Sebelum menjadi raja di Melaka, baginda pernah dilantik menjadi raja atau ratu di Kelang. Hal yang demikian biasa terjadi terhadap Raja Menawar, putera Sultan Alauddin sendiri yang dihantar sebagai *apprentice* (membiasakan diri) di Kampar sebelum menjadi raja di Melaka. Langkah Sultan Alauddin ini telah dieksploit dan dipolitikkan oleh Bendahara Seri Maharaja untuk melantik anak saudara sendiri, iaitu Raja atau Sultan Mahmud sebagai permintaan Melaka. Perkara yang sama dialami juga oleh Paduka Seri China, putera Sultan Mansor (dengan isterinya Hang Li Po?) yang menjadi raja Jeram, di Langat.

Seandainya benar dakwaan tersebut, maka nyatalah dalam konteks penteraan dan naratif asal usul Sultan Alauddin, Tun Seri Lanang telah memanipulasikan kebenaran sejarah melalui daya penciptaan sastera dan komposisi semula *Sejarah Melayu*. Beliau dengan sedar, mematikan watak Raden Kelang dengan memitoskan bahawa putera raja yang masih muda ini terbunuh di Kampung Keling.

> "Maka tersebutlah perkataan Raden Kelang, anak baginda Sultan Mansor Syah dengan Raden Galoh Cendera Kirana anak Betara Majapahit itu ... hendak dirajakan baginda, kerana Raden Galoh itu menjadi Raja Perempuan Besar Melaka ... Maka orang pun mengamuk ... maka Raja Kelang pun berdiri menghunus keris; menantikan orang mengamuk itu ... lalu tertikam dengan Raden Kelang; maka sama menikam sama kena pada dada keduanya mati, seorang rebah ke kiri, seorang rebah ke kanan".[31]

---

[30]Paul Wheatley, *op. cit.*, hlm 149; R.J. Wilkinson, *A History of the Peninsular Malaya*, 3rd. Edition, Singapore, 1923, Bab 5. Sila lihat juga rencana Wilkinson, "The Malacca Sultanate", dalam *JMBRAS*, 13, ii, 1935, hlm 22–67.

[31]Sementara itu edisi A. Samad pada episod yang sama menyebut:

> "Alkisah maka tersebutlah perkataan Raden Kelang, anak Sultan Mansor Syah dengan Raden Galoh Cendera Kirana anak Betara Majapahit .... Raden Kelanglah hendak diraja baginda ... pada suatu hari Raden Kelang pergi bermain di Kampung Keling, maka orang pun mengamuk ... maka Raden Kelang berdiri menghunus kerisnya, menantikan orang mengamuk itu ... lalu bertikam dengan Raden Kelang; sama datang mata keris itu, maka keduanya kena dada, lalu sama mati; seorang rebah ke kanan dan seorang rebah ke kiri ...."

A. Samad Ahmad, (ed), *op. cit.*, hlm 158–159

Ini sengaja dilakukannya untuk memberi jalan kepada penglahiran *imagery* dan kewujudan watak Raja Hussain atau Raja Ahmad yang dikatakan putera Sultan Mansor dan beribukan saudara Bendahara Paduka Raja (yang tentunya adalah nenek moyang Tun Seri Lanang).

KEUNIKAN WATAK SULTAN ALAUDDIN

Kebolehan fizikal dan mental Sultan Alauddin berbanding dengan raja-raja Melaka yang lain adalah unik (mungkin selain Sultan Ahmad, putera Sultan Mahmud). Mungkin tidak ada raja Melaka yang sanggup menyamar dan meronda pekan Melaka pada waktu malam selain baginda sendiri. Seperti yang telah diketengahkan oleh Tome Pires, "say that at night he used to go about the city in person; they say that he slept little ..."[32] sehingga sanggup pula bertindak bersendirian menghapuskan kecurian yang berleluasa. Tindakannya mengatasi kebolehan dan tanggungjawab Seri Maharaja yang menjadi Temenggung ketika itu dan yang bertanggungjawab mengawasi keselamatan pekan Melaka. Temenggung Seri Maharaja tentunya merasa terhina dengan tindakan Sultan Alauddin seperti itu. Ini merupakan suatu contoh tindakan nekad baginda di samping kemungkinan terdapat tindakan-tindakan nekad yang lain.

Sikap dan tindakan yang mencabar ini mungkin tidak disenangi atau tidak diterima oleh pembesar-pembesar Melayu yang lain, terutama pembesar yang mempunyai kepentingan politik di Melaka seperti golongan Melayu-Tamil dan lebih daripada satu abad selepas itu munculnya Tun Seri Lanang. Apatah lagi didapati bahawa susur-galur pihak sebelah ibu Sultan Alauddin adalah terasing daripada corak permintaan (polity) kekeluargaan kalangan elit bangsawan Melaka yang mana pengaruh kalangan Melayu-Tamil telah semakin kuat.

Sama ada disengajakan ataupun tidak, satu langkah yang drastik telah diambil untuk menghapuskan baginda, iaitu dengan meracunnya. Sekiranya hujah seperti ini bersabit, maka dakwaan sumber Portugis tentulah tidak dapat diragukan lagi terutama seperti yang dilaporkan oleh de Eredia, seorang pembabad Portugis yang hadir di Melaka pada masa yang paling hampir dengan tahap-tahap Kesultanan Melayu Melaka.[33] Sebenarnya laporan de Eredia memang dapat diselaraskan dengan laporan Tome Pires. Selain amat praktikal dan pragmatik dalam tindakannya, baginda juga dilaporkan sebagai seorang yang warak dalam Islam, "They say that this

---

[32]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 249.

[33]Rujuk J.V. Mills, (ed), "Eredia's Description of Malacca, Meridional India, and Cathay", dalam *JMBRAS*, VIII, i, 1930, hlm 182–185.

King (Alauddin) was more devoted to the affairs of the mosque than to anything else".[34] Baginda juga dilaporkan telah membuat persediaan untuk menunaikan fardu haji ke Mekah, "This King (Alauddin) having decided to go to Macca and being in Bretam he wanted to come to Malacca to complete his preparations ...". Tetapi dengan tiba-tiba, sebelum semua persediaan dibuat untuk berangkat, "... and in seven or eight days he died ...".[35] Laporan Tome Pires ini membuatkan kita tertanya-tanya, bagaimanakah baginda mangkat (selain hukum Allah), mengapakah baginda mangkat dengan terkejut dalam masa beberapa hari sahaja, walhal baginda rancak membuat persediaan untuk berangkat ke Mekah dalam beberapa hari terakhir sebelum kemangkatannya?

Semua persoalan ini merupakan kemungkinan yang patut difikirkan untuk menolak dakwaan Tun Seri Lanang bahawa baginda mangkat secara biasa sahaja, "Hatta berapa lamanya, datanglah peredaran dunia; maka Sultan Alauddin pun geringlah. Maka baginda menyuruh memanggil anakanda baginda Raja Mahmud, Bendahara dan segala orang kaya-kaya sekaliannya datang menghadap .... Setelah itu maka Sultan Alauddin pun mangkatlah".[36] Justifikasinya mudah sahaja. Sekiranya *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 dengan jelas menuliskan umur dan pemerintahan Sultan Alauddin yang amat singkat sahaja, "Setelah tiga puluh tiga tahun umur baginda di atas kerajaan, datanglah kepada peredaran dunia ...".[37] *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 pula langsung tidak menyebutkan umur dan tahap pemerintahan baginda, kebenarannya seperti disorok-sorokkan. Dan tiga tahap yang amat pendek ini memang sesuai dengan laporan Portugis yang mengatakan bahawa baginda mangkat ketika berumur dalam lingkungan 30-an setelah memerintah selama lebih kurang sebelas tahun.

Berbagai-bagai pendapat untuk menuduh pihak yang bertanggungjawab melakukan kecelakaan ini. Ada yang menuduh Raja Inderagiri atau Raja Pahang (saudara sebapa tetapi berlainan ibu);[38] ada pula yang

---

[34]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 251.

[35]*Loc cit.*

[36]Mungkin Paul Wheatley menempatkan pengertian 'mangkat secara biasa' ini sebagai, "... subscribe to it on his deathbed", lihat Paul Wheatley, *op. cit.*, hlm 149; Shellabear *op. cit.*, hlm 184–186.

[37]R.O. Winstedt, (ed), *op. cit.*, hlm 149.

[38]R.J. Wilkinson, *op. cit.*, hlm 37–39. Sementara itu Haji Buyong Adil yang tentunya banyak bergantung pada sumber Wilkinson ini juga dan sumber Portugis cuba menggalurkan kesalahan yang mungkin dilakukan oleh Raja Merlang yang beripar-duai dengan Raja Melaka di samping kemungkinan Raja Inderagiri dan Raja Pahang tadi. Lihat Buyong Adil, *Sejarah Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1976, hlm 51.

mentohmah Bendahara Melaka sendiri.[39] Tetapi bagaimanakah pula dengan anasir daripada golongan Melayu-Tamil yang memang sedia mempunyai perasaan sakit hati terhadap baginda sama ada dari segi kekeluargaan ataupun daripada pada bidang *physical relationship* di kalangan sesamanya? Adakah mereka terkecuali daripada sebarang tuduhan setelah kita mengetahui latar belakang sosial yang wujud?

Tetapi Tun Seri Lanang, dengan mengambil pendekatan sudut pandangannya sendiri dan daya konvensi kesusasteraan yang diwarisi sejak penulisan *Hikayat Raja-raja Pasai* pada awal abad ke-13 dahulu, seolah-olah cuba melindungkan elit bangsawan Melaka yang menganggotai sebilangan besar golongan Melayu-Tamil[40] ketika Sultan Alauddin mangkat dahulu.

---

[39]Paul Wheatley, *op. cit.*, hlm 151.

[40]Menurut keterangan *Sejarah Melayu*, salasilah beliau lebih kurang dapat disusun seperti berikut;

> "Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannya, Paduka Raja gelarannya, Bendahara, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Nara Wangsa, piut Bendahara Seri Maharaja, anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindan ..."

Kenyataan ini mungkin merupakan sisipan terkemudian yang dilakukan oleh seorang penyalin terkemudian di samping beberapa sisipan yang lain. Penyalin tersebut mengetahui bahawa Tun Seri Lanang adalah penyusun *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 ini. Lihat Shellabear, *op. cit.*, hlm 2; Yusoff Iskandar dan Abd. Rahman Kaeh, *Sejarah Melayu: Suatu Perbincangan Kritis daripada Pelbagai Bidang*; Heinemann Education Books (Asia), Ltd., Kuala Lumpur, 1978, hlm 218.

Dalam senarai salasilahnya, Mani Purindan yang berasal dari benua Keling dikatakan berkahwin dengan puteri Seri Nara Diraja, Tun Rana Sandari dan mendapat anak bernama Tun Ali. Keluarga inilah selepas itu memulakan tradisi memegang jawatan pembesar-pembesar Melaka yang penting seperti jawatan Bendahara, Penghulu Bendahari dan Temenggung sepanjang hayat Kesultanan Melayu Melaka hingga ke tahun 1511 dan tahun-tahun selepasnya. C.O. Blagden meletakkan enam susunan keturunan Tun Seri Lanang daripada jurai Mani Purindan seperti berikut:

VI – Baginda Mani Purindan
V – Seri Nara Diraja Tun Ali
IV – Bendahara Seri Maharaja
III – Bendahara Tun Nara Wangsa
II – Bendahara Seri Maharaja
I – Orang Kaya Paduka Raja

Tun Muhammad, Tun Seri Lanang,
Paduka Raja, Bendahara.

Tradisi Tamil daripada istilah dan gelaran Mani Purindan bermaksud "penyimpan batu permata". Rujuk "The Geneologis Given in the Sejarah Melayu", dalam *Mal. 297496*, (Naskhah Perpustakaan SOAS), hlm 1–22. Blagden dan semua versi panjang *Sejarah Melayu* memberikan rajah kekeluargaan Sultan Alauddin I. Lihat Lampiran H dan Lampiran I.

Sebagaimana andaian Paul Wheatley, beliau tidak bersimpati terhadap seorang sultan yang memegang terlampau banyak kuasa. Hal ini tentulah bertentangan dengan tradisi corak pemerintahan temurun Melayu-Melaka yang kuasa fizikal lebih banyak terserah kepada Bendahara dan pembesar-pembesar yang lain. Kedua, ibu Sultan Alauddin adalah wanita Jawa, tetapi Tun Seri Lanang meletakkannya sebagai saudara perempuan Bendahara Paduka Raja pula dengan alasan yang mudah. Dengan membentangkan fakta 'ibunya seorang wanita Jawa' (tidak semestinya Raden Galoh Cendera Kirana) tentulah akan bertentangan dengan matlamat Tun Seri Lanang menyusun semula *Sejarah Melayu*, iaitu untuk memperbesar dan

BATU NISAN MAKAM SULTAN ALAUDDIN RIAYAT SYAH
DI KAMPUNG RAJA PAGUH, MUAR, JOHOR

BATU NISAN MAKAM SULTAN MANSOR SYAH

mencemerlangkan nenek moyang Bendahara sejak dari zaman purba lagi!

Episod kemangkatan Sultan Alauddin dilukiskan dengan keadaan biasa seperti yang muncul dalam tradisi hasil kesusasteraan yang semididaktik sifatnya seperti ini. Baginda dilaporkan sebagai memberikan nasihat dan 'khutbah' yang panjang lebar sebagai penerusan tradisi berpegang pada

prinsip selok-belok kenegaraan Melayu yang unggul.

Apabila memperkatakan watak dan kewujudan Sultan Alauddin dalam *Sejarah Melayu* (terutama versi yang sekumpulan), sebenarnya adalah menghubungkan antara realiti dengan ideologi kepengarangan. Tun Seri Lanang semacam telah menukilkan *historical truth* dalam konteks realiti yang berlaku dengan ideologi tentang matlamat dan motif penyusunan semula *Sejarah Melayu*. Antara konvensional itu pula, tidak ternampak sebarang jurang pemisah yang ketara sehinggakan jika kita tidak berhati-hati, kita akan menerima dengan sepenuhnya apa yang diceterakan oleh Tun Seri Lanang dalam *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 dari Johor itu sebagai mempunyai kebenaran sejarah. Dari sudut yang lain, beliau berbuat demikian kerana untuk melindungi gejala dan keburukan sosial yang telah dilakukan oleh nenek moyangnya dahulu dengan harapan untuk mencapai matlamat yang di sebaliknya pula.

Oleh yang demikian, seandainya apa yang dibabadkan oleh *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 itu sahih, benar pula pernyataan sumber Portugis yang melaporkan kemangkatan Sultan Alauddin kerana diracun dan mangkat dalam umur yang sangat muda dan dibuktikan pula lagi oleh etos Tun Seri Lanang ketika 'memperbaiki' teksnya pada tahun 1612, jelaslah sebenarnya Sultan Alauddin adalah putera Sultan Mansor Syah. Baginda 'berdarah' Jawa kerana beribukan wanita Jawa, bukan beribukan saudara Bendahara Paduka Raja. Dalam pembinaan semula asal usul ini, kita sukar menghubungkan dan menentukan nama-nama Raja Hussain, Raja Ahmad dan Raja Raden. Adakah mereka orang yang sama ataupun tokoh yang berlainan sama sekali? Atau adakah Raja Hussain (yang wujud dalam edisi Shellabear dan nama Raja Ahmad hanya merupakan interpolasi penyalin terkemudian, ataupun kebalikannya?) hanya hadir dalam metos fikiran Tun Seri Lanang sahaja? Oleh itu, Paul Wheatley berpendapat bahawa Sultan Alauddin sebagai;

> "... a shadowy figure in Malay literature".[41]

Antara Tun Seri Lanang yang mewarisi darah keturunan Bendahara Melaka dengan ibu Sultan Alauddin yang bersuku bangsa Jawa itu, memang tidak ada hubungan darah sama sekali.

Melaka adalah pelabuhan perdagangan yang didiami oleh berbagai-bagai bangsa dengan pelbagai profesion. Dalam keadaan yang begitu rupa dan corak kekosmopolitanan masyarakatnya, kemungkinan terjadinya per-

[41]Paul Wheatley, *Sejarah Melayu* hlm 151.

kahwinan campur antara orang-orang Melayu tempatan (sama ada yang kerabat ataupun yang bukan kerabat) dengan berbagai-bagai bangsa ataupun suku bangsa yang lain atau asing dalam sejarah sosial Mel emang tidak dapat ditolak. Tome Pires sendiri, semasa hadir di Melaka hanya beberapa tahun sahaja selepas raja-raja Melaka berundur dari bandar Melaka pernah menyatakan, "... and this custom or marrying people of different sects causes no surprise in Malacca".[42]

Walau bagaimanapun, pendapat dan interpretasi ini tidak semestinya muktamad. Selagi ada pendapat dan interpretasi yang lain yang lebih meyakinkan, selama itulah ketokohan Sultan Alauddin terus berada dan menjadi satu misteri! Tuhan sahaja Yang Maha Mengetahuinya.

[42]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 249.

7

Seri Bija Diraja dalam Tradisi Pembesar-pembesar Melayu Melaka pada Abad ke-15 dan Abad ke-16

SERI BIJA DIRAJA adalah salah satu daripada gelaran pembesar Melayu Melaka yang penting pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Tentang jawatan pembesar tradisional ini, Tun Seri Lanang dalam memetik kata-kata rawi dalam teks *Sejarah Melayu* menyebut;

> "... dan hulubalang muda-muda berdiri di ketapakan balai memikul pedang ... dan kepada Bentara yang di kanan itu daripada anak cucu hulubalang yang akan patut menjadi Laksamana dan Seri Bija Diraja".[1]

Semasa Melaka diperintah oleh Sultan Muhammad Syah (Seri Maharaja, 1424–1444 T.M.), iaitu raja ketiga Melaka yang kedua memeluk agama Islam,[2] taraf dan kedudukan Seri Bija Diraja di balairung istana raja Melaka diletakkan ke taraf yang ketiga selepas taraf empat orang pembesar terkanan di Melaka Seri Bija Diraja duduk di seri balai dan selepas taraf anak-anak raja yang duduk di kelekan balai. Seri Bija Diraja berdiri di ketapakan balai bersama-sama dengan hulubalang Melaka yang muda-muda. Tugas Seri Bija Diraja dilaporkan sebagai bersamaan dengan tugas Laksamana Melaka seperti yang diterangkan oleh *Sejarah Melayu*;

> "Adapun segala perkakas raja, seperti ketur dan kendi, kipas dan barang sebagainya diselang-selang duduknya, melainkan puan dan pedang dikelek-kelekkan kiri kanan; pedang kerajaan itu Laksamana atau Seri Bija Diraja memikul pedang itu".[3]

---

[1]Lihat W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu*, Singapura, 1961, hlm 72.

[2]Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", dalam *JMBRAS*, Jil XLI, Bhg i, 1968, hlm 18.

[3]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 72.

Jelaslah bahawa Seri Bija Diraja sebenarnya merupakan suatu gelaran. Jawatan yang dipegang oleh orang atau tokoh yang membawa gelaran tersebut dinamakan juga sebagai Hulubalang Besar, jawatan keempat yang penting selepas jawatan Bendahara, Penghulu Bendahari dan Temenggung, sebelum Melaka diperintah oleh Sultan Mansor Syah (1456–1477 T.M.), dan sebelum munculnya tradisi jawatan Laksamana.

Melihat pada nama jawatan itu sendiri, di samping menyaksikan fungsi ketenteraan yang dipegangnya. nyatalah bahawa Seri Bija Diraja adalah ketua segala hulubalang di Melaka. Seri Bija Diraja memikul segala tanggungjawab yang bersabit dengan masalah ketenteraan kerajaan Melaka pada zaman kesultanannya.

SERI BIJA DIRAJA DAN LAKSAMANA

Sepanjang pengetahuan kita tentang konsep Empat Lipatan Pembesar dalam sistem pembesar dalam kerajaan Melaka, dan juga dalam kerajaan Melayu tradisional lain yang muncul selepas Melaka serta mewarisi tradisi pembesar-pembesar Melaka, maka ahli sejarah dan ahli kaji masyarakat cenderung meletakkan Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana sebagai empat pembesar Melaka utama yang terkanan.[4] Dan bukan Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Syahbandar seperti yang pernah dicadangkan oleh pengkaji-pengkaji.[5] Akibatnya, peranan dan kedudukan politik Seri Bija Diraja sering dipencilkan.

---

[4]Lihat rencana yang bersangkutan seperti oleh R.O. Winstedt, "A History of Malaya", dalam *JMBRAS*, XIII, i, 1935, hlm. 1–270; R.J. Wilkinson, "The Malacca Sultanate", dalam *JMBRAS*, XIII, ii, 1935; J.M. Gullick, *Indigenous Political System of Western Malaya*, London, 1958, (passim), dan seterusnya.

[5]Cadangan ini sebenarnya diasaskan kepada bukti daripada catatan *Undang-undang Melaka* yang memperuntukkan bahawa, "Adapun pada segala raja-raja itu, pertama-tamanya menjadikan Bendahara, kedua menjadi Temenggung, ketiga menjadi Penghulu Bendahari, keempat menjadikan Syahbandar, maka terpeliharalah segala raja-raja itu dengan segala rakyat".

Kenyataan *Undang-undang Melaka* ini patut diteliti semula. Pertama, draf asal *Undang-undang Melaka* ini 'dibuat' semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, apabila institusi Laksamana belum lagi muncul di Melaka ketika itu. Kedua, jika sahih dakwaan Tome Pires, seorang pencatat dari Portugal, yang mengatakan bahawa di Melaka terdapat sekurang-kurangnya empat orang Syahbandar, bagaimana hendak ditempatkan empat orang Syahbandar ini ke taraf pembesar yang empat sekaligus? Memang pernah dilantik orang asing seperti Raja Mendeliar, menjadi Syahbandar Melaka tetapi orang asing memang tidak mungkin menjadi salah seorang pembesar empat terkanan di Melaka.

Untuk rujukan lanjut, sila lihat Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Melaka, Bibliotheca Indonesica*, The Hague, Martinus, Nijhoff, Leiden, 1976, Bab :1, hlm 620. Lihat juga Armando Cortesao, (ed & tsd), *The Suma Oriental of Tome Pires*, The Hakluyt Society, London, 1944, hlm 284–6.

Masalahnya sekarang ialah jika Seri Bija Diraja dikatakan memegang jawatan Hulubalang Besar dan menjadi ketua segala hulubalang Melaka yang sepatutnya dipegang oleh Laksamana, di manakah taraf sebenar dan kedudukan Seri Bija Diraja dalam sistem Pembesar Empat tadi?

Hingga kajian-kajian akhir dilakukan, kita hanya dapat mengetengahkan andaian bahawa sebelum muncul institusi Laksamana dalam tradisi pembesar Melayu di Melaka, besar kemungkinan Seri Bija Diraja menduduki taraf pembesar keempat dalam lipatan pembesar empat yang pertama lalu menjadi Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Seri Bija Diraja. Andaian ini dibuat dengan beberapa bukti catatan. Pertama, ketika Sultan Mansor Syah berangkat ke tanah Jawa, *Sejarah Melayu* melaporkan bahawa pemerintahan Melaka dipangku oleh Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Beliau dibantu oleh beberapa orang pembesar kanan Melaka yang antara lain termasuklah Penghulu Bendahari Tun Ali dan Seri Bija Diraja.[6] Dalam beberapa siri peperangan Melaka dengan kuasa-kuasa lain seperti Siam, Pahang, Siak dan Tungkal, Bendahara Paduka Raja atau Seri Nara Diraja yang akan menjadi ketua ketumbukan angkatan perang Melaka dan biasanya dibantu oleh Seri Bija Diraja.[7]

Dalam naskhah *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan*, iaitu rangka naskhah *Sejarah Melayu* yang dipercayai terawal, tertua dan yang dapat mengekalkan nilai kesejarahannya,[8] melaporkan bahawa tokoh politik dan ketenteraan yang amat berpengaruh di Melaka adalah Seri Nara Diraja Tun Ali dan Seri Bija Diraja, iaitu sebelum kemunculan Bendahara Tun Perak dan Laksamana Hang Tuah.

Tetapi selepas munculnya institusi Laksamana, yang kali pertamanya disandang oleh Hang Tuah pada zaman Sultan Mansor Syah, kedudukan dan taraf Seri Bija Diraja didapati semakin menurun, walaupun fungsi politik dan sosialnya tetap sama. Dari segi taraf dan kedudukan pembesar-pembesar Melayu di balairung istana Melaka, Laksamana diletakkan setaraf dengan Seri Bija Diraja sebagaimana *Sejarah Melayu* melaporkan;

"Telah itu Hang Tuah dilekatkanlah gelar 'Laksamana' itu dan diarak

---

[6]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 116.

[7]*Ibid.*, (passim).

[8]R.Roolvink, "The Variant Version of the Malay Annals". Rencana ini dilampirkan sebagai lampiran tambahan kepada buku C.C. Brown, (ed & tsd), *The Malay Annals or Sejarah Melayu*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm xv-xxxv. Naskhah asal teks tersebut tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda. Salinannya dalam bentuk mikrofilem terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Di Leiden, kodnya ialah *Cod. Or. 3199 (3) Part 4.*

keliling negeri, seperti adat anak raja-raja, didudukkan tara Seri Bija Diraja; kerana adat dahulu kala".[9]

Akibatnya timbul dua masalah berhubung dengan sistem Empat Lipatan Pembesar di Melaka. Pertama, bahawa sekiranya fungsi dan taraf Seri Bija Diraja diletakkan bersamaan dengan fungsi dan taraf Laksamana, bagaimanakah kedudukan pembesar yang keempat dalam susunan empat orang pembesar terkanan di Melaka, Laksamana atau Seri Bija Diraja? Tidak mungkin kedua-dua orang pembesar tersebut sama-sama menduduki tempat pembesar yang keempat tadi. Kedua, mungkin akibat daripada timbulnya masalah untuk menentukan kedudukan Laksamana dan Seri Bija Diraja dalam sistem tersebut, maka Syahbandar telah diletakkan sebagai salah seorang pembesar terkanan, bukan Laksamana atau Seri Bija Diraja.

TIMBALAN LAKSAMANA

Apabila mengkaji salasilah keluarga Laksamana Melaka yang pertama dan salasilah Seri Bija Diraja, jelaslah bahawa kedua-duanya adalah keturunan keluarga Melayu jati. Walaupun kita kurang mendapat sokongan daripada bukti-bukti sejarah namun fungsi-fungsi sosial dan politiknya adalah jelas. Besar kemungkinan Seri Bija Diraja berketurunan Melayu daripada suku Orang Laut yang pada asalnya tinggal di Bentan dan Singapura.[10] Orang Laut pada hakikatnya menjadi tulang belakang kekuatan ketumbukan dan tentera laut kerajaan Melaka.[11] Mungkin kerana telah biasa dengan peranan Orang Laut, adalah wajar Seri Bija Diraja yang berasal daripada kumpulan suku kaum Melayu ini dilantik untuk mengetuai bidang ketenteraan, terutama di bahagian laut. Dan sewajarnyalah juga Singapura menjadi kawasan 'pegangan' Seri Bija Diraja kerana secara politik dan tradisi, Singapura telah diserahkan kepada Seri Bija Diraja.[12]

Oleh sebab Laksamana dan Seri Bija Diraja berasal daripada keturunan Melayu serta memainkan peranan politik serta ketenteraan yang sama, maka

---

[9]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 137.

[10]Untuk keterangan lanjut berkenaan hal ini, sila lihat buku Alfred Rubih, *International Personality of the Malay Peninsula*, Kuala Lumpur, 1974, hlm 3–28. Lihat juga C.A. Gibson-Hill, "The Orang Laut of the Singapore River and the Sampan Panjang", dalam *JMBRAS*, XXV, i, 1952.

[11]Lihat Sherard Osborn, *The Blockade of Kedah*, Edisi Kedua, London, 1960, hlm 255–60; O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Kuala Lumpur, 1969, (passim); Shellabear, (ed), *op. cit.*, (passim).

[12]Kawasan Bentan pula diserahkan untuk pegangan Bendahara. Lihat Shellabear, *ibid.* hlm 202; buku saya berjudul *Sejarah Melayu; Perbincangan Kritis dari Berbagai Bidang*, Heinemann Educational Book International, Kuala Lumpur, 1977, hlm 172–173.

tidak berlaku sebarang masalah pergeseran peribadi dan perlantikan kepegawaian berhubungan dengan kedudukan pegawai-pegawai tersebut. Selepas Hang Tuah menjadi Laksamana Melaka secara rasmi, Seri Bija Diraja mungkin dilantik sebagai Timbalan Laksamana. Apabila Raja Melaka menghantar Bendahara untuk memerangi kuasa asing seperti Pasai, Rokan dan Inderagiri, Laksamana dan Seri Bija Diraja dilantik seiring sebagai pengiring Bendahara, seorang di sebelah kanan dan seorang di sebelah kiri. Dalam tradisi penulisan *Sejarah Melayu*, cara Tun Seri Lanang mencatatkan pembesar-pembesar Melaka juga nampaknya ditentukan. Gelaran Seri Bija Diraja sering disebut serentak dengan penyebutan jawatan Laksamana, seolah-olah menunjukkan bahawa Laksamana dan Seri Bija Diraja merupakan dua orang pembesar Melayu yang sama penting dari segi fungsi, iaitu:

BENDAHARA

PENGHULU BENDAHARI

TEMENGGUNG

LAKSAMANA

atau

SERI BIJA DIRAJA

Hakikat ini tentulah merupakan suatu fenomena perkembangan masyarakat dan kepegawaian Melaka yang menarik. Dan fenomena ini mungkin berbeza dengan fenomena hubungan sejarah antara dua orang pembesar Melaka, iaitu Bendahara Paduka Raja Tun Perak dan Penghulu Bendahari (Seri Nara Diraja) Tun Ali. Tun Ali adalah berketurunan Melayu-Tamil. Perlantikan Tun Perak sebagai Bendahara telah mencetuskan pergeseran peribadi yang hebat antara beliau dengan Tun Ali. Orang Melayu-Melaka berpecah kepada dua puak. Mereka saling bertentangan.[13] Puak yang pertama terdiri daripada orang yang menyokong Tun Perak. Sementara orang yang pro-Tun Ali membentuk puak yang kedua.

[13]Rencana saya, "Malacca Society - 1400–1511, Some Critical Observations", dalam Paul Wheatley and K. S. Sandhu (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital, cir. 1400–1980*, terbitan Oxford Universiti Press, Kuala Lumpur, 1983.

Fenomena masyarakat ini mengingatkan kita kepada perkembangan sejarah hubungan suku kaum dalam masyarakat Melaka yang lebih luas lagi. Bendahara Seri Wak Raja II, Bendahara Melaka daripada keturunan Melayu jati menunjukkan reaksinya menolak rancangan Sultan Muzaffar Syah yang menyerapkan Seri Nara Diraja Tun Ali yang berketurunan Tamil ke dalam institusi pembesar Melaka dengan cara membunuh diri dengan memakan racun.[14] Isu pertentangan antara puak Melayu dengan puak Tamil-Melayu ini berlanjutan sehingga ke tahun 1511. Akhirnya perkara ini menjadi seperti unsur 'duri dalam daging' yang menjadi faktor jangka panjang yang meruntuhkan kerajaan Melaka.[15]

Sebagai seorang pembesar yang berketurunan dan berkeluarga Melayu, Seri Bija Diraja juga nampaknya 'sebulu' dengan Seri Wak Raja II yang membunuh diri itu. Seri Bija Diraja Tun Kerutup menunjukkan sikap dan pendiriannya dengan enggan mengiktiraf Sultan Mahmud Syah yang berdarah Tamil, di pihak sebelah ibu, sebagai raja Melaka. Sentimen pro-Melayunya amat ketara apabila beliau dikatakan lebih mendaulati Raja Menawar Syah di Kampar, putera Sultan Alauddin Riayat Syah dengan isterinya seorang anak pembesar Melayu jati di Melaka. Beliau nampaknya lebih rela mati daripada memberikan taat setia kepada Sultan Mahmud. Beliau akhirnya mati juga dibunuh oleh Sultan Mahmud Syah.

SALASILAH SERI BIJA DIRAJA

Tidak terdapat sebarang sumber peribumi tentang salasilah keluarga Seri Bija Diraja yang paling tepat. *Sejarah Melayu* mencatatkan bahawa Seri Bija Diraja muncul dalam tradisi pembesar-pembesar di Melaka sejak zaman pemerintahan Sultan Muhammad Syah lagi. Dan sehingga ke tahun 1511, Melaka nampaknya mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang tokoh yang memegang gelaran Seri Bija Diraja. Tokoh Melayu terawal yang dikatakan memegang gelaran tersebut ialah Tun Hamzah[16] yang dikenali dengan panggilan Datuk Bongkok. Pembesar inilah yang dikatakan sama pentingnya dengan Seri Nara Diraja (Penghulu Bendahari) dalam kedudukan dan fungsinya sebelum institusi Laksamana muncul, dan sebelum Tun Perak

---

[14]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 89; lihat juga Paul Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsula in Ancient Times*, Singapore, 1964, hlm 149; Tetapi penyusun teks *Sejarah Melayu* versi 1612 yang boleh dikatakan berketurunan Melayu-Tamil itu juga nampaknya cuba melindungkan hakikat yang sebenarnya lalu mengatakan bahawa pembesar Melaka ini membunuh diri kerana malu yang ditanggungnya di istana raja Melaka.

[15]Rencana saya, *Masyarakat Melaka, 1400–1511, dengan Tumpuan Khusus tentang Orang-orang Asing*, kertas kerja yang belum diterbitkan dalam Kongres Sejarah Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Mac, 1978.

[16]Lihat Josselin de Jong, "Who's Who in the Malay Annals", dalam *JMBRAS*, Jil 24, Bhg ii, 1961, hlm 1–89.

dilantik menjadi Bendahara Melaka. Beliau meninggal dunia ketika Melaka diperintah oleh Sultan Alauddin Riayat Syah.[17]

Tun Hamzah digantikan oleh anaknya, Tun Kerutup. Tokoh inilah yang dilaporkan mati dibunuh oleh Sultan Mahmud lantaran sentimen kemelayuannya tadi.

Tun Kerutup digantikan oleh anak saudaranya, Sang Setia Tetayan,[18] cucu almarhum Tun Hamzah dan anak Tun Bija Diraja.[19] Tokoh ini telah mati di medan pertempuran ketika mempertahankan Pagoh daripada serangan Portugis selepas tahun 1511.

RAJAH SALASILAH

*tokoh yang bergelar Seri Bija Diraja

Secara ringkasnya seperti juga gelaran dan jawatan Laksamana, gelaran Seri Bija Diraja atau jawatan Hulubalang Besar adalah dimonopoli oleh satu keluarga sahaja secara keturunan.

PERUBAHAN GELARAN

Peranan sosial dan politik Seri Bija Diraja sebagai ketua hulubalang dan kedudukannya sebagai Timbalan Laksamana dalam sistem pentadbiran kebangsawanan Melayu mungkin diteruskan dalam tradisi pembesar-pembesar Melayu di Johor. Tetapi suatu perubahan telah berlaku. Di Johor, gelaran Seri Bija Diraja diubah kepada gelaran Seri Bija Wangsa. Tokoh ini dilaporkan sebagai bertanggungjawab menjadi ketua angkatan Orang Laut yang menjadi sebahagian besar daripada ketumbukan angkatan laut kerajaan

[17]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 178.

[18]Dalam naskhah *Sejarah Melayu* versi tahun 1536, nama tokoh ini disebut sebagai Sang Setia Bentayan. Lihat C.C. Brown, (ed & tsd), *op. cit.*, hlm 186–187.

[19]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 178; Haji Buyong Adil, *Sejarah Melaka*, Kuala Lumpur, 1973, hlm 158; Wilkinson, *op. cit.*, hlm 196.

Melayu-Johor.[20] Pada tahun 1699 dan 1718 tokoh inilah yang memainkan manipulasi politik Johor dalam gara-gara menolak pengaruh politik orang Bugis di Johor. Menurut naskhah *Hikayat Siak* pula dan laporan semasa *Dagh Register* Belanda, tokoh inilah yang menjadi pengawal peribadi Sultan Mahmud Syah II dan memainkan peranan utama mempertahankan kedudukan Sultan Mahmud Syah II daripada diderhakai dan digulingkan oleh Bendahara Tun Abdul Jalil dan Laksamana Megat Seri Rama pada tahun 1699.[21]

Dalam gara-gara komplot politik ini, Seri Bija Wangsa dinaratifkan oleh *Hikayat Siak* sebagai mempunyai ilmu kebal, tidak lut senjata. Beliau mati selepas kerisnya sendiri diludahi dan dibenamkan ke dalam perutnya; darah putih mengalir daripada tubuhnya. Seri Bija Wangsa pun kecundang.[22] Perkembangan Sejarah Melayu-Johor, warisan Melaka, selepas itu berubah haluan mengambil corak yang berlainan, dengan peranan Seri Bija Diraja (Seri Bija Wangsa di Johor) yang tidak kurang pentingnya.

---

[20]Lihat Leonard Yuzon Andaya, *The Kingdom of Johor: A Study of Economic and Social Development 1614–1728*, Ithaca, 1976, hlm 58–77; lihat juga rencananya "The Structure of Power in Seventeenth Century Johore," dalam *MBRAS*, No 6, 1975, hlm 1–11.

[21]Naskhah *Hikayat Siak*, *Cod. Or. 7304*, hlm 504–408. Hikayat ini menyebut ketokohan Seri Bija Wangsa sebagai, "Hulubalang yang tiada bandingannya di tanah Johor", hlm 405.

[22]*Ibid*, hlm 406–407. Kata hikayat ini lagi, dengan memetik kenyataan Seri Bija Wangsa, "Lain daripada kerisku ini, tiada besi di dalam Johor ini makan dagingku ini".

8
Sistem Pentadbiran dan Politik Melaka

SECARA umum istilah "sistem" diertikan sebagai;

> "A set of arrangement of things so related or connected as to form a unity or organic whole ... a set of facts, principles, rules, etc. Classified or arranged in a regular, orderly form so as to show a logical plan linking the various parts".[1]

Sekiranya dirujuk pada pengertian ini, maka secara khusus, istilah sistem bererti sesuatu set fakta, prinsip dan peraturan yang wujud itu tersusun dan teratur bentuknya. Apabila fakta, prinsip dan peraturan tadi digabung dan dihubungkan dengan bahagian-bahagian yang lebih kecil sesamanya, maka ia boleh membentuk sesuatu penyatuan yang menyeluruh, yang kewujudannya boleh diterima akal, boleh diikuti dan difahamkan susunannya, tidak bersimpang-siur dan tidak tunggang-langgang. Dalam konteks ilmu kemasyarakatan, dengan adanya sistem maka anggota masyarakat boleh hidup dengan teratur dan tersusun kerana mereka dipandu oleh fakta, prinsip dan peraturan hidup bermasyarakat. Begitulah juga dalam hal-ehwal pentadbiran dan politik. Ada bahagian-bahagian dan organ dalam bidang pentadbiran dan politik itu yang wujud dengan tersusun dan berperaturan mengikut fakta dan prinsip tertentu. Apabila susunan dan peraturan tadi boleh difikirkan dan diikuti lojiknya, serta perjalanannya dapat diterima oleh masyarakat maka ia akan menjadi suatu sistem.

Oleh sebab Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16 mempunyai masyarakat yang hidup tersusun dan berperaturan maka wujudlah bidang pentadbiran dan politik bersistem yang menjadi fakta dan prinsip terhadap peraturan-peraturan tadi. Dengan adanya sistem bagi kedua-dua bidang itu jugalah, Melaka berjaya wujud dan mengekalkan identitinya sebagai sebuah organisasi bermasyarakat daripada mula ia terbina pada awal abad ke-15 sehingga-

---

[1]Lihat *Webster's New Twentieth Century Dictionary, Unabridge Second Edition*, New York, 1979, hlm 1853.

lah awal abad ke-16. Organisasi ini wujud di peringkat Melaka sebagai sebuah kerajaan dan sebagai sebuah kuasa penakluk dan empayar Melayu yang bercorak kelautan.

Walau bagaimanapun, norma sistem yang wujud dalam kedua-dua bidang tersebut patut dirujuk pada keadaan semasa pada abad ke-15 dan abad ke-16 dan selaras pula dengan pemikiran serta sosiobudaya masyarakat tersebut berbanding dengan norma dan nilai serta taraf pemikiran masyarakat pada abad ke-20 ini. Untuk meneliti sistem bagi kedua-dua bidang tersebut, kita janganlah bersikap anakronistik kerana abad yang lalu berbeza dengan abad sekarang.

PERINGKAT AWALAN

Sering dikatakan bahawa Melaka banyak meninggalkan kesan dalam bentuk tradisi berkerajaan dan memberikan warisan kepada sosiopolitik dalam lingkungan dan konsep kesultanan di Malaysia masa kini. Malah apabila kita memperkatakan beberapa bidang dalam institusi kesultanan beberapa buah negeri dan pemerintahan beraja di negara ini, Melakalah yang kerap dijadikan tradisi induk rujukan terhadap berbagai-bagai bidang institusi tadi. Kenyataan seperti ini tentulah mempunyai asasnya. Dan jika ditinjau daripada visi sejarah, ia tentulah beralasan.

Mungkin disebabkan oleh pengertian sejarahnya yang tersendiri bilamana hubungan politik tradisional antara sebuah kuasa ketuanan yang kuat seperti Majapahit pada abad ke-14 dapat menundukkan sebuah kuasa di bawah ketuanan yang semakin lemah seperti Sriwijaya, maka Paul Wheatley menganggap Parameswara, iaitu tokoh kerabat dari Palembang yang telah pun ditundukkan oleh Majapahit, sebagai pembelot terhadap kedaulatan kuasa pusat di Jawa.[2] Percubaan Parameswara yang berani ini telah gagal. Beliau meninggalkan Palembang, dan pergi ke Singapura, dan sekali lagi menjadi pembelot apabila beliau membunuh pemerintah Singapura pula.

Ada pula ahli sejarah yang bukan begitu pandangannya. Profesor Wang Gungwu dan O.W. Wolters misalnya amat menekankan unsur-unsur kesinambungan dalam konsep sejarah. Mereka memandang semua peristiwa dan pengalaman politik yang telah dilalui oleh Parameswara itu, dengan pendekatan dan visi sejarah yang lebih luas dalam konteks perkembangan sejarah dan politik Melayu di rantau ini.

Mereka mendakwa bahawa Parameswara merupakan tokoh politik

---

[2]Paul Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsular in Ancient Times*, Eastern University Press, Singapore, 1964, hlm 28.

Melayu yang amat istimewa, malah ketokohan dan kebolehannya tidak ada tolok bandingnya di Nusantara.

Setelah berjaya mengasas dan mendirikan kerajaan di Melaka sekitar tahun 1399/1400, Parameswara meninggalkan dua orang pengganti yang tidak kurang juga handalnya. Kedua-dua pengganti Parameswara ialah Megat Iskandar Syah dan Seri Maharaja yang sama-sama berkebolehan dari segi politik dan pentadbiran untuk meneraju sebuah kerajaan yang baru ditubuhkan itu. Ketiga-tiga tokoh tersebut telah menanamkan tradisi berkerajaan dan mengasaskan tunjang persejarahan Melayu untuk dijadikan warisan bukan sahaja oleh pengganti mereka sehingga tahun 1511, malah tradisi ini terus diamalkan dalam bentuk semangat dan amalan sistem, dan sosiopolitik serta kerajaan pada institusi kesultanan di beberapa buah negeri di negara ini. Mohd. Dahlan Mansoer yang bersetuju dengan pendapat kedua-dua tokoh sejarawan tadi, telah mengatakan dengan tegas bahawa;

> "Tidak banyak orang Melayu yang layak diingat dengan penuh penghormatan yang lebih besar daripada Iskandar Syah, anak baginda dan cucu baginda. Ketiga-tiga orang raja (Melaka terawal) itu telah memperlihatkan tentang kebulatan tekad dan kebolehan yang luar biasa dalam periode sejarah Tanah Melayu yang penuh dengan bahaya. Iskandar Syah berkelayakan mendapat tempat kepujian yang istimewa dalam sejarah. Baginda bukan saja telah berjaya mendirikan Melaka tetapi juga telah berjasa menghidupkan semula tradisi gemilang orang Melayu di laut".[3]

Kebolehan politik dan keistimewaan kepimpinan Parameswara dalam konteks penubuhan kerajaan Melaka bukanlah suatu hal yang aneh, malah berkebetulan. Keberanian Parameswara telah menafikan kewibawaan kuasa besar Majapahit. Setelah diusir dari Palembang,[4] Parameswara telah pergi ke Singapura dan membunuh pemerintahnya. Parameswara menjadi raja di pulau itu untuk beberapa tahun sebelum membuka Melaka pula. Seperti yang telah didakwa oleh Tome Pires[5] ini merupakan pengalaman dan

---

[3]Mohd. Dahlan Mansoer, *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm 221.

[4]O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm 80–81; Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", *JMBRAS*, XLI, i, 1968, hlm 11–22.

[5]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental of Tome Pires*, The Hakluyt Society, London, 1944, hlm 232–234; lihat juga R.J. Wilkinson, "The Malacca Sultanate", dalam *JMBRAS*, XIII, ii, Alfonso Dalboquerque, Siri 2, No 53, Hakluyt Society, London, 1875–1884; C.H. Wake, "Raffles and the Rajas", dalam *JMBRAS*, 48, i, 1975.

intrigue politik semula jadi bagi seorang yang berbakat dan yang berpotensi pada masa itu untuk menjadi seorang pengasas sebuah kerajaan dan yang tabah untuk menghadapi sebarang risiko.

Pengalaman Parameswara semasa menjadi pemerintah untuk beberapa tahun di tanah asalnya Palembang dan lima tahun berikutnya di Singapura, telah memberikan pengalaman yang amat praktis dan memberikan pengetahuan kepada beliau untuk berpolitik. Ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang aneh kerana pengetahuan itu adalah warisan yang diturunkan dan telah dipusakai oleh Parameswara daripada kalangan kerabatnya sendiri dan keluarga ahli politik Palembang. Palembang adalah tempat asal Parameswara dan tempat bakat kepemimpinan beliau dipupuk untuk menerajui empayar Melayu–Sriwijaya.

Pengalaman berpolitik dan mentadbir yang diperoleh ketika menjadi raja di Palembang dan Singapura itulah yang menjadi landasan kebolehan Parameswara untuk memerintah dan merancang skema untuk memajukan Melaka. Kemudian, pengganti Parameswara hanya meneruskan sahaja usaha yang telah dirintisnya itu. Dasar dan prinsip berpolitik di Palembang (Sriwijaya) dan di Singapura dijadikan model oleh beliau untuk bergerak cergas di Melaka pula.

Ketika di Palembang, kejayaan beliau mengawal Selat Melaka menjadi faktor dan unsur penentu yang terpenting bagi *survival* ekonomi dan keutuhan kerajaan Sriwijaya[6] sehingga kalangan kerabat baginda sendiri terpaksa berhadapan dengan kuasa Majapahit (sepanjang abad ke-14). Di Singapura, Parameswara terpaksa pula berhadapan dengan kuasa gergasi dari Siam yang ingin menawan Selat Singapura.[7] Di Melaka, sekali lagi Parameswara dan penggantinya terpaksa berhadapan dengan Siam dan Portugis untuk mengawal Selat Melaka yang menjadi faktor terpenting bagi *survival* ekonomi dan keutuhan Melaka. Perspektif dan perkembangan sejarahnya didapati sejajar dan saling berulang-ulang. Hal ini terjadi kerana Sriwijaya, Singapura dan Melaka, amat bergantung pada keperluan selat dan jalan perairan di sekitarnya, iaitu Selat Melaka dan Selat Singapura. Ketiga-tiga kerajaan ini adalah kuasa kelautan yang amat memerlukan sistem perjalanan dan lalulintas perairan kerana kegiatan ekonomi perdagangan adalah teras ekonomi mereka dengan disokong oleh kegiatan dan hasil-hasil pertanian tetapi bercorak sekunder.

---

[6]O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce – A Study of the Origins of Srivijaya*, Ithaca, New York, 1967, hlm 22.

[7]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 232; O.W. Wolters, "Studying Srivijaya", *JMBRAS*, 52, ii, 1979, hlm 1–32.

Faktor-faktor yang sepatutnya diambil kira dan yang boleh menentukan kejayaan Parameswara menjadi pemerintah di Melaka ialah faktor karisma beliau sebagai tokoh yang mewarisi daulat raja-raja Melayu–Palembang atau Sriwijaya, faktor kehadiran para pembesar Melayu yang telah bersama-sama beliau semenjak dari Palembang dan faktor sokongan Orang Laut (Orang Selat) semenjak dari Palembang dan Singapura, sehinggalah ke tahap sepanjang pendudukan awal Parameswara di Melaka. Kesemua faktor ini menjadi faktor induk yang membantu untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang mempunyai sistem pentadbiran dan politik yang tersusun kelak.

Sekiranya semua faktor ini dapat diterima, maka sebenarnya Parameswara adalah tokoh yang menjadi pelopor yang menghubungkan tradisi persejarahan agung Melayu di persekitaran Selat Melaka, iaitu antara tradisi Melayu empayar Sriwijaya yang secara geopolitiknya berpusat sama ada di Palembang atau Jambi, dengan tradisi Melayu empayar Melaka yang secara geopolitiknya pula berpusat di Melaka sebenar. Apabila membincangkan unsur kesinambungan dalam tradisi persejarahan dari zaman awal abad ke-7 Masihi hinggalah ke zaman berpecahnya empayar Johor-Riau pada abad ke-19, maka Parameswaralah yang menjadi penghubung kesinambungan sejarah untuk selama 12 abad tadi. Pada hakikatnya, tradisi persejarahan Melaka di Semenanjung Tanah Melayu adalah penerusan tradisi persejarahan Sriwijaya dari Sumatera. Faktor utama yang mungkin menjadi asas perbezaan antara kedua-dua tradisi persejarahan ini ialah agama, iaitu agama Hindu-Buddha dan agama Islam.

Dengan perkataan lain, pengalaman politik dan pentadbiran yang dimiliki oleh Parameswara dan para penyokong serta pengikutnya yang terdiri daripada para menteri dan pembesar sejak berada di Singapura dan Palembang dahulu itu merupakan landasan penting dan sumber pengetahuan yang asas dan berguna untuk membentuk sebuah kerajaan di Melaka. Selain sumber prasasti yang telah dijumpai, sehingga ke hari ini tidak ada sumber tertulis yang menjelaskan tentang tradisi politik dan pentadbiran kerajaan tua Sriwijaya di Palembang–Jambi. Oleh itu, untuk melakukan kajian perbandingan antara kedua-dua buah kerajaan Melayu itu dari segi kesamaan dan kelainan dalam bidang yang berkaitan menjadi agak mustahil.[8]

Konsep 'daulat' (yang dipinjam daripada istilah Arab/Osmaniyyah iaitu 'daulah') dalam konteks politik berkerajaan yang menjadi lambang

[8]Rujuk suatu percubaan bagi perbandingan umum tentang perkara ini dalam G. Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, Honolulu, 1968; Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, University of Malaya Press, 1961, hlm 88–90; B. Shrieke, *Indonesian Sociological Studies*, Jil 2, The Hague, 1957, hlm 12–15.

kedaulatan seseorang raja yang memerintah, tidak semestinya bermula dan diwujudkan di Melaka. Ia juga harus dilihat dari segi tradisi penerusan institusi berkerajaan Melayu pra-Melaka dan pra-Islam dalam periode Sriwijaya. Seseorang tokoh yang memerintah dan digelar raja akan di"attribute"kan kepadanya unsur kudus, luhur dan suci, dan mungkin juga seperti kedudukan raja-raja Jawa dahulu kala, unsur yang luar biasa 'ditempelkan' kepadanya. Unsur kekudusan, keluhuran, kesucian dan unsur yang luar biasa menjadi sesuatu yang penting dalam kepercayaan rakyat atau orang kebanyakan dalam tradisi politik berkerajaan. Oleh yang demikian, wujudlah konsep 'dewa-raja'.[9] Konsep 'dewa-raja' ialah kepercayaan dan salasilah raja-raja yang diwujudkan secara 'ciptaan' tadi (secara lisan ataupun tradisi tulisan) dikaitkan dengan dewa-dewa dari kayangan; penjelmaan daripada Shiva, Vishnu atau Brahma, lelembut, mambang atau makhluk-makhluk halus yang tidak dapat dipandang mata dari sudut asal usul dan tradisi keturunan nenek moyang mereka. Ini sebenarnya adalah warisan dari tradisi Melayu-Hindu.

Sebuah prasasti lama yang telah dijumpai di Telaga Batu, Sumatera yang menjadi bukti penting tentang wujudnya sistem berkerajaan pada zaman Sriwijaya di Palembang, dapat menjelaskan sama ada 'dewa-raja' merupakan unsur berpolitik peribumi yang leluhur atau 'dewa-raja' adalah penyerapan dan gabungan pengaruh Hindu dalam tradisi berkerajaan. Menurut prasasti tersebut, rakyat yang mengaku taat setia kepada raja dikehendaki mengangkat sumpah dengan meminum air yang dituangkan pada sebilah keris. Sesiapa yang mengingkari sumpah taat setia ini dan menentang raja, orang itu akan menjadi gila.

Ini dapat menjelas dan membuktikan idea tentang konsep perajaan dan kedudukan politik raja Sriwijaya yang memerintah. Ia adalah bayangan secara eksplisit tentang 'daulat' di kalangan rakyat yang menafikan kedaulatan tadi setelah melanggar sumpahnya dan memungkiri janji taat setia. Seseorang yang menjadi gila mungkin adalah 'tulah' akibat melanggar sumpah yang telah dimeterai dengan raja. Ini adalah suatu usaha orang peribumi memperbina 'daulat' (secara kepercayaan dan spirituil) dalam kegiatan berkerajaan untuk mewujudkan dan memanifestasikan hubungan politik di antara orang yang memerintah (dipanggil 'raja') dengan orang yang diperintah.

Prasasti yang telah dijumpai di hulu Sungai Batang Hari, berhampiran Jambi, iaitu pusat kerajaan Sriwijaya yang kedua selepas Palembang juga

---

[9]G. Coedes, *Ibid.*, A. Reid and L. Castles, (eds), "Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia", dalam *JMBRAS*, Monograf No. 6, 1975.

menyenaraikan jawatan-jawatan pembesar seperti datuk-datuk, para pemungut cukai, pegawai yang bertugas mengawal perbendaharaan, para hakim, jurutulis, arkitek, para saudagar dan pegawai yang menjaga pakaian raja. Butir-butir daripada prasasti tersebut menggambarkan bahawa sistem pentadbiran yang kompleks telah wujud pada zaman Palembang.

Secara lojik, Parameswara yang pernah menjadi raja di Palembang untuk beberapa tahun itu, tentunya telah dilambang dan diberikan unsur sosiopolitik tradisi yang istimewa terhadapnya sebagai tokoh pemerintah yang dianggap berdaulat terhadap rakyat. Karisma beliau sebagai raja dan pemerintah telah sedia ada. Pengalaman menyusun sistem pentadbiran untuk menubuhkan penubuhan sebuah kerajaan dalam suatu institusi politik telah pun dimiliki oleh Parameswara sejak berada di Palembang lagi. Karisma Parameswara sebagai raja yang berdaulat di Palembang, dan daya kepimpinan yang telah sedia dimilikinya sejak era Palembang dan Singapura sebelum tahun 1400, telah menjadi pendorong utama untuk menggerak dan menggagaskan eksploitasi politik yang lebih besar di Selat Melaka pada awal abad ke-15 atau sekitar penghujung abad ke-14.

Faktor-faktor inilah sebenarnya yang membolehkan beliau untuk menerokai dan menubuhkan sebuah kerajaan di Melaka. Unsur politik-budaya 'darah putih' telah sedia wujud dalam dirinya.

Seterusnya, karisma dan daya kepimpinan Parameswara tentu tidak bererti jika tanpa para pembesar. Premis kewibawaan politik dan kepimpinan yang dimiliki oleh Parameswara disokong pula oleh para pembesar dan menterinya. Sama ada mereka ini sama-sama berkongsi nasib dengan Parameswara ketika terhambat dari Palembang dahulu dan masih lagi memberikan taat setia kepadanya ataupun sebaliknya (kerana ketiadaan sumber bagi menyokong pendapat ini), *Sejarah Melayu*[10] dengan jelas mengatakan bahawa semasa memerintah Singapura, Parameswara (beberapa orang raja termasuk Iskandar Syah atau Parameswara?) dibantu oleh para pembesarnya sebagai jentera pemerintah bagi menjalankan; "... adatnya pada zaman purbakala". Secara umum, hierarki para pembesar ini adalah seperti berikut:

(a) *Bendahara*

Bendahara yang pertama dilaporkan sebagai adik raja yang memerintah. Ketika ketiadaan raja, Bendaharalah yang memangku sebagai pemerintah, ini menunjukkan taraf dan wibawa politiknya yang

[10]W. G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu (The Malay Annals)*, Malaya Publishing House Limited, Singapura, 1961, hlm 43.

begitu penting. Dua orang Bendahara Singapura yang disebut adalah bergelar,

i. Tun Perpatih Permuka Berjajar.
ii. Tun Perpatih Tulus.

Mengikut adat dan tradisi, Bendahara selalunya adalah bapa mentua raja kerana beliau berkahwin dengan anaknya.

(b) *Perdana Menteri*
Agak sukar untuk menentukan taraf dan peranan politiknya. Di balairung, Perdana Menteri dikatakan duduk berhadapan dengan Bendahara. Seorang daripada Perdana Menteri Singapura bergelar Tun Perpatih Permuka Segalar.

(c) *Penghulu Bendahari*
Pegawai ini disebut 'duduk di bawah Bendahara'. Ini menunjukkan taraf politiknya yang lebih rendah selepas Bendahara. Seorang Penghulu Bendahari Singapura digelar Tun Jana Bunga Dendang. Di bawahnya terdapat beberapa orang Bendahari. Seorang daripada Bendahari yang masyhur bergelar Sang Rajuna Tapa, tokoh utama yang mencetuskan kemelut politik dalam peperangan Melayu-Jawa di Singapura.

(d) *Hulubalang Besar*
Pegawai ini disebut duduk selepas Penghulu Bendahari dan menjadi ketua segala hulubalang. Gelarannya ialah Tun Tempurung Gemerentak.

(e) *Para menteri kecil yang lain, terdiri daripada:*
i. Orang Kaya-kaya
ii. ceteria
iii. sida-sida
iv. bentara
v. hulubalang

Para pembesar ini dikatakan telah sama-sama mengiringi Parameswara ketika berundur dari Singapura ke Melaka. Ketika berada di Sening Hujung, seorang menteri telah ditinggalkan di situ. Ketika berada di Bertam, Melaka, beliau dinyatakan dikelilingi oleh 'segala orang besar-besar'. Kehadiran bekas para pembesar dan menteri dari Singapura membolehkan Parameswara (*Sejarah Melayu* menyebut Raja Besar Muda, putera

Parameswara) menyusun suatu pentadbiran bagi mewujudkan sebuah kerajaan setelah Melaka dibuka, kata *Sejarah Melayu* "... memerintahkan istiadat takhta kerajaan baginda." Parameswara juga diterangkan sebagai orang yang pertama melantik menteri-menteri yang bertanggungjawab tentang hal-ehwal balairung, melantik empat puluh orang bentara untuk menjalankan perintah raja dan melantik para Biduanda Kecil untuk membawa alat-alat kebesaran diraja.[11]

Di Melaka, susunan para menteri dan sistem pentadbiran semakin kompleks akibat kompleksnya sistem politik dan kedudukan sosioekonomi Melaka sendiri.

Tome Pires mengatakan bahawa istana persemayaman Parameswara terletak di Bertam, bahagian hulu Melaka. *Sejarah Melayu* mencatatkan bahawa Bertam dan tepian pantai Melaka dihubungkan oleh Sungai Melaka. Sungai Melaka telah digunakan oleh Parameswara, para kerabat dan pembesar kanan kerajaan sebagai jalan perhubungan. Hal-ehwal negeri yang rasmi dirundingkan di bandar Melaka. Di sana terdapat balairung dan para pedagang serta senteri asing. Menurut C. Wake, langkah ini sebagai strategik dan paling praktis untuk mengelakkan daripada ancaman dan serangan luar.[12] Sementara itu Orang Laut atau Orang Selat (Tome Pires menyebut orang ini sebagai Celates), menjadi teras untuk keselamatan.

Berbalik ke era Sriwijaya, O.W. Wolters mempercayai bahawa kekuatan dan perkembangan kerajaan nenek moyang Parameswara ini adalah kerana wujudnya hubungan yang erat antara para pemerintah yang berwibawa dengan Orang Laut yang sentiasa memberikan taat setia dan sokongan ketenteraan kepada pemerintah.[13] Kerjasama yang erat antara dua pihak ini telah berjaya untuk mengatasi kegiatan lanun yang mengganas di sepanjang Selat Melaka. Apabila keselamatan terjamin, para pedagang asing pun bebaslah untuk datang berdagang ke Palembang. Kerajaan Sriwijaya telah dapat untuk mengawal dan "menjinakkan" kegiatan Orang Laut supaya hidup berperaturan dan tidak melakukan keganasan terhadap para pedagang. Jadi, keselamatan para pedagang yang menggunakan lalulintas Selat Melaka

---

[11] *Ibid.*, hlm 72–73.

[12] C. Wake, "Melaka in the Fifteenth Century: Malay Historical Tradition dan the Politics of Islamization", dalam P. Wheatley and K.S. Sandhu (eds), *Melaka: The Transformation of a Malay Capital, cir. 1400–1980*. Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1983, hlm 128–161; C.H. Wake, "Malacca's Early Kings and the Reception of Islam", dalam *JSEAH*, Vol 5, No 2, 1964, hlm 106–116.

[13] O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya*, hlm 159; L.Y. Andaya, "The Structure of Power in 17th Century Johor", dalam A. Reid and L. Castle, (eds), *op. cit.*, hlm 1–12

adalah terjamin. Menurut L.A. Andaya, inilah sebenarnya kejayaan besar kerajaan Sriwijaya.

Parameswara sebenarnya sensitif dan menyedari tentang peranan Orang Laut ini. Malah di Melaka, kedudukan dan peranan Orang Laut ini menjadi formal kerana Parameswara menjadikannya sebahagian daripada institusi dan sistem kerajaan. Taat setia mereka terhadap pemerintah yang berketurunan dari Palembang dan Sriwijaya berterusan hingga abad ke-18, apabila muncul ketua puak Orang Laut yang bernama Raja Negara di Laut Singapura. Tenaga mereka dari segi ketenteraan dapat digerakkan dengan mudah oleh raja-raja Sriwijaya apabila terjadi krisis keselamatan. Peranan Orang Laut begitu penting sehingga beberapa orang pemerintah Sriwijaya menggelarkan mereka sebagai *King of the Ocean lands.*[14]

Tome Pires sendiri melaporkan bahawa ketika Parameswara dan rombongannya berundur dari Palembang ke Singapura dan dari Singapura ke Melaka, baginda diiringi oleh tiga puluh Orang Laut, *protecting his life.*[15] Ketika berada di Muar, merekalah yang mencadangkan supaya Parameswara datang dan menetap di Melaka. Apabila bersetuju dengan cadangan mereka, Orang Laut berjanji untuk memberi dan mengaku taat setia kepada Parameswara dan kerajaannya. Tome Pires melaporkan bahawa mereka pernah berkata;

> "We too belong to thy ancient lordship of Palembang; we have always gone with thee; if the land seem good to thee, it is right that thous shouldst give us alms for our good intention, and that our work should not be without reward".[16]

Parameswara mengatakan pula mereka sebagai "... could give them honour and assistance .... He agreed to this and said that it was his wish to do this for them".[17]

Petikan ini dapat menggambarkan rangkaian kerjasama yang telah dipersetujui antara kedua belah pihak yang akan memerintah dan yang diperintah. Orang Laut mengakui kedaulatan Parameswara sebagai waris pemerintah dari Palembang dan akan melindungi keselamatannya, sebaliknya Parameswara pula akan melindungi kehormatan dan kebajikan

---

[14]Rujuk F. Hirth and W.W. Rockhill, (eds), *Chau Ju-Kua on the Chinese and Arab Trade*, St. Petersburg, 1966, hlm 60; lihat juga O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya*, hlm 1.

[15]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 233.

[16]*Ibid.*, hlm 234.

[17]*Loc-cit.*

mereka. Oleh itu, Orang Laut sedia untuk menjadi anggota angkatan laut Melaka untuk mengawal keselamatan dan keamanan Melaka bagi menggalakkan kedatangan para saudagar asing ke pelabuhannya. Oleh yang demikian, sumber tenaga yang paling penting untuk menjaga sistem keamanan dalam pentadbiran telah dapat disediakan.

Dari segi sosiopolitik, Parameswara memang telah memiliki daulat sejak dari Palembang dan Singapura lagi. Dengan sokongan para pembesar yang sedia ada, kedaulatan ini dapat dilanjutkan di Melaka. Perubahan hanya terjadi pada perpindahan geopolitiknya sahaja, iaitu dari Palembang, ke Singapura dan seterusnya ke Melaka, sedangkan karisma dan daulat masih kekal dipegangnya. Di Melaka, kedaulatan ini semakin kukuh. Pengukuhan ini semakin terjamin dengan pengakuan taat setia yang telah diberikan oleh Orang Laut, iaitu sumber dan unsur keselamatan berkerajaan yang penting. Pusat penempatan Orang Laut seperti yang telah dilaporkan oleh Tome Pires dan de Barros ialah di Bentan, Singapura dan Lingga.[18]

Jika benar dan sahih kenyataan dalam *Sejarah Melayu* yang mengatakan bahawa telah terdapat jawatan-jawatan pembesar yang penting dalam sistem pentadbiran dan pemerintahan Parameswara (Raja Iskandar Syah) di Singapura seperti yang telah diterangkan, maka pada umumnya tidak banyak perbezaan jawatan-jawatan pembesar dalam kedua-dua sistem tersebut pada peringkat awal penubuhan Melaka. Jawatan-jawatan pembesar yang penting dan terus dikekalkan untuk diwarisi di Melaka ialah:

(a) *Bendahara*
Bendahara adalah bapa mentua raja. Tokoh yang pertama menjadi Bendahara Melaka bergelar Seri Wak Raja.

(b) *Perdana Menteri*
Penyandang jawatan ini adalah kerabat diraja juga, iaitu Raja Anum. Gelarannya ialah Seri Amar Diraja. *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 menyebut bahawa tokoh yang kedua menyandang jawatan ini ialah Tun Perpatih Besar anak Tun Perpatih Permuka Bejajar, Bendahara Singapura yang pertama.

(c) *Penghulu Bendahari*
Penghulu Bendahari adalah menantu Bendahara. Penyandangnya juga adalah daripada kalangan kerabat diraja, iaitu Raja Kecil Muda dan bergelar Seri Nara Diraja.

---

[18]*Ibid.*, hlm 233.

Seperti yang telah disebutkan lebih awal, pembesar-pembesar utama ini dibantu oleh pembesar-pembesar yang lebih kecil dan rendah tarafnya seperti bentara, sida-sida dan para biduanda.

Kemuncak sistem berkerajaan ini ialah raja. Baginda digelar Raja atau Duli Yang Dipertuan. Gelaran Sultan mula digunakan apabila Seri Maharaja menjadi raja Melaka yang ketiga dengan gelaran Sultan Muhammad Syah. Baginda dikelilingi oleh kerabatnya sendiri yang termasuk keluarganya, seorang Bendahara dan Penghulu Bendahari terawal yang merupakan adinda raja. Kerabat yang dimaksudkan mungkin termasuk anak, isteri dan keluarga yang terhampir. Tome Pires melaporkan bahawa ketika Parameswara berangkat dari Muar ke Melaka, baginda pernah berkata, "... with my wife and house."[19]

PERKEMBANGAN SISTEM PENTADBIRAN

Sistem pentadbiran Melaka semakin berkembang dan kompleks, selaras dengan perkembangan dan kekompleksan kerajaannya. Daripada sebuah perkampungan nelayan yang didiami oleh Orang Laut tetapi amat strategik kedudukan geografinya seperti yang telah dilaporkan oleh Tome Pires dengan memetik kata-kata Orang Laut sendiri, "... it seemed to them a good place where the said lord (Parameswara) would be able to rest", Melaka berkembang menjadi sebuah petempatan yang 'berkerajaan'. Landasan berkerajaan di situ ialah apabila hadirnya seorang raja yang berdaulat dan berkuasa serta mempunyai kesan dalam melaksanakan kuasanya. Kuasa yang ada, didukung pula oleh daulat (secara karismatik dan kepercayaan) yang dimiliki, menjadikan raja tadi berwibawa pula. Di sekitarnya terdapat para pembesar dan berbagai-bagai peringkat pegawai yang menyokong kedaulatan raja yang memerintah. Di luarnya pula terdapat rakyat yang menyokong raja yang berdaulat dan diberikan wibawa kepada pembesar yang menjalankan pentadbiran. Kesan kerjasama dan sokongan antara satu sama lain inilah yang menjadikan sistem masyarakatnya semakin kompleks dan wujudlah sebuah kerajaan di peringkat yang paling asas.

Pada mulanya kerajaan Melaka bertumpu di sekitar bandar Melaka sahaja, tetapi kemudian berkembang menjadi sebuah kuasa penakluk dan empayar. Sistem dan corak pentadbirannya juga bertambah lengkap, sesuai dengan sebuah kerajaan yang bercorak empayar itu.

Bilangan para pembesar yang paling asas yang diwarisi sejak zaman Singapura dahulu bertambah dari semasa ke semasa supaya sesuai dengan

[19] *Ibid.*, hlm 234.

keadaan dan kehendak sosial, politik dan ekonomi semasa. Raja Melaka yang kedua, Raja Besar Muda (Megat Iskandar Syah?) disebut oleh *Sejarah Melayu* sebagai 'memerintah istiadat takhta kerajaan baginda'.[20] Antara peraturan yang ditentukan oleh baginda ialah mewujudkan menteri yang bertanggungjawab menyusun istiadat di balairung, melantik para bentara yang bertugas di balairung dan melantik para biduanda.

Tokoh yang memainkan peranan untuk melengkapkan lagi istiadat dan sistem pentadbiran ialah Raja Kecil Besar (Sultan Muhammad Syah, 1424–1444 T.M.). Beliau dikatakan telah 'mengatur takhta kerajaan baginda.'[21] *Sejarah Melayu* telah menerangkan dengan terperinci beraneka jenis peraturan, tanggungjawab individu di istana, memastikan berbagai-bagai bidang kuasa para pembesar, menentukan hak serta bidang kuasa raja Melaka, memformalkan amalan adat serta istiadat yang berhubung dengan peraturan berkerajaan dan penentuan protokol.[22]

Dua pembesar atau menteri utama yang diwujudkan pada ketika itu ialah Temenggung dan Seri Bija Diraja. Keadaan pada masa itu memerlukan kedua-dua jawatan ini diwujudkan kerana masyarakat serta corak bandar Melaka yang semakin kompleks. Oleh sebab keamanan Melaka perlu diberi perhatian yang wajar maka wujudlah jawatan Temenggung untuk mengawasi keamanan di samping mengawal perjalanan urusniaga negeri. Dengan kehadiran Orang Laut sebagai tenaga utama untuk mengawal keselamatan di perairan Melaka bagi menggalakkan perdagangan maka diwujudkanlah jawatan Seri Bija Diraja sahaja ketua ketumbukan hulubalang di darat dan di laut ini.

Kewujudan jawatan Syahbandar sukar untuk ditentukan. Jawatan yang penting ini muncul selari dengan kemunculan Melaka sebagai pelabuhan perdagangan dan entrepot. Hal-ehwal pelabuhan yang semakin kompleks dengan urusniaga, dan menjadi nadi kehidupan Melaka ketika itu menyebabkan *Undang-undang Melaka* meletakkan taraf jawatan Syahbandar ke taraf Pembesar Empat, sedangkan hal yang demikian tidak semestinya boleh terjadi.

Jawatan dan institusi Laksamana pula wujud semasa pemerintahan Sultan Mansor Syah, (1456–1477). Jawatan ini pada awalnya 'ditempelkan' oleh Ratu Majapahit, kemudian diformalkan oleh Sultan Mansor Syah. Orang yang pertama menyandang jawatan ini ialah Hang Tuah. Kedudukan jawatan ini di istana adalah setara dengan Seri Bija Diraja kerana kedua-duanya memikul pedang kerajaan secara bergilir-gilir. Oleh yang demikian

[20] *W.G. Shellabear, (ed), op. cit.*, hlm 72.
[21] *Ibid.*, hlm 75.
[22] *Ibid.*, hlm 75–82.

tugas dan bidang kuasa Laksamana adalah sama dengan tugas Seri Bija Diraja. Tetapi apabila institusi Laksamana ini semakin kukuh dan berpengaruh di Melaka, taraf jawatan Seri Bija Diraja pula didapati semakin menurun.

Pada ketika tertentu terdapat juga jawatan kadi dan fakih. Pemegang jawatan ini dikatakan duduk setara dengan para pembesar utama Melaka ketika sultan amat gering. Mereka juga dikatakan berjalan seiring dengan pembesar-pembesar utama ketika sultan berangkat menunggang gajah. Hal tersebut dapat membayangkan betapa pentingnya golongan ulama, terutama fungsinya dalam hal-ehwal yang bersangkutan dengan hukum-hakam Islam dalam sistem pemerintahan dan berkerajaan seluruhnya. Malah terdapat sarjana masa kini yang secara eksplisit menyebut soal pengislaman sebagai unsur penting dalam hal-ehwal politik Melaka.[23]

Sejarah Melayu juga ada menyebutkan kalimat 'Menteri Empat' dalam sistem pembesar Melaka.[24] Siapakah 'Menteri Empat' ini? Walaupun *Sejarah Melayu* tidak menyebutkan secara khusus tentang mereka, namun apa yang difahamkan tentang sistem Pembesar Empat Lipatan di Melaka selama ini adalah pembinaan semula secara konstruktif dan interpretasi dari segi fungsi para pembesar Melaka yang dibentangkan secara naratif sahaja oleh *Sejarah Melayu*.

Dalam buku Tome Pires yang bertajuk *Native Administration*, ada mencatatkan dengan jelas tentang fungsi dan bidang kuasa para pembesar utama Melaka. Beliau menyebutkan hierarki secara menurun para pembesar tersebut, iaitu *Bemdara* (Bendahara) yang dicampuradukkannya dengan gelaran *Paduca Raja* (Paduka Raja), *Lasemana* (Laksamana), *Tumunguo* (Temenggung) dan *Xabandares* (Syahbandar) yang dilaporkannya seramai empat orang yang menyandangnya. Mungkin terpengaruh dengan kenyataan Tome Pires dan kenyataan R.O. Winstedt yang lebih awal, maka ada ahli sejarah yang cenderung untuk meletakkan susunan para pembesar utama Melaka sebagai Bendahara, Laksamana, Temenggung dan Syahbandar. Perkara yang tentunya dipersoalkan ialah jika terdapat beberapa orang Syahbandar Melaka yang terdiri daripada orang asing, adakah orang itu yang bukan peribumi dibolehkan menyandang jawatan pembesar utama yang empat dalam tradisi pembesar-pembesar Melaka?

Sumber daripada *Undang-undang Melaka* juga nampaknya mengeli-

---

[23]C. Wake, *op. cit.*, 1982, hlm 132–135; lihat juga A.H. Johns, "Islam in Southeast Asia: Reflections and New Directions", dalam *Indonesia*, 19, 1975, hlm 41–2.

[24]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 80.

rukan. Fasal 1 undang-undang ini menyebutkan empat pembesar utama ini sebagai berikut;

> Adapun pada segala raja-raja itu,
> pertama-tama menjadikan bendahara,
> kedua menjadikan temenggung,
> ketiga menjadikan penghulu bendahari,
> keempat menjadi syahbandar,
> maka terpelihara segala raja-raja itu dengan segala rakyatnya.[25]

Sumber yang pertama, iaitu dari Portugis menggugurkan sama sekali gelaran Penghulu Bendahari yang secara tradisi dan sejak zaman-berzaman kukuh institusinya. Sumber undang-undang peribumi tadi pula telah melenyapkan langsung tradisi Laksamana yang penting itu. Besar kemungkinan kelenyapan ini berlaku kerana dua faktor, pertama, kesilapan penyalin (?); kedua, naskhah *Undang-undang Melaka* yang wujud ketika ini adalah salinan versi teks tersebut yang lahir sebelum wujudnya institusi Laksamana di Melaka sebelum tahun 1450-an.

Pengumpulan fasal atau perkara-perkara dalam teks undang-undang tersebut tidak menjadi masalah kerana pengumpulan itu telah dilakukan sejak awal tahap penubuhan kerajaan Melaka. Fasal atau perkara-perkara itu dikumpulkan daripada para menteri kanan dan tua yang sedia ada seperti yang disebut, "... terhimpun pada segala menteri.[26] Dari semasa ke semasa fasal undang-undang itu ditokok tambah sehinggalah ke pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Tetapi yang anehnya, gelaran Laksamana langsung tidak disebut.

Tome Pires pula mencampuradukkan peranan Bendahara dengan peranan Penghulu Bendahari seperti yang dikatakannya sebagai; "... has charge of the king's revenue". Ini tentunya kerana beliau tidak dapat membezakan antara peranan Bendahara, sebagai bertanggungjawab mengumpul khazanah kerajaan dengan tugas Penghulu Bendahari yang sepatutnya bertanggungjawab dalam tugas tersebut. Oleh itu, gelaran Penghulu Bendahari pun lenyaplah daripada senarai nama dan tugas pembesar-pembesar Melaka yang utama tadi.

Walau bagaimanapun sekiranya kita menggabungkan berbagai-bagai sumber tempatan dan sumber luar tentang sistem pentadbiran peribumi Melaka dengan melihat pada fungsi-fungsi fizikal, bidang kuasa dalam men-

---

[25]Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Melaka*, (*The Laws of Melaka*), The Hague, 1976, hlm 62.

[26]*Ibid.*, hlm 64.

jalankan fungsi dan kedudukan serta taraf para pembesar ini, nyatalah bahawa suatu struktur hubungan yang berbentuk vertikal antara raja yang memerintah, dengan Bendahara dan para pembesar lain memang dapat diperhatikan. Struktur hubungan tiga orang pembesar dan seterusnya membentuk empat pembesar dalam sistem Pembesar 'Empat Lipatan' didapati wujud dalam bentuk horizontal. Rajah berikut dapat menjelaskan keadaan tersebut:



Pembesar Empat set yang pertama seharusnya adalah Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Mereka yang memegang jawatan ini terdiri daripada peribumi yang dilantik secara tersusun mengikut tradisi dan adat ataupun dilantik di kalangan tokoh baru yang telah berjasa besar kepada raja. Perlantikan secara temurun adalah di sekitar keluarga sendiri, terutama jawatan yang penting yang telah diwarisi zaman-berzaman seperti Bendahara, Penghulu Bendahari dan Perdana Menteri.

Sementara itu, penjawatan bagi set Pembesar Lapan amat sukar untuk ditentukan kerana tidak ada sumber yang menerangkan hal ini secara khusus. Oleh itu, jawatan Perdana Menteri dan Seri Bija Diraja yang diletakkan ke dalam set ini adalah secara andaian sahaja. Taraf mereka yang sebenar sukar untuk dipastikan kerana apabila ditinjau kedudukan mereka di balairung, Perdana Menteri dilaporkan duduk bersetentang dengan Bendahara. Seri Bija Diraja pula memikul pedang kerajaan di balairung secara bergilir-gilir dengan Laksamana ketika mengiringi keberangkatan raja. Dan apabila

raja bergajah, Laksamana ataupun Seri Bija Diraja akan duduk dibuntut gajah.[27]

FUNGSI POLITIK DAN PENTADBIRAN

Raja yang memerintah kerajaan Melaka disebut sebagai sumber dan pusat kuasa secara sekular. Dengan kedudukan raja yang istimewa dalam sistem berkerajaan, sumber kuasa yang dimiliki oleh raja, iaitu restu daripada daulat yang dimiliki oleh raja tadi, disalurkan pula bagi menggerakkan jentera serta tenaga-tenaga pemerintahan dan pentadbiran.

Daulat yang dikonsepsikan di sini mungkin berbeza dengan daulat yang difahamkan pada hari ini. Daulat (*sovereign*) pada hari ini lebih dirujuk pada kerajaan yang memerintah serta negara yang diperintah. Tokoh dan peribadi raja yang memerintah hanya merupakan simbol kepada kedaulatan tadi. Apabila 'undang-undang tertinggi' yang menjadi sumber penggerak pemerintahan dan pentadbiran dituliskan dan menjadi suatu perlembagaan, maka raja yang memerintah tadi cuma menjadi raja yang berperlembagaan.

Pada zaman tradisi di Melaka, daulat dirujuk dan dihubungkan terus dengan peribadi dan tubuh badan raja yang memerintah. Walau di mana sekalipun raja itu memerintah (dari segi geopolitiknya) bukanlah negeri atau kawasan pemerintahan yang didaulatkan, tetapi peribadi dan tubuh badan raja yang memerintah dan menubuhkan kerajaan itulah yang didaulati. Kerajaan hanya wujud selepas adanya raja. *Sejarah Melayu* kerap menyebut seperti, 'maka Raja Radinlah kerajaan', dan 'maka Raja Husinlah kerajaan', lalu diinstitusikanlah kalimat 'daulat tuanku' bukanlah 'daulat negaraku'. Dalam peperangan, sesebuah negeri dan kerajaan dengan mudah sahaja mengaku kalah apabila 'raja mati'. Dalam *Sejarah Melayu* ada menerangkan hal ini dengan merujuk pada titah Sultan Mahmud Syah, "... kerana istiadat raja-raja itu, negeri alah (apabila) rajanya mati".[28]

Daulat juga dihubungkan dengan karisma raja dan 'tuah' yang dimiliki oleh raja. Apabila keadaan negeri menjadi aman, makmur dan kaya-raya; orang dagang dan senteri sibuk berdagang, tanam-tanaman dan tumbuh-tumbuhan di ladang hidup dengan subur dan banyak mengeluarkan hasil; ternakan membiak, rakyat bertambah ramai, maka raja yang memerintah dianggap bertuah dan tinggi pula daulatnya. Demikianlah pula jika sebaliknya. Keselamatan negeri, kemakmuran kerajaan, keamanan yang dinikmati oleh hamba rakyat bukan dirujuk pada kecekapan dan kebijaksanaan para pegawai dan pentadbir yang memerintah, bukan dilihat pada para

[27] W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 80.
[28] *Ibid.*, hlm 287.

pengusaha yang rajin dan gigih, bukan pada tanah yang memangnya subur tetapi sebagai disebabkan oleh tuah raja yang memerintah dan adil walaupun kadangkala tidak semestinya demikian.

Oleh yang demikian dari segi falsafah dan pada peringkat teorinya raja pun dikatakan sebagai adil dan bijaksana, sangat bertuah dan berdaulat; serta memiliki berkat, maka timbullah kalimat "... dengan berkat dan daulat tuanku," bukan kerana berkat cendekiawan dan keintelektualan para pembesar dan rakyat yang secara praktisnya telah berusaha bertungkus-lumus itu.

Sebagai individu yang merupakan *the source of both order and prosperity in society* dan yang dianggap sebagai, *the centre of patterned or formulatic behaviour*, seperti pendapat seorang sarjana Barat,[29] maka kedudukan raja sungguh tinggi dan istimewa dalam sistem kerajaannya sehingga titah dan perintahnya juga adalah undang-undang, gerak-gerinya mungkin boleh jadi arahan untuk bertindak, malah perbuatan dan tabiatnya tidak boleh ditegur. Sekiranya wujud undang-undang dalam kerajaannya, raja boleh mengatasi undang-undang tersebut. Raja yang memerintah itu sendiri sebenarnya undang-undang. Oleh itu, raja dan kerajaan adalah sinonim, sebab dari segi idea, raja dipercayai seperti pohon yang rimbun, tempat rakyat tumpang berteduh. Anggapan rakyat terhadap raja yang sedang berkerajaan begitu tinggi sehinggakan *Sejarah Melayu* mengatakan bahawa;

> "... adat hamba Melayu itu tiada dapat menyalahi kehendak tuannya (raja)".[30]

Peribadi dan tokoh raja yang memerintah dikaitkan pula dengan unsur kekudusan yang dikatakan dimiliki oleh raja tersebut. Menafikan titah raja dan enggan mengakui kedaulatannya akan dianggap 'menderhaka'. Penderhaka dipercayai akan ditimpa mudarat dalam dua bentuk. Mudarat yang pertama, si penderhaka akan ditimpa tulah raja (mungkin dalam bentuk sumpahan). Misalnya, Sang Rajuna Tapa, pembesar Raja Iskandar Syah di Singapura, dan isterinya dilaporkan menjadi batu akibat terkena tulah kerana membenarkan orang Majapahit masuk ke Singapura. Pada abad ke-18 dan abad ke-19, rakyat Kesultanan Johor-Riau daripada keturunan Kesultanan Melayu Melaka didakwa akan terkena tulah dimakan sumpah

---

[29]S. Elizabeth Errington, *A Study of Genre: Meaning and Form in the Malay Hikayat Hang Tuah*, Tesis Ph.D, Cornell University, 1975, hlm 15 dan 63.

[30]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 293.

bisa kawi, dan tidak akan selamat di dunia dan di akhirat jika cuba menderhaka dan menafikan kedaulatan raja yang memerintah.

Mudarat yang kedua muncul dalam bentuk balasan fizikal daripada pihak kerajaan sendiri, iaitu pihak yang didapati telah menderhaka akan 'dibelasah' dalam berbagai-bagai bentuk, bukan sahaja si penderhaka tadi yang 'dibelasah', malah keluarga dan suku-sakatnya turut 'dibelasah' agar tidak meninggalkan zuriatnya.

Mungkin telah menjadi tradisi temurun yang menanamkan kepercayaan tersebut secara batiniah ke dalam mental seseorang supaya gerun dengan balasan yang mungkin menimpanya, maka tiada siapa yang mahu dirinya menjadi batu. Tidak seorang pun yang sanggup menanggung derita akibat dimakan sumpah bisa kawi, hidup melarat dan merana sepanjang hayat. Tentulah tiada pihak yang sanggup berhadapan untuk 'dibelasah' oleh suatu tenaga kolektif yang besar yang datang daripada pihak pemerintah atas arahan raja yang mungkin akan menghadapi maut ataupun cedera fizikal, cuma kerana kesalahan melanggar peraturan kerajaan atau dikatakan telah menderhaka kepada raja, iaitu kesalahan jenayah yang paling berat dalam kerajaan tersebut.

Membunuh adalah kesalahan yang amat berat di Melaka. Perintah dan hukuman membunuh adalah suatu hak diraja (royal sanction), apatah lagi di Melaka sendiri, menurut *Sejarah Melayu* yang memetik titah Sultan Alauddin Riayat Syah, bahawa anak Melayu pantang dibunuh walau sebesar mana pun dosanya. Tetapi pembunuhan dibolehkan jika dosanya itu adalah menderhaka kepada raja.[31] Tentulah orang tidak suka dibunuh dengan semudah itu sekiranya menderhaka dianggap bukan suatu perbuatan jenayah yang berat!

Percubaan mencipta daulat secara batiniah yang diturunkan secara kepercayaan dan tradisi semata-mata itu, mungkin merupakan usaha awal peribumi yang paling sejati dan mudah tetapi amat unggul dan praktis sebagai ganti sebelum terciptanya perlembagaan bertulis dalam sesebuah negeri (atau negara) dan kerajaan, yang disimbolkan dengan kehadiran seorang raja yang berdaulat. Ia diserapkan secara tidak sedar tetapi amat berkesan ke dalam kepercayaan serta pemikiran rakyat jelata. Penerimaan secara persetujuan itu akhirnya menjadi suatu konvensyen dan institusi dalam politik berkerajaan tradisional di Melaka.

Mungkin terdapat beberapa tokoh legenda sejarah tempatan yang sanggup memecahkan tradisi daulat seperti ini, seperti Hang Jebat (Hang

[31]Titah Sultan Alauddin, "Dan segala anak Melayu, bagaimanapun besar dosanya jangan kau bunuh, melainkan dosanya derhaka ...". *Ibid.*, hlm 186.

Kasturi?) di Melaka, orang Kampar di Kedah,[32] Sang Rajuna Tapa di Singapura dan Laksamana Megat Seri Rama di Johor. Tetapi pada umumnya mereka kecundang untuk mencipta sejarahnya sendiri dan pupus daripada bumi akibat ditimpa daulat!

Walau apa dan bagaimana cara pun konsep dan institusi daulat tadi dicipta, matlamat politiknya ialah untuk mewujudkan suatu institusi untuk hidup bermasyarakat dan berkerajaan. Matlamat juga ialah untuk melahirkan sistem dalam hidup yang bercorak normatif, tetapi seboleh-bolehnya dalam keadaan yang bertolak ansur walaupun dalam suasana sistem pentadbiran yang didapati longgar. Tujuannya ialah untuk mewujud, memelihara dan mengawal keselamatan anggota-anggota masyarakat dan kesejahteraan hidup berkerajaan.

Dalam usaha *setting a standard* hidup bermasyarakat itu, perlulah ada suatu kelompok kecil pemimpin untuk mengawal sistem tadi dan untuk mentadbirkan kelompok masyarakat yang lebih besar bilangan yang dipimpinnya. Dalam keadaan yang sedemikian, perlulah ada suatu unsur dan nukleus kuasa sekular tertinggi yang amat dihormati, disegani, diberikan kepercayaan dan mandat kepadanya, mungkin juga ditakuti (?) kerana kepercayaan temurun yang dilambangkan kepadanya (asal usulnya, salasilahnya dan ketokohan peribadinya), di kalangan satu anggota pucuk kepimpinan tadi. Unsur dan nukleus itu ialah daulat. Pemegang daulat (yang sukar dilihat dengan mata kasar itu) ialah raja yang memerintah. Daripada situlah sumber tenaga batiniah bagi menggerakkan jentera untuk bermasyarakat yang bersistem itu berpunca, bergerak dan berjalan.

Proses daulat berkembang selari dengan perkembangan budaya politik dan sejarah masyarakat tempatan itu sendiri. Walaupun amat kurang sumber yang dapat membekalkan pengetahuan kepada kita tentang konsep kedaulatan periode pra-Melaka, namun ia dapat digalurkan dari sudut perspektif budaya sejarah pra-Islam dan zaman Islam. Budaya antara dua perspektif tersebut ialah budaya peribumi.

Konsep daulat tentu bermula daripada peringkat kepimpinan yang amat asas, iaitu 'ketua' atau *katuha* (Sanskrit). Dalam era Hindu-Buddha, mungkin pada zaman Sriwijaya, konsep daulat ini berkembang apabila ketua tadi dilambang serta dikaitkan secara budaya politik dengan pelbagai mitos Hindu dari segi asal usul, keturunan dan salasilahnya, juga dikaitkan dengan kebolehan fizikal dan kerohanian yang mungkin dimiliki oleh ketua atau raja itu. Keturunan dan nenek moyang tokoh raja ini dikatakan sebagai penjel-

[32]Siti Hawa Saleh (ed), *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur, 1970, hlm 52–55.

maan dewa dalam tradisi Hindu-Buddha yang amat kudus, suci dan luhur. Raja disembah secara istiadat dan peraturan tetapi bukan bercorak agama. Dari semasa ke semasa istiadat dan peraturan tadi semakin kukuh dan diterima menjadi amalan rasmi dan akhirnya membentuk suatu doktrin politik beraja dalam sebuah kerajaan. Tokoh yang disembah dianggap suci seperti sucinya dewa-dewa tadi. Ketokohan yang bersifat suci, spirituil dan ghaib ini dihubung kait dengan tenaga fizikal dan biologi pihak yang disembah. Unsur ghaib dan suci digabungkan dengan unsur fizikal dan biologi itu. Akhirnya terjelmalah konsep dewa-raja. Tiap-tiap ucapan, gerak-geri, perbuatan dan tindak tanduk tokoh tersebut dilambangkan sebagai ucapan dan tindak tanduk makhluk-makhluk suci. Oleh itu, perintahnya mesti dihormati dan harus dipatuhi.

Secara tradisi dan pengaruh daripada budaya Hindu, beberapa unsur asing telah diterap untuk menjadi landasan politik tempatan. Raja yang memerintah diiktiraf sebagai pemilik bumi dan air, dan menjadi pemerintah bagi seluruh kosmos alam sekelilingnya.[33]

Kedatangan agama Islam telah mengubah cara masyarakat berfikir. Tetapi konsep politik berhubung dengan dewa-raja yang telah tertanam dengan kuat dalam kepercayaan dan mental tradisi tidak mudah untuk dikikis dengan cepat. Malah di atas landasan kepercayaan spirituil yang diwarisi temurun itu, ia 'dibawa ke hadapan' untuk dirasionalisasikan dengan doktrin kepimpinan dalam Islam. Raja Islam yang memerintah akan dilenyapkan tradisi hubungan batiniahnya dengan para dewa tetapi dihubungkaitkan pula dengan Allah dan Rasulullah serta kekudusan tokoh para aulia dan anbia. Sama ada dicipta secara sedar atau tidak, salah atau benar, pada hari ini masih kita dapati naskhah-naskhah Melayu dalam bentuk salasilah yang menghubungkan raja-raja Melaka terus dengan keluarga dan para kerabat Rasulullah di Mekah.[34]

Ketika perawi *Sejarah Melayu* merakamkan hubungan antara raja-raja Melayu–Melaka dengan Allah dan Rasulullah bagi memancarkan doktrin kepimpinan dalam Islam tadi, dia memetik kata-kata wasiat Bendahara Tun Perak yang berbunyi;

> "... dan jangan kamu sekalian lupa pada berbuat kebaktikan kepada raja kamu. Oleh itu kata hukama, adalah raja yang adil itu dengan Nabi Sallahahu-'alaihi wassalam umpama dua buah permata pada sebentuk

---

[33]A.L. Basham, *The Wonder that was India*, London, 1954; G. Coedes, *The Indianised States of Southeast Asia*, Honolulu, 1968.

[34]Sebuah naskhah yang terkemudian berjudul *Silsilah Keturunan Raja-Raja Melaka*, diperoleh daripada Tengku Ahmad Rafei bin Tengku Abd. Hamid, Melaka, 1982.

> cincin; lagipun raja itu umpama ganti Allah di dalam dunia, kerana ia zulillahi-fil'l-'alam; apabila berbuat kebaktian kepada raja seperti berbuat kebaktian kepada Allah Subhanahu-wa-Taala. Yakni berbuat kebaikan kamu akan Allah dan Rasul-Nya dan akan raja ... hendaklah jangan kamu lupai, supaya kebesaran dunia akhirat kamu perolehi".[35]

Petikan doktrin di atas merupakan pengambilan, terjemahan dan tafsiran bebas daripada beberapa petikan ayat al-Quran, tetapi pada bahagian-bahagian tertentu, konsep kepimpinan tadi telah disesuaikan dengan keadaan.

Terdapat tiga isu utama dalam petikan tersebut;

(a) tentang raja yang adil,
(b) hubungan antara raja yang memerintah dengan Allah. Raja disebut sebagai 'ganti Allah di dalam dunia', dan
(c) manusia wajib berbuat kebajikan kepada Allah, Rasul dan raja.

Sekiranya sabit andaian kita bahawa petikan tersebut adalah adaptasi bebas konsep dan doktrin kepimpinan dalam Islam menurut landasan al-Quran, maka ia dapat dirujuk pada al-Quran surah an-Nisa' ayat 58 dan ayat 59. Surah An-Nisa' ayat 58 menerangkan tentang konsep hak dan adil dalam undang-undang di kalangan sesama manusia;

> "Sesungguhnya Allah memerintah kamu menunaikan amanat-amanat kepada yang berhak; dan (Allah memerintah) apabila kamu menghukum di antara manusia, supaya kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah menasihat kamu dengan sebaik-baik perkara, kerana sesungguhnya Allah itu adalah Pendengar, Pelihat".[36]
>
> (Terjemahan al-Quran surah An-Nisa' 4:58)

Surah An-Nisa' ayat 59 pula menerangkan tentang tanggungjawab taat setia orang Islam yang beriman kepada Allah, Rasul dan pucuk pimpinan;

> "Hai orang-orang yang beriman! Taatilah kepada Allah dan taatilah kepada Rasul dan kepada orang-orang yang berkuasa di antara kamu. Oleh itu sekiranya kamu berbantahan di satu perkara hendaklah kamu kembalikan dia kepada Allah dan Rasul, jika adalah kamu beriman

[35]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 190.
[36]A. Hassan, al-Furqan, *Tafsir Quran*, Kota Bharu, Kelantan, 1975, hlm 170.

kepada Allah dan Hari Kemudian. Yang demikian itu sebaik dan sebagus ta'wil".[37]

(Terjemahan al-Quran surah An-Nisa' 4:59)

Surah An-Nisa' ayat 59 juga menerangkan sekiranya berlaku perbalahan di kalangan orang yang beriman maka hendaklah merujuk pada undang-undang Islam dan hukum Allah. Ini tentunya ditujukan kepada sebuah negara dan kerajaan Islam.

Menurut catatan dalam *Sejarah Melayu*, memandangkan Melaka di bawah pimpinan tokoh Islam maka beberapa amalan dalam institusi pentadbirannya pun berlunaskan Islam. Undang-undangnya (secara teori) yang telah ditetapkan dalam *Undang-undang Melaka* atau *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* banyak yang berlandaskan undang-undang Islam. Oleh itu Melaka mungkin memenuhi doktrin kepimpinan dalam Islam tadi.

Walau bagaimanapun, terjadi beberapa *substitution* dan adaptasi bebas di sini. Konsep pemimpin atau 'orang-orang yang berkuasa di antara kamu' (al-imam) dalam Islam adalah kalangan raja dan para pentadbir Melaka yang mengelilinginya. Konsep dan doktrin ini nampaknya dirasionalisasikan oleh tradisi tempatan. Raja yang dipilih untuk memerintah tidak semestinya berkebolehan untuk memimpin dan adil untuk menjalankan undang-undang di kalangan orang ramai, sedangkan pemimpin yang berkebolehan dan adil seperti yang dituntut oleh Islam, tidak semestinya muncul daripada kalangan 'darah putih'.

Tetapi tradisi politik budaya Melayu-Melaka yang telah diwarisi sejak dari era Palembang dahulu lagi telah dijadikan norma dan landasan kepimpinan apabila seorang raja dilantik secara temurun dan mengikut keturunan sebelah lelaki. Peralihan hanya terjadi dari segi kepercayaan dan penganutan agama serta doktrin kepimpinan Hindu ke Islam dengan bersendikan adat resam dan tradisi tempatan. Ini nampaknya amat berjaya dan berkesan untuk beberapa abad. Keadilan mungkin tidak dicapai dengan berpandukan dan merujuk pada individu raja yang memerintah sahaja. Oleh itu, para pembesar, terutama Bendahara akan memainkan peranan untuk membantu raja supaya memerintah dan mentadbir dengan adil. Keputusan secara kolektif biasanya lebih afdal daripada keputusan secara perseorangan. Oleh yang demikian konsep musyawarah dan berbincang akan dapat dicapai untuk diamalkan. Dengan adanya hubungan kuasa yang bertimbal balik,

[37] *Loc-cit.*

menunjukkan wujudnya imbangan dalam proses pemerintahan dan pentadbiran.

Konsep musyawarah, berbincang dan bermuafakat antara raja yang memerintah dengan para pegawai dan pembesar merupakan teras yang penting untuk mencapai keadilan. Malah apabila amalannya dibuktikan menerusi penulisan, ia merupakan persetiaan yang standard tentang hubungan antara kedua-dua pihak ini. *Sejarah Melayu* pernah mengatakan tentang hal ini dengan memetik titah Sultan Mansor Syah yang berbunyi;

> "... dan hendaklah engkau muafakat dengan segala menteri dan segala orang besar-besarmu, kerana raja itu, jikalau bagaimana sekalipun bijaksananya dan tahunya, jikalau tiada muafakat dengan segala pegawainya di mana akan dapat ia melakukan bijaksananya itu?"[38]

Hal demikian mungkin dikaitkan secara langsung pula dengan tradisi temurun dan budaya politik masyarakat Melayu itu sendiri, iaitu kerjasama dan tolak ansur antara pihak pemerintah dan raja, dengan pihak yang diperintah dan rakyat sejak dari zaman purba lagi. *Sejarah Melayu* telah merakamkan sumpah setia (waadah) antara Sang Sapurba Taram Seri Tri Buana (pemerintah) dengan Demang Lebar Daun (yang diperintah) dalam tradisi asal usul kepimpinan politik Melayu;

> "Itulah sebabnya dianugerahkan Allah Subhanahu wa Taala pada segala raja-raja Melayu, tiada pernah memberi aib pada segala hamba Melayu; jikalau sebagaimana sekalipun besar dosanya, tiada dilihat dan digantung dan difadhilatkan dengan kata-kata yang jahat. Jikalau ada seorang raja memberi aib seorang hamba Melayu alamat negerinya akan binasa; Syahdan segala anak Melayu pun dianugerahkan Allah Subhanahu wa Taala tiada pernah derhaka dan memalingkan muka pada rajanya, jikalau jahat pekerti sekalipun serta aniaya".[39]

Hubungan yang bertimbal balik ini wujud antara satu pihak (raja) sebagai pelindung dengan satu pihak lagi (rakyat) sebagai penyokong kepada yang melindunginya tadi. Adat dan resam dalam berkerajaan yang mungkin diamalkan pada zaman Sriwijaya, masih terus dikekalkan. Dalam budaya politik, sekali lagi unsur bertimbal balik yang berteraskan kerjasama rapi dan bersistem serta saling perlu memerlukan antara raja yang memerintah dengan rakyat yang diperintah, dapat dilihat melalui adaptasi sebuah bidalan

---

[38]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 170.
[39]*Ibid.*, hlm 27.

Parsi yang juga diterapkan ke dalam falsafah kepimpinan dan sistem berkerajaan di Melaka. Ditentukan oleh budaya dan pemikiran politik Melayu-Islam yang mungkin telah bertapak kukuh di Melaka pada masa pemerintah Sultan Mansor Syah, maka perawi *Sejarah Melayu* telah mengatakan hal ini dengan memetik titah Sultan Mansor Syah, sekali lagi yang berbunyi;

> "Seperti kata Parsi, 'Ar'ayat juna bakhsanat sultan Khasad' yakni rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya".[40]

Kerjasama dan hubungan antara sepohon pokok dengan akar menjadi analogi yang amat asas dalam tradisi dan falsafah kepimpinan Melayu-Melaka dan mudah untuk difikirkan keunggulannya tetapi cukup praktikal – tanpa akar pokok tidak akan berdiri, tanpa pokok pula, akar tentu tidak dapat hidup! Oleh itu, barulah masyarakat dapat hidup dan kerajaan dapat ditegakkan.

Walau bagaimanapun, kerana masih kuat berpegang kepada landasan tradisi dan proses pembudayaan yang diwarisi serta sejarah kebudayaan peribumi itu sendiri maka unsur kudus, luhur dan suci tetap terus menjadi intisari untuk membina dan menegakkan daulat untuk meletakkan taraf raja sebagai mengatasi undang-undang sekular tadi. Etos tempatan dalam kepimpinan mungkin menganalogikan raja dan Rasul sebagai 'dua buah permata', kedua-duanya saling bergandingan untuk membina keindahan dan melengkapkan sebentuk cincin. Seorang raja diumpamakan sebagai 'ganti Allah' untuk memerintah manusia di dunia ini – *zulillahi fi'l'alam* atau *zulillahi fil'l ardh*. Secara langsung bererti jika kita beribadat kepada Allah, dan taat kepada sunah Rasul maka kita juga wajib berbakti dan taat setia kepada raja. Jika kita derhaka dan enggan patuh kepada perintah Allah dan sunah Rasul, kita juga akan dianggap menderhaka kepada raja. Ini adalah interpretasi yang utama.

Mungkin ini menjadi alasan dan diayah politik orang peribumi yang paling halus tetapi berkesan untuk mempengaruhi kepercayaan dan untuk memenangi hati rakyat supaya mendaulati rajanya.

Tokoh yang paling kuat menyokong, mendokong dan mempertahankan daulat ialah Bendahara. Ini wajar kerana Bendahara adalah orang tua yang berpengalaman dan selalunya merupakan sama ada bapa mentua raja atau ayah saudara raja yang memerintah. Walau bagaimana dan apa pun interpretasi dan pendapat penyelidik tentang ketokohan dan sifat para

[40] *Ibid.*, hlm 170–171.

Bendahara dalam kesusasteraan *Sejarah Melayu*, terdapat beberapa naratif dan episod yang menerangkan darihal beberapa orang Bendahara Melaka yang kerap mempertahankan 'adat' dan falsafah politik ini walaupun terpaksa mengorbankan nyawanya sendiri, seperti yang telah terjadi kepada Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir. Asas bagi menegakkan daulat ini ialah norma yang berbunyi 'pantang anak Melayu menderhaka kepada rajanya'.

Pendek kata, konsep dan hak kuasa memerintah yang dimiliki oleh seorang raja lebih bercorak spirituil dan merupakan tradisi temurun yang lahir dalam bentuk kepercayaan semata-mata yang telah diwarisi sejak zaman-berzaman dan tradisi itu mengikut perubahan budaya dan perspektif kepercayaan serta agama.

Konsep dan hak kuasa ini kemudian diwujud, disalur dan diamalkan menerusi wibawa fizikal dan tindak tanduk para pembesar negeri dan pentadbir yang menyokong serta menjadi sebahagian daripada keseluruhan institusi perajaan tadi. Wibawa fizikal dan tindak tanduk ini menekankan yang antara lain bertujuan untuk menentu, mengawal dan mengawasi amalan adat istiadat beraja yang lebih bercorak tradisi dan adat resam supaya dipelihara rapi; menentu dan menjalankan peraturan berkerajaan dan pentadbiran; menentu dan mencorakkan sistem perjalanan kerajaan; mengawal, memelihara serta memastikan perjalanan undang-undang (yang berupa adat resam atau pengaruh asing, Hindu dan Islam); mengawal dan merapikan sistem bermasyarakat serta pengawasan protokol berkerajaan seluruhnya; memastikan keamanan dan kesejahteraan anggota masyarakat.

Oleh sebab para pembesar ini menjadi tonggak yang menyokong dan memelihara institusi perajaan dan menegakkan institusi serta sistem berkerajaan dan pentadbiran, mereka dibekalkan dengan wibawa tertentu dalam lingkungan bidang kuasa masing-masing berdasarkan fungsi-fungsi sosial, politik dan pentadbiran tertentu di istana, di darat dan laut di sekitar Melaka sebenar dan di jajahan takluk.

Hubungan dan kerjasama antara raja yang memerintah dengan para pembesar yang menjadi jentera pemerintahan untuk menyokong sistem perajaan dan berkerajaan juga dilihat sebagai aspek budaya politik yang amat asas. Malah dalam falsafah politik tradisional Melaka, kerjasama yang rapi dan hubungan fungsional politik sosial antara raja dengan para pembesarnya adalah penting untuk menjayakan sistem berkerajaan tadi.

Kelicinan, kesentosaan dan kejayaan untuk menjalankan sistem ini amat bergantung pada sikap saling sokong-menyokong di antara kedua-dua belah pihak. Oleh yang demikian, maka untuk menjayakan sistem itu, tertanamlah falsafah berpolitik di Melaka tentang kerjasama antara raja yang

dianalogikan sebagai 'api' dengan para pembesar yang dianalogikan pula seperti 'kayu', kedua-duanya saling memerlukan. *Sejarah Melayu* membincangkan hal ini dengan memetik ucapan Bendahara Tun Perak yang berbunyi;

> "Dan lagi tiada akan sentosa kerajaannya, kerana raja-raja itu umpama api, akan segala menteri itu umpama kayu; jikalau tiada kayu, di manakah api itu bernyala?"[41]

Keseluruhan konsep kerjasama yang erat antara raja yang berkerajaan dengan rakyat yang diperintah adalah seperti sokong-menyokong antara sebatang pokok dengan akarnya dan konsep saling memerlukan antara raja yang memerintah dengan para pembesar, yang diibaratkan sebagai kerjasama antara api dengan kayu untuk menjayakan pemerintahan. Perkara itulah yang membentuk falsafah dan teori asas dalam sistem berpolitik, berkerajaan dan pemerintahan empayar Melayu Melaka seluruhnya.

Menurut pendapat seorang sarjana, contoh yang paling menarik tentang konsep hubungan yang saling memerlukan tetapi *indispensable* coraknya antara kedua-dua pihak ini dalam sebuah jentera politik berkerajaan seperti itu, dapat dilihat daripada konsep dan sudut pandangan penulisan *Hikayat Hang Tuah*, sebuah hasil 'roman sejarah yang bercorak simbolik'. Di peringkat operasional, teks ini memancarkan hubungan raja Melaka dengan Hang Tuah yang merupakan lambang hubungan antara pihak yang berwibawa, pemegang dan pengamanah kuasa dengan pihak yang menerima, menyokong dan mengakui wibawa dan amanah tadi, yang dioperasikan kepada mereka. Penerimaan dan pengakuan pengoperasian ini dilakukan secara *submisif* dan *in toto* secara lazimnya, dan tanpa berbelah bagi supaya tidak menjadi konflik dan berkecamuk semasa menjalan serta melaksanakan operasi wibawa dalam pemerintahan.

Ia merupakan lambang keunggulan tentang cara dan bagaimana sebuah 'kerajaan' Melayu itu harus beroperasi dan berfungsi; dan menjadi lambang hubungan yang unggul antara pihak pemerintah (raja Melaka dalam konteks ini) dengan pihak yang diperintah (Hang Tuah).

Mungkin begitulah konsepsi dan pendapat pengarang hikayat yang agung ini. Titah, kerah, dan perintah suruhan raja adalah perintah daripada pihak pemerintah tadi. Dan perintah ini (menerusi penerimaan dan kesanggupan untuk menjalankan suruhan yang ditunjuk dan dimanifestasikan menerusi watak, perbuatan dan tindak tanduk Hang Tuah) wajib dipatuhi

[41] *Loc-cit.*

walaupun terpaksa mengorbankan nyawa, dengan tanpa persoalan dan kerenah. Secara tradisi, perintah yang telah dijalankan dan dilaksanakan akan menerima balasan dan penghargaan. Ganjaran adalah dalam berbagai-bagai bentuk material dan simbol sosial, yang disebut anugerah. Oleh yang demikian, wujudlah implikasi undang-undang terhadap istilah ini, sama ada dari segi pengucapan ataupun perbuatan menganugerah. Raja yang memerintah sahaja yang dibenarkan untuk menyebut anugerah dan melakukan penganugerahan terhadap seseorang. Ini menjadikan anugerah hak diraja. *Hukum Kanun Melaka* (Fasal 2:1) menyebut, bahawa sesiapa yang mempersendakan (menutur dan melakukannya) anugerah, di samping istilah-istilah titah, patik, murka dan kurnia, maka 'dibunuh hukumnya'. Antara anugerah atau kurnia yang lumrah ialah pemberian gelaran kebesaran kerajaan dan pangkat yang berfungsi seperti Laksamana, Seri Bija Diraja dan sebagainya, yang dapat menyumbang dan menentukan kedudukan dan status sosial serta politik seseorang sehingga membolehkannya mencapai taraf nikmat sosial dan bergelar 'Orang kaya' (kerana ketinggalan pangkat tetapi mempunyai kedudukan ekonomi yang istimewa); pemberian tanah untuk berhuma atau berladang; dan pemberian kawasan yang berpenghuni (dusun, teluk atau anak sungai). Menurut Fasal 44:11 teks *Hukum Kanun Melaka* bahawa menjadi 'raja' (ketua) di situ ialah sebagai pentadbir dan pemungut hasil atau cukai; dan pemberian manusia (lelaki atau wanita) untuk dijadikan pengikut dan hamba. Sekecil-kecil anugerah ialah sepasang persalinan (pakaian istiadat yang lengkap), sebagai simbol penghargaan daripada pihak yang berkuasa dan yang diakui kedaulatan politiknya.

Oleh itu, hubungan dua hala dapat dijalinkan antara pemerintah (yang memberi perintah) dengan yang diperintah (yang melaksana dan menjalankan perintah) dan pemberi dengan penerima supaya berurusan dan bekerjasama secara harmoni. Di sinilah terletak dan terjadinya teras dan landasan untuk berkerajaan itu. Dalam konteks dan konsep yang disebut *primus inter pares* ini semangat saling bekerjasama, saling memberi dan menerima, bertolak ansur, saling perintah dan sedia menerima perintah yang dipancarkan oleh watak raja Melaka dengan watak Hang Tuah itulah yang difalsafahkan oleh *Sejarah Melayu* persis kerjasama 'antara pohon dengan akar'. Jika akar kuat menyokong atau menopang maka kuat dan teguhlah pohon. Oleh yang demikian, analoginya sama dengan penubuhan kerajaan. Sebaliknya, pohon akan layu dan mati sekiranya akar lemah dan enggan menyokong atau menopang. Untuk menegak atau menyokong pohon, maka akar ditradisikan supaya sentiasa menyokong atau menopang pohon. Semangat yang sentiasa menegak inilah yang dicernakan oleh *Hikayat Hang Tuah*, menerusi jalinan watak Hang Tuah sebagai 'pantang anak Melayu derhaka kepada tuannya

(raja)!' Di peringkat yang lebih mendalam, mengerah tenaga manusia secara kolektif untuk berbagai-bagai tujuan awam dan ketenteraan (seperti perang, membina istana, dan membaiki kota) adalah merupakan konsep dan institusi lama bagi 'perkhidmatan atau kerahan negara' pada masa itu. Penglibatan tenaga yang begitu besar dan banyak menyebabkan timbulnya masalah ganjaran (melainkan raja yang memerintah itu kaya dan dermawan); betapa pula ia amat berkait rapat dengan tanggungjawab dan tugas moral para individu–maka sesuatu yang bersifat moral, tidak akan mengharapkan balasan dan ganjaran material, dan juga status. Tugas mempertahan dan melindungkan kerajaan adalah seperti menyokong gagasan dan cita-cita pemerintah, menjaga keselamatan anggota masyarakat, kerja-kerja pembangunan dan kemajuan bandar atau pekan untuk kebaikan bersama, membina parit dan tali air bagi keperluan dan kehendak ramai, dan menghadiri pesta-pesta kerajaan dan istiadat diraja bagi memenuhi ruangan konsep dan institusi ini. Kesemuanya termasuk ke dalam tugas dan tanggungjawab kolektif (secara gotong-royong) untuk kerajaan. Kesediaan dan kesanggupan untuk menyahut perintah kerah (terlepas daripada prasangka kita tentang unsur paksaan yang ada) menandakan sokongan moral dan fizikal terhadap kerajaan. Ia juga merupakan simbol sebagai pengakuan terhadap kedaulatan raja yang memerintah daripada pihak rakyat. Susah kerajaan, sukarlah hidup rakyat. Derita kerajaan, rakyat melarat. Makmur kerajaan, mungkin mewahlah rakyat. Siri peperangan yang diketuai oleh Hang Tuah telah disertai oleh ribuan tentera yang setia. Mereka sentiasa akur dengan perintah raja dan sentiasa patuh dengan arahan Hang Tuah tanpa banyak persoalan yang kerenah.

Daulat juga dibina dan dihubungkan dengan konsep dan peranan simbol dalam tradisi perajaan. Simbol ini wujud untuk memberikan beberapa taraf dan hak istimewa kepada raja yang memerintah berbanding dengan taraf dan hak rakyat. Antara simbol itu ialah:

(a) Peralatan budaya
(b) Bahasa
(c) Undang-undang
(d) Warna
(e) Protokol dan adat istiadat

Peralatan budaya merupakan alat-alat yang boleh dilihat, dan diadakan untuk menjadi 'penyokong' kepada karisma raja yang sedang memerintah. Dengan adanya alat-alat ini di samping kehadiran raja bagi semua upacara rasmi ialah untuk menunjukkan ia mempunyai nilai dan unsur kebesaran secara simbolik. Oleh itu alat-alat ini dinamakan sebagai alat kebesaran raja.

Rakyat dilarang untuk menggunakan alat-alat tersebut melainkan 'dengan anugerah raja'. Antara peralatan yang dapat ditemui ialah seperti ketur (tempat berludah), kendi, kipas, cogan, sirih puan, pawai, berbagai-bagai jenis senjata seperti keris dan pedang, tombak dan lembing, ceper, kerikal, tetampan dan payung. Semuanya disebut sebagai "segala perkakas raja".[42]

Peralatan kerajaan juga termasuklah alat muzik tradisional yang dibunyikan untuk acara-acara dan adat rasmi yang berkaitan dengan istana dan yang berhubungan dengan peristiadatan kerajaan. Peralatan ini digunakan sebagai "alat kerajaan".[43] Alat bunyi-bunyian ini ialah seperti gendang, gong, serunai, nafiri, negara dan medeli. Alat-alat inilah yang membentuk kumpulan nobat. Raja sahaja yang berhak untuk memiliki dan menggunakan alat-alat tersebut untuk semua upacara yang bercorak peribadi dan yang berhubungan dengan istiadat istana dan kerajaan.

Alat kebesaran yang agak sekunder sifatnya ialah usungan (tanduan), yang digunakan semasa raja berangkat. Peranan simbolik alat kebesaran ini tidak begitu menonjol kerana alat ini juga dianugerahkan penggunaannya kepada Bendahara dan Laksamana. Cuma yang berbeza ialah keberangkatan raja dengan usungan ini akan disertai oleh para pembesar yang telah ditentukan kedudukan mereka. Ini bertujuan supaya rakyat dapat mengetahui bahawa keberangkatan usungan yang disertai oleh para pembesar itu adalah raja atau sultan yang sedang memerintah Melaka.

Gajah yang menjadi kenderaan di darat dan perahu yang menjadi kenderaan di air juga menentukan kaedah simbolik ini. Apabila raja menaiki gajah, Laksamana dan Temenggung akan turut bersama-sama untuk mengawal keselamatan raja dengan diiringi oleh paluan gendang nobat. Perahu raja juga mesti berbeza daripada perahu biasa. Hanya perahu yang dinaiki oleh raja dibenarkan mempunyai tingkap berpenghadapan. Sebahagian daripada alat kebesaran raja dan alat kerajaan ini masih lagi diwarisi dan terus kekal digunakan oleh raja-raja Melayu dalam sistem perajaan dewasa kini.

Ada juga peralatan yang dikaitkan dengan pembentukan 'undang-undang' sekular negeri. Tujuannya ialah untuk membezakan antara hak raja dengan hak yang dimiliki atau diamalkan oleh rakyat. Rakyat tidak boleh menggunakan peralatan yang tertentu dalam bentuk 'larangan' kerana peralatan tersebut ialah untuk kegunaan raja dan kerabatnya sahaja. Contohnya, warna kuning adalah hak diraja. Rakyat tidak dibenar untuk menggunakan kain berwarna kuning untuk menyulam sapu tangan, tepi tabir, ulas bantal

[42] *Ibid.*, hlm 77.
[43] *Loc-cit.*

dan tilam; dan sebarang ciptaan seni untuk perhiasan rumah. Rakyat hanya boleh menggunakan kain tersebut untuk dibuat kain, baju dan destar. Payung berwarna putih dikhaskan untuk kegunaan raja sahaja. Payung kuning pula dikhaskan untuk anak raja. Hanya raja yang berhak menggunakan rumah berperanjungan, bertiang gantung dan rumah berperanginan.

Untuk menunjukkan sifat aristokrat dan juga elit raja dan kerabatnya, 'orang keluaran' (rakyat) tidak dibenarkan untuk memakai penduk, teterapan keris dan gelang kaki daripada emas kerana raja dan kerabatnya sahaja yang berhak dan dibenarkan untuk memakainya. Rakyat hanya boleh memakainya bila mendapat anugerah dan keizinan raja.

Penggunaan bahasa (lisan dan tulisan) juga turut terangkum ke dalam aspek ini. Contohnya, menurut Fasal 2:1 *Hukum Kanun Melaka* terdapat lima patah perkataan dan amalan yang boleh digunakan oleh raja sahaja, iaitu titah (bagi raja), patik (bagi rakyat kepada raja), murka (bagi raja), kurnia dan anugerah (bagi raja). Rakyat yang mempersenda dan menuturkan bahasa serta amalan kelima-lima patah perkataan ini akan dihukum bunuh atau sekurang-kurangnya mulutnya 'digocoh'. Fasal 2:2 undang-undang ini juga menentukan hanya raja yang berhak menerima istiadat menjunjung duli.

Untuk upacara pengebumian, tidak seorang pun dibenarkan untuk memayungi si mati, berpuadai dan menabur wang. Hanya raja yang diberikan hak untuk berbuat demikian. Tujuan asas mewujudkan keistimewaan dan perbezaan hak ini ialah 'supaya bermulia tuannya (raja) pada hukum ...' dan untuk menunjukkan perbezaan antara raja dengan orang lain, walaupun di kalangan pembesarnya sendiri.

Semua bidang ini tidak termasuk pengamalan dan penentuan sistem istana serta peraturan protokol kerajaan dalam menegakkan konsep dan institusi perajaan dalam lingkungan daulat tadi. Seorang raja mesti mengikut lunas-lunas protokol tertentu ketika bergaul dengan rakyat. Rakyat pula bukanlah mudah untuk bertemu dengan rajanya. Ketika menghadap dan bertemu raja, rakyat harus mematuhi dan mengamalkan peraturan serta tatatertib, tatacara dan adat-adat tertentu yang telah ditetapkan seperti penggunaan bahasa istana (seperti patik, gering, pacal, bersiram, dan santap): gaya dan peraturan duduk ketika menyembah raja, penggunaan pakaian (yang boleh dan yang dilarang) ketika menghadap raja di balairung; dan tertib, kaedah dan peraturan ketika menjunjung duli raja di istana. Semuanya ini diperadat, diperatur, ditentukan dan diistiadatkan supaya dapat memberikan karisma kepada konsep daulat yang dicipta dan ditegakkan itu terhadap keperibadian raja yang memerintah.

Penentuan dan corak petempatan penduduk dan penghuni Melaka dalam konteks pembentukan pola demografi Melaka sebenar itu sendiri, sama

ada disedari atau tidak, secara langsung juga berperanan menyokong konsep daulat tadi. Menurut laporan Portugis dan China, kawasan yang paling elit sifatnya ialah Bukit Melaka (Bukit Seri Melaka sekarang). Di bahagian kemuncaknya, dibina kompleks istana raja Melaka dengan pelbagai jenis balai (seperti balai pendapa, balai menghadap dan balai nobat) di dalamnya.

Mungkin kompleks diraja ini dibina pada awal pemerintahan raja-raja Melaka kerana di situlah kehadiran raja diperlukan untuk menjalankan urusan pemerintahan dan organisasi kerajaan (dengan cara berunding, bermusyawarah, bermuafakat dan berbicara). Para pembesar dan pegawai kerajaan akan menghadap baginda secara rasmi tetapi tidak berkala. Tome Pires mengatakan bahawa istana persemayaman raja dan kalangan kerabat yang terhampir ialah di Bertam, bahagian hulu dan pedalaman Melaka.

Di persekitaran lereng bukit mengelilingi kompleks ini ialah rumah para pembesar dan pegawai negeri. Di sekeliling kaki bukit, terutama yang menghadap pantai dan laut Melaka, terdiri kediaman para hulubalang, perajurit dan Orang Laut Melaka.

Susunan petempatan seperti ini adalah strategik dan amat berfungsi dengan keadaan semasa. Keselamatan raja dan para pembesar akan sentiasa terlindung daripada sebarang ancaman serangan bahagian hadapan yang bertentangan dengan Selat Melaka. Jika serangan terjadi, maka raja dan pengikutnya dengan mudah boleh berundur ke kawasan pedalaman arah ke hulu.

PEMBESAR EMPAT YANG PERTAMA

Bendahara

Bendahara merupakan pemilik wibawa fizikal yang terbesar di kalangan pembesar-pembesar Melaka dalam hierarki pentadbiran, mungkin sama tarafnya dengan ketua eksekutif sesebuah kerajaan masa kini. Raja adalah berkuasa dan berdaulat secara teori, spirituil dan kepercayaan temurun, Bendahara pula memiliki wibawa pentadbiran dalam organisasi berkerajaan secara amalan dan pelaksanaannya. Di samping menjadi tokoh penyokong yang paling utama dan penegak kepada konsep daulat dalam institusi kerajaan serta kuat mempertahankan konsep itu, kepentingan wibawanya dapat dilihat daripada peraturan kerajaan, iaitu ketika ketiadaan raja, Bendaharalah yang memangku pemerintahan. Walaupun terdapat tokoh politik yang bertaraf kerabat, namun kewibawaan dan ketokohan Bendahara serta pembesar kanan kerajaan lebih dihormati dan mendapat kepercayaan raja.

Ketika Sultan Mansor Syah dan rombongannya berangkat ke Majapahit, *Sejarah Melayu* ada menyebutkan bahawa;

"Maka bendahara Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dan Seri Bija Diraja dan segala menteri hulubalang yang besar-besar sekaliannya ditinggalkan oleh Sultan Mansor Syah menunggui negeri".[44]

Kedudukan dan fungsi Bendahara dapat dilihat dari sudut tugas awam sebagai ketua pentadbir dan tugas tentera sebagai ketua turus hulubalang di darat dan laut Melaka. Taraf kebesarannya dalam beberapa aspek lagi ditunjukkan oleh *Sejarah Melayu*. Istiadat menghadap raja dan bersirih nobat hanya boleh dilakukan sekiranya Bendahara turut hadir. Bendahara akan menjalankan istiadat sirih nobat selepas anak raja-raja,[45] dan kemudian menteri-menteri utama yang lain. Dalam upacara menghadap raja di balairung, Bendahara akan duduk di hadapan sekali daripada para menteri yang utama di seri balai.[46] Dalam istiadat perlantikannya, Bendahara dikurniakan oleh sultan lima persalinan bagi satu 'set' anugerah, iaitu baju, kain, destar, sebai dan ikat pinggang, sedangkan anak raja-raja kerabat pun hanya dikurnia empat persalinan bagi setiap 'set'.[47]

Menggunakan usungan untuk tujuan rasmi adalah hak mutlak raja. Tetapi usungan juga dikurniakan kepada Bendahara dan Laksamana dengan tujuan untuk menunjukkan hak sosial dan taraf kebesarannya.[48]

Cara hidangan yang dimakan oleh Bendahara dalam istiadat rasmi di istana juga menunjukkan taraf istimewanya. Bendahara memakan sehidang hanya untuk dirinya ataupun sehidang dengan anak raja-raja[49] tetapi para pembesar yang lain memakan sehidang empat orang. Prosedur memakan pula ialah Bendahara dahulu yang menjamah hidangan, kemudian barulah diikuti oleh pembesar dan tetamu yang lain.

Sistem penggantian Bendahara selalunya mengikut keturunan, daripada ayah kepada anak atau abang kepada adik. Ini adalah amalan tradisi. Tun Perak, Bendahara yang masyhur itu adalah anak Seri Wak Raja, Bendahara Melaka yang mati akibat meminum racun. Tun Perpatih Putih (Bendahara Putih) yang menggantikan Tun Perak adalah adik Tun Perak. Bendahara Melaka yang terakhir, Paduka Tuan (Bendahara Tepok) yang menggantikan Tun Perpatih Putih adalah anak almarhum Bendahara Tun Perak. Tun Mutahir ibni Seri Nara Diraja Tun Ali pula adalah anak saudara Tun Perak, kerana ibu Tun Mutahir, Tun Kudu adalah anak kakak sulung Tun Perak.

---

[44] *Ibid.*, hlm 116.
[45] *Ibid.*, hlm 80.
[46] *Ibid.*, hlm 76.
[47] *Ibid.*, hlm 79.
[48] *Ibid.*, hlm 188–189.
[49] *Ibid.*, hlm 81.

Terdahulu daripada ini, ayah Tun Perak, yang mulanya bergelar Tun Perpatih Sedang, juga menggantikan ayahnya yang menjadi Bendahara, bergelar Seri Wak Raja. Pada masa itulah Seri Nara Diraja Tun Ali dikatakan sebagai tokoh pentadbir Melaka yang paling berpengaruh dan berwibawa daripada Bendahara sendiri. Mungkin inilah alasan paling tragis yang menyebabkan Bendahara Seri Wak Raja Tun Perpatih Sedang membunuh diri dengan meminum racun.[50] Bakal Bendahara pula akan digelar Tun Pikrama.[51]

Tiada kenyataan eksplisit daripada *Sejarah Melayu* yang menerangkan tentang fungsi-fungsi utama Bendahara. Naratif yang disusun tentang ketokohan Bendahara sendiri memerlukan suatu pembinaan semula dan interpretasi tentang fungsi politik dan sosialnya.

Peranan Bendahara dalam ketenteraan, kali pertamanya ditampilkan dalam *Sejarah Melayu* yang mengatakan bahawa Bendahara Tun Perak mematahkan serangan laut Siam, pimpinan Awi Dicu (Okya Tejo) di Batu Pahat. Peranan seperti ini ditunjukkan lagi ketika Melaka mengembangkan sayap untuk menjadi kuasa penakluk. Bendahara dan pembesar yang lain akan mengepalai angkatan tentera Melaka untuk menyerang Pahang, Kampar dan Siak. Tome Pires yang menyebut tentang jawatan *captains-general whom they call Paduca Raja* itulah sebenarnya peranan dan fungsi ketenteraan seseorang Bendahara Melaka.[52] Hal yang demikian menjelaskan bahawa peranan Bendahara sebagai ketua turus hulubalang Melaka bukanlah nominal coraknya. *Sejarah Melayu* menyebut tentang suatu episod serangan Melaka terhadap Pasai yang diketuai oleh Bendahara;

> Maka kata Bendahara pada segala orang kaya-kaya itu, "Adapun kita ini akan pergi berperang ..." Maka Bendahara dan Tun Pikrama, Laksamana, Seri Bija Diraja, Tun Telanai ... dan segala hulubalang rakyat sekalian naiklah ke darat melanggar Pasai ....[53]

Dalam pentadbiran awam, wibawa dan bidang kuasa Bendahara ditentukan oleh Fasal 1 *Undang-undang Melaka* yang menyebut secara eksplisit bahawa;

> "Apa pun hukum yang diserahkan kepada Bendahara itu, seperti hukum orang yang berjabatan dan segala tuan-tuan dan segala sida-sida dan segala anak orang besar-besar.[54]

---

[50]*Ibid.*, hlm 89–90.
[51]*Ibid.*, hlm 77.
[52]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 264.
[53]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 164.
[54]Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, hlm 62.

Begitulah juga tentang bidang kuasa, kedudukan sosiopolitik dan tugas awam Bendahara dalam kerajaan, Tome Pires menjelaskan lagi seperti berikut;

> "... Paduca Raja. These are a kind of viceroy, who is next to the king. To this man all the mandarins do reverence .... When there is no afore said official, Bemdara is the highest in the kingdom. The Bemdara is a kind of chief-justice in all civil and criminal affairs .... He can order any person to be put to death, of whatever rank and condition, whether nobleman or foreigner; but first of all he informs the king, and both decide the matter in consultation with the Laksamana and the Tumunguo".[55]

Sebagai *chief justice*, Bendaharalah yang menjalankan tugas pendakwaan dalam kes-kes pembicaraan awam dan jenayah di peringkat negeri.[56]

Adalah tidak lengkap dan cukup kebolehan seseorang Bendahara jika hanya dibuktikan dengan bakat kepimpinannya dalam tugas awam dan adil pula semasa menjalankan serta melaksanakan undang-undang, juga *by virtue* secara keturunan dan tradisi kekeluargaan semata-mata. Bendahara harus juga dilengkapkan dengan kebolehan kehulubalangan atau keperwiraannya yang bijak dalam ilmu peperangan. Tun Perpatih Putih, adik Bendahara Tun Perak, merasa malu terhadap pengikutnya kerana semasa menjadi Bendahara, beliau tidak pernah mengepalai peperangan. *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa;

> "Dari kakak hamba Bendahara Paduka Raja, besar hamba, kerana Bendahara Paduka Raja sekali dititahkan mengeluari Siam, sekali dititahkan menyerang Pasai, sekali dititahkan menyerang Pahang, (tetapi) akan hamba jadi Bendahara, bergerak pun tiada".[57]

Sebagai ketua eksekutif dalam pentadbiran (hukum orang yang berjabatan, disebut oleh *Undang-undang Melaka*), tugasnya disimbolisasikan

---

[55]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 264.

[56]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 243–244. Ia dapat dirujuk daripada satu episod *Sejarah Melayu* yang menyebut bagaimana Bendahara Seri Maharaja menjalankan acara 'bercerca' (membicarakan seseorang), antara Tun Perpatih Hitam dengan seorang pedagang Melaka. Seri Maharaja disertai oleh Laksamana dan Temenggung yang menjaga keselamatan Bendahara.

[57]*Ibid.*, hlm 206.

dengan pengurniaan sebuah kebak dan bekas dakwat raja. *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa;

> "Adapun akan adat dahulu kala, apabila orang jadi Bendahara ... dianugerahi baju sakhlat dan keris dengan selengkap alatnya ... akan Bendahara berkebak, dan buli-buli dakwat ..."[58]

Tugas Bendahara dalam organisasi berkerajaan adalah sebagai pelaksana wibawa fizikal serta menjadi wakil raja yang memerintah. Hal ini dapat dilihat daripada satu petikan dalam *Sejarah Melayu* yang merakamkan titah Sultan Mahmud;

> "... kerana, biadab di hadapan Bendahara itu rasa-rasa di hadapan kita".[59]

Walaupun urusan penting dalam perniagaan dan jual beli di bandar Melaka dikendalikan oleh Syahbandar, Bendahara juga seperti memainkan peranan secara tidak langsung untuk melicinkan lagi urusan dan transaksi perniagaan. Sudah menjadi kebiasaan, walaupun bukan kemestian, Bendahara turut menerima hadiah daripada pedagang asing, selain pembesar-pembesar Melaka yang utama, dengan tujuan untuk mendapatkan kemudahan dan hak berdagang di Melaka.

Undang-undang dan peraturan milik harta juga diwujudkan secara bersistem. Rumah, tanah sendiri dan dusun diberikan nilai ekonomi. Tome Pires mengatakan bahawa hanya raja yang sedang bertakhta dan Bendahara sahaja yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan *licence* atau surat kebenaran transaksi menjual dan membeli harta-harta tetap itu.[60]

Penyandang jawatan Bendahara mempunyai gelaran tertentu seperti gelaran Seri Wak Raja, Seri Paduka Raja, Seri Maharaja dan Seri Paduka Tuan. Gelaran ini bergantung pada gelaran kebesaran asal yang disandangnya sebelum menjadi Bendahara.

Jawatan-jawatan pentadbiran kanan juga dibentuk untuk seseorang itu sebelum menjadi Bendahara (Tun Perak contohnya, memulakan kariernya sebagai Penghulu di Kelang, Bentara dan Perdana Menteri di Melaka). Seseorang yang menjadi Bendahara, mestilah berpengalaman dalam bidang pentadbiran awam dan ketenteraan, orang yang tua yang dianggap berpengeta-

[58] *Ibid.*, hlm 207.
[59] *Ibid.*, hlm 244.
[60] Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 274.

huan dan berpengalaman dan juga orang yang dihormati dan disegani oleh masyarakat luar dan dalam istana.

Ikatan kekeluargaan dengan raja yang memerintah menerusi talian keluarga ataupun melalui perkahwinan, menambahkan lagi karisma Bendahara sebagai pentadbir dan ahli politik. Sebagai orang yang tua dan matang dalam selok-belok berkerajaan, sewajarnyalah Bendahara menjadi 'penasihat' raja. Malah dalam etika dan keadilan sistem berkerajaan, Tun Perak pernah menasihatkan Sultan Mahmud dengan berkata;

> "Adapun tuanku ... yang kehendak nafsu itu daripada waswas syaitan 'alaihilaknat. Banyak raja-raja yang besar-besar dibinasakan Allah kerajaannya sebab menurut hawa nafsunya".[61]

Penghulu Bendahari

Secara terminologi, Penghulu Bendahari diertikan sebagai Ketua Bendahari. Pada asal penubuhan Melaka pemegang jawatan tradisi ini ialah kerabat diraja yang bernama Raja Kecil Muda yang diberikan gelaran kebesaran secara temurun, iaitu Seri Nara Diraja. Gelaran ini digunakan sehinggalah ke tahun 1511. Jawatan ini kemudiannya telah disandang oleh orang yang bukan Melayu tulen dan bukan di kalangan kerabat ketika pemerintahan Sultan Muhammad Syah.

Taraf Penghulu Bendahari di kalangan Pembesar Empat yang kanan dapat dilihat daripada susunan kedudukannya dalam berbagai-bagai istiadat rasmi. Di balairung seri, ketika menjunjung duli, menghadap nobat dan menjalankan istiadat sirih nobat, Penghulu Bendahari mengambil tempat yang kedua selepas Bendahara. Ketika raja berangkat dengan usungan, Penghulu Bendahari berjalan dengan memegang kepala usungan di sebelah kanan. Dalam semua upacara rasmi kerajaan, *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa Penghulu Bendahari sebagai orang yang kedua selepas Bendahara di kalangan kelompok Pembesar Empat. Ini mencerminkan taraf sosialnya dalam birokrasi pentadbiran. Malah ketika Sultan Muzaffar Syah memerintah Melaka, Tun Perpatih Sedang (anak Bendahara Seri Wak Raja) menjawat jawatan Bendahara tetapi wibawa pentadbiran terletak di tangan Penghulu Bendahari, seperti yang terdapat dalam *Sejarah Melayu* yang berbunyi;

> "Bermula, akan Seri Nara Diraja; terlalu sangat dikasihi raja, barang suatu katanya dipersembahkannya, tiada dilalui baginda ... tetapi sung-

[61]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 191.

guhpun (Seri Wak Raja) jadi Bendahara, sekadar nama saja, yang orang besarnya Seri Nara Diraja juga: barang suatu katanya tiada dilalui raja".[62]

Pada masa Tun Perak mula menjadi Perdana Menteri, masyarakat Melayu Melaka dikatakan telah berpecah kepada dua, iaitu pihak yang pro-Tun Perak dan pihak yang pro-Penghulu Bendahari. Ini menunjukkan bahawa pengaruh politik Penghulu Bendahari ini masih kuat, sehinggalah suatu penyelesaian politik dicapai.

Sebagai orang kuat istana dan penyokong adat istiadat Melayu, Penghulu Bendaharilah yang menjadi ketua istiadat dan acara rasmi diraja di istana. Tugasnya termasuklah mengerah orang membentang tikar, menghias balairung, menggantung tabir langit-langit, mengendalikan hidangan dan makanan untuk para tamu dan mendapatkan tenaga rakyat untuk urusan pekerjaan diraja tadi.

Tugas dan bidang kuasa awam Penghulu Bendahari ialah menjadi ketua kepada semua Bendahari raja, mengetuai para pegawai yang menguruskan hasil mahsul kerajaan, mengepalai semua Syahbandar yang terdapat di Melaka dan bertanggungjawab mengendalikan hamba-hamba raja.[63]

Seperti Bendahara, Penghulu Bendahari juga mempunyai tugas dalam bidang ketenteraan, justeru itu Penghulu Bendahari harus bersifat hulubalang dan pintar pula dalam ilmu peperangan. Ketika dilancarkan kerahan tenaga untuk menundukkan Kampar atas titahan Sultan Mansor Syah, Penghulu Bendahari Seri Nara Diraja Tun Tahirlah yang ditugaskan sebagai ketua angkatan perang Melaka dan telah mencapai kejayaan.

Temenggung

Taraf kebesaran dan kekananan Temenggung di kalangan pembesar utama Melaka dapat dirujuk pada kedudukannya di balairung ketika istiadat menghadap dan ketika istiadat sirih nobat. Temenggung duduk di tempat ketiga selepas Penghulu Bendahari dan Bendahara. Tidak terdapat bukti tentang wujudnya pembesar ini di Singapura. Mungkin ia adalah suatu tradisi pembesar yang baru di Melaka. Temenggung bertugas dalam hal-ehwal awam dan dalam bidang ketenteraan. Untuk menjaga keamanan dan mengawal keselamatan serta perjalanan undang-undang seluruh Melaka turut menjadi tugas utamanya. Bidang kuasa Temenggung yang diperuntuk-

[62] *Ibid.*, hlm 89.
[63] *Ibid.*, hlm 80.

kan dalam *Hukum Kanun Melaka* adalah;

> "Adapun hukum yang diserahkan kepada Temenggung itu barang yang dihukumkan di dalam negeri seperti tahafus menafahus dan tangkap menangkap orang yang jahat di dalam negeri."[64]

Menjaga keselamatan raja, juga turut menjadi sebahagian daripada tugas utamanya. Ketika raja berangkat dengan gajah, Temenggung akan duduk di kepala gajah dengan memegang pedang kerajaan. Di istana, tugas istiadatnya juga adalah penting. Temenggunglah yang mengatur dan menentukan orang yang bekerja ketika sesuatu istiadat diraja diadakan di istana, setelah Penghulu Bendahari mendapat dan mengumpul tenaga pekerja daripada kalangan rakyat. Temenggung juga bertugas untuk menyusun istiadat menghidang makanan tetamu di istana itu.

Tome Pires menyebut gelaran Temenggung sebagai *Tumunguo*. Tome Pires mengatakan pembesar ini sebagai;

> "He ... is the chief megistrate in the city. He has charge of the guard and has many people under his jurisdiction. All prison cases go first to him and from him to the Bendahara, and this office always falls to person of great esteem. He is also the person who receives the dues on the merchandise".[65]

Sebagai ketua majistret di Kota Melaka, bidang kuasa undang-undang Temenggung saling melengkapi dengan tugas 'tafahus menafus' (menyelidik dan memeriksa, mendakwa kes undang-undang) dan 'tangkap-menangkap' seperti yang dijelaskan oleh *Hukum Kanun Melaka* tadi. Pesalah akan didenda, didera atau dipenjara. Pengadilan yang dibuat kemudiannya akan diserah kepada Bendahara untuk memutuskannya. Bendahara kemudian akan bertindak sebagai Ketua Hakim.

Tugas awam Temenggung termasuklah menyertai Bendahara ketika menjalankan pendakwaan dan pembicaraan dan memungut cukai perdagangan di bandar Melaka. Menurut *Sejarah Melayu*;

> "... adat Bendahara Melaka, apabila menyerca orang, Temenggung ... tiada bercerai dengan Bendahara ... jika yang patut ditangkap dan dipasung Temenggung menangkap dia; demikianlah adat zaman dahulu kala".[66]

---

[64] *Ibid.*, hlm 62.
[65] Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 265.
[66] W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 243.

Seperti Bendahara dan Penghulu Bendahari, Temenggung juga haruslah seorang hulubalang. Apabila Seri Maharaja Tun Mutahir menjawat jawatan ini, beliau dititahkan oleh Sultan Mahmud Syah untuk mengetuai angkatan Melaka menyerang Pahang dan Kelantan. Beliau telah mencapai kejayaan. Apabila Temenggung dilantik oleh sultan, beliau akan dianugerahkan melengkap pakaian dengan keris dan tombak bertetampan, sebagai lambang kehulubalangan.

Sepanjang pemerintahan Sultan Mahmud Syah, pengaruh Temenggung kelihatan amat mencengkam istana. Mungkin kerana kekayaan dan pengaruh keluarga (Tun Senaja, bonda Sultan Mahmud iaitu kakak Tun Mutahir), Temenggung Tun Mutahir dilantik menjadi Bendahara Melaka menggantikan Bendahara Perpatih Putih. Jawatan Temenggung kemudian diturunkan kepada anaknya, Tun Hassan.

Laksamana

Ini merupakan suatu jawatan baru di Melaka. Ketika di Singapura dahulu terdapat jawatan Hulubalang Besar yang duduk di taraf selepas Penghulu Bendahari dan Bendahara. Di Melaka, sebelum zaman Sultan Mansor Syah terdapat gelaran Seri Bija Diraja yang dikatakan berdiri di ketapakan balai sambil memikul pedang kerajaan ketika raja bertakhta di balairung.

Apabila Tun Perak berperang dengan angkatan Siam di laut Batu Pahat ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, Seri Bija Diraja dikatakan telah mengiringi beliau. Tarafnya jelas kelihatan apabila Sultan Mansor Syah berangkat ke tanah Jawa, Seri Bija Diraja ditinggalkan bersama-sama Bendahara dan Seri Nara Diraja untuk mentadbir Melaka.

Taraf Seri Bija Diraja telah berubah apabila muncul institusi Laksamana. Menurut *Sejarah Melayu*, orang yang pertama menyandang jawatan yang baru ini ialah Hang Tuah. Beliau menerima gelaran ini semasa berada di Jawa. Institusi Laksamana menjadi formal di Melaka selepas Hang Tuah berjaya membunuh Hang Kasturi, lalu digelar Laksamana Hang Tuah. Institusi Laksamana sama ada ditempatkan setaraf dengan Seri Bija Diraja ataupun kadangkala mengambil alih tugas dan tempat pembesar tradisi ini.

Dalam istiadat menghadap di balairung, Laksamana dan Seri Bija Diraja ataupun salah seorang daripadanya yang memikul pedang kerajaan. Apabila raja menaiki gajah, salah seorang daripada mereka akan duduk di buntut gajah sambil memikul pedang kerajaan. Semasa istiadat menghadap dan bersirih nobat, kedua-dua atau salah seorang daripadanya duduk di taraf selepas Temenggung, Penghulu Bendahari dan Bendahara. Setelah rasmi menjadi Laksamana, ketika diadakan istiadat menghadap di balairung, *Sejarah*

Melayu menyebut tugasnya;

> "Hang Tuahlah yang pertama jadi Laksamana, memikul pedang kerajaan berganti-ganti dengan Seri Bija Diraja, kerana adat dahulu kala".[67]

Di balairung, kedua-duanya duduk di kelek-kelekan balai kiri dan kanan.

Sebagai Pembesar Empat yang kanan, Laksamana mempunyai tugas rasmi dalam ketenteraan dan awam, juga sebagai pengawal protokol dan kedutaan. Tugas utama Laksamana ialah dalam bidang ketenteraan.

Dalam *Hukum Kanun Melaka*, Laksamana dikatakan sebagai 'raja di laut'. Ini menunjukkan bidang kuasanya sebagai ketua 'armada' laut Melaka, bersama-sama dengan Seri Bija Diraja. Terdapat banyak contoh yang boleh dirujuk tentang fungsinya ini. Salah satu contoh ialah apabila Seri Paduka Tuan dititahkan untuk menyerang Aru, Laksamanalah yang mengiringinya. Istilah yang lazim digunakan dalam *Sejarah Melayu* apabila menerangkan penglibatan dan fungsi Laksamana ialah 'memayar', yang bererti meronda atau mengawal laut. Hal yang demikian adalah wajar kerana kegiatan di laut adalah nadi penggerak kepada kegiatan perdagangan dan perniagaan di Melaka.

Seperti tradisi Sriwijaya, keamanan laut akan dapat menjamin kegiatan perdagangan. Orang yang menjadi tulang belakang kekuatan tentera Melaka ialah Orang Laut. Oleh itu, sesuailah Laksamana diberikan tugas untuk menjaga keamanan laut, di samping itu juga beliau mengepalai angkatan perang Melaka untuk mengalahkan kerajaan-kerajaan di pesisir pantai Selat Melaka. Usaha mengkonsolidasikan tenaga Orang Laut adalah penting. Seorang ketua daripada kalangan mereka wajar dilantik. Oleh itu, sangat sesuailah Hang Tuah yang mungkin muncul daripada kalangan suku Melayu ini diberikan jawatan tersebut. Perkara ini menepati tujuan dan dasar kerajaan Melaka serta selari pula dengan kebolehan dan kesesuaian fungsinya di laut.

Di darat, tugas utama Laksamana ialah mengawal keselamatan raja apabila berangkat, dan mengawal keselamatan Bendahara apabila *chief justice* ini menjalankan perbicaraan. Apabila raja berusung, Laksamana dikatakan memegang usungan raja sebelah kiri. Apabila Bendahara mengadili pembicaraan, Laksamana dikatakan sebagai;

> "Laksamana tiada bercerai dengan Bendahara. Jikalau ada orang biadab pada Bendahara, Laksamana membunuh dia ...."[68]

---

[67] *Ibid.*, hlm 137.
[68] *Ibid.*, hlm 243.

Taraf dan fungsi Laksamana didapati semakin tinggi dan penting ketika pemerintahan Sultan Mahmud Syah, mungkin selari dengan pentingnya kedudukan empayar Melaka dan peranan kelautan yang sedang memuncak dan gemilang itu. Ketika inilah Laksamana dianugerahkan sebuah usungan untuk menjalankan tugas rasmi, seolah-olah setaraf dengan raja dan Bendahara seperti yang dikatakan dalam *Sejarah Melayu*;

> "... Laksamana, dianugerahi pula seorang sebuah usungan, barang ke mana ia berjalan disuruh usung. Maka oleh Laksamana dipakainya usungan itu".[69]

Menurut Tome Pires, bidang kuasa, tugas rasmi dan kedudukan Laksamana adalah seperti berikut;

> "The Lasemana is a kind of admiral. He is the chief of all the fleet at sea. Everybody at sea, and junks and lancharas are under this man's jurisdiction. He is the king's guard. Every knight (and) mandarin is under his orders. He is almost as important as the Bemdara – in war matters he is much more important and more feared".[70]

Tugas dan fungsi Laksamana di laut dan di darat memanglah jelas digambarkan oleh sumber Portugis ini. Ternyata sifat saling melengkapinya dengan beberapa naratif *Sejarah Melayu* tentang Laksamana Melaka, di lautan dan di daratan, untuk menunjukkan taraf sosial dan peranan kehulubalangannya. Telitikan contoh naratif *Sejarah Melayu* yang berikut;

> Maka oleh Laksamana dipakainya usungan itu, barang ke mana ia berjalan berusunganlah; segala anak buahnya di bawah usungan .... Adapun adat Bendahara Paduka Raja, apabila beroleh perahu yang baik; atau senjata yang baik, maka diberikannya pada Laksamana, lalu diambilnya; demikianlah sediakala .... Maka kata Bendahara ....- "Akan pekerjaan demikian itu .... kerana Laksamana itu hulubalang besar; sebab itulah maka Laksamana, apabila musuh datang, supaya ialah kita adu berperang dengan musuh raja itu kerana ia hulubalang Duli Yang Dipertuan, penaka hulubalang kita".[71]

---

[69] *Ibid.*, hlm 188.
[70] Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 264–265.
[71] W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 188–189.

Usungan, perahu dan senjata adalah lambang status yang tinggi (hanya raja dan Bendahara yang dibolehkan berusung); lambang kenderaan di air dan laut; serta lambang kuasa dan kehulubalangan. Oleh yang demikian, lengkaplah kedudukan Laksamana sebagai seorang yang berstatus tinggi; tokoh yang mengepalai dan berkuasa di laut; serta sebagai ketua hulubalang dan pahlawan. Konteks 'hulubalang besar' dan 'hulubalang Duli Yang Dipertuan' adalah warisan tradisi jawatan Hulubalang Besar yang telah dipusakai dari Singapura yang kedudukannya adalah selepas Penghulu Bendahari. Oleh itu, asas peranan politik, sosial dan pentadbirannya adalah serupa. Hanya gelarannya di Melaka diubah kepada Laksamana sedangkan sebelum itu peranan dan fungsi ini diserahkan kepada Seri Bija Diraja.

Laksamana juga dijangka berfungsi sebagai ahli pengutus dan diplomatik, pengawal dan pemerhati perjalanan protokol kerajaan. *Sejarah Melayu* mendakwa bahawa Laksamana Hang Tuah dihantar oleh Raja Melaka sekurang-kurangnya dua kali ke Pahang dan Siak. Di Pahang, atas perintah Raja Melaka, Laksamana telah membunuh orang suruhan Sultan Pahang yang telah membunuh Telanai Terengganu. Ini adalah kesalahan jenayah yang amat berat kerana kata Laksamana, "... kerana salah Seri Akar Raja, ke bawah duli paduka adinda membunuh Telanai Terengganu tiada memberitahu ke Melaka!"[72]

Laksamana dihantar pula ke Siak untuk memarahi dan menghina Tun Jana Pakibul yang telah melakukan pembunuhan atas titah Raja Siak. *Sejarah Melayu* melaporkan bahawa Laksamana telah mencaci Tun Jana Pakibul di hadapan Raja Siak, seolah-olah menyindir pemerintah jajahan takluk Melaka ini untuk menunjukkan kemurkaan raja Melaka;

> Maka Laksamana menghadap Tun Jana Pakibul ... ditunjukkan Tun Jana Pakibul dengan tangan kirinya, katanya, "Tiada berbudi, tuan hamba orang hutan, maka tiada tahu cara adat bahasa; benarkah membunuh orang tiada memberitahu ke Melaka?"[73]

Suatu sumber Jepun pula pernah menyebut bahawa penduduk Pulau Ryukyu di Jepun telah menyelamatkan anak-anak kapal dan seorang Laksamana Melaka yang terdampar di pulau itu pada abad ke-15.

Kemuncak peranan Laksamana dapat dilihat dalam tradisi sejarah Kesultanan Melayu Melaka, tetapi yang berpusat di Johor-Riau-Lingga sele-

---

[72] *Ibid.*, hlm 182.
[73] *Ibid.*, hlm 183.

pas tahun 1511. Laksamana yang pernah memangku sebagai pemerintah Kesultanan Johor-Riau, waris Melaka pada abad ke-17 ialah Tun Abdul Jamil. Institusi Laksamana di Melaka juga kelihatan dimonopoli oleh satu keluarga. Hang Tuah telah digantikan oleh menantu-menantunya, Laksamana Khawaja Hassan dan Laksamana Hang Nadim yang memainkan peranan penting dalam persejarahan awal Johor-Riau kelak.

Pembesar-pembesar Lain

Memang sukar untuk menentukan dengan pasti kedudukan dan fungsi tertentu para pembesar Melaka lain yang mungkin membentuk Pembesar Lapan, Enam Belas dan seterusnya. Tidak ada sebarang sumber tempatan tentang hal ini. *Sejarah Melayu* dan *Hukum Kanun Melaka* menampilkan beberapa gelaran yang kelihatannya berfungsi, tetapi kurang jelas tentang kedudukan taraf pembesar ini.

Antaranya ialah jawatan Perdana Menteri yang pernah disandang oleh Tun Perak sebelum menjadi Bendahara; Seri Bija Diraja, hulubalang yang menjadi timbalan dan bertugas secara bergilir-gilir dengan Laksamana; Syah-bandar, Kepala Bentara Kanan; Kepala Bentara Kiri; para Ceteria; para Sida-sida; anak raja-raja dan akhirnya disebut sahaja, "dan segala menteri dan orang besar-besar ... dan tentera hulubalang ... masing-masing dengan jawatannya." Susunan para pembesar ini kelihatan kompleks. Pada dasarnya, semua pembesar Melaka bermula daripada Bendahara, secara praktisnya adalah 'hulubalang' belaka. Para pembesar kanan menggunakan gelaran Orang Kaya pada pangkal namanya.

Antara pembesar-pembesar yang bukan Pembesar Empat ini, Syahbandarlah yang kelihatan terpenting, malah kedudukan dan fungsinya dirakamkan menjadi fasal undang-undang. Kedudukannya menonjol dalam sistem pembesar Melaka. Tome Pires telah sedar tentang hakikat ini. Dan apabila menuliskan fungsi dan bidang kuasa Syahbandar Melaka, ia menjadi sumber rujukan yang terang dan meyakinkan. Tome Pires mengatakan bahawa institusi Syahbandar berkait dengan organisasi Perbandaran Melaka. Syahbandar mungkin dapat ditarafkan sebagai 'raja pelabuhan' kerana mengendalikan organisasi dan sistem perkapalan, pengendalian cukai, pengawal bagi urusniaga dan urusan dagang, pentadbir anak-anak yatim, menjadi ketua para nakhoda dan sebagai pegawai kebajikan di bandar Melaka. Meilink-Roelofsz yang merujuk pada beberapa sumber Portugis yang bukan daripada laporan Tome Pires telah menambah bahawa tugas awam Syahbandar yang lain termasuklah mengawas perjalanan dan organisasi pasar dan gudang-gudang simpanan barangan dagang serta keselamatan-

nya.[74] Syahbandarlah yang diberikan tugas mengawal sistem timbangtara dalam berat dan ukuran bagi semua transaksi perniagaan, serta juga menjaga nilai mata wang. Oleh itu Syahbandarlah yang mengawal turun naik nilai mata wang dan mengawal daripada berlakunya inflasi.

Terdapat empat orang Syahbandar Melaka. Ini menunjukkan peri penting dan besarnya kegiataan perdagangan dan perniagaan di sana. Tiap-tiap Syahbandar mewakili khidmat dan kebajikan para saudagar, nakhoda dan pedagang kaum atau bangsa masing-masing. Menurut *Hukum Kanun Melaka*, fungsi Syahbandar adalah penting, malah telah menempatkannya dalam lingkungan Pembesar Empat yang keempat selepas Penghulu Bendahari, Temenggung dan Bendahara. *Hukum Kanun Melaka* ini menentukan bidang kuasa Syahbandar seperti berikut;

> "Adapun hukum yang diserahkan kepada Syahbandar itu, iaitu menghukumkan segala dagang dan anak yatim dan segala yang teraniaya dan adat segala jong dan baluk dan barang sebagainya".[75]

Keterangan ini tentunya boleh dilengkapkan lagi dengan merujuk pada kenyataan Tome Pires yang menerangkan tentang konsep, tugas dan bidang kuasa Syahbandar Melaka seperti berikut;

> "There are in Malacca four Xabandares, which are municipal officers. They are the men who receive the captains of the junks, each one according as he is under his jurisdiction. These men present them to the Bemdara, allot them warehouses, dispatch their merchandise, provide them with loading if they have documents, and give orders fot the elephants. There is a Xabandar for the Gujaratees, the most important of all; there is a Xabandar for the Bunuaqujlim, Bangalees, Pegus, Pase; there is a Xabandar for the Javanese, Moluccans, Banda, Palembang, Tamjompura and Lucoes; there is a Xabandar for the Chinese, Lequeos, Chancheo and Champa. Each man applies to (the Xabandar) of his nation when he comes to Malacca with merchandise or messages".[76]

Suatu kelompok masyarakat yang membentuk kelasnya secara tersendiri ialah nakhoda. Mereka kurang terlibat dalam organisasi dan pentadbiran awam. Tetapi dengan munculnya Melaka sebagai sebuah

---

[74]Meilink-Roelofsz. *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago Between 1500 and About 1630*, The Hague, 1962, hlm 36–40.

[75]Liaw Yock Fang, (ed). *op. cit.*, hlm 63–64.

[76]Armando Cortesao, (ed). *op. cit.*, hlm 265.

pelabuhan entrepot dan pusat perdagangan antarabangsa; dan wujudnya masyarakat pedagang tempatan dan asing di Melaka, fungsi nakhoda dalam organisasi perdagangan dan perkapalan di Melaka menjadi amat penting,[77] malah menjadi satu sistem dan ketentuan kepada kegiatan perdagangan dan perniagaan dalam sebuah kerajaan yang amat bergantung pada kegiatan ini. Kedudukan nakhoda sangat penting dalam kedua-dua sektor tersebut sehingga taraf, bidang kuasa dan tugas nakhoda dirakamkan sebagai undang-undang dalam *Undang-undang Laut Melaka*.

Susunan, taraf dan kedudukan, fungsi-fungsi sosiopolitik dan ekonomi yang diketuai oleh para pembesar ini, telah membentuk asas dan memenuhi keperluan umum untuk menjenterai dan membentuk sistem dalam urusan, peraturan dan organisasi berkerajaan. Walau bagaimanapun, pengkhususan tugas dan fungsi masih terlalu kabur. Laksamana boleh bertugas sebagai ketua hulubalang di darat dan di laut, boleh menjadi pegawal peribadi raja, boleh ditugaskan menjadi duta dan pembawa utusan, sehinggalah dikehendaki membasuh berak raja! Bendahara pula, di samping menjalankan tugas formal dalam sektor awam dan ketenteraan, boleh juga menjadi hakim; serta boleh menguruskan perniagaan peribadi secara langsung atau tidak langsung, sehinggalah dikehendaki menyuapkan santap raja!

Sumber organisasi dan penggerak jentera kerajaan adalah berbagai-bagai, antaranya:

(a) Tradisi dan sistem resam temurun yang diwarisi daripada sistem organisasi kerajaan di Singapura dan Palembang periode pra-Islam. Pewaris dan pengamanahnya ialah raja sendiri, para pembesar dan para menteri tua yang berpengalaman dan berpengetahuan.

(b) Undang-undang dan hukum Islam yang dirasionalisasikan dengan tradisi dan resam. Contohnya, konsep pemimpin (al-imam) dalam Islam dirasionalisasikan dengan konsep perajaan Melayu, penggantian secara turun-temurun daripada bapa ke anak dan seterusnya, berlandaskan keluarga sebelah bapa dan adat Temenggung. Panduan dan syarat utama kepimpinan ialah adil dan saksama, sabar, jangan tamakkan harta dunia, dahulukan tugas kepada Allah

[77]Muhammad Yusoff Hashim, "Perdagangan dan Perkapalan Melayu: Rujukan Khusus kepada Bentuk Perdagangan dan Perkapalan Melaka di abad ke-15/ke-16", dalam *Kapal dan Harta Karam (Ships and Sunken Treasures)*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1986 hlm 1–26.

daripada tugas dunia dan bermuafakat. (Fasal 1:3) *Hukum Kanun Melaka* menentukan lagi empat syarat tentang kepimpinan, iaitu raja mestilah pengampun sifatnya; murah hatinya; bertenaga (mental dan fizikal); dan tegas untuk membuat keputusan.

(c) Adat, istiadat, *mores* dan peraturan yang menjadi undang-undang walaupun mungkin pada teorinya sahaja. Undang-undang Islam, sama ada diamalkan sepenuh-penuhnya ataupun dialternatifkan dengan undang-undang negeri dan hukum adat. Kalimat setempat dan terminologi yang digunakan untuk sumber seperti ini ialah majlis, cara, adat, hukum dan bahasa (tutur dan amalan).

(d) Keadaan semasa yang wujud, lalu menjadi adat dan tatacara yang dapat diterima dan diamalkan seperti tradisi jawatan Laksamana, peraturan dan undang-undang tentang bercucuk tanam, undang-undang, peraturan dan tugas nakhoda.

(e) Titah raja, selalunya diimbangkan dengan budi bicara para pembesar dan menteri kanan sebagai usaha untuk mencapai rasionalnya. Ini dilakukan secara muafakat dan bicara sesama mereka.

Apabila kesemua hal tersebut dirujuk pada hukum-hakam, perundangan, norma dan rasionalisasi Islam, sesuai dengan fitrah dan sudut pandangan masyarakat yang beragama, maka diletakkan para intelek dan mualim Islam untuk memainkan peranan penting. Di sinilah mereka berfungsi dalam sistem dan jentera berkerajaan tadi. Menurut *Sejarah Melayu*, dalam beberapa istiadat rasmi istana dan kerajaan, para ahli fiqah dan kadi didapati hadir dan duduk sebaris dengan menteri dan Pembesar Empat. Ini menunjukkan status sosial mereka yang begitu tinggi dalam kelas pemerintah dan pentadbir peribumi Melaka.[78] Antara tokoh fuqaha' ialah Sayyid Abdul Aziz r.h.m. (yang mengislamkan Melaka), Kadi Munawar, Kadi Yusoff dan Tun Muhammad (ahli saraf dan nahu Islam, anak Melayu tempatan).

RAKYAT

Telah menjadi adat, norma dan tradisi yang diterima di kalangan rakyat bahawa raja adalah berdaulat. Raja adalah sebagai nukleus berpolitik dan tampuk berkerajaan. Tanpa raja, institusi kerajaan tidak mungkin wujud.

[78]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 185.

Menurut *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* (yang memancarkan suasana masyarakat Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16), kata seorang penulis, raja adalah "... stood at the heart of all meaningful activity".[79] Raja telah kukuh menjadi suatu budaya politik tradisional. Apabila kedudukan raja demikian maka secara politik juga, diletakkan tanggungjawab rakyat terhadap raja, persis akar yang bertanggungjawab menegak dan menunjangi pokoknya. Dalam konteks saling sokong menyokong ini, apabila raja dan pemerintah (pentadbir) diberikan nilai dan tanggungjawab kepimpinan, rakyat pula dipertanggungjawabkan dengan nilai tertentu sebagai pihak yang dipimpin dan yang menyokong kepimpinan tadi. Oleh itu, nilai ini telah dijadikan undang-undang dalam *Hukum Kanun Melaka*;

> "Adapun segala syarat (*qualities*) segala hamba raja (*ruler's subjects*) itu atas tiga perkara: satu benar kepada barang af'atnya (*behaviour*); kedua, menurut barang titah rajanya, mau ia zalim, mau ia tiada, fardu (wajib) menuruti titahnya; ketiga, ada ia menghadapkan ampun tuannya".[80]

Walaupun terdapat kalimat seperti "mesti mematuhi perintah raja walaupun raja tersebut zalim", namun ia diimbangi dengan kalimat, "rakyat sentiasa mengharap keampunan raja." Begitulah unggulnya bagaimana kerajaan Melaka itu harus berfungsi, dan kemudian menjadi, "... an integral part of the Malay world-view".[81]

Secara umum, rakyat yang diperintah terbahagi dua, iaitu yang merdeka (bebas) dan yang menjadi hamba, Walaupun pengkhususan dalam tugas tidak wujud, namun fungsi sosial, politik dan tanggungjawab tertentu dari segi pembahagian kerja diberikan kepada mereka bagi menggerakkan jentera berkerajaan dan menyelaraskan sistem pemerintahan serta menyokong institusi perajaan.

Rakyat yang merdeka mempunyai pengertian yang tersendiri. Dari segi kedudukan sosial, mereka tidak terikat kepada suatu pihak, berbanding dengan hamba yang terikat kepada pemiliknya. Pekerjaan yang dilakukan oleh hamba adalah atas kerahan dan perintah tuan (pemiliknya). Tugas hamba ialah menjalankan kerja sebagai kuli atau orang suruhan, seperti memanjat dan memetik kelapa, dan mengayuh sampan, sehinggalah kepada kerja membersihkan perahu tuannya. Mereka menjadi harta pemiliknya; sebaliknya pemilik mesti bertanggungjawab kepada mereka. Kesalahan

---

[79]Barbara and L.Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Macmillan, London, 1982, hlm 45.
[80]Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, hlm 66.
[81]Barbara and L.Y. Andaya, *op. cit.*, 1982, hlm 44.

awam dan jenayah yang mereka lakukan adalah menjadi tanggungan tuannya.[82]

Hamba juga adalah simbol status pemiliknya. Semakin ramai hamba yang dimiliki maka semakin tinggilah status sosial seseorang pemilik. Bendahara Tun Mutahir dikatakan memiliki ramai hamba. Ini juga menunjukkan kekayaannya. Hamba mempunyai kaitan dengan tenaga manusia. Semakin ramai hamba, maka semakin besarlah tenaga manusia dan semakin kuatlah pengaruh sosial dan ekonomi pemiliknya. Akhirnya ia melibatkan soal politik. Tun Mutahir yang kaya dan ramai hamba itu didakwa cuba mengatasi taraf raja. Oleh itu beliau dikatakan menderhaka yang akhirnya dibunuh.

Pemilik hamba ialah raja dan kerabatnya, para pembesar dan menteri, orang kaya atau 'orang berada', dan terutamanya para pemiutang. Tiga jenis hamba yang penting terdapat di Melaka, iaitu pertama, hamba raja (mereka menikmati hak sosial yang istimewa); kedua, hamba berhutang; dan ketiga, hamba biasa (terdiri daripada jenis hamba, abdi, dengan dan biduanda). Oleh sebab hamba mempunyai nilai dan implikasi ekonomi dan sosial, maka mereka menjadi bahan dagangan. Oleh sebab kepentingannya itu jugalah hamba telah menjadi suatu institusi dalam masyarakat Melaka.

Hal yang demikian mungkin tidak dialami oleh orang merdeka, walaupun yang dimaksudkan orang merdeka itu sebenarnya ialah kalangan mereka yang berada. Kalangan yang tidak berada mungkin dengan mudah boleh menjadi hamba kerana beberapa sebab, seperti melakukan jenayah dan tidak mampu membayar hutang. Orang merdeka ini boleh juga menjadi hamba apabila menjadi pengikut atau 'anak buah' kepada para pembesar. Oleh itu, terdapatlah 'anak buah' Bendahara, 'anak buah' Laksamana, 'anak buah' Temenggung, dan seterusnya. Para 'anak buah' ini mudah untuk dikenali kerana penempatan mereka disebut kampung iaitu tempat mereka berkampung (berkumpul) seperti 'kampung Bendahara', 'kampung Laksamana' dan 'kampung Temenggung'.

Sejarah Melayu memberikan pertanda tentang kewujudan kampung ini secara umumnya iaitu apabila terdapat sebuah balai di sesuatu kawasan penempatan. Oleh itu, terdapatlah 'balai Bendahara', 'balai Laksamana', dan 'balai Temenggung'. Balai itu menjadi tempat pembesar berbicara dengan 'anak buah' masing-masing (seperti untuk berunding, bermesyuarat, dan menjalankan keadilan). *Sejarah Melayu* mengatakan bahawa ketika Bendahara Tun Perak hampir meninggal dunia, beliau berwasiat dan

---

[82]Rujuk Fasal 2 teks *Undang-undang Melaka* dalam Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, hlm 66–68.

menyerahkan nasib 'anak buahnya' kepada Sultan Mahmud, "... dan segala anak buah patik pertaruh patiklah ke bawah duli tuanku," katanya.[83] Bendahara Tun Mutahir pula disebut sering bersuka ria dengan 'anak buah' di kampungnya, " Adapun Bendahara Seri Maharaja ... jika Bendahara asyik-asyik, dikampungkan segala anak buahnya.[84]

Tenaga para 'anak buah' ini amat besar ertinya untuk memperkuatkan pengaruh politik dan sosial pembesar masing-masing. Dan apabila hal ini berlaku, ia kerap menjadi isu politik yang sensitif. 'Anak buah' sanggup menderhaka untuk mempertahankan maruah pembesar atau keluarga pembesar masing-masing. Sebenarnya mekanisme yang menjadi penghubung antara 'anak buah' dengan raja yang memerintah ialah para pembesar; sebaliknya pembesar jugalah yang menjadi pengekal dan pelindung daulat-derhaka.

Secara praktisnya, hubungan antara 'anak buah' (rakyat) dengan pembesar masing-masing adalah hubungan secara fizikal dan langsung. Tetapi hubungan antara 'anak buah' ini dengan raja terjadi dalam bentuk spirituil dan tidak langsung, serta amat formal. Raja diiktiraf dan dihormati (mungkin secara paksaan) kerana kepercayaan, dan wujudnya daulat secara tradisi itu. Raja dianggap amat kudus dan suci (bukan dalam bentuk agama, tetapi kepercayaan temurun semata-mata). Sebenarnya faktor inilah yang menjadi teras politik berkerajaan.

Berserta dengan hamba yang melakukan tugas-tugas berat, tenaga para 'anak buah' inilah yang dengan mudah digerakkan untuk kegiatan tentera dan peperangan. Sekiranya orang asing yang merdeka itu (seperti Naina Isahak, Khawaja Baba dan Akhtiar Muluk) sanggup berperang untuk Melaka, maka tidak ada sebab mengapa para 'anak buah' yang merdeka dan para hamba terkecuali dalam soal peperangan dan pertahanan. Oleh itu,

[83]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 181.
[84]*Ibid.*, hlm 256.

secara langsung atau tidak langsung, mereka yang merdeka dan juga hamba (termasuk sekalian batin, penghulu dan sakai) terlibat terus dengan kegiatan ketenteraan dalam jentera pemerintahan. Secara umum mereka dikenali sebagai hulubalang.

Rakyat (merdeka dan hamba) juga dikerah untuk melakukan tugas awam. Antara tugasnya ialah menyumbang tenaga kerja untuk semua upacara istana atas kerahan Penghulu Bendahari, membina istana raja dan memperbaiki jalan raya kota Melaka yang diawasi oleh Syahbandar sendiri.



TETAWAK BESAR YANG TERDAPAT DI KANDIL RIAU, TANJUNG PINANG, SUMATERA. DIPERCAYAI MENJADI PESAKA SALAH SEBUAH PERALATAN NOBAT WARISAN KERAJAAN MELAKA PADA ABAD KE-15 DAN ABAD KE-16.

Orang yang termasuk dalam kelas rakyat ialah berbagai-bagai suku Orang Laut. Taat setia mereka kepada raja dan kerajaan Melaka adalah secara tradisi dan temurun, berakar umbi sejak dari era Palembang. Selagi salasilah raja-raja Melaka dapat mengekalkan identiti dan rantaian keturunan dengan kerabat Palembang, selama itulah taat setia mereka kepada kerajaan Melaka diberikan. Sentimen tradisi hubungan 'kemelakaan' dan 'kepalembangan' begitu intim dan kukuh dalam kepercayaan mereka. Di laut, merekalah yang menjadi tulang belakang pasukan laut Melaka, di samping menjadi pengayuh

atau pendayung kapal perang yang dipimpin oleh Laksamana atau Seri Bija Diraja.

Keseluruhannya, raja yang memerintah; pembesar yang menyokong pemerintahan dan mentadbirkan kerajaan; rakyat (merdeka dan hamba) yang bernaung di bawah pembesar dan pemiliknya tetapi bertuankan raja; semuanya menjadi sebahagian daripada keseluruhan komponen yang saling kait-mengait, berfungsi menggerakkan jentera kerajaan dan sistem pemerintahan seluruhnya.

Daripada manakah sumber pendapatan diperolehi untuk membiayai penggerakan jentera kerajaan ini?

Sumber tenaga percuma dan kerahan yang diperolehi daripada rakyat adalah mengikut tradisi dan menjadi salah satu daripada sistem masyarakat. Pihak yang bertanggungjawab membekalkan sumber jenis ini ialah pembesar-pembesar sendiri.

Sumber pendapatan ialah dari bandar Melaka sendiri dalam bentuk pungutan cukai pelabuhan, cukai perdagangan, dan cukai pelesenan jual beli. Hasil kerajaan jenis inilah yang paling besar.

Para pembesar memperolehi hasil daripada kawasan 'pegangan' atau kawasan 'habuan' yang dianugerahkan kepada mereka. Ini tidak termasuk hasil daripada usaha mereka sendiri seperti usaha berdagang secara proksi[85] dan habuan yang diterima daripada para pedagang untuk menguruskan perdagangan mereka yang dianggap oleh Tome Pires sebagai rasuah itu.

Semua kawasan takluk dikehendaki untuk menyerahkan sebahagian daripada hasil pendapatan mereka ke Melaka yang dinamakan sebagai ufti. Di samping itu kawasan ini juga dikehendaki untuk mengeksport hasil mereka melalui pelabuhan Melaka. Semakin banyak kawasan taklukan, maka semakin banyaklah ufti yang diperolehi.

Hasil ini dijadikan milik dan khazanah kerajaan. Sekiranya benar dakwaan Tome Pires bahawa tugas Bendahara antara lain ialah, "... has charge of the king's revenue", maka kemungkinannya ialah Bendahara bertanggungjawab menguruskan pendapatan kerajaan, terutama hasil ufti dari kawasan taklukan. Seterusnya hasil pendapatan ini dikhazanahkan dan menjadi tanggungjawab Penghulu Bendahari pula untuk menguruskannya.

KAWASAN LUAR DARI MELAKA SEBENAR

Gaya politik Sriwijaya praperiode Melaka telah dijadikan model dan ilham cara berpolitik yang amat baik oleh raja-raja Melaka terawal untuk menggiat-

[85]Muhammad Yusoff Hashim, "Perdagangan dan Perkapalan ...," *op. cit.*, Meilink-Roelofsz, *op. cit.*, hlm 42.

kan lagi kegiatan diplomatiknya. Sebagaimana raja-raja Sriwijaya yang menjadi nenek moyang Parameswara dan para penggantinya, raja-raja Melaka awal ini juga sedar tentang peranan dan nilai sistem ufti dengan mengiktiraf China sebagai 'kuasa besar' di rantau ini, untuk tujuan politik dalam negeri dan juga untuk matlamat ekonomi. Perlindungan politik yang diterima dari China secara teori itu adalah penting untuk menolak sebarang kemungkinan ugutan politik dari Ayuthia (Siam) dan ancaman Majapahit yang semakin menurun kuasanya itu.

Galakan kepada para saudagar dari China untuk berdagang ke Melaka pula dapat meraih jaminan spekulasi ekonomi bercorak perdagangan yang boleh menguntungkan. Inilah prinsip dan dasar luar politik serta ekonomi yang diamalkan oleh Parameswara dan pengganti-penggantinya pada awal abad ke-15. Ini disebabkan sehingga pada pertengahan abad ke-13 perdagangan dengan China hanya dibenarkan melalui pertukaran misi perdagangan antara China dengan negeri-negeri uftian di seberang laut. Dari tahun 960 hingga 983 Masihi, Sriwijaya dilaporkan telah menghantar sekurang-kurangnya lapan misi perdagangan untuk menghadap Maharaja China, yang disertai oleh para saudagarnya.[86]

Dengan gaya dan tradisi politik Sriwijaya inilah Melaka berkembang. Semasa pemerintahan Parameswara, beberapa misi perdagangan dari Melaka juga dihantar ke China serentak dengan berlakunya perubahan dasar ekonomi seberang laut kerajaan Maharaja Yung-lo pada awal abad ke-15. Kegiatan perdagangan ke negeri asing hanya dibenarkan atas gagasan dan perlindungan pemerintah atau kerajaan serta atas prinsip pertukaran misi politik, antara sebuah 'kuasa besar' dengan kerajaan-kerajaan tempatan di rantau ini, seperti yang terjadi sebelum ini, diikuti oleh pertukaran misi Melaka-China. Peristiwa sejarah ini begitu penting dan sangat berpengaruh sehinggakan kisah sejarah itu bertukar corak menjadi kisah legenda rakyat. Sultan Mansor Syah telah berkahwin dengan seorang wanita Cina bernama Hang Li Po, yang didakwa oleh *Sejarah Melayu* sebagai Puteri Maharaja China. Tujuan *Sejarah Melayu* ialah untuk merakamkan hubungan kekerabatan yang erat dalam tradisi sejarah Melaka-China. Dan ini tentunya dirujuk daripada episod bersejarah dalam hubungan diplomatik Melaka–China sepanjang pemerintahan Parameswara itu.

Hubungan ini meninggalkan dua kesan politik dan ekonomi yang penting. Pertama, kewujudan Melaka mendapat pengiktirafan sebuah kuasa agung di rantau ini. Pengiktirafan ini disimbolisasikan dengan penghantaran

[86]O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya*, hlm. 33–40; Paul Wheatley, *Impressions*, 1964, hlm 85; F. Hirth and W. Rockhill, (eds), *op. cit.*, hlm 23.

sebuah prasasti yang memahatkan suatu moral dan falsafah Dinasti Ming. Melaka merupakan kerajaan seberang laut yang pertama mendapat pengiktirafan dan penghormatan seperti itu.[87] Pengiktirafan ini semacam memberikan jaminan politik kepada Melaka bukan sahaja untuk tujuan penubuhan dan matlamat daulatnya di peringkat antarabangsa, malah menjadi dorongan pula untuk Melaka menjadi sebuah kuasa penakluk di rantau ini selepas itu.

Matlamat ini saling berkait dengan kesan yang kedua, iaitu ekonomi. Dalam pengamalan dan pelaksanaan 'sistem uftian', China memerlukan sebuah pelabuhan di rantau Nan Yang (Samudera Selatan) untuk menyalurkan dagangannya. Oleh sebab itulah Maharaja Yung-lo telah menghantar misi politiknya yang pertama ke Melaka pada tahun 1404.[88] Pengawalan terhadap seluruh kawasan Pantai Timur dan Pantai Barat Selat Melaka bererti jaminan pengawalan terhadap kawasan lalulintas perdagangan di selat tersebut. Ini akan meningkatkan lagi kegiatan dan keuntungan perdagangan Melaka sendiri. Pengawalan politik secara langsung terhadap kerajaan-kerajaan tempatan di sekitar selat dalam bentuk penaklukan dan pengawalan hasil dagang daripada seluruh Gugusan Kepulauan Melayu oleh suatu kuasa tunggal seperti Melaka tentu memudahkan China untuk menukar hasil dagangannya dengan pihak Barat melalui Melaka. Dalam konteks politik dan ekonomi, Melaka dan China saling memerlukan. Ini sebenarnya adalah formula politik dan ekonomi yang paling asas tetapi amat unggul untuk diamalkan oleh kedua-duanya. Dalam konteks dan keadaan semasa yang timbul di China dan suasana eksploitasi di persekitaran Selat Melaka itulah, maka Melaka pun mengambil peluang.

TAKLUK

Sumber China melaporkan bahawa kegiatan untuk meluaskan kawasan Melaka telah bermula sejak pemerintahan Megat Iskandar Syah, Raja Melaka yang kedua.[89] Sempadan Melaka sebenar berjaya diperluaskan sehingga ke Kuala Linggi di utara dan ke Kuala Kesang di selatan. *Sejarah Melayu* dengan memetik sumber daripada pihak rawi mengatakan bahawa ketika Sultan Muhammad Syah (Raja Kecil Besar atau Seri Maharaja) memerintah,

---

[87]Rujuk Wang Gungwu, "The Opening of Relations Between China and Malacca, 1403–1405", dalam John Bastin and R. Roolvink, (eds), *Malayan dan Indonesian Studies: Essays Presented to Sir Richard Winstedt on his Eighty–fifth Birthday, Oxford*, 1964, hlm 101.

[88]*Ibid.*, O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya*, hlm 37.

[89]F. Hirth and W. Rockhill, (eds), *op. cit.*, hlm 32; Rujuk juga Barbara and L.Y. Andaya, *op. cit.*, hlm 50.

"jajahan Melaka makin banyak. Yang arah ke barat hingga Beruas, Hujung Karang; arah ke timur had Terengganu".[90]

Sehingga pada tahun 1459, kawasan-kawasan Dinding, Selangor, Muar, Singapura, Bentan, Pahang, Inderagiri dan Kampar (di Sumatera Timur) telah ditakluki oleh Melaka. Sehingga pada masa kemangkatan Sultan Mansor Syah (1477), ditakluki pula Bernam dan Perak di Semenanjung Tanah Melayu serta Siak, Rupat dan Rokan di Sumatera. Inderagiri, Kampar dan Pahang ketika itu cuba membebaskan diri, tetapi ditindas oleh Melaka. Ketika Sultan Alauddin Riayat Syah memerintah, kawasan penguasaan Melaka dikembangkan lagi ke kawasan petempatan Orang Laut di selatan, iaitu seluruh Kepulauan Riau-Lingga. Sehingga pada tahun 1511, seluruh kawasan Semenanjung termasuk Patani, Kelantan, Kedah dan Terengganu (yang mengiktiraf ketuanan Ayuthia) menjadi taklukan Melaka.

Di Sumatera Timur, hanya kawasan Aru dan Pasai yang gagal untuk dikuasai. Oleh itu kedua-duanya dianggap setara dengan Melaka. Selain Majapahit, *Sejarah Melayu* mendakwa bahawa Melaka, Aru dan Pasai 'sama besarnya'.[91]

Apabila kawasan-kawasan di sekitar Selat Melaka ini dapat dikuasai maka Melaka dapat membentuk sebuah empayar kelautan untuk mengawal lalulintas perdagangan yang menjadi penghubung antara Timur dengan Barat walaupun penguasaan kawasan tidaklah selengkap Sriwijaya dahulu. Corak pemerintahan dan pentadbiran Melaka sebenar adalah berbeza daripada kaedah pemerintahan dan pentadbiran kawasan-kawasan taklukan. Walaubagaimanapun, hubungan politik dua hala yang dijalinkan secara langsung, dijadikan teras hubungan politik antara Melaka sebenar dengan kawasan taklukan tadi.

Alat dan mekanisme politik yang paling berkesan untuk mengawal dan mengekalkan hubungan antara kuasa penakluk dengan kuasa yang ditakluk ialah kerana adanya bala tentera dan angkatan laut Melaka yang kuat dan besar. Selain alat dan mekanisme politik ini, terdapat juga beberapa perkara lain yang perlu untuk dipatuhi oleh kawasan taklukan tadi. Perkara tersebut adalah seperti dalam bentuk adat, protokol dan undang-undang. Kuasa yang ditakluk dikehendaki supaya patuh terhadap 'kuasa besar' serantau yang menaklukinya pada zaman tradisional seperti menunaikan tanggungjawab material, moral, fizikal dan protokol atau undang-undang politik dua hala itu.

Kawasan-kawasan takluk yang telah disebutkan itu tidak termasuk

[90]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 82.
[91]*Ibid.*, hlm 77; 95–96.

kawasan-kawasan kecil yang mungkin belum mempunyai identiti politik kenegerian dan pemerintahan, tetapi telah berpenghuni dan berpengetuan serta dengan mudah sahaja 'terserap' ke dalam identiti dan wibawa politik yang lebih besar seperti Melaka. Kawasan ini dinamakan pegangan kerana ia dipegang (diserah untuk ditadbir dan dikuasai) oleh pembesar dari Melaka sendiri. Kawasan pegangan adalah anugerah sultan sebagai membalas perkhidmatan cemerlang pembesar atau pegawai Melaka tadi. Pegawai tersebut tidak semestinya bermastautin di kawasan pegangannya itu. Ketua pentadbir kawasan pegangan digelar raja (ertinya ketua), tetapi tidak semestinya daripada kalangan kerabat. Ketua pentadbir tersebut dan bertanggungjawab kepada pembesar dari Melaka yang memegangnya. Ini juga bererti bahawa di samping menjadi pentadbir di peringkat pusat, para pembesar Melaka ini bertanggungjawab mentadbir kawasan pegangannya. Dengan adanya kawasan seperti ini maka bertambahlah bilangan 'anak buah' para pembesar berkenaan yang bermastautin di 'kampung' pembesar tadi di kota Melaka. Oleh yang demikian, semakin besarlah pengaruh sosial dan politik pembesar tersebut.

Antara kawasan yang menjadi unit politik kecil ini ialah:

Siantan, Sungai Raja : dipegang oleh Laksamana

Merba : dipegang oleh Seri Udani

Sening Hujung, Kampar : dipegang oleh Seri Nara Diraja

Inderagiri : dipegang oleh Tun Bija Sura

Bentan, Muar : dipegang oleh Bendahara

Buru : dipegang oleh Paduka Tuan

Singapura : dipegang oleh Seri Bija Diraja

Dengan itu terdapat tiga kategori kawasan pentadbiran empayar Melaka, iaitu:

(a) Melaka sebenar yang menjadi pusat pentadbiran atau pemerintahan. Di sinilah tempat raja dan para pembesar menetap. Ia menjadi pusat pentadbiran dan pemerintahan seluruh kerajaan.

(b) Kawasan takluk yang disebut jajahan, pertama, yang paling hampir dengan Melaka sebenar, dan kedua, yang jauh dari Melaka.

(c) Kawasan uftian yang disebut pegangan.

Tiga kategori kawasan ini tidak termasuk beberapa kerajaan tempatan yang mengiktiraf kedaulatan raja Melaka tetapi tidak dinaungi secara politik. *Sejarah Melayu* menyebut salah satu daripadanya, iaitu Brunei.

Pentadbir bagi Melaka sebenar adalah jelas. Pentadbir bagi 'jajahan takluk' pula ialah:

(a) 'Raja' atau 'pemerintah' kawasan itu sendiri yang memerintah dengan restu istana Melaka. Mereka mengakui kedaulatan raja Melaka selepas dikalahkan dalam peperangan ataupun mereka tunduk di bawah penguasaan Melaka secara sukarela. Contohnya ialah pemerintah Beruas, Tun Aria Bija Diraja yang didakwa oleh *Sejarah Melayu* bahawa selepas beliau disembah nobat oleh rakyat Beruas, beliau akan mengarahkan mukanya ke Melaka lalu menyebut "Daulat Sultan Mahmud!"[92] Selalunya, selepas tertakluk, pemerintah asal kawasan berkenaan dikehendaki supaya menjalani istiadat nobat di istana Melaka sebagai lambang pengiktirafan politik oleh suatu kuasa penakluk dan ketuanan terhadap satu kuasa lain yang ditakluk. Raja dan pemerintah Kedah yang mungkin lebih awal muncul daripada kerajaan Melaka dinobatkan semula di Melaka selepas ia ditakluki.[93] Istilah politik peribumi bagi merujuk pada kawasan yang tertakluk ini disebut, "... menyembah ke Melaka".

Selain ini, Tome Pires menyebutkan bahawa pemerintah Tungkal dan Purjm (kawasan kediaman Orang Laut) dikenali sebagai syeikh. Kesemuanya dikatakan, ".... obedient to the said king of Malacca".

(b) Ada antara kawasan ini yang sering membebankan Melaka kerana ancaman politik mereka yang kerap untuk memberontak, seperti Pahang dan Kampar. Setelah ditundukkan semula melalui tindakan tentera maka dihantar anak-anak raja dari Melaka sendiri untuk memerintah di situ. Langkah politik seperti ini dan usaha sosial mengahwinkan anak-anak raja dari Melaka dengan anak-anak pemerintah kawasan takluk akan mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan di kalangan sesama kerabat Melaka dengan kerabat kawasan taklukan tadi. Ketegangan politik mungkin dapat dikendurkan.

---

[92] *Ibid.*, hlm 204.
[93] *Ibid.*, hlm 247.

Apabila dikaji hubungan kekeluargaan kerabat ini, didapati bahawa raja Melaka, pemerintah Pahang, Kampar dan Inderagiri semuanya saling bersepupu. Pemerintah-pemerintah kawasan taklukan ini dikatakan oleh Tome Pires sebagai, "... is also related to the said king of Malacca."[94] Begitulah juga dengan contoh yang lain. Raja Siak, iaitu Sultan Ibrahim (Megat Kudu) adalah putera tawanan bekas raja Siak (Maharaja Permaisura) yang dikalahkan oleh Melaka. Sultan Ibrahim yang menggantikan ayahnya sebagai raja di Siak, telah dijadikan menantu oleh Sultan Mansor Syah.

Puteri Raja Kelantan yang bernama Onang Kening dijadikan isteri oleh Sultan Mahmud Syah setelah Kelantan dikalah, ditawan dan ditakluki oleh angkatan Seri Maharaja Tun Mutahir dari Melaka.

(c) Terdapat kawasan yang mengeluarkan hasil bijih yang menganjur dari Kuala Linggi ke Kedah. Kawasan ini dikatakan oleh Tome Pires sebagai sebahagian daripada, "the Kingdom of Malacca.[95] Pemerintah kawasan ini disebut *mamdaliqua* (mendelika) yang bertanggungjawab terus kepada raja Melaka. Kawasan seperti ini ialah Kelang, Selangor, Bernam, Jugera, Beruas, Manjong dan Perak.[96] *Sejarah Melayu* menyebut pemerintah di kawasan ini sebagai Penghulu. Kawasan ini termasuk dalam kategori kawasan takluk yang disebut jajahan yang paling hampir dengan Melaka sebenar dalam kawasan pentadbiran empayar Melaka.

Isu imbangan kuasa di sekitar Selat Melaka dalam menghadapi saingan politik dengan Aru dan Pasai yang setaraf dengan Melaka juga perlu diawasi. Campur tangan politik pemerintah Melaka dalam kedua-dua kerajaan tersebut bermula apabila meletusnya kekecohan politik di situ. Di Pasai contohnya, pemerintah yang berdaulat, Sultan Zainal Abidin cuba digulingkan oleh adiknya, Raja Muda. Melaka turut terlibat untuk membantu Sultan Zainal Abidin dan telah mencapai kejayaan.[97] Apabila Aru berperang dengan Pasai, Melaka berpihak kepada Pasai. Aru mengaku kalah dan meminta berdamai.[98]

---

[94]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 263.
[95]*Ibid.*, hlm 260.
[96]*Ibid.*, hlm 260–261.
[97]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 263.
[98]*Ibid.*, hlm 174–178.

Hubungan politik antara Melaka dengan dua kategori kawasan pentadbiran tadi kelihatan wujud dalam bentuk memusat tetapi dengan keadaan yang agak longgar; dan diikat menerusi dua konsep politik tradisi, iaitu:

i. Mengakui kedaulatan raja Melaka sebagai kuasa ketuanan, walaupun dalam keadaan dipaksa dan takut kerana adanya unsur tekanan tentera daripada pihak pusat. Tome Pires berulang kali menyebut ikatan politik ini dengan kalimat, "... tributary to the kingdom of Malacca .... They are obedient to Malacca".[99]

ii. Pengekalan dan penggunaan istilah rasmi 'sembah' daripada kedua-dua kategori kawasan berkenaan terhadap Melaka. Istilah rasmi 'salam' dan 'kasih' hanya digunakan untuk kerajaan yang setaraf dan bersahabat dengan Melaka sahaja, seperti Aru dan Pasai.

Kecenderungan menumpukan kuasa ke arah pusat dalam hubungan dua hala di antara kuasa penakluk dan ketuanan dengan kuasa yang ditakluk mengambil bentuk hubungan politik yang bertimbal balik di antara kedua-duanya. Hubungan ini dikaitkan dengan ikatan dan matlamat ekonomi. Pihak yang ditakluk mempunyai obligasi dan tanggungjawab kepada pihak pusat; sebaliknya pula pihak pusat bertanggungjawab memerhati perjalanan politik dan keamanan pihak yang ditakluk.

Kelonggaran corak hubungan dua hala ini dapat dilihat apabila kawasan taklukan diberikan hak pemerintahan dan autonomi kuasa perjalanan dan amalan undang-undang awam dan jenayah tersendiri serta mengikut peraturan, adat dan resam tempatan masing-masing.[100] Tetapi hukuman membunuh adalah kuasa dan hak raja Melaka. Pembunuhan tanpa kebenaran dan pengetahuan Melaka dimasukkan dalam kategori 'menderhaka' kepada raja Melaka; ia dianggap satu kesalahan jenayah.

Ikatan dan tanggungjawab kawasan takluk atau jajahan kepada pihak pusat diringkaskan seperti berikut:

(a) Menyerahkan ufti dalam bentuk material untuk memenuhi keperluan perbendaharaan Melaka. Umpamanya para Mendelika

[99]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 262–264.
[100]*Ibid.*, hlm 261.

dikehendaki untuk menyerahkan setimbangan berat bijih ke Melaka. Tome Pires melaporkan bahawa Kelang, Bernam, Perak dan Jugera contohnya, dikehendaki menyerahkan sebanyak empat ribu *calains* setahun ke Melaka. Selangor dan Beruas pula dikehendaki menyerahkan sebanyak enam ribu *calains* setahun, dan seterusnya.[101]

Kampar yang rajanya bersepupu dengan raja Melaka, Inderagiri dan Pahang dikehendaki untuk menyerahkan empat kati emas setahun ke Melaka sebagai ufti. Lingga, Rokan, Tungkal dan Rupat dikehendaki untuk menyediakan sebanyak empat puluh buah perahu dan lancar yang lengkap dengan hulubalangnya untuk Melaka sekiranya meletus peperangan. Dalam mengungkapkan amalan penyerahan dua bentuk ufti tradisional daripada jenis material dan tenaga manusia dari kawasan yang menjadi, "... tributary to the kingdom of Malacca"[102] ini, Tome Pires mengatakan bahawa "some of them pay tribute and some supply men".[103]

(b) Seperti yang telah dikatakan oleh Tome Pires, kawasan takluk dikehendaki untuk menyediakan tenaga manusia tanpa upah untuk memenuhi kehendak 'kerah' bagi tugas-tugas awam yang besar dan tugas ketenteraan serta pertahanan. Mungkin kekalahan Melaka dalam peperangan dengan Portugis adalah akibat daripada kelewatan menerima tenaga bantu dari kawasan-kawasan takluk ini.

Pembinaan istana Sultan Mansor Syah dilaporkan sebagai menggunakan kerahan tenaga kolektif para pekerja dan tenaga mahir dari ceruk rantau jajahan Melaka seperti Ungaran, Tungkal, Buru, Suir, Pancor, Sarapung, Merba, Sawang, Kundur, Suntai, Malai, Upang, Bentan dan Muar.

(c) Mematuhi adat istiadat dan peraturan yang ditentukan oleh istana Melaka:

i. Untuk memastikan dan menjamin taat setia yang berterusan dari kawasan taklukan. Pemerintah (ketua) kawasan ini dikehendaki untuk menghadap raja Melaka secara berkala, terutama ketika merayakan sambutan hari kebesaran diraja, sambutan adat dan perayaan agama. Ketika itu istiadat

[101] *Ibid.*, hlm 260–261.
[102] *Ibid.*, hlm 263.
[103] *Ibid.*, hlm 262.

'menghadap nobat' dan 'menjunjung duli' akan dijalankan.

Seri Bija Diraja yang memerintah di Singapura tidak menghadap Sultan Mahmud ketika sambutan Hari Raya. Beliau dihukum bunuh setelah baginda merasakan bahawa Seri Bija Diraja mencabar kesetiaannya terhadap raja Melaka.

ii. Untuk tujuan melambangkan *political superiority* sebagai sebuah kuasa ketuanan, maka diadat dan ditentukan bahawa ketika raja Melaka berangkat ke negeri-negeri lain, raja atau pemerintah kawasan takluk dikehendaki untuk datang mengiringi keberangkatan diraja tadi. Dengan ini mungkin taraf kebesaran dan kedaulatan raja Melaka dapat ditingkatkan, sekaligus dapat menguji dan mengukur taat setia raja atau pemerintah kawasan takluk tadi.

Apabila Sultan Mansor Syah berangkat ke Majapahit *Sejarah Melayu* melaporkan bahawa baginda telah mengerahkan raja atau pemerintah Inderagiri, Palembang, Jambi, Lingga dan Tungkal datang ke Melaka untuk mengiringi baginda bersama-sama dengan 'segala raja-raja itu, dan segala hulubalang yang muda-muda'.[104]

(d) Penaklukan politik secara automatik, secara tidak langsung akan melibatkan penaklukan ekonomi. Hasil dagangan kawasan takluk dikehendaki untuk diperdagang dan dipasarkan ke Melaka atau melalui Melaka. Oleh itu, amalan monopoli dagangan oleh Melaka pun berlaku. Contohnya, ikan terubuk dari Siak dan Inderagiri dikehendaki untuk diperdagangkan ke pihak asing melalui Melaka sahaja.

Menurut undang-undang tradisional Melaka, semua tanah kawasan yang membentuk empayar Melaka ini dalam istilah peribuminya disebut sebagai;

> "... daripada suatu negeri ke suatu negeri, daripada suatu dusun ke suatu dusun, daripada suatu teluk ke suatu teluk, daripada suatu anak sungai ke suatu anak sungai sekaliannya".[105]

Melaka bertanggungjawab untuk memberikan perlindungan politik dan menjamin keselamatan serta perjalanan dan peraturan berkerajaan dan pen-

[104]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 117.
[105]Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, hlm 105.

tadbiran di kawasan taklukan ini. Ada beberapa orang raja dan pemerintah kawasan ini yang menetap di Melaka dan dilaporkan 'hilang' (mangkat) di situ.

Suatu ketika, *Sejarah Melayu* melaporkan bahawa Semerluki, anak raja Mengkasar telah mengganas dan merosakkan banyak kawasan dan tanah jajahan Melaka di Hujung Tanah. Laksamana dan angkatannya dititahkan oleh Sultan Mansor Syah untuk mengalahkan Semerluki di laut Melaka serta melindungkan tanah jajahan ini.[106] Pemerintah Pahang dan Kampar 'dihukum' oleh raja Melaka kerana membunuh tanpa pengetahuan dan kebenaran Melaka. Walaupun autonomi undang-undang kawasan ini diberikan, namun kes-kes jenayah berat seperti membunuh adalah menjadi hak perundangan Melaka. Sebarang perubahan dasar luar negeri kawasan ini juga wajib dirujuk dan ditentukan oleh Melaka.

[106]W.G. Shellabear, (ed), *op.cit.*, hlm 151–153.

9

Pemikiran tentang Undang-undang dalam Kesultanan Melayu Melaka

DARI sudut ilmu antropologi, undang-undang sering dilihat daripada dua pendekatan. Pertama, undang-undang dilihat sebagai suatu sistem yang berfungsi. Fungsi ini bergerak (operate) di berbagai-bagai peringkat di kalangan kelompok-kelompok masyarakat dan dengan berbagai-bagai cara pula. Tujuan undang-undang yang paling asas ialah untuk menentukan peraturan kerana untuk menjaga dan mengawal keamanan dan keselesaan sosial serta keharmonian masyarakatnya.[1] Kedua, undang-undang dilihat sebagai suatu sistem yang berkonsep (conceptual system), iaitu berbagai-bagai kategori sistem yang tersusun secara formal (formally organised system of categories).[2]

PENGERTIAN DAN KONSEP

Sebagaimana yang pernah diajukan oleh Mac Gluckman bahawa undang-undang dalam rangka pengajian antropologi adalah merupakan suatu penegasan. 'Undang-undang' atau sistem perundangan adalah suatu cara (means) untuk menyelesaikan berbagai-bagai bentuk konflik dan kekecohan dalam masyarakat (antara sesama individu, di kalangan sesama kelompok atau antara individu dan kelompok dengan sistem keadilan yang telah pun ditentukan dalam masyarakat tersebut).[3] Bagi ahli sejarah-sosiologi pula, undang-undang sering dilihat sebagai satu daripada hakikat (fenomena) masyarakat. Undang-undang merupakan sebahagian daripada keseluruhan sistem masyarakat yang bergerak, mengawal tindak tanduk manusia dan yang sering membentuk unsur-unsur dinamik selaras dengan dinamiknya kebudayaan dalam masyarakat tadi. Undang-undang tersebut mempunyai sejarah per-

---

[1]Levi-Strauss, "Social Structure", dalam A.L. Kroeber, (ed), *Anthropology Today* (Chicago and London, 1953), hlm 524–553.

[2]David S. Moyer, *The Logic of Laws* (Verhandelingen, The Hague, Matinus Nijhoff, 1975), hlm 258.

[3]Max Gluckman, *The Ideas in Barotse Jurisprudence* (New Haven and London, 1965), hlm 17–18.

mulaannya, kemudian ia berkembang sesuai dengan perkembangan dan perubahan masyarakatnya. Kemudian undang-undang itu diwarisi dari semasa ke semasa dan dari zaman ke zaman. Ahli sejarah mungkin memerlukan dua lagi kriteria untuk membuktikan fungsionalnya undang-undang tadi dalam sesuatu masyarakat atau kebudayaan. Yang pertama, bukti kewujudan dan penggunaan undang-undang tersebut, dan yang kedua, dari segi kesinambungannya (continuity) bahawa undang-undang tersebut tidak terasing atau 'luput' dengan begitu sahaja dalam suatu ruang atau suatu masa yang tertentu.

Dari segi geografi, Kesultanan Melayu Melaka wujud lebih kurang dari tahun 1400 hingga tahun 1511 Masihi. Dari segi sejarah, kewujudannya telah mendapat pengiktirafan oleh sesiapa sahaja. Malahan pada dan sekitar tahap atau jangka masa tertentu, pencapaiannya ke peringkat keagungan dan kecemerlangan kebudayaan sejarah Melayu di Selat Melaka telah diakui oleh semua pihak. Daripada sebuah petempatan yang wujud tanpa nama (?), ia mendapat nama Melaka dengan asal usul mitosnya yang bermacam-macam. Kemudian ia membentuk sebuah kerajaan dengan 'memegang' kawasan daripada berbagai-bagai negeri, anak sungai dan dusun. Semua kawasan ini menjadi 'takluk' Melaka di kemuncak kewujudan sebuah Empayar Melayu Melaka yang meneruskan tradisi Empayar Palembang-Sriwijaya.[4]

Penduduk Melaka adalah bercorak kosmopolitan. Bilangan bahasa yang dipertuturkan oleh penduduk ini berjumlah 84 semuanya.[5] Penduduknya dianggarkan seramai 190 000 orang menjelang kedatangan Portugis[6] dengan jumlah hulubalangnya seramai lebih kurang 100 000 orang.[7] Oleh itu, amatlah mustahil jika Melaka tidak mempunyai undang-undang atau sesuatu yang dapat mengawal tindak tanduk (behaviour) anggota masyarakatnya sama ada di bandar atau kota Melaka itu sendiri, atau di luar Melaka. Undang-undang bertujuan untuk melahirkan sebuah masyarakat yang bersistem. Tome

---

[4]O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce, A Study of the Origin of Srivijaya* (Ithaca, 1967), (passim); Buku Wolters juga yang berjudul *The Fall of Srivijaya in Malay History* (Kuala Lumpur, 1970), (passim); Dalam tradisi persejarahan teks *Sejarah Melayu*, hubungan Melaka-Sriwijaya disimbolisasikan dengan berbagai-bagai unsur seperti jurai keturunan Raja Iskandar di Melaka dari Bukit Siguntang Mahamiru, Muara Tatang, tradisi hubungan Melaka-Singapura-Bentan-Palembang, tradisi Sang Sapurba dan Demang Lemar Daun dan lain-lain. Rujuk *Sejarah Melayu* versi W.G. Shellabear (Singapura 1961), hlm 21–71 dan *Sejarah Melayu, Raffles MS.18* daripada versi R.O. Winstedt, dalam *JMBRAS*, Jil XVI, iii, 1938, hlm 57–77.

[5]Laporan Tome Pires dalam Armando Cortesao (ed), *The Suma Oriental of Tome Pires*, Vol 2 (London, The Hakluyt Society, 1944), hlm 261. Pires juga pernah melapor bahawa, "They have civil and criminal (jurisdiction) in their lands ..."

[6]Disebut dalam *Sejarah Melayu* sebagai. "... rakyat Melaka sembilan belas laksa banyaknya yang di dalam negeri juga". (Selaksa = 10 000), 19 × 10 000 = 190 000.

[7]D.F.A. Hervey, "Valentyn's Description of Malacca", dalam *JMBRAS*, No 16, 1884, hlm 301; E. Koek, "Portuguese History of Malacca", dalam *JMBRAS*, No 17, 1886, hlm 117–138.

Pires, pelapor Portugis sezaman yang lebih berminat pada keadaan ekonomi dan perdagangan Melaka, pernah juga menyebut tentang wujudnya *the law of Malacca*, iaitu unit kalimat yang dirujukkannya kepada organisasi sistem dan urusan perdagangan.[8]

Ada kalangan yang memerintah dan ada pula pihak yang diperintah. Tiap-tiap anggota masyarakat adalah berfungsi. Fungsi ini yang disokong oleh undang-undang tertentu telah menyebabkan Melaka berjaya hidup lebih daripada satu abad lamanya. Dengan perkataan lain, undang-undang itu sendiri merupakan suatu, "... system that operates in conjunction with other systems to regulate and control the social order".[9] Apabila dicorakkan oleh masa, masyarakat dan zaman yang berbeza, dan juga oleh keperluan masyarakat atau kelompok masyarakat tadi maka yang sering kita fahamkan dan ertikan sebagai undang-undang (*laws* dalam bahasa Inggeris atau *wet* serta *recht* dalam bahasa Belanda),[10] pada hari ini adalah berbeza daripada fahaman tentang undang-undang pada masa Kesultanan Melayu Melaka dahulu.

Salah satu daripada kriteria undang-undang pada hari ini ialah undang-undang tersebut haruslah tertulis (codified/documented). Beberapa contoh dapat ditunjukkan. Seorang penunggang basikal pada waktu malam yang tidak memasang lampu adalah salah di sisi undang-undang. Dia boleh didakwa dan dihukum jika sabit kesalahan, sebab peraturan ini telah dituliskan oleh penggubal undang-undang. Tetapi sekiranya peraturan tadi tidak dituliskan, si penunggang basikal berkenaan mungkin tidak boleh didakwa, malahan dia tidak bersalah di sisi undang-undang.

Berbanding dengan ini ialah tentang seorang gadis Melayu yang mengingkari janji pertunangannya. Gadis ini dikehendaki membayar ganda (seperti harga cincin tanda pertunangan). Sekiranya si gadis tadi tidak berbuat demikian, dia dianggap bersalah dari segi adat, tetapi tidak mungkin pula menyalahi undang-undang negeri. Cuma adat yang menghukumnya. Dia tidak semestinya menggadai cincin tanda pertunangannya itu sekiranya dia tidak menghormati adat; justeru tidak pula dapat didakwa oleh badan penggubal undang-undang.

Oleh itu, kesalahan si penunggang basikal yang tidak memasang lampu adalah berbeza dengan kesalahan si gadis yang mengingkari janji pertunangannya. Begitulah juga halnya dengan undang-undang sekular negeri (tetapi ia mungkin wujud dalam undang-undang syariah dan Jabatan Hal-Ehwal

[8]Armando Cortesao, *op. cit.*, hlm 257.

[9]David S. Moyer, *op. cit.*, hlm 261.

[10]Kata majmuk untuk *wet* ialah *wetten*. Lihat G.J. Visser, *Nederlands Engels Woordenboek* (Utrecht/Antwerpen, Prisma – Boeken, 1975), hlm 178.

Agama Islam Negeri) yang tidak membenarkan untuk menangkap atau mendakwa orang Islam yang tidak bersembahyang Jumaat di masjid. Hanya di Kedah dalam undang-undang tradisional di Kedah telah tertulis peruntukan untuk mendakwa orang Islam yang enggan menunaikan sembahyang Jumaat. Hukumannya ialah memakan rumput di sekitar masjid di dalam kariahnya.[11] Oleh itu, secara ringkas R.J. Wilkinson mengertikan undang-undang sekarang sebagai, "... made by a legislature and not based on ancestral custom (adat) or religion (hukum)".[12] Wilkinson juga tidak memasukkan adat dalam lingkungan undang-undang adat dan hukum dalam lingkungan undang-undang Islam sebagai undang-undang.[13] Tetapi dalam konteks Kesultanan Melayu Melaka, apa sahaja unsur tradisional yang mengawal tindak tanduk individu kerana untuk menjaga sistem dan ketenteraman sosial masyarakatnya, maka ia boleh dianggap sebagai undang-undang. Walau bagaimanapun, ia hanya merupakan undang-undang yang substantif kerana ia diertikan dan dilafazkan secara eksplisit sahaja. Undang-undang yang wujud dalam Kesultanan Melayu Melaka berbeza daripada undang-undang yang terdapat pada hari ini kerana ia tidak semestinya menerangkan peraturan yang tertulis sahaja. Ia menjangkau peraturan dan resam (regulations and rules), adat yang diistiadatkan (officiated customs), etika (ethics), norma (norms) dan akhlak (mores and moral).

TEKS UNDANG-UNDANG DI MELAKA

Terdapat dua buah teks undang-undang tradisional (sebagai genre sastera) di Melaka. Teks yang pertama ialah *Hukum Kanun Melaka*. Ia dikenali juga sebagai *Undang-undang Darat Melaka* dan *Risalat Hukum Kanun* di samping 46 naskhah salinan daripadanya yang diberi berbagai-bagai judul seperti *Undang-undang Melaka, Undang-undang Negeri dan Pelayaran, Surat Undang-undang, Kitab Undang-undang, Undang-undang Melayu, Undang-undang Raja Melaka, Undang-undang Sultan Mahmud Syah, Kitab Hukum Kanun* dan *Surat Hukum Kanun*.[14] Teks yang kedua ialah *Undang-undang Laut Melaka*. Ia dikenali juga sebagai *Adat Pelayaran Melaka, Kitab Peraturan Pelayaran* dan *Hukum Undang-undang Laut*.

---

[11] R.O. Winstedt, "Kedah Laws", dalam *JMBRAS*, Jil VI, ii, 1928, hlm 5.

[12] R.J. Wilkinson, *A Malay-English Dictionary*, 2 Jilid, Mytilene, 1932, hlm 632.

[13] *Loc cit.*

[14] 46 naskhah ini terkumpul pula ke dalam beberapa versi, iaitu versi *Undang-undang Melaka* yang tulen, versi Acheh, versi Patani, versi yang 'panjang' yang termasuk ke dalamnya lima buah naskhah (iaitu *Von de Wall 50(3), Cod. Or. 1725, Farquhar I, Singapura No. 299* dan *Farquhar 10*), Undang-undang Islam dan Johor, versi yang 'pendek' yang terdiri daripada enam buah naskhah (*Singapura No. 40, KL 67c, Bat. Gen. 154, British Museum No. 12395, Von de Wall 14, dan Bat. Gen. 152*), dan versi daripada naskhah-naskhah *fragmen* seperti *SOAS 7124* dan *Maxwell 11a*.

Teks ini diterjemahkan sebagai *The Maritime Laws of Malacca.*[15] Ia mengandungi tatacara jual beli di atas kapal, peraturan pelayaran, bidang kuasa nakhoda dan tanggungjawab pelbagai pegawai kapal seperti kiwi, maula kiwi, malim, tukang gantung, jurubatu dan serang. Di samping itu terdapat sebuah *long-lost manuscript* yang disebut sebagai *Undang-undang Pebian Melaka* (mengandungi hal-ehwal peraturan dan sistem perkastaman, cukai, tanggungjawab dan bidang kuasa Syahbandar Melaka, tatacara jual beli dan seterusnya).[16]

Daripada tradisi sejarah dalam teks *Sejarah Melayu*, beberapa data dan keterangan tentang undang-undang di Melaka dapat juga digariskan walaupun pada banyak bahagian keterangan mengenainya kurang lengkap dengan data dan berbagai-bagai peruntukan undang-undang yang sedia terdapat dalam kedua-dua teks undang-undang di atas.

Bagaimana dan daripada mana undang-undang tradisional Melaka berpunca dan terbentuk?

Jawapan untuk soalan ini memerlukan penelitian sejarah undang-undang itu sendiri. Hanya teks *Sejarah Melayu* yang dapat membekalkan pengetahuan tersebut kepada kita. Versi tertua *Sejarah Melayu* tahun 1536 menyebut bahawa sejak masa pemerintahan Iskandar Syah lagi, baginda disebut telah "... memerintahkan istiadat kerajaan baginda".[17] Sekiranya istiadat yang dimaksudkan oleh *Sejarah Melayu* tadi sebagai peraturan yang dicipta untuk tujuan ketenteraman sosial dari segi pemerintahan maka ia bermaksud undang-undang. Ini bererti bahawa undang-undang telah wujud sejak terdirinya kerajaan Melaka pada awal abad ke-15. Teks *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 pula menyatakan Raja Melaka yang ketiga, Raja Kecil Besar (Sultan Muhammad Syah) telah, "... mengatur takhta kerajaan baginda".[18], Pengaturan ini diterakan dengan terperinci tentang larangan memakai kain berwarna kuning, rumah yang berperanjung, bergelang kaki emas, memakai penduk, memakai kain khasa dan bentuk hulu keris dan lain-lain. Jikalau sabit kesalahan orang yang melanggar peraturan ini maka ada hukuman tertentu yang dikhaskan. Contohnya, orang yang memakai kain khasa di balairung akan dirobekkan pakaiannya di khalayak ramai; orang yang bergelang kaki emas (walau sekaya mana pun dia) akan dirampas gelang kakinya. Begitulah juga peraturan masuk ke istana, hanya dibolehkan

---

[15]R.O. Winstedt & Josselin de Jong, "The Maritime laws of Malacca", dalam *JMBRAS*, Jil XXIX. iii, 1956, hlm 28–49.

[16]Sumber daripada temuramah dengan Allahyarham Haji Yusoff Harun, Melaka pada 12 Jun 1982.

[17]Versi yang tertua ini adalah daripada naskhah *Raffles MS. 18* yang diselenggarakan oleh R.O. Winstedt (rujuk Catatan 4). W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 82.

[18]*Ibid.*, hlm 75.

apabila orang berkenaan berkain pancung, berkeris di hadapan dan bersebai. Di sini, peraturan dan larangan tersebut yang ditentukan telah menjadi undang-undang–ada pembuat undang-undang dan ada hukuman kepada mereka yang melanggarnya.

Begitu juga tentang adat yang telah diistiadatkan; tergolong ke dalamnya adat raja bergajah. Telah diistiadatkan bahawa apabila raja bergajah, "... Temenggung di kepala gajah, Laksamana atau Seri Bija Diraja di buntut, memikul pedang kerajaan".[19] Ini juga termasuk adat memberi gelaran kepada Bendahara, anak raja-raja, para menteri, para ceteria, para bentara, telah diistiadatkan bahawa bilangan persalinan adalah, "... jika Bendahara, lima ceper persalinan–baju seceper, kain seceper, dester seceper, sebai seceper, ikat pinggang seceper; jikalau anak raja-raja dan para menteri ceteria, empat ceper juga ... jikalau bentara, sida-sida, hulubalang tiga ceper–kain seceper, baju seceper, destar seceper."[20]

Keterangan ini dapat dilengkapkan lagi dengan kenyataan dalam *Hukum Kanun Melaka* sendiri yang menyebut bahawa semua peraturan, larangan dan adat yang diistiadatkan yang membentuk unsur undang-undang tadi dikumpulkan melalui tradisi lisan, diingati atau dimiliki oleh para menteri Melaka yang kanan "... terhimpun pada segala menteri".[21] Ini adalah lojik. Para menteri tua yang sama-sama membina kerajaan Melaka di peringkat pengasasannya adalah mereka yang bersama-sama Parameswara yang berundur dari Singapura dan mungkin berasal dari Palembang. Oleh yang demikian, tradisi undang-undang tadi adalah berpunca dan diwariskan dari Singapura dan Palembang. Di Melaka, undang-undang yang terkumpul dan diwarisi tadi telah disesuaikan dengan kehendak dan keadaan setempat.

Beberapa bukti dapat diajukan. Sekiranya tradisi Laksamana dirujuk daripada *Sejarah Melayu*, ia hanya muncul beberapa tahun setelah terbinanya kerajaan Melaka. Oleh itu, kedudukan Laksamana dalam peraturan atau undang-undang pembesar Melaka nampaknya disesuaikan dan didudukkan setara dengan Seri Bija Diraja. Mereka bertugas untuk memikul pedang kerajaan secara berganti-ganti; sedangkan sebelum ini menurut 'adat dahulu kala', Seri Bija Dirajalah yang diperaturkan berbuat demikian. Begitu juga tentang adat atau peraturan apabila raja berangkat untuk bersembahyang raya di masjid, diperaturkan bahawa, "... Penghulu Bendahari memegang kepala usungan yang di kanan, dan yang di kiri Laksamana, dan di belakang Menteri keduanya memegang dia, dan pada rantai dekat kaki raja Seri Bija

[19] *Ibid.*, hlm 80.
[20] *Ibid.*, hlm 79.
[21] Sebarang rujukan terhadap *Hukum Kanun Melaka* adalah dirujuk daripada edisi Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Melaka* (The Hague, Martinus Nijhoff, 1976), hlm 64.

Diraja memegang dia; dan Bentara Hulubalang berjalan dahulu di hadapan raja, masing-masing dengan jawatannya".[22] Begitu juga tentang keberangkatan raja ke masjid pada bulan Ramadan, ada peraturan tertentu yang telah ditetapkan.[23]

Kedua-dua istiadat ini tentunya tidak terdapat pada periode pra-Islam. Tetapi setelah Raja Kecil Besar memeluk Islam, peraturan atau yang asalnya diwarisi dari Singapura dan Palembang tadi telah mengalami perubahan corak untuk menunjukkan kedinamikan undang-undang itu sendiri supaya selari dengan perubahan kebudayaan Melayu dan perkembangan sejarah antara periode pra-Islam dengan periode selepas Islam. Adat dan segala hukum yang terdapat pada para menteri tadi akhirnya disebut secara jelas dan ungkapan sebagai undang-undang.

Hal yang demikian telah dibuktikan oleh *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 yang menyatakan bahawa Sultan Muzaffar Syah sebagai, "... ialah menyuruh membuat undang-undang, supaya jangan lagi bersalahan adat segala hukum menterinya".[24] Kemudian kenyataan ini disokong pula oleh *Hukum Kanun Melaka*, dalam Fasal 44.4 yang menerangkan secara bersahaja sekali bahawa Sultan Muzaffar Syahlah yang mengumpulkan undang-undang yang sedia diwarisi dari zaman bapanya, Sultan Muhammad Syah,[25] lalu membentuk *Hukum Kanun Melaka* sebenar.

Keadaan demikian tidak berakhir setakat ini sahaja. Zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah nampaknya lebih mencabar lagi. Selaras dengan kedinamikan dan perubahan kebudayaan yang terjadi sehingga lewat penghujung abad ke-15, *Hukum Kanun Melaka* sebenar tadi juga mengalami perubahan dan menjalani proses pertumbuhan yang berterusan. Daripada 19 Fasal sahaja, ia menjadi 44 Fasal dan ia dikatakan lengkap seperti yang terdapat pada teks *Hukum Kanun Melaka* yang ditemui pada hari ini.

PENGARUH UNDANG-UNDANG ISLAM

Perubahan sejarah daripada periode Melayu-Hindu ke Melayu-Islam, sebenarnya menjadi titik tolak yang amat besar dan bermakna sekali dalam sejarah pertumbuhan kebudayaan dan masyarakat itu sendiri, Menurut pendapat Profesor Doktor Mohd. Taib Osman, "... kebudayaan atau peradaban Melayu yang telah mengalami pasang surutnya".[26] Sebelum Sultan Muham-

---

[22]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 79–80.
[23]*Ibid.*, hlm 81.
[24]*Ibid.*, hlm 88–89.
[25]Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, hlm 170.
[26]Mohd. Taib Osman, "Sejarah Kebudayaan Melaka Mengikut Sejarah Melayu", dalam *Malaysia Daripada Segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, No 9, 1980, hlm 4.

mad Syah, undang-undang hanya dalam bentuk titah perintah bercorak lisan dan resam tentang larangan, hak-hak keistimewaan raja (royal prerogative), tanggungjawab raja dan pembesar-pembesar negeri; tidak pernah terterap hal-hal yang bersangkutan dengan undang-undang serta hukum Islam dalam *Hukum Kanun Melaka*. Tetapi selepas itu, keadaan yang terjadi adalah sebaliknya. Bersembahyang raya di masjid, mengarak serban raja ke masjid, raja berangkat ke masjid untuk bertarawih pada malam bulan Ramadan dan lain-lain telah dijadikan acara adat dan diformalkan, walaupun tidak semestinya ia mempunyai 'makna' undang-undang sepenuhnya.

Mungkin sebelum pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah, hukuman ke atas penjenayah (mencuri, merompak, menyamun) ditentukan berdasarkan hukum adat setempat, tetapi pada masa pemerintahan baginda, penjenayah yang sabit kesalahannya akan dihukum potong tangan. *Sejarah Melayu* menyebut hal ini sebagai 'kudung tangannya'. Tentunya hal yang demikian dirujuk dan didasarkan pada hukuman *hadd* dalam kesalahan jenayah pada hukum Islam yang dikenakan terhadap para penjenayah yang tertangkap.[27] Nampaknya hukum Islam dapat dirasionalisasikan dengan keperluan sekular demi untuk menjaga dan mengawal ketenteraman sosial dalam masyarakat tadi. *Sejarah Melayu* menjelaskan bahawa akibat perbuatan merompak yang berlaku dengan berleluasa, masyarakat telah menjadi kucar-kacir; rakyat Melaka, "... kehilangan ...tiada berhenti lagi setiap malam".[28] Mungkin hukum adat tidak banyak memberikan kesan untuk membendung perbuatan mencuri, lalu digantikan dengan hukum Islam. Ini menampakkan perubahan dan kedinamikan undang-undang itu sendiri. Buktinya, selepas penguatkuasaan hukum *hadd* oleh Sultan Alauddin tadi, maka Melaka, "... daripada hari itulah datang kepada akhirnya tiada pencuri lagi ...". Masyarakat Melaka hidup dengan tenteram dan aman.[29]

Isu hukum 'kudung tangan' jelas memberikan kesan dan memang wajar

---

[27]Teks yang sepenuhnya daripada *Sejarah Melayu* berbunyi, "Oleh itu, titah baginda kepada Seri Maharaja, jikalau orang mendapat harta orang, jika tiada dipulangkan kepada yang empunya, disuruh baginda kudung tangannya; dan jikalau tiada bertemu dengan yang punya harta, ke balai itulah dihantarkan". Lihat W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 174. Dari segi istilah, *hadd* bererti 'halangan', atau 'kungkuman', atau 'sekatan'. Dari segi undang-undang, *hadd* dimaksudkan sebagai hukuman-hukuman terhadap kesalahan jenayah yang telah pun ditetap dan ditentukan, iaitu:

(a) hukuman bunuh dengan cara dilontar batu terhadap penzina.

(b) hukuman bunuh dengan cara disalang terhadap pesalah yang merompak dan membunuh.

(c) memotong tangan atau kaki penjenayah yang merompak tetapi tanpa membunuh.

(d) mendera orang yang berzina, seratus kali dera terhadap orang yang telah pun berkahwin dan 80 kali dera terhadap orang bujang. Hukuman dera juga terhadap orang yang meminum arak dan orang yang menuduh orang lain berzina tanpa bukti.

[28]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 32.

[29]*Ibid.*, hlm 174.

diterapkan secara bertulis ke dalam *Hukum Kanun Melaka*. Hal yang demikian ditegaskan dengan jelas berulang-ulang kali pada beberapa fasal *Hukum Kanun Melaka* bahawa seorang yang mencuri akan dipotong tangan mereka. Fasal 7:2 *Hukum Kanun Melaka* menyebut;

> "Adapun jikalau ia mencuri, maka tertangkap lalu dibunuhnya maka kenalah denda akan dia setengah harganya .... Adapun pada hukum Allah orang yang mencuri itu tiada harus dibunuh, melainkan dipotong tangannya".

Peruntukan seperti ini diulang lagi pada Fasal 11:1 *Hukum Kanun Melaka*;

> "Dan jikalau ia mencuri di dalam rumah, dipotong tangannya hukumnya ...",[30]

Berikutnya, apabila undang-undang dan hukum Islam memberikan kesan dalam perjalanan undang-undang negeri, maka banyaklah perkara lain yang bersangkutan dengan hal-ehwal Islam tetapi bukan bercorak jenayah telah diterapkan menjadi sebahagian besar daripada undang-undang negeri seperti hukum-hukum syarak, muamalat, munakahat (tatacara bernikah kahwin, soal wali, masalah pembatalan perkahwinan, hak suami dan isteri, dan seterusnya ...), ibadat, berjual beli, hukum faraid, hukum *khiyyar*, hukum *fuduli*, dan hak berkeluarga sehinggalah menjangkau hak fardu 'ain bagi individu yang beragama Islam. Walau bagaimanapun satu kajian yang kritikal menunjukkan bahawa pada banyak tempat penerapan tadi dilakukan secara bebas dan secara sembarangan sahaja. Pendek kata, selepas kedatangan Islam, undang-undang Islam memberikan kesan yang besar pada perkembangan intelektual Melayu bagi pertumbuhan dan seterusnya perkembangan undang-undang dalam Kesultanan Melayu Melaka. Malahan, pada beberapa fasal *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*, kalimat ayat dan istilah Arab atau Parsi digunakan terus sebagai bahasa dan ungkapan undang-undang.[31]

---

[30]Dalam *Undang-undang Laut Melaka*, kesalahan orang yang berzina ditentukan pada Fasal 2 yang berbunyi, "Bermula hukum atas segala orang yang berzina dalam jong atau baluk. Jikalau ia merdeheka (ada beristeri sama ada merdeheka atau tiada, maka ia berbuat zina dengan isteri sama merdeheka dalam jong itu, maka) dibanyak-banyaki oleh nakhoda, dibunuh keduanya. Dan jika laki-laki dan perempuan keduanya pun merdeheka lagi bujang maka dipalu seratus kali akan dia (kemudian) dikahwinkan. Jika tiada ia mahu kahwin maka dihukumkan dipintai kesalahannya itu setahil sepaha emas ..."
Lihat R.O. Winstedt & Josselin de Jong, (eds), *op. cit.*, hlm 32–33.

[31]Contoh, dalam *Hukum Kanun Melaka* disebut *Wallahu khalaqakum wa ma ta' maluna Ilahi bi barakati Jibrail wa Mikail wa Israfil wa Izrail, tayyib, mujbir, akrab, Qabiltu tazwijha bain, raj'i*, dan seterusnya. Dalam *Undang-undang Laut Melaka* pula disebut alim wassalawat, al-anbiya walmursalin, Allah Rabbi'l arsy al-karim, Khalifatu'l mukminin, ta'ziz, zadah, dan lain-lain.

TRADISI SETEMPAT

Walau bagaimanapun, kedatangan Islam bukan bererti penyingkiran secara total unsur-unsur dan nilai peribumi. Malahan adat dan resam serta hukum setempat yang meliputi resam, norma dan etika menjadi *part and parcel* seluruh undang-undang tadi.

Adalah wajar dan lojik ketika mengawal dan membela hak individu dalam masyarakat atau ketika menjatuhkan hukuman mengikut undang-undang terhadap individu yang melanggar hak-hak tadi dengan merujuk semula pada hukum dan norma alam. Juga berbalik kepada sifat semula jadi (nature) manusia sendiri, mungkin dianggap sesuatu yang paling berkesan. Hukuman boleh dijatuhkan dalam dua bentuk, iaitu pertama, secara fizikal (physical punishment) dan kedua, secara moral (moral punishment). Bentuk yang pertama lebih mendekati kesan fizikal yang ditanggung oleh seseorang yang melanggar hak-hak tadi (seperti mendatangkan kesakitan, penyeksaan tubuh badan dan ketidakselesaan fizikal) bertujuan untuk 'menyerikkan' pihak yang melanggar hak orang lain supaya jangan mengulangi perbuatannya. Telitikan hukuman mengikut undang-undang seperti itu yang terdapat pada Fasal 8:3 *Hukum Kanun Melaka*;

> "Adapun hukum orang memaki orang: Jikalau abdi memaki merdeka, digocoh hukumnya atau ditanggalkan giginya, itulah hukumnya .... kerana hukum anak isteri itu tiada dapat dipermudah-mudah pada hukum kanun; tetapi pada hukum Allah bersalahan: yang membunuh itu fardu dibunuh pula, supaya jangan tertanggung haknya itu kepada kita."

Ada beberapa perkara yang dapat dilihat daripada petikan fasal di atas. Orang yang memaki (abuse) seorang lain boleh dihukum 'gocoh' atau 'dicabut' giginya. Bayangkan sahaja betapa sakitnya mulut ketika digocoh, dan betapa azabnya apabila gigi yang tidak rosak dicabut semuanya, menjadi rompong hodoh dan sukar untuk mengunyah makanan.

Hal hukum yang serupa disebut tentang seorang yang 'berjual titah' (memalsukan arahan dan cakap raja sama ada melalui lisan atau penyalahgunaan cap mohor) dihukum seperti berikut;

> "... Dan hukum orang yang berjual titah itu dibunuh atau dibelah lidahnya atau dikupas kulit kepalanya ..."

Fasal 13:3 *Hukum Kanun Melaka* menyatakan bahawa 'berjual titah' adalah satu kesalahan. Tiga jenis hukuman boleh dikenakan, iaitu dibunuh, dibelah lidah atau dikupas (dikelengsetkan) kulit kepala. Bayangkanlah bagaimana sakit yang tertanggung akibat lidah seseorang dibelah, selepas kulit kepala

dikoyakkan! Jika dibandingkan dengan undang-undang masa kini, hukuman tersebut mungkin dianggap zalim, tetapi etos masyarakat tempatan pada zaman itu mengharuskan berbuat demikian dan ia boleh diterima kerana merosakkan hak individu dalam masyarakat dan memalsukan titah raja yang mempunyai wibawa dianggap kesalahan yang amat berat seperti yang terdapat pada Fasal 8:3 tersebut, "... tiada dapat dipermudah-mudahkan". Oleh itu, hukuman yang dikenakan terhadap pesalah memanglah wajar dan setimpal agar ketenteraman sosial tadi dapat dijaga, diawasi dan dikekalkan.

Hukuman yang berteraskan peribumi seperti ini disebut hukum adat. Tetapi akhir ayat pada Fasal 8:3 tadi, terdapat pula hukuman yang berteraskan Islam, iaitu "... pada hukum Allah". Dalam sejarah perkembangan dan perubahan kebudayaan peribumi, apabila Islam menjadi faktor terpenting dalam kedinamikan kebudayaan tersebut selepas pemerintahan Sultan Muhammad Syah, hukuman yang bercorak Islam tadi merupakan tambahan atau alternatif kepada undang-undang peribumi. Dalam hukum Islam, konsep qisas merupakan perkara yang utama. Perubahan hukum memang jelas – daripada hukum adat peribumi berubah kepada hukum Islam. Walau bagaimanapun, alternatif penghukuman masih diberikan tempat sama ada hendak mengikut hukum yang bercorak peribumi (hukum adat) atau hendak mengikut hukum Islam, iaitu bergantung pada budi bicara hakim (kadi atau pembesar-pembesar yang berkenaan). Tetapi hukum bunuh masih menjadi hak istimewa (prerogative) raja. *Sejarah Melayu* menyebut bahawa hanya raja yang berhak menjatuhkan hukuman bunuh.

Apabila hukuman dera yang bercorak fizikal difikirkan masih mengandungi unsur penafian hak dan maruah individu dalam masyarakat atau hak individu tadi masih perlu lagi dihormati maka dicari pula satu alternatif lain terhadap konsep untuk menjatuhkan hukuman, iaitu berdasarkan denda yang mengambil bentuk nilai dari segi kebendaan. Di Melaka, nilai tersebut diletakkan pada berat emas. Contohnya, lihat corak alternatif hukuman kesalahan terhadap orang yang tampar-menampar yang terdapat dalam Fasal 8:4 *Hukum Kanun Melaka* seperti berikut;

> "... jikalau ditikam oleh yang kena tampar itu, mati yang menampar itu, tiadalah salahnya lagi kepada adatnya. Adapun dapat dibunuh yang menampar itu hingga tiga hari lamanya, jikalau lepas daripada tiga hari, tiadalah dapat lagi dibunuh juga maka didenda akan dia sekati lima .... Adapun pada hukum Allah dibunuh juga hukumnya, kerana pada Allah Taala hak segala manusia itu amat besar atas negeri, itulah hukum kanun namanya."

Alternatif kepada hukuman bunuh tersebut ialah denda sebanyak sekati lima tahil emas. Nilai ini bukanlah kecil. Namun apalah erti pada tingginya nilai

denda tersebut berbanding dengan peruntukan tentang menghormati hak manusia, bukan sahaja di sisi Tuhan malahan pada undang-undang negerinya. *Hukum Kanun Melaka* amat menekankan hak individu dalam masyarakat.

HAK DAN MARUAH INDIVIDU

Hak individu juga melibatkan kesalahan yang bersabit dengan seks. Tiada hukuman peribumi yang paling rasional dan praktis terhadap pesalah lelaki dan wanita yang terlibat dalam kesalahan seks (khasnya berzina) selain menyuruh kedua-dua pihak berkahwin. Kesalahan yang dilakukan itu sebenarnya adalah akibat daripada tekanan dan kehendak naluri semula jadi hidup manusia berhubung dengan seks. Cuma cara pelaksanaan seks itu sahaja agak bertentangan dengan hukum alam serta tabii manusia dan amat bersalahan di sisi agama Islam, dan mungkin boleh menggugat ketenteraman sosial. Dengan perkahwinan, maka pelaksanaan seks anggota masyarakat yang berbudaya dan beragama Islam tadi dapat ditempatkan semula secara wajar. Dari segi Islam, si pelaku terlebih dahulu akan dijatuhkan hukuman mengikut hukum Islam yang setimpal, contohnya si pesalah akan direjam dengan batu atau didera dengan bilangan yang tertentu.

Walau bagaimanapun dari segi undang-undang negeri, hak individu si penjenayah seks tadi masih lagi dihormati. Si lelaki tidak akan dipaksa untuk berkahwin dengan wanita yang menjadi mangsa nafsunya (sekiranya wanita itu dirogol). Ketika menjatuhkan hukuman, si pesalah akan diberikan alternatif sama ada didenda sebanyak tiga paha emas ataupun sekiranya hakim mahu mematuhi undang-undang Islam, si perogol akan didera 80 kali. Telitikan alternatif hukuman dengan mengambil bentuk penyatuan idea penghukuman pada Fasal 12:2 yang berikut;

> "Adapun tiada dapat ia menangkap dan menggagahi orang. Jikalau ada orang merdeka yang ditangkapnya itu, maka lalu diwatinya perempuan itu, maka diberinya tahu kepada hakim maka dipanggil oleh hakim, disuruh kahwinkan. Jikalau tiada ia mahu kahwin, didenda tiga tahil sepaha dengan isi kahwinnya adat hamba raja. Adapun pada hukum Allah, jikalau ia muhsan direjam .... Jikalau ghair muhsan, dipalu delapan puluh palu dengan hukum dera. Itulah hukumnya dengan tiada bersalah lagi."

Bentuk hukuman yang kedua ialah hukum moral. Ia agak berlainan daripada yang pertama tadi. Hukum moral lebih relatif dengan unsur psikologi dan unsur mental. Ia dirujukkan juga pada asas etos dan nilai anggota masyarakat peribumi Melaka itu sendiri. Maka terbentuklah satu lagi corak

hukum adat yang lain, iaitu hukum yang bernilai moral. Salah satu daripada nilai moral ini ialah malu ataupun aib. Nilai moral jelas diterapkan secara *implicit* tetapi ditentukan pada corak-corak hukuman yang disusun ke dalam fasal-fasal dalam *Hukum Kanun Melaka* yang eksplisit pula. Contoh yang paling relevan dengan nilai tersebut dapat dilihat dalam *Hukum Kanun Melaka*, iaitu dalam Fasal 11:1 mengenai hukuman orang yang mencuri; dalam Fasal 12:1 mengenai orang yang memperkosa anak isteri orang lain; dan dalam Fasal 13 berkenaan dengan orang yang berbuat bohong dengan Bendahara dan yang memalsukan alat-alat kebesaran pembesar dan Syahbandar Melaka. Hukuman kerana kesalahan mencuri secara beramai-ramai ialah;

> "... kena takzir, ertinya, dinaikkan di atas kerbau balau, dibubuh bunga raya dan berpayung tudung saji, dicoreng mukanya dengan kapur dan arang dan kunyit, maka dicanangkan berkeliling negeri. Jikalau dapat (semula) hak orang itu maka digantungkan di lehernya."

Hukuman kerana kesalahan memperkosa anak isteri orang dikatakan seperti berikut;

> "... maka disuruh oleh hakim menyembah lakinya itu di hadapan majlis orang banyak. Jikalau tiada ia mahu menyembah didenda ia sepuluh tahil sepaha, hukumnya."

Dan hukuman kerana kesalahan berbuat bohong dengan Bendahara dan memalsukan alat-alat kebesaran pembesar dan Syahbandar Melaka jika bersabit ialah seperti berikut;

> "... hukum orang berdusta ... dicoreng mukanya atau didenda dua tahil. Adapun jikalau orang berjual kata orang besar-besar atau Syahbandar didenda setahil sepaha atau disuruh maki di hadapan orang banyak. Jikalau ia melawan, dibunuh."

Dalam konteks penghukuman undang-undang hari ini, perbuatan mengarak seorang pencuri mengelilingi bandar, mukanya diconteng dengan arang, lehernya dikalung dengan bunga raya dan kepalanya diserkup dengan tudung saji; si pesalah yang memperkosa isteri orang dipaksa supaya menyembah suami perempuan tersebut di hadapan khalayak ramai; dan menyuruh orang ramai supaya memaki seseorang yang didapati bersalah kerana berdusta dengan Bendahara dan pembesar-pembesar negeri mungkin tidak membawa sebarang kesan moral dan bukanlah implikasi hukuman yang berat. Tetapi di kalangan masyarakat tradisi yang agak 'tertutup' itu, perbuatan dan bentuk hukuman tersebut pasti menyentuh maruah dan

sahsiah pihak yang tertuduh. Pesalah akan diletakkan terhadapnya isbat moral dia akan mendapat malu!

Ada berbagai-bagai kesan malu. Antaranya, si pesalah akan tersisih atau terpencil, juga terpulau daripada masyarakat ramai. Kesalahan dan hukuman yang diterimanya (di hadapan orang banyak) mungkin akan menjadi 'repekan dan buah mulut' anggota masyarakat, dan akan disebut sehingga ke anak cucunya nanti. Bayangkanlah sahaja bagaimana si pesalah akan di'senyumkambing'kan oleh orang ramai ketika hadir di majlis kenduri. Fikirkan sahaja bagaimana ahli jemaah masjid enggan duduk di sampingnya atau berpindah tempat jika dia berada di masjid untuk bersembahyang Jumaat. Mungkin daripada etos dan nilai inilah juga maka muncullah etimologi 'kemaluan' dalam bahasa Melayu!

Hal sebegini juga bersangkutan dengan isu tentang perbalahan antara dua pihak seperti tuduh-menuduh, sangkal-menyangkal, fitnah-memfitnah dan penafian terhadap tuduhan. Perkara ini juga jelas diterapkan dalam Fasal 4:1 *Hukum Kanun Melaka*.[32] Cara penyelesaian menurut undang-undang ialah dengan melalui ujian (ordeal).[33] Antara cara penyelesaian melalui ujian ini ialah menyelam di dalam air oleh kedua pihak yang terlibat, dan mencelupkan tangan ke dalam minyak atau timah yang sedang menggelegak. Walaupun secara lojik, tidak dapat dikatakan bahawa pihak yang tidak tahan menyelam lama dan orang yang melecur tangannya akibat mencelupkan tangannya ke dalam minyak atau timah panas itu adalah bersalah, namun cara ini sebenarnya bukanlah bertujuan untuk mencari jalan penyelesaian siapa yang bersalah dan siapa yang benar. Ini disebabkan pihak yang tahan menyelam lama dan orang yang tidak melecur tangannya belum tentu dapat menjamin bahawa dia adalah benar dan tidak bersalah. Ini semata-mata untuk menjamin keadilan agar si hakim tidak akan membuat keputusan dengan sewenang-wenangnya, malahan akan merujuk dan memulangkan sahaja isu pengadilan tadi kepada kedua-dua pihak yang terlibat – mereka sendiri yang akan menanggung penyeksaannya. Dan sama ada

---

[32] *Hukum Kanun Melaka* menyebut;

> "... pada menyatakan hukuman orang bertuduh-tuduh dan sangka-menyangkal. Adapun seorang itu menuduh dan seorang itu bersangkal, maka ditanyai oleh hakim. Jikalau ia mahu berlawan, diperlawankan; itu pun jikalau tiada syaksi berdiri .... Adapun pada hukum kanun, disuruh ia berlawan berselam air atau bercelur minyak atau timah .... Barang siapa salah, maka dihukumkan atas hukum negeri atau dusun, jikalau besar salahnya patut dibunuh, maka dibunuh akan dia. Jikalau tiada besar salahnya, didenda akan dia mana patut dengannya; jikalau yang patut dimaafkan, dimaafkan oleh hakim."

Rujuk Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, hlm 88.

[33] *Ordeal* diertikan sebagai "in former times method of deciding sb's quilt or innocence by requiring him to pass a physical test such as passing through fire unharmed or fighting his accuser". A.S. Hornby, *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English* (Oxford University Press, 1974), hlm 600.

ujian tadi adalah pengaruh undang-undang asing ataupun bukan, corak pengadilannya adalah amat *indigenous* dengan tujuan asasinya yang dilafazkan secara eksplisit dalam *Undang-undang Laut Melaka* sebagai;

> "... supaya jangan berkelahi dan jangan berbantah dan jangan menurut kehendak nafsu sendiri, supaya sentosa kita daripada kesukaran dan kesakitan ..."[34]

Cara penyelesaian konflik yang memuaskan antara pihak-pihak yang terlibat lebih diutamakan daripada perlaksanaan idea dan prinsip undang-undang itu sendiri. J.F. Holleman pernah menegaskan bahawa; "... they are illustrations of an indigenous administration of justice in which a satisfactory solution of the conflict between the parties often matters more than a correct interpretation of the legal principles involved".[35]

Dalam *Undang-undang Laut Melaka* edisi tahun 1956 yang mengandungi 25 fasal yang dikatakan sebagai undang-undang, sebenarnya adalah merupakan, pertama peraturan seperti tatacara berniaga di atas kapal, dan larangan, tegahan dan hukuman kerana melanggar peraturan ketika belayar; kedua, tanggungjawab dan bidang kuasa moral serta undang-undang pegawai dalam sebuah kapal.

Matlamat kedua-dua perkara tersebut adalah sama dengan matlamat 'undang-undang' yang termaktub dalam *Hukum Kanun Melaka*, iaitu bertujuan untuk mengekalkan ketenteraman sosial khusus yang berkaitan dengan hal-ehwal pelayaran dan kelautan. Secara kebetulan pula, ia diwujudkan demikian kerana Melaka adalah sebuah kerajaan kelautan dari segi struktur kuasa dan kawasan. Namun demikian, kedudukan kelautan itu tidak pula dapat mengenepikan peraturan yang perhubung dengan isu dan hal-ehwal tanah (pertanian, perhumaan dan penternakan). Terdapat banyak fasal dalam *Hukum Kanun Melaka* yang merupakan undang-undang tentang pemilikan tanah dan pertanian seperti Fasal 11:2, Fasal 19:1, Fasal 19:2 dan Fasal 19:3, Fasal 20:1, Fasal 20:2 dan Fasal 20:3, dan Fasal 22:1. Tujuan utama fasal-fasal tersebut ialah untuk mengadakan suatu peraturan yang tidak akan menimbulkan konflik masyarakat dalam isu pemilikan tanah, perhumaan dan pemilikan harta yang berdasarkan tanah. Walau bagaimanapun semua peraturan tersebut tidak semestinya dapat menjamin satu sistem tetap dalam prinsip undang-undang tanahnya. Contoh-contoh tersebut yang hampir keseluruhannya adalah merupakan peraturan-peraturan sahaja, hukum-hukum adat setempat, kebiasaan, moral, norma dan

---

[34]R.O. Winstedt & Josselin de Jong. (ed). *op. cit.*. hlm 30.
[35]J.F. Holleman. *Shona Customary Law* (Manchester. Impresi kedua. 1952). hlm X.

etika yang secara tidak disedari telah dirasionalisasikan dengan hukum dan doktrin Islam. Ia dibentuk dengan tujuan untuk mewujudkan keharmonian hidup dan masyarakat yang mempunyai peraturan dan sistem.

PELAKSANAAN HUKUM DAN UNDANG-UNDANG

Pada suatu tahap tertentu, peraturan-peraturan dan hukum Islam yang didakwa lengkap itu telah dituliskan. Oleh itu, terbentuklah *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* dalam bentuk yang didokumentasikan. Dengan penulisan dan pendokumentasian itu tidaklah bererti bahawa peruntukan yang telah ditentukan dan disediakan dalam *Hukum Kanun Melaka* itu 'wajib' digunakan bagi semua rujukan penghukuman. Ia hanya merupakan salah satu daripada perlafazan eksplisit dan bukti tentang hakikat wujudnya undang-undang dalam sebuah kerajaan Melayu lama yang matlamat asasnya ialah, "... supaya jangan lagi bersalahan adat segala hukum menterinya".[36] Ia hanya dirujuk sekiranya diperlukan, atau ia hanya menjadi bahan dokumentasi yang berbentuk manual kerana hakim (kadi untuk hukum-hukum Islam, balai untuk Bendahara, Laksamana dan Syahbandar; dan Penghulu Bendahari untuk undang-undang awam) masih dengan sewenang-wenangnya atau bergantung pada 'titah' raja yang secara tersendiri memang menjadi 'sumber' undang-undang,[37] walaupun



[36]W.G. Shellabear, *op. cit*, hlm 88–89.

[37]Rujuk Muhammad Yusoff Hashim, *Legal Aspect in the Social History of Malacca Sultanate*, kertas kerja yang tidak diterbitkan untuk International Colloqium of Malay Sultanate, Jakarta, anjuran UNESCO, 1977; Muhammad Yusoff Hashim, "Legal Codes of the Malacca Sultanate", dalam *Malaysia in History*, Vol 26, 1983, hlm 84–103.

kesemuanya tidak lahir dalam bentuk tulisan. Oleh itu, undang-undang tadi sebenarnya berpusat pada keseluruhan unsur yang berkaitan dengannya.

Beberapa bukti tentang perlaksanaan undang-undang tersebut dapat ditampilkan. Pada masa Melaka diperintah oleh Sultan Alauddin Riayat Syah, penguatkuasaan undang-undang potong tangan yang bersabit dengan kesalahan mencuri adalah jelas. Ini memang selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* yang sering menyebut, antara lain, "... mencuri di dalam rumah, dipotong tangannya, hukumannya".[38] Hukuman ini sejajar dengan hukum Allah yang terdapat dalam al-Quran yang menentukan bahawa, "Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri itu, hendaklah kamu potong tangan-tangan mereka, sebagai balasan bagi apa yang telah mereka lakukan (dan) sebagai contoh yang menakutkan daripada Allah: dan adalah Allah itu Maha Kuasa (lagi) Bijaksana".[39] Tetapi tidak terdapat bukti sejarah yang menunjukkan bahawa penguatkuasaan hukuman mencuri ini berlaku juga pada masa pemerintahan raja-raja Melaka yang lain.

Kita mungkin dapat menduga bahawa jika tidak ada hukum adat [seperti pembayaran denda oleh si pencuri, hukuman memberi malu dan aib kepada pesalah yang tertangkap, dan memulangkan semula barang kecurian kepada yang empunya, pencuri akan *masuk ulur* (menjadi hamba kepada si empunya),[40] dan lain-lain], yang menjadi hukum untuk pesalah sebagai alternatif kepada hukum Islam, hukum apakah pula yang dikenakan terhadap pesalah tadi?

Begitulah juga perihal penguatkuasaan hukuman bunuh. Dalam *Hukum Kanun Melaka* peruntukan mengenainya hanya dikuatkuasakan kepada mereka yang melakukan jenayah membunuh, sekira sabit kesalahan-

---

[38]Walau bagaimanapun, hukuman 'memotong tangan' tidaklah dijatuhkan terhadap semua kesalahan mencuri, malahan ia bergantung juga pada jenis barang yang dicuri, lalu digunakan hukuman secara setempat. Contoh, pada Fasal 11:2, hukuman terhadap orang yang mencuri hasil tani seperti tebu, pisang, sirih, pinang dan buah-buahan akan dihukum "... tiada dipotong (tangan) hukumnya ... maka didenda oleh hakim sepuluh emas dan segala yang dicurinya itu digantungkan pada lehernya, dibawa berkeliling negeri itu. Jikalau habis dimakannya segala buah-buahan itu atau tebu dan pisang, maka disuruh ganti oleh hakim kepada yang mencuri tanaman itu harga yang dicurinya, lagi kena denda sepuluh emas."

Hal yang serupa termaktub juga pada Fasal 11:3 berkenaan dengan hukuman orang yang mencuri perahu; dan pada Fasal 11:4 tentang hukuman orang yang mencuri kerbau, lembu dan kambing. Hukuman terhadap kesalahan kedua-duanya ialah sama ada si pencuri dikehendaki membayar harga nilaian barang yang dicuri atau didenda dengan berat emas yang tertentu.

[39]Al-Quran (surah al-Ma'idah, ayat 38); lihat juga teks A. Hassan al-Furqan, terjemahan dan tafsiran (Kota Bharu, Kelantan, 1975), hlm 220.

[40]Hukuman 'masuk ulur' (menjadi hamba) dapat dirujuk pada Fasal 11:1 dalam *Hukum Kanun Melaka* yang berkaitan dengan orang yang mencuri harta orang di dalam rumah disebut sebagai, "Dan jikalau ia mencuri ... jikalau ia (si pencuri) merdeheka masuk ulur kepada yang empunya harta itu". Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, hlm 80.

nya. Perkara ini jelas terdapat pada Fasal 8:2 dan Fasal 8:3; dan Fasal 5:1 dan Fasal 5:3. yang diterapkan secara eksplisit berdasarkan hukum Islam. Contohnya seperti yang terdapat pada Fasal 5:3 yang menyatakan bahawa, "... pada hukum Allah, yang membunuh itu dibunuh juga hukumnya, kerana menurut dalil Quran dan menurut amr bi'l-ma'ruf wa nahy 'anil-munkar". Hal yang demikian memang sesuai dengan doktrin qisas dalam Islam.[41] Selain itu, hukum adat juga menentukan bahawa hukum bunuh boleh juga dijatuhkan kerana:

(a) Mereka yang menggunakan bahasa larangan seperti titah, patik, murka, kurnia dan anugerah, (Fasal 2:1).

(b) Mereka yang memalsukan perintah dan titah raja, (Fasal 2:2).

(c) Mereka yang membunuh tanpa pengetahuan raja atau pembesar, (Fasal 5:1).

(d) Kesalahan dari segi hukum adat yang lain seperti membunuh, menikam atau menetak orang, merampas harta orang, mendustakan hakim dan menafikan perintah raja, (Fasal 4).

Hukum Kanun Melaka tidak mendokumentasi dan menentukan bahawa perbuatan memfitnah juga harus dibunuh. Tetapi bukti sejarah dalam *Sejarah Melayu* menunjukkan bahawa orang yang memfitnah, seperti perbuatan Kitul dan Raja Mendeliar dalam skandal pembunuhan Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, juga dihukum bunuh kerana perintah atau hukuman tersebut keluar daripada mulut raja, ".. maka Raja Mendeliar pun disuruh baginda bunuh ...."[42] Malahan cara pembunuhan juga adalah mengikut tradisi dan hukum adat setempat apabila Kitul, "... disuruh sulakan melintang dengan segala anak bininya".[43] Rumah dan tanah tapak rumah kedua-dua pesalah ini juga dititah supaya digali dan dibuangkan ke laut semuanya.

Hukuman 'sula' (membunuh dengan cara mencucuk alat yang tajam ke dalam dubur orang yang dibunuh) adalah suatu kaedah membunuh mengikut hukum adat yang terdapat di Melaka dan beberapa buah kerajaan Melayu di rantau ini. Ia tidak terdapat dalam tradisi membunuh mengikut hukum Islam. Terdapat tiga kesan yang jelas daripada kaedah membunuh seperti ini, iaitu malu (fikirkan sahaja betapa dubur ditontonkan kepada orang ramai); sakit yang amat sangat dan maut. Matlamatnya adalah sama dengan hukum Islam, iaitu orang yang dipersalahkan itu dikehendaki mati.

---

[41]Rujuk al-Quran (surah al-Baqarah, ayat 178); A. Hassan, *op. cit.*, hlm 48.
[42]W.G. Shellabear, *op. cit.*, hlm 264.
[43]*Loc cit.*

Undang-undang qisas dalam Islam tidak pernah menuntut bahawa seluruh anggota keluarga si pesalah yang membunuh harus juga dibunuh. Tetapi hukum adat mengharuskan untuk berbuat demikian, inikan pula sekiranya penguatkuasaannya dititahkan oleh raja sendiri. Dalam *Sejarah Melayu*, hukum sedemikian juga dikenakan terhadap Hang Jebat (atau Hang Kasturi daripada versi lain) yang dianggap menderhaka (kerana perbuatan angkaranya kepada raja Melaka). Oleh yang demikian, memfitnah jua dalam konteks ini mempunyai tahap dan taraf kesalahan yang serupa dengan menderhaka. Kesemua alasan ini membuktikan bahawa hubungan yang harmoni dan saling melengkapi, dan tidak menunjukkan 'pertentangan' dalam perjalanan dan perlaksanaan undang-undang tadi, iaitu antara hukum adat, hukum Islam, titah raja, keputusan para hakim dan pembesar, dan dokumen atau naskhah undang-undang yang dituliskan bertujuan semata-mata untuk, "... to regulate and control the social order" tadi.

Hakikat ini menjelaskan mengapa *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* itu mengandungi bidang yang amat luas, meliputi berbagai-bagai peraturan, hukum-hakam dan undang-undang Islam, hukum dan peraturan berkeluarga, undang-undang awam dan jenayah, tugas-tugas pegawai dan pembesar negeri, hak-hak keistimewaan raja, peraturan bertani dan berhuma, peraturan kontrak, peraturan berhamba, dan tatacara perlembagaan. Semuanya merangkumi konsep yang disebut sebagai undang-undang yang diguna dan dirujuk sebagai kaedah dan matlamat formal dan informal bagi mewujudkan suatu masyarakat yang bersistem dan berorganisasi.

Oleh sebab dipengaruhi oleh ciri-ciri undang-undang masa kini, ada penulis yang cuba mencari suatu bentuk dan pembahagian antara berbagai-bagai jenis undang-undang tradisional Melaka tadi, antara undang-undang awam dengan jenayah, antara undang-undang keluarga dengan undang-undang agama dan seterusnya. Sebenarnya hal demikian tidak relevan dengan penciptaan dan kewujudan undang-undang tersebut.[44] Ini disebabkan apa yang cuba dijelmakan oleh penyusun undang-undang tadi bukanlah pembahagiannya tetapi bagaimana tiap-tiap jenis undang-undang ini saling

[44]Untuk mencari pembahagian ini, R.O. Winstedt menulis, "The Malacca digest exhibits no clear division between constitutional, criminal and civil law. It jumbles regulations for court etiquette, criminal law, the jurisdiction of the ruler and his ministers, the law for fugitive slaves, the law of libel, the law of contract affecting the hire of slaves and animals, the penalties lese-mejeste and the breach of bethrothal agreement ... the penalties for stealing the slaves of owners of various ranks." Lihat R.O. Winstedt, "Digest of Law", dalam *JMBRAS*, Jil XXXI, iii, 1958, hlm 136; Sikap yang serupa ditunjukkan juga oleh orientalis yang lain, iaitu R.J. Wilkinson, "Law, Pt. 1, Introductory Sketches", dalam *Papers on Malay Subjects* (Kuala Lumpur, 1908), hlm 3.

berhubungan antara satu sama lain bersama-sama dengan sistem-sistem lain yang wujud dalam masyarakat lama Melaka itu sendiri.

Hukum Kanun Melaka dan *Undang-undang Laut Melaka* dicipta di istana Melaka. Pihak-pihak yang terlibat secara langsung untuk menyusun kedua-dua undang-undang tersebut ialah raja sendiri dan para pembesar kerajaan yang berkaitan. Rakyat jelata yang luar daripada kalangan istana, mungkin tidak tahu tentang wujudnya undang-undang tersebut. Pada teori dan penyataan yang tercatat dalam kedua-duanya, ia didakwa sebagai undang-undang bagi seluruh kerajaan. Fasal 44:11 *Hukum Kanun Melaka* menyatakannya sebagai undang-undang, "... segala negeri, daripada suatu negeri kepada suatu negeri, daripada satu dusun kepada suatu dusun, daripada suatu teluk kepada suatu teluk, daripada suatu sungai kepada suatu anak sungai sekaliannya". Tetapi dari segi praktis, bentuk undang-undang itu sendiri menunjukkan terdapat pemisahan yang nyata antara undang-undang raja dengan undang-undang yang terdapat di peringkat pembesar anak sungai. Raja dianggap sebagai 'wakil' Tuhan di dunia (*dhulillahi fil'ardh* atau *dhulillahi fil'alam*). Oleh itu, *Hukum Kanun Melaka* itu sendiri sebenarnya memperkuatkan kedudukan raja dari segi *status quo* dan penguasaan politik. Undang-undang tersebut juga secara tidak langsung dan secara perlembagaan tradisional mengabsahkan taraf raja berkenaan sebagai pemerintah (ruler) di peringkat seluruh kerajaan. Hak pengabsahan ini tentulah berbeza dari segi undang-undang yang dimiliki oleh pembesar-pembesar anak sungai yang amat terhad di kawasannya sendiri.[45]

Di kalangan ahli sejarah, 'kesinambungan' menjadi satu ciri yang penting untuk menentukan bahawa sesuatu itu adalah bersejarah. Maka selain dinamisme yang dimiliki oleh undang-undang Melaka tadi, ia tidak hanya wujud setakat penghujung abad ke-15 dan awal abad ke-16 sahaja. Hampir seluruh peruntukan yang terkandung dalam *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* diwarisi terus pada zaman Kesultanan Melayu Johor selepas abad ke-17. Undang-undang Melaka ini memberi jalan ke arah penciptaan *Undang-undang Johor* tetapi telah disesuaikan dan ditumpukan dengan kehendak dan keperluan tempatan yang berbeza dan ber-

[45]Rujuk Muhammad Yusoff Hashim, *Legal Position of Traditional Malay Sultanate; A Comparative Study of Legal Codes of the Sultanates of Malacca, Johore, Perak and Kedah Prior to 1900*, kertas kerja yang tidak diterbitkan untuk International Colloqium on Malay Sultanate, anjuran UNESCO, Kuala Lumpur, 11–15 Disember 1982; Lihat juga M.B. Hooker, *Adat Laws in Modern Malaya* (Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1972), hlm 88–90.

bagai-bagai.[46] Begitu juga kesannya terhadap *Undang-undang Pahang*[47] dan *Undang-undang Brunei*. Malahan apa yang disebut *Undang-undang Johor* tadi sebenarnya adalah *Undang-undang Melaka* (tetapi daripada versi Johor). *Undang-undang Kedah* juga merupakan satu versi lain daripada *Undang-undang Melaka*.[48] *Undang-undang Melaka* juga didapati telah disesuaikan ke dalam tradisi undang-undang yang perundangannya lahir dalam Kesultanan Riau dan Pontianak. Bahkan semangat perundangan di Melaka terus terterap ke dalam beberapa buah undang-undang negeri di Semenanjung Malaysia. Ini menjelaskan betapa pentingnya hubungan persejarahan Kesultanan Melayu Melaka yang lalu dengan persejarahan beberapa buah negeri di Malaysia masa kini.

---

[46]Muhammad Yusoff Hashim, *Ibid.*, hlm 5; J.R. Logan, "A Translation the Malay Laws of the Principality of Johore", dalam *JIA*, No 9, 1855, hlm 71–95.

[47]R.W. Jakeman, "The 'Pahang Kanun' of the Sultan Abdul Ghaffur, Another Text", dalam *JMBRAS*, XXIV, iii, 1951, hlm 150–1; J.E. Kempe & R.O. Winstedt, "A Malay Legal Digest", dalam *JMBRAS*, XXI, i, 1948, hlm 1–24; R.O. Winstedt, "A Malay Legal Miscellany", dalam *JMBRAS*, XXV, i, hlm 1–19; Abu Hasan bin Mohd. Sham, *Undang-udang Melaka* dan *Undang-undang yang di Bawah Pengaruhnya*, (Tesis M.A.), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1972.

[48]R.O. Winstedt, "Kedah Laws", *op. cit.*; R.O. Winstedt, G. "History of Kedah", dalam *JMBRAS*, No 81, 1920, hlm 29–35; R.O. Winstedt, "Notes on the History of Kedah", dalam *JMBRAS*, XIV, iii, 1936, hlm 155–189; T.S. Raffles, "The Maritime Code of the Malays", dalam *JSBRAS*, No 3, 1879, hlm 62–84; T.S. Raffles, "The Maritime Code of the Malays", dalam *JSBRAS*, No 4, 1879, hlm 1–20.

10
Islam dalam Sejarah Perundangan Melaka

SEBAGAIMANA yang telah disebutkan oleh seorang pakar undang-undang (dan ini memang diketahui umum) bahawa, "Di negeri-negeri Melayu sebelum masuknya pengaruh kerajaan British, undang-undang asas atau undang-undang negeri ialah undang-undang Islam bersama adat Melayu".[1]

Apabila kita membincangkan tentang keadaan negeri-negeri Melayu sebelum dipengaruhi oleh British di Semenanjung Tanah Melayu, terlebih dahulu kita perlu melihat ke zaman kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15 dan awal abad ke-16. Daripada bukti-bukti dokumen sahih yang didapati, jelas bahawa Melaka merupakan kerajaan Melayu tua di Semenanjung Tanah Melayu yang pertama mempunyai undang-undang bertulis. Andaian ini dibuat dengan mengetepikan seketika permasalahan Batu Bersurat Kuala Terengganu yang mengatakan bahawa Islam telah sampai dan dipraktikkan perundangannya di Terengganu hampir seratus tahun lebih awal dari Melaka.[2] Hakikat ini terbukti dengan wujudnya teks Melayu lama daripada genre undang-undang dan catatan di sana sini oleh *magnum-opus* sejarah tradisional Melaka, iaitu *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin*, dan juga catatan yang amat terhad dalam laporan penulis-penulis Portugis.[3]

---

[1]Lihat Profesor Ahmad Ibrahim, *Kedudukan Undang-undang Islam dalam Masyarakat Melayu*, kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Islam dan Kebudayaan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1976, hlm 1.

[2]Untuk rencana terakhir berkenaan tajuk ini, lihat Mohd. Salleh Hj. Awang, "Islam Sebagai Sumber Sastera", Hari Sastera '78, Terengganu; lihat juga MISBAHA, *Pesaka Suci atau Batu Bersurat Terengganu*, Singapura, al-Ahmadiah Press, 1959; H.S. Peterson, "An Early Malay Inscription from Kuala Terengganu", *JMBRAS*, II (iii), 1924, hlm 253; Blagden, "A Note on the Terengganu Inscription", *JMBRAS*, II (iii), 1924, hlm 239–252; Fred Morrais, "If only the Terengganu Stone Could Speak", *New Sunday Times*, 15 Feb 1974; Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Preliminary Statements on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesia Archipelago*, Kuala Lumpur, 1969.

[3]Umpamanya laporan Tome Pires, Valentyn dan E.G. de Eredia. Lihat Armando Cortesao (ed), *The Suma Oriental of Tome Pires*, London, The Hakluyt Society, 1944, hlm 219–45; J.V. Mills (ed), "Eredia's Description of Malacca, Maridional India and Cathay", *JMBRAS*, VIII, i, 1939, hlm 1–288; D.F.A. Hervey (ed), "Valentyn's Account of Malacca", *JSBRAS*, No 14, 1884, hlm 120–138; W.D.G. Birch (ed), *The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque*, III, No LXII, The Hakluyt Society, London, 1880.

Dari tahap pemerintahan Parameswara hinggalah ke tahun 1511, zaman awal Melaka dihadapkan dengan tradisi temurun Melayu-Hindu atau Buddha[4] (menurut laporan seorang pengembara China bernama I-Tsing, tradisi ini diwarisi dari Palembang-Jambi) dan kemudiannya Islam (ketika pemerintahan Megat Iskandar Syah).[5] Tradisi dan budayalah yang melahirkan sesuatu penciptaan masyarakat. Oleh yang demikian, kedua-duanya telah mengalami proses rasionalisasi (menurut pendapat Rassers, T.G. Th. Pigeaud, Syed Muhammad Naguib al-Attas, juga G.W.J. Drewes).[6] Dalam konteks undang-undang tradisionalnya yang berupa warisan dari zaman pra-Islam, secara longgarnya kerap dinamakan sebagai hukum adat. Hukum adatlah yang dicernakan dengan hukum-hukum Islam sama ada dalam bidang 'muamalat' dan ibadah, mahupun yang merangkumi sudut jenayah dan 'munakahat'.

SUMBER UNDANG-UNDANG MELAKA

Undang-undang di Melaka dapat dirujuk melalui teks undang-undangnya selain teks sejarah. Setakat yang diketahui, teks undang-undang di Melaka terbahagi dua. Pertama ialah tentang undang-undang negeri atau undang-undang kerajaan yang dikenali sebagai *Hukum Kanun Melaka* atau *Undang-undang Melaka*.[7] Bidang kuasa undang-undang ini merangkumi negeri Melaka pusat sendiri termasuk anak sungai dan dusun yang menjadi takluk negeri itu. Kandungannya antara lain meliputi tanggungjawab raja serta pembesar, pantang larang di kalangan anggota masyarakat, perhukuman sebab kesalahan jenayah dan awam, undang-undang keluarga, permasalahan ibadah dan muamalat yang amat jelas, dan hukum perhumaan.[8]

---

[4]Lihat M.B. Hooker, "A Note on the Malay Legal Digest", *JMBRAS*, LXI 1968; hlm 157–160; Ahmad Ibrahim, "Islam, Customary Law in Malaysia", *Intisari*, 2, ii, 1965–66; Muhammad Yusoff Hashim, *Legal Aspect in the History of the Malacca Sultanate*, kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kesultanan Melayu, UNESCO, Ujung Pandang, Sulawesi, Disember 1978.

[5]Saya mengandaikan Megat Iskandar Syah sebagai Raja Melaka yang pertama memeluk Islam. Rujuk Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", *JMBRAS*, XLI, i, 1968, hlm 11–22; C. Wake, "Malacca's Early Kings and the Reception of Islam", *JSEAH*, 5, iii, hlm 119–121.

[6]W.H. Rassers, *Panji, The Cultural Hero*, The Hague, 1959, hlm 127–135; T.G. Th. Pigeaud, *Java in the Fourteenth Century* (Bahagian Pengenalan), The Hague, 1962; Syed Muhammad Naguib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, 1972, hlm 12–28; A.H. Johns, 'Malay Sufism', *JMBRAS*, XXX, ii, 1957; G.W.J. Drewes, "New Light on the Coming of Islam to Indonesia?", Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde, deel 124, 4e aflevering, 's-Gravenhage, 1968, hlm 433–59; G.W.J. Drewes, "Nur Al-Din Al-Raniri's Hujjat Al-Siddiq Li-Daf 'Al-Zindiq Re-examined", *JMBRAS*, XLVII, ii, 1974, hlm 83–104.

[7]Teks undang-undang yang digunakan di sini ialah teks penyelenggaraan terbaharu oleh Liaw Yock Fang (ed), *Undang-undang Melaka*, The Hague, 1976.

[8]*Ibid*, Fasal 0.1, hlm 62.

Kedua ialah *Undang-undang Laut Melaka*.[9] Peruntukannya adalah bersabit dengan hal-hal di laut seperti tanggungjawab pegawai-pegawai kapal, tatacara pelayaran dan perniagaan, hukuman terhadap kesalahan 'jenayah' atau 'syariah' Islam, dan juga bidang kuasa nakhoda kapal. Oleh sebab terlalu banyak hal-hal yang tidak selaras dengan perkara-perkara yang diperuntukkan dalam kedua-dua undang-undang tersebut, maka isu hukuman yang dijatuhkan itu selalu bercampur aduk. Hukuman pada kesalahan 'syariah' berzina umpamanya, dicampuradukkan dengan tatacara berjual beli menurut 'muamalat' Islam. Oleh yang demikian, jika tidak diteliti setiap fasal dalam kedua-dua undang-undang tersebut dengan terperinci, memanglah sukar untuk dibuat pembahagian yang umum antara hukum adat dengan undang-undang Islam. Dasar hukum adat yang nampaknya digunakan adalah adat Temenggung. Hukum Islam pula jelas menampakkan unsur undang-undang Syafie.

Asal usul undang-undang yang wujud dalam kedua-dua teks tersebut masih belum dapat dipastikan. Pembentukannya mungkin berlaku di sepanjang zaman pemerintahan Iskandar Syah, Sultan Muhammad Syah dan Sultan Muzaffar Syah. Walau bagaimanapun, adalah jelas bahawa hukum-hakam Islam telah dijadikan sebahagian besar daripada *Undang-undang Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* selepas pemerintahan Megat Iskandar Syah apabila proses rasionalisasi berlaku dengan undang-undang temurun yang "... terhimpun pada segala menteri",[10] yang ditulis semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah.[11] Dari semasa ke semasa, *Undang-undang Melaka* telah ditokok tambah. Daripada sembilan belas fasal yang asal, undang-undang ini menjadi dua puluh dua fasal dan berkembang lagi sehingga menjadi empat puluh empat fasal seperti yang terdapat pada hari ini. *Undang-undang Laut Melaka* pula terdiri daripada dua puluh lima fasal. Secara am, fasal-fasal yang bersabit dengan hukum dan undang-undang Islam dapat dilihat daripada kenyataan teks-teks itu sendiri yang antara lain menyebut " ... mengikut hukum Allah" atau "... mengikut dalil Allah" dan "... pada hukum Tuhan". Walau bagaimanapun pada banyak tempat perkara yang disebut sebagai 'hukum' atau 'dalil' Tuhan itu sebenarnya bukanlah undang-undang Allah atau undang-undang Islam.

---

[9]Naskhah yang digunakan di sini adalah yang diselenggarakan oleh R.O. Winstedt dan Josselin de Jong (eds), "The Maritime Laws of Malacca", *JMBRAS*, XXIX, iii, 1956, hlm 25–77.

[10]*Undang-undang Melaka*, Fasal 0.1.

[11]Hakikat ini dapat dirujuk daripada teks *Sejarah Melayu* yang menjelaskan bahawa "... ialah (Sultan Muzaffar Syah) menyuruh membuat (menyurat?) undang-undang, supaya jangan lagi bersalahan adat segala hukum menterinya". Lihat W.G. Shellabear (ed), *Sejarah Melayu*, Singapura, 1961, hlm 88–9.

Undang-undang keluarga dalam *Hukum Kanun Melaka* (judul lain untuk *Undang-undang Melaka*) kerap dikatakan sebenarnya adalah terjemahan terus daripada undang-undang Islam.[12] Tetapi untuk hukuman kesalahan 'jenayah' yang berat seperti membunuh, memotong tangan atau kaki, pelaksanaannya sering disesuaikan atau dialternatifkan antara hukum Islam dengan hukum adat. Hal ini terkecuali pada bahagian tentang ibadah, muamalat dan undang-undang keluarga yang terangkum dalam aspek munakahat Islam sebagaimana yang terdapat pada bahagian pertengahan dan penghujung *Hukum Kanun Melaka*. Hukum terhadap kesalahan 'jenayah' yang mengikut undang-undang Islam sering dialternatifkan dengan hukum adat. Umpamanya pada Fasal 14.2 yang bersabit dengan tuduhan dan pembunuhan kepada seseorang pesalah. *Hukum Kanun Melaka* menentukan bahawa;

> "Adapun jikalau menuduh orang mengambil isteri orang, maka menang yang dituduh itu, dibunuh orang yang menuduh itu, sebab hukum mengambil isteri orang itu mati hukumnya. Jikalau tiada dibunuh, didenda sepuluh tahil sepaha. Di dalam pada itu melainkan syafaat segala hakim juga; sebab mati hukumnya mati. Adapun kepada *hukum Allah* tiada demikian, hanya disuruhkan hakim bersumpah atau bertaubat daripada perbuatan itu. Demikianlah *hukum Allah*".

Hakim mempunyai kuasa penentuan sama ada memilih hukum adat atau menjatuhkan hukuman menurut hukum Islam.

UNDANG-UNDANG ATAU HUKUM ADAT DAN HUKUM ISLAM

Dalam konteks persejarahan Malaysia, perhukuman Islam sejak dari zaman Melaka lagi telah dijadikan tunjang terhadap undang-undang negeri Melayu yang lain.[13] Di Melaka, pengaruh Islam dalam undang-undangnya begitu kuat sehinggakan dalam *Undang-undang Laut Melaka*, seorang malim dalam sebuah kapal dianalogikan sebagai 'imam' dan anak buah kapal pula diibaratkan sebagai 'makmum'.[14] Sementara asas peruntukan yang bersangkutan dengan hukum Islam dalam *Hukum Kanun Melaka* ditegaskan di sana sini sebagai "... kerana menurut dalil al-Quran dan menurut 'amr bi al-ma'ruf wa nahyu 'an al-munkar".

---

[12]Liaw Yock Fang (ed). *op-cit.*, hlm 33.

[13]Lihat Ahmad Ibrahim, *Islamic Law in Malaya*, M.S.R.I., Singapura, 1965, hlm 35-8 dan rencananya, "Islam, Customary Law in Malaysia", *op. cit.*, hlm 47-74.

[14]Lihat Winstedt dan de Jong, *op. cit.*, Fasal 9, hlm 38. Fasal tersebut berbunyi,

> "Kerana maalim itu umpama imam kepada segala orang yang di dalam jong itu, dan orang di dalam jong itu umpama makmum".

Dalam *Undang-undang Laut Melaka*, hukum yang menurut undang-undang Islam hanya jelas pada satu fasal sahaja, iaitu berhubung dengan kesalahan zina. Pesalah sama ada dihukum bunuh ataupun didera atau sebat, mengikut perkelaminan seseorang.[15] Hukuman dan tatacara undang-undang yang lain lebih banyak bertradisikan adat, resam dan undang-undang setempat. Tetapi dalam *Hukum Kanun Melaka* daripada jumlah empat puluh empat fasal yang diperuntukkan, lapan belas fasal atau hampir 40.95% daripada perhukumannya adalah menurut undang-undang Islam.[16]

Undang-undang Islam dalam beberapa fasal terawal *Hukum Kanun Melaka* kelihatan jelas, terutama yang berhubung dengan kesalahan 'jenayah'; umpamanya membunuh orang. Antara lain hukuman yang diperuntukkan kerana membunuh orang berbunyi demikian;

> "Fasal yang kelima menyatakan orang membunuh dengan tiada setahu raja-raja atau orang besar-besar. Jikalau dibunuhnya dengan tiada dosanya sekalipun, dibunuh pula ia pada hukum Allah, maka adil namanya".[17]

Peruntukan ini amat nyata disusun berdasarkan hukum 'jenayah' Islam bersabit dengan soal *qisas* atau 'nyawa atau darah dibalas nyawa atau darah'. Dalam al-Quran ada menyebutkan bahawa;

> "Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu (hukum qisas) buat membela orang-orang yang mati dibunuh (iaitu) orang merdeka dengan orang merdeheka dan hamba dengan hamba dan perempuan dengan perempuan. Tetapi barang siapa dapat sebahagian kempunan daripada saudaranya (yang membela si mati) maka (hendaklah) ia dibalas kebaikan serta serahkan (diyat) kepadanya dengan cara baik ...".[18]
>
> (Terjemahan al-Quran surah al-Baqarah 2:178)

Walau bagaimanapun, nampaknya peruntukan dalam *Hukum Kanun Melaka* di sini agak 'ketat' cirinya. Pengambilan hukum Islam dilakukan dengan sewenang-wenangnya dan tidak terdapat sifat 'tolak ansur' sebagai-

---

[15]Antara lain, fasal pada undang-undang tersebut mengatakan, "Bermula hukum atas segala orang yang berzina di dalam jong atau baluk. Jikalau ia merdeka (ada beristeri sama merdeka atau tiada, maka ia berzina dengan isteri sama merdeka di dalam jong itu) hendaklah dibanyak-banyaki oleh nakhoda, dibunuh kedua-duanya. Dan jika laki-laki dan perempuan kedua-duanya pun merdeka lagi bujang maka dipalu seratus kali akan dia, kemudian dikahwinkan". Winstedt dan de Jong (ed), *op. cit.*, Fasal 2, hlm 32.

[16]Lihat Lampiran J.

[17]*Undang-undang Melaka*, Fasal 5:1.

[18]Lihat A. Hassan, al-Furqan, *Tafsir Quran*, Kota Bharu, Kelantan, 1975, hlm 48. Lihat juga al-Quran surah al-Baqarah ayat 178.

mana yang terdapat dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 178 yang bermaksud, "... Tetapi barang siapa dapat sebahagian keampunan daripada saudaranya (yang membalas si mati) maka (hendaklah) ia balas kebaikan serta serahkan (diyat) kepadanya dengan (cara) baik ..." Al-Quran juga menegaskan konsep 'balas hak' individu di sisi undang-undang Islam dalam masyarakat[19] tetapi nampaknya hal ini digugurkan sama sekali oleh *Hukum Kanun Melaka*.

Perkara yang menarik di sini ialah tentang masalah 'membunuh' sebab hukum adat nampaknya masih diberikan perhatian. Perihal fasal yang lain dalam *Hukum Kanun Melaka*, hukum adat melarang dikenakan hukuman bunuh sekiranya si pembunuh tadi didapati membunuh sebab empat keadaan, iaitu membunuh madu, membunuh pencuri yang lari dengan syarat-syarat tertentu, membunuh orang yang memberi aib atau malu dan membunuh orang yang membuat angkara. Berkenaan hal ini *Hukum Kanun Melaka* menyebut bahawa;

> "Adapun yang membunuh tiada setahu raja dan menteri itu atas empat perkara. Pertama, membunuh madu, kedua membunuh orang yang angkara, tetapi hendaklah ia ditangkap dahulu maka dibawa kepada hakim, akan adatnya setahil sepaha. Jikalau tiada tertangkap, sebab ia dengan makarnya, maka patutlah ia mati. Ketiga membunuh orang mencuri yang tiada dapat ditangkap. Keempat, membunuh orang yang memberi aib seperti menampar orang atau barang yang memberi aib: itu pun jikalau belum sampai kepada menteri. Jikalau sudah sampai kepada menteri, maka diperbuat juga, maka ia didenda sepuluh tahil sepaha, inilah hukumnya".[20]

Jelaslah bahawa hukum adat menentukan orang membunuh dalam kategori ini didenda sahaja.

Contoh seterusnya dapat dibuktikan daripada kesalahan mencuri. *Hukum Kanun Melaka* telah menetapkan bahawa;

> "Adapun jikalau ia mencuri, maka tertangkap lalu dibunuhnya, maka kenalah denda akan dia setengah harganya, dan setengah akan menteri,

---

[19]Tentang hukum 'balas hak' ini terdapat suatu firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud, "Dan kami telah mewajibkan atas mereka dalam (Taurat) itu, bahawa jiwa (dibalas) dengan jiwa; mata dengan mata; hidung dengan hidung, telinga dengan telinga; gigi dengan gigi dan luka-luka itu (ada) balasannya. Tetapi barang siapa dermakan (hak membalas)nya, maka (adalah yang demikian) itu jadi penebus dosa baginya; dan barang siapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka (adalah) mereka itu orang yang zalim". Rujuk al-Quran surah al-Maidah ayat 45; A. Hassan, *op. cit.*, hlm 223.

[20]*Undang-undang Melaka*, Fasal 5:2.

dan setengah akan tuannya, sebab taksirnya tiada setahu menteri. Adapun pada hukum Allah orang mencuri itu tiada harus dibunuhnya, melain dipotong tangannya".[21]

Fasal ini juga memberikan alternatif terhadap kesalahan mencuri. Si pencuri akan didenda sama ada mengikut lunas hukum adat atau dihukum mengikut undang-undang 'syariah', iaitu dipotong tangannya. Hukuman memotong tangan yang menurut perintah Allah ini amat jelas diterangkan dalam al-Quran;

"Laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri itu, hendaklah kamu potong tangan-tangan mereka, sebagai balasan bagi apa yang mereka telah lakukan (dan) sebagai contoh yang menakutkan daripada Allah; dan adalah Allah itu Mahakuasa (lagi Bijaksana)".[22]

(Terjemahan al-Quran surah al-Maidah 5:38)

Terdapatnya ciri alternatif yang menunjukkan bahawa pihak hakim tidak semestinya wajib menjatuhkan hukuman memotong tangan si pencuri, walaupun bukti-bukti jelas dalam teks *Sejarah Melayu* menunjukkan ketika Melaka diperintah oleh Sultan Alauddin, suatu undang-undang dikeluarkan supaya memotong tangan pencuri yang dapat ditangkap dan sabit kesalahannya.[23]

Pihak penyusun *Hukum Kanun Melaka* sedar tentang manfaatnya menjatuhkan hukuman mengikut hukum adat dan sebaliknya, dengan meneliti kesan sosial yang mungkin timbul sekiranya mematuhi seratus peratus hukum Islam. Mereka mengambil sikap berkecuali dengan harapan supaya hakim yang bijaksana dapat memberikan pertimbangan dengan seadil-adilnya. Oleh yang demikian, sewajarnyalah sikap adil ini didasarkan pada konsep 'hak' (haq) dan adil atau saksama ('adl) antara individu dalam masyarakat dengan pihak hakim menurut pandangan Islam. Jelas sebagaimana Allah berfirman dalam al-Quran;

"Sesungguhnya Allah memerintah kamu menunaikan amanat-amanat kepada yang berhak dan (Ia memerintah) apabila kamu menghukum di antara manusia, supaya kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya

---

[21]Ibid, Fasal 7:2.

[22]Rujuk al-Quran surah al-Maidah ayat 38; A. Hassan, *op. cit.*, hlm 220.

[23]Satu daripada petikan *Sejarah Melayu* menyebut, "Maka titah baginda kepada Seri Maharaja, jikalau orang mendapat harta orang, jika tiada dipulangkan pada yang empunya, disuruh baginda kudung(kan) tangannya; dan jikalau tiada bertemu dengan yang empunya harta, ke balai itulah dihantarkan". Lihat Shellabear, *op. cit.*, hlm 174.

> Allah menasihati kamu dengan sebaik-baik perkara, sebab sesungguhnya Allah itu adalah Mendengar (dan) Melihat".[24]
>
> (Terjemahan al-Quran surah An-Nisa' 4:58)

Suatu hal yang agak menghairankan ialah tentang peruntukan hukum adat yang bersabit dengan kesalahan yang melibatkan jantina. Pada asasnya, undang-undang Islam memanglah dipatuhi, lalu disalurkan mengikut hukum *hadd* dalam Islam.[25] Hukuman terhadap orang yang berzina umpamanya, *Hukum Kanun Melaka* jelas mengambil terus daripada undang-undang Islam. Jika si pelaku itu seorang yang telah berkahwin (muhsan) hukumannya ialah direjam sampai mati, jika yang belum berkahwin (ghair-muhsan) disebat sebanyak lapan puluh kali.[26] Hukuman ini sebenarnya diambil terus daripada al-Quran;

> "Perempuan yang berzina dan laki-laki yang berzina, maka deralah tiap-tiap seorang daripada mereka seratus kali dera, dan janganlah kamu dikalahkan dengan (menjalankan) agama Allah oleh kasihan kamu kepada mereka berdua, jika (benar) kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian; dan azab mereka itu hendaklah disaksikan oleh segolongan daripada mukmin".[27]
>
> (Terjemahan al-Quran surah An-Nur 24:2)

Hukuman mengikut hukum adat masih tetap diperuntukkan sebagai pilihannya. Walau bagaimanapun, hukuman berdasarkan tradisi adat setempat ini nampaknya amat ringan. Seorang lelaki (yang sabit) melakukan rogol (wati') terhadap seorang dara, dia cuma dikehendaki untuk membayar sedikit denda kemudian diminta berkahwin dengan mangsanya tadi. Yang anehnya, *Hukum Kanun Melaka* bukan meletakkan pada kesalahan kerana

---

[24]Rujuk al-Quran surah An-Nisa' ayat 58; A. Hassan, *op. cit.*, hlm 170.

[25]Hukum *hadd* (hudud) yang dimaksudkan ialah kesalahan-kesalahan jenayah yang hukumannya telah ditetapkan oleh Islam, termasuklah, (i) direjam dengan batu sampai mati terhadap orang yang berzina, (ii) hukuman mati dengan cara disalang kerana kesalahan merompak di lebuh raya sambil membunuh, (iii) memotong tangan atau kaki kerana kesalahan merompak di lebuh raya tanpa membunuh, (iv) hukuman sebat dengan jumlah tertentu kerana kesalahan yang ringan seperti menuduh orang berzina atau meminum arak. Untuk keterangan yang lanjut sila lihat "*Encyclopedia of Islam*, edisi baharu, Leiden London, 1960, di bawah tajuk 'hadd'. Rujuk juga Liaw Yock Fang (ed), *op. cit.*, hlm 189.

[26]*Undang-undang Melaka* pada Fasal 12:2 menyebut, "Adapun pada hukum Allah, jika ia muhsan, direjam. Adapun erti muhsan itu, perempuan yang berlaku; jikalau lelaki, yang ada isteri. Jikalau ghair-muhsan dipalu delapan puluh palu dengan hukum dera. Itulah hukumannya dengan tiada bersalahan lagi."

[27]Rujuk al-Quran surah An-Nur ayat 2; A. Hassan, *op. cit.*, hlm 678.

perbuatan merogol itu, tetapi kesalahan sebab 'memaksa' orang.[28]

Begitu juga pada kesalahan menawar (menceroboh) kehormatan wanita, jika isteri orang yang diceroboh, si penceroboh cuma dikehendaki sujud menyembah suami wanita berkenaan di khalayak ramai. Sekiranya enggan, dia dikehendaki membayar denda sepuluh tahil sepaha sahaja. Jika yang diceroboh itu seorang gadis, dendanya ialah dua tahil sepaha; dendanya kurang sedikit jika yang diceroboh itu seorang hamba, iaitu lima emas sahaja; tetapi meningkat menjadi sepuluh emas sekiranya dara si abdi itu hilang.[29]

Hukum syarak dalam undang-undang nampaknya lebih banyak mempengaruhi bahkan diambil sepenuhnya dalam bahagian akhir *Undang-undang Melaka*, terutama yang berhubung dengan undang-undang keluarga dan peribadi seperti 'muamalat' dan 'munakahat'. Umpamanya, telah dijadikan undang-undang tentang orang yang berwali. Wali seorang perempuan itu menurut *Hukum Kanun Melaka*, 'mengikut tertib' adalah bapanya, datuk sebelah bapanya dan saudara lelakinya.[30] Wali-wali yang sedemikian jika merujuk pada hukum Islam, dikenali sebagai wali *aqrab* dan wali *mujbir*. Diterangkan juga bahawa tidak seorang wali pun dibenar untuk mengahwinkan si perempuan yang belum baligh. Pengertian baligh dihuraikan sebagai genap umur lima belas tahun, telah datang haid dan telah tumbuh bulu air-ari (ikhtilam).

Fasal 25:2 *Hukum Kanun Melaka* juga memperuntukkan syarat dan tatacara ijab dan kabul dalam nikah dan kahwin serta hukum dan syarat menjadi saksi dalam tatacara tersebut yang dijelaskan pada Fasal 26. Hukum tentang hak pembatalan (khiyyar), hukum bertalak sama ada talak *raji'i* atau talak *ba'in* serta syarat-syarat yang berhubungan dengannya, termasuklah masalah melakukan "cina buta", terangkum ke dalam Fasal 27 dan Fasal 28:1 teks *Hukum Kanun Melaka*.

Contoh yang menarik tentang 'muamalat' Islam berhubung dengan soal 'bunga' atau 'faedah' atau 'riba' dalam tatacara berniaga terdapat dalam Fasal 30. Telah ditegaskan bahawa;

> "... pada menyatakan hukum orang yang berniaga itu dan haram atas segala yang mengambil riba' .... hukum berniaga itu tiada sah berniaga

---

[28] *Undang-undang Melaka* pada fasal 12:2 memperuntukkan, "Demikian lagi menangkap orang, maka lalu diwati'nya perempuan itu, pun sepuluh emas dendanya, kerana menggagahi orang .... Adapun tiada dapat ia menangkap dan menggagahi orang. Jikalau ada orang merdeka yang ditangkapnya itu, maka lalu diwati'nya perempuan itu .... disuruh kahwinkan. Jikalau tiada ia mahu kahwin, didenda tiga tahil sepaha dengan isi kahwinnya adat hamba raja".

[29] *Ibid*, Fasal 12:1

[30] *Ibid*, Fasal 25:1.

melainkan daripada 'akil, tiada sah berniaga itu bagi orang yang gila, kanak-kanak yang belum baligh."

Hukum haram melakukan 'riba' adalah diasaskan terus daripada hukum dalam al-Quran yang menerangkan bahawa;

"Orang yang memakan riba itu tidak akan berdiri melainkan sebagaimana pendirian orang yang diharu syaitan dengan tamparannya. Yang demikian, lantaran mereka berkata, 'Perdagangan itu tidak lain melainkan seperti riba'. Dan Allah halalkan perdagangan dan haramkan riba. Lantaran itu, barang siapa kedatangan nasihat dari Tuhannya, lalu ia berhenti, maka baginyalah apa yang telah lalu dan urusannya (terserah) kepada Allah, tetapi barang siapa kembali lagi, maka mereka itu (jadi) ahli neraka yang mereka (akan) kekal di dalamnya".[31]

(Terjemahan al-Quran surah al-Baqarah 2:275)

Selain kesalahan jenayah, *Hukum Kanun Melaka* juga menekankan kesalahan-kesalahan *hadd* yang jelas terpengaruh dengan hukum Islam. Antara bentuk kesalahan *hadd* yang dimaksudkan termasuklah kesalahan minum arak, mencuri, membunuh, menyamun, *qisas* pada nyawa dan murtad. Bagi semua kesalahan itu, Fasal 37:2 *Hukum Kanun Melaka* menentukan supaya mestilah ada dua orang saksi yang baligh dan tidak gila bagi membuktikan sahih atau tidaknya perbuatan itu. Selain itu, penyelarasan pelaksanaan hukum Islam dan hukum adat diperuntukkan juga pada fasal tentang kesalahan menuduh orang berzina tanpa saksi. Orang itu mestilah dirotan sebanyak lapan puluh kali. Hukuman seperti ini jelas diambil daripada hukum Islam sebagaimana yang ditentukan oleh Allah dalam al-Quran;

"Dan orang-orang yang menuduh perempuan-perempuan yang baik-baik (berzina), kemudian mereka tiada dapat hadirkan empat saksi, maka deralah mereka delapan puluh kali deraan; dan janganlah kamu terima persaksian mereka (yang didera) itu selama-lamanya, sebab mereka itu orang-orang yang fasiq".[32]

(Terjemahan al-Quran surah An-Nur 24:4)

[31]Rujuk al-Quran surah al-Baqarah ayat 275; A. Hassan, *op. cit.*, hlm 91.
[32]Rujuk al-Quran surah An-Nur ayat 4; A. Hassan, *op. cit.*, hlm 679.

Walau bagaimanapun hukum adat masih tetap diberi pertimbangan. Jika sabit kesalahan pihak yang menuduh, ia akan didenda mengikut taraf sosial si pesalah.[33]

Pada fasal-fasal yang lain dalam *Hukum Kanun Melaka*, diperuntukkan juga undang-undang menurut 'muamalat' Islam seperti dalam Fasal 32:2 *Hukum Kanun Melaka* menentukan hukuman sah tuntutan atas harta (sulh) yang dikanunkan daripada ayat, "Sah sulh kemudian daripada ikrar di dalam segala harta, tiada sah sulh di dalam mungkir dan pada orang yang tiada bertentu", hinggalah ke ayat, "Tiada sulh melainkan pertama hendak bertentukan". Undang-undang berjual beli yang dibentuk juga adalah berlandaskan undang-undang Islam. Fasal 30 *Hukum Kanun Melaka* juga menentukan barang-barang yang boleh diperniagakan serta yang dilarang oleh Islam seperti arak, babi, anjing dan tuak.

Peruntukan yang berteraskan hukum-hakam dan *'aqaid* Islam jelas terdapat dalam Fasal 25:1 hingga Fasal 30 yang menyentuh tentang masalah "lafaz ijab dan qabul dalam acara nikah", "saksi-saksi dalam acara nikah", "hukum 'iddah dalam perceraian", juga pada Fasal 34:1 tentang 'hukum amanah'. Undang-undang pada 'hukum ikrar' pula ditentukan;

> "... pada menyatakan hukum ikrar itu dua perkara; suatu pada hak Allah S.W.T. seperti minum arak dan tuak dan zina; kedua pada hak manusia. Adapun hak Allah S.W.T itu dikabulkan, jikalau ia kembali daripada ikrarnya. Bermula pada hak manusia tiada harus dikabulkan, jikalau ia kembali daripada ikrarnya."[34]

Begitulah juga undang-undang Islam sebagai syarat sah seorang menjadi saksi;

> "... harus di atas empat martabat. Pertama, tahu ia akan halal dan haram, kedua tahu ia akan sunat dan fardu, ketiga tahu ia akan baik dan jahat".[35]

Dan syarat yang membolehkan seseorang itu menjadi saksi adalah;

> "... lima perkara. Pertama Islam, kedua baligh, ketiga akil, keempat adal ('adl), kelima hendaklah menjauhi daripada dosa yang besar dan dosa yang kecil".

---

[33]Fasal 12:3 *Undang-undang Melaka* menyebut, "Adapun akan hukum orang yang menuduh orang zina itu, pada hukum Allah didera delapan puluh kali deranya. Jikalau pada Hukum Kanun didenda sepuluh tahil. Jikalau yang menuduh itu abdi didenda dua tahil sepaha atau setengah harganya. Jikalau ada sungguh tuduhannya itu suatu pun tiada lagi hukumannya atas yang menuduh itu. Demikianlah menuduh anak hamba zina itu setengah harga juga adanya".

[34]Lihat Fasal 35, *Undang-undang Melaka*.

[35]*Ibid*, Fasal 37:1 dan 37:2.

Perkara yang paling menarik ialah struktur dan sebahagian daripada kandungan *Hukum Kanun Melaka* itu sendiri. Ada hukum dan undang-undang fiqah Islam yang diserap dan diperundangkan terus dalam undang-undang negerinya, seolah-olah teks tersebut menjadi sumber rujukan hukum-hakam Islam pula. Umpamanya tentang hukum ibadat sembahyang, dituliskan pada Fasal 36:2;

> "Bermula orang yang sembahyang itu atas dua perkara, meninggalkan dan tiada iktikadnya pada fardu sembahyang. Dalam iktikadnya bahawa sembahyang fardu itu disuruh ia sembahyang. Jika tiada ia sembahyang oleh kesakitan, tiada ia mungkar, disuruh taubat murtad tiga kali. Jikalau sembahyang, baik jalan itu".

Begitu berkesan dan berpengaruh sekali hukum Islam terhadap *Hukum Kanun Melaka* sehingga terdapat bentuk ekspresinya dipetik terus daripada ayat al-Quran, contohnya pada Fasal 43:2 yang berbunyi;

> "Bismi'l Lahi al-Rahman al-Rahim. Qala' ILahu Ta'ala: Ati'u Allaha wa ati'u ur-rasula wa uli'l amri minkum ..."

Dan di sana sini diambil terus hadis Nabi S.A.W. yang antara lain pada fasal yang sama menyebut;

> "... sebab sabda Nabi salla'i Lahu 'alai wa sallam: kulluhum rain wa kulluhum mas'ulun 'an ra'iyatihi ..."

Begitulah juga suatu ekspresi dalam bahasa Melayu pada ayat yang berbunyi "Bermula sama dihukumnya ikrar pada hal sihat dan sakit". Setelah dikaji ayat ini, nyatalah ia merupakan terjemahan terus daripada sepotong ayat Arab yang mengatakan bahawa, "wa huwa fi hali al-sihati wa al-marad suwan."[36] Beberapa ayat bersabit dengan beberapa peruntukan hukum juga digunakan terus dalam bahasa Arab, umpamanya pada Fasal 14:1,

> "Wa'lLāhu khalaqakum wa mā ta'malūn. ILāhi bi barakati Jibrā'īl wa Mikā'īl Isrāfīl wa 'Izrā'īl".

Fasal 25:2 pula menyatakan;

> "Qabiltu tazwījahā".

serta pada Fasal 38:1 yang menyatakan;

> "Albayyinatū 'alā'l-mudda'ī wa alyamīnu 'alā man ankar".

---

[36]Liaw Yock Fang (ed), *op. cit.*, hlm 188 dan teks pada Fasal 35.

Sewajarnyalah sumber daripada al-Quran dan Hadis ini diserap serta digunakan sebagai panduan dan untuk kekuatan rohaniah. Sumber ini boleh dijadikan sebagai tunjang pada peraturan, adat dan undang-undang tempatan supaya selaras dengan aspirasi dan tanggungjawab raja, pembesar dan rakyat Melayu yang telah pun beragama Islam. *Hukum Kanun Melaka* sendiri telah menentukan hal ini,

> "... [ayat al-Quran] bermula pada segala menteri dan sida-sida dan bala tentera sekalian itu, hendaklah seperti firman Allah dan al-Quran itu hendaklah diturut amr bi al-ma'ruf wa nahyu 'an al-munkar.
>
> Inilah yang dikerjakan oleh segala menteri dan segala yang memegang pekerjaan itu. Hendaklah kami dari pagi-pagi hari duduk di balai, sebab segala hamba Allah banyak diserahkannya pada segala raja-raja dan menterinya sebab sabda Nabi S.A.W. [hadis] ...".

BEBERAPA KELAINAN

Walaupun undang-undang dan hukum Islam diambil terus daripada hukum syarak, namun terdapat juga beberapa kelainan atau 'penyimpangan' di sana sini apabila hukum-hukum ini dirakamkan secara tulisan dalam teks *Undang-undang Melaka*.

Antara hal yang amat jelas adalah berkenaan hukum hak pembatalan atas nikah atau *khiyyar*. Pada Fasal 27 *Hukum Kanun Melaka* ditegaskan bahawa hak *khiyyar* pada lelaki dan perempuan adalah disebabkan oleh lima faktor, iaitu aib, gila atau *judzam*, baras (penyakit sopak atau kedal), *rataq* (tumbuh daging yang aneh di faraj perempuan), aib sebab *qaran* (tumbuh tulang dalam rahim peranakan wanita) dan kembiri (lemah zakar pada lelaki). Dengan keaiban seperti ini menurut *Hukum Kanun Melaka* menyebabkan "... tiada sah nikahnya kahwin dengan orang demikian itu".[37]

Hal ini nampaknya berlainan dengan hukum Islam yang sebenarnya. Ahli tafsir Islam, Abu Sujak, menerangkan bahawa terdapat lima jenis penyakit yang mengaibkan sehingga dapat membatalkan perkahwinan, iaitu gila, sakit untut dan sakit kusta. Tiga penyakit ini biasa terdapat di kalangan lelaki dan wanita. Dalam hukum Islam ditunjukkan dua jenis penyakit sahaja yang dapat mengesahkan hukum tersebut, dan kedua-duanya dimiliki oleh wanita sahaja, iaitu *rataq* dan *qaran*; dua penyakit sahaja pada lelaki, iaitu *jabb* (kembiri) dan *unna* (mati pucuk).[38] Tetapi dalam *Hukum Kanun*

---

[37] *Ibid.*, Fasal 27.

[38] Untuk keterangan lanjut rujuk Abu Sujak, *al-Taqrib* (dalam lampiran Sachau), Stuttgard dan Berlin, 1897, Nos 13, hlm 3; juga lihat ibn Qassim al-Ghazzi, *Fath al-Qarib*, Leiden, 1895, hlm 146–166; rujuk juga Liaw Yock Fang (ed), *op. cit.*, hlm 184.

Melaka semua penyakit itu dikumpulkan sekaligus, ditujukan kepada lelaki dan wanita.

Hal yang sama terdapat pada Fasal 37:1 *Hukum Kanun Melaka* yang menerangkan syarat sah menjadi saksi;

> "Saksi tiada dikabulkan melainkan berhimpun pada saksi itu lima perkara. Pertama Islam, kedua baligh, ketiga akil, keempat adil, kelima hendaklah menjauhi daripada dosa yang besar dan kecil, dan baik kelakuannya dan jangan ia penggusar dan memeliharakan lakunya dan namanya".

Lima syarat sah menjadi saksi yang terdapat dalam *Hukum Kanun Melaka* di atas nampaknya menyimpang daripada hukum Islam yang sahih. Ulama Abu Sujak menerangkan bahawa adil, jauh daripada dosa dan berkelakuan baik serta tidak gusar adalah syarat yang keempat yang sama sahaja ertinya. *Hukum Kanun Melaka* langsung tidak menyebut *huriyaa*, iaitu syarat kelima yang bermakna 'merdeka'.

Kekacauan dalam penerapan hukum seperti ini berlaku juga pada fasal tentang syarat seorang hakim yang tidak boleh membuat keputusan hukuman dalam lima suasana, iaitu cuaca dan iklim yang amat panas dan amat dingin, hakim sangat lapar dan sangat kekenyangan dan mengantuk.[39]

Berdasarkan hukum Islam yang sahih dan penganalisisan ahli fiqah, terdapat sekurang-kurangnya sepuluh keadaan yang seseorang hakim itu tidak digalakkan untuk mengadili dan menjatuhkan hukuman. Selain empat perkara yang telah dinyatakan dalam *Hukum Kanun Melaka*; terdapat enam perkara lain, iaitu dahaga, sakit, sedih, terlampau suka, memerlukan rehat dan juga beringinkan sesuatu adalah keadaan yang boleh menyebabkan seseorang hakim itu tidak digalakkan untuk mengadili dan menjatuhkan hukuman.[40] *Hukum Kanun Melaka* meninggalkan langsung enam perkara ini. Syarat terlampau kenyang dalam *Hukum Kanun Melaka* itu tidak tercatat dalam sebarang kitab tafsir hukum Islam. Oleh itu, nyatalah bahawa syarat ini dengan sengaja atau tidak, telah ditambah oleh penyusun undang-undang tersebut.

Begitu juga tentang jenayah bunuh-membunuh di kalangan orang Islam dan bukan Islam, dimasukkan juga orang Yahudi, Nasrani dan Majusi. Oleh itu, jelas bahawa hukum ini diambil terus daripada hukum Islam kerana kehadiran bangsa-bangsa seperti ini di Melaka diragukan. Penyimpangan

---

[39] *Undang-undang Melaka*, Fasal 38:4.
[40] Abu Sujak, *op. cit.*, No 5, hlm 21.

hukum ternyata apabila *Hukum Kanun Melaka* menyebut;

> "Bermula jikalau Yahudi membunuh Nasrani atau kafir Majusi sekalipun dibunuhnya itu, tiada setahu orang banyak, di dalam antara itu, maka tahu orang, jikalau ia menjadi Islam sekalipun dihukumkan ia seperti hukum Allah ...".[41]

Lihatlah bagaimana konsep dan perhukuman Islam itu ditekankan. Tetapi di sini kelainan telah berlaku. *Hukum Kanun Melaka* telah menyatukan dua hukum yang sewajarnya terpisah, iaitu pembunuhan di kalangan orang Yahudi dan Islam sekaligus. Sedangkan hukum Islam menyatakan bahawa;

> "Seseorang yang bukan Islam membunuh orang lain yang bukan Islam juga akan dihukum mengikut hukum qisas, tanpa mengira sama ada kedua-dua pihak ini Majusi ataupun Nasrani. Seorang kafir (yang tidak percaya kepada sebarang agama) membunuh orang lain yang sedarjat dengannya akan juga dibalas dengan hukum qisas, hatta sekalipun si pembunuh tadi kemudiannya memeluk Islam".

Demikianlah juga diperundangkan hal peribadi dan taraf seorang Islam dalam undang-undang negeri kerajaan Melaka diberikan kedudukan undang-undang yang lebih tinggi daripada kedudukan orang yang bukan Islam, sesuai dengan sifatnya sebagai sebuah kerajaan yang kuat mengamalkan perhukuman Islam. Undang-undang menentukan;

> "Bermula, tiada harus Islam dibunuh sebab membunuh kafir, dan tiada harus merdeheka dibunuh sebab membunuh abdi dan tiada harus bapa dibunuh sebab membunuh anaknya ...".[42]

Selain itu terdapat sekurang-kurangnya dua lagi kelainan antara undang-undang negeri yang dikatakan undang-undang Islam itu dengan hukum Islam yang sebenarnya. Pertama, bersabit dengan 'muamalat' berniaga antara barangan, Fasal 30 *Hukum Kanun Melaka* memperuntukkan;

> "... Dan tiada sah berniaga emas dengan emas dan perak dengan perak melainkan (dengan) suatu jenis lain iaitu emas dengan suatu jenis lain yakni perak tunai dan berniaga makanan janji tunai, maka sah".

Di sini pun, *Hukum Kanun Melaka* menyalurkan kedua-dua syarat perniagaan antara emas dengan perak, sedangkan dalam hukum Islam yang

---

[41] *Undang-undang Melaka*, Fasal 39.
[42] *Ibid*, Fasal 39.

sewajarnya memperuntukkan dua syarat yang terpisah itu, iaitu bahawa:

(a) tidaklah sah berniaga antara emas untuk emas dan perak untuk perak, melainkan berat kedua-duanya adalah sama dan transaksi tersebut berjalan dengan serta-merta.

(b) adalah berniaga emas ditukarkan dengan perak dengan timbangan yang berlainan dan dilakukan transaksi ini dengan serta-merta juga.[43]

Penyusunan dalam syarat dan peruntukan perniagaan tersebut dalam *Hukum Kanun Melaka* nampaknya dilakukan dengan sewenang-wenang-nya.

Bukti yang kedua dapat dikesan daripada Fasal 32:2 *Hukum Kanun Melaka* berhubung dengan hukum sah *Sulh* iaitu hukum sah atau tidaknya tatacara berniaga, dicampuradukkan syarat-syarat pengesahan tersebut tanpa mengikut lunas hukum Islam yang sewajarnya. Begitu juga pada Fasal 49:1 yang memperuntukkan tentang konsep atau pengertian *muhsan* dalam Islam. *Hukum Kanun Melaka* memberikan empat kriteria *muhsan*, iaitu Islam, baligh, berakal dan tidak gila. Kriteria yang ketiga dan keempat itu sebenarnya serupa sahaja. Tetapi menurut pendapat ahli fiqah Islam, undang-undang tidak semestinya memasukkan kriteria Islam itu, bahkan sewajarnya adalah merdeka.[44]

Adalah sukar untuk mencari sebab berlakunya kelainan dan penyim-pangan ini. Tidak mungkin hendak dibebankan kesalahan kepada penyusun atau penggubal undang-undang negeri ini kerana penyusun itu adalah tokoh dalam bidang perhukuman Islam yang mengguna dan berpeluang merujuk pada kitab-kitab yang berkaitan. Zaman yang patut disalahkan dalam hal ini kerana undang-undang ini digubal ketika masyarakat Melaka masih melalui zaman awal terhadap agama Islam. Atau sebagaimana nasib yang menimpa naskhah-naskhah Melayu lama, kerana hampir kesemuanya disalin dengan kesalahan (yang sengaja atau tidak) yang dilakukan oleh penyalin-penyalin naskhah undang-undang ini.

---

[43]Dalam bahasa Arabnya kedua-dua syarat ini berbunyi demikian,

"Walā yajūzu bai'i adh-dhahabi bi'-dhahab, walā'l-fiḍḍa kadhālika illā ma thalan naqdan".

dan

"Wa yajūzu bai'i adh-dhabab bi'-dhahab mutafadala naqdan".

Untuk keterangan lanjut lihat Ibn Qassim al-Ghazzi, *op. cit.*, hlm 314–316; Abu Sujak, *op. cit.*, No 4 dan 6, hlm. 12; Liaw Yock Fang (ed), *op. cit.*, 185.

[44]*Ibid.*

Walau bagaimanapun, peranan kadi[45] dalam sejarah perundangan Melaka amatlah penting. Hampir separuh daripada fasal-fasal yang diperuntukkan dalam *Hukum Kanun Melaka* adalah bercorak dan berasaskan perhukuman Islam. Ini membuktikan bahawa semasa kecemerlangan Kesultanan Melayu Melaka dahulu, undang-undang Islam telah diamalkan dengan luasnya di kalangan masyarakat tempatan dan jajahan takluk, dusun serta anak Sungai Melaka. Walaupun begitu tidak ada bukti yang jelas bahawa di Melaka pada masa itu telah wujud institusi syariah untuk mengendalikan halehwal agama Islam dan penganutnya seperti yang terdapat pada hari ini. Namun demikian, jelas bahawa raja atau sultan ialah penaung undang-undang tersebut. Tokoh yang memelihara undang-undang ini adalah kadi ataupun hakim. Pendapat mereka akan dirujuk apabila timbul sebarang pembicaraan dan masalah pengadilan, terutama terhadap undang-undang Islam di kalangan masyarakat tempatan itu.

Begitu bermakna dan berkesan sekali *Hukum Kanun Melaka* serta ciri-ciri dan perundangan Melayu-Islam yang termaktub di dalamnya sehinggakan banyak undang-undang negeri Melayu sebelum penghujung abad ke-19 terpengaruh dengannya. *Undang-undang Johor, Undang-undang Pahang, Undang-undang Kedah* dan *Hukum Kanun Datuk Setar* serta *Undang-undang 99 Perak* adalah secara langsung ataupun tidak langsung dimodelkan daripada *Hukum Kanun Melaka*, sama ada yang bercorak adat ataupun yang berbentuk Islam.

---

[45]Dalam teks Sejarah Melayu, antara nama kadi yang pernah disebut-sebut adalah Kadi Yusoff dan Kadi Munawwar. Sementara sumber-sumber Portugis menyebut jawatan agama ini sebagai Kadli, Kajee dan Cashises. Lihat Shellabear (ed), *op. cit., passim*; Armando Cortesao (ed), *op. cit.*, hlm 180–1; J.V. Mills, (ed), *op. cit.*, hlm 176; Muhammad Yusoff Hashim, "Masyarakat Melaka Zaman Kesultanan dan Sifat Kosmopolitannya" dalam P. Wheatley and K.S. Sandhu (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital, cir. 1400–1980*, Oxford Universiti Press, 1983, hlm 113–127.

11

Perdagangan dan Perkapalan Melayu Melaka

> "MAKA segala dagang atas angin dan bawah angin sekaliannya datang ke Melaka; terlalu ramai bandar Melaka pada zaman itu. Maka segala orang Arab dinamainya Malakat, ertinya perhimpunan segala dagang, kerana banyak jenis dagangan ada di sana .... Maka Hang Nadim perginya naik kapal Hang Isap, kerana pada masa itu orang Melaka ratalah berkapal belaka ...."
>
> (*Sejarah Melayu*, versi tahun 1612, edisi 1961, hlm 82, 220)

Kegiatan perdagangan bukanlah perkara baru bagi penduduk Melayu di Melaka. Kegiatan perdagangan merupakan warisan dan penerusan tradisi kegiatan ekonomi orang peribumi yang telah berjalan sejak dari zaman awal Kerajaan Melayu Langkasuka dan Sriwijaya, iaitu dari abad ke-7 hingga abad ke-13. Kerajaan-kerajaan kelautan yang terdapat di pesisir pantai Selat Melaka ini mempunyai kelebihan dan keistimewaan geografi dan perairan bagi memudahkan kedatangan para pedagang asing dari Timur dan Barat ke Nusantara.

Kemudahan-kemudahan dan keistimewaan ini termasuklah; pertama, kedudukan Selat Melaka sebagai kawasan lalulintas di antara Timur dengan Barat. Pada mulanya, Melaka seperti juga pelabuhan yang setaraf dengannya memainkan peranan sebagai pelabuhan *transit* bagi kapal-kapal yang berulang-alik melalui Selat Melaka; kedua, pengumpulan, penyaluran dan pertukaran barang-barang dagangan menerusi sistem entrepot; ketiga, terdapat dua jenis angin monsun yang menentukan panduan dan arah pergerakan kapal; dan keempat, kemudahan-kemudahan fizikal dan material yang disediakan di pelabuhan-pelabuhan entrepot oleh kerajaan-kerajaan Melayu tradisional tadi.

Oleh sebab kedudukan geografi yang begitu strategik serta amat bergantung pada perdagangan, kerajaan-kerajaan tersebut sensitif terhadap kedudukan dan segala perubahan kegiatan di laut yang dihadapinya. Perubahan kegiatan di laut sering menentukan perubahan dan perkembangan persejarahannya. Pengalaman ketidakstabilan dalam persejarahan ini pernah

dirasakan oleh kerajaan-kerajaan Melayu seperti Langkasuka, Sriwijaya (yang berpusat di Palembang dan Jambi), Perlak, Pasai, Samudera dan Aru, sebelum abad ke-15.[1] Dengan keadaan yang sedemikian, penglibatan langsung penduduk peribumi terhadap usaha perdagangan, sebagai reaksi terhadap kedatangan dan penglibatan para pedagang asing dari Timur dan Barat ke rantau ini memanglah dijangkakan. Ini diikuti pula dengan terdapatnya hasil keluaran tempatan (tanaman atau galian) yang diusahakan oleh penduduk peribumi sendiri.

Kerap dikatakan bahawa tradisi Melaka adalah penerusan atau warisan tradisi Sriwijaya.[2] Ini berlaku secara kebetulan. Parameswara, iaitu pemerintah Melaka yang pertama adalah daripada keturunan kerabat diraja Palembang. Beliau diusir dari keraton Palembang akibat desakan pengaruh Jawa di sana. Mungkin pengalaman politik dan proses ekonomi yang dialami oleh Parameswara semasa berada di Palembang dan Jambi telah membantu beliau untuk menyusun strategi memaju serta menjadikan Melaka sebagai sebuah 'emporium' Melayu pada abad ke-15.[3] Dengan kehadiran Orang Laut yang mengiringi Parameswara ketika berundur dari Singapura ke Melaka sebelum tahun 1400, telah dapat membantu untuk menjaga pertahanan dan perairan. Tenaga Orang Laut jugalah yang telah digunakan oleh pemerintah Sriwijaya sebelum ini untuk meningkatkan kegiatan ekonomi dan perdagangan mereka.[4]

---

[1]Rujuk O.W Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Kuala Lumpur, 1970; O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce. A Study of the Origin of Srivijaya*, Ithaca, 1967; Nilakanta Sastri, *History of Sri Vijaya*, Madras, 1949; Nilakanta Sastri, "Sri Vijaya", dalam *Bulletin de I 'Ecole Francaise d' Extreme Orient, XL*, 1940, hlm 239–313.

[2]O.W. Wolters, "Studying Śrivijaya", dalam *JMBRAS*, LXII, ii, 1944, hlm 1–32; Rouffaer, G.P., "Was Malacca an Emporium Called Malayur Before 1400 A.D.? And Where Wuraweri, Ma-Hasin, Langka, and Batusawar Located?", dalam *BKI*, LXXVII, 1921, hlm 1-174, 359–640; Francois Valentijn, *Oud en Nieuw Osst Indien*, Amsterdam 1724–1726, L.Y. Andaya, *The Kingdom of Johor, 1941 – 1728*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975, hlm 1 –9.

[3]Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", dalam *JMBRAS*, XLI, i, 1968, hlm 11–22; Wang Gungwu, "The Opening Relations between China and Malacca 1403–1405", dalam J. Bastin and R. Roolvink, (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Kuala Lumpur, 1970, hlm 147; P. Wheatley, "Desultry Remarks on the Ancient History of the Malay Peninsula", dalam J. Bastin and R. Roolvink, (eds), 1970.

[4]Ferrand, "Malay and Malayur", *Journal Asiatique*, Siri Ke-11, 1918, hlm 391–484; C.O. Blagden, "Notes on Malay History", dalam *JSBRAS*, Jil 153, 1909, hlm 139–162; C.O. Blagden, "Shahbandar and Bendahara", dalam *JRAS*, 1921, hlm 246 –248; O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce ...*; W. Linehan, "The Kings of the 14th Century Singapore", dalam *JMBRAS*, XX, ii. 1947, hlm 117 –127; L.Y. Andaya menamakan mereka sebagai: "The Aquatic People". Rujuk L.Y. Andaya, "Historical Links between Aquatic Populations and the Coastal Peoples on Political Fragmentations and Cultural Change", dalam Muhammad Abu Bakar et. al., (eds) *Historia*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1984, hlm 34–51.

SUMBER KAJIAN

Sumber untuk kajian tentang perdagangan dan perkapalan orang peribumi di Melaka bukanlah suatu perkara yang mudah untuk diperoleh. Keterangan dan data sejarah yang tepat tentang kegiatan perdagangan di kalangan anggota masyarakat ini sukar untuk diberikan. Apabila sumber peribumi *Sejarah Melayu* menyebut bahawa, "orang Melaka ratalah berkapal belaka ...", sukar juga untuk kita menentukan 'orang Melaka' ini. Adakah 'orang Melaka' ini terdiri daripada orang peribumi dan penduduk tempatan? Atau adakah orang asing sama ada yang telah menetap di Melaka ataupun yang hanya berdagang dengan Melaka?

Walau bagaimanapun, kemunculan Melaka sebagai 'emporium' dan pusat perdagangan antarabangsa pada abad ke-15 dan abad ke-16 di rantau ini, harus dilihat daripada bentuk penghuni dan perspektif kegiatan perdagangan. Kita harus sedar bahawa Melaka sebenarnya menjadi waris kepada tradisi sejarah dan lanjutan Sriwijaya di pinggir Selat Melaka pada abad sebelum tahun 1400. Pengalaman sejarah yang berkaitan dengan kegiatan laut ini bukanlah satu perkara baru bagi penduduk peribumi di Melaka.

Segala kemudahan untuk pedagang asing telah disediakan oleh pentadbir Melaka. Pengalaman sejarah dan ekonomi yang mereka peroleh hasil daripada hubungan erat dengan Palembang dan Jambi mungkin telah memberi contoh dan panduan kepada mereka dalam hal ini.

Pertemuan dan perhubungan antara dua masyarakat ini telah menyebabkan penduduk peribumi terdedah kepada perubahan dalam proses ekonomi secara besar-besaran. Anggapan bahawa mereka amat pasif, memencilkan diri dan enggan melibatkan diri dalam segala perubahan semasa, tentulah sukar untuk diterima. Oleh sebab terdapat ramai pedagang asing yang terus menetap di Melaka, asas anggota masyarakatnya telah terbahagi kepada tiga jenis. Pertama, penduduk peribumi; kedua, kalangan pedagang asing yang menetap di Melaka; dan yang ketiga, para pedagang dan senteri yang kerap datang ke Melaka.[5] Akibatnya terjadilah kegiatan perdagangan antara penduduk peribumi dengan pedagang asing yang menetap di Melaka.

---

[5]Di kalangan para penduduk Jawa contohnya, terdapat golongan Priayi, iaitu golongan yang berpangkat tinggi dalam birokrasi Jawa tradisional yang datang ke Melaka bersama-sama dengan seorang Pangeran dari Surabaya, iaitu Patih Adam, apabila *Sejarah Melayu* menggambarkan naratif secara anekdot darihal Patih Adam dengan Tun Manda, anak angkat Seri Nara Diraja. Rujuk W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu*, Malayan Publishing House, Singapura, 1961, hlm 212–215; Muhammad Yusoff Hashim, "Masyarakat Melaka Zaman Kesultanan dan Sifat Kosmopolitannya", dalam K.S. Sandhu and P. Wheatley, (eds), Melaka: *The Transformation of A Malay Capital cir. 1400–1980*, Oxford, Kuala Lumpur, 1983, hlm 113–128.

Kegiatan yang dijalankan oleh para pedagang dan senteri di peringkat tempatan dan antarabangsa itu pula, telah melahirkan masyarakat bercorak kosmopolitan.

Dalam proses transformasi kemasyarakatan, iaitu daripada hanya menjadi nelayan dan pelaut kepada masyarakat pedagang peribumi, maka seorang penulis mengatakan bahawa;

> "The original Malay population which consisted largely of fisherman, had become mixed with a great many foreign elements .... besides the seamen, there were the actual traders, merchants in a large way of business who had undertaken the journey with considerable capital or valuable cargo ...."

Dengan perubahan sejarah, diikuti oleh faktor kepicikan kegiatan pertanian yang dijalankan oleh penduduk peribumi di Melaka, maka, kegiatan pertanian tidak mungkin dapat dilakukan secara besar-besaran.[6] Ini ditambah pula apabila pencatat Cina, Ma Huan melaporkan bahawa iklim dan keadaan tanah di Melaka tidak sesuai untuk kegiatan pertanian. Oleh itu, pilihan yang terbaik ialah menjalankan kegiatan perdagangan.

Selain menyebut beberapa jawatan penting yang berkait dengan kegiatan perdagangan seperti Syahbandar dan Penghulu Bendahari, di samping mendakwa secara imbasan, "Adapun zaman itu negeri Melaka terlalu sekali ramainya, segala dagang pun berkampung ...", sedikit sahaja data dan keterangan sejarah tentang sistem dan struktur kegiatan perdagangan dan ekonomi Melaka yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*.[7]

Pada awal abad ke-16, pencatat Portugis yang tidak asing lagi, iaitu Tome Pires pernah mengatakan bahawa pada setiap tahun terdapat sekurang-kurangnya 100 buah kapal yang besar dan kira-kira 30 hingga 40 buah kapal-kapal kecil datang ke pelabuhan Melaka. Menurut Tome Pires lagi, pelabuhan Melaka begitu besar sehingga boleh menampung hampir dua ribu buah kapal yang berbagai-bagai saiz untuk sesuatu masa.[8]

---

[6]Kegiatan pertanian secara kecil-kecilan oleh penduduk peribumi hanya diusahakan di sekitar pinggiran bandar di kawasan pedalaman, seperti yang dikatakan oleh Ma Huan. Rujuk W.W. Rockhill, "Notes on the Relations and Trade of China with the Eastern Archipelago and the T'oung Pao: Archives of the Study of History, Philology, Geography and Ethnology of Eastern Asia", Bahagian I, 1915, hlm 61–159; Lihat juga W.P. Groeneveldt, "Notes on the Malay Archipelago and Malacca compiled from Chinese Sources", dalam *VBG*, XXXIX, 1880, hlm 1–144; J.V.G. Mills (ed dan tsd), Ma Huan, *Ying Yai Sheng-lan; The Overall Survey of the Ocean's Shores*, London, 1970.

[7]W.G. Shellabear (ed), *Sejarah Melayu*, 1961, hlm 247.

[8]Armando Cortesao, (ed dan tsd.), *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil II, Hakluyt Society, London, 1944, hlm 254–255.

Dalam keadaan yang demikian adalah mustahil tidak wujudnya suatu sistem dan struktur tertentu bagi mengawasi dan menentukan proses serta sistem perdagangan (sistem penerimaan kapal yang masuk untuk berlabuh, sistem cukai, tatacara dan urusan jual beli. Para pegawai yang mengawas dan mengendalikan sistem tersebut terdiri daripada kalangan tokoh peribumi).

Sistem ini sebenarnya terdapat dalam dua buah teks undang-undang tradisional di Melaka, iaitu *Undang-undang Melaka (Hukum Kanun Melaka)* dan *Undang-undang Laut Melaka*.[9] Kita mungkin ragu-ragu sama ada peruntukan yang tertera dalam dua buah teks tradisional itu diamal dan digunakan. Ahli sejarah juga mungkin mempunyai persoalan yang sama. Soalnya, apakah sistem dan undang-undang sedemikian tidak diikuti sepanjang kewujudan Melaka itu?

Dalam hal ini, sumber dari negeri China juga menyebut tentang kegiatan perdagangannya di seberang laut, juga kurang membantu untuk menyelesaikan masalah ini.[10] Sumber ini hanya menggambarkan secara umum tentang ciri-ciri petempatan awal Melaka dan sistem pemerintahan primitif penduduk peribumi.

Kita harus merujuk pada laporan Tome Pires dalam bukunya, *The Suma Oriental*, tentang masyarakat dan kegiatan perdagangan orang peribumi yang disaksikan oleh beliau sendiri pada awal abad ke-16. Walau bagaimanapun, besar kemungkinan objek dan sistem perdagangan Melaka pada masa itu tentulah lanjutan daripada tradisi dan sistem perdagangan orang peribumi yang berjalan hampir seabad sebelumnya.[11]

Laporan Tome Pires mungkin merupakan sumber terbaik, walaupun laporan tersebut bukan tulisan ilmiah yang unggul. Namun, keterangan yang diberikan oleh Tome Pires itu amat baik. Walaupun keterangan tentang kegiatan perdagangan Melaka yang disaksi dan diketahui oleh beliau itu tidak begitu jelas, namun sekurang-kurangnya laporan itu dapat menjadi sumber luar yang menyokong dan memperjelaskan lagi fahaman kita. Selama ini keterangan yang diberikan oleh dua buah teks undang-undang peribumi tadi telah menyulitkan lagi pemahaman para pengkajinya.

Selain sumber daripada laporan Tome Pires, terdapat juga laporan daripada sumber luar yang menggunakan bahasa yang sama, iaitu tulisan Alfonso

---

[9]Dua buah teks hasil 'dokumentasi sosial' ini telah diselenggarakan oleh Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Melaka* (The Law of Malacca), *Bibliotheca Indonesica, 13* The Hague 1976; R.O. Winstedt and Josselin de Jong, (ed), "The Maritime Laws of Malacca", dalam *JMBRAS*, Jil XXIX, iii. 1956, hlm 22–49.

[10]W.W. Rockhill, *VBG*; W.P. Groeneveldt, T'oung Pao.

[11]J. Wilkinson, "The Malacca Sultanate", dalam *JMBRAS*, Jil XIII, ii, 1935, hlm 22–69; R.J. Wilkinson, "The Fall of Malacca", dalam *JMBRAS*, Jil XIII, ii, 1935, hlm 68–69.

de Albuquerque dalam buku yang diselenggarakan oleh anaknya Braz de Albuquerque yang bertajuk *The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque Second Viceroy of India.*[12] Naratif Albuquerque ini nampaknya tidak begitu jelas berbanding dengan naratif Tome Pires. Keterangan Albuquerque terhadap seluruh sistem masyarakat dan kegiatan ekonomi orang peribumi di Melaka yang agak beremosi telah menyebabkan sumber ini menjadi agak lemah berbanding dengan sumber yang ditulis oleh Tome Pires.[13]

Terdapat sekurang-kurangnya tiga sumber Portugis lain yang menerangkan secara tidak langsung tentang kegiatan perdagangan orang peribumi di Melaka, iaitu *The Book of Duarte Barbosa, An Account of the Countries Bordering on the Indian Ocean and their Inhibitants, A.D. 151813,* (diterjemahkan), *Declaracam de Malacca, 1618* dan *Description of Malacca and Meridional India and Cathay* (diterjemahkan) oleh M.G. de Eridia.[14]

Malangnya, ketiga-tiga buah sumber asing ini telah ditulis selepas beberapa lama Portugis menakluki Melaka, iaitu apabila kegiatan perkapalan dan perdagangan Melayu secara besar-besaran telah berpindah ke Johor, Acheh, Brunei dan pelabuhan-pelabuhan Jawa Utara. Sisa-sisa kegiatan ekonomi orang peribumi di Melaka itulah yang digambarkan oleh Barbosa dan de Eridia. Gambaran yang diberikan oleh kedua-dua penulis ini agak negatif apabila mereka mengatakan bahawa teknologi perkapalan orang peribumi amat rendah kerana menggunakan kapal-kapal yang kecil. Oleh itu, kegiatan perdagangan orang peribumi juga disebut sebagai kecil-kecilan sahaja.

Kegiatan ekonomi yang digambarkan oleh Barbosa dan de Eredia yang tidak berlandaskan faktor masa dan ruang ini, dengan sendirinya menjadikan teks undang-undang peribumi di Melaka yang menyebut tentang sistem perdagangan, tatacara, urusan dan urusniaga sebagai sumber rujukan yang kukuh. Begitu juga dengan laporan Tome Pires tentang hal yang sama.

---

[12]Walter de Gray Birch, (tsd), "The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque, Second Viceroy of India", dalam *Works Issued* by The Hakluyt Society, Jil LV, LXII, XLIX London, 1875–1884.

[13]Mansel L. Dames, (tsd), "The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque, Second Viceroy of India", dalam *Works Issued* by The Hakluyt Society, Jil XLIX, London, 1919.

[14]L. Janssen, (tsd), *Manuel Godinho de Eridia, Declaracam de Malacca,* 1618, Brussels, 1882; J.V. Mills, (tsd and notes), "Description of Malacca, and Meridional India and Cathay", dalam *JMBRAS,* Jil VIII, i. 1930, hlm 1–287; J.V. Mills, (tsd) "Manuel Godinho de Eridia, Report on the Golden Chersoness", dalam *JMBRAS,* Jil VIII, i, 1930, hlm 227–255.

KEGIATAN PERDAGANGAN PADA AWAL ABAD KE-15

Laporan semasa dari negeri China yang ditulis oleh pengembara bernama Ma Huan dan Fei Hsin tentang institusi pentadbiran orang peribumi dan kegiatan perdagangan di Melaka pada awal abad ke-15, telah membantu kita untuk memahami kedudukan dan kegiatan ekonomi orang peribumi. Ma Huan dan Fei Hsin telah menyanjung kebijaksanaan dan pemerintahan raja-raja Melaka yang awal. Penulis yang terkemudian seperti Gibson-Hill mengakui kebenaran laporan ini. Gibson-Hill membuat andaian bahawa raja-raja Melaka yang awal itulah yang bertanggungjawab mewujudkan suasana perdagangan di Melaka sehingga menjadi sebuah 'emporium' Melayu yang agung untuk tahap-tahap seterusnya bagi memenuhi ruang masa sepanjang abad ke-15 dan awal abad ke-16.

Wang Gungwu telah merujuk hal ini pada kepintaran Parameswara yang menyedari hakikat dan tuntutan tradisi bahawa Melaka adalah waris Sriwijaya. Sriwijaya ialah kuasa kelautan Melayu yang kuat dan telah meraih segala keuntungan hasil daripada kegiatan perdagangan dan perkapalan di Selat Melaka sepanjang beberapa abad sebelum kemunculan Melaka.[15] Gibson-Hill membuat kesimpulan bahawa perubahan dan perkembangan Melaka daripada hanya perkampungan nelayan yang kecil telah menjadi pusat perdagangan antarabangsa adalah dengan 'dirancang'. Ini semua adalah berkat pengetahuan dan pengalaman raja-raja awal Melaka tentang kegiatan sosioekonomi Sriwijaya dahulu dan bukan secara kebetulan.[16]

Kenyataan yang demikian tentunya selari dengan laporan Ma Huan dan Fei Hsin. Ma Huan dan Fei Hsin telah menyebut bahawa perancangan ekonomi mesti terlebih dahulu dilengkapkan dengan perancangan pemerintahan dan pentadbiran yang tersusun. Idea tentang pemerintahan dan pentadbiran mungkin diperoleh daripada pembesar-pembesar berpengalaman yang sama-sama memperjudikan nasib dengan Parameswara ketika berundur dari Singapura dan Palembang. *Undang-undang Melaka* menyebut bahawa, "... padahal memerintahkan segala adat yang tersebut ini, terhimpun pada segala menteri."[17] Dalam masyarakat Melayu tradisi, adat atau istiadat juga meliputi sistem dan kaedah memerintah, undang-undang serta norma hidup

---

[15]Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca".

[16]Gibson-Hill berpendapat bahawa walaupun para Sultan Melaka tidak memainkan peranan yang penting secara langsung untuk kemajuan perdagangan Melaka, namun merekalah yang dikatakan oleh Gibson-Hill sebagai orang yang bertanggungjawab mewujudkan suasana untuk menggalakkan para pedagang bertumpu di Melaka dengan menyediakan berbagai-bagai kemudahan. Lihat C.A. Gibson-Hill, "Johor Lama and Other Ancient Sites on the Johor River", dalam *JMBRAS*, Jil XXVIII, ii, 1955, hlm 127–197.

[17]Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Melaka*, hlm 64.

bermasyarakat. Hal ini juga mungkin meliputi sistem dan kaedah berniaga serta berdagang.

Ini disebabkan laporan awal dari negeri China tadi ada mengatakan bahawa peruntukan dan peraturan khusus telah disediakan oleh pemerintah atau pentadbir peribumi untuk menggalakkan para pedagang asing datang ke Melaka. Menerusi tindakan politik, pemerintah peribumi menakluk kawasan asing yang strategik dan mempunyai potensi ekonomi yang baik di sekitar Selat Melaka. Tome Pires pula mendakwa dengan perkahwinan Sultan Iskandar Syah dengan puteri Pasai yang beragama Islam telah menyebabkan semakin ramai saudagar Islam dari pelabuhan Pasai datang ke Melaka. Ini telah menyebabkan perdagangan Melaka di Selat Melaka mencapai keuntungan.

Apabila Sultan Iskandar Syah menyedari hakikat ini, baginda telah menyediakan kemudahan dan layanan yang istimewa terhadap para pedagang, seperti yang dikatakan oleh Tome Pires;

> "... and some rich Moorish merchants moved from Pasai to Malacca, Parsees, as well as Bengalees and Arabian Moors, for at that time there were a large number of merchants belonging to these three nations, and they were very rich with large business and fortunes."[18]

Akibat peralihan tumpuan pusat perdagangan ini, Tome Pires berkata lagi;

> Trade began to grow greatly-chiefly because they said Moors were rich and Xageum Darxa, King of Malacca, derived great profit and satisfaction from it, and he gave them jurisdiction over themselves ... and obtained whatever they wanted."[19]

Rancangan perdagangan yang sempurna dan teratur sejak dari tahap-tahap awal abad ke-15 dapat dilihat daripada keterangan Ma Huan dan Fei Hsin. Ma Huan dan Fei Hsin menyebut bahawa para saudagar China telah mendapati bahawa Melaka telah membina gedung yang dikelilingi oleh pagar kayu dan mempunyai pintu-pintu yang berkunci. Gedung ini dikawal oleh penjaga yang bersedia untuk membunyikan loceng sekiranya terjadi sesuatu kekecohan dan kecemasan.

Eksport Melaka pada masa itu ialah bijih timah yang telah dicair dan dijadikan kepingan jongkong.[20] Selain bijih timah yang diperoleh secara melombong di kawasan pedalaman, Melaka juga mengumpulkan bijih timah

---

[18]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 240.

[19]*Ibid.*, hlm 241.

[20]R.O. Winstedt, "History of Malaya", dalam *JMBRAS*, Jil XIII, i, 1935, hlm 42; W.W. Rockhill, "Notes on the Relations ...", T'oung Pao, Jil XVI, 1915, hlm 117.

dari kawasan yang menjadi jajahan takluk seperti Kelang, Selangor, Bernam, Manjung, Beruas dan Kedah.

Penguasaan atau penaklukan kawasan lain juga mempunyai matlamat asas, iaitu perdagangan dan ekonomi. Penguasaan terhadap Siak bermakna Melaka boleh mengawal pengeluaran emasnya untuk dibawa ke Melaka bagi tujuan tukaran bahan perdagangan dengan saudagar asing. Penaklukan terhadap Kampar pula penting untuk mengawal eksport lada dan emas yang dikeluarkan oleh daerah-daerah pedalaman Minangkabau. Kedua-dua bahan ini juga dikeluarkan oleh Rokan, Tungkal dan Inderagiri, selain pengeluaran ikan. Penguasaan terhadap ketiga-tiga daerah ini sama pentingnya dengan penguasaan terhadap Siak dan Kampar, selain daerah Purinam dan Arkat, seperti yang dikatakan oleh Tome Pires.[21]

Penguasaan Melaka terhadap Gugusan Riau-Lingga pula mempunyai matlamat perdagangan secara tidak langsung, iaitu supaya bahan-bahan keluarannya dapat dieksportkan ke Melaka. Gugusan Riau-Lingga juga dapat membekalkan Orang Laut sebagai pendayung kapal perang tentera laut Melaka untuk tujuan penaklukan. Orang Laut juga dapat membantu menentang lanun di Selat Melaka kerana lanun boleh menjejaskan keselamatan di perairan dan keselamatan para pedagang. Oleh itu, kawalan keselamatan menjadi perkara yang utama bagi Melaka untuk menjamin kegiatan perdagangan dan kedatangan pedagang asing.



LANCAR MELAYU

[21]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 273.

Kawasan-kawasan lain yang tidak menjadi jajahan takluk di pantai barat dan timur Sumatera adakalanya mempunyai hubungan perdagangan dengan Melaka. Bahan-bahan eksport dari kawasan ini dihantar ke Melaka melalui pelabuhan yang menjadi jajahan takluk atau sahabat. Pedir contohnya, menghantar lada dan beras menerusi Pasai ke Melaka. Bengkalis membekalkan ikan kering dan ikan terubuk. Jambi dan Palembang menyediakan bahan-bahan makanan lain seperti beras, halia, bawang, daging, arak, madu lebah, sedikit besi dan emas. Kapur barus dari Acheh dibawa ke Melaka oleh saudagar perantaraan (orang tengah).

Palembang juga membekalkan hamba untuk didagangkan di Melaka. Semua bahan ini ditukarkan dengan kain-kain belacu yang dibawa dari Gujerat dan Kalingga.

HUBUNGAN PERDAGANGAN PADA ABAD KE-15 DAN AWAL ABAD KE-16

Sebagai sebuah pelabuhan entrepot, kekuatan perdagangan Melaka bergantung pada pedagang-pedagang asing. Sumber yang paling menarik tentang hal ini ialah *The Suma Oriental*, di samping sedikit laporan Barbosa. Bukti yang menunjukkan Melaka menjadi pusat tumpuan perdagangan asing dapat dilihat daripada tiga aliran lalulintas laut.

Di bahagian timur, hubungan perdagangan dengan negeri China begitu rapat. Hal ini mendapat tindak balas yang besar daripada kerajaan Ming sehingga mereka mengubah dasar perdagangan dengan menghapuskan dasar tutup pintu. Melaka menjadi tumpuan para pedagang China untuk memasarkan barang-barang dari negeri China ke Eropah. Seorang pelapor Portugis, Ruy Araujo menganggarkan saban tahun, antara lapan hingga sepuluh buah jong China datang ke Melaka dengan membawa barang-barang seperti bahan-bahan wangian, permata, sutera, satin, belerang, besi, alat masak-memasak, tembikar mewah dan peluru. Di Melaka, barangan utama yang ditukar untuk dibawa balik ke negeri China ialah lada, gaharu, candu, rempah dan bahan-bahan hutan dari Nusantara. Permintaan yang tinggi terhadap lada dari negeri China menguntungkan Melaka, kerana Melaka bertindak sebagai orang tengah yang mengimport bahan ini dari Patani, Pasai dan Pedir. Tome Pires melaporkan, satu *quintal* (bersamaan 100 paun) lada yang dibeli dengan 4 *cruzados**, di Melaka, dijual dengan harga 15 atau 16 *cruzados* di negeri China.[22]

*Sejenis mata wang

[22] *Ibid.*, hlm 274.

Selain dari China, terdapat juga saudagar dari Kepulauan Liu Kiu. Tome Pires menyebut mereka sebagai 'Gores', yang kemudian ditafsirkan oleh Boxer sebagai Jepun.[23] Barangan yang mereka bawa dari Jepun ialah seperti kain, sutera, tembikar, pedang, habuk emas dan perak, kipas, kertas dan sedikit makanan seperti bawang, sawi kering dan beras. Di Melaka, bahan ini ditukar dengan rempah, arak dan kain yang didapati dari Benggala.

Di Melaka, pedagang dari negeri China dan Kepulauan Liu Kiu ini dikenakan cukai yang tinggi. Tetapi keuntungan perdagangan yang didapati di negeri China sendiri tidak menghalang mereka daripada membayar cukai yang tinggi di Melaka. Tome Pires juga menyebut, terdapat kapal-kapal besar orang Melaka sendiri yang pergi ke negeri China dengan membawa bahan-bahan yang diperlukan.[24] Sukar untuk ditentukan sama ada mereka ini adalah pedagang Melayu atau bukan Melayu yang datang dari Melaka.

Dari bahagian barat, kalangan saudagar yang penting yang datang ke Melaka ialah saudagar dari Koromandel. Tome Pires dan Ruy de Brito menganggarkan terdapat antara empat hingga lima buah kapal besar datang ke Melaka setiap tahun dengan nilai dagangan antara 12 ribu hingga 15 ribu *cruzados*.[25] Mereka bertumpu di Melaka dari bulan Oktober hingga bulan Januari. Barangan yang dibawa dari Koromandel ditukar ataupun digunakan untuk membeli gaharu, permata, lada, cengkih, kayu manis dan buah pala. Saudagar-saudagar dari Kalingga pula membeli perak, emas, bijih dan sutera mentah yang dibawa dari negeri China.

Para saudagar dari pelabuhan Benggala yang terdiri daripada pedagang Arab dan Parsi, Turki dan Absinia membentuk sebuah syarikat untuk datang ke Melaka. Dengan empat hingga lima buah kapal besar setiap tahun, dan nilai dagangan antara lapan puluh hingga sembilan puluh ribu *cruzados*, mereka membawa barang-barang seperti bahan-bahan makanan, beras, gula, daging kering, berbagai-bagai jenis buah-buahan, kain India dan sayur-sayuran kering. Bahan-bahan ini kemudiannya ditukar dan digunakan di Melaka untuk membeli lada, jagung, cengkih, sutera dari negeri China, tembikar dari Jepun, senjata dari Jawa, tembaga, bijih, kapur barus, gaharu dan berbagai-bagai bahan dagangan mentah dari Nusantara.[26]

---

[23] *Ibid.*, hlm 276–277; C.R. Boxer, *Fidalgos in the Far East, 1550–1770, Facts and Fancy in the History of Macao*, The Hague, 1845, hlm 1.

[24] Armando Cortesao (ed), *The Suma Oriental*, hlm 273.

[25] *Ibid.*, hlm 271–272; Lihat juga Ruy de Brito, *Alguns Documentos*, Lisbon 1892, hlm 347.

[26] *Ibid.*, hlm 271; Mansel L. Dames, (ed dan tsd), "The Book of Duarte Barbosa ...", *Works*, hlm 139, 142, 145.

Sebaliknya, saudagar Melayu turut berdagang ke India. Dalam *Sejarah Melayu*, terdapat hal ini;

> "Hatta maka Sultan Mahmud, raja Melaka, hendak menyuruh ke benua Keling membeli kain serasah empat puluh bagai .... Maka Hang Nadim dititahkan baginda ke benua Keling, membeli kain itu .... Maka Hang Nadim pergilah naik kapal Hang Isap .... Maka belayarlah ia ke Keling .... Adapun Hang Isap itu ada berniaga dengan seorang Sayyid, hamba Allah."[27]

Barbosa juga mengatakan terdapat kapal dari Melaka yang pergi ke Ceylon untuk membeli gajah dan permata.[28]

Di kalangan para saudagar dari bahagian barat, saudagar Gujeratlah yang penting. Para saudagar dari Pelabuhan Diu, Randir, Surat dan Daman menjadi perantara untuk memperdagangkan barang-barang dari pelabuhan Arab seperti Iskandariah, Mekah, Ormuz, Aden dan Jeddah. Sebaliknya, pelabuhan ini pula menjadi perantara untuk memperdagangkan bahan-bahan dari Eropah ke Melaka seperti logam, senjata, cermin, manik, paku, kain berbulu dan arak. Mereka kemudian membeli berbagai-bagai jenis rempah, jagung dan emas dari Nusantara yang terdapat di Melaka selain membawa balik barangan dari Timur Jauh seperti tembikar, wangi-wangian, sutera dan belerang untuk diperdagangkan ke India, ke pelabuhan-pelabuhan Arab dan seterusnya ke Eropah. Dalam konteks ini, 'nadi' perdagangan Eropah yang bermula dari pelabuhan Venice amat bergantung pada kepentingan Melaka, seperti yang didakwa oleh Tome Pires;

> "Whoever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice."[29]

Cambay, iaitu salah sebuah pelabuhan perdagangan Gujerat, dan Melaka saling memerlukan. Cambay tidak mungkin dapat meneruskan kegiatan tanpa Melaka, dan begitulah sebaliknya, seperti yang dicatatkan oleh Tome Pires;

> "Malacca cannot live without Cambay, nor Cambay without Malacca, if they are to be rich and prosperous.... if Cambay were cut off from trading with Malacca, it could not live, for it would have no outlet for its merchandise."[30]

---

[27]W.G. Shellabear, (ed), *op, cit.*, hlm 219–221.

[28]Mansel L. Dames, (ed dan tsd), *op. cit.*, hlm 117.

[29]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 287.

[30]Dalam hal ini Tome Pires juga menulis, "Cambay chiefly stretches out two arms, with her right arm she reaches out towards Aden and with the other towards Malacca as the most important places to sail to and the other places are held to be less important."

Dianggarkan bahawa sekurang-kurangnya empat buah kapal dari Gujerat datang ke Melaka pada tiap-tiap tahun di sepanjang bulan Mac dengan membawa barang dagangan yang bernilai antara lima belas hingga tiga puluh ribu *cruzados* bagi sebuah kapal. Ini belum termasuk sebuah kapal besar dari Cambay yang membawa barang dagangan yang bernilai antara tujuh ribu hingga lapan puluh ribu *cruzados*.[31]

Kegiatan perdagangan antara Melaka dengan Pegu (Burma) pula amat penting dari dua segi, iaitu pertama, membekalkan barangan mewah seperti nilam dan berlian, perak, wangi-wangian, makanan mentah seperti beras dan gula, garam, minyak, bawang dan halia. Kedua, Pegu dapat membekalkan kapal-kapal untuk dijual di Melaka. Pegu amat terkenal di Timur dengan perusahaan membina kapal. Sering terjadi apabila bahan dagangan habis diniagakan, kapal pun akan dijual kepada saudagar-saudagar Melaka. Tome Pires menganggarkan sepanjang bulan Februari dan Mac setiap tahun terdapat antara dua puluh hingga tiga puluh buah kapal kecil datang ke Melaka. Sama ada menerusi tukaran dagangan ataupun proses belian, bahan-bahan yang dibawa balik ke Pegu ialah berbagai-bagai jenis dagangan dari China, permata, tembaga, pelbagai jenis rempah, emas dan bijih. Dalam perjalanan balik, mereka membeli lada di Pasai atau Pedir dengan banyaknya. Ramai juga saudagar dari Melaka sendiri yang dikatakan pergi ke Pegu untuk berdagang.[32] Perkara yang utama, hubungan dagangan antara Melaka dengan Pegu adalah hubungan terus, bukan dengan perantaraan.

Walaupun Melaka dengan Siam bermusuhan, tetapi disebabkan keperluan ekonomi, Melaka dan Siam meneruskan hubungan. Seperti Pulau Jawa, menurut Tome Pires dan Ruy de Brito, hubungan dagangan dua hala ini dilihat dari segi kepentingan dan keperluan bahan-bahan makanan yang diperlukan oleh Melaka dari Siam. Dianggarkan terdapat kira-kira 30 buah jong besar dari Siam yang datang ke pelabuhan Melaka dengan membawa beras, ikan kering, garam dan sayur-sayuran tiap-tiap tahun.[33] Di Melaka, selain membeli barangan dari negeri China dan Nusantara, saudagar Siam juga membeli hamba abdi. Siam juga membawa barang dagangan seperti kayu jati, tembaga, bijih, emas, perak, gading gajah, *cassia fistula* dan berbagai-bagai jenis kain Siam.[34]

Melaka juga mengadakan hubungan perdagangan secara langsung dan tidak langsung dengan pelabuhan yang terletak di selatan. Kebanyakan

---

[31] *Ibid.*, hlm 270.
[32] Ibid., hlm 268, 273.
[33] *Ibid*, hlm 273, 274; Ruy de Brito, *Alguns* ..., hlm 345.
[34] *Ibid.*

kawasan ini membekalkan dua jenis bahan dagangan, iaitu makanan dan berbagai-bagai jenis hasil tumbuhan, terutama lada dan rempah-ratus ke Melaka. Saudagar Palembang contohnya, membawa antara sepuluh hingga dua belas buah jong tiap-tiap tahun yang penuh dengan bahan makanan seperti beras, halia, bawang, daging dan madu lebah. Di Melaka, bahan-bahan ini ditukar dengan kain belacu yang didapati dari India. Pertukaran barang dagangan seperti ini sangat penting sehingga Tome Pires dengan jelas menyebutkan bahawa;

> "When things were in the order they used to be, they all (the Sumatrans) came to Malacca, mostly to bring the merchandise from the whole island, and to take the cloth and other merchandise to their own countries according to the custom of each."[35]

Jiran serantau lain yang terhampir dan yang memainkan peranan penting dalam kegiatan perdagangan dengan Melaka ialah Pulau Jawa. Hubungan perdagangan antara Melaka dengan Pulau Jawa ini dijalankan melalui pelabuhan Sunda Kelapa. Seperti juga Siam, Pulau Jawa menjadi pembekal utama bahan makanan seperti beras, gula, berbagai-bagai jenis rempah dan juga kayu-kayan ke Melaka. Saudagar dari Melaka menghantar antara dua hingga tiga buah jong tiap-tiap tahun ke Sunda Kelapa bagi mendapatkan bahan-bahan makanan tadi.[36] Di samping itu, terdapat juga jong-jong besar dari Pulau Jawa yang datang terus ke Melaka. Hubungan perdagangan antara Melaka dengan Pulau Jawa juga bertambah erat apabila munculnya pelabuhan-pelabuhan baru di utara Pulau Jawa seperti Demak, Japara, Ceribon, Grisik dan Tuban.

Hubungan yang erat ini jelas kelihatan apabila ramai para pedagang dan senteri dari Pulau Jawa datang ke Melaka. Para pedagang tersebut ialah seperti Patih Adam, Patih Kadir, Patih Yusoff, Patih Yunus dan Utimuti-raja. Penerapan unsur Melayu-Jawa juga dapat dilihat dalam tradisi sastera budaya *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*.[37] Tome Pires menyebut orang Melaka sebagai;

> "Both men and women are fond of mimes after the fashion of Java."[38]

Pelabuhan-pelabuhan di utara Pulau Jawa juga menjadi pengantaraan perdagangan antara Melaka dengan Kepulauan Rempah yang lain seperti

---

[35]*Ibid.*, hlm 271.

[36]*Ibid.*, hlm 273.

[37]Teks klasik Melayu ini dianggap oleh R.O. Winstedt sebagai, "... A Malayo-Javanese romance .... modellied upon the Panji tales." Rujuk R.O. Winstedt, *A Histotory of Classical Malay Literature*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969, hlm 62–69.

[38]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 268.

Kepulauan Maluku, Bima, Banda dan pelabuhan Grisik. Tome Pires melaporkan bahawa hubungan dagangan dua hala ini adalah dalam bentuk runcit dan borong. Ramai pedagang dari Melaka belayar ke Jawa sebagai saudagar borong dan penumpang. Bahan dagangan utamanya ialah kain dari India untuk dijual di Jawa. [39] Dari Jawa mereka terus ke Kepulauan Rempah yang lain untuk menukarkan kain murah yang dibeli dari Jawa dengan lada dan rempah. Oleh itu, bentuk laluan perdagangannya ialah Melaka dengan Jawa, dan Melaka dengan Jawa dengan Kepulauan Rempah, yang berulang-alik.[40]

Kegiatan perdagangan Melaka itulah yang memberi sumbangan besar ke arah kebangkitan dan kemajuan pelabuhan-pelabuhan Jawa Utara pada penghujung abad ke-15, termasuk Demak, Japara, Ceribon, Grisik, Surabaya dan Tuban. Ini telah memberikan kesan terhadap pola politik tradisional Jawa-Majapahit.

Tome Pires mengatakan bahawa Melaka juga menjalankan hubungan perdagangan dengan Burney atau Brunee. Adakah 'Brunei' yang dimaksudkan oleh Tome Pires? Kenyataan Tome Pires ini disokong oleh laporan Ruy de Brito yang menyebut bahawa terdapat sekurang-kurangnya tiga buah jong dari Brunei datang ke Melaka dengan membawa bahan-bahan mentah seperti beras, ikan, daging, hasil ternakan, madu lebah, sagu, kulit-kulit kekerang, emas dan kapur barus.[41] Dari Melaka, bahan-bahan ini dibawa pula ke Pegu.[42] Bahan-bahan yang dibeli dan dibawa balik oleh pedagang-pedagang Brunei ialah kain dari India, cermin serta alat perhiasan dari Asia Barat.

Beberapa buah pulau di bahagian timur Pulau Jawa sememangnya penting bagi Melaka untuk tujuan berdagang. Pulau Timor dengan hasil kayu gaharu, Maluku dengan cengkih, Flores dengan belerang, Banda dengan buah pala, dan Bima dengan Sumbawa dengan hasil kayu pencelup. Semua barang ini dibeli atau ditukar oleh para pedagang luar dari Nusantara melalui Melaka.

Hubungan perdagangan Melaka ini terjadi hinggalah ke Sulawesi. Tome Pires mengatakan bahawa terdapat pedagang dari Sulawesi di Melaka yang memperdagangkan hasil-hasil makanan dan emas. Di Melaka, para pedagang ini membeli berbagai-bagai jenis kain dari Benggala, Koromandel dan bahan-bahan dagangan dari Gujerat.

---

[39] *Ibid.*, hlm 246.

[40] B. Shrieke, *Indonesian Sociological Studies, Selected Writings of B. Shrieke*, Bahagian II, 1957, hlm 230–1.

[41] Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 232.

[42] *Ibid.*, hlm 233–4.

Kehadiran para saudagar asing dari kawasan serantau dan dari kawasan lain seperti dari China dan dari Semenanjung Arab menyebabkan Melaka menjadi pusat perdagangan antarabangsa. Tome Pires mengatakan bahawa terdapat sekurang-kurangnya 61 bangsa dan suku bangsa di Melaka[43] serta terdapat lapan puluh empat bahasa yang dituturkan oleh para pedagang itu.[44] Tome Pires yang menyaksikan sendiri hal ini telah mengatakan;

> "There is no doubt that the affairs of Malacca are of great importance, and of much profit and great honour. It is a land that cannot depreciate, on account of its position, but must always grow. No trading port as large as Malacca is known, nor any where they deal in such fine and highly-prized merchandise. Goods from all over the East are found here; goods from all over the West are sold here. It is at the end of the monsoons, where you find what you want and sometimes more than you are looking for."[45]

Seorang pengkaji semasa, Meilink-Roelofsz sangat kagum dengan kenyataan Tome Pires serta laporan-laporan umum yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*. Beliau juga kagum dengan kenyataan Ruy de Brito, de Araujo dan Duarte Barbosa. Meilink-Roelofsz mengatakan saudagar-saudagar ini sebagai;

> "... flocked together every year in Malacca, which was then the centre of inter-Asian trade. Like a rich and colourful pageant under the blazing tropical sun, this busy eastern market made an indelible impression on the first Europeans who visited Malacca."[46]

CORAK PERNIAGAAN DI MELAKA

Sumber yang menarik tentang hal ini terdapat dalam *Undang-undang Laut Melaka*. Laporan Tome Pires pula amat berguna untuk melengkapkan data-data yang terdapat dalam *Undang-undang Laut Melaka* ini.

Dengan kedudukan pelabuhannya yang bertaraf entrepot, Melaka dapat mengendalikan dua fungsi asas dalam urusniaganya. Pertama, Melaka menjadi pusat pengumpulan bahan dagangan; dan kedua, Melaka menguruskan penyebaran bahan tersebut ke berbagai-bagai tempat. Selain menjadi perantara dalam proses mengumpul dan menyebar ini, proses jual beli juga di-

---

[43]*Ibid.*, hlm 268.
[44]*Ibid.*, hlm 269.
[45]*Ibid.*, hlm 286.
[46]M.A.P. Meilink-Roelofsz, *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1 500 and About 1 630*, The Hague, 1962, hlm 36.

lakukan di Melaka. Dengan taraf dan peranan Melaka yang sedemikian, maka mestilah wujud satu bentuk 'sistem' perdagangan dan urusniaga yang teratur dan dapat diterima oleh semua pihak.

APAKAH ERTI ENTREPOT?

Dari segi bahasa, entrepot bererti "meletakkan di antara" (to place between). Dari segi ekonomi, ia bererti "A warehouse or place for the storage of goods". Tempat ini berikutnya menjadi, "A distributing point for goods, as a seaport or large inland city."[47] Adakah bandar dan pelabuhan Melaka berkedudukan seperti ini? Jawapannya tentulah 'ya'. Kedudukannya sedemikian adalah kerana keadaan alam semula jadi. Para pedagang amat bergantung pada tiupan angin musim, iaitu Monsun Timur Laut dan Monsun Barat Daya yang bertiup selama enam bulan, dalam giliran tahunan.

Pada umumnya, di Melaka pedagang dari Timur dan Barat tidak pernah berjumpa akibat tiupan angin yang berlainan musim tadi. Barang-barang dagangan yang dibawa, ditinggal dan diniagakan di Melaka. Sebelum dagangan ini sampai ke tangan pihak yang kedua, dagangan tersebut disimpan untuk sementara di gudang-gudang yang dikawal rapi, untuk tujuan keselamatan. Apabila sampai keenam bulan bagi monsun yang satu lagi, barang dagangan tadi pun diniaga dan disebarkanlah di kalangan pembeli. Dalam konteks ini, pihak Melaka memainkan tiga peranan, iaitu:

(a) Sebagai penerima, pembeli dan pengendali barang-barang dagangan untuk disimpan dalam gudang sebelum barang-barang tersebut disebar untuk dijual.

(b) Menjadi pihak perantara, iaitu perantara bagi pedagang dari Timur, Barat dan dari Nusantara.

(c) Sebagai 'seaport', Melaka menjadi pusat bagi menyebarkan barang-barang dagangan ini ke seluruh pelosok kawasan perdagangan. Di peringkat ini, Melaka juga berperanan seolah-olah sebagai penjual barang dagangan tadi.

Pendek kata, keuntungan yang diperoleh adalah fungsinya yang dipegang dan dimainkan di tiga-tiga peringkat ini. Melaka bukan sebagai pengeluar barang-barang dagangan. Melaka meraih keuntungan setakat 'by virtue' kedudukan geografinya yang amat strategik itu, di samping peranan penting yang disumbangkan oleh para pentadbir dan pemerintahnya, bagi mencapai matlamat keuntungan tersebut.

---

[47] *Webster's New Twentieth Century Dictionary*, Unabridged, Second Edition, Simon and Schuster, New York, 1983, hlm 608.

Tome Pires berulang kali menggunakan istilah *custom* dalam catatannya. *Custom* ialah seperti undang-undang yang diamalkan dan yang diketahui ramai serta tersusun coraknya;

> "And through this custom the land lived in an orderly way and they carried on their business. And that was done thus orderly, so that they did not favour the merchant from the ship, nor did he go away displeased; for the law and the prices of merchandise in Malacca are all known."[48]

Custom and law yang dimaksudkan oleh Tome Pires meliputi peraturan, sistem dan undang-undang berniaga.

Undang-undang Melaka adalah sebagai 'undang-undang di darat'. Oleh itu, terdapat lima fasal sahaja daripada 44 fasal dalam *Undang-undang Melaka* yang menerangkan tentang peraturan-peraturan di laut.[49] Tetapi terdapat 24 fasal daripada 25 fasal dalam *Undang-undang Laut Melaka* yang menerangkan tentang peraturan di laut seperti peraturan dan tertib berniaga, tatacara berjual beli, larangan-larangan dan tanggungjawab Nakhoda serta Syahbandar.

Kekuatan dan ketahanan Melaka sebenarnya terletak pada kegiatan ekonomi perdagangan. Dua jawatan dalam birokrasi pentadbiran peribumi yang penting berkaitan dengan kegiatan perdagangan ialah Temenggung dan Syahbandar (ada juga bukan peribumi), Nakhoda pula memainkan peranan penting dalam kapal yang berurusniaga dari Melaka ke tempat-tempat lain. Peraturan, tertib berniaga dan sistem yang tetap harus diadakan untuk menjaga keselesaan para peniaga dan untuk menghadapi perubahan musim pada setiap tahun. Sementara itu, pada pedagang asing juga disediakan dengan berbagai-bagai kemudahan.[50]

Apabila sebuah kapal dagang asing masuk ke pelabuhan Melaka, pegawai-pegawainya dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan tempatan. Tome Pires mengatakan bahawa nakhoda kapal berkenaan terlebih dahulu perlu memohon daripada Syahbandar untuk menemui Bendahara untuk meminta kebenaran berniaga. Sementara itu, Syahbandar yang mewakili

---

[48]Armando Cortesao, (ed and tsd), *The Sume Oriental*, hlm 274.

[49]Ini ialah Fasal 9:2, Fasal 11:3, Fasal 23:3; Fasal 23:4 dan Fasal 23:5. Rujuk Liaw Yock Fang (ed), *Undang-undang Laut Melaka*, hlm 45–48.

[50]Tome Pires merujuk pada Sultan Muzzafar Syah yang disebutnya sebagai "... dealth kindly and reasonably with them (the foreigners). He took pleasure in being in the city much more often than he went hunting .... on account of its great position and trade". Armando Cortesao, (ed dan tsb), *The Suma Oriental*, hlm 246; lihat juga J.V. Mills, (tsd and notes), "Description", hlm 32–33.

bangsa nakhoda tersebut (terdapat empat orang Syahbandar yang mewakili bangsa dan suku bangsa pedagang) memberikan gajah untuk mengangkut barang dagangan yang dibawa masuk untuk disimpan sementara waktu di gudang-gudang yang telah disediakan. Urusniaga belum boleh dijalankan sehinggalah berbagai-bagai cukai dibayar oleh nakhoda berkenaan. Semua ukuran dan timbangan dalam urusniaga yang dijalankan adalah mengikut *old custom* peribumi.[51]

Pada umumnya, terdapat dua jenis bayaran bagi urusan import barangan tadi. Pertama, bayaran rasmi (tetap?) yang dinamakan sebagai *custom duties;* dan yang kedua, bayaran tidak rasmi atau *present* yang harus diberikan kepada raja, Bendahara, Temenggung dan Syahbandar yang mewakili bangsa nakhoda berkenaan. Nilai bayaran yang kedua ini ditetapkan oleh Syahbandar; selalunya antara satu peratus hingga dua peratus sahaja daripada nilai barang dagangan yang diimport. Walau bagaimanapun, nilai ini boleh meningkat akibat adanya persaingan untuk mendapatkan keistimewaan hubungan dengan pembesar-pembesar peribumi tadi. Bayaran yang kedua ini dianggap oleh Tome Pires sebagai perbuatan memeras oleh pihak atasan.[52] Kadangkala Tome Pires juga bertindak seperti jurucakap untuk para pedagang asing. Tome Pires mengatakan bahawa para pedagang tersebut menganggap bayaran yang kedua ini sebagai suatu penindasan.[53]

Nilai bagi bayaran yang pertama juga telah ditentukan. Semua pedagang dari India, Ceylon, tanah Arab, Siam dan Pegu dikenakan cukai import sebanyak enam peratus daripada jumlah barang yang dibawa. Pedagang dari China dan Jepun dikenakan cukai import sebanyak lima peratus. Walau bagaimanapun, Tome Pires mengatakan bahawa selalunya pedagang dari China memberi *present* atau 'bonus' dengan nilai yang lebih tinggi kerana terdapat ramai bilangan saudagar China di dalam sesebuah jong yang datang ke Melaka.

Import bagi bahan-bahan makanan mendapat keistimewaan, iaitu bebas daripada cukai. Malah bayaran bagi bahan-bahan makanan ini seharusnya termasuk ke dalam lingkungan *present* sahaja, iaitu pada kategori bayaran yang kedua. Namun, nilai bayaran ini seakan serupa dengan nilai pada kategori bayaran yang pertama. Saudagar yang dimestikan untuk mematuhi peraturan ini ialah saudagar yang datang dari bahagian timur dan selatan Melaka, Gugusan Kepulauan Melayu, Filipina, pantai barat Tanah Melayu, Pasai, Pedir, Pegu dan Siam (sekiranya kapal-kapal mereka membawa

---

[51] Armando Cortesao, *ibid*., hlm 273.
[52] *Ibid*, hlm 270.
[53] *Ibid*., hlm 270.

bahan-bahan makanan).[54] Dasar cukai terhadap bahan import seperti ini harus diadakan selaras dengan keadaan Melaka yang kurang sesuai untuk pertanian.

Terdapat juga satu jenis cukai bagi mereka yang tinggal atau menetap di Melaka. Tome Pires mengatakan bahawa saudagar yang datang dari Gugusan Kepulauan Melayu dan saudagar asing yang datang dari Barat yang ingin menetap bersama keluarga mereka di Melaka dikenakan cukai bernilai tiga peratus. Suku-suku Melayu Nusantara dikenakan juga *royal tax* sebanyak tiga peratus dan sebanyak enam peratus bagi saudagar dari barat Asia.[55]

Selepas semua cukai dibayar, urusan jualan barangan pun bermula di sepanjang jambatan Melaka, di jalan raya berhadapan bangunan lama sekarang dan di bazar-bazar. Kerajaan telah mengeluarkan sejenis lesen kebenaran berniaga kepada para peniaga dan penjual. Pengeluaran lesen kebenaran berniaga juga menjadi sebahagian daripada pendapatan kerajaan. Pegawai yang mengawal ukuran dan timbangan ialah Syahbandar.

Urusan perniagaan mempunyai dua bentuk, iaitu pertama, melalui sistem tukar barang; dan kedua, menerusi proses penjualan dan pembelian. Tome Pires menyebut wang logam di Melaka diperbuat daripada *calains* dalam bentuk timah. Pada kepingan timah ini terpahat nama Sultan Melaka yang memerintah. Wang logam ini yang digunakan untuk urusan jual beli dagangan tadi. Tome Pires juga mendakwa bahawa pengenalan dan penggunaan wang logam ini adalah pengaruh langsung dari tradisi perniagaan Pasai. Emas dan perak juga digunakan untuk urusniaga, bukan sebagai kepingan wang tetapi bagi barang pasaran. Kepingan-kepingan wang dari Pasai, Hormuz dan Cambay juga terdapat di Melaka. Wang ini digunakan untuk ditukarkan dengan mata wang tempatan. Seratus *calains* dikatakan bersamaan dengan tiga *cruzados*.[56]

Timbangan diukur dengan unit tahil dan kati. Sekati pada masa itu bersamaan dengan 20 tahil atau disebut *tundaya*. Setahil bersamaan dengan 16 *mas*. Satu *mas* bersamaan dengan 20 *cumduryns* atau 4 *cupoes*. Empat *mas* dikira bersamaan dengan satu *pau*. Satu *pau* bersamaan dengan empat *cumduryns*. Satu tahil bersamaan dengan sebelas setengah *drams*. Sekati dalam nilai emas bersamaan dengan dua puluh lapan setengah *aunces*. Emas,

---

[54] *Ibid.*, hlm 273–274.

[55] *Ibid.*, Tome Pires menyebut bahawa Malayans or from other nations, who have their wives and settle in Malacca. They pay three per cent, and besides this a royal due of six per cent in the case of a foreigner, and three in the case of a native".

[56] *Ibid.*, hlm 275.

KEPINGAN WANG PADA ZAMAN KESULTANAN MELAYU MELAKA

'Muzaffar Shah al-Sultan'

'Nasir al-Dunia Wa'l-Din'

Rajah 1

'Mansur Shah ibnu Muzaffar Shah al-Sultan'

'Nasir al-Dunia Wa'l-Din'

Rajah 2

'Ahmad ibnu Mahmud Shah'

'Al-Sultan al-Adil'

Rajah 3

perak, bahan wangian, kapur, kelembak dan permata ditimbang dengan menggunakan ukuran kati. Tome Pires telah memperkatakan tentang sistem timbangan ini dengan amat terperinci.[57]

Satu bahara disebut bersamaan dengan 205 kati. Ukuran bahara digunakan khas untuk menimbang bahan-bahan seperti rempah, lada, cengkih, jagung, buah pala, belerang dan pacak. Alat timbangnya dikenali sebagai *dachim* (dacing).

Terdapat satu sistem untuk mengawal inflasi dan mencegah harga barangan daripada melambung tinggi. Tome Pires mengatakan bahawa satu kumpulan saudagar Melaka sendiri terlebih dahulu akan berunding dengan para pembeli dan saudagar tempatan (pemborong) tentang harga dan menilai barangan import yang hendak dijual. Kumpulan saudagar Melaka mewakili pihak penjual yang terdiri daripada nakhoda, saudagar atau pemilik kapal asing yang terdapat di Melaka. Setelah harga ditetapkan, maka barangan tadi pun dijual di kalangan pembeli (seramai sepuluh hingga dua puluh orang) menurut bahagian yang telah ditentukan. Harga barangan yang dijual oleh pembeli-pembeli di kedai-kedai pula akan ditentukan dengan persetujuan para pemborong tadi.[58]

Layanan adil dan sama rata diberikan kepada semua pedagang. Seluruh urusan jual beli ini mesti dijalankan dengan segera kerana untuk menghadapi perubahan musim monsun. Pentadbiran peribumi sentiasa memerhati dan mengawas serta menentukan urusan jual beli ini agar barangan import yang tersimpan di gudang tidak menjadi rosak dan untuk mengelakkan proses jual beli menjadi lembap. Apabila hal ini berlaku harga barangan akan terjejas. Oleh itu, penentuan suatu sistem urusniaga yang tetap dan penglibatan suatu kelompok saudagar bagi menentukan harga barangan adalah amat wajar. Tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa para penjual asing sentiasa mengalami kerugian dengan harga yang telah ditentukan,[59] walaupun Tome Pires ada mendakwa bahawa penyelewengan dan pemalsuan sering terjadi. Kumpulan saudagar yang menjadi penilai dan pembicara antara para pengimport asing dengan para pembeli dan pemborong tempatan, selalu menerima sogokan daripada salah satu pihak atau kedua-dua pihak sekaligus.[60]

Peringkat urusniaga yang kedua ialah penjualan dan penyebaran barangan yang diimport. Tome Pires telah mengatakan bahawa hampir ke-

---

[57]Lihat penerangan hal ini dalam *ibid.*, hlm 276–277.

[58]*Ibid.*

[59]Meilink-Roelofsz mengulas hal ini sebagai, "The Malaccan method meant that business was transacted quickly .... the vendors had no cause for dissatisfaction either .... the sellers .... were not under paid either." Rujuk *Asian Trade*, hlm 45.

[60]Armando Cortesao, *The Suma Oriental*, hlm 273.

seluruhannya dijalankan oleh pedagang Melayu.[61] Peniaga yang telah memperoleh lesen perniagaan dibenarkan membeli barangan daripada para pemborong dan menjualkan barangan itu sama ada di kedai, bazar ataupun sistem 'lambakan' di tepi jalan.

Proses dan sistem penyebaran pula mempunyai bentuk yang agak kompleks. Barangan yang diimport akan disebarkan ke Gugusan Kepulauan Melayu dengan menggunakan kapal-kapal untuk dijual. Dalam proses inilah nakhoda (kapten) memainkan peranan urusniaga yang paling penting. Sesuai dengan taraf nakhoda sebagai 'raja' dalam sebuah kapal seperti yang tercatat dalam *Undang-undang Laut Melaka*, "... hukum segala jong dan baluk daripada segala nakhoda kerana ia seumpama rajanya",[62] bahawa nakhodalah yang bertanggungjawab untuk mengendalikan hal-ehwal perniagaan bagi dagangan dalam sebuah kapal yang berdagang ke tempat-tempat lain. Tetapi sekiranya pemilik kapal sendiri yang menguruskan perniagaan dan mengikuti pelayaran, maka peranan nakhoda akan menjadi kecil. Sekiranya pemilik kapal tidak sama-sama belayar, nakhoda akan dilantik menjadi 'wakil' (proxy) bagi pihak pemilik.[63]

Dalam tradisi tempatan Melaka, saudagar yang menghantar dan menyebarkan barangan mereka untuk diperdagangkan akan disebut sebagai Kiwi.[64] Saudagar yang menjadi wakil Kiwi untuk berdagang ke tempat lain pula disebut sebagai Maula Kiwi (sekiranya Kiwi tidak belayar bersama).

Dalam sesuatu pelayaran, nakhoda akan berkuasa di kapal (milik sendiri mahupun milik orang lain). Walau bagaimanapun, dalam urusan perdagangan, nakhoda harus menerima arahan daripada pemilik kapal tentang pelabuhan yang harus dituju. Dalam hal urusan perdagangan dan proses urusniaga pula, nakhoda harus berunding dengan Maula Kiwi.

Nakhoda juga boleh terlibat dalam perniagaan sebagai penjual barangannya sendiri atau sebagai 'wakil' untuk memperdagangkan barangan kepunyaan Kiwi. Fasal 20 *Undang-undang Laut Melaka* tentang 'hukum berniaga' menyatakan bahawa apabila sebuah kapal dagang Melaka sampai ke sebuah pelabuhan asing, maka hak berniaga akan menjadi bertingkat-tingkat. Nakhoda berhak untuk memperniagakan barang dagangannya terlebih dahulu selama empat hari yang pertama. Selepas nakhoda akan diikuti pula oleh Kiwi yang akan berniaga selama dua hari selepasnya, kemudian

---

[61] *Ibid.*, hlm 273–274.

[62] Winstedt dan de Jong, (eds), *Maritime Laws*, hlm 32.

[63] Meilink-Roelofsz, *Asian Trade*, hlm 37.

[64] Hal ini diterangkan dengan jelas dalam Fasal 10, *Undang-undang Laut Melaka*. Winstedt dan de Jong (eds), *Maritime Laws*, hlm 39.

barulah diikuti oleh pegawai dan anak-anak kapal yang lain.[65]

Nakhoda berhak untuk menawarkan barangannya dengan harga yang tertinggi. Sesiapa yang membuat tawaran harga lebih tinggi daripada nakhoda, maka nakhoda berhak untuk merampas barang-barang tersebut setelah membayar kepada pemilik dengan harga kos sahaja seperti yang telah disebutkan dalam *Undang-undang Laut Melaka*, "... dipulangkan kepada nakhoda seperti harga beliannya itu juga".

Kapal dagangan akan dibahagikan kepada ruang-ruang muatan. Fasal 10 *Undang-undang Laut Melaka* pula menyebut ruang-ruang ini sebagai 'petak'. Tome Pires mengatakannya sebagai *peitaca*. Petak-petak inilah yang akan menjadi sebagai asas penentu hak dan saiz bahagian seseorang pedagang yang memperdagangkan barangannya dalam sesebuah kapal.

Fasal 10 *Undang-undang Laut Melaka* juga menyebut bahawa selalunya nakhoda, Kiwi atau Maula Kiwi itulah yang memiliki banyak petak. Kiwi menjalankan perniagaannya dengan menggunakan kapal melalui empat cara yang mengikut 'hukum kiwi', iaitu;

(a) Kiwi membeli hak terhadap petak-petak kapal.

(b) Kiwi tidak membeli hak terhadap petak tetapi menambahkan modal nakhoda kapal berkenaan dengan nilai tiga atau empat tahil emas. Sekiranya dinilai dari segi dagangan biji-bijian, Kiwi berkenaan diberikan hak 'share' dua atau tiga koyan oleh pemilik kapal berkenaan.

(c) Kiwi tersebut mengambil tujuh atau lapan petak sebagai 'share' pada ruang muatan kapal.

(d) Kiwi tidak membeli petak tetapi berjanji akan menyerahkan 3/10 daripada bahagiannya sebagai cukai kepada nakhoda.

Petak dalam sebuah kapal di Melaka mungkin besar. Tome Pires mengatakan bahawa dua atau tiga orang akan bertugas untuk menjaga suatu petak.[66] Maula Kiwi yang dianggap sebagai 'penghulu Kiwi' akan diberi hak berniaga sebelah atau setengah petak.

Fasal 10 *Undang-undang Laut Melaka* juga menyebut bahawa Kiwi dikehendak untuk memberikan sumbangan dalam persediaan untuk belayar, "... hendaklah ia mesyuarat dengan nakhoda ... pada barang suatu pekerjaan baik dan jahat". Di samping itu Kiwi juga mesti membayar cukai

[65] *Ibid.*, hlm 44–45.

[66] Tome Pires menyebut bahawa, "If you want a cabin (peitaca), or two, you set two or three men to look after and manage it, and note what you take". Armando Cortesao, *The Suma Oriental*, hlm 283.

pelabuhan bagi tujuh atau lapan petak yang dimilikinya.

Fasal 9 *Undang-undang Laut Melaka* juga menyebut bahawa seorang Malim akan diberi bahagian sebelah atau setengah petak ruang muatan kapal selain diberi kebenaran untuk menanam modal dengan nakhoda, yang bernilai satu setengah atau tiga tahil emas. Petak Malim ialah di bahagian 'angin sebelah pelimasan'.[67] Tetapi sekiranya Malim meninggalkan kapal sebelum sampai ke pelabuhan yang dituju bererti Malim telah melanggar kontraknya dengan nakhoda, iaitu 'belum sampai janjinya'. Oleh sebab itu, modal Malim itu akan dianggap luput.

Pegawai dan kakitangan kapal yang lain juga diberikan sebahagian daripada bahagian perdagangan dalam bentuk muatan (kargo) kapal, tetapi bukan petak ruang kapal (tonnage). Dalam sebuah kapal yang kecil, seorang yang merdeka akan mendapat bahagian 600 gantang. Seorang hamba pula akan mendapat bahagian sebanyak 300 gantang sahaja. Dalam kapal yang besar pula, seorang yang merdeka akan mendapat bahagian dua koyan, dan pihak seorang hamba pula akan mendapat bahagian satu koyan. Mereka menikmati bahagian dalam perniagaan kerana khidmat tenaga mereka di atas kapal tidak dibayar.[68]

Sebuah kapal yang belayar kerap dilanda ribut dan ombak besar. Untuk menghadapi masalah ini, muatan kapal itu harus dikurangkan dengan cara membuangkan sebahagian daripada muatan itu ke laut. Ini dilakukan mengikut kadar dan nilai barangan yang dimiliki oleh penumpang dan pemegang-pemegang bahagian. Fasal 11 *Undang-undang Laut Melaka* menyebut bahawa;

> "Hukum membuang di laut sebab kerana ribut yang besar. Maka tatkala itu hendaklah dimesyuaratkan dengan orang yang banyak, kerana membuang itu atas modalnya juga; jikalau banyak modalnya (maka) banyaklah dibuangnya; jikalau sedikit modalnya (maka) sedikitlah dibuangkan".

Mesyuarat harus diadakan terlebih dahulu antara semasa pemodal atau peniaga sebelum membuang muatan. Jika mesyuarat tidak diadakan, nakhoda akan menghadapi kesalahan yang besar kerana nakhoda yang memilik atau yang mengendalikan jong tersebut.

Berdasarkan teks *Undang-undang Laut Melaka* dan disokong pula oleh laporan Tome Pires, maka dapatlah digambarkan tentang pola asas per-

---

[67]Hal ini disebut dalam bab 'hukum malim' pada Fasal 9 *Undang-undang Laut Melaka*. Rujuk Winstedt dan de Jong, (eds), *Maritime Laws*, hlm 37–39.

[68]*Ibid.*, hlm 39. Rujuk Fasal 10 *Undang-undang Laut Melaka* dalam bab 'hukum kiwi'.

dagangan Melaka. Pertama, bahawa nakhoda adalah bermakna sama ada pemilik kapal itu sendiri ataupun hanya menjadi nakhoda sebuah kapal tersebut semasa menjalankan urusniaga perdagangan, sedangkan pemilik kapal tersebut tidak ikut belayar. Nakhoda seperti ini tidak akan dibayar tetapi akan diberi bahagian berdagang untuk mendapat keuntungan.

Yang kedua, nakhoda juga boleh menjadi wakil saudagar untuk memperniagakan dagangan dalam kapal yang dikendalikannya. Dalam hal ini seorang nakhoda yang bijak dan cekap tentunya akan mengambil kesempatan dengan menyewakan ruang-ruang muatan kepada pemilik barang-barang dagangan.

Selain menjadi wakil nakhoda untuk memperdagangkan barangan, saudagar juga boleh menanam modal dalam bentuk wang atau emas kepada nakhoda berkenaan.

Tome Pires telah menggariskan dengan lebih mendalam tentang keuntungan yang diperoleh oleh nakhoda dan saudagar Melayu Melaka dalam lingkungan pola kegiatan perdagangan seperti ini ketika nakhoda itu berdagang ke tempat-tempat lain. Hubungan perdagangan di antara Melaka dengan pelabuhan di Gugusan Kepulauan Melayu seperti yang disebut oleh Tome Pires ialah:

(a) Tanjung Pura di Borneo boleh memberi keuntungan perdagangan sebanyak 50 peratus. Sebarang kerugian akan ditanggung oleh penanam modal atau pembekal barang dagangan.[69]

(b) Kedah, Pasai dan Pedir memberi keuntungan perdagangan sebanyak 35 peratus.

(c) Pelabuhan-pelabuhan di Jawa Utara memberi keuntungan perdagangan sebanyak 20 peratus daripada barang dagangan yang diniagakan oleh Melaka untuk pemilik kapal. Perniagaan di pelabuhan ini paling menguntungkan kerana nilai perdagangan 100 *cruzados* boleh berlipat ganda sehingga ke-200 peratus. Kapal dari Melaka mengambil masa antara lima hingga sembilan bulan untuk berniaga di pelabuhan ini. Penanam modal boleh mendapat keuntungan sehingga 140 peratus.[70]

(d) Pelabuhan Sunda boleh memberikan keuntungan dagang sehingga

---

[69]Tome Pires menyebut nama tempat ini sebagai Tamjompura di samping tempat-tempat lain yang disebut sebagai Macassar, Brunei dan Lucoes di Gugusan Kepulauan Melayu. Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 283.

[70]*Ibid.*, hlm 284; Seiichi Iwao, "Jan Joosten, The Forerunner of the Dutch-Japanese Relation", dalam *Bulletin of the Japanese-Netherlands Society*, No 1, Tokyo, 1958, hlm 84–85.

50 peratus. Ketika kembali semula ke Melaka, saudagar Melaka boleh membawa bersama-sama mereka lada dan abdi untuk diperdagangkan pula di Melaka.[71]

Tome Pires mengatakan bahawa berdagang ke pelabuhan-pelabuhan ini lebih menguntungkan daripada menanam modal dalam bentuk wang atau emas. Ini disebabkan apabila terjadinya perubahan tiupan angin, bahan dagangan yang diperlukan di pelabuhan tersebut mungkin akan berkurangan. Kapal-kapal lain tidak akan datang ke sana untuk beberapa waktu. Harga barangan dagangan yang diperlukan akan meningkat. Ini tentulah menguntungkan seperti yang dikatakan oleh Pires bahawa, "... when he pays in merchandise it is more profitable".[72]

Perdagangan dengan negeri China juga dilaporkan amat menguntungkan. Kadangkala kerana permintaan barangan terlalu tinggi keuntungan boleh mencapai sehingga 300 peratus. Dalam hal ini penyewaan petak amat popular.[73] Keuntungan berdagang dengan pantai Koromandel dan kawasan Teluk Benggala pula tidak tentu keadaannya. Kadang-kadang keuntungannya antara 80 peratus hingga 90 peratus tetapi kadang-kadang meningkat sehingga 100 peratus. Keuntungan selalu juga menjadi berlipat ganda sehingga mencapai 300 peratus. Sementara perdagangan dengan Pegu dan Siam mencapai keuntungan setakat 50 peratus sahaja, tetapi kadangkala meningkat sehingga mencapai 200 peratus.[74] Perdagangan dengan kawasan tersebut adalah dalam bentuk menanam modal wang atau emas, ataupun menjalankan kegiatan perdagangan secara besar-besaran.

Meilink-Roelofsz yang meneliti tentang pola dan bentuk perniagaan tradisional yang dilakukan secara besar-besaran di Asia dengan mengatakan bahawa, "... cannot be entirely free from European influence."[75] Beliau merujuk perkara ini pada kegiatan perdagangan oleh para pedagang dari Asia Barat yang terdapat di Melaka. Beliau menamakan corak perdagangan tersebut sebagai *commenda* yang berupa, "luxurious in character, took up very little space, and were transported over various routes. It forms a richly

---

[71]Tome Pires menyebut bahawa, "For Sunda they gave you fifty per cent, because they can bring black pepper and slaves, it is a land of merchandise and trade; the profit is greater." *Ibid.*, hlm 284.

[72]*Ibid.*, hlm 285.

[73]*Ibid.*, hlm 284. Tome Pires menyebut bahawa, "China is a profitable voyage, and moreover whoever loads up, hiring cabins (peitacas), sometimes make three for one, and in good merchandise which is soon sold".

[74]*Ibid.*, hlm 48–49.

[75]Meilink-Roelofsz, *Asian Trade*, hlm 48.

variegated pattern in which huge quantities of bulk goods such as foodstuffs and textiles alternate with smaller."[76]

Bertentangan dengan *commenda* ialah berjaja, iaitu kegiatan perniagaan dan perdagangan tradisional yang dilakukan secara kecil-kecilan.

Tetapi soalnya, bagaimanakah pula pengaruh corak perdagangan *commenda* boleh berkesan terhadap pedagang Melayu? Adakah *commenda* itu telah diperkenal dan disebarkan di Melaka secara tidak langsung oleh pedagang Arab atau Parsi?

Siapakah pedagang atau peniaga Melayu Melaka yang menjalankan corak perdagangan yang disebut *commenda* sekiranya pendapat Roelofsz ini dapat diterima? Tome Pires telah melaporkan beberapa kali bahawa corak perdagangan *commenda* telah dilakukan oleh masyarakat bangsawan Melayu daripada kelas atasan. Beliau menyebut Sultan Muzaffar Syah sebagai contohnya, "... he devoted much care to the improvement to Malacca; he bought and built jinks and sent them out with merchants."[77] Tentang Sultan Alauddin pula, beliau mengatakan bahawa, "... the king of the country puts his share in each junk that goes out, that is a way for the kings of Malacca to obtain large amounts of money; and hence there is no doubt that the kings of Malacca are very rich indeed."[78] Harta Sultan Alauddin dikatakan bernilai 140 *quintals* dalam timbangan emas. Sementara harta Sultan Mansor Syah pula dianggarkan oleh Tome Pires bernilai 120 *quintals* emas.

Pada tahun 1511, pihak Portugis telah menawan salah sebuah daripada kapal Sultan Mahmud. Bahan dagangan yang terdapat dalam kapal tersebut dilaporkan terdiri daripada kain yang bermutu tinggi yang bernilai 15 ribu *cruzados*. Nakhoda kapal tersebut ialah saudagar Cetiah dari Melaka.[79] Keuntungan daripada hasil perdagangan inilah yang menjadikan sultan-sultan Melaka kaya-raya.

Para pembesar dan Bendahara turut juga melakukan hal yang sama. Cukai pelabuhan dan hadiah-hadiah untuk berdagang juga menjadi sumber kekayaan mereka. Jika tiada kegiatan perdagangan dan hasil-hasil cukai, bagaimanakah Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir boleh menjadi kaya-raya? Tiap-tiap hari Tun Mutahir bergaya dengan pakaian yang mahal berjumlah seribu pakaian dan akan bercermin mata. Anak cucu Tun Mutahir pula bermain dengan guli emas. *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa beliau

---

[76] *Ibid.*

[77] Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 243.

[78] *Ibid.*, hlm 251.

[79] Ruy de Brito, *Alguns Dokumentos*, hlm 245; Rujuk juga Alfonso Dalboquerque, *The Commentaries ...*, hlm 80; Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 250.

begitu aktif dan berminat dalam kegiatan perdagangan, "... terlalu sangat pada memeliharakan segala dagangan."[80] Oleh sebab itu, kegiatan perdagangan dan perniagaan Melaka disinonimkan dengan ketokohan Bendahara keturunan Keling ini;

> "Dan adat kapal dari atas angin, apabila akan ke Melaka, serta membongkar sauh, maka selawat malimnya, disahut nakhoda dan saudagar sekalian, 'Bandar Melaka, pisang jarum, air Bukit China, Bendahara Seri maharaja'."[81]

Bendahara Tun Mutahir dikatakan orang yang paling kaya di seluruh Melaka, "...demikianlah hal Bendahara Seri Maharaja pada zaman itu, seorang pun tiada taranya."[82] Selain berdagang, para sultan dan pembesar ini juga memiliki kapal yang besar kerana seperti yang dikatakan oleh Tome Pires bahawa kapal itu merupakan "a very profitable matter .... the kings of Malacca derived great profit from it".[83]

Raja-raja lain di bawah taklukan Melaka juga terlibat dalam kegiatan urusniaga dan berdagang di Melaka. Tome Pires mengatakan bahawa sekurang-kurangnya Raja Pahang, Kampar dan Inderagiri berbuat demikian. Mereka menanam modal dan memilik faktor niaga di situ serta berdagang secara *commenda* di kapal-kapal besar. Tome Pires mengatakan bahawa, "This is very important for anyone with capital, because Malacca sends junks out, and others come in, and they are so numerous that the kings could not help but be rich."[84]

Tome Pires juga mengatakan bahawa, para sultan dan pembesar Melayu tidak semestinya belayar untuk berdagang. Mereka menggunakan orang perantaraan, iaitu Kiwi atau Maula Kiwi, atau sekurang-kurangnya nakhoda daripada berbagai-bagai bangsa sebagai wakil urusan perdagangan mereka untuk berdagang ke pelabuhan asing. Tokoh yang terlibat secara langsung di kalangan golongan elit ini tentu merasa bangga dengan peranan yang sedemikian, kerana mereka dapat menikmati segala kemudahan untuk berdagang seperti cukai dan keistimewaan dalam urusniaga. Mereka juga dapat sama-sama mengongsi bahagian dalam sesebuah kapal dagang yang dimilik oleh golongan elit.

Selain golongan elit ini, Melaka juga dikatakan dipenuhi oleh saudagar yang kaya-raya. Tome Pires mengatakan saudagar ini sebagai pedagang-

---

[80]W.G. Shellabear, (ed). *Sejarah Melayu*, hlm 208.
[81]*Ibid.*
[82]*Ibid.*, hlm 209.
[83]Armando Cortesao, (ed). *The Suma Oriental*, hlm 284.
[84]*Ibid.*, hlm 285.

pedagang yang mahir. Barbosa,[85] pula mengatakan bahawa tiap-tiap seorang berkemampuan untuk menghantar antara tiga hingga empat buah kapal besar ke tempat asing. Tome Pires mengatakan mereka sebagai, "...capable of sending each year a junk to China, and another to Benggal, and another to Pulicat, and another to Pegu, and the merchants of Malacca and for the ports took shares in these."[86] Saudagar yang kaya-raya ini termasuk juga peribumi Melaka dan para saudagar Hindu dan Jawa. De Barros menganggap saudagar ini dalam bukunya *de Asia* sebagai sangat kaya dan sangat berkuasa.[87] Barbosa juga mengatakan saudagar ini sebagai, "... wealthy and well-fed .... who are very corpulent with big bellies, they go bare above the waist and wear cotton clothes below .... possessing many slaves, with women and children in separate quarters led a very pleasant life there ... Cultured and well-educated, they practised music and the arts of love."[88]

Di peringkat berjaja, de Eredia, Barbosa dan de Albuquerque menyatakan bahawa urusniaga banyak dijalankan oleh pedagang peribumi sama ada sebagai peniaga di bazar dan di pasar Melaka, ataupun berdagang ke tempat lain dengan menggunakan, "small coastal praos and light ships".[89] Jadi, pedagang Melayu terbahagi kepada, pertama, pedagang yang berdagang secara kecil-kecilan; dan kedua, pedagang yang berdagang secara besar-besaran. Hal ini dapat disaksikan menerusi pola penempatan pedagang ini di Melaka.

De Eredia mengatakan bahawa kalangan pedagang yang pertama banyak tertumpu di Sabak, iaitu sepanjang tebing sungai Melaka. Kalangan pedagang yang kedua pula yang terdiri daripada para pemerintah dan pentadbir peribumi Melaka banyak bertumpu di kawasan-kawasan elit di atas dan di lereng bukit. Sementara pihak yang satu lagi ialah para pedagang atau saudagar sepenuh masa dan kaya-raya tetapi dari segi fungsi tidak termasuk ke dalam kelompok elit pemerintah. Mereka terdiri daripada kalangan Melayu dari berbagai-bagai daerah di Nusantara seperti sukuan Jawa dari Tuban, Japara, Grisik dan Jawa Barat; Melayu-Palembang, Kampar, Pahang, Brunei dan Inderagiri. Menurut catatan de Eridia, mereka bertumpu dan menetap di kawasan Upeh atau Iler[90] Walaupun de Eridia membuat laporan

---

[85]Mansel L. Dames (tsd), "The Book of Duarte Barbosa ...", II, hlm 176.
[86]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 285.
[87]Joao de Barros, *De Asia*..., bahagian VI, 1777–1778, hlm 86.
[88]Mansel L. Dames (tdsd), "The Book of Duarte Barbosa ...", II, hlm 176.
[89]Meilink Roelofsz, *Asian Trade*, hlm 29.
[90]J.V. Mills, "Eridia's Description of Malacca", hlm 19–20; G.P. Rouffear, "Was Malaka Emporium voor 1400 ...", hlm 408–9; Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 259–260.

pada abad ke-17, namun "... this arrangement clearly goes back to the days of the sultan"[91] menurut kenyataan Reolofsz, bolehlah diterima.

PERKAPALAN MELAYU MELAKA

Sebagai masyarakat kelautan yang dikelilingi kawasan selat,[92] masyarakat peribumi tentulah mahir dengan selok-belok kegiatan di laut, terutama dalam usaha untuk membina alat pengangkutan di laut. Istilah teknikal yang sering digunakan dalam *Sejarah Melayu*, *Undang-undang Laut Melaka* dan *Undang-undang Melaka* tentang alat pengangkutan di laut ini ialah perahu, sampan, ghurab, penjajab, sagur, payar, baluk, lancang, kapal dan jong serta bahtera. Tome Pires menambah dengan istilah yang lain seperti lancar dan nadih. Penggunaan istilah ini berpandukan pada ukuran alat-alat pengangkutan tersebut. Alat pengangkutan yang terbesar ialah jong dan bahtera.

Fasal 23.5 *Undang-undang Melaka* mengatakan bahawa perahu yang paling kecil di Melaka ialah sepanjang lima depa.[93] *Sejarah Melayu* pula menggambarkan bahawa sebuah kapal Melaka boleh memuatkan antara 40 hingga 100 penumpang dan anak kapalnya terdiri daripada Orang Laut. Selalunya kapal ini digunakan dalam peperangan. Kapal yang digunakan sebagai alat pengangkutan adalah kecil saiznya supaya mudah untuk dikendalikan. Tetapi untuk tujuan berdagang, terutama sekiranya para pedagang peribumi terlibat dalam perdagangan yang berbentuk *commenda*, alat pengangkutan yang besar akan digunakan. Ini termasuklah kapal, jong dan bahtera.

Industri perkapalan Melaka adalah sempurna ditambah lagi dengan kehadiran dan pembelian kapal-kapal besar yang baik mutunya dari Pulau Jawa dan Pegu seperti yang dikatakan oleh Tome Pires.[94] Tome Pires juga mengatakan bahawa sepanjang abad ke-15, kegiatan para pedagang peribumi yang menggunakan kapal bukan sahaja terdapat di sekitar Semenanjung Tanah Melayu, malah telah pergi sehingga ke pantai Koromandel termasuk ke Tenasserim, Teluk Benggala, Pegu dan Ceylon. Kemudian para pedagang pergi ke Timur sehingga ke negeri China. Para pedagang pergi juga ke persekitaran Gugusan Kepulauan Melayu di Nusantara dan juga ke Kepulauan Maluku. Malah terdapat juga raja-raja Melaka yang cuba untuk belayar

---

[91]Meilink-Roelofsz, *Asian Trade*, hlm 37.

[92]Dalam konsepsi yang telah umum mereka juga dinamakan sebagai 'equatic people'. Rujuk L.Y. Andaya, "Historical Links ...", dalam Muhammad Abu Bakar (eds), *Historia*.

[93]Liaw Yock Fang, (ed), *Undang-undang Laut Melaka* hlm. 120.

[94]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 249–250; Alfonso Dalboquerque, *commentaries* III, hlm 142.

ke Mekah dengan menggunakan kapal yang besar ini.[95]

Reolofsz juga mengatakan bahawa perdagangan secara besar-besaran ke seberang laut adalah dengan menggunakan kapal yang dibeli dari Pegu dan Jawa. Beliau mengatakan bahawa kapal buatan Melaka sebagai "... must have been chiefly small, light, fast-sailing vessels .... not capable of constructing deep-sea vessels .... most of these junks must have been of foreign construction."[96]

Tetapi ini bukan bermakna kapal buatan Melaka adalah inferior coraknya. Pendapat yang mengatakan bahawa berdagang ke tempat-tempat yang jauh hanya dengan menggunakan kapal-kapal yang diimport dari Jawa dan Pegu, tanpa memikirkan nilai dan *superiority* kapal-kapal buatan tempatan, tidak boleh diterima sepenuhnya. Ini disebabkan kapal-kapal buatan tempatan mungkin juga digunakan. Apatah lagi jika andaian Roelofsz dibuat tanpa bukti sumber untuk menyokongnya.

Kegiatan ekonomi perdagangan dan perkapalan yang besar dan kompleks telah menyebabkan wujudnya sistem tertentu dalam organisasi perkapalan dari segi aturan atau undang-undang untuk menggunakan kapal, sehinggalah kepada urusan kakitangan yang terlibat. Hal ini amat jelas dinyatakan dalam *Undang-undang Laut Melaka.*

Undang-undang Melaka hanya memperuntukkan lima fasal daripada 44 fasal tentang peraturan berperahu dan berkapal. Tetapi *Undang-undang Laut Melaka* telah menyediakan seluruh 25 fasal mengenainya.[97]

Sebuah jong atau baluk yang belayar dianggap sebagai sebuah 'kerajaan'. Jong atau baluk itu perlu dilengkapkan dengan para pegawai, pentadbir dan organisasi birokrasi walaupun secara ringkas. Fasal 1 *Undang-undang Laut Melaka* telah menggariskan gelaran pegawai dan tugas-tugas serta bidang kuasa masing-masing, mengikut tingkat tertinggi ke tingkat yang paling rendah. Hal ini dapat dilihat pada gambarajah di muka surat 268.

Fasal 1 *Undang-undang Laut Melaka* telah menerangkan adalah menjadi kesalahan jika pegawai menentang atau menafikan arahan pihak atasan. Seorang awak-awak yang enggan mengikut perintah tukang agung boleh disebat dengan tujuh kali sebatan oleh jurubatu. Seorang awak-awak

---

[95]*Ibid.* Tome Pires menyebut Sultan Mansor Syah sebagai, " ... and that he had decided to go to Mecca with a large amount of gold in a junk which he had ordered to be build in Java, and another in Pegu of great size, and that if his illness had not prevented him he would have gone there".

[96]Meilink-Roelofsz, *Asian Trade*, hlm 39.

[97]Fasal 25 hanya merupakan catatan nama perawi naskhah *Undang-undang Laut Melaka* ini. Rujuk R.O. Winstedt dan Josselin de Jong, (eds), *Maritime Laws*, hlm 47–48.

nakhoda : 'raja' di dalam kapal.

jurumudi (malim) : 'bendahara' di dalam kapal.

jurubatu : 'temenggung' di dalam kapal, menjadi hakim. Bertanggung-jawab kepada nakhoda.

tukang kanan, tukang kiri, tukang agung : 'sida-sida' di dalam kapal.

jurubatu kanan, jurubatu kiri, gantung layar, senawi, tukang : bertanggungjawab terus kepada nakhoda

awak-awak : bertanggungjawab kepada tukang.

yang melawan perintah gantung layar atau senawi pula dihukum dengan disebat sebanyak tiga kali.

Dalam pelayaran, beberapa peraturan dan undang-undang dikuat-kuasakan. Kuasa penuh terletak di tangan nakhoda. Semua kakitangan kapal dan penumpang dikehendaki supaya patuh pada peraturan dan undang-undang ini. *Undang-undang Laut Melaka* menerangkan peraturan ini sebagai 'adat'. Kuasa membunuh jika sabit kesalahan terletak di tangan nakhoda sahaja.

Fasal 2 *Undang-undang Laut Melaka* mengatakan bahawa antara larangan yang ditentukan ialah berzina sesama penumpang. Berzina antara pasangan yang telah berkahwin, jika sabit kesalahan akan dihukum bunuh. Bagi pasangan yang masih bujang, akan disebat sebanyak seratus kali atau didenda dengan nilai emas sebanyak setahil sepaha. Bagi pasangan sesama abdi pula akan dihukum dengan dipukul oleh para penumpang.

Fasal-fasal lain dalam *Undang-undang Laut Melaka* telah menggariskan peraturan dan tatacara berurusniaga. Fasal 3 dan 4 contohnya, menerangkan tentang tatacara pembahagian untung yang diperolehi daripada sesuatu perniagaan. Fasal 5(b) ialah tentang syarat penumpang yang turun separuh jalan. Penumpang tersebut dikehendak supaya membayar kepada nakhoda setengah tahil emas. Fasal 7 pula mencatatkan tentang pesalah yang dikenakan hukuman bunuh:

(a) Penumpang mengkhianati nakhoda.
(b) Penumpang yang berkomplot sesama mereka untuk mengkhianati nakhoda, kiwi, tukang dan malim.
(c) Penumpang yang menyisipkan keris di pinggang sedangkan penumpang lain tidak berbuat demikian.

(d) Penumpang yang melakukan kejahatan, agitasi dan 'biadab' sehingga menyusahkan penumpang yang lain.

Fasal 9 *Undang-undang Laut Melaka* menerangkan dengan jelas tanggung-jawab dan hak malim (jurumudi). Malim harus mengetahui seluruh ilmu dan selok-belok pelayaran seperti keadaan ombak, arus, ukuran laut, kedudukan bulan dan bintang, tahun dan musim, teluk dan rantau, kedudukan tanjung, beting, karang, terumbu, busung, gunung, bukit, "... maka sekaliannya itu hendak diingat malim itu baik-baik supaya ia selamat sempurna dalam pelayaran, lepaslah malim itu daripada taksirnya."[98]

Fasal-fasal yang lain ada menerangkan tentang kesalahan melanggar kapal orang lain dan peraturan duduk di bahagian-bahagian tertentu di dalam kapal seperti di balai lintang, di balai bujur, di peterana lawang dan di anjung-anjung. Peterana lawang hanya boleh dididuduki oleh nakhoda dan tukang agung. Sekiranya awak-awak kapal duduk di peterana tersebut, awak-awak boleh dihukum sebat sebanyak enam kali. Kesalahan dan hukum berkelahi sesama anak kapal terdapat dalam Fasal 19. Fasal 20 pula menghuraikan tentang tatacara berurusniaga sesama nakhoda, jurumudi, kiwi dan pegawai-pegawai kapal yang lain. Adalah menjadi kesalahan berat sekiranya tatacara berniaga ini dilanggar.

Dalam seluruh peruntukan peraturan dan undang-undang, walaupun nakhoda mempunyai kuasa utama, kuasanya tidaklah mutlak. Nakhoda harus mengamal dan menggunakan prinsip musyawarah di kalangan sesama penumpang dan anak-anak kapal yang lain untuk menentukan sesuatu keputusan. Contohnya, Fasal 20 telah menerangkan bahawa nakhoda haruslah berunding dengan anak-anak kapal dan penumpang jika ingin berlabuh di pelabuhan yang tidak termasuk dalam jadual pelayaran. Adalah menjadi kesalahan jika berlabuh di pelabuhan yang tidak termasuk dalam jadual pelayaran dengan sesuka hati sahaja;

> "Jika belayar di laut, jikalau nakhoda hendak singgah di teluk, atau di rantau atau di pulau, maka hendaklah mesyuarat nakhoda itu dengan segala orang banyak dan berwaad teguh-teguh, maka dapatlah singgah. Jika tiada nakhoda itu mesyuarat, (maka) salah atas nakhoda itu."

Dalam Fasal 9:1 *Undang-undang Laut Melaka* pula mengatakan bahawa, walaupun seorang nakhoda boleh membunuh tetapi apabila sampai semula ke Melaka, nakhoda akan dibicara sama ada perbuatan membunuh itu sah atau tidak. Sekiranya nyata tidak sah, si nakhoda itu sendiri akan dibunuh

[98] *Ibid*, hlm 37–39.

atau didenda 'sekati lima tahil'. Di laut, menurut Fasal 9:2 pula, sebelum hukuman bunuh dijatuhkan terhadap pesalah yang berzina dengan isteri orang, si pesalah haruslah dibela oleh warisnya, jika ada.

Undang-undang Laut Melaka juga ada mengandungi peruntukan tentang kesalahan mencuri perahu. Fasal 11:3 menyatakan bahawa pencuri perahu yang sabit kesalahannya dikehendak supaya 'diganti harga perahu itu oleh orang yang mencuri itu kepada yang 'empunya perahu.' Sekiranya tidak berbuat demikian, pesalah dikehendak supaya membayar ganti rugi sepuluh emas kepada si pemilik.

Undang-undang apabila menjumpai perahu orang juga ada peruntukannya. Fasal 23:5 menerangkan bahawa orang yang menjumpai perahu orang lain berhak mendapat pampasan yang bernilai setengah daripada harga perahu tersebut. Sekiranya perahu tersebut baru sahaja hanyut dan saiz perahu itu ialah lima depa, maka harga tebusnya ialah satu kupang. Bagi perahu yang lebih kecil nilai terbusannya ialah dua kenderi. Syarat-syarat tebusan juga ada dinyatakan dengan jelas dalam fasal ini.

Fasal 23:3 pula ialah peruntukan undang-undang apabila menyelamatkan orang yang karam di laut. Si mangsa akan menjadi hamba kepada si penyelamat. Jika si mangsa mempunyai harta, si mangsa boleh menebus kes 'penyelamat' tadi dengan membayar sejumlah daripada nilai hartanya kepada si penyelamat.

Fasal 1: *Undang-undang Laut Melaka* dengan jelas menerangkan bahawa semua hal-ehwal perdagangan, peraturan dan sistem serta organisasi berkapal, berjong dan berbaluk adalah terletak di bawah bidang kuasa Syahbandar. Syahbandar yang bertanggungjawab mengenainya. Tujuan diadakan 25 Fasal dalam *Undang-undang Laut Melaka* tentang sistem, peraturan dan organisasi sesebuah kapal, jong atau baluk yang sedang belayar pula ialah untuk;

> "... supaya sentosa kepada pekerjaan di dalam pelayaran, supaya jangan bersalahan dan jangan membinasakan adat dalam pelayaran, supaya selamat pekerjaan di laut .... supaya jangan (ber) soal (ber) bantah di laut .... jangan bersalahan pada kata dan perbuatan dengan segala handai taulannya, dengan segala sahabatnya yang ada bersama-sama dengan dia dan supaya jangan menitiskan darah rakannya yang sama-sama selama (belayar) dengan dia."[99]

Suasana masyarakat kosmopolitan yang diawasi oleh organisasi dan birokrasi pentadbiran peribumi yang tersusun sama ada di darat ataupun di laut, telah

[99] *Ibid*, bahagian 'pembukaan', hlm 31.

menjamin keamanan Melaka. Fungsi Laksamana itu sendiri ialah sebagai 'raja di laut'. Ini menggambarkan betapa pentingnya kegiatan di laut kerana perdagangan dan perniagaan adalah teras kepada kegiatan ini. Melaka telah berjaya untuk menarik ramai saudagar asing datang ke Melaka. Malah, kegiatan perniagaan dan kegiatan perkapalan telah menjadi asas kepada kemakmuran Melaka. Meilink-Roelofsz telah membayangkan betapa Melaka berjaya untuk menikmati kemakmuran ini serta betapa sibuknya penduduk Melaka seperti dalam kenyataan beliau;

> "... bureaucracy seems to have worked efficiently and led to quite a considerable degree of legal security. The foreign merchants felt safe .... But Malaccan trade was so lucrative that the merchants could well afford the extra costs with which they were confronted in the way of bribes, extra levies, gifts and other forms of corruption. These abuses were certainly no worse in Malacca than in other ports and therefore were not in themselves a reason for the merchants to avoid Malacca."[100]

Kenyataan ini mungkin telah diyakinkan terlebih dulu oleh Tome Pires dalam catatannya tentang Melaka yang berbunyi;

> "Men cannot estimate the worth of Malacca, on account of its greatness and profit. Malacca is a city that was made for merchandise, fitter than any other in the world; the end of monsoons and the beginning of others."[101]

Penilaian Tome Pires ini tentu tidak keterlaluan sekiranya sumber peribumi *Sejarah Melayu* juga menerangkan Melaka dengan nada yang serupa, "... terlalu sekali ramainya, segala dagangan pun berkampung. Maka dari Air Leleh datang ke Kuala Muar, pasar tiada berputusan lagi. Dari kampung Keling datang ke Kuala Penajuh itu pun tiada berputusan."[102]

---

[100]Meilink-Roelofsz, *Asian Trade*, hlm 42.
[101]Armando Cortesao, (ed), *The Suma Oriental*, hlm 286.
[102]W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu*, hlm 247.

12

Masyarakat Melaka 1400–1500 T.M.

SEHINGGA kajian akhir tentang masyarakat Melaka dibuat, amat ketara kita masih menghadapi kekurangan bahan-bahan sejarah tentang masyarakatnya. Secara am, Bab 1 buku ini telah menjelaskan bahawa bahan-bahan ini dapat dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori yang pertama ialah bahan awalan peribumi. Oleh sebab bilangan bahan ini amat terhad menyebabkan kita menumpukan perhatian pada sumber sejarah yang tidak asing lagi, iaitu *Sejarah Melayu* atau *Sulalatus Salatin* dan sumber yang bercorak undang-undang seperti *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*.[1] Kategori yang kedua ialah bahan-bahan awalan dari Eropah yang ditulis oleh pelawat-pelawat awal dari Barat seperti Tome Pires, Eredia, Francois Valentyn, Alfonso de Albuquerque dan sebagainya.[2] Bahan-bahan

---

[1]Naskhah terakhir daripada suatu penyelenggaraan ilmiah telah dilakukan oleh Liaw Yock Fang, kemudian diterbitkan dan diberi judul *Undang-undang Melaka*. Hasil penyelenggaraan ini agak berbeza daripada hasil penyelenggaran yang pernah diusahakan oleh Ph. S van Ronkel umpamanya. Teks suntingan Liaw dan Ronkel menggambarkan undang-undang di darat. Sementara undang-undang yang berhubung dengan laut dirujuk pada teks yang diselenggarakan oleh R.O. Winstedt dan Josselin de Jong. Sila lihat Liaw Yock Fang (ed), *Undang-undang Melaka*, The Hague, 1976; R.O. Winstedt dan P.E. de Josselin de Jong (eds), "The Maritime Laws of Malacca", dalam *JMBRAS*, Jil 29 Bhg 3, 1956, hlm 25–7. Kajian tentang perdagangan Melaka dengan merujuk pada *Undang-undang Laut* di Melaka telah pun dilakukan oleh M.A.P. Meilink-Roelofsz dalam *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and About 1630*, The Hague, 1962, Bab 2 dan Bab 3.

Untuk tujuan rujukan, teks yang digunakan ialah *Sejarah Melayu* versi tahun 1612. Dan untuk tujuan perbandingan digunakan *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 daripada naskhah *Raffles MS. 18* serta teks terjemahan oleh C.C. Brown. Lihat W.G. Shellabear (ed), *Sejarah Melayu*, Malayan Publishing House, Singapore, 1961; R.O. Winstedt (ed), "The Malay Annals or *Sejarah Melayu*", dalam *JMBRAS*, 16, 3, 1938, hlm 1–226; C.C. Brown (ed & tsd), *Sejarah Melayu or Malay Annals*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970. Ada sebuah naskhah tentang undang-undang perniagaan yang ditemui di Melaka berjudul *Undang-undang Pebian* yang mungkin merupakan salah satu versi daripada *Undang-undang Laut Melaka*.

[2]Lihat Armando A. Cortesao (ed & tsd), *The Suma Oriental of Tome Pires*, The Hakluyt Society, London, 1944; J.V. Mills (ed & tsd), "Eredia's Description of Malacca, Meridional India and Cathay", dalam *JMBRAS*, 8, 1, 1930, hlm 1–288; D.F.A. Hervey (ed with notes), "Valentyn's Account of Malacca", dalam *JSBRAS*, No 14, Dis 1884, hlm 120–138; W.D.G. Birch, (ed and annotated), "*The Commentaries of the Great Afonso D'Alboquerque*", III, No LXII, The Hakluyt Society, London, 1880. Untuk keterangan ringkas tentang sumber-sumber Portugis yang belum terselenggara, sila lihat Fr. M.J. Pintado, *Unexplored Portuguese Sources*, kertas kerja yang belum diterbitkan dalam Seminar Sejarah Melaka, Melaka, Disember, 1976.

seperti ini ditambah lagi dengan sumber dari negeri China seperti catatan Ma Huan dalam *Ying-yai Sheng-lan* dan catatan Chao Ju-kua serta sedikit catatan Arab yang menyebut Melaka sebagai *Malakat* atau *Mala'qa*.[3] Sementara itu, bahan-bahan yang tergolong dalam kategori yang ketiga ialah bahan-bahan kajian lanjutan yang ditulis berdasarkan sumber daripada kategori yang pertama dan kedua tadi, di samping beberapa sumber dan tradisi lisan yang longgar dan berselerak sifatnya yang didapati daripada orang tua yang mendiami Melaka.[4]

Walaupun sumber luar ini dapat membekalkan maklumat tentang Melaka sebagai sebuah pelabuhan entrepot tradisional Melayu, tentunya laporan tentang hal ini bersesuaian dengan matlamat ekonomi orang asing yang datang ke Melaka untuk berdagang dan memberikan kesan pula terhadap gambaran sejarah masyarakat Melaka itu sendiri. Dari sudut pandangan orang yang datang berniaga, Melaka digambarkan sebagai sebuah pelabuhan dagang, sebuah pelabuhan *feeder* yang secara langsung atau sebaliknya memencilkan nilai-nilai kemasyarakatan yang telah wujud di situ yang lebih daripada satu abad. Oleh sebab itulah Melaka sering dilihat dari segi kepentingan ekonominya sahaja.

Kenyataan orang asing tentang bentuk masyarakat Melaka yang dibuat secara umum itu menimbulkan berbagai-bagai tanggapan yang berbeza-beza di kalangan pengkaji-pengkaji masyarakat Melaka sendiri.[5] Apabila gejala seperti ini timbul, perhatian kita yang selama ini tertarik kepada sumber sejarah peribumi, dengan secara langsung ataupun tidak langsung, tertarik juga kepada bentuk masyarakat yang digambarkan oleh sumber seperti ini. Tentulah masyarakat ini merupakan orang peribumi Melaka yang terdiri daripada orang Melayu tempatan. Akibatnya, peranan sosiobudaya masya-

---

[3]Nukilan Paul Wheatley daripada nota-nota Shihab al-Din Ahmad ibn Majid daripada *MS Arabe 2292*, Bibliotheque Nationale, Paris. Sebahagian daripadanya telah pun diselenggara dan dianotasi oleh G.R. Tibetts dalam *The Malayan Journal of Tropical Geography*, Jil 9, 1956. Lihat Paul Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsula in Ancient Times*, Singapore, 1964, hlm 125–126.

[4]Sebagai contoh lihat R.J. Wilkinson, "The Malacca Sultanate", dalam *JMBRAS*, 13, 2, 1935, hlm 22–67; R.O. Winstedt, "A History of Malaya", dalam *JMBRAS*, XIII, i, 1935, Bab 3; Wang Gungwu, "The Opening of Relations between China and Malacca 1403–1405" dalam J. Bastin dan R. Roolvink (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Oxford, 1964, hlm 87–104; Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", dalam *JMBRAS*, 41: 1, 1968, hlm 11–22; P.E. de Josselin de Jong dan H.L.A. van Wijk, "The Malacca Sultanate", dalam *JSEAH*, 1, 2, 1960, hlm 20–29; Hsu Yun-Tsiao, *Notes on the Relations between Ryukyu Islands and the Malacca Sultanate during 1464–1511*, kertas kerja yang tidak diterbitkan, kertas kerja No 84, dalam *International Conference on Asian History*, 5th–10th August, Kuala Lumpur, 1968, dan seterusnya.

[5]Walaupun selama ini dikatakan bahawa keterangan Tome Pires tentang masyarakat tempatan di Melaka adalah condong ke pihak Portugis, namun Tome Pires nampaknya memberikan keterangan yang baik dalam mauduknya tentang perlakuan anggota masyarakat, ditinjau daripada pandangan orang asing yang sezaman. Lihat A. Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 229–249.

rakat 'asing' yang datang dan bermastautin di Melaka, yang akhirnya meresap ke dalam berbagai-bagai bidang institusi peribumi yang wujud, selain peranan mereka dalam kegiatan ekonomi, telah dipencilkan begitu sahaja.[6] Walhal sebagai sebuah kuasa kelautan, Melaka adalah bandar pelabuhan kosmopolitan. Ia didiami oleh berbagai-bagai kaum atau suku kaum. Orang Melayu tempatan yang menjadi teras anggota masyarakat jenis ini mengekalkan perpaduan dan persefahaman sewajar dengan yang dituntut kerana Melaka bergantung pada kepentingan laut dan saudagar-saudagar asing yang datang dan berniaga di situ. Oleh sebab adanya peluang sosial tertentu, ada juga orang asing ini yang turut sama terlibat dalam proses dan sejarah perkembangan masyarakatnya.

Sejak wujudnya institusi kesultanan, Orang Laut[7] yang sama-sama mengiringi Parameswara meninggalkan Singapura dan Muar, telah diserapkan ke dalam institusi ini. Integrasi antara kelas Melayu daripada kalangan diraja dan bangsawan dari Palembang ini dengan Orang Laut dan suku-sukunya, telah melahirkan perpaduan masyarakat yang sungguh kukuh.[8] Kekukuhan ini menjadi sumber tenaga yang sangat besar untuk meningkatkan kegiatan dan cabaran ekonomi, politik, ketenteraan dan sosial pada tahap-tahap yang berikutnya. Cabaran ini menjadi kompleks pula setelah datang dan bertapaknya agama Islam.

Iskandar Syah yang didakwa bersikap liberal dan adil[9] telah menggalakkan orang dan saudagar asing datang dan bertumpu di Melaka.[10] Maka

---

[6]Suatu kajian pendahuluan yang khusus bertumpu kepada bentuk kelas dalam masyarakat peribumi Melaka dilakukan oleh Muhd. Yusof Ibrahim, *Some Observations on Social Classes during the Malacca Sultanate, (1400–1511)*, dalam *Conference on the Malay Sultanate and Culture*, kertas kerja yang tidak diterbitkan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1977.

[7]Sering juga dikenali sebagai Orang Selat atau Cellates (Selat) dan Seletar di kalangan pengembara Barat. Lihat Paul Wheatley, *op. cit.*, O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Kuala Lumpur, 1970; L.Y. Andaya, *The Kingdom of Johor 1641–1728*, Kuala Lumpur, 1975; C.A. Gibson-Hill, "The Orang Laut of the Singapore River and the Sampan Panjang", dalam *JMBRAS*, 25, 1, 1952, hlm 161–174; J.V. Mills, *op. cit.*, dan lain-lain. Orang Laut ini juga terdiri daripada berbagai-bagai puak dan suku.

[8]Konsep 'kelas' di sini digunakan dalam erti yang longgar dengan merujuk pada peranan sosial dan politik serta faktor milikan ekonomi seseorang individu dalam masyarakat Melaka. Secara langsung ataupun sebaliknya, individu tadi sedar dalam kategori masyarakat yang ia duduki. Beberapa implikasi terhadap kewujudan fenomena masyarakat ini boleh dilihat dengan penggunaan bahasa dan soal taraf anggota masyarakat Melaka sila lihat Liaw Yock Fang, *op. cit.*, Fasal 2:1, 7:1, 7:3; 8:1 dan lain-lain; Rujuk Muhd Yusof Ibrahim, *op. cit.*, 8–8; Lihat juga Muhammad Yusoff Hashim, *Aspect in the Social History of Malacca Sultanate, 1400–1511*, kertas kerja yang tidak diterbitkan, dibentangkan pada Bengkel Kesultanan dan Kebudayaan Melayu, Ujung Pandang, Makassar, Indonesia 1978.

[9]Untuk gambaran lanjut tentang perkara ini, sila rujuk rencana oleh Wang Gungwu dalam J. Bastin dan R. Roolvink, *op. cit.*, 1964; dan penulisannya, "The First Three Rulers of Malacca", *op. cit.*, 1968; Armando Cortesao, *op. cit.*, hlm 234–238; rencana Hsu Yun-Tsiao yang bertajuk, "Note on the Relations to Admiral Cheng Ho's Expedition" dalam *JMBRAS*, 40: 1, 1967, hlm 154–160; dan O.W. Wolters, *op. cit.*, Bab 7.

[10]*Ibid.*

wujudlah sejenis masyarakat yang bercorak kosmopolitan – bukan kaum dan pelbagai etnik dari Nusantara sahaja, bahkan berbagai-bagai bangsa daripada berbagai-bagai tempat di dunia ini seperti dari China, India dan Parsi, dan dari Semenanjung Arab. Pada awal pemerintahan Iskandar Syah, masyarakat Melaka yang berjumlah lebih daripada satu ribu orang[11] dengan cepat meningkat menjadi lebih kurang empat puluh ribu orang semasa pemerintahan Sultan Alauddin dan menjadi 190 000 orang sebelum Portugis menyerang Melaka.[12] Bilangan hulubalangnya dilaporkan seramai 100 000 orang.[13] Penduduknya tentulah terdiri daripada bumiputera Melayu, sama ada Melayu tempatan dari Melaka ataupun Melayu dari Nusantara.

Kehadiran berbagai-bagai bangsa dan suku kaum ini[14] menyebabkan munculnya 84 jenis bahasa yang dipertuturkan oleh anggota masyarakatnya. Bahasa perantaraan mereka (lingua franca) tentulah bahasa Melayu.[15] Bahasa Melayu juga menjadi bahasa kebudayaan, kesusasteraan dan digunakan di istana dan luar istana, bahasa rasmi untuk surat-menyurat dalam hubungan diplomatik Melaka dengan negeri-negeri asing.[16] Kemunculan masyarakat yang sedemikian adalah kerana kedudukan dan peranan sosio-ekonomi tradisional Melaka itu sendiri, sebagaimana Tome Pires melaporkan;

> "Whoever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice ... for in Malacca they prize garlic and onions more than musk, benzoin and other precious things".[17]

Dan juga bagaimana *Sejarah Melayu* secara umum mendakwa, "... maka negeri Melaka pun makin makmurlah lagi dengan ramainya".[18]

Dari semasa ke semasa, kemunculan berbagai-bagai jenis institusi kebudayaan dalam sistem pentadbirannya, terdapat bukti yang menunjukkan

---

[11]Menurut keterangan Tome Pires, selepas kemangkatan Parameswara, jumlah penduduk Melaka bertambah kepada 6 000 orang. Rujuk Armando Cortesao, *op. cit.*, hlm 234–236.

[12]Lihat rencana W.D.G. Birch, *op. cit.*, 1980, hlm 99. Rencana ini dirujuk oleh R.O. Winstedt dalam rencananya bertajuk, "History of Malaya", *op. cit.*, hlm 52; dan W.G. Shellabear, *op.cit.*, hlm 234–236.

[13]W.G. Shellabear, hlm 241.

[14]A. Cortesao, hlm 269; menurut keterangan Hervey, bahasa Melayu juga menjadi bahasa perdagangan. Lihat Hervey, "*Valentyn's Account ...*", 1884, hlm 52–53.

[15]*Ibid.*

[16]Dalam *Sejarah Melayu* beberapa peristiwa berhubung dengan perkara ini kerap ditulis apabila Melaka menghantarkan utusan ke negeri asing seperti ke Siam, China, Brunei, Jawa dan seterusnya. Surat utusan dikatakan ditulis dalam bahasa Melayu oleh Bendahara Melaka sendiri di bawah naungan Raja Melaka. Lihat W.G. Shellabear, *passim.*

[17]A. Cortesao, hlm 287.

[18]W.G. Shellabear, hlm 82.

bahawa telah muncul golongan masyarakat yang mempunyai peranan tertentu dalam sistem kemasyarakatan. Kelahiran golongan masyarakat inilah yang menyebabkan wujudnya 'kelas-kelas' dalam masyarakat. Sebenarnya pengelasan ini bukanlah bergantung pada ciri pemisah dan kerenggangan anggota masyarakat dan peranan sosial anggota tadi serta hak-hak keistimewaan yang dinikmati oleh individu. Suasana seperti ini terjadi kerana wujudnya sesuatu kelas masyarakat yang kaku dan terpisah jauh antara satu sama lain, tidak mungkin melahirkan sebuah masyarakat yang dinamik dan membangun dalam konteks perkembangan kebudayaan Melayu sejak zaman awal lagi. Suasana ini tentulah berbeza daripada bentuk masyarakat yang terdapat di negeri-negeri Melayu Semenanjung selepas keruntuhan Empayar Melaka itu.[19]

Secara langsung ataupun tidak langsung, pengelasan ini wujud bermula daripada tradisi kepercayaan dan persetiaan antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun di Palembang yang terdapat dalam *Sejarah Melayu*.[20] Tradisi tersebut secara *de facto* meletakkan Sang Sapurba sebagai lambang kelas pemerintah dan menempatkan Demang Lebar Daun pula sebagai lambang kelas yang diperintah. Hakikat ini diperkuatkan lagi dengan kehadiran pengaruh tradisi Hindu yang meletakkan raja-raja yang memerintah ke taraf dewa-raja.[21] Apabila Islam menjadi dominan dalam kebudayaan Melayu di Melaka, raja yang memerintah dianggap sebagai *Khalifatullah fi al-ard* (khalifah Allah di dunia). Tradisi masyarakat dan kepercayaan turun-temurun seperti ini tentu mencukupi untuk mewujudkan suatu kelas 'suci' yang bertugas untuk memerintah, dan satu kelas lain yang ditentukan untuk diperintah.

Perkembangan institusi budaya ini dapat dijelaskan lagi dengan melihat ciri kerajaan Melaka itu sendiri. Dalam sebuah masyarakat yang ramai anggotanya, kewujudan suatu golongan masyarakat yang mentadbir dan yang memerintah kerana untuk menjaga dan mengawal nilai, norma dan sistem masyarakat yang ada, tentulah tidak dapat dielakkan. Kehadirannya

---

[19]Lihat catatan oleh pengkaji seperti J.M. Gullick dalam *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, London 1958, hlm 15–35, juga rencananya, "Selangor 1876–1882; the Bloomfield Douglas Diary", dalam *JMBRAS*, 48, 2, 1975, hlm 1–51; Frank Sweettenham, British Malaya, London, 1908; P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula* ..., Kuala Lumpur, 1967.

[20]W.G. Shellabear, hlm 26–27; C.C. Brown, hlm 16; Untuk keterangan ringkas terhadap konsep politik dalam tradisi Melayu ini, sila lihat Timothy J. Moy, "*The Sejarah Melayu Tradition of Power and Political Structure* ...", dalam *JMBRAS*, 48, 2, 1975, hlm 64–78; Lihat juga Barbara Watson Andaya, "The Nature of the State in 18th Century Perak", dalam *MBRAS* No 6, 1975, hlm 22–35; Zainal Abidin Abdul Wahid, "Sejarah Melayu", dalam *Asian Studies*, 4, 3, 1966, hlm 448–451, diterjemah dan dicetak kembali dalam Dewan Bahasa, 18, 5, 1974, hlm 201–213.

[21]Lihat R.M. MacIver, *The Web of Government*, The Free Press, Clencoe, Ill., 1965, hlm 11.

dan peranannya adalah *indispensable*. Pihak pemerintah yang tertinggi ialah raja, yang kerapkali juga digelar Sultan atau Yang Dipertuan, dengan penggunaan ganti nama, iaitu baginda atau 'duli tuanku'. Raja didaulatkan; daulat kerajaannya bergantung pada kekuatan daulat rohaniah dan fizikal yang dimiliki oleh raja tadi (seperti pemilikan *tuah* badan, gagah dan berani, petah bercakap, pintar, alim dan berilmu agama atau duniawi).

Sementara itu, golongan yang menjalankan sistem bermasyarakat seperti kakitangan kerajaan yang menjadi pentadbir dan melaksanakan undang-undang, mengendalikan hal-ehwal dalam negeri dan seumpamanya adalah pembesar yang tergolong ke dalam kelas bangsawan Melaka. Mereka disebut sebagai Menteri, Orang Kaya dan Datuk-datuk. Kelas yang paling bawah ialah rakyat.

Ini sebenarnya adalah gambaran masyarakat Melaka yang dilihat secara umum. Sedangkan jika diteliti dengan terperinci pasti akan muncul ciri-ciri masyarakat yang lebih kompleks.

Dalam bentuk kun pada stratifikasi sosial masyarakat Melaka, raja dan golongan kerabatnya menduduki strata yang teratas, diikuti oleh kelas pentadbir yang terdiri daripada pembesar-pembesar. Kemudian disusuli oleh rakyat yang merdeka dan yang menjadi hamba. Di kalangan pembesar dan rakyat yang merdeka, terdapat para intelek dan alim ulama yang pakar dalam hal-ehwal agama Islam. Bilangan mereka agak kecil tetapi amat berfungsi. Di kalangan rakyat yang merdeka jugalah terdapatnya pedagang dan saudagar yang kaya-raya. Hasil usaha berdagang dan berniaga melalui jalan laut dengan menggunakan kenderaan air secara besar-besaran inilah lahirnya para nakhoda. Mereka menjadi suatu kelompok anggota masyarakat yang agak eksklusif di Melaka.

Setiap anggota masyarakat sedar akan kelas yang mereka duduki. Hamba tentu tidak akan dapat mengakui dirinya sebagai orang merdeka. Begitu juga pembesar yang bukan daripada kalangan kerabat pasti tidak akan mendakwa dirinya sebagai golongan diraja. Hakikat ini terbukti secara bertulis dalam *Hukum Kanun Melaka* atau *Undang-undang Melaka*. Peruntukan undang-undang yang disediakan terhadap hamba berbeza dengan peruntukan dan undang-undang yang ditentukan untuk rakyat yang merdeka,[22] dan semakin berbeza pula jika dibandingkan dengan peruntukan kepada pembesar-pembesar.[23] Dengan perkataan lain, masyarakat Melaka adalah masyarakat yang *class-conscious*. Tetapi lantaran adanya interaksi di

[22]Sila rujuk Liaw Yock Fang, *op. cit.*, *passim*.
[23]*Ibid.*, Fasal 7:1–3, Fasal 8:1–3 dan Fasal 9:1–2.

kalangan anggota masyarakat tadi melalui berbagai-bagai kegiatan sosial dan ekonomi, unsur *consciousness* ini sukar dipastikan dengan mata kasar.

Perbezaan kedudukan dan taraf anggota masyarakat ini juga ditentukan oleh pola demografi yang wujud. Tome Pires, Valentyn dan *Sejarah Melayu* memberitahu bahawa raja dan kaum kerabatnya tinggal di atas bukit[24] yang amat strategik dari segi pandangan ke arah laut dan pertahanan. Pembesar-pembesar bertumpu di sekitar lereng bukit berdekatan istana raja di samping mempunyai 'kampung' (kumpulan) masing-masing seperti kampung Bendahara, kampung Laksamana dan kampung Seri Nara Diraja. Sebilangan besar orang Melayu yang tinggal di rumah kayu beratap rumbia, bertumpu di kaki bukit dan di seberang sungai berhadapan dengan bukit. Orang Laut lebih gemar tinggal di tepi pantai,[25] sesuai dengan kegiatan harian mereka.

Ada juga orang Melayu yang bertumpu di beberapa buah kampung di pedalaman, berselerak di sana sini dengan menjalankan kegiatan pertanian secara kecil-kecilan. Sementara itu, di bahagian utara bandar Melaka lebih padat lagi penduduknya. *Sejarah Melayu* melaporkan bahawa di sepanjang kawasan utara Melaka, merentang dari Kampung Keling menganjur ke Linggi dipenuhi dengan rumah.[26] Arah ke hilir muara sungai pula terdapat kawasan berniaga yang paling sibuk. Saudagar yang kaya-raya dilaporkan menduduki bahagian utara tebing Sungai Melaka yang dilingkungi oleh kebun bunga dan buah-buahan.[27] Di bahagian selatan bandar Melaka pula padat dengan rumah, menganjur dari Air Leleh sehinggalah ke Muar.

Golongan masyarakat peribumi kelihatan memonopoli pemerintahan, hal-ehwal pentadbiran dan sosiopolitik Melaka.[28] Golongan ini dianggotai oleh aristokrat Melayu yang meliputi anggota kelas kerabat dan kelas pentadbir yang bukan kerabat.

DAULAT DAN DERHAKA

Raja yang memerintah dianggap berdaulat. Daulat juga dihubungkan dengan konsep spirituil dan kepercayaan tradisi tentang derhaka. Daulat saling berhubungan dengan derhaka. Sesiapa yang ingkar titah dan perintah

---

[24] A. Cortesao, hlm 242–43; J.V. Mills, 1930, hlm 16–17; W.G. Shellabear, hlm 149.

[25] *Ibid.*

[26] Diterangkan juga bahawa tanah yang merentang dari Air Leleh, sebuah kampung yang terletak di bahagian tenggara bandar Melaka menganjur ke Muar dipenuhi oleh rumah. Lihat W.G. Shellabear, hlm 247.

[27] J.V. Mills, 1930, hlm 19–21; Lihat juga G.P. Rouffaer, "Was Melaka emporium voor 1400 A.D. genaamed Malajoer?", dalam *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde van Nederlandsch-Indie, deel 77*, 1921, hlm 359–604; W.P. Groeneveldt, *Notes on the Malay Archipelago Compiled from Chinese Sources*, Batavia, 1874.

[28] Rujuk A. Cortesao, hlm 264–268.

raja dianggap menderhaka kepada raja tersebut. Mereka akan ditimpa daulat raja. Daulat dihubungkan pula dengan kepercayaan 'tulah'. *Hikayat Malim Dagang* mencatatkan bahawa tulah mengambil bentuk tertimpa 'bisa kawi'.[29] Ini suatu ketulahan. Akhirnya terdapat pepatah Melayu yang berbunyi, 'Pantang anak Melayu menderhaka kepada rajanya'. Derhaka boleh dikatakan terjadi dalam beberapa bentuk. *Hukum Kanun Melaka* menyebut bahawa antara perbuatan menderhaka ialah membunuh orang yang membawa titah raja,[30] menyangkal titah raja,[31] bermaharajalela dan cuba menentang perbuatan raja. Si penderhaka sama ada dibunuh dengan cara disalang atau disula (selalunya seluruh keluarga si penderhaka juga turut dibunuh), atau lambat-laun dipercayai akan ditimpa tulah raja dan merana sepanjang hayat. *Sejarah Melayu* menyebut bahawa Sang Rajuna Tapa, iaitu Penghulu Bendahari kepada Raja Iskandar di Singapura, telah ditimpa daulat dan ketulahan dengan menjadi batu, lantaran bersubahat dengan orang Majapahit menyerang Singapura. Walau bagaimanapun, ini sebenarnya merupakan sumber lisan dan kepercayaan tentang Sang Rajuna Tapa yang telah ditimpa daulat Raja Iskandar.[32]

Walaupun pada teorinya dikatakan bahawa dalam konteks daulat dan hubungan rohaniah serta fizikal antara raja dengan rakyat adalah mutlak,

---

[29]Dari segi bahasa, 'tulah' bererti kemalangan, fizikal mahupun rohaniah atau mental yang menimpa seseorang akibat dipercayai kesalahannya kepada orang-orang tua, raja atau tempat-tempat keramat. Kedua-dua *Sejarah Melayu* versi tahun tahun 1612 dan tahun 1536 menerangkan kepada kita tentang suatu peristiwa apabila Maharaja China dihinggapi penyakit kedal seluruh tubuhnya, lantaran baginda menerima 'sembah' Sultan Mansor Syah dari Melaka. Cuma apabila selepas tabib menyuruh supaya Maharaja China itu meminum dan mandi air basuh kaki Sultan Mansor Syah, barulah penyakit tadi sembuh. Raja China disebut tertimpa 'tulah' raja Melaka. Lihat kamus T. Iskandar, *Kamus Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hlm 1 287.

[30]Liaw Yock Fang, *op. cit.*, hlm 70–71, Fasal 5:4.

[31]*Ibid*, hlm 68–69, Fasal 4. Ringkasnya, peruntukan itu berbunyi, "Adapun yang pertama pada menyatakan orang berbunuh-bunuhan ... menuduh atau berdustakan hakim atau berjual titah, atau menyangkal titah raja, dibunuh hukumnya pada hukum kanun."

[32]Sebagaimana kes yang dideritai oleh Hang Kasturi yang bersalah kerana menderhaka. Menurut *Sejarah Melayu*, di bawah titah dan perintah raja, bukan Hang Kasturi sahaja yang dibunuh, seluruh keluarganya termasuk isteri dan anak-anaknya juga turut dibunuh. Kesan tanah tapak tiang rumahnya digali dan dibuang bersama-sama 'bangkai' Hang Kasturi ke laut. Lihat C.C. Brown, hlm 76–77. Mayat Hang Kasturi disebut 'bangkai'. Perkataan 'bangkai' selalunya untuk binatang yang mati sahaja.

Dalam konteks dan tradisi sosiopolitik Melayu, seorang penulis dari Barat, memahamkan konsep daulat' sebagai;

> "... daulat, as a concept of general Malay tradition, comprised several related ideas. Daulat was the supreme expression of the quality of the 'majesty', and its possession by a ruler constitute divine sanction of his reign. It was a stable, impersonal quality, beyond the influence of its holder's character or abilities. It could be arbitrarily and offensively to protect the ruler, his command and his dignity, and enable him to accomplish acts of great magic. In short, daulat was a foundation of the ideology of legitimation".

Lihat Timothy J. Moy, The *Sejarah Melayu Tradition of Power and Political Order*, sebuah tesis Sarjana Sastera, di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978, hlm 134–135.

tetapi di Melaka kemutlakan daulat ini sering dipersoalkan. Hang Kasturi yang bermaharajalela dianggap oleh Hang Tuah sebagai "... orang derhaka".[33] Contoh yang jelas juga dapat dilihat pada episod pembunuhan Tun Hussein, pembesar Sultan Mahmud. Beliau dibunuh kerana dituduh cuba menderhaka, walhal beliau bertindak atas dasar hak kemanusiaan dan hak individu yang cuba menegakkan kebenaran untuk menuntut bela kerana kematian ayahnya.[34] Sebenarnya perbuatan kedua-dua tokoh sejarah ini mencabar kedaulatan raja Melaka. Dalam kes Hang Kasturi, mungkin dia menyedari bahawa perbuatannya itu bertentangan dengan norma, tradisi daulat dan hukum adat, namun dia tetap mahu menentang raja. Terdapat konflik antara hak individu dengan amalan tradisi dan turun-temurun di sini. Oleh itu, pengarang teks *Hikayat Hang Tuah*, iaitu hasil roman sejarah yang bercorak simbolik[35] itu cuba memanifestasikan perbuatan menderhaka dengan percubaan menegakkan keadilan dan hak kemanusiaan.

Dalam *Sejarah Melayu*, perkataan 'derhaka' sering diucapkan apabila timbul kecenderungan untuk menentang raja. Pihak yang gigih mempertahankan tradisi ini dan menentang penderhakaan selalunya ialah pembesar-pembesar Melaka sendiri, khasnya Bendahara. Pada hakikatnya, kepercayaan adanya daulat dan gentarkan derhaka itulah yang menjadi teras (essence) kuasa dan hak mutlak raja Melaka sebagai pemerintah dalam hubungannya dengan anggota masyarakat lain yang diperintah.

Jawatan Raja Muda tidak jelas di Melaka. Pengganti raja selalunya dilantik apabila seorang raja hampir mangkat. Sebenarnya dalam konteks ini, penyusun *Sejarah Melayu* lebih cenderung menunjukkan gaya penulisan sebuah hasil sastera tradisi yang biasa terdapat, tidak seratus peratus bercorak sejarah. Motifnya menyusun teks tersebut ialah untuk mencemerlangkan keluarga Bendahara. Tetapi penyusun tersebut tidak mungkin dapat menyangkal kenyataan bahawa dalam suasana dan wujudnya kelonggaran dalam sistem penggantian inilah Bendahara kerap memainkan peranannya. Tradisi sejarah Melaka jelas menunjukkan bahawa seorang raja baru yang dilantik ialah putera raja yang mempunyai pertalian darah secara langsung atau tidak langsung dengan Bendahara. Umpamanya, Sultan Mansor beribukan anak Bendahara Seri Amar Diraja.[36] Anak gahara jua tidak semestinya dapat mewarisi takhta kerajaan Melaka seperti pengalaman

---

[33] *Ibid*; lihat juga W.G. Shellabear, hlm 36.

[34] W.G. Shellabear, hlm 244; C.C. Brown, hlm 136.

[35] T. Iskandar, "Some Historical Sources Used by the Author of Hikayat Hang Tuah", dalam *JMBRAS*, 43, 1, 1970, hlm 1–47.

[36] W.G. Shellabear, hlm 98–99; C.C. Brown, hlm 132.

Paduka Mimat, iaitu putera Sultan Mansor dengan isterinya, wanita kerabat (?) China; juga pengalaman Raja Raden, iaitu putera baginda dengan isterinya, wanita kerabat (?) Jawa. Menurut keterangan *Sejarah Melayu* versi tahun 1612, Raja Raden telah terbunuh ketika remaja. Walau bagaimanapun fakta tersebut sering diragui berbanding dengan keterangan teks yang serupa daripada versi *Raffles MS. 18* yang menerangkan kedudukan putera raja yang sama, yang kemudian menjadi Sultan Alauddin Riayat Syah I.[37]

Oleh sebab tidak ada sistem penggantian yang tetap, seringlah tercetus pergeseran peribadi antara kalangan putera-putera raja Melaka dengan raja-raja jajahan takluk yang ada hubungan kekeluargaan dengan Melaka.[38] Di Melaka, perbalahan politik pernah terjadi antara Raja Ibrahim yang beribukan kerabat dari Rokan Sumatera dengan Raja Kassim yang beribukan keluarga Melayu-Tamil daripada kalangan Bendahara. Kemudian didapati bahawa Sultan Ahmad, putera Sultan Mahmud dengan isteri baginda, iaitu puteri Raja Pahang dibunuh atas alasan yang amat pincang, setelah Tun Fatimah, anak Bendahara Seri Maharaja yang dikahwini oleh Sultan Mahmud melahirkan Raja Ali (Sultan Alauddin Riayat Syah II). Bagindalah yang pertama sekali memakai gelaran Sultan Muda di Johor.[39] Raja Menawar di Kampar, iaitu anak gahara sentiasa bermusuhan dengan adiknya, iaitu Sultan Mahmud yang beribukan adik Bendahara, walhal secara tradisi, Raja Menawarlah yang sepatutnya menjadi raja Melaka.

Sistem warisan dalam masyarakat yang menjadi asas tradisi kekeluargaan Melaka adalah sistem patrimonial, iaitu jurai dan 'perut' sebelah bapa lebih dipentingkan. Dengan istilah lain, Adat Temenggung, pesaka dari Palembang menjadi asas pembentukan hukum adat Melaka. Anak lelakilah yang berhak dalam semua hal berhubung dengan pengwarisan. Dari segi politiknya, sistem ini juga mewujudkan suatu corak hubungan yang *imperative* dan selaras, iaitu rakyat dituntut supaya mengesahkan dan mengiktiraf

---

[37]Adalah penting juga dilihat bahawa R.J. Wilkinson dalam menyenaraikan nama raja-raja Melaka, juga menempatkan Raja Raden sebagai nama peribadi untuk Sultan Alauddin Riayat Syah III yang memerintah Johor antara tahun 1597 hingga tahun 1612. Walhal *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 meletakkan Raden Kelang sebagai putera Sultan Mansor Syah dengan isterinya wanita Jawa, kemudian terbunuh oleh seorang yang mengamuk. Sebagai gantinya versi tahun tersebut menerangkan bahawa Sultan Alauddin yang menggantikan Sultan Mansor adalah putera Sultan Mansor dengan isterinya, anak Seri Wak Raja yang tentunya menjadi anak saudara Tun Perak.

Apa yang jelas ialah nama yang dicatatkan oleh *Sejarah Melayu* versi tahun tahun 1536, menurut pendapat Profesor Paul Wheatley, adalah benar dalam erti kata bahawa versi tahun inilah yang dapat mengekalkan rangka asal teks tersebut, yang kemudiannya disusun semula untuk mencemerlangkan semula taraf dan kebesaran keluarga-keluarga Bendahara. Lihat C.C. Brown, hlm 103; W.G. Shellabear, hlm 169–171; Paul Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsula*, hlm 149.

[38]Lihat Lampiran K.

[39]W.G. Shellabear, hlm 279; C.C. Brown, hlm 166.

pemerintahan raja Melaka berdasarkan keluhuran yang sedia dimiliki dan dipusakai oleh raja-raja lelaki Melaka sejak dari zaman Palembang. Justeru itu, dakwaan *Sejarah Melayu* yang mengatakan bahawa raja-raja lelaki Melaka berketurunan Iskandar Dzulkarnain dari Macedonia, Nusyruan Adil dari Parsi dan Seri Tri Buana dari Palembang, dengan sendirinya menegak dan mempertahankan sistem kepercayaan dalam tradisi perajaan Melaka.[40] Kepercayaan ini didapati wujud sehingga pada abad ke-19.

Kalangan kerabat, terutama raja yang memerintah dilengkapkan dengan berbagai-bagai keistimewaan istiadat dan hukum adat. Cuma raja yang berhak menikmati tradisi dan amalan menjunjung duli. Anggota masyarakat yang lain dilarang. Cuma raja yang berhak menggunakan payung berwarna kuning dan anak raja sahaja yang dibenarkan menggunakan payung warna putih. Antara larangan lain yang dikenakan terhadap rakyat ialah membuat rumah berpermanjungan, berperahu dengan tingkap berpenghadapan, memakai penduk, berteterapan keris, bergelang kaki emas, memakai segala jenis perhiasan daripada emas walau bagaimana kaya seseorang itu dan memakai kain nipis, khasa(h) di balai penghadapan.[41] Semua jenis dan alat ini dilarang digunakan tanpa kebenaran atau anugerah raja.[42]

Rasional dalam perlaksanaan berbagai-bagai larangan dan hukum adat ini mungkin dapat dirujuk daripada sejarah dan kebudayaan sendiri. Emas adalah unsur peralatan budaya yang hakiki dalam sistem kepercayaan Hindu-Buddha yang diwarisi sejak dari zaman Palembang lagi dan ia memegang fungsi tertentu dalam tradisi perajaan.[43] Emas bertalian dengan kepercayaan suci yang normatif agama tersebut. Emas juga melambangkan kekayaan. Menggunakan emas mungkin menyebabkan berlakunya persaingan taraf antara yang kerabat dengan yang bukan kerabat dari segi hakmilik ekonomi. Memakai khasa(h) tentulah bertentangan dengan moral, etika dan akidah agama Islam. Rumah istirahat juga lazimnya melambangkan ketinggian taraf dalam sistem sosial dan pemilikan ekonomi. Golongan kerabat sahaja yang

---

[40]Rujuk bahagian awal *Sejarah Melayu*. W.G. Shellabear, hlm 1–6; C.C. Brown, Bab 1–4.

[41]Dalam *Hukum Kanun Melaka*, kesalahan seperti ini amat jelas dinyatakan, sebagaimana hukum tersebut menentukan:

> "Dan demikian lagi tiada dapat memakai kain yang nipis berbayang-bayang seperti khasa(h) pada balai raja-raja atau pada pagar raja-raja itu melainkan dengan kurnia titah raja atau di luar boleh dipakai".

Lihat Liaw Yock Fang, *op. cit.*, hlm 65. Fasal 1:1.

[42]*Ibid.*

[43]Untuk analisis lanjut berkenaan hal ini, sila lihat O.W. Wolters, *op. cit.*, Bab 6–8.

memiliki rumah istirahat di Bertam dan di Tanjung Keling.[44] Anggota masyarakat lain tidak dibenarkan memiliki rumah seperti ini tanpa keizinan raja.

Perbezaan kelas juga dilambangkan dalam penggunaan bahasa. Golongan kerabat atau 'orang dalam' mempunyai bahasanya sendiri, kerap dikenali sebagai 'bahasa dalam'. Antara bahasa jenis ini yang lazim diketahui ialah 'beta', 'santap', 'beradu', 'murka' dan 'gering', berbanding dengan 'bahasa luar' yang digunakan oleh golongan yang bukan kerabat atau 'orang luaran' seperti 'saya', 'makan', 'tidur', 'marah' dan 'sakit'. Hakikat sejarah seperti ini terjadi kerana teras pemerintahan Melaka adalah bercorak kebangsawanan.

Perkembangan masyarakat seperti ini berlaku juga kerana kesan daripada tradisi budaya dan sejarah. Kelas pemerintah, khasnya mereka daripada golongan kerabat, berusaha memperkukuhkan hak dan penghalalan politik melalui unsur kepercayaan dan anutan mistik Melayu-Hindu-Islam yang termudah, dengan matlamat mencipta suatu kelompok eksklusif dalam masyarakat dengan memberikan kedudukan dan hak istimewa kepadanya. Warna kuning diperuntukkan khas untuk raja sahaja. Walaupun *Sejarah Melayu* menekankan bahawa warna putih dan kuning mudah kelihatan daripada jauh, namun fakta yang paling sahih dapat dirujuk daripada tradisi budaya sendiri ialah warna kuning sebenarnya adalah warna suci dan warna upacara (ritual) untuk agama Hindu dan Buddha, warna ini dipilih bagi kain 'ihram' yang dipakai oleh sami-sami Hindu dan Buddha. Payung berwarna kuning juga dikhaskan untuk raja mungkin akibat daripada tradisi sejarah bahawa payung berwarna kuning inilah yang dianugerahkan oleh Maharaja Cina kepada Parameswara pada zaman awal Melaka untuk menunjukkan tanda pengiktirafan daulat terhadap baginda. Jadi, alat tersebut telah dipolitikkan dalam proses budaya pemerintahan.[45]

Sebahagian daripada alat kebesaran raja ialah ketur, kendi dan kipas. Pada amnya, alat-alat ini sama ada dibuat ataupun disalut dengan warna

---

[44]Tanjung Keling dikatakan menjadi tempat istirahat Sultan Mahmud selepas baginda turun dari takhta kerajaan untuk memberikan peluang kepada puteranya, Sultan Ahmad, menjadi Raja Melaka. Adalah menarik juga bahawa terdapat sumber lisan yang mengatakan bahawa di samping kedua-dua tempat untuk istirahat ini, rumah-rumah istirahat juga didirikan di Kayu Ara, terletak di daerah Bertam sekarang, dan sebuah tempat lagi di Air Molek, kampung yang terletak kira-kira tujuh batu di bahagian selatan bandar Melaka, boleh didatangi melalui Sungai Duyung sekarang. Wawancara terus dengan Haji Dahlan bin Ahmad dari Permatang Duyung, Melaka bertarikh 29 Ogos 1977 (Umur beliau ialah 98 tahun).

[45]Victor Purcell dalam merujuk sebahagian daripada laporan Ma Huan, *Ying-yai Sheng-lan* berkata, "The [Ming] emperor [of China] spoke to this Mission in laudatory terms of their master, appointed him the King of the Country of Malacca, and gave him a commission, a seal, a suit of silk clothes, and a yellow umbrella". Lihat Victor Purcell, "Chinese Settlement in Malacca", dalam *JMBRAS*, 20, 1, 1947, hlm 116.

keemasan dan kekuningan, seperti juga kain kuning yang mempunyai hubungan tertentu dalam konteks kebudayaan Melayu-Hindu sebagai kesan daripada pengaruh budaya pra-Islam. Dalam tradisi awal *Sejarah Melayu* pada zaman Bukit Siguntang, emas dan padi mungkin dihubungkan sebagai lambang taraf dan kemakmuran. Tradisi ini mengalami proses rasionalisasi pada dekad-dekad pengukuhan agama Islam di Melaka. Selagi tradisi tersebut tidak bertentangan dengan al-'urf serta akidah dan tidak dianggap sebagai bidaah *per se*, selagi itulah tradisi turun-temurun itu dikekalkan dalam budaya yang bercorak Islam di kalangan masyarakat Melayu ketika itu.

HIERARKI FUNGSI DAN STATUS

Anggota masyarakat lain yang paling hampir hubungannya dengan golongan kerabat ini ialah pembesar-pembesar Melaka. Pembesar-pembesar ini bolehlah dianggap sebagai tonggak penyokong kuasa Melaka. Merekalah yang mengendalikan jentera pemerintahan dan pentadbiran Melaka, dan mereka termasuk ke dalam kelas elit. Melaka jelas mengamalkan sistem pembesar 'Empat Lipatan' yang terawal dalam sejarah tradisional Melayu. Empat Pembesar pertama dalam politik berkerajaan yang paling kanan seperti yang telah disebutkan ialah Bendahara,[46] Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Melihat daripada taraf dan fungsi sosiopentadbiran dan sosiopolitiknya, pembesar yang pertama iaitu Bendahara lebih tinggi kedudukannya daripada pembesar yang kedua dan seterusnya.

Pada amnya, Bendahara menjadi ketua eksekutif seluruh mekanisme kerajaan. Raja Melaka mempunyai kuasa secara *divine* dan *spiritual* untuk memerintah. Bendahara pula mempunyai kuasa pemerintahan dan pentadbiran secara fizikal. Taraf sosialnya selepas raja dan kerabat sangat tinggi kerana ketika ketiadaan Raja, Bendaharalah yang mendapat hak memangku raja,[47] dengan dibantu oleh Seri Nara Diraja (Penghulu Bendahari) dan Seri Bija Diraja. Beliau juga menjadi ketua turus tentera, ketua hakim dan ketua 'di balainya sendiri'. Taraf beliau dapat dibuktikan dari segi kedudukannya di balairung istana. Bendahara duduk di sebelah kanan raja.[48] Selain raja

[46]Orang Melayu yang pertama memegang jawatan ini adalah Seri Wak Raja I. Lihat Ismail Ambia dan Ismail Hussein, *Bendahara-bendahara Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1960, hlm 17; Lihat juga A. Cortesao, hlm 264.

[47]Sebagaimana pengalaman Bendahara Tun Perak dengan bantuan beberapa orang pembesar Melaka yang kanan seperti Seri Nara Diraja, Seri Bija Diraja, dan seterusnya menjadi Pemangku Raja Melaka pada masa Sultan Mansor Syah dikatakan berangkat ke Pulau Jawa. Lihat C.C. Brown, hlm 67; W.G. Shellabear, hlm 116–117.

[48]W.G. Shellabear, hlm 80 dan hlm 93–4.

Melaka, Bendahara juga dianugerahkan usungan untuk berjalan-jalan. Jika dibandingkan dengan taraf pembesar-pembesar yang lain, beliau mempunyai keistimewaannya yang tersendiri, sebagaimana *Sejarah Melayu* menerangkan;

> "... jikalau Tun Perpatih Permuka Berjajar (Bendahara) duduk di balai, jikalau anak raja-raja datang, tiada dituruninya, melainkan anak raja yang akan ganti kerajaan maka dituruninya; dan jikalau Bendahara masuk menghadap, tempatnya duduk itu dibentangi permaidani; jikalau raja masuk maka Bendahara pulang, dan segala orang besar-besar dan orang kaya-kaya semuanya pergi menghantar Bendahara kembali ke rumahnya."[49]

Ketika menjunjung duli terhadap raja di balai, keutamaan istiadat menjunjung duli diberikan kepada Bendahara. Kemudian barulah diikuti oleh Penghulu Bendahari, Hulubalang Besar, para menteri, Orang Kaya, ceteria,[50] bentara, sida-sida dan hulubalang. Tidak terdapat sistem yang tetap tentang penggantian Bendahara. Bendahara selalunya dilantik daripada pembesar kanan yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan raja,[51] atau anak lelaki kepada Bendahara yang meninggal dunia.[52] Dalam hal ini, Bendahara yang dilantik selalunya ialah bapa saudara raja sendiri.

Penghulu Bendahari menduduki hierarki yang kedua selepas Bendahara. Tugasnya yang utama ialah memegang harta benda dan hasil mahsul kerajaan. Pembesar-pembesar Melaka yang terletak di bawah bidang kuasanya ialah bendahari-bendahari Melaka, pemegang hasil negeri, syahbandar-syahbandar dan hamba-hamba raja.[53] Sebagai 'Menteri Kewangan', beliau menjadi wakil menerima ufti dari kawasan takluk dan jajahan Melaka. Penghulu Bendahari juga boleh dititahkan untuk mengetuai angkatan perang Melaka menyerang negeri asing seperti Kampar.[54] Keamanan negeri mungkin tidak terjamin hanya dengan kehadiran dua orang pembesar.

---

[49] *Ibid.*, hlm 42.

[50] Pada amnya dikatakan istilah 'ceteria' ini adalah pinjaman daripada istilah Sansekerta *ksatriya*. Dalam bahasa Melayu *kasytria* bererti 'anak raja-raja'. Lihat T. Iskandar, *op. cit.*, hlm 189.

[51] Seperti halnya dengan Bendahara Tun Perpatih Putih dan Bendahara Tun Mutahir adalah adik dan anak saudara Tun Perak. Lihat W.G. Shellabear, hlm 191 dan 207.

[52] Umpamanya dalam kes Tun Perpatih Sedang, anak Seri Wak Raja I yang juga membawa gelaran Seri Wak Raja II. Orang yang pertama itu adalah ayah Tun Perak yang setelah menjadi Bendahara membawa pula gelaran Paduka Raja. Bendahara Melaka yang akhir, Tun Mat juga sebenarnya adalah anak Tun Perak yang membawa gelaran Paduka Tuan. Lihat W.G. Shellabear dan C.C. Brown, *passim*.

[53] Lihat W.G. Shellabear, hlm 80.

[54] Adalah menarik juga diperhatikan bahawa dalam satu naskhah daripada versi terawal teks *Sejarah Melayu* yang berjudul *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan* yang ditandai *Cod. Or. 3199* (3) bahagian (4), tersimpan di Perpustakaan Universiti Leiden, membentangkan peranan penting Seri

Justeru itu, diciptalah jawatan Temenggung sebagai Ketua Keamanan Negeri.[55] Dalam tugas awam, Temenggung menjadi 'pengatur' orang makan di balai istana, menghakimkan pembicaraan yang besar sebagai Timbalan Ketua Hakim, menangkap orang salah, membaiki keadaan pasar dan pekan, dan ketua perancang bandar dan jalan raya. Kecuaian Temenggung menjalankan tugas sering mencetuskan huru-hara dalam negeri.[56] *Undang-undang Melaka* menentukan tugas Temenggung sebagai;

> "Adapun hukum yang diserahkan kepada Temenggung itu barang yang dihukumkan di dalam negeri seperti tafahus-mentafahus dan seperti tangkap-menangkap orang yang jahat di dalam negeri itu."[57]

Temenggung Melaka selalunya dilantik daripada kalangan keluarga pembesar-pembesar Melaka itu sendiri. Umpamanya, Tun Mutahir yang menjadi Temenggung Melaka adalah anak Seri Nara Diraja Tun Ali dan anak saudara kepada Tun Perak. Setelah Tun Mutahir dinaikkan pangkat menjadi Bendahara menggantikan Tun Perak, Tun Hassan pula dilantik menjadi Temenggung Melaka. Beliau ialah anak Tun Mutahir.

Akhirnya terdapat jawatan Laksamana. Sebelum muncul jawatan ini, tugas Laksamana sebagai ketua angkatan laut dipegang oleh Hulubalang Besar, suatu jawatan yang dimonopoli oleh keluarga Melayu dari Bentan yang bergelar Seri Bija Diraja. Di kalangan tokoh terkenal yang memegang jawatan ini ialah Tun Hamzah (Datuk Bongkok), Tun Kerutup (yang dibunuh oleh Sultan Mahmud Syah) dan Sang Setia Titayan (mati ketika me-

---

Nara Diraja Tun Ali. Tokoh ini dikatakan menjadi panglima dan duta utama Melaka dalam sejarah awal kerajaan itu. Naskhah tersebut antara lain mencatat;

> "... lagi berani juga dan termasyhur nama waktu itu (ialah) Seri Nara Diraja panglima Sultan Mudafar Syah kerana bila dikirim oleh Raja Siam Buwayatnya namanya panglimanya Awi Chakra mau mengambil negeri Melaka dengan beberapa banyak orangnya dan kapal diserangnya oleh Seri Nara Diraja. Kemudian Raja Siam pun mangkat. Maka diganti oleh Saupandan. Maka dia pula berangkat [dari] ke Melaka mahu mengambil negeri itu, tetapi ia pun diserangkan juga seperti ayahnya oleh panglima Seri Nara Diraja".

Lihat hlm 3 naskhah versi ini dalam bentuk mikrofilem di Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Naskhah tersebut telah pun ditranskripsi oleh R. Roolvink berjudul "The Variant Versions of the Malay Annals", terlampir pada buku C.C. Brown (ed & tsd), *op. cit.*, hlm xv–xxxv. Rujuk Lampiran D.

[55]Walau bagaimanapun ini tidaklah muktamad. Seorang Temenggung dapat juga diletakkan bertanggungjawab dalam kegiatan ketenteraan terutama dalam kegiatan meluaskan jajahan Melaka di Semenanjung Tanah Melayu dan di Sumatera. Lihat W.G. Shellabear dan C.C. Brown, *passim*.

[56]Sama halnya dengan Temenggung Tun Mutahir yang dikatakan telah mencuaikan tugas untuk membanteras kegiatan mencuri pada masa Sultan Alauddin memerintah Melaka. Ketika itu Melaka menjadi huru-hara. Lihat W.G. Shellabear, hlm 172–174; C.C. Brown, hlm 106–7.

[57]Rujuk Liaw Yock Fang, *op. cit.*, Fasal O:1, hlm 63.

nentang Portugis di Johor).[58] Orang pertama yang memegang jawatan Laksamana yang dicipta pada masa Sultan Mansor Syah ini ialah Hang Tuah, daripada golongan orang kebanyakan. Taraf Laksamana dan Hulubalang Besar pada mulanya adalah sama. Lama-kelamaan keadaan ini berubah. Dalam acara pembicaraan dan pencercaan, Laksamana dan Temenggung ditugaskan mengawal keselamatan Bendahara. Ini menunjukkan bahawa taraf kedua-dua pembesar ini hampir sama. Orang yang biadap dan menentang keputusan Bendahara akan dibunuh oleh salah seorang daripada pembesar ini. Jawatan pengganti Laksamana juga dibuat mengikut lunas kekeluargaan. Pengganti-pengganti Laksamana Hang Tuah ialah Laksamana Khawaja Hassan, iaitu menantunya, dan kemudian setelah Khawaja Hassan meninggal dunia, dilantik pula Hang Nadim, menantu Hang Tuah juga. Sebagaimana Bendahara, Laksamana juga dianugerahkan usungan. Ini merupakan satu keistimewaan taraf.

Gelaran dan konsep istilah Laksamana berkemungkinan suatu adaptasi tradisi Hindu seperti yang dicadangkan oleh Winstedt. Laksamana merupakan adik tiri dan wira kedua dalam tradisi sastera Hindu, Ramayana.[59] Tetapi di Melaka, gelaran Laksamana yang diberikan pada seseorang, telah diwarnai dengan suasana tempatan dan fungsinya dalam masyarakat adalah sebagai ketua organisasi angkatan laut, pembawa utusan diraja dan pengawal peribadi Bendahara.

Maklumat sedemikian membuktikan bahawa ikatan kekeluargaan amat mempengaruhi tradisi pemilihan dan perlantikan seseorang pembesar Melaka. Mungkin untuk mengelakkan sebarang konflik peribadi di kalangan anggota masyarakat untuk memperolehi dan merebutkan jawatan ini, maka pertimbangan tentang kebolehan pastinya akan melibatkan pergeseran di kalangan dan antara keluarga. Kesannya secara langsung ialah terhadap mutu kerja, kecekapan, kebolehan dan prestasi mekanisme dalam sistem dan organisasi jentera pentadbiran dan berkerajaan. Nepotisme mungkin menjadi amalan biasa.

Sementara Syahbandar pula, yang bererti 'pemerintah pelabuhan' dalam istilah Parsi, merupakan seorang lagi pembesar penting Melaka yang menjadi ketua organisasi pelabuhan dan wakil saudagar-saudagar asing daripada kalangan pelbagai kumpulan etnik peniaga. Syahbandar ditempatkan di bawah bidang kuasa Penghulu Bendahari.

---

[58]Cabutan daripada ringkasan sejarah keluarga dan salasilah Seri Bija Diraja ini telah saya tulis dengan judul, "Seri Bija Diraja dalam Tradisi Pembesar-pembesar Melayu Melaka di abad ke-15 dan 16". Lihat Muhammad Yusoff Hashim dalam *Jurnal Sejarah Melaka*, Persatuan Sejarah Malaysia, Bil 3, Oktober 1978, hlm 7–12. Lihat juga tentang hal ini pada Bab 7 buku ini.

[59]R.O. Winstedt, *Classical Malay Literature*, hlm 62–69.

Kehadiran empat orang Syahbandar di Melaka, menurut catatan Tome Pires,[60] menandakan kehadiran ramai pedagang daripada berbagai-bagai kumpulan etnik di Melaka. Gelaran Syahbandar mungkin dibawa dan diperkenalkan ke Melaka oleh pedagang Parsi.

Sebenarnya jawatan Laksamana dan Syahbandar adalah dua jawatan baru yang dicipta mengikut keperluan semasa di Melaka. Fungsi-fungsi sosial dan sosioekonomi mereka banyak dihubungkan dengan suasana ekologi Melaka yang banyak bergantung pada kegiatan laut, terutama perdagangan dan perniagaan.

Institusi Laksamana dicipta justeru untuk memenuhi keperluan laut ini. Sementara pelabuhan pula menjadi sumber dan asas kekuatan ekonomi Melaka. Penciptaan dan perlantikan Syahbandar[61] juga penting untuk memberikan kepimpinan dan organisasi di pelabuhan tadi, sehinggakan Laksamana dan Syahbandar dianggap sebagai 'raja di laut' dan 'raja di pelabuhan'. Kemudian institusi tersebut diwarisi oleh beberapa buah kuasa Melayu kelautan di Semenanjung seperti Johor dan Kedah.

Apabila diikaji dari segi kedudukan, taraf, fungsi dalam bidang awam dan ketenteraan dalam masyarakat serta hak-hak keistimewaan yang dinikmati oleh pembesar-pembesar ini, nyatalah bahawa mereka menduduki kelas yang kedua dalam susun lapis masyarakat Melaka selepas kelas kerabat. Antara pembesar-pembesar lain, yang secara terus ataupun tidak, terletak di bawah bidang kuasa Empat Pembesar dan menduduki kelas yang sama termasuklah Perdana Menteri, satu jawatan yang sangat sukar ditentukan peranannya walaupun dikatakan duduk di tempat yang istimewa di balairung seri.

Pembesar-pembesar ini diberikan kawasan-kawasan *pegangan* di luar wilayah Melaka. Contohnya, Seri Nara Diraja memegang Sungai Ujung (Senin Ujung), Laksamana memegang Siantan dan Sungai Raya, Paduka Tuan memegang Buru dan Tun Bija Sura memegang Inderagiri. Selain Seri Nara Diraja, Syahbandar dan Bendahari yang mendapat sebahagian daripada hasil negeri yang dipungut sebagai punca pendapatan mereka, pendapatan pembesar-pembesar lain berpunca dari kawasan pegangan masing-masing. Di negeri-negeri Melayu Semenanjung abad ke-18 dan abad ke-19, kawasan-

---

[60] A. Cortesao, hlm 265.

[61] *Hukum Kanun Melaka* menyebut;

"Adapun hukum yang diserahkan kepada syahbandar itu iaitu menghukumkan segala dagang dan anak yatim dan segala yang teraniaya dan adat segala jung dan baluk dan barang sebagainya".

Lihat Liaw Yock Fang, *op. cit.*, Fasal 0:1, hlm 63–65.

kawasan geopolitik seperti ini dikenali sebagai 'kawasan permakanan', iaitu kawasan punca hasil pendapatan. Di kawasan-kawasan pegangan ini mereka dibantu oleh Mendelika,[62] penghulu-penghulu tempatan dan Adipati di Kampar.[63] Semua pembesar dan menteri ini diberikan gelaran kebesaran seperti Paduka, Tun, Seri, Sang, Raja dan Hang. Umpamanya, Bendahara memakai dua gelaran, iaitu Paduka dan Raja, dan Penghulu Bendahari digelar Seri Nara Diraja. Bendahara Lubuk Batu Tun Mat digelar Paduka Tuan. Gelaran Tun diberikan pada Hassan yang menjadi Temenggung, dan pada Abu Isahak dan Hamzah (cucu Bendahara Seri Amar Diraja) yang memegang jawatan Perdana Menteri. Kedua-duanya bergelar Tun Abu Isahak dan Tun Hamzah.

Di Melaka, pembesar-pembesar ini mempunyai pengikut dan 'anak buah' masing-masing. Pengikut-pengikut ini mungkin datang dari kawasan-kawasan 'pegangan' tadi dan tinggal di kawasan atau perkampungan pembesar yang berkenaan. Jadi, pengikut Bendahara bertumpu di kampung Bendahara, pengikut Laksamana bertumpu ke kampung Laksamana dan pengikut Temenggung bertumpu di kampung Temenggung. Penempatan penduduk berdasarkan ciri 'pengikutan' ini seolah-olah menggambarkan tentang wujudnya *demographical segregation*. Walaupun tiada bukti yang menunjukkan bahawa pergeseran telah berlaku di kalangan pengikut-pengikut ini.

Secara peribadinya, pembesar-pembesar ini dikawal oleh hulubalang-hulubalang, dan dalam konteks Melaka berhubung rapat dengan kegiatan ketenteraan. Bilangan hulubalang yang begitu ramai tidak semestinya telah melahirkan suatu kelas hulubalang seperti yang terdapat dalam kelas samurai di kalangan masyarakat tradisional Jepun. Mereka secara longgar telah diistilahkan sebagai hulubalang Melaka. Sesiapa sahaja boleh menjadi hulubalang walaupun dia seorang pembesar. Beberapa orang pembesar Melaka seperti Bendahara Tun Perak, Paduka Tuan dan Seri Nara Diraja adalah ketua hulubalang ketika berperang dengan kawasan-kawasan asing di Sumatera dan di Semenanjung Tanah Melayu. Sebenarnya konsep hulubalang di sini lebih dicorakkan oleh fungsi individu dalam masyarakat itu sendiri, yang mana tiap-tiap anggota masyarakat tempatan Melaka pada hakikatnya tertakluk pada tradisi 'kerah'. Oleh sebab peperangan termasuk ke dalam tradisi kerah, jadi dapat dikatakan bahawa setiap individu lelaki

[62]Lihat A. Cortesao, hlm 261. Tome Pires menamakan jawatan ini sebagai *mamduliquas*.

[63]Ini adalah masa ketika Kampar melantik ketuanya sendiri sebelum perlantikan Raja Menawar Syah, putera Sultan Alauddin daripada Melaka untuk menjadi raja Kampar dan ketika Kampar menjadi sebahagian daripada empayar Melaka.

di Melaka yang berkeupayaan fizikal adalah hulubalang belaka.

Kesimpulannya secara umum, dapat dikatakan bahawa pembesar dan pentadbir ini merupakan kelas yang paling terpenting untuk menegakkan konsep serta mendukung institusi perajaan di Melaka dan memberikan 'kehalalan' raja dalam sistem berkerajaan. Secara perlembagaannya, hakikat ini diakui sendiri oleh *Hukum Kanun Melaka* bahawa tugas raja yang paling utama selepas dilantik menjadi raja ialah;

> "Adapun pada segala raja-raja itu, pertama-tama menjadikan bendahara, kedua menjadikan temenggung, ketiga menjadikan penghulu bendahari, keempat menjadikan syahbandar, maka terpeliharalah segala raja-raja itu dengan segala rakyatnya. Adapun maka dibahagi hukum itu atas tiga bahagian. Pertama, pada bendahara, kedua pada teme gung, ketiga pada syahbandar".[64]

Sebenarnya tuntutan perlembagaan dan hak undang-undang ini bersesuaian dengan falsafah dan etos politik masyarakat Melayu tentang peranan dan kedudukan raja dalam hubungannya dengan pembesar dalam masyarakat, sebagaimana yang dituntut oleh *Sejarah Melayu*;

> "Dan lagi tiada akan sentosa kerajaannya (raja), kerana raja-raja itu umpama api, akan segala menteri itu umpama kayu jikalau tiada kayu, di manakan api itu bernyala?"[65]

Secara lojiknya, mengadili kedudukan politik dan peranan sosial kelas aristokrat ini dalam pengertian politik yang longgar, mereka adalah anggota elit masyarakat peribumi Melaka.

UNSUR KEBUDAYAAN DALAM MASYARAKAT PERIBUMI

Selain peralatan budaya, unsur nombor juga menunjukkan kepentingan tersendiri dalam fungsi kerajaan. Apabila seseorang dilantik menjadi Bendahara secara rasmi, beliau dianugerahkan dengan 'lima' persalinan yang mengandungi baju, kain, destar, tetampan dan sebai. Sekiranya seseorang dilantik menjadi Ceteria, Bentara dan Hulubalang, bilangan alat anugerah dikurangkan pada 'empat' dan 'tiga'. Jangka masa hari perayaan juga ditentukan. Umpamanya, upacara pertabalan raja dan upacara perkabungan negeri dijalankan selama 'tujuh' hari.

Pada amnya, penggunaan berbagai-bagai peralatan budaya, amalan-amalan adat dalam kebudayaan ini telah dirasionalisasikan dengan budaya

---

[64]Liaw Yock Fang, *op. cit.*, Fasal 0:1, hlm 64.
[65]W.G. Shellabear, hlm 70; C.C. Brown, hlm 117.

Hindu-Islam serta pengwarnaan corak tempatan. Memakan sirih mungkin berasal daripada amalan Hindu. Orang Hindu percaya bahawa sirih adalah personifikasi Dewa Mahalakshmi (Tuhan kemakmuran, kemewahan dan kesucian). Tetapi apabila peradaban berkembang, fungsi sirih pinang dan puan dalam masyarakat Melayu di Melaka bertukar menjadi *ritual* budaya pula dan mengambil bentuk yang lebih sofistikated, formal dan dihormati dalam hukum adat. Sirih dinyatakan mempunyai fungsi istimewa seperti yang diterangkan oleh *Sejarah Melayu*;

> "Kerana pada zaman dahulu kala sirih daripada puan raja itu terlalu mulia; tiada barang-barang orang dianugerahkan raja; barang siapa dianugerahi raja sirih daripada puan itu, tanda kurnia akan orang itu".[66]

Sehingga kini, puan dan sirih masih mempunyai fungsi masyarakat dalam konteks adat Melayu.

Alat-alat senjata tradisional diwarisi bagi menunjukkan lambang kuasa. Gendang nobat diraja pula mungkin suatu unsur pencernaan Hindu dan Parsi yang biasanya dimainkan untuk tujuan-tujuan *ritual* dalam perayaan agama. Oleh itu, ini dapat mengesahkan pertabalan seorang raja, yang sekaligus ia mempunyai fungsi politik dan spirituil. Oleh yang demikian, unsur spirituil pun menjadi sebahagian daripada politik dalam organisasi berkerajaan tadi.

Unsur pernomboran seperti 'tiga', 'lima' dan 'tujuh' agak penting juga dalam masyarakat Melaka, mungkin sebagai kesan numerologi Hindu dan mistik Islam seperti kepercayaan dan konsep tiga bidadari (Suprabha, Tilotamma dan Manakha) dalam syurga Hindu,[67] rukun yang lima dalam prinsip Islam, sistem deria yang lima dalam tubuh manusia, sains tentang 'bintang tujuh' dalam ilmu astrologi Hindu Sanskerta dan kepercayaan iman tentang tujuh lapis bumi dan tujuh lapis langit dalam Tauhid Islam.[68]

---

[66]C.C. Brown, hlm 118. W.G. Shellabear, hlm 194.

[67]Rujuk R.O. Winstedt, "The Malay Annals ...," hlm 2; Lihat juga R.O. Winstedt, *The Malays, A Cultural History*, London, 1947, hlm 64–65. R.O. Winstedt nampaknya menghubungkan pancaragam nobat sebagai sebahagian daripada syamanisme Melayu-Islam dalam budaya Melayu tradisional.

[68]Tauhid, dalam erti ringkas dihubungkan dengan pengetahuan tentang keesaan Allah. 'Tujuh' nampaknya dihubungkan sebagai simbol kewujudan syurga, sebagaimana firman Allah;

> "Allah yang menyediakan tujuh langit, dan seperti itu juga daripada bumi; berlaku perintah (Allah) di antaranya, supaya kamu ketahui bahawa Allah itu Berkuasa atas tiap-tiap suatu; dan bahawasanya Allah meliputi tiap-tiap suatu dengan pengetahuan-Nya".
>
> (Terjemahan al-Quran surah al-Talaq 65:12)

Rujuk al-Quran, terjemahan ke bahasa Melayu oleh A. Hassan, al-Furqan, Kota Bharu, 1975, hlm 1, 115; Untuk terjemahan Inggeris, sila lihat A. Yusuf Ali, *The Holy al-Quran*, (teks terjemahan, anotasi dan analisa), Lahore, 1934, hlm 1 567.

Nombor-nombor magis asing ini dihubungjalinkan dengan kepercayaan tempatan yang akhirnya membentuk suatu rupa dan 'warna' baru dalam masyarakatnya.

RAKYAT

Anggota masyarakat Melaka yang lain, selain dua kelas ini ialah rakyat. Bilangan mereka secara lojiknya dari segi sejarah tentulah ramai. Fungsi utama mereka dari segi moral, fizikal dan tradisi kemasyarakatan ialah menyokong institusi raja dan pembesar dalam seluruh rangka sistem dan organisasi kerajaan tadi. Sebilangan besar daripada mereka terdiri daripada orang-orang Melayu daripada seluruh Nusantara yang menetap di Melaka. Dalam kelas ini termasuklah juga Orang Laut dan orang asing dari luar Nusantara yang bertumpu di Melaka, khasnya untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi sebagai pedagang dan peniaga atau dalam kes tertentu menjadi pedagang-mubaligh, senteri dan priayi serta ahli sufi Islam untuk menanam dan menyebarkan pengaruh Islam di kalangan anggota masyarakat, tentera-tentera upahan orang Jawa dan Pasai yang tinggal di Melaka. Dalam proses menyokong institusi-institusi sosial tadi, sebenarnya ahli masyarakat daripada kelas ini mempunyai fungsi-fungsi fizikal tertentu. Maka, secara langsung ataupun tidak langsung, muncullah dua jenis rakyat. Pertama, rakyat yang bebas (merdeka); dan kedua, rakyat yang menjadi hamba. Sebenarnya istilah hamba kerapkali disebut-sebut dalam *Sejarah Melayu* berhubung dengan tugas mereka dalam berbagai-bagai kegiatan masyarakat untuk kepentingan tuannya. Dalam *Hukum Kanun Melaka*, hak dan kedudukan sosial hamba sememangnya telah dimasukkan dalam undang-undang.[69]

Walaupun bukti-bukti sejarah tempatan kurang memberi penjelasan, namun pada amnya dapat dikatakan bahawa sebilangan besar anggota masyarakat kelas ini terdiri daripada orang Melayu tempatan dan juga orang asing. Kesemua mereka tertakluk secara longgarnya di bawah pentadbiran tentera yang diketuai oleh Bendahara, Laksamana dan Hulubalang Besar ataupun sebaliknya di bawah pentadbiran awam. Pihak yang pertama tadi selalunya menjadi pengikut atau pengiring pembesar-pembesar dan raja sebagai hulubalang. Mereka terlibat dalam peperangan. *Sejarah Melayu* memberitahu kita bahawa orang asing juga terlibat dalam kumpulan ini. Antara mereka

---

[69]Semua peruntukan berhubung dengan kedudukan dan fungsi sosial mereka, boleh dirujuk pada Fasal 2:1, 6:4, 7:1, 7:3, 8:1, 8:2, 8:3, 12:2, 13:1, 15:1, 15:2, 15:5, 15:6 dan 18:3. Lihat Liaw Yock Fang, *op. cit., passim.*

ialah Khawaja Baba, Naina Isahak dan Sayyid Ahmad.[70] Tome Pires mencatat bilangan mereka mencapai angka seratus ribu orang pada masa pemerintahan Sultan Mahmud Syah.[71] Tenaga mereka boleh digerakkan bila-bila masa sahaja untuk memerangi negeri-negeri seperti Kampar, Rokan, Siak, Inderagiri, Pahang dan Beruas atau untuk tujuan pertahanan seperti mempertahankan Melaka daripada serangan Siam di Pahang dan di Batu Pahat, juga menentang serangan Portugis pada tahun 1511. Ciri-ciri ketenteraan ini tidak mungkin menolak pendapat bahawa ajaran-ajaran batin dan mistik seperti ilmu kebal, silat, pencak dan berbagai-bagai ilmu mempertahankan diri memang menjadi tradisi kalangan hulubalang ini.[72]

Dalam konteks keamanan, mereka menjadi anggota masyarakat yang penting. *Sejarah Melayu* membuktikan bahawa Melaka menjadi huru-hara angkara perbuatan Hang Kasturi, kerana ketiadaan Hang Tuah yang gagah. Kecurian dan rompakan berleluasa semasa Melaka diperintah oleh Sultan Alauddin kerana kecuaian Temenggung dan hulubalang-hulubalang di bawah jagaannya. Kawasan takluk Melaka menjadi kacau-bilau kerana gangguan Kraeng Semarluki dari Mengkasar yang dikatakan segagah Hang Tuah. Tragedi yang menimpa Melaka pada tahun 1511 juga mengakibatkan kematian ramai hulubalang yang handal.

Di pihak yang lain, orang awam kebanyakannya terdiri daripada peniaga dan saudagar. Mereka yang mempunyai taraf ekonomi yang lebih rendah terdiri daripada buruh kasar dan tukang mahir mengukir dan membuat berbagai-bagai jenis alat perhiasan dan senjata. Dalam hal ini, orang Melayu daripada berbagai-bagai daerah Nusantara adalah yang paling

---

[70]W.G. Shellabear, *passim*; C.C. Brown, *passim*.

[71]A. Cortesao hlm 226.

[72]Adalah menarik juga dinyatakan bahawa Tome Pires dengan tidak teragak-agak mencatatkan tentang kehadiran segolongan orang Melayu Melaka jenis ini yang dinamakannya sebagai *nobleman* yang tidak mati (lut) oleh senjata. Menurut Tome Pires, mereka dinamakan sebagai *Cabees*, saya jangkakan maksud Tome Pires itu ialah kebal. Mereka datang dari Brunei, Lingga dan Pahang. Mereka dilaporkan oleh Tome Pires sebagai pahlawan Melaka yang sering dihubungkan dengan perbuatan amuk (amoquos).

Sementara itu Eredia pula memberitahu tentang kehadiran segolongan orang yang disebut *Banuas* (Benua) yang mengabdikan diri dengan mempelajari ilmu-ilmu ghaib dan ilmu peperangan. Pusat pengajian mereka ialah di Gunung Ledang (Ophir) yang kemudian dihubungkan dengan tradisi penulisan *Hikayat Hang Tuah* di mana dikatakan hulubalang-hulubalang Melaka memperoleh ilmu ghaib di situ dan tempat terjadinya kisah mitos Puteri Gunung Ledang. Menurut Tome Pires dan de Eredia, bilangan orang jenis ini di Melaka adalah ramai.

Untuk rujukan lanjut sila lihat W.G. Shellabear, Bab 27; C.C. Brown, Bab XII yang menerangkan kisah Puteri Gunung Ledang bukan berlaku dengan Sultan Mahmud, bahkan terjadi dengan Sultan Mansor. Lihat juga J.V. Mills, *Eredia's Description* ... hlm 40–41; A. Cortesao, hlm 266–267; Kassim Ahmad, (ed), *Hikayat Hang Tuah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1964, (passim); Lihat juga T. Iskandar, "Some Sources Used by the Author of Hikayat Hang Tuah", *op. cit.*, hlm 38–41.

ramai. *Sejarah Melayu* semasa dalam menerangkan pembinaan istana Sultan Mansor bagi menggantikan istana yang terbakar menjelaskan;

> Maka Sultan Mansor Syah memberi titah pada Bendahara menyuruh berbuat istana dan balairung, "Di dalam sebulan juga kita kehendaki sudah". Maka Bendahara pun mengerahkan orang berbuat istana dan balairung. Maka orang Ungaran berbuat istana besar, dan orang Tungkal berbuat istana kecil, dan orang Buru berbuat sebuah istana, orang Suir berbuat sebuah istana, orang Pancor Serapong membuat sebuah balairung, orang Buru membuat balai pendapa, orang Merba membuat penanggahan, orang Sawang membuat balai Jawa di sisi balairung itu, orang Kundur membuat balai apit pintu keduanya, orang Suntai membuat balai kendi, orang Malai membuat permandian, orang Upang membuat bangsal, orang Tungkal membuat masjid, orang Bentan berbuat pagar istana, orang Muar membuat kota awang. Adapun istana itu baik pula daripada istana dahulu.[73]

Hasil ukiran ini dikatakan telah melahirkan unsur seni yang amat halus dan menarik.

Petikan ini memberikan pengetahuan kepada kita tentang amalan kerjasama yang mungkin setaraf dengan amalan dan konsep berderau, bergotong-royong, berseraya atau bersambatan[74] yang lazim terdapat di kalangan masyarakat peribumi Nusantara, telah menjadi salah satu unsur asas persefahaman dan permuafakatan di kalangan anggota masyarakat Melaka di samping unsur lain seperti bermusyawarah, berjemaah dan berbicara.

Hal yang menarik perhatian kita ialah anggota masyarakat perempuan. Wanita daripada golongan kerabat diberikan gelaran Raja, sementara daripada golongan bangsawan yang dapat menaiki taraf ke peringkat kerabat diberikan gelaran Tun seperti Tun Fatimah anak Bendahara Seri Maharaja, Tun Senaja, Tun Kudu dan Tun Sirah. Anak perempuan seorang biduanda diberikan gelaran Dang seperti Dang Bunga anak biduanda Muar dan Dang Bibah.[75] Sementara itu, wanita di kelas rakyat pula nampaknya turut terlibat

---

[73]C.C. Brown, hlm 79, W.G. Shellabear, hlm 140–141.

[74]Untuk analisa yang menarik tentang konsep gotong-royong dalam masyarakat peribumi di Nusantara, sila lihat Koentjaraningrat dalam *Social Anthropological Observation of Gotong-Royong Activities in Two Villages in South Central Java*, Ithaca, New York, Cornell Modern Indonesian Project, 1962, hlm 65–75; Lihat juga rencana beliau, "Gotong-Royong System and the Spirit of Gotong-Royong", dalam *Berita Antropologi*, Rawamangun, Jakarta, Tahun IX, No 30, Februari, 1977, hlm 4–16; Syed Husin Ali, *Malay Peasant Society and Leadership*, Oxford University Press, 1975, hlm 55–63; Rosmini Shaari, *Susunan dan Organisasi Ekonomi Masyarakat Mukim Kerdau*, Latihan Ilmiah B.A. (Hons), Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1968, hlm 15–35.

[75]W.G. Shellabear, hlm 155.

dalam kegiatan ekonomi seperti berniaga dan membuka kedai.

Dalam masyarakat yang sedemikian, apabila hak dan keistimewaan amat bergantung pada taraf sosial dan pemilikan ekonomi, agak sukar ditentukan taraf perkahwinan seorang lelaki. Namun demikian adalah biasa bagi kaum lelaki, terutama mereka daripada kelas kerabat dan aristokrat, mempunyai sekurang-kurangnya dua isteri di samping menyimpan gundik, sebagaimana biasa walaupun tidak kerap berlaku di kalangan orang Timur tradisional yang berada. Hakikat ini meyakinkan kita tentang wujudnya amalan poligami dalam masyarakat Melaka kerana Islam membenarkan seorang lelaki Islam mempunyai empat orang isteri serentak, jika mampu.[76] Tome Pires melaporkan bahawa wanita yang menjadi isteri pembesar pula jarang kelihatan di khalayak ramai.

Rakyat tempatan juga terlibat dalam kegiatan pertanian di peringkat sara diri. Di sekitar Melaka, terdapat seribu lima ratus dusun dengan berbagai-bagai jenis buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan, walaupun Groeneveldt dan beberapa laporan China menyatakan bahawa tanah Melaka berpasir di sepanjang pantai dan pamah pula di daerah pedalaman dengan perbezaan suhu antara siang dengan malam yang melampau.[77] Kehadiran dusun menyebabkan terbentuknya hukum adat dan undang-undang tentang hakmilik tanah, tatacara dan undang-undang berdusun serta undang-undang jual beli tanah dan hasil tanaman serta soal buruh dalam kegiatan pertanian dalam *Hukum Kanun Melaka*.[78] Kegiatan ekonomi yang lain untuk golongan ini ialah melombong bijih. Ini termasuklah penglibatan orang asing terutama orang Cina. Kegiatan ini tidak dapat dinafikan kerana Pires dan

---

[76]Allah berfirman:

> "Dan jika kamu takut, bahawa kamu tidak akan boleh berlaku adil tentang (perkahwinan kamu dengan) anak-anak yatim, maka kahwinlah beberapa perempuan yang kamu sukai, dan dua tiga dan empat; tetapi jika kamu takut bahawa kamu tidak boleh berlaku adil(pula), maka (kahwinlah), seorang sahaja atau hamba-hamba yang dimiliki oleh tangan-tangan kanan kamu. Yang demikian itu, lebih hampir buat kamu terhindar daripada berlaku aniaya".
>
> (Terjemahan al-Quran surah al-Nisa' 4:3)

Lihat al-Quran, A. Hassan, *op. cit.*, hlm 150; A. Yusuff Ali, *op. cit.*, hlm 179.

[77]Di samping mengisahkan keadaan ekologi dan geografi Melaka, laporan China juga menerangkan tentang keadaan taraf hidup yang tinggi di Melaka, barang-barang dan binatang sembelihan terpaksa diimport, sebagaimana Victor Purcell memetik laporan dari China yang menulis, "... the cost of living in Malacca was high, about five times the cost of living in China, that fowl, dogs, geese and ducks were imported". Lihat Victor Purcell, *Chinese Settlement ..., op. cit.*, hlm 117. Lihat juga W.P. Groeneveldt, *Note on the Malay Archipelago ...*, hlm 123–124.

[78]Liaw Yock Fang, *op. cit.*, hlm 106–116 merangkumi Fasal 19:1, 19:2, 19:3, 20:1, 20:2, 22:1, 22:2 dan 22:3

de Eredia serentak berpendapat bahawa kawasan utara Melaka, menganjur dari Kuala Linggi hingga ke Kedah yang menjadi taklukan Melaka dipenuhi oleh lombong bijih.

HAMBA

Kemunculan institusi perhambaan di Melaka, sering dikaitkan dengan tradisi perhambaan dalam masyarakat Arab atau Islam dan wujudnya sistem kasta dalam masyarakat Hindu. Di Melaka, institusi ini diberikan corak dan pengwarnaan tempatan. Institusi perhambaan muncul akibat didorong oleh keperluan dan kepentingan sosial serta ekonomi masyarakat Melaka sendiri. Secara fizikalnya, fungsi hamba ialah untuk menyediakan tenaga manusia bagi menyokong dan menjalankan berbagai-bagai kerja yang wujud dalam masyarakat. Hamba dapat meninggikan taraf individu yang menjadi pemilik mereka. Makin ramai hamba yang dimiliki, makin tinggilah taraf sosial seseorang sebagai anggota masyarakat dan mungkin semakin kukuhlah kedudukan ekonomi pemilik. Hal seperti ini pernah dinikmati oleh Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir, salah seorang pembesar Melaka yang terkaya pada zamannya, memiliki ratusan hamba.

Dengan adanya hamba ini, maka usaha menggerakkan tenaga manusia untuk semua keperluan sosial dan ekonomi tidak akan menjadi masalah lagi. Ada hamba lelaki dan ada hamba perempuan. Hamba lelaki dijangkakan membuat semua jenis pekerjaan dan menggunakan tenaga untuk kerja memanjat pokok kelapa sehinggalah kerja menjadi pengayuh jong yang besar. Hamba perempuan yang disebut *beti-beti* bertugas menjalankan kerja di rumah, membuat kerja di ladang sehinggalah kadangkala 'dipakai' oleh tuannya.

Peruntukan-peruntukan (provisions) juga disediakan oleh *Hukum Kanun Melaka* khas tentang tugas dan taraf seorang hamba. Hamba di Melaka dapat dibahagikan pada tiga golongan yang besar. Pertama ialah hamba biasa. Mereka dikenali sebagai 'biduanda', 'dengan', 'abdi' dan 'hamba'. Biduanda dikatakan bertaraf lebih tinggi daripada yang lain. Manakala ketiga-tiga hamba lain itu mempunyai erti yang sama, di mana sebenarnya 'dengan' adalah istilah lama untuk 'hamba' dan 'abdi'. Kedua ialah hamba berhutang, iaitu orang yang menjadi hamba kerana tidak dapat membayar hutangnya pada si piutang. Seorang pencuri yang ditangkap tetapi tidak dapat memulangkan barang yang dicuri pada empunya barang, juga boleh 'masuk ulur' (menjadi hamba) pada si empunya barang tadi. Orang ini juga dinamakan hamba berhutang kerana sebagaimana yang diterangkan oleh *Hukum Kanun Melaka*;

> "Jikalau habis (barang yang dicuri) dimakannya, tuannya memberi ganti. Adapun jikalau ia menderheka (menjadi) masuk ulur pada yang empunya harta".[79]

Golongan yang akhir sekali ialah hamba raja. Mereka yang menjadi hamba raja ialah orang merdeka yang telah melakukan kesalahan jenayah, kemudian tertangkap, lalu mendapat pengampunan raja. Di kalangan jenis hamba-hamba ini, hamba rajalah yang mendapat hak yang istimewa dalam masyarakat sehingga diperundangkan bahawa sesiapa membunuh hamba raja akan menerima hukuman yang berat seperti *Hukum Kanun Melaka* menjelaskan;

> "Adapun jikalau hamba rajin dan segala hartanya (si pencuri) itu dirampas. Jikalau nakhoda sekalipun demikian juga hukumnya".[80]

Layanan yang diberikan pada golongan hamba berbanding dengan orang merdeka, di sisi amalan undang-undang amat berbeza. Umpamanya kerana kesalahan mencederakan orang. *Hukum Kanun Melaka* menentukan;

> "Fasal yang kedelapan pada menyatakan menetak orang. Jikalau abdi menetak merdeheka, maka iaitu masuk ulur. Adapun jikalau merdeheka menetak 'abdi', kenalah denda setengah harganya. Jikalau ia miskin, kenalah sepuluh emas akan dendanya itu".[81]

Hukuman menjadi lebih berat jika si hamba tadi mencederakan pula seorang pembesar. Hal yang sama terjadi jika si hamba tadi menampar pula seorang pembesar. *Hukum Kanun Melaka* menyebut;

> "Adapun jikalau 'abdi menampar merdeheka, hukumnya dipotong tangannya. Adapun jikalau merdeheka menampar 'abdi tiada dengan salahnya, kena sepuluh emas. Adapun hamba orang itu, jikalau dengan judah mulutnya, seperti memaki, mana suatu pun tiada salahnya lagi merdeheka itu".[82]

Hak undang-undang yang sedemikian, ditentukan pula oleh fungsi dalam masyarakat, meletakkan golongan hamba ini ke dalam kelas masyarakat yang paling bawah. Ada dua jenis hamba di Melaka. Ada hamba yang menjadi hamba turun-temurun seperti hamba, abdi dan biduanda. Ada juga hamba yang menjadi hamba untuk sementara waktu sahaja seperti hamba berhutang

---

[79] *Ibid.*, Fasal 11:1, hlm 121–122.
[80] *Ibid.*, Fasal 24:1, hlm 121–122.
[81] *Ibid.*, Fasal 24:1, hlm 75.
[82] *Ibid.*, Fasal 8:2, hlm 75.

dan hamba raja. Hamba raja akan dilepaskan oleh raja dengan relanya atau hamba berhutang akan dibebaskan setelah membayar hutang berdasarkan jangka masa tertentu yang dijanjikan untuk berkhidmat dengan si pemiutang tadi. Hamba perempuan yang berkhidmat di istana raja selalunya dipanggil dayang-dayang. Sebagaimana hamba raja, dayang-dayang ini juga nampaknya mempunyai hak yang istimewa dalam masyarakat. Kedudukannya menjadi lebih istimewa jika dia dijadikan gundik oleh raja kerana anak yang dilahirkannya akan menduduki kelas kerabat dengan memakai gelaran raja.

Walau bagaimanapun, hamba masih mempunyai hak-hak kemasyarakatannya sendiri. Gambaran daripada *Hukum Kanun Melaka* menunjukkan bahawa hamba adalah terlindung daripada kezaliman. Walaupun mereka dimiliki oleh tuannya, tetapi hamba masih mempunyai kebebasan untuk bergerak seperti mengambil upah daripada orang lain.[83] Hasil pendapatan boleh disimpan sendiri ataupun diserahkan pada tuannya. Mereka juga dilindungi oleh undang-undang jenayah dalam erti kata jika dia ditampar orang, orang yang menampar tadi akan didenda.[84] Begitu juga jika seseorang menjatuhkan maruah hamba, *Hukum Kanun Melaka* menetapkan;

> "Adapun jikalau menawar hamba orang, didendanya lima emas; itu pun jikalau dengan tiada perbuatan zina(h) dengan dia. Dan apabila diambil daranya abdi orang itu, maka didenda akan dia sepuluh emas".[85]

Hak seperti ini juga dinikmati oleh anggota masyarakat yang lain, sama ada mereka orang bebas ataupun hamba. Umpamanya isu berhubung dengan hak kebebasan individu, undang-undang menentukan;

> "Demikian lagi menangkap orang, maka lalu diwati'nya perempuan itu, pun sepuluh emas dendanya, kerana menggagahi orang. Demikianlah hukumnya atas pihak kanun hukumnya".[86]

Jadi, denda yang dikenakan itu bukanlah kerana dia merogol tetapi kerana menggunakan paksaan.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa teks undang-undang ini hanya merupakan, "... a book of reference"[87] sahaja, soal pengamalannya boleh diragukan. Perkara yang penting untuk dilihat di sini ialah gambaran dan falsafah yang diberikan oleh undang-undang ini sebagai tatacara dan panduan pada anggota masyarakatnya yang hidup dalam suatu masyarakat

---

[83] *Ibid.*, Fasal 3, 10, 15:1, 2, hlm 68, 78, 88–92.
[84] *Ibid.*, Fasal 8:2, 3 dan 4, hlm 74–76.
[85] *Ibid.*, Fasal 12:1, hlm 82 dan 84.
[86] *Ibid.*, Fasal 12:2, hlm 84.
[87] Lihat R.O. Winstedt, *Classical Malay Literature* ..., hlm 167.

dan organisasi kerajaan. Teks undang-undang ini mencatatkan bahawa; "Barang siapa melalui seperti yang tertentu di dalam undang-undang ini durhakalah ia ke bawah Duli Yang Dipertuan ..."[88] Dengan perkataan lain, sesiapa yang tidak mematuhi undang-undang tersebut di anggap menderhaka, dan orang yang menderhaka tidak dikehendaki dalam masyarakat tersebut.

PEDAGANG DAN PENGUSAHA

Kemunculan Melaka sebagai pelabuhan dagang telah mewujudkan golongan usahawan pedagang dan peniaga daripada kaum peribumi dan pendatang. Golongan ini seperti golongan hulubalang juga, tidak mungkin dapat membentuk sesuatu kelas yang khusus dari segi profesionalisme kerana kegiatan perniagaan dan sektor perdagangan boleh dilibati dan dilakukan oleh sesiapa sahaja, sama ada oleh raja, pembesar mahupun rakyat, lelaki dan perempuan dalam masyarakat tadi. Mengikut catatan Tome Pires, beberapa orang Sultan Melaka sendiri mengambil bahagian yang cergas dalam sektor ini sehinggakan baginda dikatakan menjadi kaya-raya. Bukti ini tidak mungkin dapat menolak kenyataan bahawa pembesar-pembesar Melaka juga turut berniaga. Antara mereka ialah Bendahara Tun Mutahir, yang kemudiannya menjadi Seri Maharaja dan Tun Isap. Berkenaan pembesar yang akhir ini, *Sejarah Melayu* menyebut;

> "Adapun Hang Isap itu ada berniaga dengan seorang Saiyid hamba Allah. Pada kira-kira Saiyid itu ada emasnya sedikit lagi pada Hang Isap ...".[89]

Namun demikian, dalam banyak hal, orang asinglah yang nampaknya lebih banyak terlibat dalam usaha perdagangan secara besar-besaran.

Usaha berdagang dengan negeri-negeri asing mengakibatkan kemunculan tokoh-tokoh usahawan dalam masyarakat tadi. Di kalangan tokoh usahawan yang dikenali ialah nakhoda, jurumudi, kiwi, maula (ketua) kiwi dan orang banyak. Sebenarnya merekalah yang menjadi 'orang tengah' dalam semua transaksi perniagaan. Nakhoda mendapat tempat yang istimewa dalam masyarakat kerana kedudukan dan peranan ekonomi serta kegiatan perkapalan Melaka itu sendiri. Tugas dan kedudukan nakhoda diperundangkan.

---

[88]Liaw Yock Fang, *op. cit.*, Fasal 44:10, hlm 177.
[89]W.G. Shellabear, *passim*; C.C. Brown, *passim*.

Undang-undang Laut Melaka menyebut;

> "Adapun yang dinamai khalifatu'l mu'minin itu, di dalam negeri: demikian lagi nakhoda itu di dalam laut ... kerana segala nakhoda itu ganti raja dalam laut ... maka dapat ia menjadi raja di laut: jikalau kanak-kanak sekalipun, rajalah".[90]

Dari segi bidang kuasa pentadbiran, nakhoda, sama ada daripada golongan peribumi mahupun golongan orang asing, terletak di bawah Syahbandar di pelabuhan. Untuk mengawal tingkah laku penumpang dan peniaga dalam sebuah kapal yang menjalankan perniagaan, maka kerajaan Melaka menyediakan pula undang-undang dan tatacara tertentu yang wajib mereka patuhi. Undang-undang yang terjelma dalam *Undang-undang Laut Melaka* ini juga meliputi tatacara berniaga. Daripada kenyataan Pires tentang hadirnya empat orang Syahbandar Melaka membuktikan bahawa bilangan masyarakat Melaka yang mengambil bahagian dalam perniagaan adalah besar.

MOBILITI SOSIAL

Kewujudan kelas dalam masyarakat tidak bererti bahawa mobiliti sosial tidak dapat berlaku sekiranya dirujuk kepada fungsi dan kedudukan ekonomi anggota masyarakat tadi. Dalam banyak hal, proses mobiliti yang sering terjadi ialah dalam bentuk mendatar (horizontal). Ini mungkin terjadi dalam kelas yang bukan kerabat.

Cara yang paling menarik bagaimana mobiliti menegak (vertical) dapat berlaku ialah melalui perkahwinan. Jika benar Pires dan *Sejarah Melayu* melaporkan bahawa Tun Fatimah, anak Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir yang dikahwini oleh Sultan Mahmud Syah, kemudian dilantik menjadi Raja Perempuan Melaka, maka mobiliti bentuk ini memanglah dapat dibuktikan. Tetapi proses mobiliti sedemikian memang amat jarang berlaku. Memang ramai perempuan, kebanyakan (merdeka atau hamba) dan anak pembesar-pembesar Melaka sendiri, juga anak orang asing daripada kaum China, Keling dan Parsi yang dikahwini atau dijadikan gundik oleh raja Melaka. Dan walaupun wanita-wanita tadi melahirkan anak yang boleh menduduki kelas kerabat dengan memakai gelaran 'raja' ataupun 'raden' dan 'paduka' seperti Paduka Seri China dan Paduka Mimat, iaitu dua orang putera Sultan Mansor Syah dengan isterinya seorang wanita China, juga Raden Kelang, iaitu putera Sultan Mansor juga dengan isterinya anak seorang Jawa. namun kemungkinan wanita-wanita tadi tidak dapat menduduki kelas kera-

[90]R.O. Winstedt dan Josselin de Jong, "The Maritime Laws of Malacca", *op. cit.*, hlm 28.

bat memang tidak dapat dinafikan. Lantaran sistem masyarakat peribuminya bercorak patrimonial, soal warisan keluarga tentu tidak menjadi masalah, walaupun wanita yang dikahwini ini bukan kerabat.

Episod-episod bersejarah yang dibentangkan oleh *Sejarah Melayu* segera menarik perhatian kita kepada kekerapan berlakunya mobiliti menegak di kalangan yang bukan kerabat. Contoh yang paling unggul dapat kita perhatikan ialah daripada pengalaman Hang Tuah, iaitu tokoh sejarah yang kemudiannya telah dilegendakan itu. Pada asalnya beliau adalah orang kebanyakan, yang tentunya menduduki kelas ketiga dalam stratifikasi sosial dengan panggilan Si Tuah sahaja. Selepas memberikan khidmat cemerlangnya kepada pembesar dan raja Melaka dalam bidang ketenteraan melalui keistimewaan dan kebolehan fizikal, Hang Tuah berjaya mencapai kelas aristokrat dan bangsawan Melayu Melaka dengan menjawat pangkat Laksamana. Beliaulah yang mengasaskan tradisi kebangsawanan keluarga Laksamana ini sehinggalah ke periode Johor. Gelaran Laksamana selepas ini diwarisi oleh keluarga dan menantunya sendiri. Walaupun Hang Tuah tidak pernah diberikan gelaran kebesaran berbanding dengan pembesar-pembesar Melaka yang sezaman dengannya,[91] namun demikian, gelaran Tun diberikan kepada anak-anaknya seperti Tun Biajid, Tun Sirah dan Tun Sabariah.

Orang asing juga nampaknya berpeluang menikmati mobiliti jenis ini. Contoh yang jelas dapat kita lihat kepada Khawaja Baba dan Sayyid Muhammad. Khawaja Baba berasal dari Parsi dilaporkan sama-sama terlibat dalam peperangan semasa Melaka mengalahkan Kampar, dan akhirnya beliau dianugerahkan dengan gelaran yang istimewa, iaitu Akhtiar Muluk[92] Keturunan Akhtiar Muluk bergelar Khawaja dan Tun yang akhirnya termasuk dalam kelas bangsawan Melayu. Sementara Sayyid Muhammad pula yang asalnya adalah nakhoda sahaja telah dianugerahkan dengan gelaran kebesaran oleh Sultan Mahmud sebagai Syah Andika Menteri setelah beliau membantu Hang Nadim 'melarikan' Tun Teja dari Pahang. Beliau dimasukkan ke dalam golongan pembesar dengan tugas istimewanya di istana Melaka yang

---

[91] Adalah menghairankan juga jika dilihat kedudukan Hang Tuah yang sejak awal dilantik menjadi Laksamana dan secara automatik menjadi Pembesar Empat tidak membawa sebarang gelaran kebesaran sekiranya dibandingkan dengan pegawai-pegawai dan pembesar-pembesar yang sezaman dengannya. Fakta yang mengatakan bahawa Hang Tuah menggunakan gelaran Tun dalam *Hikayat Hang Tuah* sebenarnya lebih bercorak anakronistik daripada bersejarah. Lihat Kassim Ahmad, *op. cit., passim.* Secara rasmi Hang Tuah lebih kerap dipanggil 'Orang Kaya' sahaja.

[92] Ini sebenarnya pinjaman bahasa Arab "malik" yang dalam bentuk banyaknya disebut "muluk".

dilaporkan oleh *Sejarah Melayu* sebagai;

> "... dianugerahi keris bersalut dan pedang berikat emas, disuruh berdiri di ketapakan (balai), sama-sama dengan segala bentara".[93]

Perubahan taraf keanggotaan dalam kelas juga mungkin terjadi di kalangan hamba. Perubahan ini berlaku selalunya melalui perkahwinan juga. Hamba perempuan yang dikahwini oleh lelaki yang merdeka secara sah, dengan sendirinya wanita itu akan bebas. Orang yang menjadi hamba kerana berhutang dan kerana membuat kesalahan kepada orang yang merdeka, akan dengan sendirinya terkeluar daripada golongan hamba setelah hutangnya selesai.

Selain contoh mobiliti tersebut, Melaka juga membuka peluang kepada orang asing untuk menikmati mobiliti kerana taraf dan pemilikan ekonomi seseorang. Beberapa gambaran dalam *Sejarah Melayu* membuktikan bahawa Raja Mendeliar, iaitu saudagar asing yang sangat kaya, telah dilantik menjadi Syahbandar Melaka, salah satu jawatan pentadbiran peribumi yang penting;

> "Maka tersebutlah perkataan ada seorang Keling (a) diam di Melaka, jadi Syahbandar, Raja Mendeliar namanya, terlalu kaya pada zaman itu tidaklah taranya di dalam negeri Melaka itu".[94]

Seorang lagi tokoh ialah Patih Adam dari Jawa. Beliau diberikan layanan 'taraf menteri' kerana kekayaannya. Walaupun ini mungkin cuma merupakan satu kes yang terpencil, namun kes-kes tersebut dapatlah dijadikan rujukan sebagai bukti berlakunya proses mobiliti di kalangan orang asing yang tinggal di Melaka. Dan mobiliti, berdasarkan rujukan di atas terjadi me-

---

[93]Dalam naskhah *Sejarah Melayu* terjemahan dan anotasi C.C. Brown daripada *Raffles MS. 18*, gelaran yang dianugerahkan kepada nakhoda ini ialah "Tun Stia 'draja" yang lebih kerap didengar dan dipakai dalam tradisi pembesar-pembesar di Melaka berbanding dengan gelaran yang dianugerahkan kepada orang asing ini sebagai yang terjelma dalam *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 yang besar kemungkinan merupakan penyisipan atau kesalahan yang dibuat oleh penyalin terkemudian. Apatah lagi gelaran 'syah' selalunya digunakan oleh raja atau pemerintah Islam sahaja. Lihat C.C. Brown, hlm 142; W.G. Shellabear, hlm 233.

[94]W.G. Shellabear, hlm 256. Dalam teks *Undang-undang Melaka* fungsi pentadbiran Syahbandar disamatarakan dengan fungsi Bendahara, Penghulu Bendahari dan Temenggung, sehingga jika dilihat sekali imbas nyata Syahbandar menduduki taraf Pembesar Empat.

Hal yang demikian berlaku kerana besar kemungkinan draf di awal *Hukum Kanun Melaka* dicipta sebelum muncul institusi Laksamana dalam sejarah Melaka pada masa Melaka diperintah oleh Sultan Mansor Syah. Sehingga draf awal itu disalin beberapa kali, tidak ada perubahan atau pindaan yang dilakukan. Adalah mustahil empat orang Syahbandar yang ada di Melaka membolehkan mereka semua menduduki taraf Pembesar Empat sekaligus. Dan adalah tidak mungkin juga seorang yang benar-benar asing seperti Raja Mendeliar dilantik menjadi salah seorang Pembesar Empat dalam tradisi pentadbiran peribumi yang penting itu. Lihat Liaw Yock Fang, *op. cit.*, Fasal 0:1, hlm 64.

lalui perkahwinan, khidmat fizikal dan mental yang cemerlang kepada raja dan akhir sekali kedudukan ekonomi individu dalam masyarakat.

ISLAM DAN MASYARAKAT

Telah kerap dikatakan bahawa agama Islam memberikan kesan budaya dan pemikiran yang besar di kalangan penduduk Melaka, khususnya mereka daripada golongan peribumi yang beragama Islam.[95] Pada asasnya, gagasan yang mengatakan "Bahawa semua umat Islam yang beriman bersaudara"[96] menjadi prinsip ke arah perpaduan anggota masyarakat Islam sama ada kalangan mereka yang peribumi Islam, mahupun orang Islam dari Arab, Parsi dan India Selatan.

Walau bagaimanapun, Islam nampaknya kurang memberikan kesan kepada khurafat dan tahyul, yang sama ada secara disedari atau tidak, menjadi sebahagian kebiasaan di kalangan penganutnya, sekiranya ditinjau dari sudut pandangan dan perspektif yang negatif dalam konteks perkembangan masyarakat berbanding dengan ajaran Islam yang sebenar dan sahih yang bersumberkan al-Quran, hadith dan sunnah Rasulullah. Amalan-amalan salah yang tergolong ke dalam kesalahan *hadd* dalam Islam seperti meminum arak, membunuh sesama insan,[97] membunuh diri; juga perbuatan yang bertentangan dengan hukum Islam seperti menggugurkan anak dalam kandungan, amalan menyimpan gundik, iktikad dan isu bidaah walau-

---

[95]Untuk rujukan lanjut berkenaan mauduk ini, sila lihat Syed Muhammad Naguib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972; A.H. Johns, (tds.), "Daka'ik al-Huruf by Abdul Rauf of Singkel", dalam *Journal of the Royal Asiatic Society*, Pts. i and ii, 1955, hlm 65–73, 139–158; R. Le R. Archer, *Muhammadan Mysticism in Sumatera*, Hartford Seminar Foundation, 1935; M. Najeeb Saleeby, *Studies in Moro History, Law and Religion*, Manila, 1905; Sutan Takdir Alisyahbana, *Sumbangan Islam kepada Kebudayaan Dunia*, dan *Muhammad Uthman al-Muhammady, Peranan Islam dalam Pembentukan Kebudayaan Melayu*, kertas-kertas kerja yang tidak diterbitkan, dibentangkan dalam Seminar Kebudayaan Islam dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1976 dan lain-lain.

[96]Dalam bentuknya yang asal, gagasan ini adalah merupakan sedutan terus daripada kitab al-Quran;

> "Sesungguhnya orang-orang Mukmin itu tidak lain melainkan bersaudara; lantaran itu, damaikanlah antara dua saudara kamu, dan berbaktilah kepada Allah, supaya kamu diberi rahmat".
>
> (Terjemahan al-Quran surah al-Hujarat 49:10)

Lihat juga A. Hassan, *op. cit.*, hlm 1 016; A. Yusuff Ali, *op. cit.*, hlm 1 405.

[97]Hukum *hadd* dalam Islam berasal daripada istilah *hadd* dalam bahasa Arab yang bererti kongkongan, batasan atau sempadan. Dalam hukum Islam, *hadd* adalah sejenis undang-undang yang telah pun ditentukan hukuman terhadap kesalahan-kesalahan jenayah tertentu yang antara lain termasuklah;

(a) Kesalahan berzina, dihukum bunuh.

(b) Kesalahan kerana menuduh orang melakukan zina dan kesalahan minum arak. Kedua-dua kesalahan ini dihukum sebat beberapa kali.

pun dirujuk dan dibuktikan daripada kes-kes yang agak terpencil, namun ia terus terjadi.[98]

Di kalangan masyarakat kelas atasan, terutama raja atau pemerintah, Islam memberikan kekuatan keyakinan yang lebih berkesan dan bermakna terhadap undang-undang tertinggi kerajaan dan kedaulatan, dalam erti kata kepercayaan mengenai hak suci raja-raja (divine rights of kings) yang dipusakai daripada tradisi Hindu berhubung dengan konsep 'dewa-raja', menjadikan bentuk baru tetapi masih berlandaskan sistem kepercayaan dan semangat temurun yang serupa. Raja dalam masyarakat Melaka yang beragama Islam dianggap sebagai khalifah Tuhan di dunia untuk memerintah ummah Islam, sebagaimana *Sejarah Melayu*, dalam merujuk pada ucapan Bendahara yang mengatakan bahawa;

> "Maka Bendahara pun berwasiat pada segala anak cucunya, katanya, Hei anak-cucuku, jangan kamu tukarkan agama dengan dunia. Adapun dunia itu tiada kekal adanya, kerana hidup itu sahaja akan mati juga kesudahannya; hendaklah tuluskan hatimu pada berbuat kebaikan kepada *Allah subhanahu wa Ta'ala dan Rasul-Nya*, dan jangan kamu sekalian lupa berbuat kebaktian kepada raja kamu". Maka kata hukuman, "Adalah raja yang adil itu dengan Nabi salla'lLahu 'alaihi wa sallam *umpama dua buah permata pada sebentuk cincin*; lagi pun raja itu *umpama ganti Allah di dalam dunia*, kerana ia zulli'lLahu fi al-'alam; apabila berbuat kebaktian kepada raja, seperti berbuat kebaktian kepada Allah subhanahu wa Ta'ala. Yakni berbuat kebaikan kamu akan Allah dan Rasul-Nya dan akan raja ...".[99]
> [huruf condong dihasilkan oleh penulis]

(c) Kesalahan merompak di lebuh raya serta membunuh pula mangsa rompakan itu. Hukumannya ialah si perompak dibunuh dengan pedang ataupun disalang (salib). Kesalahan mencuri dan merompak di lebuh raya tanpa membunuh mangsa kecurian atau perompakan. Hukumannya ialah dipotong tangan atau kaki si pesalah.

Untuk rujukan lanjut, sila lihat Liaw Yock Fang, (ed), *op. cit.*, Fasal 37:2, hlm 159–160; Lihat juga *Encyclopaedia of Islam*, edisi baharu, Leiden, 1953, di bawah tajuk *hadd*.

[98]Di Melaka, kesalahan seperti ini dapat dirujuk kepada beberapa peristiwa, umpamanya Seri Wak Raja II membunuh diri dengan memakan racun; Tun Ali Hati yang meminta dirinya dibunuh oleh Sultan Mahmud untuk menunjukkan taat setianya kepada Sultan Ahmad yang telah dibunuh; seorang tokoh Melaka yang bernama Seri Rama yang menghabiskan masa hidupnya dengan meminum arak; Tun Fatimah, isteri Sultan Mahmud yang menggugurkan anak dalam kandungan kerana sebab-sebab peribadi. Berkenaan hal ini lihat W.G. Shellabear, *passim*; C.C. Brown, *passim*.

[99]Lihat C.C. Brown hlm 110–111; W.G. Shellabear, hlm 189–190. Naskhah terjemahan C.C. Brown yang dirujuk daripada *Sejarah Melayu* versi tahun 1536 menyelitkan pula sepotong ayat al-Quran selepas daripada ayat "When you do your duty towards the Prophet of God it is though you were doing it to God Himself, as says the Word of God in the Koran 'Ati 'ullaha wa 'ati 'u'r- rasula wa' ulu'l-amri minkum, that is to say 'Do your duty towards God and the Apostle of God".

Kepercayaan sejagat terhadap Tuhan dan Rasul dihubung dan dirasionalisasikan dengan konsep daulat, derhaka dan tulah yang wujud dalam masyarakat setempat. Menderhaka kepada raja, bererti menderhaka kepada Rasul dan seterusnya menderhaka kepada Allah. Oleh itu, diindoktrinasikan bahawa sesiapa yang menderhaka kepada raja bererti menafikan kedaulatan raja. Maka janganlah menderhaka kepada raja sebab ia juga menderhaka kepada Allah dan Rasul.

Tradisi politik yang dibayangkan oleh *Sejarah Melayu* di sebaliknya menunjukkan bahawa rakyat tidak harus menentang atau menderhaka kepada raja, walau bagaimana zalim seseorang raja itu. Konsep 'raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah' jangan diamalkan. Raja yang zalim akan menerima hukuman, bukan daripada pihak ummah atau rakyatnya, tetapi menerima terus hukuman daripada Allah.

Hakikat sosial ini diselaraskan daripada perbuatan Sultan Mahmud; raja yang dianggap oleh Pires sebagai, "... less just", kehilangan kuasa di tangan orang Portugis. Baginda bolehlah dikatakan telah dihukum oleh Allah.[100] Dalam keadaan yang sama, penyusun *Sejarah Melayu* juga berikhtiar mencipta dan menyusun gaya penulisannya sendiri. Dalam konteks konvensi dan tradisi penulisan Melayu tradisional, *Sejarah Melayu* menyatakan bahawa tiap-tiap raja Islam di Melaka akan mengucapkan semacam *ethical exortation* dalam bentuk wasiat kepada penggantinya apabila mereka hampir mangkat, walaupun kita sedar bahawa fenomena sastera ini dimodelkan daripada gaya penulisan *Hikayat Raja-raja Pasai*. Dengan perkataan lain, penyusun teks tersebut, secara tidak langsung mengatakan bahawa dari segi hakikat dan praktiknya, kuasa politik seorang raja Melaka tidaklah mutlak.

Semangat keislaman yang ditunjukkan oleh Sultan Mansor, Sultan Alauddin dan Sultan Mahmud, tambahan pula Melaka adalah sebuah pusat perkembangan Islam, tentu tidak dapat menolak andaian bahawa majoriti orang Melayu di Melaka adalah beragama Islam. Islam juga adalah agama sebahagian daripada orang Cina yang menetap di Melaka, terutama mereka

---

Dalam tradisi Melayu-Islam, soal hubungan seorang raja yang memerintah dengan Allah itu sebenarnya adalah dipadankan terus daripada sebuah ayat dalam al-Quran yang berbunyi;

> "Hai orang-orang yang beriman! Taatilah kepada Allah dan taatilah kepada Rasul dan kepada orang berkuasa daripada antara kamu. Maka sekiranya kamu berbantahan di satu perkara, hendaklah kamu kembalikan dia kepada Allah dan Rasul, jika adalah kamu beriman kepada Allah dan hari Kemudian. Yang demikian itu sebaik-baik dan sebagus-bagus, ta'wil".
>
> (Terjemahan al-Quran surah al-Nisa' 4:59)

Untuk penelitian lanjut, sila lihat A. Hassan, *op. cit.*, hlm 107; A. Yusuff Ali, *op. cit.*, hlm 198; sila lihat juga Raja Ali Haji bin Raja Ahmad, *Thamrat al-Muhemmah dhiafah lil-umara wal-kubra li ahlil-Mahkamah*, Langga, 1886; Nuruddin ar-Raniri, *Bustan'us-Salatin*, (naskhah), Bab 2 dan Bab 3.

[100]A. Cortesao, hlm 252–256.

yang ada hubungan kekeluargaan dengan kelas kerabat melalui perkahwinan. Begitulah juga halnya di kalangan orang Tamil-Islam, Parsi dan seterusnya yang telah berkahwin dengan wanita-wanita tempatan yang beragama Islam. Sejarah tentu tidak boleh menyangkal pendapat bahawa perkembangan sosial seperti ini tentu memberikan kesan mental dan pemikiran yang baharu, nilai dan norma budaya, etos, juga sikap dan fitrah anggota masyarakat Melaka yang berlunaskan ajaran atau cara pemikiran Islam.

Agama Islam juga memberikan warna baru terhadap institusi setempat dan hukum-hukum adat dalam berbagai-bagai institusi tempatan setelah proses rasionalisasi terjadi. Jelas juga, Islam menyumbangkan perkembangan mental serta intelektual terhadap golongan elit dalam masyarakat, apabila tulisan Jawi diperkenalkan ke Melaka. Hakikat sejarah ini tentu mengakibatkan munculnya intelek-intelek istana di kalangan pembesar-pembesar dan tokoh agama yang berbangsa Melayu.[101] Perkembangan peradaban melalui dan yang berlunaskan Islam memberi jalan kepada kemunculan berbagai-bagai hasil kesusasteraan Melayu Islam,[102] di samping terdapat berbagai-bagai bentuk sastera, prosa dan puisi yang berbentuk lisan, masyhur di kalangan kelas rakyat, antara lain termasuklah ikat-ikatan, syair, gurindam, bait, nyanyi, seloka, asyik-asyik, pantun dan hikayat.[103]

Unsur undang-undang dan syariat Islam jelas telah diserapkan dengan berkesan ke dalam tatacara undang-undang Melaka justeru untuk membentuk peruntukan dalam *Hukum Kanun Melaka* dan dalam beberapa hal ke dalam *Undang-undang Laut Melaka*. Dalam *Hukum Kanun Melaka* umpamanya, hukum-hukum Islam jelas mempengaruhi berbagai-bagai peruntukan bersabit dengan hukuman terhadap kesalahan jenayah, hal-hal yang berkait dengan hukuman jenis *hadd* dalam Islam, undang-undang keluarga, hukuman berhubung dengan bunuh yang termasuk dalam lingkungan qisas atau 'balas darah', hukuman terhadap kesalahan mencuri, menyamun, kesalahan-kesalahan seks bersabit dengan perbuatan zina, dan liwat dan

---

[101]Contoh terbaik di kalangan pembesar Melaka dalam hal ini ialah Tun Perak sendiri dan beberapa orang Bentara. Kebenaran sejarah juga dapat dipertahankan, berdasarkan hadirnya beberapa buah kitab agama Islam dan beberapa buah hasil sastera Melayu Islam yang dibincangkan secara perinci pada bahagian-bahagian akhir *Sejarah Melayu*.

[102]Hasil sastera Melayu yang bercorak Islam ialah seperti *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*, *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Iskandar Dzulkarnain* dan seterusnya. Ada beberapa buah hikayat ini dibacakan kepada umum pada malam Portugis menyerang Melaka untuk membangkitkan semangat hulubalang-hulubalang Melaka agar gigih menentang Portugis. W.G. Shellabear, hlm 273–274; C.C. Brown, hlm 162–163.

[103]Terdapat suatu contoh dalam *Sejarah Melayu* apabila dikatakan seorang Melayu berasal dari Pasai bernama Tun Bahara sangat bijak bersyair, berbait, bergurindam, berseloka. Lihat W.G. Shellabear, hlm 150–151.

hubungan seks yang haram antara jantina yang berlainan.[104]

Reaksi positif orang tempatan terhadap agama Islam tentu menarik perhatian ramai ulama dan mubaligh Islam yang terdiri daripada para pedagang-mubaligh dan para ahli sufi yang menjalankan kegiatan dakwah Islamiyyah. Di kalangan tokoh tasawuf dan sufi terkenal yang datang ke Melaka ialah Sayyid Abdul Aziz r.a.w. (penyebar Islam di Melaka), Abu Bakar, Yusoff, Menawar, Sadar Jahan, Jalaluddin, Muhammad Kabungsuan dan Karim al-Makhdum.

Mereka semua memakai gelaran Arab dan gelaran agama seperti Kadi, Maulana, Makhdum, Awliya, Syarif dan Sayyid, yang menurut etimologi Portugis dikenali sebagai *Casis*, *Cazee*, *Kajee* dan *Mula* atau *Mollah*.[105] Mereka adalah orang asing yang mempunyai pengaruh agama yang kuat di kalangan penduduk tempatan. Orang Melayu sendiri, khasnya golongan atasan memang cergas dalam pengajian dan kegiatan agama. Telah terjadi beberapa siri polemik tentang agama bersabit dengan analisis terhadap beberapa aspek Tasawuf dan perbincangan tentang berbagai-bagai mazhab dalam Islam, juga pentafsiran terhadap kandungan kitab agama, Dar'ul-Mazlum atau Dar'ul-Manzum, antara Melaka dengan Pasai. Hal-hal ini memancarkan perkembangan dan peningkatan keintelektualan di kalangan

---

[104]Dalam masyarakat Melayu "qisas" dihubungkan dengan konsep "berhutang darah" yang muncul dalam peribahasa Melayu berbunyi 'hutang darah dibayar darah' atau 'hutang jiwa dibayar jiwa'. Dalam *Hukum Kanun Melaka* undang-undang berhubung dengan "qisas" dinyatakan dengan jelas dalam hal-hal yang berhubung dengan hukuman membunuh;

> "Fasal yang kelima ada menyatakan orang membunuh dengan tiada setahu raja-raja atau orang besar-besar. Jikalau dibunuhnya dengan tiada dosanya sekalipun, dibunuh pula ia pada hukum Allah, maka adil namanya".

Sila rujuk karya Liaw Yock Fang, *op. cit.*, Fasal 5:1, hlm 69. Dalam hal yang sama "qisas" juga terjadi terhadap kesalahan-kesalahan jenayah yang kecil seperti menampar atau menjatuhkan maruah seseorang. Lihat Liaw Yock Fang, Fasal 8:2 dan 8:3. Pada asasnya "qisas" adalah sebahagian daripada pengaruh undang-undang Islam dalam budaya Melayu. Firman Allah dalam al-Quran berbunyi;

> "Hai orang-orang yang beriman! Diwajibkan atas kamu (hukum) qisas buat (membela) orang-orang yang mati dibunuh, (iaitu) orang merdeka dengan orang merdeka, dan hamba dengan hamba dan perempuan dengan perempuan. Tetapi barang siapa dapat sebahagian keampunan daripada saudaranya (yang membela si mati), maka ia hendaklah balas kebaikan, serta serahkan (diyat) kepadanya dengan cara baik. Yang tersebut itu suatu kelonggaran dan rahmat daripada Tuhan kamu. Lantaran itu, barang siapa melanggar batas (lagi) sesudah yang demikian, maka ia mendapat seksaan yang pedih".

A. Hassan, *op. cit.*, hlm 48–49; A. Yusuff Ali, *op. cit.*, hlm 70–71. Sementara itu kes-kes yang melibatkan perzinaan haram diperundangkan juga dalam *Undang-Undang Laut Melaka*. Lihat R.O. Winstedt dan Josselin de Jong, *op. cit.*, Fasal 4:2, hlm 32; Lihat juga Liaw Yock Fang, op. cit., Fasal 12:1 dan 2, Fasal 12:2 dan 3, hlm 83–85.

[105]Sila lihat J.V. Mills, *op. cit.*, hlm 176. Tome Pires menyebut orang seperti ini sebagai Kashises dan Mollahs. Lihat A. Cortesao, hlm 180.

sebahagian daripada anggota masyarakat dalam bidang-bidang agama serta metafizik walaupun terjelma dalam bentuk esoterik. Hakikat ini telah menarik beberapa orang senteri dari Pulau Jawa untuk datang mempelajari dan mentelaah agama Islam, yang akhirnya didakwa menjadi wali.[106] Sunan Giri dan Sunan Bonang adalah antara contoh kalangan senteri yang hadir di Melaka pada pertengahan kedua abad ke-15.

Kehadiran tokoh-tokoh agama daripada berbagai-bagai tempat seperti dari Asia Barat, India dan Pulau Jawa ini tentu dapat meyakinkan kita tentang Melaka pada abad ke-15. Masyarakatnya bercorak heterogen. Sebagai pengembang agama yang gigih di rantau ini, Melaka telah melahirkan tokoh agama dan pengkaji Islam yang terdiri daripada peribuminya sendiri. Contoh yang terbaik ialah Tun Muhammad yang dilaporkan sebagai berjaya menguasai dan fasih dalam nahu Arab dan ilmu *sarf* (etimologi) dengan memiliki pengetahuan fikah (undang-undang Islam) yang mendalam.[107]

Semangat keislaman yang ditunjukkan oleh penganut-penganut Islam di Melaka telah berjaya untuk menempatkan ulama-ulama bukan Melayu ini dalam kedudukan yang istimewa dalam masyarakat. Di samping menjadi guru dan pendakwah agama, mereka mempunyai pertalian yang erat dan bergaul bebas dengan kelas bangsawan Melaka. Kedudukan Melaka sendiri, yang menerima Islam pada abad ke-15 telah menjadi pendorong kepada fenomena masyarakat jenis ini. Dengan kedudukan yang sedemikian, muamalat dan sufisme, lazimnya mudah mendapat tempat dan tapak di kalangan penganut Islam yang baru.[108] Dalam konteks agama, ulama asing lebih dihormati daripada raja-raja Melaka. Peranan sosial mereka tidak mungkin boleh menolak kenyataan bahawa mereka telah berkahwin dengan wanita tempatan seperti pengalaman Syarif Muhammad Kabungsuan yang dikatakan berkahwin dengan puteri raja Melaka dalam tahun 1475. Ada juga pembesar Melaka yang berkahwin dengan anak perempuan keluarga ulama asing ini. Antaranya ialah Seri Dewa Raja yang berkahwin dengan anak Kadi

---

[106]Untuk keterangan lanjut sila lihat A. Mukti Ali, *The Spread of Islam in Hindia Belanda*, Bharatara, Jakarta, 1973, hlm 14; J.C. Van Leur, *Indonesia, Trade and Society*, edisi kedua, Bandoeng, 1960, hlm 92–3; D.G.E. Hall, *A History of Southeast Asia*, London, 1964, hlm 198–201; Syed Muhammad Naguib al-Attas, *Preliminary Statements* ..., hlm 9–23; M.Ramlan, *Babad Tanah Jawi*, Kuala Lumpur, 1975, hlm 11–19.

[107]W.G. Shellabear, hlm 192. Menurut keterangan naskhah *Sejarah Melayu* yang diterjemahkan ke bahasa Inggeris, Tun Muhammad dikatakan cucu Bendahara Tun Perpatih Putih, dan cucu saudara Tun Perak. Lihat C.C. Brown, hlm 112.

[108]Van Leur, *op. cit.*, hlm 92–95; Syed Muhammad Naguib al-Attas, *op. cit.*, *passim*; W.F. Wertheim, *Indonesian Society in Transition*, The Hague, 1955, hlm 195–235; A.H. Johns, "Sufism as a Category in Indonesian Literature and History", dalam *JSEAH*, Jil 2, No 2, Julai 1961.

Menawar dan melahirkan keturunan yang bergelar Datuk, Tun dan Paduka.[109]

Di istana Melaka, fungsi ulama ini penting bukan sahaja sebagai guru dan ketua agama kepada anggota kerabat, bahkan yang lebih berkesan ialah untuk memenuhi keperluan rohaniah raja-raja ke arah mencapai dan mengukuhkan daulat serta hak-hak asasi politik dalam sistem pemerintahan; bahawa raja adalah 'bayangan' atau khalifah Tuhan di dunia ini.

Fungsi rohaniah dan agama golongan ulama dan ahli sufi di istana Melaka ketika itu mungkin bersesuaian, walaupun tidak sama pentingnya dengan golongan pujangga dan rahib agama di keraton dalam masyarakat Jawa tradisional.[110] Mereka penting untuk menyokong dan menegakkan institusi perajaan Melaka dari segi mental dan kebatinan. Di istana, mereka adalah intelek tradisional yang minoriti dan yang mempunyai pengaruh yang kuat. Kadi dan fakih daripada golongan ulama ini ditempatkan bersama-sama dengan pembesar istana peribumi yang lain dan mendapat taraf kedudukan selepas Temenggung, mendahului Laksamana. Kepentingan fungsi sosial para ulama ini dapat ditunjukkan apabila penyusun *Sejarah Melayu*, dengan menggunakan gaya konvensi sasteranya yang tersendiri, meletakkan kadi sebagai tokoh pembesar yang kedua selepas Bendahara, dengan khusyuk hadir di sebelah raja Melaka yang hampir mangkat.[111] Bayangkan sahaja bagaimana gambaran potret berkumpul raja-raja Melayu dengan pembesar-pembesarnya pada abad ke-19 dan abad ke-20 di istana raja-raja Melayu Semenanjung, yang akan disertai oleh seorang yang berserban besar dan berjubah labuh. Tentunya tokoh ulama ini mempunyai kedudukan yang istimewa dan bermakna pada institusi perajaan dalam kesultanan negeri-negeri Melayu ini. Ini adalah warisan Melaka.

Dalam konteks hubungan sosial di kalangan anggota masyarakat, bukti ini menunjukkan bahawa hubungan etnik dan integrasi ras antara orang peribumi dengan 'orang asing' yang beragama Islam tidak menampakkan sebarang masalah. Mobiliti cara menegak dalam stratifikasi sosial terutama

---

[109]W.G. Shellabear, hlm 199–200; Dalam naskhah terjemahan C.C. Brown daripada *Raffles MS. 18*, gelaran pembesar Melaka ini muncul sebagai Seriwa Raja, bukan Seri Dewa Raja. Lihat C.C. Brown, *op. cit.*, hlm 119–120.

[110]Untuk keterangan lanjut tentang peranan pujangga Jawa, sila lihat F.D.K. Bosch, *Selected Studies in Archaeology*, The Hague: Martinus Nijhoff, 1961, hlm 10–13; Lihat juga B.H.M., Vlekke, *Nusantara: A History of Indonesia*, The Hague-Bandoeng, Van Hoeve, 1959, hlm 53–55; Mohd. Taib Osman, "Mythic Elements in Malay Historiography", dalam *Tenggara*, Jil 2, 1968, hlm 80–89.

[111]W.G. Shellabear, hlm 185; Dalam naskhah terjemahan C.C. Brown, kadi dilaporkan sebagai menduduki tempat keempat selepas Bendahara, Penghulu Bendahari dan Temenggung. Tokoh agama yang dikatakan duduk bersampingan Sultan Alauddin yang hampir mangkat ialah Kadi Menawar. Lihat C.C. Brown, hlm 116.

di kalangan ulama, menyebabkan ulama yang hanya bertaraf orang kebanyakan boleh mencapai kelas aristokrat.

'ORANG ASING' DI MELAKA

Pada amnya, 'orang asing' yang secara tradisinya diistilahkan sebagai 'orang dagang' atau 'orang perantau', terdiri daripada dua jenis. Pertama, mereka yang terlibat dalam berbagai-bagai kegiatan sosial seperti menjadi tentera upahan kerajaan Melaka yang kebanyakannya terdiri daripada orang Jawa dan Pasai. Mengikut laporan Portugis pada tahun 1511, bilangan mereka ramai. Sebagaimana yang telah diterangkan, ada juga yang terlibat dalam hal agama Islam, menjadi ulama dan guru kepada orang Melaka yang beragama Islam dan kalangan senteri dari negeri asing. Kedua, mereka yang terlibat dalam berbagai-bagai kegiatan ekonomi, menjadi pedagang secara kecil-kecilan sehinggalah ke peringkat pemborongan dan perniagaan secara besar-besaran dan menjadi saudagar yang kaya-raya. Pelombong bijih yang mungkin ramai adalah terdiri daripada orang Cina, pekerja mahir dan sebagainya tergolong juga ke dalam pihak yang kedua ini. Objektif pendudukan mereka berhubung dengan potensi sosial dan ekonomi perdagangan yang terdapat di Melaka untuk mereka bertumpu di Melaka memanglah jelas. Secara umum, mereka terdiri daripada dua kategori, iaitu pertama, yang menetap terus di Melaka; dan kedua, yang menjadi pengunjung sekali-sekala sebagai peniaga. Apabila mengkaji hubungan di kalangan masyarakat yang bercorak kosmopolitan di Melaka, pemerhatian kita secara langsung atau tidak langsung akan tertumpu kepada golongan yang pertama. Mereka terdiri daripada orang Cina, Keling (Tamil), Gujerat, berbagai-bagai suku bangsa dari Tanah Arab, Ghori, Parsi, Jawa, Burma, Siam, kepulauan Ruykyu dan sebagainya. Kehadiran mereka menambahkan lagi bilangan kumpulan etnik yang telah sedia terdapat di kalangan masyarakat berbagai-bagai suku Melayu daripada seluruh Nusantara.

Penduduk yang ramai bertumpu di tiga bahagian negeri Melaka, iaitu Upeh (Trenquera sekarang) di bahagian utara yang mempunyai penduduk paling ramai, Iler (Bandar Hilir) menganjur hingga ke Tanjopacer (iaitu Ujong Pasir sekarang), di selatan dan Sabac, kawasan sungai Melaka yang menganjur hingga ke arah hulu sungai, yang dilaporkan oleh Tome Pires, juga de Eredia pada masa selepas tahun 1511,[112] berkemungkinan adalah kesan daripada taburan penempatan penduduk dari zaman kesultanan

[112]A. Cortesao, hlm 278–289; J.V. Mills, *op. cit.*, hlm 103, 153.

sendiri. Umpamanya, *Sejarah Melayu* dalam keadaan yang sama tentang taburan masyarakat Melaka yang secara umum melaporkan bahawa;

> "Adapun zaman itu negeri Melaka terlalu sekali ramainya, segala dagang pun berkampung; maka dari Air Leleh datang ke Muar pasar tiada berputusan lagi, dari Kampong Keling datang ke Kuala Penajoh (Linggi) itu pun tiada berputusan; jika orang dari Melaka datang ke Jugra tiada membawa api lagi, barang di mana berhenti di sana adalah rumah orang; daripada sebelah sini hingga datang ke Batu Pahat demikian juga ...".[113]

Sejak zaman awal penubuhan Melaka lagi hubungan masyarakat Cina dengan masyarakat Melaka ditentukan oleh dua faktor sejarah. Pertama, mereka datang ke Melaka sebagai pedagang sesuai dengan dasar perdagangan asing yang diamalkan oleh kerajaan China sendiri.[114] Bilangan mereka yang telah menetap di Melaka tidak ramai berbanding dengan orang peribumi. Kedua, sejarah hubungan melalui perkahwinan yang berlaku antara wanita Cina yang telah menetap itu dengan orang Melaka sendiri.

Adalah lojik bahawa golongan *occassional traders* tidak semestinya mengamalkan dan mematuhi tradisi kebudayaan tempatan yang wujud, sebagaimana laporan Hai Yu tentang anggota masyarakat Cina jenis ini;

> "According to their customs (those of the natives of Melaka), it is forbidden to eat pork; when the Chinese live here eat it, the others are indignant and say it is a filthy habit".[115]

Sementara itu saudagar-saudagar Cina pula tinggal di hotel-hotel yang berasingan daripada penduduk tempatan, dilayan oleh hamba-hamba perempuan pagi dan petang.[116] Layanan baik dan segala kemudahan yang diberikan mungkin selari dengan amalan ekonomi Melaka sendiri untuk menggalakkan saudagar asing datang dan berniaga di sana.

Hakikat sejarah perkahwinan antara dua golongan masyarakat dapat diteliti daripada sejarah perkahwinan raja-raja Melaka dengan orang Cina tadi. Sebagai hasil kreatif *Sejarah Melayu* yang bertujuan semata-mata untuk meyakinkan kepada kita tentang kebesaran raja-raja Melaka, men-

---

[113]C.C. Brown, hlm 151; W.G. Shellabear, hlm 247.

[114]Untuk penerangan lanjut tentang perkara ini, lihat Wang Gungwu, *The Opening of Relation...*, *op. cit.*, hlm 87–90; W.P. Groeneveldt, *Notes on the Malay Archipelago ...*, hlm 121–125; O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya ...*, hlm 154–183; Kernial Singh Sandhu, "Chinese Colonization of Malacca", dalam *The Journal of Tropical Geography*, Jilid 15, Jun, 1961, hlm 4–6.

[115]Purcell dalam menyebut memetik laporan dan petikan daripada sumber Hai Yu. Lihat Victor Purcell, *Chinese Settlements ...*, *op. cit.*, hlm 117.

[116]*Loc cit.*

dakwa bahawa Sultan Mansor Syah telah berkahwin dengan Hang Li Po yang dikatakan seorang puteri Maharaja Cina. Laporan dari Barat pula mencatatkan bahawa perkahwinan ini telah berlaku lebih awal lagi, iaitu pada masa pemerintahan Iskandar Syah; bukan dengan puteri raja Cina tetapi dengan anak seorang Kapitan Cina. Victor Purcell mentafsirkan tentang Kapitan ini; "... had authority over a more or less permanent Chinese community in Malacca".[117] Bagi kita, bukan soal siapa mengahwini siapa, tetapi yang penting ialah perkahwinan antara dua masyarakat ini telah berlaku dalam sejarah masyarakat Melaka. Orang Cina yang dikatakan mengiringi 'wanita Cina' yang berkahwin dengan Sultan Mansor ialah seramai 500 orang. Dengan adanya peristiwa sejarah ini tetapi telah dimitoskan oleh *Sejarah Melayu*, maka tidak dapat ditolak kenyataan dalam teks ini yang menyatakan bahawa orang Cina telah memeluk agama Islam. Apabila telah memeluk agama Islam, soal integrasi sosial antara kaum tidak akan menjadi masalah. Keturunan darah campuran Melayu-Cina ini menurut laporan Dinasti Ming; "... wear their hair in a knot [tocang] but some are of lighter colour, being descedants of Chinese". Jika sahih dakwaan Pires bahawa Iskandar Syah telah berkahwin dengan anak Kapitan Cina yang dihantar ke Melaka bagi pihak Maharaja Cina, nyatalah yang Kapitan tersebut telah menyebabkan terciptanya jawatan Kapitan sebagai ketua masyarakat Cina di Melaka.[118]

Di peringkat kalangan masyarakat atasan, hubungan ras antara dua kaum ini memberikan satu gambaran yang menarik. Pada satu pihak, kita menyaksikan Sultan Mansor telah mendapat seorang anak lelaki dengan 'wanita Cina' tadi dan diberi nama Paduka Mimat. Paduka Mimat mendapat anak bernama Paduka Seri Cina, iaitu ayah Paduka Ahmad dan datuk Paduka Isap.[119] Seperti Paduka Seri Cina, mereka dijadikan 'raja' Jeram, di Langat. Pada pihak yang lain, lantaran kerana mereka bukanlah anak gahara,[120] walaupun anak bukan gahara mungkin dapat menjadi raja Melaka, terutama mereka yang mempunyai pertalian saudara dengan Bendahara Melaka, mereka nampaknya dianggap sebagai golongan kerabat 'darjat kedua' sahaja. Mereka cuma dilantik menjadi raja di satu daerah kecil dalam sebuah empayar Melayu Melaka yang besar.

---

[117] *Ibid.*, hlm 118.

[118] Purcell mengandaikan bahawa jika institusi 'Kapitan China' ini pernah muncul, besar kemungkinan bahawa Kapitan China ini adalah ejen yang menjadi penduduk tetap Melaka. Victor Purcell, *ibid.*, hlm 119.

[119] W.G. Shellabear, hlm 130, C.C. Brown, hlm 82.

[120] Gahara bererti seseorang anak raja yang beribubapakan anak-anak raja. Lihat T. Iskandar, *op. cit.*, hlm 282.

Jika benar dakwaan Pires bahawa Raja Pute, anak Iskandar Syah dengan seorang wanita Cina yang *not a woman or rank* atau dikatakan sebagai *concubine*, nyatalah bahawa Raja Pute juga mempunyai taraf yang sama dengan putera raja keturunan Cina tadi. Beliau cuma diberikan wibawa di Bretao (Bertam), daerah kecil tempat istirahat raja-raja Melaka dan tempat didirikan istana persemayaman tidak rasmi raja-raja Melaka, walhal putera tersebut lebih tua daripada Muzaffar Syah dan Mansor Syah dan, "... the people of Malacca already believed greatly in Raja Pute".[121] Walaupun kenyataan ini berbeza tetapi corak isi yang dikemukakan oleh *Sejarah Melayu* dan Pires saling melengkapi. Melainkan Raja Pute yang masih diberikan panggilan 'raja' dan gelaran 'paduka' (Paduka Raja) sesuai dengan tarafnya sebagai wizurai, anak-anak raja lain yang berbapakan Sultan Mansor Syah dengan wanita Cina ini hanya diberikan panggilan 'paduka' sahaja, bukan 'raja'. Ini berbeza dengan putera-putera yang lain yang bukan juga anak gahara seperti Raja Kassim, Raja Abdullah, Raja Hussain dan Raja Mahmud walaupun dalam konteks terminologi, 'paduka' dan 'raja' tidak membayangkan sebarang perbezaan makna kerana mereka beribukan bukan kerabat juga.[122]

Keadaan yang aneh juga terdapat pada masyarakat Jawa. Perkahwinan Sultan Mansor dengan puteri Raja Jawa, Raden Galuh seperti yang didakwa oleh *Sejarah Melayu*,[123] yang sebenarnya bersifat anakronistik, meyakinkan kita bahawa perkahwinan orang Melaka dengan wanita Jawa memang berlaku. Perkahwinan Sultan Mansor dengan seorang wanita Jawa melahirkan seorang putera. Tetapi berbeza dengan darjat adik-beradiknya yang beribukan wanita Cina, anak raja ini diberikan gelaran raden; Raden Kelang mengikut versi *Shellabear 1612* dan Raja Raden menurut versi *Raffles MS 18*. Beliaulah yang mewarisi takhta kerajaan dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah I.

---

[121]Lihat A. Cortesao, hlm 246.

[122]Paduka bererti kasut. Tetapi dalam konteks sosial, paduka adalah panggilan hormat untuk pemerintah atau ketua negara, juga ganti nama untuk seorang yang dihormati. Sementara raja adalah gelaran tetap untuk orang yang berketurunan raja, walhal paduka tidak semestinya berketurunan raja. Lihat T. Iskandar, *op. cit.*, hlm 793 dan 917; Lihat juga R.J. Wilkinson, *A Malay English Dictionary*, Mytilene, 1932, hlm 1321.

[123]Perkahwinan antara dua tokoh diraja ini menurut *Sejarah Melayu* yang sebenarnya, seperti yang diandaikan oleh T. Iskandar adalah suatu penyisipan penyalin terkemudian yang mendapat fakta tersebut daripada sumber lisan dan tradisi rakyat, walaupun berkemungkinan bahawa episod tersebut didasarkan pada peristiwa sejarah tertentu tentang perkahwinan salah seorang pemerintah Melaka dengan seorang wanita Jawa yang bukan kerabat. Lihat T. Iskandar, *Anachronism in Classical Malay Literature*, kertas kerja yang tidak diterbitkan dalam *International Congress of Orientalist*, Paris, Jun, 1973: Lihat juga rencana saya "Anakronisme dalam Historiografi Melayu", dalam *Dewan Bahasa*, Jil 20, No ii, 1976, hlm 90–101; Muhammad Yusoff Hashim, *Persejarahan Melayu Nusantara*, Teks Publishing Company, Kuala Lumpur, 1988, hlm 75–85.

Di kalangan golongan pendatang ini, masyarakat Tamil laporkan sebagai orang asing yang paling ramai tinggal di Melaka. Mereka mendapat perhatian yang istimewa terutama mereka yang beragama Islam. Sekiranya sahih dakwaan *Sejarah Melayu* bahawa menantu Seri Nara Diraja, ketika Sultan Muhammad Syah (1424–1444) memerintah, ialah seorang Tamil-Islam dari India bergelar Mani Purindan bererti "penyimpan permata", nyatalah bahawa golongan Tamil-Islam ini menduduki kelas bangsawan dan elit Melayu. Walaupun kalangan ini minoriti jumlahnya, tetapi amat berpengaruh. Dan seterusnya menjadi unsur pembentukan masyarakat dalam institusi budaya Melaka. Tun Ali, anak Mani Purindan, telah dilantik menjadi Seri Nara Diraja menggantikan datuknya, kemudian melahirkan pula beberapa tokoh bangsawan atau pembesar Melayu yang lain. Menurut naskhah *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan*,[124] iaitu salah sebuah versi *Sejarah Melayu* yang paling awal, Tun Ali adalah tokoh yang kedua pentingnya dalam sosiopentadbiran Melaka, selepas raja sendiri, sebelum munculnya institusi Bendahara dan sebelum perlantikan Bendahara Paduka Raja Tun Perak. Cucu beliau, Raja Kassim kemudiannya menjadi Sultan Muzaffar Syah dan dikatakan sangat mengasihani Tun Ali. Daripada keturunan keluarga ini juga muncul tokoh-tokoh bangsawan Melaka yang penting seperti Temenggung Tun Tahir, Bendahara Tun Mutahir dan Temenggung Tun Hassan.

Kehadiran unsur masyarakat seperti ini menyebabkan beberapa tokoh asing dari India terlibat sama dalam institusi pentadbiran. Umpamanya, oleh sebab Raja Mendeliar mempunyai taraf ekonomi yang tinggi, beliau dilantik menjadi Syahbandar Melaka ketika pemerintahan Sultan Mahmud (1488–1500). Beliau adalah seorang Keling(a). Kehadiran pengaruh mereka seolah-olah memberikan peluang kepada beberapa orang pedagang asing untuk berdamping rapat dengan golongan bangsawan Melayu seperti Naina Sura Dewana yang dikatakan menjadi penghulu semua saudagar Melaka, Kitul (menurut *Sejarah Melayu*) dan seorang lagi, Naina Chatu (Cheti?), (menurut Tome Pires).

Keturunan Tamil-Islam yang lain ialah Naina Isahak yang menjadi hulubalang Melaka ketika berperang dengan Pasai dan Mia Ruzul, iaitu

---

[124]Lihat naskhah *Ceritera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan*, hlm 3. Lihat juga R. Roolvink, "The Variant Versions ...," dalam *Bijdragen tot Josselin de Taal-, Land- en Volkenkun de*, Vol 123, pt 3, atau dalam lampiran C.C. Brown, (ed & tsd), op. cit., hlm xxix. Di samping itu rujuk juga sebuah lagi naskhah tertua daripada versi *Sejarah Melayu* ini bertanda *Maxwell 105*, di Perpustakaan Royal Asiatic Society, London, hlm 48–52. Salinannya dalam bentuk mikrofilem terdapat di Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

anggota tentera Melaka yang menyerang Aru. Terdapat juga orang Benggali, iaitu Miasam yang mencederakan Tun Hamzah dalam tragedi pembunuhan keluarga Tun Mutahir.

Sebahagian daripada orang asing ini sama ada berasal dari Parsi atau India Utara dan menetap di Melaka sebagai pedagang yang bergaul bebas dengan orang peribumi, kemudiannya akan memperolehi jawatan terhormat dalam masyarakat. Lumrahnya mereka membawa gelaran khawaja.[125] Contohnya ialah Khawaja Hassan yang dilaporkan telah berkahwin dengan anak Laksamana Hang Tuah, iaitu Tun Sirah. Oleh sebab beliau telah berkhidmat dalam tentera Raja Melaka dengan cemerlang, beliau dilantik menggantikan Hang Tuah memegang jawatan Laksamana. Berikutan daripada itu lahirlah keturunan yang membawa gelaran kebesaran Tun, contohnya Tun Abdul. Seorang lagi orang Parsi ialah Ali Manu Nayan, iaitu seorang biaperi.

Hubungan mereka dengan kelas bangsawan Melayu agak intim, sehingga pada akhir pemerintahan Sultan Mahmud, mereka nekad melibatkan diri dalam hal-ehwal tempatan. *Sejarah Melayu* secara anekdot deskriptif memberitahu kita bahawa angkara fitnah Naina Sura Dewana, Raja Mendeliar dan Kitul, dan perbuatan rasuah sebahagian daripada pembesar Melaka, maka seluruh keluarga Bendahara Seri Maharaja (termasuk adiknya Seri Nara Diraja Tun Tahir, anaknya Temenggung Tun Hassan, menantunya Tun Ali suami Tun Fatimah) dibunuh oleh Sultan Mahmud Syah dengan alasan cuba 'menderhaka'.[126]

Hubungan etnik antara kaum dalam masyarakat yang sedemikian tentu memberi peluang pada kaum-kaum lain untuk terlibat sama dalam institusi masyarakat. Kita diberitahu bahawa pada awal penubuhan Melaka, orang Arab diketuai oleh Maulana Jalaluddin pernah memainkan peranan subversifnya dalam politik Melaka dengan membantu Raja Kassim untuk menggulingkan Sultan Abu Syahid yang didakwa menjadi boneka Raja Rokan. Hal yang sama terdapat pada masyarakat Jawa, yang menurut Hervey, berjumlah antara 25 000 hingga 6 000 orang.[127] Ada sebilangan mereka yang berdampingan rapat dengan pembesar-pembesar Melaka seperti seorang pangeran yang kaya-raya dari Surabaya, bernama Patih Adam dan diberikan layanan bertaraf menteri. Peristiwa lucu yang berlaku antara Patih Adam dengan Tun Manda, anak Seri Nara Diraja, menunjukkan

---

[125]Biaperi adalah suatu istilah Melayu klasik untuk saudagar atau pedagang. Khawaja atau khojah pula adalah istilah Parsi yang juga bererti pedagang.

[126]W.G. Shellabear, hlm 262–264; C.C. Brown, hlm 156–158, A. Cortesao, hlm 158–159.

[127]Dipetik daripada *D.F.A. Hervey* oleh E. Koek dalam, "Portuguese History of Malacca", dalam *JSBRAS*, No 17, Jun, 1886, hlm 181, nota 3.

bahawa orang Jawa menghormati adat setempat.[128] Adanya pembesar dari Jawa ini, memberikan peluang kepada golongan minoriti Jawa yang bergelar priayi untuk bercampur dengan anggota masyarakat peribumi. Menurut laporan Pires[129] golongan pedagang Jawa juga diberi peluang untuk sama-sama terlibat dalam perkembangan sosial Melaka seperti Kyai Terambulum dan Utamutarraja serta anaknya Patih Acoo. Tokoh utama orang asing ini adalah juga ketua kumpulan etnik masing-masing. Dengan adanya fungsi sosial dan taraf pemilikan ekonomi menyebabkan mereka berpeluang berhubung rapat dengan kelas aristokrat dan kerabat Melaka.

Kita juga diberitahu bahawa orang Cina telah diberikan penempatan di sekitar Bukit Cina sekarang. Menurut laporan Eredia,[130] terdapat sebuah kampung yang dinamakan Kampung Cina. Dikatakan juga bahawa Hang Tuah telah dikebumikan di Tanjung Keling. Eredia juga melaporkan bahawa terdapat sebuah kampung, iaitu Kampung Keling yang dikatakan sebagai kawasan penempatan *Chelis of Coromandel*.[131] Berhampiran dengan kampung-kampung ini terdapat pula *Bazar of the Jaos* yang terletak di kuala sungai tempat orang Jawa dari Pulau Jawa menjalankan perniagaan tiap-tiap hari. Kawasan ini kemudian muncul sebagai Kampung Jawa. Besar kemungkinan penempatan seperti ini yang wujud pada zaman Portugis adalah lanjutan daripada bentuk penempatan yang wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kawasan-kawasan tersebut dinamakan demikian kerana berasaskan kaum majoriti yang tinggal di kawasan itu. Dengan perkataan lain, kawasan yang terdapat ramai orang Cina akan dinamakan Kampung Cina atau Bukit Cina. Di kawasan yang terdapat ramai orang Melayu Pasai dinamakan sebagai Kampung Pasai. Seterusnya demikianlah halnya dengan Kampung Keling dan Kampung Jawa. Pola demografi yang sedemikian terbentuk kerana dua faktor asas, iaitu pertama merujuk pada etnik, dan yang kedua merujuk pada profesionalisme dan kegiatan ekonomi. Kewujudannya yang sedemikian bukanlah kerana dirancang, tetapi akibat naluri dan tabii manusia serta anasir alam yang tidak disedari.

Oleh yang demikian, pembentukan kelompok penempatan berasaskan suatu kaum dalam masyarakat adalah disebabkan oleh faktor ekonomi, pandangan darat dan kemudahan perhubungan yang sedia ada. Kelompok

---

[128]Dalam adat Melayu terdapat suatu jenis 'kahwin paksa' yang dinamakan sebagai "panjat-adat". Si jejaka akan menaiki rumah si dara dan memegang dara tersebut, kemudian memaksa kedua ibu bapa dara tadi supaya mengahwinkannya dengan si dara yang telah dipegang itu. Lihat R.O. Winstedt, *The Malays* ..., hlm 64; W.G. Shellabear hlm 213–215; C.C. Brown, 125–126.

[129]A. Cortesao, hlm 280.

[130]Untuk nota lanjut sila rujuk J.V. Mills, *op. cit.*, hlm 87 dan 104.

[131]*Ibid.*, hlm 99.

penempatan ini berkembang di sekitar dan di sepanjang muara Sungai Melaka atau beberapa rantai arah ke hulu sungai tersebut, iaitu tempat kegiatan perniagaan dijalankan setiap hari. Kemudian, wujudlah jawatan Syahbandar yang akan mewakili kaum pedagang masing-masing. Dari segi sosial, polarisasi etnik yang sedemikian akan mewujudkan fenomena dan perkembangan masyarakat yang tidak sihat.

Kemungkinan wujudnya fenomena dan perkembangan masyarakat yang seperti ini amat jelas kerana terdapat anggota masyarakat asing yang menyerapkan diri mereka ke dalam berbagai-bagai budaya dan *way of life* tempatan. Sementara pada pihak orang asing yang lain masih terus mengekalkan cara hidup leluhur dan identiti masing-masing.

Orang asing dari pihak yang pertama ini terlibat dalam proses sosial kerana mereka beragama Islam dan berkahwin dengan wanita tempatan, seperti yang dinikmati oleh orang Arab, Tamil-Islam dan Parsi-Islam. Mereka yang memeluk agama Islam juga tergolong ke dalam kelompok ini, kemudian mereka bergaul bebas dengan masyarakat peribumi. Sultan Mansor Syah dikatakan pernah mengislamkan ramai orang Campa (Kemboja). Ketua mereka, Syah Indera Berma dan isterinya Kini Mertam diserapkan ke dalam kelas bangsawan dan dilantik menjadi salah seorang menteri yang amat disayangi oleh baginda. Sekiranya sahih dakwaan *Sejarah Melayu* maka inilah satu contoh yang menarik di samping contoh yang lain bagaimana anggota masyarakat asing diislamkan, yang kemudiannya dapat bergerak bebas dalam susun lapis masyarakat.

Tome Pires, dalam suasana yang sama mengatakan bahawa seorang Keling(a) kafir dan seorang Melayu Palembang yang juga *cafre* telah diislamkan setelah menjadi orang yang amat berpengaruh di kalangan istana.[132] Dan jika benar dakwaan Tome Pires, walaupun kecondongannya terhadap Portugis amat jelas, bahawa Sultan Mansor telah menjadikan gadis-gadis Keling dan Parsi ini sebagai gundik, sebenarnya wanita ini diislamkan setelah dikahwini secara sah oleh anak tuan-tuan (mandarins) dengan diberikan perbelanjaan kahwin sebagai anugerah daripada raja.[133] Amalan kahwin campur seperti ini biasa berlaku.

---

[132]A. Cortesao, hlm 280.

[133]Adalah suatu penghormatan jika seorang raja atau sultan menganugerahkan hak-hak peribadinya kepada sesecorang walaupun dalam bentuk sisa makanannya. Dalam keadaan yang sama orang Melayu percaya memakan makanan sisa orang tua seperti ibu bapa, ketua-ketua agama, orang ternama dalam masyarakat dan seterusnya boleh memberikan tuah. Dalam *Sejarah Melayu* kita kerap diberitahu tentang beberapa peristiwa seperti Seri Nara Diraja yang telah tua enggan mengahwini wanita-wanita muda yang jelita, justeru untuk mencari jalan menyelesaikan masalah perbalahannya dengan Tun Perak. Cuma kemudiannya nanti apabila Sultan Muzaffar Syah menceraikan isterinya, Tun Kudu, baharulah wanita bekas isteri baginda ini sanggup dikahwini oleh Seri Nara Diraja. Lihat W.G. Shellabear, hlm 94–96;

Fenomena kemasyarakatan ini terjadi adalah akibat daripada suasana yang wujud. Dalam sebuah masyarakat kosmopolitan yang sedemikian, interaksi dan hubungan anggota masyarakat, di kalangan satu kaum dengan kaum yang lain tidaklah dapat dielakkan. Ini diikuti pula oleh dasar ekonomi Melaka yang banyak bergantung kepada kepentingan laut dan menggalakkan saudagar asing datang dan bertumpu ke situ. Dengan berlakunya kahwin campur, perhubungan antara orang yang datang sebagai pedagang dengan orang tempatan, terutama daripada kalangan kerabat atau bangsawan pasti akan terjalin. Ini menambahkan lagi kegiatan serta keuntungan ekonomi negeri. Bagi kalangan kerabat lelaki, perkahwinan dengan wanita asing yang bukan kerabat tidak menjadi masalah sosial, lantaran sistem patrimonial dan adat Temenggung yang diamalkan di Melaka pada masa itu memberikan hak pewarisan sebelah bapa. Seperti yang telah disebut walaupun berkahwin dengan hamba dari negeri asing sekalipun, keturunan mereka mungkin tetap tergolong ke dalam kelas kerabat dan bangsawan. Apatah lagi jika amalan menyimpan gundik menjadi satu kebiasaan masyarakat tradisional kelas bangsawan dan di kalangan minoriti yang berada.

Sementara itu pihak orang asing yang lain tadi nampaknya walaupun kurang disokong oleh sebarang bukti sejarah, terus mengekalkan entiti budaya masing-masing dalam kumpulan etniknya, sama ada yang kaya ataupun yang miskin. Mereka adalah pedagang dan perlombong bijih. Oleh sebab orang lelaki tinggal lama atau terus menetap di Melaka, mereka berkahwin dengan wanita tempatan Islam atau bukan Islam sama ada Melayu, Jawa, Cina atau Batak,[134] tanpa menukar agama mereka. Hubungan mereka dengan golongan atasan memang renggang. Ini terbukti bahawa apabila raja-raja Melayu mengundurkan diri dari Melaka pada tahun 1511, mereka terus menetap di Melaka dengan bertuankan Portugis atau sebaliknya meninggalkan Melaka mencari pelabuhan-pelabuhan dagang lain di sekitar Selat Melaka yang lebih menguntungkan mereka, selamat dan terjamin.

Orang asing ini menghormati tradisi kemasyarakatan dan tempatan yang wujud, sesuai dengan ungkapan Melayu lama, 'masuk ke kandang kambing mengembek, masuk ke kandang kerbau menguak'.[135] Sebagai suatu masyarakat yang *imperatively conscious*, nilai dan norma hidup yang

---

Tome Pires dalam nada yang sama juga menulis, "... made them (the merchants's daughters) turn Moors when he had to give them in marriage, and he married them to mandarin's sons and gave them dowries". Lihat A. Cortesao, *op. cit.*, hlm 249.

[134]J.V. Mills, *op. cit.*, hlm 182–185.

[135]Dalam bahasa yang mudah bererti menyesuaikan diri dengan keadaan setempat yang sedia wujud.

berdisiplin tanpa mengira kaum di kalangan anggota masyarakat mesti diwujudkan, 'yang tua dihormati, yang muda disayangi', 'yang berkuasa dijunjung, yang berpangkat disanjung'. Dalam masyarakat yang sedemikian, pihak yang inferior akan membahasakan dirinya dengan istilah hamba, patik, sahaya dan pacal di samping penggunaan istilah Jawa di kalangan masyarakat Jawa seperti *manira* dan *kulo* terhadap pihak yang superior. Mereka memanggil pihak yang superior ini sebagai tuanku (tuan aku) atau tuan hamba, baginda dan paduka kepada raja dan andika kepada kalangan Jawa. Ganti nama diri daripada pihak yang superior kepada pihak yang inferior pula ditentukan sebagai beta. Raja menggunakan perkataan kita apabila bertitah kepada pegawai-pegawai istana, kerana pegawai-pegawai ini dihormati kerana tuanya. Orang asing tidak dikecualikan daripada tradisi, nilai dan norma setempat ini.

Dalam sumber tempatan, bukti ini amat jelas. Raja Mendeliar, ketua orang Tamil, apabila bercakap dengan Bendahara Seri Maharaja menggunakan panggilan tuanku. Bendahara pula membahasakan dirinya sebagai kita kerana Raja Mendeliar ialah Syahbandar. Ali Manu Nayan membahasakan dirinya sebagai hamba apabila bercakap dengan Temenggung Tun Hassan yang dihormatinya sebagai Orang Kaya. Tetapi pembesar Melayu ini telah menggunakan bahasa yang kasar, iaitu engkau dan mu kepada orang asing ini kerana cuba merendah-rendahkan peribadinya.[136] Orang asing yang tidak menghormati adat, norma susila dan nilai tempatan juga dianggap 'biadab' dan 'tidak tahu adat' atau 'tidak tahu bahasa' seperti yang pernah terjadi antara Raja Mendeliar dengan Bendahara Seri Maharaja. Tidak menghormati adat dan norma tempatan adalah satu unsur yang tidak dikehendaki dalam masyarakat. Adat dan hukumnya merupakan tiang seri pada norma masyarakat. Melanggar adat bererti melanggar hukum adat. Melanggar hukum adat bermakna melanggar undang-undang, sebab hukum adat yang berteraskan adat menjadi sebahagian inti undang-undang Melaka. Dalam suasana yang sedemikian, cuma orang yang menghormati dan yang mengamalkan adat setempat sahaja dapat digolongkan ke dalam kalangan 'rakyat ke bawah duli raja Melaka'. Selagi mereka tidak berbuat demikian secara sedar atau tidak, selagi itulah mereka akan dianggap sebagai 'orang dagang' (foreigner).

Sama ada 'rakyat raja Melaka' ataupun 'orang dagang', mereka tidak dapat melepaskan diri daripada hukum adat dan undang-undang negeri khasnya seperti yang telah ditentukan dalam *Hukum Kanun Melaka* ataupun *Undang-undang Laut Melaka*. Dari segi hak di sisi undang-undang,

[136] W.G. Shellabear, hlm 258–259.

melainkan mereka yang dapat menempatkan diri ke dalam kelas bangsawan atau berdamping rapat dengan orang istana, orang ini dimasukkan ke dalam golongan 'orang yang merdeka'. Raja Mendeliar dan Kitul yang bukan peribumi telah dihukum mengikut hukum adat Melaka kerana provokasi dan fitnah terhadap Bendahara Seri Maharaja. Dengan perkataan lain 'hak-hak wilayah asingan' dari segi undang-undang dan kerajaan tidak ada bagi orang asing. Dari segi teori, suasana ini wujud untuk tujuan mencapai keadilan yang saksama dan secara praktiknya pula ialah untuk mengelakkan berlakunya sebarang kekecohan dalam masyarakat apabila semua individu dianggap sama taraf di sisi undang-undang.

MASALAH DALAMAN DALAM HUBUNGAN SOSIAL

Dilihat daripada peringkat yang *superficial*, dengan berlandaskan norma dan nilai masyarakat Melaka yang wujud selama 111 tahun maka kewujudan kesultanan Melayu ini jelas membuktikan wujudnya suatu masyarakat yang padu (coherent) bentuknya. Terdapat semangat gigih (vibrant) di kalangan anggota masyarakat dalam menghadapi berbagai-bagai cabaran dan ancaman. Di peringkat ini, tanpa disokong oleh sebarang bukti sejarah yang sahih, sikap tidak toleransi dan prejudis perkauman atau sukuan yang tebal nampaknya kurang berlaku. Unsur saling hormat-menghormati antara sesama individu sentiasa diamalkan. Tidak pernah berlaku unsur kemasyarakatan yang tidak diingini seperti pergaduhan antara kaum dan suku bangsa, pergeseran besar antara pengikut-pengikut Orang Kaya dan antara individu dalam kaum yang sama. Tetapi jika diteliti dengan lebih mendalam dan dinilai dari sudut pandangan yang bercorak negatif dalam konteks hubungan antara anggota dan kalangan masyarakat tersebut, maka wujud keadaan yang berlainan pula.

Di peringkat masyarakat kelas atasan sejak daripada awal lagi kita telah diberitahu tentang kemunculan Tun Ali 'bin' Mani Purindan. Tokoh pemimpin Melaka yang bergelar Seri Nara Diraja dan memegang jawatan Penghulu Bendahari ini berdarah Melayu-Tamil. Penyerapan Mani Purindan, sebagai orang asing ke dalam kelas bangsawan Melayu Melaka dan kemudian perlantikan anaknya, Tun Ali sebagai pembesar yang kedua terpenting di Melaka telah membentuk suatu golongan pembesar Melaka yang berketurunan Melayu-Tamil Islam. Proses penyerapan dan perlantikan ini telah menimbulkan beberapa reaksi daripada pembesar-pembesar Melayu jati dan totok Melaka.

Raja Ibrahim (Sultan Abu Syahid), anak Sultan Muhammad Syah (Seri Maharaja) putera raja Melaka yang berdarah Melayu jati kerana beribukan anak Raja Rokan telah bertelagah dengan abangnya Raja Kassim, putera

darah campuran Melayu-Tamil. Walaupun menurut taraf dan hak hukum adat, Raja Kassim lebih layak dilantik menjadi raja, tetapi kerana pengaruh Raja Rokan dari Sumatera, Raja Ibrahim dapat menjadi raja. Secara politik, Tun Ali sedar perkara ini sebagai satu unsur yang menggugat, kemudian berusaha mengukuhkan kedudukan golongan Melayu-Tamil. Beliau menjadi tulang belakang dalam usaha menggulingkan Raja Ibrahim, dan meletakkan Raja Kassim, anak saudaranya sebagai raja Melaka. Ikhtiar Raja Rokan meletakkan golongan yang berdarah Melayu jati sebagai raja Melaka musnah sama sekali. Beliau sendiri telah terbunuh.

Kemangkatan Sultan Abu Syahid (Seri Parameswara Dewa Syah) membawa makna dan kesan politik Melayu Selat Melaka yang cukup besar. Ia menjelaskan kegagalan suku Melayu daripada pihak Raja Rokan yang berikhtiar untuk menanam dan memantapkan pengaruh politik Melayu totok di Melaka ditinjau daripada salasilah sebelah bapa dan ibu Sultan Abu Syahid, Melayu Palembang dan Melayu Rokan. Dalam tradisi kepimpinan tempatan ia menjadi suatu *political foreboding* dan menjadi 'titik hitam' bagi kalangan Melayu jati; menamatkan usaha sekelompok ahli politik Melayu pimpinan Raja Rokan yang *political conscious* dan sensitif dengan tradisi kepimpinan dan politik tempatan tersebut, dalam percubaan mereka menyekat membiaknya pengaruh kalangan Melayu-Tamil yang telah bermula sejak era Mani Purindan dahulu. Tetapi dalam kekecundangan usaha Raja Rokan ini banyak penulisan tentang tragedi politik tersebut dibuat dengan 'menghitamkan' watak dan ketokohan raja dari Sumatera ini. Raja Rokan dan penyokongnya mungkin cuba mengubah tradisi pengwarisan secara 'melangkah bendul' dengan melangkau Raja Kassim, tetapi mereka melihat dengan wawasan politik serantau kesukuan dan ketotokan Melayu yang lebih luas dan lebih bererti lagi daripada tradisi pengwarisan tadi. Ini wajar kerana selepas Raja Kassim (Sultan Muzaffar Syah) tradisi ini tidak sepenuhnya dipatuhi dan diamalkan. Kesukuan kelompok atau nepotisme keluargalah yang lebih besar dan berkesan memainkan peranannya, di mana para Bendahara yang menerajui pentadbiran menjadi 'dalang' politik dalam proses penggantian raja.

Kejayaan Raja Kassim menaiki takhta juga menunjukkan kejayaan politik Seri Nara Diraja untuk meneruskan lagi dan memperkukuhkan pengaruh kalangan Melayu-Tamil dalam kepimpinan politik Melaka. Apabila sumber tempatan yang terdapat pada hari ini menyebut kononnya Seri Nara Diraja secara anekdot dan tipu helah telah berjaya mempengaruhi Bendahara untuk memihak kepada golongan mereka dalam pergelutan, acuman dan manipulasi politik pada masa itu, maka sehingga pada tahun 1511 kalangan dan suku inilah yang nampaknya berjaya mengekalkan *status*

quo pengaruh dan politik mereka di istana Melaka. Ini disebabkan oleh ibu Raja Kassim dan ibu raja-raja Melaka yang berikutnya adalah daripada kalangan dan berdarah Melayu-Tamil belaka.

Kemenangan Raja Kassim juga bererti kemenangan pihak Melayu-Tamil. Kedudukan Tun Ali semakin kukuh. Tetapi pembesar Melayu yang lain seperti Bendahara Seri Wak Raja, ayah Tun Perak segera menunjukkan reaksi yang negatif terhadap pengukuhan pengaruh Melayu-Tamil, memprotes secara aksi lantas membunuh diri dengan memakan racun, walaupun pengarang *Sejarah Melayu* cuba melindungi hakikat ini dengan memberikan alasan yang kurang wajar dan bersifat anekdot. Jurang pemisahan antara kaum makin menggugat masyarakat Melaka apabila Bendahara Tun Perak dilantik menjadi Bendahara menggantikan Tun Ali yang telah memangku jawatan ini. *Sejarah Melayu* dengan jelas memberitahu;

> "Setelah Paduka Raja [Tun Perak] dan Seri Nara Diraja [Tun Ali] dua orang itu menjadi Orang Besar, maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja, kerana keduanya sama orang berasal, maka Seri Nara Diraja tiada muafakat dengan Paduka Raja, sentiasa bersinggit juga; berapa kali lain [pula orang] Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja".[137]

Apabila Sultan Muzaffar menyedari gejala sosiopolitik yang negatif ini, beliau pun mengahwinkan Tun Kudu, kakak Paduka Raja dengan Tun Ali. Tetapi sebagai raja yang berdarah Melayu-Tamil, langkah menghubungkan kedua-dua pembesar Melaka daripada darah yang berlainan ini adalah langkah yang sementara sahaja. Selagi Tun Perak menjadi Bendahara dan dapat mengekalkan kebijaksanaan diplomasinya, selagi itulah hubungan baik antara kaum ini dapat dikekalkan. Tetapi setelah Tun Perak meninggal dunia, fenomena hubungan kaum ini dengan cepat berubah. Golongan berketurunan Tamil-Islam yang memonopoli jawatan Bendahara dimulakan oleh Tun Mutahir pengganti Tun Perpatih Putih (adik Tun Perak), sentiasa bermusuh-musuhan dengan golongan Melayu, terutama Melayu daripada keturunan Hang Tuah yang memonopoli jawatan Laksamana bersama-sama dengan golongan Melayu daripada keluarga Seri Bija Diraja (Hulubalang Besar). Kekerapan berlakunya insiden kecil yang dibentangkan oleh *Sejarah Melayu* jelas menunjukkan bahawa keluarga Bendahara sering bertelingkah dengan keluarga Laksamana, sehinggakan penyusun teks tersebut Tun Seri

[137] *Ibid.*, hlm 94; C.C. Brown, hlm 57.

Lanang yang berketurunan Tamil-Islam, secara melulu menuduh Laksamana Khawaja Hassan mengamalkan rasuah sehingga mengakibatkan kekecohan sosial dan muncul gejala pilih kasih.[138]

Oleh sebab tidak ada tradisi jawatan Raja Muda dalam sistem penggantian raja-raja Melaka yang sebenarnya telah menimbulkan masalah yang utama dalam masyarakat. Hakikat ini mengingatkan kita kepada punca perselisihan peribadi di kalangan putera-putera raja. Tome Pires melaporkan sejak kelahiran Raja Pute, iaitu putera Iskandar Syah dengan isterinya yang berbangsa Cina, telah menimbulkan keraguan di kalangan putera-putera yang lain kerana putera tersebut lebih dikenali oleh masyarakat Melaka berbanding dengan putera-putera lain tadi. Akhirnya Raja Pute telah dibunuh oleh Sultan Mansor, anak saudaranya sendiri.

Gejala ketidakhadiran sistem penggantian ini sentiasa dieksploit oleh Bendahara dalam menentukan perlantikan seseorang raja Melaka yang baru. Bendahara sentiasa memanipulasi suasana untuk meletakkan putera-putera raja yang ada hubungan kekeluargaan dengannya secara langsung ataupun tidak langsung, dengan pengetahuan sahih kita yang kurang mendalam, untuk mengekalkan *status quo* politik keluarga yang memonopoli jawatan Bendahara ini.

Fakta dapat membuktikan kebenaran. Apabila Raja Muhammad, putera Sultan Mansor membunuh Tun Besar, Bendahara dengan segera mengambil peluang menyingkirkan Raja Muhammad ke Pahang dan dilantik menjadi raja di sana. Apabila Abdul Jamil menggantikan Sultan Muhammad di Pahang, baginda sentiasa bertentangan pendapat dengan Sultan Alauddin dan Sultan Mahmud di Melaka. Begitu juga dengan Raja Kampar. Seorang Putera Sultan Alauddin, iaitu Raja Menawar yang beribukan Melayu anak gahara dan beliau lebih tua serta berhak menjadi raja, telah sengaja dirancang supaya menjadi raja di Kampar. Ini seolah-olah untuk memberi jalan kepada Raja Mahmud menaiki takhta Melaka kerana Raja Mahmud adalah anak saudara bendahara Tun Mutahir, beribukan Tun Senaja, anak Tun Ali, tokoh Melayu-Tamil. Raja Abdullah, putera Raja Menawar sentiasa bertelagah dengan Sultan Mahmud, akhirnya mengambil peluang memihak kepada Portugis menentang Sultan Mahmud setelah Melaka ditewaskan oleh kuasa dari Barat ini. Hubungan kekeluargaan kerabat menjadi kecoh.[139]

---

[138]*Ibid.*, hlm 194–197. Semasa Sultan Mahmud memerintah Melaka, baginda dilaporkan mempunyai sekurang-kurangnya empat orang pembesar yang paling diminatinya iaitu Seriwa Raja, Tun Omar, Hang Isap dan Hang Husain Cengang.

[139]Untuk keterangan lanjut, sila lihat A. Cortesao, hlm 287–289. Tome Pires menamakan Raja Abdullah sebagai Raja Audella; lihat juga E. Koek, *Portuguese History ..., op. cit.*, hlm 128–131; W. de Gray Birch, *The Commentaries ...*, hlm 156–161; W.G. Shellabear, hlm 281–283; C.C. Brown, hlm 166–169.

Apakah yang dapat diharapkan daripada mereka sekiranya sentiasa berlaku pertelagahan di kalangan mereka? Mereka mempunyai bakat dan kebolehan tetapi isu dan prejudis kesukuan serta nepotisme keturunan dan kekeluargaan menjadi penghalang untuk menyatupadukan seluruh masyarakat.

Kemuncak masalah dalam negeri atas isu puak yang pro dan kontra ini berlaku semasa pemerintahan Sultan Mahmud, yang berdarah Tamil di sebelah ibunya. Baginda membunuh Seri Bija Diraja Tun Kerutup, iaitu anak Tun Hamzah (Datuk Bongkok), bapa Tun Setia Titayan, keluarga Melayu jati dari Bentan atas tuduhan cuba memecahkan tradisi adat, sedangkan pembesar Melayu ini sebenarnya adalah proraja Kampar yang Melayu jati. Raja Mahmud juga, yang berjaya dipengaruhi oleh keluarga Laksamana yang Melayu jati, memusuhi bapa saudaranya sendiri, iaitu Tun Mutahir. Kelemahan dan kerenggangan hubungan keluarga kerabat dan pembesar ini diambil peluang oleh orang Melayu jati yang anti-Melayu-Tamil, memfitnahkan keluarga Bendahara kerana tuduhan cuba menderhaka.[140] Penggerak utama tindakan provokasi ini ialah Laksamana. Puncak porak-peranda masyarakat atasan ini berlaku apabila seluruh keluarga Bendahara Tun Mutahir, pembesar daripada keluarga Melayu-Tamil ini dibunuh. Ini bererti, selama Tun Perak dan adiknya Tun Perpatih Putih mentadbir, hubungannya dengan Laksamana adalah baik. Tetapi ketika Tun Mutahir menjadi Bendahara, "penyakit bisul yang selama ini bengkak mula menanah".

Jika sahih pula dakwaan *Sejarah Melayu* versi *Raffles MS. 18*, bahawa Sultan Alauddin (Raja Raden) adalah putera Sultan Mansor dengan isterinya seorang wanita Jawa, ini sebenarnya adalah contoh paling unggul tentang penolakan unsur luar daripada unsur Melayu jati atau Melayu-Tamil yang telah memonopoli kuasa dan politik Melaka sepanjang abad ke-15. Oleh sebab raja yang beribukan Jawa ini terlalu berkebolehan, beliau dikatakan berusia tidak lebih daripada 30 tahun kerana dipercayai mati diracun.[141] Sikap pragmatik dan kebolehannya mentadbir yang luar biasa mengatasi

---

[140]Tome Pires juga menerangkan bahawa Bendahara Seri Maharaja adalah sekuat Raja Melaka sendiri. Rujuk A. Cortesao, hlm 258.

[141]Wawancara dengan Haji Dahlan bin Ahmad, bertarikh 29 Ogos 1977; lihat juga Paul Wheatley yang merasa yakin dengan kebolehan istimewa Sultan Alauddin dan kekagumannya dengan ketokohan Sultan Alauddin yang samar-samar dalam kesusasteraan Melayu. Lihat Paul Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsula* ... hlm 150–151; Naskhah *Critera Asal Raja-raja Melayu Punya Keturunan*, memberikan tarikh pemerintahan raja yang gagah ini antara tahun 852 Hijrah hingga tahun 882 Hijrah. Lihat C.C. Brown, hlm xxix; W.G. Shellabear, hlm 171–186. Lihat juga *Berita Minggu*, 30 Oktober 1988, hlm 10.

pembesar-pembesar kanan yang lain sebenarnya tidak diterima oleh masyarakat Melayu jati dan Melayu-Tamil ketika itu. Tetapi penyusun *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 di Johor, cuba melindungi peristiwa yang sebenar kerana beliau adalah daripada keturunan Bendahara dan pembesar Melayu-Tamil yang sangat berpengaruh itu. Walaupun Paul Wheatley dalam konteks ini cuba meyakinkan kita bahawa keganasan tidak menjadi soal dalam masyarakat Melaka sebelum atau sesudah pemerintahan Sultan Alauddin, tetapi hal-hal yang berlaku dalam hubungan di kalangan raja dan kerabat serta pembesar menunjukkan gejala perkembangan sosial yang tidak sihat bergolak dengan hebatnya.

Beban kekecohan sosial yang berpunca daripada kelonggaran hubungan kalangan anggota masyarakat kelas atasan bertambah serius selepas tahun 1488. Andaian Paul Wheatley bahawa Sultan Mahmud yang dikatakan 'ganas' itu tidak dapat disalahkan, kadangkala ada benarnya.[142] Kuasa politik dan pengaruh yang terlalu banyak dipegang oleh keluarga Melayu-Tamil Tun Mutahir dan konco-konconya menyebabkan Sultan Mahmud mencari jalan keluar, iaitu berpoya-poya dengan wanita, anehlaku dan gemar mencetuskan pilih kasih di kalangan pembesar; tambahan pula nepotisme adalah amalan biasa di Melaka ketika itu. Tidak ada sebab juga mengapa Sultan Mahmud tidak murka, kerana Tun Mutahir cuba lari daripada tradisi apabila beliau enggan mengahwinkan anaknya, Tun Fatimah, dengan baginda. Pakatan sulit, Raja Mendeliar dengan Laksamana Khawaja Hassan yang 'memfitnah', kononnya Bendahara cuba menderhaka (merampas kuasa?) patut difikirkan semula kemungkinannya. Sepatah kata Paul Wheatley, jika bapa Bendahara ini dahulu sanggup mencetuskan pergaduhan antara dua anak raja yang sebapa (Raja Kassim dan Raja Ibrahim), tidak ada sebab mengapa gagasan merampas kuasa oleh Tun Mutahir itu tidak boleh dirancang untuk berlaku.

MASALAH KEPIMPINAN

Soal pucuk pimpinan Melayu yang goyah, ketandusan tokoh-tokoh pemimpin Melayu jati dan tradisi pewarisan daripada bapa kepada anak serta prejudis kesukuan di kalangan kelas kerabat dan aristokrat, semuanya menjadi faktor, hendak atau tidak bagi Sultan Mahmud melantik seorang tua yang tepok, tidak ada gigi, lemah berfikir, iaitu Paduka Tuan menjadi Bendahara Melaka. Tetapi sebaliknya jika Sultan Mahmud sengaja melantik seorang ketua pentadbir yang demikian dengan alasan untuk mendapatkan

[142]Paul Wheatley, *Ibid.*, hlm 157–160.

semula kuasa seperti yang diandaikan oleh Paul Wheatley, sebenarnya tindakan Sultan Mahmud adalah silap. Baginda sepatutnya menyedari bahawa hubungan luar Melaka semakin luas dan mencabar. Apabila seorang yang cacat fizikal dilantik menjadi Bendahara setelah berlaku pertelagahan dengan Portugis pada tahun 1509, amatlah bahaya. Apakah yang akan diharapkan daripada orang seperti ini untuk menghadapi sebarang kemungkinan fizikal dan ancaman politik yang lebih besar?

Tun Seri Lanang cuba meyakinkan kita bahawa Tun Mutahir menghadapi kematian dalam gara-gara cuba menegak dan mempertahankan tradisi daulat dan derhaka. Sebenarnya watak Bendahara berdarah Melayu-Tamil ini dalam sejarah masyarakat di Melaka masih lagi kabur. Ketika menjadi Temenggung dahulu, beliau pernah cuai terhadap tugasnya menjaga keamanan Melaka sehingga Sultan Alauddin terpaksa bertindak sendiri. Apabila menjadi Bendahara pula, beliau dikatakan angkuh, suka membesar diri, orang yang paling kaya dan mempunyai banyak pengikut. Selain menjalankan perniagaan sendiri, bagaimanakah lagi caranya beliau boleh menjadi seorang pembesar yang terkaya di Melaka ketika itu? Jika benar kenyataan Tome Pires bahawa Naina Chatu, seorang Tamil yang pernah memberikannya rasuah untuk melepaskan banduan-banduan Portugis,[143] dan jika sahih juga dakwaan *Sejarah Melayu* mengenai episod Laksamana menerima rasuah daripada Raja Mendeliar, walaupun kebenaran kejadian ini perlu difikirkan semula, mungkin dapat diandaikan bahawa Tun Mutahir menjadi kaya-raya sebab rasuah, kerana rasuah jua merupakan kelumrahan masyarakat semasa. Amalan yang menjadi unsur kepincangan masyarakat ini tidak dapat dielakkan lantaran wujudnya bentuk perdagangan dan sistem perniagaan Melaka yang sedemikian coraknya ketika itu.

Apabila kalangan orang asing menyedari tentang kepincangan sosial ini, mereka pun "menangguk di air keruh". Umpamanya Ali Manu Nayan, dengan amat sinis cuba memberi rasuah kepada Temenggung Hassan; pertelingkahan di kalangan ulama-ulama sendiri dan ada orang Melayu yang sanggup bersikap kurang ajar terhadap ulama-ulama ini.[144] Golongan orang asing ini juga menghadapi dilema yang tersendiri. Masalah semasa yang mereka hadapi ialah masalah mempercayai pucuk pimpinan peribumi Melaka kerana untuk menjaga kepentingan ekonomi, kedudukan dan keselamatan mereka.

---

[143]A. Cortesao, hlm 280.

[144]Sebagaimana halnya kes seorang tokoh Melaka bernama Seri Rama yang berani dan lancang mengkritik seorang tokoh agama, Maulana Sadar Jahan yang datang ke Melaka, untuk mencari keuntungan sahaja, katanya. Lihat W.G. Shellabear, hlm 226–227.

Demikianlah hakikat sebenarnya masalah masyarakat yang dihadapi oleh Melaka selepas tahun 1488, iaitu masalah kepimpinan. Pemimpin-pemimpin bertelagah sesama mereka dengan alasan yang mudah, iaitu matlamat peribadi, cuba mencari dan mengekalkan kepentingan pengaruh dan kuasa politik sendiri dan kerana wujudnya kepekaan terhadap isu kesukuan antara keluarga yang berlainan darah keturunan. Apabila Tun Mutahir dan anggota keluarganya mati, Melaka kekeringan pemimpin yang berkaliber. Isu sosiopolitik mengenai daulat dan derhaka mula dipersoalkan. Bendahara yang selama ini menjadi jaguh mempertahankan konsep daulat mula diragukan, bukan sahaja kerana Bendahara muncul daripada keluarga Melayu-Tamil, bahkan juga kerana pemilikan ekonomi dan pengaruh politik peribadi yang besar. Taat setianya kepada raja Melaka sejak zaman Sultan Alauddin dahulu diragui, seolah-olah apabila Sultan Mahmud menaiki takhta kerajaan, baginda telah diberi amaran tentang perkara ini. Baginda terpaksa melantik Tun Mutahir bukan dengan kehendaknya sendiri, dan bukan kerana tradisi penggantian Bendahara, tetapi kerana dihasut dan didesak oleh ibu baginda, iaitu Tun Senaja kakak Tun Mutahir.

Keretakan dalam hubungan kekeluargaan di kalangan pembesar yang mula pecah dapat dibuktikan apabila Melaka diancam oleh Portugis. Bendahara Tun Mutahir, Penghulu Bendahari Tun Tahir serta pengikut-pengikut Melayu-Tamil mahu supaya Melaka berbaik-baik dengan Portugis. Laksamana yang mendapat sokongan majoriti orang Melayu dan beberapa orang Syahbandar menentang cadangan ini. Sementara golongan ulama seperti Maulana Sadar Jahan dan Tun Salehuddin kerana didorong oleh sentimen keagamaan yang berlainan antara Islam dengan Kristian, telah menyokong pihak yang kedua tadi.[145] Perpecahan antara pembesar ini tentu memberi jalan kepada Sultan Ahmad, pengganti Sultan Mahmud untuk mencetuskan pula puak antara golongan muda yang diminatinya dengan golongan tua yang tidak disukainya.

Pendek kata masalah sosial asas yang dihadapi oleh Melaka sejak perlantikan Tun Ali sebagai Penghulu Bendahari yang berpengaruh itu sehinggalah ke tahun 1511 ialah masalah perpaduan anggota masyarakat di peringkat atas. Perpaduan yang jitu dan kental tidak pernah wujud, seolah-olah menjadi semacam 'duri dalam daging' yang menjadi gejala dan ketempangan sosial, dan inilah yang menggoncang sistem masyarakat keseluruhan-

[145]Dalam kata-kata yang jelas, Tome Pires menerangkan, "... the Kashises and their mollahs telling him that he would not make peace; for India was already in the hands of the Portuguese, Malacca should not pass to the infidels". Lihat A. Cortesao, hlm 280.

nya. Gejala sosial ini seolah-olah menjadi rongga kosong untuk memberikan tempat dan ruang kepada anasir luar yang mengancam. Akhirnya, mudah dimasuk dan ditusuk oleh Portugis dan pihak yang pro-Portugis untuk menjadikan musabab besar mengapa dari segi fizikalnya, kerajaan Melaka akhirnya kecundang di tangan kuasa dari Barat ini.

Penyusun *Sejarah Melayu* versi tahun 1612 cuba menggambarkan peristiwa pembunuhan moyangnya dahulu oleh Sultan Mahmud melalui cara yang sangat kejam di samping menyorokkan pula beberapa fakta yang sahih. Matlamatnya untuk menyalahkan Sultan Mahmud memang jelas. Tetapi di samping penyorokan ini tersirat pula konsepsi sejarah tentang masyarakat dan falsafah kepimpinan Melayu yang sebenarnya. Kezaliman Sultan Mahmud menunjukkan satu simbol dan petanda tidak ada kerjasama lagi antara api (raja) dengan kayu (pembesar) dan tidak terdapat kerjasama lagi, mengikut bidalan Parsi, antara pokok (raja) dengan akarnya (rakyat). Doktrin etika dan politik peribumi ini sengaja diciptakan oleh pengarang secara kreativiti seolah-olah dilafazkan oleh Sultan Mansor ketika hampir mangkat, semata-mata untuk memberi ingatan bahawa kegemilangan dan ketinggian taraf seperti yang dicapai oleh Melaka pada era Sultan Mansor tidak mungkin berlaku lagi pada masa Sultan Mahmud memerintah.

Penyatuan dan perpaduan anggota masyarakat jelas teruji apabila Portugis menyerang Melaka. Ujian taat setia anggota masyarakat ini terhadap pemerintah Melaka ketika itu pula sebenarnya banyak bergantung pada matlamat mereka mendiami Melaka. Di kalangan orang Melayu sendiri, sama ada Melayu tempatan atau Melayu daripada berbagai-bagai tempat di Nusantara terbahagi kepada dua kelompok. Pertama, mereka yang taat setianya pada raja (pemerintah) yang tidak berbelah bagi. Mereka sama-sama membanting tulang memerangi Portugis. Bilangan mereka yang ramai itu juga turut mengundurkan diri dari Melaka bersama-sama dengan rombongan Sultan Mahmud yang berundur. Kedua, mengikut laporan Tome Pires dan Albuquerque, ialah mereka yang mempunyai kepentingan peribadi di Melaka terus menetap di Melaka di bawah ketuanan Portugis.

Sementara itu sikap orang yang bukan Melayu nampaknya banyak bergantung pada kedudukan sosial individu dan kepentingan ekonomi masing-masing. Bagi orang Arab dan Parsi Islam yang mempunyai kedudukan istimewa dan berhubungan rapat dengan kalangan istana, taat setia mereka kepada raja Melaka memang tidak dapat disangsikan. Mereka sama-sama bersuara menentukan dasar luar Melaka terhadap Portugis apabila Melaka menghadapi krisis politik yang genting pada awal tahun 1511. Sikap penglibatan seperti ini juga mungkin terdapat di kalangan golongan etnik bukan Melayu yang lain tetapi telah menyerapkan diri ke dalam entiti sosial

dan masyarakat tempatan melalui perkahwinan ataupun pengislaman, atau tercantum ke dalam berbagai fungsi sosial sebagai gundik, menjadi pengikut pembesar, berkhidmat sebagai tentera upahan raja-raja Melaka dan menjadi berbagai-bagai jenis hamba, ataupun melalui proses mobiliti, mereka menjadi pembesar-pembesar rendah setelah mendapat anugerah raja. Keseluruhan bilangan mereka adalah ramai, menjangkau 20 000 orang yang mengikut rombongan Sultan Mahmud berundur ke Pahang.

Sikap ini nampaknya bertentangan pula dengan sikap anggota masyarakat yang terdiri daripada pedagang asing yang mungkin terasing daripada budaya tempatan tetapi yang paling hampir dengan mereka. Mereka melihat Melaka tidak lebih daripada 'lubuk' yang mempunyai potensi ekonomi yang paling menguntungkan. Dalam sebuah *trading land* seperti Melaka, kedudukan dan pendirian mereka berbanding dengan golongan pertama di atas agak susah dipastikan seperti Tome Pires menyarankan, "... where the people are of different nations, these cannot love their king as do natives without admixture of other nations".[146] Inilah faktor sebenar yang mewajarkan hubungan mereka dengan pemerintah Melayu Melaka. Sikap mereka terhadap raja dan masyarakat peribumi tempatan tidak dapat diukur daripada taat setia mereka kepada pemerintah dan kecengkaman sentimen mereka terhadap tradisi peribumi tetapi cuma boleh diperinci berlandaskan kepentingan dan kedudukan Melaka sebagai emporium perdagangan. Mereka datang dan bertumpu ke Melaka untuk berdagang dan meraih keuntungan, tidak lebih daripada itu.

Mereka tidak mengambil kira soal siapa yang memerintah. Selagi pemerintah tadi (sama ada daripada kalangan apa sekalipun) dapat menjamin keselamatan, kepentingan dan keuntungan dagang mereka, kepada pemerintah itulah yang ditaatinya. Masyarakat Keling yang dikatakan oleh Tome Pires, "brings the most honour to Melaka" dalam pengertian yang lebih sempit tentang penglibatan mereka dalam bidang ekonomi sahaja, anasir-anasir Jawa, Pegu, Parsi, China, berbagai-bagai suku Melayu dari Nusantara dan lain-lain adalah contoh yang baik untuk dimasukkan ke dalam kategori ini. Mereka berpihak kepada Portugis setelah diberikan berbagai-bagai jaminan ekonomi oleh Albuquerque. Utamutarraja dan anaknya yang kayaraya, menjadi ketua masyarakat Jawa dan pernah taat kepada raja Melaka, dilaporkan oleh Portugis telah mengetuai 400 orang Melayu bersama-sama dengan angkatan Portugis dan Pegu, menyerang rombongan Sultan Mahmud yang berundur ke Bertam.[147]

---

[146] *Ibid.*, hlm 279.

[147] Lihat E. Koek, *Portuguese History*, hlm 126.

Oleh sebab didorong oleh kepentingan dan haloba ekonomi dan dilihat pula daripada faktor ras yang mendalam, sikap dan sokongan mereka terhadap siapa yang memerintah sangat susah untuk dipasti dan ditentukan. *Deceitful character*[148] Utamutarraja yang kadangkala taat kepada raja Melayu dan kadangkala taat dan menentang pula Portugis, sama seperti perbuatan orang Jawa yang lain seperti Patih Kadir dan Patih Yunus yang menyerang Portugis di Melaka, bukan untuk membela atau memihak kepada orang Melayu yang telah berundur itu, tidak juga untuk menyokong Portugis, tetapi berusaha merampas Melaka untuk matlamat sendiri kerana dorongan ekonomi, adalah tokoh dan sikap yang menarik untuk dijadikan contoh. Mereka adalah pedagang yang pernah bercampur gaul dengan masyarakat Melaka pada zaman kesultanan dahulu. Mereka juga adalah petualang. Sewajarnyalah anasir petualang seperti ini tidak 'diberi muka' oleh Portugis. Mereka ditentang habis-habisan oleh Portugis. Ada pula yang telah dibunuh, umpamanya Utamutarraja sendiri.

Naina Chatu, saudagar bukan Islam yang kaya itu mungkin dapat dijadikan contoh dan wakil sikap orang Keling dan Chettiar(?) terhadap Melaka. Mereka bermastautin di Melaka. Sikap simpati mereka terhadap Melaka juga banyak bergantung pada kepentingan dagang yang diberikan oleh Melaka itu sendiri. Jika Portugis dapat memberikan jaminan dan spekulasi perdagangan serta ekonomi yang lebih baik dan lebih menguntungkan, mereka akan segera melupakan pelindung mereka yang telah lalu, iaitu kuasa Melayu walaupun dengan cara mengkhianati pelindung ini dan bertindak sebagai pemberi maklumat dan rahsia kepada orang Portugis tatkala konflik Melayu Melaka dengan Portugis sedang memuncak. Matlamat ekonomi dan kepentingan peribadinya tercapai apabila tokoh Keling yang dikatakan; "... a true and loyal servant of his Highness (the King of Portugal)"[149] dilantik menjadi Bendahara (Bemdara) Melaka oleh Portugis.

Agama juga nampaknya tidak dapat dijadikan ukuran ketaatsetiaan mereka yang beragama Islam. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa hubungan mereka yang rapat dengan keluarga istana Melaka dan seterusnya taat kepada golongan pemerintah peribumi terjadi cuma kerana mereka telah menyerapkan diri ke dalam entiti masyarakat Melayu Melaka melalui proses mobiliti. Mereka menjadi guru agama dan kemudiannya dapat menikmati kedudukan istimewa dengan menjadi pegawai-pegawai penting di istana, melalui perkahwinan dengan anak-anak pembesar Islam tempatan dan

[148]*Ibid.*, hlm 127.
[149]A. Cortesao, hlm 288.

khidmat cemerlang kepada pihak pemerintah. Sebaliknya mereka yang tidak dapat meletakkan diri ke dalam proses mobiliti ini terus mengarahkan matlamat hidup mereka kepada cita-cita asal mereka, iaitu datang dan duduk di Melaka sebagai pedagang tanpa menghiraukan orang yang memegang pucuk pimpinan Melaka. Jika mereka pandai berpura-pura dan mengerti di mana letak nilai nepotisme, mereka tentulah beruntung. Pada masa pemerintahan Portugis, mereka inilah yang dilantik menjadi ketua golongan etnik masing-masing atau menjadi pembesar tempatan bagi pihak Portugis seperti yang dinikmati oleh Regimo de Raja, orang Islam yang dikatakan datang dari Lucao (Luzon) yang dilantik menjadi Temenggung serta ketua orang Parsi dan Melayu, bersama-sama dengan Tuan Colaxcar yang menjadi gabenor bagi penduduk sekitar Iler, juga Pate Quidir yang menjadi gabenor di Upeh.

Dengan hal yang demikian, sejarah dan perkembangan masyarakat dengan sendirinya memperlihatkan sifat masyarakat Melaka yang berkelompok, dengan kewujudan semacam *polarity* dalam kelompok tadi tersorok di celah-celah timbunan kebudayaan dan peradaban Melayu yang dinamik, dibina oleh orang Melayu peribumi yang bertahan lebih daripada 100 tahun, bukan oleh orang asing yang berkepentingan dan bermatlamatkan ekonomi. Bagi anggota masyarakat yang melihat Melaka tidak lebih sebagai pusat pelaburan ekonomi yang berpotensi dan tempat "mencari makan yang boleh mengenyangkan", mereka tertakluk dan tertarik kepada kedudukan dan suasana di Melaka sebagai sebuah pusat perdagangan dan pasar raya yang besar. Selagi Melaka aman serta dapat memenuhi matlamat hidup yang sempurna dari segi hakmilik ekonomi yang lumayan dan keselesaan fizikal mereka, selagi itulah mereka bersikap toleransi dan bekerjasama antara satu sama lain dan taat kepada pemerintah. Tetapi apabila Melaka digugat dan diganggu oleh kuasa asing seperti Portugis, mereka akan berselerak mencari tempat-tempat perlindungan serta kawasan yang lebih selesa, sambil menyelamatkan diri, sebagaimana Paul Wheatley mengandaikan;

> "As long as Malacca was prospering the common aims and mores of commerce held the various groups together, but when trade came to a standstill and cargoes were commandeered, burnt or lay rotting in godowns, the several sections of society each began to seek its own salvation".[150]

[150]Paul Wheatley, *op. cit.*, hlm 175.

Golongan pedagang lari meninggalkan Melaka mencari pelabuhan dagang lain di sekitar Nusantara yang lebih selamat dan terjamin. Anggota masyarakat yang tergolong sebagai 'rakyat raja Melaka', yang telah menjadi sebahagian daripada keseluruhan tradisi kepimpinan, kerajaan dan institusi politik peribumi dan mempunyai keyakinan terhadap kepimpinan raja dan pembesar Melayu terus mempertahankan Melaka daripada diceroboh. Mereka turut sama berundur apabila ketahanan tentera Melayu menjadi goyah dan lemah. Sementara anggota masyarakat yang berada antara kedua-dua golongan masyarakat di atas tadi terus menetap di Melaka, bertuankan Portugis dan mendapat perlindungan dari Portugis, masih mengharapkan Melaka sebagai pusat spekulasi ekonomi rantauan yang penting dan menguntungkan. Sifat masyarakat yang tidak padu dari segi dalaman ini memaksa terjadinya demikian kerana ciri Melaka sendiri sebagai sebuah kota raya perdagangan, melahirkan masyarakat kosmopolitan. Melaka bukan didiami oleh orang Melayu dan peribumi semata-mata, lantas melahirkan cita-cita hidup anggota masyarakat yang berbagai-bagai.

13

Epilog: Melaka dalam Tradisi Sejarah Serantau dan Sejarah Negara

TRADISI sejarah dan persejarahan Melaka serta kesultanannya tidak dimulakan dengan suatu kekosongan.

Pada dasarnya, prinsip sejarah dan perspektif persejarahan ini banyak berlandaskan dan berlatarbelakangkan tradisi persejarahan Selat Melaka dan sekitar khususnya, serta tradisi persejarahan alam Melayu umumnya. Kedua-dua tradisi ini pula saling bertalian dan berkait dengan perubahan sejarah politik serta ekonomi di luar rantau ini khususnya negeri China, Timur Tengah dan India. Agama Islam dan unsur-unsur kebudayaan setempat pula didapati menjadi ejen pencorak yang paling utama dan berkesan, untuk mewarnai dan membentuk tradisi serta sejarah Melaka. Agama Islam telah mencorakkan pelbagai institusi kemasyarakatan.

Berdasarkan keterangan di atas, maka konsep penubuhan, perkembangan dan pengekalan Kesultanan Melayu Melaka, yang selama seabad lebih itu, perlu dilihat dari dua konteks tetapi dalam suatu garis perspektif persejarahan yang selari. Pertama, melihat tradisi Melaka dari konteks persejarahan serantau; dan yang kedua, melihat dari konteks persejarahan tempatan bagi sebuah negara, iaitu Malaysia sekarang.

Konteks yang pertama, iaitu persejarahan serantau termasuk dalam konteks tradisi, proses serta fenomena dan perkembangan sejarah dan hal-ehwal sejarah dan budaya rantau alam Melayu ini, serta kaitannya dengan perkembangan sejarah dan ekonomi di China, Timur Tengah dan India. Sejarah itu berkembang mengikut peredaran zaman, iaitu dimulakan dengan perkembangan sejarah pada zaman entah berentah, hinggalah pada awal abad ke-15 (atau penghujung abad ke-14), lalu diikuti seterusnya oleh zaman-zaman selepas itu hinggalah sekarang. Sekiranya mengikut perspektif sejarah, perkara ini boleh membentuk dan meninggalkan suatu tradisi temurun di kalangan rumpun bangsa Melayu di sekitar Selat Melaka hingga ke utara perairan Pulau Jawa. Dalam hubungan ini, batasan wilayah dan geopolitik seperti yang disaksikan pada hari ini, tidak boleh untuk dijadikan

perhitungan dan tidak timbul dalam ruang konsepsi tentang rumpun bangsa tadi. Oleh sebab itu, persejarahan Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16, perlu dikaji berdasarkan konteks tradisi, proses serta fenomena dan perkembangan sejarah serantau, khususnya di persekitaran Selat Melaka dan di perairan Pulau Jawa. Oleh itu, tradisi tersebut sepanjang abad ke-15 dan abad ke-16 merupakan sebahagian daripada keseluruhan tradisi persejarahan dan kebudayaan Melayu di rantau ini. Tradisi ini menjadi 'jambatan penyambung' yang menghubungkan antara tradisi persejarahan sebelumnya dengan tradisi persejarahan selepasnya, dalam perspektif warisan sejarah tadi.

Oleh itu, hal ini mesti dirujuk dan didasar kepada faktor kesinambungan terhadap persejarahan dan kebudayaan Melayu serantau. Kesinambungan kedua-dua aspek inilah yang menyumbangkan suasana bagi kemunculan dan kekekalan Melaka sebagai suatu entiti politik. Entiti dan tradisi ini seterusnya diwarisi pula oleh kerajaan dan Kesultanan Johor-Riau selepas tahun 1511.

Konteks yang kedua pula berdasarkan realiti sejarah yang kesannya wujud hingga sekarang. Konteks ini mungkin bertentangan dengan konteks yang pertama. Konteks yang pertama telah pun terjadi dan berlaku pada masa lalu. Dalam konteks yang kedua ini batasan wilayah dan geopolitik menjadi petanda dan kriteria penting kerana persejarahan dan budaya rumpun Melayu persekitaran selat dipisahkan secara politik oleh pembatasan wilayah dan geografi. Oleh sebab itu tradisi Melaka dan konsep kemelakaan dalam persejarahan Malaysia menjadi sempit dan amat menjurus. Konteks yang kedua ini terpisah daripada konteks kenegaraan, Malaysia dan Indonesia. Oleh itu, konteks ini patut dibincangkan dalam ruang persejarahan, perkembangan dan perubahan serta dinamisme kebudayaan, politik Melayu di Malaysia sahaja.

Kewujudan Melaka sebagai suatu entiti politik dan kerajaan memberi pengertian sejarah yang cukup besar dan bermakna dalam persejarahan Malaysia. Malah ada sarjana di pelbagai peringkat institusi pendidikan negara yang kerap menyarankan bahawa persejarahan negara harus bermula dengan tradisi Melaka. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa tradisi Melaka pada abad ke-15 itu sendiri sebenarnya adalah penerusan tradisi dan kesinambungan sejarah budaya-politik alam Melayu.

Sekiranya kita merujuk pada kajian terdahulu dan penulisan ilmiah masa kini tentang persejarahan silam rantau budaya alam Melayu ini, pendapat tersebut memang beralasan. Dalam hubungan ini, hasil kajian para sarjana awal seperti G. Coedes, H.J. de Graaf, W.P. Groeneveldt, J.C. van Leur, J.L. Moens, B.J.O. Shrieke, Muhammad Yamin, Slamet Muliyono,

C.C. Berg, Sartono Kartodhirdjo, R.M. Ng Poerbatjaraka, J.G. de Casparis, W.F. Stutterheim, P. Wheatley, J.J. Krom dan O.W. Wolters.[1] Dalam penulisan dan hipotesis masing-masing adalah berkaitan. Suatu hal yang cukup menarik dan meyakinkan ialah semua para sarjana ini merujuk dan berpandukan pada sumber-sumber awal yang terdiri daripada pelbagai jenis tulisan dan secara lisan seperti bahan kertas dan bukan kertas (batu-batu bersurat dan prasasti, arkeologi dan puing-puing, tradisi-tradisi *hikayat*, geografi setempat, serta laporan para pengembara dan pedagang asing dari Timur dan Barat).

Dalam percubaan dan usaha untuk menghubungkaitkan antara tradisi dan pola persejarahan awal Semenanjung Tanah Melayu dan Gugusan Kepulauan Melayu dengan persejarahan tanah besar Asia Tenggara, maka penulis seperti G. Coedes, P. Wheatley, D.G.E. Hall dan N.J. Krom merujuk pada pengaruh dan perkembangan budaya serantau yang berlunaskan kepercayaan daripada pengaruh Hindu-Buddha yang menular ke kawasan ini. Mereka ini juga merujuk pada laporan sumber-sumber China awal daripada Dinasti Tang dan Dinasti Han (dokumen jenis ini amat wajar untuk menjadi bahan rujukan tentang masa dan zaman berkenaan). Ini kemudian disokong oleh puing dan kesan arkeologi yang terdapat di Siam dan di Semenanjung Vietnam. Daripada awal Masihi sehingga sebelum abad ke-5, peranan pengemudian dan jalan di perairan Selat Melaka (apakah nama Selat Melaka sebelum munculnya Melaka?) belumlah begitu penting untuk menjadi laluan antarabangsa dan laluan bagi para pedagang asing. Pada masa itu, kawasan di

---

[1]Rujuk G. Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, Honolulu 1968; H.J. de Graff, "Gusti Pandji Sakti", dalam *TBG*, LXXXIII, 1949; H.J. de Graff, "Resensi Karya Soemarsaid Martoeno, State and Statecraft in Old Java", dalam *BKI*, 125, 1969; H.J. de Graff, *Geschiedenis van Indonesie*, 's-Gravenhage, Bandung, 1949; H.J. de Graff, *Awal Kebangkitan Mataram, Masa Pemerintahan Senapati*, Grafiti Press dan KITLV, Jakarta, 1985; J.L. Moens, "Criwijaya, Iava en Kataha", dalam *TBG*, LXXVII, 1937; B.J.O. Sherieke, *Ruler and Realm in Early Jaya*, Den Haag-Bandung, 1955; B.J.O. Shrieke, *Sociological Studies*, Amsterdam, 1955–1957 (2 jilid); C.C. Berg, "Javanese Picture of the Past", dalam Soedjatmoko, (ed), *An Introduction to Indonesian Historiography*, Ithaca, 1965; C.C. Berg, *De Middle-Javaanche Historische Traditie*, Santpoort, 1927; J.G. de Casparis, "Historical Writing in Indonesia (Early Period)", dalam D.G.E. Hall, (ed), *Historical Writing on the Peoples of Asian Historians of Southeast Asia*, London, 1962; W.F. Stutterheim, *A Javanese Period in Sumatran History*, Soerakarta, 1929; W.F. Stutterheim, *Leerboek der Indische Cultuurgeschiedenis*, Den Haag-Batavia, 1932; Slamet Muliyono, *Sriwidjaja*, Arnoldus, Flores, (tanpa tahun); Slamet Muliyono, *A Story of Majapahit*, Singapore, 1976; Slamet Muliyono, *Kuntala, Sriwijaya dan Suwarnabhumi*, Jakarta, 1981; J.J. Krom, *Hindoe-Javaansche Geshiedenis*, 's-Gravenhage, 1931; J.C. van Leur, *Indonesian Trade and Society*, van Hoeve, Bandung-The Hague, 1955; O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Kuala Lumpur, 1970; O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce, A Study of the Origins of Srivijaya*, Ithaca, 1967.

persekitaran Segenting Kra disebut sebagai jalan perdagangan yang paling utama bagi menghubungkan di antara Timur dengan Barat.

Jalan perdagangan yang begitu jauh, iaitu di antara Timur dengan Barat memerlukan pusat persinggahan sama ada di pesisir atau di daratan. Pusat persinggahan adalah tempat sama ada untuk menukar barang perdagangan (kemudian fungsi dan tarafnya akan berkembang menjadi sebuah entrepot), pusat untuk mengumpul dan mengeluarkan bahan mentah dan komoditi tempatan, atau setakat menjadi pusat persinggahan (transit) bagi memperoleh dan memenuhi segala keperluan perjalanan atau perdagangan. Pusat persinggahan ini akan semakin berfungsi dan berkembang, lalu menjadi bandar-bandar perdagangan. Perkembangan ekonomi di pusat persinggahan tersebut akan mewujudkan kuasa dan politik. Gabungan antara peranan ekonomi dengan peranan politik yang semakin kukuh dan mantap (dengan wujudnya pemegang kuasa dan pemilik wibawa politik seperti ketua, kedatuan dan raja serta berbagai-bagai konsep, tradisi dan falsafah tentang institusi dan organisasi berkerajaan dan perajaan setempat, membolehkan pusat persinggahan itu berkembang sehingga ke status negara kota. Sekiranya pusat persinggahan itu terletak di pesisiran, pusat itu akan dinamakan sebagai bandar pelabuhan.[2]

Keistimewaan dan kekuatan negara kota atau bandar pelabuhan adalah disebabkan oleh kedudukan geografi yang strategik, iaitu di sepanjang jalan perdagangan antarabangsa. Untuk terus kekal, negara kota atau bandar pelabuhan itu amat bergantung pada kegiatan perdagangan dan perniagaan dari luar. Keadaannya lebih terjamin dan menguntungkan sekiranya di situ terjadi eksploitasi tanah untuk matlamat pertanian, pengeluaran hasil bumi atau pengeluaran bahan mentah laut (ikan, obor-obor atau agar-agar dan hidupan laut). Apabila institusi kerajaan dan pemerintahan menjadi teguh, organisasi masyarakat akan menjadi semakin kompleks (dengan tarafnya pada masa itu). Ia akan menjadi tumpuan orang asing seperti para pedagang, senteri, pendakwah dan penghijrahan juga berlaku. Di situ jugalah kebudayaan berkembang dan tamadun manusia menjadi subur. Ia juga menjadi pusat perkembangan agama-agama di dunia.[3]

Bagi bandar-bandar jenis ini, kekayaan dan keutuhan ekonomi akan menjadi faktor kekuatan dan hegemoni politik. Pada prinsipnya, sumber ekonomi didapati daripada berbagai-bagai jenis cukai perdagangan. Ini

---

[2]Ada sarjana yang menamakannya pula sebagai 'kota pelabuhan'. Lihat H.J. de Graff & Th. G. Th. Pigeaud, *Kerajaan-kerajaan Islam di Jawa, Peralihan dari Majapahit ke Mataram*, Grafiti Press, Jakarta, 1985, hlm 18.

[3]Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur, 1972.

diperkuat dengan perolehan hasil uftian, sekiranya bandar tersebut adalah kuasa penakluk. Semakin banyak didapati hasil percukaian, 'pembeaan dan uftian', semakin kukuhlah ekonomi dan semakin teguh pula kedudukan politik dan ketenteraan (dari segi keperluan, penanggungan dan penyaraan tenaga manusia) di bandar-bandar tersebut. Selain itu, keluasan dan banyaknya kawasan dan bandar perdagangan yang dikuasai oleh sesuatu pemegang kuasa bandar tersebut juga akan menjadi faktor kekuatan dan hegemoni politik. Oleh itu, biasanya sesebuah negara kota yang terkuat dari segi politik dan ketenteraan (kerana besarnya saiz tenaga manusia yang boleh dimobilisasikan untuk peperangan, dalam konsep Thai tradisional disebut *phrai*)[4] akan cuba menguasai (melalui penaklukan) negara kota yang lebih kecil dan lemah, istimewanya negara kota yang memiliki strategi perdagangan dari segi jalan perdagangan, dan yang berpotensi ekonomi dari segi pengeluaran hasil.

Pusat pemerintahan selalunya bertapak di tempat sumber dan kuasa penaklukan itu bermula. Di sini jugalah lazimnya tempat organisasi pentadbiran beroperasi di peringkat pusat dan di tahap kawasan takluk. Dalam konteks hubungan dua hala untuk mengekalkan penguasaan dan penaklukan ini, ia bergantung pada setakat dan selama mana pihak yang ditakluk itu sanggup mengakui kedaulatan, ketuanan dan kepatuhan terhadap pihak penakluk. Ia juga bergantung pada sejauh mana kuasa pusat berupaya untuk melaksanakan dan mengekalkan *status quo* kuasanya sebagai penakluk terhadap pihak yang ditakluk tadi menerusi operasi ketenteraan atau manipulasi politik. Konsep politik penaklukan yang dimaksudkan di sini mestilah dibezakan dengan konsep penjajahan pada abad ke-19 dan abad ke-20 di Asia Tenggara. Fenomena pengakuan tradisional terhadap pihak penakluk hanya dilambangkan menerusi penghantaran ufti yang berkala dan kesediaan pihak yang ditakluk itu menyahut kehendak kuasa pusat dalam hal-hal yang berkaitan dengan keperluan dan penggunaan tenaga manusia seperti untuk peperangan, pertahanan, pembinaan kubu dan istana. Pengakuan tradisional juga dilambangkan pada kesanggupan pihak yang ditakluk untuk menyedia dan membekalkan berbagai-bagai peralatan material kepada kuasa induk dan kuasa ketuanan seperti makanan, alat pengangkutan dan senjata apabila diperlukan. Sekiranya taraf ekonomi dan pemilikan tenaga manusia oleh pihak yang ditakluk mengatasi pihak penakluk, maka keadaan yang sebaliknya sering terjadi. Oleh itu, hubungan antara dua pihak ini sentiasa dan hanya terjadi, dan berada dalam suatu ikatan dan tahap politik yang longgar.

---

[4]Akin Rabibhadana, *The Organisation of Thai Society in the Early Bangkok Period, 1782–1873*, Cornell-Thailand Project, No 74, Ithaca, 1969; Muhammad Yusoff Hashim, (ed), *Syair Sultan Maulana: Suatu Penelitian Kritis Tentang Hasil Pensejarahan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur, 1980, hlm 425–26.

Pengawalan dan penguasaan secara tidak langsung negara kota dan bandar pelabuhan yang banyak dalam sebuah lingkungan geopolitik yang luas, menggambarkan suatu 'persatuan' negara kota (agglomoration of city-states) di sesuatu rantau yang diterajupolitikkan oleh sebuah kuasa pusat dan penaung yang kuat pada sesuatu zaman. Unsur politik seperti ini, secara disedari atau tidak, akan membawa kepada pembentukan sebuah empayar.

Kekekalan dan hegemoni politik empayar ini terletak pada kekuatan dan kebolehan untuk mengekalkan penundukan serta penguasaan kawasan takluk. Perlaksanaan politik terhadap kawasan takluk dilakukan secara prinsip langsung atau tidak langsung. Kelangsungan selalunya, walaupun bukan mesti, direalisasikan menerusi perkahwinan kerabat antara istana pusat dengan istana pihak yang tertakluk atau yang dinaungi–perkahwinan politik namanya. Oleh sebab pengawalan dan penguasaan jalan perdagangan, sama ada darat atau laut adalah amat penting bagi pengawalan dan pengekalan *status quo* ekonomi, maka bandar pelabuhan dan negara kota yang terdapat di sepanjang jalan perdagangan itulah yang menjadi prioriti pengawalan politik dan fizikal.

Sekiranya ia berada di pesisiran sebagai pelabuhan perdagangan maka ciri dan fungsi utama bagi bandar pelabuhan seperti ini ialah "... tempat-tempat penarikan bea dan cukai terhadap barang-barang yang lewat, yang dilakukan oleh penguasa-penguasa tempatan. Hal ini disebut 'pabean', 'bandar(an)' atau 'rangkah' jika didirikan di jalan-jalan urat nadi perdagangan".[5] Kawasan pedalaman yang berpotensi ekonomi, hasil galian atau pertanian, dihubungkan ke bandar pelabuhan di pesisir melalui sungai. Ini lojik. Dari segi geografi, hampir semua kawasan tanah besar Asia Tenggara dan Gugusan Kepulauan Melayu dipenuhi dengan sungai yang boleh menjadi alat komunikasi antara pedalaman dengan pesisiran. Malah di Malaysia, faktor sungai jugalah yang menjadi asas pembentukan geopolitiknya.[6] Begitu jelas keadaannya, sehingga ada pelawat-pelawat asing pada zaman awal yang melawat sekitar muara sungai di Sumatera memikirkan bahawa Sumatera terdiri daripada penyatuan pulau-pulau kerana 'dipisahkan' oleh sungai-sungai yang besar. Ada yang mengandaikan bahawa Sumatera dipisahkan dari Pulau Jawa oleh Sungai Sunda, bukan Selat Sunda. Oleh itu, pengembara Barat pada abad ke-14, iaitu Marco Polo pun menamakan Sumatera sebagai 'Lesser Jawa'.[7]

---

[5]H.J. de Graff & Th. G. Th. Pigeaud., *op. cit.*, hlm xv.

[6]Khoo Kay Kim, *Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850–1873: Kesan Perkembangan Dagang Terhadap Politik Melayu*, Kuala Lumpur, 1984, hlm 1–26.

[7]Marco Polo, *The Travels of Marco Polo*, Great Britain, Penguin Books Ltd., 1980, hlm 256–258.

Naik dan turun empayar-empayar ini teruji dengan keupayaannya menyatukan negara kota yang ditakluki atau dinaungi. Penarikan dan nekad membebaskan diri daripada 'ikatan' kuasa pusat oleh negara kota yang ditakluki menjadi tanda kepada kemerosotan kuasa dan keporak-perandaan empayar. Sebaliknya, zaman keagungan empayar ditunjukkan dengan kebolehannya mengawal bersungguh-sungguh (to exert control) secara politik suatu kawasan taklukan atau naungan yang luas. Ini adalah tahap kekemuncakan politik. Pada tahap inilah kebudayaan, kesenian, bahasa dan kesusasteraan menjadi segar; persoalan metafizik dan agama menjadi kukuh; serta berbagai-bagai unsur pengaruh luar meresap dan bertapak.

Faktor luar yang menjadi dasar kepada kemerosotan atau keruntuhan sebuah kuasa politik yang besar ialah penggunaan dan fungsi jalan perdagangan di laut yang semakin kurang; kegiatan di pelabuhan dagang semakin merosot; dan penggunaan jalan perdagangan (darat dan laut) di sesuatu rantau politik didapati terus menurun. Kegiatan perdagangan antarabangsa semakin merosot adalah akibat langsung daripada sama ada minat para pedagang asing untuk datang ke pelabuhan dagang tadi terus berkurang, atau disebabkan oleh peralihan jalan perdagangan. Faktor-faktor ini sebenarnya merupakan *antitesis* terhadap kemunculan dan kegemilangan sesebuah empayar tadi. Oleh itu, faktor ekonomilah yang menjadi induk kepada politik dan proses politik empayar-empayar ini.

Pembentukan jalan perdagangan di bahagian rantau Nusantara secara langsung membentuk suatu rantaian jalan perdagangan di laut antarabangsa. Oleh itu, rantauan laut Nusantaralah yang menghubungkan lalulintas di antara Timur (China dan Jepun) dengan Barat (India, Timur Tengah, Itali dan seterusnya ke Eropah). Hubungan jalan perdagangan ini sungguh erat, sehingga Tome Pires mengatakan bahawa peranan penting ekonomi Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16 yang telah membangkit dan menyuburkan kegiatan perdagangan Eropah, "Whoever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice".[8] Peranan dan kedudukan Selat Melaka semakin penting apabila dikaitkan pula dengan kedudukannya sebagai 'gerbang' yang menghubungkan di antara dunia luar dengan kawasan perairan Gugusan Kepulauan Melayu, mengarah ke selatan. Secara relatifnya, maka ia juga menggiatkan kegiatan ekonomi kawasan ini dalam soal pemasaran dan perdagangan berbagai-bagai jenis hasil pertanian mentah (yang paling utama ialah rempah dan lada) ke peringkat antarabangsa. Dan secara relatif jugalah ia menjadi faktor kepada kemunculan dan kenaikan puluhan negara kota dan bandar pelabuhan di Pulau Jawa (yang menjadi 'gerbang' hubungan luar

[8]Armando Cortesao (ed), *The Suma Oriental of Tome Pires*, 1944, hlm 287.

kuasa-kuasa setempat Jawa Timur, Airlangga pada abad ke-11, Kediri dan Singosari pada abad ke-9 hingga abad ke-13, Majapahit pada abad ke-13 hingga sekitar abad ke-16) yang pada abad ke-15 dan abad ke-16 dan selepasnya membentuk entiti politiknya sendiri seperti di Demak, Tuban, Grisek, Rembang, Giri, Surabaya, Borneo Selatan dan Brunei, lantas ke Sulu dan Sulawesi. Pertembungan perdagangan di antara Timur dengan Barat telah menyebabkan kerajaan-kerajaan di pesisir Nusantara menjadi tumpuan para saudagar setempat dan asing. Oleh itu, wujudlah sebuah bandar kosmopolitan. Ini menjadi ciri yang standard dalam corak dan sejarah kemasyarakatan bandar pelabuhan di Nusantara.

Akibat terlalu bergantung pada jalan perdagangan di laut untuk matlamat perdagangan, maka negara kota ini (sama ada sebagai pusat persinggahan, pemindahan, pengendalian barang dagangan entrepot, pengumpul bahan dagangan pembekal dan pengeluar hasil-hasil tempatan atau pengimport dan pengedar komoditi barang dagangan dari luar) amat sensitif dengan suasana laut dan jalan perdagangan yang ada di hadapannya.[9] Kemunculan dan kehancuran; kegemilangan dan kemalapan negara kota amat relatif dengan kegiatan dan jalan perdagangan kelautan. Apabila ramai perdagangan asing yang datang, menyebabkan negara kota ini menjadi makmur. Sebaliknya apabila lembap dan kurang pedagang ini yang datang, akan menjadikan negara kota ini malap dari segi ekonomi dan akhirnya sosiopolitik.

Apabila membicarakan soal sosiopolitik, maka peranan kedutaan antara kuasa pusat bagi empayar kelautan ini dengan kuasa tradisional China, haruslah dikaitkan sama. Ia berhubung dengan dasar luar dalam amalan perdagangan kerajaan China yang berselindung di sebalik sistem uftian. Apabila dasar luar dalam sistem ini dikuatkuasakan, para pedagang Cina hanya digalakkan untuk berdagang ke bandar-bandar pelabuhan yang 'dilindungi' oleh kerajaan China. Ini hanya berlaku setelah penguasa bandar-bandar ini atau pemerintah negara-negara kota di Nusantara mendapat pengiktirafan politik daripada kuasa pusat China di Peking. Ini selalunya dilambangkan menerusi dua episod sejarah, iaitu dengan penghantaran siri-siri misi dan rombongan kedutaan daripada pemerintah tempatan kepada maharaja China bagi mengakui ketuanan mereka. Di sebaliknya, kerajaan China mengiktiraf pula secara *de jure* pemerintah tempatan ini dengan penghantaran pelbagai hadiah yang simbolik seperti loceng, sutera, kain kuning dan payung kuning. Episod-episod ini memberikan segala kepentingan politik kepada kerajaan-

[9]O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce* ..., (halaman yang berkenaan); Orang Laut disebut sebagai memainkan peranan utama untuk mengumpulkan bahan-bahan mentah bagi komoditi dagang ini. Rujuk D. Sopher, *The Sea Nomads*, No 5, Singapore, 1965.

kerajaan tempatan tadi, di samping kepentingan dan keuntungan ekonomi yang cukup pasti.[10] Pedagang-pedagang dari kerajaan tempatan yang mempunyai pertalian politik dengan kerajaan China sahaja dibenarkan untuk masuk ke China. Dan hanya bandar-bandar pelabuhan di Nusantara yang telah menjalin hubungan politik dengan China, yang akan didatangi oleh para pedagang China. Oleh itu, kegiatan perdagangan di bandar-bandar pelabuhan seperti itu akan bertambah rancak.

Kita menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat bagi menjelaskan tentang hal tersebut. Permasalahan sumber sering menyebabkan pengkaji menjadi kelam-kabut dan kerap mengakhirkan pendekatannya menerusi, "... only by supposition and informed suggestions", seperti yang dilakukan oleh G. Coedes yang mengkaji tajuk ini. Alternatif lain ialah dengan merujuk pada sumber China tradisional daripada beberapa dinasti awal mereka. Sumber daripada Dinasti Sung, Dinasti Sui, Dinasti Tang dan Dinasti Ming contohnya, menyebut kerajaan-kerajaan tua yang dipastikan wujud di sekitar Semenanjung Tanah Melayu seperti Langkasuka (sekitar utara Semenanjung) pada abad ke-6, Ch'ih-t'u (Tanah Merah) di Kelantan, Tan-Tan (Besut, Terengganu) dan Lo-Yuen (di Johor). Kerajaan-kerajaan setempat yang mempunyai, "... well ordered governments"[11] ini dilapor oleh sumber China sebagai saling menghantar hadiah dan misi muhibah ke China, mulai sepanjang abad ke-7 hingga pada abad-abad yang berikutnya. Hubungan kedutaan ini memberi manfaat pada bidang-bidang ekonomi dan politik tempatan.

Bertentangan dengan dasar ini ialah dasar perdagangan bebas. Pedagang China berhak untuk datang ke mana sahaja bandar pelabuhan yang diminati, tanpa larangan dan tanpa perlindungan kerajaan. Fenomena ini sering mengancam pola perdagangan menerusi sistem uftian, khasnya di negara-negara kota yang kononnya dilindungi oleh China. Setelah negara kota itu menjalankan usaha pertukaran misi kedutaan, mereka dapat pula menikmati kepentingan ekonomi. Perubahan pola ini akan mengancam kuasa kelautan pusat. Dengan meningkatnya kegiatan perdagangan di bandar-bandar pelabuhan yang dikuasai oleh mereka, akan menjadikan saingan malah kadangkala akan mengatasi kuasa kelautan pusat itu. Dalam konteks inilah peranan pokok Orang Laut amat penting. Semacam paksaan, Orang Laut bertugas untuk mengarahkan kapal-kapal pedagang asing supaya menjurus dan bertumpu ke pelabuhan kuasa pusat, bukan ke pelabuhan takluk.

---

[10]P. Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur, 1961, hlm 273; P. Wheatley, *Impressions of the Malay Peninsula in Ancient Times*, hlm 85. Barbara Watson Andaya and Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, London, 1982, hlm 20–34.

[11]Barbara Watson Andaya, *op. cit.*, hlm 22.

Mulai dari abad ke-5, keperluan perairan di sekitar Nusantara yang merujuk pada lalulintas Selat Melaka dan Laut China Selatan mula memainkan peranan. Ia berkait dengan meningkatnya permintaan bahan-bahan mentah dari Nusantara bagi pasaran dunia.

FUNAN, LANGKASUKA, KAN-T'O-LI DAN SRIWIJAYA

Daripada sumber awal China dari zaman Dinasti Han (abad ke-2), sumber dari India Selatan dan dari prasasti-prasasti kuno, dapat dipastikan bahawa kerajaan di selatan semenanjung Asia Tenggara yang muncul menerusi kepentingan ekonomi, lalu mendapat manfaat untuk matlamat politik ialah empayar tua Funan. Funan muncul dalam ruang kepentingan ekonomi dan geografi lalu membentuk perspektif sejarah mengikut lunas dan ciri-ciri di atas. Mengikut landasan ruang dan perspektif sejarah inilah juga didapati kerajaan-kerajaan dan bandar-bandar pelabuhan yang besar di Nusantara ini muncul dan berkembang.

Funan wujud dari abad pertama hingga abad ke-6 Masihi dan mencapai zaman kemuncaknya di sekitar abad ke-3. Kerajaan Funan berpusat di Wadhapura (wilayah timur Kampuchea sekarang) yang bermaksud "Bandar Pemburu". Sekarang Wadhapura dianggarkan terletak berhampiran bukit Ba Phenom dan Kampong Banam, dalam wilayah Prei Veng, Republik Kemboja. Wadhapura terletak kira-kira 20 batu dari pantai. Empayar Funan berkembang dari Go Oc-Eo (bandar pelabuhannya yang utama) ke negara-negara kota di Ko-lo (Burma timur sekarang), Tambralingga, P'an P'an, Tun Sun, Kataha [dipastikan meliputi kawasan-kawasan serantau, iaitu Kedah, Kelantan, Senggora (Songkhla), Nakhon Si Tammarat (Ligor) dan Patani. Bandar pesisir Go Oc-Eo dihubungkan ke Wadhapura oleh Tasik Tonle dan Sungai Mekong. Sumber-sumber China pada abad ke-3 mendakwa bahawa Funan juga berjaya menaungi Langkasuka yang muncul di sekitar abad ke-2. Ini menyebabkan hampir seluruh bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu berada di bawah naungan Funan. Dakwaan ini berdasarkan sumber China dan Arab pada abad ke-7 yang mengatakan bahawa empayar kecil Langkasuka ini termasuklah seluruh muara Sungai Terengganu, Kedah, Kelantan, Patani, Telubin dan Senggora.[12]

Di sekitar kawasan-kawasan inilah terletaknya jalan perdagangan yang menghubungkan di antara Timur dengan Barat. Dengan keupayaan menakluk dan menaung kawasan-kawasan tersebut bermakna Funan dapat menguasai dan mengawal suatu rentasan geografi yang besar dan luas, iaitu

[12]P. Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm 257, peta 42.

dari bahagian timur Teluk Benggala menganjur ke seluruh jalan perdagangan di Teluk Siam dan Semenanjung Vietnam. Seperti Funan, Langkasuka juga terbentuk daripada penguasaan suatu kawasan yang luas yang meliputi seluruh utara Semenanjung Tanah Melayu. Langkasuka berjaya menghubungkan suatu jalan perdagangan di antara Pantai Barat dengan Pantai Timur utara Semenanjung, sebelum ia menjadi naungan Funan.[13]

Kemerosotan kedua-dua empayar ini adalah akibat kemalapan peranan negara-negara kota dan bandar-bandar pelabuhan dalam bidang ekonomi perdagangan. Ini adalah kesan langsung akibat merosotnya peranan jalan perdagangan di kawasan sekitar timur Teluk Benggala apabila dikatakan bahawa mulai dari abad ke-5, Selat Melaka dan Selat Sunda mula menjadi rentasan dan laluan kelautan bagi pedagang Timur dan Barat. Ia juga berkait dengan permintaan dunia bagi bahan-bahan mentah dari Nusantara yang semakin memberangsangkan. Sementara itu barang-barang dagangan dari Timur, khasnya dari China, merupakan komoditi mewah bagi pasaran Nusantara. Barangan dari India dan Timur Tengah pula mempunyai nilai barangan import dan jenama yang bernilai di rantau ini.

Sumber China pada abad ke-5 dan abad ke-6 Masihi (daripada Dinasti Sung dan Dinasti Liang) mengatakan bahawa sebuah petempatan yang bernama Kan-t'o-li yang terletak di tenggara Sumatera,[14] mengambil peluang dengan keperluan jalan perdagangan di Selat Melaka serta kemunculan pola perdagangan yang baru ini. Kan-t'o-li didakwa sebagai berjaya untuk menguasai sebahagian besar dari muara-muara sungai di sepanjang pantai timur Sumatera, sehinggalah ke Pantai Timur dan Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu. Kan-t'o-li merupakan sebuah kuasa kelautan Melayu yang pertama muncul secara langsung daripada peluang sosioekonomi dan jalan perdagangan laut yang muncul ketika itu. Kelahiran Kan-t'o-li menandakan kemalapan wibawa politik dan keunggulan ekonomi Funan dan Langkasuka. Kan-t'o-li menggantikan kedua-dua kuasa ini. Kan-t'o-lilah yang dianggap memberi jalan ke arah kemunculan kerajaan Sriwijaya.

---

[13]P. Bellwood, *Man's Conquest of the Pacific: The Prehistory of Southeast Asia and Oceania*, Auckland, 1978; A. Lamb, "Miscellaneous Papers on Early Hindu and Buddhist Settlements in North Malaya and Southern Thailand", dalam *Federation Museum Journal, New Series, 6, 1961. Hikayat Merong Mahawangsa* menyebut bahawa petempatan asal 'Langkasuka' ialah di pesisir utara pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Pengasasnya ialah Raja Merong Mahawangsa. Disebut bahawa Langkasuka menjadi tumpuan para pedagang dan senteri, "datang berniaga ke dalam negeri itu". Siti Hawa Saleh, (ed), *Hikayat Merong Mahawangsa*, Kuala Lumpur, 1970. hlm 13–14.

[14]Tempatnya dikatakan terdapat di sekitar Jambi, bermuarakan Sungai Batang Hari. Lihat N.J. Krom, *Hindoe-Javaansche Geschiedenis*, hlm 112; G. Coedes, "A Possible Intrepretation of the Inscription of Kedukan Bukit (Palembang)", dalam J. Bastin and R. Roolvink, (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Kuala Lumpur, 1964.

Melalui prasasti-prasasti yang terdapat di Telaga Batu, Kedukan Bukit dan Talang Tuo di Palembang, dan melalui interpretasi yang dibuat oleh G. Coedes menerusi sumber-sumber China dari abad ke-7 hingga abad ke-9 daripada Dinasti Tang tentang hal ini dinyatakan bahawa pada abad ke-7, kuasa Melayu ini telah pun berwibawa politik, berinstitusi dan berkerajaan.[15] Dengan berpusatkan geopolitik Palembang, Jayanasa, seorang penguasa politik yang sama ada terpengaruh dengan gagasan politik dan tradisi sejarah serta ekonomi kerajaan-kerajaan besar yang mendahuluinya, iaitu Funan dan Langkasuka, Jayanasa mula mengembangkan pengaruh politiknya dengan menguasai dan menakluk kawasan yang strategik dari segi pengawalan jalan perdagangan di Selat Melaka dan Laut China Selatan. Pulau Bangka dapat dikuasai. Dari pulau inilah operasi mengawal lalulintas laut dijalankan. Pengawalan jalan perdagangan laut ini meliputi juga Selat Sunda. Dengan pengawalan ini bermulalah suatu era baru persejarahan Melayu sekitar Selat Melaka, apabila penguasa-penguasa politik selepas Jayanasa, terus menguasai kawasan-kawasan jalan perdagangan yang strategik ini dan membentuk sebuah kuasa laut *thalassocracy*. Sebuah empayar kelautan Melayu, dengan bertulangbelakangkan tenaga manusia dan kemahiran pelbagai suku Orang Laut pun wujud. Ini mungkin merupakan suatu pola dan tradisi persejarahan yang baru di alam Melayu. Tetapi masih dalam ruang dan konteks kerantauan serta kesinambungan tradisi dan penerusan pola persejarahan bagi zaman-zaman sebelumnya seperti Funan dan Langkasuka. Faktor sosioekonomi yang berdasarkan keperluan, kewujudan dan penggagasan politik, telah berulang semula.

Sriwijaya menjadi sebuah empayar Melayu. Pada zaman kemuncaknya dalam abad ke-11, Sriwijaya disebut menguasai jalan perdagangan dan jalan laut yang cukup luas, iaitu dari kawasan Gerahi di timur Teluk Benggala menganjur ke Selat Sunda di selatan, lalu menguasai seluruh geopolitik tradisional pantai timur Sumatera, seluruh Thai Selatan, Semenanjung Tanah Melayu dan barat laut Gugusan Kepulauan Melayu. Sriwijaya yang berpusat di Palembang, kemudian berpindah ke Jambi juga berjaya menundukkan kuasa-kuasa setempat dan bandar-bandar pelabuhan yang lebih kecil. Proses dan pola politik serta penguasaan jalan perdagangan laut oleh Sriwijaya ini berlarutan hingga abad ke-13.

---

[15]G. Coedes, *ibid.*, Disebut oleh sumber China daripada Dinasti Sui (590–618 T.M.) yang dipetik oleh P. Wheatley, mengenai pemerintah Chih-tu bahawa, "The king sits on a three-tiered couch, facing north and dressed in rose-coloured cloth, with a chaplet of gold flowers and necklaces of varied jewels. Four damsels attend on his right hand and on his left, and more than a hundred soldiers mount guard". Lihat P. Wheatley, *The Golden Khersonese*, hlm 28, 254, 255.

Sejarah Melayu, satu daripada sumber peribumi telah menerapkan dengan bersungguh-sungguh tradisi Palembang dan sosiobudaya kepalembangan (unsur mitos dan anasir alam yang ghaib) berhubungan dengan asal usul dan salasilah raja-raja Melaka pada abad ke-15. Mukadimah tentang jurai dan tradisi asal usul ini yang diterapkan dalam teks tersebut atau apa saja unsur *literary fictionality* tentang hal ini, bukanlah disengajakan seperti yang sering didakwa kerana perawi atau penyusun teks tersebut bukan seorang yang jahil atau buta sejarah. Perawi atau penyusun tersebut sebenarnya memahami dan tahu tentang tradisi persejarahan Melayu. Walaupun tidak menyatakan secara eksplisit, namun tradisi kepalembangan yang disebut mendahului tradisi Melaka adalah manifestasi dari proses dan hakikat sejarah Sriwijayalah yang dimaksudkan oleh penyusun atau perawi tersebut. Maka dakwaan bahawa tradisi Sriwijaya pada mulanya berpusatkan Palembang adalah sahih.

Secara *aksen* (folk etimology atau accent), sumber China menyebut Sriwijaya sebagai San-fo-che atau Che-li-fo-che. Sumber Arab menyebutnya sebagai Sarbazza atau Sribuzza, dan diperintah oleh Maharaja Zabej atau Zabag. Tentulah Muara Sabak atau Sebak yang bersungaikan Batang Hari yang disebut oleh *Sejarah Melayu* sebagai Muara Batang (bukan Tatang seperti yang ditranskripsikan) yang dimaksudkan oleh sumber Arab itu. Dari Palembang, kemudian di Jambi dijalankan organisasi politik dan penggerakan serta penggemblengan tenaga Orang Laut bagi menguasai dan mengawal seluruh jalan perdagangan sepanjang Selat Melaka, Selat Singapura hingga ke Laut China Selatan.

Kebangkitan Sriwijaya boleh dikaitkan secara relatif dengan kegiatan perdagangan di luar Nusantara yang aktif dengan kegiatan dan pemasaran barang-barang mentah dari Nusantara. Di China, zaman Dinasti Tang dari abad ke-7 hingga abad ke-10, di Timur Tengah zaman Khalifah Umayyah dari abad ke-7 hingga abad ke-8 dan zaman Khalifah Abasiyyah pada abad ke-8 hingga abad ke-13, kegiatan perdagangan dua hala Timur dan Barat melalui perairan Nusantara adalah cukup giat. Secara tradisi, hubungan perdagangan selatan India dengan kawasan perairan Melayu telah lama berjalan.

Arah ke selatan di Pulau Jawa, muncul pula beberapa buah kerajaan tua pra-Islam yang diketahui dimulakan dengan kerajaan Jawa Timur dan Jawa Tengah pada abad ke-9. Ini diikuti pula oleh kebangkitan kerajaan Kediri, antara tahun 850 hingga tahun 1222, kerajaan Singosari antara tahun 1222 hingga tahun 1290 dan kerajaan agung Majapahit antara tahun 1293 hingga lebih kurang tahun 1520. Walaupun masyarakat dalam kerajaan ini bercorak

agro basis, namun hubungan luar dari Pulau Jawa memerlukan pengawalan dan penggunaan beberapa buah bandar pelabuhan di utara pulau tersebut. Maka persekitaran Laut Jawa hingga ke selatan Selat Melaka, tetap merupakan unsur laluan perairan yang penting untuk kerajaan-kerajaan ini, khusus yang berhubung dengan keperluan sosioekonomi. Kegiatan pengawalan laut bagi matlamat ekonomi dan kegiatan ketenteraan yang serupa, menyebabkan kedua-dua kuasa ini, iaitu Jawa di Pulau Jawa dan Melayu di Sriwijaya bertembung. Perebutan laluan perairan sering terjadi, menyebabkan berlakunya persaingan politik dan budaya. Malah kebangkitan dan kekuatan angkatan laut Majapahit sering dikaitkan dengan salah satu faktor kemalapan kuasa Sriwijaya.

Apabila Kartanagara dari kerajaan Singosari menggagaskan konsep *Pa-Malayu* pada tahun 1275 dalam usaha untuk membina sebuah barisan dan penyatuan politik Jawa-Melayu dalam sebuah rantau politik, perairan dan budaya yang serupa dan sejiran, maka beliau menundukkan Jambi. Kartanagara menghantar tokoh politik yang bernama Adityawarman yang berbapakan tokoh kerabat keraton Jawa, tetapi beribukan Melayu dari istana Jambi, dalam usaha untuk menanamkan pengaruh politik Jawa di Sumatera. Adityawarman yang berdarah Jawa-Melayu itu, kemudiannya menjadi penegak daulat dan pendiri kerajaan Minangkabau di Pagar Ruyung.

Menjelang pertengahan abad ke-13, kegemilangan Sriwijaya mulai luntur. Selain faktor dalaman, faktor luar juga turut memberikan kesan yang besar terutama faktor yang berkaitan dengan hal-ehwal dan keperluan jalan perdagangan Selat Melaka. Jalan perdagangan yang menjadi tunggak ekonomi dan politik Sriwijaya mula diancam oleh kerajaan Chola dari India. Bandar-bandar pelabuhan di bawah penguasaan Sriwijaya diserang kerana kejayaan Sriwijaya menguasai dan mengawal Selat Melaka, dan ini telah menggugat perdagangan India. Keadaan ini bertambah rumit kerana pengubahan dasar perdagangan luar China, zaman Dinasti Sung dan Monggol pada abad ke-12 hingga abad ke-14. Perlaksanaan perdagangan luar yang berselindung di sebalik sistem uftian yang selama ini amat memberi manfaat kepada ekonomi dan didakwa sebagai cukup menguntungkan dari segi politik serta pengiktirafan Sriwijaya, telah dibatalkan dan diubah kepada dasar perdagangan bebas tanpa lindungan. Perubahan dasar ini membolehkan para pedagang China bebas berniaga di bandar pelabuhan yang mereka minati, tidak semestinya ke Palembang atau Jambi sahaja. Ini menyebabkan kemerosotan Palembang dan Jambi. Fenomena perdagangan sedemikian tentulah semakin mengancam wibawa dan kuasa pusat Sriwijaya.

Pada tahap kegemilangan kuasa kelautan Sriwijaya di sekitar Selat Melaka, Selat Singapura dan Laut China Selatan, kerajaan Jawa tua abad ke-

13 dan abad ke-14 melihat kegemilangan ini sebagai satu faktor yang cukup menggugat terutama dari segi pengawalan jalan perdagangan laut. Dalam usaha untuk mengawal jalan ini, maka kerajaan Singosari dan Majapahit berikhtiar untuk menundukkan dan meletakkan Sriwijaya ke taraf yang lebih rendah dari segi fungsi ekonomi dan ketenteraan laut. Maka tercetuslah gagasan politik dan ekspedisi *Pa-Malayu* tadi. Ia dianggap para sarjana masa kini sama ada sebagai suatu peperangan terbuka terhadap sebuah kuasa serantau tetapi merupakan jiran yang cukup mengancam, ataupun suatu gagasan dan rancangan imperialistik tradisional Jawa,[16] yang berselindung di sebalik kalimat dan slogan 'gabungan suci' bagi menyatukan kuasa politik Jawa-Melayu. Pada prinsipnya gagasan ini mempunyai matlamat politik, iaitu untuk menguasai suatu kawasan geopolitik yang luas dan matlamat ekonomi yang besar bagi mengawal jalan perairan yang amat strategik dan menguntungkan di antara Pulau Jawa dengan kawasan luar. Manakala Selat Melaka dapat dianggap sebagai 'gerbang' ke perairan Nusantara.

Proses yang saling berkait ini memberikan kesan terhadap hubungan politik dan budaya Jawa-Melayu yang mungkin tidak disengajakan, bukan sahaja dengan istana dan penguasa pusat di Palembang atau Jambi, malah di semua bandar pelabuhan yang ditakluk oleh Sriwijaya. Proses ini sekurang-kurangnya berlaku melalui hubungan kekeluargaan, iaitu menerusi perkahwinan kerabat keraton Jawa dengan istana Melayu sejak abad ke-9 lagi. Dan apabila Tome Pires merujuk pada seni dan unsur perwayangan Melaka pada abad ke-16 yang dikatanya terpengaruh dengan seni corak Jawa, maka ini sebenarnya terjadi akibat proses hubungan dan penjalaran budaya serantau, iaitu dari Pulau Jawa mengarah ke sekitarnya, tetapi terletak di suatu rantau budaya yang serupa. Dalam abad ke-13 juga, kuasa tradisional Siam, iaitu Sukhotai menerusi Ligor, mula menular ke Selat Melaka hingga ke selatan Selat Singapura, dalam gagasan diplomatik dan matlamat ekonomi yang serupa. Gagasan ini dilanjutkan sehingga pada masa kegemilangan Dinasti Ayuthia dalam tahun 1350-an. Mereka mendakwa dan menuntut ufti dari bandar-bandar pelabuhan Melayu Semenanjung, yang sebelum itu di bawah taklukan Sriwijaya. Suasana politik di sekitar Selat Melaka semakin kompleks, sehingga menjadi Melayu-Jawa-Siam. Ini belum termasuk unsur China dari tentera laut Dinasti Yuen atau Monggol (Kublai Khan), yang dise-

[16]D.G.E. Hall, *History of Southeast Asia*, London, 1947, hlm 71; N.J. Krom, *Hindoe-Javaansche* ...; M.D. Mansoer, et. al., (ed), *Sedjarah Minangkabau*, Bhratara, Djakarta, 1970, hlm 51–52; C.C. Berg, "The Javanese Picture of the Past", dalam Soedjatmoko, (ed), *op. cit.*, hlm 99. Sumber Jawa, *Nagarakartagama*, menyebut ekspedisi tentera laut Jawa ini termasuk juga ke Borneo Selatan dan Pahang.

but dan didakwa merancang untuk menguasai seluruh Nusantara.[17]

Sebagaimana hal tradisi asal usul yang lepas, pengarang atau perawi *Sejarah Melayu* sedar akan proses dan pola politik yang telah terjadi puluhan tahun sebelum pengarangannya. Maka dalam menaratifkan bahagian awal sejarah Melaka yang membentuk episod-episod yang menjadi latar belakang kepada sejarah ini dapat kita lihat bagaimana Jawa Majapahit dan Siam Sukhotai serta Ayuthia diterap sebagai unsur sejarah yang utama, tetapi dicernakan menerusi naratif-anekdot-sejarah yang sering membingungkan pembaca. Unsur ini disebut sebagai unsur politik luar yang dasar, yang sering diterap menerusi ciri-ciri *animosity*, dalam masa pemerintahan raja-raja Melaka di Singapura dan di Melaka pada awal abad ke-15. Ini adalah wajar dan mempunyai kesan kesejarahannya kerana lanjutan tradisi persejarahan Selat Melaka yang telah sebenarnya terjadi, dan mereka merupakan kuasa-kuasa asing yang menjadi penyaing bagi kuasa Melayu, yang mungkin merupakan sisa-sisa tokoh dan kuasa politik Sriwijaya. Kesemunya menjadi latar belakang kepada penubuhan Melaka. Parameswara dan penyokong-penyokongnya berhak berbuat demikian, bukan sahaja cuba membina sebuah kerajaan di Singapura dan berusaha menegakkan sebuah kerajaan di Melaka, bahkan berhak mengeksploitasikan kawasan-kawasan yang pernah dikuasai secara *de jure* oleh nenek moyangnya dulu dalam lingkungan empayar Sriwijaya di rantau ini, sebab kawasan-kawasan berkenaan bukan menjadi milik *de facto* oleh sama ada kuasa Jawa ataupun Siam. Walaupun muncul dalam bentuk sisa-sisa Sriwijaya, hak-hak politik dan wibawa Melayu Sriwijaya nampaknya masih terus diiktiraf. Walaupun mungkin hanya terjadi dalam lingkungan legal temurun sahaja, Parameswara terus didaulati sebagai pemerintah Melayu yang sah oleh suku-suku Orang Laut dalam lingkungan budaya politik, unsur manusia dan tenaga politik yang amat dasar menegakkan kedaulatan Sriwijaya dahulu. Tenaga ini sekarang berpindah dan bergerak ke Singapura untuk sementara (lebih kurang lima tahun, kata Tome Pires), kemudian mengarah, menegak dan kekal terus di Melaka selama seabad lebih.

Di Melaka, bekas 'ahli politik' Melayu dari Palembang atau Jambi (sekarang yang mentuani Jawa Majapahit, lanjutan Jawa Singosari) dan Singapura, berjaya mengekalkan identiti politik Melayu temurun dan tradisi politik kemelayuan, sebagai melanjutkan tradisi politik tanah asal mereka dari pesisir timur Sumatera itu. Oleh itu, dari segi konsep dan tradisi persejarahan, ia bukanlah suatu persejarahan baru dalam lingkungan sosiologi politik dan kebudayaan Melayu di Selat Melaka, malah merupakan penerusan

[17]D.G.E. Hall, *ibid.*, hlm 74–75.

dan kesinambungan proses politik dan tradisi persejarahan Melayu Selat Melaka. Apa yang terjadi hanyalah perpindahan wibawa dan kuasa (dalam konteks semangat kebangkitan semula wibawa dan kuasa Sriwijaya), dan setakat perubahan geopolitik serta geografi yang berlainan tetapi berada dalam lingkungan perairan dan rantau budaya yang serupa. Dari Melaka, tradisi persejarahan ini diteruskan di Johor-Riau, diselangi oleh suatu tempoh peralihan dalam usaha mencari tapak geopolitik yang baru di Johor Lama pada abad ke-16.

Oleh itu, dari segi perspektif, sepanjang abad yang pertama hingga abad ke-16 Masihi, suatu tradisi dan proses persejarahan yang berhubung dengan kebangkitan dan kemerosotan kuasa-kuasa politik ini, dapat dilihat. Ia terjalin dalam suatu rantaian 'naik-turun' atau 'pasang-surut' tradisi. Maknanya, secara umum, kemunculan dan kebangkitan sesebuah kuasa itu, menyusuli kemunduran dan kemalapan sebuah kuasa yang lain, tetapi terletak dalam sebuah rantau atau pinggiran rantau budaya yang serupa. Kebangkitan Kan-t'o-li adalah susulan daripada kemerosotan kuasa Funan. Kemalapan Langkasuka adalah akibat langsung dari kegemilangan Funan, menerusi proses dominasi politik. Kebangkitan Sriwijaya dilihat sebagai susulan peranan sosioekonomi Kan-t'o-li yang semakin pudar. Kebangkitan Majapahit juga merupakan proses penyusulan, setelah lemah dan tumbangnya kuasa-kuasa Singosari dan Kediri. Kebangkitan Melaka adalah penerusan daripada pudar dan lenyapnya tradisi Palembang dan Jambi yang menjadi penguasa induk bagi Sriwijaya. Dan seterusnya kemunculan kerajaan Melayu Johor Lama menjadi faktor pewarisan bagi kerajaan dan tradisi Melayu di Melaka yang telah diduduki oleh kuasa asing yang bukan Melayu.

Ada sarjana yang mengistilahkan bandar-bandar pelabuhan dan negara kota ini sebagai *fluid cities*. Bandar-bandar wujud mengikut pertumbuhan ekonomi dan wibawa politik bandar pelabuhan atau negara kota yang lain. Ciri ini wujud kerana kemunculan mereka berkaitan dengan pola sosioekonomi dan penggunaan jalan perdagangan yang menjadi asas ekonomi masing-masing, sama ada di darat ataupun di laut.

Dalam konteks persejarahan Selat Melaka selepas abad ke-5 khususnya, fenomena sejarah ini berlaku disebabkan faktor keperluan dan kepentingan perdagangan serta permintaan bahan mentah dari Nusantara yang semakin meluas. Permintaan yang besar ini menjadikan perairan Selat Melaka sebagai jalan perdagangan yang penting bagi kegiatan perdagangan tempatan dan antarabangsa. Daripada proses dan fenomena sosioekonomi seperti inilah maka kesan dan perubahan politik serta persejarahannya dapat dilihat. Kerajaan-kerajaan dan kuasa tua ini tumbuh di pesisiran. Pusat pemerintahan kadangkala terletak di kawasan pedalaman, tetapi dihubungkan secara langsung

oleh saliran sungai ke muara, tempat terletaknya sebuah bandar pelabuhan. Dari sinilah proses pengukuhan terjadi. Mereka mula bergiat menundukkan kawasan-kawasan yang penting dari segi ekonomi, untuk mengawal jalan perdagangan di samping mewujudkan monopoli ke atas bahan-bahan mentah dan bahan galian di kawasan yang ditakluk. Keluasan kawasan taklukan, naungan dan pengaruh politik kerap menjamin kebesaran dan kemantapan sebuah kuasa. Keluasan ini juga dikemuncakkan dengan pembentukan dan kewujudan sebuah entiti dan status politik yang bercorak empayar. Maka muncullah empayar Funan, empayar kecil Langkasuka, empayar Sriwijaya, empayar Melaka dan empayar Johor-Riau. Kesemuanya terletak dalam suatu kawasan geografi yang berjiran dan dalam kawasan perairan yang serantau.

PENGULANGAN DAN PENERUSAN TRADISI

Mulai tahun 1400 (atau sekitar 1390-an), rentak sejarah ini berulang lagi. Pusat politik Melayu di Selat Melaka bergerak dari pesisir timur Sumatera ke pesisir barat Semenanjung Tanah Melayu dan menjurus ke Melaka. Selari dengan corak pengaliran tadi, Melaka sebenar telah mengambil alih peranan sosioekonomi dan politik Palembang-Jambi yang telah pudar dan tidak berfungsi lagi itu. Malah tradisi persejarahan Melaka selama seabad lebih itu adalah pengulangan semula tradisi persejarahan Sriwijaya. Cuma faktor asas yang menjadi tunggak pengubahan kedua-dua kuasa *thalassocracy* Melayu dalam lingkungan kedinamikan budaya serantau dan seperairan ini, iaitu faktor agama Islam.

Maka dalam konteks dan proses budaya politik serta fenomena sejarah serantau yang berlegar di Selat Melaka itulah kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15 muncul dan membangun. Proses dan babak-babak sejarah yang terdahulu terjadi hingga abad ke-14 berterusan lagi. Dan kali ini penerusan serta kelanjutan ini terjadi di Melaka pula. Malah semangat politik dan tradisi sosiobudaya Sriwijaya itulah yang mempengaruhi penubuhan dan pembentukan Melaka, dari sebuah petempatan kecil yang didiami oleh suku Orang Laut, berkembang menjadi sebuah empayar seperti pengalaman Palembang-Jambi dahulu. Tambahan pula tokoh yang mengasaskan Melaka adalah keturunan darah dan kerabat langsung dari Palembang, dan berkaitan pula dengan kekerabatan Jawa semenjak tahap-tahap kegemilangan Singosari pada abad ke-13 lagi.

Selepas tahun 1511, fenomena dan tradisi persejarahan Melayu dan kesultanan Melayu Melaka ini diterus dan dilanjutkan pula ke Johor Lama-Riau. Kedaulatan kesultanan dan institusi berkerajaan masih dikekalkan walaupun tertakluk kepada keperluan dan kehendak-kehendak semasa. Maka wujudlah beberapa pengubahan dan pelbagai variasi, tetapi masih

dalam landasan tradisi yang serupa. Setakat contoh asas, dapat dilihat gelaran Seri Bija Diraja yang menjadi timbalan kepada Laksamana di Melaka, diubah kepada gelaran Seri Bija Wangsa, di Johor bukan setakat menjadi timbalan Laksamana malah ditugaskan untuk mengawal keselamatan raja (pengawal peribadi sultan). Peranan politik dan wibawa Laksamana di Johor lebih penting dan menonjol dari peranan politik dan wibawa Bendahara (tidak seperti tradisinya di Melaka), terutama zaman Laksamana Tun Abdul Jamil.[18] Ini terjadi kerana hal-ehwal peperangan, pengawalan laut dan perairan yang terdapat di sekitar empayar Johor pada abad ke-17 dan abad ke-18, menjadi permasalahan politik dan kewibawaan yang amat menonjol. Penglibatan kuasa-kuasa Jambi, Acheh dan Portugis menjadi latar belakang kepada masalah ini.

Masih banyak kerajaan tempatan dan bandar pelabuhan di sekitar Selat Melaka yang menjadi gerbang kepada jalan perairan ke Barat dengan perairan Gugusan Kepulauan Melayu, yang terus mendaulati dan bertuankan Kesultanan Johor-Riau ini. Semua kawasan ini adalah bekas taklukan Kesultanan Melayu Melaka, walaupun terdapat kawasan yang berani mengisytiharkan bebas dari kuasa induk di Johor. Kedaulatan empayar Melayu Melaka dilanjutkan menjadi empayar Johor-Riau pula. Kelanjutan dan pengekalan ini bukan sahaja terjadi dalam bentuk penerusan dan tradisi budaya politik, malah yang penting dan menonjol ialah nasab keturunan kerabat Melaka yang memerintah itu sendiri. Pengaruh dan fungsi soal kenasaban ini (yang secara salasilahnya berakhir pada tahun 1699, setelah mangkat Sultan Mahmud II) begitu kuat sehingga apabila perawi *Hikayat Siak* di Sumatera, pada abad ke-19, telah berusaha untuk mencipta kedaulatan Raja Kecil dari Siak secara karangan dan bertulis, bukan secara lisan semata-mata. Dia menghubungkan terus nasab dan salasilah tokoh dari Minangkabau ini dengan keperibadian Sultan Mahmud II, Johor, secara pengzuriatan keturunan. Walau apa pun tanggapan ilmiah kita tentang aspek kreativiti dan komposisi hikayat yang bercorak sejarah ini, namun dakwaan ini adalah suatu bukti fenomena sejarah mengenai konsep persejarahan dalam hubungan kekerabatan dan *legitimacy* temurun serta pendaulatan antara

[18]Pada masa pemerintahan Sultan Ibrahim Syah sekitar tahun 1670-an, Laksamana inilah yang berjaya menangkis serangan tentera Jambi, memulihkan kegiatan perdagangan Johor dan mengangkat semula taraf politik Johor di alam Melayu. Pada ketika Sultan Mahmud Syah ibni Sultan Ibrahim masih kecil, baginda diriba oleh bondanya, anak Laksamana. Dan keluarga Laksamana sendiri yang memutuskan perbicaraan negeri di balairung, bukan Bendahara yang sepatutnya berbuat demikian, menurut istiadat dan tradisi pemerintahan Melayu. Lihat Barbara Watson Andaya, *op. cit.*, hlm 73–74; Leonard Y. Andaya, *The Kingdoms of Johor 1641–1728*, hlm 63.

pemerintah Melayu Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16 dengan sekalangan pemerintah Melayu di sekitar pesisiran Selat Melaka.

Demikianlah keadaannya sebab masyarakat Melayu tradisional (masa kini juga?) kelihatannya dogmatik dan amat taksub dengan keturunan dan unsur pengsalasilahan.[19] Salasilah dan nasab mempunyai hikmat dan peranan yang tersendiri. Ia berfungsi dalam ruang budaya politik Melayu, khususnya dalam penciptaan wibawa dan politik setempat. Maka, semangat kewibawaan kesultanan dan prinsip kedaulatan raja-raja Melaka tadi nampaknya terus wujud hingga pada abad ke-19, apabila *Hikayat Siak* dikarang atau dirawikan. Manakala realiti semangat ini pula direalisasikan pada tahap pertama dan kedua abad ke-18, dengan penampilan tokoh Raja Kecil yang berjiwa besar itu. Semangat ini tidak lenyap sehingga tahun 1511. Apa yang terjadi hanyalah perpindahan fizikal dan pengubahan geografi, apabila istana, pusat dan sumber wibawa serta kuasa harus bertapak. Dari abad ke-7 hingga abad ke-18, pertapakan wibawa dan kuasa pusat dalam ruang lingkup empayar Melayu ini bermula di Kan-t'o-li, diikuti oleh Palembang dan Jambi, kemudian ke Singapura, berpindah ke Melaka dan bertahan kemudiannya di Johor Lama.

Di Johor, sejarah berulang semula. Banyak unsur persejarahan Melayu dikekalkan. Mengawal kawasan strategik yang menjadi jalan perdagangan di rantau ini dan juga jalan perdagangan antarabangsa menjadi warisan tradisi dalam hal-ehwal perekonomian. Kawasan yang mengandungi pemerintahan setempat dan bandar-bandar pelabuhan ini terus menjadi bahagian geopolitik dalam keseluruhan empayar tersebut. Tenaga berbagai-bagai suku Orang Laut memang amat penting untuk menjadi tentera di laut. Di samping tenaga Orang Laut, tenaga penghulu, batin dan sakai dari darat yang digabungkan sejak abad ke-7 dahulu masih lagi digunakan, dikekalkan dan mempunyai kepentingan politik.

Konsep bandar pelabuhan dan pelabuhan dagang bagi Johor sebenar dan taklukannya masih diteruskan. Maka dengan sendirinya, sejak zaman tradisi lagi, gelaran Syahbandar dan peranan serta konsep kesyahbandaran masih terus berfungsi. Bahasa Melayu seperti yang diamalkan di Melaka masih kekal menjadi *lingua franca*. Jika bukan bahasa ini, (dengan pelbagai sifat klasik dan keprotoan serta kuno), bahasa apakah yang digunakan di bandar-bandar pelabuhan Melayu sebelum era Melaka?

---

[19]Seperti fenomena tuntutan yang terjadi sekarang, di Melaka dan Sabah. Pihak-pihak yang mendakwa dan menuntut pengwarisan kesultanan negeri-negeri ini, menampilkan naskhah salasilah dan jurai keturunan kerabat(?) masing-masing, di samping alat-alat kebesaran yang diwarisi seperti keris, sundang, tekpi dan sebagainya.

Konsep perajaan dalam institusi dan organisasi berkerajaan adalah berlanjutan. Konsep ini berteras dan berbudayakan semangat dan kepercayaan turun-temurun, yang didakwa sebagai cukup suci dan kudus kerana tidak pernah dipersoalkan. Raja yang bertakhta (ditabal dan dilantik setelah dipilih mengikut adat resam, biasanya dimasukkan unsur politik istana) dianggap sebagai, "... the source of both order and prosperity in society ... provided the anchor ... image of bounded and concentrated energy"[20] yang secara *hypothetical* disembah setelah didaulatkan, adalah penerusan tradisi pendaulatan Melayu Melaka, Singapura dan Palembang. Ia tidak pernah disangsikan. Hanya Bendahari Sang Rajuna Tapa di Singapura dan Laksamana Megat Seri Rama di Johor pada tahun 1699 telah mempersoal dan berasa sangsi terhadap kedaulatan raja Melayu ini. Seperti Hang Kasturi (atau Hang Jebat?) di Melaka, soal peribadi lebih banyak mendorong dan menjadi faktor tindakan mereka, bukan didorong dan digalakkan oleh faktor institusi dan organisasi. Ia dikira terpencil sebab Bendahari Sang Rajuna Tapa, Laksamana Megat Seri Rama dan Hang Kasturi tidak mempunyai pengikut. Tindakan mereka tidak diikuti oleh orang Melayu maka tindakan antidaulat itu lenyap di celah-celah resam yang teguh dan hapus ditelan tradisi serta tidak diterima oleh institusi dan konvensi.

KESINAMBUNGAN DAN PERUBAHAN

Sejarah terus berkembang. Unsur-unsur sejarah semakin mengalami perubahan dalam proses penerusan dan pengembangan tadi mengikut rentak masa dan suasana. Tetapi tradisi persejarahan dikekalkan. Pengawalan jalan perdagangan laut masih berfungsi. Tetapi mulai abad ke-17 ia tidak lagi menjadi hak monopoli Empayar Johor-Riau sahaja. Menerusi Sistem Peretiaan Belanda, kuasa Melayu ini terpaksa berkongsi jalan perdagangan ini dengan Belanda untuk menghadapi ancaman Portugis, di samping menghadapi saingan dengan kuasa-kuasa Acheh dan Jambi yang mempunyai matlamat ekonomi yang sama.

Mulai tahun 1720-an, tenaga Orang Laut tidak lagi berfungsi sebagai angkatan laut kerana kehadiran orang Bugis yang bukan sahaja handal mengenai selok-belok laut, malah pintar dan pakar pula dalam hal-ehwal politik. Konsep kerajaan dan tradisi kuasa kelautan Melayu tetap kekal, tetapi peranan dan tokoh yang melaksanakannya berpindah daripada Orang Laut kepada orang Bugis. Apabila Raja Kecil terlibat dalam kancah politik di Johor akibat terjadinya penularan kegiatan ekonomi dan perdagangan

[20]S. Errington, *A Study of Genre: Meaning and Form in the Malay Hikayat Hang Tuah*, Tesis Ph.D, Cornell University, 1975, hlm 15.

orang Minangkabau dari timur pantai Sumatera ke kawasan rantau barat Semenanjung Tanah Melayu (dengan meningkatnya kegiatan dagangan emas, lada dan bijih dari Jambi, Inderagiri, Siak dan Rokan) menjadi cukup serius, maka perpecahan pengaruh politik empayar Melayu yang akhir ini mula kelihatan. Keretakan dari segi geopolitik juga makin jelas. Kawasan-kawasan taklukan Johor kini terbahagi tiga, iaitu pertama di bawah pengaruh Melayu Johor; kedua, Melayu Bugis; dan ketiga, Melayu Minangkabau.

Namun begitu, semangat kedaulatan dan kekudusan perajaan Melaka terus hidup. Pada tahun 1719, Raja Kecil telah berikhtiar untuk merebut takhta kerajaan Johor dengan mendakwa bahawa beliau adalah bernasab dan berketurunan langsung daripada raja-raja Melaka, iaitu zuriat Sultan Mahmud II.[21] Beliau menafikan kedaulatan Sultan Abdul Jalil (yang setakat berdarah Bendahara sahaja), dalam usaha mencari kebenaran dan mengesahkan dakwaan dan tuntutan takhta tadi. Nyatalah hingga ke tahap tersebut kedaulatan raja-raja Melaka masih berfungsi, bersemangat dan terus mempunyai hikmat politiknya lagi. Apabila orang Bugis mempelopori kerajaan dan kesultanan Selangor pada tahun 1750-an, pemerintahannya, iaitu Raja Lumu mendapat restu dan daulat dari istana Perak kerana hanya kerabat Perak sahajalah yang kekal, menasabi salasilah dan zuriat raja-raja Melayu Melaka pada abad ke-15 dan abad ke-16 ini. Begitu juga dengan kalangan keluarga kerabat Bugis di Riau. Apabila mereka mengarang sebuah naskhah yang bertajuk *Keringkasan Sejarah Melayu: Jadual dan Salasilahnya*, mereka mengaitkan salasilah dan kekerabatan mereka dengan salasilah dan kekerabatan Melaka abad ke-15, walhal telah diketahui bahawa tidak ada hubungan kekeluargaan kerabat antara kerabat Melaka dengan kerabat Bugis. Jalinan kekerabatan dan salasilah hanya terjadi mulai tahun 1720-an, iaitu menerusi perkahwinan dengan kerabat pemerintah Johor-Siak. Sedangkan kekerabatan dan nasab salasilah pemerintah Johor-Siak ketika itu telah pun putus dari nasab salasilah kekerabatan Melaka selepas tahun 1699. Jelaslah bahawa pengaruh kedaulatan dan unsur yang mengesahkan pemerintah Melaka di rantau perairan Melayu ini begitu kuat sehingga ia bukan sahaja mempengaruhi kepercayaan dan ingatan orang Melayu dari empayar Johor dan taklukannya, malah berkesan dan mendapat pengiktirafan politik dari suku Minangkabau dan Bugis. Oleh itu, kekudusannya dapat dikekalkan.

---

[21]Virginia Matheson, (ed), *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur, 1982, hlm 44–47; *Hikayat Siak*, (Cod. Or. 7304, Sn. H: 78), hlm 405–407; *Aturan Setia Bugis dengan Melayu atau Hikayat Raja-raja Riau*, (Cod. Or. 1724(2), hlm 5–7; *Hikayat Johor serta Pahang* (MS. No. JQ Mal. 3), Perpustakaan Universiti Singapura, hlm 7–8.

Walau bagaimanapun, ada sarjana yang menyebut fenomena ini hanya merupakan, "... remembered in tradition".[22]

Begitulah keadaannya kerana perajaan tadi menjadi mekanisme politik yang amat dasar dan pokok dalam mencipta sistem-sistem berkerajaan, organisasi pemerintahan dan falsafah politik masyarakat Melayu keseluruhannya pada masa itu.

Demikianlah juga tentang konsep perajaan Melayu dalam institusi berkerajaan dan organisasi pemerintahan tadi. Apabila berlakunya perubahan sistem kepercayaan dalam agama, iaitu daripada pengaruh agama Hindu-Buddha kepada pengaruh agama Islam, maka berubahlah konsep mengenai perajaan, iaitu yang berhubung dengan mitos salasilah raja-raja dan kepercayaan suci turun-temurun untuk matlamat politik dan pembinaan daulat. Tradisi dan kepercayaan asal usul seseorang pemerintah yang kerap dihubungkaitkan dengan spiritualisme dewa-dewi Hindu dan Buddha Padmapani dalam tradisi perajaan Sriwijaya, telah bertukar kepada bentuk tradisi Islam. Ia dikaitkan pula, sama ada dalam bentuk sinkritisme atau penduaan pengaruh (seperti yang digambarkan oleh *Hikayat Acheh* dan *Hikayat Seri Rama* yang menemukan Shiva dengan Nabi Allah Adam), atau ditukarkan secara total dengan tradisi Islam seperti kisah Iskandar Zulkarnain, Nabi Allah Sulaiman dan Nabi Allah Khidir. Perubahan tradisi seperti ini dapat dirujukkan dari teks dan etos kepengarangan serta kreativiti *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Siak*, *Tuhfat al-Nafis* dan *Silsilah Melayu dan Bugis*.

Konsep 'zuli'llahi-fi'l-alam' (ganti Allah dalam dunia)[23] mengambil alih konsep 'dewa-raja' tradisi perajaan Hindu-Buddha. Kalimat keramat, 'Kutukan Sang Dewata Mulia Raya' dalam konsep daulat-derhaka dalam dunia politik berkerajaan Melayu totok berubah menjadi kalimat 'dilaknati Allah'. Di samping itu terdapat gabungan dan pencernaan dengan kepercayaan dan kalimat setempat seperti 'ditimpa atau dimakan sumpah bisa kawi, tiada selamat sampai anak cucu, seperti tembatu dibelah ....[24]

---

[22]Leonard Y. Andaya, *The Kingdom of Johor ...*, hlm 189; naskhah *Keringkasan Sejarah* dikarang oleh Tengku Mohd Salleh, Lingga, tahun 1930.

[23]W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu*, Singapura, 1961, hlm 190.

[24]Virginia Matheson, (ed), *op. cit.*, hlm 94. Dalam suatu perjanjian setia antara Raja Pagaruyung dengan pengikutnya, serta Raja Johor dengan rakyatnya, Raja Ali Haji memetik bunyi sumpah setia tersebut seperti berikut, "Barang siapa anak Minangkabau yang di dalam pertawanan Johor, hendaklah mengikut perintah Johor. Barang siapa tiada mengikut, *dimakan sumpah besi kawi, tiada selamat sampai kepada anak cucunya*".

PROLOG KEPADA TRADISI MELAKA

Dari segi tradisi, persejarahan Melaka 1400-1511 T.M., adalah bertalian erat dengan proses dan perkembangan sejarah Melayu Selat Melaka serta rantaunya. Melaka melanjutkan kesinambungan proses dan perkembangan tersebut secara urutan masa sejak awal Masihi hingga abad ke-18. Perkembangan sejarah ini sebaliknya dilihat relatif dengan perkembangan sejarah perdagangan asing dari Timur Asia Tengah dan Barat. Berdasarkan hipotesis ekonomi dan pola perdagangan itulah juga yang menjadi dasar kepada faktor-faktor hegemoni politik dan perkembangan kebudayaan.

Dari segi politik, sekiranya kita beranggapan bahawa sejak abad yang pertama, Funan adalah kerajaan empayar yang pertama wujud di bahagian utara Nusantara yang tradisi kebangkitannya banyak merujuk pada keperluan dan kepentingan perdagangan serta penguasaan atau pengawalan jalan perdagangan yang luas menghubungkan di antara Timur dengan Barat, maka Sriwijaya, Melaka dan Johor-Riau juga mengulangi dan meneruskan tradisi ini. Penguasaan dan pengawalan satu kawasan yang luas, iaitu apabila bandar-bandar pelabuhan dan negara kota yang didakwa termasuk ke dalamnya dan disebut sebagai 'ditakluk', 'dilindungi' dan 'dinaungi' adalah dilakukan secara prinsip umum tetapi terikat dalam uraian politik yang longgar. Sumber dan kuasa untuk melaksanakan penguasaan dan pengawalan datang daripada peringkat pusat yang menjadi induk politik. Pusat ini seharusnya cukup kuat, amat berwibawa dalam hal ketenteraan dan dapat menggunakan tenaga manusia, kepimpinan serta mempunyai tokoh yang berkarisma yang akan dapat melaksanakan arahan dengan berkesan. Maka unsur paksaan (yang selalunya terselindung di sebalik konsep *kerah*) dengan sendirinya terserlah. Sama ada ia terjadi kerana terpaksa atau secara sukarela, proses penyerahan (politik, ekonomi, tenaga manusia, barangan dan seterusnya) kepada penguasa pusat oleh penguasa dan pemegang wibawa setempat yang lebih lemah, akan berjaya membentuk suatu entiti politik yang cukup luas (kadangkala tanpa batasan geografi) dalam sebuah kawasan rantau. Hubungan dua hala yang bertimbal balik antara kuasa pusat yang menakluk dengan penguasa dan pemegang wibawa setempat yang ditakluk, kelihatannya berjalan dengan lancar dan licin. Kekuatan dan kewibawaan kuasa pusat juga berjaya untuk mengatasi kegiatan seperti perlanunan, perompakan dan pemerasan di jalan perdagangan daripada orang yang anti-institusi.

Apabila kegiatan ini dapat dikawal maka jalan perdagangan menjadi tenteram dan selamat bagi para pedagang. Fenomena dan proses politik seperti ini dengan sendirinya menjadi daya penarik bagi para pedagang, sama ada para pedagang dari China yang sering merujuk kepada 'sistem uftian'

dalam amalan dan dasar perdagangan luar pemerintah dinasti tertentu, atau para pedagang daripada bahagian barat Teluk Benggala yang datang ke Nusantara melalui Selat Melaka tanpa syarat.

Seluruh organisasi masyarakat tidak akan berfungsi jika tidak ada kuasa atau wibawa yang lebih tinggi yang menjadi pengelola bagi segala organisasi masyarakat di berbagai-bagai peringkat. Dari zaman awal sejarah berorganisasi dan berkerajaan rantau ini, pengelola kuasa dan wibawa ini menjurus ke bahagian tengah dan paling atas dalam sistem masyarakat, iaitu pemegang dan pemiliki kuasa atau wibawa yang pada peringkat asas dan Melayu totok, disebut *katuha* atau *ketua* dan *kedatuan*. Akibat proses dan pengalaman budaya Hindu dan Islam, dan kesan daripada sistem bermasyarakat dan berkerajaan yang lebih berinstitusi dan kompleks, gelaran pemegang dan pemilik kuasa berubah menjadi raja atau *susuhunan*, *maharaja* dan *sultan*. Sebagai sumber wibawa dan kuasa, raja haruslah dihormati, malah sebelum periode Islam raja dia akan 'dipuja'. Bagi memantapkan penghormatan dan pemujaan tadi, maka dilambangkan peribadi raja itu dengan unsur-unsur mitologi dan legenda (Hindu dan Islam) yang digabungkan dengan kepercayaan dan tradisi temurun tempatan, terutama mengenai asal usul dan salasilah *katuha*, *raja*, *susuhunan* dan *sultan* tadi.

Kemuncak proses gabungan mitologi dan kepercayaan yang dimasukkan ke dalam pemikiran anggota masyarakat ialah terjelmanya kekudusan dan kesucian terhadap *raja*, terutama dari segi semangat dan fizikal. Maka terjadilah perbezaan semangat dan fizikal *raja* itu dengan anggota masyarakat yang lain. *Raja* dianggap begitu suci sehingga yang disembah bukanlah fizikalnya, tetapi habuk kakinya, dan *duli* menjadi 'duli tuanku'. Daripada karisma semangat, kepercayaan dan fizikal (mungkin mereka juga gagah berani, pintar, berilmu) inilah maka mengalirnya sumber wibawa dan kuasa tadi, bagi melahirkan masyarakat yang berorganisasi dan bersistem. Oleh itu dengan sendirinya pemilik kuasa dan wibawa tadi menjadi *generative* dan menjadi faktor penarik pula. Gabungan spiritualisme dan kepercayaan *daulat* yang ada dalam teori perajaan dengan pemilikan wibawa duniawi yang dilaksanakan, menjadikan seorang raja Melayu dan sultan yang berkerajaan itu, "The sacred lodestone around which the community evolved and gained its meaning and purpose", kata seorang sarjana.

Tetapi mulai beberapa tahun pada awal abad ke-18, pola politik dan tradisi persejarahan Melayu serantau, khusus di persekitaran Selat Melaka dan Laut China Selatan, telah mula berubah. Empayar Johor-Riau yang meneruskan warisan politik dan dalam tradisi asas empayar Melaka mula menunjukkan bibit perpecahan. Wibawa pusat semakin lemah. Dakwaan dan tuntutan politik Raja Kecil dari Siak, tindak tanduk politik Bendahara Abdul Jalil

untuk menjadi raja dan menaiki takhta kerajaan Johor walhal darahnya *tidak putih*, dan tidak bernasab serta berzuriat dari Bukit Siguntang Mahamiru-Palembang mengikut kepercayaan temurun, menyebabkan orang Melayu mula mengecoh dan curiga terhadap pucuk pimpinan dalam ruang kedaulatan kedua-dua orang raja ini. Apabila mempersoalkan kedudukan raja atau sultan sebagai, "... an organizing principle"[25] seperti yang diwarisi sebelum ini, mereka mula hilang pedoman dan akhirnya berpecah-belah. Ada yang menjadi pengikut Raja Kecil kerana percaya dengan dakwaannya; ada yang bersedia mendaulati Bendahara Abdul Jalil serta orang Bugis; dan ada yang berkecuali. Tidak wujud lagi tradisi pendaulatan induk, iaitu daripada suatu kuasa pusat yang gagah, mendaulat kepada suatu rantau geopolitik yang cukup luas (dalam konsep empayar) seperti Wadhapura–Funan, Palembang atau Jambi–Sriwijaya, Melaka sebenar–Melaka dan Johor Lama–Johor-Riau. Tidak ada lagi unsur dan tenaga penyatuan.

Kemangkatan Sultan Mahmud II meninggalkan kesan psikologi-politik yang cukup besar, bukan sahaja pada abad ke-18, bahkan terasa hingga pada abad ke-19. Sebuah teks sejarah Thai, iaitu *Phongsawadan Muang Trangganu* menyebut bahawa, "nasab baginda lenyap dan tidak didengar lagi".[26] Pada tahun 1825, utusan Belanda yang datang ke Johor diberitahu bahawa Sultan Mahmud adalah keturunan Seri Tri Buana yang terakhir, tokoh yang memberikan keturunan untuk salasilah raja-raja Melaka. Bagindalah Raja Johor yang akhir yang mengalir di tubuhnya darah putih, kerabat diraja yang 'asal'. Kelemahan kuasa pusat yang tidak berwibawa sebagai tenaga penyatuan tadi, menyebabkan kerajaan-kerajaan taklukan di pesisir Sumatera seperti Batu Bahara, Deli, Inderagiri dan Rokan dan pesisir barat Tanah Melayu seperti Kelang, Rembau dan Selangor, cuba menafikan penguasaan pusat tadi dan berusaha membebaskan diri masing-masing. Penafian ini telah mencetuskan satu keadaan yang kucar-kacir. Keamanan jalan perdagangan laut Selat Melaka menjadi tidak menentu. Kegiatan perdagangan dan perkapalan amat terjejas. Mulai tahun 1699, penjejasan ini mengakibatkan secara beransur-ansur pelabuhan-pelabuhan entrepot Melayu di bahagian barat laut Nusantara menjadi lumpuh, sehinggalah ke tahap kedua awal abad ke-19. Keadaan ini menyebabkan, "... symptomatic of the 'decay"[27] alam Melayu, kata setengah penulis.

---

[25]S. Errington, *op. cit*, hlm 30.

[26]'Phongsawadan Muang Trangganu', dalam siri *Prachum Phongsawadan*, Bangkok, 1963, Jil 2, Bhg 2, hlm 299; Laporan oleh C. van Angelbeek, dalam *Koninklijk Instituut*, HS. 494.

[27]Barbara Watson Andaya, *op. cit.*, hlm 76.

Kalangan yang ketiga tadi (pihak yang berkecuali), 'membawa nasib' masing-masing. Dalam konteks persejarahan Tanah Melayu penghujung abad ke-18 dan abad ke-19, kawasan-kawasan ini terletak di bawah taklukan kuasa induk dan *bertuankan* istana Johor Lama. Kawasan ini didapati muncul dalam bentuk penubuhan dan kewujudan *order* serta organisasi politik dan pemegang wibawa pemerintahan baru negeri-negeri Melayu, dengan berentitikan politik kenegerian masing-masing, tetapi masih bertaliankan secara tradisi sahaja dengan kuasa induk tadi.[28] Antara entiti politik ini ialah Pahang, Selangor, Terengganu dan Perak. Dalam konteks ini jugalah maka peranan Melaka dapat dilihat relevannya bagi tradisi kemunculan, penerusan dan perkembangan persejarahan setempat, iaitu Malaysia, bukan lagi serantau. Perjanjian Inggeris-Belanda tahun 1824 menambahkan lagi jurang pemisahan antara sejarah setempat dengan tradisi persejarahan serantau ini.

Daripada laporan rasmi para pengkelana China dan pedagang Arab, serta prasasti-prasasti yang diketemui, nyatalah bahawa sebelum abad ke-10, telah muncul penguasa-penguasa tempatan (dengan kewibawaan sebagai *katuha* atau raja), di sekitar pesisir Semenanjung Tanah Melayu. Antaranya ialah Ch'ih-t'u (Tanah Merah) yang dikatakan wujud di Kelantan; Tan-Tan yang didakwa berada di Besut, Terengganu; Lo-Yuen yang terdapat di sekitar Johor, sumber China abad ke-9 menyebut sebagai, "a place where traders passing back and forth meet"[29] dan Langkasuka di utara Semenanjung yang dikatakan sebuah pusat agama. Pada abad ke-7, ramai para rahib China datang ke Langkasuka untuk *berpesanteren*. Apabila Selat Melaka digunakan sebagai jalan perdagangan mulai abad ke-5, maka wujudlah pelabuhan-pelabuhan dagang yang berfungsi, sebagai pusat pengumpulan dan pengeluaran bahan-bahan komoditi. Pelabuhan dagang ini didakwa juga telah mempunyai *tradisi berkerajaan*. Dalam konteks ini, *Sejarah Melayu* antara lain menyebut juga kerajaan Gangga Negara di Beruas, Perak; dan Ganggayu atau Klang Kio di hulu Sungai Johor.[30] Pulau Tioman yang terletak di tengah jalan perairan Laut China Selatan dan Selat Melaka juga disebut sebagai pusat persinggahan dagang yang mempunyai peranan yang sama dengan pelabuhan-pelabuhan di atas.

Kuasa-kuasa setempat ini dilaporkan mengadakan hubungan diplomatik dengan kuasa China, sedangkan pada masa yang sama, mereka mungkin berada di bawah *ketuanan* empayar Sriwijaya. Selari dengan proses kerun-

---

[28]Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Kemunculan Keluarga Pemerintah Baru dalam Kerajaan Tanah Melayu 1600–1900 – suatu Kajian Awal", dalam *Monograf Sejarah*, Persatuan Sejarah, Universiti Malaya, No 1, 1984/85, hlm 47–75.

[29]*Ibid.*, hlm 22.

[30]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 13.

tuhan kuasa Melayu ini, akibat tidak langsung daripada pola dan kaedah pengagihan kuasa yang bersifat *centrifugal*. Dalam hubungan antara kuasa pusat dengan kuasa taklukan, keadaan dan kedudukan kuasa-kuasa setempat ini tiada lagi dilaporkan oleh sumber China. Sumber China abad ke-7, menyatakan bahawa kuasa-kuasa setempat ini mempunyai sistem pemerintahan yang teratur, mempunyai organisasi undang-undang dan mempunyai protokol yang tersusun,[31] yang berteraskan adat, resam dan norma tempatan. Laporan China ini begitu meyakinkan sehingga ada sarjana yang berpendapat bahawa sistem ini mungkin akan diwarisi kemudian dan menjadi, "... was to become a feature of Malay court protocol".[32]

Masalahnya sekarang ialah sejak penghujung abad ke-12 sehingga pertengahan abad ke-14 (Dinasti Sung dan Monggol), apabila perdagangan menerusi sistem uftian dibatalkan, kedudukan bandar-bandar pelabuhan dan kuasa setempat ini tidak dapat dijejaki lagi kerana sumber China tidak lagi menyebut mengenainya. Kesan-kesan tinggalan yang terdapat berselerak di sana sini telah menimbulkan berbagai-bagai pendapat yang *hyhpothetical* mengenai nasib kuasa-kuasa setempat ini. Mungkin juga budaya kuasa-kuasa ini lenyap dan terputus daripada rantaian dan ruang kesinambungan budaya Melayu Semenanjung. Perkara ini menimbulkan banyak persoalan untuk dijawab oleh ahli kajipurba dan ahli sejarah!

Keadaan ini dengan sendirinya membezakan antara kedudukan dan peranan persejarahan kuasa-kuasa setempat tadi dengan tradisi sejarah Melaka selepas tahun 1400. Kewujudan Melaka dapat dibuktikan dengan sumber sejarah. Melaka bergerak dalam landasan kesinambungan sejarah, dan berjaya mencipta serta meninggalkan tradisi serta berbagai-bagai unsur sejarahnya pula, bukan setakat hingga awal abad ke-18 apabila tradisi keempayarannya yang diwariskan ke Johor itu dilenyapkan daripada tradisi kesinambungan politik Melayu, malah diteruskan hingga ke hari ini. Tradisi persejarahan Melaka berkembang dalam semangat perkembangan tradisi persejarahan Sriwijaya. Tradisi persejarahan Melaka juga adalah pengulangan semula tradisi ekonomi, tradisi corak kuasa kelautan Melayu dan hegemoni politik Sriwijaya. Malah peranan dan status entrepot pelabuhan Melaka, yang wujud kerana adanya tiupan angin musim monsun Timur Laut dan monson Barat Daya, adalah pengulangan semula peranan dan status bandar pelabuhan entrepot Palembang-Jambi.

Sekiranya kita bersetuju dengan hipotesis mengenai proses dan tradisi persejarahan serantau dalam fenomena politik 'serap menyerap' oleh sebuah

[31]P. Wheatley, *Golden Khersonese* hlm 28, 60.
[32]Barbara Watson Andaya, *op. cit.*, hlm 21.

kuasa politik yang besar dan gagah daripada suatu kawasan tertentu terhadap sebuah kuasa dan kawasan yang lebih kecil dan 'inferior', dan juga fenomena 'turun naik' yang silih berganti di kalangan negara kota dan bandar pelabuhan pesisiran rantau Nusantara, maka Melaka tidak mungkin wujud sekiranya penguasaan serta wibawa dan hegemomi politik Sriwijaya berterusan dan kekal hingga abad ke-15. Parameswara (Iskandar Syah, menurut Sejarah Melayu), tidak akan berpeluang untuk mengambil kepentingan politik dengan keadaan seperti ini. Tetapi Parameswara mengasas dan mendirikan Melaka kerana sama ada sebab terjadinya perubahan pola perdagangan luar China yang memberi kesan terhadap jalan dan pola perdagangan Selat Melaka, atau serangan Chola dari India terhadap Palembang, atau penundukan kuasa Sriwijaya oleh kuasa serantau Majapahit pada abad ke-14 (Tome Pires mengatakan bahawa, "... in the time of Batara Tomarill [Jawa] ... he had as tributaries: *Sam Agy Singapura* .... and that *Sam Agy Palimbaao* [Raja Palembang] – which means 'Lord of all' – was also his tributary vassal),[33] lanjutan daripada usaha penundukan kuasa Jawa terhadap kuasa Melayu Sumatera timur, sejak kerajaan-kerajaan Jawa tua yang lalu, yang akhirnya merosot dan melenyapkan kuasa Sriwijaya.

Tujuan Parameswara datang dan menduduki Singapura bukanlah tanpa alasan dan tanpa matlamat politik. Bahagian selatan pulau ini merupakan salah satu penempatan yang strategik (Selat Singapura, yang pada abad ke-10 lagi, sumber Arab, iaitu Harldj, menyebut perairan di sekitarnya sebagai dikuasai oleh keturunan Raja Negara, ketua Orang Laut pada abad ke-17 dan abad ke-18), untuk mengawal jalan perdagangan bagi kapal-kapal dagang yang merentasi Selat Melaka ke Laut China Selatan dan ke Gugusan Kepulauan Melayu. Kebenarannya dapat dilihat daripada kedudukan dan peranan pelabuhan Singapura sekarang. Pelabuhan Singapura terletak ke utara Pulau Bangka sekarang, iaitu kawasan yang dikuasai oleh nenek moyang Parameswara daripada Dinasti Palembang dahulu dan tempat operasi bagi mengawal Selat Melaka, Laut Jawa, Selat Sunda dan Laut China Selatan.

Sekiranya Singapura dan Parameswara tidak diserang oleh kuasa Siam atau Majapahit (kerana alasan pengalaman politik dan strategi ekonomi serta 'political vision' yang dimiliki oleh Parameswara yang dapat membina Singapura seperti beliau berjaya membina Melaka), maka sudah tentu Stamford Raffles tidak akan berpeluang 'membuka' Singapura pada tahun 1819. Tradisi sejarah Singapura sekarang dan tradisi persejarahan Melaka (Malaysia) pada abad ke-15 dan abad ke-16, mungkin tidak akan terjadi seperti yang se-

[33]Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 22.

dang terjadi dan telah pun berlaku. Matlamat Stamford Raffles 'membuka' Singapura sama dengan matlamat Parameswara, iaitu matlamat ekonomi dan perdagangan. Ini adalah secara kebetulan kerana pada tahap pendudukan Parameswara di Singapura pada penghujung abad ke-14, 'superemacy' kuasa kelautan di selatan dan utara Selat Melaka berada di bawah kekuasaan sisa-sisa kerajaan Majapahit dan di bawah kekuasaan kuasa Siam yang semakin meningkat. Tetapi pada abad ke-15, sisa-sisa ini semakin pupus dan kuasa kelautan Siam makin terdesak dan tertolak ke bahagian utara Selat Melaka.

Pada abad ke-15, hubungan Melaka-Jawa dibina atas sebab ekonomi, iaitu Melaka mengimport beras dari Pulau Jawa dan Pulau Jawa pula mengeksport bahan-bahan mentah (terutama rempah dan lada) dari Gugusan Kepulauan Melayu ke Melaka. *Sejarah Melayu* menggambarkan hubungan ini menerusi naratif mengenai ramainya terdapat para pedagang, senteri dan orang *priayi* Jawa yang beragama Islam di bandar Melaka. Tome Pires melaporkan bahawa unsur kejawen amat berpengaruh dalam unsur perwayangan, kesenian dan kebudayaan Melayu di istana Melaka. Tome Pires juga mendakwa bahawa perbuatan 'amuk' dan tradisi kehulubalangan Melaka yang disebut sebagai, "... are knights ... men who resolve to die", seperti juga penduduk Melaka, "Both men and women are fond of mimes after the fashion of Jawa", adalah pengaruh langsung dari Pulau Jawa.[34] Sehinggakan cara hubungan individu berkenaan dalam soal hormat-menghormati, sopan berbicara antara orang kebanyakan dengan pembesar, tatatertib berbual antara dan di kalangan orang kebanyakan pun dikatakan, "... they took this custom from there (Jawa).[35]

Pada tahap kedua awal abad ke-16, iaitu zaman permulaan pendudukan Portugis, hubungan Melaka-Jawa ini direalisasikan pula oleh beberapa siri peperangan oleh beberapa orang Jawa yang didakwa mempunyai ramai pengikut terhadap Portugis dalam ikhtiar untuk memiliki dan menguasai Melaka. Menurut sumber Portugis daripada edisi Manuel de Faria Y. Souza, antara

[34] *Ibid.*, hlm 267–268.

[35] *Ibid.*, hlm 268. Rujuk sahaja bagaimana penerapan dan semangat kejawen ini terjadi dan dimanifestasikan menerusi pengarangan *Hikayat Hang Tuah*. 'Setting' teks tersebut dirujuk ke istana Melaka dan keraton Jawa. Walaupun naskhah asal teks ini diciptakan lama selepas tahun 1511 (selepas adanya pengaruh Portugis di perairan Melayu, dan tentunya selepas adanya orang Belanda di perairan Johor-Riau), sumber naratif asalnya, yang dipercayai diperturunkan melalui tradisi lisan, tentulah hampir semasa dengan zaman kesultanan Melayu Melaka. Maka unsur dan semangat kejawen tadi masih kuat dirasakan. Begitu berpengaruh unsur ini dalam beberapa hasil kesusasteraan Melayu klasik, lalu R.O. Winstedt menamakan hikayat tersebut sebagai, *A Malayo-Javanese Romance*, dan kerana pengaruh kepanjian Jawa terhadapnya, dicirikan pula Hang Tuah sebagai, "Malayo-Javanese hero". Lihat R.O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, Kuala Lumpur, 1969, hlm 62–69.

tokoh Jawa ini ialah Utimuti Rajah, Patih Unus dan Patih Quitir.[36] Orang Jawa Islam yang datang dari pelabuhan-pelabuhan utara Pulau Jawa ini sedar bahawa pada abad itu, Melaka terus dan masih memegang fungsi utama untuk mengawal jalan perdagangan di Selat Melaka. Orang Jawa Islam ini melihat Melaka mempunyai potensi yang baik dalam konteks untuk mengawal secara langsung jalan dan hubungan perdagangan dengan beberapa buah pelabuhan dagang yang terdapat di utara Pulau Jawa tadi. Mulai abad ke-15 dan abad ke-16 pelabuhan dagang di utara Pulau Jawa ini memainkan peranan politik dan ekonomi yang penting dan sangat menguntungkan Pulau Jawa. Tindak tanduk orang Jawa ini adalah akibat langsung daripada tradisi hubungan Melayu atau Melaka-Jawa, iaitu peninggalan kuasa kelautan kerajaan-kerajaan Jawa tua yang lalu.

Maka ketokohan Parameswara dapat dilihat dari dua perspektif, iaitu rantauan dan tempatan. Dari perspektif rantauan, ketokohan Parameswara mungkin tidak menonjol. Sebagai keluarga ahli politik dan kerabat Palembang, peninggalan Sriwijaya, Parameswara setakat meneruskan tindak tanduk dan pergelutan politik di Selat Melaka dan sekitar perairannya, iaitu meneruskan pergelutan atau pejuangan politik nenek moyangnya dahulu. Sama ada Parameswara berasal dari istana Palembang atau 'suku-sakatnya' berasal dari keraton Jawa tidaklah begitu penting kerana tradisi Melayu-Jawa telah terterap dengan kukuh dalam tradisi persejarahan pantai timur Sumatera dengan Pulau Jawa (malah apabila pengkelana Marco Polo dari Eropah singgah di Fansur dan Perlak di Sumatera Utara, beliau menamakan Sumatera sebagai *Lesser Java*)[37] akibat perhubungan dan persaingan di kalangan sesama kuasa-kuasa kelautan Nusantara. Yang penting dan pokok dalam tradisi budaya dan politik Melayu temurun ialah karisma peribadi Parameswara sebagai pemilik 'darah putih' (ini kemudian diwarisi di Tanah Melayu sebelum kemasukan pengaruh politik Barat bahawa kedaulatan dirujuk, dijadikan konsep dan dilambangkan kepada peribadi dan salasilah keturunan, bukan negeri, negara dan geografi) dan berasal daripada orang kerabat yang 'berdarah putih'.

Inilah asas yang menjadi landasan budaya untuk Parameswara membina cita-cita politik, lalu membentuk persejarahan selanjutnya. Faktor inilah juga yang menyebabkan Parameswara berjaya untuk mendapatkan sokongan dan diiktiraf oleh para pengikut seperti (terutama orang tua bekas para pem-

[36]Malah Patih Unus, Sunan dari Sunda ini, dilapor membuat persediaan selama tujuh tahun untuk menakluk Melaka dari penguasaan Portugis, dengan kekuatan 12 ribu pendekar Jawa, dan 90 buah kapal perang, tetapi gagal. Lihat E. Koek, "Portuguese History of Malacca", dalam *JSBRAS*, Jun 1986, No 17, hlm 117–149.

[37]Lihat semula nota 7, bab ini.

besar yang berpengalaman mentadbir, ahli dalam adat istiadat, resam dan undang-undang serta budaya istana dan mungkin faham tentang selok-belok berkerajaan), Orang Laut dalam percubaan untuk menubuhkan kerajaan Melayu di Singapura dan mengasaskan kerajaan tersebut di Melaka pula.

Mengenai perspektif sejarah tempatan pula, Melaka sebenar menyediakan Parameswara dengan berbagai-bagai kepentingan geografi dan ekologi dari segi bentuk, saiz, aras air dan muara Sungai Melaka; dan dari segi strategi pertahanan untuk menyerang dan bagi pertahanan jika diserang. Tempat raja bersemayam di Bertam, bahagian hulu Melaka juga amat strategik, iaitu terpaksa menongkah ke hulu jika air pasang, dan harus memudik ke hilir dan muara apabila air surut. Sekiranya muara Sungai Melaka diserang dari laut, orang kerabat dengan mudah berundur menerusi kawasan pedalaman sebab untuk ke hulu mengambil masa yang lama. Sementara itu, segala urusan rasmi kerajaan dan kegiatan perdagangan dijalankan di persekitaran muara dan tebing Sungai Melaka. Kawasan ini akhirnya berkembang dan menjadi bandar pelabuhan yang bertaraf entrepot. Apabila dilengkapkan dengan urusan pentadbiran dan masyarakatnya diinstitusikan dengan sistem berkerajaan, jadilah kawasan ini sebagai negara kota.

Tradisi sejarah berulang lagi. Taraf Melaka sebagai sebuah bandar pelabuhan sama dengan taraf bandar pelabuhan Sriwijaya yang terletak di sekitar muara dan tebing Sungai Sabak (*Zabej* atau *Zabag*, kata sumber Arab) yang menjadi muara Sungai Batang Hari. Istana raja dan pusat kuasa pemerintah Sriwijaya terletak di Palembang atau Jambi, iaitu puluhan batu arah ke hulu. Bandar pelabuhan kerajaan Funan juga terletak di pesisir, sedangkan pusat pemerintahannya terletak ratusan batu ke hulu sungai, iaitu di Wadhapura. Dari Melaka sebenar bertradisikan muara sungai itulah politik Melayu Melaka berkembang. Tradisi persejarahan Sriwijaya dahulu diulangi semula, iaitu apabila Melaka dapat menguasai kawasan pesisir timur Sumatera dan pesisir barat serta timur Semenanjung Tanah Melayu dan ini membolehkannya mengawal seluruh jalan perdagangan Selat Melaka, Selat Singapura dan menganjur sehingga ke Laut China Selatan. Dari kawasan setempat yang kecil, Melaka berkembang menjadi sebuah empayar. Tradisi politik, ekonomi, konsep kesyahbandaran bagi sebuah bandar pelabuhan dan budaya Melayu ini berlanjutan kemudian sehingga berabad lamanya.

Parameswaralah yang menjadi tokoh dan yang menyingkap tabir tradisi persejarahan tempatan Malaysia ini.

PERMULAAN, KEMUNCAK DAN PENERUSAN

Sejarah Melayu pernah menyebut bahawa ketika pemerintahan raja Melaka yang kedua, iaitu Raja Besar Muda, (Megat Iskandar Syah, 1414–1423/4

Masihi), baginda, "... pun memerintahkan istiadat takhta kerajaan baginda",[38] yang bermaksud menyusun dan mengatur pentadbiran dalam kerajaannya. Kemudian, ketika Raja Kecil Besar (Sultan Muhammad Syah) menjadi raja Melaka yang ketiga, disebut juga dalam *Sejarah Melayu* bahawa, "... pun mengatur takhta kerajaan baginda".[39] Sementara itu raja Melaka yang kelima, iaitu Sultan Muzaffar Syah dilaporkan sebagai, "... menyuruh membuat undang-undang supaya jangan lagi bersalahan adat segala hukum menterinya".[40]

Pada tahap awal proses pengukuhan Melaka sehingga tahun 1440-an, proses menyusun pentadbiran, kerajaan dan undang-undang bagi memperkemaskan dan memantapkan lagi organisasi pemerintahan terus dijalankan. Kemuncak pengamalan organisasi pemerintahan ini ialah ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Syah. Selepas pemerintahan Sultan Muzaffar Syah sehinggalah tahun 1511, sistem ini berjalan dengan lancar. Pengamalan dan perlaksanaannya diteruskan oleh pengganti-pengganti baginda. Sepanjang pemerintahan Parameswara, hal-ehwal penyusunan organisasi ini tidak dinyatakan sama sekali oleh *Sejarah Melayu* ataupun *Undang-undang Melaka*. Ini tentulah wajar sebab selama kira-kira empat belas tahun pemerintahannya, baginda barangkali sibuk dengan soal-soal penubuhan dan pengukuhan tradisi serta pertapakan kerajaan dari segi geografi. Di samping itu, baginda juga terpaksa menghadapi musuh-musuhnya, terutama Siam. Tetapi ini bukanlah bererti bahawa sedekad lebih berkerajaan tadi tidak wujud sistem kerajaan dan peraturan pemerintahan, hanya sistem tersebut yang belum dirasmikan akibat suasana dan persekitaran baru yang dihadapi oleh kerabat dari Palembang ini.

Malah, sekiranya dakwaan *Undang-undang Melaka* yang menyebut bahawa 'adat' dan 'istiadat' (termasuklah peraturan, kaedah, protokol dan cara-cara yang membentuk sistem pemerintahan) Melaka awal adalah diperolehi dan dikumpulkan daripada para pembesar dan menteri tua (yang menyertai Parameswara ke Melaka dari Singapura dan Palembang) maka sejak tahun 1400 lagi, mekanisme yang menjadi sistem untuk berkerajaan tadi telah pun wujud dan dilaksanakan. Mekanisme ini (sistem pembesar, sistem pemerintahan, undang-undang dan sebagainya) 'dibawa' bersama-sama dengan rombongan Parameswara dari Singapura. Ini bermakna mekanisme ini tentulah diwarisi dari Palembang. Mekanisme ini hanya

---

[38]W.G. Shellabear, (ed), *Sejarah Melayu* (The Malay Annals), Malayan Publishing House Limited, Singapura, 1961, hlm 72.

[39]*Ibid.*, hlm 75.

[40]*Ibid.*, hlm 88–89.

diubahsuai dan dikemaskinikan dari semasa ke semasa supaya sesuai dan secocok dengan keadaan yang baru seperti keadaan masyarakat, geografi, politik semasa, kebudayaan, kepercayaan dan agama. Perubahan daripada tradisi Hindu kepada tradisi Islam tentulah akan membawa perubahan yang cukup besar dan bererti dalam fitrah hidup manusia.

Dari segi alam dan tabii tentulah tidak dapat diterima bahawa sesuatu yang baru bermula itu dengan tiba-tiba dan secara mengejut sahaja akan mencapai kemuncak. Cuma terdapat dua sahaja mekanisme dan peraturan berkerajaan yang baru dilaksanakan, dengan tiba-tiba akan mencapai kemuncak di Melaka. Tidak semua mekanisme sedemikian keadaannya. Sesuatu itu ada permulaannya dan ia akan berkembang. Setelah berkembang ia akan mencapai kemuncak. Setelah mencapai kemuncak, baharulah ia sama ada akan terus berkekalan atau menurun yang akhirnya akan pupus. Daripada tradisi Palembang dan Singapura, mekanisme berkerajaan tadi diwarisi ke Melaka. Dari tahun 1400 (atau sekitarnya) ia menjadi kukuh dan diamalkan sehingga mencapai kemuncak pengukuhan dan perlaksanaannya pada masa pemerintahan Sultan Muzaffar Syah. Selepas itu mekanisme ini dapat dikekalkan di Melaka sehingga tahun 1511. Faktor dan semangat mekanisme berpolitik, pengamalan adat dan pengistiadatan Melayu ini berkekalan sehinggalah sekarang dan ia terus diamalkan di negeri-negeri Melayu yang beraja di Malaysia. Dalam pengertian yang lain, konsep kesinambungan itulah yang menjadi dasar dan landasan perkembangan mekanisme berpolitik dan berkerajaan tadi dalam menghuraikan asal usul kerajaan dan pengistiadatan Melayu Melaka, pengukuhan dan pengamalannya, pencapaian ke kemuncaknya, bertahan dan penerusannya dari tahun 1400 hinggalah sekarang.



TRADISI MELAKA

Abad ke-15 dan abad ke-16 mempunyai kepentingan persejarahan yang tersendiri. Menjelang awal abad ke-18, persejarahan ini terpisah daripada persejarahan pantai timur Sumatera dan persejarahan Kepulauan Riau-Lingga kerana empayar Johor warisan Melaka telah berpecah. Oleh sebab itu, tradisi persejarahan ini berselerak pula ke negeri-negeri Melayu Semenanjung Tanah Melayu yang pada suatu ketika menjadi sebahagian daripada wilayah dan ketuanan Melaka. Kesan daripada keberkesanan pengaruh politik ini ialah banyak unsur-unsur budaya, politik, protokol istana, adat istiadat, bahasa, kesenian, kesusasteraan dan asas serta semangat sistem berkerajaan yang diamalkan di negeri-negeri Melayu ini adalah warisan langsung dari Melaka, dengan mengalami proses pendaerahan dan pengubahan setempat. Pencernaan budaya dari luar kawasan bekas empayar ini, iaitu dari bahagian utara dan selatan Semenanjung seperti Siam, Jawa dan Bugis totok adalah kesan dan musabab daripada perubahan pola-pola politik dan akibat faktor sempadan budaya serantau.

Konsep daulat dalam sistem berkerajaan di negeri-negeri Melayu ini yang merujuk pada keperibadian, fizikal dan karisma raja-raja atau sultan yang memerintah, sebelum wujudnya Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia, adalah warisan dan pengaruh langsung daripada tradisi pendaulatan dan berorientasikan sistem berkerajaan Melayu dari Melaka. Daulat dilambang dan diletakkan pada fizikal dan karisma raja tadi, bukan dirujuk pada kawasan geopolitik, geografi, negeri atau negara (yang merdeka) dan sempadan-sempadan politik seperti yang difahamkan pada hari ini. Di mana tempat raja atau sultan tadi berada maka di situlah kedaulatan sesebuah kerajaan itu wujud. Daulat ini kemudian berkembang dan bertukar kepada bentuk baru, iaitu dalam corak daulat kerajaan berperlembagaan di sebuah negeri atau negara yang terdapat sekarang. Namun demikian, konsep mengenai raja dalam politik pemerintahan terus kekal. Unsur daulat dalam bentuk spiritualisme dan kepercayaan temurun berubah dan bertukar corak kepada kedaulatan dalam undang-undang dan perlembagaan. Pada dokumentasi yang bertulis pula, raja atau sultan akan diterap atau 'dikanunkan' sebagai kuasa tertinggi negeri atau negara, dan bukan lagi wujud di peringkat konvensi lisan atau resam kepercayaan semata-mata. Unsur spiritualisme ini hanya wujud dalam bentuk tradisi temurun dan hanya menjadi kepercayaan di kalangan segelintir masyarakat peribumi yang mahu mempercayainya sahaja!

Selama seabad lebih kewujudannya di Melaka, Kesultanan Melayu Melaka telah menanamkan dengan kukuh tradisi protokol rasmi istana dan kerajaan, adat istiadat rasmi istana dan tatanegara, etika mengenai undang-

undang di darat dan di laut (*Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut Melaka*), sistem pentadbiran tradisional yang berprinsipkan 'Pembesar Empat Lipatan', tatacara berdagang, berniaga, bertani, berurusan dagang serta transaksi jual beli di pebian dan pelabuhan, konsep kenakhodaan dalam sistem perkapalan Melayu,[41] dalam sektor ekonomi Melaka, dan berbagai-bagai 'adat berkerajaan' lagi. Sama ada tradisi dan sistem-sistem ini adalah berteraskan keperibumian totok atau dipengaruhi oleh unsur asing dan luar (seperti istilah dan peranan syahbandar; istilah dan peranan *kiwi* dan *maula kiwi*; dan gelaran *khawajah* dalam institusi pembesar Melaka) ia banyak diwarisi hingga ke tahap-tahap kelumpuhan kerajaan dan entrepot Melayu pada abad ke-18 hingga awal abad ke-19 dan selepas pengawalan dan penguasaan pusat di Kepulauan Riau menjadi lemah selepas tahun 1784.[42] Tetapi unsur-unsur tradisi dan beberapa prinsip amalan berkerajaan ini berkesan hingga sekarang.

Warisan yang paling jelas ialah berhubung dengan protokol istana dan adat istiadat raja-raja Melayu. Apabila sistem beraja yang menjadi teras amalan pemerintahan dan proses berkerajaan hari ini disebut sebagai warisan langsung dari Melaka, maka waris tatacara undang-undang pada zaman sebelum kolonial dan semangat perundangan pada masa selepas kolonial di negeri-negeri Melayu pun dapat dikesan. Perlembagaan negara mengiktiraf institusi dan kerajaan beraja, manakala undang-undang negeri pula meletakkan raja atau sultan yang memerintah sebagai 'above the law', dan mengetuai adat istiadat Melayu dan hal-ehwal agama Islam. Pengaruh Melaka dalam pengistiadatan raja-raja begitu besar. Ini termasuklah tertib dan tataadat dalam amalan dan perlaksanaannya; prinsip, kaedah dan tradisi *penobatan* raja-raja Melayu; peralatan adat dalam kaedah berperajaan dan kebesaran raja-raja [seperti berbagai-bagai jenis senjata, payung obor-obor, tepak atau puan sirih dan ketur, dian dan panji-panji, warna dan perbahasaan *dalam*, yang kesemuanya disebut oleh *Sejarah Melayu* sebagai dirasmi dan diinstitusikan penggunaan dan amalannya oleh Sultan Muhammad Syah (1424–1444) Melaka]. Hanya apabila ditentukan dan mengambil kira faktor

[41]Hal-ehwal mengenai taraf, fungsi dan bidang kuasa nakhoda didapati menjadi faktor dalam pengkanunan *Undang-undang Laut Melaka*. Difalsafah dan dianalogikan bahawa seorang nakhoda dalam sebuah kapal yang sedang belayar dianggap sebagai 'khalifatul-mukmin di dalam negeri'. Ini tentulah selaras dengan semangat dan kedudukan Melaka sebagai sebuah kuasa kelautan dan sebuah pelabuhan dagang yang bertaraf antarabangsa yang menjadi pusat pelabuhan-pelabuhan dagang serantau lain yang ditaklukinya di sekitar Selat Melaka. Perkapalan menjadi asas dan nadi sistem perdagangan Melaka. Sila rujuk R.O. Winstedt and Josselin de Jong (eds), "The Maritime Laws of Malacca", dalam *JMBRAS*, XXIX, ii, 1956, pada Bab-bab I hingga IV, hlm 28–32.

[42]Barbara Watson Andaya, *op. cit.*, hlm 76–79, 109.

proses sejarah dan peralihan masa, perubahan zaman dan kehendak semasa, fenomena ekologi, teknologi dan petempatan, penerimaan dan rasionalisasi pengaruh asing dalam sinkritisme budaya, maka perkara-perkara ini mengalami perubahan dan pengwarnaan corak.[43] Tetapi semangat dan teras amalan dan budayanya masih kukuh. Maka semangat perundangan dan ber-

---

[43]Sekiranya benar bahawa sistem pembesar 'Empat Lipatan' Pahang adalah pengaruh langsung daripada sistem pembesar 'Empat Lipatan' Melaka, maka ciri-ciri pengubahan dan pengwarnaan setempat ini jelas kelihatan. Gelaran pembesar, Bendahara, Laksamana dan Temenggung yang biasanya dipegang oleh 'orang luaran', sekarang dijadikan milik diraja, lalu menjadi Engku Bendahara, Engku Temenggung dan sebagainya. Pada masa pemerintahan Sultan Ahmad Muazzam Syah, (1884–1914), dilantik sepupunya Cik Wan Ngah, menjadi Engku Bendahara Siwa Raja, Pahang. Dan dilantik pula anak saudaranya, Cik Wan Mahmud, memegang jawatan Engku Temenggung Sri Maharaja. Keadaan yang serupa juga terjadi di Selangor. Adinda-adinda sultan atau kerabat terdekat lazimnya dilantik menjadi Tengku Bendahara, Tengku Laksamana dan Tengku Aris Temenggung. Gelaran-gelaran ini sekarang dipegang oleh Tengku Azman Syah (adinda Sultan) Almarhum Tengku Badli Syah (adinda sultan) dan Tengku Mohd Yusoff Syah (ayahanda saudara sultan). Lihat Empat Pembesar yang pertama dikumpulkan ke dalam gelaran *Orang Kaya* Pahang, iaitu Orang Kaya Indera Syahbandar, Orang Kaya Indera Pahlawan, Orang Kaya Indera Segara dan Orang Kaya Maharaja. Kemudian Lapan Pembesar yang kedua ialah Amar Segara, Dewa Hulubalang, Dewa Pahlawan, Setia Perkasa, Setia Muda, Setia Wangsa dan seterusnya. Lihat *Hikayat Johor Serta Pahang*, hlm 12–13; W. Linehan, "A History of Pahang", dalam *MBRAS*, No 2, 1973, (cetakan semula), hlm 127–160; Hikayat Pahang (naskhah dari mikrofilem 204, Perpustakaan Universiti Malaya), hlm. 55–71; A. Samad bin Ahmad (ed), *Pesaka Selangor*, Kuala Lumpur, 1966; Muhammad Yusoff Hashim, *Dua Puluh Lima Tahun Pemerintahan DYMM Di atas Takhta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan, 1960–1985*, Kerajaan Negeri Selangor, 1985, hlm 6–7.

Di Perak, pengaruh daripada prinsip pembentukan pembesar seperti ini amat jelas kelihatan walaupun pengubahan hanya terjadi setakat gelaran dan fungsi-fungsi para pembesar itu sahaja. Seperti juga Pahang dan Selangor, jawatan Bendahara yang secara tradisi dan temurunnya dipegang oleh orang kebanyakan, mula dimilikdirajakan pada tahun 1752, ketika Perak diperintah oleh Sultan Muhammad Syah (1744–1750) dan ketika jawatan Raja Muda disandang oleh Raja Iskandar (Sultan Iskandar Zulkarnain) yang berkarismatik itu. Jawatan Raja Bendahara yang baru dinaikkan tarafnya itu diserahkan kali pertama kepada adinda Raja Iskandar dan menjadi tokoh yang ketiga dalam sistem giliran pengwarisan takhta kerajaan Perak, selepas raja sendiri dan Raja Muda.

Sebelum menjadi milik diraja, Empat Pembesar di dalam 'Empat Lipatan' yang pertama ialah Bendahara (yang selalunya dipegang oleh keluarga Megat, di Perak), Orang Kaya Besar Penghulu Bendahari, Temenggung dan Menteri. Lapan Pembesar dalam lipatan yang kedua ialah Orang Kaya-kaya Maharaja Lela, Orang Kaya-kaya Laksamana Raja Mahkota, Seri Andika Raja, Panglima Kinta Seri Amar Bangsa, Panglima Bukit Gantang Seri Amar Diraja, Syahbandar Paduka Indera, Setia Bija Diraja dan Imam Paduka Tuan. Untuk melihat gelaran bagi enam belas orang pembesar bagi lipatan yang ketiga sila rujuk Lampiran 'D', *The Perak Chiefs*, oleh R.O. Winstedt dan R.J. Wilkinson, "A History of Perak", dalam *MBRAS*, Reprint No 3, 1974, hlm 134–158; R.O. Winstedt, "Some Perak Pedigrees", dalam *JSBRAS*, LXXIX, September 1918, hlm. 54–63; Barbara Watson Andaya, *Perak, the Abode of Grace: A Study of an Eighteenth Century Malay State*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1979, hlm. 155–204; Khoo Kay Kim, "The Perak Sultanate: An Ancient and Modern", dalam *JMBRAS*, LIX, i, 1986, hlm 1–26.

kerajaan serta pengaruh kedaulatan yang berkait dengan institusi raja atau sultan yang telah diamalkan di Melaka, kelihatan terus kekal dan hidup dalam semangat institusi dan organisasi berkerajaan-pemerintahan di peringkat negara dan di beberapa buah negeri di negara ini sekarang.

Pengaruh berbagai-bagai aspek budaya politik dan peristiadatan ini dijangkakan berkembang dan tersebar, selari dan selaras dengan kedudukan Melaka sebagai sebuah kuasa penakluk dan ketuanan pada abad ke-15 sehingga tahun 1511 yang kemudiannya dilanjutkan pula oleh empayar Johor-Riau, pada dekad awal abad ke-18. Di Semenanjung Tanah Melayu, penyebaran dan keberkesanan pengaruh sedemikianlah akibat tidak langsung daripada jalinan kekeluargaan kerabat dalam salasilah raja-raja Melaka dan awal Johor seperti kekerabatan Perak dan Pahang contohnya. Ia juga adalah kesan langsung daripada pengaruh politik, kaedah dan prinsip-prinsip pemerintahan kuasa penakluk-ketuanan Melayu Melaka dan Johor seperti yang terjadi di Pahang, Kelang (Selangor) dan Terengganu. Di Kedah dan Kelantan pula proses yang sedemikian terjadi adalah kesan daripada sama ada kedua-duanya adalah taklukan Melaka dan Johor pada abad ke-15 atau abad ke-16, atau kerajaan dan kesultanannya didaulati oleh istana Melaka. Menurut dakwaan *Sejarah Melayu*,[44] dan laporan oleh Tome Pires bahawa Kedah dan Kelantan mengaku terhadap sumber pendaulatan dan kesahihan daulat raja-raja Melaka dan Johor.

Secara ringkasnya dari segi perspektif, Melaka telah melahir, memula dan meninggalkan suatu tradisi sejarah dalam rantaian dan landasan persejarahan yang berlanjutan sejak awal abad ke-15 sehinggalah sekarang. Semangatnya terus hidup dan menjalar dalam ruang-ruang kesinambungan budaya, lalu menjadi teras dan landasan tradisi dan proses persejarahan negara ini dari dahulu sampai sekarang. Maka di sinilah sumbangan dan peranan Melaka dari segi pengertian dan makna serta *relevance*nya ia dalam persejarahan tadi.

Justeru itu, dalam konteks persejarahan negara hingga setakat ini terpaksalah bermula dengan tradisi Melaka. Ini disebabkan corak dan tradisi persejarahan tempatan belum dapat dipastikan secara ilmiah. Tradisi persejarahan tempatan sekarang lahir hanya dalam bentuk kepercayaan (lantaran *dipercayai* sahaja bahawa ia wujud suatu ketika sebelum periode Melaka) kerana dirujuk daripada catatan dan keterangan rekod-rekod China awal yang maklumatnya masih kabur dan berselerak. Tradisi persejarahan tempatan juga dilihat daripada kesan dan puing tinggalan yang ada tetapi belum

[44]W.G. Shellabear, (ed), *op. cit.*, hlm 205–206; Armando Cortesao, (ed), *op. cit.*, hlm 260–264.

dapat dipastikan lagi tentang kesahihan sejarahnya. Tradisi persejarahan negara sebenarnya haruslah dirujuk dan berlandaskan latar belakang tradisi budaya, sosiologi dan proses persejarahan Melayu Selat Melaka dan serantau bagi zaman-zaman sebelum tahun 1400.

LAMPIRAN

LAMPIRAN A

Berbagai-bagai Naskhah *Sejarah Melayu* mengenai Kesultanan Melayu Melaka 1400–1511

NASKHAH COD.OR. 1703

yang menguruengkan tuada terbulang lagie

Ada datang kelandjoeng limbin maka bagiendo poin toeroen bermain kemuir maka radja perampoean poin toeroen dengan segala bunu orang besar besar dan orang kaya kaya bermain diepasier itoe mengambil kerang kerangan maka radja perampoean doedoek dibawa pohon pandan diehadip bunu segala orang kaya kaya, maka bagiendo terlaloe soeka melihat kelakoean dayang dayang bermain maen itoe masing masing, pada kesoekaannya adayang mengambil sipot adayang mengambil koerang adayang mengambil kitim adayang mengambil lokan adayang mengambil daon kayoe kedaman maka terlaloe soekatjeta segala dayang dayang itoe adayang mengambil boenga boenga an diepertoeat sentiung masing masing tiengka lakoenya adayang berlaru berkambat kambatan terseran doeng djatoeh ribah rumpo daripada sangat soeka nya itoe.

adapoen sang nila oelama dengan segala manteri penggawa rayat pergi berboeroe maka terlaloela banyak berolih perboeroean, maka laloe seekor roeva diehadipan sang nila oelama maka diteekam bagiendo dengan limbung kina belakang roeva itoe diuja poin lari maka diepertoeat olih sang nila oelama diteekam bagiendo seka bulagu kina roeveknya bisoe laloe malu maka sang nila oelama datang pada sosaloe baloe terlaloe besar dengan tiengguinya maka bagiendo aa ia kiatis baloe itoe memandang kesabbirang maka dalieat bagiendo tanah sabbirang itoe pasieranya terlaloe poelih sipirtu kaun terhimpar maka bagiendo poin berlanja pada andera boepala pasier yang sebelakan itoe tanah mana! maka semba andera boepala itoe ia odjong tana besar tamasiek nawanya, maka bula sang nila oelama mereka kiata pergi kesana, maka semba andera boepala mana bula koeankoe; maka sang nila oela poin naikla kepiraoe laloe menyabbirang — selela datang kelenga laot ribot poinloroen maka kinaeikan itoe poin kiaran maka diepertumbo orang tuada terlumbo air roeang lagie, maka diesoeroh pengodoe kinaeikan membaeang maka beberapa karta yang dibaeangkan tuada berapa lagie yang tiengga maka kinaeikan itoe kampir kiteloek belang mangkun sangat air naeik

NASKHAH COD. OR. 1704





بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله الذي لا اله الا هو
وكان في الاول ولا شيء
معه سبل فوج ڤجيين
بك يڠ تياد توهن هاي
اي دان اداله اي ڤد ازال
تياد سواة جوا ڤون سرتاڽ
وهو الايدي السر مدي
ربيده ثم خلق الخلايق



ولا حاجة له دان اياله
توهن يڠ ابيدي لاك سنتياس
اداي دان تياد سوات جوا
ڤون كمدينڽ مك دجديكني
سكال مخلوق دان تياد
حجات بكيڽ ولما ارادا
طهار ربوه بيته
فخلق النور جيبه ومن ذلك
النور خلق الانبياء وربته

كمدين دجد بكنڠ مكد دكب ايكانڠ قول اشهد ان لا اله الا الله وحده
لا شريك له واشهد ان محمدا عبده ورسوله تكن اكن بهوين نبي محمد ابت همبڠ اكن
فوهن اللهم صل وسلم على سيدنا محمد صاحب لواء الحمد ومقام المحمود
وعلى اله واصحابه الفائزين ببدر والحنين ولنيل المقصود يا تمنكوا
الكرهاي كراث رحمة دان سجهتر اكن فغهول كام محمد ممفاي لواء الحمد
دان بڠ ممفاي شفاعة دان رحمة الله دان سلامن اتس سكل صحابتن
دغن مبيبا كن سهاس٢ كه لسان فد منجا صاكن معصود دبالث فد كرصان
الله تعالى ولنكاه دافون كمدين دفد ايت تله برجات فقير بڠ انصاف
اكن تمكاه دن دبرن دان نكث فغتهون علموث دفد سوات ماس
بهوفقير ودق فد سوات مجلس دغن اورڠ بسر٣ بركات برسند بركوبر
فد انتارايت اد سورڠ اورڠ بسر تله مليان دان تربسر مرتبتن دفد بلاين
بركان اي كند فقير مجب دڠن حكايت ملايو اوله اورڠ دركوه بلرڠ كيت فرباكي
كران دڠن استعادتن سغاي دكتهوي اوله سكل انق چوچ كيت بڠ كمدين دفد
كيت دابڠكتڠ اوله سكل مريكت شهدان اداله برولة فائدة اي كند دان سنله فقير موك
عوجاهل مك فقير برلمبند دبري فقير كند بڠ اس اكندي شهدان
موهكن توفيق لحضرة توهن حسن الختام دان منتوهارف كند بي سيد
الانام دان منتوافواه كند صحابة بڠ اكرام فقير كرغله حكايت اين ركب سمت
من مندي واي سغاي اكن مكاكن دلي لحضرة بكند مك فقير نماي حكايت اين
سلاله السلطين يعني فرنتورن سكل راج٢ هدة دروالاخبار وعرف
والامثال اينله مني سكل جرنتردان جهماي سكل فراؤ فصاحت مك بارغياف
مساج دبي جاغن دبجار اكن دغن سمون بجار كارن حكايت اين تاهو
كام اكن وكان سبدنبي صلى الله عليه وسلم تفكر واي الا الله واتفكر
في ذات الله يعني بجار اكن اولهم كند سكل كبسارن الله دان جاغن كام فكر

سلطان علاء الدين رعايت ظل الله في الثقلين فرنتورن سلطان الاخلاء
عبد الجليل شاه اغي سلطان مصطفى شاه ابن سلطان علاء الدين رعايت شاه
ابن سلطان محمد شاه اغرجوم وحمد لله مسكنه وسخطانه وابد عدله واحسانه
سدغ ماس بكند برتكوك دكتهوي دبواس ايت دانڠ تمبڠ سري نارو غس
بڠ برتيان تمبڠ انق سري هلوير اج فتاني منجنجفكن تت بغد فرتوند دهلير
سلطان عبد الله يدية مغايبة شاه ابن سلطان الاخلاء عبد الجليل شاه
فن شرف امكان والزمان مك اي ن كملياء تمف دان زمان وزير
بحاش فل الداي ان دان اي فرجين سكل كدودكن اورغ بيرتيان ترقد
فضل والامات دان دتياء الله تعالى كراث اي كمورانن دان كليهن
ماينه عدل في سائر البلدان دان كمكن الله كران اي دغن عادلن كفد سكل
نكري دمكين بوت تت اغن املي ايت بهوبيت منسوء فربوتكن حكايت كفد
بندهار في سواتوت دان فرتورن سكل راج٢ ملايو دغن استعادتن
سكال سغاي دكتهوي اوله سكل انق چوچ كيت بڠ كمدين دفد كيت
دابڠكتڠ اوله مريكت شهدان برولة فائدة اي كند دان سنله فقير موك
عوجاهل مك فقير برلمبند دبري فقير كند بڠ اس اكندي شهدان
موهكن توفيق لحضرة توهن حسن الختام دان منتوهارف كند بي سيد
الانام دان منتوافواه كند صحابة بڠ اكرام فقير كرغله حكايت اين ركب سمت
من مندي واي سغاي اكن مكاكن دلي لحضرة بكند مك فقير نماي حكايت اين
سلاله السلطين يعني فرنتورن سكل راج٢ هدة دروالاخبار وعرف
والامثال اينله مني سكل جرنتردان جهماي سكل فراؤ فصاحت مك بارغياف
مساج دبي جاغن دبجار اكن دغن سمون بجار كارن حكايت اين تاهو
كام اكن وكان سبدنبي صلى الله عليه وسلم تفكر واي الا الله واتفكر
في ذات الله يعني بجار اكن اولهم كند سكل كبسارن الله دان جاغن كام فكر

كمدين دجد بكنڠ مكد دكب ايكانڠ قول اشهد ان لا اله الا الله وحده
لا شريك له واشهد ان محمدا عبده ورسوله تكن اكن بهوين نبي محمد ابت همبڠ اكن
فوهن اللهم صل وسلم على سيدنا محمد صاحب لواء الحمد ومقام المحمود
وعلى اله واصحابه الفائزين ببدر والحنين ولنيل المقصود يا تمنكوا
الكرهاي كراث رحمة دان سجهتر اكن فغهول كام محمد ممفاي لواء الحمد
دان بڠ ممفاي شفاعة دان رحمة الله دان سلامن اتس سكل صحابتن
دغن مبيبا كن سهاس٢ كه لسان فد منجا صاكن معصود دبالث فد كرصان
الله تعالى ولنكاه دافون كمدين دفد ايت تله برجات فقير بڠ انصاف
اكن تمكاه دن دبرن دان نكث فغتهون علموث دفد سوات ماس
بهوفقير ودق فد سوات مجلس دغن اورڠ بسر٣ بركات برسند بركوبر
فد انتارايت اد سورڠ اورڠ بسر تله مليان دان تربسر مرتبتن دفد بلاين
بركان اي كند فقير مجب دڠن حكايت ملايو اوله اورڠ دركوه بلرڠ كيت فرباكي
كران دڠن استعادتن سغاي دكتهوي اوله سكل انق چوچ كيت بڠ كمدين دفد
كيت دابڠكتڠ اوله سكل مريكت شهدان اداله برولة فائدة اي كند دان سنله فقير موك
عوجاهل مك فقير برلمبند دبري فقير كند بڠ اس اكندي شهدان
موهكن توفيق لحضرة توهن حسن الختام دان منتوهارف كند بي سيد
الانام دان منتوافواه كند صحابة بڠ اكرام فقير كرغله حكايت اين ركب سمت
من مندي واي سغاي اكن مكاكن دلي لحضرة بكند مك فقير نماي حكايت اين
سلاله السلطين يعني فرنتورن سكل راج٢ هدة دروالاخبار وعرف
والامثال اينله مني سكل جرنتردان جهماي سكل فراؤ فصاحت مك بارغياف
مساج دبي جاغن دبجار اكن دغن سمون بجار كارن حكايت اين تاهو
كام اكن وكان سبدنبي صلى الله عليه وسلم تفكر واي الا الله واتفكر
في ذات الله يعني بجار اكن اولهم كند سكل كبسارن الله دان جاغن كام فكر

سلطان علاء الدين رعايت ظل الله في الثقلين فرنتورن سلطان الاخلاء
عبد الجليل شاه اغي سلطان مصطفى شاه ابن سلطان علاء الدين رعايت شاه
ابن سلطان محمد شاه اغرجوم وحمد لله مسكنه وسخطانه وابد عدله واحسانه
سدغ ماس بكند برتكوك دكتهوي دبواس ايت دانڠ تمبڠ سري نارو غس
بڠ برتيان تمبڠ انق سري هلوير اج فتاني منجنجفكن تت بغد فرتوند دهلير
سلطان عبد الله يدية مغايبة شاه ابن سلطان الاخلاء عبد الجليل شاه
فن شرف امكان والزمان مك اي ن كملياء تمف دان زمان وزير
بحاش فل الداي ان دان اي فرجين سكل كدودكن اورغ بيرتيان ترقد
فضل والامات دان دتياء الله تعالى كراث اي كمورانن دان كليهن
ماينه عدل في سائر البلدان دان كمكن الله كران اي دغن عادلن كفد سكل
نكري دمكين بوت تت اغن املي ايت بهوبيت منسوء فربوتكن حكايت كفد
بندهار في سواتوت دان فرتورن سكل راج٢ ملايو دغن استعادتن
سكال سغاي دكتهوي اوله سكل انق چوچ كيت بڠ كمدين دفد كيت

LAMPIRAN B

Salinan Sebenar daripada Naskhah *Hikayat Siak, COD.OR. 7304,* hlm 1, di Perpustakaan Universiti Leiden



LAMPIRAN C

Salinan Sebenar daripada Naskhah *Hikayat Siak, W. 191.* hlm 10, di Muzium Pusat Jakarta



LAMPIRAN D

Critera Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan*
[Cod. Or. 3199(3) part 4]

Bahawa, mulanya asal raja Melayu dari Seri Turi Buana. Baginda itu keturunan daripada Raja Iskandar Dhu'l-Qarnain. Telah datang di Pulau Andelas, tempatnya di bawa(h) perintah Demang Lebar Daun. Maka apabila Demang itu berjumpa dengan Seri Turi Buana, sembahlah ia. Maka diserahkan oleh Demang Lebar Daun segala pekerjaan atas negeri yang dibawa(h) perintah Demang itu, adanya.

Syahadan pula, Seri Turi Buana diangkat raja. Maka ialah yang pertama-tama raja Melayu. Maka dijadikan itu kepada sanat 575 dari hijrah nabi, tetapi orang Melayu waktu itu belum masuk agama Islam. Kemudian daripada itu, maka Seri Turi Buana berangkatlah dari Pulau Andelas, berlayar ke seberang tanah, *zirbad* namanya, ertinya kepada bahasa Parsi, dibawa(h) angin. Maka tempat itu namanya juga Ujung Tanah. Di situlah Seri Turi Buana membuat kota. Maka bernama kota itu Singapura. Maka diam baginda itu di sana. Maka memerintah ia atas kaumnya, sampai kepada sanat 623.

Bila itu Seri Turi Buana pun mangkat, maka diganti dalam pekerjaan, Paduka Dikarangwira. Baginda itu memegang perinta(h) atas orang Melayu, sampai kepada sanat 638. Maka dibaikinya kota Singapura, akan jadi kuasa melawan kerajaan Majapahit. Maka diganti Paduka Dikarangwira itu oleh Seri Rama Wikrama itu, muda-muda dan berani. Maka dengan adil memegang perintah selama-lama hidupnya. Tetapi dengan takdir Allah, datang susah atas kaumnya, karena mangkat baginda itu muda, pada sanat 637. Maka diganti oleh Seri Maharaja. Demikian juga Seri Maharaja itu, tiada hidup lama, karena mangkat dia pada sanat 663. Maka diganti oleh Seri Iskandar Shah. Baginda itu pun melawan dengan beraninya, sampai tiada dapat lagi kepada raja Majapahit. Tetapi, kemudian, daripada melawan tiga tahun lamanya, alah dia. Maka berangkatlah dari Singapura, berjalan darat ke barat laut. Maka berhenti pada suatu tempat, maka diperbuatnya pula

---

*Dipetik dan ditranskripsi semula dari R. Roolvink, "The variant versions of the Malay Annals", dalam C.C. Brown, (ed), *Sejarah Melayu* or *Malay Annals*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970, hlm xxviii–xxxi.

kota, namanya Melaka. Maka kota itu diperbuatnya halus, sampai termasyhur namanya.

Maka Seri Iskandar Shah, bila sudah memegang perintah dua puluh lima tahun, iaitu tiga tahun di Singapura, dua puluh dua tahun di Melaka, waktu itu mangkat baginda itu.

Maka diganti oleh Sultan Megat, pada sanat 678. Maka baharu dua tahun diangkat raja, maka ia mangkat pula. Maka diganti oleh Sultan Muhammad Shah. Baginda itu terlalu kuasa, karena, waktu dia raja, segala tempat yang dekat-dekat di situ di bawa(h) perintahnya, iaitu negeri Bintan, Lingga, Johor, Patani, Keda(h), Perak dan lain-lainnya, sampai ke seberang di Pulau Andelas dan Kampar dan Haru. Segala orang turut perintahnya. Maka baginda itu pun pula yang pertama masuk agama Islam. Maka dikahwinkan dengan puteri Rekan.

Maka dari nikah itu, jadi kuasa pula akan memegang perintah atas negeri Rekan itu. Maka mangkat baginda itu, pada sanat 747. Maka diganti anak putera, Sultan Abu Said. Sultan itu dibunuh oleh raja Rekan, bila dia sudah memegang perintah belum dua tahun. Maka diganti pula Sultan Mudafar Shah. Baginda itu terlalu budiman dan cerdik. Maka dialah yang mengeluarkan surat adat istiadat dan undang-undang orang Melayu, lagi berani juga dan termasyhur nama waktu itu. Seri Naradiraja, panglima Sultan Mudafar Shah, karena bila dikirim oleh raja Siam Buwayatnya, namanya panglimanya Awi Cakra, mahu mengambil negeri Melaka, dengan beberapa banyak orangnya dan kapal, diserang oleh Seri Naradiraja.

Kemudian, raja Siam pun mangkat. Maka diganti oleh Saupandan. Maka dia pula berangkat [dari] ke Melaka, mau mengambil negeri itu, tetapi ia pun diserang juga seperti ayahnya, oleh panglima Seri Naradiraja.

Kemudian daripada itu, mangkat Sultan Mudafar Shah, maka diganti oleh Sultan Mahmud Shah yang termasyhur nama. Tiada berapa lamanya, mangkat. Maka diganti puteranya, Sultan Mansur Shah, pada sanat 789. Maka Mansur Shah itu kawin dengan puteri raja Majapahit, Raden Galuh Cendera Kirana. Maka dikasi oleh Raden Galuh Cendera Kirana itu negeri Inderagiri yang dia empunya kepada menantunya, Mansur Shah. Maka ditaruh oleh Mansur Shah raja yang memegang perintah atas negeri Inderagiri. Maka raja-raja Inderagiri turut kepada Melaka, dari waktu itu, sampai sekarang. Maka Sultan Mansur Shah memegang perintah dalam negeri Melaka sampai ia mangkat, pada sanat 852. Maka diganti oleh anaknya, Sultan Aludin. Maka Sultan Aludin diganti pula oleh Sultan Mahmud Shah, pada sanat 882. Sultan Mahmud Shah itu pegang perinta(h) dalam Melaka dua puluh sembilan tahun lagi, dia pegang perintah duduk di negeri Johor. Ia raja waktu orang Portugis datang di Melaka, maka diserang oleh Portugis.

Dari Melaka berjalan ke Johor. Maka diganti oleh sultan itu oleh anaknya, Ahmad Shah, pada sanat 918. Maka sultan itu berdamai dengan Portugis pada sanat 919. Sampai kepada sanat 922, Sultan Ahmad Shah angkat perang pula, memukul orang Portugis. Pada sanat 945, maka mangkat Sultan Ahmad Shah, maka diganti oleh Aludin Shah Yang Kedua. Maka sultan itu diganti pada sanat 964 oleh Sultan Abdul Jalil Shah yang memegang perintah sampai pada sanat 996. Waktu itu, mangkat pula Sultan Abdul Jalil Shah, maka diganti oleh Sultan Aludin Shah Yang Ketiga.

Maka waktu itu, Wilanda masuk Johor, membuat surat perjanjian sahabat-bersahabat dengan Sultan Aludin Shah Yang Ketiga, pada sanat 1015.

Maka mangkat Sultan Aludin Shah, maka diganti oleh Sultan Abdullah Shah, yang diganti pula oleh Sultan Mahmud Shah Yang Kedua, bila mangkat ia pada sanat 1026. Maka Sultan Mahmud Shah Kedua mangkat pada sanat 1029. Maka diganti oleh Sultan Abdul Jalil Shah Yang Kedua. Maka dialah sultan yang dapat Melaka dengan penolong Wilanda. Maka ia memegang perintah empat puluh tujuh tahun. Maka mangkat ia pada sanat 1076. Maka diganti oleh Sultan Ibrahim Shah. Maka sultan itu memegang perintah sebelas tahun. Mangkat ia pada sanat 1087. Maka diganti oleh Sultan Mahmud Shah Yang Kedua.

Maka bertakhta Sultan Mahmud Shah sampai pada tahun 1101. Waktu mangkatlah ia, maka diganti oleh Sultan Abdul Jalil Yang Ketiga, pegang perintah ia sampai sembilan tahun. Ia mangkat pada sanat 1138, maka diganti oleh Sultan Sulaiman Shah Yang Pertama, pegang perintah dua puluh satu tahun. Mangkat ia pada sanat 1159. Maka diganti oleh Sultan Abdul Jalil Yang Keempat. Ialah yang membuka Riau tuha. Ia pegang perintah tiga puluh dua tahun, maka mangkat ia pada sanat 1191. Maka diganti oleh Sultan Mahmud Shah Yang Ketiga. Ia menunggu Lingga, memegang perintah tiga puluh enam tahun, mangkat ia pada sanat 1227. Maka ia meninggalkan putera dua orang laki-laki, yang tua bernama Ungku Husain dan yang muda bernama Ungku Abdul Rahman. Pada masa itu, sultan mangkat, Ungku Husain tiada dalam Lingga. Ia pergi ke Pahang. Maka mufakat sekalian Datuk-datuk serta Yang Dipertuan Muda Riau, melantik Ungku Abdul Rahman Shah, akan ganti baginda pada tahun itu. Pada masa itu, sekalian kerajaan dan kebesaran tiada diserahkan oleh emak tirinya, iaitu Ungku Puteri dalam Riau. Maka ia pun merajuklah, membawak diri ke Terengganu, hingga sampai kepada sanat 1235.

Apabila Wilanda menunggu Riau, namanya Admiral Wolterbeek dan Tuan Adriaan Koek dan Kapitan Elout, maka oleh tuan-tuan itu mufakat dengan Yang dipertuan Muda Riau, iaitu Ungku Jaafar, menjemput Ungku

Abdul Rahman Shah, membawak pulang ke Lingga, maka dilantiklah oleh tuan itu pula akan jadi sultan.

Pada masa itu, orang Inggeris bernama Tuan Raffles serta dengan Tuan Major Farquhar pergi ke Selat, hendak membuka negeri. Maka ia pun pergi ke Selat. Maka ia berikanlah tanah Selat itu kepada Inggeris. Maka oleh Inggeris pun mangkatlah Ungku Husain jadi sultan dalam Selat, pada sanat 1236. Maka raja Melaka, Tuan Timmerman Thijssen pergi ke Riau, mengambil segala kerajaan yang di dalam tangan Ungku Puteri. Ia bawak ke Melaka. Ia antarkan ke Betawi, kepada Tuan Jenderal van der Capellen. Maka oleh Tuan Jeneral itu, sekalian kerajaan dan kebesaran itu diantarkannya kepada Sultan Abdul Rahman Shah, dalam Lingga. Maka ia memerintah sehingga sanat 1248. Maka ia mangkat. Maka diganti oleh puteranya, Muhammad Shah, memerintah.

Tamma-t

LAMPIRAN E

Susunan Raja-Raja Awal Melaka*

CERITERA ASAL RAJA-RAJA:	SEJARAH MELAYU versi 1536:	SEJARAH MELAYU versi 1612:	BUSTAN'US-SALATIN naskhah 1638
1. Seri Iskandar Syah, 3 tahun di Singapura, 22 tahun di Melaka.	1. Sultan Iskandar Syah, 3 tahun di Singapura, 20 tahun di Melaka.	1. Iskandar Syah, 32 tahun di Singapura, 3 tahun di Melaka.	1. Seri Rama Adikerma, raja Melaka pertama.
2. Sultan Megat, 2 tahun di Melaka. (Sanat 678)	2. Raja Kecil Besar, Sultan Megat, 2 tahun di Melaka.	2. Raja Besar Muda, Raja Ahmad.	2. Raja Besar Muda, Raja Ahmad.
3. Sultan Mahmud (Muhammad ?) Syah.	3. Raja Tengah, Sultan Muhammad Syah, 57 tahun di Melaka.	3. Radin Tengah/Raja Tengah.	3. Raja Tengah.
4. Sultan Abu Said. (Sanat 747). Memerintah sebelum genap 2 tahun.	4. Raja Ibrahim, Sultan Abu Syahid, 17 bulan di Melaka.	4. Raja Kecil Besar, Sultan Muhammad Syah.	4. Raja Kecil Besar, Sultan Muhammad Syah.
5. Sultan Mudafar Syah.	5. Raja Kassim, Sultan Muzaffar Syah, 40 tahun di Melaka.	5. Raja Ibrahim, Sultan Abu Syahid, 17 bulan di Melaka.	5. Raja Kassim/Sultan Muzaffar Syah.
		6. Raja Kassim/Sultan Muzaffir Syah, 42 tahun di Melaka.	

*Dipadankan dari *Sejarah Melayu* versi 1536 dan 1612: Transkripsi Roolvink dari CERITERA ASAL RAJA-RAJA MELAYU PUNYA KETURUNAN naskhah *Cod. Or. 3199* (3) Bhg. 4; Nuruddin ar-Raniri, *Bustan'us-Salatin*, Bab 2 Fasal 12, 1638 (naskhah tulisan tangan di Perpustakaan Universiti Malaya); Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", *JMBRAS*, XLI, i, 1968.

LAMPIRAN F

Susunan Raja-Raja Awal Melaka*

Yung-lo Shih-lu & *Hsuan-tê Shih-lu* (1425-1430) (1438)	*Winstedt* (1948)	*Wake* (1964) [cf. Wilkinson, Rouffaer and pre-war Winstedt]
I. Pai-li-mi-su-la 拜里迷蘇剌 (died early 1414 or late 1413)	I. Parameswara — later Megat Iskandar Shah (died 1424)	I. Sri Parameswara (ca. 1400-1414)
II. Mu-kan-sa-yu-ti-er-sha 母幹撒于的兒沙 *or* I-ssu-han-ta-er-sha 亦思平荅兒沙 (died late 1423 or early 1424) (s/o I)		II. Megat Iskandar Shah, Raja Besar Muda (1414-1424) (s/o I)
III. Hsi-li-ma-ha-la-che 西里馬哈剌者 (died before 1444) (s/o II)	II. Sri Maharaja (died 1444)	III. Sri Maharajah (?Iskandar Shah) Mohamed Shah, Raja Tengah, Raja Kechil Besar (1424-1445) (s/o II)
IV. Hsi-li-pa-mi-hsi-wa-er-tiu-pa-sha 息力八密息瓦兒丟八沙 (mentioned in 1445)	III. Raja Ibrahim, Sri Parameswara Dewa Shah; (murdered ca. 1446) (s/o II)	IV. Sri Parameswara Dewa Shah, Raja Ibrahim (1445-1446) (s/o III)
V. Su-lu-t'an-wu-ta-fo-na-sha 速魯檀無荅佛哪沙 (mentioned in 1455)	IV. Raja Kasim, Sultan Muzaffar Shah (d. ca. 1456) (half b/o III).	V. Sultan Muzaffar Shah, Raja Kasim (1446-1459) (s/o III)

*Dipetik dari Wang Gungwu, "The First Three Rulers of Malacca", dalam *JMBRAS*, XLI, i, 1967, hlm 14.

LAMPIRAN G

Salasilah Raja-Raja Melaka daripada Keturunan Palembang hingga Zaman Awal Johor*





*Disusun dan disesuaikan dari A. Samad Ahmad (ed), *Sulalatus Salatin; Fasal Ketiga, Bustanu's Salatin*, diperturunkan oleh R.O. Winstedt, "The Genealogy of Malacca's King From a Copy the Bustanu's Salatin," *JSBRAS*, No 81 (Sept. 1920), hlm 39–47; T.D. Situmorang dan A.E. Teeuw, (eds), *Sedjarah Melayu*, Jakarta, 1952; W.G. Shellabear (ed) *Sejarah Melayu*, American Mission, Singapura, 1903; *Hikayat Siak* (Cod. Or. 7304), Universiti Leiden.

LAMPIRAN H

Salasilah Ringkas Sultan Mansor Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah Berdasarkan *Sejarah Melayu*



LAMPIRAN I

Salasilah Ringkas Sultan Mansor Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah Berdasarkan Catatan Tome Pires, *The Suma Oriental Of Tome Pires*, hlm 251 dan hlm 252



LAMPIRAN J

Fasal-Fasal dalam *Undang-Undang Laut Melaka* dan *Hukum Kanun Melaka* yang Berunsurkan Undang-Undang Islam

Undang-undang Laut Melaka:

Fasal 2 : Hukuman bunuh dan rotan terhadap orang *muhsan* dan *ghair-muhsan* yang berzina.

Hukum Kanun Melaka:

Fasal 5:1,3 : Hukuman *qisas*, bunuh dibalas bunuh.

Fasal 7:2 : Hukuman potong tangan kerana kesalahan mencuri.

Fasal 8:2,3 : Hukuman qisas, bunuh dibalas bunuh.
(a) Hukum potong tangan kerana kesalahan mencuri.
(b) Hukuman *ta'zir*, mengikut budi bicara hakim kerana kesalahan mencuri beramai-ramai.

Fasal 12:2 : Hukuman rejam sampai mati terhadap lelaki dan wanita *muhsan* yang berzina. Jika penzina adalah *ghair-muhsan*, disebat sebanyak 80 kali.

Fasal 12:3 : Hukuman rotan sebanyak 80 kali pada orang yang menuduh orang lain berzina tanpa saksi.

Fasal 14:1 : Tatacara tuduh-menuduh. Dikehendaki bersumpah dengan memegang mimbar masjid.

Fasal 14:2 : Hukuman *kadhf*, bersumpah dan bertaubat di hadapan hakim kerana kesalahan mengambil isteri orang.

Fasal 15:7 : Tatacara pinjam-meminjam harta berdasarkan hukum *'iyyan*.

Fasal 16:1, 2 : (a) Hukuman memfitnah orang berdasarkan taksir *fuduli*.
(b) Hukuman bunuh kerana berzina.
(c) Syarat-syarat *fuduli*.

Fasal 18:4 : Hukuman *qisas* kerana kesalahan membunuh.

Fasal 25:1 : Hukum berwali. Hal-hal yang berhubung dengan

syarat-syarat berwali *aqrab*, *wali mujbir*, *qaul azhar*, *safratu'l-qasr*.

Fasal 25:2 : Syarat dan tatacara ijab dan kabul dengan melafazkan kata "Qibiltu tazwijaha".

Fasal 26 : Syarat menjadi saksi yang sah dalam tatacara ijab dan kabul.

Fasal 27 : Hukum *khiyyar* atau hak pembatalan perkahwinan. Syarat yang membolehkan *faskh*.

Fasal 28:1 : Hukum talak, iaitu talak *raji'i* dan talak *ba'in*. Syarat-syarat beridah.

Fasal 30 : Hukum dan tatacara berniaga. Syarat sah berjual beli dan barangan yang sah serta haram diperniagakan. Haraman mengambil riba.

Fasal 32:2 : Hukum sah *sulh* atau tuntut-menuntut harta. Syarat-syarat berhubung dengan *sulh*. Syarat pendakwa dan yang terdakwa atau *mudda'i dengan mudda'i 'alaihi*.

Fasal 32:3 : Syarat sah menjadi penjamin.

Fasal 34:1 : Hukum dan syarat-syarat amanat (amanah).

Fasal 35 : Hukum ikrar. Batasan antara hak Allah dengan hak manusia.

Fasal 36:1 : Hukum orang murtad, sama ada dikehendaki bertaubat atau dibunuh.

Fasal 36:2 : Hukuman bunuh terhadap orang Islam yang enggan bersembahyang.

Fasal 37:1 : (a) Hukum menjadi saksi.
(b) Syarat sah menjadi saksi.

Fasal 37:2 : (a) Syarat sah menjadi saksi pada kesalahan berzina.
(b) Syarat sah menjadi saksi pada kesalahan jenis *hadd*.
Kes-kes berhubung dengan *bikir* dan *thayyi* di kalangan wanita.

Fasal 38:1, 2, 3 : Tatacara mendakwa dan bersumpah di dalam masjid, di hadapan sidang jemaah dan di atas mimbar.

Fasal 38:4 : Tatacara tuntut-menuntut di hadapan hakim. Syarat-syarat hakim menjatuhkan hukuman.

Fasal 39 : (a) Hukum *qisas* kerana kesalahan membunuh.
(b) Hukum orang Islam membunuh orang bukan Islam.
(c) Hukum orang bukan Islam (Yahudi, Nasrani, Majusi) membunuh sesama bukan Islam.

Fasal 40:1 : Hukuman rejam dan sebat kerana kesalahan berzina.

Hukuman mengikut *hadd* terhadap penzina yang *ghair-muhsan*.

Fasal 40:2 : Hukuman pada kesalahan liwat (hubungan sejenis) dan hubungan dengan binatang digolongkan sebagai berzina. Hukuman boleh juga berdasarkan takzir hakim.

Fasal 43:5 : Hukum *qisas* bersabit dengan kes rogol.

LAMPIRAN K

Hubungan Kekeluargaan antara Raja Melaka dengan Bendahara

	Raja	Bendahara	Hubungan antara Raja dengan Bendahara
1.	Raja Iskandar Syah	Tuan Perpatih Tulus	Bapa saudara dan mentua raja
2.	Raja Ahmad (Raja Besar Muda)	Tun Perpatih Tulus	Nenda kepada raja
3.	Raja Tengah	Raden Bagus/Tun Perpatih Permuka Berjajar (Seri Wak Raja)	Abang raja
4.	Raja Kecil Besar (Sultan Muhammad Syah)	1. Raden Bagus/Tun Pepatih Permuka Berjajar (Seri Wak Raja)	Bapa saudara dan mentua raja
		2. Raden Anum (Seri Amar Diraja) (?)	Bapa saudara raja
5.	Raja Ibrahim (Sultan Abu Syahid)	Raden Anum/ (Seri Amar Diraja) (?)	Datuk saudara raja
6.	Raja Kassim (Sultan Muzaffar Syah)	1. Raden Anum (Seri Amar Diraja) (?)	Datuk saudara dan mentua raja
		2. Tun Perpatih Sedang (Seri Wak Raja)	Ipar raja
		3. Tun Ali (Seri Nara Diraja)	Bapa saudara/ berkahwin dengan bekas isteri raja (Tun Kudu)
		4. Tun Perak (Paduka Raja)	Bekas ipar/anak saudara isteri raja
7.	Raja Abdullah (Sultan Mansor Syah)	Tun Perak (Paduka Raja)	Ipar raja

8.	Raja Hussain (Sultan Alauddin Riayat Syah)	Tun Perak		Bapa saudara raja
9.	Raja Mahmud (Sultan Mahmud Syah)	1.	Tun Perak (Paduka Raja)	Datuk saudara raja
		2.	Tun Perpatih Putih (saudara Tun Perak)	Datuk saudara raja
		3.	Tun Mutahir (Seri Maharaja)	Bapa saudara raja
		4.	Paduka Tuan (Bendahara Tepok)	Bapa sepupu raja
		5.	Tun Khoja Ahmad (Paduka Raja)	Dua pupu raja
10.	Raja Ahmad (Sultan Ahmad Syah)		Paduka Tuan (Bendahara Tepok)	Datuk sepupu raja

Bibliografi

A. Samad Ahmad, (ed), *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979.

————, *Sejarah Kesusasteraan Melayu, I dan II*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1966.

Abdul Aziz Mohamed, *Perhubungan Negeri Melaka dengan Orang-orang Asing*, B.A., Universiti Malaya, 1962.

Abdul Aziz Monel, *Hikayat Hang Tuah dalam Kesusasteraan Indonesia Lama*, Kuliah Tertulis, Bahasa dan Sastera Indonesia, Universitas Nasional, Jakarta, 1972.

Abdul Aziz Zakaria, *The Portuguese in Malacca, 1511 to 1641*, Diploma of Arts, Raffles College, 1949.

Abdullah bin Musa Lubis, *Sultan-sultan Melaka*, Penang Sinaran, 1964.

Abdul Rahman Rukaini, *Penjiwaan Islam dalam Kesusasteraan Melayu Lama dengan Kajian Intrinsik kepada Kitab Sejarah Melayu*, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975/76.

Abu Hassan Sham, *Undang-undang Melayu Lama: Tumpuan Khas kepada Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang yang di bawah Pengaruhnya*, Tesis M.A. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1972.

————, "Perbandingan antara Hukum Kanun Melaka dan Sejarah Melayu", dalam *Bahasa*, Vol I, No I, 1973, hlm 32–47.

Ahmad Saleh, *Kesultanan Melayu dari segi Pensejarahannya*, B. A., Universiti Malaya, 1962.

Ahmad Sarji Abdul Hamid, *Hang Tuah dalam Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu*, B.A., Universiti Malaya, 1960.

Al-Attas, Syed Naguib, *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of The Malay-Indonesian Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala lumpur, 1969.

————, "Notes on the opening of Relations between China and Malacca, 1403-1405", dalam *JMBRAS*, Vol 38, Pt 1, 1965, hlm 260–264.

Ali Aziz, *Zaman Gemilangnya Kerajaan Melayu: Melaka*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1975.

Andaya, Barbara W., "The Indian 'Saudagar Raja' (The King's Merchants) in Traditional Malay Courts", dalam *JMBRAS*, Vol 51, Pt 1, 1978, hlm 13–55.

Andaya, Barbara Watson dan Leonard Y. Andaya, *A History Malaysia*, Macmillan Asian Histories Series, London, 1982.

Andaya, Leonard, Y., *The Kingdom of Johor, 1641–1728: A Study of Economic and Political Development*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975.

————, "The Structure of Power in 17th Century Johor", dalam Reid, Anthony, and Castles, Lance, (eds), Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia, Monograf *MBRAS*, No 6, 1975.

Andi Zainal Abidin, *Hukum Pelayaran Laut Bugis dalam Perbandingannya dengan Hukum Kanun Melaka*, (kertas bertaip), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, Kuala Lumpur.

Barbosa, Duarte, *The Book of Duarte Barbosa: An Account of the Countries Bordering on the Indian Ocean and their Inhabitants.... Completed About the Year 1518 A D*, M L

Dames, (terjemah dan anotasi), 2 Jilid, Hakluyt Society Works, No 44 dan 49, London, 1918–1921.

Bassett,David K., "European Influence in South East Asia, cir. 1500–1630", dalam *JSEAH*, Vol 4, 1963, hlm 134–165.

————, "European Influence in the Malay Peninsula 1511–1786", dalam *JMBRAS*, Vol 33, Pt 3, 1960, hlm 9–35.

Begbie, Peter J., *The Malayan Peninsula*, (cetakan semula), Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1976.

Blagden, C.O., "Notes on Malay History", dalam *JSBRAS*, No 53, 1909, hlm 139–162.

————, "Antiquity of Malacca", dalam *JSBRAS*, No 57, 1911, hlm 189–190.

————, "The Mediaeval Chronology of Malacca", dalam *Actes, Xle Congres International des Orientalistes*, Vol 2, Paris, 1897, hlm 239–253.

Blundell, E.A., "Notices of the History and Present Condition of Malacca", dalam *JIA*, Vol 2, 1848, hlm 726–754.

Bowen, John R., "Cultural Models for Historical Geneologies, The Case of the Melaka Sultanate", dalam Sandhu, K.S., and Wheatley P., (ed), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital, c. 1400–1980*, Oxford University Press, 1983, hlm 162–179.

Boxer, Charles R., *The Portuguese Seaborne Empire, 1415–1825, The History of Human Society*, London, 1969.

Braddell, R., "An Introduction to the Study of Ancient Times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca", dalam *MBRAS* (cetakan semula), No 7, Kuala Lumpur, 1980, hlm 1–129.

————, "Notes on Ancient Times in Malaya", *MBRAS* (cetakan semula), No 7, Kuala Lumpur, 1980, hlm 291–458.

Braddell, Thomas, "Abstract of the Sijara Melayu or Malay Annals", dalam *JIA*, Vol 5, 1851, hlm 125–134, 173–179; Vol 6, 1852, hlm 33–54.

————, "Notes on Malacca", dalam *JIA*, Vol 1, 1956, hlm 43–63.

Brown, C.C., "Malay Annals, Chapter III", dalam *JMBRAS*, Vol 42, Pt 1, 1969, hlm 25–33.

————, *Sejarah Melayu or Malay Annals*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1970.

Burne, R.V.H. "Kingdoms and Empires (Malacca)", dalam *Treasury*, Vol 141, 1914, hlm 265–269.

Buyong bin Adil, *Tun Mutahir, Bendahara Seri Maharaja Melaka*, Penerbit Geliga, Singapura, 1959.

————, "Selangor di Bawah Takluk Melaka", dalam *Malaysia in History*, Vol 15, No 1, 1972, hlm 13–17.

————, *Sejarah Melaka dalam Zaman Kerajaan Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973.

Callenfels, P.V. van Stein, "The Founder of Malacca" dalam *JMBRAS*, Vol 15, Pt 2, 1937, hlm 160–166.

Chang, Li-Chien, *Ma-la-chia* (History of Melaka), Shanghai, 1941.

Chang, Tsuen Kung, *Historical Geography of Chinese Settlement in the Malay Archipelago*, Tesis Doktor Falsafah, University of Nebraska, 1954.

Chang, Tien-tse, "Malacca and the Failure of the First Potuguese Embassy to Peking", dalam *JSEAH*, Vol 3, No 2, 1962, hlm 45–64.

Chelvam, Mary A., *The Defence of Malacca*, 1511–1641, B.A., University of Singapore, 1960.

Cheng, Ho-sheng, (ed), *Cheng-Ho-i-shih Lai-pien*, (Anecdotes of Cheng Ho), Shanghai, 1948.

"Cheng Ho's Naval Expedition", dalam Mirsky, Jeannette, (ed), *The Great Chinese Travellers*, New York, 1964, hlm 237–259.

Cheng,Wen-hui, *Ma-la-chia-ku-chin tan*, (Melaka: Past and Present), Batu Pahat, 1962.

Chia, Felix, *The Babas*, Singapore Times Books International, 1980.

Chong, Yock Sin, "Cheng Ho: Hubungan Melaka-China Pada Awal Abad ke-15", dalam *Nusantara*, Vol 4, 1973, hlm 91–96.

Cortesao, Armando (ed), *The Sume Oriental of Tome Pires: An Account of the East, from the Red Sea to Japan, Written in Malacca and India in 1512–1515*, 2 Volumes, Hakluyt Society Works, London, 1944.

Crawfurd, John, *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands and Adjacent Countries*, (cetakan semula), Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.

————, *History of the Indian Archipelago*, 3 Volumes, Edinburgh, 1820. (edisi cetakan semula), 1967.

Dakers, C.H., "The Malay Coins of Malacca", dalam *JMBRAS*, Vol 17, Pt 1, 1939, hlm 1–12.

Dartford, Gerald P., "Malacca: Emporium of the Eastern Trade", dalam *History Today*, Vol 10, 1960, hlm 856–864.

Darus bin Ahmad, *Perang Melaka*, Penerbit Penang Sinaran, 1957.

————, *Laksamana Melayu Tun Tuah*, Penerbit Penang Sinaran, 1960.

Devahuti, D., *India and Ancient Malaya: From the Earliest Times to Circa AD 1400*, Singapore Eastern University Press, 1965.

Di Meglio, Rita R., "Arab Trade with Indonesia and the Malay Peninsula from the 8th to the 16th Century", dalam Richards, D.S., (ed), *Islam and the Trade of Asia*, Oxford, 1970.

Douglas, F.W., *Notes on the Historical Geography of Malaya and Sidelights on the Malay Annals*, Kelang, 1949.

Drewes, G.W.J., "On A Recent Edition of the Undang-undang Melaka", dalam *JMBRAS*, Vol 53, Pt 1, 1980, hlm 23–49.

Duywendak, J.J.L., "Ma Huan Re-examined", dalam *Verslagen en Mededeelingen der Koninklijke Akademie van Wettenschappen*, Vol 32, No 3, 1933, hlm 1–74.

————, "Sailing Directions of Chinese Voyages", dalam *Toung Pao*, Vol 34, 1938, hlm 230–237.

————, "The True Dates of the Chinese Maritime Expeditions in the Early Fifteenth Century", dalam *Toung Pao*, Vol 34, 1938, hlm 341–412.

Emanuels, H.W., "The Undang-undang Melaka", dalam *Journal of the Oriental Society of Australia*, Vol 2, No 2, 1964, hlm 82–89.

Eredia, Emanuel Godinho de, "Eredia's Description of Malacca, Meridional India, and Cathay", J.V. Mills, (terjemahan dan anotasi), dalam *JMBRAS*, Vol 8, Pt 1, 1930, hlm 1–288.

Errington, Shelly Elizabeth, *A Study of Genre: Meaning and Form in the Malay Hikayat Hang Tuah*, Tesis Ph.D, Cornell University, 1973.

Faria Y. Sousa, Manuel de., *The Portuguese Asia, or, The History of the Discovery and Conquest of India by the Portuguese, John Stevens*, (terjemahan), 3 jilid, London (cetakan semula), 1971.

Ferrend, Gabriel., *Melaka, le Malayu et Malayur*, Imprimerie Nationale, Paris, 1918.

Francois, J.P., *Historical Guide to Malacca*, Edisi Kedua, Singapura, 1958.

Franke, Wolfgang, "The Veritable Records of the Ming Dynasty", dalam *Beasley*, W.G., and Pulleyblank, E.G., (eds), *Historians of China and Japan*, London, 1961, hlm 60–77.

————, *An Introduction to the Sources of Ming Dynasty*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968.

————, "Some Remarks of Chinese Historical Sources on Southeast Asia with Particular Consideration of the Ming Period, 1368–1644", dalam *Southeast Asian Archieves*, Vol 2, 1969, hlm 11–20.

Fredrich Hirth and Rockhill W.W., (terjemah dan anotasi), *Chau Ju-kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteen Centuries Entitled Chu Fan-chi*, (cetakan semula), Taipie, 1970.

Gibson-Hill, C.A., "The Malay Annals: The History Brought From Goa", dalam *JMBRAS*, Vol 29, Pt 1, 1956, hlm 185–188.

————, "The Fortification of Bukit China, Malacca", dalam *JMBRAS*, Vol 29, Pt 3, 1956, hlm 156–181.

————, "Notes on the Old Cannon Found in Malaya, and known to be of Dutch Origin", dalam *JMBRAS*, Vol 26, Pt 1, 1953, hlm 145–147.

Groeneveldt, Willem P., *Notes on the Malay Archipelago and Malacca, Compiled From Chinese Sources*, Batavia, 1876, (cetakan semula), dalam *VBG*, Vol 39, 1880.

————, "Supplementary Jottings to the Notes on the Malay Archipelago and Malacca, Compiled From Chinese Sources", dalam *Toung Pao*, Vol 7, 1896, hlm 113–134.

————, *Historical Notes on Indonesia and Malaya, Compiled From Chinese Sources*, Bhratara, Jakarta, 1960.

Gullick, John M., Indigenous Political Systems of Western Malaya, *Monograph on Social Anthropology*, No 17, London, 1958.

————, Malaya, London, 1963.

Hall, D.G.E., "Malacca and the Spread of Islam", dalam *A History of South-East Asia*, edisi kedua, Macmillan, London, 1966.

Hamidah Khamis, "A Hero in Dispute", dalam *ASEAN Review*, No 10, 1976, hlm 72.

Hamilton, Alexander, "A New Account of the East Indies", dalam Pinkerton, John (ed), *A General Election of the Best and Most Interesting Voyages and Travels in All Parts of the World*, Longmans, London, 1811, hlm 258–522.

Hanitsch, R., "On A Collection of Coins from Malacca", dalam *JSBRAS*, No 39, 1903, hlm 183–202.

————, "On A Second Collection of Coins from Malacca", dalam *JSBRAS*, No 44, 1905, hlm 213–216.

Hanna, Willard, A., "The Malaysianization of Malacca", dalam *Reports on Malaysia*, New York, 1957.

Hervey, D.F.A., "Malacca Harbour", dalam *JSBRAS*, No 52 1909, hlm 111–115.

Hilya, Azmira, "Sejarah Melayu Menggambarkan Masyarakat Tradisi", dalam *Diskusi*, Jilid 2, No 5/6, 1977, hlm 16–18.

Historical Guide to Malaca, Malacca Historical Society, Singapore, 1936.

Hooker, M.B., "A Note on the Malayan Legal Digests", dalam *JMBRAS*, Vol 41, Pt 1, 1968, hlm 157–170.

Hooykaas, C., *Over Maleise Literature, J. Brill, Leiden, 1947.*

————, "Laksamana at Malay Courts", dalam *Journal of the Oriental Institute*, University of Baroda, Vol 6, 1957, hlm 1–2.

Hsiung, Chung-sheng, "Ma-lu-chia hai-kang te chin-hsi (The Harbour of Melaka, Past and Present)", dalam *Journal of the South Seas Society*, Vol 7, No 2, 1951, hlm 11–12.

Hsu Yu-hu, (ed), *An Evaluation of the Biography of Cheng Ho*, Taipei Chung-hua, 1958.

Hsu,Yun-tsiao, "Notes on Eunuch Cheng Ho's Voyage", dalam *Journal of South Seas Society*, Vol 5, No 1, 1948, hlm 42–53.

————, "Chinese Sources for the Historical Geography of Southeast Asia", dalam *Journal of South East Asian Researchers*, Vol 1, 1965, hlm 93–106.

————, "Meninjau 'Sejarah Melayu' daripada Segi Nilaian Sejarah", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 10, 1966, hlm 438–453.

————,"The Contribution of the Chinese Sources to the Ancient History of Southeast Asia", dalam *Journal of South East Asian Researchers*, Vol 3, 1967, hlm 9–15.

————, "Notes on the Relations between Ryukyu Islands and Malacca Sultanate during 1464–1511", dalam *Journal of South East Asian Researchers*, Vol 4, 1968, hlm 1–12.

————, "An Examination of the Trade between Melaka and Ryukyu", dalam *Economic Monthly*, No 25, 1969, hlm 27–30; No 26, 1969, hlm 20–22.

———, "Notes Relating to Admiral Cheng Ho's Expeditions", dalam *JMBRAS*, Vol 49, Pt 1, 1976, hlm 134–140.

Husain Ahmad, *Sejarah Tanah Melayu, 1400–1963*, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1964.

Husain Yahya, *Sejarah Melayu*, (kuliah tertulis) *Bahasa dan Sastera Indonesia*, Universitas Nasional, Jakarta, 1972.

Idris Tain, *Orang-orang Asing, Yang Bukan Orang Barat, Dipandang daripada Segi Kacamata Penulis Sejarah Melayu*, B.A., Universiti Malaya, 1962.

Ikuta, Shigeru, *The Foundation of the Kingdom of Malacca: Facts and Myths*, (kertas kerja) 6th. International Conference on Asian History, Jogjakarta, 1974.

Irwin, Graham, 'Malacca Fort', dalam *JSEAH*, Vol 3, No 2, 1962, hlm 19–44.

Iskandar, Teuku, "Tun Sri Lanang, Pengarang Sejarah Melayu", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 8, 1964, hlm 484–494.

———, "Sedikit Tentang Susu Sari dalam 'Sejarah Melayu'", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 9, 1965, hlm 4–5.

———, "Three Malay Historical Writings in the First Half of the 17th. Century", dalam *JMBRAS*, Vol 40, Pt. 2, 1967, hlm 38–53.

———, "Some Historical Sources Used by the Author of Hikayat Hang Tuah", dalam *JMBRAS*, Vol 43, Pt. 1, 1970, hlm 35–47.

Ismail Ambia dan Ismail Hussein, *Bendahara-bendahara Melaka dan Hulubalang-hulubalang Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1965.

Ismail Hussein, "Tun Sri Lanang dan Sejarah Melayu", dalam *Mastika*, November, 1957, hlm 40–42.

Izhab Ismail, *Laksamana Melaka dan Indera Pura*, Penerbit Penang Sinaran, 1954.

———, *Raja Melaka*, Penerbit Penang Sinaran, 1961.

Jalil Osman, "Bukit China", dalam *Jurnal Sejarah Melaka*, No 1, 1976, hlm 37–38.

Johns, A.H., "Islam in Southeast Asia: Reflections and New Directions", dalam *Indonesia*, April, 1975, hlm 41–42.

Joseph, K.T., "Some Legends Connected with Malacca", dalam *Historical Annual*, University of Malaya Historical Society, 1952/3, hlm 21–23.

Josselin de Jong, P.E. de and Wijk, H.L.A., van. "The Malacca Sultanate: An Account from a Hitherto Untranslated Portuguese Sources", dalam *JSEAH*, Vol 1, No 2, 1960, hlm 20–29.

Josselin de Jong, P.E. de, "Who's who in the Malay Annals", dalam *JMBRAS*, Vol 34, Pt. 2, 1961, hlm 1–89.

———, "Character of the Malay Annals", dalam Bastin J., and Roolvink, R., (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Clarendon Press, Oxford, 1964, hlm 235–241.

———, "The Rise and Decline of A National Hero", dalam *JMBRAS*, Vol 38, Pt. 2, 1965, hlm 140–155.

———, "Malayan and Sumatran place-names in Classical Malay Literature", dalam *Journal of Tropical Geography*, Vol 9, 1966, hlm 61–70.

Kassim Ahmad, *Characterization in Hikayat Hang Tuah*, B.A. (Hons), University of Malaya, 1959.

———, "Mengkaji Semula Hikayat Hang Tuah", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 3, 1959, hlm 119–122.

———, "Hikayat Hang Tuah", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 7, 1963, hlm 15–21.

———, (ed), *Hikayat Hang Tuah*, menurut Naskhah Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1964.

———, *Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah: Penyelidikan Umum Tentang Cara-cara Penggambaran Watak serta Uraian dan Penafsiran Watak-watak Hang Tuah dan Hang Jebat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1964.

Kemps, J.E., and Winstedt, R.O., "A Malay Legal Miscellany", dalam *JMBRAS*, Vol 25, Pt. 1, 1952, hlm 1–19.

Kennedy, J., *A History of Malaya, AD 1400–1963*, Macmillan, London, 1962.
Kentaro, Yamada, "Whoever is Lord of Malacca Has His Hand on the Throat of Venice", dalam *Momo Yama Gakuen University Keizai Gaku Ron Syu*, Vol 2, Pt. 4, 1961, hlm 45–66.
Khadmi, "Tinjauan Kembali Beberapa Pentafsiran dan Penghargaan Terhadap Hikayat Hang Tuah", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 11, 1967, hlm 244–255.
Khalid Hussein, "Menempatkan Sejarah Melayu dalam Kesusasteraan Melayu Klasik dan Sejarah", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 8, 1964, hlm 266–272.
Khoo Kay Kim, "Sejarah Melaka Secara Umum", dalam *Jurnal Sejarah Melaka*, No 1, 1976, hlm 8–11.
_____, *The Peninsular Malaya Sultanates: Genesis and Salient Features*, (kertas kerja), 2nd. Workshop on Malay Sultanates and Malay Culture, Universitas Ujung Pandang, Indonesia, 1978.
Kitab Shaer Lancang Melaka oleh Abdul Majid & Co., Melaka, Singapura, 1937.
Koek, E., "Portuguese History of Malacca", dalam *JSBRAS*, No 17, 1886, hlm 117–149.
Lach, Donald, F., and Flaumenhaft, C., (ed), *Asia on the Eve of Europe's Expension, Prentice-Hall, 1965.*
Lee, Orient, *Parameswara, the Founder of Malacca*, (kertas kerja), 2nd. Biennial Conference of the International Association of Historians of Asia, Taipei, 1962, hlm 537–544.
Leyden, John, *Malay Annals*, (Dengan Pengenalan oleh Sir, T.S. Raffles), Longmans, London, 1821.
Liang, Chia-pin and Tsai Chen, *Cheng Ho*, Taipei, 1958.
Liaw Yock Fang, "Satu Catitan tentang Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Melayu Lama", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 17, 1973, hlm 420–424.
_____, *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klassik*, Pustaka Nasional, Singapura, 1975.
_____, *Undang-undang Melaka. The Laws of Melaka*, Bibliotheca Indonesica 13, The Hague, 1976.
_____, "The Undang-undang Melaka", dalam Sandhu, K.S., and Wheatley, P., (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital, c. 1400–1980*, Oxford University Press, 1983, hlm 180–194.
Linden, A.L.V.L. van der, *De European in de Maleishce Literature*, Meppel, 1957.
Linehan, W., "Notes on the Texts of the Malay Annals", dalam *JMBRAS*, Vol 20, Pt 2, 1947, hlm 107–116.
_____, "The Sources of the Shellabear Text of the Malay Annals", dalam *JMBRAS*, Vol 20, Pt 2, 1947, hlm 105–106.
_____, "Sources of the Malacca, Johore and Pahang Geneologies in the Bustan al-Salatin", dalam *JMBRAS*, Vol 11, Pt 2, 1933, hlm 144.
_____, "The Kings of 14th. Century Singapore", dalam *JMBRAS*, Vol 42, Pt 1, 1969, hlm 53–62.
Lister, M., "The Putri of Mount Ophir", dalam *JSBRAS*, No 24, 1891, hlm 165–166.
Liu, Li, The Outstanding Navigator in Chinese History: *Cheng Ho*, Hong Kong, 1957.
Long, E.E., "Malacca and Its Memories", dalam *Overseas*, Vol 14, No 159, 1929, hlm 23–26.
Lopez, Fernando, F., "Castodia de S. Francisco de Malacca", dalam *Itinerarium*, Vol 7, 1961, hlm 247–273.
Luckman Sinar, Tengku, *Pengaruh Imporium Melayu di Melaka dan Riau-Johor Terhadap Pengembangan Kebudayaan Melayu di kawasan Kerajaan Baru*, (kertas kerja), Seminar Sejarah Melaka, Melaka, Disember, 1976.
MacGregor, Ian A., "Notes on the Portuguese in Malaya," dalam *JMBRAS*, Vol 29, Pt 2, 1955, hlm 44–47.
_____, "Some Aspects of Portuguese Historical Writing of the Sixteenth and Seventeenth Centuries on South East Asia", di dalam Hall, D.G.E., (ed), *Historians of South East Asia*, Oxford University Press, London, 1962, hlm 172–199.

Mahmud Idris, *Pertembungan Orang-orang Asing (yang bukan orang Barat) dengan masyarakat Melayu Melaka Seperti yang Digambarkan oleh Sejarah Melayu*, B.A. (Hons). University of Malaya, 1962.

Ma, Huan, *Ying-yai Sheng-lan Chiao-chu* (A Critical Edition of Ma Huan's Ying-yai Sheng-lan), oleh Feng Cheng-Chun, Chunghua, Peking, 1955.

———, *Ying-yai Sheng-lan*, "The Overall Survey of the Ocean's Shores" (1433), (Diterjemah oleh Feng Cheng-chun, diperkenal dan dianotasi oleh Mills, J.V.C.), Hakluyt Society Extra Series, No 42, Cambridge, 1970.

"Malaka (Straat)", dalam *Encyclipaedie van Nederlandsch-Indie*, Vol 2, 's-Gravenhage: Nijhof, 1918, hlm 648–649.

Marrison, G.E., "The Siamese Wars with Malacca during the Reign of Muzaffar Shah", dalam *JMBRAS*, Vol 22, Pt 1, 1949, hlm 61–66.

Matheson, Virginia, *The Tuhfat al-Nafis* (The Precious Gift: A 19th. Century Malay History, Critically Examined), Tesis Doktor Falsafah, Monash University, Australia, 1972.

———, "Concepts of State in the Tuhfat al-Nafis (The Precious Gift)", dalam Reid, A., and Castles, L., (eds), *Pre-colonial State Systems in Southeast Asia*, Monograf *MBRAS*, 1975, hlm 12–21.

———, "Concepts of Malay Ethos in Indogenuous Malay Writings", dalam *JSEAH*, Vol 10, No 2, 1979, hlm 351–372.

Maxwell, W.G., "Groeneveldt's Notes on the Malay Archipelago and Malacca", dalam *JSBRAS*, No 52, 1909, hlm 105–110.

———, "An Account of De Siqueira's Voyage to Malacca", dalam *JSBRAS*, No 57, 1911, hlm 193–195.

Meilink-Roelofsz, M.A.P., *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and About 1930*, The Hague, 1962.

———, "Trade and Islam in the Malay-Indonesian Archipelago prior to the Arrival of the Europeans", dalam Richards, D.S. (ed), *Islam and the Trade of Asia, Cassirer*, Oxford, 1970, hlm 137–157.

Mills, J.V., "Three of Eredia's Illustrations", dalam *JMBRAS*, Vol 15, Pt 3, 1937, hlm 1–48.

———, "Malaya in the Wu-pei-chih Charts", dalam *JMBRAS*, Vol 15, Pt 3, 1937, hlm 1–48.

———, "Chinese Navigators in Insulinde About AD 1500", dalam *Archipel*, No 18, 1979, hlm 69–93.

Mohd. Taib Osman, "Tuhfat al-Nafis, Corak Historiografinya, Persamaan dan Persimpangan dari Tradisi Melayu", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 4, No 1, 1964/5, hlm 44–56.

Moquette, J.P., "De Grafteen van Soeltan Munsor Sjah van Malaka, 1458–1477", dalam *TBG*, No 59, 1919/1921, hlm 601–606. Rencana yang serupa berjudul "The Grave-stone of Sultan Mansur Shah of Malacca, 1458–1477 AD" dalam *JMBRAS*, No 85, 1922, hlm 139–145.

Moy, Timothy J., "The *'Sejarah Melayu' Traditions of Power and Political Structures: An Assessment of Relevent Sections of the 'Tuhfat al-Nafis'*", dalam *JMBRAS*, Vol 48, Pt 2, 1975, hlm 64–78.

Muhammad bin Annas, *Geographical Notes to the 'Tuhfat al-Nafis', or, A Malay History of Riau and Johor*, B.A. (Hons), University of Malaya, 1958.

Muhammad Nor Long, "Hikayat Raja-raja Pasai dan Sejarah Melayu, Satu Perbandingan bentuk Persejarahan", dalam *Journal of the Historical Society*, University of Malaya, Vol 7, 1968/9, hlm 58/64.

Muhammad Rahmat, "Latar Belakang Sejarah Adat dan Undang-undang Melaka", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 5, 1961, hlm 551–557.

Muhammad Shaid bin Muhammad Taufek, *Agama Islam dan Kepercayaan di Negeri Melaka: Jabatan Ugama, Organisasi dan Fungsi-fungsinya*, Tesis M.A., Universiti Malaya, 1969/70.

———, *Sejarah Kebudayaan Melaka Mengikut* 'Sejarah Melayu', (kertas kerja), Seminar Sejarah Melaka, 1976.

Muhammad Yusoff Hashim, *Masyarakat Melaka 1400–1511 dengan Tumpuan Khas kepada Masyarakat Asing*, (kertas kerja), Kongres Sejarah Malaysia, Bangi, Selangor, 1978.

———, "Islam dalam Sejarah Perundangan Kerajaan Melaka", dalam *Monograf Islam di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, 1979, hlm 2–21.

———, "Perdagangan dan Perkapalan Melayu: Rujukan Khusus kepada Bentuk Perdagangan dan Perkapalan di Abad 15/16", dalam *Kapal dan Harta Karam*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1985, hlm 1–26.

———, *Persejarahan Melayu Nusantara*, Penerbitan Teks Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1988.

Muhammad Yazid Md. Zin., "Kenapa Hikayat Hang Tuah Bukan Satu Penulisan Sejarah", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 14, 1970, hlm 410–417.

Muhd. Yusof Ibrahim, *Some Observations on Social Clausses during the Malacca Sultanate, 1400–1511*, (kertas kerja), Workshop on Malay Sultanate and Malay Culture, Kuala Lumpur, 1977.

Murizah Jamaluddin, *Persamaan dan Perbezaan Antara Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu*, B.A. (Hons), Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976.

Muray, W., "Historic Malacca", dalam *Straits Chinese Magazine*, Vol 6, 1902, hlm 98–100.

Navarette, "The Empire of China", dalam *A Collection of Voyages and Travels*, 6 Jilid, London, 1745.

Nor Azizah bt Abdul Hamid, *Perbandingan Watak Hang Tuah dalam Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah*, B.A. (Hons), Universiti Malaya, 1962.

Newbold, T.J., "Code of Malacca", dalam bukunya, *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, Jilid Kedua, London, 1839, hlm 231–313.

Norris, Harry H., "The Ancient History of Singapore and Malacca", dalam *Straits Chinese Annual, 1909*, hlm 38–44.

Nurul Huda @ Ariffin bin Muda, *Sejarah Kebudayaan di Melaka*, B.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973.

Overbeck, Hans., "Malay Manuscript", dalam *JMBRAS*, Vol 4, No 2, 1926, hlm 233–260.

Pao, Tsen-peng, *On the Ships of Cheng Ho*, (Proceedings); 2nd. Biennial Conference of the International Association of Historians of Asia, Taipei, 1962, hlm 409–428.

Parnickel, B.B., *An Attempt of Interpretation of the Main Characters of the Malay* 'Hikayat Hang Tuah', Oriental Literature Publishing House, Moscow, 1960.

———, "Hikayat Hang Tuah Versi Johor", dalam *Narody Azii i Afrika*, No 1, 1962, hlm 147–155.

———, "An Epic Hero and An 'Epic Traitor' in the Hikayat Hang Tuah", dalam *BKI*, Vol 132, 1967, hlm 403–417.

Pitado, Manuel J., *The Voice of the Ruins ...*, Penerbit Thong Yuen Chan, Malacca, 1970.

———, *Survival Through Human Values of Religion – Culture – Language*, Malacca, 1974.

———, "Some Portuguese Historical Sources on Malacca History", dalam *Heritage*, No 3, 1978, hlm 20–62.

Purcell, Victor, "Chinese Settlement in Malacca", dalam *JMBRAS*, Vol 20, Pt 1, 1947, hlm 115–125.

Rabeendran, R., "Ethno-racial Marginality in West Malaysia: The Case of the Peranakan Hindu Melaka or Malaccan Chitty Community", dalam *BKI*, Vol 133, 1977, hlm 438–458.

———, "The Maritime Code of the Malays", dalam *JSBRAS*, No 3, 1879, hlm 62–84; No 4, 1879, hlm 1–20.

Rafiah bte Zakaria, *Perbandingan, "Sejarah Melayu" dengan "Hikayat Raja-raja Pasai"*, B.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975.

Reid, Anthony and Castles, Lance (eds), "Pre-Colonial State Systems in Southeast Asia", Monograf *MBRAS*, No 6, 1975.

Resende, P. Bretto de., "Bretto de Resende's Account of Malacca, by W. George Maxwell", dalam *JMBRAS*, No 60, 1911, hlm 1–24.

Rockhill, W.W., "*Notes on the Relations and Trade of China with the Eastern Archipelago and the Coasts of the Indian Ocean during the fourteenth Century*", dalam *Toung Pao*, Vol 14, 1913, hlm 473–6; Vol 15, 1914, hlm 419–447; Vol 16, 1915, hlm 61–159, 324–329, 604–626.

Rohaty bt. Mohd Majzub, "Nilai Sejarah Melayu sebagai Sebuah Karya Sejarah", dalam *Dewan Bahasa*, Jilid 13, 1969, hlm 302–307.

Roolvink, R., "Five Line Songs in the 'Sejarah Melayu'", dalam *BKI*, Vol 122, 1906, hlm 455–457.

_____, "Variant Versions of the Malay Annals", dalam *BKI*, Vol 123, 1967, hlm 309.

_____, "Sejarah Melayu: Masalah-masalah Versi-versi yang Berlainan", dalam *Monograf Sejarah*, No 1, 1984/5, Persatuan Sejarah Universiti Malaya, 1986, hlm 1–12.

_____, "Answer to Pasar", dalam *JMBRAS*, Vol 38, Pt 2, 1965, hlm 129–139.

Rose Arny's, "Historical and non-historical Elements in the 'Sejarah Melayu'", dalam *Diskusi*, Jilid 2, No 10/11, 1977, hlm 16–18.

Ryan, N.J., *Malaya Through Four Centuries: An Anthology 1500–1900*, Oxford University Press, 1959.

_____, *The Making of Modern Malaysia: A History From Earliest Times to 1966*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1968.

Sa de Menezes, Francisco de, *The Conquest of Malacca*, Edgar C. Knowlton, (Terjemahan), Universiti of Malaya Press, 1970.

Sandhu, Kernial S., "Chinese Colonization of Malacca: A Study in Population Change, 1500 to 1957 AD", dalam *Journal of Tropical Geography*, Vol 15, 1951, hlm 1–26.

Scott, Ross, Marcus, *A Short History of Malacca*, Chopmen, Singapore, 1971.

Shaw, William, and Mohd Kassim Ali, "The Malacca Coinage" dalam *Malaysia in History*, Vol 13, No 2, 1970, hlm 15–19.

_____, *Malacca Coins*, Kuala Lumpur, 1970.

Shellabear, W.G., *Sejarah Melayu*, American Mission, Singapura, (edisi kedua), 1903.

Sheppard, Mubin, "Malacca in the Time of Cheng Ho", dalam *Malaysia in History*, Vol 4, No 1, 1958, hlm 18–19.

_____, *The Adventures of Hang Tuah*, Malayan Heritage Series 4, Singapore, 1959.

_____, "Hang Tuah: A Bibliographical Summary", dalam *Malaysia in History*, Vol 8, No 2, 1964, hlm 19–25.

_____, *Tun Perak: Malacca's Great Bendahara*, Longmans, 1969.

Simkin, C.G.F., *The Traditional Trade of Asia*, Oxford, London, 1968.

Silva Rego, Antonio da, "Portuguese Archives and the History of South-east Asia", dalam Tregonning, Kennedy G., (ed), *Malaysian Historical Sources*, University of Singapore, 1962.

Situmorang, T.A., dan Teeuw, (eds), *Sedjarah Melayu Menurut Terbitan Abdullah*, Jakarta, 1952.

Skeat, Walter, W., *Malay Magic: Being An Introduction to the Folklore and Popular Religion of the Malay Peninsula*, Macmillan, London, 1900.

Staley, M.E., "Mount Ophir Legends", dalam *JSBRAS*, No 62, 1912, hlm 24–25.

Stone, Horace, *From Malacca to Malaysia, 1400–1965*, Harrap, London, 1966.

Sweeney, Amin, "The Connection between the 'Hikayat Raja-raja Pasai' and the Sejarah Melayu", dalam *JMBRAS*, Vol 40, Pt 2, 1967, hlm 94–105.

Tamelhoa, T., *Hikayat Hang Tuah: Ringkasan dan Kajian*, Dewan Tun Sri Lanang, Singapura, 1968.

Tan, Chee Beng, "Baba Chinese, Non-Baba Chinese and Malays: A Note on Ethnic Interaction in Malacca", dalam *Southeast Asian Journal of Social Science*, Vol 7, 1979, hlm 20–29.

Tan, Jee Ngoh, "Straits Born in the 15th Century", dalam *Jurnal Sejarah Melaka*, No 1, 1976, hlm 39–41.

Tan, Joo Lan, "And So Malacca, at the Height of Its Glory, Fell to the Frankish Fleet", dalam *Straits Times Annual*, 1976, hlm 10–17.

Teeuw, Andries, "Hang Tuah en Hang Djebat: Nationalisme, Ideologie en Literatuurbeschouwing", dalam *Forum der Letteren*, 1961, hlm 37–48.

————, "Tentang Penghargaan dan Pentafsiran Hikayat Hang Tuah", dalam *Dewan Bahasa*, Vol 8, 1964, hlm 339–354.

————, "Hikayat Raja-raja Pasai and Sejarah Melayu", dalam Bastin, J. and Roolvink R., (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Clarendon Press, Oxford, 1964, hlm 22–234.

Teixera, Manuel, *The Influence of the Portuguese on the Malay Language*, 1960.

————, *The Portuguese Mission in Malacca and Singapore, 1511–1553*, Vol 1–2 on Malacca, Lisbon, 1961–63.

"The Maritime Code, and Sir S. Raffles", dalam *JSBRAS*, No 3, 1879, hlm 143–44.

Thomas, Luis, F.F.R., *Malacca: The Town and the Society during the First Century of Portuguese Rule*, (kertas kerja) 8th. Conference, International Association of Historians of Asia, Kuala Lumpur, 1980.

Thomas, John, *The Straits of Malacca, Indo-China and China*, London, 1875.

Tibbetts, G.R., "The Malay Peninsula as Known to the Arab Geographers", dalam *Journal of Tropical Geography*, Vol 9, 1956, hlm 21–60.

Velentijn, Francois, "Valentyn's Description of Malacca", (disumbang oleh) Hervey, D.F.A., dalam *JSBRAS*, No 13, 1884, hlm 49–74. Disambung kemudian, "Valentyn's Account of Malacca", dalam *JSBRAS*, No 15, 1885, hlm 119–138; No 16, 1885, hlm 289–301; No 22, 1890, hlm 225–246.

————, "*Description of Malakka and Our Establishment There*", dalam *JIA*, Vol 4, 1850, hlm 696–703.

Verhoeven, F.R.J., "Ayer Leleh, the Transient River that may have saved Malacca from Siamese Conquest", dalam *Malaysia in History*, Vol 10, No 2, 1967, hlm 3–12.

Wake, Christopher, H., "Malacca's Early Kings and the Reception of Islam", dalam *JSEAH*, Vol 5, No 2, 1964, hlm 104–128.

————, "Melaka in the Fifteenth Century: Malay Historical Traditions and the Politics of Islamization", dalam Sandhu K.S., and Wheatley, Paul. (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital c. 1400–1980*, Oxford University Press, 1983, hlm 128–161.

Walter de Gray Birch, (Anotasi, Terjemahan dan Pengenalan), *Commentaries of the Great Afonso Dalboquerque, Second Viceroy of India*, 4 Volumes, Hakluyt Society Works, No 53, 55, 62, 69, London, 1875–1884.

Wang Gungwu, "The Opening of Relations Between China and Malacca 1403–1405", dalam Wang Gungwu, *Community and Nation, Essays in Southeast Asia and the Chinese, Asian Studies Association of Australia*, Heinemann Educational Books (Asia), Ltd., Australia, 1981, hlm 81–96.

————, "The First Three Rulers of Malacca", *Ibid.*, hlm 97–107.

————, "Early Ming Relations with Southeast Asia – A Background Essay", dalam John K. Fairbank, (ed), *The Chinese World Order*, Cambridge, Mass., 1968, hlm 34–62.

————, "China and Southeast Asia, 1402–1434", dalam Tarling N., and Chen J., (eds), *Social History of China and Southeast Asia*, Cambridge University Press, 1971.

————, "Malacca in 1403", dalam *Malaysia in History*, Vol 7. No 2, 1962, hlm 1–5.
Wheatley, Paul., *The Golden Khersonese*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1961.
————, *Impressions of the Malay Peninsular in Ancient Times*, Eastern University Press, Singapore, 1964.
————, "A City that was Made For Merchandise: the Geography of fifteenth Century Malacca", dalam *Bulletin of the Institute of Southeast Asia*, Nanyang University, Vol 1, 1959, hlm 1–8.
————, "Desultory Remarks on the Ancient History of the Malay Peninsula", dalam Bastin, John and Roolvink, R, (eds) *Malayan and Indonesian Studies*, Oxford, 1964, hlm 33–75.
————, "A Curious Feature on Early Maps of Malaya", dalam *Imago Mundi*, Vol 11, 1954, hlm 67–72.
Wilkinson, Richard J, *Papers on Malay Subjects*, (selected and introduced) by Burns, P.L, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.
————, *A History of the Peninsular Malays*, Singapore, 1923.
————, "The Malacca Sultanate", dalam *JSBRAS*, No 61, 1912, hlm 67–71. Juga rencana yang sama dalam *JMBRAS*, Vol 13, Pt 2, 1935, hlm 22–67.
————, "The Sri Lanang Pedigree", dalam *JMBRAS*, Vol 11, Pt 2, 1933, hlm 148–150.
————, "The Capture of Malacca, AD 1511", dalam *JMBRAS*, No 61, 1912, hlm 71–76.
————, "The Fall of Malacca", dalam *JMBRAS*, Vol 13, Pt 2, 1935, hlm 68–69.
Willets, William, The Maritime Adventures and Grand Eunuch Ho", dalam *JSEAH*, Vol 5, No 2, 1964, hlm 25–42.
Winstedt, Richard, O., "The Advent of Muhammadanism in the Malay Peninsula and Archipelago", dalam *JSBRAS*, No 77, 1917, hlm 171–175.
————, "The Tomb of Mansor Shah, Sultan of Malacca 1459–1475", dalam *JSBRAS*, No 78, 1918, hlm 47–48.
————, "The Geneology of Malacca's Kings from A Copy of Bustanus-Salatin", dalam *JSBRAS*, No 81, 1920, hlm 39–47.
————, "The Early History of Singapore, Johor and Malacca: An Outline of A Paper, by G.P. Rouffaer", dalam *JSBRAS*, No 86, 1922, hlm 257–260.
————, "The Bendaharas and Temenggongs", dalam *JMBRAS*, Vol 10, Pt 1, 1932, hlm 55–66.
————, "A History of Malaya", *JMBRAS*, Singapore, 1935.
————, "The Malay Annals or Sejarah Melayu: The Earliest Recension from MS No 18 of the Raffles Collection in the Library of the Royal Asiatic Society, London", dalam *MBRAS*, No 16, Pt 3, 1938, hlm 1–226.
————, "Valentijn's Copy of the Sejarah Melayu", dalam *JMBRAS*, No 18 Pt 2, 1940, hlm 151.
————, "Old Malay Legal Digests and Malay Customary Law", dalam *JRAS*, 1945, hlm 17–29.
————, "The Date of the Malacca Legal Codes", dalam *JRAS*, 1953, hlm 31–33.
————, "The Malay Founder of Medieval Malacca", dalam *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, University of London, Vol 12, No 3 dan 4, hlm 726–729.
————, *A History of Classical Malay Literature*, (edisi baru), Oxford University Press, 1969.
————, "Hikayat Hang Tuah", dalam *JSBRAS*, No 83, 1921, hlm 110–122.
————, "Some Malay Mystics, Heretical and Orthodox", dalam *JMBRAS*, Vol 1, No 2, 1923, hlm 312–318.
————, "Alexander the Great and the Mount Meru and Chula Legends", dalam *JMBRAS*, Vol 18, No 2, 1941, hlm 234–237.
————, "Malay History from Chinese Sources", dalam *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, University of London, Vol 13, No 1, 1948, hlm 182–183.

————, "Malay Caronicles from Sumatra and Malaya", dalam Hall, D.G.E. (ed), *Historians of South East Asia*, Oxford University Press, London, 1962, hlm 24–28.

Winstedt, Richard, O, and Josselin de Jong, P.E. de, "The Maritime Laws of Malacca", dalam *JMBRAS*, Vol 29, Pt 3, 1956, hlm. 22–59.

Wolters, O.W., *Early Indonesian Commerce: A Study of the Origins of Srivijaya*, Ithaca, New York, 1967.

————, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Ithaca, New York and London, 1970.

————, "Studying Srivijaya", dalam *JMBRAS*, Vol 52, Pt 2, 1979, hlm 1–32.

Wong, Choon San, "The Chinese Kapitan of Malacca", dalam A *Galley of Chinese Kapitans*, Dewan Bahasa dan Kebudayaan Singapura, 1963, hlm 1–8.

Wong, H.C., "Historical Geography of Malacca", dalam *Raffles College University Magezine*, Vol 4, No 8, 1933, hlm 14–22.

Woodcock, George, "Malacca, the Key to the East", dalam *History Today*, Vol 15, 1965, hlm 221–231.

Yahaya Abu Bakar, *Kemasukan Islam ke Melaka dan Penyebarannya*, (kertas kerja), Seminar Sejarah Melaka, 1976.

————, *Islam di Melaka*, B.A., Universiti Kebangsaan Malaysia, 1978.

Zainal Abidin Abdul Wahid, "Sejarah Melayu", dalam *Asian Study*, Vol 4, 1960, hlm 445–451.

————, *The Political Characteristics of the Malacca Sultanate*, (kertas kerja), 2nd. Workshop on Malay Sultanates and Malay Culture, Ujung Pandang, Indonesia, 1978.

————, "Glimpses of the Malaccan Empire, I–II", dalam *Glimpses of Malaysian History*, Kuala Lumpur, 1971.

————, "Power and Authority in the Melaka Sultanate: The Traditional View", dalam Sandhu, K.S. and Wheatley. P., (eds), *Melaka: The Transformation of A Malay Capital c. 1400–1980*, Oxford University Press, 1983, hlm 101–113.

Zainal Abidin Ahmad, "The Grave-stone of Sultan Mansur Shah of Malacca", dalam *JSBRAS*, No 86, 192, hlm 386–388.

Bibliografi Khas

Bastin, John, and Roolvink, R., (eds), *Malayan and Indonesian Studies*, Clarendon Press, Oxford, 1964.

Bastin, John, and Winks, Robin W., (eds), *Malaysia: Selected Historical Readings*, Oxford University Press, 1966.

Bland, Robert N., *Historical Tombstones of Malacca*, E. Stock, London, 1905.

Bottoms, John C., "Some Malay Historical Sources: A Bibliographical Note", dalam Soedjatmoko, et. al., (eds), *An Introduction to Indonesian Historiography*, Cornell University Press, Ithaca, 1965, hlm 156–193.

Howard, Joseph H., *Malay Manuscripts: A Bibliographical Guide*, University of Malaya Library, Kuala Lumpur, 1966.

Ismail Hussein, *Bibliografi Sastera Melayu Tradisi*, Kertas Data No 18, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1978.

Jynboll, H.H., *Catalogus van de Maleische en Sundaneesche Handschriften der Leidsche Universiteits* – Bibliotheek, J. Brill, Leiden, 1899.

Katalogus, Koleksi Naskhah Melayu Museum Pusat, Department Pendidikan dan Kebudayaan, Direktorat Jendral Kebudayaan, Jakarta, 1972.

Linehan, W., "Source of the Malacca, Johor and Pahang Geneologies in the Bustan al-Salatin", dalam *JMBRAS*, Vol II, Pt 2, 1933, hlm 144.

Naskhah *Hikayat Siak* atau *Hikayat Raja Akil* atau *Sejarah Raja-raja Melayu, KBG 191W* (Museum Pusat, Jakarta), dan *Cod. Or. 6342* dan *Cod. Or. 7304* (Perpustakaan University Leiden).

Naskhah *Silsilah Raja-raja Melaka dan Johor-Riau*, kepunyaan Tengku Ahmad Rafai bin Tengku Abdul Hamid, Kampung Bacang, Melaka.

Ricklefs, M.C., and Voorhoeve, P., *Indonesian Manuscripts in Great Britain: A Catalogue of Manuscripts in Indonesian Languages in British Public Collections*, Oxford University Press, London, 1971.

Ronkel, Ph. S. van, "Catalogus der Maleische Handschriften van Net Koninklijk Instituut voor de Taal-, Land-en Volkenkunde van Nederlandsch-Indie", dalam *BKI*, Vol 60, 1908, hlm 181–248.

————, "Catalogus der Maleische Handschriften in het Bataviaasch Ganootschap van Kunsten en Wettenschappen", dalam *VBG*, 57, Batavia, 1909.

————, *Supplement-catalogus der Maleische en Minangkabausche Handschriften in de Leidsche Universiteit-Bibliotheek*, J. Brill, Leiden, 1921.

Tregonning, Kennedy G., (ed), *Malaysian Historical Sources*, Department of History, University of Singapore, 1965.

Zakiah Hanum, *Portuguese Records Relating to Malaysia*, dalam Southeast Asia Miscrofilms Newsletter, No 3, 1973, hlm 7–8.

Indeks

A New Account of the East Indies, 70, 77
A Portuguese Account of Johor, 77
A. Samad Ahmad, 23, 30, 33, 114
Abasiyyah, khalifah, 345
Absinia, pedagang, 246, 254
Abu Bakar, 307
Abu Sujak, 231
Acheh, 33, 97, 241
Adam, Nabi, 355
Adat Pelayaran Melaka, 201
lihat juga Undang-Undang Laut Melaka
Adat Temenggung, 281
Aden, 247
Adipati, 289
Adityawarman, 346
Airlangga, 340
Air Leleh, 271, 278
Akhtiar Muluk, 185, 301
lihat juga Khawaja Baba
Alexander Hamilton, 69, 77
Alfonso de Albuquerque, 10, 13, 16, 17, 53, 98, 240, 272, 328
Ali Manu Nayan, 315, 319, 326
Amsterdam, 22
Andalas, 79
Andaya, L.Y., 71, 78, 145
Arab, pedagang, 246, 296
Arkat, 244
Aru, 43, 60, 113, 190, 193, 237, 315
Aristide Mare, 23,
Asahan, 9
Asia Barat, 250
Asia Tenggara, 335, 338, 342
Awi Dicu, 169
Ayuthia, 188, 190, 348

Bahasa Melayu, 275
Banda, 250
Bandar Hilir, 2, 310
lihat juga Iler
Barat, 4, 14
Bangsawan Melaka, 10
Barbosa, Duarte, 241, 251, 265
Batang Hari, 73, 141, 345, 364
Batavia, 20
Batu Bahara, 358
Batu Bersurat Terengganu, 219
Batu Pahat, 169, 293
Belanda, 19
Bendahara, 4, 39, 125, 129, 142, 146, 167, 253, 280, 284
Bendahara Lubuk Batu, 51, 289
Bendahara Paduka Raja, 121, 126
Bendahara Seri Maharaja, 41, 46, 54, 281, 294, 319
lihat juga Tun Mutahir
Bendahara Tepok, 168
Benggala, 246, 250
Benggali, 315
'Benggali Putih', 16
Bengkalis, 245
Bentan, Pulau, 56, 131, 190, 195, 286
Bentara, 143, 285, 290
Bentayan, 103,
Berg, C.C., 335
Bernam, 190, 193, 244
Bertam, 143, 283, 329
Beruas, 50, 190, 192, 193, 244, 293, 359
Besut, 341, 359
Betawi, 91
lihat juga Jakarta
Biduanda Kecil, 144
Bima, 250
Blagden, C.O., 28
Borneo, 59, 80, 261
Borneo Selatan, 80, 340
Bottoms, J.C., 66
Boxer, 246
Braz de Albuquerque, 14, 241
Brown, C.C., 22
Brunei, 10, 43, 60, 192, 241, 340
Buddha Padmapani, 355
Bugis, 5, 367
Bukit Batu, 52

Bukit Cina, 316
lihat juga Kampung Cina
Bukit Melaka, 167
Bukit Siguntang Mahamiru, 29, 57, 59, 79, 284, 358
Burma, 248, 342
Buru, 60, 288
Bustan' us-Salatin, 27, 30, 111
Buyong Adil, Haji, 78

Cambay, pelabuhan, 247, 255
Campa, 317
Cau Seri Bangsa, 51
Ceribon, 249
Ceritera Asal Raja-Raja Melayu Punya Keturunan, 37, 99, 103, 314
Ceteria, 143, 285, 290
Ceylon, 247, 254
Chaquem Darxa, 110
lihat juga Parameswara
Che-li-fo-che, 345
lihat juga Sriwijaya
Cheng Ho, 11, 12
Ch'ih-t'u (Tanah Merah), 341, 359,
China, 11, 242, 248, 333
Chola, 346, 361
Cik Pong, 65, 68, 87
Citaram Syah, 36
Clains, 195
Coedes, G., 334, 335, 341, 344
Collectania Malaica Vocabularia of Maleische Woordboeksameling, 20, 99
Collection Des Principales Chroniques Malayes, 22
lihat juga Sejarah Melayu
Collingwood, R.G., 78
Commenda, 262, 264
Cruzados, 245, 246
Custom and Law, 253

Daeng Mempawah, 30, 35
lihat juga Hang Tuah
Daeng Parani, 72, 73, 88
Dagh Register Belanda, 135
Daman, pelabuhan, 247
Dang Bunga, 294
Dang Dibah, 294
Datuk Bongkok, 133, 286, 324
lihat juga Tun Hamzah
Datuk Seri Bija Wangsa, 87
Daulat, 278–280

de Araujo, Ruy, 245, 251
de Asia, 13, 16, 265
de Barros, Joao, 10, 13, 16
de Brito, R., 246, 248, 251
de Casparis, J.G., 335
de Eredia, Manuel Godinho, 10, 14, 17, 121, 241, 272
de Graff, H.J., 334
de Jong, Josselin, 119
de Menesses, Francisco de Sa, 16,
de Raja, Regimo, 331
Decada, 14, 17
Declaracam de Malacca, 241
Deli, 358
Demak, 249, 340
Demang Lebar Daun, 42, 54, 79, 159, 276
Description of Malacca, Meridional India and Cathay, 14, 241
lihat juga Declaracam de Malacca
Dewa Mahalakshmi, 291
Dianne Lewis, 70, 73, 77
Dinasti Ayuthia, 347
Dinasti Han, 335, 342
Dinasti Liang, 343
Dinasti Ming, 11, 312, 341
Dinasti Palembang, 361
Dinasti Sui, 341
Dinasti Sung, 341, 343, 346, 360
Dinasti Tang, 335, 341, 344, 345
Dinasti Yuen, 347
Dinding, 190
Dipati Batu Kucing, 88
Diu, pelabuhan, 247
do Couto, Diogo, 14, 17
Drewes, G.W.J., 220
Dulaurier, Edouard, 22, 26
Duyung, 5, 10

Ekspedisi *Pa-Malayu*, 347
Empat Lipatan Pembesar, 129, 131
Empayar Johor-Riau, 353
Empayar Melaka, 84, 276
'Emporium Melayu', 237
Encik Apong, 59
lihat juga Cik Pong
Encik Yahaya, 90
Entrepot, perdagangan, 252–254
Eropah, 247, 339

Fansur, 363
Fei Hsin, 11, 242, 243
Filipina, 254

Flores, 250
Francois Valentyn, 20, 272
Funan, 342, 349

Gajah I Kepayang, 44
Gangga Negara, 359
Ganggayu, 359
Gerahi, 344
Gibson-Hill, C.A., 28, 242
Giri, 340
Gluckman, Mac, 198
Go-Oc-Eo, 342
Goa, 28, 30
Golongan pedagang dan pengusaha, 299–300
Gores, 246
Grisek, 249, 250, 340
Groeneveldt, W.P., 12, 295
Gugusan Kepulauan Melayu, 14, 189, 254, 255, 266, 335, 338
Gujerat, 245
Gunung Ledang, 44

Hai Yu, 311
Hall, D.G.E., 335
Hamba, 277, 296-298
Hang Berkat, 48
Hang Husin Jong, 47
Hang Isa Pantas, 47
Hang Isap, 47, 113
Hang Jebat, 37, 154, 353
Hang Kasturi, 36, 54, 280, 353
Hang Li Po, 120, 188, 312
Hang Nadim, 41, 48, 52, 287, 301
Hang siak, 113
Hang Tuah, 5, 148, 280, 287, 301
Hikayat Acheh, 19, 355
Hikayat Hang Tuah, 8, 9, 10, 37, 64, 249, 280
Hikayat Johor, 31, 32, 64
Hikayat Malim Dagang, 279
Hikayat Patani, 19, 64
Hikayat Raja Akil, 23, 32, 58
lihat juga Hikayat Siak
Hikayat Raja-Raja Pasai, 19, 305, 355
Hikayat Riau, 80
Hikayat Seri Rama, 355
Hikayat Siak, 23, 58, 59, 352, 355
Hindu, 283
Hindu-Buddha, 155, 335, 355
History of Sumatera, 21
Hormuz, 255
Hsing-cha Sheng-lan, 11
Hughes, T.D., 76
Hukum Kanun Melaka, 5, 101, 163, 166, 174, 183, 201, 204, 223, 233–235, 294
Hukum Undang-Undang Laut, 201
lihat juga Undang-Undang Laut Melaka
Hulu Melaka, 46
Hulu Muar, 103
Hulubalang, 143, 285, 290
Hulubalang Besar, 129, 130, 143, 178, 285
lihat juga Seri Bija Diraja

Iler, 265, 310
Ilmu astrologi Hindu Sanskerta, 291
Inderagiri, 60, 190, 244, 288, 358
India, 28, 247, 249, 254, 333, 339, 343
India Selatan, 303, 342
India Utara, 315
Indonesia, 3, 79, 334
Inilah Cetera Raja Iskandar Dzulkarnain, 282, 355
Iskandar Muda Mahkota Alam Syah, 33
Iskandar Syah, 16, 106, 274
lihat juga Parameswara
Iskandariah, pelabuhan, 247
Islam, kesan terhadap masyarakat Melaka, 303–309
Itali, 339

Jakarta, 22
Jalaluddin, Maulana, 315
Jambi, 9, 29, 73, 107, 237, 238
Japara, 249
Jawa, 18, 249, 333, 345
Jawa Barat, 265
Jawa Majapahit, 348
Jawa Tengah, 345
Jawa Timur, 340, 345
Jayanasa, 344
Jeddah, 247
Jepun, 246, 254
Jeram, 120
Johor, 10, 23, 29, 341, 359, 370
Johor Lama, 104, 105, 349, 352, 358
Johor-Riau, 60, 84, 349, 358
Jugera, 193
Jurubatu, 267
Jurumudi, 299

Kadi Menawar, 182, 307
Kadi Yusoff, 182

Kalingga, 245
Kampar, 39, 56, 60, 105, 190, 285, 293
Kampuchea, 342
Kampung Cina, 316
Kampung Jawa, 316
Kampung Keling, 120, 271, 316
Kan Da-li, 107
lihat juga Sriwijaya
Kan-t' o-li, 342, 343, 349, 352
Kapitan China, 312
Karim al-Makhdum, 307
Kartanagara, 346
Kataha, 342
Katuha, 155
Kedah, 3, 90, 190, 244, 261, 342
Kediri, 340, 345, 349
Kedukan Bukit, 344
Kegiatan perdagangan, 236–237
eksport lada ke Minangkabau, 244
hamba dari Palembang, 245
hubungan perdagangan pada abad ke-15 dan ke-16, 245
kain belacu dari Gujerat dan Kalingga, 245
perdagangan abad ke-15, 242–244
Kelang, 193, 195, 244, 358
Kelantan, 50, 190, 341, 342, 359
Kementerian Pendidikan Malaysia, 95
Pusat Perkembangan Kurikulum dan Biro Buku Teks, 100
Kepulauan Liu Kiu, 246
Kepulauan Maluku, 250, 266
Kepulauan Rempah, 249, 250
Kepulauan Riau-Lingga, 367
Keringkasan Sejarah Melayu: Jadual dan Salasilah, 354
Kesultanan Johor-Riau, 31, 334
Kesultanan Melayu Johor, 217
Kesultanan Melayu Melaka, 9, 13, 17, 23, 39, 55, 79, 128, 316, 367
Ketua Keamanan Negeri, 286
Khawaja Baba, Laksamana, 185, 293, 301
Khawaja Hassan, Laksamana, 41, 44, 287, 315, 323
Khidir, Nabi, 355
Kini Mertam, 317
Kitab Peraturan Pelayaran, 201
lihat juga Undang-Undang Laut Melaka
Kitab Undang-Undang, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Kitul, 45, 46, 314, 320
Kiwi, 258-259, 264, 299
Klang Kio, 359
Klinkert, H.C., 22
Ko-lo, 342
Konsep tiga bidadari, 291
Kopak, 56
Koromandel, 246, 250
Kota Mahligai, 51
Kraeng Semarluki, 293
Krishna Pendeta, 79
Krom, J.J., 335
Kuala Kesang, 189
Kuala Linggi, 189, 193, 296
Kuala Lumpur, 23
Kuala Penajuh, 271
Kuala Sayung, 79
Kuasa pesisir, 3
Kublai Khan, 347
Kundur, 60, 195
Kyai Terambulum, 316

Laksamana, 4, 5, 40, 44, 128, 131, 271
Langat, 120
Langkasuka, 236, 237, 341, 342, 259
Laut China Selatan, 342, 344, 345, 346, 357, 359
Laut Jawa, 361
Laut Singapura, 145
Legur, 51
Leiden, 36
Leyden, John, 22, 25
Ligor, 342
Linehan, W., 28
Lingga, 10, 146, 195
Lisbon, 14, 17
Lo-Yuen, 341, 359
Lucoa (Luzon), 331

Ma Huan, 11, 12, 239, 242, 273
Macedonia, 282
MacGregor, I.A., 14
Madjoindo, Datuk, 22
Maharaja Dewa Sura, 51,
Maharaja Permaisura, 193
Maharaja Yung-lo, 12, 188
Majapahit, 53, 108, 138, 196, 279, 345
Makassar, 30
Malai, 195
Malakat, 12, 273
lihat juga Melaka

Malaysia, 79, 334, 338, 367
Manchester, 36
Mani Purindan, 34, 314, 320, 321
Manjong, 50, 244
Manuel de Faria Y. Souza, 362
Marco Polo, 338, 363
Masyarakat Melaka, 272–276, 292
Maula Kiwi, 258–259, 264, 299
Mazhab Syafie, 8
Megat Iskandar Syah, 12, 96, 98, 110, 138, 148, 189, 364
lihat juga Raja Besar Muda
Megat Kudu, 60, 193
lihat juga Sultan Ibrahim,
Megat Seri Rama, Laksamana, 65, 155, 353
Meilink-Roelofsz, 179, 251, 271
Mekah, 247, 267
Melaka, 3, 10, 13, 60, 237
Melayu-Minangkabau, 79
Mendelika, 289
Mengkasar, 294
Menteri, 277, 285
Menteri Empat, 149
Merba, 43, 195
Mia Ruzul, 314
Miasam, 315
Minangkabau, 346
Ming Shih, 11
Ming Shih-lu, 11, 98
Misa Melayu, 64
Meons, J.L., 334
Mohd Dahlan Mansoer, 105, 107, 137
Mohd. Taib Osman, 106, 204
Monggol, 346
Muar, 147, 271, 274, 278
Muara Batang Hari, 79, 345
lihat juga Batang Hari
Muara *Sabak*, 345
Muara Sebak, 345
lihat juga Muara *Sabak*
Muhammad Kabungsuan, 307, 308
Muhammad Yamin, 334
Mulaqah, 12, 273
lihat juga Melaka
Munsyi Abdullah, 22, 25
Muzium Pusat Jakarta, 32

Naina Chatu, 314, 326
Naina Isahak, 185, 293, 314
Naina Sura Dewana, 45, 314, 315
Nakhoda, 253, 259, 299
Nakhoda Pekok, 88
Nakhon si-Tammarat, 342
lihat juga Ligor
Nan Yang, 189
Netscher, E., 37
Ng Poerbatjaraka, R.M., 335
Nuruddin ar-Raniri, Syeikh, 27, 97, 111, 118
Nusantara, 3, 4, 14, 17, 79, 246, 248, 275, 332
Nusyruan Adil, 282

Okya Tejo, 169
lihat juga Awi Dicu
Orang Asing, 310–319
Orang Kaya, 69, 143, 277, 285
Orang Laut, 71, 131, 140, 176, 237, 244, 274, 292, 342, 345, 352
Ormuz, 247
Oud en New Oast-Indien, 20

P'an P'an, 342
Paduka Ahmad, 312
Paduka Isap, 312
Paduka Mimat, 281, 300, 312
Paduka Seri China, 120, 300, 312
Paduka Tuan, 50, 288
Pagar Ruyung, 73, 85, 346
Pagoh, 103
Pahang, 10, 28, 51, 190, 192, 359, 370
Palembang, 9, 23, 39, 73, 137, 186, 237, 238, 242, 274
Pancor, 195
Parameswara, 39, 98, 109, 110, 137, 142, 145, 242, 361
Parameswara Dewa Syah, 100, 104, 321
lihat juga Raja Ibrahim
Pararaton, 66
Parsi, pedagang, 246
Pasai, 107, 190, 194, 237, 245, 248
Pasir Raja, 31, 58
Patani, 50, 51, 190, 245, 342
Patih Acoo, 316
Patih Adam, 249, 302, 315
Patih Gajah Mada, 108
Patih Kadir, 249, 320
Patih Quidir, 331, 363
lihat juga Patih Kadir
Patih Unus, 363
lihat juga Patih Yunus
Patih Yunus, 249, 320
Patih Yusoff, 249

Pedir, 245, 248
Pegu, 248, 329
Pekan Baru, 10
Pelabuhan Jawa Utara, 3, 241, 261
Pelabuhan Sunda, 261
Pembesar Empat, 130, 148, 167, 172
Penambahan Sikudana, 59
Penarikan, 56
Penghulu Bendahari, 4, 129, 146, 150, 172, 237, 279, 284
Penurunan Segala Raja-Raja, 20, 99
Perak, 190, 359
Perancis, 19
Perdana Menteri, 143, 146
Perjanjian Inggeris-Belanda 1824, 359
Perlak, 107, 237, 363
Perpustakaan Koninklijk Instituut Leiden, 36
Perpustakaan Muzium Pusat, 58
Perpustakaan Royal Asiatic Society, 31, 36, 37
Perpustakaan Universiteit Bibliotheek, 58
Persekutuan Tanah Melayu, 367
Phongsawadan Muang Trangganu, 358
Pigeaud, T.D., 220
Pitono Hardjawardojo, 66
Pohon Amalaka, 12
lihat juga Melaka
Portugal, 4
Portugis, 11, 14, 241, 287
Pulau Bangka, 344
Pulau Ryukyu, 310
Pulau Timor, 250
Pulau Tioman, 359
Purinam, 244
Purjm, 192
Puteri Galuh, 119
Puteri Gunung Ledang, 43, 44
Puteri Jenilen, 73, 85
Puteri Onang Kening, 50

Quintal, 245, 263

Raden Digelang, 119, 120
lihat juga Raden Kelang
Raden Galuh Cendera Kirana, 124, 313
Raden Kelang, 119, 120, 300, 313
Raffles, T.S., 25, 361, 362
"Rahap", 50
Raja Abdul Jalil Syah, 65
Raja Abdullah, 313
lihat juga Sultan Mansor Syah
Raja Ahmad (Raja Besar Muda), 126
Raja Ahmad (Sultan Ahmad Syah), 43, 50, 115
Raja Alam, 80
Raja Ali Haji, 63, 67
Raja Anum ibnu Raja Akil, 91, 146
Raja Besar Muda, 148, 364
Raja Bongsu, 29, 31, 33
Raja Bujang, 80
Raja Hassan, putera Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Syah II, 61
Raja Hussain, 39, 115, 126, 313
lihat juga Sultan Alauddin Riayat Syah I
Raja Ibrahim, 80, 100, 281, 320
lihat juga Sultan Abu Syahid
Raja Indera Bongsu, 87
Raja Inderagiri, 122
Raja Iskandar, 279
Raja Kampar, 47
Raja Kassim, 281, 313, 320, 321, 322
lihat juga Sultan Muzaffar Syah
Raja Kecil, 58, 72, 351
Raja Kecil Besar, 111, 148, 189, 365
lihat juga Sultan Muhammad Syah
Raja Kecil Muda, 146
Raja Mahmud, 313
lihat juga Sultan Mahmud Syah
Raja Menawar Syah, 39, 40, 120, 281
Raja Mendeliar, 45, 46, 302, 314, 315, 319, 326
Raja Muda, 280
Raja Mudzaffar, 50
Raja Muhammad, 39
lihat juga Sultan Mahmud
Raja Negara, 145, 361
Raja Perempuan Melaka, 300
Raja Permaisura, 60
Raja Pute, 313, 323
Raja Raden, 116, 120, 126, 281, 324
lihat juga Raden Kelang
Raja Sulaiman, 89
Raja Tua, 41
Raja Zainal, putera Sultan Mahmud, 48
Ramayana, 287
Randir, pelabuhan, 247
Rassers, E.H., 220
Ratu di Kelang, 119, 120
Ratu Majapahit, 148
Rawas, 73
Rembau, 358

Rembang, 340
Report on the Golden Chersonese, 14
Riau, 10, 37
Riau-Lingga, 190, 244
Risalat Hukum Kanun, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Rokan, 60, 190, 195, 244, 358
Roolvink, R., 7
Roufaer, G.P., 97
Royal Asiatic Society London, 31
Rupat, 190, 195

Sabac, 310
Sadar Jahan, Maulana, 53, 307, 327
Sam Agy Palimbao (Sang Aji Palembang), 107
lihat juga Parameswara
Samudera, 107, 237
San-fo-che, 345
lihat juga Sriwijaya
Sang Nila Utama, 107, 108
Sang Rajuna Tapa, 42, 143, 153, 279, 353
Sang Sapurba Taram Seri Tri Buana, 42, 79, 159, 276
Sang Setia Tetayan, 44, 134, 286
Sarapung, 60, 195
Sartono Kartodhirdjo, 335
Sawang, 195
Sayyid Abdul Aziz, 182, 307
Sayyid Ahmad, 293
Sayyid Muhammad, 301
Sedarah Sedenyut Nadi, 81
Segenting Kra, 336
Sejarah Johor, 78
Sejarah Melayu, 4, 5, 7, 12, 16, 19, 20, 21, 112
Cod. Or. 631, 36
Cod. Or. 1703, 36
Cod. Or. 1716, 26, 36
Cod. Or. 1736, 36
Cod. Or. 3198, 37
Cod. Or. 3199, 117
Cod. Or. 3210, 36
KBG 188W, 36
KBG 190W, 36
KBG 191W, 58
Le Sadjaret Malayou, 23
Malaio annals, 17
Maxwell 26, 36
Maxwell 105, 37
Raffles MS. 18 (1536), 6, 20, 21, 24, 97, 101, 113, 281, 313, 324
Second Romanised Edition, 22
Shellabear (1612), 6, 22, 24, 97, 101, 113, 313, 328
The Malay Annals: Translated from The Malay Language, 21, 23
Sejarah Raja-raja Melayu, 32
lihat juga Tuhfat al-Nafis
Selangor, 190, 244, 358, 359
Selat Bulang, 56
Selat Melaka, 59, 60, 79, 86, 107, 237, 244, 333, 335, 342, 346
Selat Singapura, 347, 359
Selat Sunda, 338, 344
Semenanjung Arab, 251, 275
Semenanjung Tanah Melayu, 17, 60, 90, 95, 190, 219, 289, 335, 341, 343, 359
Semenanjung Vietnam, 335, 343
Semerluki, 197
Senggora (Songkhla), 342
Sening Hujung, 143
Seri Amar Diraja, 146, 280
Seri Bija Diraja, 40, 46, 128, 130, 131, 148, 284, 349
Seri Bijaya Wangsa, 89, 351
Seri Dewa Raja, 43, 47, 308
Seri Maharaja, 40, 128, 189, 320
lihat juga Sultan Muhammad Syah
Seri Nara Diraja, 39, 146, 284, 321
Seri Teri Buana, 282, 358
lihat juga Sang Nila Utama
Seri Wak Raja, Bendahara Melaka yang pertama, 133, 146, 168
Seri Wangsa Diraja, 50
Shahrom Hussain, 78
Shellabear, W.G., 6, 23, 26, 28, 34
Shiva, 355
Shrieke, B.J.O., 3, 334
Siak, 60, 190, 244, 293
Siam, 248
Siantan, 288
Sida-sida, 143, 285
Silsilah Melayu dan Bugis, 355
Singapura, 39, 106, 190, 237, 274, 351, 362
Singosari, 340, 345, 349
Sistem Empat Lipatan Pembesar, 149, 284, 288
Situmorang, T.D., 22, 119
Slamet Muliyono, 334
Soelalet Essalatina or The Geneology of the Kings of the Malay Coast and of

Malacca, 20
Sribuza, 107, 345
lihat juga Sriwijaya
Sriwijaya, 137, 139, 187, 236, 237, 242, 342, 346
Stutterheim, W.F., 335
Suir, 195
Sukhotai, 347
Sulalat'l Salatina, 99
lihat juga Penurunan Segala Raja-Raja Sulalatus Salatin, 20, 21, 23, 34, 64
lihat juga Sejarah Melayu
Sulaiman, Nabi, 355
Sulawesi, 5, 250, 340
Sulawesi Selatan, 28
Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah, 354
lihat juga Raja Kecil
Sultan Abdul Jalil Riayat Syah III, 69
Sultan Abdul Jalil Riayat Syah IV, 61
lihat juga Bendahara Abdul Jalil
Sultan Abdul Jamil, 44, 51
Sultan Abdullah, 31
lihat juga Raja Bongsu
Sultan Abdullah Maayat Syah, 69
Sultan Abu Syahid, 100, 315, 320
Sultan Ahmad, putera Sultan Mahmud, 39, 281, 327
Sultan Alauddin Riayat Syah I, 61, 113, 120, 263, 275, 281, 313
Sultan Alauddin Riayat Syah II, 281
Sultan Alauddin Riayat Syah III, 55, 57, 58, 68, 82
Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Syah II, 61
Sultan Ibrahim Syah, 60, 69
Sultan Mahmud, Pahang, 42, 50
Sultan Mahmud Syah (Marhum Kampar), 15, 39, 48, 49, 286, 300
Sultan Mahmud Syah II (Marhum Mangkat Dijulang), 58, 59, 68, 80, 101, 351
Sultan Mansor Syah, 5, 49, 60, 113, 114, 129, 159, 263, 294
Sultan Muda, 281
Sultan Muhammad Syah, 5, 128, 147, 189, 314, 320, 365, 368
Sultan Muzaffar Syah, 16, 133, 263, 314, 365, 366
Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah ibnu Sultan Abdul Jalil Syah, 85
Sultan Zainal Abidin, 193
Sulu, 340
Sumatera, 9, 29, 338, 348
Sumatera Timur, 10
Sumatera Utara, 363
Sumbawa, 250
Sumber asing, tentang tradisi persejarahan Melaka, 4, 11, 273
Sumber China, tentang tradisi persejarahan Melaka, 4
Sumber tempatan, tentang tradisi persejarahan Melaka, 4, 273
Sunan Bonang, 308
Sunan Giri, 308
Sunda Kelapa, 249
Sungai Johor, 359
Sungai Mekong, 342
Sungai Melaka, 317, 364
Sungai Muar, 56
Sungai Raya, 288
Sungai Riau, 58
Sungai Sabak, 364
Sungai Sunda, 338
Sungai Terengganu, 342
Sungai Ujung, 288
lihat juga Sening Hujung
Suntai, 195
Surabaya, 340
Surat, pelabuhan, 247
Surat Hukum Kanun, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Surat Undang-Undang, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Syah Andika Menteri, 301
lihat juga Sayyid Muhammad
Syah Indera Berma, 317
Syahbandar, 129, 239, 253, 270
Syair Perang Mengkasar, 64
Syair Perang Siak, 73, 74
Syair Sultan Maulana, 64
Syarikat Hindia Timur Belanda (V.O.C.), 77
Syed Muhammad Naquib Al-Attas, 220

Talang Tuo, 344
Tan Tan, 341, 359
Tanjopacer, 310
Tanjung Bemban, 79
Tanjung Keling, 283, 316
Tanjung Pura, 261
Tambralinga, 342
Tasik Tonle, 342

Tauhid Islam, 291
Tavares, Captain J., 76
Tawarikh Johor, 78
Teeuw, A.E., 22, 119
Telaga Batu, 344
Telubin, 342
Teluk Benggala, 262, 342, 343, 357
Teluk Siam, 343
Temasik, 106
lihat juga Singapura
Temenggung, 129, 253, 286
Temenggung Hassan, 326
Temenggung Seri Udani, 54
Tenasserim, 266
Tengku Anum, 59
Tengku Kamariah, 89
Tengku Said ibnu Raja Akil, 83
Tengku Tengah, 89
Terengganu, 190, 359, 370
Teuku Iskandar, 64
The Book of Duarte Barbosa, 241
The cabaees, 10
The Conquest of Malacca, 17
The Commentaries of the Great Alfonso Dalboquerque, 13, 16, 241
The Dutch East India Company and the Straits of Malacca, 77
The History of Johor (1365–1800), 77
The Kingdom of Johor 1641–1728, 77
The Maritime Laws of Malacca, 202
lihat juga Undang-undang Laut Melaka
The Suma Oriental, 4, 13, 14, 15, 42, 49, 240, 245
Timbalan Ketua Hakim, 286
Timbalan Laksamana, 131
Timur Jauh, 247
Timur Tengah, 333, 339, 343
Tome Pires, 4, 9, 13, 15, 49, 98, 239, 240, 254, 288
Trenquera, 310
lihat juga Upeh
Tuan Bujang, 73, 87
lihat juga Raja Kecil
Tuban 249, 265, 340
Tuhfat al-Nafis, 19, 30, 67, 80, 102, 355
Tun Abdul, 315
Tun Abdul Jamil, 351
Tun Abu Isahak, 289
Tun Ali, 130, 132, 286, 314, 320, 322, 327
Tun Ali Hati, 26, 29, 36
Tun Ali Sandang, 43
Tun Aria Bija Diraja, 50, 134, 192
lihat juga Raja Beruas
Tun Besar, 323
Tun Biajid, 42, 43, 301
Tun Bija Sura, 288
Tun Dewi, 43
Tun Fatimah, 45, 46, 57, 281, 294, 300
Tun Hamzah, 54, 133, 286, 289, 315
Tun Hassan, 175, 286, 314
Tun Hussein, 280
Tun Indera Segara, 46
Tun Iram Sendari, 43
Tun Isap, 43, 47, 299
Tun Jana Bunga Dendang, 143
Tun Jana Pakibul, 60
Tun Kerutup, 133, 134, 286, 324
Tun Mai Ulat Bulu, 54
Tun Kudu, 168, 294, 322
Tun Mamat, 44, 289
Tun Manda, 315
Tun Muhammad, ahli saraf dan nahu Islam, 182
Tun Muhammad, Orang Kaya, 53, 308
Tun Mutahir, 41, 161, 263, 264, 286, 296, 299, 300, 315, 324
Tun Nara Wangsa, 34
Tun Perak, 41, 113, 133, 156, 168, 286, 289
Tun Perpatih Besar, 146
Tun Perpatih Permuka Berjajar, 143, 146
Tun Perpatih Permuka Segalar, 143
Tun Perpatih Putih, 41, 168, 170, 322, 324
Tun Perpatih Sedang, 169, 172
Tun Perpatih Tulus, 143
Tun Pikrama, 169
Tun Sabariah, 301
Tun Salehuddin, 327
Tun Senaja, 39, 175, 323, 327
Tun Seri Lanang, 4, 33, 34, 42, 118, 123
Tun Sirah, 294, 301, 315
Tun Sun, 342
Tun Sura Diraja, 46
Tun Tahir, 173
Tun Teja, 10, 301
Tun Teja Ratna Benggala, 44, 52
Tun Tempurung Gemerentak, 143
Tun Umar, 47, 54
Tungkal, 60, 192, 244
Turki, pedagang, 246
Turunan Asal Raja-Raja Gowa, 19

Ujung Pandang, 31

lihat juga Ganggayu
Ujung Pasir, 310
lihat juga Tanjopacer
Ulama Khurasan, 53
Ulama Mawaran-Nahar, 53
Umayyah, khalifah, 345
Undang-Undang Brunei, 218
Undang-Undang Darat Melaka, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Undang-Undang Johor, 217
Undang-Undang Laut Melaka, 5, 6, 181, 223, 237, 269
Undang-Undang Melaka, 5, 6, 7, 13, 148, 169, 210, 237, 242
Undang-Undang Melayu, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Undang-Undang Negeri dan Pelayaran, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Undang-Undang Pahang, 218
Undang-Undang Pebian Melaka, 5, 202
Undang-Undang Raja Melaka, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Undang-Undang Sultan Mahmud Syah, 201
lihat juga Hukum Kanun Melaka
Upang, 195
Upeh, 265, 310, 331
Utamutarraja, 249, 316, 329, 330
Utimuti Rajah, 363
lihat juga Utamutarraja

Venice, pelabuhan, 247, 339
Victor Purcell, 312
Vorm, van der, Petrus, 20, 99

Wadhapura, 342, 358, 364
Wake, C., 97, 105
Walter de Gray Birch, 14
Wan Empuk, 79
Wan Malini, 79
Wan Sendari, 79
Wang Gungwu, 11, 97, 137, 242
Wheatley, Paul, 124, 137, 325, 331, 335
Wilkinson, R.J., 97, 201
William Marsden, 21, 22
Winstedt, R.O., 6, 20, 97, 287
Wolters, O.W., 105, 106, 137, 335

Yam Tuan Sakti, 87
Ying-yai Sheng-lan, 11, 12, 273
Yusof, Maulana, 52, 307

Zabag, Maharaja, 345

24 DEC. 1988